Kitab Suci

Zabur dan Injil

✸

MyKitabSuci

Zabur dan Injil

Hak cipta terpelihara © 2008, 2013 Pengamat Kitab Mulia

Daftar Kandungan

Kitab Suci Zabur

Jilid 1
Jilid 2
Jilid 3
Jilid 4
Jilid 5

Kitab Suci Injil

Matius
Markus
Lukas
Yahya
Kisah Para Rasul
Rom
1 Korintus
2 Korintus
Galatia
Efesus
Filipi
Kolose
1 Tesalonika
2 Tesalonika
1 Timotius
2 Timotius
Titus
Filemon
Ibrani
Yakobus
1 Petrus
2 Petrus
1 Yahya
2 Yahya
3 Yahya
Yuda
Wahyu

Zabur Jilid 1

1 [1] Diberkatilah orang
yang tidak berjalan menurut bimbingan orang zalim
atau berdiri di jalan
orang berdosa
atau duduk di kerusi orang yang mengejek.
[2] Tetapi dia bersukacita dengan
hukum TUHAN,
dan merenung hukum-Nya siang dan malam.
[3] Dia seperti pohon yang
ditanam di tepi perairan,
yang menghasilkan buahnya pada musimnya
dan daunnya tidak layu.
Apa sahaja yang dilakukannya berjaya.
[4] Tidak demikian orang zalim!
Mereka seperti sekam
yang dilayangkan angin.
[5] Oleh itu orang zalim
tidak akan bertahan dalam penghakiman,
begitu juga orang berdosa dalam perhimpunan
orang benar.
[6] Kerana TUHAN menaungi
jalan orang benar,
tetapi jalan orang zalim akan binasa.

2 [1] Mengapakah bangsa-bangsa
berpakat dan kaum-kaum berkomplot dengan sia-sia?
[2] Raja-raja bumi ini
menegakkan pendirian
dan para pemerintah bermuafakat
untuk melawan TUHAN
dan melawan Dia yang diurapi-Nya,
[3] Mereka berkata,
‘Mari kita putuskan rantai pengikat mereka,
dan buangkan
belenggu mereka.’
[4] Dia yang bertakhta di
syurga tertawa;
TUHAN mencemuh mereka.

[5] Kemudian menegur mereka dalam kemarahan-Nya
dan menakutkan mereka dalam kemurkaan-Nya, sambil berfirman,
[6] ‘Aku telah menabalkan
Raja-Ku di atas Sion,
bukit suci-Ku.’
[7] Aku akan mengisytiharkan firman TUHAN:
Dia berkata kepadaku,
‘Engkau Putera-Ku;
Pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.
[8] Mintalah daripada-Ku,
Aku akan menjadikan segala bangsa warisan-Mu,
dan setiap pelosok bumi milik-Mu.
[9] Engkau akan memerintah mereka dengan tongkat besi;
dan menghancurkan mereka seperti tembikar.’
[10] Oleh itu, hai kamu raja-raja, bijaksanalah;
berhati-hatilah, kamu para pemerintah bumi.
[11] Layanlah TUHAN dengan
rasa takut
dan bersukacitalah
dengan gementar.
[12] Ciumlah Putera itu, jangan sampai Dia marah
lalu kamu dibinasakan
di jalan,
kerana kemurkaan-Nya
mudah bermarak.
Diberkatilah semua orang yang bernaung kepada-Nya.

3 *Mazmur Daud ketika dia melarikan diri daripada anaknya Absalom.*

[1] Ya TUHAN, betapa ramainya musuhku!
Betapa ramai yang bangkit melawanku!
[2] Ramai yang berkata tentangku,
‘Allah tidak akan menyelamatkannya.’
[3] Tetapi Engkau adalah perisai melindungiku, Ya TUHAN;
Engkau mengurniakan kemuliaan dan mengangkat kepalaku.
[4] Kepada TUHAN aku
berseru lantang,
dan Dia menyahut seruanku dari bukit suci-Nya.
[5] Aku baring dan tidur;
aku terjaga semula, kerana TUHAN memeliharaku.
[6] Aku tidak akan takut kepada puluhan ribu yang bersiap sedia melawanku dari
setiap pihak.
[7] Bangkitlah, Ya TUHAN!

Selamatkanlah aku,
Ya Allah Tuhanku!
Palulah semua musuhku di tulang rahang mereka;
patahkanlah gigi orang zalim.
8 Daripada TUHAN datang penyelamatan.
Semoga Engkau memberkati umat-Mu.

4 *Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan alat-alat muzik bertali. Mazmur Daud.*
1 Jawablah apabila aku berseru kepada-Mu,
Ya Allah Tuhanku
yang benar.
Kurangkan penderitaanku;
kasihanilah aku dan
dengar doaku.
2 Berapa lamakah, hai manusia, kamu akan terus menjadikan kemuliaanku satu keaiban?
Berapa lamakah kamu
akan mencintai bayangan maya dan mencari tuhan-tuhan palsu?
3 Ketahuilah, TUHAN telah memilih orang yang warak untuk diri-Nya;
TUHAN akan mendengar apabila aku berseru
kepada-Nya.
4 Dalam kemarahanmu janganlah melakukan dosa;
ketika di tempat tidurmu,
sorotilah hatimu dalam senyap sepi.
5 Persembahkan korban-korban yang benar dan percayalah kepada TUHAN.
6 Ramai yang bertanya, ‘Siapa dapat menunjukkan kita kebaikan?’
Sinari kami dengan cahaya wajah-Mu, Ya TUHAN.
7 Engkau telah memenuhi hatiku dengan kegembiraan
lebih daripada ketika biji-bijian dan air anggur baru mereka mewah melimpah.
8 Aku akan berbaring dan tidur dalam sejahtera,
kerana hanya Engkau,
Ya TUHAN,
membolehkan aku tinggal dalam selamat.

5 *Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan seruling. Mazmur Daud.*
1 Dengarlah kata-kataku,
Ya TUHAN,
pertimbangkan keluhanku.
2 Dengarlah jeritanku
meminta tolong,
wahai Rajaku dan
Allah Tuhanku,
kerana kepada-Mu
aku berdoa.

[3] Pada waktu pagi, Ya TUHAN, Kaudengar suaraku;
pada waktu pagi kulafazkan permohonanku ke
hadirat-Mu lalu menanti dengan harapan.
[4] Engkau bukanlah Allah yang suka akan kejahatan;
dengan-Mu orang zalim tidak dapat tinggal.
[5] Orang angkuh tidak dapat berdiri di hadirat-Mu;
Engkau benci akan semua yang berbuat jahat.
[6] Engkau membinasakan orang yang berdusta;
orang yang suka menumpahkan darah dan memperdaya
dibenci oleh TUHAN.
[7] Tetapi aku, dengan limpah belas kasihan-Mu,
akan masuk ke rumah-Mu;
dengan sepenuh hormat aku akan tunduk
ke arah rumah ibadat-Mu yang suci.
[8] Pimpinlah aku, Ya TUHAN, dalam kebenaran-Mu
kerana musuh-musuhku —
luruskanlah jalan-Mu di hadapanku.
[9] Tiada sepatah kata pun daripada mulut mereka dapat dipercayai;
hati mereka dipenuhi pembinasaan.
Kerongkong mereka seperti kubur terbuka;
lidah mereka menuturkan tipu daya.
[10] Isytiharkan mereka bersalah, Ya Allah!
Biarkan pakatan sulit mereka menjatuhkan mereka.
Singkirkan mereka kerana dosa mereka yang banyak,
kerana mereka telah menderhaka terhadap-Mu.
[11] Tetapi biarlah semua orang yang bernaung kepada-Mu bersukacita;
biar mereka sentiasa bernyanyi kegembiraan.
Berilah mereka
perlindungan-Mu,
supaya orang yang mengasihi nama-Mu dapat bersukacita dalam-Mu.
[12] Kerana, Ya TUHAN, tentulah Engkau memberkati orang yang benar;
Engkau melindungi mereka dengan kemurahan-Mu seperti dengan perisai.

6 *Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan alat-alat muzik bertali. Dengan kecapi bertali lapan. Mazmur Daud.*

[1] Ya TUHAN, janganlah menempelak aku dalam kemarahan-Mu
atau menghukum aku dalam kemurkaan-Mu.
[2] Kasihanilah aku, Ya TUHAN, kerana aku longlai;
Ya TUHAN, sembuhkanlah aku, kerana tulang-tulangku terseksa.
[3] Jiwaku gundah-gulana.
Berapa lama, Ya TUHAN, berapa lama?
[4] Berpalinglah semula kepadaku, Ya TUHAN, dan lepaskan aku;
selamatkan aku kerana

kasih setia-Mu.
[5] Tiada siapa mengingati-Mu setelah dia mati.
Siapa yang memuji-Mu
dari kubur?
[6] Aku letih lesu kerana mengerang;
sepanjang malam kubanjiri tempat tidurku dengan tangisan dan kubasahi katilku dengan air mata.
[7] Mataku menjadi lemah kerana kesedihan;
dan semakin kelam kerana musuhku.
[8] Nyahlah dari sisiku, hai kamu yang berbuat jahat,
kerana TUHAN telah mendengar ratapanku.
[9] TUHAN telah mendengar jeritanku memohon
belas kasihan;
TUHAN menerima doaku.
[10] Semua musuhku akan malu dan kecewa;
mereka akan berpatah
balik dalam keaiban yang tiba-tiba.

7 *Doa Daud yang dinyanyikan kepada TUHAN tentang Kush, orang Benyamin.*

[1] Ya Allah, Ya TUHANku,
pada-Mu aku bernaung;
selamatkan dan lepaskan aku daripada semua yang memburuku,
[2] jangan biarkan mereka mengoyak-ngoyakkanku seperti singa
dan mencarik-carikku tanpa sesiapa melepaskanku.
[3] Ya Allah, Ya TUHANku,
jika aku telah melakukan ini
dan tanganku
bergelumang dosa —
[4] jika aku telah berbuat jahat kepada orang yang
baik denganku
atau tanpa sebab aku telah merampas milik musuhku —
[5] maka biarlah musuhku memburu dan menangkapku;
biar dia melanyak nyawaku ke tanah dan membuatku tidur dalam debu.
[6] Bangkitlah, Ya TUHAN, dalam kemarahan-Mu;
bangkit melawan keberangan para musuhku.
Jagalah, ya Allah Tuhanku; firmankan keadilan.
[7] Biarlah perhimpunan umat mengelilingi-Mu.
Perintahlah mereka dari tempat-Mu yang tinggi;
[8] biar TUHAN menghakimi segala umat.
Hakimi aku, Ya TUHAN, berasaskan kebenaranku,
berasaskan keikhlasanku,
Ya TUHAN Maha Tinggi.

[9] Ya Allah yang benar,
yang menyoroti fikiran
dan hati,
tamatkan keganasan orang zalim dan pastikan keselamatan orang
yang benar.
[10] Perisaiku Allah Maha Tinggi,
yang menyelamatkan
orang tulus.
[11] Allah hakim yang benar,
Allah menunjukkan kemurkaan-Nya setiap hari.
[12] Jika Dia tidak memaafkan,
Dia akan mengasah
pedang-Nya;
Dia akan memasang
panah-Nya.
[13] Dia telah menyiapkan
senjata-senjata-Nya yang membawa maut;
Dia menyediakan anak-anak panah-Nya yang menyala.
[14] Orang yang menghamilkan kejahatan dan membenihkan kekacauan akan melahirkan
kekecewaan.
[15] Orang yang menggali lubang
akan jatuh ke dalam lubang yang digalinya.
[16] Kekacauan yang disebabkannya akan memantul ke atas dirinya;
keganasannya menimpa kepalanya sendiri.
[17] Aku akan bersyukur
kepada TUHAN kerana kebenaran-Nya
dan akan menyanyikan pujian bagi nama TUHAN Maha Tinggi.

8 *Untuk pemimpin muzik. Dengan iringan gitit. Mazmur Daud.*
[1] Ya TUHAN, TUHAN kami,
betapa agung nama-Mu di seluruh bumi!
Engkau telah menetapkan kemuliaan-Mu yang mengatasi langit.
[2] Daripada mulut anak-anak yang masih menyusu
Engkau telah membina kekuatan untuk menentang musuh-Mu,
supaya Engkau dapat menewaskan seteru dan penuntut bela.
[3] Apabila aku melihat
langit-Mu,
hasil kerja jari-Mu,
bulan dan bintang,
yang Kautentukan,
[4] apakah manusia maka Engkau memberinya perhatian,
dan anak manusia maka Engkau memeliharanya?
[5] Engkau telah menjadikannya rendah sedikit daripada malaikat dan memahkotakannya dengan

kemuliaan dan kehormatan.
[6] Engkau telah memberinya kekuasaan atas seluruh ciptaan-Mu;
Engkau telah meletakkan semuanya di bawah kakinya:
[7] segala domba dan lembu,
segala binatang di padang,
[8] burung di udara,
dan ikan di laut,
serta segala hidupan
di lautan.
[9] Ya TUHAN, TUHAN kami,
betapa agung nama-Mu di seluruh bumi!

9 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut lagu 'Kematian Anak.' Mazmur Daud.
[1] Aku akan memuji-Mu,
Ya TUHAN, dengan
sepenuh hatiku;
aku akan menceritakan segala keajaiban yang Kaulakukan,
[2] Aku akan girang bergembira dalam-Mu;
aku akan menyanyikan pujian untuk nama-Mu,
Ya TUHAN Maha Tinggi.
[3] Apabila musuhku
berpatah balik;
mereka akan jatuh dan musnah di hadirat-Mu.
[4] Kerana Engkau telah menegakkan hak dan perjuanganku;
Engkau bertakhta, dan menghakimi dengan adil.
[5] Engkau telah memurkai bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Mu dan membinasakan orang zalim;
Engkau telah menghapuskan nama mereka selama-lamanya.
[6] Musuh telah musnah
dalam kehancuran selama-lamanya,
Engkau telah
membinasakan kota-kota;
sehingga luput dari kenangan.
[7] Namun TUHAN akan kekal selama-lamanya;
Dia telah menyediakan takhta-Nya untuk penghakiman.
[8] Dia akan menghakimi dunia dengan adil;
Dia akan menghakimi manusia dengan saksama.
[9] TUHAN juga akan melindungi orang yang ditindas,
tempat bernaung dalam kesusahan.
[10] Dan mereka yang mengenal nama-Mu akan percaya kepada-Mu,
kerana Engkau, Ya TUHAN, tidak mengabaikan sesiapa yang mencari-Mu.
[11] Nyanyikanlah pujian

kepada TUHAN yang bertakhta di Sion;
isytiharkan perbuatan-Nya kepada semua bangsa.
12 Dia mengingati mereka apabila Dia membalas kekejaman orang yang menumpahkan darah;
Dia tidak melupakan rintihan mereka yang tidak berdaya.
13 Kasihanilah aku, Ya TUHAN, timbangkan penderitaanku di tangan orang yang menganiayaku!
Engkau yang mengangkatku daripada gerbang maut,
14 supaya aku dapat memuji-Mu
di gerbang Puteri Sion,
aku akan bergembira kerana Engkau menyelamatkanku.
15 Bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Mu telah jatuh ke dalam lubang yang digali mereka sendiri;
kaki mereka terjerumus dalam jerat yang
dipasang sendiri.
16 TUHAN dikenali kerana keadilan-Nya;
orang zalim terjerat dalam perangkap buatan sendiri.
17 Orang zalim akan musnah selama-lamanya,
begitu juga bangsa-bangsa yang melupakan Allah.
18 Kerana orang sesak tidak akan terus dilupakan,
harapan orang miskin tidak akan musnah selama-lamanya.
19 Bangkitlah, Ya TUHAN, jangan biarkan manusia berleluasa;
biarlah bangsa-bangsa dihakimi di hadirat-Mu.
20 Timbulkan ketakutan di hati mereka, Ya TUHAN;
supaya mereka sedar diri mereka hanyalah manusia.

10 1 Mengapakah Engkau menjauhkan diri, Ya TUHAN,
dan bersembunyi pada masa kesusahan?
2 Orang zalim dalam keangkuhannya menindas orang miskin,
biarlah mereka terperangkap dalam jerat sendiri.
3 Orang zalim berbangga dengan keinginan hatinya;
memberkati orang tamak dan mencerca TUHAN.
4 Orang zalim berwajah pongah tidak mendekati Allah;
Dalam fikirannya, ‘Tidak ada Allah.’
5 Usahanya sentiasa berjaya;
dia angkuh dan penghakiman-Mu jauh daripada matanya;
dan dia mencemuh semua musuhnya.
6 Dia berkata dalam hatinya, ‘Aku tidak akan digugat;
aku tidak akan ditimpa penderitaan.’
7 Mulutnya penuh sumpah seranah, dusta dan aniaya;
di bawah lidahnya bersemadi kesusahan dan kejahatan.
8 Dia menghendap di ceruk-ceruk rahsia di kampung;
dan membunuh orang yang tidak bersalah,
matanya mengintip mangsa yang tidak berdaya.
9 Dia menanti mangsa dalam senyap seperti singa;

dia menunggu untuk menangkap orang
tidak berdaya;
lalu meragut mereka ke dalam tangkapannya.
10 Dia menjongkok dan meniarap;
lalu orang yang tidak berdaya tewas oleh kekuatannya.
11 Dia berkata dalam hatinya, ‘Allah sudah lupa dan menyembunyikan
wajah-Nya;
Allah tidak akan melihat.’
12 Bangkitlah, Ya TUHAN!
Ya Allah, angkatlah
tangan-Mu.
Jangan lupakan orang
yang daif.
13 Mengapakah orang zalim mencerca Allah?
Mengapakah dia berkata dalam hatinya,
‘Allah tidak akan menyoal dan menghukum’?
14 Tetapi Engkau, Ya Allah, memang memerhati kesusahan dan kesedihan;
untuk menghukum dengan tangan-Mu.
Orang tidak berdaya berserah kepada-Mu;
Engkau menolong orang yang tiada tempat bergantung.
15 Patahkanlah kekuasaan
orang zalim;
hukumlah dia sehingga hapus kejahatannya.
16 TUHANlah Raja selama-lamanya;
bangsa-bangsa yang tidak mengenal-Nya akan lenyap dari tanah-Nya.
17 Ya TUHAN, Engkau telah mendengar hasrat
orang daif;
Engkau akan menetapkan hati mereka, Engkau akan mendengar keluhan mereka,
18 untuk berlaku adil kepada anak yatim dan orang yang ditindas,
supaya tiada siapa di bumi akan menimbulkan ketakutan lagi.

11 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Kepada TUHAN aku bernaung.
Betapa kamu boleh berkata kepadaku:
‘Terbanglah seperti burung ke gunungmu.
2 Lihat! Orang zalim melengkung busur;
dan memasang anak panah dalam senyap
untuk memanah
orang yang tulus hati.
3 Jika asas dimusnahkan,
apakah yang dapat dilakukan oleh orang yang benar?’
4 TUHAN di dalam rumah-Nya yang suci;

takhta-Nya di syurga.
Dia memerhatikan;
dan menguji anak-anak manusia.
5 TUHAN menguji orang
yang benar,
tetapi membenci orang durjana
dan orang yang mencintai keganasan.
6 Dia akan menghujani orang zalim dengan arang menyala;
api dan belerang serta angin yang membakar
akan menimpa mereka sebagai hukuman.
7 TUHAN adalah benar,
Dia mencintai kebenaran;
wajah-Nya menghadap kepada orang yang tulus.

12 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut kecapi bertali lapan. Mazmur Daud.
1 Tolonglah, Ya TUHAN, kerana tiada lagi orang yang warak;
orang beriman telah lenyap dari kalangan anak manusia.
2 Mereka berkata sama sendiri tanpa keikhlasan,
dengan pujian manis di bibir sedangkan hati bercabang.
3 Semoga TUHAN memotong bibir yang memuji palsu
dan lidah yang bertutur angkuh
4 yang berkata, 'Kami akan berkuasa dengan lidah kami;
bibir kami adalah kepunyaan kami — siapa yang berkuasa ke atas kami?'
5 'Kerana orang miskin ditindas
dan kerana orang sesak merintih,
Aku akan bangkit sekarang,' firman TUHAN.
'Aku akan memberi mereka kesejahteraan yang diingini.'
6 Firman TUHAN adalah murni,
seperti perak yang teruji dalam relau tanah,
dimurnikan tujuh kali.
7 Engkau akan memelihara mereka, Ya TUHAN,
dan melindungi mereka daripada orang zaman ini selama-lamanya.
8 Orang zalim merayau angkuh merata-rata ketika kekejian disanjung di kalangan anak manusia.

13 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Berapa lamakah, Ya TUHAN, akan Kaulupakan aku selama-lamanya?
Berapa lamakah Engkau akan menyembunyikan wajah-Mu daripadaku?
2 Berapa lamakah aku
akan bergelut dengan fikiranku sendiri
sedangkan hatiku duka setiap hari?
Berapa lamakah musuhku akan mengatasiku?

[3] Ya Allah, Ya TUHANku, pandanglah aku dan dengarlah doaku.
Pulihkan sinar mataku, agar aku tidak lelap dalam maut;
[4] agar musuhku tidak berkata, ‘Aku telah berjaya menewaskannya,’
dan musuhku bergembira dengan kejatuhanku.
[5] Tetapi aku yakin akan kasih setia-Mu;
aku bersukacita dalam penyelamatan-Mu.
[6] Aku akan menyanyi
memuji TUHAN,
kerana limpah rahmat-Nya kepadaku.

14 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
[1] Orang bodoh berkata dalam hatinya,
‘Tidak ada Allah.’
Mereka rosak akhlak, mereka melakukan perbuatan keji;
tiada yang berbuat baik.
[2] TUHAN memandang dari syurga kepada anak-
anak manusia
untuk melihat kalau ada
yang mengerti,
yang mencari Allah.
[3] Semuanya telah berpaling,
bersama-sama rosak akhlak;
tiada yang berbuat baik,
tidak, tiada seorang pun.
[4] Tidakkah orang yang melakukan kejahatan
ini tahu —
mereka merampas
hak umat-Ku
dan tidak berseru
kepada TUHAN?
[5] Sekarang mereka akan ditimpa ketakutan yang besar,
kerana Allah ada bersama orang yang benar.
[6] Kamu menghalang rancangan orang miskin,
tetapi TUHAN melindungi mereka.
[7] Semoga penyelamatan Israel datang dari Sion!
Apabila TUHAN memulihkan keadaan umat-Nya,
bergembiralah Yakub dan bersukacitalah Israel!

15 *Mazmur Daud.*
[1] Ya TUHAN, siapakah yang boleh tinggal di khemah suci-Mu?
Siapakah yang boleh duduk di bukit suci-Mu?
[2] Orang yang hidup tulus dan mengamalkan kebenaran

serta berkata benar
dalam hatinya,
3 orang yang lidahnya tidak memfitnah,
dan tidak berbuat jahat kepada orang lain juga tidak mencela temannya,
4 orang yang membenci mereka yang berkelakuan keji
dan menghormati mereka yang takut akan TUHAN,
orang yang tidak berganjak daripada sumpahnya
meski memudaratkan dirinya,
5 orang yang tidak mengambil bunga daripada pinjaman wangnya
dan tidak makan suap untuk menghukum mereka yang tidak bersalah.
Orang yang melakukan semua ini tidak akan goyah.

16 *Doa Daud.*
1 Peliharakan aku, Ya Allah,
aku bernaung kepada-Mu.
2 Wahai rohku, kau telah berkata kepada TUHAN, 'Engkaulah TUHANku;
tiada kebaikan bagiku selain Engkau.'
3 Dan orang salih di bumi ini,
merekalah manusia terpuji yang membuatku sukacita.
4 Orang yang menyembah dewa
akan berganda deritanya.
Aku tidak akan menerima korban darah mereka
dan tidak akan menyebut nama mereka.
5 Ya TUHAN, Engkaulah warisan dan cawanku;
Engkau memberiku rezeki untuk hidup.
6 Pelbagai nikmat telah Kaukurniakan;
sesungguhnya, warisanku sungguh baik.
7 Aku memuji TUHAN yang telah membimbingku;
sesungguhnya pada waktu malam suara hatiku juga mengajarku.
8 Aku sentiasa menurut panduan TUHAN.
Dia berada di sampingku,
aku tidak mungkin goyah.
9 Oleh itu hatiku gembira dan bersukacita dalam kemuliaan;
jasadku juga akan tenteram dalam harapan,
10 kerana Engkau tidak akan membiarkan rohku di
alam maut,
dan Engkau tidak akan membiarkan Orang Suci-Mu binasa.
11 Engkau akan menunjukkan aku jalan hidup;
dalam hadirat-Mu sepenuh bahagia dirasai,
di tangan kanan-Mu nikmat dikecapi selama-lamanya.

17 *Doa Daud.*
1 Dengarlah rayuanku memohon keadilan,

ya TUHAN;
dengarlah rintihanku.
Dengarlah doaku yang bukan dari bibir dusta,
2 Nyatakan kebenaranku dari hadirat-Mu;
lihatlah dengan saksama.
3 Engkau telah menguji
hatiku dan menelitiku pada waktu malam,
Engkau telah mendugaku dan tidak menemui kecelaan;
aku telah berazam memelihara lidahku daripada dosa.
4 Perihal perbuatan manusia —
menurut kata-kata yang Engkau ucapkan
Aku taat akan perintah-Mu
aku menjauhi segala jalan orang yang ganas.
5 Langkahku tetap di jalan-Mu;
dan kakiku tidak tergelincir.
6 Aku menyeru-Mu kerana Engkau akan mendengarku, Ya Allah;
dengarlah, dengarlah
kata-kataku ini.
7 Tunjukkan kasih-Mu
yang agung,
dengan tangan kanan-Mu yang menyelamatkan
semua yang bernaung kepada-Mu daripada mereka yang cuba meruntuhkan.
8 Peliharakanlah aku sebagai kesayangan-Mu;
lindungi aku di bawah naungan-Mu
9 daripada orang zalim yang menganiayaiku,
daripada musuh pemusnah yang mengepungku.
10 Mereka telah menutup hati daripada kebaikan,
mereka menuturkan kata-kata angkuh.
11 Sekarang mereka mengepungku pada
setiap langkah,
mereka merenung sambil menjongkok di bumi.
12 Seperti singa yang ingin mengoyak-ngoyak mangsa,
seperti singa muda mengendap di tempat rahsia.
13 Bangkitlah, Ya TUHAN, hadapi dan tumbangkan musuhku;
selamatkan nyawaku daripada orang zalim dengan pedang-Mu.
14 Dengan tangan-Mu, selamatkan aku daripada manusia sebegitu,
Ya TUHAN,
daripada manusia duniawi yang mengumpul harta dalam hidup ini
Kaukenyangkan perut mereka yang Kaupelihara;
anak-anak mereka
cukup puas,
dan mereka meninggalkan pusaka kepada zuriat.

15 Tetapi aku — aku akan melihat wajah-Mu dalam kebenaran;
aku akan bahagia sepenuhnya apabila terjaga dalam hadirat-Mu.

18 *Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud, hamba TUHAN. Dia telah menuturkan kata-kata dalam lagu ini kepada TUHAN pada hari TUHAN menyelamatkannya daripada semua musuhnya dan daripada Saul. Kata Daud:*

1 Aku mengasihi-Mu, Ya TUHAN, Engkaulah kekuatanku.
2 TUHAN adalah batu pejal perkasaku, kubuku dan penyelamatku;
Allah Tuhanku adalah batu pejalku, kepada-Nya aku berlindung.
Dialah perisaiku, teras penyelamatanku, benteng pertahananku.
3 Aku akan berseru kepada TUHAN yang layak dipuji,
maka aku akan diselamatkan daripada musuhku.
4 Seksa maut telah mengepungku;
banjir kejahatan mengerikanku.
5 Seksa kubur mengelilingiku;
jerat kematian menunggu di hadapanku.
6 Dalam kesusahan aku berseru kepada TUHAN;
Aku meraung kepada Allah Tuhanku.
Dia mendengar suaraku dari rumah suci-Nya;
raunganku sampai ke hadirat dan pendengaran-Nya.
7 Maka bumi pun gempa dan gementar,
tapak bukit-bukau bergegar dan bergoncang;
kerana Dia murka.
8 Dia menghembuskan asap;
dan api yang membakar,
lalu menyalakan arang batu.
9 Dia menundukkan langit lantas turun;
dengan kegelapan di bawah kaki-Nya.
10 Dia terbang mengenderai malaikat kerub;
Dia melayang di
sayap angin.
11 Dia menjadikan kegelapan tempat rahsia-Nya —
diselubungi perairan kelam dan awan tebal di langit.
12 Daripada cahaya di hadapan-Nya awan tebal berlalu,
dengan hujan batu dan arang yang menyala.
13 TUHAN mengguntur
dari langit;
Yang Maha Tinggi mendengarkan panah
suara-Nya.
14 Dia melepaskan anak-anak panah-Nya sehingga musuh bertempiaran,
Dia memancarkan kilat sabung-menyabung lalu menumpaskan mereka.
15 Maka saluran di dasar
lautan terserlah

dan asas bumi terdedah
akibat kemurkaan-Mu,
Ya TUHAN,
dan hembusan hebat
nafas-Mu.
16 Dia menghulurkan tangan-Nya dari langit,
Dia menarikku keluar daripada pelbagai bencana yang menenggelamkan.
17 Dia menyelamatkanku daripada musuhku
yang kuat,
daripada mereka yang membenciku, kerana mereka terlalu perkasa bagiku.
18 Mereka menyerangku ketika aku dalam kesusahan,
tetapi TUHAN menolongku.
19 Dia membawaku ke tempat yang luas;
Dia menyelamatkanku kerana Dia berkenan kepadaku.
20 TUHAN memberiku ganjaran kerana aku melakukan
yang benar;
Dia menggantikan deritaku dengan rahmat kerana tanganku bersih
daripada dosa.
21 Kerana aku telah mengikut jalan TUHAN;
dan tidak menyeleweng daripada Allah Tuhanku dengan melakukan kejahatan.
22 Segala hukum-Nya ada di hadapanku sebagai panduan;
dan aku tidak mengetepikan ketetapan-Nya.
23 Di hadirat-Nya aku
tidak bercela
dan aku mengatasi kejahatan dalam diriku.
24 Maka TUHAN memberiku ganjaran kerana aku melakukan yang benar,
kerana Dia tahu tanganku bersih daripada dosa.
25 Kepada orang yang setia Engkau menunjukkan kesetiaan-Mu,
kepada orang yang tidak bercela Engkau menunjukkan Engkau
tidak bercela,
26 kepada orang yang suci Engkau memperlihatkan kesucian-Mu,
kepada yang menipu Engkau memperlihatkan kebijaksanaan-Mu.
27 Engkau menyelamatkan orang yang rendah diri
tetapi akan menundukkan orang yang angkuh.
28 Engkau, Ya TUHAN, akan menyalakan lampuku;
Allah Tuhanku akan menerangi kegelapanku.
29 Dengan kekuatan daripada-Mu aku dapat melawan musuh yang ramai;
dengan kekuatan daripada TUHANku aku dapat melompati tembok.
30 Jalan Allah itu sempurna;
firman TUHAN terbukti benar.
Dialah perisai pelindung
semua yang bernaung kepada-Nya.

31 Tiada TUHAN melainkan Allah,
tiada Batu Pejal melainkan Allah Tuhan kita.
32 Allah yang memberiku kekuatan berjuang
dan menjadikan jalan hidupku sempurna.
33 Dia menguatkan kakiku seperti kaki rusa;
dan memantapkan jejakku di pergunungan.
34 Dia melatih tanganku berperang;
berupaya melengkungkan busur gangsa.
35 Engkau telah memberiku perisai penyelamatan-Mu,
tangan kanan-Mu telah memberiku kekuatan;
kelunakan-Mu menjadikan aku besar.
36 Engkau meluaskan jalan yang kutempuh,
supaya kakiku tidak tergelincir.
37 Aku telah memburu musuhku dan berdepan dengan mereka;
aku tidak berpatah balik hingga kuhapuskan mereka.
38 Aku telah melukakan mereka sehingga mereka tidak berdaya bangkit lagi;
mereka telah rebah di
bawah kakiku.
39 Kerana Engkau telah memberiku kekuatan berperang;
Engkau telah menundukkan di bawahku mereka yang bangkit menyerangku dulu.
40 Engkau telah menyerahkan nyawa musuhku ke tanganku,
supaya aku membinasakan mereka yang membenciku.
41 Mereka berteriak, tetapi tiada siapa menyelamatkan mereka —
malah mereka merayu kepada TUHAN, tetapi Dia tidak menyahut mereka.
42 Lalu aku menghancurkan mereka seperti debu
ditiup angin;
aku menghumbankan mereka seperti sampah-sarap di jalan.
43 Engkau telah menyelamatkan aku daripada serangan;
Engkau menjadikan aku pemerintah bangsa asing;
bangsa yang tidak kukenali akan tunduk kepadaku.
44 Sebaik-baik mereka mendengar tentangku, mereka taat kepadaku;
orang asing itu tunduk kepadaku.
45 Mereka menjadi putus asa;
dan datang dengan ketakutan dari tempat persembunyian.
46 TUHAN hidup selama-lamanya! Segala puji bagi TUHAN, Batu Pejalku!
Segala kemuliaan bagi Allah, Penyelamatku!
47 Allah yang membalas kejahatan orang terhadapku,
dan menundukkan bangsa asing di bawahku,
48 Dia menyelamatkanku daripada musuhku.
Engkau, Ya TUHAN, mengangkatku mengatasi mereka yang bangkit menyerangku;
Engkau telah menyelamatkanku daripada manusia yang ganas.
49 Maka itu aku akan mengucap syukur kepada-Mu,

Ya TUHAN, di kalangan bangsa asing;
dan menyanyi memuji nama-Mu.
50 TUHAN telah memberi penyelamatan besar
kepada orang yang dijadikan-Nya raja;
Dia melimpahkan kebaikan kepada orang yang
diurapi-Nya,
kepada Daud, sampai ke anak cucu selama-lamanya.

19 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Seluruh langit mengakui kemuliaan Allah;
dan cakerawala menunjukkan ciptaan-Nya.
2 Hari menyebutkan
kepada hari;
malam memberitahu
kepada malam.
3 Tiada pertuturan atau bahasa
yang tidak mendengar
suara mereka.
4 Khabar mereka telah sampai ke serata bumi,
dan kata-kata mereka ke hujung dunia.
TUHAN telah mendirikan khemah di langit untuk matahari,
5 yang seperti pengantin lelaki keluar dari astaka kamarnya,
seperti lelaki gagah ghairah berlumba.
6 Matahari terbit lalu beredar
dari satu hujung ke satu hujung langit;
tiada yang terlindung daripada panasnya.
7 Taurat TUHAN sempurna,
mengubah jiwa.
Kesaksian TUHAN pasti,
memberi kebijaksanaan kepada orang yang tulus.
8 Ajaran-ajaran TUHAN benar,
menggembirakan hati.
Perintah TUHAN suci,
memberi pengertian.
9 Takut akan TUHAN itu murni,
kekal selama-lamanya.
Penghakiman TUHAN adil
dan benar sepenuhnya.
10 Segalanya lebih berharga daripada emas,
ya, daripada emas tulen;
dan lebih manis daripada madu,
madu daripada sarangnya.

11 Dengannya hamba-Mu diingatkan;
dan sesiapa mematuhinya mendapat ganjaran besar.
12 Siapakah yang dapat memahami kesalahan sendiri?
Bersihkan aku daripada kecelaan tersembunyi.
13 Jauhkan juga hamba-Mu daripada dosa yang sengaja;
jangan sampai aku dikuasainya.
Supaya aku bebas daripada kesalahan,
bersih daripada keingkaran yang berat.
14 Semoga segala yang kututurkan dengan lidah dan kurenungkan dalam hati diterima oleh-Mu,
Ya TUHAN, sumber kekuatan dan Penebusku.

20 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Semoga TUHAN mengabulkan doamu pada waktu kesusahan;
semoga nama Allah Tuhan Yakub melindungimu.
2 Semoga Dia menghantar pertolongan kepadamu dari rumah suci-Nya
dan memberimu kekuatan dari Sion.
3 Semoga Dia ingat akan segala persembahanmu
dan menerima korbanmu.
4 Semoga Dia mengurniakan hasrat hatimu
dan menyampaikan semua tujuanmu.
5 Kami akan bersukacita dengan penyelamatanmu
dan mengibarkan bendera merayakannya dengan nama Allah Tuhan kita.
Semoga TUHAN mengabulkan segala rayuanmu.
6 Kini aku tahu TUHAN menyelamatkan orang
yang dipilih-Nya;
TUHAN akan mengabulkan doanya dari syurga-Nya yang suci
dengan tangan kanan-Nya yang menyelamatkan.
7 Ada orang yang meletakkan kepercayaan pada pedati atau kuda,
tetapi kita semata-mata mengingati nama Allah Tuhan kita.
8 Mereka telah tunduk
dan rebah,
tetapi kita telah bangkit dan tegak berdiri.
9 Selamatkanlah raja, Ya TUHAN!
Semoga Engkau menyahut apabila kami berseru!

21 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Raja akan bersukacita dengan kekuatan-Mu, Ya TUHAN.
Dan dengan penyelamatan-Mu betapa gembiranya dia!
2 Engkau telah memberinya hasrat hatinya
dan tidak menolak permohonan yang disuarakannya.
3 Engkau melimpahinya dengan berkat kebaikan

Engkau memakaikannya mahkota emas tulen.
[4] Dia memohon hidup daripada-Mu, lalu Kaukurniakan —
panjang umur untuk selama-lamanya.
[5] Penyelamatan-Mu memberinya kemuliaan yang besar;
Engkau mengurniainya kehormatan dan kedaulatan.
[6] Kerana Engkau telah menjadikannya paling diberkati selama-lamanya
Engkau membuatnya
paling bahagia dengan kehadiran-Mu.
[7] Kerana raja percaya penuh kepada TUHAN;
dengan kasih setia Yang Maha Tinggi
dia tidak akan dapat digugat.
[8] Tangan-Mu akan memberkas semua musuh-Mu;
kekuasaan-Mu akan dapat mencari mereka yang membenci-Mu.
[9] Engkau akan membakar mereka dalam nyala api
ketika Engkau murka.
TUHAN akan menyambar mereka dalam
kemurkaan-Nya,
dan api itu akan memusnahkan mereka.
[10] Segala zuriat mereka akan Kaulenyapkan dari bumi,
dan keturunan mereka dari kalangan anak manusia.
[11] Kerana mereka telah berniat jahat terhadap-Mu
mereka menyusun rancangan yang tidak dapat mereka laksanakan;
[12] Oleh itu Engkau akan membuat mereka undur
Engkau akan membidik muka mereka dengan anak panah-Mu.
[13] Maha Tinggi Engkau,
Ya TUHAN, dalam
kekuatan-Mu;
Kami akan menyanyi memuji kekuasaan-Mu.

22 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Rusa Subuh'. Mazmur Daud.*
[1] Ya Allah, Ya TUHANku, mengapa Kau
tinggalkan aku?
Mengapa Engkau terlalu jauh untuk menolongku,
dan untuk mendengar
kata-kata rintihanku?
[2] Ya Allah Tuhanku, aku meratap sepanjang siang, tetapi Engkau tidak mendengar,
dan semalaman aku tidak berhenti merayu.
[3] Tetapi Engkau suci;
bertakhta di atas puji-pujian umat Israel.
[4] Nenek moyang kami percaya kepada-Mu;
mereka percaya dan Engkau menyelamatkan mereka.
[5] Mereka merayu kepada-Mu, lalu mereka diselamatkan;
mereka percaya kepada-Mu, dan tidak kecewa.

[6] Tetapi aku makhluk melata, bukan manusia,
dikeji dan dihina orang.
[7] Semua yang melihatku mentertawakanku;
mereka mencaciku, menggeleng kepala,
sambil berkata:
[8] 'Dia percaya kepada TUHAN;
biar TUHAN selamatkan dia.
Biar TUHAN lepaskan dia,
kerana TUHAN berkenan kepadanya.'
[9] Tetapi Engkaulah yang mengeluarkan aku
dari rahim;
Engkau membuat
aku percaya
ketika masih disusui ibuku.
[10] Aku diserahkan kepada-Mu sejak lahir;
semenjak di rahim ibuku lagi Engkaulah Allah Tuhanku.
[11] Janganlah jauh daripadaku,
kerana kesusahan dekat denganku
dan tiada siapa yang menolong.
[12] Banyak lembu jantan mengelilingiku;
lembu jantan Bashan yang kuat telah mengepungku.
[13] Mereka merenungku dengan mulut ternganga
seperti singa yang
mengaum ganas.
[14] Aku dicurah keluar
seperti air,
dan semua tulangku terseliuh daripada sendinya.
Hatiku seperti lilin;
dan telah cair dalam diriku.
[15] Kekuatanku telah
kering-kontang,
dan lidahku melekat ke langit-langitku;
Engkau telah membawaku ke debu maut.
[16] Anjing-anjing telah mengelilingiku;
gerombolan orang durjana mengepungku,
mereka telah menembusi tangan dan kakiku.
[17] Aku dapat membilang
semua tulangku;
mereka membelalak merenungku.
[18] Mereka membahagikan pakaianku antara mereka
dan untuk itu mereka membuang undi.
[19] Tetapi Engkau, Ya TUHAN, janganlah jauh daripadaku;

Ya TUHAN kekuatanku, segeralah datang menolongku.
[20] Selamatkan aku
daripada pedang,
dan nyawaku yang satu-satunya daripada cengkaman.
[21] Selamatkan aku daripada mulut singa;
dan daripada tanduk
lembu liar.
[22] Aku akan mengisytiharkan nama-Mu kepada saudara-saudaraku;
di tengah-tengah perhimpunan aku akan memuji-Mu.
[23] Kamu yang takut akan TUHAN, pujilah Dia!
Semua kamu zuriat Yakub, muliakan TUHAN!
Dan takutilah Dia, semua kamu anak cucu Israel!
[24] Kerana Dia tidak menghina atau menjijikkan
derita orang yang menderita;
dan Dia tidak menyembunyikan wajah-Nya daripada dia.
Apabila dia berseru kepada-Nya, Dia mendengar.
[25] Pujuan-pujian aku untuk-Mu kelak di perhimpunan besar;
aku akan menunaikan sumpahku di hadapan mereka yang takut akan Dia.
[26] Orang miskin akan makan sehingga puas;
mereka yang mencari TUHAN akan memuji-Nya —
semoga hatimu hidup selama-lamanya!
[27] Setiap pelosok dunia
akan ingat dan berpaling kepada TUHAN,
dan semua suku bangsa
akan menyembah-Mu,
[28] kerana kerajaan milik TUHAN
dan Dia memerintah
segala bangsa.
[29] Semua orang yang makmur di bumi akan berjamu dan menyembah TUHAN;
semua yang turun ke debu akan tunduk kepada-Nya —
termasuk yang tidak dapat memelihara nyawa sendiri.
[30] Orang kemudian akan melayani-Nya;
perihal TUHAN akan disampaikan kepada keturunan akan datang.
[31] Mereka akan datang mengisytiharkan kebenaran-Nya
kepada bangsa yang
akan lahir —
bahawa Dia telah
melakukan ini.

23 *Mazmur Daud.*
[1] TUHAN ialah gembalaku, aku tidak akan kekurangan apa-apa pun.
[2] Dia membuat aku berbaring di padang rumput yang hijau,
Dia membimbingku ke tepian air tenang,

[3] Dia memulihkan jiwaku.
Dia membimbingku ke
jalan benar
demi nama-Nya.
[4] Ya, meski aku melangkah
di lembah bayangan maut,
aku tidak akan takut kepada kejahatan,
kerana Engkau ada bersamaku;
gada dan tongkat-Mu menetapkan hatiku.
[5] Engkau menyediakan hidangan untukku
di hadapan musuhku.
Engkau mengurapi kepalaku;
cawanku melimpah.
[6] Tentulah kebaikan dan kasih akan mengiringiku
seumur hidupku,
dan aku akan tinggal di dalam rumah TUHAN
selama-lamanya.

24 *Mazmur Daud.*
[1] Bumi ini milik TUHAN dengan seluruh isinya,
dunia, dan semua penghuninya;
[2] kerana Dia telah mengasaskannya di atas lautan dan menegakkannya di atas perairan.
[3] Siapa yang boleh naik ke
bukit TUHAN?
Siapa yang boleh berdiri di tempat suci-Nya?
[4] Manusia yang bersih tangannya dan murni hatinya,
yang tidak mempersembahkan
jiwanya kepada berhala
atau sumpah palsu.
[5] Dia akan diberkati TUHAN
dan menerima kebenaran daripada Allah Penyelamatnya.
[6] Inilah keturunan yang mencari Dia,
yang mencari wajah-Mu,
Ya Allah Tuhan Yakub.
[7] Angkatlah kepalamu,
wahai pintu gerbang;
dan terangkatlah, kamu pintu yang kekal,
Raja kemuliaan akan berangkat masuk.
[8] Siapakah Raja kemuliaan ini?
TUHAN yang gagah perkasa,
TUHAN yang perkasa dalam peperangan.
[9] Angkatlah kepalamu,

wahai pintu gerbang;
angkatlah, kamu pintu
yang kekal,
Raja kemuliaan akan berangkat masuk.
10 Siapakah Raja kemuliaan ini?
TUHAN segala tentera —
Dialah Raja kemuliaan.

25 *Mazmur Daud.*
1 Kepada-Mu, Ya TUHAN, kuserahkan jiwaku;
2 Ya Allah Tuhanku, aku percaya kepada-Mu.
Janganlah biarkan aku malu,
janganlah biarkan musuhku menewaskan diriku.
3 Sesungguhnya, janganlah biarkan sesiapa yang menantikan-Mu
menanggung malu,
biarlah yang dimalukan itu
mereka yang berbuat khianat tanpa sebab.
4 Tunjukkanlah aku jalan-Mu, Ya TUHAN,
ajarkanlah aku mengikut jalan-Mu;
5 bimbinglah aku kepada kebenaran-Mu dan
ajarlah aku,
kerana Engkaulah Allah Penyelamatku,
Engkau kunantikan sepanjang waktu.
6 Ingatilah, Ya TUHAN,
belas kasihan-Mu yang lembut mesra,
kerana segalanya dari zaman dahulu.
7 Janganlah ingati dosaku di
usia muda
dan keingkaranku;
ingatilah aku dengan kasih-Mu,
demi kebaikan-Mu,
Ya TUHAN.
8 TUHAN baik dan tulus;
maka Dia mengajar orang berdosa jalan yang benar.
9 Dia membimbing orang yang rendah hati dalam keadilan
dan mengajar mereka
jalan-Nya.
10 Semua jalan TUHAN adalah kasih dan kebenaran
bagi mereka yang berpegang kepada perjanjian
dan kesaksian-Nya.
11 Demi nama-Mu, Ya TUHAN
ampunilah kejahatanku, walaupun amat besar.
12 Siapakah manusia yang takut akan TUHAN?

TUHAN akan mengajarnya
di jalan pilihan-Nya.
13 Orang itu akan hidup makmur,
dan zuriatnya akan mewarisi bumi ini.
14 Rahsia TUHAN ada pada mereka yang takut
pada-Nya;
dan Dia akan menunjukkan mereka perjanjian-Nya.
15 Mataku sentiasa ke
arah TUHAN,
kerana Dia akan melepaskan kakiku daripada jerat.
16 Berpalinglah kepadaku,
dan kasihanilah aku,
kerana aku sepi dan sengsara.
17 Kesusahan hatiku telah bertambah;
bawalah aku keluar daripada segala derita ini.
18 Lihatlah kesengsaraan dan keazabanku
dan ampunkanlah segala dosaku.
19 Perhatikanlah segala musuhku yang amat ramai
mereka membenciku dengan kebencian
yang kejam!
20 Peliharakanlah jiwaku, selamatkanlah aku;
jangan biarkan aku malu,
aku percaya kepada-Mu.
21 Biar keikhlasan dan ketulusan memeliharaku,
aku setia menanti-Mu.
22 Tebuslah Israel, Ya Allah,
daripada segala kesusahan mereka!

26 *Mazmur Daud.*
1 Tunjukkanlah kebenaranku, Ya TUHAN,
kerana aku telah hidup dalam kebaikan;
dan aku percaya kepada TUHAN
maka aku tidak tergelincir.
2 Periksalah aku, Ya TUHAN, dan dugalah aku,
ujilah fikiran dan hatiku;
3 kerana aku melihat belas kasih-Mu,
dan aku telah hidup dalam kebenaran-Mu.
4 Aku tidak duduk bersama penyembah berhala,
dan tidak menyertai orang munafik;
5 aku membenci perhimpunan orang yang berbuat jahat
dan tidak akan duduk di sisi orang zalim.
6 Aku akan membasuh tanganku dalam kesucian,

dengan demikian aku ke tempat menyembah-Mu,
Ya TUHAN,
[7] supaya aku dapat mengisytiharkan dengan suara kesyukuran
segala perbuatan-Mu yang menakjubkan.
[8] Ya TUHAN, aku mencintai rumah-Mu,
dan tempat kemuliaan-Mu.
[9] Janganlah himpunkan jiwaku dengan orang berdosa,
dan hidupku dengan manusia penumpah darah,
[10] yang merancang
perbuatan zalim,
manakala tangan mereka penuh rasuah.
[11] Tetapi aku, aku akan terus hidup dalam kebaikan;
tebuslah aku dan kasihanilah aku.
[12] Kakiku berpijak di
tempat mantap;
dalam perhimpunan aku akan memuji TUHAN.

27 *Mazmur Daud.*
[1] TUHAN cahayaku dan penyelamatanku —
siapa perlu kutakuti?
TUHAN kekuatan hidupku —
siapa harus aku gentar?
[2] Apabila orang durjana menyerangku
untuk membaham dagingku,
semua musuh dan seteruku itu,
tersandung lalu rebah.
[3] Kalaupun seangkatan tentera mengepungku,
hatiku tidak akan ngeri;
meski perang bangkit melandaku,
tentang ini aku tetap yakin.
[4] Satu perkara yang kuingini daripada TUHAN,
akan kupohonkan:
semoga aku akan tinggal di dalam rumah TUHAN
seumur hidupku,
melihat keindahan TUHAN
dan bertafakur di dalam rumah suci-Nya.
[5] Kerana pada waktu kesusahan
Dia akan menyembunyikan aku di astaka-Nya;
di ruang rahsia khemah-Nya Dia akan
menyembunyikan aku
Dia akan mengangkatku ke atas batu pejal.
[6] Dan sekarang kepalaku diangkat tinggi
di atas musuh sekelilingku;

maka aku akan mempersembahkan korban dengan gembira di
khemah-Nya;
aku akan menyanyi, ya,
aku akan menyanyi
memuji TUHAN.
7 Dengarlah, Ya TUHAN, apabila suaraku berseru;
dan kasihanilah aku, serta sahut seruanku.
8 Hatiku berkata tentang-Mu, 'Carilah wajah-Nya!'
Wajah-Mu, Ya TUHAN,
akan kucari.
9 Janganlah sembunyikan wajah-Mu daripadaku,
jangan singkirkan hamba-Mu dengan murka;
Engkau telah menolongku.
Jangan pergi daripadaku, jangan tinggalkan aku,
Ya Allah Penyelamatku.
10 Apabila ibu bapaku berpaling daripadaku,
TUHAN akan memeliharaku.
11 Ajarlah aku jalan-Mu,
Ya TUHAN,
dan bimbinglah aku ke jalan sejahtera
kerana aku diserang musuh.
12 Jangan serahkan aku ke tangan seteruku,
kerana aku digugat saksi-saksi palsu,
dan orang yang ganas.
13 Tentulah aku putus asa melainkan aku percaya:
bahawa aku akan melihat kebaikan TUHAN
di tempat kehidupan kekal.
14 Nantikanlah TUHAN;
tabahkan dirimu, teguhkan hatimu
Ya, nantikanlah TUHAN!

28 *Mazmur Daud.*
1 Kepada-Mu aku berseru,
Ya TUHAN, Batu Pejalku;
janganlah berdiam diri terhadapku.
Takut nanti, jika Engkau membisu kepadaku,
aku menjadi seperti mereka yang masuk ke lubang
yang dalam.
2 Dengarlah suaraku merayu
apabila aku berseru
kepada-Mu,
apabila aku mengangkat tangan

ke arah khemah suci-Mu.
[3] Jangan singkirkan aku bersama orang zalim,
dan mereka yang melakukan kejahatan,
yang menuturkan kata-kata damai kepada sesama manusia
tetapi kejahatan terpendam di hati mereka.
[4] Hukumlah mereka setimpal dengan perbuatan mereka
sepadan dengan kedurjanaan usaha mereka;
hukumlah mereka
setimpal dengan apa yang mereka lakukan
berilah mereka hukuman yang wajar.
[5] Kerana mereka tidak menghiraukan segala perbuatan TUHAN
mahupun segala hasil kerja tangan-Nya,
Dia akan membinasakan mereka dan tidak akan memulihkan mereka.
[6] Segala puji bagi TUHAN,
kerana Dia telah mendengar suaraku merayu.
[7] TUHAN kekuatan dan perisaiku;
hatiku percaya kepada-Nya, dan aku ditolong-Nya.
Oleh itu hatiku amat gembira
dan dengan nyanyianku aku akan memuji-Nya.
[8] TUHAN kekuatan mereka,
dan Dia tempat berlindung orang yang diurapi-Nya.
[9] Selamatkanlah umat-Mu dan berkatilah mereka yang menjadi milik-Mu;
jadilah gembala pembimbing mereka dan teguhkan mereka selama-lamanya.

29 *Mazmur Daud.*
[1] Pujilah TUHAN, hai kamu
yang perkasa,
pujilah kemuliaan dan kekuatan TUHAN.
[2] Pujilah kemuliaan
nama TUHAN;
sembahlah TUHAN Yang Maha Suci.
[3] Suara TUHAN bergema di
atas lautan;
Allah kemuliaan mengguntur,
TUHAN di atas segala lautan.
[4] Suara TUHAN penuh kekuasaan;
suara TUHAN penuh kedaulatan.
[5] Suara TUHAN mematahkan pohon sedar;
ya, TUHAN menghancurkan pohon sedar di Lebanon.
[6] Dia membuat Lebanon melompat seperti anak lembu,
dan Sirion seperti lembu muda liar.
[7] Suara TUHAN membelah
nyala api.

[8] Suara TUHAN
menggoncang gurun;
TUHAN menggoncang
Gurun Kadesh.
[9] Suara TUHAN membuat rusa melahirkan anak
dan menggugurkan daun segala hutan.
Maka di rumah suci-Nya
setiap orang berkata, 'Muliakan Allah!'
[10] TUHAN bertakhta di
banjir besar;
dan memerintah sebagai Raja selama-lamanya.
[11] TUHAN akan memberikan kekuatan kepada umat-Nya;
TUHAN akan memberkati umat-Nya dengan kesejahteraan.

30 *Mazmur Daud. Nyanyian.*
Untuk dedikasi tempat beribadat.
[1] Aku akan memuji-Mu,
Ya TUHAN,
kerana Engkau telah menyelamatkan aku
dan tidak membiarkan seteruku bergembira menumpaskan aku.
[2] Ya Allah, Ya TUHANku, aku telah berseru kepada-Mu
lalu Engkau
menyembuhkan aku.
[3] Ya TUHAN, Engkau telah membawa nyawaku keluar dari kubur;
Engkau telah melanjutkan usiaku supaya aku tidak masuk ke lubang maut.
[4] Nyanyikanlah puji-pujian kepada TUHAN, wahai umat-Nya yang warak;
dan bersyukurlah mengingati nama-Nya
yang suci.
[5] Kerana kemurkaan-Nya cuma sebentar,
keredaan-Nya sepanjang kehidupan kekal;
tangisan mungkin berlangsung semalaman,
tetapi kegembiraan muncul sewaktu pagi.
[6] Ketika aku berjaya aku berkata,
'Aku tidak akan goyah.'
[7] TUHAN, dengan keredaan-Mu,
Engkau mengukuhkan gunungku;
dulu ketika Engkau menyembunyikan
wajah-Mu,
aku berasa bimbang.
[8] Aku telah berseru kepada-Mu, Ya TUHAN;
dan kepada-Mu aku telah merayu:
[9] 'Apakah gunanya jika darahku tertumpah,

dan aku masuk ke kubur?
Adakah debu akan
memuji-Mu?
dan mengisytiharkan kesetiaan-Mu?
10 Dengarlah, Ya TUHAN, dan kasihanilah aku;
Ya TUHAN, tolonglah aku.'
11 Engkau telah mengubah kesedihanku menjadi
tarian riang;
Engkau telah melucutkan kedukaanku dan meliputiku dengan keriaan,
12 supaya aku menyanyikan puji-pujian untuk-Mu sepanjang masa.
Ya Allah, Ya TUHANku, aku akan bersyukur kepada-Mu selama-lamanya.

31 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Kepada-Mu, Ya TUHAN, kuletakkan kepercayaanku;
jangan biarkan aku menanggung malu;
selamatkanlah aku dalam kebenaran-Mu.
2 Condongkan telinga-Mu kepadaku,
selamatkanlah aku
dengan segera;
jadilah batu pejal tempat aku berlindung,
kubu pertahanan untuk keselamatanku.
3 Kerana Engkaulah batu pejal dan kubuku;
oleh itu, demi Nama-Mu, bimbing dan pandulah aku.
4 Lepaskan aku daripada jerat yang mereka pasang untukku dalam rahsia,
kerana Engkaulah kekuatanku.
5 Ke dalam tangan-Mu kuserahkan rohku;
Engkau telah menebusku,
Ya Allah, Tuhan kebenaran.
6 Aku membenci penyembah berhala yang tidak berguna;
aku percaya kepada TUHAN.
7 Aku akan gembira dan bersukacita dengan
kasih-Mu,
kerana Engkau melihat penderitaanku
Engkau tahu segala kesusahan yang menimpaku.
8 Engkau tidak menyerahkan aku ke dalam cengkaman musuh
Engkau telah menjejakkan kakiku di tempat yang lapang.
9 Kasihanilah aku,
Ya TUHAN, kerana aku dalam kesusahan;
mataku kian musnah oleh kesedihan,
ya, seluruh jiwa ragaku.
10 Kerana hidupku habis
dengan berduka

dan usiaku dengan mengeluh;
kekuatanku hilang akibat dosaku,
dan tulang-tulangku semakin rapuh.
11 Aku dicemuh oleh segala musuhku,
tetapi lebih-lebih lagi oleh jiran tetanggaku;
aku dipandang jijik oleh kenalanku —
sesiapa melihatku di jalan lari daripadaku.
12 Aku dilupakan seperti orang yang sudah mati, luput dari ingatan;
aku seperti sebuah bekas yang pecah.
13 Aku mendengar ramai orang memfitnahku;
ketakutan mengepungku;
mereka sedang berpakat menentangku
mereka merancang untuk meragut nyawaku.
14 Namun aku tetap percaya kepada-Mu, Ya TUHAN;
aku berkata, 'Engkaulah Allah Tuhanku.'
15 Usiaku berada dalam
tangan-Mu;
selamatkanlah aku daripada segala musuhku
dan daripada mereka yang menganiayaiku.
16 Limpahkan cahaya wajah-Mu ke atas hamba-Mu;
selamatkan aku demi kasih setia-Mu.
17 Jangan biarkan aku malu,
Ya TUHAN,
kerana aku telah berseru kepada-Mu;
biarlah orang zalim
ditimpa malu
biarlah mereka membisu dalam kubur.
18 Biar lidah mereka yang berdusta dikelukan,
lidah yang menuturkan kata-kata biadab
dengan sombong dan menghina terhadap orang yang benar.
19 Betapa limpahnya
kebaikan-Mu,
yang telah Kausediakan untuk mereka yang takut kepada-Mu,
yang telah Kausiapkan untuk mereka yang percaya kepada-Mu
mereka yang berlindung dalam-Mu.
20 Engkau akan menyembunyikan mereka dalam naungan hadirat-Mu daripada pakatan jahat manusia;
Engkau akan
menyembunyikan mereka
di tempat selamat daripada serangan lidah manusia.
21 Segala puji bagi TUHAN,
kerana Dia telah menunjukkan aku kebaikan-Nya yang menakjubkan

ketika aku di kota yang dikepung.
22 Kerana aku telah berkata dengan tidak sabar,
‘Aku telah disingkirkan dari pandangan-Mu!’
Namun Kau dengar suaraku merayu
apabila aku berseru
kepada-Mu.
23 Kasihilah TUHAN, wahai umat-Nya yang warak!
Kerana TUHAN memeliharakan orang yang setia,
dan membalas sepenuhnya orang yang angkuh.
24 Tabahkan dirimu,
teguhkan hatimu,
semua kamu yang berharap kepada TUHAN.

32 *Renungan Daud.*
1 Diberkatilah orang
yang diampuni keingkarannya,
yang dihapuskan dosanya.
2 Diberkatilah orang
yang tidak dianggap berdosa oleh TUHAN
dan yang tiada penipuan dalam hatinya.
3 Ketika aku membisu,
tulang-tulangku kian uzur
akibat rintihanku
sepanjang hari.
4 Kerana siang malam
hukuman-Mu berat menekanku;
tenagaku hilang
bagaikan kemarau
musim panas.
5 Lalu aku mengakui dosaku kepada-Mu
dan tidak menyembunyikan kejahatan dosaku.
Kataku, ‘Aku akan mengakui keingkaranku kepada TUHAN’ —
maka Engkau
mengampunkan dosaku.
6 Oleh itu setiap orang yang warak hendaklah berdoa kepada-Mu
ketika Engkau masih
dapat dicari;
apabila banjir besar melanda,
tentulah dia akan terselamat.
7 Engkau tempatku berlindung;
Engkau akan menaungiku daripada kesusahan
Engkau akan memeliharaku dengan nyanyian penyelamatan.
8 Aku akan mendidik dan mengajarmu ke jalan

yang benar;
Aku akan membimbingmu dengan mata-Ku.
9 Janganlah berkelakuan seperti kuda atau keldai,
yang tidak berakal
dan perlu dipasangkan pelana serta kekang
supaya menurut kata.
10 Orang zalim akan menanggung pelbagai penderitaan,
tetapi orang yang percaya kepada TUHAN
akan dilimpahi kasih setia.
11 Bersukacitalah dalam TUHAN dan bergembiralah, wahai orang yang benar;
dan bersoraklah dengan girang, wahai semua orang yang tulus hati!

33 1 Bergembiralah tentang TUHAN, wahai orang yang benar;
kerana pujian daripada orang tulus sungguh indah.
2 Pujilah TUHAN dengan bermain kecapi;
mainkan lagu untuk-Nya dengan alat bertali sepuluh.
3 Nyanyikan lagu baru
untuk-Nya;
mainkan dengan mahir sekali sambil bersorak ria.
4 Kerana firman TUHAN
itu benar;
dan semua kerja-Nya dilakukan dalam kebenaran.
5 TUHAN mencintai kebenaran dan keadilan;
bumi ini dipenuhi kasih setia-Nya.
6 Dengan firman TUHAN langit telah dicipta,
dan seluruh cakerawala dengan perintah-Nya.
7 Dia menghimpunkan air segala lautan;
Dia menyimpan khazanah lautan dalam perbendaharaan.
8 Takutilah TUHAN, hai seluruh bumi;
gerunlah kepada-Nya, hai semua penghuni dunia.
9 Kerana Dia berfirman, lalu segalanya terjadi;
Dia memberi perintah, lalu segalanya teguh.
10 TUHAN mematahkan rancangan bangsa-bangsa;
Dia menjadikan niat mereka sia-sia.
11 Rancangan TUHAN bertapak selama-lamanya,
niat hati-Nya bagi manusia zaman-berzaman.
12 Diberkatilah bangsa yang menyembah Allah sebagai TUHAN mereka,
mereka yang telah dipilih sebagai milik-Nya.
13 TUHAN memandang dari syurga
Dia melihat semua anak manusia;
14 dari tempat bersemayam-Nya Dia memandang
semua penghuni bumi —

15 Dia membentuk hati
setiap orang,
Dia mempertimbangkan seluruh perbuatan mereka.
16 Tiada raja yang diselamatkan oleh tentera yang besar;
orang gagah perkasa tidak dapat diselamatkan oleh kekuatan yang hebat.
17 Kuda yang diharapkan untuk menyelamatkan pasti mengecewakan;
kekuatannya yang hebat tidak akan menyelamatkan sesiapa.
18 Lihatlah, TUHAN menumpukan perhatian kepada mereka yang takut kepada-Nya,
kepada mereka yang berharapkan kasih
setia-Nya,
19 untuk menyelamatkan mereka daripada maut,
dan membolehkan mereka hidup ketika berlaku kebuluran.
20 Jiwa kita berharap
akan TUHAN;
Dialah yang menolong dan melindungi kita.
21 Hati kita akan bergembira kerana Dia,
sebab kita percaya akan nama-Nya yang suci.
22 Limpahi kami dengan kasih setia-Mu, Ya TUHAN,
sebagaimana kami berharap kepada-Mu.

34 *Mazmur Daud. Ketika dia berpura-pura gila di hadapan Abimelekh, yang mengusirnya, lalu dia pergi.*

1 Aku akan memuji TUHAN setiap waktu;
puji-pujian untuk-Nya akan sentiasa di bibirku.
2 Jiwaku akan mengisytiharkan kebesaran TUHAN;
rakyat derita akan mendengar dan bersukacita.
3 Pujilah kebesaran TUHAN bersamaku;
marilah kita memuliakan nama-Nya bersama-sama.
4 Aku telah berseru kepada TUHAN, dan Dia
mendengar seruanku;
lalu Dia menyelamatkanku daripada semua yang kutakuti.
5 Orang yang dalam kesusahan bermohon kepada-Nya;
maka wajah mereka berseri-seri dan tidak
menanggung malu.
6 Orang malang berseru merayu, dan TUHAN mendengar rayuannya;
lalu menyelamatkannya daripada segala kesusahannya.
7 Para malaikat TUHAN berjaga sekeliling orang yang takut kepada-Nya,
dan menyelamatkan mereka.
8 Rasakan dan lihatlah
kebaikan TUHAN;
diberkatilah orang yang percaya kepada-Nya.
9 Takutilah TUHAN, wahai
umat-Nya yang salih,

mereka yang takut
kepada-Nya tidak kekurangan apa-apa.
10 Anak-anak singa menjadi lemah dan lapar,
tetapi mereka yang berpaling kepada TUHAN tidak akan kekurangan sesuatu
yang baik.
11 Marilah anak-anak, dengar kata-kataku;
aku akan mengajarmu takut akan TUHAN.
12 Siapa yang sayangkan hidup
dan inginkan panjang umur,
13 jagalah lidahmu daripada kejahatan
dan bibirmu daripada
kata-kata palsu.
14 Tinggalkan kejahatan dan lakukan kebaikan;
cari dan burulah kedamaian.
15 Kerana mata TUHAN tertuju kepada orang yang benar
dan telinga-Nya mendengar rayuan mereka;
16 Tetapi wajah TUHAN menentang mereka yang berbuat jahat,
sehingga ingatan tentang mereka luput dari bumi.
17 Orang yang benar berseru merayu, dan TUHAN mendengar;
lalu menyelamatkan
mereka daripada segala kesusahan mereka.
18 TUHAN merapati orang yang patah hati
dan menyelamatkan orang yang menyesal.
19 Orang yang benar banyak ditimpa penderitaan,
Tetapi TUHAN menyelamatkannya daripada segala-galanya;
20 TUHAN menjaga setiap tulangnya,
satu pun tidak patah.
21 Orang zalim akan dibunuh oleh kejahatan;
dan mereka yang membenci orang benar akan dihukum.
22 TUHAN menebus roh
hamba-Nya;
tiada seorang pun yang percaya kepada-Nya akan dihukum.

35 *Mazmur Daud.*
1 Sokonglah perjuanganku,
Ya TUHAN, dengan orang yang memerangiku;
lawanlah mereka yang melawanku.
2 Gunakan perisai dan baju zirah-Mu;
dan bangkitlah menolongku.
3 Hunuslah lembing
dan hentikan mereka daripada memburuku.
Katakan kepada jiwaku,
‘Aku penyelamatanmu.’

[4] Malukan dan cemarkan
nama orang yang hendak meragut nyawaku;
dan mereka yang merancang untuk mencederakanku
akan berundur dan
kelam-kabut.
[5] Jadikan mereka seperti sekam ditiup angin,
dan perintahkan malaikat TUHAN menghalau mereka;
[6] jadikan jalan yang mereka tempuh gelap dan licin,
dan perintahkan malaikat TUHAN memburu mereka.
[7] Kerana tanpa sebab mereka memasang jerat tersembunyi untukku
dan tanpa sebab mereka gali lubang untuk meragut nyawaku,
[8] biar kebinasaan menimpa mereka dengan tiba-tiba —
dan jerat yang disembunyikan mereka itu menjerat diri
mereka sendiri,
biar mereka terjerumus
lalu binasa.
[9] Maka jiwaku akan bersukacita dengan pertolongan TUHAN,
akan bergembira dengan penyelamatan-Nya.
[10] Semua tulangku akan berkata,
'TUHAN , tiada siapa
seperti-Mu,
yang menyelamatkan orang daif daripada orang yang terlalu kuat bagi mereka,
ya, menyelamatkan orang miskin dan sesak daripada orang yang merampas
milik mereka.'
[11] Saksi-saksi yang berniat jahat menuduhku;
menyoalku tentang perkara yang tidak kuketahui.
[12] Mereka membalas kebaikanku dengan kejahatan
sehingga jiwaku berduka.
[13] Sedangkan ketika mereka sakit dahulu, aku telah berkabung
aku merendahkan diriku dengan berpuasa.
Dan doaku sentiasa kembali ke hatiku.
[14] Aku mundar-mandir
seolah-olah mereka sahabat atau saudaraku.
Aku tunduk bersedih,
bagaikan berkabung
untuk ibu.
[15] Namun, apabila aku dalam kesusahan, mereka bergembira dan berhimpun;
mereka berkumpul menyerangku sedangkan aku tidak tahu.
Mereka menfitnahku dengan ganas terus-menerus.
[16] Bersama pencemuh mungkar yang mencemuh di majlis jamuan;
mereka menggertakkan gigi terhadapku.
[17] Ya TUHAN, berapa lamakah Engkau akan melihat sahaja?

Selamatkanlah aku daripada binasa di tangan mereka,
dan nyawaku yang satu-satunya daripada
mulut singa.
18 Aku akan mengucapkan syukur kepada-Mu di perhimpunan besar;
aku akan memuji-Mu di hadapan khalayak ramai.
19 Jangan benarkan mereka
yang memusuhiku dengan alasan palsu
bergembira kerana kekalahanku;
jangan benarkan mereka yang membenciku tanpa sebab
berkenyitan riang kerana kejatuhanku.
20 Mereka tidak bertutur untuk kesejahteraan,
tetapi merancang kepalsuan dan penipuan
terhadap orang yang
hidup damai.
21 Mereka juga telah bersuara lantang menuduhku dengan berkata, 'Aha, aha!
Kami telah melihatnya dengan mata kami.'
22 Ini telah Kaulihat, Ya TUHAN; janganlah berdiam diri.
Ya TUHAN, janganlah jauh daripadaku.
23 Bangkit dan pertahankanlah kebenaranku!
Sokong perjuanganku,
Ya Allah, Ya TUHANku,
24 Tunjukkan kebenaranku,
Ya Allah, Ya TUHANku, menurut kebenaran-Mu;
dan jangan biarkan mereka bergembira kerana kekalahanku.
25 Jangan biarkan mereka berkata dalam hati, 'Aha, inilah yang kita mahu!'
jangan biarkan mereka berkata, 'Kita telah menghapuskannya.'
26 Malukan dan
kelirukanlah mereka
yang bergembira kerana penderitaanku;
aibkan dan cemarkan nama mereka yang mengangkat diri menentangku.
27 Gembirakan hati sehingga bersorak girang
mereka yang menyokong perjuanganku yang benar;
biar mereka berkata setiap waktu, 'Muliakan TUHAN,
yang meredai kejayaan hamba-Nya.'
28 Lidahku akan mengisytiharkan kebenaran-Mu
serta memuji-Mu
sepanjang hari.

36 *Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud, hamba TUHAN.*
1 Satu nubuat dalam hatiku
tentang keingkaran
orang zalim:
dia tidak takut akan Allah.

[2] Kerana dia memuliakan dirinya dalam pandangannya
apabila dia tahu keingkarannya dan merasa kebencian.
[3] Kata-kata daripada mulutnya zalim dan dusta;
dia tidak lagi bijaksana dan berbuat baik.
[4] Dia merancang kejahatan
di tempat tidurnya;
dia mengikut jalan
yang tidak baik
dia tidak membenci kejahatan.
[5] Kasih-Mu, Ya TUHAN, menjangkau langit,
kesetiaan-Mu
mencecah awan.
[6] Kebenaran-Mu setinggi gunung,
penghakiman-Mu sedalam lautan.
Ya TUHAN, Engkau melindungi manusia dan haiwan.
[7] Betapa berharganya kasih setia-Mu!
Oleh itu anak manusia meletakkan kepercayaan
berlindung di bawah bayangan sayap-Mu.
[8] Mereka dijamu sehingga puas dari limpahan kurnia rumah-Mu;
dan Kauberi mereka minum dari sungai nikmat-Mu.
[9] Kerana pada-Mu
pancuran hidup;
dalam cahaya-Mu kami melihat cahaya.
[10] Teruskanlah kasih-Mu kepada mereka yang mengenal-Mu,
dan kebaikan-Mu kepada mereka yang tulus hati.
[11] Jangan biarkan kaki orang yang angkuh menerajangku,
dan jangan biarkan tangan orang zalim mengusirku.
[12] Lihatlah, orang yang melakukan kejahatan
telah jatuh —
mereka telah digulingkan dan tidak berdaya
bangkit lagi!

37 *Mazmur Daud.*
[1] Jangan gusar kerana orang melakukan kejahatan
dan jangan iri hati kepada orang yang melakukan kedurjanaan;
[2] kerana tidak lama lagi mereka akan ditebas seperti rumput,
dan layu seperti layunya tumbuhan hijau.
[3] Percayalah kepada TUHAN, dan lakukan kebaikan;
tinggallah di tanah ini dan berpeganglah kepada kesetiaan-Nya.
[4] Cari kebahagiaan
daripada TUHAN
maka Dia akan menunaikan hasrat hatimu.

5 Serahkan jalan hidupmu kepada TUHAN;
percayalah kepada-Nya maka Dia akan bertindak:
6 Dia akan menyatakan kebenaranmu
seterang cahaya,
dan keadilanmu seterang matahari tengah hari.
7 Sandarkan hatimu kepada TUHAN dan sabarlah menanti tindakan-Nya;
jangan gusar kerana ada yang makmur mengikut jalan sendiri,
kerana ada yang menjayakan rancangan zalim.
8 Jangan marah,
jangan meradang;
jangan gusar — segalanya cuma membawa mudarat.
9 Orang yang melakukan kejahatan akan dimusnahkan,
tetapi orang yang berharap kepada TUHAN akan mewarisi dunia.
10 Hanya seketika lagi, orang zalim akan lenyap;
malah kamu akan mencari dengan teliti bekas tempatnya, tetapi hapus sama sekali.
11 Orang yang rendah hati akan mewarisi bumi ini
dan akan bersukacita dengan kesejahteraan yang melimpah-limpah.
12 Orang zalim menyusun rancangan menentang
orang yang benar
dan menggertakkan gigi terhadapnya;
13 TUHAN mentertawakannya,
kerana TUHAN tahu harinya akan tiba.
14 Orang zalim telah menghunus pedang
dan melengkungkan
busur mereka
untuk menindas orang
miskin dan sesak,
serta membunuh orang
yang hidup tulus.
15 Pedang mereka akan menembusi hati sendiri,
dan busur mereka
akan dipatahkan.
16 Sedikit yang dimiliki oleh seorang yang benar
lebih baik daripada kekayaan besar orang zalim;
17 kerana lengan orang zalim akan dipatahkan,
tetapi TUHAN akan menolong orang yang benar.
18 TUHAN mengetahui hidup orang yang tidak bercela,
dan warisan mereka akan kekal selama-lamanya.
19 Mereka tidak akan menanggung malu pada masa kesusahan;
dan pada masa kebuluran bekalan makanan mereka akan mencukupi.
20 Tetapi orang zalim
akan binasa:

dan semua musuh TUHAN seperti keindahan padang rumput,
semuanya akan lenyap seperti asap.
21 Orang zalim meminjam lantas tidak membayar,
tetapi orang yang benar menunjukkan belas kasihan lalu memberi;
22 orang yang diberkati TUHAN akan mewarisi bumi ini,
tetapi mereka yang disumpah-Nya akan disingkiri.
23 Langkah seorang yang baik diperintahkan oleh TUHAN,
dan Dia meredai jalan yang dilaluinya;
24 kalaupun orang itu tergelincir, dia tidak
akan rebah,
kerana TUHAN menyokongnya dengan tangan-Nya.
25 Dari usia muda hingga tua sekarang,
tidak pernah kulihat orang benar diabaikan TUHAN
atau anak cucunya mengemis untuk makan.
26 Mereka sentiasa pengasihan dan membantu;
dan anak cucu mereka diberkati.
27 Tinggalkanlah kejahatan, dan lakukan kebaikan;
lalu hiduplah selama-lamanya.
28 Kerana TUHAN kasih
akan keadilan dan tidak akan meninggalkan umatnya yang warak.
Mereka dipeliharakan
selama-lamanya,
tetapi keturunan orang zalim akan disingkiri;
29 Orang yang benar akan mewarisi tanah ini
dan tinggal di sini
selama-lamanya.
30 Mulut orang yang benar menuturkan kebijaksanaan,
dan lidahnya bercakap tentang keadilan.
31 Hukum Allah Tuhannya bertapak di hatinya;
kakinya tidak akan tergelincir.
32 Orang zalim memerhatikan orang yang benar;
dan cuba membunuhnya;
33 TUHAN tidak akan membiarkan orang yang benar di tangan orang zalim
dan tidak akan menghukum orang benar dalam penghakiman.
34 Berharaplah kepada TUHAN
dan ikuti jalan-Nya.
Maka Dia akan mengangkatmu untuk mewarisi tanah ini;
apabila orang
zalim disingkiri,
kamu akan melihatnya.
35 Aku telah melihat orang zalim berkuasa besar
dan meluaskan lagi kuasanya seperti dahan-dahan pokok yang subur,

36 namun dia lenyap,
tiba-tiba dia tiada lagi;
aku mencarinya, tetapi dia tidak mungkin ditemui.
37 Perhatikan orang yang
tidak bercela, teliti orang yang tulus;
kerana masa hadapannya adalah kesejahteraan.
38 Tetapi orang yang ingkar akan dibinasakan bersama-sama;
masa hadapan orang zalim akan dihapuskan.
39 Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN;
Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan.
40 TUHAN akan menolong dan menyelamatkan mereka;
Dia akan menyelamatkan mereka daripada orang zalim dan memelihara mereka,
kerana mereka percaya kepada-Nya.

38 *Mazmur rayuan Daud.*
1 Ya TUHAN, jangan marahi aku dalam kemurkaan-Mu
jangan hukum aku dalam nyala keberangan-Mu.
2 Kerana anak-anak panah-Mu menikamku
sungguh dalam,
dan tangan-Mu menekanku.
3 Seluruh tubuhku sakit kerana kemurkaan-Mu;
tulang-tulangku rapuh kerana dosaku.
4 Kejahatan yang kulakukan telah keterlaluan
seperti beban yang terlampau berat untukku.
5 Luka-lukaku busuk bernanah
kerana kebodohanku.
6 Aku menderita, aku sungguh tertekan;
aku berduka sepanjang hari.
7 Kerana pinggangku penuh radang;
dan seluruh tubuhku sakit.
8 Aku daif dan remuk-redam;
aku merintih kerana
hatiku rusuh.
9 Ya TUHAN, seluruh keinginanku terdedah di hadapan-Mu;
dan rintihanku tidak tersembunyi daripada-Mu.
10 Hatiku berdebar-debar, kekuatanku hilang;
malah mataku juga kehilangan cahaya.
11 Orang yang kusayangi dan sahabat handaiku takut mendekatiku kerana penyakit hawarku;
dan saudara-maraku menjauhkan diri daripadaku.
12 Orang yang ingin membunuhku memasang jerat untukku,
mereka yang hendak mencederakan aku bercakap tentang kebinasaanku;
dan merancangkan penipuan sepanjang hari.
13 Tetapi aku, seperti orang tuli, tidak mendengar,

aku seperti orang bisu yang tidak membuka mulut;
14 Demikianlah aku seperti seorang yang tidak mendengar,
dan tidak berkata apa-apa tentang segala yang berlaku.
15 Kepada-Mu, Ya TUHAN,
aku berharap;
Engkau akan mendengar,
Ya Allah Tuhanku.
16 Kerana aku berkata, ‘Dengarlah rayuanku, supaya mereka tidak bergembira dengan penderitaanku,
supaya apabila kakiku tergelincir, mereka tidak mengangkat diri menentangku.’
17 Aku lemah mungkin rebah,
dan kesedihan sentiasa kurasakan.
18 Aku akan mengakui kejahatanku;
aku sedih terseksa kerana dosaku.
19 Tetapi musuhku bertenaga dan gagah;
dan mereka yang membenciku tanpa sebab yang wajar telah berganda bilangannya.
20 Mereka yang membalas kebaikan dengan kejahatan
menjadi seteruku kerana aku menegakkan kebaikan.
21 Janganlah tinggalkan aku,
Ya TUHAN;
Ya Allah Tuhanku, janganlah jauh daripadaku.
22 Segeralah tolong aku,
Ya TUHAN, Penyelamatku!

39 *Untuk pemimpin muzik.*
Untuk Yedutun. Mazmur Daud.
1 Aku telah berkata, ‘Aku akan menjaga langkahku
takut nanti aku berdosa dengan lidahku;
Aku akan mengekang mulutku
ketika orang zalim di hadapanku.’
2 Aku senyap membisu,
kebaikan pun tidak kututurkan,
lalu kesedihanku berkecamuk.
3 Hatiku panas,
ketika aku bermenung, apinya menyala;
lalu lidahku berkata:
4 ‘Ya TUHAN, tunjukkanlah aku bila ajalku
dan berapa lama aku akan hidup;
supaya aku tahu betapa fananya aku.
5 Sememangnya Engkau telah membuat hidupku begitu singkat;
dan usiaku bagaikan tiada bagi-Mu.
Sebenarnya manusia dalam keadaan terbaik pun hanyalah sehembus nafas.
6 Sesungguhnya setiap manusia melangkah seperti bayang-bayang:

Sesungguhya dia sibuk dengan sia-sia;
dia menimbun harta, dan tidak tahu siapa mendapatnya nanti.
[7] Sekarang, Ya TUHAN, apa yang kunantikan?
Harapanku tertumpu kepada-Mu.
[8] Bebaskanlah aku daripada segala dosaku;
jangan biarkan aku diejek oleh orang bodoh.
[9] Aku membisu; aku tidak membuka mulutku,
kerana Engkau yang melakukannya.
[10] Sembuhkanlah penyakit yang Kautimpakan kepadaku;
aku binasa di bawah hukuman-Mu.
[11] Apabila Engkau memurkai dan menghukum manusia kerana dosa mereka;
Engkau membuat kehebatannya lenyap seperti terbangnya rama-rama —
sesungguhnya setiap manusia itu hanya
sehembus nafas.
[12] 'Dengarlah doaku, Ya TUHAN,
dengarlah rayuanku;
jangan berdiam diri melihat air mataku.
Kerana aku orang asing
bagi-Mu,
menumpang untuk sementara, seperti nenek moyangku.
[13] Alihkan renungan tajam-Mu daripadaku, supaya tenagaku pulih
sebelum aku pergi dan
tiada lagi.'

40 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
[1] Aku menantikan TUHAN dengan sabar;
lalu Dia berpaling kepadaku dan mendengar rayuanku.
[2] Dia mengeluarkanku daripada lubang yang dahsyat,
daripada tanah liat berpaya;
dan meletakkan aku berpijak di atas batu pejal
serta menetapkan langkahku.
[3] Dia telah meletakkan nyanyian baru di bibirku,
puji-pujian kepada Allah Tuhan kita.
Ramai yang akan melihat dan berasa takut
lalu percaya kepada TUHAN.
[4] Diberkatilah orang
yang menjadikan TUHAN kepercayaannya,
dan tidak gentar
terhadap orang angkuh
serta pendusta.
[5] Sungguh banyak, Ya Allah,
Ya TUHANku,

perbuatan menakjubkan yang telah Kaulakukan.
Dan ingatan-Mu kepada kami
tidak dapat disebutkan satu persatu;
kalaulah aku cuba mengisytiharkannya,
banyaknya tidak terkira.
6 Korban dan persembahan tidak Kauingini,
tetapi Engkau telah membukakan telingaku;
persembahan dan korban bakaran penghapus dosa
tidak Kauredai.
7 Kemudian aku berkata, ‘Lihatlah, aku telah
datang —
dalam naskhah kitab ada tersurat tentangku.
8 Aku sukacita menjalankan kehendak-Mu,
Ya Allah Tuhanku;
dan hukum-Mu tertera
di hatiku.’
9 Aku telah mengisytiharkan berita baik tentang kebenaran di
perhimpunan besar;
sesungguhnya aku tidak mengekang mulutku,
Ya TUHAN, Engkau sendiri mengetahui.
10 Aku tidak menyembunyikan kebaikan-Mu dalam hatiku;
aku telah mengisytiharkan kesetiaan-Mu dan penyelamatan-Mu.
Aku tidak merahsiakan
kasih-Mu dan
kebenaran-Mu daripada perhimpunan besar.
11 Janganlah berhenti memberikan belas kasihan-Mu, Ya TUHAN;
peliharakanlah aku sentiasa dengan kasih-Mu dan kebenaran-Mu.
12 Kerana terlalu banyak kejahatan mengelilingiku;
dosaku telah dapat memburuku, tidak terdaya aku mengangkat mata.
Bilangannya melebihi rambut di kepalaku,
maka hatiku tidak bermaya menghadapinya.
13 Ya TUHAN, berkenanlah untuk menyelamatkanku;
Ya TUHAN, segeralah
tolong aku.
14 Biar mereka dimalukan dan dikelirukan,
mereka yang ingin meragut nyawaku;
biar mereka berundur dan menanggung aib
mereka yang hendak memusnahkan aku.
15 Biar mereka berundur
kerana malu,
mereka yang mengejekku, ‘Aha! Aha!’
16 Biar semua yang mencari-Mu

bergembira dan bersukacita kerana-Mu;
dan biar mereka yang cinta akan penyelamatan-Mu berkata sentiasa,
'TUHAN Maha Tinggi!'
17 Aku miskin dan sesak;
tetapi TUHAN ingat kepadaku.
Engkaulah penolong dan penyelamatku;
janganlah berlengah-lengah, Ya Allah Tuhanku.

41 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Diberkatilah orang yang mengambil berat terhadap orang miskin;
TUHAN akan menyelamatkannya pada waktu kesusahan.
2 TUHAN akan memeliharanya dan melindungi nyawanya;
dan dia akan diberkati di
atas bumi
Engkau tidak akan menyerahkannya ke tangan musuhnya.
3 TUHAN akan memberinya kekuatan ketika dia terbaring sakit
Engkau akan memelihara dan memulihkannya.
4 Aku berkata, 'Ya TUHAN, kasihanilah aku;
pulihkan jiwaku, kerana aku telah berdosa kepada-Mu.'
5 Musuhku menuturkan kata-kata yang buruk tentangku,
'Bilakah dia akan mati dan namanya lenyap?'
6 Dan jika dia datang menziarahiku,
dia berdusta, hatinya mengumpul kejahatan;
dan apabila dia pergi, dia menyebarkannya.
7 Semua yang membenciku berbisik dan berpakat menentangku;
mereka merancang untuk mencederakan aku.
8 'Penyakit yang keji,' kata mereka, 'telah menimpanya;
sekarang dia terlantar dan tidak akan bangun lagi.'
9 Sampaikan sahabat karibku yang kupercayai,
yang makan bersama
di rumahku,
telah berpaling menentangku.
10 Tetapi Engkau, Ya TUHAN, kasihanilah aku;
dan pulihkan aku,
supaya dapat kubalas perbuatan mereka.
11 Dengan demikian tahulah aku bahawa Engkau berkenan kepadaku,
apabila musuhku tidak Kaubiarkan mengalahkanku.
12 Dan Engkau menegakkan aku dalam keikhlasanku
dan meletakkan
aku di hadirat-Mu
selama-lamanya.
13 Segala puji bagi TUHAN,

Allah Tuhan Israel,
yang tiada permulaan
dan tiada kesudahan
selama-lamanya.
Amin, Amin.

Zabur Jilid 2

42 *Untuk pemimpin muzik. Renungan puak Korah.*

[1] Seperti rusa merindui
air sungai,
demikianlah jiwaku merindui-Mu, Ya Allah.
[2] Jiwaku dahaga akan Allah, Tuhan yang hidup.
Bilakah aku akan datang ke hadirat Allah?
[3] Air mataku menjadi makananku
siang malam,
manakala mereka terus menerus berkata kepadaku,
'Di manakah Allah Tuhanmu?'
[4] Apabila kukenang segala
ini kucurah keluar
seluruh jiwaku:
kerana dahulu aku pergi bersama orang ramai,
ke rumah Allah,
dengan suara kegembiraan dan puji-pujian
bersama orang ramai menyambut hari mulia.
[5] Mengapa kau nestapa,
wahai jiwaku?
Mengapa engkau resah gelisah?
Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan
memuji-Nya,
Penyelamatku.
[6] Ya TUHANku, jiwaku nestapa dalam diriku;
maka aku akan ingat
kepada-Mu
dari tanah Yordan,
dan puncak gunung Hermon — serta dari Bukit Mizar.
[7] Jiwaku bagai
dipanggil-panggil
ketika mendengar deru air terjun-Mu;
segala ombak dan
gelombang-Mu
telah menenggelamkan aku.
[8] TUHAN akan melimpahkan kasih-Nya pada siang hari,
dan pada waktu malam nyanyian-Nya akan menemaniku —
doa kepada Tuhan hidupku.

[9] Aku akan berkata kepada Allah Batu Pejalku,
‘Mengapa Engkau melupakan aku?
Mengapa aku bersedih,
kerana ditindas musuh?’
[10] Seperti mematahkan
tulang-tulangku,
musuhku mengejekku,
dengan berkata kepadaku sepanjang hari,
‘Di manakah Allah Tuhanmu?’
[11] Mengapa kau nestapa,
wahai jiwaku?
Mengapa kau resah gelisah?
Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan
memuji-Nya,
Penyelamatku dan TUHANku.

43 [1] Pertahankan kebenaranku,
Ya Allah,
dan sokong perjuanganku menentang bangsa
yang mungkar;
selamatkanlah aku
daripada manusia yang dusta dan zalim.
[2] Kerana Engkaulah Allah kekuatanku.
Mengapa Engkau menyingkiri aku?
Mengapa aku bersedih,
kerana ditindas musuhku?
[3] Hantarlah cahaya-Mu dan kebenaran-Mu,
untuk membimbingku;
membawaku ke bukit suci-Mu,
dan ke khemah-Mu.
[4] Maka aku akan pergi ke mazbah-Mu, Ya Allah,
Allah sumber kebahagiaanku yang tidak terhingga.
Dan sambil bermain kecapi aku akan memuji-Mu,
Ya Allah, Ya TUHANku.
[5] Mengapa kau nestapa, wahai jiwaku?
Mengapa kau resah gelisah?
Berharaplah kepada Allah,
kerana aku akan
memuji-Nya,
Penyelamatku dan TUHANku.

44 *Untuk pemimpin muzik. Renungan puak Korah.*

[1] Kami telah mendengar dengan telinga kami sendiri,
Ya Allah;
nenek moyang kami menceritakan kepada kami
perbuatan yang Kaulakukan pada zaman mereka,
zaman dahulu kala.
[2] Engkau telah mengusir bangsa-bangsa asing dengan tangan-Mu
lalu menempatkan umat-Mu di tanah ini;
Engkau menurunkan bala kepada bangsa-bangsa asing
dan menyingkiri mereka.
[3] Umat-mu tidak menakluki tanah ini dengan pedang mereka,
dan tidak menyelamatkan diri dengan kekuatan mereka sendiri;
yang melakukannya ialah tangan kanan-Mu,
kekuatan-Mu dan cahaya wajah-Mu, kerana Engkau meredai mereka.
[4] Engkau Rajaku, Ya TUHANku,
perintahkanlah kemenangan untuk Yakub.
[5] Melalui Engkau kami
akan menumbangkan musuh kami;
dengan nama-Mu kami akan menakluki orang yang menyerang kami.
[6] Aku tidak akan percaya kepada busurku,
atau pedangku untuk menyelamatkan kami daripada musuh kami;
[7] tetapi Engkau telah menyelamatkan kami daripada musuh kami,
dan memalukan mereka yang membenci kami.
[8] Kami mengisytiharkan kebenaran Allah
sepanjang hari,
dan memuji nama-Mu selama-lamanya.
[9] Tetapi sekarang Engkau menyingkiri dan memalukan kami;
dan Engkau tidak bersama tentera kami.
[10] Engkau membuat
kami berundur apabila diserang musuh,
dan mereka yang membenci kami merampas harta kami.
[11] Engkau membiarkan kami disembelih seperti domba
dan mencerai-beraikan kami di kalangan bangsa-bangsa.
[12] Engkau menjual umat-Mu dengan harga picisan,
dan tidak mendapat untung daripada jualan itu.
[13] Engkau menjadikan kami bahan ejekan jiran kami,
penghinaan dan
cemuhan semua orang sekeliling kami.
[14] Engkau membuat kami buah mulut bangsa-bangsa;
mereka menggeleng kepala mengumpat kami.
[15] Aku sentiasa sedar akan maruahku yang tercemar,
dan keaiban yang terpalit di mukaku

16 kerana suara orang yang mengejek dan mencaci,
kerana suara musuh dan pendendam.
17 Segala ini telah
menimpa kami,
tetapi kami tidak melupakan-Mu
dan tidak mengkhianati perjanjian dengan-Mu.
18 Hati kami tidak
berpaling tadah;
dan langkah kami tidak meninggalkan jalan-Mu.
19 Tetapi Engkau meninggalkan kami untuk dimakan binatang liar
dan meliputi kami dengan bayangan maut.
20 Kalaulah kami telah melupakan nama Allah Tuhan kami
atau menghulur tangan menyembah dewa asing,
21 tidakkah Allah mengetahuinya,
kerana Dia tahu akan segala rahsia hati?
22 Namun kerana-Mu kami menghadapi maut
sepanjang hari;
kami dianggap sebagai domba untuk disembelih.
23 Bangunlah! Mengapa Engkau berdiam diri, Ya TUHAN?
Bangkitlah! Jangan singkirkan kami
selama-lamanya.
24 Mengapa Kausembunyikan wajah-Mu,
dan Kaulupakan penderitaan serta penindasan yang menimpa kami?
25 Jiwa kami tersungkur
di debu;
tubuh kami terlekap
ke tanah.
26 Bangkitlah untuk
menolong kami;
dan tebuslah kami demi kasih setia-Mu.

45 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Bunga Bakung'. Renungan puak Korah. Lagu kasih.*
1 Hatiku melimpah dengan tema yang indah
aku menyanyikan ciptaanku tentang raja;
lidahku seperti pena pujangga.
2 Engkau lebih hebat daripada anak-anak manusia;
kasih kurnia tercurah di bibir-Mu,
maka Allah memberkati-Mu selama-lamanya.
3 Ikatkan pedang-Mu dipinggang, wahai
Raja yang perkasa;
dengan kemuliaan dan kedaulatan-Mu.
4 Dan dalam kedaulatan-Mu tujulah kemenangan
bagi kebenaran, kerendahan hati dan keadilan;

maka tangan kanan-Mu akan mengajar-Mu pelbagai perkara yang menakjubkan.
[5] Anak-anak panah-Mu tajam menikam jantung
musuh Raja;
bangsa-bangsa rebah ke bawah kaki-Mu.
[6] Takhta-Mu, Ya Allah, kekal selama-lamanya;
tongkat kebenaran adalah tongkat kerajaan-Mu.
[7] Engkau mencintai kebenaran dan membenci kejahatan;
oleh itu Allah, Allah
TUHAN-Mu, telah mengurapi-Mu
dengan minyak kebahagiaan lebih daripada teman-teman-Mu.
[8] Seluruh pakaian diharumi mur, gaharu dan cendana;
dari istana-istana gading
yang menggirangkan
hati-Mu.
[9] Puteri raja-raja antara perempuan terhormat di keliling-Mu;
di sebelah tangan kanan-Mu berdiri permaisuri berhias emas dari Ophir.
[10] Dengarlah, wahai anak perempuan, pasang telingamu baik-baik dan timbangkan kata-kataku:
Lupakan bangsamu dan rumah ayahandamu.
[11] Kecantikanmu memikat
hati Raja;
hormati Dia kerana
Dia Tuanmu,
[12] Puteri Tirus akan datang membawa hadiah,
orang kaya akan cuba mengambil hati-Mu.
[13] Puteri penuh kemuliaan di istana;
pakaiannya ditenun dengan benang emas.
[14] Dia akan dibawa menghadap Raja dengan pakaian
aneka warna;
anak-anak dara mengiringnya
akan menghadap-Mu.
[15] Dengan gembira dan sorakan ria mereka akan dibawa;
mereka akan masuk ke istana Raja.
[16] Putera-putera-Mu akan menggantikan nenek moyang-Mu;
Engkau akan merajakan mereka di serata bumi.
[17] Dengan nyanyianku ini nama-Mu akan diingati turun-temurun;
maka bangsa-bangsa akan memuji-Mu
selama-lamanya.

46 *Untuk pemimpin muzik. Mazmur puak Korah. Menurut nyanyian untuk Alamat.*
[1] Allah Pelindung dan Pemberi kekuatan kepada kita,
sentiasa sedia menolong pada waktu kesusahan.
[2] Oleh itu kita tidak akan takut meski bumi ini diganjakkan

meski gunung-ganang dialih ke tengah laut,
3 meski airnya menderu dan bergelora
meski pergunungan bergoncang dilandanya.
4 Ada sebatang sungai yang alirannya akan menggembirakan
kota Allah,
tempat suci khemah
Yang Maha Tinggi.
5 Allah berada di situ, kota itu tidak akan goyah;
Allah akan membantunya ketika fajar menyingsing.
6 Bangsa-bangsa mengganas, kerajaan-kerajaan bergoncang;
Allah berfirman,
lalu bumi pun lebur.
7 TUHAN Yang Maha Kuasa menyertai kita;
Allah Tuhan Yakub tempat kita berlindung.
8 Marilah, lihat
perbuatan TUHAN,
yang telah membawa kemusnahan kepada bumi.
9 Dia menghentikan perang
di serata bumi;
Dia mematahkan
busur dan lembing,
Dia membakar pedati dalam api menyala.
10 'Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah;
Aku akan dimuliakan di kalangan bangsa-bangsa,
Aku akan dimuliakan di bumi ini.'
11 TUHAN Yang Maha Kuasa menyertai kita;
Allah Tuhan Yakub tempat kita berlindung.

47 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur puak Korah.
1 Bertepuklah wahai seluruh bangsa-bangsa;
bersoraklah kepada Allah dengan suara kemenangan.
2 Kerana TUHAN Yang Maha Tinggi amat menakjubkan,
Dia Raja besar memerintah seluruh bumi!
3 Dia akan menundukkan bangsa-bangsa ke bawah kuasa kita,
dan kaum-kaum ke bawah kaki kita.
4 Dia akan memilihkan warisan untuk kita,
keunggulan Yakub yang dikasihi-Nya.
5 Allah telah naik ke takhta-Nya
diiringi sorak-sorai,
Ya TUHAN yang diiringi bunyi nafiri.
6 Nyanyikan puji-pujian kepada Allah, nyanyikanlah
puji-pujian;

nyanyikan puji-pujian kepada Raja kita, nyanyikanlah puji-pujian.
[7] Kerana Allah Raja
seluruh bumi;
nyanyikan puji-pujian sepenuh pengertian.
[8] Allah memerintah
bangsa-bangsa;
Allah bersemayam di atas takhta-Nya.
[9] Raja-raja segala bangsa telah berhimpun
sebagai umat Allah,
TUHAN Ibrahim,
kerana semua raja bumi
milik Allah;
Yang Maha Besar dan Mulia.

48 *Nyanyian. Mazmur puak Korah.*
[1] Maha Besar TUHAN, segala puji bagi-Nya,
di kota Allah Tuhan kita, di bukit suci-Nya.
[2] Indah dalam ketinggiannya,
kegembiraan seluruh bumi.
Bukit Sion di bahagian
utara Zafon,
kota Raja yang Agung.
[3] Allah berada di istana kota ini;
Dia telah menunjukkan diri-Nya
sebagai Pelindung.
[4] Lihatlah, raja-raja telah berhimpun,
mereka lalu bersama-sama,
[5] mereka melihatnya lalu
berasa takjub;
mereka cemas dan
segera pergi.
[6] Mereka dicengkam
ketakutan di situ,
dan kesakitan seperti perempuan hendak bersalin.
[7] Seperti waktu Engkau memecahkan kapal-kapal Tarshish dengan angin ribut dari timur.
[8] Sebagaimana yang
kami dengar,
begitulah yang kami lihat
di kota TUHAN Yang
Maha Kuasa,
di kota Allah Tuhan kita:
Allah akan memeliharanya untuk selama-lamanya.

[9] Kami telah memikirkan,
Ya Allah, kasih setia-Mu,
di dalam rumah suci-Mu.
[10] Menurut nama-Mu, Ya Allah,
demikianlah Engkau
dipuji di serata bumi;
tangan kanan-Mu
penuh kebenaran.
[11] Bergembiralah wahai
Bukit Sion,
bersukacitalah anak-anak perempuan Yudah
kerana penghakiman-Mu yang adil.
[12] Berjalanlah serata Sion, bersiar kelilingnya,
hitung menara-menaranya,
[13] perhatikan kubu-kubunya,
tatap istana-istananya,
untuk diceritakan kepada anak cucu kelak.
[14] Kerana demikianlah Allah, Allah Tuhan kita untuk selama-lamanya;
Dia akan memimpin kita hingga ke akhir hayat.

49 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur puak Korah.
[1] Dengarlah,
wahai segala bangsa;
pasang telingamu, wahai semua penghuni dunia,
[2] baik hina atau mulia,
kaya atau miskin:
[3] Lidahku akan menuturkan kebijaksanaan;
dan renungan hatiku akan memberi pengertian.
[4] Aku akan meneliti peribahasa;
dan menerangkan ertinya sambil memetik kecapi:
[5] Mengapa aku harus takut dalam masa kesusahan,
ketika kejahatan yang memburuku telah mengepungku —
[6] mereka yang bergantung kepada kekayaan
dan berbangga akan harta yang banyak?
[7] Seorang pun daripada mereka tidak berdaya menebus saudaranya
dengan membayar harga tebusannya kepada Allah —
[8] kerana harga tebusan jiwa mereka sungguh mahal,
maka jiwa mereka akan musnah —
[9] mereka tidak dapat hidup selama-lamanya
tidak dapat
mengelakkan kubur.
[10] Setiap manusia melihat orang bijaksana meninggal dunia;

begitu juga orang bodoh dan orang tolol
lalu meninggalkan kekayaan mereka kepada orang lain.
11 Dalam hati mereka menyangka rumah mereka akan kekal selama-lamanya,
akan menjadi kediaman zuriat mereka turun-temurun,
mereka menamakan tanah dengan nama mereka.
12 Namun demikian manusia, meski terhormat,
tidak akan kekal;
sama seperti haiwan,
dia akan mati.
13 Inilah nasib orang
yang bodoh,
dan keturunan mereka yang menyokong kata-kata mereka.
14 Seperti domba mereka berbaring di kubur,
maut akan membaham mereka.
Orang yang tulus akan berkuasa ke atas mereka setelah
pagi nanti;
dan jasad mereka akan dimusnahkan di kubur,
jauh dari tempat kediaman mereka.
15 Kerana Allah yang akan menyambutku dari kubur;
Dia akan membawaku bersama-Nya.
16 Jangan runsing ketika melihat orang menjadi kaya-raya,
dan keluarganya semakin dimuliakan;
17 kerana apabila dia mati, tiada suatu pun dibawanya,
kemuliaannya tidak turut masuk ke kubur.
18 Walaupun dia berasa bahagia ketika hidup —
kerana orang yang berjaya sentiasa dipuji —
19 namun dia akan menyusul nenek moyangnya,
dan tidak akan melihat cahaya selama-lamanya.
20 Orang yang dimuliakan tetapi tidak mengerti
samalah seperti haiwan yang mati.

50 *Mazmur Asaf.*
1 Allah, Tuhan Yang
Maha Kuasa,
telah berfirman dan berseru kepada bumi
daripada terbitnya hingga terbenamnya matahari.
2 Dari Sion, puncak keindahan,
Allah akan memancarkan cahaya-Nya.
3 Allah Tuhan kita, akan datang dan tidak akan berdiam diri;
api yang membakar mendahului-Nya,
ribut yang kencang mengelilingi-Nya.
4 Dia akan berseru kepada langit dari takhta-Nya,

dan kepada bumi, supaya menyaksikan Dia menghakimi umat-Nya:
5 ‘Himpunkan umat-Ku yang warak di hadapan-Ku,
mereka yang telah mengikat perjanjian dengan-Ku dan meneguhkannya dengan korban.’
6 Langit mengisytiharkan keadilan-Nya,
kerana Allah itu hakim.
7 ‘Dengarlah, wahai umat-Ku, Aku akan berfirman,
Wahai Israel, Aku akan naik saksi tentang kesalahanmu:
Akulah Allah, Allah Tuhanmu.
8 Aku tidak menyalahkan kamu kerana korban sembelihanmu,
atau kerana korban bakaran yang sentiasa
kamu persembahkan kepada-Ku.
9 Aku tidak memerlukan lembu jantan dari kandang di rumahmu
atau kambing dari kawananmu,
10 kerana setiap haiwan di gurun adalah milik-Ku,
begitu juga lembu di atas seribu bukit.
11 Aku mengenal semua burung di pergunungan,
dan haiwan liar di padang semuanya milik-Ku.
12 Kalaulah Aku lapar, Aku tidak akan memberitahumu,
kerana dunia ini milik-Ku, dengan seluruh isinya.
13 Adakah Aku akan makan daging lembu
atau minum darah kambing?
14 Persembahkan kesyukuran kepada Allah,
dan tunaikan janjimu kepada Yang Maha Tinggi,
15 berdoalah kepada-Ku pada masa kesusahan;
Aku akan menyelamatkanmu,
dan kamu akan memuliakan-Ku.’
16 Tetapi kepada orang zalim, Allah berfirman:
‘Kamu tidak berhak mengisytiharkan
hukum-Ku
atau melafazkan
perjanjian-Ku.
17 Kerana kamu benci akan ajaran-Ku
dan membelakangi
firman-Ku.
18 Apabila melihat pencuri, kamu berpakat dengannya;
dan kamu telah menyertai orang berzina.
19 Kamu sentiasa menuturkan kejahatan
dan merancang penipuan.
20 Kamu duduk mengumpat saudara sendiri
kamu menfitnah saudara kandungmu.
21 Kamu telah melakukan semua ini, dan Aku berdiam diri;
kamu menyangka Aku serupa denganmu.

Tetapi sekarang Aku memarahimu
dan menjelaskan semuanya kepadamu.
22 ‘Fikirkan semua ini, hai kamu yang melupakan Allah,
jangan sampai Aku membinasakanmu, dan tiada siapa dapat menyelamatkanmu:
23 Orang yang mempersembahkan pujian memuliakan Aku,
dan kepada orang yang berkelakuan baik
Aku akan menunjukkan penyelamatan Allah.’

51 *Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud apabila ditegur oleh Natan kerana berzina dengan Batsyeba.*

1 Kasihanilah aku, Ya Allah,
demi kasih setia-Mu
yang kekal;
demi belas kasih-Mu
yang melimpah
hapuskanlah dosaku.
2 Bersihkan aku daripada kejahatanku,
sucikan aku daripada dosaku.
3 Kerana aku mengakui kesalahanku,
dan sentiasa sedar
akan dosaku.
4 Kepada-Mu, hanya kepada-Mu, aku berdosa
dan melakukan kejahatan di pandangan-Mu,
maka Engkau didapati benar dalam kata-kata-Mu,
dan penghakiman-Mu
tidak bercela.
5 Aku telah dilahirkan
dalam kejahatan,
dan dalam dosa ibuku menghamilkan aku.
6 Engkau menghendaki kebenaran dalam diri;
dan di lubuk jiwaku Engkau akan mengajarku mengenal kebijaksanaan.
7 Bersihkan aku dengan zufa, supaya aku suci;
basuhlah aku sehingga lebih putih daripada salji.
8 Perdengarkan kegembiraan dan keriaan kepadaku;
supaya tulang-tulangku yang Kaupatahkan dapat bersukacita.
9 Sembunyikan wajah-Mu daripada dosaku
dan hapuskan segala kejahatanku.
10 Ciptakan hati yang bersih dalam diriku, Ya Allah,
dan pulihkan semangat waja dalam jiwaku.
11 Jangan singkirkan aku dari hadirat-Mu
dan jangan ambil Roh Suci-Mu daripadaku.
12 Bahagiakan aku semula dengan penyelamatan-Mu
dan kuatkan aku dengan Roh-Mu yang pemurah.

13 Maka aku akan mengajar orang yang ingkar tentang jalan-Mu,
dan orang berdosa akan kembali taat kepada-Mu.
14 Selamatkan aku daripada kesalahan menumpahkan darah, Ya Allah,
Allah Penyelamatku,
maka suaraku akan lantang menyanyikan kebaikan-Mu.
15 Ya TUHAN, bukakan mulutku,
aku akan mengisytiharkan puji-pujian bagi-Mu.
16 Kalaulah Engkau bersukacita dengan korban, tentu kupersembahkan;
Engkau tidak berkenan akan korban yang dibakar.
17 Korban untuk Allah ialah hati yang hancur;
hati yang hancur dan sesal,
Ya Allah, tidak akan Kauremehkan.
18 Limpahkanlah rahmat-Mu kepada Sion, Ya Allah;
binalah tembok-tembok Baitulmaqdis.
19 Maka Engkau akan berkenan dengan persembahan
yang benar,
dengan korban yang dibakar;
mereka akan mempersembahkan lembu korban di mazbah-Mu.

52 *Untuk pemimpin muzik. Renungan Daud ketika Doeg, orang Edom, memberitahu Saul: 'Daud telah pergi ke rumah Ahimelekh.'*
1 Mengapa kaubanggakan kejahatanmu, hai orang berkuasa?
Mengapa engkau sombong sepanjang hari,
hai orang yang bermegah di hadapan Allah?
2 Lidahmu merancang kebinasaan;
seperti pisau cukur
yang tajam,
melakukan penipuan.
3 Engkau lebih mencintai kejahatan daripada kebaikan,
berdusta lebih daripada bercakap benar.
4 Engkau mencintai kata-kata yang membinasakan,
Hai lidah berdusta!
5 Oleh itu Allah akan membinasakan kamu untuk selama-lamanya:
Dia akan menyeretmu pergi, meragutmu dari rumah;
dan mencabutmu dari tanah orang yang hidup.
6 Orang yang benar akan melihat ini dan berasa takut;
mereka akan mencemuh dengan berkata,
7 'Inilah orang
yang tidak menjadikan Allah kekuatannya
tetapi percaya akan kekayaannya yang bertimbun
lalu menguatkan dirinya dalam kejahatan!'
8 Tetapi aku seperti
pohon zaitun

yang hijau di rumah Allah;
Aku percaya akan kasih
setia Allah
selama-lamanya.
9 Aku akan memuji-Mu selama-lamanya kerana segala yang telah Kaulakukan;
aku akan percaya kepada nama-Mu yang penuh kebaikan.
Di hadapan umat-Mu
yang warak, aku akan memuji-Mu.

53 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu Mahalat. Renungan Daud.*
1 Orang bodoh berkata
dalam hatinya,
'Tidak ada Allah.'
Mereka rosak akhlak, dan telah melakukan perbuatan keji;
tiada yang berbuat baik.
2 Allah memandang dari syurga
kepada anak-anak manusia
untuk melihat kalau ada
yang mengerti,
yang mencari Allah.
3 Semuanya telah berpaling,
bersama-sama rosak akhlak;
tiada yang berbuat baik,
tidak, tiada seorang pun.
4 Tidakkah orang yang melakukan kejahatan
ini tahu —
mereka merampas
hak umat-Ku
dan tidak berseru
kepada Allah?
5 Sekarang mereka akan ditimpa ketakutan yang besar,
mereka yang tidak mengenal takut dahulu.
Kerana Allah telah menyerakkan tulang
orang yang hendak menyerang kamu,
umat-Nya;
kamu telah menumpaskan mereka, kerana Allah benci akan mereka.
6 Semoga penyelamatan Israel datang dari Sion!
Apabila Allah memulihkan keadaan umat-Nya,
bergembiralah Yakub dan bersukacitalah Israel.

54 *Untuk pemimpin muzik. Dengan alat-alat muzik bertali. Renungan Daud ketika orang Zif memberitahu Saul, 'Daud bersembunyi di kawasan kita.'*
1 Selamatkanlah aku, Ya Allah, dengan nama-Mu;

dan belalah aku dengan kekuatan-Mu.
[2] Dengarlah doaku, Ya Allah;
dengarlah kata-kataku.
[3] Orang asing telah bangkit menyerangku;
dan para penindas cuba meragut nyawaku —
mereka tidak ingat
akan Allah.
[4] Allah menolong aku;
TUHAN menyertai orang yang mempertahankan nyawaku.
[5] Allah akan membalas kejahatan musuhku;
akan menghapuskan mereka dalam kesetiaan-Nya.
[6] Aku akan mempersembahkan korban kepada-Mu dengan sepenuh kerelaan;
aku akan memuji nama-Mu, Ya TUHAN,
yang penuh kebaikan.
[7] Kerana Allah telah menyelamatkan aku daripada segala kesusahan,
dan mataku telah melihat hasratku tercapai dengan ketewasan musuhku.

55 *Untuk pemimpin muzik.*
Dengan alat-alat muzik bertali. Renungan Daud.
[1] Dengarlah doaku, Ya Allah,
dan jangan palingkan wajah-Mu daripada rayuanku;
[2] berilah perhatian-Mu kepadaku, dengarlah
kata-kataku.
Aku gelisah menderita,
aku merintih kuat
[3] kerana mendengar
suara musuh,
kerana ditindas orang zalim;
mereka membawa kesusahan kepadaku
dan mereka marah serta membenciku.
[4] Hatiku terseksa;
dan dihimpit rasa ngeri akan dahsyatnya maut.
[5] Aku berasa gerun
dan gementar;
aku tertekan oleh ketakutan.
[6] Maka aku berkata,
‘Kalaulah aku bersayap seperti merpati!
aku akan terbang ke mana-mana mencari damai —
[7] Aku akan pergi jauh
dan tinggal di gurun;
[8] aku akan segera
melarikan diri,
daripada angin kencang

dan ribut.’
[9] Binasakanlah mereka,
Ya TUHAN, kelirukan
lidah mereka,
kerana aku telah melihat keganasan dan rusuhan
di kota.
[10] Siang malam mereka mengelilingi kota;
melakukan kejahatan dan membawa kekacauan.
[11] Pembinasaan berlaku di tengah kota;
penindasan dan penipuan menetap di jalan-jalan rayanya.
[12] Bukan musuh yang mengecamku,
kalau musuh, masih dapat kutanggung;
bukan pembenciku yang bangkit menentangku,
kalau pembenciku, masih dapat aku bersembunyi.
[13] Tetapi kamu yang melakukannya,
rakan sebayaku,
temanku, kawanku,
[14] dulu kita berbincang mesra
dan berjalan seiring ke rumah Allah di tengah orang ramai.
[15] Biar maut menyambar mereka;
biar mereka turun hidup-hidup ke neraka,
kerana kejahatan meliputi tempat tinggal dan perhimpunan mereka.
[16] Aku akan berseru
kepada Allah,
dan TUHAN akan menyelamatkan aku.
[17] Petang, pagi dan tengah hari
aku akan berdoa dan meratap kuat,
dan Dia akan mendengar suaraku.
[18] Dia telah menyelamatkan nyawaku dan membawaku pulang dengan selamat dari medan perang,
padahal musuhku
begitu ramai.
[19] Allah yang wujud selama-lamanya,
Allah akan mendengar dan menghukum mereka —
kerana mereka tidak mengubah kelakuan,
nyatalah mereka tidak takut akan Allah.
[20] Bekas sahabatku itu telah menyerang orang yang hidup berbaik-baik dengannya;
dia telah memungkiri janjinya.
[21] Kata-katanya halus lunak,
tetapi niat perang tersembunyi di hatinya;
kata-katanya lemah-lembut,
tetapi serupa pedang terhunus.

22 Serahkanlah bebanmu kepada TUHAN
Dia akan menolongmu;
Dia tidak akan membiarkan orang yang benar dikalahkan.
23 Engkau, Ya Allah, akan membinasakan orang zalim
ke dalam lembah kehancuran;
orang yang suka menumpahkan darah dan menipu
tidak akan mencapai separuh usia.
Aku akan percaya kepada-Mu.

56 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Merpati Sepi di Tanah Jauh'. Mazmur Daud, pada masa orang Filistin menangkapnya di Gat.*

1 Kasihanilah aku, Ya Allah, kerana orang hendak membinasakan aku;
sepanjang hari mereka menyerang dan menganiayaiku.
2 Musuhku memburu aku sepanjang hari;
ramai orang menentangku.
3 Apabila aku berasa takut,
aku berharap kepada-Mu.
4 Kepada Allah, aku memuji firman-Nya,
kepada Allah, aku meletakkan kepercayaanku;
aku tidak akan gentar.
Apakah yang dapat dilakukan oleh manusia kepadaku?
5 Sepanjang hari mereka memesongkan kata-kataku;
seluruh fikiran mereka penuh kejahatan menentangku.
6 Mereka berhimpun, mereka bersembunyi,
memerhatikan jejak langkahku,
lalu menghendap untuk meragut nyawaku.
7 Mereka tidak patut dibiarkan berleluasa melakukan kejahatan;
binasakanlah mereka dalam kemurkaan-Mu, Ya Allah.
8 Engkau memerhati setiap gerak-geriku;
Engkau mengambil kira setiap titis air mataku —
tidakkah mereka itu tercatat dalam buku-Mu?
9 Apabila aku berseru
kepada-Mu
musuhku akan berundur.
Ini aku tahu, kerana Allah memihak kepadaku.
10 Kepada Allah, aku memuji firman-Nya,
kepada TUHAN, aku memuji firman TUHAN —
11 kepada Allah kuletakkan kepercayaanku; aku tidak akan gentar.
Apakah yang dapat dilakukan oleh manusia kepadaku?
12 Aku akan menunaikan segala janjiku kepada-Mu,
Ya Allah;
aku akan bersyukur memuji-Mu.
13 Kerana Engkau telah menyelamatkan aku daripada maut

dan mengelakkan kakiku daripada tergelincir,
supaya aku dapat melangkah di hadapan Allah dalam cahaya orang yang hidup.

57 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Jangan Binasakan'. Mazmur Daud, ketika dia lari daripada Saul ke dalam gua.*

1 Kasihanilah aku, Ya Allah, kasihanilah aku,
kerana jiwaku percaya kepada-Mu.
Dan di bawah naungan sayap-Mu aku akan berlindung
sehingga segala malapetaka ini berlalu.
2 Aku akan berseru kepada Allah Yang Maha Tinggi,
kepada Allah yang melakukan segalanya untukku.
3 Dia akan menghantar bantuan dari syurga dan menyelamatkan aku,
Dia memurkai orang yang ingin membinasakan aku;
Allah akan menghantar kasih-Nya dan
kesetiaan-Nya.
4 Jiwaku dikepung singa;
aku terbaring di antara anak-anak manusia yang ganas membakar seperti api —
gigi mereka lembing dan
anak panah,
dan lidah mereka pedang yang tajam.
5 Maha Tinggi Engkau, Ya Allah, memerintah langit;
tunjukkan kemuliaan-Mu menguasai seluruh bumi.
6 Mereka telah memasang jerat supaya kakiku terperosok —
jiwaku tertekan.
Mereka telah menggali lubang yang dalam untukku —
lalu mereka sendiri terjatuh ke dalamnya.
7 Hatiku teguh, Ya Allah,
hatiku teguh;
aku akan menyanyi dan menggubah pujian.
8 Bangunlah, jiwaku!
Bangunlah, gambus dan kecapi!
Aku akan
membangunkan fajar.
9 Aku akan memuji-Mu,
Ya TUHAN, di kalangan bangsa-bangsa;
aku akan menyanyi untukmu di kalangan umat manusia.
10 Kerana kasih-Mu
menjangkau langit;
dan kesetiaan-Mu mencapai awan.
11 Maha Tinggi Engkau, Ya Allah, memerintah langit;
dan kemuliaan-Mu di atas seluruh bumi.

58 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut lagu 'Jangan Binasakan'. Mazmur Daud.

[1] Benarkah kamu menegakkan kebenaran, hai kamu yang membisu?
Adakah kamu menghakimi dengan adil, hai anak-anak manusia?
[2] Tidak, hatimu merancang kejahatan,
tanganmu melakukan keganasan di bumi ini.
[3] Orang zalim tersisih sejak dalam rahim;
mereka sesat sejak lahir, mereka berdusta.
[4] Racun mereka seperti racun ular yang bisa,
mereka menutup telinga seperti ular tedung
yang tuli,
[5] yang tidak mahu mendengar suara tuannya,
walau betapa bijak memujuknya.
[6] Patahkanlah gigi singa-singa muda itu, Ya Allah;
cabutkan taring mereka,
Ya TUHAN!
[7] Biar mereka hilang seperti air mengalir terus-menerus;
apabila mereka memanah, hancurkan anak panah mereka.
[8] Jadikan mereka seperti siput yang menjadi lendir,
seperti anak yang dilahirkan mati, tidak sempat melihat matahari.
[9] Sebelum mereka sedar ditikam duri berapi —
mereka akan disambar-Nya seperti dengan tiupan taufan
dalam kemurkaan-Nya yang hidup dan menyala-nyala.
[10] Orang yang benar akan bergembira melihat pembalasan itu,
lalu membasuh kaki dalam darah orang zalim.
[11] Maka orang akan berkata,
'Sesungguhnya orang yang benar mendapat ganjaran;
sesungguhnya Allah mengadili di bumi ini.'

59 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Jangan Binasakan'. Mazmur Daud, ketika Saul menghantar orang mengawasi rumah Daud untuk membunuhnya.*

[1] Selamatkan aku daripada musuhku, Ya Allah;
pertahankan aku daripada mereka yang bangkit menyerangku.
[2] Selamatkan aku daripada orang yang melakukan kejahatan
dan lindungi aku
daripada manusia yang dahagakan darah.
[3] Lihatlah, mereka mengendap menanti untuk meragut nyawaku!
Orang yang berkuasa berpakat menentangku
bukan kerana apa-apa kesalahan atau dosaku,
Ya TUHAN.
[4] Mereka bersiap-siap menyerangku, sedangkan aku tidak bersalah.
Bangunlah untuk menolongku; lihatlah!
[5] Ya Allah, TUHAN Yang Maha Kuasa, Allah Tuhan Israel,

bangunlah dan hukumlah segala bangsa itu;
jangan kasihani mereka yang zalim dan berdosa.
[6] Pada waktu senja mereka datang lagi,
menderam seperti anjing,
dan mengelilingi kota.
[7] Mulut mereka meluahkan kata-kata —
yang tajam seperti pedang,
mereka menyangka tiada siapa yang mendengar.
[8] Tetapi Engkau, Ya TUHAN, akan mentertawakan mereka;
Engkau akan menjadikan segala bangsa itu bahan ejekan.
[9] Ya, Kekuatanku, aku akan menanti-Mu dengan penuh keyakinan;
Ya Allah Yang Maha Kuasa, Allah Pelindungku.
[10] Allah yang mengasihiku akan datang kepadaku
Allah akan menunaikan permohonanku tentang musuhku.
[11] Jangan terus matikan mereka, Ya TUHAN,
takut nanti kaumku lupa.
Pecah-belahkan mereka dengan kekuasaan-Mu,
dan jatuhkan mereka,
Ya TUHAN, perisai
pelindung kami.
[12] Kerana kelancangan
mulut mereka,
melemparkan kata-
kata berdosa,
biarlah mereka disambar di tengah-tengah keangkuhan mereka.
Dan kerana mereka menyumpah dan berdusta,
[13] musnahkan mereka dalam kemurkaan-Mu,
musnahkan mereka, supaya mereka tidak wujud lagi.
Dan tunjukkan bahawa Allah memerintah dalam Yakub,
dan setiap pelosok bumi.
[14] Pada waktu senja mereka datang lagi,
mereka menderam
seperti anjing,
dan mengelilingi kota.
[15] Mereka merayau-rayau mencari makanan
dan melolong jika tidak kenyang.
[16] Tetapi aku akan menyanyi tentang kekuasaan-Mu,
ya, aku akan menyanyi setiap pagi dengan nyaring tentang kasih-Mu;
kerana Engkau pelindungku,
dan penaungku pada waktu kesusahan.
[17] Untuk-Mu, Ya Allah, kekuatanku, aku akan menyanyikan puji-pujian;
kerana Allah Pelindungku, Allah yang mengasihiku.

60 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Bunga Bakung Perjanjian'. Mazmur Daud. Untuk pengajaran. Ketika dia berperang melawan Mesopotamia dan Syam-Zobah, dan Yoab pulang lalu membunuh dua belas ribu orang Edom di Lembah Garam.*

[1] Ya Allah, Engkau telah menyingkiri kami,
Engkau telah membiarkan kami tewas;
Engkau telah murka — terimalah kami semula!
[2] Engkau telah membuat bumi bergegar, Engkau telah membuatnya pecah-belah;
pulihkanlah semula, kerana bumi sedang gementar.
[3] Engkau telah menimpakan kesengsaraan ke atas
umat-Mu;
Engkau telah memberi kami minum anggur kekeliruan.
[4] Engkau telah mengurniakan panji-panji kepada orang yang takut kepada-Mu,
untuk dikibarkan kerana kebenaran.
[5] Supaya orang yang Kaukasihi dapat diselamatkan,
lepaskanlah dengan tangan kanan-Mu dan dengarlah rayuanku.
[6] Allah telah berfirman dalam kesucian-Nya:
'Aku akan bergembira,
Aku akan membahagikan tanah Sikhem dan mengukur serta mengagihkan
Lembah Sukot.
[7] Gilead milik-Ku,
Manasye milik-Ku;
Efraim juga topi besi-Ku,
Yudah tongkat kerajaan-Ku.
[8] Moab tempat
pembasuhan-Ku,
ke atas Edom akan Kulemparkan kasut-Ku;
ke atas Filistea Aku
akan menang.'
[9] Siapa akan membawaku ke dalam kota perkasa itu?
Siapa akan memimpinku
ke Edom?
[10] Bukankah Engkau, Ya Allah, yang menyingkiri kami
dan Engkau, Ya Allah,
yang tidak menyertai
tentera kami?
[11] Berilah kami pertolongan daripada kesusahan,
kerana pertolongan daripada manusia tidak berguna.
[12] Melalui Allah, kita akan berjuang berani,
kerana Dialah yang akan menumpaskan musuh kita.

61 *Untuk pemimpin muzik. Dengan alat muzik bertali. Mazmur Daud.*

[1] Dengarlah rayuanku, Ya Allah;
dengarlah doaku.

[2] Dari hujung bumi aku akan merayu kepada-Mu,
ketika hatiku tertekan;
bimbinglah aku ke batu pejal yang lebih tinggi daripadaku.
[3] Kerana Engkaulah tempat
aku bernaung,
menara perkasa yang melindungiku
daripada musuh.
[4] Aku akan tinggal di khemah suci-Mu selama-lamanya
aku akan meletakkan kepercayaan kepada naungan sayap-Mu.
[5] Kerana Engkau, Ya Allah, telah mendengar segala janjiku;
Engkau telah memberiku warisan mereka yang takut akan nama-Mu.
[6] Engkau akan melanjutkan
usia raja,
hayatnya dan zuriatnya turun-temurun.
[7] Dia akan berada di hadirat-Mu selama-lamanya;
kurniakanlah kasih dan kesetiaan yang akan memeliharanya.
[8] Maka aku akan menyanyikan puji-pujian bagi nama-Mu selama-lamanya
untuk menunaikan janjiku setiap hari.

62 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut Yedutun. Mazmur Daud.
[1] Sesungguhnya jiwaku senyap hening menantikan Allah;
daripada-Nya datang penyelamatanku.
[2] Hanyalah Dia batu pejalku dan penyelamatanku;
Dialah yang melindungiku, maka aku tidak akan digulingkan.
[3] Berapa lamakah kamu akan terus menyerang?
Kamu semua akan dimusnahkan —
seperti dinding yang miring dan pagar yang hampir rebah.
[4] Mereka berkomplot semata-mata untuk menggulingkannya
daripada kedudukannya yang tinggi;
mereka suka berdusta.
Mereka memberkati
dengan mulut,
tetapi menyumpah
dalam hati.
[5] Jiwaku, senyap heninglah menantikan Allah sahaja;
kerana harapanku terletak pada-Nya.
[6] Hanyalah Dia batu pejalku dan penyelamatanku;
Dialah pertahananku, maka aku tidak akan digugat.
[7] Pada Allah penyelamatanku dan kemuliaanku;
batu pejal kekuatanku, dan tempat perlindunganku pada Allah.
[8] Percayalah kepada-Nya setiap waktu, hai umatku;
curahkan isi hatimu di hadirat-Nya,

Allah Pelindung kita.
[9] Sesungguhnya manusia, baik rendah atau tinggi kedudukannya,
hanyalah nafas dan bayangan maya;
jika mereka ditimbang
dengan neraca;
semuanya lebih ringan daripada nafas.
[10] Jangan letakkan kepercayaan kepada penindasan,
usah berharap sia-sia kepada hasil rompakan;
walaupun kekayaanmu bertambah,
jangan bergantung kepadanya.
[11] Allah telah berfirman beberapa kali,
dan aku telah mendengar:
bahawa kuasa hanya
milik Allah,
[12] kasih juga milik-Mu,
Ya TUHAN.
Engkau memberi ganjaran
yang sepadan dengan usaha setiap orang.

63 *Mazmur Daud ketika dia di gurun Yudah.*
[1] Ya Allah, Engkau
Allah Tuhanku,
aku akan mencari-Mu segera;
jiwaku dahaga kepada-Mu,
jasadku merindui-Mu,
di tanah gersang tandus
tanpa air.
[2] Maka aku mencari-Mu di tempat suci-Mu
untuk melihat kekuasaan dan kemuliaan-Mu.
[3] Kerana kasih-Mu lebih bernilai daripada nyawa,
bibirku akan memuji-Mu.
[4] Demikian aku akan memuji-Mu seumur hidupku,
aku akan menadah tanganku dengan nama-Mu.
[5] Jiwaku akan berasa puas seperti dijamu;
dan aku akan memuji-Mu dengan sukacita.
[6] Apabila aku ingat kepada-Mu di tempat tidurku;
aku berjaga merenungkan Engkau sepanjang malam.
[7] Kerana Engkau telah menolongku,
maka di bawah naungan sayap-Mu aku akan bergembira.
[8] Jiwaku mengikut jejak-Mu dari dekat;
tangan kanan-Mu memberiku kekuatan.
[9] Tetapi mereka yang ingin meragut nyawaku;

akan terbenam jauh di
dalam bumi.
[10] Mereka mati ditikam pedang
mereka akan menjadi habuan serigala.
[11] Raja akan bersukacita
kerana Allah;
setiap orang yang berjanji dengan nama Allah akan memuliakan-Nya,
tetapi mulut pendusta akan dibisukan.

64 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
[1] Dengarlah suaraku, Ya Allah, dalam renunganku;
peliharakan nyawaku daripada ancaman ngeri musuh.
[2] Lindungi aku daripada pakatan rahsia orang zalim,
daripada pemberontakan mereka yang melakukan kejahatan.
[3] Mereka menajamkan lidah mereka seperti pedang
dan melengkungkan
busur memanahkan kata-kata pahit.
[4] Jangan biarkan mereka memanah dengan rahsia orang yang tidak bersalah;
mereka memanahnya mendadak tanpa takut.
[5] Mereka saling menggalakkan ke arah kejahatan,
mereka berbincang
hendak memasang jerat dalam rahsia;
kata mereka, 'Siapa yang akan melihat mereka?'
[6] Mereka merancang pelbagai kejahatan,
'Kami telah menyiapkan muslihat licik!'
Fikiran dan hati manusia memang sukar diselami.
[7] Tetapi Allah akan
melepaskan anak panah-Nya kepada mereka;
tiba-tiba mereka akan luka.
[8] Dia akan membinasakan mereka dengan kata-kata mereka sendiri;
semua yang melihat mereka menggeleng kepala.
[9] Semua manusia akan ketakutan;
dan akan mengisytiharkan perbuatan Allah
kerana dengan bijaksana mereka akan merenung tindakan-Nya.
[10] Orang yang benar akan bersukacita kerana TUHAN
dan percaya kepada-Nya;
dan semua yang tulus hati akan memuliakan-Nya!

65 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud. Sebuah nyanyian.
[1] Puji-pujian menanti-Mu,
Ya Allah, di Sion;

dan janji kami kepada-Mu akan ditunaikan.
[2] Engkau yang mendengar doa,
semua manusia akan datang kepada-Mu.
[3] Dosa-dosaku terlalu berat bagiku,
kami manusia berdosa, tetapi Engkau melorongkan penebusan.
[4] Diberkatilah orang
yang Kaupilih
untuk mendekati-Mu!
Dan tinggal di tempat Engkau bertakhta,
kami akan dilimpahi rahmat rumah-Mu, tempat suci-Mu.
[5] Engkau akan menjawab rayuan kami dengan perbuatan
benar yang menakjubkan,
Ya Allah Penyelamat kami,
Engkaulah harapan seluruh bumi dan lautan yang jauh,
[6] Engkau yang menegakkan gunung pada tempatnya dengan kekuatan-Mu,
kerana Engkau lengkap dengan kekuasaan,
[7] Engkau yang menenangkan deru lautan,
gemuruh gelombangnya,
dan gelora bangsa-bangsa.
[8] Orang yang tinggal di setiap pelosok bumi gerun melihat tanda-tanda-Mu;
Engkau memberi kegembiraan dari fajar menyingsing hingga matahari terbenam.
[9] Engkau mengairi bumi;
dan menyuburkannya.
Sungai Allah penuh dengan air
Engkau memberi rezeki kepada manusia,
dengan menyediakan tanah untuk tanaman mereka.
[10] Engkau mengairi batas-batas ladang mereka
Engkau menggemburkan alur-alurnya;
Engkau melembutkannya dengan hujan
Engkau memberkati pertumbuhan tanaman.
[11] Engkau mencurahkan rahmat-Mu sepanjang tahun,
melimpahkan kemakmuran merata-rata.
[12] Rahmat-Mu menyuburkan padang rumput di gurun;
segala bukit kecil di sekitar bergembira.
[13] Padang-padang rumput penuh dengan ternakan
lembah lurah kaya
dengan ternakan;
semuanya bersorak riang dan menyanyi.

66 *Untuk pemimpin muzik. Sebuah nyanyian. Sebuah mazmur.*
[1] Bersoraklah dengan girang kepada Allah,
wahai seluruh bumi!
[2] Nyanyikan kebesaran

nama-Nya;
lafazkan puji-pujian untuk-Nya penuh kemuliaan!
3 Katakan kepada Allah, ‘Alangkah menakjubkan segala perbuatan-Mu!
Kekuasaan-Mu
sungguh besar
semua musuh-Mu akan tunduk kepada-Mu.
4 ‘Seluruh bumi akan menyembah-Mu;
dan menyanyikan
pujian untuk-Mu,
mereka akan menyanyi, menyanyi pujian
kepada nama-Mu.’
5 Marilah melihat
perbuatan Allah,
Dia sungguh menakjubkan dalam perbuatan-Nya terhadap anak-anak manusia!
6 Dia mengubah laut menjadi tanah kering,
mereka menyeberangi berjalan kaki —
di sana kami bersukacita kerana-Nya.
7 Dia memerintah dengan kekuasaan-Nya untuk selama-lamanya,
Dia mengawasi
bangsa-bangsa —
jangan ada pemberontak cuba melawan-Nya.
8 Pujilah Allah Tuhan kami,
hai semua umat-Nya,
biar suara puji untuk-Nya didengar orang;
9 Dia telah melindungi kami daripada kematian
dan tidak membiarkan kami dikalahkan.
10 Kerana Engkau, Ya Allah, telah menguji kami;
Engkau telah memurnikan kami seperti perak yang dimurnikan.
11 Engkau membiarkan
kami terjerumus ke
dalam perangkap
Engkau membebani kami dengan derita.
12 Engkau membiarkan orang memijak kepala kami;
kami mengharungi
api dan air,
tetapi Engkau telah membawa kami keluar ke dalam limpahan rahmat dan pencapaian hasrat.
13 Aku akan masuk ke rumah-Mu membawa korban
yang dibakar
aku akan menunaikan segala janjiku kepada-Mu —
14 yang telah kulafazkan
ketika aku dalam kesusahan.
15 Aku akan mempersembahkan kepada-Mu ternakan yang digemukkan sebagai korban yang

dibakar bersama aroma wangi daging domba;
aku akan mempersembahkan lembu jantan dan kambing.
[16] Marilah dan dengarlah, wahai kamu yang takut akan Allah;
aku akan mengisytiharkan apa yang telah dilakukan-Nya untukku.
[17] Aku berseru kepada-Nya dengan mulutku;
dan dengan lidahku
Dia disanjung.
[18] Kalaulah ada niat jahat
dalam hatiku,
TUHAN tidak akan mendengar rayuanku;
[19] tetapi sesungguhnya Allah telah mendengar suaraku
Dia telah mengabulkan doaku.
[20] Segala puji bagi Allah,
yang tidak menolak doaku
dan tidak menyingkirkan aku daripada kasih-Nya!

67 *Untuk pemimpin muzik. Dengan alat muzik bertali. Sebuah mazmur. Sebuah nyanyian.*
[1] Ya Allah, kasihani dan berkatilah kami
dan limpahi kami dengan sinar wajah-Mu,
[2] supaya jalan-Mu diketahui di bumi ini,
penyelamatan-Mu diisytiharkan kepada
semua bangsa.
[3] Biar umat memuji-Mu,
Ya Allah;
biar semua umat
memuji-Mu.
[4] Biar bangsa-bangsa bersukacita dan menyanyi kegirangan,
kerana Engkau akan menghakimi manusia dengan adil
dan memerintah bangsa-bangsa di bumi.
[5] Biar umat memuji-Mu,
Ya Allah;
biar semua umat
memuji-Mu.
[6] Maka bumi akan
bertambah subur,
Allah, Allah Tuhan kita, akan memberkati kita.
[7] Allah akan memberkati kita,
dan setiap pelosok bumi akan takut kepada-Nya.

68 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud. Sebuah nyanyian.
[1] Semoga Allah bangkit, semoga musuh-Nya bertempiaran;
semoga semua yang membenci-Nya lari daripada-Nya.

[2] Seperti angin meniup asap,
Ya Allah usirkan mereka;
seperti lilin dilebur oleh api,
semoga orang zalim binasa di hadirat Allah.
[3] Biar orang yang benar bersukacita
biar mereka bergembira tidak terhingga;
ya, biar mereka bergembira tidak terhingga.
[4] Menyanyilah untuk Allah, nyanyikan pujian untuk nama-Nya,
sanjungi Dia yang memerintah awan —
nama-Nya TUHAN —
bergembiralah di
hadirat-Nya.
[5] Dialah bapa kepada anak yatim, pelindung
kepada balu,
Dialah Allah di tempat bersemayam-Nya yang suci.
[6] Allah meletakkan mereka yang sebatang kara dalam lingkungan keluarga,
Dia melepaskan mereka yang terikat dan memberi mereka kemakmuran;
tetapi orang yang memberontak akan menetap di tanah tandus.
[7] Ya Allah, apabila Engkau memimpin umat-Mu,
Engkau menyeberangi gurun,
[8] bumi bergempa,
langit menurunkan hujan kerana kehadiran Allah,
Sinai terharu dengan kedatangan Allah,
Allah Tuhan umat Israel.
[9] Engkau, Ya Allah, menghantar hujan lebat;
untuk mengesahkan warisan-Mu, umat-Mu yang lesu menderita.
[10] Umat-Mu tinggal di situ,
Engkau, Ya Allah, memberi rahmat-Mu kepada mereka yang miskin melarat.
[11] TUHAN menurunkan firman,
maka sungguh besar perhimpunan orang yang mengisytiharkannya:
[12] ‘Raja-raja yang memimpin tentera melarikan diri, mereka lari;
kaum perempuan di rumah membahagikan rampasan.
[13] Walaupun engkau baring di antara kawanan domba,
engkau seperti sayap merpati disalut perak,
dan bulunya disalut
emas tulen.’
[14] Ketika Allah Maha Kuasa mengusir raja-raja bertempiaran,
kelihatan seputih salji
di Zalmon.
[15] Gunung Bashan sebuah gunung Allah;
Gunung Bashan banyak puncaknya.
[16] Mengapa kamu iri hati, hai gunung-gunung yang berpuncak banyak?

Allah memilih gunung ini untuk kediaman-Nya,
ya, TUHAN akan berada di sini selama-lamanya.
17 Allah memiliki dua puluh ribu pedati
malah ribuan ribu;
datangnya TUHAN ke Sinai, ke Tempat Suci.
18 Engkau telah naik ke tempat yang tinggi,
Engkau membawa orang tawanan;
Engkau menerima persembahan di kalangan manusia,
malah daripada
pemberontak —
supaya Allah Tuhan kami akan tinggal di sana.
19 Segala puji bagi TUHAN,
yang setiap hari melimpahkan rahmat kepada kita, Allah Penyelamat kita.
20 Allah Tuhan kita, Allah Penyelamat;
dan daripada Allah Tuhan ada kebebasan daripada kematian.
21 Tetapi Allah akan mencederakan kepala musuh-Nya,
mereka yang terus melakukan dosa.
22 TUHAN telah berfirman, ‘Aku akan membawa mereka pulang dari Bashan;
aku akan membawa mereka pulang dari lautan dalam,
23 ‘supaya kakimu dapat meremukkan mereka dalam lumuran darah,
dan anjingmu menjilat habuannya daripada musuhmu.’
24 Mereka telah melihat perarakan-Mu, Ya Allah,
perarakan Allah Tuhanku, Rajaku ke khemah-Mu.
25 Para biduan berjalan di hadapan, pemain alat muzik di belakang;
di antara mereka gadis-gadis bermain tamborin.
26 Pujilah Allah dalam semua perhimpunan;
pujilah TUHAN
wahai umat daripada perhimpunan Israel.
27 Suku Benyamin yang terkecil berjalan dahulu,
diikuti ketua-ketua Yudah dan pengikut mereka,
kemudian ketua-ketua Zebulun dan Naftali.
28 Allah Tuhanmu telah memerintahkan supaya kami diberi kekuatan;
Kukuhkanlah, Ya Allah, segala yang telah Kaulakukan
segala yang telah Kaulakukan untuk kami.
29 Kerana rumah ibadat-Mu di Baitulmaqdis
raja-raja membawa persembahan untuk-Mu.
30 Murkailah bangsa yang seperti binatang liar di rumput air,
dan bangsa-bangsa yang seperti lembu jantan bersama anak-anaknya.
Sehingga semuanya tunduk mempersembahkan perak kepada-Mu.
Usirlah pencinta perang sehingga bertempiaran.
31 Para utusan akan dihantar dari Mesir;
Habsyah akan segera menghulur tangan kepada Allah.

[32] Bernyanyilah untuk Allah, hai kerajaan-kerajaan
di bumi,
nyanyikan puji-pujian kepada TUHAN,
[33] kepada Dia pemerintah langit purba tertinggi,
sesungguhnya Dia berfirman dengan penuh kekuasaan.
[34] Isytiharkan kekuatan Allah,
keunggulan-Nya memerintah Israel,
dan kekuatan-Nya di angkasa.
[35] Ya Allah, Engkau lebih menakjubkan daripada tempat-tempat suci-Mu;
Allah Tuhan umat Israel memberi kekuatan dan kekuasaan kepada
umat-Nya.
Segala puji bagi Allah!

69 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut lagu 'Bunga Bakung'. Mazmur Daud.
[1] Selamatkanlah aku, Ya Allah,
kerana air sudah naik ke leherku.
[2] Aku tenggelam dalam air lumpur yang dalam,
aku tidak dapat berjejak.
Aku telah masuk ke air yang dalam;
dan aku hampir lemas.
[3] Aku lesu meratap;
kerongkongku kering.
Mataku kelam,
menanti Allah Tuhanku.
[4] Mereka membenciku
tanpa alasan
lebih banyak daripada rambut di kepalaku;
mereka yang hendak membinasakan aku
amat berkuasa,
mereka memusuhiku sedangkan aku
tidak bersalah.
Meski aku tidak
mencuri apa-apa
aku dipaksa membayar.
[5] Ya Allah, Engkau mengetahui kebodohanku;
dan dosa-dosaku tidak tersembunyi daripada-Mu.
[6] Jangan biarkan orang yang menanti-Mu
menanggung malu keranaku,
Ya TUHAN, TUHAN
Maha Kuasa;
jangan biarkan mereka yang mencari-Mu
menjadi kelam-kabut keranaku,

Ya Allah Tuhan umat Israel.
[7] Kerana-Mu aku telah menerima celaan,
keaiban telah menyaluti mukaku.
[8] Aku telah menjadi orang asing kepada saudara-saudaraku,
orang luar kepada anak-anak ibuku;
[9] kerana kasihku terhadap rumah-Mu membakar hatiku,
lalu segala celaan
daripada mereka
yang mencela-Mu telah menimpaku.
[10] Apabila aku menangis dan membersihkan jiwaku dengan berpuasa,
aku dicela kerananya;
[11] ketika aku mengenakan pakaian penyesalan dosa,
mereka mengejek aku.
[12] Orang yang duduk di pintu pagar mengumpat aku,
dan aku menjadi bahan nyanyian orang mabuk.
[13] Tetapi aku tetap berdoa kepada-Mu, Ya TUHAN,
pada masa yang Kauredai;
Ya Allah, dengan limpah
kasih-Mu,
dengarlah rayuanku
demi kebenaran penyelamatan-Mu.
[14] Selamatkanlah aku daripada perangkap lumpur,
jangan biarkan aku tenggelam;
selamatkan aku daripada mereka yang membenciku,
dan daripada air yang dalam.
[15] Jangan biarkan ombak melemaskan aku
jangan biarkan aku terbenam ke dasar laut
atau lubang kubur menelanku.
[16] Dengarlah rayuanku,
Ya TUHAN, kerana kasih-Mu sungguh besar;
berpalinglah kepadaku demi limpah belas kasihan-Mu.
[17] Jangan sembunyikan wajah-Mu daripada hamba-Mu;
kerana aku dalam kesusahan, segeralah kabulkan doaku.
[18] Dekatilah aku,
selamatkan aku;
lepaskan aku daripada musuhku.
[19] Engkau tahu bagaimana aku dicela, dimalukan
dan dihina;
musuhku semuanya berada di hadapan-Mu.
[20] Celaan mematahkan hatiku
dan aku menanggung kepiluan;
kucari orang yang kasihan, tiada seorang pun kutemui,

kucari orang yang melipurkan, tidak kujumpai.
[21] Mereka memberi aku hempedu untuk dimakan
dan apabila aku dahaga, mereka memberiku cuka untuk diminum.
[22] Biarlah mereka terjerat oleh jamuan sendiri;
dan terperangkap oleh kesenangan sendiri.
[23] Kelamlah mata mereka, supaya mereka buta,
dan biarlah pinggang mereka lemah menggeletar.
[24] Curahkan kemurkaan-Mu ke atas mereka;
dan biarkan keberangan-Mu memusnahkan mereka.
[25] Biar tempat tinggal mereka lengang dan sepi;
dan khemah-khemah mereka tiada penghuni.
[26] Kerana mereka menganiaya orang yang telah Kauhukum
dan memperkatakan kesedihan orang yang telah Kaulukakan.
[27] Tambahkan lagi
kejahatan mereka;
jangan biarkan
mereka menyertai penyelamatan-Mu.
[28] Biar mereka dipadamkan daripada buku orang
yang hidup
dan tidak tersurat bersama orang yang benar.
[29] Aku daif dan hiba;
selamatkanlah aku, Ya Allah, supaya aku dilindungi.
[30] Aku akan memuji nama Allah dengan nyanyian
dan membesarkan-Nya dengan lafaz kesyukuran.
[31] Ini akan mendapat keredaan TUHAN lebih daripada persembahan korban
lembu jantan,
yang bertanduk
dan berkuku.
[32] Orang yang rendah hati
akan melihatnya dan bersukacita —
dan kamu yang mencari Allah, hatimu akan pulih!
[33] Kerana TUHAN mendengar rayuan orang miskin
dan tidak menyingkiri umat-Nya yang dipenjarakan.
[34] Biar langit dan bumi
memuji-Nya,
begitu juga lautan dan segala hidupan di dalamnya,
[35] kerana Allah akan menyelamatkan Sion
dan membina semula kota-kota Yudah.
Supaya umat-Nya tinggal di sana dan memilikinya;
[36] keturunan hamba-hamba-Nya akan mewarisi
tempat itu,

dan mereka yang mengasihi nama-Nya akan tinggal
di situ.

70 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur rayuan Daud.
1 Segeralah, Ya Allah, selamatkan aku;
Ya TUHAN, segeralah
tolong aku.
2 Biar mereka dimalukan dan dikelirukan,
mereka yang ingin meragut nyawaku;
biar mereka berundur dan menanggung aib
mereka yang hendak memusnahkan aku.
3 Biar mereka berundur
kerana malu,
mereka yang mengejekku, 'Aha! Aha!'
4 Biar semua yang mencari-Mu
bergembira dan bersukacita kerana-Mu;
dan biar mereka yang cinta
akan penyelamatan-Mu berkata sentiasa,
'Allah Maha Tinggi!'
5 Aku miskin dan sesak;
segeralah datang,
ya TUHANku.
Engkaulah penolong dan penyelamatku;
janganlah berlengah-lengah, Ya TUHAN.

71 1 Kepada-Mu, Ya TUHAN, kuletakkan kepercayaanku;
jangan biarkan aku menanggung malu.
2 Selamatkanlah aku dalam kebenaran-Mu dan biar aku melepaskan diri;
dengarlah rayuanku, dan selamatkan aku.
3 Jadilah batu pejal perlindunganku
yang perkasa,
tempat aku bernaung
setiap waktu;
Engkau telah memberi perintah supaya aku diselamatkan,
kerana Engkaulah batu pejal dan kubuku.
4 Selamatkanlah aku, Ya Allah Tuhanku, daripada tangan orang zalim,
daripada tangan orang durjana dan kejam.
5 Kerana Engkaulah harapanku, Ya Allah, TUHAN yang perkasa;
Engkaulah kepercayaanku sejak daripada usia mudaku.
6 Kepada-Mu aku bersandar sejak kelahiran;
Engkaulah yang membawaku keluar daripada rahim ibuku.
Aku akan sentiasa

memuji-Mu.
[7] Aku telah menimbulkan takjub orang ramai,
tetapi Engkau pelindungku yang perkasa.
[8] Biarlah aku sentiasa
memuji-Mu,
dan mengisytiharkan kemuliaan-Mu
sepanjang hari.
[9] Janganlah singkirkan aku dalam usia tua;
jangan tinggalkan aku ketika kekuatanku hilang.
[10] Kerana musuhku
mencerca aku;
dan mereka yang mengendap untuk meragut nyawaku berpakat
sama sendiri.
[11] Mereka berkata, ‘Allah telah meninggalkan dia;
buru dan tangkaplah dia,
kerana tiada siapa yang akan menyelamatkannya.’
[12] Ya Allah, janganlah jauh daripadaku;
Ya Allah Tuhanku, segeralah tolong aku.
[13] Biar mereka dicela dan dihina;
mereka yang cuba mencederakan aku
akan dihina dan diaibkan.
[14] Aku akan sentiasa berharap;
dan akan lebih-lebih lagi memuji-Mu.
[15] Lidahku akan menuturkan kebenaran-Mu,
dan penyelamatan-Mu sepanjang hari,
meski aku tidak dapat menduga batas-batasnya.
[16] Aku akan mengisytiharkan perbuatan-Mu, Ya Allah Tuhan yang perkasa;
aku akan menyebut kebenaran-Mu, yang hanya milik-Mu.
[17] Ya Allah, Engkau telah mengajarku sejak daripada usia mudaku,
dan hingga hari ini aku tetap mengisytiharkan perbuatan-Mu yang menakjubkan.
[18] Kini aku sudah tua dan rambutku putih,
Ya Allah, jangan tinggalkan aku,
kuisytiharkan kuasa-Mu kepada orang zaman ini,
kekuatan-Mu kepada
semua keturunan yang
akan datang.
[19] Kebenaran-Mu, Ya Allah, sungguh tinggi,
Engkau telah membuat perkara yang besar-besar.
Ya Allah, siapa yang serupa dengan-Mu?
[20] Engkau yang telah memberiku penderitaan yang pedih,
Engkau akan
memulihkan aku;

dan membawaku naik semula dari perut bumi.
[21] Engkau akan menambah kebesaranku
dan melipurkan hatiku sepenuhnya.
[22] Dengan kecapi aku akan memuji-Mu
bagi kesetiaan-Mu,
Ya Allah Tuhanku;
Untuk-Mu aku akan menyanyi sambil bermain kecapi,
Ya Allah Tuhan umat Israel, Ya Allah Yang Maha Suci.
[23] Bibirku bergembira menyanyi untuk-Mu —
begitu juga jiwaku yang telah Kauselamatkan.
[24] Lidahku akan menuturkan kebenaran-Mu
sepanjang hari,
kerana mereka telah dikelirukan dan mereka telah dimalukan,
mereka yang cuba mencederakan aku.

72 *Mazmur Sulaiman.*
[1] Berilah penghakiman-Mu,
Ya Allah, kepada raja,
dan kebenaran-Mu kepada anak raja.
[2] Dia akan menghakimi umat-Mu dengan adil,
dan orang miskin-Mu dengan saksama.
[3] Gunung-ganang akan membawa kesejahteraan kepada umat,
dan bukit bukan hasil kebenaran.
[4] Dia akan membawa keadilan kepada umat yang miskin
Dia akan menyelamatkan anak-anak sesak;
dan akan menghancurkan penindas.
[5] Mereka akan takut kepada-Mu, selagi ada matahari
dan bulan,
turun-temurun
zaman-berzaman.
[6] Dia akan turun seperti hujan ke atas rumput
sebelum ditebas,
seperti hujan yang
mengairi bumi.
[7] Dalam pemerintahan-Nya orang yang benar akan makmur;
dan kesejahteraan penuh melimpah selagi bulan bercahaya.
[8] Dia akan berkuasa dari
laut ke laut
dan dari Sungai Efrat ke
hujung bumi.
[9] Mereka yang tinggal di gurun akan tunduk kepada-Nya
dan semua musuh-Nya akan menjilat debu.
[10] Raja-raja Tarshish dan kepulauan akan membawa persembahan;

Raja-raja Sheba dan Seba
akan membawa persembahan.
[11] Ya, semua raja akan sujud di hadapan-Nya
semua bangsa akan melayani-Nya.
[12] Kerana Dia akan menolong orang sesak yang berseru kepada-Nya,
dan orang yang menderita, serta mereka yang
tidak ada penolong.
[13] Dia akan mengasihani orang yang miskin dan memerlukan bantuan,
Dia akan menyelamatkan orang yang perlu diselamatkan.
[14] Dia akan membebaskan hidup mereka daripada penindasan dan keganasan,
dan darah mereka amat berharga bagi-Nya.
[15] Dia akan hidup kekal!
emas dari Sheba akan dipersembahkan
kepada-Nya.
Orang akan sentiasa menyembah-Nya dan berdoa kepada-Nya
dan setiap hari Dia akan diberkati.
[16] Tanaman biji-bijian akan subur dan makmur;
hingga ke puncak gunung.
Buahnya melambai-lambai seperti di Lebanon;
dan penduduk kota akan bertambah seperti rumput di bumi.
[17] Nama-Nya akan kekal
selama-lamanya;
nama-Nya akan kekal selagi ada matahari.
Manusia akan diberkati
kerana-Nya,
semua bangsa akan
memuji-Nya.
[18] Segala puji bagi Allah TUHAN, ya Allah Tuhan umat Israel,
hanya Dia yang melakukan perbuatan yang menakjubkan.
[19] Segala puji bagi nama-Nya untuk selama-lamanya;
semoga seluruh bumi dipenuhi dengan kemuliaan-Nya.
Amin, Amin.
[20] Sekian doa Daud anak Isai.

Zabur Jilid 3

73 *Mazmur Asaf.*

[1] Sesungguhnya Allah baik kepada Israel,
kepada mereka yang
murni hati.
[2] Tetapi aku, kakiku hampir tersandung;
langkahku hampir tergelincir.
[3] Kerana aku iri hati kepada mereka yang bermegah
apabila kulihat kemewahan orang zalim.
[4] Mereka tidak sakit
sebelum mati;
kekuatan mereka
tetap teguh.
[5] Mereka tidak susah seperti orang lain;
mereka tidak dirundung bencana seperti orang lain.
[6] Oleh itu mereka berkalungkan keangkuhan;
keganasan menjadi
pakaian mereka.
[7] Hati mereka yang kejam penuh kejahatan;
fikiran mereka yang durjana melampaui segala batas.
[8] Mereka mencemuh orang dan merancang kejahatan serta penindasan;
mereka bercakap sombong.
[9] Mulut mereka lancang menentang syurga,
lidah mereka bercakap bongkak kepada seisi bumi.
[10] Maka orang mereka
pulang ke sini
dan air secawan penuh habis dihirup mereka.
[11] Lalu mereka berkata, ‘Bagaimana Allah tahu?
Adakah Yang Maha Tinggi mempunyai pengetahuan?’
[12] Ketahuilah, mereka ini orang mungkar — yang sentiasa senang-lenang, mereka semakin kaya.
[13] Sesungguhnya aku telah menyucikan hatiku
dengan sia-sia;
dan membasuh tanganku dengan hati yang bersih.
[14] Kerana sepanjang hari
aku disakiti;
dan dihukum setiap pagi.
[15] Kalaulah aku telah berkata, ‘Aku akan bercakap begini,’
ketahuilah, ertinya aku tidak jujur kepada keturunan anak-anak-Mu.
[16] Apabila aku memikirkan bagaimana hendak memahami ini,

terlalu pedih bagiku
[17] hingga aku masuk ke tempat suci Allah;
barulah aku mengerti
tujuan mereka.
[18] Sesungguhnya Engkau membawa mereka ke tempat-tempat licin;
Engkau menghumbankan mereka ke dalam kemusnahan.
[19] Oh, betapa mereka ditimpa malapetaka, seperti dalam sekelip mata,
mereka ketakutan!
[20] Seperti mimpi apabila seseorang terjaga,
demikianlah, Ya TUHAN, apabila Engkau terjaga,
Engkau akan meluat akan bentuk mereka.
[21] Oleh itu hatiku pilu
dan fikiranku risau,
[22] Aku begitu bodoh dan jahil;
aku seperti seekor binatang di hadirat-Mu.
[23] Namun demikian, aku sentiasa bersama-Mu;
Engkau memegang tangan kananku.
[24] Engkau akan memandu aku dengan bimbingan-Mu,
dan kemudian menerimaku ke dalam kemuliaan.
[25] Siapa yang ada untukku di syurga melainkan Engkau?
dan tiada siapa di bumi yang kuingini selain Engkau.
[26] Tubuh dan hatiku layu,
tetapi Allah kekuatan
hatiku dan untukku
selama-lamanya.
[27] Kerana sesungguhnya, mereka yang jauh daripada-Mu akan binasa;
Engkau telah memusnahkan kesemua mereka yang meninggalkan-Mu untuk melacurkan diri.
[28] Tetapi sungguh baik bagiku mendekati Allah.
Aku telah menyandarkan kepercayaanku kepada
Allah Tuhan;
supaya aku dapat mengisytiharkan semua hasil kerja-Mu.

74 *Renungan Asaf.*
[1] Ya Allah, mengapakah Engkau menyingkirkan kami untuk selama-lamanya?
Mengapakah kemurkaan-Mu berasap terhadap domba di padang-Mu?
[2] Ingatlah jemaah-Mu yang telah Kaubeli dahulu,
suku warisan-Mu, yang telah Kautebus —
Bukit Sion ini, yang telah Kaudiami.
[3] Angkatlah kaki-Mu kepada malapetaka yang berterusan,
musuh telah merosakkan segala-galanya di
tempat suci.
[4] Musuhmu mengganas di tempat perhimpunan-Mu;
mereka mengibarkan panji-panji sebagai tanda.

[5] Mereka kelihatan seperti
orang yang mengangkat kapak di celah pohon-
pohon redang.
[6] Dan sekarang mereka meruntuhkan ukirannya
dengan kapak dan tukul.
[7] Mereka telah membakar tempat suci-Mu;
mereka telah mencemarkan tempat kediaman nama-Mu ke bumi.
[8] Mereka berkata dalam hati, ‘Mari kita musnahkan semuanya!’
Mereka telah membakar semua tempat perhimpunan Allah di tanah ini.
[9] Kami tidak melihat tanda-tanda kami;
tidak ada lagi nabi,
dan tiada siapa antara kami yang tahu berapa lama.
[10] Ya Allah, berapa lamakah seteru akan mencela?
Adakah musuh akan mengkufuri nama-Mu selama-lamanya?
[11] Mengapakah Engkau menarik balik tangan-Mu, ya, tangan kanan-Mu?
Keluarkanlah tangan-Mu dari dada-Mu dan musnahkan mereka!
[12] Kerana Allah adalah Rajaku dari dahulu;
menjalankan penyelamatan di tengah bumi.
[13] Engkau telah membelah laut dengan kekuatan-Mu;
Engkau telah meremukkan kepala ular-ular laut
di perairan.
[14] Engkau telah meremukkan kepala-kepala Lewiatan
dan memberikan sebagai makanan kepada orang yang tinggal di gurun.
[15] Engkau telah membukakan pancuran dan banjir;
Engkau telah mengeringkan sungai-sungai besar.
[16] Siang milik-Mu, malam juga milik-Mu;
Engkau telah menyediakan cahaya dan matahari.
[17] Engkau telah meletakkan semua sempadan bumi;
Engkau telah menjadikan musim panas dan
musim dingin.
[18] Ingatlah ini, bahawa musuh telah mencela, Ya TUHAN,
dan kaum yang bodoh telah mengkufuri nama-Mu.
[19] Janganlah serahkan nyawa merpati-Mu kepada binatang ganas;
janganlah lupakan kehidupan makhluk-Mu yang miskin selama-lamanya.
[20] Fikirkanlah perjanjian,
kerana tempat-tempat gelap di bumi penuh dengan sarang kekejaman.
[21] Janganlah biarkan orang yang tertindas pulang menanggung malu;
biarlah orang yang miskin dan sesak memuji nama-Mu.
[22] Bangkitlah, Ya Allah, tegakkanlah perjuangan-Mu sendiri;
ingatlah betapa orang bodoh mencela-Mu setiap hari.
[23] Janganlah lupakan suara musuh-Mu,

hiruk-pikuk mereka,
yang bangkit menentang-Mu semakin bertambah.

75 *Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu 'Jangan Musnahkan'. Mazmur Asaf. Sebuah nyanyian.*
[1] Kami mengucap syukur kepada-Mu, Ya Allah,
kami mengucap syukur, kerana hasil kerja-Mu yang menakjubkan;
mengisytiharkan bahawa nama-Mu dekat.
[2] Engkau berkata, 'Apabila Aku memilih masa yang wajar;
aku akan menghakimi dengan adil.
[3] Bumi dan semua penghuninya dilarutkan,
aku memacakkan tiang-tiang cukup teguh.
[4] Aku telah berfirman
kepada orang yang
angkuh, "Janganlah melakukan sesuatu dengan cakap besar,"
dan kepada orang zalim, "Janganlah mengangkat tanduk.
[5] Janganlah mengangkat tandukmu tinggi-tinggi;
janganlah bercakap dengan bertegang urat leher." '
[6] Kerana peninggian tidak datang dari timur atau dari barat ataupun dari selatan.
[7] Tetapi Allah yang
menjadi hakim:
Dia menurunkan seseorang dan meninggikan orang lain.
[8] Kerana di tangan TUHAN
ada cawan
dan air anggur-Nya merah;
sudah cukup dibancuh, lalu Dia menuangkannya
sesungguhnya semua orang zalim di bumi akan
meneguknya sampai habis setiap titik.
[9] Tetapi aku akan mengisytiharkannya untuk selama-lamanya;
aku akan menyanyikan pujian kepada Allah
TUHAN Yakub.
[10] Semua tanduk orang zalim akan dipotong-Nya,
tetapi tanduk orang yang benar akan ditinggikan.

76 *Untuk pemimpin muzik. Dengan alat-alat bertali. Mazmur Asaf. Sebuah nyanyian.*
[1] Di Yudah Allah dikenali;
nama-Nya besar di Israel.
[2] Di Salem juga terletak khemah-Nya,
dan tempat kediaman-Nya di Sion.
[3] Di sana Dia telah mematahkan anak-anak panah busur,
perisai dan pedang pertempuran.
[4] Engkau lebih mulia
dan unggul,
daripada gunung-gunung haiwan buruan.

[5] Mereka yang keras hati telah dirampas barangnya,
mereka telah terlelap dalam tidur terakhir;
Tiada seorang pun orang
yang gagah
dapat menggunakan tangannya lagi.
[6] Apabila Kaumarahi, Ya Allah Tuhan Yakub,
pedati dan kuda tidur mati.
[7] Engkau, Engkaulah,
yang ditakuti.
Siapa sanggup berdiri di hadirat-Mu apabila
Engkau murka?
[8] Engkau memperdengarkan penghakiman dari syurga,
bumi ketakutan lalu diam —
[9] apabila Allah bangkit membuat penghakiman,
untuk melepaskan semua yang tertindas di bumi.
[10] Sesungguhnya kemarahan manusia akan mendatangkan puji
untuk-Mu,
mereka yang terselamat daripada kemarahan itu akan menyanjung kebesaran-Mu.
[11] Berjanjilah kepada Allah Tuhanmu dan tunaikan
janji itu;
biarlah semua
sekeliling-Nya
membawa persembahan kepada Dia yang patut ditakuti.
[12] Dia akan menundukkan semangat raja-raja;
Dia mengagumkan
raja-raja di bumi.

77 *Untuk pemimpin muzik.*
Untuk Yedutun. Mazmur Asaf.
[1] Aku telah berseru kepada Allah dengan suaraku;
kepada Allah dengan suaraku dan Dia mendengarku.
[2] Pada masa kesusahan
kucari TUHAN;
tangan kutadahkan sepanjang malam
jiwaku enggan dilipurkan.
[3] Aku ingat akan Allah, dan berasa rusuh;
aku mengadu, dan semangatku tertekan.
[4] Engkau mencekang kelopak mataku;
aku rusuh sehingga tidak dapat berkata-kata.
[5] Aku telah memikirkan
masa silam,
tahun-tahun zaman dahulu;
[6] Aku mengingati

kembali nyanyianku sewaktu malam.
Aku merenung dalam hati dan rohku tekun mencari:
[7] Adakah TUHAN
akan menyingkiri
selama-lamanya?
Dan tidakkah Dia
berkenan lagi?
[8] Sudah berakhirkah
kasih setia-Nya untuk selama-lamanya?
Sudah batalkah janji-Nya untuk selama-lamanya?
[9] Sudah lupakah Allah bersikap penuh belas kasihan?
Dalam kemurkaan-Nya sudahkah ditutup-Nya belas kasih-Nya?
[10] Maka aku berkata, 'Inilah kekhuatiranku:
tetapi aku akan mengingati tahun-tahun tangan kanan Yang Maha Tinggi.'
[11] Aku akan mengingati
kerja TUHAN;
sesungguhnya aku akan mengingati keajaiban yang Kaulakukan dahulu.
[12] Aku juga akan merenung segala hasil kerja-Mu
dan bercakap tentang perbuatan-Mu.
[13] Jalan-Mu, Ya Allah, dalam tempat suci-Mu.
Siapakah tuhan yang sama besar dengan TUHAN kita?
[14] Engkau Allah yang melakukan keajaiban;
Engkau telah mengisytiharkan kekuatan-Mu di kalangan umat-Mu.
[15] Dengan tangan-Mu Engkau telah menebus umat-Mu,
anak-anak Yakub dan Yusuf.
[16] Perairan telah melihat-Mu,
Ya Allah,
perairan melihat-Mu lalu berasa takut;
bahagian lautan dalam
juga gementar.
[17] Awan mencurahkan air,
langit menghantar bunyi;
anak-anak panah-Mu memancar sabung-menyabung.
[18] Suara guruhmu dalam angin puting-beliung,
api menerangi dunia;
bumi bergegar dan bergempa.
[19] Jalan-Mu di laut,
lorong-Mu di perairan luas,
dan jejak langkahmu tidak dikenali.
[20] Engkau membimbing umat-Mu seperti sekawan
domba dengan tangan Musa dan Harun.

78 *Renungan Asaf.*

[1] Dengarlah hai umatku, ajaran tentang hukum;
pasang telingamu untuk mendengar kata-kataku.
[2] Aku akan membuka mulut menggunakan ibarat,
aku akan menuturkan kata-kata zaman dahulu yang penuh rahsia —
[3] yang telah kita dengar
dan ketahui,
dan telah disampaikan oleh nenek moyang kita.
[4] Kita tidak akan merahsiakannya daripada anak cucu mereka;
kita akan memberitahu keturunan yang akan datang
tentang pujian untuk TUHAN,
dan kekuatan-Nya, serta hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan.
[5] Kerana Dia telah menetapkan kesaksian pada Yakub
dan mengadakan hukum baru bagi Israel,
yang diperintahkan-Nya kepada nenek moyang kita
supaya diberitahu kepada anak-anak mereka,
[6] agar keturunan akan datang mengetahuinya,
anak-anak yang bakal lahir,
dan mereka akan bangkit mengisytiharkannya kepada anak-anak mereka.
[7] Dengan demikian mereka akan menyandarkan harapan kepada Allah
dan tidak melupakan hasil kerja Allah
serta mematuhi perintah-perintah-Nya.
[8] Maka tidaklah mereka
menjadi seperti nenek moyang mereka —
keturunan yang degil dan memberontak,
Keturunan yang tidak membetulkan hatinya,
dan yang rohnya tidak setia kepada Allah.
[9] Kaum Efraim yang bersenjatakan panah,
berundur pada hari pertempuran;
[10] mereka tidak berpegang kepada perjanjian Allah
mereka tidak mahu hidup mengikut hukum-Nya.
[11] Dan melupakan hasil
kerja-Nya,
serta keajaiban yang telah ditunjukkan-Nya
kepada mereka.
[12] Perbuatan yang menakjubkan telah dilakukan-Nya di hadapan nenek moyang mereka di tanah Mesir,
di padang Zoan.
[13] Dia telah membelah laut dan membolehkan mereka menyeberanginya;
Dia menegakkan air
seperti tembok.
[14] Pada waktu siang Dia memandu mereka

dengan awan
dan sepanjang malam dengan cahaya api.
15 Dia membelah batu pejal
di gurun
dan memberi mereka minuman sebanyak-banyaknya air di
lautan dalam;
16 Dia memancarkan air dari batu pejal
dan membuatnya mengalir seperti sungai.
17 Tetapi mereka semakin berdosa terhadap-Nya,
dengan menderhaka terhadap Yang Maha Tinggi di gurun.
18 Dan mereka menguji Allah dalam hati mereka
dengan meminta makanan yang diingini.
19 Ya, mereka bercakap menentang Allah,
mereka berkata,
'Dapatkah Allah menyediakan jamuan
di gurun?
20 Lihatlah, Dia memukul
batu pejal supaya air memancut keluar,
dan sungai melimpah.
Dapatkah Dia memberi
roti juga?
Dapatkah Dia membekalkan daging kepada umat-Nya?'
21 TUHAN mendengar kata-kata ini lalu murka;
maka api dinyalakan menyerang kaum Yakub,
dan kemarahan-Nya menimpa kaum Israel,
22 kerana mereka tidak percaya akan Allah,
dan tidak yakin akan penyelamatan-Nya.
23 Namun Dia
memerintahkan awan
dan membuka pintu langit;
24 menghujani mereka
dengan manna untuk makanan mereka,
dan memberi mereka
roti syurga.
25 Manusia makan
makanan malaikat;
Dia menghantar mereka makanan melimpah-limpah.
26 Dia meniupkan angin
timur di langit
dan dengan kuasa-Nya membawakan angin selatan.
27 Dia juga menghujani
mereka dengan daging sebanyak debu,

burung sebanyak pasir
di tepi laut.
28 Dia menjatuhkan semua itu di tengah-tengah perkhemahan mereka,
di sekeliling tempat
tinggal mereka.
29 Lalu mereka makan sekenyang-kenyangnya,
kerana Dia memberikan kehendak mereka.
30 Keinginan mereka tidak dipuaskan,
ketika makanan masih di dalam mulut mereka,
31 Kemurkaan Allah
menimpa mereka;
meragut nyawa yang paling gagah antara mereka,
dan menumpangkan orang Israel yang paling istimewa.
32 Namun demikian mereka terus berbuat dosa;
dan tidak percaya akan mukjizat-Nya.
33 Oleh itu Dia menjadikan hidup mereka sia-sia
dan sepanjang usia mereka dalam ketakutan.
34 Apabila Dia membunuh sebilangan mereka,
maka mereka berpaling kepada-Nya;
mereka kembali mencari Allah dengan
bersungguh-sungguh.
35 Ketika itu mereka ingat bahawa Allah Batu
Pejal mereka,
dan Allah Yang Maha Kuasa Penebus mereka.
36 Tetapi mulut mereka memberi-Nya puji palsu,
dan lidah mereka berdusta kepada-Nya;
37 kerana hati mereka tidak teguh kepada-Nya,
dan mereka tidak
setia kepada perjanjian dengan-Nya.
38 Namun Dia, yang
penuh belas kasihan;
mengampunkan
dosa mereka
dan tidak memusnahkan mereka.
Ya, berkali-kali Dia memalingkan kemarahan-Nya daripada mereka
dan tidak membiarkan kemurkaan-Nya menyala.
39 Kerana Dia ingat bahawa mereka hanyalah manusia,
sehembus nafas yang berlalu dan tidak muncul lagi.
40 Betapa kerapnya mereka menyakitkan hati-Nya ketika di gurun
dan menyedihkan-Nya semasa di padang pasir!
41 Ya, berkali-kali mereka menduga Allah;
dan membatasi Yang Maha Suci Allah Tuhan Israel.

42 Mereka tidak ingat akan kuasa-Nya —
hari Dia menyelamatkan mereka daripada musuh,
43 apabila Dia melakukan mukjizat-Nya di Mesir,
dan perbuatan-Nya
yang menakjubkan di padang Zoan.
44 Menukarkan air sungai mereka menjadi darah,
juga anak-anak air mereka;
maka mereka tidak
dapat minum.
45 Dia menghantar lalat
yang banyak untuk memakan mereka,
dan katak untuk memusnahkan mereka.
46 Dia menyebabkan tanaman mereka dimakan ulat,
dan hasil usaha mereka dimakan belalang.
47 Dia memusnahkan pokok anggur mereka dengan hujan batu
dan pohon-pohon sikamor mereka dengan air batu.
48 Dia membiarkan lembu mereka mati ditimpa
hujan batu,
dan kawanan domba mereka disambar kilat.
49 Dia melemparkan kepada mereka kemarahan,
kemurkaan, keberangan, dan kesusahan —
dengan menghantar para malaikat pemusnah di kalangan mereka.
50 Dia membuat lorong untuk kemarahan-Nya;
Dia tidak mengecualikan jiwa mereka daripada
maut tetapi membiarkan wabak penyakit meragut nyawa mereka.
51 Dan memusnahkan
semua anak lelaki sulung orang Mesir,
kekuatan pertama mereka di perkhemahan Ham.
52 Tetapi Dia membolehkan umat-Nya pergi
seperti domba;
dan memandu mereka di gurun seperti satu kawanan.
53 Dan dia memandu mereka dengan selamat, maka mereka tidak takut;
sedangkan laut menenggelamkan
musuh mereka.
54 Lalu Dia membawa mereka ke sempadan-Nya yang suci,
gunung ini yang telah diambil-Nya dengan tangan kanan-Nya.
55 Dia mengusir bangsa-bangsa dari tempat yang didatangi umat-Nya
dan membahagikan tanah sebagai warisan mereka;
serta menyuruh suku-suku Israel tinggal di khemah mereka.
56 Namun, mereka menguji dan menyakitkan hati Allah Yang Maha Tinggi;
dan tidak mematuhi kesaksian-Nya.
57 Mereka berpaling tadah

dan berkelakuan tidak setia seperti nenek
moyang mereka,
mereka menyeleweng seperti busur yang bengkok.
58 Mereka membuat Dia
marah dengan tempat-tempat pemujaan;
dan menyengutukan-Nya dengan patung-patung
yang diukir.
59 Apabila Allah mendengarnya, Dia amat murka;
dan sangat membenci
kaum Israel.
60 Sehingga Dia meninggalkan khemah Silo,
yang telah diletakkan-Nya di kalangan mereka.
61 Dan membiarkan kekuatan-Nya ditawan,
dan kemuliaan-Nya jatuh ke tangan musuh.
62 Dia membiarkan umat-Nya musnah di hujung pedang;
Dia amat murka akan warisan-Nya.
63 Api membakar pemuda-pemuda mereka,
maka gadis-gadis mereka tidak dijodohkan;
64 imam-imam mereka gugur di hujung pedang,
dan balu-balu mereka
tidak meratap.
65 Kemudian TUHAN mengejutkan kita
daripada tidur,
seperti seorang gagah yang bertempik kerana air anggur.
66 Dan Dia mengusir
musuh-Nya;
dia memalukan mereka selama-lamanya.
67 Juga Dia menolak
khemah Yusuf,
dan tidak memilih
suku Efraim;
68 tetapi memilih suku Yudah,
Bukit Sion yang
dicintai-Nya.
69 Dan Dia membina tempat suci-Nya seperti di syurga,
seperti bumi yang telah ditapakkan-Nya untuk selama-lamanya.
70 Dia juga memilih Daud hamba-Nya
dan mengambilnya dari kawanan domba;
71 daripada mengikuti domba beranak kecil Allah membawanya
untuk menjadi gembala umat-Nya Yakub,
dan warisan-Nya Israel.
72 Maka dia menggembalakan mereka menurut

keikhlasan hatinya;
dan memandu
mereka dengan
kemahiran tangannya.

79 *Mazmur Asaf.*

[1] Ya Allah, bangsa-bangsa telah merampas warisan-Mu;
rumah ibadat-Mu telah dicemari oleh mereka,
mereka telah meruntuhkan Baitulmaqdis.
[2] Mayat hamba-hamba-Mu
telah diberi mereka sebagai makanan burung angkasa,
tubuh umat-Mu yang warak dijadikan habuan binatang di bumi.
[3] Darah mereka telah ditumpahkan seperti air sekitar Baitulmaqdis,
dan tiada siapa yang mengebumikan mereka.
[4] Kami telah menjadi bahan celaan negeri-negeri jiran,
sasaran bagi cemuhan dan ejekan mereka yang di sekeliling kami.
[5] Berapa lama, Ya TUHAN?
Akan murkakah
Engkau selama-lamanya?
Akan terus menyalahkan rasa cemburu-Mu
seperti api?
[6] Curahkanlah kemarahan-Mu ke atas bangsa-bangsa
yang tidak mengenal-Mu,
dan kerajaan-kerajaan
yang tidak menyeru
nama-Mu;
[7] kerana mereka telah
menelan Yakub
dan meranapkan tempat kediamannya.
[8] Janganlah ingat akan dosa kami yang silam;
segeralah limpahkan belas kasihan-Mu ke atas kami,
kerana kami telah dijatuhkan sama sekali.
[9] Tolonglah kami, Ya Allah Penyelamat kami,
demi kemuliaan nama-Mu;
lepaskan kami serta berilah kami peluang menebus dosa kami demi nama-Mu.
[10] Mengapa bangsa-bangsa harus berkata,
‘Di mana Allah
TUHAN mereka?’
Biarlah bangsa-bangsa sekeliling kami mengetahui
pembelaan darah hamba-hamba-Mu yang telah ditumpahkan.
[11] Biarkan rintihan orang tawanan sampai ke
hadirat-Mu;
dengan kebesaran kuasa-Mu

peliharalah mereka yang dihukum mati.
12 Dan balaskan tujuh kali
ganda kepada bangsa-bangsa jiran kami
yang telah mencela-Mu,
Ya TUHAN,
13 Oleh itu kami, umat-Mu dan kawanan domba-Mu,
akan bersyukur kepada-Mu selama-lamanya;
kami akan memuji-Mu
turun-temurun.

80 *Untuk pemimpin muzik.*
Menurut lagu 'Bunga Bakung Perjanjian'. Mazmur Asaf.
1 Dengarlah,
wahai Gembala Israel,
Engkau yang telah memandu Yusuf seperti sekawan domba;
Engkau yang tinggal di
antara malaikat-malaikat kerub, limpahkanlah
sinar-Mu
2 di hadapan suku Efraim, Benyamin, dan Manasye.
Bangkitkanlah
kekuatan-Mu; dan datang menyelamatkan kami.
3 Pulihkanlah kami, Ya Allah;
pancarkanlah sinar
wajah-Mu,
maka kami akan selamat!
4 Ya Allah, TUHAN Yang
Maha Kuasa,
berapa lama Engkau
akan murka
dan tidak mendengar doa umat-Mu?
5 Engkau telah memberi mereka makan roti kesedihan;
dan minum beberapa banyak air mata.
6 Engkau telah membiarkan bangsa-bangsa di sekeliling memerangi kami,
dan musuh kami tertawa sesama sendiri.
7 Pulihkan kami, Ya Allah
Yang Maha Kuasa;
pancarkanlah sinar
wajah-Mu,
maka kami akan selamat.
8 Engkau telah membawa pokok anggur keluar dari Mesir;
Engkau telah mengusir bangsa-bangsa dan menanam pokok anggur itu.
9 Engkau menyediakan ruang untuknya,

dan membuatnya berakar-umbi memenuhi tanah ini.
[10] Bukit-bukau diliputi oleh bayang-bayangnya,
dan pohon-pohon sedar yang gagah dengan dahan-dahannya.
[11] Ia telah menghulurkan dahan-dahannya ke Laut,
dan cabang-cabangnya
ke Sungai.
[12] Mengapakah Engkau memecahkan pagar-pagarnya
sehingga semua yang lalu-lalang memetik buahnya?
[13] Babi hutan dari belukar mencabutnya
dan binatang liar dari padang memakannya.
[14] Kembalilah, kami merayu-Mu, Ya Allah Yang
Maha Kuasa!
Pandanglah ke bawah dari syurga dan lihatlah!
Lalu lawatlah pokok anggur ini,
[15] dan ladang anggur yang telah ditanami tangan kanan-Mu,
dan cabang yang Kaujadikan kuat untuk-Mu.
[16] Telah dibakar api,
telah dipotong;
telah binasa akibat kemarahan wajah-Mu.
[17] Letakkanlah tangan-Mu di atas orang yang menjadi tangan kanan-Mu,
di atas anak manusia yang Kaujadikan kuat untuk-Mu.
[18] Maka kami tidak berpaling daripada-Mu;
pulihkanlah kami,
maka kami akan menyeru nama-Mu.
[19] Pulihkan kami, Ya Allah, TUHAN Yang Maha Kuasa;
pancarkanlah sinar
wajah-Mu,
maka kami akan selamat.

81 *Untuk pemimpin muzik.*
Dengan alat Gath. Mazmur Asaf.
[1] Menyanyilah dengan lantang untuk Allah kekuatan kita;
bersoraklah dengan girang kepada Allah Tuhan Yakub!
[2] Nyanyikanlah lagu sambil memukul tamborin,
bermain kecapi merdu
serta gambus.
[3] Tiuplah nafiri ketika
Bulan Baru,
dan semasa bulan purnama, pada hari perayaan kita
yang luhur;
[4] kerana ini adalah ketetapan bagi umat Israel,
hukum Allah Tuhan Yakub.
[5] Ini berasaskan-Nya pada Yusuf sebagai kesaksian

apabila Dia menjelajah seluruh tanah Medir,
di situ aku mendengar bahasa yang tidak kufahami.
[6] Dia berkata, ‘Aku melepaskan bahunya daripada beban;
tangan mereka dibebaskan daripada bakul.
[7] Kamu menyeru-Ku ketika dalam kesusahan dan Aku melepaskan kamu,
Aku menjawabmu di tempat rahsia guruh;
Aku mengujimu di
perairan Meriba.
[8] Dengarlah, wahai umat-Ku, Aku akan menegurmu —
wahai Israel, kalaulah kamu mahu mendengar kata-Ku!
[9] Tidak boleh ada tuhan asing di kalanganmu;
dan kamu tidak boleh menyembah tuhan asing.
[10] Akulah Allah Tuhanmu,
yang telah membawamu keluar dari tanah Mesir.
Bukalah mulutmu luas-luas, aku akan memenuhinya.
[11] ‘Tetapi umat-Ku enggan mendengar suara-Ku;
dan Israel sama sekali tidak mahu menerima-Ku.
[12] Oleh itu, Aku biarkan mereka mengikut hati mereka
yang degil
hidup menurut fikiran mereka sendiri.
[13] ‘Kalaulah umat-Ku mahu mendengar-Ku,
dan Israel mahu hidup menurut jalan-Ku,
[14] tentu Aku segera menundukkan
musuh mereka
dan memalingkan tangan-Ku menentang musuh mereka!
[15] Pembenci TUHAN pura-pura tunduk kepada-Nya,
dan hukuman ke atas mereka kekal selama-lamanya.
[16] Tentu diberi-Nya mereka makan gandum terbaik;
dan dengan madu dari
batu pejal tentu Kukenyangkan kamu.’

82 *Mazmur Asaf.*
[1] Allah berdiri dalam perhimpunan perkasa;
Dia menghakimi antara ‘hakim-hakim syurga’:
[2] ‘Berapa lamakah kamu
akan menghakimi dengan tidak adil
dan memihak kepada
orang zalim?
[3] Belalah orang miskin dan
anak yatim;
lakukanlah keadilan
kepada orang yang miskin dan ditindas.

[4] Selamatkan orang yang lemah dan sesak;
lepaskan mereka daripada tangan orang zalim.
[5] ‘Mereka tidak tahu,
dan tidak mengerti.
Mereka merayau dalam kegelapan;
semua asas bumi
sudah goyah.
[6] ‘Aku berkata, “Kamu ‘hakim-hakim syurga’;
dan kesemua kamu adalah anak Yang Maha Tinggi.”
[7] Tetapi kamu akan mati
seperti manusia;
dan jatuh seperti seorang anak raja.’
[8] Bangkitlah, Ya Allah, hakimilah bumi,
kerana semua bangsa adalah warisan-Mu.

83 *Sebuah nyanyian. Mazmur Asaf.*
[1] Janganlah senyap, Ya Allah;
janganlah Engkau membisu, dan janganlah berdiam diri, Ya Allah.
[2] Kerana lihatlah, musuh-Mu berbuat huru-hara,
dan mereka yang
membenci-Mu telah mengangkat kepala.
[3] Mereka berunding mengatur tipu muslihat menentang umat-Mu;
dan berpakat melawan orang yang Kaulindungi.
[4] Mereka telah berkata, ‘Marilah kita hapuskan mereka sebagai suatu bangsa,
supaya nama Israel akan luput dari ingatan.’
[5] Mereka telah berpakat dan bersatu hati;
mereka telah membentuk komplot menentang-Mu —
[6] orang Edom dan orang Ismael,
Moab dan Hagri,
[7] Gebal, Amon dan Amalek,
Filistea dan Tirus.
[8] Asyur pun telah
menyertai mereka
mereka membantu keturunan Lot.
[9] Perlakukanlah mereka
seperti Kauperlakukan orang Midian,
dan Sisera serta Yabin di Sungai Kisyon,
[10] yang binasa di Endor
dan menjadi seperti
sampah di atas bumi.
[11] Jadikanlah para pemimpin mereka seperti Oreb
dan Zeeb,
ya, dan raja-raja mereka seperti Zebah dan Salmuna,

[12] yang telah berkata,
‘Marilah kita ambil
padang-padang berumput Allah sebagai milik kita.’
[13] Ya Allah Tuhanku, jadikan mereka seperti debu berterbangan,
seperti sekam ditiup angin.
[14] Seperti api membakar hutan
dan membuat gunung-ganang menyala,
[15] burulah mereka dengan badai-Mu
dan takutkan mereka dengan ribut-Mu.
[16] Malukanlah mereka
supaya mereka mencari nama-Mu, Ya TUHAN.
[17] Biarlah mereka keliru dan kecewa selama-lamanya;
ya, biarkanlah mereka malu dan binasa.
[18] Supaya mereka tahu
hanya Engkau, yang bernama TUHAN —
Engkaulah Yang Maha Tinggi menguasai
seluruh bumi.

84 *Untuk pemimpin muzik. Dengan alat Gath. Mazmur suku Korah.*
[1] Betapa indahnya khemah-Mu,
Ya TUHAN Yang Maha Kuasa!
[2] Jiwaku ingin, ya rindu, akan pekarangan TUHAN;
hatiku dan jasadku berseru kepada Allah Yang Hidup.
[3] Sedangkan burung pipit ada tempat kediamannya,
dan burung layang-layang ada sarangnya sendiri,
tempat dia meletakkan anak-anaknya —
malah juga mazbah-Mu, Ya TUHAN Yang Maha Kuasa,
Rajaku dan Allah Tuhanku.
[4] Diberkatilah mereka yang tinggal di rumah-Mu;
mereka berterusan
memuji-Mu.
[5] Diberkatilah orang yang kekuatannya dalam-Mu,
yang hatinya tertumpu kepada perjalanan suci.
[6] Ketika mereka melalui Lembah Baca,
mereka menjadikannya
mata air;
hujan pula memenuhinya dengan kolam.
[7] Mereka mencapai kekuatan demi kekuatan,
tiap seorang tiba di hadirat Allah di Sion.
[8] Ya Allah, TUHAN Yang
Maha Kuasa;
dengarlah, Ya Allah Tuhan Yakub.

[9] Ya Allah, lihatlah perisai kami;
dan pandanglah wajah orang yang telah Kauurapi.
[10] Kerana satu hari di dalam rumah-Mu
lebih baik daripada seribu;
aku rela menjadi penjaga pintu di rumah Allah Tuhanku
daripada tinggal di khemah orang zalim.
[11] Kerana Allah TUHAN adalah matahari dan perisai;
TUHAN akan memberi kasih kurnia dan kemuliaan;
tiada kebaikan yang tidak dilimpahkan-Nya
kepada mereka yang
hidup tulus.
[12] Ya TUHAN Yang Maha Kuasa,
diberkatilah orang yang percaya kepada-Mu.

85 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur suku Korah.
[1] TUHAN, Engkau telah meredai tanah-Mu;
Engkau telah membawa Yakub pulang daripada tawanan.
[2] Engkau telah mengampunkan dosa umat-Mu
Engkau telah menghapuskan semua dosa mereka.
[3] Engkau telah menarik
balik segala kemurkaan-Mu
Engkau telah
berpaling daripada nyala kemarahan-Mu.
[4] Pulihkanlah kami,
Ya Allah Penyelamat kami,
dan padamkanlah kemarahan-Mu
terhadap kami.
[5] Akan marahkah Engkau kepada kami selama-lamanya?
akan Kauteruskankah kemarahan-Mu turun-temurun?
[6] Tidakkah Engkau mahu memulihkan kami,
supaya umat-Mu dapat bergembira kerana-Mu?
[7] Tunjukkanlah kasih setia-Mu kepada kami, Ya TUHAN,
dan kurniai kami penyelamatan-Mu.
[8] Aku akan mendengar firman Allah Tuhan;
kerana Dia akan melafazkan sejahtera kepada umat-Nya dan orang warak-Nya — tetapi janganlah mereka kembali kepada kebodohan mereka.
[9] Sesungguhnya penyelamatan-Nya dekat kepada mereka yang takut kepada-Nya,
supaya kemuliaan menetap di tanah kita.
[10] Kasih sayang dan kesetiaan
telah bertemu;
kebenaran dan sejahtera telah berdakapan.
[11] Kesetiaan akan muncul

dari bumi,
dan kebenaran akan memandang ke bawah
dari syurga.
12 Ya, TUHAN akan memberikan apa yang baik,
dan tanah kita akan bertambah makmur.
13 Kebenaran akan berjalan di hadapan-Nya
dan menjadikan jejak langkah-Nya jalan untuk kita turuti.

86 *Doa Daud.*
1 Dekatkanlah telinga-Mu,
Ya TUHAN, dengarlah aku,
kerana aku miskin
dan sesak.
2 Peliharakanlah nyawaku, kerana aku suci.
Engkau Allah Tuhanku; selamatkanlah hamba-Mu
yang percaya kepada-Mu.
3 Kasihanilah aku, Ya TUHAN,
kerana aku berseru kepada-Mu sepanjang hari.
4 Gembirakanlah jiwa
hamba-Mu,
kerana kepada-Mu,
Ya TUHAN,
Kuangkatkan jiwaku.
5 Kerana Engkau, Ya TUHAN, baik dan sedia mengampuni,
serta melimpahkan kasih kepada semua yang menyeru-Mu.
6 Dengarlah, Ya TUHAN, doaku;
dan berilah perhatian kepada suara permohonanku.
7 Dalam kesusahan aku akan berseru kepada-Mu,
kerana Engkau akan menjawabku.
8 Tiada tuhan seperti-Mu,
Ya TUHAN;
dan tiada yang dapat melakukan apa yang Kaulakukan.
9 Semua bangsa yang telah Kaujadikan
akan datang menyembah-Mu, Ya TUHAN;
dan akan memuliakan nama-Mu.
10 Kerana Engkau Maha Besar dan melakukan perkara yang menakjubkan;
hanya Engkaulah Allah.
11 Ajarlah aku jalan-Mu,
Ya TUHAN,
aku akan melangkah dalam kebenaran-Mu;
padukan hatiku,
supaya takut akan nama-Mu.
12 Aku akan memuji-Mu,

Ya Allah, Ya TUHANku, dengan sepenuh hatiku;
dan aku akan memuliakan nama-Mu untuk selama-lamanya.
13 Kerana sungguh melimpah kasih-Mu kepadaku;
dan Engkau telah melepaskan jiwaku
daripada kubur.
14 Ya Allah, orang yang sombong telah bangkit menentangku;
dan orang ganas beramai-ramai hendak
membunuhku —
mereka tidak berpandu kepada-Mu.
15 Tetapi Engkau, Ya TUHAN, adalah Allah yang
penuh belas kasih,
penuh kasih kurnia,
panjang sabar serta melimpah kasih dan setia.
16 Berpalinglah kepadaku, dan kasihanilah aku;
berilah kekuatan-Mu kepada hamba-Mu
dan selamatkanlah aku yang mengabdi kepada-Mu seperti ibuku dahulu.
17 Tunjukkanlah aku
tanda kebaikan,
supaya orang yang membenciku melihatnya lalu berasa malu,
kerana Engkau, Ya TUHAN, telah menolongku dan melipurkan aku.

87 *Mazmur suku Korah.*
Sebuah nyanyian.
1 Asas-Nya di bukit suci;
2 TUHAN mencintai pintu
pagar Sion
lebih daripada segala tempat kediaman Yakub.
3 Pelbagai kemuliaan disebutkan tentangmu,
Wahai kota Allah:
4 'Aku akan menyebut Rahab dan Babel
kepada mereka yang mengenal-Ku —
Ketahuilah, wahai Filistea dan Tirus, serta Habsyah —
"Dia dilahirkan di Sion." '
5 Dan tentang Sion akan dikatakan,
'Dia ini dan dia itu telah dilahirkan dalamnya,
dan Yang Maha Tinggi sendiri akan mengukuhkannya.'
6 TUHAN akan mencatatkan ketika Dia mendaftarkan umat-Nya:
'Dia ini dilahirkan di Sion.'
7 Kedua-dua penyanyi dan pemain muzik berkata,
'Semua sumber bahagiaku dalammu.'

88 *Sebuah Nyanyian. Mazmur suku Korah. Untuk pemimpin muzik. Menurut lagu Mahalat Leanor. Renungan Heman, orang Ezrahi.*

1 Ya Allah, TUHAN yang menyelamatkanku,
aku telah berseru siang malam di hadapan-Mu.
2 Biarlah doaku datang ke hadirat-Mu;
condongkan telinga-Mu kepada seruanku.
3 Kerana jiwaku dipenuhi kesusahan
dan hidupku semakin hampir ke kubur.
4 Aku dikira serupa
dengan mereka yang
masuk ke kubur;
aku seperti orang yang
tidak bermaya.
5 Hanyut di antara orang mati,
seperti orang terbunuh yang terbaring di dalam kubur,
yang tidak Kauingati lagi,
dan telah tersingkir daripada tangan-Mu.
6 Engkau telah meletakkan aku di kubur paling dalam,
dalam kegelapan,
jauh di dalam.
7 Kemurkaan-Mu berat menekanku;
dan Engkau telah menimpakan segala azab-Mu seperti ombak ke atasku.
8 Engkau telah menjauhkan semua kenalanku daripadaku
Engkau telah menjadikan aku jijik di mata mereka.
Aku terkurung, tidak dapat keluar;
9 mataku semakin pudar kerana kesakitan derita yang kutanggung.
Ya TUHAN, aku telah berseru kepada-Mu setiap hari;
aku telah menghulurkan tangan-Ku kepada-Mu.
10 Akan Kaubuatkah mukjizat untuk orang mati?
Akan bangkitkah orang mati lalu memuji-Mu?
11 Akan disebutkah
kasih-Mu di kubur,
atau kesetiaan-Mu di tempat Kemusnahan?
12 Akan dikenalkah mukjizat-Mu dalam kegelapan,
dan kebenaran-Mu di
alam kelupaan?
13 Tetapi kepada-Mu aku telah berseru, Ya TUHAN;
dan pada waktu pagi doaku datang ke hadirat-Mu.
14 Ya TUHAN, mengapa Kausingkirkan jiwaku
mengapa Kausembunyikan wajah-Mu daripadaku?
15 Aku telah ditimpa azab
dan hampir mati sejak

usia mudaku;
aku menderita ketakutan kerana-Mu, aku resah gelisah.
16 Kemurkaan-Mu yang dahsyat menimpaku;
ketakutan kepada-Mu membinasakanku.
17 Segalanya mengepungku sepanjang hari seperti
air; segalanya menenggelamkan aku.
18 Orang tersayang dan sahabat telah Kaujauhkan daripadaku;
dan kenalanku dalam kegelapan.

89 *Renungan Etan, orang Ezrahi.*
1 Aku akan menyanyi
tentang kasih TUHAN
selama-lamanya;
dengan mulutku akan kuceritakan kesetiaan-Mu kepada semua keturunan zaman-berzaman.
2 Kerana aku telah berkata, 'Kasih-Mu akan kekal selama-lamanya,
kesetiaan-Mu akan Kauteguhkan hingga
ke langit.'
3 Engkau berkata, 'Aku telah membuat perjanjian dengan orang yang Kupilih,
Aku telah berjanji kepada hamba-Ku Daud,
4 "Benihmu akan Kuteguhkan selama-lamanya
dan takhtamu akan Kupeliharakan untuk keturunanmu zaman-berzaman." '
5 Seisi langit akan memuji keajaiban-Mu, Ya TUHAN,
kesetiaan-Mu juga dalam perhimpunan orang yang hidup suci.
6 Kerana siapa di langit
yang dapat dibandingkan dengan TUHAN?
Siapa antara anak orang berkuasa dapat disamakan dengan TUHAN?
7 Allah amat ditakuti dalam perhimpunan orang yang hidup suci;
dan amat dihormati
oleh semua yang di sekeliling-Nya.
8 Ya Allah, TUHAN Yang Maha Kuasa, siapakah yang berkuasa seperti-Mu?
Ya TUHAN, kesetiaan-Mu juga di sekeliling-Mu.
9 Engkau menguasai gelora laut;
apabila gelombangnya tinggi, Engkau menenangkannya.
10 Engkau telah meremukkan Rahab, seperti manusia
yang dibunuh;
Engkau telah menyebabkan musuh-Mu bertempiaran dengan lengan-Mu
yang perkasa.
11 Langit milik-Mu, bumi juga milik-Mu;
dunia dengan segala isinya, Engkau yang menjadikannya.
12 Utara dan selatan, Engkau yang menciptanya;
Gunung Tabor dan
Hermon bergembira dengan nama-Mu.
13 Engkau mempunyai lengan yang perkasa;

tangan-Mu kuat dan tangan kanan-Mu tinggi.
[14] Kebenaran dan keadilan adalah asas takhta-Mu;
kasih dan kesetiaan berjalan di hadapan-Mu.
[15] Diberkatilah orang yang mengenal bunyi bahagia itu,
mereka melangkah,
Ya TUHAN, dalam cahaya wajah-Mu.
[16] Dengan nama-Mu mereka bergembira sepanjang hari;
dan dalam kebenaran-Mu mereka ditinggikan.
[17] Kerana Engkau kemuliaan kekuatan mereka,
dan dengan keredaan-Mu tanduk kami ditinggikan.
[18] Perisai kami milik TUHAN,
dan raja kami milik Yang Maha Suci Allah
TUHAN Israel.
[19] Kemudian Engkau berfirman melalui satu penglihatan
kepada orang warak-Mu:
'Aku telah memberi pertolongan kepada seorang yang perkasa;
aku telah mengangkat tinggi seorang yang dipilih dari kalangan umat.
[20] Aku telah menemui hamba-Ku Daud;
dengan minyak suci-Ku telah Kuurapi dia.
[21] Dengannya tangan-Ku akan diteguhkan;
dan lengan-Ku akan menguatkan dia.
[22] Musuh tidak akan dapat memperdayanya;
dan anak kedurjanaan tidak akan dapat menyakitinya.
[23] Aku akan menumbangkan musuhnya di hadapan matanya
dan menyeksa mereka yang membencinya.
[24] Kesetiaan-Ku dan kasih-Ku akan menyertainya,
dan dengan nama-Ku tanduknya akan ditinggikan.
[25] Juga aku akan meletakkan laut di bawah tangannya,
dan sungai-sungai di bawah tangan kanannya.
[26] Dia akan berseru kepada-Ku, "Engkau Bapaku,
Allah Tuhanku, dan Batu Pejal Penyelamatku."
[27] Aku juga akan menjadikannya anak sulung-Ku,
tertinggi antara raja-raja
di bumi.
[28] Kasih-Ku akan Kuperuntukkan baginya untuk selama-lamanya,
dan perjanjian-Ku akan berdiri teguh dengannya.
[29] Benihnya juga akan Kukekalkan selama-lamanya,
dan takhtanya berterusan seperti syurga.
[30] 'Jika anak cucunya meninggalkan hukum-Ku
dan tidak hidup mengikut kesaksian-Ku,
[31] jika mereka melanggar ketetapan-Ku
dan tidak mematuhi perintah-perintah-Ku,

32 Maka Aku akan
menghukum keingkaran mereka dengan gada,
dan dosa mereka
dengan cemeti;
33 namun demikian,
kasih-Ku tidak akan
kutarik sepenuhnya daripada mereka,
dan kesetiaan-Ku tidak akan Kubiarkan lupus.
34 Perjanjian-Ku tidak akan Kumungkiri
dan Aku tidak akan mengubah firman yang telah terbit daripada bibir-Ku.
35 Aku telah bersumpah demi kesucian-Ku —
maka Aku tidak akan berdusta kepada Daud —
36 benihnya akan kekal
selama-lamanya
dan takhtanya seperti matahari di hadapan-Ku;
37 bertapak selama-lamanya seperti bulan,
seperti saksi setia di langit.'
38 Tetapi Engkau telah menyingkirkan dan membenci,
Engkau telah murka akan orang yang Kauurapi.
39 Engkau telah membatalkan perjanjian dengan
hamba-Mu
Engkau telah mencemarkan mahkotanya dengan menghumbankannya
ke tanah.
40 Engkau telah memecahkan semua pagarnya
Engkau telah meranapkan semua bentengnya.
41 Semua orang yang lalu-lalang menyamun dia;
dia menjadi celaan
jiran-jirannya.
42 Engkau telah mengangkat tinggi tangan kanan seterunya;
Engkau telah menyebabkan semua musuhnya bergembira.
43 Engkau telah membengkokkan hujung pedangnya
dan tidak menyokongnya dalam pertempuran.
44 Engkau telah meluputkan kemuliaannya
dan melontarkan takhtanya ke tanah.
45 Usia mudanya telah Kausingkatkan;
Engkau telah memalukannya.
46 Betapa lama, Ya Tuhan? Adakah Engkau akan menyembunyikan diri-Mu selama-lamanya?
Adakah kemurkaan-Mu akan terus menyala
seperti api?
47 Ingatlah betapa singkat usiaku.
Adakah engkau telah mencipta anak-anak manusia untuk hidup
sia-sia?

48 Manusia manakah
dapat hidup dan tidak menemui maut,
dapatkan dia melepaskan nyawanya daripada kuasa kubur?
49 Ya TUHAN, di manakah kasih-Mu yang dahulu,
yang telah Kaujanjikan kepada Daud dalam kesetiaan-Mu?
50 Ingatlah, Ya TUHAN, celaan terhadap hamba-hamba-Mu,
betapa dadaku menanggung celaan daripada segala bangsa,
51 musuh-Mu telah mencela,
Ya TUHAN,
mereka telah mencela jejak langkah orang yang telah Kauurapi.
52 Pujilah TUHAN selama-lamanya!
Amin, Amin.

Zabur Jilid 4

90 *Doa Musa, pengikut Allah.*

[1] TUHAN, Engkaulah tempat kami menetap
turun-temurun.
[2] Sebelum gunung-ganang diwujudkan
atau Engkau membentuk bumi dan dunia,
dari selama-lamanya hingga selama-lamanya, Engkau adalah Allah.
[3] Engkau memalingkan manusia terhadap pemusnahan,
dan berkata,
'Pulanglah, hai anak-anak manusia.'
[4] Kerana seribu tahun pada pandangan-Mu
adalah seperti satu
hari yang berlalu,
dan seperti sebahagian malam.
[5] Engkau membawa mereka pergi seperti banjir, mereka seperti tidur;
pada waktu pagi mereka seperti rumput yang tumbuh —
[6] pada waktu pagi ia subur dan tumbuh,
pada waktu petang ia ditebas dan layu.
[7] Kerana kami telah dibakar oleh kemarahan-Mu
dan kami ketakutan kerana kemurkaan-Mu.
[8] Engkau telah membentangkan dosa kami di hadapan-Mu,
segala kesalahan rahsia
kami dalam pancaran sinar wajah-Mu.
[9] Hari demi hari kami lalui dalam kemurkaan-Mu;
tahun demi tahun kami akhiri dengan keluhan.
[10] Hidup kami hanyalah tujuh puluh tahun —
dan jika kerana kekuatan usia kami mencapai lapan puluh tahun;
tiada kemegahannya kecuali penat lelah dan sedih pilu,
kerana sebentar sahaja nyawa pun diragut lalu
kami pergi.
[11] Siapa yang tahu akan kuasa kemarahan-Mu?
Kerana seperti ketakutan kepada-Mu, demikianlah kemurkaan-Mu.
[12] Oleh itu ajarlah kami menghitung hari
kehidupan kami,
supaya hati kami bijaksana.
[13] Kembalilah, Ya TUHAN!
Berapa lama?
Berilah belas kasih kepada hamba-Mu.
[14] Segera limpahkan kasih

setia-Mu kepada kami,
supaya kami bergembira dan bersukacita seumur hidup.
15 Biarlah kami bersukacita sama panjangnya dengan masa kami Kauazabkan,
tahun-tahun kami menemui kedurjanaan.
16 Biarlah perbuatan-Mu dilihat oleh hamba-hamba-Mu,
dan kemuliaan-Mu oleh anak-anak mereka.
17 Dan biarlah keindahan Allah Tuhan kita turun ke
atas kita;
dan meneguhkan kerja tangan kita —
ya, meneguhkan kerja tangan kita.

91 1 Sesiapa yang tinggal di tempat rahsia Yang Maha Tinggi
akan menetap di bawah bayang-bayang Yang
Maha Kuasa.
2 Aku akan berkata tentang TUHAN, 'Dialah penaungku dan bentengku,
Allah Tuhanku, akan kupercaya kepada-Nya.'
3 Sesungguhnya Dia akan melepaskan kamu
daripada jerat pemikat dan wabak yang berbahaya.
4 Dia akan melitupimu
dengan bulu-Nya,
dan di bawah sayap-Nya kamu akan bernaung;
kesetiaan-Nya akan menjadi perisai dan peneguh-Mu.
5 Engkau tidak akan takut kepada sesuatu yang ngeri sewaktu malam,
atau anak panah yang meluru sewaktu siang,
6 atau wabak yang merayap dalam kegelapan,
atau kemusnahan yang melanda pada waktu
tengah hari.
7 Seribu orang mungkin rebah di sisimu,
dan sepuluh ribu di sebelah kananmu,
tetapi maut tidak akan mendekatimu.
8 Hanya dengan matamu kamu akan memandang
dan melihat balasan kepada orang zalim.
9 Kerana engkau telah menjadikan TUHAN tempat engkau menetap —
Yang Maha Tinggi tempat aku bernaung —
10 kejahatan tidak akan menimpamu,
dan wabak tidak akan mendekati tempat tinggalmu.
11 Kerana Dia akan memerintahkan malaikat-malaikat-Nya
menjagamu untuk memeliharamu walau di mana kamu berada.
12 Mereka akan menatangmu,
supaya kakimu tidak tersandung batu.
13 Engkau akan memijak singa dan ular tedung;
singa muda dan ular
berbisa akan kaulanyak di bawah kaki.

14 ‘Kerana dia telah menumpukan kasihnya kepada-Ku, maka Aku akan melepaskannya;
Aku akan meletakkannya di tempat tinggi,
kerana dia mengetahui nama-Ku.
15 Dia akan berseru kepada-Ku, dan Aku akan menjawabnya;
Aku akan menyertainya ketika dia dalam kesusahan,
dan Aku akan melepaskannya dan memberinya penghormatan.
16 Dengan umur yang
panjang Aku akan memberinya kepuasan
dan menunjukkannya penyelamatan-Ku.’

92 *Sebuah mazmur.*
Nyanyian untuk hari Sabat.
1 Sungguh baik mengucap syukur kepada TUHAN
dan menyanyikan pujian untuk nama-Mu, wahai Yang Maha Tinggi,
2 mengisytiharkan kasih-Mu sewaktu pagi
dan kesetiaan-Mu setiap malam,
3 diiringi alat muzik bertali sepuluh gambus dan kecapi, dengan harmoni.
4 Kerana Engkau, Ya TUHAN, telah membuatku sukacita dengan ciptaan-Mu;
aku akan berbangga dengan hasil kerja tangan-Mu.
5 Ya TUHAN, betapa agung
hasil kerja-Mu,
fikiran-Mu sungguh dalam!
6 Orang cetek akal tidak mengetahuinya,
dan orang bodoh tidak memahaminya,
7 apabila orang zalim tumbuh seperti rumput
dan apabila semua pembuat dosa hidup mewah,
ini adalah supaya mereka dimusnahkan untuk selama-lamanya.
8 Tetapi Engkau, Ya TUHAN, Maha Tinggi selama-lamanya.
9 Kerana sesungguhnya, musuh-Mu, Ya TUHAN,
kerana sesungguhnya musuh-Mu akan binasa;
semua pembuat dosa akan kucar-kacir.
10 Tetapi Engkau telah meninggikan tandukku seperti lembu liar;
aku telah diurapi dengan minyak yang baru.
11 Mataku telah melihat kehendakku berlaku
kepada musuhku;
telingaku telah mendengar kehendakku berlaku kepada orang zalim yang bangkit menentangku.
12 Orang yang benar akan subur seperti pokok palma,
dia akan tumbuh seperti pohon sedar di Lebanon;
13 semua yang ditanam di
rumah TUHAN,
akan subur di perkarangan Allah Tuhan kita.
14 Mereka akan tetap berbuah pada usia tua,

mereka akan tetap
segar dan subur,
15 untuk mengisytiharkan bahawa TUHAN adalah tulus;
Dia Batu Pejalku, dan Dia sentiasa benar.

93 1 TUHAN bertakhta, pakaian-Nya adalah keagungan;
TUHAN berpakaian keagungan dan
Dia telah menyaluti diri-Nya dengan kekuatan.
Sesungguhnya dunia
telah diasaskan;
dan tidak dapat diganjakkan.
2 Takhta-Mu diasaskan dari dahulu;
Engkau memang ada selama-lamanya.
3 Perairan telah meninggikan, Ya TUHAN,
perairan telah meninggikan suaranya;
perairan meninggikan gelombangnya.
4 TUHAN yang tinggi di atas segala-galanya,
lebih berkuasa daripada deru perairan yang luas —
daripada gelombang laut yang hebat.
5 Kesaksian-Mu cukup pasti;
kesucian menghiasi rumah-Mu, Ya TUHAN,
untuk selama-lamanya.

94 1 Ya Allah, TUHAN yang memiliki hak membalas bela,
Ya TUHAN yang memiliki hak membalas bela, bertindaklah.
2 Bangkitlah, Ya Hakim
seluruh bumi;
jatuhkanlah hukuman ke atas orang yang sombong.
3 Ya TUHAN, berapa lamakah orang zalim,
berapa lamakah orang zalim tetap menang?
4 Mereka berkata-kata,
dan bercakap lancang;
semua yang melakukan dosa membesarkan diri.
5 Mereka memecahkan umat-Mu, Ya TUHAN;
dan merosakkan
warisan-Mu.
6 Mereka membunuh balu dan orang asing;
serta meragut nyawa
anak yatim.
7 Tetapi mereka berkata,
'TUHAN tidak melihat;
Allah Tuhan Yakub
tidak mengerti.'

[8] Mengertilah, hai kamu
yang tidak berakal di kalangan manusia;
dan kamu yang cetek akal, bilakah kamu akan menjadi bijaksana?
[9] Dia yang mencipta telinga, tidakkah Dia mendengar?
Dia yang membentuk mata, tidakkah Dia melihat?
[10] Dia yang mengajar bangsa-bangsa, tidakkah Dia membetulkan?
Dia yang memberi manusia ilmu, tidakkah Dia mendidik?
[11] TUHAN mengetahui fikiran manusia;
betapa sia-sianya.
[12] Diberkatilah orang yang Kauajar, Ya TUHAN,
dan didik menurut
hukum-Mu;
[13] supaya Engkau dapat memberinya istirahat daripada masa penderitaan,
sehingga lubang kubur digali untuk orang zalim.
[14] Kerana TUHAN tidak akan menyingkirkan umat-Nya;
dan tidak akan meninggalkan warisan-Nya.
[15] Tetapi penghakiman akan kembali kepada kebenaran,
dan semua yang tulus hati akan menurutnya.
[16] Siapakah yang akan
bangkit menolongku
melawan orang yang melakukan kezaliman?
Siapakah yang akan
berdiri di sisiku
menentang orang yang melakukan dosa?
[17] Kalaulah TUHAN tidak menolongku,
tentulah tidak lama jiwaku terus musnah dalam senyap.
[18] Jika aku berkata,
'Kakiku tergelincir,'
maka kasih-Mu, Ya TUHAN, akan menegakkanku.
[19] Di tengah-tengah kerunsingan yang begitu banyak dalamku,
penglipuran yang Kauberi membahagiakan jiwaku.
[20] Mungkinkah takhta kebinasaan yang merancang kejahatan melalui hukum
bersekutu dengan-Mu?
[21] Mereka berkomplot untuk meragut nyawa orang
yang benar
dan menumpahkan darah orang yang tidak bersalah.
[22] Tetapi TUHAN adalah bentengku,
dan Allah Tuhanku batu pejal tempat aku bernaung.
[23] Dia telah menimpakan
dosa mereka ke atas diri mereka sendiri
dan akan memusnahkan mereka di tengah-tengah kezaliman mereka sendiri;
Allah Tuhan kita akan memusnahkan mereka.

95 [1] Marilah, marilah kita menyanyi untuk TUHAN;
marilah kita bersorak riang untuk Batu Pejal penyelamatan kita.
[2] Marilah kita pergi ke
hadirat-Nya sambil mengucap syukur
marilah kita bersorak riang untuk-Nya dengan mazmur.
[3] Kerana TUHAN adalah Allah Yang Maha Besar,
Raja besar di atas
semua tuhan.
[4] Dalam tangan-Nya tempat-tempat dalam di bumi,
bukit-bukau yang tinggi juga milik-Nya.
[5] Laut milik-Nya kerana Dia yang menjadikannya,
dan tangan-Nya membentuk daratan yang kering.
[6] Marilah, marilah kita menyembah dan tunduk,
marilah kita berlutut
di hadapan TUHAN
Pencipta kita;
[7] kerana Dia Allah Tuhan kita
dan kita umat-Nya,
kawanan domba di bawah tangan-Nya.
Hari ini, jika kamu mahu dengar suara-Nya,
[8] janganlah keraskan hatimu, seperti dalam pemberontakan dahulu,
seperti pada hari cubaan di gurun,
[9] ketika nenek moyangmu menguji-Ku,
mereka mencuba-Ku meski mereka telah melihat perbuatan-Ku.
[10] Selama empat puluh tahun Aku berdukacita dengan keturunan itu;
dan Aku berkata, ‘Kaum ini sesat dalam hatinya,
dan tidak mengenal
jalan-Ku.’
[11] Oleh itu aku bersumpah dalam kemurkaan-Ku,
‘Mereka tidak akan masuk dalam rehat-Ku.’

96 [1] Nyanyikanlah untuk TUHAN lagu baru;
nyanyikanlah untuk TUHAN, seluruh bumi.
[2] Nyanyilah untuk TUHAN, berkatilah nama-Nya;
isytiharkan berita baik penyelamatan-Nya dari
hari ke hari.
[3] Isytiharkan kemuliaan-Nya di kalangan bangsa-bangsa,
mukjizat-Nya di antara semua umat-Nya.
[4] Kerana TUHAN Maha Besar dan besar puji untuk-Nya;
Dia harus ditakuti di atas semua tuhan.
[5] Kerana semua tuhan bangsa-bangsa adalah berhala,
tetapi TUHAN telah menjadikan langit.

[6] Kehormatan dan keagungan ada di hadirat-Nya;
kekuatan dan keindahan di dalam tempat suci-Nya.
[7] Berilah TUHAN, hai keluarga bangsa-bangsa,
berilah TUHAN puji tentang kemuliaan dan kekuatan.
[8] Berilah TUHAN kemuliaan yang wajar bagi nama-Nya;
bawalah persembahan,
dan datanglah ke perkarangan-Nya.
[9] Sembahlah TUHAN dalam keindahan kesucian;
gementarlah di hadirat-Nya, wahai seluruh bumi.
[10] Katakanlah di kalangan bangsa-bangsa, 'TUHAN bertakhta memerintah.'
Dunia tidak diganjak;
Dia akan mengadili kaum-kaum dengan benar.
[11] Biarlah langit bergembira, dan biarlah bumi bersukacita;
biarlah laut menderu,
dan segala dalamnya;
[12] biarlah padang berbahagia, dan semua dalamnya.
Kemudian semua pokok
hutan akan bergembira di hadirat TUHAN;
[13] kerana Dia akan datang,
Dia akan datang untuk menghakimi bumi
dengan keadilan
dan kaum-kaum dengan kebenaran-Nya.

97 [1] TUHAN bertakhta memerintah, biarlah bumi bergembira;
biarlah pulau-pulau yang banyak bersukacita.
[2] Awan dan kegelapan mengelilingi-Nya;
kebenaran dan keadilan asas takhta-Nya.
[3] Api mendahului-Nya
dan membakar musuh-Nya di sekeliling.
[4] Kilat-Nya menerangi dunia;
bumi melihat dan gementar.
[5] Gunung-ganang cair
seperti lilin kerana kehadiran TUHAN,
kerana kehadiran TUHAN seluruh bumi.
[6] Seisi langit mengisytiharkan kebenaran-Nya,
dan semua kaum melihat kemuliaan-Nya.
[7] Biarlah semuanya dimalukan, semua yang melayan patung-patung yang diukir,
yang membanggakan berhala —
sembahlah Dia, hai kamu semua, tuhan-tuhan!
[8] Sion mendengar dan bersukacita
dan anak-anak perempuan Yudah bergembira
dengan penghakiman-Mu, Ya TUHAN.
[9] Kerana Engkau, Ya TUHAN, Maha Tinggi di atas

seluruh bumi;
Engkau ditinggikan jauh di atas semua tuhan.
10 Kamu yang kasih akan TUHAN, bencilah kejahatan,
Dia memelihara jiwa
umat-Nya yang warak.
Dia melepaskan mereka daripada tangan orang zalim.
11 Cahaya disemai untuk orang yang benar
dan sukacita untuk yang tulus hati.
12 Bergembiralah kerana TUHAN, hai kamu yang benar,
dan ucaplah syukur ketika mengingati nama-Nya
yang suci.

98 *Sebuah mazmur.*
1 Nyanyikan untuk TUHAN lagu yang baru,
kerana Dia telah melakukan perkara yang menakjubkan;
tangan kanan-Nya dan lengan-Nya yang suci
telah membawa kemenangan untuk-Nya.
2 TUHAN telah memberitahu tentang penyelamatan-Nya,
kebenaran-Nya telah ditunjukkan-Nya kepada bangsa-bangsa.
3 Dia telah ingat akan kasih-Nya
dan kesetiaan-Nya kepada kaum Israel;
semua pelosok bumi telah melihat penyelamatan Allah.
4 Bersorak rianglah kepada TUHAN, seluruh bumi,
menyanyilah, bergembiralah, dan nyanyikanlah pujian;
5 menyanyilah kepada TUHAN dengan kecapi,
dengan kecapi dan nyanyian mazmur,
6 dengan nafiri dan
sangkakala —
bersorak rianglah ke hadirat TUHAN, Raja kita.
7 Biarlah laut menderu, dan segala yang dalamnya,
dunia dan semua penghuninya.
8 Biarlah sungai-sungai bertepuk tangan,
biarlah bukit-bukau berbahagia bersama-sama di hadirat TUHAN;
9 kerana Dia akan datang untuk menghakimi bumi.
Dengan kebenaran Dia akan menghakimi dunia
dan kaum-kaum
dengan saksama.

99 1 TUHAN bertakhta memerintah,
biarlah bangsa-bangsa gementar;
Dia tinggal di antara malaikat-malaikat kerub,
biarlah bumi bergegar.
2 TUHAN Maha Besar di Sion;

dan Dia jauh di atas
semua bangsa.
[3] Biarlah mereka memuji nama-Mu yang agung dan mengagumkan —
Dia Maha Suci.
[4] Kekuatan Raja cinta akan keadilan —
Engkau telah mengasaskan kesaksamaan;
Engkau telah menjalankan keadilan dan kebenaran
dalam Yakub.
[5] Tinggikanlah Allah Tuhan kita dan sembahlah Dia di alas kaki-Nya;
Dia Maha Suci.
[6] Musa dan Harun tergolong antara imam-Nya,
dan Samuel antara mereka yang menyeru nama-Nya;
Mereka berseru kepada TUHAN
dan Dia menjawab mereka.
[7] Dia berfirman kepada mereka dalam tiang awan;
mereka mematuhi kesaksian-Nya dan ketetapan yang diberi-Nya.
[8] Engkau menjawab mereka,
Ya Allah Tuhan kami;
Engkau Allah pengampun kepada mereka,
meskipun Engkau membalas perbuatan mereka dengan hukuman.
[9] Tinggikanlah Allah Tuhan kita dan sembahlah Dia di bukit suci-Nya,
kerana Allah Tuhan kita Maha Suci.

100 *Mazmur kesyukuran.*
[1] Bersorak rianglah kepada TUHAN, wahai seluruh bumi.
[2] Sembahlah TUHAN
dengan sukacita;
datanglah ke hadirat-Nya dengan nyanyian.
[3] Ketahuilah bahawa TUHAN, Dialah Allah.
Dialah yang telah menjadikan kita,
bukan kita sendiri;
kita umat-Nya dan
kawanan domba di padang rumput-Nya.
[4] Masuklah ke pintu pagar-Nya dengan mengucap syukur
dan ke perkarangan-Nya dengan pujian;
bersyukurlah kepada-Nya, dan berkatilah nama-Nya.
[5] Kerana TUHAN baik, kasih-Nya untuk selama-lamanya;
dan kesetiaan-Nya kekal turun-temurun,
zaman-berzaman.

101 *Mazmur Daud.*
[1] Aku akan menyanyi tentang kasih dan keadilan;
kepada-Mu, Ya TUHAN, aku akan menyanyikan pujian.

[2] Aku akan mengamalkan hidup yang tidak bercela —
bilakah Engkau akan datang kepadaku?
Aku akan berjalan di dalam rumahku sendiri
dengan hati yang
tidak bercela.
[3] Aku tidak akan membiarkan mataku memandang kekejian.
Aku membenci perbuatan orang yang menyeleweng;
aku tidak akan turut
berbuat demikian.
[4] Hati yang ingkar akan tersingkir daripadaku;
aku tidak akan
mengenal kejahatan.
[5] Sesiapa yang memfitnah sesama manusia
dalam senyap,
akan kemusnahan;
orang yang berlagak angkuh dan berhati sombong,
tidak akan kubiarkan.
[6] Mataku akan tertumpu kepada orang beriman di tanah ini,
supaya mereka tinggal bersamaku;
orang yang hidup tidak bercela
akan melayaniku.
[7] Sesiapa yang melakukan penipuan
tidak akan tinggal di
dalam rumahku;
sesiapa yang berdusta
tidak akan ada lagi di hadapanku.
[8] Setiap pagi aku akan memusnahkan
semua orang zalim
di tanah ini;
untuk menghapuskan semua yang melakukan kejahatan
dari kota TUHAN.

102 *Doa seorang derita apabila dia lemah dan mencurahkan kesusahannya kepada TUHAN.*
[1] Dengarlah doaku, Ya TUHAN;
dan biarlah seruanku datang kepada-Mu.
[2] Janganlah sembunyikan wajah-Mu daripada-Ku
semasa aku dalam kesusahan.
Condongkan telingamu kepadaku;
ketika aku berseru,
jawablah aku segera.
[3] Kerana setiap hari dalam hidupku hilang seperti asap;
dan tulang-tulangku dibakar seperti di tempat berdiang.
[4] Hatiku sakit dan layu

seperti rumput;
sehingga aku terlupa
makan rotiku.
5 Kerana aku mengerang,
tulangku melekat
ke kulitku.
6 Aku seperti burung hantu
di gurun,
seperti burung hantu di runtuhan.
7 Aku tidak dapat
melelapkan mata;
berbaring seperti burung pipit kesepian di
bumbung rumah.
8 Musuhku mencelaku sepanjang hari;
mereka yang mencemuhku mengangkat sumpah memfitnahku.
9 Aku telah makan abu
seperti roti
dan minumanku
bercampur air mata
10 kerana kemarahan dan kemurkaan-Mu,
kerana Engkau telah mengangkatku kemudian menghumbankan aku.
11 Hidupku seperti bayang-bayang memanjang;
dan aku layu seperti rumput.
12 Tetapi Engkau, Ya TUHAN, akan kekal selama-lamanya;
dan nama-Mu diingati turun-temurun
zaman-berzaman.
13 Engkau akan bangkit dan mengasihani Sion,
kerana saat untuk meredainya;
ya, saat yang ditentukan, telah tiba.
14 Kerana hamba-hamba-Mu menghargai batu-batunya;
dan merasa kasihan akan debunya.
15 Maka bangsa-bangsa akan takut kepada nama TUHAN,
dan raja-raja dunia gentar akan kemuliaan-Mu.
16 TUHAN akan membina Sion
Dia akan menampakkan diri dalam kemuliaan-Nya.
17 Dia akan menimbangkan doa orang papa;
dan tidak akan menghina permohonan mereka.
18 Ini akan disuratkan untuk keturunan akan datang,
supaya umat yang belum lahir akan memuji TUHAN:
19 ‘Dia memandang ke bawah dari tempat suci-Nya,
dari syurga TUHAN memerhatikan bumi,
20 untuk mendengar rintihan orang yang dipenjara

untuk membebaskan mereka yang dihukum mati.'
[21] Untuk mengisytiharkan nama TUHAN di Sion
dan pujian untuk-Nya di Baitulmaqdis
[22] apabila umat-umat berhimpun dan kerajaan-kerajaan berhimpun untuk beribadat kepada TUHAN.
[23] Dia melemahkan kekuatanku dalam hidup;
Dia memendekkan umurku.
[24] Aku berkata:
'Ya Allah Tuhanku, janganlah ambil aku pada separuh umurku;
masa-Mu meliputi semua keturunan.
[25] Pada mulanya, Engkau meletakkan asas bumi,
dan seluruh langit adalah hasil kerja tangan-Mu.
[26] Bumi dan langit akan binasa, tetapi Engkau kekal;
ya, segalanya akan menjadi usang seperti pakaian.
Seperti jubah Engku akan menggulungnya,
seperti baju yang ditukar, semuanya akan diubah.
[27] Tetapi Engkau tetap sama,
dan tahun-tahun-Mu tidak berkesudahan.
[28] Anak hamba-hamba-Mu akan berterusan;
dan anak cucu mereka akan berdiri di hadirat-Mu.'

103 *Mazmur Daud.*
[1] Pujilah TUHAN, wahai jiwaku;
dan segala yang dalamku, pujilah nama-Nya yang suci.
[2] Pujilah TUHAN, wahai jiwaku,
dan jangan lupakan segala rahmat-Nya —
[3] Dia mengampunkan
segala dosamu
Dia menyembuhkan
segala penyakitmu,
[4] Dia menyelamatkan nyawamu daripada kemusnahan
Dia memahkotakanmu dengan kasih sayang
dan belas kasih,
[5] Dia memuaskan hasratmu dengan yang baik
supaya usia mudamu dibaharui seperti
burung helang.
[6] TUHAN menjalankan kebenaran
dan keadilan bagi semua yang tertindas.
[7] Dia memberitahu jalan-Nya kepada Musa,
perbuatan-Nya kepada kaum Israel:
[8] TUHAN penuh belas kasihan dan kasih kurnia,
panjang sabar serta melimpah kasih-Nya.
[9] Dia tidak sentiasa
memarahi kita,

dan tidak menyimpan kemarahan-Nya untuk selama-lamanya;
10 Dia tidak memperlakukan kita berdasarkan dosa kita
dan tidak menghukum
kita setimpal dengan kesalahan kita.
11 Kerana sebagaimana tingginya langit di atas bumi,
demikianlah limpah kasih-Nya kepada orang yang takut kepada-Nya;
12 sebagaimana jauhnya timur dari barat,
begitulah jauhnya Dia telah membuang keingkaran kita daripada diri kita.
13 Sebagaimana bapa mengasihani anak-anak,
demikianlah TUHAN mengasihani orang yang takut kepada-Nya;
14 kerana Dia tahu bagaimana kita dibentuk,
Dia ingat bahawa kita
adalah debu.
15 Hidup manusia
seperti rumput,
seperti bunga di padang, begitulah dia berkembang;
16 angin meniupnya,
maka tiadalah dia lagi,
dan tempatnya dahulu tidak mengingatinya.
17 Tetapi kasih TUHAN dari selama-lamanya sampai selama-lamanya
bagi mereka yang takut kepada-Nya,
dan kebenaran-Nya sampai ke anak cucu —
18 kepada mereka yang mematuhi perjanjian-Nya
dan kepada mereka
yang mengingati ajaran-ajaran-Nya.
19 TUHAN telah menempatkan takhta-Nya di syurga,
dan kerajaan-Nya memerintah semua
yang ada.
20 Pujilah TUHAN, hai kamu para malaikat-Nya yang amat gagah perkasa,
yang menjalankan firman-Nya dan sentiasa mendengar suara firman-Nya.
21 Pujilah TUHAN, hai kamu semua alam semesta-Nya,
kamu para hamba-Nya yang melakukan apa yang diredai-Nya.
22 Pujilah TUHAN, segala hasil kerja-Nya
di semua tempat yang dikuasai-Nya.
Pujilah TUHAN, wahai jiwaku.

104 1 Pujilah TUHAN, wahai jiwaku.
Ya Allah Tuhanku, Engkau Maha Besar;
Engkau penuh kehormatan dan keagungan.
2 Engkau menyaluti diri-Mu dengan cahaya
seperti pakaian;
Engkau merentangkan angkasa seperti tirai

[3] Dia mengasaskan lantai ruang-ruang atas-Nya di perairan.
Dia menjadikan awan
pedati-Nya
Dia berjalan di atas
sayap angin.
[4] Dia menjadikan para malaikat-Nya sebagai roh,
para hamba-Nya nyala api.
[5] Engkau yang meletakkan
asas bumi;
supaya tidak berganjak selama-lamanya.
[6] Engkau meliputinya dengan lautan dalam seperti
dengan pakaian;
perairan itu berdiri di
atas gunung.
[7] Apabila Kaumurkai, ia lari,
mendengar suara guruh-Mu, ia segera pergi;
[8] perairan itu telah naik ke atas pergunungan,
ia turun ke pelembahan,
ke tempat yang Kauasaskan baginya.
[9] Engkau telah menentukan sempadan yang tidak boleh dilaluinya;
supaya ia tidak kembali meliputi bumi.
[10] Dia menghantar mata air ke pelembahan;
yang mengalir di antara bukit-bukau.
[11] Mata air memberikan minuman kepada setiap binatang di padang;
keldai-keldai liar menghilangkan dahaganya.
[12] Di sisinya burung-burung angkasa membuat sarang;
dan menyanyi di cabang-cabang pokok.
[13] Dia mengairi bukit-bukau dari ruang-ruang atas-Nya;
bumi berpuas dengan buah hasil kerja-Nya.
[14] Dia membuat rumput tumbuh untuk lembu ternakan,
dan pelbagai tanaman bagi kegunaan manusia —
untuk membolehkannya menghasilkan makanan dari bumi:
[15] air anggur yang menyukakan hati manusia,
minyak untuk menyerikan mukanya,
dan roti yang meneguhkan hati manusia.
[16] Pokok-pokok TUHAN
segar dan subur,
pohon-pohon sedar di Lebanon yang ditanam-Nya.
[17] Di situ burung-burung membuat sarangnya;
burung bangau tinggal di pokok ru.
[18] Bukit-bukit tinggi untuk kambing liar;
curaman-curaman tempat landak bernaung.

19 Dia menentukan bulan untuk menandakan musim,
matahari tahu bila waktu untuknya terbenam.
20 Engkau mencipta kegelapan, maka menjadi malam,
masa untuk binatang-binatang hutan merayau.
21 Singa-singa muda mengaum mencari mangsa
dan memohon makannya daripada Allah.
22 Apabila matahari terbit;
mereka berhimpun lalu baring di gua mereka.
23 Manusia keluar ke
tempat kerjanya,
dan memerah tenaga hingga lewat petang.
24 Ya TUHAN, sungguh beraneka hasil kerja-Mu!
Dengan bijaksana Engkau telah mencipta segala-galanya;
bumi penuh dengan
milik-Mu.
25 Laut yang besar dan luas,
yang tidak terkira banyak isi di dalamnya —
makhluk hidup yang kecil dan besar.
26 Di situ kapal-kapal belayar,
dan lewiatan yang telah Kaujadikan untuk
bermain di sana.
27 Semuanya menantikan-Mu
bahawa Engkau akan memberi mereka makanan pada waktu yang ditentukan.
28 Apa yang Kauberikan,
mereka kumpulkan;
Engkau membuka genggaman tangan-Mu,
penuh dengan
segala yang baik.
29 Engkau menyembunyikan wajah-Mu,
mereka menanggung kesusahan;
Engkau mengambil
nafas mereka,
lalu mereka mati dan kembali menjadi debu.
30 Engkau menghantar
Roh-Mu,
lalu mereka dicipta,
dan engkau membaharui muka bumi.
31 Semoga kemuliaan TUHAN kekal selama-lamanya;
semoga TUHAN bergembira dengan hasil kerja-Nya —
32 Dia memandang bumi, lalu bumi gementar,
Dia menyentuh bukit,
lalu bukit berasap.

33 Aku akan menyanyi untuk TUHAN sepanjang hayatku;
aku akan menyanyikan pujian untuk Allah Tuhanku selagi aku hidup.
34 Semoga renunganku
baik di sisi-Nya,
aku akan bersukacita
kerana TUHAN.
35 Semoga orang berdosa dihapuskan dari bumi
dan orang zalim tiada lagi.
Pujilah TUHAN, wahai jiwaku.
Pujilah TUHAN!

105 1 Bersyukurlah kepada TUHAN, serulah nama-Nya;
beritahulah bangsa-bangsa tentang perbuatan-Nya.
2 Menyanyilah untuk-Nya, nyanyikan mazmur
untuk-Nya;
katakanlah segala hasil kerja-Nya yang menakjubkan.
3 Muliakanlah nama-Nya
yang suci;
biarlah hati mereka sukacita, mereka yang mencari TUHAN.
4 Carilah TUHAN dan
kekuatan-Nya;
carilah wajah-Nya selama-lamanya.
5 Ingatlah perbuatan-Nya
yang menakjubkan,
mukjizat-Nya, dan
hukum-hukum yang difirmankan-Nya,
6 Wahai benih Ibrahim
hamba-Nya,
kamu anak cucu Yakub, orang pilihan-Nya.
7 Dia Allah Tuhan kita;
hukum-hukum-Nya di seluruh bumi.
8 Dia ingat akan perjanjian-Nya selama-lamanya,
firman yang diperintahkan-Nya, bagi seribu keturunan,
9 perjanjian yang telah dibuat-Nya dengan Ibrahim,
dan sumpah-Nya
kepada Ishak.
10 Dan mengesahkannya kepada Yakub sebagai ketetapan,
kepada Israel sebagai perjanjian yang kekal selama-lamanya:
11 ‘Kepadamu Aku akan memberi tanah Kanaan
sebagai bahagian warisanmu.’
12 Ketika mereka hanya sebilangan kecil,
cuma segelintir, dan orang asing di situ,
13 apabila mereka pergi

daripada satu bangsa kepada satu bangsa,
daripada satu kerajaan kepada yang lain.
14 Dia tidak membenarkan sesiapapun menyakiti mereka;
ya, Dia memarahi raja-raja kerana mereka:
15 ‘Jangan sentuh umat
yang Kuurapi;
dan jangan sakiti
nabi-nabi-Ku.’
16 Dia juga mengadakan kebuluran di tanah itu
Dia memusnahkan semua bekalan makanan;
17 Dia menghantar
kepada mereka seorang bernama Yusuf —
yang telah dijual
sebagai hamba.
18 Mereka menyakitkan kakinya dengan belenggu,
dan mengikatnya dengan rantai besar,
19 hingga sampai masa
terjadi apa yang telah dikatakan-Nya,
dan firman TUHAN membuktikan dia benar.
20 Raja menghantar orang untuk mengeluarkannya dari penjara,
pemerintah bangsa itu membebaskannya.
21 Dia menjadikan Yusuf
ketua rumahnya,
dan penguasa segala miliknya,
22 untuk mengarahkan
putera-puteranya sekehendak hatinya
dan mengajarkan kebijaksanaan kepada para penatuanya.
23 Kemudian Israel datang
ke Mesir;
dan Yakub tinggal di tanah asing Ham.
24 Lalu TUHAN menambah umat-Nya dengan ramainya;
dan menjadikan mereka lebih perkasa daripada musuh mereka,
25 raja memalingkan hati mereka supaya membenci umat-Nya,
memperdaya hamba-hamba-Nya.
26 Maka Dia menghantar hamba-Nya Musa,
dan Harun yang telah dipilih-Nya.
27 Mereka menunjukkan
alamat-alamat-Nya di kalangan mereka,
dan melakukan mukjizat di tanah Ham.
28 Kemudian Dia menghantar kegelapan menyelubungi segala-galanya —
kerana mereka memberontak terhadap firman-Nya.
29 Dia menukarkan perairan mereka menjadi darah,

dan membunuh ikan mereka.
30 Tanah mereka
dipenuhi katak,
sampai ke bilik istana raja-raja mereka.
31 Dia berfirman, maka datanglah lalat yang banyak,
dan agas di seluruh wilayah mereka.
32 Dia mengubah hujan
menjadi hujan batu,
dan mencurahkan
api bernyala-nyala di
tanah mereka.
33 Dia juga menumbangkan pokok anggur dan pokok ara
serta menghancurkan pohon-pohon di wilayah mereka.
34 Dia berfirman, maka datanglah belalang,
belalang muda yang tidak terkira banyaknya;
35 yang memakan semua tanaman di tanah mereka,
dan buah-buahan di kawasan mereka.
36 Dia juga membunuh
semua anak lelaki sulung di tanah mereka,
yang pertama daripada seluruh kekuatan mereka.
37 Dia membawa umat-Nya keluar dengan perak
dan emas,
dan tiada yang lemah antara suku-suku-Nya.
38 Apabila mereka pergi orang Mesir bersukacita,
kerana takut akan mereka.
39 Dia memayungi umat-Nya dengan awan
untuk berteduh,
dan memberikan api untuk menerangi mereka pada waktu malam.
40 Mereka memohon, lalu Dia membawakan
burung puyuh
dan mengenyangkan mereka dengan roti syurga.
41 Dia membukakan batu pejal, maka air terpancar;
lalu mengalir di tempat-tempat gersang seperti sungai.
42 Kerana Dia ingat akan janji-Nya yang suci
dan hamba-Nya Ibrahim.
43 Dia membawa keluar umat-Nya dengan bahagia,
kaum pilihan-Nya dengan sukacita;
44 Dia memberi kepada mereka tanah orang asing,
dan mereka mewarisi usaha bangsa-bangsa lain —
45 supaya mereka mematuhi ajaran-ajaran-Nya
dan mentaati hukum-hukum-Nya.
Pujilah TUHAN!

106 [1] Pujilah TUHAN!
Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana kebaikan-Nya;
kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.
[2] Siapa yang dapat menyebutkan perbuatan-perbuatan
TUHAN yang hebat
siapa dapat mengisytiharkan seluruh puji bagi-Nya?
[3] Diberkatilah mereka yang menjaga keadilan,
dan orang yang melakukan apa yang benar setiap waktu.
[4] Ingatlah aku, Ya TUHAN, dengan keredaan
yang Kauberi,
selamatkan aku ketika Engkau menyelamatkan mereka,
[5] supaya aku dapat menikmati kemewahan orang
pilihan-Mu,
supaya aku dapat bergembira dengan rasa sukacita
bangsa-Mu
supaya aku dapat
merasakan kemuliaan dengan warisan-Mu.
[6] Kami telah berdosa bersama nenek moyang kami;
kami telah melakukan dosa, kami telah berbuat jahat.
[7] Nenek moyang kami di Mesir,
tidak memahami
mukjizat-Mu;
mereka tidak ingat akan keihsanan-Mu yang melimpah-limpah,
tetapi telah memberontak di pinggir laut, Laut Merah.
[8] Namun demikian Dia telah menyelamatkan mereka demi nama-Nya,
untuk menunjukkan kuasa-Nya yang besar.
[9] Dia juga memurkai Laut Merah, maka laut itu kering;
lalu Dia memandu mereka menyeberangi laut seperti merentas gurun.
[10] Dia menyelamatkan mereka daripada tangan orang yang membenci mereka;
dan melepaskan mereka daripada tangan musuh.
[11] Air laut menenggelamkan musuh mereka;
tiada seorang pun
yang tinggal.
[12] Lalu mereka percaya akan firman-Nya
mereka menyanyikan pujian untuk-Nya.
[13] Tidak lama kemudian mereka melupakan perbuatan-Nya
mereka tidak menantikan bimbingan-Nya.
[14] Tetapi dikuasai nafsu buas
di gurun;
dan menguji Allah di
padang pasir.
[15] Dia memberi mereka apa yang diminta oleh mereka,

tetapi menghantar kelemahan ke dalam
jiwa mereka.
16 Mereka iri hati kepada Musa di perkhemahan
dan Harun, orang
suci TUHAN.
17 Bumi terbuka lalu
menelan Datan;
dan mengambus Abiram serta para pengikutnya.
18 Api dinyalakan di
kalangan mereka;
lalu membakar orang zalim.
19 Mereka membuat patung anak lembu di Horeb
lalu menyembah patung buatan mereka.
20 Dengan demikian mereka menukar kemuliaan mereka
untuk patung lembu jantan yang makan rumput.
21 Mereka melupakan Allah Penyelamat mereka,
yang telah melakukan perkara-perkara hebat
di Mesir,
22 mukjizat-mukjizat di
tanah Ham
perkara-perkara yang menakjubkan di pinggir Laut Merah.
23 Oleh itu Dia berfirman bahawa Dia akan memusnahkan mereka —
tetapi Musa, orang
pilihan-Nya,
berdiri di hadirat-Nya memohon untuk mereka
bagi memalingkan kemurkaan-Nya, supaya Dia tidak memusnahkan mereka.
24 Kemudian, mereka membenci tanah yang begitu baik;
mereka tidak percaya akan firman-Nya.
25 Sebaliknya bersungut di khemah-khemah mereka
dan tidak menghiraukan suara TUHAN.
26 Oleh itu Dia mengangkat tangan-Nya bersumpah
bahawa Dia akan membawa kekalahan kepada mereka
di gurun,
27 dan kepada anak cucu mereka di kalangan bangsa-bangsa,
serta menyelerakkan mereka di serata negeri.
28 Mereka juga menyertai
Baal di Peor
dan makan persembahan yang dibuat kepada
orang mati;
29 demikianlah mereka menyakitkan hati TUHAN sehingga Dia marah dengan perbuatan mereka,
lalu berlaku wabak di kalangan mereka.
30 Maka Fineas tampil memohon untuk mereka,

lalu wabak itu berakhir.
31 Perbuatannya itu dikira sebagai kebenarannya
turun-temurun selama-lamanya.
32 Mereka juga membuat TUHAN marah di mata air Meriba,
lalu Musa ditimpa kesusahan kerana mereka;
33 kerana mereka memberontak terhadap Roh Allah,
sehingga Musa bersuara dengan gopoh.
34 Mereka tidak memusnahkan bangsa-bangsa
sebagaimana telah diperintahkan oleh TUHAN kepada mereka,
35 sebaliknya mereka bergaul dengan bangsa-bangsa itu
dan mempelajari amalan-amalan mereka.
36 Mereka melayani berhala-berhala mereka,
yang menjadi jerat
kepada mereka.
37 Malah mereka mengorbankan anak-anak lelaki
dan anak-anak perempuan mereka kepada roh-roh Iblis.
38 Dan menumpahkan darah mereka yang tidak bersalah,
darah anak-anak lelaki
dan anak-anak
perempuan mereka,
yang dikorbankan oleh
mereka untuk berhala-berhala Kanaan,
maka tanah itu
dicemari darah.
39 Demikianlah mereka
dinodai oleh perbuatan mereka sendiri;
dan menjadi seperti
pelacur dengan kelakuan mereka sendiri.
40 Oleh itu kemurkaan TUHAN dinyalakan terhadap
umat-Nya
maka Dia jijik akan warisan-Nya sendiri.
41 Lalu Dia menyerahkan mereka ke tangan bangsa-bangsa asing,
dan orang yang membenci mereka memerintah mereka.
42 Musuh mereka juga menindas mereka
dan mereka tunduk di bawah tangan musuh.
43 Berkali-kali Dia menyelamatkan mereka,
tetapi mereka memberontak menurut fikiran sendiri
lalu mereka dijatuhkan kerana dosa mereka.
44 Namun demikian Dia mengambil berat tentang derita mereka
apabila Dia mendengar seruan mereka;
45 dan untuk mereka Dia ingat akan perjanjian-Nya
lalu berlembut kerana kasih-Nya melimpah-limpah.

46 Dia juga menyebabkan mereka dikasihani
oleh semua yang membawa mereka pergi sebagai orang tawanan.
47 Selamatkanlah kami,
Ya Allah Tuhan kami,
dan kumpulkan kami
dari kalangan
bangsa-bangsa asing,
supaya kami bersyukur kepada nama-Mu yang suci
supaya kami berbangga dengan pujian untuk-Mu.
48 Pujilah TUHAN,
Allah Tuhan Israel,
dari selama-lamanya ke selama-lamanya.
Dan biarlah semua orang berkata, ‘Amin!’
Pujilah TUHAN!

Zabur Jilid 5

107 [1] Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana kebaikan-Nya;
kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.
[2] Biarlah mereka yang ditebus oleh TUHAN berkata demikian —
mereka yang telah ditebus-Nya daripada tangan musuh,
[3] dan dikumpulkan-Nya dari negeri-negeri,
dari timur dan dari barat, dari utara dan dari selatan.
[4] Mereka telah merayau di gurun dalam kehampaan,
mereka tidak dapat mencari kota untuk didiami.
[5] Lapar dan dahaga,
jiwa mereka tidak bermaya.
[6] Kemudian mereka berseru kepada TUHAN dalam kesusahan mereka,
dan Dia menyelamatkan mereka daripada segala keazaban mereka.
[7] Lalu Dia memandu mereka di jalan yang betul
supaya mereka dapat pergi ke sebuah kota dan tinggal di situ.
[8] Biarlah manusia bersyukur kepada TUHAN kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan untuk anak-anak manusia,
[9] kerana Dia memuaskan jiwa yang penuh kerinduan,
dan mengenyangkan jiwa yang lapar dengan kebaikan.
[10] Mereka yang duduk
dalam kegelapan dan bayangan maut,
dibelenggu dengan derita serta rantai besi,
[11] kerana mereka telah memberontak terhadap firman Allah
dan menghina bimbingan Yang Maha Tinggi.
[12] Oleh itu Dia menundukkan hati mereka dengan
kerja teruk;
mereka jatuh tersungkur, dan tiada siapa yang menolong.
[13] Kemudian mereka berseru kepada TUHAN dalam kesusahan mereka,
dan Dia menyelamatkan mereka daripada segala keazaban mereka.
[14] Dia membawa mereka keluar daripada kegelapan dan bayangan maut
dan menghancurkan rantai pengikat mereka.
[15] Biarlah manusia bersyukur kepada TUHAN kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan untuk anak-anak manusia,
[16] kerana Dia telah memecahkan pintu-pintu pagar gangsa
dan memotong palang-palang besi sehingga
patah dua.
[17] Orang yang bodoh, kerana keingkaran mereka
dan kerana dosa mereka, telah ditimpa kesakitan.
[18] Jiwa mereka membenci segala jenis makanan

maka mereka hampir ke pintu maut.
19 Kemudian mereka berseru kepada TUHAN dalam kesusahan mereka,
dan Dia menyelamatkan mereka daripada segala keazaban mereka.
20 Dia menghantar firman-Nya dan menyembuhkan mereka;
serta melepaskan mereka daripada kemusnahan.
21 Biarlah manusia bersyukur kepada TUHAN kerana kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan untuk anak-anak manusia.
22 Biarlah mereka mempersembahkan korban-korban kesyukuran
dan mengisytiharkan hasil-hasil kerja-Nya sambil bergembira.
23 Mereka yang turun ke laut menaiki kapal;
yang berurusan di
lautan luas.
24 Mereka melihat hasil-hasil kerja TUHAN,
dan keajaiban-Nya di
lautan dalam.
25 Kerana Dia memerintahkan angin ribut bertiup
dan meninggikan gelombang-gelombang laut.
26 Mereka naik ke arah langit mereka turun ke laut dalam;
jiwa mereka lebur dalam kesusahan.
27 Mereka terumbang-ambing dan terhuyung-hayang seperti orang mabuk;
dan kehilangan akal.
28 Kemudian mereka berseru kepada TUHAN dalam kesusahan mereka,
dan Dia membawa mereka keluar daripada segala keazaban mereka.
29 Dia menenangkan ribut;
maka laut tidak
bergelora lagi.
30 Maka mereka bersukacita kerana telah tenang,
lalu Dia memandu mereka ke tempat berteduh yang diingini mereka.
31 Biarlah manusia bersyukur kepada TUHAN kerana
kasih setia-Nya
dan kerana hasil-hasil kerja-Nya yang menakjubkan untuk anak-anak manusia.
32 Biarlah mereka meninggikan-Nya juga dalam perhimpunan orang
dan memuji-Nya di kalangan para penatua.
33 Dia menukar sungai
menjadi gurun,
dan mata air menjadi
tanah kering,
34 tanah yang subur
menjadi tandus,
kerana kezaliman mereka yang tinggal di situ.
35 Dia menukar gurun menjadi kolam-kolam air
dan tanah kering menjadi mata air;

36 di sana Dia menempatkan orang yang kelaparan,
supaya mereka membina kota sebagai tempat tinggal.
37 Dan menyemai benih di ladang dan menanam anggur di kebun
untuk mendapat hasil
yang mewah;
38 Dia juga memberkati mereka, lalu mereka beranak-pinak dengan ramainya,
dan Dia tidak membiarkan lembu ternakan mereka berkurangan.
39 Apabila mereka dijadikan kecil dan lemah
dengan penindasan,
derita serta kesedihan;
40 Dia mencurahkan kehinaan ke atas orang bangsawan
dan membuat mereka merayau di gurun serta
sesat di situ.
41 Sebaliknya Dia mengangkat tinggi orang sesak jauh daripada derita
dan menjadikan keluarga mereka seperti kawanan domba.
42 Orang yang tulus melihatnya dan bersukacita,
serta seluruh kejahatan membisu.
43 Sesiapa yang bijaksana akan memerhatikan semua ini
dan akan mengerti kasih TUHAN.

108 *Sebuah nyanyian. Mazmur Daud.*
1 Ya Allah, hatiku teguh;
aku akan menyanyi dan menggubah pujian, ya, dengan seluruh jiwaku.
2 Bangunlah,
gambus dan kecapi!
Aku akan
membangunkan fajar.
3 Aku akan memuji-Mu,
Ya TUHAN, di kalangan bangsa-bangsa;
dan aku akan menyanyi untuk-Mu di kalangan umat manusia.
4 Kerana kasih-Mu besar menjangkau langit;
dan kesetiaan-Mu
mencapai awan.
5 Maha Tinggi Engkau, Ya TUHAN, memerintah langit,
dan kemuliaan-Mu di atas seluruh bumi.
6 Supaya orang yang Kaukasihi dapat diselamatkan,
lepaskanlah dengan tangan kanan-Mu dan dengarlah rayuanku.
7 Allah telah berfirman dalam kesucian-Nya:
‘Aku akan bergembira;
Aku akan membahagikan tanah Sikhem
dan mengukur serta mengagihkan
Lembah Sukot.
8 Gilead milik-Ku,

Manasye milik-Ku;
Efraim juga topi besi-Ku,
Yudah tongkat kerajaan-Ku.
[9] Moab tempat
pembasuhan-Ku,
ke atas Edom akan Kulemparkan kasut-Ku;
ke atas Filistea Aku akan bersorak menang.'
[10] Siapa akan membawaku ke dalam kota perkasa itu?
Siapa akan memimpinku
ke Edom?
[11] Bukankah Engkau, Ya Allah, yang menyingkiri kami
dan Engkau Ya Allah yang tidak menyertai tentera kami?
[12] Berilah kami pertolongan daripada kesusahan,
kerana pertolongan manusia tidak berguna.
[13] Melalui Allah, kita akan berjuang dengan berani,
kerana Dialah yang akan menumpaskan musuh kita.

109 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
[1] Janganlah membisu,
Ya Allah yang kupuji,
[2] kerana mulut orang zalim dan mulut orang berdusta
telah dibuka mengataku;
mereka telah memfitnahku dengan lidah berdusta.
[3] Mereka juga telah mengelilingiku dengan
kata-kata kebencian;
dan memerangiku
tanpa sebab.
[4] Sebagai balasan kasihku mereka menjadi pendakwaku,
namun aku menumpukan diriku kepada berdoa.
[5] Demikianlah mereka membalas kebaikanku dengan kejahatan,
dan persahabatanku
dengan kebencian.
[6] Letakkanlah dia di bawah kuasa orang durjana;
dan biarlah seorang pendakwa berdiri di sebelah tangan kanannya.
[7] Apabila dia dihakimi, biarlah dia didapati bersalah,
dan biarlah doanya menjadi hukuman.
[8] Biarlah umurnya pendek;
dan orang lain mengambil jawatan kepimpinannya.
[9] Biarlah anak-anaknya menjadi anak yatim
dan isterinya menjadi balu.
[10] Biarlah anak-anaknya menjadi pengemis tanpa tempat berteduh;

biarlah mereka mencari makan dari tempat-tempat mereka yang telah runtuh.
11 Biarlah pemiutang merampas segala hartanya;
dan biarlah orang lain merompak hasil jerihnya.
12 Biarlah tiada siapapun mengasihaninya
biarlah tiada seorang pun menyukai anak-anaknya yang menjadi yatim.
13 Biarlah semua benihnya dimusnahkan,
dan nama mereka dilupakan oleh keturunan akan datang.
14 Biarlah dosa nenek moyangnya diingati di hadirat TUHAN;
dan janganlah dosa ibunya diampunkan.
15 Biarlah dosa mereka sentiasa diingati TUHAN,
supaya Dia meluputkan mereka daripada ingatan manusia di bumi.
16 Kerana dia tidak teringat hendak berbuat baik,
tetapi dia menganiaya orang yang miskin dan sesak
malah dia membunuh orang yang merana.
17 Kerana dia suka
menyumpah —
biarlah sumpahnya berbalik kepadanya;
kerana dia tidak suka memberkati —
biarlah berkat jauh daripadanya.
18 Kerana dia membiasakan dirinya dengan sumpahan seperti pakaian;
biarlah sumpahan itu masuk ke tubuhnya seperti air,
dan ke tulangnya
seperti minyak.
19 Biarlah sumpahan itu seperti pakaian yang menyalutinya,
dan tali pinggang yang sentiasa dipakainya.
20 Biarlah ini menjadi balasan TUHAN kepada mereka yang mendakwaku,
dan kepada mereka yang menuturkan kejahatan tentangku.
21 Tetapi Engkau, Ya Allah,
Ya TUHAN,
tolonglah aku demi
nama-Mu;
kerana Engkau pengasihan, selamatkanlah aku.
22 Kerana aku miskin dan sesak, dan memerlukan pertolongan,
dan hatiku luka dalamku.
23 Aku kian lenyap seperti bayang-bayang ketika memanjang;
aku dikebas seperti belalang.
24 Lututku lemah kerana berpuasa;
dan tubuhku tinggal kulit dan tulang.
25 Aku juga telah menjadi
celaan orang;
apabila mereka melihatku, mereka menggeleng-geleng kepala.
26 Tolonglah aku,

Ya Allah Tuhanku;
selamatkanlah aku demi kasih-Mu.
[27] Supaya mereka tahu bahawa ini kerja tangan-Mu,
bahawa Engkau, Ya TUHAN, yang melakukannya.
[28] Biarlah mereka menyumpah, tetapi Engkau memberkati;
apabila mereka bangkit, biarlah mereka berasa malu,
tetapi biarlah hamba-Mu bergembira.
[29] Biarlah pendakwa-pendakwaku disaluti malu
biarlah mereka melitupi tubuh dengan keaiban seperti jubah.
[30] Aku akan memberi pujian tinggi kepada TUHAN
dengan lidahku;
ya, aku akan memuji-Nya di kalangan orang ramai.
[31] Kerana Dia akan berdiri di sebelah kanan orang miskin,
untuk menyelamatkannya daripada orang yang menjatuhkan hukum mati.

110 *Mazmur Daud.*
[1] TUHAN berfirman kepada Junjunganku:
'Duduklah di sebelah kanan-Ku
sehingga Aku menjadikan musuh-Mu
alas kaki-Mu.'
[2] TUHAN akan menghantar tongkat kekuatan-Mu
dari Sion;
memerintahlah di tengah-tengah musuh-Mu.
[3] Kaum-Mu akan bekerja
sukarela pada masa Engkau berkuasa.
Dalam keindahan kesucian dari fajar pagi,
Engkau memiliki kesegaran embun usia muda-Mu.
[4] TUHAN telah bersumpah
dan tidak akan mungkir:
'Engkau menjadi imam untuk selama-lamanya,
menurut peraturan Melkisedek.'
[5] Junjungan di sebelah
kanan-Mu;
Dia akan membunuh raja-raja ketika Dia murka.
[6] Dia akan menghakimi di kalangan bangsa-bangsa,
Dia akan memenuhi serata tempat dengan mayat,
Dia akan memusnahkan pemerintah banyak negara.
[7] Dia akan minum air sungai
di tepi jalan;
maka Dia akan
mengangkat kepala.

111 [1] Pujilah TUHAN!
Aku akan memuji TUHAN dengan sepenuh hatiku
dalam perhimpunan orang tulus dan dalam jemaah.
[2] Sungguh besar
perbuatan TUHAN;
dikaji oleh semua yang berasa ria kerananya.
[3] Perbuatan-Nya mulia
dan agung,
dan kebenaran-Nya kekal selama-lamanya.
[4] Dia telah menghasilkan kerja-Nya yang menakjubkan untuk diingati;
TUHAN penuh kasih kurnia dan belas kasih.
[5] Dia telah memberi makanan kepada mereka yang takut kepada-Nya;
Dia akan sentiasa ingat akan perjanjian-Nya.
[6] Dia telah mengisytiharkan kepada umat-Nya kuasa hasil kerja-Nya,
dalam memberi mereka warisan bangsa-bangsa.
[7] Hasil kerja tangan-Nya adalah kesetiaan dan keadilan;
semua ajaran-Nya pasti.
[8] Semuanya berdiri kukuh selama-lamanya,
dan dibuat dalam kebenaran serta ketulusan.
[9] Dia telah menghantar penebusan kepada
umat-Nya;
Dia telah memberi perintah tentang perjanjian-Nya untuk selama-lamanya —
Maha Suci dan Maha
Tinggi nama-Nya.
[10] Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan;
pengertian yang sempurna ada pada semua yang mentaati perintah
-perintah-Nya.
Pujian bagi-Nya kekal selama-lamanya.

112 [1] Pujilah TUHAN!
Diberkatilah orang yang takut akan TUHAN,
yang menikmati keriaan daripada perintah-
perintah-Nya.
[2] Anak cucunya akan berkuasa di atas bumi;
keturunan orang tulus
akan diberkati.
[3] Harta kekayaan akan dimiliki keluarganya,
dan kebenarannya kekal selama-lamanya.
[4] Bagi orang tulus cahaya muncul dalam kegelapan,
Dia penuh pengasih, penyayang dan benar.
[5] Orang yang baik sentiasa pemurah dan rela meminjamkan,
dia mengendalikan urusannya dengan adil.
[6] Sesungguhnya dia tidak

akan goyah;
orang yang benar akan diingati selama-lamanya.
[7] Dia tidak akan takut kepada berita buruk;
hatinya teguh,
percaya kepada TUHAN.
[8] Hatinya tenteram,
dia tidak akan gentar;
dan dia akan melihat kehendaknya berlaku ke atas musuhnya.
[9] Dia telah menaburkan kurnia merata-rata di kalangan orang miskin,
kebenarannya kekal
selama-lamanya;
martabatnya akan ditinggikan dengan kehormatan.
[10] Orang zalim akan melihatnya dan berduka,
akan menggertakkan gigi dan merana;
kehendak orang zalim tidak akan tercapai.

113 [1] Pujilah TUHAN!
Pujilah, hai hamba-
hamba TUHAN,
pujilah nama TUHAN.
[2] Terpujilah nama TUHAN,
dari saat ini dan
selama-lamanya.
[3] Daripada terbitnya hingga terbenamnya matahari,
nama TUHAN dipuji.
[4] TUHAN Maha Tinggi, jauh di atas semua bangsa,
kemuliaan-Nya di atas seluruh langit.
[5] Siapa yang seperti Allah
TUHAN kita,
yang tinggal jauh di atas,
[6] yang merendah diri-Nya sudi memandang
seisi langit dan bumi?
[7] Dia mengangkat orang miskin daripada debu
dan orang yang sesak daripada timbunan abu;
[8] untuk mendudukkannya bersama raja-raja,
bersama raja-raja umat-Nya.
[9] Dia mengekalkan
perempuan mandul dalam rumah tangga
sebagai ibu bahagia kepada anak-anak.
Pujilah TUHAN!

114 [1] Apabila kaum Israel keluar dari Mesir,
keturunan Yakub dari kalangan bangsa berbahasa asing,

[2] Yudah menjadi tempat
suci-Nya,
dan Israel wilayah kekuasaan-Nya.
[3] Laut melihatnya lalu lari,
sungai Yordan
berpatah balik;
[4] gunung-ganang berlompatan seperti kambing,
bukit-bukau seperti
anak domba.
[5] Mengapa kamu sampaikan lari, hai laut,
hai Yordan, mengapa berpatah balik,
[6] hai gunung-ganang,
mengapa berlompatan seperti kambing,
hai bukit-bukau, seperti anak domba?
[7] Gementarlah, hai bumi,
di hadirat TUHAN,
di hadirat Allah
Tuhan Yakub,
[8] yang telah mengubah batu pejal menjadi kolam air,
dan batu api menjadi air pancuran.

115 [1] Bukan kepada kami, Ya TUHAN, bukan kepada kami
tetapi kepada nama-Mu berilah kemuliaan,
kerana kasih-Mu, kerana kesetiaan-Mu.
[2] Mengapa bangsa-bangsa
harus berkata,
‘Di mana Allah Tuhan mereka?’
[3] Namun Allah Tuhan kami
di syurga;
Dia melakukan apa yang disukai-Nya.
[4] Berhala mereka daripada perak dan emas,
buatan tangan manusia.
[5] Berhala itu ada mulut tetapi tidak berkata-kata,
ada mata,
tetapi tidak melihat;
[6] ada telinga,
tetapi tidak mendengar,
ada hidung,
tetapi tidak menghidu;
[7] ada tangan,
tetapi tidak memegang,
ada kaki,
tetapi tidak berjalan;

juga tidak bersuara dari kerongkongnya.
[8] Orang yang membuatnya serupalah dengannya,
demikian juga semua yang percaya kepadanya.
[9] Hai kaum Israel, percayalah kepada TUHAN —
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
[10] Hai keturunan Harun, percayalah kepada TUHAN —
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
[11] Kamu yang takut akan TUHAN, percayalah kepada-Nya —
Dialah penolong dan perisai pelindungmu.
[12] TUHAN ingat kepada kita,
Dia akan memberkati kita:
Dia akan memberkati keturunan Israel,
Dia akan memberkati keturunan Harun,
[13] Dia akan memberkati semua yang takut akan TUHAN —
baik yang berkedudukkan rendah atau tinggi.
[14] Semoga TUHAN memberimu semakin banyak keturunan,
kamu dan anak-anakmu.
[15] Semoga kamu diberkati
oleh TUHAN,
yang menjadikan langit
dan bumi.
[16] Langit, malah
seluruh angkasa,
adalah milik TUHAN,
tetapi bumi telah diberikan-Nya kepada anak-anak manusia.
[17] Orang mati tidak
memuji TUHAN,
orang yang sudah turun ke alam sunyi;
[18] tetapi kita akan
menyanjung TUHAN,
dari saat ini dan untuk selama-lamanya.
Pujilah TUHAN!

116 [1] Aku kasih akan TUHAN,
kerana Dia telah
mendengar suaraku;
dan permohonanku.
[2] Kerana Dia telah menundukkan telinga-Nya ke arahku,
maka aku akan menyeru-Nya seumur hidupku.
[3] Azab maut telah mengelililingiku,
dan seksa kubur telah mencengkamku;
aku menanggung kesusahan dan kedukaan.

[4] Lalu aku menyeru
nama TUHAN:
‘Ya TUHAN, aku merayu kepada-Mu, selamatkanlah jiwaku!’
[5] TUHAN penuh kasih kurnia serta benar;
ya, Allah Tuhan kita penuh belas kasih.
[6] TUHAN memelihara
orang yang tulus;
ketika aku ditindas,
Dia menyelamatkan aku.
[7] Bertenanglah kembali,
wahai jiwaku,
kerana TUHAN baik kepadamu.
[8] Engkau telah melepaskan jiwaku daripada maut,
mataku daripada air mata,
dan kakiku daripada tergelincir,
[9] aku akan melangkah di hadapan TUHAN
di alam orang yang hidup.
[10] Aku percaya;
maka aku berkata,
‘Aku ditimpa
keazaban teruk.’
[11] Dalam kedukaanku,
aku berkata,
‘Semua manusia pendusta.’
[12] Apakah yang akan kupersembahkan
kepada TUHAN
untuk segala kebaikan-Nya kepadaku?
[13] Aku akan mengangkat cawan penyelamatan
dan menyeru nama TUHAN.
[14] Aku akan menunaikan janjiku kepada TUHAN
di hadapan seluruh
umat-Nya.
[15] Sungguh tinggi nilainya di mata TUHAN
kematian orang warak-Nya.
[16] Ya TUHAN, sesungguhnya aku hamba-Mu;
aku hamba-Mu seperti ibuku dahulu;
Engkau telah
membukakan ikatanku.
[17] Aku akan mempersembahkan kepada-Mu korban kesyukuran
dan akan menyeru
nama TUHAN.
[18] Aku akan menunaikan janjiku kepada TUHAN

di hadapan seluruh
umat-Nya,
[19] di balai-balai rumah TUHAN —
di tengah-tengahmu, wahai Baitulmaqdis.
Pujilah TUHAN!

117 [1] Pujilah TUHAN, hai kamu semua bangsa;
sanjunglah Dia, hai kamu semua umat manusia.
[2] Kerana kasih-Nya melimpah kepada kita,
dan kesetiaan TUHAN kekal selama-lamanya.
Pujilah TUHAN!

118 [1] Bersyukurlah kepada TUHAN kerana kebaikan-Nya;
kasih-Nya kekal selama-lamanya.
[2] Biarlah Israel berkata:
'Kasih-Nya kekal selama-lamanya.'
[3] Biarlah keturunan
Harun berkata:
'Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.'
[4] Biarlah mereka yang takut akan TUHAN berkata:
'Kasih-Nya kekal selama-lamanya.'
[5] Aku berseru kepada TUHAN dalam kesusahan,
TUHAN menjawabku dan meletakkan aku di tempat yang lapang.
[6] TUHAN memihak kepadaku; aku tidak akan takut.
Apakah yang dapat dilakukan manusia kepadaku?
[7] TUHAN menyokongku di kalangan mereka yang menolongku.
oleh itu aku akan melihat kehendakku berlaku ke atas mereka yang membenciku.
[8] Lebih baik menyandarkan kepercayaan kepada TUHAN
daripada meletakkan keyakinan kepada manusia.
[9] Lebih baik berlindung
kepada TUHAN
daripada percaya kepada raja-raja.
[10] Semua bangsa telah mengepungku,
namun dengan nama TUHAN aku akan memusnahkan mereka.
[11] Mereka telah mengepungku,
namun dengan nama
TUHAN aku akan memusnahkan mereka.
[12] Mereka telah
mengepungku seperti lebah,
mereka dihapuskan seperti api daripada duri;
kerana dengan nama
TUHAN aku akan memusnahkan mereka.

13 Aku ditolak dengan ganas supaya aku tersungkur,
tetapi TUHAN menolongku.
14 TUHAN adalah kekuatan
dan nyanyianku;
dan Dia telah menjadi penyelamatanku.
15 Suara kegembiraan dan penyelamatan
memenuhi perkhemahan orang yang benar:
'Tangan kanan TUHAN gagah berani dan menang!
16 Tangan kanan TUHAN ditinggikan;
tangan kanan TUHAN gagah berani dan menang!'
17 Aku tidak akan mati,
aku hidup,
dan mengisytiharkan hasil kerja TUHAN.
18 TUHAN telah menghukumku dengan berat,
tetapi Dia tidak membiarkan aku mati.
19 Bukakanlah untukku
pintu kebenaran;
aku akan masuk melaluinya dan akan memuji TUHAN.
20 Inilah pintu TUHAN
orang yang benar akan masuk melaluinya.
21 Aku akan memuji-Mu, kerana Engkau telah menjawabku;
dan telah menjadi penyelamatanku.
22 Batu yang telah dibuang
oleh pembina
telah menjadi batu
penjuru utama;
23 Ini perbuatan TUHAN,
sungguh menakjubkan di mata kita.
24 Ini hari yang dijadikan
oleh TUHAN;
kita akan bergembira dan bersukacita kerananya.
25 Selamatkanlah sekarang,
aku berdoa, Ya TUHAN;
Ya TUHAN, aku berdoa, hantarlah kemakmuran.
26 Diberkatilah orang yang datang dengan nama TUHAN.
Kami telah memberkatimu dari rumah TUHAN.
27 Allah adalah TUHAN,
dan Dia telah memberi
kita cahaya.
Ikatlah korban dengan tali
ke tanduk mazbah.
28 Engkau Allah Tuhanku,

dan aku akan memuji-Mu;
Engkau Allah Tuhanku, aku akan meninggikan-Mu.
29 Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana kebaikan-Nya;
kerana kasih-Nya kekal selama-lamanya.

119 1 Diberkatilah orang yang tidak tercemar jalannya,
yang melangkah menurut hukum TUHAN.
2 Diberkatilah mereka yang mematuhi kesaksian-Nya
yang mencari-Nya dengan sepenuh hati.
3 Mereka juga tidak
melakukan dosa;
mereka melangkah
menurut jalan-Nya.
4 Engkau telah memerintahkan kami supaya mematuhi ajaran-ajaran-Mu
dengan bersungguh-sungguh.
5 Oh, kalaulah cara-caraku ditujukan ke arah mematuhi ketetapan-Mu!
6 Maka tidaklah aku malu
apabila aku meneliti segala perintah-Mu.
7 Aku akan memuji-Mu dengan tulus hati
apabila kupelajari hukum-Mu yang benar.
8 Aku akan mematuhi ketetapanmu;
janganlah tinggalkan aku selama-lamanya.
9 Bagaimanakah seorang pemuda menyucikan jalannya?
Dengan berhati-hati menurut firman-Mu.
10 Dengan sepenuh hatiku aku telah mencarimu;
janganlah biarkan aku menyimpang daripada perintah-perintah-Mu.
11 Firman-Mu telah kusimpan baik-baik dalam hatiku
supaya aku tidak berdosa terhadap-Mu.
12 Terpujilah Engkau, Ya TUHAN;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
13 Dengan bibirku telah kuisytiharkan
segala hukum yang Kaufirmankan.
14 Aku telah bergembira dengan cara kesaksian-Mu
seperti dengan segala kekayaan.
15 Aku akan merenung ajaran-ajaran-Mu
dan memikirkan
cara-cara-Mu.
16 Aku akan menikmati ketetapan-Mu
aku tidak akan melupakan firman-Mu.
17 Limpahkanlah kurnia-Mu kepada hamba-Mu;
supaya aku dapat hidup dan mematuhi firman-Mu.
18 Bukakanlah mataku supaya aku dapat melihat
hal-hal yang menakjubkan daripada hukum-Mu.

19 Aku orang asing di bumi;
janganlah sembunyikan perintah-perintah-Mu daripadaku.
20 Jiwaku resah mengingini hukum-hukum-Mu
setiap waktu.
21 Engkau memarahi orang sombong yang dilaknati
yang menyimpang daripada perintah-perintah-Mu.
22 Bebaskan aku daripada
celaan dan hinaan,
kerana aku telah mematuhi kesaksian-Mu.
23 Raja-raja juga
duduk mengataku,
tetapi hamba-Mu merenung ketetapan-Mu.
24 Kesaksian-Mu juga memberiku nikmat dan bimbingan.
25 Jiwaku melekap ke debu;
pulihkanlah aku menurut firman-Mu.
26 Aku telah mengakui gerak-geriku dan Engkau telah menjawabku;
ajarlah aku ketetapanmu.
27 Biarlah aku mengerti jalan ajaran-ajaran-Mu;
supaya aku merenung perbuatan-Mu yang menakjubkan.
28 Jiwaku lebur
ditekan kemuraman;
teguhkanlah aku menurut firman-Mu.
29 Bebaskan aku daripada
jalan dusta;
dan berilah aku hukum-Mu dengan limpah kasih kurnia.
30 Aku telah memilih
jalan kebenaran;
hukum-hukum-Mu telah kuletakkan di hadapanku.
31 Aku berpegang teguh kepada kesaksian-Mu;
Ya TUHAN, jangan
malukan aku.
32 Aku akan terus-menerus mematuhi perintah-perintah-Mu,
kerana Engkau
melapangkan hatiku.
33 Ajarlah aku, Ya TUHAN,
jalan ketetapan-Mu;
aku akan mematuhinya hingga ke akhir.
34 Berilah aku pengertian, aku akan mematuhi hukum-Mu
sesungguhnya, aku akan mentaatinya dengan sepenuh hatiku.
35 Biarlah aku melangkah di jalan perintah-perintah-Mu,
kerana aku bahagia dengannya.
36 Cenderungkanlah hatiku kepada kesaksian-Mu

bukan kepada ketamakan.
37 Alihkanlah mataku daripada memandang segala yang tidak berfaedah;
dan pulihkan aku di
jalan-Mu.
38 Tegakkan firman-Mu bagi hamba-Mu,
yang sepenuh hari takut kepada-Mu.
39 Palingkan daripadaku
celaan yang kutakuti,
kerana hukum-
hukum-Mu baik.
40 Sesungguhnya, aku merindui ajaran-ajaran-Mu!
Pulihkan aku dalam kebenaran-Mu.
41 Biarlah kasih setia-Mu juga datang kepadaku, Ya TUHAN,
penyelamatan-Mu
menurut janji-Mu;
42 dengan demikian aku akan mempunyai jawapan untuk orang yang mencelaku,
kerana kusandarkan kepercayaan kepada
firman-Mu.
43 Janganlah singkirkan kata benar daripada mulutku,
kerana aku berharap kepada hukum-Mu.
44 Dengan demikian aku akan tetap mematuhi
hukum-Mu,
selama-lamanya.
45 Dan aku akan melangkah dengan bebas,
kerana aku mencari
ajaran-ajaran-Mu.
46 Aku akan berbicara tentang kesaksian-Mu juga di hadapan raja-raja
dan tidak akan malu,
47 dan aku akan berbahagia dengan perintah-
perintah-Mu
yang kukasihi.
48 Aku mengangkat tanganku kepada perintah-perintah-Mu yang dikasihi,
dan aku akan merenung ketetapan-Mu.
49 Ingatlah firman-Mu kepada hamba-Mu,
dengannya Engkau telah memberiku harapan.
50 Inilah yang melipurkan aku dalam kesakitanku:
Firman-Mu
memberiku hidup.
51 Orang yang sombong mentertawakan aku,
namun aku tidak berpaling daripada hukum-Mu.
52 Aku ingat akan hukum-hukum-Mu dahulu,
Ya TUHAN, dan aku melipurkan diriku.

53 Kemarahan telah memenuhiku kerana
orang zalim,
yang meninggalkan
hukum-Mu.
54 Ketetapan-Mu telah
menjadi nyayianku
dalam perjalanan ibadatku.
55 Aku ingat akan nama-Mu pada waktu malam,
Ya TUHAN, dan aku mematuhi hukum-Mu.
56 Ini telah menjadi milikku:
kerana aku telah mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
57 Engkaulah yang ada padaku, Ya TUHAN;
aku telah berjanji untuk mematuhi firman-Mu.
58 Aku memohon keredaan-Mu dengan sepenuh hatiku;
kasihanilah aku menurut firman-Mu.
59 Aku memikirkan
gerak-geriku
lalu aku melangkah ke arah kesaksian-Mu.
60 Aku bertindak segera,
aku tidak berlengah-lengah mematuhi perintah-perintah-Mu.
61 Tali orang zalim telah mengikatku,
tetapi aku tidak melupakan hukum-Mu.
62 Pada tengah malam aku akan bangun untuk mengucap syukur kepada-Mu
kerana hukum-hukum-Mu yang benar.
63 Aku teman kepada semua yang takut kepada-Mu,
dan mereka yang mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
64 Bumi ini, Ya TUHAN, penuh dengan kasih-Mu;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
65 Engkau telah memperlakukan hamba-Mu dengan baik
Ya TUHAN, menurut
firman-Mu.
66 Ajarlah aku pertimbangan yang baik,
kerana aku percaya kepada perintah-perintah-Mu.
67 Sebelum aku ditimpa kesusahan, aku menyeleweng,
tetapi sekarang aku mematuhi firman-Mu.
68 Engkau baik,
dan berbuat baik;
ajarlah aku ketetapan-Mu.
69 Orang yang sombong telah berbuat dusta tentangku,
tetapi aku akan mematuhi ajaran-ajaran-Mu dengan sepenuh hatiku.
70 Hati mereka setebal lemak,
tetapi aku bahagia dengan hukum-Mu.

71 Kesusahan yang menimpaku baik bagiku
kerananya aku mempelajari ketetapan-Mu.
72 Hukum yang Kaufirmankan lebih baik bagiku daripada
ribuan keping wang emas dan perak.
73 Tangan-Mu telah menciptaku dan membentukku;
berilah aku pengertian supaya aku dapat mempelajari perintah-perintah-Mu.
74 Mereka yang takut kepada-Mu akan bersukacita apabila melihatku,
kerana aku telah menyandarkan harapan kepada firman-Mu.
75 Aku tahu, Ya TUHAN, bahawa hukum-hukum-Mu benar,
dan kerana kesetiaan-Mu Engkau telah menimpakan kesusahan ke atasku.
76 Aku berdoa, biarlah kasih setia-Mu melipurkan aku,
menurut janji-Mu kepada hamba-Mu.
77 Limpahkanlah belas kasih-Mu kepadaku supaya aku dapat hidup,
kerana hukum-Mu bahagiaku.
78 Biarlah orang yang sombong menanggung malu kerana mereka telah menzalimiku dengan fitnah;
tetapi aku akan merenung ajaran-ajaran-Mu.
79 Biarlah mereka yang takut kepada-Mu berpaling kepadaku,
mereka yang mengetahui kesaksian-Mu.
80 Biarlah hatiku tidak bercela terhadap ketetapan-Mu,
supaya aku tidak menanggung malu.
81 Jiwaku lesu merindui penyelamatan-Mu,
tetapi kusandarkan harapan kepada firman-Mu.
82 Mataku kabur mencari firman-Mu;
dan aku berkata,
‘Bilakah Engkau akan melipurkan aku?’
83 Kerana aku telah menjadi seperti kirbat yang diasapi,
namun aku tidak melupakan ketetapan-Mu.
84 Berapa lamakah hamba-Mu akan menunggu?
Bilakah Engkau akan menghukum mereka yang menganiaya aku?
85 Orang yang sombong telah menggali lubang untukku,
ini tidak menurut
hukum-Mu.
86 Semua perintah-Mu benar;
mereka bersalah menganiaya aku; tolonglah aku.
87 Mereka hampir menamatkan riwayatku di bumi ini,
tetapi aku tidak meninggalkan ajaran-ajaran-Mu.
88 Pulihkan aku dengan kasih sayang-Mu,
supaya aku mematuhi kesaksian yang Kaufirmankan.
89 Untuk selama-lamanya,
Ya TUHAN;
firman-Mu bertapak

di syurga.
90 Kesetiaan-Mu kekal
zaman-berzaman;
Engkau mengasaskan bumi dan ia tetap ada.
91 Segalanya berterusan hari ini menurut peraturan-Mu,
kerana semuanya
hamba-Mu.
92 Kalaulah tidak kerana hukum-Mu bahagiaku,
tentulah aku binasa menanggung penderitaan.
93 Aku tidak akan melupakan ajaran-ajaran-Mu
selama-lamanya,
kerana dengannya Engkau telah memberiku hidup.
94 Aku milik-Mu, selamatkanlah aku;
kerana aku telah mencari ajaran-ajaran-Mu.
95 Orang zalim menantiku untuk memusnahkanku,
tetapi aku akan memikirkan kesaksian-Mu.
96 Aku telah melihat kemuncak segala kesempurnaan;
tetapi perintah-Mu
maha luas.
97 Oh, betapa kucintai
hukum-Mu!
Aku merenungnya sepanjang hari.
98 Engkau, melalui perintah-perintah-Mu, menjadikan aku lebih bijaksana
daripada musuhku,
kerana perintah-perintah-Mu sentiasa bersamaku.
99 Aku mempunyai pengertian yang lebih dalam daripada semua guruku,
kerana kesaksian-Mu menjadi renunganku.
100 Aku mengerti lebih daripada penatuaku,
kerana aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
101 Aku telah mengawal kakiku daripada setiap jalan kejahatan
supaya aku dapat mematuhi firman-Mu.
102 Aku tidak menyimpang daripada hukum-
hukum-Mu,
kerana Engkau sendiri telah mengajarku.
103 Betapa manisnya
kata-kata-Mu bagiku,
lebih manis daripada madu bagi lidahku!
104 Melalui ajaran-ajaran-Mu aku mendapat pengertian;
oleh itu, aku membenci setiap jalan yang palsu.
105 Firman-Mu lampu
bagi kakiku
dan cahaya bagi jalanku.

106 Aku telah bersumpah
dan menegaskan,
bahawa aku akan mematuhi hukum-hukum-Mu
yang benar.
107 Aku menanggung kesusahan yang amat berat;
pulihkanlah aku, Ya TUHAN, menurut firman-Mu.
108 Aku berdoa, terimalah puji-pujianku yang kupersembahkan dengan sepenuh kerelaan, Ya TUHAN,
dan ajarlah aku hukum-hukum-Mu.
109 Nyawaku sentiasa terancam,
namun aku tidak melupakan hukum-Mu.
110 Orang zalim telah memasang jerat untukku,
namun aku tidak menyimpang daripada ajaran-ajaran-Mu.
111 Kesaksian-Mu telah kuambil sebagai warisan
selama-lamanya;
kerana ia menggembirakan hatiku.
112 Aku telah mencenderungkan hatiku untuk menjalankan ketetapan-Mu
selama-lamanya,
hingga ke akhir.
113 Aku membenci orang
yang curang,
tetapi aku mencintai hukum-Mu.
114 Engkaulah perlindunganku dan perisaiku;
aku menyandarkan harapan kepada firman-Mu.
115 Pergilah daripadaku, hai orang yang berbuat jahat,
kerana aku akan mematuhi perintah-perintah Allah Tuhanku!
116 Teguhkanlah aku menurut firman-Mu, supaya aku dapat hidup;
dan jangan biarkan aku malu kerana harapanku.
117 Tegakkanlah aku, maka aku akan selamat;
dan aku akan sentiasa mentaati ketetapan-Mu.
118 Engkau menolak kesemua mereka yang menyimpang daripada ketetapan-Mu,
kerana mereka memperdaya dan itu adalah pendustaan.
119 Engkau menyingkirkan semua orang zalim
di bumi seperti barang
tidak berguna;
oleh itu aku mencintai kesaksian-Mu.
120 Tubuhku gementar kerana takut kepada-Mu;
dan aku takut akan penghakiman-Mu.
121 Aku telah melakukan keadilan dan kebenaran;
janganlah tinggalkan aku di tangan penindasku.
122 Jadilah penjamin hamba-Mu;
jangan biarkan orang sombong menindasku.

123 Mataku kabur mencari penyelamatan-Mu,
dan mencari firman-Mu yang benar.
124 Perlakukan hamba-Mu berdasarkan kasih setia-Mu
dan ajarlah aku
ketetapan-Mu.
125 Aku hamba-Mu; berilah aku pengertian
supaya aku dapat mengetahui kesaksian-Mu.
126 Sudah sampai masanya Engkau bertindak,
Ya TUHAN,
kerana mereka menganggap hukum-Mu batal.
127 Justeru aku mencintai perintah-perintah-Mu
lebih daripada emas, ya, daripada emas tulen,
128 justeru semua ajaran-Mu tentang semua perkara kuanggap benar,
ku membenci setiap jalan yang palsu.
129 Kesaksian-Mu menakjubkan;
oleh itu jiwaku mematuhinya.
130 Kedatangan firman-Mu membawa cahaya;
memberi pengertian kepada orang yang tulus.
131 Aku membuka mulut dan tercungap-cungap,
kerana aku merindui perintah-perintah-Mu.
132 Pandanglah aku dan kasihanilah aku,
sebagaimana yang biasa Kaulakukan kepada mereka yang mencintai nama-Mu.
133 Pandulah langkahku dengan firman-Mu;
dan jangan biarkan dosa menguasaiku.
134 Lepaskan aku daripada penindasan manusia,
supaya aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
135 Limpahkanlah sinar wajah-Mu ke atas hamba-Mu
dan ajarlah aku
ketetapan-Mu.
136 Air mataku mengalir
laksana sungai,
kerana manusia tidak mematuhi hukum-Mu.
137 Maha Benar Engkau,
Ya TUHAN,
dan adil semua penghakiman-Mu.
138 Kesaksian-Mu yang telah Kauperintahkan
benar dan sungguh setia.
139 Cinta kepada-Mu telah membakar hatiku,
kerana musuhku telah melupakan firman-Mu.
140 Janji-Mu sudah teruji,
dan hamba-Mu mencintainya.
141 Aku daif dan dihina,

namun aku tidak melupakan ajaran-ajaran-Mu.
142 Keadilan-Mu kekal
selama-lamanya
dan hukum-Mu benar.
143 Kesusahan dan kekhuatiran telah menyelubungiku,
namun perintah-
perintah-Mu bahagiaku.
144 Kesaksian-Mu benar
selama-lamanya;
berilah aku pengertian, maka aku akan hidup.
145 Aku berseru dengan sepenuh hatiku; dengarlah aku,
Ya TUHAN,
Aku akan mematuhi ketetapan-Mu.
146 Aku berseru kepada-Mu; selamatkanlah aku
maka aku akan mematuhi kesaksian-Mu.
147 Aku bangun sebelum fajar menyingsing, lalu berseru memohon pertolongan;
aku menyandarkan harapan kepada firman-Mu.
148 Aku bercekang mata sepanjang malam,
supaya dapat merenung janji-Mu.
149 Dengarlah suaraku dengan kasih-Mu;
Ya TUHAN, pulihkanlah hidupku menurut
hukum-Mu.
150 Mereka yang mengikut jalan kejahatan semakin dekat,
mereka telah menjauhi hukum-Mu.
151 Namun Engkau dekat,
Ya TUHAN,
dan semua perintah-Mu adalah kebenaran.
152 Tentang kesaksian-Mu,
aku telah tahu dari dahulu
bahawa Engkau mengasaskannya untuk selama-lamanya.
153 Pertimbangkanlah kesakitanku dan
lepaskanlah aku,
kerana aku tidak melupakan hukum-Mu.
154 Belalah dan tebuslah aku;
pulihkanlah hidupku menurut janji-Mu.
155 Penyelamatan jauh
daripada orang zalim,
kerana mereka tidak mencari ketetapan-Mu.
156 Sungguh limpah belas
kasih-Mu, Ya TUHAN;
pulihkanlah hidupku menurut hukum-
hukum-Mu.

157 Besar bilangan penganiayaku dan musuhku,
namun aku tidak berpaling daripada kesaksian-Mu.
158 Aku melihat orang yang khianat dan aku berasa meluat,
kerana mereka tidak mematuhi firman-Mu.
159 Pertimbangkanlah betapa aku mencintai ajaran-
ajaran-Mu;
pulihkanlah hidupku, Ya TUHAN, dengan kasih-Mu.
160 Seluruh firman-Mu benar;
dan seluruh hukum-Mu yang benar kekal
selama-lamanya.
161 Raja-raja menganiaya aku tanpa sebab,
tetapi hatiku mengagumi firman-Mu.
162 Aku bergembira dengan janji-Mu
umpama orang yang menjumpai harta yang
amat bernilai.
163 Aku benci dan jijik kepada pendustaan
tetapi aku mencintai hukum-Mu.
164 Tujuh kali sehari aku memuji-Mu
kerana hukum-hukum-Mu yang benar.
165 Sungguh besar kesejahteraan mereka yang mencintai hukum-Mu,
dan tiada suatu pun menyebabkan mereka tergelincir.
166 Ya, TUHAN,
aku mengharapkan penyelamatan-Mu,
dan aku menjalankan perintah-perintah-Mu.
167 Jiwaku mematuhi
kesaksian-Mu,
dan aku sungguh mencintainya.
168 Aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu dan
kesaksian-Mu,
kerana semua langkahku terbentang di hadapan-Mu.
169 Biarlah seruanku datang ke hadirat-Mu, Ya TUHAN;
berilah aku pengertian menurut firman-Mu.
170 Biarlah permohonanku datang ke hadirat-Mu;
selamatkanlah aku menurut janji-Mu.
171 Bibirku akan melafazkan pujian,
kerana Engkau mengajarku ketetapan-Mu.
172 Lidahku akan bertutur tentang firman-Mu,
kerana semua perintah-Mu adalah kebenaran.
173 Biarlah tangan-Mu menolongku,
kerana aku telah memilih ajaran-ajaranmu.
174 Aku merindui penyelamatan-Mu,
Ya TUHAN,

dan hukum-Mu kebahagiaanku.
175 Biarlah jiwaku hidup, maka ia akan memuji-Mu,
dan biarlah hukum-hukum-Mu menolongku.
176 Aku telah tersesat seperti domba yang hilang.
Carilah hamba-Mu,
kerana aku tidak melupakan perintah-perintah-Mu.

120 *Nyanyian ziarah.*
1 Dalam kesusahanku aku berseru kepada TUHAN,
dan Dia mendengar seruanku.
2 Selamatkanlah jiwaku,
Ya TUHAN, daripada
bibir berdusta
dan lidah yang menipu.
3 Apakah yang akan diberikan kepadamu,
atau apakah yang akan dilakukan kepadamu,
hai kamu lidah yang palsu?
4 Dia akan menghukummu dengan anak-anak panah tajam perwira,
dengan kayu api
yang menyala.
5 Betapa malangnya aku, kerana aku tinggal di Mesekh,
di antara khemah-
khemah Kedar!
6 Jiwaku telah tinggal terlalu lama dengan orang yang membenci damai.
7 Aku menyokong damai;
tetapi apabila aku bersuara, mereka menyokong perang.

121 *Nyanyian ziarah.*
1 Aku akan mengangkat mataku ke bukit —
dari manakah datangnya pertolongan untukku?
2 Pertolongan untukku datang daripada TUHAN,
yang menjadikan langit
dan bumi.
3 Dia tidak akan membenarkan kakimu diganjakkan —
Dia yang memeliharamu tidak akan lena;
4 ketahuilah, Dia yang memelihara Israel
tidak akan lena atau tidur.
5 TUHAN adalah
pemeliharamu —
TUHAN adalah naunganmu di tangan kananmu;
6 matahari tidak akan menyakitimu
sewaktu siang,
atau bulan sewaktu malam.

7 TUHAN akan melindungimu daripada segala kejahatan —
Dia akan melindungi jiwamu;
8 TUHAN akan melindungi pemergianmu dan kepulanganmu
dari sekarang untuk
selama-lamanya.

122 *Nyanyian ziarah Daud.*
1 Aku sukacita apabila mereka berkata kepadaku,
'Marilah kita masuk ke rumah TUHAN.'
2 Kaki kami telah berjejak
dalam kawasanmu, wahai Baitulmaqdis.
3 Baitulmaqdis telah dibina sebagai kota yang padu
padat dan mampat.
4 Di sana suku-suku pergi,
suku-suku umat TUHAN,
kepada kesaksian Israel
untuk mengucap syukur kepada nama TUHAN.
5 Takhta-takhta ditempatkan di situ untuk penghakiman,
takhta-takhta
keluarga Daud.
6 Berdoalah untuk kesejahteraan Baitulmaqdis:
'Semoga makmur mereka yang mengasihimu.
7 Semoga kesejahteraan meliputi kawasanmu
dan kemakmuran memenuhi istana-istanamu.'
8 Untuk saudara-saudara dan teman-temanku,
aku akan berkata sekarang, 'Semoga sejahtera di dalammu.'
9 Kerana rumah Allah
TUHAN kita,
aku akan berusaha untuk kebaikanmu.

123 *Nyanyian ziarah.*
1 Kepada-Mu kuangkat mataku,
wahai Engkau yang berada di langit.
2 Lihatlah, sebagaimana mata hanya memandang ke tangan tuannya,
sebagaimana mata jariah memandang ke tangan tuan perempuannya,
demikianlah mata kami memandang kepada Allah Tuhan kami,
sehingga Dia berbelas kasihan kepada kami.
3 Kasihanilah kami, Ya TUHAN, kasihanilah kami,
kerana kami sangat tertekan oleh penghinaan.
4 Jiwa kami sebak kerana dicemuh oleh orang
yang bongkak,
dan dihina oleh orang
yang sombong.

124 *Nyanyian ziarah Daud.*

[1] Kalaulah tidak kerana
TUHAN yang memihak kepada kami —
biarlah Israel berkata sekarang —
[2] kalaulah tidak kerana TUHAN yang memihak kepada kami
ketika orang bangkit menentang kami,
[3] tentulah mereka menelan kami hidup-hidup,
apabila kemarahan mereka dinyalakan terhadap kami;
[4] tentulah air menguasai kami,
arus menenggelamkan
jiwa kami,
[5] maka air yang naik melimpah
tentu menenggelamkan
jiwa kami.
[6] Terpujilah TUHAN,
yang tidak menyerahkan kami sebagai mangsa ke rahang mereka.
[7] Jiwa kami telah terlepas seperti burung daripada
jerat pemikat;
jerat telah koyak, dan kami telah terlepas.
[8] Kami mendapat pertolongan daripada nama TUHAN,
yang telah menjadikan langit dan bumi.

125 *Nyanyian ziarah.*

[1] Mereka yang menyandarkan kepercayaan kepada TUHAN seperti Bukit Sion,
yang tidak dapat diganjak
dan tetap selama-lamanya.
[2] Sebagaimana gunung-ganang mengelilingi Baitulmaqdis,
begitulah TUHAN mengelilingi umat-Nya
dari sekarang untuk selama-lamanya.
[3] Kerana kezaliman tidak akan bertakhta di tanah yang diperuntukkan bagi orang yang benar,
supaya orang yang
benar tidak tergoda melakukan dosa.
[4] Buatlah kebaikan, Ya TUHAN, kepada mereka yang baik,
dan kepada mereka
yang tulus.
[5] Bagi mereka yang berpaling kepada cara yang penuh
tipu daya
TUHAN akan membawa mereka pergi bersama orang yang melakukan dosa.
Sejahteralah Israel.

126 *Nyanyian ziarah.*

[1] Apabila TUHAN
membawa pulang orang tawanan ke Sion,

kami seperti
orang bermimpi.
[2] Maka mulut kami dipenuhi dengan gelak ketawa,
dan lidah kami dengan nyanyian.
Kemudian mereka berkata di kalangan bangsa-bangsa,
'TUHAN telah melakukan perbuatan yang hebat-hebat untuk mereka.'
[3] TUHAN telah melakukan perbuatan yang hebat-hebat untuk kami,
dan kami bersukacita.
[4] Pulihkanlah keadaan kami,
Ya TUHAN,
seperti sungai-sungai
di Negev.
[5] Mereka yang menyemai dengan air mata
akan menuai
dengan bahagia.
[6] Orang yang sentiasa pergi sambil menangis,
membawa benih untuk disemai,
pasti akan datang lagi
dengan bergembira,
membawa hasil tuaiannya.

127 *Nyanyian ziarah Sulaiman.*
[1] Melainkan TUHAN
mendirikan rumah,
sia-sialah tenaga orang yang membinanya.
Melainkan TUHAN menjaga kota,
sia-sialah pengawal
berjaga malam.
[2] Sia-sia sahaja kamu bangun awal pagi,
berjaga sampai larut malam,
bertungkus-lumus untuk mencari makanan —
kerana demikianlah Dia memberi tidur lena kepada orang yang dikasihi-Nya.
[3] Ketahuilah, anak-anak adalah warisan daripada TUHAN,
hasil daripada rahim adalah suatu ganjaran.
[4] Seperti anak-anak panah di tangan perwira
demikianlah anak-anak daripada usia muda seseorang.
[5] Diberkatilah orang
yang banyak mempunyai anak-anak panah demikian.
Mereka tidak akan malu
tetapi akan berbicara
dengan musuh mereka di pintu pagar.

128 *Nyanyian ziarah.*

[1] Diberkatilah setiap orang yang takut akan TUHAN,
yang melangkah di jalan-jalan-Nya.
[2] Apabila engkau makan hasil usaha tanganmu;
engkau akan bahagia, dan segalanya baik bagimu.
[3] Isterimu seperti pohon anggur yang berbuah
di tengah rumahmu;
dan anak-anakmu seperti pokok-pokok zaitun
di keliling mejamu.
[4] Ketahuilah, demikian akan diberkati orang yang takut kepada TUHAN.
[5] Semoga TUHAN
memberkatimu dari Sion
sepanjang hayatmu;
dan semoga engkau melihat kemakmuran Baitulmaqdis,
[6] ya, semoga kamu melihat anak-anak kepada
anak-anakmu.
Sejahteralah Israel.

129 *Nyanyian ziarah.*

[1] Sudah berkali-kali mereka menyakitiku sejak usia mudaku —
biarlah Israel berkata sekarang —
[2] sudah berkali-kali
mereka menyakitiku sejak usia mudaku,
namun mereka tidak menundukkan aku.
[3] Para pembajak membajak belakangku
mereka membuat alur-alur yang panjang.
[4] TUHAN itu benar;
Dia telah memutus-mutuskan tali orang zalim.
[5] Biarlah kesemua mereka yang membenci Sion
dimalukan dan diundurkan.
[6] Biarlah mereka menjadi seperti rumput di atas bumbung rumah,
yang layu sebelum tumbuh membesar;
[7] yang tidak akan memenuhi segenggaman tangan penuai,
atau sepemeluk pengikat hasil tuaian.
[8] Dan janganlah biarkan
orang yang lalu dekat mereka berkata,
'Semoga kamu
diberkati TUHAN;
kami memberkatimu dengan nama TUHAN.'

130 *Nyanyian ziarah.*

[1] Daripada deritaku yang dalam aku berseru kepada-Mu,
Ya TUHAN;

[2] TUHAN, dengarlah suaraku.
Berilah perhatian-Mu kepada
suara permohonanku.
[3] Jika Engkau, TUHAN, mengingati dosa,
Ya TUHAN, siapa yang
dapat bertahan?
[4] Tetapi ada pengampunan dengan-Mu;
supaya Engkau ditakuti.
[5] Aku menantikan TUHAN, jiwaku menanti,
dan kepada firman-Nya kusandarkan harapan.
[6] Jiwaku menantikan TUHAN
lebih daripada penjaga menunggu pagi,
ya, lebih daripada penjaga menunggu pagi.
[7] Wahai Israel, berharaplah kepada TUHAN,
kerana pada TUHAN
ada kasih setia
dan Dia pemurah dengan penebusan.
[8] Dan Dia akan menebus Israel daripada segala dosanya.

131 *Nyanyian ziarah Daud.*
[1] TUHAN, hatiku tidak angkuh,
dan mataku tidak bongkak;
aku juga tidak mengambil tahu tentang hal-hal besar
atau perkara yang terlalu ajaib bagiku.
[2] Sesungguhnya aku telah menenangkan dan mententeramkan jiwaku;
seperti anak yang telah bercerai susu dengan ibunya,
demikianlah jiwaku.
[3] Wahai Israel, sandarkanlah harapan kepada TUHAN
dari sekarang untuk
selama-lamanya.

132 *Nyanyian ziarah.*
[1] TUHAN, ingatlah akan Daud
dan segala deritanya.
[2] Betapa dia bersumpah
kepada TUHAN
dan berjanji kepada
Yang Maha Kuasa Allah Tuhan Yakub:
[3] ‘Sesungguhnya aku tidak akan masuk ke bilik rumahku
atau baring di tempat tidurku yang selesa —
[4] Aku tidak akan membenarkan mataku lena,
atau kelopak mataku lelap,
[5] hingga aku dapat mencarikan tempat untuk TUHAN,

tempat kediaman untuk Yang Maha Kuasa Allah Tuhan Yakub.'
[6] Ketahuilah, kami mendengar tentangnya di Efrata,
kami menjumpainya di padang di tengah Yaar:
[7] 'Marilah kita masuk ke dalam khemah-Nya;
marilah kita mnyembah-Nya di alas kaki-Nya —
[8] bangkitlah, Ya TUHAN, ke tempat istirahat-Mu,
Engkau dan tabut
kekuatan-Mu.
[9] Biarlah imam-imam-Mu berpakaian kebenaran;
dan biarlah umat-Mu yang warak bersorak bahagia.'
[10] Untuk kesejahteraan
hamba-Mu Daud,
janganlah singkirkan wajah orang yang Kauurapi.
[11] TUHAN telah bersumpah dengan benar kepada Daud,
TUHAN tidak akan mungkir:
'Aku akan mendudukkan anak-anakmu di atas takhtamu —
[12] jika anak-anakmu
memegang janji-Ku
dan kesaksian-Ku yang akan Kuajarkan kepada mereka,
anak-anak mereka juga
akan duduk
di atas takhtamu
selama-lamanya.'
[13] Kerana TUHAN telah
memilih Sion,
Dia telah menghendakinya sebagai tempat
kediaman-Nya:
[14] 'Inilah tempat istirahat-Ku untuk selama-lamanya;
di sini Aku akan tinggal, kerana Aku menghendakinya —
[15] Aku akan melimpahkan berkat ke atas sumber makanannya;
aku akan mengenyangkan orang miskinnya
dengan roti.
[16] Aku juga akan memakaikan imam-imamnya dengan penyelamatan,
dan orangnya yang salih akan bersorak bahagia.
[17] 'Di situ Aku akan membuat tanduk Daud bertumbuh
Aku akan menyediakan lampu untuk dia
yang Kuurapi.
[18] Musuhnya akan Kumalukan,
tetapi pada dirinya mahkota akan berkekalan.'

133 *Nyanyian ziarah Daud.*
[1] Lihatlah, betapa baik dan menyenangkan hati
apabila saudara-saudara seiman hidup bersama dengan bersatu-padu!

[2] Umpama minyak yang amat dihargai di atas kepala,
mengalir turun ke janggut,
janggut Harun,
mengalir turun di tepi jubahnya.
[3] Umpama embun Hermon
menitik ke atas Bukit Sion.
Kerana di sanalah TUHAN memerintahkan berkat,
hidup selama-lamanya.

134 *Nyanyian ziarah.*
[1] Dengarlah, pujilah TUHAN, kesemua kamu
hamba TUHAN
yang pada waktu malam melayani di rumah TUHAN.
[2] Angkatlah tanganmu di tempat suci
dan pujilah TUHAN.
[3] Semoga TUHAN yang menjadikan langit dan bumi
memberkatimu dari Sion.

135 [1] Pujilah TUHAN!
Pujilah nama TUHAN;
pujilah Dia, hai kamu hamba-hamba TUHAN,
[2] kamu yang berdiri di
rumah TUHAN,
di balai-balai rumah Allah Tuhan kita.
[3] Pujilah TUHAN, kerana kebaikan-Nya;
nyanyikan pujian untuk nama-Nya, kerana sungguh menyenangkan.
[4] Kerana TUHAN telah memilih Yakub untuk diri-Nya,
Israel untuk kesayangan-Nya yang istimewa.
[5] Kerana aku tahu bahawa TUHAN Maha Besar,
dan TUHAN kita di atas semua tuhan.
[6] Apa sahaja yang TUHAN berkenan,
dilakukan-Nya, di syurga dan di bumi,
di lautan dan di semua tempat yang dalam.
[7] Dia membuat wap naik dari semua pelosok bumi;
Dia menghantar kilat bersama hujan
Dia mengeluarkan
angin daripada perbendaharaan-Nya.
[8] Dia memusnahkan anak sulung Mesir,
baik manusia mahupun binatang.
[9] Dia menghantar alamat dan keajaiban ke kalanganmu, hai Mesir,
ke atas Firaun dan
semua hambanya.
[10] Dia mengalahkan

banyak bangsa
dan membunuh raja-raja perkasa —
11 Sihon raja bangsa Amori,
Og raja Bashan
dan semua kerajaan
di Kanaan —
12 lalu memberikan tanah mereka sebagai warisan,
warisan kepada
umat-Nya Israel.
13 Nama-Mu, Ya TUHAN, kekal selama-lamanya,
kemasyhuran-Mu, Ya TUHAN, turun-temurun zaman-berzaman.
14 Kerana TUHAN akan menghakimi umat-Nya
dan Dia akan berbelas kasih ke atas hamba-hamba-Nya.
15 Berhala bangsa-bangsa diperbuat daripada
perak dan emas,
hasil pertukangan
tangan manusia.
16 Ia ada mulut,
tetapi tidak berkata-kata,
ada mata
tetapi tidak melihat;
17 ia ada telinga,
tetapi tidak mendengar,
dan tiada nafas di mulutnya.
18 Orang yang membuatnya serupalah dengannya,
demikian juga setiap orang yang menyandarkan kepercayaan kepadanya.
19 Pujilah TUHAN,
hai kaum Israel;
Pujilah TUHAN,
hai kaum Harun;
20 Pujilah TUHAN,
hai kaum Levi;
kamu yang takut akan TUHAN, pujilah TUHAN.
21 Pujilah TUHAN dari Sion,
yang tinggal di Baitulmaqdis.
Pujilah TUHAN!

136 1 Bersyukurlah kepada TUHAN, kerana kebaikan-Nya.
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
2 Bersyukurlah kepada TUHAN segala tuhan:
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.

3 Bersyukurlah kepada Junjungan segala junjungan:
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
4 kepada Dia yang satu-satunya melakukan keajaiban besar,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
5 kepada Dia yang
dengan kebijaksanaan menjadikan langit,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
6 kepada Dia yang membentangkan bumi di atas perairan,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
7 kepada Dia yang menjadikan cahaya-cahaya besar —
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
8 matahari untuk memerintah sewaktu siang,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
9 bulan dan bintang
untuk memerintah
sewaktu malam;
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
10 kepada Dia yang memusnahkan anak
sulung Mesir
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
11 dan mengeluarkan kaum Israel dari kalangan mereka
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
12 dengan tangan yang perkasa, dan lengan yang dihulurkan;
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
13 kepada Dia yang membelah Laut Merah
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
14 dan membolehkan kaum Israel berjalan melaluinya,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
15 tetapi menewaskan
Firaun dan tenteranya di Laut Merah;

Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
16 kepada Dia yang memandu umat-Nya merentas gurun,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
17 kepada Dia yang menggulingkan
raja-raja besar,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
18 dan membunuh raja-raja
yang masyhur —
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
19 Sihon raja orang Amori
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
20 dan Og raja Bashan —
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
21 dan memberikan tanah mereka sebagai warisan,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
22 warisan kepada
hamba-Nya Israel;
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
23 kepada Dia yang ingat kepada kita sewaktu kita tertindas
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
24 dan menyelamatkan kita daripada musuh kita,
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
25 Dia memberi makanan kepada semua makhluk.
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.
26 Bersyukurlah kepada Allah Tuhan syurga.
Kasih-Nya kekal
selama-lamanya.

137 1 Di tebing sungai-sungai Babel, di sanalah kami duduk
dan menangis
ketika mengenang Sion.
2 Dalam demikian kami gantungkan kecapi

di pohon gandarusa,
3 kerana di sana mereka yang membawa kami sebagai orang tawanan meminta kami menyanyi,
dan mereka yang telah merampas milik kami meminta hiburan;
dengan berkata, ‘Nyanyikanlah untuk kami salah satu lagu Sion!’
4 Betapa mungkin kami nyanyikan lagu TUHAN
di tanah asing?
5 Jika aku melupakan engkau, wahai Baitulmaqdis,
biarlah tangan kananku melupakan kemahirannya.
6 Jika aku tidak ingat kepadamu
biarlah lidahku melekat ke langit-langitku,
jika aku tidak meninggikan Baitulmaqdis di atas kebahagiaanku yang utama.
7 Ingatlah, Ya TUHAN, betapa anak-anak Edom
pada hari Baitulmaqdis berkata,
‘Runtuhkan, runtuhkan sampai ke asas-asasnya!’
8 Hai anak perempuan Babel, yang akan dimusnahkan,
bahagialah orang yang membalas perbuatanmu
kerana apa yang telah kaulakukan kepada kami —
9 berbahagialah orang yang meragut dan
menghempaskan anak-anak kecilmu ke batu pejal.

138 *Mazmur Daud.*
1 Aku akan memuji-Mu dengan seluruh hatiku, Ya TUHAN;
di hadapan ‘tuhan-tuhan’ aku akan menyanyikan pujian untuk-Mu.
2 Aku akan menyembah ke arah rumah ibadat suci-Mu
dan memuji nama-Mu
kerana kasih dan kesetiaan,
kerana Engkau telah meninggikan firman-Mu
dan nama-Mu di atas
segala sesuatu.
3 Pada hari aku berseru,
Engkau telah menjawab aku;
dan menjadikan aku
berani dengan kekuatan dalam jiwaku.
4 Semua raja di bumi akan memuji-Mu,Ya TUHAN,
apabila mereka mendengar kata-kata daripada
mulut-Mu.
5 Ya, mereka akan menyanyi tentang cara-cara TUHAN,
kerana sungguh besar kemuliaan TUHAN.
6 Meski TUHAN Maha Tinggi, namun Dia mengambil berat tentang orang
yang dihinakan,
tetapi orang angkuh dikenal-Nya dari jauh.
7 Meski aku berjalan di tengah kesusahan,

Engkau akan
memulihkan aku;
Engkau akan menghulurkan tangan-Mu menentang kemarahan musuhku,
dan tangan kanan-Mu akan menyelamatkan aku.
8 TUHAN akan menyempurnakan hal ehwalku;
kasih-Mu, Ya TUHAN, kekal selama-lamanya —
janganlah tinggalkan hasil kerja tangan-Mu.

139 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Ya TUHAN, Engkau telah menelitiku
dan mengenalku.
2 Engkau mengenal dudukku dan berdiriku;
Engkau memahami fikiranku dari jauh.
3 Engkau meneliti jalanku
dan baringku;
serta mengerti
semua caraku.
4 sebelum ada sepatah kata di lidahku, Ya TUHAN,
Engkau telah mengetahui seluruhnya.
5 Engkau telah
merangkulku — di belakang dan di hadapan;
dan meletakkan tangan-Mu ke atasku.
6 Pengetahuan demikian terlalu menakjubkan bagiku,
tingginya tidak
tercapai olehku.
7 Ke mana dapat aku pergi daripada Roh-Mu?
Atau ke mana dapat aku lari dari hadirat-Mu?
8 Jika aku naik ke syurga, Engkau di sana;
jika aku membuat tempat tidurku di neraka, lihatlah, Engkau di sana.
9 Jika kuambil sayap pagi,
dan tinggal di bahagian laut yang paling dalam,
10 di sana pun tangan-Mu akan memimpinku,
tangan kanan-Mu akan memegangku.
11 Jika aku berkata, ‘Tentulah kegelapan akan menyelubungiku
dan cahaya sekelilingku akan menjadi malam,’
12 sesungguhnya kegelapan tidak gelap bagi-Mu;
dan malam terang-benderang seperti siang,
kegelapan dan cahaya serupa bagi-Mu.
13 Kerana Engkau telah membentuk bahagian-bahagian dalamku;
Engkau melindungiku di dalam rahim ibuku.
14 Aku akan memuji-Mu, kerana aku dicipta dengan mengagumkan dan menakjubkan;
sungguh menakjubkan ciptaan-Mu,

dan ini amat diketahui
oleh jiwaku.
15 Bentukku tidak tersembunyi daripada-Mu
ketika aku dicipta
dalam rahsia
dan diukir dengan mahir di bahagian bumi yang paling bawah.
16 Mata-Mu telah melihat zatku yang masih belum dibentuk.
Dan di dalam kitab-Mu segalanya tersurat
hari-hari yang ditentukan untukku.
17 Betapa bernilai fikiran-Mu juga bagiku, Ya Allah!
Betapa besar jumlahnya!
18 Jika kuhitung,
jumlahnya lebih banyak daripada pasir.
Apabila aku terjaga,
aku masih bersama-Mu.
19 Semoga Engkau musnahkan orang zalim, Ya Allah!
Maka pergilah daripadaku, hai orang yang suka menumpahkan darah!
20 Kerana mereka
bercakap menentang-Mu dengan durjana;
musuh-Mu menyebut nama-Mu sewenang-wenang.
21 Tidakkah aku membenci mereka yang membenci-Mu, Ya Tuhan,
dan membenci mereka yang bangkit menentang-Mu?
22 Aku membenci mereka dengan sepenuh kebencian;
aku menganggap mereka musuhku.
23 Telitilah aku, Ya Allah,
dan kenallah hatiku;
dugalah aku dan ketahuilah kebimbanganku.
24 Lihatlah jika ada kecenderungan durjana
di dalamku,
dan pimpinlah aku ke jalan yang kekal selama-lamanya.

140 *Untuk pemimpin muzik.*
Mazmur Daud.
1 Lepaskanlah aku, Ya Tuhan, daripada orang durjana;
peliharalah aku daripada orang ganas,
2 yang merancang perbuatan durjana dalam hati mereka;
mereka selalu menyalakan peperangan.
3 Mereka menajamkan lidah mereka seperti ular;
racun ular berbisa di bawah bibir mereka.
4 Jauhkanlah aku,
Ya Tuhan, daripada tangan orang zalim;
peliharalah aku daripada orang ganas

yang berniat membuat kakiku tersandung.
5 Orang angkuh telah menyembunyikan
jerat untukku;
dan mereka telah merentang jaring di tepi jalan
mereka telah memasang perangkap untukku.
6 Aku berkata kepada TUHAN, ‘Engkau Allah Tuhanku.’
Dengarlah suara permohonanku, Ya TUHAN.
7 Ya Allah ya TUHAN, kekuatan penyelamatanku,
Engkau telah menutup kepalaku pada hari pertempuran —
8 janganlah kabulkan,
Ya TUHAN, keinginan
orang zalim;
janganlah lorongkan rancangannya yang durjana,
supaya mereka tidak disanjung.
9 Biarlah kepala mereka yang mengepungku
diliputi kejahatan
mulut mereka.
10 Biarlah arang yang menyala jatuh ke atas mereka;
biarlah mereka dihumbankan ke dalam api,
ke dalam jurang yang
dalam, supaya mereka tidak bangkit semula.
11 Janganlah biarkan seorang pemfitnah bertapak di bumi;
biarlah kejahatan memburu orang ganas untuk menggulingkannya.
12 Aku tahu TUHAN akan membela nasib orang
yang menderita
dan menegakkan keadilan untuk orang miskin.
13 Sesungguhnya orang yang benar akan mengucap syukur kepada nama-Mu
orang yang tulus akan menetap di hadirat-Mu.

141 *Mazmur Daud.*
1 Ya TUHAN, aku berseru kepada-Mu; segeralah datang kepadaku.
Dengarlah suaraku apabila aku berseru kepada-Mu.
2 Biarlah doaku hadir di hadapan-Mu sebagai setanggi;
penadahan tanganku sebagai korban persembahan petang.
3 Jagalah, Ya TUHAN, mulutku;
awasilah pintu bibirku.
4 Jangan cenderungkan hatiku ke arah kejahatan,
untuk mengamalkan pekerjaan zalim
dengan orang yang
melakukan durjana;
dan jangan biarkan aku makan hidangan lazat mereka.
5 Biarlah orang yang benar memukulku — itu suatu kebaikan kepadaku;
biarlah dia memarahiku — itu seperti minyak

yang unggul.
Janganlah biarkan kepalaku menolaknya.
Namun, doaku tetap menentang perbuatan
orang durjana;
6 hakim-hakim mereka dihumbankan dari
tepi gaung,
dan mereka mendengar kata-kataku kerana kata-kataku manis.
7 Mereka akan berkata,
'Tulang-tulang kami berserakan di lubang kubur,
seperti ketika orang membajak dan memecah-mecahkan tanah.'
8 Tetapi mataku tertumpu kepada-Mu,
Ya Allah Ya TUHAN;
kepada-Mu aku berlindung — janganlah tinggalkan jiwaku dalam kepapaan.
9 Jauhkan aku daripada jerat yang telah dipasang oleh mereka untukku,
dan daripada perangkap orang yang melakukan kejahatan.
10 Biarlah orang zalim terjerumus ke dalam jerat mereka sendiri,
sedangkan aku
terlepas dan selamat.

142 *Nyanyian pengajaran Daud, ketika dia berada di gua.*
Suatu doa.
1 Aku berseru kepada TUHAN dengan suaraku;
kepada TUHAN aku membuat permohonanku.
2 Aku mencurahkan aduanku di hadirat-Nya;
aku mengisytiharkan di hadirat-Nya kesusahanku.
3 Apabila rohku
tertekan di dalamku,
ketika itu Engkau
tahu jalanku.
Di jalan tempat aku melangkah
senyap-senyap mereka memasang jerat untukku.
4 Pandanglah ke sebelah kananku dan lihatlah;
tiada siapapun yang mengiktirafku.
Penaungku tidak menolongku;
tiada siapapun yang mengambil berat
tentang jiwaku.
5 Aku telah berseru kepada-Mu, Ya TUHAN;
aku berkata,
'Engkaulah penaungku,
yang ada padaku
di alam orang hidup.'
6 Dengarlah seruanku,

kerana aku ditindas
jauh ke bawah;
lepaskanlah aku daripada penganiayaku,
kerana mereka terlalu
kuat bagiku.
7 Keluarkanlah jiwaku
daripada penjara,
supaya aku dapat memuji nama-Mu.
Orang yang benar akan mengelilingiku
kerana Engkau
akan melimpahkan kebaikan-Mu kepadaku.

143 *Mazmur Daud.*
1 Dengarlah doaku, Ya TUHAN,
dengarlah permohonanku;
jawablah dengan kesetiaan-Mu
dan dengan kebenaran-Mu.
2 Janganlah jalankan penghakiman ke atas hamba-Mu,
kerana dalam pandangan-Mu tiada makhluk hidup yang benar.
3 Kerana musuh telah menganiaya jiwaku,
dia telah menindasku
ke tanah;
dia telah membuat aku tinggal dalam kegelapan
seperti orang yang sudah lama mati.
4 Oleh itu rohku tertekan
di dalamku;
hatiku gundah di dalamku.
5 Aku mengenang zaman silam;
aku merenungkan semua perbuatan-Mu
aku memikirkan segala hasil kerja tangan-Mu.
6 Aku menadahkan tanganku kepada-Mu;
jiwaku merindui-Mu seperti tanah yang dahaga.
7 Jawablah segera, Ya TUHAN;
rohku layu.
Janganlah sembunyikan wajah-Mu daripadaku
takut nanti aku menjadi seperti mereka yang masuk ke dalam jurang.
8 Perdengarkanlah kasih
setia-Mu kepadaku pada waktu pagi,
kerana kepada-Mu kusandarkan kepercayaanku.
Beritahulah aku jalan yang harus kuambil,
kerana aku mengangkatkan jiwaku kepada-Mu.
9 Lepaskanlah aku, Ya TUHAN, daripada musuhku,
kepada-Mu aku berlindung.

10 Ajarlah aku melakukan kehendak-Mu,
kerana Engkaulah TUHANku;
Biarlah Roh baik-Mu
membimbing aku di alam ketulusan.
11 Pulihkanlah aku, Ya TUHAN, demi nama-Mu;
demi kebenaran-Mu, bawalah jiwaku keluar daripada kesusahan.
12 Dengan kasih setia-Mu, tumbangkanlah musuhku;
dan musnahkanlah
kesemua mereka yang menyakiti jiwaku,
kerana aku hamba-Mu.

144 *Mazmur Daud.*
1 Pujilah TUHAN Batu Pejalku,
yang melatih tanganku untuk peperangan,
dan jari-jariku untuk pertempuran.
2 Allah kasih sayangku
dan bentengku,
kota perkasaku dan penyelamatku,
perisaiku dan tempat
aku bernaung,
yang menundukkan kaum-kaum di bawahku.
3 Ya TUHAN, apakah manusia, maka Engkau memeliharanya,
atau anak manusia maka Engkau memberinya perhatian?
4 Manusia seperti
sehembus nafas;
hidupnya seperti bayang-bayang lalu.
5 Tundukkan langit-Mu,
Ya TUHAN, dan turunlah;
sentuhlah gunung, maka ia akan berasap.
6 Pancarkan kilat dan
kucar-kacirkan mereka;
lepaskan anak-anak panahmu dan
musnahkan mereka.
7 Hulurkan tangan-Mu dari atas;
selamatkan aku dan lepaskan aku
daripada bahaya air yang besar,
daripada tangan orang asing
8 yang berdusta dengan lidah
dan menipu dengan
tangan kanan.
9 Aku akan menyanyikan lagu baru untuk-Mu, Ya Allah;
dengan kecapi bertali sepuluh aku akan menyanyikan pujian

untuk-Mu,
10 Engkau memberi penyelamatan kepada
raja-raja,
Engkau melepaskan
hamba-Nya Daud daripada pedang maut.
11 Selamatkan aku dan
lepaskan aku
daripada tangan orang asing
yang berdusta dengan lidah,
dan menipu dengan
tangan kanan.
12 Maka anak-anak lelaki kami
seperti pohon yang tumbuh subur di usia mudanya,
dan anak-anak perempuan kami laksana tiang
yang terukir dalam
gaya seni istana.
13 Jelapang kami penuh
membekalkan segala
jenis hasil.
Dan domba kami
membiakkan ribuan
serta puluhan ribu di padang-padang kami;
14 Biarlah lembu-lembu jantan kami membawa muatan,
dengan tiada kemalangan atau kerugian,
dan janganlah berlaku kekecohan di
jalan-jalan raya kami.
15 Diberkatilah orang dalam keadaan demikian;
diberkatilah orang yang menjadi Allah TUHANnya.

145 *Mazmur pujian. Daripada Daud.*
2 Setiap hari aku akan
memuji-Mu
aku akan menyanjung nama-Mu selama-lamanya.
3 Maha Besar TUHAN dan besar pujian untuk-Nya;
dan kebesaran-Nya tidak dapat diselami.
4 Setiap keturunan akan memuji hasil kerja-Mu kepada keturunan lain;
dan akan mengisytiharkan perbuatan-Mu yang hebat.
5 Aku akan merenung keagungan-Mu yang penuh kemuliaan dan kegemilangan,
serta hasil kerja-Mu yang menakjubkan.
6 Orang akan memperkatakan kehebatan perbuatanmu yang mengagumkan,
dan aku akan mengisytiharkan
kebesaran-Mu.
7 Mereka akan bercakap mengingati kebaikan-Mu yang melimpah

dan menyanyi dengan gembira tentang
kebenaran-Mu.
8 TUHAN penuh kasih kurnia
dan kasih setia,
tidak cepat murka dan amat pengasihan.
9 TUHAN baik kepada semua,
dan belas kasihan-Nya meliputi semua
ciptaan-Nya.
10 Semua ciptaan-Mu akan memuji-Mu, Ya TUHAN;
umat-Mu yang warak akan menyanjung-Mu.
11 Mereka akan memperkatakan kemuliaan kerajaan-Mu
dan berbicara tentang
kuasa-Mu,
12 untuk memberitahu anak-anak manusia mengenai perbuatan-Mu yang hebat
serta kemuliaan dan keagungan kerajaan-Mu.
13 Kerajaan-Mu kekal
selama-lamanya dalam penguasaan-Mu,
dan kekuasaanmu berterusan zaman-berzaman.
TUHAN setia dalam
segala janji-Nya
dan penuh kasih dalam semua perbuatan-Nya.
14 TUHAN membangunkan semua yang rebah
dan menegakkan semua yang tersungkur.
15 Semua mata tertumpu penuh harapan kepada-Mu,
dan Engkau memberi mereka makanan tepat pada musimnya.
16 Engkau membuka tangan-Mu
lalu memenuhi hasrat setiap makhluk hidup.
17 TUHAN benar dalam semua cara-Nya
penuh kasih dalam semua perbuatan-Nya.
18 TUHAN dekat dengan semua yang menyeru-Nya,
semua yang menyeru-Nya dalam kebenaran.
19 Dia akan memenuhi hasrat mereka yang takut
kepada-Nya;
Dia akan mendengar
seruan mereka lalu menyelamatkan mereka.
20 TUHAN memelihara semua yang mengasihi-Nya,
tetapi semua orang zalim akan dimusnahkan-Nya.
21 Lidahku akan menuturkan pujian untuk TUHAN.
Semua makhluk akan memberkati nama-Nya
yang suci
selama-lamanya.

146 [1] Pujilah TUHAN!
Pujilah TUHAN, wahai jiwaku.
[2] Selagi aku hidup, aku akan memuji TUHAN;
aku akan menyanyikan pujian untuk TUHANku selagi aku masih wujud.
[3] Janganlah sandarkan kepercayaanmu kepada
raja-raja,
atau kepada anak manusia kerana pertolongan bukanlah daripadanya.
[4] Rohnya pergi, dia kembali menjadi tanah;
pada hari itu juga semua rancangannya musnah.
[5] Diberkatilah orang yang ditolong oleh
Allah Tuhan Yakub,
yang berharap kepada
Allah TUHANnya,
[6] yang telah menjadikan
langit dan bumi,
laut, dan segala yang di dalamnya —
Dia tetap setia selama-lamanya.
[7] Dia menjalankan keadilan bagi mereka yang ditindas
Dia memberi makanan kepada mereka yang lapar.
TUHAN memberi kebebasan kepada mereka yang dipenjarakan,
[8] TUHAN mencelikkan mata orang buta,
TUHAN menegakkan mereka yang tersungkur,
TUHAN mengasihi orang yang benar.
[9] TUHAN menaungi orang asing
Dia membantu
anak yatim dan balu,
tetapi usaha orang zalim dihancurkan-Nya.
[10] TUHAN akan memerintah selama-lamanya,
Allah Tuhanmu,
Wahai Sion,
turun-temurun zaman-berzaman.
Pujilah TUHAN!

147 [1] Pujilah TUHAN!
Kerana menyanyikan pujian kepada Allah Tuhan
kita itu baik,
serta menyenangkan dan pujian itu indah!
[2] TUHAN membina semula Baitulmaqdis;
Dia mengumpulkan umat Israel yang tersingkir.
[3] Dia menyembuhkan mereka yang patah hati
dan membalut luka mereka.
[4] Dia menghitung
bintang-bintang

Dia memanggil setiap satu dengan namanya.
5 Maha Besar TUHAN kita dan Maha Kuasa;
pengertian-Nya
tidak ada batasan.
6 TUHAN mengangkat tinggi mereka yang rendah hati
Dia menghumbankan orang zalim ke tanah.
7 Menyanyilah kepada TUHAN dengan mengucapkan kesyukuran;
nyanyikan pujian dengan iringan kecapi kepada Allah Tuhan kita.
8 Dia melitupi langit
dengan awan;
Dia menyediakan hujan untuk bumi
Dia menumbuhkan rumput di atas gunung.
9 Dia memberi makanan
kepada haiwan
dan kepada anak-anak gagak yang menciap.
10 Dia tidak menikmati kekuatan kuda,
Dia tidak berkenan akan manusia kerana kegagahannya;
11 TUHAN meredai mereka yang takut kepada-Nya,
mereka yang berharapkan kasih setia-Nya.
12 Sanjunglah Allah,
wahai Baitulmaqdis;
pujilah Allah Tuhanmu, wahai Sion,
13 kerana Dia telah mengukuhkan palang-palang pintu pagarmu
Dia telah memberkati anak-anak di dalammu.
14 Dia menjadikan sempadan-sempadanmu aman
dan memenuhimu dengan gandum terbaik.
15 Dia menghantarkan
perintah-Nya ke bumi;
firman-Nya sampai
dalam seketika.
16 Dia memberi salji
seperti bulu domba
Dia menaburkan air beku seperti abu.
17 Dia melemparkan
hujan batu-Nya.
Siapa yang dapat menghadapi
kedinginan-Nya?
18 Dia menghantarkan firman-Nya lalu mencairkan semuanya;
Dia membuat angin-Nya bertiup dan air mengalir.
19 Dia mengisytiharkan firman-Nya kepada Yakub,
ketetapan dan hukum-Nya kepada Israel.
20 Dia tidak melakukan yang demikian kepada

bangsa lain;
dan hukum-hukumnya tidak diketahui oleh mereka.
Pujilah TUHAN!

148 [1] Pujilah TUHAN!
Pujilah Dia dari langit,
pujilah Dia di tempat-tempat tinggi.
[2] Pujilah Dia, hai semua malaikat-Nya,
pujilah Dia, hai alam semesta.
[3] Pujilah Dia, hai matahari
dan bulan,
pujilah Dia, hai kamu semua bintang bercahaya.
[4] Pujilah Dia, hai kamu langit
di atas langit
dan kamu air di atas
segala langit.
[5] Biar mereka memuji
nama TUHAN,
kerana Dia telah memberi perintah lalu mereka dicipta.
[6] Dia juga menapakkan mereka selama-lamanya;
Dia membuat ketetapan yang tidak akan lenyap.
[7] Pujilah TUHAN dari bumi,
hai kamu makhluk besar laut dan bawah lautan,
[8] Api dan hujan batu,
salji dan awan,
angin ribut yang menunaikan firman-Nya,
[9] gunung-gunang dan
segala bukit,
pokok berbuah dan semua pohon sedar,
[10] haiwan dan segala
lembu kerbau,
binatang menjalar dan burung yang terbang,
[11] raja-raja di bumi dan
semua bangsa,
putera-putera dan semua pemerintah di bumi,
[12] pemuda dan gadis,
orang tua dan kanak-kanak.
[13] Biar mereka memuji
nama TUHAN,
kerana hanya nama-Nya ditinggikan;
kemuliaan-Nya mengatasi bumi dan langit.
[14] Dan Dia telah mengangkat tinggi tanduk umat-Nya,
pujian seluruh umat-Nya yang warak,

anak-anak Israel, umat yang dekat dengan-Nya.
Pujilah TUHAN!

149 [1] Pujilah TUHAN!
Nyanyikanlah kepada TUHAN lagu baru,
dan pujian untuk-Nya dalam perhimpunan orang warak.
[2] Biarlah Israel bergembira kerana Pencipta mereka;
biarlah anak-anak Sion berbahagia kerana Raja mereka.
[3] Biarlah mereka memuji nama-Nya dengan tarian;
biar mereka menyanyikan pujian kepada-Nya dengan tamborin dan kecapi.
[4] Kerana TUHAN berkenan akan umat-Nya;
Dia akan memahkotai mereka yang rendah hati dengan penyelamatan.
[5] Biarlah orang warak berbahagia dalam kemuliaan
biarlah mereka menyanyi gembira di tempat tidur.
[6] Biarlah pujian tinggi bagi Allah di lidah mereka
dan pedang bermata dua di tangan mereka,
[7] untuk membalas perbuatan bangsa-bangsa
dan menghukum
kaum-kaum,
[8] untuk mengikat raja-raja mereka dengan rantai,
dan orang bangsawan mereka dengan
belenggu besi,
[9] untuk menjalankan ke atas mereka penghakiman
yang tersurat.
Kehormatan ini dimiliki seluruh umat-Nya
yang warak.
Pujilah TUHAN!

150 [1] Pujilah TUHAN!
Pujilah Allah di tempat
suci-Nya;
pujilah Dia dalam langit-Nya yang perkasa.
[2] Pujilah Dia kerana perbuatan-Nya yang hebat;
pujilah Dia kerana kebesaran-Nya yang unggul.
[3] Pujilah Dia dengan
bunyi sangkakala,
pujilah Dia dengan
gambus dan kecapi,
[4] pujilah Dia dengan tamborin dan tarian,
pujilah Dia dengan alat bertali dan seruling,
[5] pujilah Dia dengan simbal yang gempita,
pujilah Dia dengan simbal yang gemerencing.
[6] Setiap yang bernafas,

pujilah TUHAN.
Pujilah TUHAN!

Matius

1 *Salasilah Isa al-Masih*

1 Inilah salasilah Isa al-Masih, keturunan Daud, keturunan Ibrahim.
2 Ibrahim beroleh anak yang dinamai Ishak,
Ishak beroleh Yakub,
dan Yakub beroleh Yudah serta
saudara-saudaranya.
3 Yudah beroleh Peres dan Zerah daripada isterinya Tamar,
Peres beroleh Hezron, dan Hezron
beroleh Ram.
4 Ram beroleh Aminadab,
Aminadab beroleh Nahason,
dan Nahason beroleh Salmon.
5 Salmon beroleh Boas daripada
isterinya Rahab,
Boas beroleh Obed daripada
isterinya Rut,
dan Obed beroleh Isai,
6 dan Isai beroleh Raja Daud.
Raja Daud beroleh Sulaiman daripada isteri Uria.
7 Sulaiman beroleh Rehabeam,
Rehabeam beroleh Abia,
dan Abia beroleh Asa.
8 Asa beroleh Yosafat,
Yosafat beroleh Yoram,
dan Yoram beroleh Uzia.
9 Uzia beroleh Yotam,
Yotam beroleh Ahaz,
dan Ahaz beroleh Hizkia.
10 Hizkia beroleh Manasye,
Manasye beroleh Amon,
dan Amon beroleh Yosia.
11 Yosia beroleh Yoyakhin dan
saudara-saudaranya sekitar masa mereka
dibawa sebagai tawanan di Babel.
12 Seterusnya, Yoyakhin beroleh Sealtiel,
dan Sealtiel beroleh Zerubabel.
13 Zerubabel beroleh Abihud,
Abihud beroleh Elyakim,

dan Elyakim beroleh Azur.

[14] Azur beroleh Zadok,

Zadok beroleh Akhim,

dan Akhim beroleh Eliud.

[15] Eliud beroleh Eleazar,

Eleazar beroleh Matan,

dan Matan beroleh Yakub.

[16] Maka Yakub beroleh Yusuf, suami Maryam, Maryamlah yang melahirkan Isa yang dipanggil al-Masih.

[17] Dengan demikian, ada empat belas keturunan dari Ibrahim hingga ke Daud; empat belas keturunan dari Daud hingga ke masa pembuangan di Babel; dan empat belas keturunan dari masa itu hingga kelahiran al-Masih.

Kelahiran al-Masih

[18] Inilah kisah kelahiran Isa al-Masih: Ibu-Nya, Maryam bertunang dengan Yusuf, tetapi sebelum perkahwinan mereka dilangsungkan, Maryam mengandung melalui kuasa Roh Suci. [19] Yusuf, seorang yang takwa dan berakhlak, tidak mahu memalukan Maryam di mata masyarakat. Dia berniat memutuskan pertunangan mereka secara diam-diam.

[20] Dia memikirkan hal itu sehalus-halusnya. Suatu malam dia bermimpi malaikat Tuhan memperlihatkan diri kepadanya lalu berkata, ‘Hai Yusuf keturunan Daud! Janganlah takut mengambil Maryam sebagai isterimu. Dia mengandung melalui kuasa Roh Suci. [21] Maryam akan melahirkan seorang anak lelaki. Namakanlah anak itu Isa. Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa mereka.’

[22] Segala ini terjadi supaya berlakulah firman Tuhan melalui nabi-Nya: [23] ‘Seorang anak dara akan mengandung, dan melahirkan seorang anak lelaki, maka Anak itu akan dipanggil Immanuel’ bererti, ‘Allah menyertai kita’ dalam bahasa Ibrani.

[24] Apabila Yusuf terjaga, dia pun mematuhi apa yang disampaikan oleh malaikat Tuhan itu lalu berkahwin dengan Maryam. [25] Tetapi Yusuf tidak menyentuh Maryam sebagai isterinya hinggalah Maryam melahirkan Anak itu. Yusuf menamai Anak itu Isa.

2 *Ahli ilmu bintang dari Timur*

[1] Isa dilahirkan di Baitlahim, Yudea, semasa pemerintahan Raja Herodes. Tidak lama kemudian datanglah beberapa orang ahli ilmu bintang dari Timur ke Baitulmaqdis. [2] Mereka bertanya, ‘Di manakah Anak yang baru lahir, yang akan menjadi Raja orang Yahudi? Kami melihat bintang-Nya muncul di Timur, dan kami datang hendak menyembah-Nya.’

[3] Apabila mendengar perkara itu, Raja Herodes berasa risau, begitu juga semua penduduk Baitulmaqdis. [4] Raja Herodes memanggil semua ketua imam dan guru Taurat berhimpun lalu bertanya, ‘Raja yang dijanjikan oleh Allah itu, di manakah tempat lahirnya?’ [5] Mereka menjawab, ‘Di Baitlahim, Yudea. Seorang nabi telah bernubuat tentangnya:

[6] ‘Hai Baitlahim di Yudea,

Kau bukanlah yang terkecil antara kota utama Yudea,

kerana daripadamu akan muncul seorang Pemimpin

yang akan memimpin umat-Ku Israel.’

[7] Setelah itu Raja Herodes berjumpa secara rahsia dengan ahli-ahli ilmu bintang itu dan mendapat tahu daripada mereka dengan tepat bila bintang itu terbit. [8] Raja Herodes menyuruh ahli-ahli ilmu bintang pergi ke Baitlahim dengan perintah demikian: ‘Pergilah dan carilah Anak itu sedaya upaya. Apabila kamu menjumpai-Nya beritahulah aku, supaya aku juga dapat pergi menyembah-Nya.’

[9] Mereka pun pergi. Di pertengahan jalan, mereka melihat bintang yang telah muncul di Timur dahulu kini mendahului mereka dan berhenti di atas tempat Anak itu. [10] Sungguh gembira mereka apabila melihat bintang itu. [11] Mereka masuk ke situ dan melihat Anak itu dengan ibu-Nya Maryam.

Mereka pun sujud menyembah Anak itu, lalu mempersembahkan emas, dupa dan mur kepada-
Nya. [12] Allah memberikan peringatan kepada mereka melalui mimpi supaya jangan kembali kepada
Herodes. Oleh itu mereka pun pulang ke negeri mereka mengikut jalan lain.

Hijrah ke Mesir

[13] Selepas itu malaikat Tuhan menampakkan diri dalam mimpi kepada Yusuf lalu berkata,
'Herodes akan mengeluarkan perintah supaya mencari dan membunuh Anak itu. Bangunlah. Bawalah
Anak itu dan ibu-Nya ke Mesir. Tinggallah di situ hingga Aku berfirman kepadamu.'

[14] Yusuf pun bangun. Pada malam itu juga dia membawa Anak itu dan ibu-Nya ke
Mesir. [15] Mereka tinggal di situ hingga kematian Raja Herodes. Maka berlakulah firman Tuhan
menerusi nabi-Nya: 'Aku memanggil Putera-Ku keluar dari Mesir.'

[16] Setelah Raja Herodes sedar dirinya ditipu oleh ahli-ahli ilmu bintang dari Timur itu, dia pun
marah lalu mengeluarkan perintah untuk membunuh semua anak lelaki yang berusia dua tahun ke
bawah di Baitlahim dan kawasan yang berdekatan. Usia itu berdasarkan maklumat yang diberikan
oleh ahli-ahli ilmu bintang tentang masa bintang itu mula-mula muncul. [17] Oleh yang demikian
berlakulah apa yang dinubuatkan oleh Yeremia:

[18] 'Satu suara terdengar di Ramah,
rintih ratap dan perkabungan.
Rahel meratapi anak-anaknya,
tidak mungkin dilipur hatinya,
kerana mereka tiada lagi.'

Pulang dari Mesir

[19] Selepas kematian Herodes, malaikat Tuhan menampakkan diri dalam mimpi kepada Yusuf di
Mesir. [20] Kata malaikat itu, 'Bangunlah. Bawalah Anak itu dan ibu-Nya ke tanah Israel, kerana orang
yang hendak meragut nyawa Anak itu telah mati.'

[21] Yusuf pun bangun lalu membawa Anak itu dan ibu-Nya ke tanah Israel. [22] Tetapi apabila
mendengar bahawa Arkelaus telah naik takhta menggantikan bapanya Herodes di Yudea, Yusuf pun
takut pergi ke sana. Setelah mendapat peringatan daripada Allah dalam mimpi, dia pun pergi ke
Galilea. [23] Dia menetap di kota yang bernama Nasaret. Dengan demikian berlakulah apa yang
dikatakan oleh para nabi: 'Dia akan dipanggil Orang Nasaret.'

3 [1] Pada masa itu Yahya Pengimad menyampaikan berita ini di gurun di Yudea. [2] Dia berseru,
'Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir tiba!' [3] Yahyalah yang dimaksudkan dalam nubuat
Nabi Yasyaya:

'Suara seorang berseru di gurun:
"Sediakanlah jalan untuk Tuhan,
luruskan jalan untuk-Nya." '

[4] Pakaian Yahya diperbuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya daripada kulit. Makanannya
belalang dan madu gurun. [5] Orang dari Baitulmaqdis, seluruh Yudea dan segenap kawasan sekitar
Sungai Yordan datang mendapatkan Yahya. [6] Mereka mengaku dosa lalu diimadkan oleh Yahya di
Sungai Yordan.

[7] Ramai orang Farisi dan Saduki datang untuk diimadkan. Apabila melihat mereka, Yahya berkata,
'Hai orang durjana! Siapakah yang memberitahumu bahawa kamu dapat melepaskan diri daripada
hukuman Allah kelak? [8] Buktikanlah dengan perbuatan bahawa kamu telah bertaubat. [9] Jangan sangka
kamu dapat melepaskan diri daripada hukuman dengan berkata, "Ibrahim moyang kami." Ketahuilah,
Allah berkuasa menjadikan batu-batu ini anak cucu Ibrahim! [10] Kapak sudah tersedia untuk menebang
pokok hingga ke akar umbinya. Setiap pokok yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang
dan dihumbankan ke dalam api.

[11] 'Aku mengimadkanmu dengan air untuk menunjukkan bahawa kamu telah bertaubat. Tetapi Dia
yang datang selepasku akan mengimadkanmu dengan Roh Suci dan api; Dia lebih berkuasa
daripadaku; membawakan kasut-Nya pun aku tidak layak. [12] Tangan-Nya memegang nyiru untuk

menampi. Dia akan mengumpulkan gandum yang bersih di dalam jelapang dan membakar sekam di dalam api yang tidak mungkin padam.'

Isa diimadkan

13 Ketika itu Isa meninggalkan Galilea lalu pergi ke Sungai Yordan. Di situ Dia berjumpa dengan
Yahya dan meminta diimadkan olehnya. 14 Yahya cuba menolak dengan berkata, 'Sepatutnya Engkau
yang mengimadkanku. Ini Engkau pula datang kepadaku!'

15 Tetapi Isa menjawab, 'Biarkanlah demikian untuk sekarang, kerana dengannya kita akan
menunaikan segala kebenaran.' Yahya pun patuh.

16 Setelah diimadkan, Isa keluar dari air dengan segera. Lalu terbukalah langit dan dia melihat
Roh Allah turun seperti burung merpati ke atas-Nya. 17 Kemudian kedengaran suara Allah berfirman,
'Inilah Putera-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.'

4 *Godaan di padang gurun*

1 Setelah itu Isa dibawa oleh Roh ke gurun untuk digoda Iblis. 2 Isa berpuasa empat puluh hari empat
puluh malam. Dia menanggung kelaparan. 3 Iblis datang kepada-Nya lalu berkata, 'Jika Engkau Putera
Allah, perintahkanlah batu-batu ini menjadi roti.'

4 Isa menjawab, 'Telah tersurat: "Manusia hidup bukan dengan roti saja tetapi dengan setiap
firman Allah." '

5 Selepas itu Iblis membawa Isa ke kota suci Baitulmaqdis dan meletakkan-Nya di puncak rumah
ibadat. 6 Iblis berkata kepada Isa, 'Jika Engkau Putera Allah, terjunlah, kerana telah tersurat:

"Allah akan memerintahkan
malaikat-malaikat-Nya
menjaga-Mu dan mereka akan
menatang-Mu
supaya kaki-Mu tidak terhantuk batu." '

7 Isa menjawab, 'Tetapi telah tersurat: "Janganlah engkau menduga Allah, Tuhanmu." '

8 Iblis membawa pula Isa ke atas gunung yang amat tinggi lalu menunjukkan semua kerajaan di
dunia dan kekayaannya. 9 Kata Iblis kepada Isa, 'Semua ini akan kuberikan kepada-Mu jika Engkau
sujud menyembahku.'

10 Jawab Isa, 'Nyah engkau, Iblis. Telah tersurat: "Hendaklah engkau menyembah Allah, Tuhanmu
dan kepada-Nya saja engkau beribadat." '

11 Iblis pun meninggalkan Isa dan para malaikat datang melayani-Nya.

Isa mula pelayanan di Galilea

12 Apabila mendengar bahawa Yahya telah dipenjarakan, Isa pun pergi ke Galilea. 13 Dia tidak
tinggal di Nasaret tetapi di Kapernaum, sebuah kota di pinggir laut Galilea di kawasan Zebulon dan
Naftali. 14 Dengan demikian berlakulah nubuat Nabi Yasyaya:

15 'Tanah Zebulon, tanah Naftali,
di pinggir laut, seberang Sungai Yordan,
Galilea, tanah bangsa-bangsa asing.
16 Bangsa yang hidup dalam kegelapan
telah melihat cahaya gemilang.
Bagi mereka yang di bawah
bayangan maut,
Cahaya telah bersinar!'

17 Isa pun mula menyampaikan perkhabaran-Nya, 'Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir
tiba!'

Pengikut Isa yang pertama

18 Sedang Isa berjalan di pinggir laut Galilea, Dia terpandang dua orang nelayan iaitu Simon, yang
juga dipanggil Petrus, dan adiknya Andreas, sedang menjala ikan. 19 Isa berkata kepada mereka,
'Ikutlah Aku. Aku akan mengajarmu menjala manusia menjadi pengikut-Ku.' 20 Dengan serta-merta
mereka dua beradik meninggalkan jala mereka lalu mengikut Isa.

21 Isa meneruskan perjalanan. Dia ternampak dua beradik lagi, Yakobus dan Yahya bersama bapa
mereka Zebedeus, sedang mengemaskan jala di dalam perahu. Isa memanggil dua beradik
itu. 22 Seketika itu juga mereka meninggalkan perahu dan bapa mereka lalu mengikut Isa.

Isa menyembuhkan orang sakit

23 Isa menjelajahi seluruh wilayah Galilea. Dia mengajar di saumaah dan menyampaikan berita
baik bahawa kerajaan Allah hampir tiba. Dia menyembuhkan semua jenis penyakit dan kesakitan di
antara mereka. 24 Berita tentang Isa tersebar di seluruh Siria. Maka, ramailah orang yang menanggung
pelbagai penyakit dan penderitaan, orang yang dirasuk roh iblis, yang mengidap penyakit gila babi,
dan yang lumpuh, dibawa kepada-Nya dan disembuhkan oleh-Nya. 25 Ramai sekali orang mengikut-
Nya: dari Dekapolis (bermaksud Sepuluh Kota), dari Baitulmaqdis, dari Yudea, dan dari kawasan di
seberang Yordan.

5 *Yang diberkati*

1 Ketika Isa melihat orang ramai itu, Dia pun mendaki ke atas sebuah bukit lalu duduk. Kemudian
datanglah para pengikut-Nya kepada-Nya. 2 Dia pun mula mengajar mereka:

3 'Diberkatilah mereka yang terasa
kelemahan rohani,
kerana kerajaan syurga untuk mereka.
4 Diberkatilah mereka yang bersedih,
kerana mereka akan terhibur.
5 Diberkatilah mereka yang lemah lembut,
kerana mereka akan mewarisi bumi ini.
6 Diberkatilah mereka yang
dahagakan kebenaran,
kerana mereka akan dipuaskan.
7 Diberkatilah mereka yang berpengasihan,
kerana mereka akan dikasihani juga.
8 Diberkatilah mereka yang suci hati,
kerana mereka akan melihat Allah.
9 Diberkatilah mereka yang
mendamaikan manusia,
kerana mereka akan dipanggil
anak-anak Allah.'
10 Diberkatilah mereka yang dianiaya
kerana menegakkan kebenaran,
kerana kerajaan syurga untuk mereka.

11 'Diberkatilah kamu apabila orang menghina, menganiaya dan memfitnahmu kerana mengikut-
Ku. 12 Bersukacita dan bergembiralah, kerana ganjaran besar telah disediakan untukmu di syurga.
Begitu jugalah para nabi zaman dahulu dianiaya.

Garam dan cahaya

13 ‘Kamu ialah garam bumi ini. Jika garam menjadi tawar, tidak mungkinlah masin semula.
Tidaklah berguna lagi, hanya layak dibuang dan dipijak orang.

14 ‘Kamu ialah cahaya dunia ini. Kota di atas bukit tidak mungkin tersembunyi. 15 Tiada siapa
memasang pelita lalu menyorokkannya di bawah bekas; tentu dia meletakkannya di atas kaki pelita
untuk menerangi seisi rumah. 16 Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya
mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.

Isa dan hukum Taurat

17 ‘Jangan sangka Aku datang untuk menghapuskan Taurat dan ajaran nabi-nabi. Aku datang
bukan untuk menghapuskan tetapi untuk menunaikan segala-galanya. 18 Ingatlah: Selagi ada langit
dan bumi, satu titik atau huruf yang terkecil pun tidak akan hapus daripada Taurat sebelum semuanya
ternyata berlaku. 19 Dengan demikian, jika seseorang melanggar hukum yang terkecil pun dan
mengajar orang lain melanggarnya, dia akan tergolong antara mereka yang paling rendah dalam
kerajaan syurga. Sebaliknya, jika seseorang mematuhi Taurat dan mengajar orang lain turut patuh,
dia akan menjadi orang yang mulia dalam kerajaan syurga. 20 Oleh itu ingatlah: Untuk memasuki
kerajaan syurga, kamu mestilah melaksanakan kehendak Allah lebih daripada guru Taurat dan orang
Farisi.

21 ‘Kamu telah mendengar ajaran daripada nenek moyang kita: “Jangan membunuh. Sesiapa yang
membunuh orang akan dihakimi.” 22 Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang marah
terhadap saudaranya akan dihakimi. Sesiapa yang mencaci saudaranya akan dibawa ke hadapan
Majlis Agama. Dan sesiapa yang memanggil saudaranya “bodoh” akan dihumbankan ke dalam api
neraka.

23 ‘Oleh itu, jika kamu sedang meletakkan persembahan kepada Allah di atas mazbah lalu teringat
bahawa saudaramu bersanggit hati denganmu, 24 tinggalkanlah persembahanmu, berdamai dahulu
dengan saudaramu, kemudian barulah buat persembahanmu.

25 ‘Berdamailah dengan orang yang hendak mendakwamu di mahkamah sewaktu kamu masih
dalam perjalanan ke situ. Jika tidak, dia akan menyerahkanmu kepada hakim, kemudian hakim
menyerahkanmu kepada pegawai berkenaan, yang akan memenjarakanmu. 26 Sudah pasti kamu akan
meringkuk di dalam penjara hingga kamu menjelaskan semua bayaran.

Berzina

27 ‘Kamu telah mendengar ajaran ini: “Jangan berzina.” 28 Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu:
Sesiapa yang memandang seorang wanita dengan berahi, telah berzina dengannya dalam hati. 29 Jika
mata kananmu menyebabkan kamu berdosa, cungkil dan buangkan mata itu. Lebih baik kamu
kehilangan satu bahagian tubuhmu daripada seluruh tubuhmu terhumban ke dalam neraka. 30 Jika
tangan kananmu menyebabkan kamu berdosa, potong dan buangkan tangan itu. Lebih baik kamu
kehilangan sebelah tanganmu daripada seluruh tubuhmu masuk ke dalam neraka.

Perceraian

31 ‘Ada ajaran demikian: “Sesiapa menceraikan isterinya hendaklah memberinya surat
cerai.” 32 Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa menceraikan isterinya kecuali kerana zina,
orang itu menyebabkan wanita tersebut berzina jika berkahwin lagi; dan sesiapa yang berkahwin
dengan wanita yang diceraikan itu berzina juga.

Membuat sumpah

33 ‘Kamu telah mendengar ajaran kepada nenek moyang kita: “Jangan melanggar sumpah.
Tunaikan sumpahmu kepada Tuhan.” 34 Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Janganlah
bersumpah demi langit, kerana langit itu takhta Allah. 35 Jangan bersumpah demi bumi, kerana bumi
ini alas kaki-Nya. Atau demi Baitulmaqdis, kerana itu kota Raja Agung iaitu Allah. 36 Demi kepalamu
pun jangan, kerana kamu tidak berkuasa memutihkan atau menghitamkan rambutmu walau
sehelai. 37 Katakan saja “Ya” atau “Tidak” dan kotakan kata itu. Yang lebih daripada itu datang
daripada si durjana.

Mata diganti mata

38 ‘Kamu telah mendengar ajaran begini: “Mata diganti dengan mata, gigi diganti dengan
gigi.” 39 Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Janganlah membalas dendam terhadap orang yang
berbuat jahat kepadamu. Malah jika seseorang menampar pipi kananmu, palinglah pipi kirimu juga
terhadapnya. 40 Jika seseorang hendak mendakwamu untuk mendapatkan bajumu, berikanlah jubahmu
juga. 41 Jika sesiapa memaksamu berjalan sebatu dengannya, pergilah dua batu bersamanya. 42 Jika
seseorang meminta sesuatu daripadamu, berikanlah. Jika seseorang hendak meminjam sesuatu
daripadamu, usahlah berpaling daripadanya.

Mengasihi musuhmu

43 ‘Kamu telah mendengar ajaran berikut: “Kasihilah sahabatmu dan bencilah musuhmu.” 44 Tetapi
sekarang Aku berkata kepadamu: Kasihilah musuhmu dan doakan orang yang
menganiayamu. 45 Dengan demikian kamu menjadi anak-anak Bapamu yang di syurga; kerana Allah
menerbitkan matahari yang dicipta-Nya untuk orang yang benar dan orang yang mungkar. Dia
menurunkan hujan untuk orang yang taat mahupun yang ingkar akan kehendak-Nya. 46 Jika kamu
hanya mengasihi orang yang mengasihimu, layakkah kamu mendapat ganjaran daripada Allah?
Bukankah pemungut cukai pun berbuat demikian? 47 Jika kamu hanya beramah mesra dengan
saudara-saudara selingkungan, apakah kelebihanmu daripada orang lain? Orang yang tidak
mengenal Allah pun melakukannya. 48 Hendaklah engkau sempurna seperti Bapamu di syurga.

6 *Bersedekah kepada orang miskin*

1 ‘Ingatlah: Jangan buat kerja amal di muka umum supaya dilihat orang; kamu tidak akan mendapat
ganjaran daripada Bapamu yang di syurga.

2 ‘Oleh itu, ketika kamu bersedekah kepada orang miskin, jangan heboh-hebohkan seperti orang
munafik di saumaah dan di jalan raya, supaya dipuji orang. Orang begitu sudahpun mendapat
ganjaran mereka. 3 Apabila kamu bersedekah kepada orang miskin, jangan sampai tangan kirimu tahu
apa yang dilakukan oleh tangan kananmu. 4 Jangan siapapun mengetahuinya. Bapamu yang melihat
amalmu yang tersembunyi itu akan memberikan ganjaran kepadamu.

Doa

5 ‘Apabila kamu berdoa, janganlah seperti orang munafik. Mereka berdoa sambil berdiri di
saumaah dan di simpang jalan supaya dilihat orang. Mereka itu sudahpun mendapatkan ganjaran
mereka. 6 Tetapi kamu, masuklah ke dalam bilik, tutup pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang
tidak dapat dilihat dengan mata. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi dan
akan memberikan ganjaran kepadamu. 7 Ketika berdoa, jangan curah-curahkan kata-kata yang tidak
bermakna, seperti orang yang tidak mengenal Allah. Mereka menyangka Allah akan mengabulkan
permintaan mereka kerana doa mereka itu panjang. 8 Jangan berbuat seperti mereka. Bapamu tahu
apa yang kamu perlukan sebelum kamu memohonnya.

9 ‘Berdoalah demikian:

“Ya Bapa kami yang di syurga,
Sucilah Nama-Mu.
10 Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
11 Berilah makanan kami untuk hari ini.
12 Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni
mereka yang bersalah terhadap kami.
13 Janganlah biarkan kami tergoda,
Selamatkanlah kami daripada si durjana.

Engkaulah yang memiliki kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. Amin.”

14 ‘Jika kamu mengampuni orang yang bersalah kepadamu, Bapamu yang di syurga akan
mengampunkan kesalahanmu juga. 15 Tetapi jika kamu tidak mengampunkan kesalahan orang,
Bapamu yang di syurga juga tidak akan mengampunkan kesalahanmu.

Berpuasa

16 ‘Apabila kamu berpuasa, jangan tunjukkan muka lesu seperti orang munafik. Mereka
memperlihatkan wajah menderita supaya semua orang tahu mereka berpuasa. Mereka ini sudahpun
mendapat ganjaran mereka. 17 Ketika berpuasa, basuhlah muka dan sikatlah rambutmu 18 supaya
orang tidak tahu kamu berpuasa. Biarlah puasamu hanya diketahui oleh Bapamu yang tidak dapat
dilihat dengan mata. Bapamu melihat perbuatanmu yang tersembunyi itu dan memberikan ganjaran
kepadamu.

Harta di syurga

19 ‘Jangan kumpulkan harta di dunia, kerana di sini gegat dan karat merosakkannya serta pencuri
memecah masuk untuk mencurinya. 20 Kumpulkan harta di syurga, kerana di situ gegat dan karat
tidak dapat merosakkannya serta pencuri tidak memecah masuk untuk mencurinya. 21 Kerana di mana
hartamu terkumpul, di situlah hatimu tertumpu.

22 ‘Mata ialah pelita tubuh. Jika matamu terang, seluruh tubuhmu dipenuhi cahaya. 23 Tetapi jika
matamu kabur, seluruh tubuhmu gelap. Jika cahaya di dalam tubuhmu menjadi gelap, maka gelap-
gelitalah keadaannya!

24 ‘Seorang hamba tidak mungkin mengabdi diri kepada dua orang tuan. Dia akan membenci yang
seorang dan mengasihi yang lain; atau akan setia kepada yang seorang dan mencela yang lain.
Demikianlah, kamu tidak dapat menjadi hamba Allah dan juga hamba kekayaan.

Jangan runsing

25 ‘Oleh itu, janganlah runsing tentang hidupmu, tentang apa yang kamu makan atau minum, atau
tentang tubuhmu, dan tentang apa yang akan kamu pakai untuk menutupnya. Bukankah hidup lebih
daripada makanan, dan tubuh lebih daripada pakaian? 26 Lihatlah burung di udara, yang tidak
menyemai, menuai atau menyimpan hasil di jelapang; namun Bapamu yang di syurga memberinya
makan. Bukankah kamu lebih bernilai daripada burung? 27 Siapakah di kalanganmu yang dapat
melanjutkan usianya sedikit pun dengan bersikap runsing?

28 ‘Jadi, mengapakah kamu runsing tentang pakaian? Lihatlah bunga bakung di padang, yang
tidak bekerja atau bertenun. 29 Tetapi Raja Sulaiman dengan segala kehebatannya pun tidak
berpakaian seindah bunga itu. 30 Jika Allah menghiasi rumput di padang, yang wujud hari ini dan
esoknya dibakar di dapur, tidakkah Allah akan memberimu pakaian? Sungguh tipis kepercayaanmu
kepada-Nya! 31 Jangan runsing tentang makanan, minuman atau pakaianmu. 32 Kerunsingan ini
dialami oleh orang yang tidak mengenal Allah. Bapamu yang di syurga tahu bahawa kamu
memerlukan semua itu. 33 Utamakanlah kerajaan Allah dan laksanakan kebenaran-Nya; Allah akan
memberikan semua itu kepadamu. 34 Oleh itu, jangan runsing tentang hari esok, kerana hari esok
akan runsing tentang hal-halnya sendiri. Setiap hari sudah cukup dengan kesusahan sehari.

7 *Menghakimi orang lain*

1 ‘Jangan hakimi orang lain, supaya kamu tidak dihakimi. 2 Kerana sebagaimana kamu menghakimi
orang, demikian jugalah kamu akan dihakimi. Ukuran yang kamu gunakan untuk menghakimi orang
lain akan digunakan Allah untuk menghakimi kamu.

3 ‘Mengapakah kamu perhatikan selumbar di mata saudaramu, sedangkan kayu balak di matamu
sendiri tidak kamu sedari? 4 Bagaimanakah kamu dapat berkata kepada saudaramu, ‘Biarlah aku
keluarkan selumbar dari mata saudara,’ sedangkan kayu balak terpampang di matamu sendiri? 5 Hai
munafik! Keluarkanlah dahulu kayu balak dari matamu, barulah penglihatanmu terang untuk
mengeluarkan selumbar dari mata saudaramu.

6 ‘Jangan berikan sesuatu yang suci kepada anjing, atau mutiara kepada babi, nanti dipijak-
pijaknya lalu berpaling menyerangmu.

Nasihat supaya berdoa

7 ‘Mintalah, dan kamu akan menerimanya; carilah, dan kamu akan mendapatnya; ketuklah pintu,
dan pintu akan dibuka untukmu. 8 Setiap orang yang meminta akan menerima, setiap orang yang
mencari akan mendapat; dan setiap orang yang mengetuk, pintu akan dibuka untuknya.

9 ‘Bapa manakah akan memberikan batu kepada anaknya yang meminta roti? 10 Bapa manakah
akan memberikan ular kepada anaknya yang meminta ikan? 11 Kamu yang berdosa pun tahu
memberikan sesuatu yang baik kepada anakmu. Lebih-lebih lagi Bapamu yang di syurga: Dia akan
memberikan sesuatu yang baik kepada mereka yang meminta daripada-Nya. 12 Apa yang kamu mahu
orang lakukan kepadamu, lakukan kepada mereka, kerana inilah ajaran Taurat dan nabi-nabi.

Memilih jalan yang betul

13 ‘Masuklah melalui pintu yang sempit, kerana pintu gerbang dan jalan ke neraka itu lebar dan
luas, maka ramai orang yang memilihnya. 14 Sebaliknya pintu dan jalan ke hidup kekal itu sempit dan
sukar. Hanya segelintir orang yang menjumpainya.

Pokok dan buahnya

15 ‘Berjaga-jagalah tentang nabi palsu yang datang kepadamu dengan pakaian domba tetapi
sebenarnya serigala ganas. 16 Kamu akan mengenal mereka daripada hasil perbuatan mereka.
Pernahkah orang memetik buah anggur dari rimbunan berduri? Atau pernahkah buah ara dipetik dari
semak berduri? 17 Pokok yang subur menghasilkan buah yang baik manakala pokok yang tidak subur
menghasilkan buah yang tidak baik. 18 Pokok yang subur tidak mungkin menghasilkan buah yang
tidak baik dan pokok yang tidak subur tidak mungkin menghasilkan buah yang baik. 19 Setiap pokok
yang tidak menghasilkan buah yang baik akan ditebang dan dibakar. 20 Demikianlah kamu akan
mengenal orang daripada hasil perbuatan mereka.

21 ‘Tidak semua orang yang memanggil-Ku, “Junjungan kami, Junjungan kami,” akan memasuki
kerajaan syurga, tetapi hanya mereka yang melaksanakan kehendak Bapa-Ku yang di syurga. 22 Pada
hari itu ramai orang akan berkata kepada-Ku, “Junjungan kami, Junjungan kami, bukankah kami telah
menyampaikan perkhabaran Allah dengan nama-Mu? Bukankah kami telah menghalau roh-roh iblis
serta banyak melakukan mukjizat dengan nama-Mu?” 23 Tetapi aku akan menjawab, “Aku tidak
mengenalmu. Pergilah dari sini, hai kamu yang mungkar.”

Dua jenis asas

24 ‘Sesiapa yang mendengar dan menurut kata-kata-Ku ini ibarat orang bijak yang membina
rumah di atas batu. 25 Hujan mencurah, banjir melimpah dan angin kencang melanda, tetapi rumah itu
tidak runtuh kerana berasaskan batu. 26 Sesiapa yang mendengar tetapi tidak menurut kata-kata-Ku
ini ibarat orang bodoh yang membina rumah di atas pasir. 27 Hujan mencurah, banjir melimpah dan
angin kencang melanda, lalu runtuhlah rumah itu, punah ranap!’

28 Setelah selesai Isa menyampaikan kata-kata itu, orang ramai itu kagum akan cara Dia
mengajar. 29 Isa mengajar secara berwibawa, tidak seperti guru Taurat mereka.

8 *Seorang yang mengidap penyakit kusta*

1 Isa turun dari bukit itu dan ramai orang mengikut-Nya. 2 Seorang yang mengidap penyakit kusta
datang bersujud di hadapan-Nya sambil berkata, ‘Tuan, sekiranya Tuan mahu, Tuan dapat
menyembuhkanku.’

3 Isa menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh orang itu sambil berkata, ‘Aku rela. Sembuhlah!’
Pada saat itu juga penyakitnya hilang. 4 Lalu Isa berkata kepadanya, ‘Dengarlah, jangan beritahu
sesiapa tentang perkara ini. Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada seorang imam. Selepas itu
persembahkan korban sebagaimana diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka.’

Iman seorang ketua tentera

5 Ketika Isa sampai di Kapernaum, seorang ketua tentera Rom menjumpai-Nya dan merayu
kepada-Nya: 6 ‘Junjungan, hambaku sakit di rumah, terlantar di katil tidak dapat bergerak, dan amat
derita.’

7 Isa menjawab, ‘Baiklah, Aku akan pergi menyembuhkannya.’

8 Tetapi ketua tentera itu berkata, ‘Usahlah Junjungan datang ke rumahku. Aku tidak layak
menyambut Junjungan sebagai tamu. Perintahkanlah sahaja, tentu dia akan sembuh. 9 Aku juga di
bawah perintah pegawai atasan tentera, dan ada askar di bawah tanganku. Apabila aku menyuruh
seorang askar, “Pergi!” dia pun pergi. Apabila aku menyuruh askar lain, “Mari!” dia pun datang.
Apabila aku menyuruh hambaku, “Buat ini!” dia melakukannya.’

10 Isa terkagum mendengarnya lalu berkata kepada orang ramai yang mengikut-Nya, ‘Belum
pernah Kutemui orang yang demikian teguh imannya, walau di Israel pun. 11 Ketahuilah! Ramai orang
akan datang dari timur dan barat lalu duduk menikmati jamuan bersama Ibrahim, Ishak dan Yakub
dalam kerajaan syurga. 12 Sebaliknya anak-anak kerajaan itu akan dihumbankan ke dalam kegelapan
di luar; di sana akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.’

13 Lalu Isa berkata kepada ketua tentera itu, ‘Pulanglah! Apa yang kamu percayai itu akan terjadi.’
Pada ketika itu juga sembuhlah hamba ketua tentera itu.

Isa menyembuhkan ramai orang

14 Isa pergi ke rumah Petrus. Dia melihat ibu mertua Petrus terbaring di katil kerana
demam. 15 Apabila Isa menyentuh tangannya, serta-merta demamnya hilang. Dia pun bangun, dan
melayan Isa.

16 Setelah hari petang, ramai orang yang dirasuk roh iblis dibawakan kepada Isa. Isa menghalau
roh-roh iblis itu dengan sepatah kata sahaja. Dia juga menyembuhkan semua yang sakit. 17 Isa
melakukan semua itu supaya terjadilah apa yang dikatakan oleh Nabi Yasyaya:

‘Dialah yang membawa kelemahan kita
dan menanggung penyakit kita.’

Mengikut Isa

18 Apabila Isa melihat orang ramai di sekeliling-Nya, dia pun menyuruh para pengikut-Nya pergi
ke seberang laut itu. 19 Seorang guru Taurat mendapatkan Isa lalu berkata, ‘Tuan Guru, aku sanggup
mengikut-Mu ke mana-mana saja.’

20 Isa menjawab, ‘Musang ada lubangnya dan burung ada sarangnya, tetapi Putera Insan tidak
ada tempat untuk berehat.’

21 Seorang pengikut lain berkata, ‘Junjungan, izinkanlah aku pulang dahulu untuk menguburkan
jenazah bapaku.’

22 Tetapi Isa menjawab, ‘Ikutlah Aku. Biarlah orang mati menguburkan orang mati mereka.’

Isa menenangkan badai

23 Isa menaiki sebuah perahu, dan diikut oleh pengikut-pengikut-Nya. 24 Tiba-tiba badai melanda
dan ombak mengganas sehingga perahu dipenuhi air. Ketika itu Isa sedang tidur. 25 Para pengikut Isa
datang membangunkan-Nya. Mereka berkata, ‘Ya Junjungan, selamatkan nyawa kami semua
daripada maut!’

26 Isa menjawab, ‘Mengapakah kamu takut? Begitu tipis kepercayaanmu kepada-Ku!’ Dia pun
bangun memarahi angin dan ombak itu. Serta-merta semuanya tenang sekali.

27 Para pengikut Isa tercengang lalu berkata, ‘Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya.
Siapakah sebenarnya Dia ini?’

Isa menghalau roh iblis

28 Setelah tiba di seberang, di daerah Gadara, Isa didekati oleh dua orang yang dirasuk roh iblis.
Mereka keluar dari gua kubur. Kedua-duanya begitu ganas sehingga orang tidak berani lalu di
situ. 29 Apabila mereka melihat Isa, mereka berseru, ‘Apakah yang akan Kaulakukan kepada kami, hai
Putera Allah? Adakah Engkau hendak menghukum kami sebelum sampai masanya?’

30 Ada sekawan babi sedang makan agak jauh dari situ. 31 Roh-roh iblis itu merayu kepada Isa,
‘Jika Engkau hendak menyuruh kami keluar, suruhlah kami masuk ke dalam tubuh babi sekawan itu.’

32 Dan Isa memerintah roh-roh itu, ‘Pergilah’. Maka roh-roh itu pun keluar lalu memasuki babi-babi
itu. Seluruh kawanan babi itu pun lari ke pinggir jurang laut lalu terjun dan mati lemas. 33 Penjaga-
penjaga babi itu lari ke bandar lalu menceritakan hal itu serta apa yang telah terjadi kepada kedua-
dua orang yang dirasuk roh iblis itu. 34 Seluruh penduduk bandar itu pun datang berjumpa dengan Isa
dan memohon-Nya pergi dari situ.

9 *Orang lumpuh disembuhkan*

1 Isa menaiki sebuah perahu lalu ke seberang, dan sampai di bandar tempat Dia tinggal. 2 Beberapa
orang membawa kepada-Nya seorang lumpuh yang terbaring di atas tikar. Ketika Isa menyedari
betapa teguhnya iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, ‘Tegapkan hatimu, anak-Ku!
Dosamu telah diampunkan.’

3 Sebilangan guru Taurat di situ berfikir dalam hati, ‘Orang ini mengkufuri Allah!’

4 Isa tahu apa yang difikirkan oleh mereka itu lalu Dia berkata, ‘Mengapa kamu fikirkan perkara
sejahat itu? 5 Manakah yang lebih mudah dikatakan, “Dosamu telah diampunkan,” atau “Bangun dan
berjalan?” 6 Aku akan membuktikan kepadamu bahawa di bumi ini Putera Insan berkuasa
mengampunkan dosa.’ Kemudian Isa berkata kepada orang lumpuh itu, ‘Bangun, angkat tikarmu dan
pulanglah.’ 7 Orang lumpuh itu pun bangun lalu pulang ke rumahnya. 8 Melihat kejadian itu, orang di
situ ketakutan dan memuji Allah yang memberikan kuasa yang sedemikian besarnya kepada manusia.

Matius dipanggil mengikut Isa

9 Isa meninggalkan tempat itu. Dalam perjalanan Dia melihat seorang pemungut cukai bernama
Matius sedang duduk di tempat memungut cukai. Isa berkata, ‘Ikutlah Aku’. Lalu Matius berdiri dan
mengikut-Nya.

10 Ketika Isa sedang makan di rumah Matius, ramai pemungut cukai dan orang berdosa makan
bersama Isa dan para pengikut-Nya. 11 Beberapa orang Farisi yang melihat perkara itu bertanya
kepada para pengikut Isa, ‘Mengapa gurumu makan bersama pemungut cukai dan orang yang
berdosa?’

12 Isa terdengar pertanyaan mereka lalu menjawab, ‘Orang sihat tidak memerlukan tabib; hanya
orang sakit yang memerlukannya. 13 Kajilah erti ayat ini: “Aku menghendaki belas kasihan, bukan
binatang korban.” Itulah maka Aku datang bukan untuk memanggil orang benar tetapi orang berdosa.’

Perkara tentang puasa

14 Selepas itu para pengikut Yahya Pengimad mendapatkan Isa lalu bertanya, ‘Mengapakah kami
dan orang Farisi sering berpuasa tetapi para pengikut-Mu tidak berpuasa?’

15 Isa menjawab, ‘Pada hematmu, patutkah tetamu di jamuan perkahwinan bersedih semasa
pengantin lelaki masih bersama mereka? Tentu tidak. Namun akan tiba masanya pengantin lelaki itu
diambil daripada mereka. Ketika itulah mereka akan berpuasa.

16 ‘Tiada siapa akan menampal pakaian lama dengan perca kain baru, kerana tampalan itu akan
mengecut dan menyebabkan koyak yang lebih besar. 17 Begitu juga, tiada siapa akan menuangkan air
anggur yang baru ke dalam bekas kulit yang lama, kerana bekas itu akan pecah dan air anggur itu
akan terbuang. Air anggur yang baru patut dituangkan ke dalam bekas kulit yang baru juga supaya
kedua-duanya selamat.’

Isa melakukan mukjizat

18 Sedang Isa berkata-kata dengan para pengikut Yahya Pengimad, seorang ketua saumaah
bersujud di hadapan-Nya lalu berkata, ‘Anak perempuanku baru meninggal dunia. Datanglah, letakkan
tangan-Mu di atasnya supaya dia hidup kembali.’ 19 Isa pun bangun lalu pergi bersamanya, diiringi
oleh para pengikut-Nya.

20 Ketika itu, ada seorang wanita yang telah mengidap penyakit pendarahan selama dua belas
tahun. Dia mendekati Isa dari belakang lalu menyentuh hujung jubah-Nya. 21 Fikir wanita itu dalam
hatinya, ‘Apabila kusentuh jubah-Nya, pasti aku akan sembuh.’

22 Isa menoleh dan melihatnya lalu berkata kepadanya, ‘Tetapkanlah hatimu, anak-Ku! Kerana
imanmu kamu sembuh.’ Serta-merta wanita itu sembuh.

23 Apabila Isa sampai di rumah ketua itu, Dia nampak para pemain seruling dan semua orang di situ kelam-kabut. 24 Dia berkata, ‘Keluarlah kamu semua! Anak ini bukan mati, cuma tidur.’ Mereka mula mentertawakan-Nya. 25 Tetapi setelah mereka keluar, Isa masuk ke bilik anak perempuan itu dan memegang tangannya lalu anak itu bangun. 26 Khabar ini tersebar ke seluruh daerah itu.

Isa menyembuhkan orang buta

27 Ketika Isa meninggalkan tempat itu, dua orang buta mengikut-Nya sambil berseru, ‘Hai Anak Daud, kasihanilah kami!’

28 Ketika Isa masuk ke rumah, kedua-dua orang buta itu mendekati-Nya. Isa bertanya, ‘Percayakah kamu bahawa Aku dapat menyembuhkanmu?’

‘Percaya, Junjungan!’ jawab mereka.

29 Isa pun menyentuh mata mereka sambil berkata, ‘Kerana imanmu, terjadilah seperti apa yang kamu inginkan!’ 30 Pada ketika itu juga mereka menjadi celik. Isa berpesan kepada mereka bersungguh-sungguh, ‘Jangan ceritakan hal ini kepada siapapun.’ 31 Tetapi mereka pergi menyebarkan khabar tentang Isa ke seluruh daerah itu.

Isa menyembuhkan seorang bisu

32 Selepas itu, seorang yang bisu kerana dirasuk roh iblis dibawa kepada Isa. 33 Isa menghalau roh iblis itu dan serta-merta orang itu mula berkata-kata. Semua yang melihatnya tercengang lalu berkata, ‘Belum pernah kami lihat hal begini di Israel!’

34 Tetapi orang Farisi berkata, ‘Ketua roh iblis telah memberi Isa kuasa untuk menghalau roh-roh iblis.’

Belas kasihan Isa terhadap orang

35 Demikianlah Isa berjalan, dari bandar ke bandar, dari pekan ke pekan. Dia mengajar di saumaah dan menyampaikan berita baik tentang kerajaan Allah. Dia menyembuhkan orang daripada pelbagai penyakit. 36 Apabila melihat orang yang ramai itu, Isa berasa kasihan kerana mereka bimbang dan tidak berdaya, ibarat sekawan domba tanpa gembala. 37 Kata Isa kepada para pengikut-Nya, ‘Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. 38 Berdoalah kepada Tuan punya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai.’

10 *Isa mengutus dua belas rasul*

1 Isa memanggil dua belas orang pengikut-Nya lalu memberi mereka kuasa untuk menghalau roh-roh durjana dan menyembuhkan pelbagai penyakit dan kesakitan.

2 Dua belas orang itu ialah: Simon yang dipanggil Petrus, dan saudaranya Andreas; Yakobus dan saudaranya Yahya, iaitu anak-anak Zebedeus; 3 Filipus dan Bartolomeus; Tomas, dan Matius yang dahulunya pemungut cukai; Yakobus anak Alfeus, dan Tadius; 4 Simon orang Patriot, dan Yudas Iskariot yang mengkhianati Isa.

5 Isa mengutus dua belas orang rasul itu dengan petunjuk demikian: ‘Janganlah pergi ke daerah bangsa-bangsa asing atau ke kota orang Samaria. 6 Pergilah kepada domba-domba sesat antara bani Israel. 7 Pergilah dan khabarkanlah bahawa kerajaan syurga sudah dekat. 8 Sembuhkanlah orang yang sakit, hidupkan orang yang mati; ubati orang yang berpenyakit kusta dan halaukan roh-roh iblis. Sebagaimana pemberian dilimpahkan kepadamu, limpahkanlah pemberian. 9 Janganlah bawa wang emas, perak mahupun tembaga. 10 Jangan bawa bekas untuk menerima sedekah, atau ganti pakaian, atau kasut, atau tongkat dalam perjalananmu. Seorang pekerja layak menerima apa yang diperlukannya.

11 ‘Apabila kamu sampai di suatu bandar atau pekan, carilah seorang yang rela menyambutmu. Menetaplah di rumahnya hingga kamu beredar dari tempat itu. 12 Ketika kamu masuk ke rumah itu, berilah salam. 13 Jika penghuni di rumah itu layak, biarlah salam sejahteramu merestui mereka. Jika tidak, biarlah salammu itu kembali kepadamu. 14 Sekiranya sesuatu rumah atau bandar enggan menyambutmu atau mendengar kata-katamu, tinggalkanlah tempat itu dan kebaskanlah debunya daripada tapak kakimu. 15 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu: pada hari penghakiman itu, hukuman atas Sodom dan Gomora lebih ringan daripada atas bandar itu. 16 Dengarlah: Aku mengutusmu seperti domba ke tengah-tengah sekawan serigala. Hendaklah kamu bijak seperti ular

dan tulus seperti merpati.

17 ‘Berhati-hatilah, kerana kamu akan ditangkap lalu diseret ke mahkamah, dan akan disebat di
saumaah mereka. 18 Kerana-Ku, kamu akan dibawa ke hadapan penguasa dan raja sebagai saksi
kepada mereka dan kepada bangsa yang tidak mengenal Allah. 19 Ketika dihakimi, janganlah runsing
tentang apa yang harus kamu katakan atau bagaimana kamu harus mengatakannya. Apabila sampai
saatnya, kamu akan diberitahu apa yang harus kamu katakan. 20 Bukanlah kata-katamu sendiri yang
akan kamu ucapkan, tetapi kata-kata Roh Bapamu yang dituturkan melaluimu.

21 ‘Saudara akan berlaku khianat terhadap saudara, bapa terhadap anak, dan anak terhadap
bapa, lalu menyerahkannya untuk dibunuh. 22 Setiap orang akan membencimu kerana nama-Ku.
Tetapi sesiapa yang bertahan hingga akhir akan diselamatkan. 23 Apabila kamu dianiaya di sesuatu
bandar, larilah ke bandar lain. Ketahuilah, Putera Insan akan datang semula sebelum kamu sempat
menyampaikan ajaran-Ku di semua bandar di tanah Israel.

24 ‘Tiada murid yang melebihi gurunya; tiada hamba yang melebihi tuannya. 25 Murid haruslah
berpuas hati menjadi seperti gurunya; hamba haruslah berpuas hati menjadi seperti tuannya. Jika
ketua keluarga dipanggil Beelzebul, betapa lagi ahli-ahli keluarganya!

26 ‘Jangan takut akan manusia. Segala yang tersembunyi akan dinyatakan; setiap rahsia akan
didedahkan. 27 Apa yang Kukatakan kepadamu secara sulit, sampaikanlah kepada orang ramai. Apa
yang dibisikkan di telingamu, umumkanlah merata-rata. 28 Jangan takut akan mereka yang hanya
dapat membunuh jasad tetapi tidak berkuasa memusnahkan jiwa. Takutilah Allah yang berkuasa
memusnahkan jasad dan jiwa di dalam neraka. 29 Bukankah dua ekor burung pipit dibeli dengan
harga satu sen? Namun tidak seekor pun jatuh ke tanah tanpa izin Bapamu. 30 Setiap helai rambut di
kepalamu pun dihitung. 31 Oleh itu, usahlah takut. Di sisi Allah, kamu lebih berharga daripada burung
pipit!

32 ‘Sesiapa mengakui-Ku di hadapan orang ramai, akan Kuakui di hadirat Bapa-Ku di
syurga. 33 Sebaliknya, sesiapa yang menyangkal-Ku di hadapan orang ramai, akan Kusangkal di
hadirat Bapa-Ku di syurga.

34 ‘Jangan sangka Aku datang untuk membawa damai ke dunia. Aku datang bukan untuk
membawa damai ke dunia melainkan pedang. 35 Dengan kedatangan-Ku,

“anak lelaki melawan bapanya,
anak perempuan melawan ibunya,
dan menantu perempuan melawan
ibu mertuanya.
36 Ahli keluarganya sendiri akan
menjadi musuhnya.”

37 ‘Sesiapa yang lebih mengasihi bapa atau ibunya daripada-Ku, tidak layak menjadi pengikut-Ku.
Begitu juga, sesiapa yang lebih mengasihi anaknya daripada-Ku, tidak layak menjadi pengikut-
Ku. 38 Sesiapa yang enggan memikul salibnya dan mengikut-Ku, tidak layak menjadi pengikut-
Ku. 39 Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangannya, dan sesiapa yang kehilangan
hidupnya kerana menjadi pengikut-Ku akan mendapat hidup kekal.

40 ‘Sesiapa yang menyambutmu, menyambut-Ku juga, dan sesiapa yang menyambut-Ku
menyambut Dia yang mengutus-Ku. 41 Sesiapa yang menyambut seorang pesuruh Allah kerana dia
pesuruh Allah, akan menerima ganjaran seorang pesuruh Allah. Sesiapa yang menyambut seorang
yang benar kerana dia seorang yang benar, akan menerima ganjaran seorang yang benar. 42 Ingatlah:
Sesiapa yang memberi minum walau hanya air sejuk kepada seorang pengikut-Ku yang paling rendah
pun kerana dia pengikut-Ku, akan menerima ganjaran.’

11 *Isa dan Yahya Pengimad*

1 Setelah Isa memberi petunjuk kepada dua belas orang pengikut-Nya itu, Dia meninggalkan tempat
itu lalu pergi mengajar dan menyampaikan perkhabaran daripada Allah di bandar-bandar
berhampiran.

2 Yahya Pengimad yang meringkuk di penjara mendengar tentang apa yang dilakukan oleh al-
Masih. Yahya pun menyuruh beberapa orang pengikutnya untuk pergi berjumpa Isa. 3 Mereka

bertanya, ‘Adakah Tuan ini orang yang dijanjikan Allah akan datang, atau perlukah kami menunggu orang lain?’

4 Isa menjawab, ‘Pulanglah, beritahu Yahya segala yang kamu dengar dan lihat: 5 Orang buta melihat, orang lumpuh berjalan, orang berpenyakit kusta sembuh, orang tuli mendengar, orang mati dihidupkan semula, dan berita baik daripada Allah disampaikan kepada orang miskin. 6 Berbahagialah orang yang tidak meragui-Ku!’

7 Ketika pengikut-pengikut Yahya beredar dari situ, Isa berkata kepada orang ramai tentang Yahya: ‘Apabila kamu mendapatkan Yahya di gurun, apakah yang ingin kamu lihat? Sehelai rumput mensiang yang ditiup angin? 8 Kamu ke sana hendak melihat apa? Seorang yang berpakaian mewah? Orang yang berpakaian demikian tinggal di istana. 9 Katakanlah, kamu ke situ untuk melihat apa? Seorang nabi? Benar, malah lebih daripada nabi. 10 Tentang orang itulah telah tersurat dalam ayat Kitab Suci:

“Aku akan menghantar utusan-Ku
untuk mendahului-Mu,
dialah yang akan menyediakan jalan
bagi-Mu.”

11 ‘Sesungguhnya Aku berkata kepadamu bahawa di antara mereka yang dilahirkan oleh perempuan, belum pernah muncul seorang pun yang lebih besar daripada Yahya. Ketahuilah: Yahya Pengimad lebih utama daripada semua orang yang pernah hidup di dunia. Namun begitu, orang yang paling rendah antara yang menikmati kerajaan syurga lebih utama daripadanya. 12 Sejak kedatangan Yahya Pengimad hinggalah ke hari ini, kerajaan syurga telah diserang oleh orang yang ingin menguasainya melalui kekerasan dan keganasan, dan orang yang ganas berusaha menguasainya dengan kekerasan. 13 Kerana semua nabi termasuk Musa dengan Taurat bernubuat hingga datangnya Yahya. 14 Sekiranya kamu mahu percaya akan perkhabaran mereka, Yahya itulah Ilyas yang telah dinubuatkan kedatangannya. 15 Jika kamu ada telinga, dengarlah!

16 ‘Dengan apakah dapat Kubandingkan manusia zaman ini? Mereka ibarat anak-anak yang duduk di pasar, satu kumpulan berseru kepada yang lain:

17 “Kami memainkan seruling lagu perkahwinan untukmu,
tetapi kamu enggan menari;
kami menyanyi lagu ratap,
tetapi kamu enggan menangis.”

18 ‘Ketika Yahya datang, dia berpuasa dan tidak minum air anggur, lalu semua orang berkata, “Dia dirasuk roh iblis!” 19 Ketika Putera Insan datang, Dia makan dan minum, lalu semua orang berkata, “Lihatlah dia ini: gelojoh, pemabuk, kawan kepada pemungut cukai dan orang berdosa!” Namun demikian, kebijaksanaan terbukti benar dengan perbuatannya.’

Penduduk yang enggan bertaubat

20 Isa mengecam bandar-bandar tempat Dia paling banyak melakukan mukjizat, kerana penduduknya enggan bertaubat. 21 ‘Malangnya kamu, hai Korazin! Malangnya kamu, hai Baitsaida! Sekiranya mukjizat-mukjizat yang Kulakukan di kalanganmu itu Kulakukan di Tirus dan Sidon, tentu sudah lama orang di situ bertaubat, dengan memakai kain guni dan membubuh abu di kepala. 22 Ketahuilah: Pada hari penghakiman itu kelak, Allah akan lebih mengasihani penduduk Tirus dan Sidon daripada kamu! 23 Kamu juga, hai Kapernaum! Ingin kamu tinggikan diri sampai ke syurga? Kamu akan dihumbankan ke neraka! Kalaulah mukjizat-mukjizat yang Kulakukan di kalanganmu itu Kulakukan di Sodom, tentu Sodom masih ada hingga kini! 24 Aku berkata kepadamu: Ketahuilah, pada hari itu kelak, hukuman ke atas Sodom lebih ringan daripada hukuman yang akan kamu terima!’

Jemputan Isa

25 Selepas itu Isa mengucap syukur, ‘Ya Bapa, Tuhan langit dan bumi! Aku bersyukur kepada-Mu, kerana apa yang Kaurahsiakan daripada cerdik pandai, Kautunjukkan kepada kanak-kanak kecil, orang yang tidak terpelajar. 26 Ya Bapa, memang inilah kehendak-Mu.’

27 ‘Bapa-Ku telah menyerahkan segala-galanya kepada-Ku. Tiada yang mengenal Putera kecuali

Bapa, dan tiada yang mengenal Bapa kecuali Putera dan orang yang diberitahu oleh Putera tentang Bapa.

28 ‘Marilah ke sisi-Ku, wahai kamu yang lelah memikul beban berat; Aku akan membebaskanmu
daripada bebanmu. 29 Ikutlah perintah-Ku dan terima ajaran-Ku, kerana Aku ini lemah lembut dan
rendah hati, maka jiwamu akan sejahtera. 30 Perintah yang Kuberi kepadamu mudah diturut, dan
beban yang Kuberi mudah dipikul.’

12 *Junjungan atas hari Sabat*

1 Pada suatu hari Sabat, Isa berjalan melalui ladang gandum. Para pengikut-Nya lapar lalu memetik
dan memakan gandum. 2 Apabila orang Farisi melihat perkara ini, mereka berkata kepada Isa,
‘Lihatlah, pengikut-Mu melakukan sesuatu yang dilarang pada hari Sabat!’

3 Isa menjawab, ‘Tidakkah kamu membaca apa yang dilakukan oleh Daud apabila dia dan anak
buahnya lapar? 4 Daud masuk ke dalam khemah Allah, lalu dia dan anak buahnya makan roti
persembahan, meskipun perbuatan itu dilarang iaitu hanya imam dibenarkan makan roti itu. 5 Tidakkah
kamu baca dalam Taurat Musa betapa setiap hari Sabat imam di rumah ibadat melanggar hukum hari
Sabat? Namun, mereka tidak disalahkan. 6 Aku berkata kepadamu: Di sini ada yang lebih besar
daripada rumah ibadat. 7 Ada tersurat: “Aku menghendaki belas kasihan, bukan korban binatang.” Jika
kamu benar-benar memahami ayat itu, tentulah tidak kamu salahkan orang yang tidak
bersalah; 8 kerana Putera Insan adalah Junjungan atas hari Sabat.

9 Isa beredar dari situ lalu pergi ke sebuah saumaah. 10 Di situ ada seorang yang lumpuh sebelah
tangannya. Beberapa orang di sana cuba mencari salah Isa supaya dapat mendakwa-Nya. Mereka
bertanya kepada-Nya, ‘Tidakkah menyembuhkan orang pada hari Sabat melanggar hukum?’

11 Isa menjawab, ‘Apakah yang akan kamu lakukan jika seorang daripadamu mempunyai seekor
domba, dan pada hari Sabat domba itu terjatuh ke dalam lubang yang dalam? Tentulah kamu
berusaha menyelamatkannya. 12 Betapa lebih berharganya manusia daripada domba? Oleh itu,
berbuat baik pada hari Sabat tidak melanggar hukum.’

13 Setelah itu, Isa berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu, ‘Hulurkanlah
tanganmu.’ Orang itu pun menghulurkan tangannya yang lumpuh lalu pulih sama seperti tangan yang
sebelahnya. 14 Ketika itu orang Farisi beredar dari situ lalu berpakat hendak membunuh Isa.

Isa Hamba Allah

15 Apabila Isa mengetahui pakatan itu, Dia pun meninggalkan tempat itu. Ramai orang mengikut-
Nya dan ramai yang disembuhkan-Nya daripada pelbagai penyakit. 16 Dia berpesan kepada mereka
supaya jangan memberitahu sesiapa tentang-Nya. 17 Dengan demikian terjadilah firman Allah melalui
Nabi Yasyaya:

18 ‘Inilah hamba-Ku yang telah Kupilih,
Yang Kukasihi dan Kuredai
Roh-Ku akan Kuanugerahkan kepada-Nya,
dan keadilan-Ku akan
diisytiharkan-Nya
kepada semua bangsa.
19 Dia tidak akan bertengkar atau membentak,
ataupun bersuara lantang di jalan raya.
20 Buluh yang halus terkulai tidak akan dipatahkan-Nya,
Pelita yang malap tidak akan
dipadamkan-Nya,
Dia akan berjuang sehingga
tercapai keadilan,
21 Bangsa-bangsa asing akan bersandar

harap kepada-Nya.'

Isa dan Beelzebul

22 Setelah itu seorang yang buta dan bisu kerana dirasuk roh iblis dibawa kepada Isa lalu
disembuhkan-Nya. 23 Orang ramai di situ ketakjuban lalu bertanya sama sendiri, 'Mungkinkah dia ini
Anak Daud?'

24 Apabila orang Farisi mendengar tentang itu, mereka menjawab, 'Dia dapat menghalau roh-roh
iblis kerana diberi kuasa oleh Beelzebul, ketua roh iblis.'

25 Isa mengetahui isi hati orang Farisi itu lalu berkata kepada mereka, 'Negeri yang berpecah
kepada beberapa bahagian yang bermusuhan tidak akan wujud lama. Bandar atau keluarga yang
berpecah dan berlawan sesama sendiri akan hancur lebur. 26 Begitu juga, andainya Iblis mengusir
Iblis, dia akan berpecah belah, dan bagaimanakah kerajaannya dapat bertahan? 27 Kamu berkata Aku
menghalau roh-roh iblis kerana diberi kuasa oleh Beelzebul. Kalau begitu, siapa yang memberikan
kuasa menghalau roh-roh iblis kepada pengikut-pengikutmu? Oleh itu merekalah yang akan menjadi
hakimmu. 28 Tetapi jika Aku menghalau roh-roh iblis dengan Roh Allah, maka sesungguhnya kerajaan
Allah sudah mula bertapak di kalanganmu.

29 'Atau bagaimanakah orang dapat memasuki rumah seorang yang gagah dan merampas harta
bendanya sekiranya orang yang gagah itu tidak diikat terlebih dahulu? Selepas itu, barulah dia dapat
merompak rumahnya.

30 'Jika seseorang tidak berpihak kepada-Ku, ini bererti dia menentang-Ku. Jika seseorang tidak
mengumpulkan bersama-Ku, ini bererti dia mencerai-beraikan. 31 Ketahuilah: Orang yang berbuat
dosa atau mengucapkan kata-kata kufur akan diampuni, tetapi mereka yang mengkufuri Roh Suci
tidak akan diampuni. 32 Orang yang menentang Putera Insan dengan kata-katanya dapat diampuni,
tetapi mereka yang menghina Roh Suci tidak dapat diampuni, baik di dunia mahupun di akhirat.

33 'Jika kamu ingin mendapat buah yang baik, kamu harus mempunyai pokok yang baik. Jika
pokok tidak baik, buahnya pun tidak baik. Baik tidaknya pokok diketahui daripada buahnya. 34 Hai
kamu yang seperti ular berbisa, bagaimana dapat kamu tuturkan perkara yang baik sedangkan dirimu
jahat? Orang mengucapkan apa yang terkandung dalam hatinya. 35 Seorang yang baik menuturkan
hal-hal baik kerana hatinya penuh kebaikan. Seorang yang jahat menuturkan hal-hal jahat kerana
hatinya penuh kejahatan. 36 Aku berkata kepadamu: Pada hari penghakiman, setiap orang harus
mempertanggungjawabkan setiap katanya yang tidak sewajarnya dituturkan. 37 Kata-katamu sendiri
akan dijadikan ukuran sama ada kamu bersalah atau tidak.'

Alamat Nabi Yunus

38 Selepas itu beberapa orang guru Taurat dan orang Farisi berkata kepada Isa, 'Tuan Guru, kami
ingin melihat suatu alamat mukjizat daripada-Mu.'

39 Tetapi Isa menjawab, 'Manusia zaman durjana dan tidak setia ini ingin melihat alamat mukjizat.
Tetapi satu alamat pun tidak akan ditunjukkan kepadanya kecuali alamat Nabi Yunus. 40 Sebagaimana
Yunus tinggal tiga hari tiga malam di dalam perut ikan besar, begitu jugalah Putera Insan akan tinggal
tiga hari tiga malam di dalam perut bumi. 41 Pada hari akhir, penduduk Niniwe akan bangkit bersama
kamu, orang zaman ini. Mereka akan menuduhmu, kerana apabila mereka mendengar perkhabaran
yang disampaikan oleh Yunus, mereka telah bertaubat; sedangkan kamu tidak, pada hal di
hadapanmu sekarang ada yang lebih besar daripada Yunus. 42 Pada hari akhir, Ratu Syeba dari
Selatan akan bangkit bersama kamu, orang zaman ini. Ratu itu akan menuduhmu, kerana dia telah
datang dari hujung bumi untuk mendengar ajaran Raja Sulaiman yang bijaksana; sedangkan kamu
tidak mendengar ajaran daripada yang ada di hadapanmu sekarang dan yang lebih besar daripada
Raja Sulaiman.

43 'Apabila roh durjana keluar daripada tubuh seseorang, roh itu akan menjelajahi kawasan yang
tandus untuk mencari tempat tinggal. Sekiranya tempat tinggal tidak ditemuinya, 44 roh itu akan
berkata, "Aku akan pulang ke rumah yang telah kutinggalkan." Roh itu pun pulang dan mendapati
rumah itu kosong, bersih dan kemas. 45 Roh itu lalu pergi memanggil tujuh roh lain yang lebih durjana
daripadanya. Semuanya memasuki tubuh orang itu dan menetap di situ. Akhirnya keadaan orang itu
lebih teruk daripada dahulu. Inilah yang akan terjadi kepada manusia durjana zaman ini.'

Isa dan sanak saudara-Nya

46 Sedang Isa berbicara dengan orang ramai, ibu dan saudara-saudara-Nya datang berdiri di luar
kerana hendak bercakap dengan Isa. 47 Seorang daripada orang ramai itu memberitahu Isa, 'Ibu dan
saudara-saudara lelaki-Mu hendak bercakap dengan-Mu.'

48 Tetapi Isa menjawab, 'Siapakah ibu-Ku? Siapakah saudara-saudara lelaki-Ku?' 49 Dia menunjuk
kepada para pengikut-Nya lalu berkata, 'Inilah ibu-Ku dan saudara-saudara lelaki-Ku. 50 Sesiapa yang
melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga, merekalah saudara lelaki, saudara perempuan dan
ibu-Ku.'

13 *Ibarat seorang penabur*

1 Pada hari itu juga, Isa keluar dari rumah lalu duduk di tepi laut. 2 Sungguh ramai orang datang
berhimpun mendapatkan-Nya. Isa pun masuk ke dalam sebuah perahu dan duduk di situ manakala
orang ramai itu berdiri di pantai. 3 Isa berbicara kepada mereka melalui ibarat: 'Seorang penyemai
benih telah pergi menabur. 4 Sebahagian benih yang ditaburnya jatuh di tepi jalan lalu dimakan
burung. 5 Sesetengahnya jatuh di tempat-tempat berbatu yang tidak banyak tanahnya. Benih itu
segera bercambah kerana tanahnya tidak dalam. 6 Tetapi apabila matahari naik, tunas-tunas itu kering
kepanasan, lantas layu kerana tidak berakar. 7 Ada pula yang jatuh di semak duri, lalu tewas ditindas
tumbuhan duri. 8 Namun, ada yang jatuh di tanah yang subur dan memberikan hasil: seratus kali
ganda, enam puluh kali ganda, atau tiga puluh kali ganda. 9 Sesiapa yang ada telinga, dengarlah!'

10 Para pengikut Isa datang bertanya kepada-Nya, 'Mengapa Junjungan bercakap kepada mereka
melalui ibarat?'

11 Isa menjawab, 'Kamu telah diberi anugerah untuk mengetahui rahsia kerajaan syurga, tetapi
mereka tidak. 12 Sesiapa yang mempunyai sesuatu akan diberi lebih banyak lagi, sehingga melimpah-
limpah. Sebaliknya, sesiapa yang tidak mempunyai sesuatu, sedikit yang ada padanya pun akan
diambil. 13 Aku bercakap kepada mereka melalui ibarat:

' "Kerana mereka melihat tetapi tidak nampak,

mereka mendengar tetapi tidak mengerti."

14 'Keadaan mereka ini tepat seperti terdapat dalam nubuat Nabi Yasyaya:

' "Kamu terus mendengar tetapi tidak mengerti;

kamu akan terus melihat tetapi tidak mengetahui.

15 Kerana hati umat ini telah buntu,

mereka pekakkan telinga,

dan pejamkan mata.

Kalau tidak demikian, mereka tentu melihat

dengan mata,

mendengar dengan telinga,

dan mengerti dengan hati,

lalu berpaling kepada-Ku

dan Aku menyembuhkan mereka."

16 'Tetapi berbahagialah matamu kerana melihat, dan telingamu kerana mendengar. 17 Sesungguhnya,
Kukatakan kepadamu, ramai nabi dan orang yang benar berhasrat melihat apa yang kamu lihat dan
mendengar apa yang kamu dengar, tetapi hasrat mereka tidak tercapai.

18 'Oleh itu dengarlah maksud ibarat penyemai benih: 19 Apabila seseorang mendengar
perkhabaran kerajaan Allah dan tidak memahaminya, akan datanglah si durjana menyambar apa yang
telah ditabur dalam hatinya. Orang inilah yang menerima benih di tepi jalan. 20 Orang yang menerima
benih di tempat-tempat berbatu pula bermaksud orang yang mendengar perkhabaran itu dan terus
menerimanya dengan sukacita. 21 Tetapi perkhabaran itu tidak berakar dalam dirinya, maka hanya
tahan seketika. Sebaik-baik dia menghadapi kesusahan atau penganiayaan kerana perkhabaran itu,
imannya pun luntur. 22 Orang yang menerima benih di semak duri ialah orang yang mendengar
perkhabaran itu, tetapi kerunsingan tentang hal-hal duniawi dan godaan harta kekayaan

mengasyikkannya lalu dia tidak dapat menghasilkan apa-apa. [23] Tetapi orang yang menerima benih di tanah subur ialah orang yang mendengar perkhabaran itu dan memahaminya lalu menghasilkan seratus kali, enam puluh kali atau tiga puluh kali ganda.'

Ibarat tentang lalang di antara gandum

[24] Isa menceritakan satu ibarat lagi: 'Kerajaan syurga ibarat orang menabur benih yang baik di ladangnya. [25] Pada waktu malam apabila semua orang sedang tidur, musuhnya datang menanam lalang di antara gandum itu. [26] Setelah gandum itu membesar, lalang pun tumbuh juga.

[27] 'Hamba peladang berkata, "Tuan menabur benih yang baik, dari mana pula datangnya lalang itu?"

[28] 'Jawab peladang itu, "Ini perbuatan musuh."

'Hamba itu bertanya, "Adakah tuan hendak kami mencabut lalang itu?"

[29] ' "Tidak," jawab peladang itu, "takut tercabut gandum juga. [30] Biarkanlah lalang tumbuh di antara gandum hingga sampai musim menuai. Ketika itu aku akan menyuruh orang yang menuai nanti mencabut lalang dahulu, mengikat dan membakarnya. Selepas itu barulah gandum dituai dan disimpan di dalam jelapang." '

Ibarat tentang biji sesawi dan ragi

[31] Seterusnya Isa mengisahkan ibarat demikian: 'Kerajaan syurga seperti sebutir biji sesawi yang dibawa oleh seseorang untuk ditanam di ladangnya. [32] Biji sesawi itu paling kecil di antara semua benih, tetapi apabila tumbuh, menjadi tumbuhan yang lebih besar daripada semua tumbuhan lain sehingga menjadi sebatang pokok tempat burung membuat sarang.'

[33] Kemudian Isa menceritakan suatu ibarat lagi, 'Kerajaan syurga seperti ini: Seorang wanita mencampurkan sedikit ragi dengan tiga sukat tepung sehingga adunan itu naik.'

[34] Demikianlah Isa mengajar orang ramai melalui ibarat. Tidak ada satu ajaran yang disampaikan-Nya kepada mereka tanpa ibarat. [35] Maka terjadilah apa yang dikatakan oleh Nabi:

'Aku akan bertutur kepada mereka
melalui ibarat,
Aku akan menyampaikan
kepada mereka
hal-hal yang dirahsiakan sejak
dunia dicipta.'

Ibarat tentang lalang diterangkan

[36] Selepas itu Isa meninggalkan orang ramai lalu masuk ke rumah. Pengikut-pengikut-Nya datang kepada-Nya lalu berkata, 'Terangkanlah kepada kami maksud ibarat lalang di antara gandum itu.'

[37] Isa berkata, 'Orang yang menabur benih baik itu Putera Insan. [38] Ladang itu dunia; benih yang baik itu orang yang menjadi umat Allah manakala lalang ialah orang yang menyebelahi si durjana. [39] Musuh yang menanam lalang itu Iblis. Masa menuai ialah hari akhir dan para penuai itu malaikat.

[40] 'Sebagaimana lalang dikumpulkan dan dibakar, demikianlah halnya akan terjadi pada hari akhir. [41] Putera Insan akan memerintahkan malaikat-Nya mengumpulkan semua di kalangan umat-Nya yang melakukan kejahatan dan yang menyebabkan orang berdosa. [42] Mereka akan dihumbankan ke dalam relau yang berapi-api, tempat ratapan dan kertakan gigi. [43] Orang yang benar akan bersinar laksana matahari dalam kerajaan Allah, Bapa mereka. Jika kamu mempunyai telinga, dengarlah!'

Ibarat tentang harta tersembunyi dan mutiara

[44] 'Kerajaan syurga ibarat harta yang tersembunyi di dalam sebidang tanah. Seseorang telah menjumpainya lalu menyembunyikannya semula. Setelah itu dengan penuh sukacita dia menjual segala yang dimilikinya lalu membeli tanah itu.

[45] 'Kerajaan syurga juga umpama seorang saudagar yang mencari mutiara yang paling tinggi

nilainya. 46 Apabila dia menjumpai mutiara yang paling bernilai, dia pun menjual semua yang
dimilikinya lalu membeli mutiara itu.

Ibarat tentang pukat

47 'Kerajaan syurga juga seperti pukat yang dilabuhkan ke dalam laut lalu mendapat aneka jenis
ikan. 48 Setelah sarat dan ditarik ke darat, para nelayan memeriksanya, lalu menyimpan yang baik dan
membuang yang tidak baik. 49 Demikianlah yang akan terjadi pada akhir zaman. Malaikat akan datang
mengasingkan orang durjana daripada orang yang benar. 50 Orang durjana itu akan dihumbankan ke
dalam relau yang berapi-api, tempat ratapan dan kertakan gigi.

51 'Fahamkah kamu hal-hal ini?' Isa bertanya kepada para pengikut-Nya.

'Kami faham,' jawab mereka.

52 Isa berkata, 'Oleh itu setiap guru Taurat yang telah menerima ajaran tentang kerajaan syurga
adalah seperti ketua rumah yang mengeluarkan barang baru dan barang lama simpanannya.'

Isa ditolak di Nasaret

53 Setelah itu, Isa pun beredar dari situ. 54 Lalu dia pulang ke kampung halamannya. Di situ Dia
mengajar di saumaah. Orang yang mendengar-Nya hairan lalu bertanya, 'Dari manakah dia
mendapat kebijaksanaan begini? Dari manakah dia mendapat kuasa melakukan
mukjizat? 55 Bukankah dia anak tukang kayu? Bukankah Maryam itu ibunya, dan Yakobus, Yusuf,
Simon serta Yudas itu saudaranya? 56 Bukankah saudara-saudara perempuannya ada bersama kita?
Dari manakah dia mendapat semua ini?' 57 Dengan demikian mereka marah dengan-Nya.

Isa berkata kepada mereka, 'Seorang Nabi dihormati kecuali di kampung halamannya dan di
kalangan kaum keluarganya sendiri.'

58 Isa tidak banyak melakukan mukjizat di situ kerana mereka tidak percaya.

14 *Yahya dibunuh*

1 Pada masa itu Herodes, raja wilayah, mendengar tentang Isa. 2 Herodes berkata kepada orang di
bawahnya, 'Ini tentu Yahya Pengimad. Dia telah bangkit daripada kematian! Sebab itulah dia ada
kuasa melakukan mukjizat.'

3 Sebelum itu Herodes telah memerintahkan supaya Yahya ditangkap, diikat dan dipenjarakan,
disebabkan Herodias, isteri saudaranya Filipus. 4 Yahya telah memberitahu Herodes, 'Tuan bersalah
mengahwini Herodias' 5 Herodes hendak membunuh Yahya tetapi takut kerana rakyat menganggapnya
seorang nabi.

6 Pada hari jadi Herodes, anak perempuan Herodias menari di hadapan majlis. 7 Oleh sebab
terlalu menikmati tarian itu, Herodes bersumpah akan memberikan apa saja yang diminta oleh gadis
itu. 8 Disuruh oleh ibunya, gadis itu memohon kepala Yahya Pengimad di atas talam pada waktu itu
juga. 9 Walaupun dengan berat hati, Herodes terpaksa menunaikan permintaan itu kerana telah
bersumpah di hadapan majlisnya. 10 Herodes pun memerintahkan orang pergi memancung kepala
Yahya di penjara. 11 Kepala Yahya diletakkan di atas talam dan diberikan kepada gadis itu. Gadis itu
menyerahkan kepala Yahya kepada ibunya. 12 Selepas itu pengikut Yahya datang mengambil
jenazahnya dan mengebumikannya. Kemudian mereka pergi memberitahu Isa tentangnya.

Isa memberi makan kepada lima ribu orang

13 Sebaik-baik mendengar tentang Yahya, Isa menaiki perahu dan pergi seorang diri ke suatu
tempat sunyi. Namun, orang ramai mendapat tahu lalu mengikut Isa melalui jalan darat dari
kota. 14 Setelah Isa turun dari perahu dan melihat mereka, hati-Nya berasa kasihan lalu Dia
menyembuhkan orang yang sakit di kalangan mereka.

15 Apabila menjelang petang, para pengikut Isa mendapatkan-Nya lalu berkata, 'Hari sudah
hampir malam dan kawasan ini terpencil. Suruhlah orang yang ramai ini pergi, supaya dapat membeli
makanan di pekan.'

16 Tetapi Isa menjawab, 'Mereka tidak usah pergi. Berilah mereka makan.'

17 Kata para pengikut Isa, 'Kita hanya ada lima buku roti dan dua ekor ikan.'

18 Isa berkata, ‘Bawalah makanan itu kepada-Ku.’ 19 Dia menyuruh orang ramai itu duduk di atas
rumput. Dia mengambil makanan itu dan menengadah ke langit mengucap syukur kepada Allah.
Kemudian Dia memecah-mecahkan roti itu dan menghulurkannya kepada para pengikut-Nya supaya
diberikan kepada orang ramai itu. 20 Setiap orang makan sehingga kenyang dan lebihan yang
dikumpulkan oleh para pengikut Isa sebanyak dua belas bakul. 21 Jumlah yang makan kira-kira lima
ribu orang lelaki, belum dihitung wanita dan kanak-kanak.

Isa berjalan di atas air

22 Setelah itu Isa menyuruh para pengikut-Nya menaiki perahu dan pergi ke seberang dahulu
sementara Dia menyuruh orang ramai itu pulang. 23 Setelah menyuruh mereka pulang, Isa naik ke
bukit seorang diri lalu berdoa. Apabila hari sudah lewat petang, Isa berada di situ seorang
diri. 24 Ketika itu perahu yang dinaiki oleh para pengikut-Nya sudah jauh ke tengah, terumbang-
ambing kerana angin berhembus dari arah bertentangan.

25 Antara dinihari dan pagi, Isa berjalan di atas air menghampiri mereka. 26 Apabila mereka
melihat-Nya berjalan di atas air, mereka ketakutan lalu menjerit, ‘Hantu!’

27 Isa segera berkata kepada mereka, ‘Tenanglah. Aku Isa. Jangan takut.’

28 Petrus berkata, ‘Junjungan, jika benar Engkau, suruhlah aku berjalan di atas air mendapatkan-
Mu.’

29 ‘Marilah,’ sahut Isa.

Petrus turun dari perahu dan mula berjalan di atas air ke arah Isa. 30 Tetapi apabila menyedari
betapa kencangnya angin, Petrus berasa takut lalu mula tenggelam. ‘Junjungan! Selamatkan aku!’
serunya.

31 Isa segera menghulurkan tangan memegangnya lalu berkata, ‘Engkau yang kurang percaya,
mengapa engkau ragu ?’

32 Kedua-dua mereka menaiki perahu dan angin pun tiada. 33 Selepas itu para pengikut Isa yang
di dalam perahu menyembah-Nya sambil berkata, ‘Sesungguhnya Engkaulah Putera Allah!’

34 Mereka menyeberang ke Genesaret. 35 Orang di situ mengenal Isa lalu menyebarkan berita
kedatangan-Nya ke serata daerah itu. Ramailah dibawa orang sakit kepada-Nya. 36 Mereka merayu
Isa supaya mengizinkan orang sakit menyentuh hujung jubah-Nya. Dengan sentuhan itu sahaja pun
mereka sembuh.

15 *Perintah Allah dan adat istiadat*

1 Setelah itu beberapa orang Farisi dan guru Taurat dari Baitulmaqdis datang mendapatkan Isa lalu
bertanya, 2 ‘Mengapa pengikut-Mu melanggar adat nenek moyang kita? Mereka tidak membasuh
tangan sebelum makan!’

3 Isa menjawab, ‘Mengapa kamu membelakangi perintah Allah demi mematuhi adat
istiadatmu? 4 Allah berfirman, “Hormatilah ibu bapamu” dan “Orang yang mencaci ibu bapanya mesti
dihukum mati.” 5 Sebaliknya kamu mengajar, “Jika seseorang berkata kepada ibu bapanya, ‘Apa yang
patut kugunakan untuk menolong ayah dan ibu, telah kupersembahkan kepada Allah,’ 6 maka tidak
perlulah orang itu menghormati ibu bapanya. Demikianlah kamu menyatakan Firman Allah tidak
berlaku atas sebab adat istiadatmu.” 7 Kamu munafik! Benarlah nubuat Nabi Yasyaya tentangmu:

8 “Allah berfirman: Bangsa ini
menghormati-Ku dengan kata-kata
tetapi hati mereka jauh daripada-Ku.
9 Sia-sialah mereka menyembah-Ku,
sedangkan ajaran yang mereka ajarkan
ialah peraturan manusia.” ’

10 Kemudian Isa memanggil orang ramai itu lalu berkata kepada mereka, ‘Dengar dan
fahamlah! 11 Apa yang masuk ke mulut seseorang tidak menajiskannya, tetapi apa yang keluar dari
mulutnya, itulah yang menajiskannya.’

12 Selepas itu para pengikut Isa mendapatkan-Nya dan berkata, ‘Junjungan, tahukah Engkau
bahawa orang Farisi tersinggung dengan kata-kata-Mu?’

13 Isa menjawab, ‘Segala tanaman selain yang ditanam oleh Bapa-Ku di syurga akan
dicabut. 14 Jangan hiraukan orang Farisi. Mereka itu orang buta yang memimpin orang buta. Apabila
orang buta memimpin orang buta, kedua-duanya masuk ke dalam parit.’

15 Petrus berkata, ‘Terangkanlah maksud ibarat tadi kepada kami.’

16 Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Kamu masih tidak faham. 17 Tidakkah kamu mengerti?
Apa yang masuk ke dalam mulut seseorang turun ke perut lalu keluar semula. 18 Sebaliknya, apa
yang keluar dari mulut datang dari hati, dan inilah yang menajiskan. 19 Dari hati timbul fikiran jahat
yang mendorong seseorang membunuh, berzina, berbuat cabul, mencuri, memberikan kesaksian
palsu, dan memfitnah. 20 Segala itulah yang menajiskan, bukan makan dengan tidak membasuh
tangan mengikut adat.’

Wanita Kanaan yang percaya

21 Isa beredar dari situ, dan pergi ke kawasan berhampiran bandar Tirus dan Sidon. 22 Seorang
wanita Kanaan yang tinggal di situ datang mendapatkan Isa sambil berseru, ‘Wahai Tuan, Anak Daud!
Kasihanilah aku! Anak perempuanku dirasuk roh iblis, dan menderita!’

23 Isa diam tidak menjawab. Para pengikut-Nya memohon kepada-Nya, ‘Suruhlah wanita itu pergi.
Dia mengikut kita meraung-raung.’

24 Isa berkata kepada wanita itu, ‘Aku diutus khusus kepada orang Israel yang seperti domba
sesat.’

25 Wanita itu mendekati Isa dan menyembah-Nya sambil berkata, ‘Tuan, tolonglah aku.’

26 Isa menjawab, ‘Tidaklah wajar mengambil makanan anak-anak dan mencampakkannya kepada
anak-anak anjing.’

27 ‘Benar, Tuan,’ balas wanita itu, ‘tetapi anak-anak anjing pun makan sisa yang jatuh dari meja
tuannya.’

28 Oleh yang demikian Isa berkata kepadanya, ‘Kamu seorang wanita yang teguh iman. Apa yang
kamu inginkan itu akan berlaku.’ Serta-merta anak wanita itu pulih.

Isa menyembuhkan ramai orang

29 Isa beredar dari situ lalu berjalan menyusur pesisiran Laut Galilea. Setelah itu Dia mendaki
sebuah bukit dan duduk di situ. 30 Ramailah yang datang mendapatkan-Nya, membawa orang yang
tempang, buta, lumpuh, bisu dan yang mengidap pelbagai penyakit. Isa menyembuhkan
mereka. 31 Orang ramai tercengang melihat yang bisu bercakap, yang cacat dipulihkan, yang tempang
berjalan, dan yang buta melihat, lalu mereka memuji Tuhan orang Israel.

Empat ribu orang diberi makan

32 Isa memanggil para pengikut-Nya lalu berkata, ‘Aku kasihan kepada orang ramai ini. Sudah tiga
hari mereka bersama-Ku; sekarang mereka kehabisan makanan. Aku tidak mahu menyuruh mereka
pulang dengan perut kosong, kalau-kalau pengsan nanti di tengah jalan.’

33 Para pengikut-Nya berkata, ‘Di manakah dapat kami cari makanan yang cukup untuk orang
seramai itu sedangkan kawasan ini terpencil?’

34 Isa bertanya, ‘Berapa banyak roti yang ada padamu?’

‘Tujuh buku,’ sahut mereka, ‘dan beberapa ekor ikan kecil.’

35 Isa menyuruh orang ramai itu duduk di atas tanah. 36 Dia mengambil tujuh buku roti dan ikan
itu, mengucap syukur kepada Allah lalu membahagikan makanan itu dan menghulurkannya kepada
para pengikut-Nya untuk diberikan kepada orang ramai. 37 Setiap orang makan sehingga kenyang,
malah lebihan makanan yang dikumpulkan oleh para pengikut-Nya tujuh bakul. 38 Jumlah yang makan
empat ribu orang lelaki; belum dikira wanita dan kanak-kanak. 39 Setelah itu Isa menyuruh orang
ramai itu pulang, lalu Dia berperahu ke daerah Magadan.

16 *Orang Farisi menduga Isa*

[1] Beberapa orang Farisi dan Saduki datang kepada Isa. Untuk menduga Isa, mereka meminta-Nya melakukan mukjizat sebagai bukti Dia datang daripada Allah.

[2] Isa menjawab, ‘Ketika matahari masuk, kamu berkata, “Cuaca baik, kerana langit merah.” [3] Pada waktu pagi, kamu berkata, “Cuaca buruk nanti, kerana langit merah mengancam.” Munafik! Kamu dapat meramalkan cuaca dengan melihat alamat-alamat di langit, tetapi kamu tidak dapat memahami alamat-alamat zaman ini. [4] Manusia zaman yang durjana dan derhaka ini ingin melihat alamat mukjizat. Tetapi satu alamat pun tidak akan ditunjukkannya kecuali alamat Nabi Yunus.’ Setelah berkata demikian, Isa pun pergi dari situ.

[5] Ketika para pengikut Isa berperahu ke seberang, mereka terlupa membawa roti. [6] Isa berkata kepada mereka, ‘Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan Saduki.’

[7] Mereka mula berkata-kata sesama sendiri, ‘Dia berkata begitu kerana kita tidak membawa roti.’

[8] Isa tahu apa yang dikatakan oleh mereka. Dia berkata, ‘Mengapa kamu persoalkan hal tidak membawa roti? Tipis benar kepercayaanmu! [9] Belum fahamkah kamu? Tidakkah kamu ingat bagaimana Aku membahagikan lima buku roti antara lima ribu orang? Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan? [10] Bagaimana pula dengan tujuh buku roti yang Kubahagikan antara empat ribu orang? Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan? [11] Mengapa kamu tidak mengerti bahawa Aku tidak bercakap tentang roti. Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan Saduki.’ [12] Barulah mereka faham bahawa maksud Isa bukannya ragi penaik roti tetapi ajaran orang Farisi dan Saduki.

Pengakuan Petrus

[13] Isa pergi ke daerah berhampiran kota Kaisarea Filipi. Dia bertanya kepada para pengikut-Nya, ‘Menurut kata orang, siapakah Putera Insan ini?’

[14] Mereka menjawab, ‘Ada yang berkata Yahya Pengimad; ada yang berkata Ilyas; ada pula yang berkata Yeremia atau nabi lain.’

[15] Isa bertanya, ‘Menurut kamu, siapakah Aku ini?’ [16] Simon Petrus menjawab, ‘Junjungan, Engkau ialah al-Masih, Putera Allah Yang Hidup.’

[17] Isa berkata, ‘Berbahagialah engkau, Simon anak Yunus! Yang memberitahumu bukannya manusia tetapi Bapa-Ku di syurga. [18] Oleh itu ketahuilah engkau Petrus, batu yang kukuh, dengan asas batu inilah akan Kubina jemaah-Ku. Maut pun tidak dapat merobohkannya. [19] Aku akan memberikan kunci kerajaan syurga kepadamu. Apa yang kauikat di dunia akan diikat juga di syurga. Apa yang kauuraikan di dunia akan diuraikan juga di syurga.’ [20] Selepas itu Isa berpesan kepada para pengikut-Nya supaya jangan memberitahu sesiapa bahawa Dia al-Masih.

Isa memberitahu tentang kematian-Nya

[21] Sejak itu, Isa mula berkata terus-terang kepada para pengikut-Nya bahawa Dia harus pergi ke Baitulmaqdis dan menanggung banyak penderitaan yang disebabkan oleh pemimpin masyarakat, ketua imam, dan guru Taurat. Dia akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga akan dibangkitkan semula.

[22] Petrus menarik Isa ke tepi lalu menegur-Nya, ‘Junjungan, semoga Allah jauhi semua itu daripada-Mu! Semua itu tidak boleh berlaku kepada-Mu, Junjungan!’

[23] Isa berpaling sambil berkata kepada Petrus, ‘Pergilah dari sini, Iblis! Engkau menyakitkan hati-Ku kerana fikiranmu itu fikiran manusia, bukan fikiran Allah!’

[24] Kemudian Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Jika sesiapa ingin mengikut-Ku, lupakan kepentingan diri, pikul salib dan ikut Aku. [25] Sesiapa yang mempertahankan hidupnya akan kehilangan hidup, dan sesiapa yang mengorbankan hidupnya kerana-Ku akan memperoleh hidup. [26] Apalah gunanya jika seseorang memperolehi seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya? Apakah yang dapat diberinya sebagai ganti untuk hidup itu? [27] Sudah hampir waktunya Putera Insan datang bersama para malaikat-Nya dengan kemuliaan Bapa-Nya. Pada masa itu Dia akan memberi balasan kepada setiap orang menurut perbuatannya. [28] Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, beberapa orang di sini tidak akan menemui maut sebelum melihat Putera Insan datang sebagai Raja.’

17 *Isa dimuliakan di atas gunung*

1 Enam hari selepas itu, Isa membawa Petrus, Yakobus dan Yahya, saudara Yakobus, pergi bersunyi
di atas sebuah gunung yang tinggi. 2 Apabila mereka memandang Isa, mereka mendapati-Nya
berubah: Wajah-Nya bersinar seperti matahari dan pakaian-Nya putih berkilau-kilauan. 3 Mereka
melihat pula Ilyas dan Musa berkata-kata dengan Isa.

4 Petrus berkata kepada Isa, 'Junjungan, sungguh baik bagi kita berada di sini. Kalau Junjungan
mahu, biar kudirikan tiga buah khemah suci; satu untuk Junjungan, satu untuk Musa, dan satu lagi
untuk Ilyas.'

5 Sedang Petrus berkata-kata, segumpal awan yang bersinar-sinar meliputi mereka. Dari awan itu
kedengaran suara berkata, 'Inilah Putera-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.
Dengarlah kata-Nya!'

6 Mendengar suara itu, para pengikut Isa ketakutan lalu meniarap di tanah. 7 Isa datang
menyentuh mereka sambil berkata, 'Bangunlah. Jangan takut.' 8 Apabila mereka memandang keliling,
tiada siapapun kelihatan kecuali Isa.

9 Mereka turun dari atas gunung itu. Isa mengeluarkan perintah, 'Jangan beritahu sesiapapun apa
yang telah kamu lihat, selagi Putera Insan belum dibangkitkan daripada kematian.'

10 Para pengikut Isa bertanya kepada-Nya, 'Mengapakah guru Taurat berkata Ilyas mesti datang
dulu?'

11 Isa menjawab, 'Memang benar Ilyas mesti datang dulu untuk menyediakan semuanya. 12 Tetapi
sesungguhnya Aku berkata kepadamu, Ilyas sudahpun datang tetapi orang tidak mengenalnya.
Mereka berbuat sesuka hati kepadanya. Begitulah mereka akan lakukan kepada Putera
Insan.' 13 Ketika itu barulah para pengikut Isa faham bahawa yang dimaksudkan-Nya ialah Yahya
Pengimad.

Anak lelaki yang kerasukan roh iblis disembuhkan

14 Setelah Isa dan ketiga-tiga orang pengikut-Nya itu kembali kepada orang ramai, seorang lelaki
datang berlutut di hadapan-Nya. 15 Lelaki itu berkata, 'Tuan, kasihanilah anakku! Dia mengidap sakit
gila babi dan penyakitnya sungguh teruk. Seringkali dia terjatuh ke dalam air atau api. 16 Aku
sudahpun membawanya kepada pengikut-pengikut-Mu, tetapi mereka tidak dapat
menyembuhkannya.'

17 Isa menjawab, 'Hai angkatan yang tidak percaya dan sesat ini. Berapa lama lagikah Aku mesti
ada bersamamu? Berapa lama lagikah Aku mesti bersabar denganmu? Bawa anak itu ke sini!' 18 Isa
mengherdik roh iblis itu. Roh iblis itu pun keluar dari anak itu lalu dia sembuh serta-merta.

19 Para pengikut Isa mendapatkan-Nya dan bertanya ketika tiada orang lain di situ, 'Mengapakah
kami tidak dapat menghalau roh iblis itu?'

20 Isa menjawab, 'Kerana kamu tidak beriman. Sekiranya kamu mempunyai iman sebesar biji sawi,
kamu dapat berkata kepada bukit, "Beralihlah ke situ!" maka bukit itu akan beralih. Kamu dapat
melakukan apa saja. 21 Jenis ini hanya dapat dihalau dengan berdoa dan berpuasa.'

22 Ketika semua pengikut Isa berhimpun di Galilea, Isa berkata kepada mereka, 'Putera Insan
akan diserahkan kepada manusia. 23 Mereka akan membunuh-Nya, tetapi Dia akan dibangkitkan
semula pada hari ketiga.' Mendengar kata-kata itu, para pengikut Isa berdukacita.

Membayar cukai

24 Apabila Isa dan para pengikut-Nya sampai di Kapernaum, pemungut-pemungut cukai rumah
ibadat datang kepada Petrus lalu bertanya, 'Adakah gurumu membayar cukai rumah ibadat?'

25 Petrus menjawab, 'Tentu sekali.'

Sebaik-baik Petrus masuk ke rumah, sebelum dia dapat berkata apa-apa, Isa bertanya, 'Simon,
bagaimana pandanganmu, daripada siapakah raja-raja dunia ini memungut cukai, daripada anak-anak
mereka atau orang lain?'

26 'Orang lain,' jawab Petrus.

'Kalau begitu,' kata Isa, 'anak-anak tidak perlu membayar. 27 Tetapi usahlah kita singgung

perasaan orang. Pergilah memancing di laut. Ambillah ikan pertama yang kautangkap, dan bukalah
mulutnya. Engkau akan mendapati sekeping duit syiling sebesar empat dirham. Ambillah duit itu dan
berikan kepada mereka, untuk-Ku dan untukmu.'

18 *Yang terbesar di dalam kerajaan syurga*

1 Pada ketika itu para pengikut Isa datang bertanya kepada-Nya, 'Siapakah yang dianggap terbesar
antara orang di dalam kerajaan syurga nanti?'

2 Isa memanggil seorang kanak-kanak, disuruh-Nya berdiri di hadapan mereka semua. 3 Isa pun
berkata: 'Ketahuilah! Kecuali kamu bersikap seperti kanak-kanak, kamu tidak akan memasuki
kerajaan syurga. 4 Oleh itu, orang yang dianggap terbesar dalam kerajaan syurga ialah yang
merendah diri dan bersikap seperti kanak-kanak.

5 'Sesiapa yang meraikan kanak-kanak begini kerana Aku, ertinya dia meraikan Aku. 6 Sesiapa
yang menyebabkan seorang pengikut-Ku yang kecil ini melakukan dosa, lebih baiklah jika batu
kisaran diikatkan ke lehernya dan dia ditenggelamkan dalam laut yang dalam.

7 'Malanglah dunia yang penuh dengan perkara-perkara yang menyebabkan orang berdosa!
Memang dosa tetap berlaku, tetapi malanglah orang yang menyebabkannya! 8 Sekiranya tangan atau
kakimu menyebabkan kamu berdosa, potong dan buanglah tangan atau kaki itu. Lebih baik kamu
kehilangan sebelah tangan atau kaki tetapi menikmati hidup kekal, daripada kamu mempunyai dua
tangan dan dua kaki tetapi dihumbankan ke dalam api neraka. 9 Sekiranya matamu menyebabkan
kamu berdosa, cungkil dan buanglah mata itu. Lebih baik kamu kehilangan sebelah mata tetapi
menikmati hidup kekal, daripada kamu memiliki dua mata tetapi dilontarkan ke dalam api neraka.

Ibarat tentang domba yang hilang

10 'Hati-hatilah, jangan hinakan seorang daripada pengikut-Ku yang kecil ini. Ketahuilah, malaikat-
malaikat mereka sentiasa berada di hadirat Bapa-Ku di syurga. 11 Putera Insan datang untuk
menyelamatkan orang yang sesat.

12 'Bagaimana pandanganmu? Jika seseorang mempunyai seratus ekor domba dan seekor
daripadanya sesat, apa yang akan dilakukannya? Tentulah dia meninggalkan sembilan puluh
sembilan ekor domba yang sedang merumput di bukit dan pergi mencari domba yang sesat
itu. 13 Sesungguhnya, apabila dia menjumpainya, domba yang seekor itu lebih menggembirakannya
daripada sembilan puluh sembilan ekor yang lain itu. 14 Demikianlah juga Bapamu yang di syurga,
tidak mahu seorang pun pengikut-Ku yang kecil ini sesat.

Saudaramu yang berdosa terhadapmu

15 'Jika saudaramu berdosa terhadapmu, pergilah mendapatkannya dan tunjukkan kesalahannya.
Lakukan diam-diam, antara kamu berdua sahaja. Sekiranya dia mahu mendengar katamu, ertinya
kamu berjaya mendapat kembali saudaramu. 16 Jika tidak, bawalah seorang dua bersamamu; kerana
telah tersurat, "Setiap tuduhan harus disokong dengan kesaksian dua atau tiga orang
saksi." 17 Sekiranya dia enggan menerima nasihat mereka, maklumkan hal itu kepada jemaah. Jika
nasihat jemaah pun tidak diterimanya, anggaplah dia seperti orang yang tidak mengenal Allah atau
pemungut cukai.

18 'Sesungguhnya, apa yang kamu ikat di dunia akan diikat di syurga, dan apa yang kamu uraikan
di dunia akan diuraikan juga di syurga.

19 'Ketahuilah juga, setiap kali dua orang daripadamu di dunia ini bersetuju untuk memohon
sesuatu daripada-Ku, permohonan itu akan dikabulkan oleh Bapa-Ku di syurga; 20 kerana apabila dua
atau tiga orang berhimpun kerana-Ku, Aku ada di situ bersama mereka.'

Ibarat tentang pengampunan

21 Petrus datang mendapatkan Isa lalu bertanya, 'Junjungan, jika saudaraku berdosa terhadapku,
berapa kalikah harus kuampuni dia? Sehingga tujuh kali?'

22 Isa menjawab, 'Bukan tujuh kali. Tujuh puluh kali tujuh kali.'

23 'Kerana kerajaan syurga seperti berikut: Seorang raja hendak menyelesaikan kira-kira dengan
para hambanya. 24 Salah seorang hambanya yang berhutang sebanyak lima puluh juta keping wang

perak dibawa mengadapnya. [25] Hamba itu tidak dapat menjelaskan hutangnya. Oleh itu, raja
memerintahkan supaya hamba itu dijual bersama anak isteri dan harta bendanya untuk membayar
hutang itu.

[26] 'Hamba itu menyembah dan merayu, "Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan hutang
itu." [27] Raja itu berasa kasihan kepadanya lalu menghapuskan segala hutangnya dan
membebaskannya.

[28] 'Tetapi ketika hamba itu keluar, dia menemui seorang hamba lain yang berhutang seratus
keping wang perak kepadanya. Dia menangkap dan hendak mencekik rakannya itu sambil berkata,
"Bayar semua hutangmu."

[29] 'Rakannya itu menyembah dan merayu, "Bersabarlah denganku. Aku akan menjelaskan
hutangku."

[30] 'Tetapi hamba itu tidak mempedulikan rayuan rakannya. Malah dia memerintahkan supaya
rakannya dipenjarakan sehingga menjelaskan hutangnya. [31] Hamba-hamba lain dukacita melihatnya
lalu mengadukan hal itu kepada raja.

[32] 'Raja pun memanggil hamba yang tidak berhati perut itu lalu berkata, "Sungguh kejam
perbuatanmu! Aku telah menghapuskan segala hutangmu kerana kamu merayu supaya aku
mengampunimu. [33] Bukankah sepatutnya kamu mengasihani rakanmu sebagaimana aku
mengasihanimu?" [34] Dengan murkanya raja menitahkan supaya hamba yang tidak
berperikemanusiaan itu dipenjarakan dan dihukum sehingga semua hutangnya dibayar.

[35] 'Begitulah Bapa-Ku yang di syurga akan memperlakukan setiap orang daripadamu yang tidak
mengampuni saudaranya dengan ikhlas.'

19 *Perceraian*

[1] Selepas Isa selesai berkata tentang hal-hal itu, Dia beredar dari Galilea pergi ke Yudea di seberang
Sungai Yordan. [2] Ramai orang mengikut-Nya dan Dia menyembuhkan orang sakit di situ.

[3] Beberapa orang Farisi datang untuk menduga Isa. Mereka bertanya, 'Adakah Taurat kita
membenarkan seorang lelaki menceraikan isterinya dengan apa sebab jua?'

[4] Isa menjawab, 'Tidakkah kamu baca ayat Kitab Suci yang menyatakan betapa pada mulanya
Allah menjadikan lelaki dan perempuan? [5] Setelah itu Allah berfirman, "Itulah maka seorang lelaki
meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya lalu mereka berdua menjadi satu." [6] Maka
mereka bukan lagi dua tetapi satu. Apa yang telah disatukan oleh Allah janganlah manusia pisahkan.'

[7] Kata orang Farisi itu, 'Kalau begitu, mengapakah Musa memberikan hukum membenarkan
seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan menulis surat cerai?'

[8] Isa menjawab, 'Musa membenarkan kamu menceraikan isteri kerana kamu terlalu sukar diajar.
Tetapi pada mulanya bukanlah begitu. [9] Sesungguhnya jika seseorang lelaki menceraikan isterinya,
kecuali kerana isterinya melakukan pencabulan, dan lelaki itu berkahwin pula dengan perempuan lain,
dia berzina.'

[10] Para pengikut Isa berkata, 'Kalau begitulah hidup suami isteri, lebih baiklah tidak berkahwin
langsung.'

[11] Isa menjawab, 'Tidak semua orang dapat menerima ajaran ini, hanya mereka yang dikurniai
keupayaan untuk menerimanya. [12] Ada beberapa sebabnya seseorang itu tidak berkahwin. Ada yang
dilahirkan begitu, ada yang dibuat orang begitu, dan ada pula yang membuat dirinya begitu untuk
mengabdikan diri kepada Allah. Biarlah ajaran ini diterima oleh yang mampu menerimanya.'

Isa memberkati kanak-kanak

[13] Beberapa orang membawa kanak-kanak supaya diberkati oleh Isa dengan meletakkan tangan-
Nya ke atas mereka serta mendoakan mereka. Tetapi para pengikut Isa memarahi orang yang
membawa kanak-kanak itu.

[14] Isa berkata kepada para pengikut-Nya, 'Biarlah kanak-kanak itu datang kepada-Ku, jangan
larang mereka, kerana orang seperti inilah yang masuk ke dalam kerajaan syurga.' [15] Isa meletakkan
tangan-Nya ke atas kanak-kanak itu dan memberkati mereka. Kemudian Dia beredar dari situ.

Orang muda yang kaya

16 Pada suatu hari seorang pemuda datang berjumpa Isa lalu bertanya, ‘Tuan Guru, apakah
perbuatan baik yang harus aku lakukan untuk mendapat kehidupan kekal?’

17 Isa menjawab, ‘Mengapa kamu bertanya kepada-Ku apa yang baik? Hanya ada Satu yang baik.
Sekiranya kamu ingin masuk ke dalam hidup, patuhilah hukum-Nya.’

18 Pemuda itu bertanya, ‘Hukum yang mana?’

Isa menjawab, ‘ “Jangan membunuh; jangan berzina; jangan mencuri; jangan berikan kesaksian
palsu; 19 hormati ibu bapamu; kasihi sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi diri sendiri.” ’

20 ‘Semua hukum ini telah kupatuhi,’ kata pemuda itu. ‘Adakah lagi yang harus kulakukan?’

21 Isa menjawab, ‘Jika kamu ingin menjadi sempurna, jualkanlah segala harta bendamu dan
sedekahkan wang itu kepada orang miskin. Kamu akan mendapat harta di syurga. Setelah itu, ikutlah
Aku.’

22 Apabila mendengar jawapan Isa, pemuda itu beredar dari situ dengan dukacita, kerana dia
seorang yang kaya-raya.

23 Isa pun berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Sesungguhnya, sukar sekali bagi orang kaya
memasuki kerajaan syurga. 24 Aku berkata kepadamu, lebih mudah bagi seekor unta memasuki
lubang jarum daripada seorang kaya memasuki kerajaan Allah.’

25 Para pengikut Isa hairan mendengar kata-kata itu lalu bertanya, ‘Kalau begitu, siapakah yang
dapat diselamatkan?’

26 Sambil memandang mereka Isa menjawab, ‘Hal itu mustahil bagi manusia, tetapi bagi Allah
tidak ada satu pun yang mustahil.’

Upah mengikut Isa

27 Petrus berkata, ‘Kami telah meninggalkan segala-galanya dan mengikut-Mu. Apakah yang akan
kami terima?’

28 Isa berkata kepada mereka, ‘Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, ketika Putera Insan duduk
di atas takhta-Nya yang mulia dalam kerajaan Allah, kamu pengikut-Ku juga akan bertakhta
menghakimi dua belas suku Israel. 29 Setiap orang yang telah meninggalkan rumah, atau saudara
lelaki, saudara perempuan, ibu bapa, anak-anak, atau ladang kerana Aku, akan menerima seratus
kali ganda apa yang ditinggalkannya dan akan memperoleh hidup kekal. 30 Tetapi ramai orang yang
sekarang terdahulu akan menjadi terakhir, dan yang sekarang terakhir akan menjadi yang terdahulu.

20 *Ibarat tentang pekerja di ladang anggur*

1 ‘Kerajaan syurga seperti ibarat ini. Seorang tuan punya ladang anggur keluar pada awal pagi untuk
mengupah orang bekerja di ladangnya. 2 Dia bersetuju membayar upah yang biasa dibayar untuk
bekerja sehari iaitu sekeping wang perak. Dia pun menyuruh mereka pergi ke ladang.

3 ‘Pada pukul sembilan pagi, tuan punya ladang itu keluar lagi lalu melihat beberapa orang lain
berdiri-diri tanpa berbuat apa-apa di pasar. 4 Dia berkata kepada mereka, ‘‘Pergilah bekerja di ladang
anggurku. Aku akan memberimu upah yang berpatutan.” 5 Mereka pun pergi.

‘Pada pukul dua belas tengah hari dan pada pukul tiga petang, begitu jugalah yang terjadi. 6 Pada
kira-kira pukul lima petang dia pergi lagi ke pasar dan melihat beberapa orang berdiri-diri tidak
berbuat apa-apa. Dia menanya mereka, “Mengapa kamu membuang masa tidak membuat apa-apa
kerja?”

7 ‘Mereka menjawab, “Tiada siapa mengupah kami bekerja.”

‘Kalau begitu, pergilah bekerja di ladang anggurku,’ kata tuan punya ladang itu.

8 ‘Setelah hari petang, tuan punya ladang anggur itu berkata kepada ketua pekerja, “Panggillah
pekerja-pekerja itu dan bayarlah upah masing-masing, mulai daripada pekerja yang datang terakhir
hingga kepada pekerja yang datang awal sekali.”

9 ‘Mereka yang bekerja dari pukul lima petang menerima sekeping wang perak seorang. 10 Oleh itu
mereka yang bekerja sejak pagi menjangka akan menerima bayaran yang lebih, tetapi mereka pun
mendapat sekeping wang perak seorang. 11 Mereka pun mulalah bersungut kepada tuan punya

ladang itu. 12 Mereka berkata, “Pekerja-pekerja yang bermula pada pukul lima itu cuma bekerja sejam
sedangkan kami sehari suntuk dalam panas matahari. Tetapi tuan membayar kami dan mereka sama
saja!”

13 ‘Tuan punya ladang itu menjawab kepada seorang daripada mereka, “Dengarlah, kawan, aku
tidak menipumu. Bukankah kamu telah bersetuju bekerja dengan upah sekeping wang perak
sehari? 14 Ambillah upahmu dan pulanglah. Aku memang hendak memberi pekerja yang datang
terakhir itu upah yang sama. 15 Bukankah hakku berbuat sesuka hati dengan wangku sendiri?
Mengapakah kamu busuk hati kerana aku bermurah hati?” ’

16 Isa berkata lagi, ‘Begitulah, orang yang terakhir akan menjadi yang terdahulu, dan orang
terdahulu akan menjadi yang terakhir.’

Isa memberitahu tentang kematian-Nya

17 Ketika Isa sedang dalam perjalanan ke Baitulmaqdis, Dia mengajak kedua belas orang
pengikut-Nya ke tepi dan berkata hanya kepada mereka: 18 ‘Dengarlah, kita sekarang ke Baitulmaqdis.
Di sana Putera Insan akan dikhianati dan diserahkan kepada ketua imam dan guru Taurat. Mereka
akan menjatuhkan hukuman mati kepada-Nya. 19 Kemudian mereka akan menyerahkan-Nya kepada
bangsa yang tidak mengenal Allah. Dia akan diejek, disebat dan disalib oleh mereka. Tetapi pada hari
ketiga Dia akan dibangkitkan semula.’

Permintaan seorang ibu

20 Setelah itu, isteri Zebedeus datang mendapatkan Isa dengan kedua-dua orang anaknya. Dia
bersujud di hadapan Isa dan memohon sesuatu.

21 ‘Apakah permintaanmu?’ tanya Isa.

Ibu itu menjawab, ‘Junjungan berjanjilah bahawa apabila Engkau menjadi raja, kedua-dua orang
anakku itu akan duduk di kiri kanan-Mu.’

22 Isa berkata kepada kedua-dua orang anak lelaki ibu itu, ‘Kamu tidak tahu apa yang kamu minta
itu. Sanggupkah kamu minum dari cawan penderitaan yang akan Kuminum?’

‘Sanggup,’ jawab mereka.

23 Isa berkata kepada mereka, ‘Memang kamu akan minum dari cawan-Ku dan diimadkan secara
Aku diimadkan. Tetapi Aku tidak berhak menentukan siapa yang akan duduk di kiri kanan-Ku kerana
tempat itu milik mereka yang telah ditentukan oleh Bapa-Ku.’

24 Apabila sepuluh pengikut Isa yang lain mendengar perkara itu, mereka marah kepada dua
saudara itu. 25 Oleh yang demikian, Isa memanggil mereka semua lalu berkata, ‘Kamu tahu bahawa di
kalangan bangsa yang tidak mengenal Allah, orang yang berkuasa menindas rakyat, dan pegawai
besar mereka mempunyai kuasa terhadap mereka. 26 Tetapi di kalanganmu bukan begitu. Sebaliknya,
jika seorang daripadamu ingin menjadi orang besar, dia mestilah melayan yang lain. 27 Sekiranya
seorang daripadamu hendak menjadi orang yang pertama, dia haruslah menjadi hamba kepada orang
lain. 28 Demikianlah Putera Insan: Dia datang bukan untuk dilayan, tetapi untuk melayan, serta
menyerahkan nyawa-Nya untuk menjadi tebusan bagi umat manusia.’

Isa menyembuhkan dua orang buta

29 Isa meninggalkan Yerikho bersama para pengikut-Nya. Ramai orang mengikut mereka. 30 Dua
orang buta yang duduk di tepi jalan mendengar bahawa Isa lalu di situ lalu berseru, ‘Wahai
Junjungan, Anak Daud, kasihanilah kami!’

31 Orang ramai memarahi mereka dan menyuruh mereka diam. Tetapi mereka berseru lebih
lantang lagi, ‘Wahai Junjungan, Anak Daud, kasihanilah kami!’

32 Isa berhenti lalu memanggil mereka dan bertanya, ‘Apakah yang kamu mahu Kulakukan
untukmu?’

33 Mereka menjawab, ‘Junjungan, kami ingin melihat!’

34 Isa mengasihani mereka. Dia menyentuh mereka, dan dengan serta-merta mereka dapat
melihat, lalu mereka pun mengikut-Nya.

21 *Ketibaan Isa di Baitulmaqdis*

1 Ketika hampir mendekati Baitulmaqdis, Isa dan para pengikut-Nya sampai di Baitfagi, sebuah pekan
di Bukit Zaitun. Kemudian Isa menyuruh dua orang pengikut-Nya pergi ke situ terlebih dahulu. 2 Dia
berkata, 'Pergilah ke pekan yang di hadapan itu. Apabila kamu memasukinya, kamu akan melihat
seekor keldai tertambat, serta anaknya. Lepaskan keldai itu dan bawa kedua-duanya kepada-
Ku. 3 Sekiranya ada orang berkata apa-apa, katakan kepadanya, "Junjungan memerlukannya." Dia
akan terus membenarkan kedua-dua keldai itu dibawa pergi.'

4 Dengan demikian berlakulah apa yang dikatakan oleh nabi:

5 'Katakanlah kepada puteri Sion,

"Rajamu datang kepadamu

dengan rendah hati, menunggang

seekor keldai,

seekor anak keldai yang muda." '

6 Kedua-dua orang pengikut Isa itu pun pergi menjalankan segala yang disuruh-Nya. 7 Mereka
membawa kedua-dua ekor keldai itu. Setelah mengalas belakang keldai itu dengan jubah mereka,
mereka mendudukkan Isa ke atasnya. 8 Ramai orang membentangkan jubah di atas jalan manakala
yang lain memotong ranting-ranting pokok dan menyelerakkannya di jalan. 9 Orang ramai yang
berjalan di hadapan dan di belakang Isa berseru-seru,

'Hosana bagi Anak Daud!'

'Diberkatilah Dia yang datang dengan

nama Tuhan!'

'Hosana di tempat yang maha tinggi!'

10 Apabila Dia masuk ke Baitulmaqdis, seisi kota itu kagum lalu bertanya, 'Siapakah ini?'

11 Orang ramai itu berkata, 'Inilah Isa, nabi dari Nasaret di Galilea.'

12 Setelah itu Isa masuk ke rumah ibadat dan mengusir semua orang yang berjual-beli di situ. Dia
menterbalikkan meja pengurup wang dan tempat duduk orang yang menjual merpati. 13 Dia berkata
kepada mereka, 'Telah tersurat, "Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa, tetapi kamu telah
menjadikannya sarang pencuri." '

14 Selepas itu orang yang buta dan yang tempang datang mendapatkan Isa di rumah ibadat, lalu
Dia menyembuhkan mereka. 15 Tetapi apabila ketua imam dan guru Taurat melihat segala mukjizat
yang dilakukan-Nya, dan kanak-kanak berseru di dalam rumah ibadat, 'Hosana bagi Anak Daud!'
mereka berasa marah.

16 Mereka berkata kepada Isa, 'Kamu dengarkah apa yang mereka katakan?'

Isa menjawab, 'Ya, belum pernahkah kamu baca,

"Dari mulut kanak-kanak dan bayi yang sedang menyusu,

Engkau telah menyediakan puji-pujian." '

17 Kemudian Dia meninggalkan mereka dan keluar dari kota itu lalu pergi ke Baitani. Dia menginap di
situ.

Pokok ara yang tidak berbuah

18 Pada pagi esoknya, ketika Dia pergi semula ke kota Baitulmaqdis, Dia berasa lapar. 19 Dia
melihat sebatang pokok ara di tepi jalan. Apabila Dia mendekatinya dan mendapati pokok itu hanya
berdaun tidak berbuah, Dia berkata kepadanya, 'Janganlah berbuah lagi selama-lamanya.' Serta-
merta pokok itu layu dan mati.

20 Apabila dilihat oleh para pengikut-Nya, mereka hairan dan bertanya, 'Bagaimana pokok ara itu
boleh layu dan mati serta-merta?'

21 Isa menjawab, 'Sesungguhnya, aku berkata kepadamu, jika kamu beriman tanpa ragu, kamu
dapat melakukan begitu juga kepada pokok ara itu, malah kamu boleh berkata kepada gunung ini,
"Beralihlah dan terhumbanlah ke dalam laut," lalu hal itu akan terjadi. 22 Apa sahaja yang kamu minta

dalam doa dengan iman, akan kamu terima.'

Kuasa Isa dicabar

23 Apabila Isa masuk ke rumah ibadat, ketua imam dan tua-tua datang kepada-Nya ketika Dia
sedang mengajar, 'Dengan kuasa apakah kamu melakukan semua ini? Dan siapakah yang
memberimu kuasa itu?'

24 Isa menjawab, 'Aku juga akan bertanya sesuatu kepadamu. Jika kamu memberitahu-Ku, Aku
akan menyatakan kepadamu dengan kuasa apa Aku melakukan segala ini: 25 Pengimadan Yahya dari
manakah asalnya? Daripada Allah atau daripada manusia?'

Mereka pun berbincang sama sendiri, 'Kalau kita kata, "Daripada Allah," dia akan berkata, "Kalau
begitu, mengapa kamu tidak mempercayainya?" 26 Tetapi kalau kita kata, "Daripada manusia," takut
orang ramai marah, kerana mereka menganggap Yahya seorang nabi.'

27 Oleh itu mereka menjawab, 'Kami tidak tahu.'

Isa berkata kepada mereka, 'Aku pun tidak akan memberitahumu dengan kuasa apa Aku lakukan
semua ini.

Ibarat tentang dua orang anak

28 'Tetapi bagaimana pandanganmu? Seorang ada dua orang anak lelaki. Dia mendapatkan yang
sulung dan berkata, "Anakku, pergilah bekerja hari ini di ladang anggurku."

29 'Anak itu menjawab, "Aku tidak mahu," tetapi kemudian dia menyesal lalu pergi bekerja di
ladang bapanya.

30 'Ayah itu pergi pula mendapatkan anaknya yang kedua dengan kata-kata yang sama. Anak itu
menjawab, "Baiklah, aku pergi, ayah," tetapi dia tidak pergi.

31 'Antara dua itu, yang mana melakukan kehendak bapanya?'

Mereka menjawab, 'Yang sulung.'

Isa berkata kepada mereka, 'Sesungguhnya, aku berkata kepadamu, pemungut cukai dan pelacur
akan memasuki kerajaan Allah terlebih dahulu daripadamu. 32 Yahya datang kepadamu untuk
menunjukkan jalan yang benar tetapi kamu tidak percaya kepadanya; manakala pemungut cukai dan
pelacur percaya kepadanya. Setelah kamu melihat hal ini pun, hatimu tidak menjadi lembut dan
percaya kepadanya.

Ibarat tentang penyewa ladang

33 'Dengarlah satu ibarat lagi: Seorang tuan punya tanah memiliki ladang anggur. Dia memagar
ladang itu, menggali lubang tempat memeras anggur, dan mendirikan menara tempat berkawal.
Kemudian dia menyewakan ladang anggur itu kepada beberapa orang, lalu pergi ke luar
negeri. 34 Apabila sampai masanya untuk mengumpulkan buah anggur, tuan punya ladang itu
menghantar hamba-hambanya kepada penyewa-penyewa tersebut meminta bahagiannya daripada
hasil ladang itu.

35 'Tetapi para penyewa menangkap hamba-hamba itu. Ada yang dipukul, ada yang dibunuh, dan
ada yang direjam. 36 Tuan punya ladang itu menghantar hamba-hamba yang lain pula, lebih banyak
lagi bilangannya. Tetapi hamba-hamba itu pun diperlakukan begitu juga. 37 Akhirnya tuan punya
ladang itu menghantar puteranya sambil berfikir, "Tentu mereka akan menghormati puteraku."

38 'Tetapi apabila mereka melihat putera tuan punya ladang itu, mereka berkata sama sendiri,
"Marilah kita bunuh waris tuan punya ladang ini, supaya dapat kita rampas harta
pusakanya." 39 Mereka pun menangkapnya, menghumbankannya ke luar ladang dan membunuhnya.'

40 Selepas itu Isa bertanya, 'Apabila tuan punya ladang itu pulang, apakah yang akan
dilakukannya kepada penyewa-penyewa itu?'

41 Mereka menjawab, 'Tentu dia akan membunuh semua orang yang jahat itu dan menyewakan
ladang anggurnya kepada orang lain yang sanggup memberikan bahagiannya daripada hasil ladang
itu pada musim memetik anggur.'

42 Isa berkata kepada mereka, 'Tidakkah kamu baca apa yang tersurat di dalam Kitab Suci:

‘ “Batu yang dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru.
Demikianlah perbuatan Tuhan;
Sungguh hebat di mata kami!”?

43 ‘Sesungguhnya, hak untuk memasuki kerajaan Allah akan diambil daripadamu dan diberikan
kepada bangsa yang memberikan hasil yang dikehendaki Allah. 44 Sesiapa yang jatuh ke atas batu itu
akan hancur; dan sesiapa yang ditimpa batu itu akan digilis menjadi debu.’

45 Apabila ketua imam dan orang Farisi mendengar ibarat-ibarat Isa, fahamlah mereka bahawa
Dia bercakap tentang mereka. 46 Oleh itu mereka cuba menangkap Isa. Tetapi mereka takut akan
orang ramai yang menganggap Isa sebagai seorang nabi.

22 *Ibarat tentang majlis perkahwinan*

1 Isa bercakap lagi kepada orang ramai melalui ibarat. 2 Dia berkata, ‘Kerajaan syurga seperti ibarat
ini. Seorang raja mengadakan majlis perkahwinan untuk anak lelakinya. 3 Raja menitahkan hamba-
hambanya menjemput orang ke majlis jamuan itu tetapi mereka enggan hadir.

4 ‘Kemudian raja itu menghantar lagi hamba-hambanya yang lain. Titah raja itu, “Katakan kepada
mereka, lembu yang terbaik telah disembelih, semuanya sudah siap, datanglah ke majlis
perkahwinan.”

5 ‘Tetapi orang yang diundang tidak ambil peduli, masing-masing sibuk dengan kerjanya. Ada
yang ke ladang, ada yang ke kedai. 6 Manakala yang lain menangkap hamba-hamba itu lalu mendera
dan membunuh mereka. 7 Raja pun teramat murka lalu menitahkan tenteranya menghapuskan semua
pembunuh itu dan membakar kota mereka.

8 ‘Setelah itu raja memanggil hamba-hambanya dan berkata, “Majlis perkahwinan sudah siap tetapi
orang yang diundang tidak layak menghadirinya. 9 Sekarang pergilah ke jalan raya dan jemput
seramai mungkin orang yang kamu temui ke majlis perkahwinan ini.” 10 Hamba-hamba raja itu pun
pergi ke jalan raya lalu mengumpulkan semua orang yang ditemui, tidak kira baik atau pun jahat,
maka penuh sesaklah balai majlis jamuan itu dengan tetamu.

11 ‘Raja itu masuk melihat para tetamunya. Dilihatnya seorang yang tidak memakai pakaian untuk
majlis perkahwinan. 12 Raja berkata kepadanya, “Bagaimana engkau dapat masuk ke sini dengan
tidak memakai pakaian untuk majlis perkahwinan?” Orang itu terdiam.

13 ‘Raja itu pun berkata kepada hamba-hambanya, “Ikat kaki dan tangan orang ini, buangkan dia
ke kegelapan di luar. Di sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.”

14 ‘Ramai yang dipanggil, tetapi cuma sedikit yang dipilih.’

Membayar cukai kepada Kaisar

15 Beberapa orang Farisi pergi dan berpakat bagaimana hendak memerangkap Isa dengan
menyoal kata-kata yang digunakan-Nya. 16 Mereka menghantar para pengikut mereka dan sebilangan
orang Herodes mendapatkan Isa dan berkata, ‘Tuan Guru, kami tahu Engkau ikhlas, dan terus-terang
mengajarkan kehendak Allah berdasarkan yang benar kepada manusia. Engkau tidak takut kepada
sesiapapun kerana Engkau tidak pilih kasih. 17 Jadi, katakanlah pendapat-Mu kepada kami. Haruskah
kita membayar cukai kepada Kaisar atau tidak?’

18 Isa mengetahui niat jahat mereka lalu berkata, ‘Hai munafik! Mengapa kamu cuba
memerangkap-Ku? 19 Tunjukkan mata wang yang kamu gunakan untuk membayar cukai.’ Mereka
memberikan mata wang itu kepada Isa. 20 Isa bertanya kepada mereka, ‘Gambar dan nama siapakah
ini?’

21 ‘Kaisar,’ jawab mereka.

Lalu Isa berkata kepada mereka, ‘Kalau begitu, berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan berikan
milik Allah kepada Allah.’

22 Mereka tercengang mendengar kata-kata Isa, lalu pergi dari situ.

Perkahwinan dan kebangkitan

23 Pada hari itu juga, beberapa orang Saduki datang mendapatkan Isa. Menurut kepercayaan
golongan ini, orang mati tidak akan bangkit semula. 24 Mereka berkata, 'Tuan Guru, ajaran Musa
begini: Jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa anak, maka saudara lelakinya harus berkahwin
dengan balunya untuk mendapatkan zuriat. 25 Dahulu ada tujuh orang adik-beradik tinggal di sini.
Yang sulung berkahwin, kemudian meninggal dunia tanpa anak. Jadi, saudara yang kedua pun
berkahwin dengan balunya. 26 Saudara yang kedua itu pula meninggal dunia tanpa anak. Demikianlah
terjadi seorang demi seorang hingga saudara yang ketujuh. 27 Akhirnya wanita itu meninggal
dunia. 28 Pada hari kebangkitkan orang mati, isteri siapakah wanita itu? Ketujuh-tujuh saudara itu
telah berkahwin dengannya.'

29 Isa menjawab, 'Tanggapanmu salah sama sekali. Kamu tidak memahami Kitab Suci dan kuasa
Allah. 30 Apabila orang mati dibangkitkan semula, mereka akan menjadi seperti malaikat di syurga.
Mereka tidak berkahwin. 31 Tentang soal orang mati dibangkitkan semula, tidakkah kamu baca firman
Allah: 32 "Akulah Tuhan yang disembah oleh Ibrahim, Ishak dan Yakub." Oleh itu, Dia Allah Tuhan
orang hidup, bukan Allah Tuhan orang mati.'

33 Orang ramai kagum mendengar ajaran Isa.

Perintah yang terutama

34 Apabila orang Farisi mendengar betapa Isa menyebabkan orang Saduki terdiam, mereka pun
datang berkumpul. 35 Seorang guru Taurat antara mereka cuba memerangkap Isa dengan suatu
soalan: 36 'Tuan Guru, perintah manakah yang terutama dalam Taurat?'

37 Isa menjawab, ' "Kasihilah Allah, Tuhanmu dengan sepenuh hati, dengan sepenuh jiwa dan
dengan sepenuh fikiranmu." 38 Inilah perintah yang terutama dan terpenting. 39 Perintah kedua sama
pentingnya: "Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri." 40 Seluruh
Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan dua perintah ini.'

41 Isa bertanya kepada orang Farisi yang berkumpul itu: 42 'Apa pendapatmu tentang al-Masih?
Anak siapakah Dia?'

'Anak Daud,' jawab mereka.

43 'Kalau begitu, mengapakah Daud, ketika diilhami Roh Suci, menyebut-Nya "Junjungan"? Daud
berkata,

44 "Tuhan telah berfirman kepada Junjunganku:

'Duduklah di kanan-Ku,

sehingga Kujadikan musuh-Mu

alas kaki-Mu.' "

45 'Jika Daud menyebut Dia yang diutus oleh Allah itu "Junjungan," bagaimana mungkin Dia itu anak
Daud?' 46 Tidak seorang pun terjawab soalan Isa. Sejak hari itu, tiada siapa berani menanya Isa apa-
apa.

23 *Isa mengecam orang Farisi*

1 Isa berkata kepada orang ramai dan para pengikut-Nya: 2 'Guru Taurat dan orang Farisi menduduki
kerusi Musa. 3 Oleh itu, patuhilah dan turutilah perintah yang diajarkan oleh mereka. Tetapi jangan
contohi perbuatan mereka, kerana tidak selaras dengan ajaran mereka. 4 Mereka meletakkan beban
yang berat dan sukar dipikul ke atas bahu orang, tetapi mereka langsung tidak mahu menolong orang
memikul beban itu.

5 'Mereka melakukan sesuatu hanya untuk dilihat orang. Lihatlah betapa besarnya bekas ayat
Kitab Suci yang diikatkan pada dahi dan lengan mereka, serta betapa panjangnya rumbai jubah
mereka. 6 Mereka suka duduk di tempat terbaik di majlis jamuan dan kerusi khas di
saumaah. 7 Mereka suka dihormati orang di pasar, dan suka dipanggil "Tuan Guru."

8 'Janganlah suruh orang memanggilmu "Tuan Guru," kerana kamu semua bersaudara dan
Gurumu hanya satu. 9 Janganlah panggil sesiapapun di dunia ini "Bapa," kerana kamu hanya
mempunyai satu Bapa yang di syurga. 10 Janganlah suruh orang memanggilmu "Pemimpin," kerana
pemimpinmu hanya satu, iaitu al-Masih. 11 Orang yang terbesar antaramu haruslah menjadi

pelayanmu. [12] Orang yang meninggikan diri akan direndahkan, dan orang yang merendahkan diri akan ditinggikan.

[13] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu menghalang orang memasuki kerajaan syurga. Kamu bukan sahaja enggan memasuki kerajaan syurga; kamu halang pula orang lain yang berusaha untuk memasukinya. [14] Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu menipu balu dan merampas rumahnya, kemudian pura-pura berdoa panjang. Oleh itu, kamu akan menerima hukuman yang lebih berat.

[15] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu merentas lautan dan daratan untuk menarik seseorang menganut agamamu. Namun, setelah berjaya, kamu menjadikannya isi neraka yang dua kali lebih buruk daripadamu.

[16] ‘Malanglah kamu, pemimpin yang buta! Kamu mengajar orang demikian, “Jika seorang bersumpah demi rumah ibadat, dia tidak terikat pada sumpahnya. Tetapi jika dia bersumpah demi emas di dalam rumah ibadat, dia terikat pada sumpahnya.” [17] Hai orang bodoh dan buta! Yang mana lebih penting, emas atau rumah ibadat Allah yang menjadikan emas itu suci? [18] Kamu juga mengajar orang begini, “Jika seseorang bersumpah demi mazbah, dia tidak terikat pada sumpahnya; tetapi jika dia bersumpah demi persembahan di atas mazbah, dia terikat pada sumpahnya.” [19] Hai orang yang buta hati! Yang manakah lebih penting, persembahan atau mazbah yang menjadikan persembahan itu suci? [20] Ketahuilah apabila seseorang bersumpah demi mazbah, dia bersumpah demi mazbah dan demi segala persembahan di atasnya. [21] Apabila seseorang bersumpah demi rumah ibadat, dia bersumpah demi rumah ibadat itu dan demi Dia yang tinggal di situ. [22] Apabila seseorang bersumpah demi syurga, dia bersumpah demi takhta Allah dan demi Dia yang duduk di atas takhta itu.

[23] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu memberikan sepersepuluh daripada pelbagai jenis rempah seperti selasih, adas manis dan jintan kepada Allah. Tetapi kamu tidak mematuhi ajaran Taurat yang benar-benar penting seperti keadilan, belas kasihan dan kesetiaan. Kamu harus mengerjakan semua ini tanpa melalaikan ajaran yang lain. [24] Hai pemimpin yang buta! Agas kamu tapis, tetapi unta kamu telan.

[25] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu membersihkan bahagian luar cawan dan pinggan, sedangkan bahagian dalamnya penuh dengan hasil kekerasan dan kerakusanmu. [26] Hai orang Farisi yang buta hati! Bersihkan bahagian dalam cawan itu, bahagian luarnya akan bersih juga.

[27] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu seperti kubur yang bercat putih: cantik di luar tetapi di dalamnya penuh dengan tulang dan mayat yang busuk. [28] Begitulah kamu! Pada lahirnya kamu orang yang benar, tetapi sebenarnya kamu durjana dan munafik.

[29] ‘Malanglah kamu, guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu membina makam yang indah untuk nabi-nabi dan menghiasi kubur orang yang benar. [30] Kamu berkata, “Kalaulah kami hidup pada zaman nenek moyang kami dulu, tentu kami tidak akan mengikut perbuatan mereka yang menumpahkan darah para nabi.” [31] Jadi, kamu sendiri memberikan kesaksian bahawa kamu keturunan pembunuh nabi! [32] Kalau begitu, teruskan dan sempurnakanlah apa yang dimulakan oleh nenek moyangmu!

[33] ‘Hai kamu seperti ular, bahkan kamu seperti ular berbisa! Bagaimana kamu dapat melepaskan diri daripada azab neraka? [34] Sesungguhnya Aku akan mengutus nabi, orang bijaksana dan guru kepadamu. Kamu akan membunuh dan menyalib mereka. Yang lain pula kamu sebat di dalam saumaah, dan buru dari kota ke kota. [35] Dengan demikian darah semua orang benar yang tertumpah di bumi akan ditanggungkan kepadamu: mulai daripada darah Habil yang tidak bersalah itu hingga kepada darah Zekaria anak Berekia, yang kamu bunuh di antara rumah ibadat dan mazbah. [36] Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, semuanya itu akan ditanggungkan kepada keturunan zaman ini.

[37] ‘Baitulmaqdis, Baitulmaqdis! Engkau membunuh nabi dan merejam utusan Allah! Sudah berapa kali aku ingin mendakap semua pendudukmu seperti ibu ayam menaungi anak-anaknya di bawah sayapnya, tetapi kamu tidak mahu. [38] Rumahmu akan ditinggalkan dan terbiar. [39] Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, mulai sekarang engkau tidak akan melihat-Ku lagi sehingga engkau berkata, “Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan.” ’

24 *Tanda-tanda akhir zaman*

[1] Apabila Isa melangkah keluar dari rumah ibadat, para pengikut-Nya datang mendapatkannya lalu
menunjukkan bangunan-bangunan rumah ibadat itu. [2] Isa berkata kepada mereka, ‘Lihatlah semuanya
ini! Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, satu batu pun tidak akan tinggal di tempatnya; semuanya
akan dirobohkan.’

[3] Ketika Isa duduk di atas Bukit Zaitun, para pengikut-Nya datang mendapatkan-Nya. Pada masa
itu tiada orang lain di situ. Mereka bertanya, ‘Junjungan, beritahulah kami bila semuanya akan
terjadi? Apakah tanda-tanda kedatangan-Mu dan akhir zaman?’

[4] Isa menjawab, ‘Waspadalah, jangan terpedaya. [5] Ramai orang akan datang dengan nama-Ku
dan berkata, “Akulah al-Masih!” Mereka akan menipu orang ramai. [6] Kamu akan mendengar tentang
peperangan dan desas-desus peperangan, tetapi jangan gentar. Itu semua mesti terjadi, tetapi
bukanlah bererti akhir zaman sudah tiba. [7] Bangsa akan bertarung dengan bangsa, kerajaan dengan
kerajaan. Kebuluran dan gempa bumi akan berlaku di merata-rata. [8] Segala ini cuma permulaan,
ibarat sakit sebelum bersalin.

[9] ‘Setelah itu kamu akan ditangkap dan diserahkan untuk diseksa dan dibunuh. Semua orang akan
membencimu kerana kamu pengikut-Ku. [10] Pada masa itu ramai pengikut-Ku yang tidak lagi beriman
kepada-Ku. Mereka akan saling mengkhianati dan membenci. [11] Ramai nabi palsu akan tampil
memperdaya orang ramai. [12] Kejahatan semakin merebak sehingga kasih sayang hampir luput dari
hati manusia. [13] Namun, sesiapa yang bertahan ke saat akhir akan diselamatkan. [14] Injil tentang
kerajaan Allah akan disebarkan ke seluruh pelosok bumi sebagai suatu kesaksian kepada semua
bangsa. Selepas itu barulah tiba akhir zaman.

Seksaan yang besar

[15] ‘Oleh itu, apabila kamu melihat “Kekejian yang membawa kebinasaan” yang disebut oleh Nabi
Daniel di tempat suci (biarlah para pembaca memperhatikanya), [16] ketika itu orang yang di Yudea
mesti lari ke pergunungan. [17] Orang yang di atas bumbung ketika itu usahlah masuk ke rumah
mengambil apa-apa. [18] Orang yang di ladang janganlah pulang mengambil jubah. [19] Sungguh dahsyat
bagi ibu yang mengandung dan menyusui anak. [20] Berdoalah semoga kamu tidak terpaksa melarikan
diri pada musim dingin atau hari Sabat. [21] Ketika itu akan berlaku kesengsaraan yang belum pernah
berlaku sejak dunia dicipta sampai sekarang, dan yang tidak akan pernah berlaku lagi. [22] Kalaulah
Allah tidak menyingkatkan masa itu, tiada seorang pun akan selamat. Namun, untuk umat pilihan-Nya,
Allah menyingkatkan masa itu. [23] Pada masa itu, jika orang berkata kepadamu, “Lihat, al-Masih ada di
sini!” atau “Dia ada di situ!” janganlah percaya. [24] Kerana beberapa al-masih palsu dan nabi palsu
akan datang dengan pelbagai mukjizat serta keajaiban untuk menipu orang. Sebilangan umat pilihan
Allah pun mungkin turut terpedaya. [25] Dengarlah! Aku memberitahumu semua ini sebelum terjadi.

[26] ‘Jika orang berkata kepadamu, “Lihat! Dia ada di gurun!” janganlah kamu ke sana. Dan jika
mereka berkata, “Dia ada di dalam bilik!” usahlah kamu percaya. [27] Sesungguhnya, Putera Insan akan
datang seperti kilat yang memancar di seluruh langit, dari timur hingga ke barat. [28] Di mana ada
mayat, di situlah berkerumunnya burung pemakan bangkai.

Kedatangan yang mulia

[29] ‘Tidak lama selepas kesengsaraan masa itu,

“matahari akan gelap
dan bulan tidak bersinar lagi;
Bintang-bintang akan berguguran
dari langit, dan kuasa-kuasa
angkasa akan digoncang.”

[30] ‘Tanda Putera Insan akan kelihatan di langit. Semua suku bangsa di bumi akan menangis melihat
Putera Insan di awan dengan kekuasaan dan kemuliaan yang agung. [31] Sangkakala akan dibunyikan
dengan kuatnya, dan Putera Insan akan menghantar malaikat-malaikat-Nya ke seluruh pelosok bumi
untuk menghimpunkan umat pilihan Allah.

32 ‘Ambillah iktibar daripada pokok ara. Apabila dahannya hijau, lembut dan mula bertunas, kamu
tahu musim panas hampir tiba. 33 Demikianlah apabila kamu melihat perkara-perkara ini, tahulah kamu
bahawa waktunya sudah dekat, sudah di ambang pintu. 34 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu,
segala ini akan terjadi sebelum orang yang hidup hari ini mati semuanya. 35 Langit dan bumi akan
lenyap, tetapi firman-Ku kekal selama-lamanya.

Nasihat supaya berjaga-jaga

36 ‘Namun demikian, tiada siapa yang mengetahui hari atau waktunya, baik para malaikat di
syurga mahupun Putera. Hanya Bapa yang tahu. 37 Apabila Putera Insan datang, samalah nanti
seperti zaman Nuh. 38 Sebelum banjir melanda, orang makan minum dan berkahwin, hinggalah waktu
Nuh masuk ke bahtera. 39 Mereka tidak sedar apa yang berlaku hingga banjir memusnahkan mereka.
Demikianlah kelak apabila Putera Insan datang. 40 Pada masa itu, antara dua orang yang sedang
bekerja di ladang, seorang dibawa pergi dan seorang ditinggalkan. 41 Antara dua orang wanita yang
sedang menggiling gandum, seorang akan dibawa manakala yang seorang lagi ditinggalkan.

42 ‘Berjaga-jagalah, kerana kamu tidak mengetahui waktunya Junjunganmu akan
datang. 43 Ingatlah: Sekiranya tuan rumah mengetahui bila masanya pencuri akan datang, dia tidak
akan tidur. Dia tidak akan membiarkan pencuri masuk ke rumahnya. 44 Kamu juga hendaklah sentiasa
bersedia. Putera Insan akan datang pada saat yang tidak kamu sangka.

45 ‘Siapakah hamba yang setia dan bijaksana? Dialah yang diamanahkan oleh tuannya menjadi
pengurus rumahnya dan memberi makan kepada hamba yang lain pada waktu tertentu. 46 Bahagialah
hamba itu jika dia didapati menjalankan tugas pada waktu tuannya kembali. 47 Sesungguhnya, Aku
berkata kepadamu, tuan itu akan mengamanahkan segala harta bendanya kepada hamba
itu. 48 Tetapi jika hamba itu durjana, dia akan berkata dalam hatinya, “Masih lama lagi masanya
tuanku akan pulang.” 49 Dia pun memukul hamba-hamba yang lain, dan makan minum dengan kaki
botol. 50 Tuan hamba itu akan kembali pada hari yang tidak disangkanya, dan pada waktu yang tidak
diketahuinya. 51 Dia akan membunuh hamba itu dan membuangnya ke tempat orang munafik. Di
sanalah akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.

25 *Ibarat sepuluh anak dara*

1 ‘Kerajaan syurga ibarat sepuluh orang anak dara yang membawa lampu dan berjalan keluar untuk
menyambut pengantin lelaki. 2 Lima orang daripada mereka itu bijak manakala yang lima lagi kurang
berakal. 3 Yang kurang berakal membawa lampu sahaja tanpa bekalan minyak. 4 Yang bijak membawa
bekalan minyak bersama lampu. 5 Apabila pengantin lelaki lewat tiba, mereka semuanya mengantuk
lalu tertidur.

6 ‘Pada waktu tengah malam terdengar seruan, “Pengantin lelaki sudah dekat; pergilah
menyambutnya!”

7 ‘Kesemua anak dara itu pun membetul-betulkan lampu mereka. 8 Yang kurang berakal berkata
kepada yang bijak, “Berilah kami minyakmu itu sedikit, kerana lampu kami hampir padam.”

9 ‘Tetapi yang bijak menjawab, “Kami tidak dapat memberimu, nanti tidak cukup minyak ini;
pergilah beli minyak daripada penjual.”

10 ‘Sementara yang kurang berakal pergi membeli minyak, pengantin lelaki pun sampai. Semua
mereka yang sudah sedia terus mengiringinya ke majlis perkahwinan, maka pintu pun ditutup.

11 ‘Kemudian barulah anak dara yang berlima lagi itu tiba lalu berseru, “Tuan, tuan, bukalah pintu
untuk kami!”

12 ‘Tetapi pengantin lelaki berkata, “Sesungguhnya aku tidak mengenalmu.”

13 ‘Oleh itu berjaga-jagalah, kerana kamu tidak tahu hari dan waktunya Putera Insan datang.

Ibarat tentang wang emas

14 ‘Kerajaan syurga boleh juga diibaratkan demikian: Seorang lelaki hendak pergi ke tanah asing yang
jauh, lalu memanggil hamba-hambanya untuk berpesan menjaga hartanya. 15 Kepada yang seorang dia
memberi lima keping wang emas, kepada seorang lagi dua keping, kepada yang seorang lagi sekeping,
masing-masing menurut kebolehannya. Setelah itu dia pun bertolak. 16 Hamba yang menerima lima
keping emas itu memperniagakannya, lalu mendapat untung lima keping emas

lagi. 17 Demikian juga yang menerima dua keping emas, dia mendapat laba dua keping lagi. 18 Tetapi yang menerima sekeping itu menggali lubang dan menyembunyikan wang tuannya di situ.

19 ‘Selepas beberapa lama, tuan kepada hamba-hamba itu pulang lalu menyelesaikan kira-kira dengan mereka. 20 Hamba yang menerima lima keping wang emas dahulu membawakan lima keping lagi sambil berkata, “Tuan, tuan telah memberiku lima keping wang emas. Lihatlah, aku telah mendapatkan lima keping lagi dengannya.”

21 ‘Tuannya berkata kepadanya, “Syabas, wahai hamba yang baik dan setia. Kamu setia mengurus yang sedikit, maka aku akan memberimu kuasa mengendalikan yang banyak. Nikmatilah kebahagiaan kurnia tuanmu.”

22 ‘Yang telah menerima dua keping wang emas pula datang lalu berkata, “Tuan, tuan telah memberiku dua keping wang emas. Lihatlah, aku telah mendapatkan dua keping lagi dengannya.”

23 ‘Tuannya berkata kepadanya, “Syabas, wahai hamba yang baik dan setia. Kamu setia mengurus yang sedikit. Aku akan memberimu kuasa mengendalikan yang banyak. Nikmatilah kebahagiaan kurnia tuanmu.”

24 ‘Kemudian hamba yang menerima sekeping wang emas itu datang lalu berkata, “Tuan, aku tahu tuan berhati batu. Tuan menuai tanpa menyemai, memungut hasil tanpa menabur benih. 25 Jadi aku takut, lalu kusorokkan wang emas tuan itu di dalam tanah. Lihat, itulah hak milik tuan.”

26 ‘Tetapi tuannya menjawab, “Hai hamba yang jahat dan pemalas, kamu tahu aku menuai tanpa menyemai, memungut hasil tanpa menabur benih. 27 Oleh itu sepatutnya kamu simpan wang itu di dalam bank, supaya ketika aku pulang, aku menerima wang itu dengan faedahnya.

28 ‘ “Sekarang, wang sekeping itu kusuruh ambil daripadamu dan berikan kepada yang mempunyai sepuluh keping wang emas. 29 Demikianlah, kepada setiap orang yang ada, akan diberi lebih lagi, menjadikan dia penuh dengan kelimpahan; sebaliknya orang yang tidak ada, apa yang ada padanya pun akan diambil. 30 Buangkan hamba yang tidak berguna ini ke dalam kegelapan di luar. Di sana akan terdapat ratapan dan kertakan gigi.”

Hukuman

31 ‘Apabila Putera Insan datang dengan segala kemuliaan-Nya, diiringi sekalian malaikat suci, Dia akan duduk di atas takhta kemuliaan-Nya. 32 Semua bangsa akan berhimpun di hadapan-Nya, dan Dia akan mengasing-asingkan mereka, sebagaimana gembala mengasing-asingkan domba daripada kambing. 33 Dia akan meletakkan domba di sebelah kanan-Nya dan kambing di sebelah kiri-Nya.

34 ‘Kemudian Raja itu akan berkata kepada mereka yang di sebelah kanan-Nya, “Marilah, kamu yang diberkati oleh Bapa-Ku! Warisilah kerajaan yang telah disediakan untukmu sejak dunia dicipta. 35 Kerana Aku lapar dan kamu memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu memberi-Ku minuman; Aku orang asing dan kamu menerima-Ku masuk ke rumahmu; 36 Aku tidak berpakaian dan kamu memberi-Ku pakaian; Aku sakit dan kamu melawat-Ku; Aku di dalam penjara dan kamu datang kepada-Ku.”

37 ‘Orang yang benar itu pun bertanya, “Junjungan, bilakah kami melihat-Mu lapar dan memberi-Mu makanan, melihat-Mu dahaga dan memberi-Mu minuman? 38 Bilakah kami melihat-Mu orang asing dan menerima-Mu masuk ke rumah, melihat-Mu tidak berpakaian dan memberi-Mu pakaian? 39 Bila pula kami melihat-Mu sakit, atau di dalam penjara, dan datang kepada-Mu?”

40 ‘Raja akan menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-saudara-Ku ini, ertinya kamu melakukannya kepada-Ku.”

41 ‘Selepas itu Dia akan berkata kepada mereka yang di sebelah kiri-Nya, “Nyahlah dari sisiku, kamu yang terlaknat, ke dalam api abadi yang telah disediakan untuk Iblis dan para penyokongnya; 42 kerana Aku lapar dan kamu tidak memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu tidak memberi-Ku minuman. 43 Aku orang asing dan kamu tidak menerima-Ku masuk ke rumahmu; Aku tidak berpakaian dan kamu tidak memberi-Ku pakaian; Aku sakit, Aku di dalam penjara, dan kamu tidak melawat-Ku.”

44 ‘Mereka akan berkata, “Junjungan kami, bilakah kami melihat-Mu lapar, atau dahaga, orang asing, atau tidak berpakaian, atau sakit, atau di dalam penjara, dan tidak mengambil berat tentang-Mu?”

45 ‘Dia akan menjawab, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu tidak
melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-saudara-Ku ini, ertinya kamu tidak
melakukannya kepada-Ku.”

46 ‘Mereka itu akan menanggung azab hukuman selama-lamanya, manakala mereka yang benar
akan menikmati hidup kekal.’

26 *Rancangan untuk membunuh Isa*

1 Setelah selesai Isa menyampaikan semua ini, Dia pun berkata kepada pengikut-pengikut-
Nya, 2 ‘Kamu tahu bahawa dua hari lagi perayaan Paska menjelang, dan Putera Insan akan
diserahkan untuk disalib.’

3 Ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan tua-tua berhimpun di rumah Imam Besar yang
bernama Kayafas. 4 Mereka berpakat untuk memperdaya Isa dan membunuh-Nya. 5 Tetapi mereka
berkata, ‘Janganlah dilakukan pada masa perayaan, takut orang ramai merusuh.’

Isa dituangi minyak

6 Apabila Isa berada di Betani di rumah Simon, yang menghidap penyakit kusta, 7 seorang wanita
mendekati-Nya dengan sebuah bekas alabaster berisi minyak wangi yang amat mahal, lalu
menuangkan minyak itu ke atas kepala-Nya ketika Dia sedang bertelekan di meja.

8 Apabila pengikut-pengikut-Nya melihat perbuatan wanita itu, mereka marah lalu berkata,
‘Mengapa membazir begini? 9 Minyak wangi ini boleh dijual dengan harga yang tinggi dan wangnya
boleh diberikan kepada orang miskin.’

10 Tetapi apabila Isa mengetahui kemarahan mereka, Dia berkata, ‘Mengapakah kamu
menyusahkan wanita ini? Dia telah melakukan sesuatu yang baik untuk-Ku. 11 Orang miskin akan
sentiasa ada di sekelilingmu, tetapi Aku tidaklah sentiasa bersamamu. 12 Dengan menuangkan minyak
wangi ini ke atas tubuh-Ku, dia melakukannya untuk pengebumian-Ku. 13 Sesungguhnya, Aku berkata
kepadamu, di mana-mana pun kelak Injil ini disampaikan di serata dunia, apa yang telah dilakukan
oleh wanita ini akan dikisahkan juga sebagai kenangan kepadanya.’

Yudas mengkhianati Isa

14 Selepas itu, seorang daripada dua belas orang pengikut Isa, bernama Yudas Iskariot, pergi
berjumpa dengan ketua-ketua imam. 15 Dia berkata kepada mereka, ‘Apakah yang sanggup kamu
berikan kepadaku kalau kuserahkan Dia kepadamu?’ Mereka memberinya tiga puluh keping wang
perak. 16 Sejak itu dia pun mencari peluang untuk mengkhianati Isa.

Perjamuan Tuhan

17 Pada hari pertama Perayaan Roti Tidak Beragi, pengikut-pengikut Isa mendapatkan-Nya lalu
berkata, ‘Di manakah Junjungan mahu kami sediakan jamuan Paska untuk-Mu?’

18 Isa menyuruh mereka ke bandar, mencari seorang tertentu dan mengatakan kepadanya, ‘Guru
berkata, “Masa-Ku sudah hampir; Aku akan menyambut perayaan Paska di rumahmu bersama para
pengikut-Ku.” ’ 19 Pengikut-pengikut Isa menjalankan arahan-Nya lalu menyediakan jamuan perayaan
Paska.

20 Menjelang malam, Dia pun bertelekan di meja bersama pengikutnya yang dua belas
itu. 21 Sambil makan itu Dia berkata, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, seorang daripadamu
akan mengkhianati-Ku.’

22 Mereka sungguh berdukacita, dan setiap orang daripada mereka berkata kepada-Nya,
‘Junjungan, tentunya aku bukan orang itu?’

23 Isa menjawab, ‘Orang yang mencecahkan tangannya bersama-Ku ke dalam bekas akan
mengkhianati-Ku. 24 Putera Insan memanglah harus pergi sebagaimana telah tersurat, tetapi
malanglah orang yang mengkhianati-Nya! Lebih baik lagi bagi orang itu jika tidak dilahirkan.’

25 Ketika itu Yudas yang akan mengkhianati-Nya bertanya, ‘Tuan Guru, akukah orangnya?’

Isa berkata kepadanya, ‘Kamu telah mengatakannya.’

26 Ketika mereka sedang makan, Isa mengambil roti, mengucap syukur lalu memecah-mecahkan dan

membahagikannya kepada pengikut-pengikut-Nya sambil berkata, ‘Ambil dan makanlah, ini tubuh-Ku.’

27 Kemudian Dia mengambil cawan air anggur dan mengucap syukur kepada Allah lalu
memberikannya kepada mereka sambil berkata, ‘Minumlah darinya, kamu semua. 28 Kerana ini darah-
Ku bagi perjanjian baru, ditumpahkan untuk umat manusia supaya hapus dosa mereka. 29 Tetapi, Aku
berkata kepadamu, Aku tidak akan minum air anggur dari saat ini hinggalah hari Aku minum air
anggur bersamamu dalam kerajaan Bapa-Ku.’

30 Setelah menyanyikan sebuah lagu suci mereka pun beredar ke Bukit Zaitun.

31 Kemudian Isa berkata kepada mereka, ‘Kamu semua akan goyah kerana-Ku malam ini,
sebagaimana telah tersurat:

“Aku akan merebahkan Gembala,

dan kawanan domba akan

bertempiaran.”

32 ‘Tetapi setelah Aku dibangkitkan semula, Aku akan mendahului kamu ke Galilea.’

33 Petrus menjawab, ‘Kalaupun semua yang lain goyah kerana-Mu, Junjungan, aku tidak akan
goyah.’

34 Isa berkata kepadanya, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pada malam ini juga, sebelum
ayam berkokok, engkau akan menyangkal-Ku tiga kali.’

35 Petrus berkata kepada Isa, ‘Kalaupun aku terpaksa mati bersama-Mu, aku tidak akan
menyangkal-Mu, Junjungan!’ Demikian jugalah kata pengikut-pengikut-Nya yang sebelas orang lagi.

Di taman Getsemani

36 Selepas itu Isa pergi bersama mereka ke sebuah tempat bernama Getsemani, lalu Dia berkata
kepada mereka, ‘Duduklah di sini sementara Aku berdoa di sana.’ 37 Isa membawa bersama-Nya
Petrus dan kedua-dua anak Zebedeus. Dia mula berdukacita dan amat berpilu hati. 38 Dia berkata
kepada mereka, ‘Jiwa-Ku sungguh dukacita, bagaikan mati. Duduklah di sini berjaga bersama-Ku.’

39 Isa pergi jauh sedikit dari situ lalu sujud menyembamkan muka ke tanah dan berdoa, ‘Ya Bapa-
Ku, kalaulah dapat, edarkanlah cawan ini daripada-Ku; namun, biarlah kehendak-Mu berlaku, bukan
kehendak-Ku.’

40 Kemudian Dia pergi kepada pengikut-pengikut-Nya dan mendapati mereka telah tertidur; lalu
Dia berkata kepada Petrus, ‘Apa? Satu jam pun kamu tidak dapat berjaga bersama-Ku?’ 41 Berjaga
dan berdoalah, takut nanti kamu tergoda. Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah.’

42 Bagi kali kedua, Dia pergi dan berdoa, ‘Ya Bapa-Ku, jika cawan ini tidak mungkin beredar
daripada-Ku melainkan Kuminum, biarlah kehendak-Mu berlaku.’

43 Selepas itu Dia mendapati mereka tidur lagi, kerana mata mereka sungguh mengantuk. 44 Dia
pun meninggalkan mereka dan pergi berdoa lagi, bagi kali ketiga. Dia mengucapkan kata-kata yang
sama.

45 Setelah itu Dia mendapatkan pengikut-pengikut-Nya lalu berkata, ‘Adakah kamu masih tidur
dan berehat? Lihatlah, masanya telah menjelang, dan Putera Insan sedang dikhianati untuk
diserahkan ke tangan orang berdosa. 46 Bangunlah, ayuh kita pergi. Lihat, pengkhianat-Ku sudah tiba.’

Isa ditangkap

47 Ketika Dia sedang berkata-kata itu, seorang daripada pengikut-Nya yang dua belas, Yudas,
datang diiringi orang yang sangat ramai dan bersenjatakan pedang serta belantan. Mereka datang
daripada ketua-ketua imam dan tua-tua. 48 Pengkhianat Isa telah menyatakan isyarat kepada mereka,
‘Yang kucium nanti, itulah orangnya; tangkaplah Dia.’ 49 Dengan segera dia menghampiri Isa sambil
berkata, ‘Selamat sejahtera, Tuan Guru!’ lalu mencium-Nya.

50 Isa berkata kepadanya, ‘Kawan, mengapakah kamu datang?’

Orang ramai itu pun menangkap Isa. 51 Tiba-tiba seorang pengikut Isa menghunus pedangnya lalu
menetak hamba Imam Besar, sehingga telinganya putus.

52 Tetapi Isa berkata kepada pengikut-Nya itu, ‘Simpan semula pedangmu di tempatnya yang

wajar, kerana semua yang menggunakan pedang akan musnah dimakan pedang. 53 Adakah kamu
sangka Aku tidak boleh berdoa supaya Bapa-Ku menghantar lebih daripada dua belas tentera
malaikat untuk menolong-Ku? 54 Bukankah kejadian ini mesti berlaku supaya yang tersurat di dalam
Kitab Suci ternyata benar?'

55 Kemudian Isa berkata kepada orang ramai itu, 'Patutkah kamu datang, bagaikan hendak
menangkap perompak, dengan pedang dan belantan, untuk membawa-Ku pergi? Hari demi hari Aku
duduk bersamamu, mengajar di rumah ibadat, dan kamu tidak menangkap-Ku. 56 Tetapi segala ini
dilakukan untuk menunaikan apa yang tersurat di dalam kitab nabi-nabi.' Setelah itu semua pengikut
Isa meninggalkan-Nya, masing-masing melarikan diri.

Isa di hadapan Majlis Agama

57 Orang yang menangkap Isa membawa-Nya kepada Kayafas, Imam Besar. Di situ guru-guru
Taurat dan tua-tua telah berhimpun. 58 Petrus mengikut dari jauh ke bahagian laman dalam rumah
Imam Besar, lalu masuk dan duduk di kalangan hamba-hamba di situ untuk melihat kesudahan
perkara itu.

59 Ketua-ketua imam dan seluruh Majlis Agama telah mencari kesaksian palsu terhadap Isa
supaya dapat membunuh-Nya. 60 Tetapi mereka tidak berjaya. Sungguhpun ramai saksi palsu yang
tampil, tidak didapati kesaksian yang dikehendaki itu.

Akhirnya dua orang saksi tampil 61 dengan kesaksian: 'Orang ini telah berkata, "Aku dapat
memusnahkan rumah Allah dan membinanya semula dalam tiga hari."'

62 Imam Besar berdiri lalu berkata kepada Isa, 'Tidakkah kamu menjawab apa-apa? Apakah yang
didakwakan oleh dua orang ini terhadap-Mu?' 63 Tetapi Isa berdiam diri.

Imam Besar berkata kepada-Nya, 'Demi Allah yang hidup, katakan kepada kami, adakah kamu ini
al-Masih, Putera Allah?'

64 Isa berkata kepadanya, 'Benarlah seperti katamu. Namun, Aku berkata kepadamu, kemudian
hari kelak kamu akan melihat Putera Insan duduk di sebelah kanan Yang Maha Kuasa, dan datang
dalam awan di atas langit.'

65 Kemudian Imam Besar mengoyak-ngoyakkan pakaiannya sambil berkata, 'Dia telah melafazkan
kata-kata kufur! Apa perlunya saksi lagi? Sekarang kamu telah mendengar kata-kata kufur-
Nya! 66 Bagaimana pendapatmu?'

Mereka menjawab, 'Dia patut dibunuh.'

67 Setelah itu mereka meludah muka-Nya dan memukul-Nya. Ada yang menampar-Nya. 68 Mereka
berkata, 'Bernubuatlah pada kami, hai al-Masih! Siapa yang memukul-Mu?'

Petrus menyangkal Isa

69 Sedang Petrus duduk di laman dalam rumah itu, seorang hamba perempuan datang dan
berkata kepadanya, 'Kamu pun bersama Isa dari Galilea.'

70 Tetapi Petrus menyangkal di hadapan mereka semua, 'Aku tak tahu apa yang kaukatakan itu.'

71 Setelah Petrus pergi ke luar ke pintu gerbang, seorang perempuan lagi melihatnya dan berkata
kepada orang di situ, 'Orang ini pun bersama Isa orang Nasaret.'

72 Petrus menyangkal lagi sambil bersumpah, 'Aku tak kenal orang itu!'

73 Tidak lama kemudian orang yang berdiri-diri di situ menghampiri Petrus dan berkata
kepadanya, 'Sudah tentu kamu juga seorang daripada mereka; ini jelas daripada loghatmu.'

74 Petrus pun mengucapkan kutuk dan sumpah, 'Aku tak kenal orang itu!'

Serta-merta ayam berkokok. 75 Lalu Petrus teringat kata-kata Isa kepadanya, 'Sebelum ayam
berkokok, engkau akan menyangkal-Ku tiga kali.' Petrus pun keluar dari situ lalu menangis dengan
amat kesalnya.

27 *Yudas menggantung diri*

1 Setelah siang, semua ketua imam dan tua-tua berpakat untuk membunuh Isa. 2 Mereka menyuruh
orang mengikat-Nya. Kemudian mereka membawa-Nya lalu menyerahkan-Nya kepada gabenor,

Pontius Pilatus.

3 Apabila Yudas yang mengkhianati-Nya melihat bahawa Isa telah dijatuhi hukum mati, dia
menyesali perbuatannya lalu mengembalikan tiga puluh keping wang perak ke hadapan ketua-ketua
imam dan tua-tua. 4 Yudas berkata, ‘Aku berdosa menyebabkan tumpahnya darah orang yang tidak
bersalah.’

Kata mereka, ‘Apa kami peduli? Tanganilah sendiri!’

5 Yudas pun mencampakkan keping-keping wang perak itu ke dalam rumah ibadat lalu pergi
menggantung dirinya.

6 Ketua-ketua imam memungut wang perak itu lalu berkata, ‘Menurut hukum, kita tidak boleh
memasukkan wang ini ke dalam perbendaharaan rumah ibadat, kerana wang ini harga
darah.’ 7 Mereka bermesyuarat lalu menggunakan wang itu untuk membeli ladang tukang tembikar
bagi dijadikan tempat perkuburan orang asing. 8 Oleh itu padang tersebut dipanggil Padang Darah
hingga hari ini. 9 Dengan demikian berlakulah kata-kata Nabi Yeremia: ‘Maka mereka pun mengambil
tiga puluh keping wang perak itu, harga Dia yang telah dinilai oleh anak-anak Israel, 10 lalu membeli
padang untuk pengebumian orang asing, demikian firman Tuhan kepadaku.’

Isa di hadapan Pilatus

11 Gabenor bertanya kepada Isa yang berdiri di hadapannya, ‘Adakah Kamu Raja orang Yahudi?’

Isa berkata, ‘Begitulah seperti katamu.’

12 Ketika Dia dituduh oleh ketua-ketua imam dan tua-tua, Dia tidak berkata suatu
apa. 13 Kemudian Pilatus berkata kepada-Nya, ‘Tidakkah kamu dengar betapa banyaknya tuduhan
terhadapmu dalam kesaksian mereka?’ 14 Tetapi Isa tidak berkata sepatah pun, sehingga amat hairan
gabenor melihat-Nya.

15 Pada perayaan Paska, lazimnya gabenor membebaskan dari penjara seorang yang dikehendaki
oleh orang ramai. 16 Pada masa itu ada seorang banduan yang terkenal jahatnya, bernama
Barabas. 17 Setelah mereka berhimpun, Pilatus bertanya, ‘Yang mana kamu mahu aku bebaskan dan
serahkan ke tanganmu, Barabas atau Isa yang dipanggil al-Masih?’ 18 Gabenor mengetahui bahawa
mereka telah menyerahkan Isa kepadanya kerana iri hati.

19 Sedang gabenor duduk di atas kerusi penghakiman, isterinya berkirim pesan kepadanya,
‘Jangan apa-apakan orang yang tidak bersalah; hari ini aku banyak menanggung azab dalam mimpi
kerana-Nya.’

20 Tetapi ketua-ketua hakim dan tua-tua dapat meyakinkan orang ramai supaya meminta Barabas
dibebaskan dan Isa dibunuh.

21 Gabenor berkata kepada mereka, ‘Yang mana antara dua orang ini kamu mahu aku bebaskan
dan serahkan ke tanganmu?’

Mereka menjawab, ‘Barabas!’

22 Pilatus bertanya kepada mereka, ‘Jadi, apa yang harus kubuat dengan Isa yang dipanggil al-
Masih?’

Kesemua mereka berkata kepadanya, ‘Salibkan Dia!’

23 Gabenor berkata, ‘Mengapa, apakah kejahatan yang telah dilakukan-Nya?’

Tetapi mereka berseru semakin lantang, ‘Salibkan Dia!’

24 Apabila Pilatus melihat bahawa dia tidak dapat mempengaruhi mereka malah mereka mula
hendak merusuh, dia mengambil air lalu membasuh tangannya di hadapan orang ramai itu sambil
berkata, ‘Aku bebas daripada kesalahan menumpahkan darah orang yang baik ini. Kamu tanganilah
sendiri.’

25 Kesemua mereka menjawab, ‘Biarlah darah-Nya tertanggung di atas kami dan zuriat kami.”

26 Pilatus pun membebaskan Barabas kepada mereka; dan setelah menyesah Isa, dia
menyerahkan-Nya untuk disalib.

Askar mengejek Isa

27 Kemudian askar-askar gabenor membawa Isa ke balai istananya dan menghimpunkan seluruh
pasukan tentera di situ. 28 Mereka melucutkan pakaian-Nya dan menyarungkan jubah ungu ke tubuh-
Nya. 29 Mereka membuat mahkota daripada duri lalu meletakkannya di atas kepala Isa dan
menggenggamkan mensiang di tangan kanan-Nya. Kemudian mereka berlutut kepada-Nya sambil
mengejek-Nya, 'Hai Raja orang Yahudi!' 30 Selepas itu mereka meludahi-Nya dan memukul kepala-
Nya dengan mensiang itu. 31 Setelah selesai mereka mempermainkan-Nya, mereka melucutkan jubah
ungu itu dan mengenakan semula pakaian-Nya lalu membawa-Nya untuk disalib.

Isa disalib

32 Dalam perjalanan, mereka bertemu dengan seorang lelaki dari Kirene bernama Simon. Mereka
memaksanya mengangkat kayu salib Isa. 33 Mereka pun sampai di suatu tempat dipanggil Golgota,
bermakna Tempat Tengkorak. 34 Di situ mereka memberi-Nya air anggur masam bercampur hempedu
dan menyuruh-Nya minum. Tetapi setelah merasanya, Dia enggan minum. 35 Selepas itu mereka
menyalib-Nya, dan membahagikan pakaiannya dengan membuang undi, maka berlakulah seperti
yang di nubuatkan:

'Mereka bahagikan pakaian-Ku
antara mereka,
untuk mendapat pakaian-Ku mereka membuang undi.'

36 Kemudian mereka duduk berjaga di situ. 37 Di atas kayu salib Isa mereka memaparkan tuduhan
terhadap-Nya: INILAH ISA RAJA ORANG YAHUDI. 38 Dua orang perompak disalib bersama-Nya, seorang di
kanan dan seorang di sebelah kiri-Nya. 39 Orang yang lalu di situ melemparkan kata-kata kufur
kepada-Nya. Sambil menggeleng-gelengkan kepala 40 mereka berkata, 'Engkau dapat memusnahkan
rumah ibadat dan membinanya semula dalam tiga hari; selamatkanlah diri-Mu! Kalau Engkau Putera
Allah, turunlah dari kayu salib itu.'

41 Begitu jugalah ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan tua-tua, turut mengejek Isa: 42 'Dia
telah menyelamatkan orang lain; diri-Nya sendiri tidak dapat diselamatkan-Nya. Kalau benar dia Raja
Israel, turunlah dari kayu salib itu sekarang, baru kami percaya kepada-Nya. 43 Dia percayakan Allah.
Biar Allah menyelamatkan-Nya sekarang, kalau Allah mahu mengakui-Nya; kerana Dia berkata, "Aku
Putera Allah."' 44 Perompak yang disalib bersama Isa pun menghina-Nya dengan kata-kata demikian.

45 Dari tengah hari hingga tiga petang, seluruh negeri itu diselubungi kegelapan. 46 Kira-kira pukul
tiga petang, Isa berseru dengan suara yang lantang, *'Eloi, Eloi, lama sabakhtani?'* maksudnya 'Ya
Allah, Ya Tuhan-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?'

47 Sesetengah orang yang berdiri di situ berkata, apabila mendengar seruan-Nya itu, 'Orang ini
memanggil Ilyas.'

48 Serta-merta seorang daripada mereka mengambil span, memenuhinya dengan air anggur
masam dan meletakkannya pada mensiang lalu menawarkannya kepada Isa sebagai
minuman. 49 Yang lain berkata, 'Jangan hiraukan Dia; mari kita lihat kalau Ilyas datang
menyelamatkan-Nya.'

50 Isa berseru lantang sekali lagi, lalu menyerahkan roh-Nya dengan nafas terakhir.

51 Sejurus itu tirai rumah ibadat koyak dari atas ke bawah, bumi digegar gempa dan batu-batu
pejal terbelah; 52 kubur-kubur terbuka; dan banyak jenazah orang yang taat akan Allah dibangkitkan
semula; 53 mereka keluar dari kubur dan selepas Isa dibangkitkan semula, mereka masuk ke kota suci
itu dan menampakkan diri kepada sebilangan besar orang di situ.

54 Apabila ketua tentera dan orangnya yang mengawal Isa melihat gempa bumi serta kejadian-
kejadian lain, mereka pun ketakutan lalu berkata, 'Benarlah Dia Putera Allah!'

55 Ramai wanita yang telah mengikut Isa dari Galilea dan melayani-Nya ada di situ, melihat dari
jauh. 56 Antara mereka ialah Maryam Magdalena dan Maryam ibu kepada Yakobus dan Yusuf serta
ibu kepada anak-anak Zebedeus.

Isa dimakamkan

57 Apabila malam menjelang, datang seorang hartawan dari Arimatea, bernama Yusuf, yang telah

menjadi pengikut Isa. 58 Dia pergi menghadap Pilatus dan memohon jenazah Isa. Pilatus pun
memerintahkan orang menyerahkan jenazah itu kepadanya. 59 Yusuf mengambil jenazah itu dan
mengkafankannya dengan kain linen yang bersih. 60 Dia membaringkan jenazah itu di dalam sebuah
makam miliknya yang baru digalinya daripada batu pejal. Kemudian dia menggulingkan sebuah batu
besar menutup pintu makam itu, lalu pergi dari situ. 61 Ketika itu Maryam Magdalena ada di situ,
begitu juga Maryam yang seorang lagi. Mereka sedang duduk berhadapan makam itu.

62 Pada keesokannya, iaitu sehari selepas Hari Persediaan, ketua-ketua imam dan orang Farisi
datang beramai-ramai menghadap Pilatus. 63 Mereka berkata, 'Tuan, kami teringat, sewaktu Dia masih
hidup si penipu itu ada berkata, "Selepas tiga hari Aku akan bangkit." 64 Oleh itu, silalah tuan
perintahkan supaya dipastikan makam-Nya tidak dapat dibuka hingga tamat hari ketiga. Kami takut
kalau-kalau para pengikut-Nya datang pada waktu malam dan mencuri mayat-Nya dibawa pergi, lalu
berkata kepada orang ramai, "Dia telah bangkit daripada kematian." Penipuan ini pasti lebih dahsyat
daripada penipuan pertama.' 65 Pilatus berkata kepada mereka, 'Bawalah beberapa pengawal.
Pergilah sendiri, buat apa yang kamu fikirkan perlu untuk menjaga makam itu.' 66 Mereka pun pergi
melakukannya. Mereka memperkukuh makam itu supaya tidak dapat dibuka langsung, dan mereka
menugaskan pengawal berjaga di situ.

28 *Kebangkitan Isa*

1 Selepas hari Sabat, ketika fajar menyingsing pada hari pertama minggu itu, Maryam Magdalena dan
Maryam yang seorang lagi pergi melihat makam Isa. 2 Tiba-tiba terjadi gempa bumi yang hebat,
kerana seorang malaikat Tuhan turun dari syurga lalu menggulingkan batu yang menutup makam itu
dan duduk di atasnya. 3 Wajahnya laksana kilat dan pakaiannya seputih salji. 4 Para pengawal
menggeletar ketakutan apabila melihatnya, lalu menjadi seperti orang mati.

5 Tetapi malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu, 'Jangan takut, aku tahu kamu
mencari Isa yang telah disalib. 6 Dia tidak ada di sini, kerana Dia telah bangkit semula, seperti yang
dikatakan-Nya. Marilah lihat tempat Dia dibaringkan dulu. 7 Kemudian, segeralah pergi dan katakan
kepada para pengikut-Nya bahawa Dia telah bangkit daripada kematian, dan Dia mendahului kamu
ke Galilea. Di sana kamu akan melihat-Nya. Lihatlah, aku telah memberitahumu.'

8 Mereka pun keluar dari makam itu dengan takut dan amat gembira, lalu berlari untuk membawa
berita itu kepada para pengikut Isa. 9 Dalam perjalanan, tiba-tiba Isa menemui mereka sambil berkata,
'Salam sejahtera!' Lalu mereka pun mendekati Isa dan memegang kaki-Nya serta menyembah-
Nya. 10 Kemudian Isa berkata kepada mereka, 'Jangan takut. Pergilah dan suruh saudara-saudara-Ku
ke Galilea. Di sana mereka akan melihat-Ku.'

Laporan pengawal

11 Sementara perempuan itu sedang dalam perjalanan, beberapa orang pengawal tersebut masuk
ke kota dan melaporkan kepada ketua-ketua imam apa yang telah terjadi. 12 Setelah bermesyuarat
dengan tua-tua, mereka memberikan sejumlah wang yang besar kepada askar-askar yang berkawal
itu 13 serta berpesan, 'Beritahu orang, "Para pengikut-Nya datang pada waktu malam dan mencuri
mayat-Nya lalu dibawa pergi sewaktu kami sedang tidur." 14 Kalau hal ini sampai ke telinga gabenor,
kami akan melembutkan hatinya dan kamu tidak akan diapa-apakan.' 15 Mereka menerima wang itu
dan melakukan apa yang diarahkan. Cerita ini biasa disebarkan di kalangan orang Yahudi hingga
sekarang.

Perintah untuk memberitakan Injil

16 Kemudian, pengikut Isa yang sebelas itu pergi ke Galilea, ke gunung yang telah ditetapkan
oleh-Nya. 17 Di sana mereka melihat-Nya lalu menyembah-Nya. Namun demikian, ada antara mereka
yang ragu. 18 Isa berkata kepada mereka, 'Segala kekuasaan telah diserahkan kepada-Ku, baik di
syurga mahupun di bumi. 19 Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa pengikut-Ku. Imadkan mereka
dengan nama Bapa, Putera dan Roh Suci. 20 Ajar mereka supaya taat akan segala perkara yang telah
Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.'

Markus

1 *Nabi Yahya*

1 Inilah permulaan Injil tentang Isa al-Masih, Putera Allah,

2 Seperti yang tersurat dalam nubuat Nabi Yasyaya:

‘Lihatlah, Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu,

dialah yang akan menyediakan jalan bagi-Mu’

3 ‘satu suara berseru di gurun,

“Sediakanlah jalan bagi Tuhan,

luruskanlah jalan bagi-Nya.” ’

4 Demikianlah Yahya muncul di gurun, mengimadkan orang dan mengkhabarkan firman —
bertaubatlah dan datanglah untuk diimadkan, supaya Allah mengampunkan dosamu. 5 Ramailah orang
yang datang dari Yudea dan Baitulmaqdis untuk mendengar kata-kata Yahya. Mereka mengakui dosa
mereka lalu Yahya mengimadkan mereka di Sungai Yordan. 6 Yahya berpakaian yang dibuat daripada
bulu unta dengan tali pinggang daripada kulit. Makanannya belalang dan madu gurun. 7 Inilah
beritanya: ‘Seorang yang lebih besar daripadaku akan datang selepasku. Tali kasut-Nya pun tidak
layak kuurai. 8 Aku mengimadkanmu dengan air, tetapi Dia akan mengimadkanmu dengan Roh Suci.’

Yahya mengimadkan Isa

9 Kemudian Isa datang dari Nasaret di Galilea, lalu diimadkan oleh Yahya di Sungai
Yordan. 10 Ketika Isa keluar dari sungai itu, Dia melihat langit terbuka dan Roh Suci seperti burung
merpati turun hinggap ke atas-Nya. 11 Lalu kedengaran suara dari syurga: ‘Engkaulah Putera-Ku yang
Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan.’

12 Lantas, Roh Suci memimpin Isa ke gurun. 13 Isa di situ selama empat puluh hari dan digoda
oleh Iblis serta dikelilingi binatang liar. Para malaikat datang melayani-Nya.

Pengikut Isa yang pertama

14 Setelah Yahya dipenjarakan, Isa pergi ke Galilea lalu mengkhabarkan Injil daripada Allah. 15 Isa
berkata, ‘Sudah genap masanya dan kerajaan Allah hampir tiba. Bertaubatlah dan percayalah akan
Injil ini!’

16 Ketika Isa sedang berjalan di pinggir Laut Galilea, Dia terpandang dua orang nelayan, Simon
dan saudaranya Andreas, sedang menjala ikan. 17 Isa berkata kepada mereka, ‘Ikutlah Aku. Aku akan
menjadikan kamu penjala insan.’ 18 Mereka terus meninggalkan jala mereka dan mengikut-Nya.

19 Sejurus berjalan, Isa melihat dua orang lagi adik-beradik, bernama Yakobus dan Yahya, anak
Zebedeus. Mereka sedang duduk mengemaskan jala di dalam perahu. 20 Isa terus memanggil
mereka. Kedua-dua beradik itu meninggalkan bapa mereka dengan orang gajinya di dalam perahu,
lalu mengikut Isa.

Isa membentak roh durjana

21 Isa dan pengikut-pengikut-Nya tiba di Kapernaum. Pada hari Sabat berikutnya, Isa masuk ke
saumaah lalu mengajar. 22 Semua yang mendengar-Nya kagum kerana Dia mengajar dengan penuh
kewibawaan, berbeza dari guru-guru Taurat. 23 Ketika itu seorang yang dirasuk roh durjana berada di
saumaah. Dia berseru: 24 ‘Apa yang hendak Kaubuat kepada kami, hai Isa orang Nasaret? Adakah
Engkau hendak membinasakan kami? Aku tahu siapa Engkau. Engkau Yang Suci daripada Allah!’

25 Isa membentak roh itu, ‘Diam! Keluar daripada orang ini!’ 26 Roh durjana itu menggoncang-
goncang tubuh orang yang dirasuknya lalu keluar sambil menjerit.

27 Hal ini menyebabkan semua orang tercengang lalu berbisik sesama sendiri, ‘Adakah ini suatu
ajaran baru? Dia memerintah roh-roh durjana dengan penuh kuasa dan mereka menurut kata-

Nya.' [28] Dengan demikian, khabar tentang Isa segera tersebar ke seluruh Galilea.

Isa menyembuhkan ramai orang

[29] Isa dan pengikut-Nya, termasuk Yakobus dan Yahya, keluar dari saumaah itu lalu ke tempat kediaman Simon dan Andreas. [30] Ibu mertua Simon sedang demam terbaring di tempat tidur. Setibanya Isa di situ, Dia diberitahu tentang hal itu. [31] Isa menghampiri ibu mertua Simon, memegang tangannya dan menolongnya bangun. Demam wanita itu hilang lalu dia melayani mereka.

[32] Apabila malam menjelang, semua orang sakit dan orang yang dirasuk roh iblis dibawa kepada Isa. [33] Semua penduduk kota berhimpun di hadapan rumah itu. [34] Isa menyembuhkan ramai orang daripada pelbagai penyakit. Dia juga menghalau roh-roh iblis sambil memerintahkan mereka diam kerana mereka tahu siapa Dia.

Isa mengajar di kota-kota lain

[35] Keesokannya, pada waktu subuh, Isa bangun lalu pergi ke luar kota ke suatu tempat yang sunyi untuk berdoa. [36] Simon dan rakan-rakannya pergi mencari Isa. [37] Setelah menjumpai-Nya, mereka berkata: 'Semua orang sedang mencari-Mu!'

[38] Isa berkata, 'Kita mesti ke kota-kota lain di negeri ini supaya Aku dapat menyebarkan Injil di sana. Kerana tujuan inilah, maka Aku datang.' [39] Lalu Isa menjelajah ke serata Galilea, mengajar di saumaah dan menghalau roh-roh iblis.

Isa menyembuhkan seorang yang sakit kusta

[40] Seorang yang menghidap penyakit kusta datang kepada Isa lalu berlutut meminta pertolongan-Nya. Katanya, 'Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku.'

[41] Isa berbelas kasihan lalu menghulurkan tangan-Nya menyentuh orang itu sambil berkata, 'Aku mahu. Tahirlah!' [42] Pada saat itu juga orang itu ditahirkan daripada penyakit kusta.

[43] Isa menyuruhnya pergi dengan memberi suatu peringatan keras: [44] 'Dengar baik-baik. Jangan beritahu sesiapapun hal ini. Tetapi pergi kepada imam, kemudian persembahkan korban sebagaimana diperintahkan oleh Musa, sebagai bukti kepada mereka bahawa kamu benar-benar sudah ditahirkan.' [45] Tetapi orang itu menyebarkan hal itu merata-rata dan terus-menerus, sehingga Isa tidak dapat masuk ke bandar terang-terangan. Isa tinggal di luar kota di tempat-tempat yang lengang, namun orang dari pelbagai kawasan datang kepada-Nya.

2 *Isa menyembuhkan seorang lumpuh*

[1] Beberapa hari kemudian, Isa pulang ke Kapernaum dan tersebarlah khabar itu. [2] Ramailah orang datang berhimpun di rumah tempat Dia tinggal itu, sehingga penuh sesak sampai ke pintu. Isa pun menyampaikan firman kepada mereka. [3] Datanglah empat orang mengusung seorang yang lumpuh. [4] Oleh sebab kesesakan itu, mereka tidak dapat membawanya kepada Isa. Oleh itu mereka membuka bumbung rumah betul-betul di atas tempat Isa berada lalu menurunkan orang lumpuh yang terbaring di atas tikar. [5] Melihat iman mereka yang begitu teguh, Isa berkata kepada orang lumpuh itu, 'Anak-Ku, dosamu telah diampunkan.'

[6] Guru-guru Taurat yang duduk di situ berkata dalam hati, [7] 'Lancangnya dia mengkufuri Allah! Tiada siapa boleh mengampunkan dosa kecuali Allah!'

[8] Tetapi Isa segera mengetahui dalam roh-Nya bahawa mereka berfikir demikian lalu berkata, 'Mengapa kamu berfikir begitu? [9] Manakah yang lebih mudah dikatakan: "Dosamu telah diampunkan," atau, "Bangun, angkat tikarmu dan berjalanlah"? [10] Tetapi supaya kamu tahu bahawa di bumi ini Putera Insan berkuasa mengampunkan dosa...' Berkatalah Dia kepada orang lumpuh itu, [11] 'Aku berkata kepadamu, bangun, angkat tikarmu, dan pulanglah.' [12] Di hadapan mata mereka semua, orang lumpuh itu bangun, mengangkat tikarnya lalu segera berjalan ke luar. Semua orang di situ kehairanan lalu memuji Allah. Mereka berkata, 'Belum pernah kami lihat kejadian begini!'

Panggilan Lewi

[13] Isa pergi lagi ke pinggir laut. Ramai orang datang kepada-Nya lalu Dia mengajar mereka. [14] Ketika Isa berjalan di situ, Dia terpandang seorang pemungut cukai bernama Lewi anak Alfeus sedang duduk di tempat kerjanya. Isa berkata kepadanya, 'Ikutlah Aku,' lalu Lewi bangun

mengikut-Nya.

15 Selepas itu Isa makan di rumah Lewi. Ramai pemungut cukai dan ‘orang berdosa’ mengikut Isa
dan ramai antara mereka turut makan bersama Isa serta para pengikut-Nya. 16 Apabila hal ini dilihat
oleh sebilangan guru Taurat daripada golongan Farisi, mereka bertanya kepada para pengikut Isa:
‘Mengapa dia makan bersama pemungut cukai dan “orang berdosa”?’

17 Isa mendengar pertanyaan itu lalu menjawab, ‘Orang sakitlah yang memerlukan tabib,
bukannya orang sihat. Aku datang bukan untuk memanggil orang yang benar, tetapi orang berdosa.’

Berpuasa

18 Pada suatu masa ketika para pengikut Yahya Pengimad dan pengikut orang Farisi berpuasa,
beberapa orang datang kepada Isa lalu bertanya, ‘Pengikut Yahya Pengimad dan pengikut orang
Farisi sedang berpuasa, mengapa pengikut-Mu tidak?’

19 Isa menjawab, ‘Adakah tetamu di majlis jamuan kahwin berpuasa? Tentu tidak, selagi
pengantin lelaki masih bersama mereka, tidaklah mereka berpuasa. 20 Tetapi akan tiba saatnya
pengantin lelaki dibawa pergi meninggalkan mereka. Ketika itulah mereka berpuasa.

21 ‘Tiada siapa menggunakan kain baru untuk menampal pakaian lama, kerana kain baru itu akan
mengecut dan semakin koyaklah pakaian lama. 22 Begitu juga, tiada siapa menuangkan air anggur
yang baru ke dalam bekas kulit yang lama. Kalau dilakukan, air anggur baru akan memecahkan
bekas lama, dan kedua-duanya terbuang. Air anggur baru mesti dituangkan ke dalam bekas yang
baru.’

Isa dan hari Sabat

23 Pada suatu hari Sabat, Isa dan para pengikut-Nya berjalan melalui ladang gandum. Para
pengikut-Nya mula memetik beberapa tangkai bijirin gandum. 24 Sebilangan orang Farisi berkata
kepada Isa, ‘Lihatlah, para pengikutmu melanggar hukum Taurat pada hari Sabat!’

25 Isa menjawab, ‘Tidakkah kamu membaca apa yang dilakukan oleh Daud semasa dia dan anak
buahnya kekurangan dan kelaparan? 26 Dia masuk ke khemah Allah sewaktu Abiatar berjawat sebagai
Imam Besar lalu makan roti persembahan, meskipun perbuatan itu dilarang kerana hanya imam
dibenarkan makan roti itu. Daud juga memberikan roti itu kepada mereka yang ada bersamanya.’

27 Isa menambah, ‘Hari Sabat diwujudkan untuk manusia, bukannya manusia diwujudkan untuk
hari Sabat. 28 Jadi Putera Insan juga Junjungan atas hari Sabat.’

3 1 Kemudian Isa kembali ke saumaah. Di situ ada seorang yang lumpuh sebelah tangannya. 2 Ada
beberapa orang yang ingin mencari alasan untuk membuat tuduhan terhadap Isa. Mereka
memerhatikan dengan teliti sama ada Dia akan menyembuhkan orang itu pada hari Sabat. 3 Isa
berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu, ‘Berdiri, marilah ke depan.’

4 Kemudian Dia menyoal orang di situ, ‘Manakah yang boleh kita lakukan pada hari Sabat:
berbuat baik atau jahat? Menyelamatkan atau membinasakan orang?’ Tetapi semuanya berdiam diri.

5 Isa memandang orang di sekeliling-Nya dengan rasa marah dan amat dukacita dengan mereka
yang begitu keras kepala. Lalu Dia berkata kepada orang yang lumpuh sebelah tangannya itu,
‘Hulurkan tanganmu.’ Orang itu pun menghulurkan tangannya yang lumpuh, tangan itu terus
sembuh. 6 Orang Farisi keluar dari situ lalu segera berpakat dengan beberapa anggota golongan
Herodes untuk membunuh Isa.

Orang ramai mengikut Isa

7 Isa beredar ke laut bersama pengikut-pengikut-Nya. Ramai orang Galilea datang kepada-Nya.
Ada yang dari Yudea, 8 Baitulmaqdis, Idumea, seberang Sungai Yordan, dan sekitar Tirus dan Sidon.
Mereka datang berduyun-duyun kerana mendengar segala yang telah dilakukan-Nya. 9 Begitu
ramainya orang sehingga Isa menyuruh pengikut-Nya menyediakan perahu untuk-Nya supaya Dia
tidak terhimpit. 10 Ramai orang telah disembuhkan-Nya. Oleh itu, orang sakit berebut-rebut hendak
menyentuh-Nya. 11 Apabila orang yang dirasuk roh-roh durjana melihat-Nya, mereka sujud di
hadapan-Nya lalu berseru, ‘Engkau Putera Allah.’ 12 Isa melarang keras mereka mengatakan siapa
Dia.

Isa memanggil dua belas rasul

13 Kemudian Isa naik ke bukit. Dia memanggil semua orang yang dikehendaki-Nya lalu mereka
datang kepada-Nya. 14 Isa memilih dua belas orang antara pengikut-Nya itu untuk menyertai-Nya dan
untuk diutus-Nya memberitakan Injil 15 serta dikurniai kuasa untuk menghalau roh-roh iblis. 16 Dua
belas orang yang dipilih-Nya itu ialah: Simon (yang juga dipanggil-Nya Petrus); 17 Yakobus dan
saudaranya Yahya iaitu anak-anak Zebedeus (dua orang adik-beradik ini digelar-Nya Boanerges,
yang bermakna Anak Petir); 18 Andreas, Filipus, Bartolomeus, Matius, Tomas, Yakobus anak Alfeus,
Tadeus, Simon orang Patriot 19 dan juga Yudas Iskariot yang kelak mengkhianati-Nya.

Isa dan Beelzebul

20 Selepas itu Isa masuk ke sebuah rumah, tetapi begitu ramainya orang yang datang berkumpul
semula sehingga Isa dan pengikut-pengikut-Nya tidak sempat makan. 21 Apabila keluarga Isa
mendengar perkara ini, mereka juga datang untuk mengambil-Nya apabila mendengar orang berkata,
'Dia tidak siuman.'

22 Sebilangan guru Taurat dari Baitulmaqdis berkata, 'Dia dirasuk Beelzebul! Dengan kuasa
penghulu roh iblis Dia menghalau roh-roh iblis.'

23 Oleh itu Isa memanggil semua orang itu lalu bercakap melalui beberapa ibarat: 'Bagaimana
Iblis dapat menghalau Iblis? 24 Kalau satu kerajaan berpecah belah, kerajaan itu tidak dapat
bertahan. 25 Dan jika keluarga berpecah belah, keluarga itu akan hancur. 26 Dan jika Iblis berontak
melawan dirinya sendiri dan berpecah belah, dia tidak dapat bertahan; sudah sampailah saat
kemusnahannya. 27 Tiada siapa dapat memasuki rumah seorang yang gagah dan merampas
hartanya, kecuali orang gagah itu dapat diikatnya dahulu. 28 Ingatlah: Segala dosa dan kata kufur
manusia dapat diampunkan. 29 Tetapi sesiapa yang mengkufuri Roh Suci tidak akan diampunkan; dia
bersalah kerana berbuat dosa kekal.'

30 Isa berkata demikian kerana ada orang berkata, 'Dia dirasuk roh durjana.'

Isa dan saudara-saudara-Nya

31 Apabila ibu dan saudara-saudara Isa tiba, mereka menanti di luar dan menyuruh orang
memanggil-Nya. 32 Pada waktu itu, orang ramai duduk di sekeliling Isa berkata kepada-Nya, 'Lihatlah!
Ibu dan saudara-saudara-Mu ada di luar. Mereka memanggil Engkau.'

33 Isa menjawab, 'Siapakah ibu-Ku? Siapakah saudara-saudara-Ku?'

34 Dia memandang semua orang yang duduk di sekeliling-Nya lalu berkata, 'Lihat, inilah ibu dan
saudara-saudara-Ku! 35 Sesiapa yang melakukan kehendak Allah, dialah saudara lelaki, saudara
perempuan, dan ibu-Ku.'

4 *Ibarat tentang seorang penabur*

1 Isa mula mengajar lagi di pinggir laut. Begitu ramainya orang datang berasak-asak di sekeliling-Nya
sehingga Dia terpaksa duduk di dalam sebuah perahu di laut itu manakala orang ramai berdiri di
pantai. 2 Isa mengajar mereka banyak perkara melalui ibarat. Dalam ajaran-Nya itu, Dia
berkata: 3 'Dengarlah! Seorang peladang pergi menabur benih. 4 Semasa dia menabur benih, ada yang
jatuh di jalan, lalu habis dimakan burung. 5 Ada yang jatuh di tempat yang berbatu dan kurang
tanahnya. Benih itu cepat tumbuh kerana tanahnya tidak dalam. 6 Tetapi ketika matahari naik, tunas-
tunas itu layu lalu kering kerana tidak mempunyai akar. 7 Ada pula yang jatuh di tengah semak
berduri, lalu semak membesar dan membantutkannya sehingga tidak berbuah. 8 Tetapi ada benih
yang jatuh di tanah subur lalu bertunas, membesar dan berbuah, hasilnya tiga puluh, enam puluh
atau seratus kali ganda.'

9 Lalu kata-Nya, 'Jika kamu bertelinga, dengarlah.'

10 Ketika Isa bersendirian, dua belas pengikut-Nya dan beberapa orang yang ada bersama-Nya
menanya Dia erti ibarat itu. 11 Isa berkata kepada mereka, 'Kamu telah diberi anugerah untuk
mengetahui rahsia kerajaan Allah. Tetapi orang luar akan mendengarnya melalui ibarat, 12 supaya

' "Mereka terus melihat tetapi tidak nampak,

mereka terus mendengar

tetapi tidak faham;

kerana sekiranya mereka mengerti,

mereka akan bertaubat dan diampuni!” ’

13 Kemudian Isa bertanya kepada mereka, ‘Jika kamu tidak memahami ibarat itu, bagaimanakah
kamu dapat mengerti ibarat yang lain? 14 Peladang itu menabur firman. 15 Ada orang seperti benih di
jalan, tempat firman itu ditabur. Sebaik-baik mereka mendengar firman, datanglah Iblis untuk
mengambil firman yang sudah ditabur di dalam hati mereka. 16 Ada orang lain seperti benih yang
ditabur di tempat berbatu. Mereka mendengar firman itu dan segera menerimanya dengan
sukacita, 17 tetapi akarnya tidak dalam di hati, maka tidak tahan lama. Apabila orang itu menanggung
kesusahan atau penganiayaan kerana firman itu, mereka segera berpaling. 18 Ada yang lain seperti
benih yang ditabur di tengah semak berduri. Mereka mendengar firman itu, 19 tetapi kerunsingan
tentang hidup, tarikan palsu harta benda dan aneka kemahuan lain membantutkan firman itu sehingga
tidak berbuah. 20 Dan yang lain seperti benih yang ditabur di tanah subur. Mereka mendengar dan
menyambut firman itu lalu mendatangkan hasil: tiga puluh, enam puluh atau seratus kali ganda.’

Ibarat tentang pelita

21 Isa berkata pula, ‘Pernahkah orang memasang pelita lalu meletakkannya di bawah pasu atau
katil? Tentu diletakkannya di atas kaki pelita. 22 Yang tersembunyi akan dinyatakan, yang dirahsiakan
akan didedahkan. 23 Jika kamu bertelinga, dengarlah.’

24 Selepas itu Isa berkata, ‘Perhatikan apa yang kamu dengar. Ukuran yang kamu gunakan untuk
mengukur akan digunakan terhadapmu, malah lebih berat lagi. 25 Sesiapa yang ada sesuatu akan
diberi lebih banyak lagi; tetapi sesiapa yang tidak ada, sedikit yang ada padanya pun akan diambil
daripadanya.’

Ibarat tentang benih yang tumbuh

26 Isa berkata seterusnya, ‘Kerajaan Allah ibarat seorang yang menabur benih di
ladangnya. 27 Malam dia tidur, siang dia bekerja. Benih itu terus-menerus tumbuh dan membesar. Dia
tidak faham bagaimana hal itu terjadi. 28 Tanahlah yang menumbuhkan tanaman hingga berbuah —
mula-mula pucuk, kemudian bulir, akhirnya buah. 29 Setelah masak, buahnya dituai oleh orang itu
kerana musim menuai telah tiba.’

Ibarat tentang biji sesawi

30 ‘Bagaimanakah kerajaan Allah?’ kata Isa lagi. ‘Apakah ibarat yang dapat digunakan untuk
menjelaskannya? 31 Keadaannya seperti biji sesawi yang ditabur di tanah, iaitu benih terkecil di
dunia. 32 Tetapi apabila ditabur, benih itu tumbuh dan menjadi tumbuhan yang terbesar. Dahannya
begitu rimbun sehingga burung membuat sarang di bawah keteduhannya.’

33 Dengan banyak ibarat yang semacam itu Isa mengajar tentang firman kepada mereka, setakat
yang dapat mereka faham. 34 Dia tidak berkata-kata kepada mereka tanpa ibarat. Tetapi apabila Dia
sendirian dengan para pengikut-Nya, Dia menerangkan segala-galanya.

Angin ribut diredakan

35 Pada petang itu juga, Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Marilah kita pergi ke seberang
sana.’ 36 Ketika itu Isa di dalam perahu. Para pengikut-Nya meninggalkan orang ramai itu di pantai
lalu belayar bersama-Nya. Ada beberapa perahu lain yang belayar bersama-sama. 37 Lalu angin
bertiup kencang dan ombak melanda perahu sehingga hampir dipenuhi air. 38 Ketika itu Isa sedang
tidur di bahagian belakang perahu, kepala-Nya beralaskan bantal. Para pengikut-Nya mengejutkan
Dia lalu berkata, ‘Tuan Guru, tidakkah Engkau peduli? Kita hampir karam!’

39 Isa bangun lalu memarahi angin dan berkata kepada ombak, ‘Diam! Tenanglah!’ Angin pun reda
dan laut menjadi tenang.

40 Kemudian Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Mengapa kamu begitu takut? Mengapa
kamu masih tidak percaya?’

41 Mereka berasa gerun lalu berkata sesama sendiri, ‘Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun
taat kepadanya!’

5 *Isa menyembuhkan seorang yang dirasuk roh iblis*

1 Lalu sampailah mereka di seberang laut, di daerah Gerasa. 2 Sebaik-baik Isa turun dari perahu,
seorang lelaki yang kerasukan roh durjana keluar dari perkuburan lalu menemui-Nya. 3 Orang itu
tinggal di kawasan perkuburan. Tiada siapa terdaya mengikatnya lagi, meskipun dengan
rantai. 4 Berkali-kali dia dirantai dan dibelenggu, tetapi dapat diputuskannya rantai itu dan
dipatahkannya belenggu itu. Tiada seorang pun dapat menguasainya. 5 Siang malam dia merayau di
perkuburan dan di bukit, sambil menjerit-jerit dan mencederakan badannya dengan batu.

6 Dari jauh dia melihat Isa lalu lari mendekati-Nya dan sujud di hadapan-Nya. 7 Orang itu berseru
dengan suara keras, 'Hai Isa, Putera Allah Yang Maha Tinggi, apa urusan-Mu dengan aku? Demi
Allah, jangan seksa aku!' 8 Kerana sebelumnya Isa berkata kepadanya, 'Roh durjana, keluarlah kamu
daripada orang ini!'

9 Kemudian Isa bertanya kepadanya, 'Siapa namamu?'

Orang itu menjawab, 'Legion, kerana kami ini ramai sekali.' 10 Dia memohon sungguh-sungguh
kepada Isa supaya tidak menghalau mereka keluar dari kawasan itu.

11 Berdekatan tempat itu ada kawanan babi yang sedang mencari makan di lereng bukit. 12 Roh-
roh iblis itu memohon kepada Isa, 'Suruhlah kami pindah ke babi itu, biarlah kami masuk ke dalam
tubuh babi itu.' 13 Isa bersetuju, lalu roh-roh durjana itu keluar dan masuk ke dalam tubuh kawanan
babi itu. Kesemua babi itu, kira-kira dua ribu ekor, terjun dari tepi cenuram ke dalam laut lalu mati
lemas.

14 Penjaga-penjaga babi itu lari lalu menyebarkan berita itu di bandar dan di desa. Para penduduk
pun keluar hendak melihat apa yang telah terjadi. 15 Mereka menghampiri Isa lalu melihat orang yang
tadinya dirasuk roh iblis yang banyak itu, kini duduk diam, sudah berpakaian dan ternyata siuman.
Mereka semua pun ketakutan. 16 Semua yang telah menyaksikan kejadian itu menceritakan segala-
galanya tentang orang yang kerasukan roh iblis dan kawanan babi itu. 17 Oleh itu mereka meminta Isa
meninggalkan daerah itu.

18 Ketika Isa menaiki perahu, orang yang tadinya dirasuk roh iblis itu memohon kepada-Nya,
supaya dia dibenarkan menyertai-Nya. 19 Tetapi Isa tidak membenarkan, sebaliknya berkata,
'Pulanglah kepada keluargamu, kepada orang sekampungmu. Beritahu mereka betapa besarnya
pertolongan Tuhan bagimu dan bagaimana Dia telah berbelas kasihan pada kamu.' 20 Orang itu pun
mula menjelajahi daerah sepuluh kota dan menceritakan segala yang telah dilakukan oleh Isa
untuknya. Mereka semua kehairanan.

Isa melakukan mukjizat dan penyembuhan

21 Setelah itu, Isa kembali menyeberang laut dengan perahu. Setiba-Nya di pantai sebelah sana,
Dia dikerumuni orang yang ramai sekali. 22 Datanglah Yairus, seorang ketua saumaah di situ. Ketika
dia melihat Isa, dia sujud di hadapan-Nya 23 dan merayu, 'Anak perempuanku sakit tenat, hampir mati.
Tolonglah datang, letakkan tangan-Mu padanya, supaya dia sembuh dan dapat terus hidup.' 24 Isa
pun pergi bersama Yairus.

Begitu ramainya orang yang mengikut Isa sehingga Dia diasak dari semua pihak. 25 Di situ ada
seorang wanita yang sudah dua belas tahun menghidap penyakit pendarahan. 26 Dia telah
menghabiskan segala hartanya untuk dirawat oleh ramai tabib tetapi tidak sembuh, semakin parah
keadaannya. 27 Wanita itu telah banyak mendengar tentang Isa. Oleh itu, dia masuk ke tengah-tengah
orang ramai itu dan mendekati Isa dari belakang lalu menyentuh jubah-Nya. 28 'Kiranya dapat
kusentuh jubah-Nya,' kata wanita itu, 'tentu aku akan sembuh.' 29 Dengan serta-merta pendarahannya
berhenti. Dia merasakan dirinya sudah sembuh.

30 Pada saat itu Isa sedar ada kuasa yang telah keluar daripada-Nya lalu Dia bertanya, 'Siapa
yang menyentuh jubah-Ku?' 31 Para pengikut-Nya berkata, 'Lihatlah orang berasak-asak di sekeliling
Engkau. Bagaimana Engkau boleh bertanya siapa yang menyentuh-Mu?'

32 Tetapi Isa memandang sekeliling-Nya, mencari orang yang telah menyentuh-Nya itu. 33 Wanita
itu mengetahui apa yang telah terjadi kepada dirinya. Dia gementar ketakutan, lalu tampil dan sujud
kepada Isa serta menceritakan segala-galanya. 34 Isa berkata kepadanya, 'Hai anak-Ku, imanmu
telah menyembuhkan kamu. Pergilah dengan sejahtera dan sembuhlah daripada penyakitmu.'

35 Sedang Isa berkata-kata itu, beberapa orang pesuruh datang daripada keluarga ketua saumaah

dan memberitahu Yairus, ‘Anak perempuan tuan sudah meninggal. Usahlah tuan susahkan Tuan Guru lagi.’

36 Isa tidak menghiraukan kata-kata itu. Dia berkata kepada Yairus, ‘Jangan takut, percaya saja.’

37 Lalu Isa tidak membenarkan siapapun mengikut-Nya kecuali Petrus, Yakobus dan Yahya,
saudara Yakobus. 38 Apabila tiba di rumah Yairus, Isa melihat keadaan yang kelam-kabut dan
mendengar ratap tangis yang kuat. 39 Isa masuk lalu berkata kepada mereka, ‘Mengapa kelam-kabut
dan menangis? Anak itu tidak mati, cuma tidur.’ 40 Tetapi mereka mentertawakan Isa.

Setelah menyuruh mereka semua keluar, Isa mengajak ibu bapa anak itu dan pengikut-pengikut-
Nya masuk ke bilik tempat anak itu terbaring. 41 Isa memegang tangan anak itu lalu berkata
kepadanya, *‘Talitha kum!’* (maksudnya, ‘Anak perempuan, Aku berkata kepadamu,
bangunlah!’). 42 Anak perempuan yang berusia dua belas tahun itu segera bangkit lalu berjalan.
Mereka semua sungguh kagum. 43 Tetapi dengan tegas Isa melarang mereka memberitahu sesiapa
tentang perkara itu, lalu menyuruh mereka memberi anak itu makan.

6 *Isa mengajar di Nasaret*

1 Isa beredar dari situ lalu pulang bersama para pengikut-Nya ke kampung halaman-Nya. 2 Pada hari
Sabat Dia mula mengajar di saumaah. Jemaah di situ hairan mendengar ajaran Isa.

‘Dari manakah Dia memperoleh semua ini?’ tanya mereka. ‘Apakah kebijaksanaan yang ada
pada-Nya? Bagaimanakah Dia dapat melakukan mukjizat? 3 Bukankah Dia ini tukang kayu, anak
kepada Maryam, saudara kepada Yakobus, Yoses, Yudas dan Simon? Bukankah saudara-saudara
perempuan-Nya tinggal di sini?’ Oleh itu mereka enggan menerima-Nya.

4 Isa berkata kepada mereka, ‘Seorang nabi dihormati di mana-mana kecuali di kampung
halamannya, di antara sanak-saudaranya dan di dalam keluarganya sendiri.’ 5 Dia tidak dapat
melakukan satu mukjizat pun di situ. Dia hanya menyembuhkan beberapa orang sakit dengan
meletakkan tangan-Nya pada mereka. 6 Dia sungguh hairan bahawa mereka tidak percaya.

Isa mengutus dua belas pengikut-Nya

Selepas itu, Isa pergi ke kampung-kampung di sekitar itu dan mengajar. 7 Dia memanggil pengikut-
Nya yang dua belas itu, lalu mengutus mereka berdua-dua, serta memberi mereka kuasa atas roh-
roh durjana.

8 Perintah-Nya kepada mereka demikian: ‘Jangan bawa apa-apa dalam perjalanan, kecuali
sebatang tongkat — roti pun jangan, beg pun jangan, wang dalam ikat pinggang pun
jangan. 9 Pakailah capal, tetapi sehelai baju sahaja.’ 10 Isa berkata lagi, ‘Apabila kamu disambut di
sesebuah rumah, tinggallah di situ hingga kamu beredar dari kota itu. 11 Sebaliknya, jika penduduk
sesuatu kota enggan menerimamu atau mendengar kata-katamu, pergilah dari situ dan kebaskan
debu daripada tapak kakimu sebagai kesaksian terhadap mereka.’

12 Pengikut Isa yang dua belas itu pun pergi menyampaikan berita bahawa manusia harus
bertaubat. 13 Mereka menghalau banyak roh iblis, dan menyapukan minyak pada ramai orang sakit
serta menyembuhkan mereka.

Nabi Yahya dibunuh

14 Raja Herodes mendengar tentang kejadian itu, kerana nama Isa sudah terkenal di mana-mana.
Ada orang berkata, ‘Yahya Pengimad sudah hidup semula! Itulah sebabnya dia ini berkuasa
melakukan mukjizat.’

15 Yang lain berkata, ‘Dia ini Ilyas.’

Ada pula yang berkata, ‘Dia ini nabi, seperti nabi zaman dahulu.’

16 Ketika mendengar hal demikian, Herodes berkata, ‘Dia itu Yahya yang kepalanya telah
kupancung, tetapi dia hidup semula!’

17 Ini kerana memang Herodes telah memberikan perintah supaya Yahya ditangkap, diikat dan
dipenjarakan. Herodes berbuat demikian kerana Herodias, isteri kepada saudaranya Filipus, yang
telah dikahwininya. 18 Yahya pernah menegur perbuatan Herodes itu, ‘Tuanku bersalah mengahwini
isteri saudara sendiri.’ 19 Akibatnya Herodias menaruh dendam terhadap Yahya dan ingin

membunuhnya, tetapi hasratnya terhalang, [20] sebab Herodes takut akan Yahya. Herodes tahu Yahya
seorang yang benar dan suci, oleh itu dia melindungi Yahya. Herodes juga suka mendengar kata-kata
Yahya, meskipun kata-kata itu membuatnya sangat gelisah.

[21] Akhirnya Herodias mendapat peluang apabila Raja Herodes mengadakan jamuan hari jadinya
untuk semua pegawai tinggi kerajaan, panglima dan tokoh masyarakat Galilea. [22] Anak gadis
Herodias menari dan menghiburkan Herodes serta tetamunya.

Oleh itu raja berkata kepada gadis itu, ‘Mintalah daripadaku apa saja yang kamu ingini dan akan
kuberikan kepadamu.’ [23] Dia menyambung dengan sumpah, ‘Apa sahaja yang kamu minta akan
kuberi kepadamu, walau separuh kerajaanku sekalipun.’

[24] Gadis itu pergi bertanya kepada ibunya, ‘Apakah yang patut kuminta?’

Jawabnya, ‘Kepala Yahya Pengimad.’

[25] Gadis itu segera kembali kepada raja dan berkata, ‘Aku mahu kamu beri kepadaku kepala
Yahya Pengimad di atas talam sekarang juga.’

[26] Lalu raja amat berdukacita, tetapi apakan daya, dia telah bersumpah di hadapan semua
tetamunya. [27] Dia pun memberikan perintah kepada askar supaya membawakan kepala Yahya. Askar
itu pergi ke penjara lalu memancung kepala Yahya. [28] Dia membawa kepala itu di atas talam dan
menyerahkannya kepada gadis itu. Lalu gadis itu menyerahkan kepala Yahya kepada
ibunya. [29] Apabila para pengikut Yahya mendengar perkara itu, mereka datang dan mengambil
jenazah Yahya lalu mengebumikannya.

Isa memberi makan kepada lima ribu orang

[30] Kemudian rasul-rasul kembali berkumpul dengan Isa dan melaporkan segala yang telah mereka
lakukan serta ajarkan. [31] Orang yang datang dan pergi di situ begitu ramainya sehingga Isa dan para
pengikut-Nya tidak sempat makan. Oleh itu, Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Marilah ke
tempat yang sunyi supaya kita dapat bersendirian, dan berehat sebentar.’

[32] Mereka pun bertolak dengan perahu ke tempat yang sunyi. [33] Tetapi pada waktu mereka
bertolak ramai orang melihat dan mengenal mereka. Orang dari semua kota berlari ikut jalan darat
supaya sampai di tempat yang dituju itu sebelum Isa dan para pengikut-Nya. [34] Apabila Isa turun dari
perahu dan melihat orang ramai di situ, hati-Nya penuh belas kasih kerana mereka seperti domba
tanpa gembala. Dia pun mula mengajarkan banyak perkara kepada mereka.

[35] Ketika hari sudah petang, para pengikut Isa datang kepada-Nya dan berkata, ‘Hari sudah
hampir malam dan tempat ini terpencil. [36] Suruhlah semua orang ini pergi supaya mereka ke pekan
atau ke kampung yang berdekatan untuk membeli makanan.’

[37] Tetapi Isa menjawab, ‘Kamu berilah mereka makan.’

Para pengikut-Nya bertanya, ‘Haruskah kami pergi membeli roti berharga dua ratus dinar untuk
memberi mereka makan?’

[38] Isa bertanya, ‘Pergilah lihat berapa banyak roti yang ada pada kamu.’

Setelah mereka memeriksanya, mereka berkata, ‘Lima buku roti dan dua ekor ikan.’

[39] Isa mengarahkan mereka supaya menyuruh semua orang di situ duduk berkelompok-kelompok
di atas rumput. [40] Mereka pun duduk dalam kelompok; ada yang seratus orang sekelompok dan ada
yang lima puluh orang. [41] Setelah Isa mengambil lima buku roti dan dua ekor ikan itu, Dia
menengadah ke langit dan mengucap syukur. Lalu Dia memecah-mecahkan roti itu dan
menyerahkannya kepada para pengikut-Nya untuk diberikan kepada orang ramai itu. Dia
membahagikan juga dua ekor ikan itu kepada mereka semua. [42] Setiap orang makan sehingga
kenyang. [43] Selepas itu para pengikut-Nya mengumpulkan lebihan makanan roti dan ikan sebanyak
dua belas bakul. [44] Jumlah orang lelaki yang makan itu kira-kira lima ribu orang.

Isa berjalan di atas air

[45] Isa segera mengarahkan para pengikut-Nya pergi dahulu dengan perahu ke Betsaida di
seberang laut sementara Dia menyuruh orang ramai itu pulang. [46] Setelah mereka pergi, Isa naik ke
bukit untuk berdoa.

[47] Apabila hari sudah malam, perahu para pengikut Isa sudah sampai ke tengah laut sedangkan

Isa seorang diri di darat. [48] Isa melihat para pengikut-Nya bersusah payah mendayung perahu kerana angin bertiup dari arah bertentangan. Kira-kira menjelang subuh, Isa berjalan di atas air menghampiri mereka. Dia hendak mendahului mereka. [49] Tetapi ketika mereka terpandang Dia berjalan di atas air, mereka menyangka-Nya hantu lalu mereka berteriak-teriak. [50] Mereka ketakutan melihat Isa.

Tetapi Dia segera berkata kepada mereka, 'Tabahkan hatimu! Aku Isa. Jangan takut.' [51] Dia naik ke perahu mereka, lalu angin pun teduh. Para pengikut-Nya hairan tercengang. [52] Mereka masih belum mengerti apa sebenar yang berlaku dengan roti itu, kerana hati mereka masih keras.

[53] Mereka menyeberang hingga tiba di Genesaret. Di situ mereka menambat perahu itu. [54] Sebaik-baik mereka turun dari perahu, orang mengenal Isa [55] lalu berlari ke serata kawasan dan membawakan orang sakit yang terbaring di atas tikar kepada-Nya di mana-mana sahaja Dia berada. [56] Di setiap tempat yang dikunjungi-Nya — baik di kota, di pekan atau di kampung — penduduk di situ membawa orang yang sakit ke pasar-pasar. Mereka memohon agar sekurang-kurangnya Isa membenarkan orang sakit itu menyentuh jubah-Nya. Semua yang menyentuhnya terus sembuh.

7 *Adat istiadat nenek moyang*

[1] Orang Farisi dan beberapa guru Taurat yang datang dari Baitulmaqdis berkumpul di keliling Isa. [2] Mereka melihat beberapa pengikut Isa makan dengan tangan yang 'tidak suci', iaitu tangan yang tidak dibasuh. [3] (Orang Farisi malah semua orang Yahudi taat mengikut adat istiadat nenek moyang mereka. Mereka tidak akan makan sebelum membasuh tangan menurut cara-cara yang ditentukan. [4] Apabila pulang dari pasar, mereka juga tidak akan makan sebelum membersihkan diri. Banyak lagi peraturan yang diamalkan oleh mereka, seperti hal membasuh cawan, kendi, dan bekas tembaga.)

[5] Oleh itu, orang Farisi dan guru Taurat di situ bertanya kepada Isa, 'Mengapakah pengikutmu tidak menurut adat istiadat nenek moyang kita? Mengapakah mereka makan dengan tangan yang "tidak suci"?'

[6] Isa menjawab, 'Tepat sekali kata-kata Nabi Yasyaya dalam nubuatnya tentangmu, hai orang munafik; seperti yang tersurat:

' "Bangsa ini menghormati-Ku

dengan kata-kata,

tetapi hati mereka jauh daripada-Ku.

[7] Sia-sialah mereka menyembah-Ku;

sedangkan ajaran yang mereka

ajarkan ialah peraturan manusia."

[8] 'Kamu mengetepikan perintah Allah untuk menurut adat istiadat manusia.'

[9] Isa berkata lagi: 'Kamu sungguh pandai menyingkirkan perintah Allah untuk menegakkan adat istiadatmu sendiri! [10] Musa menyampaikan perintah ini, "Hormatilah ibu bapamu" dan "Orang yang mencaci ibu bapa sendiri mesti dihukum mati." [11] Tetapi kamu memberikan ajaran berikut: Jika seseorang berkata kepada ibu bapanya, "Segala apa yang harus kugunakan untuk membantu ayah dan emak, sudah kujadikan korban" (iaitu telah dipersembahkan kepada Allah), [12] maka orang itu tidak perlu menolong ibu bapa. [13] Jadi, adat istiadat yang kamu sampaikan membatalkan firman Allah. Banyak lagi perkara sedemikian yang kamu lakukan.'

[14] Isa memanggil orang ramai itu dan berkata kepada mereka, 'Kamu semua, dengarlah supaya kamu faham. [15] Apa yang masuk dari luar ke dalam seseorang tidak dapat menajiskannya. Apa yang keluar daripada seseorang itulah yang menajiskannya. [16] Jika kamu bertelinga, dengarlah!'

[17] Setelah Isa meninggalkan orang ramai itu dan masuk ke rumah, para pengikut-Nya bertanya kepada-Nya tentang maksud ibarat itu. [18] Isa berkata kepada mereka, 'Kamu ini sama dengan mereka. Tidakkah kamu faham bahawa apa yang masuk dari luar ke dalam seseorang tidak dapat menajiskannya? [19] Kerana sesuatu itu tidak masuk ke hatinya tetapi ke dalam perutnya, kemudian keluar semula.' (Dengan demikian Dia menyatakan semua makanan halal.)

[20] Kata-Nya lagi: 'Apa yang keluar daripada seseorang itu menajiskannya [21] kerana dari dalam, dari hati manusialah timbul fikiran jahat yang mendorong seseorang berfikiran durjana, berbuat cabul,

mencuri, membunuh, 22 berzina, tamak, berdendam, menipu, mengeluarkan kata-kata lucah, bermata
jahat, dengki, mengkufuri Allah, berlagak sombong, dan bersikap bodoh. 23 Semua perkara jahat ini
timbul dari dalam hati dan itulah yang menajiskan seseorang.'

Iman seorang perempuan Siro-Fenisia

24 Kemudian Isa pergi dari situ ke kawasan berdekatan kota Tirus, lalu masuk ke sebuah rumah.
Dia tidak mahu orang tahu Dia ada di situ tetapi Dia tidak dapat menyembunyikan diri. 25 Ibu kepada
seorang anak perempuan yang dirasuk roh durjana telah mendengar tentang Isa lalu segera datang
kepada-Nya dan sujud di hadapan-Nya. 26 Wanita itu seorang Yunani, dia berasal dari daerah Fenisia
di Siria. Dia memohon Isa menghalau roh iblis yang merasuk anaknya.

27 Isa menjawab, 'Anak-anak harus diberi makan dahulu. Tidak patut makanannya diambil untuk
dilemparkan kepada anjing.'

28 'Benar, Tuan,' jawab wanita itu, 'tetapi anjing di bawah meja pun makan sisa yang dijatuhkan
oleh anak-anak.'

29 Maka Isa berkata kepadanya, 'Kerana jawapanmu itu, pulanglah. Roh iblis sudah keluar
daripada tubuh anakmu.'

30 Apabila ibu itu pulang ke rumah, dia mendapati anaknya sedang berbaring di katil dan tidak lagi
dirasuk roh iblis.

Isa menyembuhkan seorang bisu tuli

31 Selepas itu Isa meninggalkan daerah Tirus, meneruskan perjalanan ke Laut Galilea melalui
Sidon, ke tengah-tengah daerah Sepuluh Kota. 32 Di sana seorang bisu tuli dibawa kepada-Nya
dengan permohonan agar Isa meletakkan tangan padanya.

33 Isa membawanya ke samping, jauh daripada orang ramai itu, lalu memasukkan jari-Nya ke
dalam kedua-dua belah telinga orang itu. Kemudian Dia meludah dan menyentuh lidah orang
itu. 34 Selepas itu Dia menengadah ke langit lalu menarik nafas panjang dan berkata kepada orang itu,
'Effata!' (ertinya 'Terbukalah!'). 35 Serta-merta telinga orang itu terbuka dan lidahnya pulih, lalu dia
bertutur dengan baik.

36 Isa melarang semua yang hadir menceritakan hal itu kepada sesiapapun. Tetapi semakin Isa
melarang, semakin mereka menceritakannya. 37 Mereka sungguh hairan dan berkata, 'Dia melakukan
segala-galanya dengan baik sekali. Dia membolehkan orang tuli mendengar dan orang bisu berkata-
kata.'

8 *Isa memberi makan kepada empat ribu orang*

1 Pada suatu hari, ketika orang tersangat ramai berhimpun dan kehabisan makanan, Isa memanggil
para pengikut-Nya lalu berkata, 2 'Aku kasihan kepada orang ramai ini, sudah tiga hari mereka
bersama-Ku, dan sekarang mereka kehabisan makanan. 3 Kalau Kusuruh mereka pulang dengan
perut kosong, mereka akan pengsan di tengah jalan kerana ada yang datang dari jauh.'

4 Para pengikut Isa menjawab, 'Di tempat terpencil ini, di mana hendak dicari makanan yang
cukup untuk semua orang ini?'

5 Isa bertanya kepada mereka, 'Berapa banyakkah roti yang ada padamu?'

'Tujuh buku,' jawab mereka.

6 Isa menyuruh orang ramai itu duduk di atas tanah. Dia mengambil tujuh buku roti itu dan
mengucap syukur. Setelah itu Dia memecah-mecahkan roti itu dan menyerahkannya kepada para
pengikut-Nya untuk dihidangkan, dan mereka pun memberikannya kepada orang yang banyak
itu. 7 Mereka juga ada beberapa ekor ikan kecil. Setelah mengucap syukur atasnya, Isa menyuruh
supaya ikan itu dibahagi-bahagikan juga. 8 Kesemua orang pun makan sehingga kenyang. Sisa
lebihan makanan yang dikumpulkan sebanyak tujuh bakul penuh. 9 Bilangan mereka itu kira-kira
empat ribu orang. Isa pun menyuruh mereka pulang. 10 Selepas itu Isa terus menaiki perahu bersama
para pengikut-Nya pergi ke daerah Dalmanuta.

11 Beberapa orang Farisi datang kepada Isa dan mula bersoal jawab dengan-Nya untuk
memerangkap-Nya. Untuk menduga-Nya, mereka meminta daripada-Nya suatu tanda ajaib dari

syurga. 12 Isa mengeluh lalu menjawab, ‘Mengapakah orang zaman ini mencari suatu tanda ajaib?
Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, tidak akan diberikan tanda apapun kepada orang zaman
ini.’ 13 Isa meninggalkan mereka dan kembali ke perahu lalu ke seberang.

Ragi orang Farisi dan ragi Herodes

14 Para pengikut Isa terlupa membawa roti yang mencukupi. Di dalam perahu itu cuma ada
sebuku roti. 15 Isa mengingatkan mereka, ‘Berhati-hatilah dengan ragi orang Farisi dan ragi Herodes.’

16 Kemudian mereka membincangkannya satu sama lain dan berkata, ‘Dia berkata begitu kerana
kita tidak membawa roti.’

17 Isa mengetahui apa yang mereka bincangkan lalu Dia bertanya, ‘Mengapa kamu
memperbincangkan hal tidak membawa roti? Tidakkah kamu tahu dan faham lagi? Begitu tumpulkah
fikiranmu? 18 Kamu ada mata, tidakkah kamu melihat? Kamu ada telinga, tidakkah kamu mendengar?
Tidakkah kamu ingat 19 bagaimana Aku memecah-mecahkan lima buku roti untuk lima ribu orang?
Berapa bakul lebihan makanan yang kamu kumpulkan?’

‘Dua belas,’ jawab mereka.

20 ‘Dan apabila Aku memecah-mecahkan tujuh buku roti untuk empat ribu orang, berapa bakul
lebihan makanan yang kamu kumpulkan?’

‘Tujuh,’ jawab mereka.

21 Lalu Isa berkata kepada mereka, ‘Kamu masih belum faham lagi?’

Isa menyembuhkan seorang buta

22 Isa dan para pengikut-Nya tiba di Betsaida. Beberapa orang membawa seorang buta kepada
Isa dan memohon agar Dia menyentuhnya. 23 Isa memegang tangan orang buta itu lalu memimpinnya
ke luar dari pekan itu. Isa meludahi mata orang buta itu. Kemudian Dia meletakkan tangan-Nya pada
orang itu lalu bertanya, ‘Adakah kamu melihat apa-apa?’

24 Orang itu memandang ke hadapan lalu berkata, ‘Aku nampak orang, rupa mereka seperti pokok
berjalan.’

25 Sekali lagi Isa meletakkan tangan-Nya pada mata orang itu. Setelah orang itu berusaha untuk
melihat, kali ini penglihatannya cukup terang dan matanya telah sembuh. 26 Isa pun menyuruhnya
pulang sambil berkata, ‘Jangan masuk lagi ke pekan itu.’

Pengakuan Petrus

27 Setelah itu Isa dan para pengikut-Nya pergi ke pekan-pekan di sekitar Kaisarea Filipi. Di
tengah jalan Isa bertanya kepada mereka, ‘Menurut orang, Aku ini siapa?’

28 Mereka menjawab, ‘Ada yang berkata, Yahya Pengimad; yang lain berkata, Ilyas; ada pula
yang berkata, seorang daripada nabi.’

29 ‘Tetapi menurut kamu, Aku ini siapa?’ tanya Isa. Petrus menjawab, ‘Engkau ialah al-Masih.’

30 Lalu Isa mengingatkan mereka supaya jangan memberitahu sesiapapun tentang diri-Nya.

Isa memberitahu tentang kematian-Nya

31 Kemudian Isa mula mengajar mereka bahawa Putera Insan harus banyak menanggung
kesengsaraan serta ditolak oleh para pemimpin masyarakat, ketua imam dan guru Taurat. Dia akan
dibunuh, tetapi tiga hari kemudian, Dia akan bangkit semula. 32 Isa mengatakan perkara ini dengan
terus-terang. Oleh itu, Petrus menarik Isa ke tepi dan menegur Dia.

33 Isa berpaling memandang para pengikut-Nya lalu menegur Petrus, ‘Pergilah dari sini, hai Iblis!
Kamu tidak berfikir secara Allah, tetapi secara manusia.’

34 Setelah itu Isa memanggil para pengikut-Nya dan orang ramai di situ lalu berkata kepada
mereka, ‘Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus melupakan kepentingan dirinya, memikul
salib, dan mengikut-Ku. 35 Sesiapa yang mempertahankan hidupnya, akan kehilangan hidupnya.
Tetapi sesiapa yang mengorbankan hidup untuk-Ku dan untuk Injil, akan menyelamatkan hidupnya
itu. 36 Apa gunanya jika seseorang memiliki seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya? 37 Dapatkah

hidup itu ditukar dengan apapun? [38] Jika seseorang malu mengakui Aku dan perkataan-Ku di
kalangan angkatan yang cabul dan berdosa ini, Putera Insan juga akan malu mengakuinya ketika Dia
datang dalam kemuliaan Bapa-Nya diiringi para malaikat suci.'

9 [1] Isa berkata lagi, 'Sesungguhnya, ada beberapa orang di sini yang tidak akan mati sebelum
melihat kerajaan Allah datang dengan kuasa.'

Penjelmaan

[2] Enam hari kemudian, Isa membawa Petrus, Yakobus, dan Yahya, pergi ke sebuah gunung yang
tinggi di mana mereka bersendirian. Di situ Isa berubah rupa di depan mata mereka. [3] Pakaian-Nya
menjadi putih berkilau-kilauan laksana salji, tiada siapa di bumi ini dapat memutihkan kain sehingga
seputih itu. [4] Ilyas dan Musa muncul di hadapan mereka lalu berkata-kata dengan Isa.

[5] Lalu Petrus berkata kepada Isa, 'Tuan Guru, baik sekali kami ada di sini. Biarlah kami dirikan
tiga buah khemah — satu untuk-Mu, satu untuk Musa, dan satu untuk Ilyas.' [6] (Sebenarnya Petrus
tidak tahu apa yang hendak dikatakannya, kerana ketiga-tiganya ketakutan.)

[7] Segumpal awan datang menaungi mereka. Suatu suara terdengar dari dalam awan itu, 'Inilah
Putera-Ku yang Kukasihi. Dengarlah kata-kata-Nya!'

[8] Tiba-tiba, ketika mereka memandang sekeliling, mereka tidak lagi melihat sesiapa di situ
bersama mereka, selain Isa.

[9] Sewaktu berjalan turun dari gunung itu, Isa memperingatkan mereka supaya tidak memberitahu
sesiapa segala yang telah mereka lihat, sehingga Putera Insan bangkit daripada kematian. [10] Mereka
mentaati pesan itu, sambil tertanya-tanya apa maksud 'bangkit daripada kematian.'

[11] Mereka bertanya kepada Isa, 'Mengapa guru-guru Taurat berkata Ilyas mesti datang dulu?'

[12] Isa menjawab, 'Benar, Ilyas akan datang dulu dan memulihkan segala-galanya. Tetapi
bagaimana dengan apa yang tersurat tentang Putera Insan, bahawa Dia akan banyak menanggung
penderitaan dan penghinaan? [13] Aku berkata kepadamu, Ilyas sudahpun datang dan orang
memperlakukannya sesuka hati, tepat seperti yang tersurat tentang dirinya.'

Isa menyembuhkan seorang anak lelaki yang bisu

[14] Apabila mereka pulang mendapatkan para pengikut yang lain, mereka melihat ramai orang di
situ. Beberapa orang guru Taurat sedang bersoal jawab dengan para pengikut Isa. [15] Sebaik-baik
orang ramai itu melihat Isa, mereka amat kagum lalu berlari menyambut-Nya.

[16] Isa bertanya kepada para pengikut-Nya, 'Tentang apa kamu bersoal jawab dengan mereka?'

[17] Seorang daripada orang ramai itu menjawab, 'Tuan Guru, aku membawa anakku kepada
pengikut-pengikut-Mu. Anakku dirasuk oleh roh yang membuatnya bisu. [18] Apabila roh itu
menyerangnya, dia menghempas-hempas tubuhnya ke tanah, mulutnya berbuih, giginya mengertak
dan badannya menjadi kaku. Aku memohon pengikut-pengikut-Mu menghalau roh itu tetapi mereka
tidak dapat melakukannya.'

[19] Isa berkata kepada mereka, 'Hai angkatan yang tidak percaya! Berapa lamakah aku mesti
tinggal bersamamu? Berapa lamakah aku harus bersabar denganmu? Bawa anak itu ke mari.'

[20] Mereka pun membawa anak itu kepada Isa. Sebaik-baik roh itu melihat Isa, ia pun membuat
anak itu sawan, lalu jatuh berguling-guling ke tanah, mulutnya berbuih.

[21] Isa bertanya kepada bapa anak itu, 'Sejak bila dia begini?' Bapa anak itu menjawab, 'Sejak dia
kecil lagi. [22] Sudah berkali-kali roh itu cuba membunuhnya dengan membuangnya ke dalam api atau
air. Kasihanlah kami dan tolonglah kami, kalau Engkau dapat menolong.' [23] Isa berkata kepadanya,
'Apa katamu? Kalau Engkau dapat? Segala sesuatu mungkin bagi orang yang percaya.'

[24] Bapa itu segera berseru, 'Aku percaya; tolonglah agar aku lebih percaya lagi!'

[25] Ketika Isa melihat orang ramai datang berkerumun, Dia memerintah roh durjana itu, 'Hai roh
bisu tuli, Aku perintahkan kamu keluar daripada anak ini dan jangan memasukinya lagi.'

[26] Roh itu menjerit dan membuat tubuh anak itu terkejang-kejang, lalu keluar daripada anak itu.
Anak itu kelihatan seperti mayat lalu semua orang berkata, 'Dia sudah mati.' [27] Tetapi Isa memegang

tangannya dan menolongnya bangun. Anak itu pun berdiri.

[28] Selepas itu Isa masuk ke rumah. Ketika tiada lagi orang lain di situ, para pengikut-Nya bertanya kepada-Nya, ‘Mengapa kami tidak dapat menghalau roh itu?’

[29] Isa menjawab, ‘Jenis ini tidak dapat dihalau dengan cara apapun, kecuali dengan doa.’

[30] Setelah itu Isa dan para pengikut-Nya beredar dari situ dan meneruskan perjalanan melalui Galilea. Dia tidak mahu orang tahu Dia di mana [31] kerana Dia sedang mengajar para pengikut-Nya. Dia berkata kepada mereka, ‘Putera Insan akan diserahkan ke dalam tangan manusia dan akan dibunuh, tetapi selepas tiga hari Dia akan bangkit semula.’ [32] Mereka tidak faham erti kata-kata itu tetapi takut hendak bertanya kepada Isa.

Siapa yang terbesar?

[33] Mereka tiba di Kapernaum. Setelah tiba di rumah, Isa bertanya kepada para pengikut-Nya, ‘Apa yang kamu persoalkan di jalan tadi?’ [34] Mereka tidak menjawab, kerana dalam perjalanan mereka telah mempersoalkan siapa yang terbesar.

[35] Isa duduk lalu memanggil pengikut-Nya yang dua belas itu. Dia berkata kepada mereka, ‘Kalau sesiapa ingin menjadi yang pertama, dia mestilah menjadi yang terakhir dan hamba kepada semua orang.’

[36] Selepas itu Dia memanggil seorang kanak-kanak dan menyuruhnya berdiri di hadapan mereka semua. Dia mendakap kanak-kanak itu sambil berkata kepada mereka, [37] ‘Sesiapa yang menerima kanak-kanak seperti ini kerana-Ku, menerima-Ku. Sesiapa yang menerima-Ku, menerima Allah yang mengutus-Ku.’

Menghalau roh iblis

[38] Yahya berkata kepada Isa, ‘Tuan Guru, kami melihat seorang lelaki menghalau roh-roh iblis dengan nama-Mu, lalu kami larang dia, kerana dia bukan dalam kumpulan kita.’

[39] Tetapi Isa berkata, ‘Jangan larang dia, kerana seseorang yang melakukan mukjizat dengan nama-Ku tidak mungkin mencela-Ku sejurus selepas itu. [40] Orang yang tidak menentang kita, memihak kepada kita. [41] Sesiapa yang memberimu secawan air dalam nama-Ku, kerana kamu pengikut al-Masih, sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, dia pasti akan mendapat ganjarannya.

Menyebabkan orang lain berdosa

[42] ‘Tetapi sesiapa yang menyebabkan seorang daripada kanak-kanak yang percaya kepada-Ku ini berdosa, maka lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan ke lehernya dan dia dicampakkan ke dalam laut. [43] Jika tanganmu menyebabkan kamu berdosa, potonglah tangan itu! Lebih baik kamu memasuki hidup dalam keadaan kudung sebelah tangan, daripada mempunyai dua tangan tetapi terhumban ke neraka, ke dalam api yang tidak terpadam. [44] Di sana cacingnya tidak akan mati dan apinya tidak akan padam. [45] Jika kakimu menyebabkan kamu berdosa, potonglah kaki itu. Lebih baik kamu memasuki hidup dalam keadaan pincang, daripada memiliki dua kaki tetapi terhumban ke neraka. [46] Di sana cacingnya tidak akan mati dan apinya tidak akan padam. [47] ‘Jika matamu menyebabkan kamu berdosa, cungkillah mata itu keluar. Lebih baik kamu memasuki kerajaan Allah dengan sebelah mata sahaja, daripada memiliki dua mata tetapi terhumban ke neraka. [48] Di sana

‘ “cacingnya tidak akan mati,

dan apinya tidak akan padam.” ’

[49] ‘Setiap orang akan disaluti api.

[50] ‘Garam itu baik, tetapi jika hilang rasanya, bagaimana kamu dapat mengembalikan rasanya? Adakanlah garam pengukuh dalam dirimu, dan hiduplah rukun damai sesamamu.’

10 *Perceraian*

[1] Setelah itu Isa beredar dari situ lalu pergi ke daerah Yudea dan daerah di seberang Sungai Yordan. Ramai sekali orang yang datang kepada-Nya maka, seperti biasa, Dia pun mengajar mereka.

[2] Orang Farisi datang kepada-Nya untuk menduga-Nya. Mereka bertanya, ‘Menurut hukum,

bolehkah seseorang menceraikan isterinya?'

3 Dia menjawab, 'Apa yang diperintahkan oleh Musa kepadamu?'

4 Mereka berkata, 'Musa membenarkan seseorang lelaki menulis surat cerai dan menyingkirkan isterinya.'

5 Isa berkata, 'Disebabkan hati batu kamu, Musa menuliskan peraturan itu. 6 Tetapi sejak alam dicipta, Allah "telah menjadikan lelaki dan perempuan." 7 "Oleh itu seseorang lelaki harus meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, 8 dan mereka berdua akan menjadi satu," bukan lagi dua, tetapi satu. 9 Maka, apa yang telah disatukan oleh Allah, janganlah manusia memisahkan.'

10 Di dalam rumah, para pengikut-Nya bertanya lagi kepada-Nya tentang hal ini. 11 Dia menjawab, 'Sesiapa yang menceraikan isterinya dan berkahwin dengan perempuan lain, melakukan zina. 12 Begitu juga, jika seseorang wanita menceraikan suaminya dan berkahwin dengan lelaki lain, dia melakukan zina.'

Isa memberkati kanak-kanak

13 Selepas itu, orang membawa kanak-kanak kecil kepada-Nya supaya Dia menyentuh mereka, tetapi para pengikut-Nya memarahi mereka. 14 Tetapi apabila Isa melihat hal itu, Dia sungguh tidak menyenanginya, lalu berkata, 'Biarkan kanak-kanak kecil itu datang kepada-Ku, jangan larang mereka, kerana daripada yang seperti merekalah terdirinya kerajaan Allah. 15 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang tidak menerima kerajaan Allah seperti seorang anak kecil, pasti tidak akan memasukinya.' 16 Isa mendukung dan mendakap kanak-kanak kecil itu, meletakkan tangan-Nya pada mereka, dan memberkati mereka.

Orang yang kaya itu

17 Ketika Dia sedang melangkah ke jalan, seorang datang berlari-lari, berlutut kepada-Nya dan bertanya, 'Wahai Guru yang baik, apakah yang harus kulakukan untuk mewarisi hidup kekal?'

18 Isa berkata kepadanya, 'Mengapa kamu memanggil-Ku baik? Tiada siapa yang baik kecuali satu, iaitu Allah. 19 Kamu tahu perintah-perintah Allah: "Jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan memberi kesaksian palsu, jangan menipu, hormati ibu bapamu." '

20 Orang itu menjawab, 'Tuan Guru, semua ini telah aku taati dari usia muda lagi.'

21 Isa memandangnya dengan penuh kasih lalu berkata, 'Ada satu kekuranganmu. Pergilah, jual segala yang ada padamu, berikan hasil penjualannya kepada orang miskin, maka kamu akan mendapat harta di syurga. Sesudah itu datanglah dan ikut Aku.'

22 Tetapi orang itu sedih mendengar kata-kata ini lalu pergi dengan dukacita, kerana dia mempunyai banyak harta.

23 Kemudian Isa memandang sekeliling dan berkata kepada para pengikut-Nya, 'Betapa susahnya bagi orang kaya untuk masuk ke dalam kerajaan Allah!'

24 Para pengikut-Nya kehairanan mendengar kata-kata-Nya. Tetapi Isa berkata lagi, 'Anak-anakku, betapa susahnya untuk masuk ke dalam kerajaan Allah! 25 Lebih mudah bagi seekor unta memasuki lubang jarum daripada seorang kaya memasuki kerajaan Allah.'

26 Para pengikut-Nya merasa sungguh hairan, lalu berkata sama sendiri, 'Kalau begitu, siapa yang dapat diselamatkan?'

27 Tetapi Isa memandang mereka lalu berkata, 'Bagi manusia hal itu mustahil, tetapi tidak bagi Allah, kerana bagi Allah segala-galanya dapat dilakukan.'

28 Kemudian Petrus berkata kepada-Nya, 'Lihatlah, kami telah meninggalkan segala-galanya dan mengikut-Mu!'

29 Isa menjawab, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, setiap orang yang telah meninggalkan rumah, adik-beradik, ibu bapa, anak isteri, atau tanah untuk-Ku dan untuk Injil 30 pasti akan menerima seratus kali ganda dalam dunia ini (rumah, adik beradik, ibu, anak-anak dan tanah — serta penganiayaan) dan pada kemudian hari, hidup kekal. 31 Tetapi ramai yang pertama akan menjadi terakhir, dan yang terakhir akan menjadi yang pertama.'

Isa memberitahu lagi tentang kematian-Nya

32 Ketika mereka di perjalanan, menuju ke Baitulmaqdis, dan Isa mendahului mereka, maka
mereka sungguh takjub. Sambil mengikut-Nya, mereka berasa takut. Kemudian Dia membawa
pengikut-Nya yang dua belas itu ke samping lalu memberitahu mereka apa yang akan terjadi kepada-
Nya. 33 Kata-Nya, 'Kita sekarang pergi ke Baitulmaqdis. Putera Insan akan dikhianati dan diserahkan
ke tangan ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat. Mereka akan menjatuhkan hukuman mati kepada-
Nya dan menyerahkan-Nya kepada orang bukan bani Israel. 34 Mereka akan mengejek-Nya,
menyebat-Nya, meludahi-Nya, dan membunuh-Nya. Pada hari ketiga Dia akan bangkit semula.'

Permintaan Yakobus dan Yahya

35 Kemudian Yakobus dan Yahya, anak-anak Zebedeus, datang kepada-Nya lalu berkata, 'Tuan
Guru, kami mahu Engkau membuat apa-apa yang kami minta untuk diri kami.'

36 Isa bertanya kepada mereka, 'Apa yang kamu mahu Aku buat untukmu?'

37 Mereka berkata kepada-Nya, 'Kurniailah kami duduk di kiri dan kanan-Mu dalam kemuliaan-
Mu.'

38 Tetapi Isa berkata kepada mereka, 'Kamu tidak tahu apa yang kamu minta. Sanggupkah kamu
minum daripada cawan yang Kuminum, dan diimadkan dengan pengimadan yang Kuterima?'

39 Mereka menjawab, 'Sanggup.'

Lalu Isa berkata kepada mereka, 'Memang kamu akan minum daripada cawan yang Kuminum dan
diimadkan dengan pengimadan yang Kuterima. 40 Tetapi untuk duduk di kiri dan kanan-Ku bukanlah
Aku memberikannya, tetapi bagi mereka yang tempat itu disediakan untuknya.'

41 Apabila pengikut yang sepuluh orang lagi itu mendengar hal itu, mereka marah akan Yakobus
dan Yahya. 42 Tetapi Isa memanggil mereka kepada-Nya lalu berkata, 'Kamu tahu bahawa di
kalangan orang bukan bani Israel, orang yang dianggap pemerintah memerintah rakyat dengan kuku
besi, dan orang besar melaksanakan kekuasaan ke atas mereka. 43 Ini tidak harus berlaku di
kalanganmu. Sesiapa yang ingin menjadi orang besar di antaramu hendaklah melayani yang
lain. 44 Sesiapa yang ingin menduduki tempat pertama hendaklah menjadi hamba kepada
semua, 45 kerana Putera Insan juga datang bukan untuk dilayani tetapi untuk melayani, dan untuk
menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.'

Isa menyembuhkan Bartimeus

46 Setelah itu mereka tiba di Yerikho. Kemudian, ketika Dia keluar dari situ dengan para pengikut-
Nya dan orang ramai itu, seorang buta bernama Bartimeus (anak Timeus), sedang duduk mengemis
di tepi jalan. 47 Ketika dia mendengar bahawa yang lalu itu Isa orang Nasaret, dia berteriak, 'Isa, Anak
Daud, kasihanilah aku!'

48 Ramai orang menyuruhnya diam, tetapi dia semakin berteriak, 'Anak Daud, kasihanilah aku!'

49 Oleh itu Isa berhenti dan memberi perintah supaya dia dipanggil.

Mereka pun memanggil orang buta itu sambil berkata, 'Bergembiralah! Dan bangkitlah! Dia
memanggilmu.' 50 Orang buta itu mencampakkan jubahnya ke tepi lalu bangkit dan pergi kepada Isa.

51 Isa berkata kepadanya, 'Apa yang kamu mahu Kubuat untukmu?'

Orang itu menjawab, 'Tuan Guru, aku ingin melihat.'

52 Isa menjawab, 'Pergilah, imanmu telah menyembuhkanmu.' Serta-merta orang itu dapat
melihat, lalu mengikut Isa dalam perjalanan-Nya.

11 *Isa masuk ke Baitulmaqdis*

1 Apabila mereka sudah berhampiran Baitulmaqdis, di Baitfagi dan Baitani, di Bukit Zaitun, Isa
mengutus dua orang pengikut-Nya, 2 kata-Nya, 'Pergilah ke kampung yang setentang denganmu.
Sebaik-baik kamu masuk, kamu akan mendapati seekor anak keldai yang belum pernah ditunggang,
tertambat di situ. Lepaskannya dan bawa ke mari. 3 Jika sesiapa bertanya kepadamu, "Mengapa kau
berbuat demikian?" katakan, "Junjungan memerlukannya, dan Dia akan segera memulangkannya." '

4 Mereka pun pergi dan mendapati anak keldai itu tertambat di pintu di tepi jalan, lalu mereka

melepaskannya. 5 Beberapa orang yang berdiri di situ bertanya kepada mereka, ‘Apa yang kamu buat,
melepaskan anak keldai itu?’ 6 Mereka menjawab seperti yang diperintahkan oleh Isa, lalu mereka
dibenarkan pergi. 7 Mereka membawa anak keldai itu kepada Isa dan meletakkan jubah mereka di
atas belakangnya. Isa pun duduk di atas belakang anak keldai itu. 8 Ramai orang membentangkan
jubah mereka di atas jalan. Yang lain memotong dahan-dahan rimbun daripada pokok-pokok di situ
dan meletakkannya sepanjang jalan. 9 Setelah itu mereka yang berjalan di hadapan dan yang
mengikut dari belakang berseru,

‘Hosana!’

‘Diberkatilah Dia yang datang

dengan nama Tuhan!’

10 ‘Diberkatilah kerajaan bapa kita Daud!

Yang datang dengan nama Allah!’

‘Hosana di tempat yang maha tinggi!’

11 Isa masuk ke Baitulmaqdis dan terus masuk ke dalam rumah ibadat. Setelah Dia melihat
semuanya, kerana hari sudah lewat petang, Dia pun pergi ke Baitani dengan pengikut-Nya yang dua
belas itu.

Isa membersihkan rumah ibadat

12 Esoknya, setelah mereka keluar dari Baitani, Isa berasa lapar. 13 Dari jauh Dia melihat sebatang
pokok ara yang berdaun. Dia mendekatinya untuk melihat kiranya pokok itu berbuah. Tetapi Dia
mendapati daun sahaja di pokok itu, kerana pada masa itu bukan musim buah ara. 14 Oleh itu Isa
berkata kepada pokok itu, ‘Tiada siapa akan makan buahmu lagi selama-lamanya.’ Para pengikut-
Nya mendengar kata-kata itu.

15 Apabila sampai di Baitulmaqdis, Isa masuk ke rumah ibadat. Dia menghalau keluar orang yang
berjual beli di dalam rumah ibadat, dan menterbalikkan meja para pengurup wang serta tempat duduk
penjual burung merpati. 16 Dia tidak membenarkan siapapun mengangkat barangan melalui rumah
ibadat. 17 Kemudian Dia mengajar mereka, kata-Nya, ‘Tidakkah tersurat:

‘ “Rumah-Ku akan dipanggil

rumah doa bagi semua bangsa.”?

‘Tetapi kamu telah menjadikannya “sarang pencuri.” ’

18 Guru-guru Taurat dan ketua-ketua imam mendengarnya lalu mencari jalan hendak
membinasakan Isa, kerana mereka takut kepada-Nya, memandangkan semua orang mengagumi
ajaran-Nya.

19 Setelah lewat petang, Isa keluar dari kota itu.

Isa mengutuk pohon ara

20 Pada pagi esoknya, ketika mereka lalu di situ, mereka melihat pokok ara itu telah layu kering
daripada akarnya. 21 Petrus teringat lalu berseru, ‘Tuan Guru, lihat! Pokok ara yang Engkau sumpah
itu telah mati.’

22 Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Berimanlah kepada Allah. 23 Sesungguhnya, Aku
berkata kepadamu, jika sesiapa berkata kepada gunung, “Beralihlah dan terhumbanlah ke laut,” tanpa
ragu dalam hatinya dan dengan sepenuh kepercayaan bahawa apa yang dikatakannya akan berlaku,
maka akan terjadilah seperti kata-katanya itu. 24 Oleh itu Aku berkata kepadamu, apa sahaja yang
kamu minta ketika berdoa, percayalah kamu akan menerimanya, maka kamu akan
mendapatnya. 25 Setiap kali kamu berdoa, jika ada sesiapa yang bersalah terhadapmu, ampunilah dia,
supaya Bapamu di syurga juga akan mengampunkan kesalahanmu. 26 Tetapi jika kamu tidak
mengampuni, Bapamu di syurga juga tidak akan mengampunkan kesalahanmu.’

Kekuasaan Isa dipersoalkan

27 Selepas itu mereka masuk semula ke Baitulmaqdis. Sedang Dia berjalan di dalam rumah
ibadat, ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan tua-tua datang kepada-Nya. 28 Mereka berkata

kepada-Nya, ‘Dengan kekuasaan apakah Kamu melakukan perkara-perkara ini? Siapa yang memberi-Mu kekuasaan untuk melakukannya?’

29 Tetapi Isa menjawab, ‘Aku juga akan bertanya satu soalan kepadamu. Jawablah soalan-Ku, maka Aku akan memberitahumu dengan kekuasaan apa Aku melakukan perkara-perkara ini. 30 Pengimadan Yahya — adakah daripada syurga atau daripada manusia? Jawablah soalan-Ku!’

31 Mereka berbincang sesama sendiri, ‘Kalau kita berkata, “Daripada syurga”, nanti kata-Nya, “Kalau begitu, mengapa kamu tidak percaya kepadanya?” 32 Tetapi, kalau kita berkata, “Daripada manusia”....’ (Mereka takut akan orang ramai itu yang semuanya menganggap Yahya seorang nabi.)

33 Oleh itu mereka menjawab, ‘Kami tidak tahu.’

Lalu Isa berkata, ‘Aku pun tidak akan memberitahumu dengan kekuasaan apa Aku melakukan perkara-perkara ini.’

12 *Ibarat tentang penyewa ladang*

1 Setelah itu Dia mula berkata-kata kepada mereka melalui ibarat: ‘Seorang peladang menanam anggur, memasang pagar sekeliling ladangnya, menggali lubang untuk tempat memeras anggur, dan membina menara tempat berkawal. Kemudian dia menyewakan ladang anggurnya kepada beberapa orang lalu pergi ke sebuah negeri yang jauh. 2 Apabila tiba musim mengumpulkan hasil tanaman anggur, tuan punya ladang itu menghantar seorang hambanya untuk meminta bahagiannya daripada hasil itu. 3 Para penyewa ladang menangkap dan memukul hamba itu lalu menyuruhnya pergi dengan tangan kosong. 4 Tuan punya ladang menghantar seorang lagi hambanya. Mereka memukulnya, menyebabkannya luka di kepala dan menyuruhnya pergi setelah diperlakukan sebegitu kejinya. 5 Selepas itu tuan punya ladang menghantar seorang lagi hambanya, dan mereka membunuh hamba itu. Ramai lagi dihantar, ada yang dibunuh dan ada yang dipukul.

6 ‘Oleh yang demikian, kerana dia masih ada seorang putera yang amat dikasihinya, dia menghantarnya sebagai utusan terakhir, sambil berkata dalam hatinya, “Mereka akan menghormati puteraku.”

7 ‘Tetapi para penyewa ladang berkata sesama sendiri, “Ini warisnya. Mari kita bunuh dia, supaya harta warisannya menjadi milik kita.” 8 Mereka pun menangkap dan membunuhnya lalu mencampakkannya ke luar ladang itu.

9 ‘Jadi, apa yang akan dilakukan oleh tuan punya ladang anggur itu? Dia akan datang dan membinasakan para penyewa itu, lalu menyerahkan ladang anggur itu kepada orang lain. 10 Belum pernahkah kamu baca di dalam Kitab Suci:

‘ “Batu yang dibuang oleh pembina

telah menjadi batu penjuru;

11 Inilah perbuatan Allah,

sungguh hebat di mata kami.” ’

12 Mereka ingin menangkap Isa tetapi takut akan orang ramai. Mereka tahu ibarat itu menyindir mereka. Mereka meninggalkan-Nya dan pergi dari situ.

Membayar cukai kepada Kaisar

13 Kemudian mereka menghantar kepada-Nya beberapa orang Farisi dan golongan Herodes, untuk memerangkap-Nya melalui kata-kata-Nya. 14 Orang yang dihantar itu berkata kepada-Nya, ‘Tuan Guru, kami tahu bahawa Engkau jujur, tidak peduli akan pendapat orang. Engkau tidak pilih kasih, hanya mengajar jalan Allah dengan mengatakan apa yang benar. Wajarkah kita membayar cukai kepada Kaisar Rom, atau tidak? 15 Patutkah kami bayar, ataupun tidak?’

Tetapi Isa tahu bahawa mereka itu munafik lalu berkata, ‘Mengapa kamu menduga-Ku? Bawakan sekeping wang perak untuk Kulihat.’ 16 Mereka pun membawakannya kepada Isa. Dia berkata kepada mereka, ‘Gambar dan nama siapakah ini?’

Mereka berkata kepada-Nya, ‘Kaisar.’

17 Isa memberikan jawapan, ‘Berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan milik Allah kepada Allah.’

Mereka kagum mendengar kata-kata-Nya.

Perkahwinan pada hari kebangkitan

[18] Selepas itu beberapa orang Saduki, suatu golongan yang tidak mempercayai kebangkitan manusia daripada kematian, datang kepada Isa lalu bertanya, [19] 'Tuan Guru, Musa menulis untuk kami bahawa jika seseorang lelaki meninggal dunia tanpa anak, saudara lelakinya patutlah mengahwini balunya dan memanjangkan zuriatnya. [20] Kesemuanya ada tujuh lelaki adik-beradik. Yang sulung beristeri, kemudian meninggal dunia tanpa anak. [21] Yang kedua berkahwin dengan balu saudaranya, kemudian meninggal dunia tanpa anak. Begitu juga yang ketiga. [22] Ketujuh-tujuhnya mengahwini wanita itu dan meninggal dunia tanpa mendapat anak. Akhirnya wanita itu juga meninggal dunia. [23] Jadi, pada masa manusia bangkit daripada kematian, isteri siapakah wanita itu? Ketujuh-tujuhnya pernah mengahwininya.'

[24] Isa menjawab, 'Tidakkah kamu tersilap, kerana kamu tidak memahami Kitab Suci mahupun kuasa Allah? [25] Apabila manusia bangkit daripada kematian, mereka tidak berkahwin atau dikahwinkan; mereka seperti malaikat di syurga. [26] Tetapi tentang kebangkitan orang mati, tidakkah kamu baca dalam kitab Musa, bahagian tentang belukar yang bernyala, betapa Allah berfirman kepadanya, "Akulah Allah Tuhan Ibrahim, Ishak dan Yakub." [27] Dia bukanlah Allah Tuhan orang mati. Dia Allah Tuhan orang hidup. Oleh itu kamu tersilap sama sekali!'

Perintah yang terutama

[28] Seorang guru Taurat datang mendengar mereka bersoal jawab. Dia sedar bahawa Isa telah menjawab dengan baik. Dia pun bertanya kepada-Nya, 'Perintah manakah yang terutama?'

[29] Isa menjawab, 'Yang terutama antara semua perintah ialah: "Dengarlah, wahai umat Israel, Allah Tuhan kita, Tuhan kita adalah Esa. [30] Kamu hendaklah mengasihi Allah Tuhanmu dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh fikiranmu, dan dengan sepenuh kekuatanmu." Inilah perintah yang terutama. [31] Perintah yang kedua ialah: "Kamu hendaklah mengasihi sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri." Tiada perintah lain yang lebih utama daripada dua perintah ini.'

[32] Guru Taurat itu berkata kepada Isa, 'Sungguh baik jawapan Tuan Guru. Kata-kata Engkau itu benar, kerana Allah itu Esa, tiada yang lain daripada-Nya. [33] Mengasihi-Nya dengan sepenuh hati, dengan sepenuh fikiran, dengan sepenuh jiwa, dan dengan sepenuh kekuatan, serta mengasihi sesama manusia seperti diri sendiri, adalah lebih utama daripada segala persembahan dan korban.'

[34] Isa sedar bahawa jawapan itu bijaksana, lalu berkata kepada guru Taurat itu, 'Kamu tidak jauh daripada kerajaan Allah.' Selepas itu tiada siapa yang berani menyoal-Nya.

Hubungan antara Isa dan Daud

[35] Kemudian, ketika mengajar di rumah ibadat, Isa berkata, 'Bagaimanakah guru-guru Taurat dapat mengatakan bahawa al-Masih itu anak Daud? [36] Kerana Daud sendiri berkata dengan panduan Roh Suci:

' "Tuhan berfirman kepada Junjunganku:

'Duduklah di kanan-Ku

sehingga Kujadikan segala musuh-Mu

alas kaki-Mu.' "

[37] 'Jadi, Daud sendiri memanggil-Nya "Junjungan." Bagaimana Dia boleh dianggap anak Daud?'

Orang ramai mendengar kata-kata Isa dengan sukacita.

[38] Dia mengajar mereka lagi, 'Awas guru-guru Taurat, yang suka ke sana sini berjubah labuh, gembira diberi salam hormat di pasar-pasar, [39] tempat duduk terbaik di saumaah dan di majlis jamuan. [40] Mereka merampas rumah balu, kemudian pura-pura berdoa berjela-jela. Mereka ini akan menerima hukuman yang amat berat.'

Persembahan seorang balu

[41] Isa duduk berhadapan dengan peti wang persembahan dan melihat betapa orang memasukkan

wang ke dalamnya. Ramai orang kaya memasukkan sumbangan yang besar. 42 Kemudian seorang
balu yang miskin memasukkan dua keping wang tembaga, yang sangat kecil nilainya.

43 Isa memanggil para pengikut-Nya lalu berkata kepada mereka, ‘Sesungguhnya, Aku berkata
kepadamu, balu yang miskin itu telah memberi lebih daripada semua orang yang telah memasukkan
wang ke dalam peti persembahan; 44 kerana mereka memberi daripada kekayaan mereka yang
melimpah, tetapi dia daripada kemiskinannya dan telah memasukkan semua yang ada padanya,
seluruh rezekinya.’

13 *Tanda-tanda akhir zaman*

1 Ketika Isa sedang melangkah keluar dari rumah ibadat, seorang pengikut-Nya berkata, ‘Tuan Guru,
lihatlah batu dan bangunan yang luar biasa di sini!’

2 Isa menjawab, ‘Adakah kamu melihat bangunan yang hebat-hebat ini? Tiada sekeping pun
batunya akan tinggal tersusun, semuanya akan diruntuhkan.’

3 Ketika Dia duduk di atas Bukit Zaitun setentang dengan rumah ibadat, pengikut-Nya Petrus,
Yakobus, Yahya dan Andreas bertanya kepada-Nya secara peribadi, 4 ‘Katakanlah kepada kami,
bilakah hal-hal itu akan berlaku? Apakah tanda-tandanya semua ini akan terjadi seperti yang telah
dikatakan?’

5 Isa menjawab, ‘Awas, jangan tertipu oleh sesiapapun. 6 Ramai yang akan datang dengan nama-
Ku dan berkata, “Akulah Dia”, maka ramai yang akan terpedaya. 7 Apabila kamu mendengar berita
atau khabar angin tentang peperangan, janganlah bimbang; kerana hal-hal begitu harus terjadi, tetapi
belum sampai waktunya dunia berakhir. 8 Bangsa akan bangkit melawan bangsa, kerajaan melawan
kerajaan. Gempa bumi akan berlaku di sana sini, dan juga kebuluran. Ini permulaan kesengsaraan.

9 ‘Berhati-hatilah tentang dirimu, kerana mereka akan mengheretmu ke hadapan majlis dan
memukulmu di dalam rumah ibadat. Kamu akan dibawa kepada para pemerintah dan raja kerana-Ku,
untuk memberikan kesaksian kepada mereka. 10 Injil mesti disebarkan terlebih dahulu kepada semua
bangsa. 11 Apabila mereka menangkapmu dan menyerahkanmu kepada pihak berkuasa, janganlah
runsing atau fikirkan apa yang akan kamu katakan. Tetapi apa yang diilhamkan kepadamu pada
waktunya tuturkanlah, kerana yang bertutur itu Roh Suci, bukannya kamu.

12 ‘Saudara akan mengkhianati saudara untuk dibunuh, demikian juga bapa akan anaknya. Anak-
anak akan bangkit menentang ibu bapa dan menyebabkan mereka dihukum mati. 13 Kamu akan
dibenci oleh semua orang kerana nama-Ku. Tetapi sesiapa yang bertahan hingga ke akhir akan
diselamatkan.

14 ‘Apabila kamu melihat “kekejian yang membawa kebinasaan” yang disebutkan oleh Nabi Daniel
berdiri di tempat terlarang baginya — hendaklah para pembaca memperhatikan ertinya — semua
yang ada di Yudea larilah ke pergunungan. 15 Yang di atas bumbung ketika itu janganlah turun dan
masuk ke rumah untuk mengambil apa-apa. 16 Yang di ladang usahlah pulang mengambil
pakaian. 17 Malanglah ibu yang mengandung dan yang menyusui anak pada masa itu! 18 Berdoalah
semoga hal-hal itu tidak terjadi pada musim dingin. 19 Pada masa itu akan berlaku pancaroba yang
belum pernah wujud sejak dunia dicipta Allah hingga waktu itu dan tidak akan muncul lagi. 20 Kalaulah
Tuhan tidak menyingkatkan masa itu, tiada satu makhluk pun yang dapat diselamatkan. Namun, demi
kesejahteraan mereka yang telah dipilih-Nya, masa itu disingkatkan-Nya. 21 Ketika itu jika sesiapa
berkata kepadamu, “Lihat, al-Masih di sini!” atau “Lihat, Dia di sana!” janganlah kamu
percaya; 22 kerana beberapa almasih palsu dan nabi palsu akan bangkit dan menunjukkan pelbagai
tanda serta keajaiban untuk memperdaya orang, kalau boleh termasuk mereka yang telah dipilih
Allah. 23 Berhati-hatilah. Lihat, Aku telah memberitahu semuanya kepadamu terlebih dahulu.

24 ‘Pada masa itu, selepas pancaroba,

‘ “Matahari akan dikelamkan,

dan bulan tidak akan bersinar;

25 bintang-bintang di langit akan gugur,

dan kuasa-kuasa angkasa akan digoncang.”

26 ‘Kemudian mereka akan melihat Putera Insan datang dalam awan penuh dengan kekuasaan dan
kemuliaan yang besar. 27 Setelah itu Dia akan menghantar para malaikat-Nya dan menghimpunkan

orang pilihan-Nya dari empat mata angin, dari hujung bumi yang paling jauh ke hujung syurga yang paling jauh.

28 ‘Sekarang, kajilah ibarat daripada pokok ara: Apabila dahan-dahannya sudah lembut dan mengeluarkan daun, itulah tanda musim panas sudah dekat. 29 Begitulah juga kamu. Apabila kamu melihat kejadian-kejadian ini, ketahuilah bahawa waktunya sudah dekat — sudah di ambang pintu! 30 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, angkatan ini tidak akan luput sebelum semua kejadian itu berlaku. 31 Langit dan bumi akan lenyap, tetapi kata-kata-Ku tidak akan lenyap.

Hari dan masa tidak diketahui

32 ‘Tetapi tentang hari dan waktunya tiada siapa yang tahu. Malaikat di syurga tidak tahu, malah Putera juga tidak tahu, hanya Bapa yang mengetahui. 33 Berhati-hatilah! Berjaga dan berdoa! Kerana kamu tidak tahu bila saatnya. 34 Umpama seorang yang pergi ke negeri yang jauh: Dia meninggalkan rumahnya dan memberikan kekuasaan kepada hamba-hambanya, setiap seorang dengan tugasnya serta memerintahkan penjaga pintu supaya berjaga-jaga.

35 ‘Oleh itu berjagalah, kerana kamu tidak tahu bila tuan rumah akan pulang — pada waktu petang, atau tengah malam, ketika ayam berkokok, atau pada waktu pagi — 36 takut kalau-kalau dia datang tiba-tiba dan mendapatimu sedang tidur. 37 Apa yang Kukatakan kepadamu, Kukatakan kepada semua: “Berjagalah!” ’

14 *Isa diurapi*

1 Dua hari lagi akan tibalah perayaan Paska dan Jamuan Roti Tidak Beragi, ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat mencari jalan untuk memerangkap Isa secara tipu daya dan menjatuhkan hukuman mati kepada-Nya. 2 Tetapi mereka berkata, ‘Janganlah pada waktu perayaan, takut orang akan merusuh.’

3 Ketika itu Isa berada di Baitani di rumah Simon yang menghidap penyakit kusta. Sedang Isa duduk di meja, seorang wanita datang membawa bejana pualam berisi minyak narwastu murni yang amat mahal. Dia memecahkan bejana itu lalu menuangkan minyak itu ke atas kepala Isa.

4 Beberapa orang berkata-kata sesama sendiri dengan marah, ‘Mengapa dibazirkan minyak wangi ini? 5 Minyak itu dapat dijual dengan harga lebih tiga ratus keping wang perak dan wangnya diberikan kepada orang miskin.’ Mereka mengecam wanita itu dengan kata-kata yang tajam.

6 Tetapi Isa berkata, ‘Biarkan dia. Mengapa kamu memarahinya? Dia telah melakukan sesuatu yang baik untuk-Ku. 7 Orang miskin akan sentiasa ada di kalanganmu, dan bila-bila sahaja kamu mahu, kamu dapat berbuat kebajikan kepada mereka. Tetapi Aku tidak akan sentiasa ada bersamamu. 8 Dia telah melakukan apa yang terdaya olehnya. Dia telah datang terlebih dahulu untuk menyediakan tubuhku bagi pengebumian. 9 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, di mana-mana sahaja Injil ini disebarkan di serata dunia, apa yang telah dilakukan oleh wanita ini akan diceritakan juga sebagai kenangan kepadanya.’

10 Selepas itu Yudas Iskariot, seorang daripada pengikut Isa yang dua belas itu, pergi kepada ketua-ketua imam untuk mengkhianati-Nya dan menyerahkan-Nya kepada mereka. 11 Ketika mendengar kata-katanya mereka pun sukacita dan berjanji akan memberinya wang. Sejak itu Yudas mencari jalan yang terbaik untuk mengkhianati Isa.

Perjamuan Tuhan

12 Pada hari pertama Perayaan Roti Tidak Beragi, ketika mereka menyembelih anak domba Paska, para pengikut Isa berkata kepada-Nya, ‘Di manakah Engkau mahu kami pergi menyediakan jamuan Paska untuk-Mu?’

13 Dia menghantar dua orang pengikut-Nya dan berkata kepada mereka, ‘Pergilah ke dalam kota. Seorang lelaki yang membawa sekendi air akan menemui kamu. Ikutlah dia. 14 Di mana dia masuk, katakan kepada tuan rumah, “Tuan Guru berkata: Di manakah ruang tamu untuk Aku makan jamuan Paska dengan para pengikut-Ku?” 15 Dia akan menunjukkan kepadamu sebuah ruang besar di tingkat atas, lengkap dengan perabot dan telah siap disediakan. Di situlah kamu membuat persiapan untuk kita.’

16 Kedua-dua pengikut-Nya itu keluar, pergi ke dalam kota, dan mendapati segala-galanya tepat seperti yang telah dikatakan-Nya kepada mereka. Mereka pun menyediakan jamuan Paska.

17 Pada waktu lewat petang, Dia datang bersama para pengikut-Nya yang dua belas
itu. 18 Sedang mereka duduk menikmati jamuan, Isa berkata, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu,
seorang daripada kamu yang makan bersama-Ku akan mengkhianati-Ku.’

19 Mereka mula berdukacita. Seorang demi seorang berkata kepada-Nya, ‘Akukah orang itu?’

20 Isa menjawab, ‘Dia seorang daripada yang dua belas yang mencecah roti bersama ke dalam
bekas. 21 Putera Insan memang mesti pergi, seperti yang tersurat tentang-Nya. Tetapi malanglah
orang yang mengkhianati Putera Insan! Lebih baiklah baginya jika dia tidak dilahirkan ke dunia ini.’

22 Sedang mereka makan, Isa mengambil roti lalu memberkatinya dan kemudian
membahagikannya kepada mereka dan berkata, ‘Ambil, makanlah, ini tubuh-Ku.’

23 Kemudian dia mengambil cawan air anggur, dan selepas mengucap syukur, Dia
memberikannya kepada mereka, lalu mereka semua minum darinya.

24 Dia berkata kepada mereka, ‘Ini darah-Ku bagi perjanjian baru, ditumpahkan untuk beberapa
ramai manusia. 25 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Aku tidak akan minum air anggur lagi
hingga Aku minum yang baru dalam kerajaan Allah.’

26 Setelah menyanyikan sebuah lagu suci, mereka keluar ke Bukit Zaitun.

Petrus akan menyangkal Isa

27 Isa berkata kepada mereka, ‘Malam ini, iman kamu semua akan goyah kerana-Ku, seperti yang
tersurat:

‘ “Aku akan merebahkan Gembala,

dan kawanan domba akan bertempiaran.”

28 ‘Tetapi setelah Aku dibangkitkan semula, Aku akan mendahuluimu pergi ke Galilea.’

29 Petrus berkata kepadanya, ‘Kalaupun semua yang lain goyah imannya, aku tidak akan goyah.’ 30 Isa
berkata kepadanya, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, pada malam ini sebelum ayam berkokok
dua kali, kamu akan menyangkal-Ku tiga kali.’

31 Tetapi Petrus berkata dengan lebih tegas lagi, ‘Kalaupun aku terpaksa mati bersama-Mu, aku
tidak akan menyangkal-Mu.’ Semua yang lain pun berkata demikian.

Isa di Getsemani

32 Mereka sampai di suatu tempat yang dinamakan Getsemani. Isa berkata kepada para pengikut-
Nya, ‘Duduklah di sini sementara Aku berdoa.’ 33 Dia membawa Petrus, Yakobus dan Yahya bersama-
Nya, dan Dia mula berasa gundah dan amat terseksa. 34 Dia berkata kepada mereka, ‘Jiwa-Ku
sungguh dukacita, bagaikan mati. Duduklah di sini, dan berjagalah.’

35 Dia pergi jauh sedikit lagi, lalu sujud di tanah, dan berdoa kiranya dapat semoga saat itu
diedarkan daripada-Nya. 36 Kata-Nya, ‘Abba, Bapa, segala-galanya dapat Kaulakukan. Edarkanlah
cawan ini daripada-Ku. Namun, berlakulah kehendak-Mu, bukan kehendak-Ku.’

37 Kemudian dia kembali kepada pengikut-pengikut-Nya dan mendapati mereka sedang tidur, lalu
Dia berkata kepada Petrus, ‘Simon, kamu tidur? Satu jam pun kamu tidak dapat berjaga? 38 Berjaga
dan berdoalah, takut nanti kamu tergoda. Memang rohani rela, tetapi jasmani lemah.’

39 Dia pergi berdoa lagi, dengan kata-kata yang sama. 40 Apabila Dia kembali, didapati-Nya
mereka telah tertidur lagi, kerana mata mereka amat mengantuk. Mereka tidak tahu apa yang hendak
dijawab kepada-Nya.

41 Setelah Dia datang kepada mereka bagi kali ketiga, Dia berkata, ‘Adakah kamu masih tidur dan
berehat? Cukuplah! Waktunya sudah tiba. Lihat, Putera Insan sedang dikhianati dan diserahkan ke
tangan orang berdosa. 42 Bangunlah! Mari kita pergi! Lihat, pengkhianat-Ku sudah tiba!’

Isa ditangkap

43 Sesaat kemudian, ketika Dia masih berkata-kata, seorang daripada pengikut-Nya yang dua
belas itu iaitu Yudas datang dengan orang yang sangat ramai dan bersenjatakan pedang serta
belantan. Mereka datang daripada ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan tua-tua.

[44] Pengkhianat Isa telah menetapkan satu isyarat dengan mereka: ‘Sesiapa yang kucium, itulah
Dia. Tangkap Dia dan bawalah Dia pergi dengan selamat.’ [45] Sebaik-baik Yudas tiba, dia pergi kepada
Isa sambil berkata, ‘Tuan Guru!’ lalu mencium-Nya. [46] Mereka pun menangkap-Nya dan membawa-
Nya pergi. [47] Seorang daripada yang berdiri di situ menghunus pedangnya lalu menetak hamba Imam
Besar, sehingga terputus telinganya.

[48] Isa berkata kepada mereka, ‘Patutkah kamu datang bagaikan hendak menangkap perompak,
dengan pedang dan belantan, untuk membawa-Ku pergi? [49] Setiap hari Aku di kalanganmu, mengajar
di rumah ibadat, tidak kamu tangkap. Tetapi yang tersurat di dalam Kitab Suci mesti
berlaku.’ [50] Setelah itu semua pengikut Isa meninggalkan-Nya dan melarikan diri masing-masing.

[51] Seorang pemuda mengikut-Nya, dengan hanya sehelai kain linen membalut tubuhnya.
Pemuda-pemuda lain menangkapnya, [52] lalu dia melucutkan kain linen itu dan melarikan diri daripada
mereka dalam keadaan telanjang.

Isa di hadapan Majlis Agama

[53] Isa dibawa kepada Imam Besar. Bersamanya berhimpun semua ketua imam, tua-tua, dan guru-
guru Taurat. [54] Petrus mengikut Isa dari jauh, turut masuk ke laman dalam rumah Imam Besar, dan
duduk di kalangan hamba-hamba, berdiang di situ.

[55] Ketua-ketua imam dan semua ahli Majlis Agama berusaha mencari kesaksian untuk mendakwa
Isa, tetapi tidak berjaya. [56] Ramai yang memberi kesaksian palsu terhadap-Nya, tetapi kesaksian
mereka semua bercanggah.

[57] Kemudian beberapa orang bangkit memberi kesaksian palsu terhadap-Nya dengan
berkata, [58] ‘Kami telah mendengar Dia berkata, “Aku akan membinasakan rumah ibadat yang
diperbuat dengan tangan ini, dan dalam tiga hari Aku akan membina rumah ibadat yang diperbuat
tanpa tangan.” ’ [59] Tetapi kesaksian mereka masih bercanggah.

[60] Imam Besar bangkit berdiri di tengah-tengah kesaksian itu lalu bertanya kepada Isa, ‘Tidakkah
Kamu mahu menjawab apa-apa? Apakah yang disaksikan oleh mereka ini terhadap-Mu?’ [61] Tetapi
Isa berdiam diri, tidak menjawab sepatah pun.

Imam Besar itu bertanya lagi kepada-Nya, ‘Adakah Kamu al-Masih, Putera Allah Maha Suci?’

[62] Isa menjawab, ‘Ya, Akulah Dia. Kamu akan melihat Putera Insan duduk di kanan Allah Maha
Kuasa, dan datang dengan awan syurga.’

[63] Imam Besar lalu mengoyak-ngoyakkan pakaiannya sambil berkata, ‘Adakah kita perlukan saksi
lagi? [64] Kamu telah mendengar kata-kata kufur-Nya sendiri! Apakah pendapatmu?’

Lalu mereka semua menjatuhkan hukum ke atas-Nya, bahawa Dia patut dibunuh. [65] Kemudian
sesetengah mereka mulai meludahi-Nya, membalut mata-Nya lalu memukul-Nya dan berkata
kepada-Nya, ‘Bernubuatlah!’ Pengawal-pengawal pula menampar-Nya.

Petrus menyangkal Isa

[66] Petrus ada di bawah, di laman dalam. Seorang hamba perempuan Imam Besar datang ke
situ. [67] Apabila dia melihat Petrus sedang berdiang memanaskan tubuhnya, dia memandang Petrus
dan berkata, ‘Kamu juga bersama Isa orang Nasaret.’

[68] Petrus menyangkal, katanya, ‘Aku tidak tahu dan tidak faham apa yang kaukatakan.’ Dia keluar
ke serambi depan, lalu ayam berkokok.

[69] Hamba perempuan itu melihatnya lagi, lalu mula berkata kepada orang yang berdiri di situ, ‘Ini
seorang daripada mereka.’ [70] Petrus menyangkalnya lagi.

Sejurus kemudian, mereka yang berdiri di situ berkata pula kepada Petrus, ‘Tentu sekali kamu
seorang daripada mereka, kerana kamu orang Galilea. Ini nyata daripada cara percakapanmu.’

[71] Petrus mengucapkan kutuk dan sumpah, ‘Aku tidak kenal orang yang kaukatakan itu!’

[72] Ayam pun berkokok bagi kali kedua. Lalu Petrus teringat kata-kata Isa kepadanya: ‘Sebelum
ayam berkokok dua kali, kamu akan menyangkal-Ku tiga kali.’ Memikirkan perkara itu, Petrus
menangis.

15 *Isa di hadapan Pilatus*

1 Awal-awal pagi lagi ketua-ketua imam segera bermesyuarat dengan para tua-tua, guru Taurat dan
seluruh Majlis Agama. Kemudian mereka mengikat Isa, membawa-Nya pergi dan menyerahkan-Nya
kepada Pilatus.

2 Pilatus bertanya kepada-Nya, ‘Adakah Kamu Raja orang Yahudi?’ Isa menjawab, ‘Begitulah
seperti katamu.’

3 Kemudian ketua-ketua imam melemparkan pelbagai tuduhan terhadap-Nya. 4 Pilatus bertanya
lagi kepada-Nya, ‘Tidakkah Engkau mahu menjawab apa-apa? Lihat betapa banyaknya tuduhan
mereka terhadap-Mu?’

5 Tetapi Isa masih tidak menjawab sepatah pun, sehingga Pilatus kehairanan.

6 Pada waktu perayaan, lazimnya Pilatus membebaskan seorang banduan dari penjara, iaitu
sesiapa yang diminta oleh mereka. 7 Ada seorang bernama Barabas yang dirantaikan bersama
beberapa orang pemberontak lain. Mereka telah melakukan pembunuhan dalam pemberontakan
itu. 8 Orang ramai mula berseru lantang meminta Pilatus membebaskan seorang daripada penjara
seperti yang biasa dilakukannya.

9 Pilatus bertanya, ‘Adakah kamu mahu aku membebaskan kepadamu Raja orang Yahudi?
’ 10 kerana dia tahu bahawa ketua-ketua imam telah menyerahkan Isa kepadanya kerana iri
hati. 11 Tetapi ketua-ketua imam menghasut orang ramai supaya meminta Barabas dibebaskan
kepada mereka.

12 Pilatus berkata kepada mereka, ‘Kalau begitu, apa yang kamu mahu kulakukan kepada Dia
yang kamu panggil Raja orang Yahudi?’

13 Mereka berseru lagi dengan kuatnya, ‘Salibkan Dia!’

14 Kata Pilatus kepada mereka, ‘Mengapa? Apakah kejahatan yang telah dilakukan-Nya?’

Tetapi mereka semakin kuat berseru, ‘Salibkan Dia!’

15 Oleh itu, untuk memuaskan hati orang ramai itu, Pilatus membebaskan Barabas kepada
mereka. Setelah menyebat Isa, dia menyerahkan-Nya untuk disalib.

Isa dipermainkan

16 Kemudian para askar membawa-Nya ke dewan yang dipanggil Praetorium, lalu
menghimpunkan seluruh pasukan tentera yang ada di situ. 17 Mereka mengenakan pakaian berwarna
ungu pada tubuh-Nya, dan membuat mahkota daripada duri lalu meletakkannya di atas kepala-
Nya. 18 Kemudian mereka menyindir-Nya, ‘Daulat Tuanku, Raja orang Yahudi!’ 19 Mereka memukul
kepala-Nya dengan mensiang, meludahi-Nya, kemudian tunduk menyembah-Nya. 20 Setelah
mempermain-mainkan-Nya, mereka melucutkan pakaian ungu itu dan mengenakan semula pakaian-
Nya. Lalu mereka membawa-Nya untuk disalib.

Isa disalib

21 Ketika itu seorang yang bernama Simon, orang Kirene, bapa kepada Iskandar dan Rufus
sedang lalu di situ. Dia baru sahaja datang dari luar bandar. Kemudian mereka memaksanya
mengangkat salib Isa. 22 Mereka membawa-Nya ke tempat yang dipanggil Golgota (bermaksud
Tempat Tengkorak). 23 Kemudian mereka memberi-Nya air anggur bercampur mur tetapi Dia enggan
meminumnya. 24 Setelah mereka menyalib-Nya, mereka membahagikan pakaian-Nya antara mereka
dengan membuang undi.

25 Mereka menyalib-Nya pada pukul sembilan pagi. 26 Tuduhan terhadap-Nya tertulis di atas: Raja
Orang Yahudi. 27 Mereka menyalib dua orang perompak bersama Isa, seorang di kanan dan seorang
lagi di kiri-Nya. 28 Dengan demikian berlakulah apa yang tersurat di dalam Kitab Suci: ‘Dan Dia
digolongkan dengan penjahat.’ 29 Semua orang yang lalu di situ menggeleng-gelengkan kepala sambil
mengejek Isa. Mereka berkata, ‘Kamu mahu memusnahkan rumah ibadat dan membinanya semula
dalam tiga hari! 30 Sekarang turunlah dari salib itu dan selamatkanlah diri-Mu!’

31 Ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat juga mempermainkan Isa. Mereka berkata sesama
sendiri, ‘Dia menyelamatkan orang, tetapi tidak dapat menyelamatkan diri-Nya sendiri! 32 Kiranya Dia
Raja orang Yahudi dan al-Masih, turunlah dari salib, supaya kami melihat dan percaya kepada-Nya!’

Orang yang disalib bersama Isa pun mencela-Nya.

Kematian Isa

33 Pada tengah hari, selama tiga jam, seluruh negeri itu gelap-gelita. 34 Pada pukul tiga petang, Isa berseru dengan suara lantang, *'Eloi, Eloi, lama sabakhtani?'* Ertinya, 'Ya Allah, Ya Tuhan-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?'

35 Beberapa orang di situ mendengar seruan itu dan berkata, 'Dengarlah, Dia memanggil Ilyas.'

36 Seorang daripada mereka berlari mengambil span lalu mencelupnya ke dalam air anggur murah. Kemudian dia mencucukkan span itu di hujung sebatang mensiang dan menawarkannya kepada Isa untuk minum, sambil berkata, 'Kita menunggu, kalau-kalau Ilyas datang menurunkan-Nya dari salib.'

37 Isa berteriak dengan kuat lalu menghembuskan nafas terakhir.

38 Sejurus kemudian, tirai di dalam rumah ibadat terbelah dua, dari atas hingga ke bawah. 39 Ketua tentera yang berdiri di hadapan salib itu melihat semua ini lalu berkata, 'Benarlah Dia Putera Allah!'

40 Beberapa orang wanita menyaksikan segala-galanya dari jauh. Antara mereka ialah Salome, Maryam Magdalena, serta Maryam ibu Yakobus Muda dan Yoses. 41 Mereka wanita-wanita yang mengikut dan menolong Isa ketika Dia di Galilea. Ada ramai juga wanita yang datang dengan Isa ke Baitulmaqdis.

Isa dimakamkan

42 Hari sudah lewat petang. Hari itu Hari Persediaan, iaitu sehari sebelum hari Sabat. 43 Yusuf dari Arimatea, seorang ahli terkemuka Majlis Agama yang sedang menunggu kerajaan Allah, datang lalu memberanikan hatinya menghadap Pilatus dan memohon untuk mengambil jenazah Isa. 44 Pilatus hairan mendengar Isa sudahpun meninggal dunia, lalu memanggil ketua tentera dan bertanya sama ada Isa sudah meninggal. 45 Setelah mendengar laporan ketua tentera itu, dia pun menyerahkan jenazah Isa kepada Yusuf. 46 Yusuf membeli kain linen yang baik, menurunkan jenazah Isa dan mengkafankannya dengan kain itu. Dia membaringkan jenazah itu di dalam sebuah makam yang telah digali di permukaan batu pejal, lalu menggulingkan sebuah batu besar menutup pintu makam itu. 47 Maryam Magdalena dan Maryam ibu Yoses memerhatikan tempat makam itu.

16 *Kebangkitan Isa*

1 Setelah tamat hari Sabat, Maryam Magdalena, Maryam ibu Yakobus, dan Salome membeli ramuan rempah untuk melumuri jenazah Isa. 2 Pada awal pagi hari pertama minggu itu, mereka sampai di makam itu ketika matahari terbit. 3 Mereka berkata-kata sesama sendiri, 'Siapa yang akan menggulingkan batu daripada pintu makam untuk kita?'

4 Apabila mereka memandang makam itu, mereka mendapati batu yang sangat besar itu telahpun digulingkan. 5 Mereka masuk ke dalam makam itu dan melihat seorang pemuda berjubah putih sedang duduk di sebelah kanan; mereka sungguh terkejut dan ketakutan.

6 Tetapi dia berkata kepada mereka, 'Jangan takut. Kamu mencari Isa orang Nasaret, yang telah disalib. Dia telah bangkit semula! Dia tidak ada di sini. Lihatlah tempat mereka baringkan jenazah-Nya. 7 Tetapi, pergilah, beritahu para pengikut-Nya, termasuk Petrus, bahawa Dia mendahuluimu ke Galilea. Di sana kamu akan melihat-Nya, seperti yang telah dikatakan-Nya kepada kamu.'

8 Mereka pun segera keluar dan berlari meninggalkan makam itu, kerana mereka gementar dan kehairanan. Mereka tidak berkata apa-apa kepada sesiapa, kerana mereka takut.

Isa menampakkan diri kepada pengikut-Nya.

9 Setelah Isa bangkit semula pada awal pagi hari pertama minggu itu, pertama sekali Dia menampakkan diri-Nya kepada Maryam Magdalena yang telah disembuhkan-Nya daripada dirasuk tujuh roh iblis dahulu. 10 Maryam pun pergi memberitahu para pengikut-Nya yang sedang berkabung dan menangis. 11 Ketika mendengar bahawa Isa hidup dan telah dilihat oleh Maryam, mereka tidak percaya.

12 Selepas itu, Dia menampakkan diri dengan cara lain kepada dua orang daripada mereka ketika mereka sedang berjalan ke desa. 13 Kedua-dua orang pengikut Isa itu segera pergi memberitahu yang

lain, tetapi mereka juga tidak percaya. [14] Kemudian Dia menampakkan diri kepada kesemua pengikut-
Nya yang sebelas itu ketika mereka sedang makan. Dia menegur sikap mereka yang tidak percaya
dan keras hati, kerana mereka tidak mempercayai orang yang telah melihat-Nya setelah Dia bangkit
semula.

[15] Dia berkata kepada mereka, ‘Pergilah ke serata dunia dan sebarkan Injil kepada setiap
insan. [16] Sesiapa yang percaya dan diimadkan akan diselamatkan, tetapi sesiapa yang tidak percaya
akan dihukum. [17] Tanda-tanda ini akan menyertai mereka yang percaya: Dengan nama-Ku mereka
akan menghalau roh-roh iblis, dan mereka akan bertutur dengan bahasa-bahasa baru. [18] Mereka
akan memegang ular tanpa mudarat. Kiranya mereka terminum racun, mereka tetap selamat. Mereka
akan meletakkan tangan pada orang sakit dan orang itu akan sembuh.’

[19] Setelah Junjungan Isa berkata-kata dengan mereka, Dia disambut naik ke syurga lalu duduk di
kanan Allah. [20] Para pengikut-Nya pergi mengajar di serata dunia. Tuhan bekerja bersama mereka,
mengesahkan firman dengan iringan tanda-tanda ajaib.

Lukas

1 *Pendahuluan*

[1] Kepada yang dihormati Teofilus,

Ramai orang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencatat peristiwa-peristiwa yang telah
berlaku di kalangan kita [2] sebagaimana yang diberitahu kepada kita oleh saksi-saksi pertama
peristiwa ini yang juga merupakan pemberita Firman. [3] Oleh sebab aku telah mengkaji perkara-
perkara ini dari mulanya, aku berfikir eloklah aku mengarang cerita-Nya dengan teratur untuk tuan
Teofilus. [4] Aku berbuat demikian supaya tuan akan mengetahui kebenaran yang sepenuhnya tentang
perkara-perkara yang telah diajarkan kepada tuan.

Pemberitahuan tentang kelahiran Yahya Pengimad

[5] Pada zaman Herodes, raja negeri Yudea, ada seorang imam yang bernama Zakaria. Dia terdiri
daripada golongan Abia. Isterinya, Ashba, juga daripada keturunan Harun. [6] Kedua-duanya orang
yang lurus di hadapan Allah, dan mengikut segala perintah serta hukum Tuhan dengan
sepenuhnya. [7] Tetapi mereka tidak mempunyai anak kerana Ashba mandul, dan kedua-duanya pun
telah lanjut usia.

[8] Pada suatu hari Zakaria melaksanakan tugasnya sebagai imam di hadapan Allah menurut
gilirannya bertugas. [9] Mengikut peraturan keimaman, dia diundi masuk ke dalam rumah ibadat Tuhan
untuk membakar kemenyan. [10] Orang ramai berhimpun di luar untuk beribadat sewaktu kemenyan
dibakar.

[11] Kelihatanlah kepada Zakaria, malaikat Tuhan berdiri di sebelah kanan tempat pembakar
kemenyan itu. [12] Hati Zakaria berdebar apabila melihatnya dan dia berasa amat takut. [13] Tetapi
malaikat itu berkata kepadanya, ‘Janganlah takut, hai Zakaria, kerana permohonanmu telah
dikabulkan. Isterimu Ashba akan melahirkan seorang anak lelaki bagimu. Kamu hendaklah
menamainya Yahya. [14] Kamu akan bergembira dan bersukacita apabila dia dilahirkan. Begitu juga
ramai orang lain [15] kerana dia akan menjadi mulia di sisi Tuhan. Dia tidak akan minum air anggur
atau minuman keras kerana dia akan dipenuhi dengan Roh Suci sejak dari rahim ibunya. [16] Dia akan
mengembalikan ramai orang Israel kepada Allah, Tuhan mereka, [17] dan dia akan melangkah di
hadapan Tuhan dengan roh dan kuasa Ilyas untuk mendamaikan bapa dengan anak dan
mengembalikan orang ingkar ke jalan orang benar, supaya menyediakan suatu kaum yang bersiap
sedia bagi Tuhan.’

[18] Zakaria berkata kepada malaikat itu, ‘Bagaimanakah aku dapat mengetahui perkara ini akan
berlaku? Aku telah tua dan isteriku pun telah lanjut usianya.’

[19] Malaikat itu menjawab lagi, ‘Akulah Jibrail yang berdiri di hadirat Allah. Aku telah diutuskan
untuk menyampaikan perkhabaran yang baik ini kepadamu. [20] Ingatlah: oleh sebab engkau tidak
mempercayai kata-kataku ini yang akan berlaku pada masanya, engkau akan menjadi bisu dan tidak
dapat bertutur hingga pada hari semua perkara ini berlaku.’

[21] Sementara itu, orang yang berhimpun itu ternanti-nanti akan Zakaria; mereka sangat hairan
kerana dia begitu lama di dalam rumah ibadat. [22] Apabila dia keluar, dia tidak dapat bertutur kepada
mereka. Lalu mereka menyedari Zakaria telah nampak sesuatu di dalam rumah ibadat. Oleh sebab
dia tidak dapat bertutur, dia menggunakan isyarat dengan tangannya.

[23] Setelah tamat masa perkhidmatannya, Zakaria kembali ke rumahnya. [24] Kemudian, Ashba,
isterinya pun hamil lalu dia tidak meninggalkan rumahnya selama lima bulan. Dia berkata, [25] ‘Akhirnya,
Tuhan telah menolongku. Dia menghapuskan aibku di kalangan masyarakat.’

Pemberitahuan tentang kelahiran Isa

[26] Dalam bulan yang keenam, malaikat Jibrail diutus Allah ke Nasaret, sebuah kota di jajahan
Galilea, [27] kepada seorang anak dara yang telah bertunang dengan seorang lelaki yang bernama
Yusuf daripada keturunan Raja Daud. Nama anak dara itu ialah Maryam. [28] Malaikat itu datang

kepadanya lalu berkata, ‘Salam kepadamu yang amat diredai Allah! Tuhan bersamamu!’

[29] Hati Maryam runsing mendengar kata-kata itu dan dia tertanya-tanya akan maksud salam tersebut. [30] Seterusnya, malaikat itu berkata kepadanya, ‘Janganlah takut, hai Maryam, kerana engkau telah diredai Allah. [31] Engkau akan hamil dan melahirkan seorang anak lelaki. Engkau hendaklah menamai-Nya Isa. [32] Dia akan menjadi mulia dan Dia akan digelar Putera Allah Yang Maha Tinggi. Allah, Tuhan kita akan mengurniakan takhta Daud, nenek moyang-Nya itu kepada-Nya. [33] Dia akan merajai keturunan Yakub selama-lamanya; dan kerajaannya berkekalan.’

[34] Lalu Maryam berkata kepada malaikat itu, ‘Bagaimanakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan aku masih dara?’

[35] Malaikat itu menjawab, “Roh Suci akan turun ke atasmu, dan kuasa Allah Yang Maha Tinggi akan menaungimu. Oleh itu, anak suci yang akan dilahirkan akan digelar Putera Allah. [36] Tambahan pula, saudaramu Ashba yang dahulu dikatakan mandul pun telah hamil enam bulan walaupun dia sudah tua. [37] Sebab bagi Allah tidak ada yang mustahil.

[38] Maryam berkata, ‘Aku ini hamba Tuhan. Jadilah kepada aku mengikut kata-katamu itu.’ Lalu malaikat pun meninggalkannya.

Maryam melawat Ashba

[39] Setelah itu, Maryam bersiap-siap dan bergegas pergi ke sebuah kota di kawasan pergunungan Yudea. [40] Dia masuk ke dalam rumah Zakaria dan memberi salam kepada Ashba. [41] Apabila Ashba mendengar salam Maryam, anak dalam kandungannya bergerak-gerak dan Ashba dipenuhi Roh Suci. [42] Dia berseru, ‘Diberkati engkau antara kaum perempuan, dan diberkatilah juga kandunganmu itu. [43] Siapakah aku ini sehingga ibu Junjunganku datang kepadaku? [44] Apabila kudengar salammu, anak dalam kandunganku bergerak-gerak dengan kesukaan. [45] Diberkatilah kamu kerana mempercayai apa yang dikatakan kepadamu daripada Tuhan akan berlaku!’

Nyanyian pujian Maryam

[46] Maryam berkata,

‘Jiwaku meninggikan Tuhan;

[47] rohku bergembira kerana Allah, Penyelamatku,

[48] kerana Dia mengingati hamba-Nya yang hina ini.

Dari sekarang hingga selama-lamanya,

orang akan berkata aku diberkati,

[49] kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perkara yang besar

untuk aku.

Sucilah Nama-Nya.

[50] Dia memberkati mereka yang

takut akan Dia,

daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain.

[51] Dia telah menunjukkan kekuatan

tangan-Nya;

Dia telah mencerai-beraikan mereka yang berhati bongkak.

[52] Dia telah menurunkan raja-raja daripada takhta mereka

dan mengangkat tinggi orang yang hina;

[53] Dia telah memuaskan orang yang lapar dengan segala yang baik,

tetapi orang kaya dihalau pergi dengan tangan kosong.

[54] Dia menolong bangsa Israel, hamba-Nya

kerana Dia ingat akan belas kasihan-Nya

[55] yang dijanjikan kepada nenek moyang kita

Ibrahim dan semua keturunannya untuk selama-lamanya.'

[56] Maryam tinggal bersama Ashba selama tiga bulan. Selepas itu, dia pulang ke rumahnya.

Kelahiran Yahya Pengimad

[57] Tibalah masanya untuk Ashba bersalin dan dia melahirkan seorang anak lelaki. [58] Apabila jiran tetangga dan saudara-maranya mendengar bahawa Tuhan telah melimpahkan berkat kepadanya, mereka turut bergembira bersamanya.

[59] Pada hari yang kelapan, mereka datang untuk menyunatkan bayi itu. Mereka mahu menamainya Zakaria seperti nama bapanya. [60] Tetapi ibunya berkata, 'Tidak! Namanya ialah Yahya.'

[61] Mereka berkata kepada Ashba, 'Tiada seorang pun daripada kaum keluargamu yang bernama sedemikian.'

[62] Lalu mereka bertanya kepada bapanya dengan menggunakan isyarat nama yang hendak diberikan kepada anaknya itu. [63] Dia meminta papan tulis lalu menulis demikian, 'Namanya Yahya.' Semuanya kehairanan. [64] Pada seketika itu, mulut Zakaria terbuka dan lidahnya tidak terikat lalu dia bercakap dan memuji Allah. [65] Semua jirannya sangat takut dan segala perkara ini tersebar ke seluruh jajahan Yudea. [66] Semua orang yang mendengarnya berkata dalam hati masing-masing, 'Bagaimanakah gerangan halnya anak ini kelak?' Jelaslah bahawa tangan Tuhan memimpinnya.

Nubuat Zakaria

[67] Bapanya, Zakaria, dipenuhi dengan Roh Suci lalu berkata,

[68] 'Segala puji bagi Allah, Tuhan bangsa Israel!
Kerana Dia telah datang dan menebus umat-Nya;
[69] Dia telah mengurniai kita seorang Penyelamat yang berkuasa,
seorang daripada keturunan hamba-Nya, Daud.
[70] Demikianlah firman-Nya dengan perantaraan nabi-nabi-Nya yang suci
dari zaman dahulu kala,
[71] Dia berjanji menyelamatkan kita daripada musuh-musuh kita,
dan daripada tangan semua orang yang membenci kita;
[72] Dia mengasihani nenek moyang kita,
dan mengingati perjanjian-Nya yang suci,
[73] Dia berjanji kepada nenek moyang kita,
Ibrahim,
[74] untuk menyelamatkan kita daripada musuh-musuh kita
supaya tanpa rasa takut kita beribadat kepada-Nya
[75] dalam kesucian dan kebenaran
sepanjang hidup kita.
[76] Engkau, anakku, akan digelar nabi Allah Yang Maha Tinggi
kerana engkau mendahului Tuhan demi menyediakan jalan-Nya,
[77] dan memberitahu umat-Nya bahawa mereka diselamatkan
apabila dosa mereka diampunkan.
[78] Oleh sebab Allah, Tuhan kita
mengasihani kita,
cahaya matahari akan terbit
[79] untuk menerangi orang yang tinggal
dalam kegelapan dan bayang maut,

serta memimpin kita ke jalan damai.'

[80] Anak itu membesar dan bertambah kuat dari segi kerohaniannya. Dia tinggal di gurun sehinggalah dia muncul di khalayak bangsa Israel.

2 *Kelahiran Isa*

[1] Pada masa itu Kaisar Augustus menitahkan penduduk di seluruh kerajaan Rom dibanci. [2] Ketika pembancian pertama dilaksanakan, Kurenius menjadi gabenor di Siria. [3] Dalam pembancian tersebut, setiap orang perlu kembali ke tempat lahir masing-masing untuk mendaftarkan diri.

[4] Oleh itu, Yusuf terpaksa berangkat dari bandar Nasaret di Galilea ke kota Daud yang bernama Baitlahim di Yudea kerana dia daripada keturunan Daud. [5] Dia pergi untuk mendaftarkan diri bersama Maryam, tunangnya yang sedang hamil. [6] Sewaktu mereka di sana, tibalah masanya untuk dia bersalin. [7] Dia melahirkan seorang anak lelaki, iaitu anak sulungnya. Dia membedung anak itu lalu membaringkan-Nya di dalam sebuah palung kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah tumpangan.

Gembala dan malaikat

[8] Di daerah itu ada beberapa orang gembala yang bermalam di padang kerana menjaga domba mereka. [9] Tiba-tiba malaikat Tuhan muncul di hadapan mereka dan kemuliaan Tuhan menerangi mereka, lalu mereka ketakutan. [10] Tetapi malaikat itu berkata kepada mereka, 'Jangan takut! Aku membawa kepadamu berita baik yang akan memberikan sukacita besar kepada seluruh umat. [11] Pada malam ini di kota Daud telah lahir seorang Penyelamat bagimu, iaitu al-Masih, Junjungan itu. [12] Inilah tandanya bagimu: Kamu akan menjumpai seorang anak yang dibedung dan dibaringkan di dalam sebuah palung.'

[13] Tiba-tiba malaikat itu disertai oleh satu angkatan besar dari syurga yang memuji-muji Allah:

[14] 'Kemuliaan bagi Allah di tempat yang maha
tinggi dan damai sejahtera di bumi bagi
orang yang berkenan pada hati-Nya.'

[15] Setelah malaikat-malaikat itu meninggalkan mereka untuk kembali ke syurga, gembala-gembala itu berkata sesama sendiri, 'Marilah kita pergi ke Baitlahim untuk melihat kejadian yang telah berlaku itu seperti yang diberitahu Tuhan kepada kita.'

[16] Mereka pergi dengan segera lalu menjumpai Maryam dan Yusuf serta bayi itu yang sedang terbaring di dalam palung. [17] Setelah melihat bayi itu, mereka pun memberitahu segala yang telah dikatakan kepada mereka tentang anak itu. [18] Semua yang mendengar berasa kagum tentang apa yang dikatakan oleh gembala-gembala itu kepada mereka; [19] tetapi Maryam mengingati segala perkara ini dan merenunginya. [20] Kemudian gembala-gembala itu pulang sambil memuji-muji Allah atas segala yang didengar dan dilihat mereka. Segalanya seperti yang dikatakan kepada mereka.

Isa dipersembahkan di rumah ibadat

[21] Lapan hari kemudian, tibalah masanya untuk menyunatkan bayi itu, lalu Dia diberikan nama Isa, seperti yang dikatakan oleh malaikat sebelum Dia dikandung oleh Maryam.

[22] Setelah tamat masa penyucian mengikut hukum Taurat Musa, mereka pun membawa Isa ke Baitulmaqdis untuk mempersembahkan-Nya kepada Tuhan. [23] Tersurat dalam Hukum Tuhan bahawa setiap anak lelaki sulung akan diserahkan kepada Tuhan. [24] Mereka juga mempersembahkan korban mengikut apa yang ditetapkan dalam Hukum Tuhan, iaitu sepasang burung tekukur atau dua ekor anak merpati.

[25] Pada masa itu ada seorang di Baitulmaqdis yang bernama Simeon. Seorang yang salih dan bertakwa kepada Allah, Simeon menantikan masa terhiburnya Israel. Dan dia disertai Roh Suci. [26] Roh Suci telah memberitahunya bahawa dia tidak akan meninggal dunia sebelum dia melihat al-Masih yang dijanjikan oleh Tuhan. [27] Atas pimpinan Roh dia masuk ke dalam rumah ibadat. Ketika Isa, anak itu, dibawa masuk oleh ibu bapa-Nya untuk menunaikan hukum Taurat itu, [28] Simeon mendukung Dia dan bersyukur kepada Allah lalu berkata:

[29] 'Ya Tuhan, sekarang biarlah hamba-Mu pergi dengan sejahtera,

menurut firman-Mu:

30 kerana mataku telah melihat penyelamatan-Mu

31 yang telah Kausediakan di hadapan segala bangsa,

32 satu cahaya yang akan menunjukkan jalan

kepada bangsa-bangsa asing

dan menjadi kemuliaan bagi umat-Mu Israel.'

33 Ibu bapa-Nya kagum mendengar apa yang dikatakan tentang anak itu. 34 Simeon memberkati mereka dan berkata kepada Maryam, ibu anak itu, 'Anak ini telah dipilih oleh Tuhan untuk menjatuhkan dan membangunkan ramai orang Israel kelak; Dia menjadi tanda daripada Allah yang akan dibantahi orang 35 supaya fikiran dalam hati mereka didedahkan. Dan jiwamu sendiri akan ditusuk oleh pedang.'

36 Ada pula seorang nabiah yang bernama Hana binti Fanuel, daripada suku Asyer. Dia telah lanjut usianya. Dia berkahwin selama tujuh tahun 37 dan menjadi balu selama lapan puluh empat tahun. Dia tidak pernah meninggalkan rumah ibadat, malahan dia beribadat kepada Allah dengan berpuasa dan berdoa siang malam. 38 Pada ketika itu juga, dia datang dan mengucapkan syukur kepada Allah lalu berkata tentang anak itu kepada semua orang yang menantikan pembebasan bagi Baitulmaqdis.

39 Setelah ibu bapa-Nya menunaikan segala yang wajib menurut Hukum Tuhan, mereka pulang ke kota Nasaret, kota tempat tinggal mereka di Galilea. 40 Anak itu semakin membesar dan bertambah kuat serta penuh dengan kebijaksanaan. Kasih kurnia Tuhan ada pada-Nya.

Isa di rumah ibadat

41 Tiap-tiap tahun ibu bapa-Nya pergi ke Baitulmaqdis untuk menyambut perayaan Paska. 42 Ketika Isa berusia dua belas tahun, mereka pergi menghadiri perayaan itu seperti biasa. 43 Setelah tamat perayaan itu, mereka pun berangkat pulang; tetapi Isa, anak mereka itu tertinggal di Baitulmaqdis dan ibu bapa-Nya tidak menyedari hal itu. 44 Mereka menyangka Dia ada bersama teman-teman seperjalanan. Oleh itu mereka berjalan sepanjang hari sebelum mereka mencari-cari Isa di kalangan kaum keluarga dan kenalan mereka. 45 Apabila mereka tidak menjumpai-Nya, mereka kembali ke Baitulmaqdis untuk mencari-Nya. 46 Selepas tiga hari, mereka akhirnya menemui Isa di dalam rumah ibadat. Dia duduk dikelilingi oleh guru-guru Taurat sambil mendengar pengajaran mereka dan menanya soalan. 47 Semua orang yang mendengar Isa kagum akan pengertian dan jawapan-Nya. 48 Ketika ibu bapa-Nya melihat-Nya, mereka juga kagum lalu ibu-Nya berkata, 'Anakku, mengapakah Engkau berbuat demikian terhadap kami? Ibu dan ayah begitu bimbang mencari-Mu.'

49 Lalu Isa menjawab, 'Mengapakah ibu dan ayah mencari Aku? Tidakkah ibu dan ayah mengetahui Aku harus melakukan kerja Bapa-Ku?' 50 Tetapi mereka tidak memahami apa yang dikatakan-Nya kepada mereka.

51 Kemudian Dia pulang bersama mereka ke Nasaret. Dia taat kepada mereka. Ibu-Nya menyimpan segala perkara ini dalam hatinya. 52 Isa semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai oleh Allah dan manusia.

3 *Khutbah Yahya Pengimad*

1 Pada tahun yang kelima belas pemerintahan Kaisar Tiberius, Pontius Pilatus menjadi gabenor negeri Yudea, Herodes menjadi raja negeri Galilea dan saudaranya Filipus menjadi raja di wilayah Iturea dan Trakhonitis, Lisanias menjadi raja Abilene 2 dan Hanas serta Kayafas menjadi imam agung. Pada masa ini, firman Allah disampaikan kepada Yahya anak Zakaria di gurun. 3 Lalu Yahya pergi ke seluruh daerah Sungai Yordan mengkhabarkan suatu pengimadan sebagai tanda pertaubatan yang membawa pengampunan dosa, 4 seperti yang tersurat dalam kitab Nabi Yasyaya:

'Suara seorang yang berseru di gurun,

"Sediakanlah jalan untuk Tuhan,

luruskanlah jalan untuk-Nya.

5 Setiap lembah akan ditambak

dan setiap gunung serta bukit akan diratakan.

Tempat bengkang-bengkok akan diluruskan

dan jalan lekak-lekuk akan dilicinkan.

[6] Semua manusia akan melihat penyelamatan

yang dikurniakan oleh Allah." '

[7] Yahya berkata kepada orang ramai yang berkerumun untuk diimadkannya, 'Hai, kamu seperti ular berbisa, siapakah yang telah memberimu amaran supaya melarikan diri daripada kemurkaan Allah yang akan datang? [8] Kamu hendaklah membuktikan pertaubatanmu dengan perbuatan yang baik, dan jangan mula berkata sesama sendiri, 'Ibrahim bapa kita', kerana aku berkata kepadamu bahawa Allah berkuasa menjadikan anak-anak bagi Ibrahim daripada batu-batu ini. [9] Kapak telah sedia terletak pada akar pokok kayu. Jadi, setiap pokok kayu yang tidak mengeluarkan buah yang baik akan ditebang dan dibuangkan ke dalam api.'

[10] Orang ramai itu bertanya kepada Yahya, 'Jadi, apa yang harus kami buat?'

[11] Dia menjawab, 'Sesiapa yang mempunyai dua helai baju hendaklah memberi kepada orang yang tidak mempunyai baju, dan sesiapa yang mempunyai makanan hendaklah berkongsi dengan orang yang memerlukannya.'

[12] Ada pemungut cukai datang untuk diimadkan lalu bertanya kepada Yahya, 'Tuan Guru, apa yang harus kami buat?'

[13] Yahya berkata kepada mereka, 'Jangan suruh orang membayar lebih daripada apa yang ditetapkan.'

[14] Ada askar bertanya kepadanya, 'Bagaimanakah dengan kami? Apa yang harus kami buat?'

Yahya berkata kepada mereka, 'Jangan aniayai orang dan jangan rampas harta benda atau ajukan tuduhan palsu. Berpuas hatilah dengan gajimu.'

[15] Orang ramai menanti-nanti dengan penuh harapan dan mereka tertanya-tanya dalam hati tentang Yahya kalau-kalau dialah al-Masih itu. [16] Yahya berkata kepada mereka, 'Aku ini mengimadkan kamu dengan air tetapi seorang yang lebih berkuasa daripadaku akan datang. Aku ini tidak layak walaupun untuk mengurai tali kasut-Nya. Dialah yang akan mengimadkan kamu dengan Roh Suci dan api. [17] Nyiru ada di dalam tangan-Nya untuk menampi bijirin dan mengumpulkannya di dalam rengkiang tetapi sekam akan dibakar-Nya dalam api yang tidak dapat dipadamkan.' [18] Yahya menasihati orang dengan pelbagai cara serta memberitakan Injil kepada mereka.

[19] Dia telah menegur Raja Herodes tentang perkahwinannya dengan Herodias, isteri saudaranya, dan tentang segala kejahatan yang dilakukannya. [20] Kemudian, Raja Herodes melakukan dosa yang lebih dahsyat dengan memenjarakan Yahya.

Pengimadan Isa

[21] Ketika semua orang diimadkan, Isa pula diimadkan. Ketika Dia berdoa, langit terbuka, [22] Roh Suci bagai burung merpati turun ke atas-Nya. Kedengaran satu suara dari langit yang berkata, 'Engkaulah Putera-Ku yang Kukasihi dan dengan-Mu Aku berkenan.'

Nenek moyang Isa

[23] Isa berusia lebih kurang tiga puluh tahun pada masa Dia memulakan pelayanan-Nya. Pada sangkaan orang, Dia anak kepada Yusuf, anak Eli,

[24] anak Matat,

anak Lewi, anak Malkhi,

anak Yanai, anak Yusuf,

[25] anak Matica, anak Amush,

anak Nahum, anak Hesli,

anak Nagai, [26] anak Maat,

anak Matica, anak Simei,

anak Yosekh, anak Yoda,
27 anak Yohanan, anak Resa,
anak Zerubabel, anak Sealtiel,
anak Neri, 28 anak Malkhi,
anak Adi, anak Kosam,
anak Elmadam, anak Er,
29 anak Yesua, anak Eliezer,
anak Yorim, anak Matat,
anak Lewi, 30 anak Simeon,
anak Yuda, anak Yusuf,
anak Yonam, anak Elyakim,
31 anak Melea, anak Mina,
anak Matata, anak Natan,
anak Daud, 32 anak Isai,
anak Obed, anak Boas,
anak Salmon, anak Nahason,
33 anak Aminadab, anak Admin, anak Arni,
anak Hezron, anak Peres,
anak Yuda, 34 anak Yakub,
anak Ishak, anak Ibrahim,
anak Terah, anak Nahor,
35 anak Serug, anak Rehu,
anak Peleg, anak Eber,
anak Selah, 36 anak Kenan,
anak Arpakhsad, anak Sem,
anak Nuh, anak Lemekh,
37 anak Metuselah, anak Henokh
(juga disebut Idris),
anak Yared, anak Mahalaleel,
anak Kenan, 38 anak Enos,
anak Set, anak Adam,
anak Allah.

4 *Isa digoda*

1 Isa penuh dengan Roh Suci, kembali dari daerah Yordan dan dipimpin oleh Roh ke padang
gurun. 2 Selama empat puluh hari, Dia digoda oleh Iblis. Sepanjang masa itu, Dia tidak makan apa-
apa. Akhirnya, Dia berasa lapar.

3 Lalu Iblis berkata kepada-Nya, ‘Jikalau Engkau Putera Allah, perintahkan batu ini supaya
menjadi roti.’

4 Isa menjawab, ‘Dalam Kitab Suci tersurat, “Manusia hidup bukan hanya dengan roti sahaja.” ’

5 Iblis membawa Isa ke satu tempat yang tinggi lalu dalam sekelip mata, Iblis memperlihatkan
kepada Isa segala kerajaan di dunia. 6 Iblis berkata, ‘Aku akan memberikan segala kekuasaan ini
dengan kemuliaannya kepada-Mu kerana semuanya itu telah diserahkan kepadaku dan aku boleh
memberikannya kepada sesiapa jua yang aku suka. 7 Jadi, jikalau Engkau menyembah aku,
keseluruhannya akan menjadi kepunyaan-Mu.’

[8] Tetapi Isa menjawab, ‘Dalam Kitab Suci tersurat, “Hendaklah engkau menyembah Allah,
Tuhanmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat.” ’

[9] Kemudian, Iblis membawa Isa ke Baitulmaqdis lalu menempatkan-Nya di atas mercu rumah
ibadat dan berkata kepada-Nya, ‘Jikalau Engkau Putera Allah, terjunlah ke bawah, [10] kerana dalam
Kitab Suci ada tersurat,

‘ “Allah akan memerintahkan malaikat-malaikat-Nya
untuk melindungi-Mu
[11] dan mereka akan menatang-Mu dengan tangan mereka
supaya kaki-Mu tidak terantuk pada batu.” ’

[12] Tetapi Isa menjawab, ‘Kitab Suci juga mengatakan, “Janganlah engkau menduga Allah,
Tuhanmu.” ’ [13] Setelah Iblis selesai menggoda Isa, dia meninggalkan-Nya untuk sementara waktu.

Isa memulakan kerja-Nya di Galilea

[14] Isa kembali ke Galilea dan kuasa Roh menyertai-Nya. Perkhabaran tentang-Nya tersebar ke
seluruh daerah itu. [15] Dia mengajar di saumaah-saumaah mereka dan semua orang memuji-muji-Nya.

Isa tidak diterima di Nasaret

[16] Kemudian, Isa kembali ke Nasaret, tempat Dia dibesarkan. Pada hari Sabat Dia pergi ke
saumaah seperti kebiasaan-Nya. Lalu Dia berdiri untuk membaca Kitab Suci. [17] Kitab Nabi Yasyaya
diberikan kepada Isa dan Dia membuka kitab itu untuk membaca ayat yang tersurat:

[18] ‘Roh Tuhan ada pada-Ku
kerana Dia telah memilih Aku
untuk memberitakan perkhabaran yang baik kepada orang miskin;
Dia telah mengutus Aku untuk mengumumkan pelepasan kepada
orang tawanan,
penyembuhan kepada orang buta,
pembebasan orang yang tertindas,
[19] dan mengisytiharkan tibanya masa yang Tuhan berkenan!’

[20] Isa menutup kitab itu dan memulangkannya kepada petugas lalu duduk. Mata semua orang di
dalam saumaah itu tertumpu kepada-Nya. [21] Isa mula berucap kepada mereka, ‘Pada hari ini ayat
Kitab Suci ini telah ditepati ketika kamu mendengarnya.’

[22] Semua orang memperkatakan-Nya dan kagum akan kata-kata indah yang diucapkan-Nya.
Mereka berkata, ‘Bukankah Dia anak Yusuf?’

[23] Isa berkata kepada mereka, ‘Sudah tentunya kamu akan menyebut bidalan ini kepada-Ku,
“Tuan tabib, ubati dirimu! Buatlah di kota-Mu sendiri apa yang kami dengar Kaubuat di Kapernaum.” ’

[24] Isa menambah, ‘Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, tiada seorang nabi pun yang diterima
di kotanya sendiri. [25] Dengarlah, sesungguhnya terdapat ramai balu di negeri Israel pada zaman Nabi
Ilyas tatkala langit tertutup tidak menurunkan hujan selama tiga tahun enam bulan, menyebabkan
bencana kebuluran di seluruh negeri itu. [26] Tetapi Nabi Ilyas tidak diutus kepada seorang jua pun
kecuali seorang balu di bandar Sarafat di Sidon. [27] Demikian juga, ada ramai orang yang berpenyakit
kusta di Israel pada zaman Nabi Ilyasa tetapi tiada seorang pun antara mereka yang disembuhkan
melainkan Naaman, orang Siria.’

[28] Semua orang di dalam saumaah yang mendengar kata-kata ini naik berang. [29] Mereka bangun
lalu mengusir Isa dari kota itu. Dia dibawa ke puncak gunung tempat kota itu dibina kerana mereka
mahu menghumbankan-Nya ke bawah. [30] Tetapi Isa berjalan di tengah-tengah mereka dan beredar
dari situ.

Orang yang dirasuk oleh roh iblis

[31] Kemudian Isa pergi ke kota Kapernaum di jajahan Galilea dan di situlah Dia mengajar orang

pada hari Sabat. [32] Mereka kagum mendengar ajaran-Nya kerana kata-kata-Nya berwibawa.

[33] Di dalam saumaah itu ada seorang yang dirasuk oleh roh iblis yang durjana. Dia menjerit dengan nyaring, [34] 'Ah, mengapakah Engkau mengganggu kami, Isa, orang Nasaret? Engkau datang untuk membinasakan kamikah? Aku mengetahui siapa Engkau ini — Engkaulah Yang Suci daripada Allah.'

[35] Isa memarahi roh iblis itu, 'Diam! Keluar daripada dia!' Roh iblis itu menghempaskan orang itu di hadapan mereka lalu keluar daripadanya tanpa mencederakannya.

[36] Mereka semua kehairanan dan berkata sesama sendiri, 'Betapa hebat kata-kata-Nya! Dengan penuh kewibawaan dan kuasa Dia memerintah roh-roh durjana itu, mereka terus keluar.' [37] Maka perkhabaran tentang Isa tersebar ke seluruh daerah itu.

Isa menyembuhkan beberapa orang

[38] Isa keluar dari saumaah itu lalu pergi ke rumah Simon. Ibu mertua Simon sedang demam panas dan mereka memberitahu Isa tentangnya. [39] Isa pergi berdiri di tepi katilnya dan mengusir demam itu. Ibu mertua Simon pulih dengan serta-merta lalu bangun dan melayani mereka.

[40] Pada waktu senja semua orang yang mengidap berbagai-bagai penyakit dibawa kepada Isa. Dia meletakkan tangan-Nya pada setiap orang dan menyembuhkan mereka. [41] Roh-roh iblis juga keluar daripada ramai orang dan berteriak, 'Engkaulah Putera Allah.' Isa memarahi roh-roh iblis itu dan tidak mengizinkan mereka bercakap kerana mereka mengetahui Dialah al-Masih.

Isa mengkhabar Injil di Yudea

[42] Ketika fajar menyingsing, Isa meninggalkan kota itu dan pergi ke tempat yang sunyi. Orang ramai mula mencari Dia, dan apabila mereka menemui-Nya, mereka cuba menahan-Nya daripada meninggalkan mereka. [43] Tetapi Isa berkata kepada mereka, 'Aku harus memberitakan perkhabaran yang baik tentang kerajaan Allah di kota-kota lain juga. Itulah sebabnya Aku diutuskan.' [44] Jadi, Dia mengkhabarkan Injil di saumaah-saumaah di Yudea.

5 *Isa memanggil pengikut-pengikut-Nya yang pertama*

[1] Pada suatu hari semasa Isa berdiri di tepi pantai tasik Genesaret, ramai orang berasak-asak mengerumuni-Nya untuk mendengar firman Allah. [2] Dia melihat dua buah perahu di situ. Para nelayan yang menangkap ikan telah turun dari perahu itu untuk membasuh jala mereka. [3] Isa naik ke dalam salah sebuah perahu, iaitu perahu Simon dan memintanya menolak perahu itu jauh sedikit dari pantai. Isa duduk dan mengajar orang ramai dari perahu itu.

[4] Setelah Dia habis mengajar, Dia berkata kepada Simon, 'Tolaklah perahu ke air yang dalam dan tebarkan jalamu untuk menangkap ikan.'

[5] Simon menjawab, 'Tuan, semalaman kami cuba sedaya upaya tetapi tidak dapat menangkap apa-apapun. Tetapi, kerana Engkau menyuruh, aku akan menebarkan jala.'

[6] Setelah menebarkan jala, mereka menangkap begitu banyak ikan sehingga jala hampir terkoyak. [7] Mereka memanggil rakan-rakan dari perahu lain supaya datang menolong. Mereka datang lalu memenuhi kedua-dua buah perahu itu dengan ikan sehingga perahu-perahu itu hampir tenggelam.

[8] Apabila Simon Petrus melihat apa yang telah berlaku, dia berlutut di hadapan Isa dan berkata, 'Tinggalkan hamba, Ya Junjungan kerana hamba seorang yang berdosa!' [9] Simon dan semua orang yang bersamanya takjub melihat begitu banyak ikan yang dapat ditangkap mereka. [10] Begitu juga Yakobus dan Yahya, anak-anak Zebedeus, rakan-rakan Simon.

Isa berkata kepada Simon, 'Jangan takut! Mulai sekarang, engkau akan menjala manusia!' [11] Setelah mereka menyadaikan perahu-perahu itu, mereka meninggalkan semuanya lalu mengikut Isa.

Isa menyembuhkan seorang yang berpenyakit kusta

[12] Pada suatu hari Isa berada di sebuah bandar. Terdapat seorang yang berpenyakit kusta. Apabila dia melihat Isa, dia meniarap lalu memohon kepada-Nya, 'Tuan, jikalau Tuan mahu, Tuan berkuasa untuk mentahirkan aku.'

13 Lalu Isa pun menghulurkan tangan dan menyentuhnya sambil berkata, ‘Aku mahu. Tahirlah
engkau!’ Seketika itu juga, penyakit kustanya hilang.

14 Isa berpesan kepadanya, ‘Jangan beritahu hal ini kepada sesiapapun tetapi pergi tunjukkan
dirimu kepada imam dan persembahkan suatu korban kerana pentahiranmu, seperti yang ditetapkan
oleh Musa untuk membuktikan kepada semua orang bahawa engkau kini sudah tahir.’

15 Akan tetapi, berita tentang Isa tersebar lebih meluas dan ramai orang datang untuk mendengar
ajaran-Nya serta memohon-Nya menyembuhkan penyakit mereka. 16 Tetapi Isa kerapkali
mengasingkan diri ke tempat yang sunyi untuk berdoa.

Isa menyembuhkan seorang yang lumpuh

17 Pada suatu hari ketika Isa mengajar orang, ada beberapa orang Farisi dan ahli Taurat duduk di
situ. Mereka telah datang dari setiap bandar di Galilea dan Yudea dan juga dari Baitulmaqdis. Kuasa
Allah ada pada Isa untuk menyembuhkan orang. 18 Beberapa orang mengusung seorang yang lumpuh
dan mereka mencari jalan untuk membawanya ke dalam rumah untuk meletakkannya di hadapan
Isa. 19 Oleh sebab mereka tidak dapat membawanya masuk kerana orang bersesak-sesak, mereka
naik ke atas bumbung rumah lalu membuka genting supaya dapat menurunkan orang itu dengan
tikarnya di tengah-tengah orang ramai di hadapan Isa.

20 Apabila Isa melihat iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, ‘Saudara, dosa-
dosamu diampunkan.’

21 Guru-guru Taurat dan orang Farisi mula berkata sesama diri, ‘Siapakah orang ini yang
mengkufuri Allah? Siapakah yang dapat mengampunkan dosa kecuali Allah sahaja?’

22 Tetapi Isa mengetahui fikiran mereka, lalu berkata kepada mereka, ‘Mengapakah kamu
memikirkan perkara sedemikian? 23 Yang manakah lebih mudah: mengatakan, “Dosa-dosamu
diampunkan,” atau “Bangunlah dan berjalan”? 24 Tetapi, supaya kamu ketahui bahawa Putera Insan
berkuasa di bumi ini untuk mengampunkan dosa...’ Lalu Dia berkata kepada orang lumpuh itu, ‘Aku
berkata kepadamu, bangunlah, angkat tikarmu dan berjalan pulang ke rumah!’ 25 Seketika itu juga, dia
bangun di hadapan mereka sekalian. Dia mengangkat tikar tempat dia berbaring tadi lalu pulang
sambil memuji Allah. 26 Semua orang tercengang-cengang dan memuji Allah. Mereka dipenuhi dengan
perasaan takjub sambil berkata, ‘Pada hari ini kami telah menyaksikan hal yang ajaib!’

Isa memanggil Lewi

27 Kemudian Isa keluar dan nampak seorang pemungut cukai yang bernama Lewi sedang duduk
di tempat kutipan cukai. Isa berkata kepadanya, ‘Ikutlah Aku!’ 28 Lewi bangun, meninggalkan
semuanya dan mengikut Isa.

29 Lewi menyediakan satu jamuan besar untuk Isa di rumahnya. Ada ramai pemungut cukai dan
orang lain yang turut duduk bersama mereka. 30 Orang Farisi dan guru-guru Taurat yang semazhab
bersungut-sungut kepada pengikut-pengikut Isa, ‘Mengapakah kamu makan dan minum bersama
pemungut-pemungut cukai dan orang berdosa?’

31 Isa menjawab, ‘Orang sakitlah yang memerlukan tabib, bukannya orang sihat. 32 Aku datang
bukannya untuk memanggil orang benar, tetapi orang berdosa, supaya mereka bertaubat.’

Pertanyaan tentang puasa

33 Mereka berkata kepada Isa, ‘Pengikut-pengikut Yahya kerapkali berpuasa dan berdoa.
Demikian juga pengikut-pengikut orang Farisi. Tetapi pengikut-pengikut-Mu ini makan dan minum
sahaja.’

34 Isa menjawab, ‘Dapatkah tetamu-tetamu pengantin lelaki diminta berpuasa selagi pengantin
lelaki itu ada bersama-sama? 35 Tetapi selepas pengantin lelaki itu diambil daripada mereka, barulah
mereka akan berpuasa.’

36 Isa memberitahu juga suatu ibarat kepada mereka: ‘Tiada sesiapapun yang mengoyak secarik
kain daripada pakaian yang baru untuk menampalkannya ke atas pakaian lama. Jika demikian,
pakaian yang baru itu koyak dan secarik kain yang baru itu tidak sepadan dengan yang lama. 37 Tiada
sesiapa juga yang akan menuang air anggur yang baru ke dalam kirbat kulit yang lama. Jikalau
demikian, air anggur yang baru itu akan mengoyakkan kirbat kulit itu, lalu air anggur di dalamnya

akan tumpah dan kirbat kulit itu pun rosak. [38] Tetapi air anggur yang baru harus dituang ke dalam
kirbat kulit yang baru. [39] Dan tiada sesiapapun gemar minum air anggur yang baru selepas dia minum
air anggur yang lama kerana katanya, “Yang lama itu lebih baik.” ’

6 *Pertanyaan tentang hari Sabat*

[1] Pada hari Sabat Isa berjalan melalui ladang-ladang gandum dan pengikut-pengikut-Nya memetik
bulir gandum, menggosoknya dengan tangan lalu memakannya. [2] Beberapa orang Farisi berkata
kepada mereka, ‘Mengapakah kamu membuat sesuatu yang dilarang pada hari Sabat?’

[3] Isa menjawab, ‘Belumkah kamu membaca tentang apa yang dilakukan oleh Daud tatkala dia dan
pasukannya berasa lapar? [4] Dia masuk ke dalam rumah ibadat Tuhan lalu mengambil dan memakan
Roti Persembahan lalu memberikannya kepada mereka yang ada bersamanya. Roti Persembahan itu
dilarang dimakan kecuali oleh imam-imam sahaja.’ [5] Isa menambah, ‘Putera Insan berkuasa atas hari
Sabat.’

Orang yang tangannya lumpuh sebelah

[6] Pada suatu hari Sabat yang lain, Isa masuk ke dalam saumaah lalu mengajar orang. Terdapat di
situ seorang yang lumpuh tangan kanannya. [7] Guru-guru Taurat dan orang Farisi mengawasi Isa untuk
melihat sama ada Dia akan menyembuhkan orang itu pada hari Sabat kerana mereka hendak mencari
alasan untuk menuduh-Nya. [8] Isa mengetahui fikiran mereka lalu berkata kepada orang yang lumpuh
tangan kanannya, ‘Bangunlah dan berdiri di sini.’ Orang itu pun bangun dan berdiri di situ.

[9] Isa berkata kepada mereka, ‘Aku bertanya kepadamu apa yang dibenarkan oleh hukum kita
untuk dilakukan pada hari Sabat: berbuat baik atau berbuat jahat, menyelamatkan nyawa orang atau
membinasakannya?’

[10] Isa memandang sekeliling mereka lalu berkata kepada orang itu, ‘Hulurkanlah tanganmu.’
Orang itu berbuat demikian dan tangannya pun sembuh. [11] Tetapi mereka naik berang lalu berbincang
sesama diri tentang apa yang harus dibuat terhadap Isa.

Isa memilih dua belas rasul

[12] Pada masa itu Isa naik ke sebuah bukit untuk berdoa. Semalam-malaman Dia berdoa kepada
Allah. [13] Setelah hari siang, Isa memanggil pengikut-pengikut-Nya dan daripada mereka itu, Dia
memilih dua belas orang yang digelar-Nya rasul: [14] Simon yang dinamakan-Nya Petrus, dan Andreas
adiknya, Yakobus dan Yahya, Filipus dan Bartolomeus, [15] Matius dan Tomas, Yakobus anak Alfeus,
Simon yang disebut orang Patriot, [16] Yudas anak Yakobus, dan Yudas Iskariot yang menjadi
pembelot.

Isa mengajar dan menyembuhkan penyakit

[17] Isa turun bersama mereka lalu berdiri di suatu tempat yang rata dengan ramai pengikut-Nya.
Ramai orang dari seluruh jajahan Yudea, dari Baitulmaqdis dan dari wilayah-wilayah Tirus serta
Sidon [18] telah datang untuk mendengar Isa dan untuk disembuhkan daripada penyakit mereka. Orang
yang dirasuk roh-roh durjana turut datang dan mereka juga disembuhkan. [19] Semua orang cuba
menyentuh Isa kerana kuasa sedang keluar daripada-Nya untuk menyembuhkan mereka semua.

Kebahagiaan dan penderitaan

[20] Isa berpaling kepada pengikut-pengikut-Nya lalu berkata:

‘Diberkatilah kamu yang miskin,
kerana kamulah yang empunya kerajaan Allah.

[21] Diberkatilah kamu yang lapar sekarang,
kerana kamu akan dikenyangkan.

Diberkatilah kamu yang menangis sekarang,
kerana kamu akan bersuka ria.

[22] Diberkatilah kamu apabila orang membenci kamu, menyingkiri kamu, menghina kamu dan
mengutuk kamu kerana Putera Insan.

23 ‘Bersuka rialah apabila perkara itu berlaku dan melonjak keriangan, kerana besar ganjaranmu di
syurga kelak. Demikian juga perbuatan nenek moyang mereka terhadap nabi-nabi.

24 ‘Tetapi malangnya kamu yang kaya,
kerana kamu telah beroleh hidup
yang senang-lenang.

25 Malangnya kamu yang sekarang kenyang,
kerana kamu akan lapar kelak.

Malangnya kamu yang sekarang tertawa,
kerana kamu akan menangis dan meratap kelak.

26 Malangnya kamu apabila kamu dipuji semua orang,
kerana demikian juga perbuatan nenek moyang mereka
kepada nabi-nabi palsu.

Kasih kepada musuh

27 ‘Tetapi kepada kamu yang mendengar, Aku berkata demikian: Kasihilah seterumu, berbuat baik
kepada orang yang membenci kamu; 28 berkatilah orang yang mengutuk kamu dan doakan orang
yang menganiayai kamu. 29 Jika orang menampar sebelah pipimu, biarlah dia menampar sebelah lagi;
jika ada orang mengambil jubah kamu, biarkan dia ambil bajumu juga. 30 Berilah setiap orang yang
meminta sesuatu daripadamu dan jika sesiapa mengambil barangmu, jangan tuntut balik barang
itu. 31 Berbuatlah kepada orang lain seperti yang kamu ingin mereka berbuat kepadamu.

32 ‘Jikalau kamu mengasihi orang yang mengasihi kamu, apakah kelebihanmu? Malah, orang
berdosa pun mengasihi orang yang mengasihi mereka. 33 Dan jikalau kamu membalas baik kepada
orang yang berbuat baik kepadamu, apakah kelebihanmu? Orang berdosa pun berbuat
begitu. 34 Jikalau kamu meminjami orang yang kamu harap akan memulangkannya, apakah
kelebihanmu? Orang berdosa pun meminjami orang berdosa untuk mendapatkan kembali sama
banyaknya. 35 Tetapi kamu hendaklah mengasihi seterumu; kamu hendaklah berbuat baik kepadanya
dan kamu hendaklah meminjami orang dengan tidak mengharapkan apa-apa. Besarlah ganjaranmu
kelak dan kamu akan menjadi anak-anak Allah Yang Maha Tinggi kerana Dia berbuat baik kepada
orang yang tidak mengenang jasa dan kepada orang yang zalim. 36 Kamu hendaklah berbelas kasihan
seperti Bapamu yang berbelas kasihan.

Menghakimi orang

37 ‘Janganlah kamu hakimi orang supaya kamu tidak akan dihakimi. Janganlah kamu hukum orang
supaya kamu tidak dihukum. Ampunilah orang dan kamu akan diampuni. 38 Berilah kepada orang dan
kamu akan diberi. Suatu takaran yang baik, dipadatkan dan digoncang sehingga melimpah keluar
akan dicurahkan ke atas pangkuanmu. Sukatan yang kamu gunakan itu akan digunakan terhadap
kamu.’

39 Kemudian Isa memberitahu suatu ibarat lagi. ‘Bolehkah orang buta memimpin orang buta?
Tidakkah kedua-duanya akan jatuh ke dalam longkang? 40 Seorang murid tidak melebihi gurunya;
tetapi setiap murid yang terlatih dengan sempurna akan menyerupai gurunya.

41 ‘Mengapakah engkau memandang selumbar yang ada di dalam mata saudaramu, tetapi engkau
tidak menyedari sebatang kayu yang ada di dalam matamu sendiri? 42 Bagaimanakah engkau dapat
berkata kepada saudaramu, “Saudara, biarlah aku keluarkan selumbar itu daripada matamu”
sedangkan engkau tidak nampak sebatang kayu yang ada di dalam matamu sendiri? Munafik!
Buangkan kayu itu daripada matamu sendiri dahulu, barulah engkau dapat melihat dengan terang
untuk mengeluarkan selumbar yang ada di dalam mata saudaramu.

Pokok dan buahnya

43 ‘Pokok yang subur tidak menghasilkan buah yang buruk. Demikian juga pokok yang tidak subur
tidak akan menghasilkan buah yang baik. 44 Tiap-tiap pokok dikenal daripada buahnya. Orang tidak
memetik buah ara daripada pokok duri atau buah anggur daripada semak duri. 45 Orang yang baik
mengeluarkan perkara yang baik daripada hati yang berlimpah-limpah dengan kebaikan; orang yang

jahat mengeluarkan perkara yang jahat daripada hati yang penuh dengan kejahatan. Seseorang akan meluahkan apa yang terkandung di dalam hatinya.

Dua orang pembina rumah

46 ‘Mengapakah kamu memanggil Aku, “Ya Junjungan, ya Junjungan,” tetapi tidak mematuhi perintah-Ku? 47 Aku akan menunjukkan kepadamu keadaan orang yang datang kepada-Ku dan mendengar serta mentaati kata-kata-Ku. 48 Dia umpama seorang yang membina rumah. Dia menggali lubang dalam-dalam lalu meletakkan asas rumah itu di atas batu. Apabila banjir berlaku, arus dari sungai akan melanda rumah itu tetapi tidak dapat menggoncangkannya kerana rumah itu didirikan dengan kukuh. 49 Akan tetapi, orang yang mendengar kata-kata-Ku dan tidak mahu mematuhinya umpama seorang yang membina rumah di atas tanah tanpa asas. Apabila dilanda arus sungai, rumah itu akan roboh dan kerosakannya besar sekali.’

7 *Isa menyembuhkan hamba ketua tentera Rom*

1 Setelah Isa habis mengatakan semua perkara ini kepada orang ramai, Dia pergi ke Kapernaum. 2 Terdapat seorang hamba ketua tentera yang amat disayangi oleh tuannya; hamba itu sedang sakit tenat dan hampir mati. 3 Apabila ketua tentera itu mendengar tentang Isa, dia menyuruh beberapa tua-tua Yahudi mendapatkan Isa untuk meminta-Nya datang menyembuhkan hambanya itu. 4 Ketika mendapatkan Isa, mereka memohon-Nya bersungguh-sungguh, ‘Tolonglah kabulkan permintaannya kerana dia patut ditolong. 5 Dia mengasihi bangsa kita dan dia telah mendirikan sebuah saumaah untuk kita.’ 6 Lalu Isa pun pergi bersama mereka.

Tatkala Dia tidak berapa jauh dari rumah, ketua tentera itu menyuruh beberapa orang sahabat memberitahu Isa, ‘Tuan, tak usah Tuan menyusahkan diri ke rumah aku kerana aku tidak layak. 7 Aku juga tidak layak datang untuk menemui Tuan. Memadailah Tuan memberikan perintah sahaja dan hambaku itu akan sembuh. 8 Aku juga di bawah perintah orang atasan dan aku ada askar di bawah perintahku. Aku memerintah seseorang, “Pergilah!” dan dia akan pergi; aku memerintah seorang lagi, “Mari!” dan dia akan datang. Aku memerintah seorang hamba, “Buat kerja ini!” dan dia akan melakukannya.’

9 Isa kagum mendengar ini lalu Dia berpaling kepada orang ramai yang mengikut-Nya sambil berkata, ‘Aku berkata kepadamu bahawa antara bangsa Israel sekalipun belum pernah Aku jumpa orang yang beriman seteguh ini.’ 10 Apabila mereka yang disuruh itu kembali ke rumah ketua tentera Rom itu, mereka mendapati hamba itu telah sembuh.

Isa menghidupkan anak lelaki seorang balu

11 Tidak lama kemudian, Isa pergi ke sebuah bandar yang bernama Nain; pengikut-pengikut-Nya dan orang ramai pergi bersama-Nya. 12 Ketika Dia mendekati pintu gerbang bandar itu, mayat anak lelaki tunggal seorang balu sedang diusung keluar dan sekumpulan besar orang dari bandar itu bersama dengan wanita itu. 13 Apabila Isa melihat balu itu, Dia berasa kasihan terhadapnya lalu berkata kepadanya, ‘Janganlah menangis.’

14 Dia berjalan ke hadapan dan menyentuh keranda itu. Orang yang mengusung keranda itu pun berhenti. Lalu Isa berkata, ‘Hai pemuda, Aku berkata kepadamu — bangun!’ 15 Orang yang sudah mati itu pun bangun dan mula bercakap; lalu Isa mengembalikannya kepada ibunya.

16 Setiap orang ketakutan lalu memuji Allah: ‘Seorang nabi yang agung telah muncul di kalangan kita!’ dan ‘Allah telah mendatangi umat-Nya.’ 17 Khabar tentang Isa ini tersebar ke seluruh jajahan Yudea dan daerah di sekelilingnya.

Pengikut-pengikut Yahya Pengimad

18 Pengikut-pengikut Yahya memaklumkan segala perkara ini kepada Yahya. 19 Yahya memanggil dua orang pengikutnya lalu menyuruh mereka pergi kepada Junjungan untuk bertanya, ‘Adakah Tuan yang dikatakan akan datang itu, atau haruskah kami menantikan seorang yang lain?’

20 Apabila mereka datang kepada Isa, mereka berkata, ‘Yahya yang mengimadkan itu menyuruh kami datang kepada Tuan untuk bertanya, “Adakah Tuan yang akan datang itu, atau haruskah kami menantikan seorang yang lain?” ’

21 Pada masa itu, Isa sedang menyembuhkan ramai orang yang menderitai penyakit dan

kerasukan roh iblis serta mencelikkan mata ramai orang buta. 22 Lalu Isa menjawab kepada mereka,
'Pergilah dan maklumkan kepada Yahya apa yang telah kamu lihat dan dengar: orang buta dapat
melihat, orang tempang dapat berjalan, orang kusta disembuhkan, orang tuli dapat mendengar, orang
mati dihidupkan kembali serta perkhabaran yang baik diberitakan kepada orang miskin. 23 Diberkatilah
orang yang tidak berpaling daripada Aku.'

24 Setelah utusan-utusan Yahya pulang, Isa mula berkata kepada orang ramai itu tentang Yahya,
'Semasa kamu pergi berjumpa dengan Yahya di gurun, apakah yang hendak kamu lihat? Sebatang
buluh yang digoyang oleh angin? 25 Kamu pergi untuk melihat apa? Seorang yang mengenakan
pakaian bergaya? Sebenarnya, orang yang mengenakan pakaian bergaya dan hidup dalam
kemewahan didapati di istana-istana raja. 26 Oleh itu, kamu pergi untuk melihat apa? Seorang nabi?
Ya, dan Aku berkata kepadamu, kamu melihat lebih daripada seorang nabi. 27 Dialah yang dikatakan
dalam Kitab Suci:

' "Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu,

dialah yang akan menyediakan

jalan bagi-Mu."

28 Aku berkata kepadamu bahawa Yahya itu lebih besar daripada semua orang yang pernah
dilahirkan. Akan tetapi, orang yang terkecil dalam kerajaan Allah lebih besar daripadanya.'

29 Orang ramai itu, termasuk pemungut-pemungut cukai, mendengar Isa. Mereka mengakui
kebenaran Allah kerana mereka telah menerima pengimadan Yahya. 30 Tetapi orang Farisi dan guru-
guru Taurat enggan menerima pengimadan Yahya, maka mereka menolak kehendak Allah untuk
mereka.

31 'Dengan apakah dapat Aku umpamakan orang pada zaman ini? Bagaimanakah keadaan
mereka? 32 Mereka umpama budak-budak yang duduk di pasar dan berseru-seru sesama sendiri:

' "Kami telah memainkan serunai untukmu,

tetapi kamu tidak mahu menari;

kami telah menyanyikan lagu-lagu sedih untukmu,

tetapi kamu tidak mahu menangis."

33 Kerana Yahya Pengimad telah datang dengan berpuasa dan tidak minum air anggur, lalu kamu
berkata, "Dia dirasuk roh iblis" 34 Putera Insan datang dengan makan dan minum lalu kamu berkata,
"Tengoklah, orang gelojoh dan peminum, sahabat kepada pemungut-pemungut cukai dan orang
berdosa." 35 Tetapi kebijaksanaan dibuktikan benar oleh semua orang yang menerimanya.'

Isa di rumah Simon, seorang Farisi

36 Salah seorang Farisi menjemput Isa makan di rumahnya. Isa masuk ke rumah orang Farisi itu
lalu bertelekan pada meja. 37 Di dalam kota itu ada seorang perempuan yang hidup dalam dosa.
Setelah dia mendengar bahawa Isa sedang makan di rumah orang Farisi itu, dia membawa sebuah
botol berisi minyak wangi. 38 Dia berdiri di belakang Isa dekat dengan kaki-Nya dan menangis lalu
membasahi kaki Isa dengan air matanya. Dia mengeringkan kaki Isa dengan menggunakan
rambutnya, mencium kaki-Nya lalu menuang minyak wangi itu pada kaki-Nya.

39 Apabila melihat perkara ini, orang Farisi yang menjemput Isa berkata-kata dalam hatinya, 'Jika
orang ini seorang nabi, tentulah dia mengetahui perempuan yang menyentuh-Nya seorang yang
hidup berdosa.'

40 Isa menjawabnya, 'Simon, ada sesuatu yang hendak Aku katakan kepadamu.'

Simon berkata, 'Ya Guru, katakanlah.'

41 'Ada dua orang berhutang kepada seorang pemiutang wang. Seorang berhutang lima ratus
dinar dan seorang lagi lima puluh dinar. 42 Oleh sebab mereka tidak dapat membayar hutang itu, dia
pun menghapuskan hutang kedua-dua penghutang wang itu. Antara mereka, yang manakah akan
lebih mengasihinya?'

43 Simon menjawab, 'Aku rasa orang yang dihapuskan hutangnya yang lebih besar itu.'

Isa berkata kepadanya, 'Betullah jawapanmu.'

44 Lalu Isa berpaling kepada perempuan itu dan berkata kepada Simon, ‘Engkau melihat
perempuan ini? Aku masuk ke rumahmu dan engkau tidak memberikan air membasuh kaki-Ku tetapi
perempuan ini telah membasahi kaki-Ku dengan air matanya lalu mengeringkannya dengan
rambutnya. 45 Engkau tidak menyambut Aku dengan ciuman, tetapi semenjak Aku masuk, perempuan
ini tidak berhenti-henti mencium kaki-Ku. 46 Engkau tidak menuang minyak pada kepala-Ku, tetapi
perempuan ini telah menuang minyak wangi pada kaki-Ku. 47 Oleh sebab itu, Aku berkata kepadamu
bahawa kerana kasihnya yang besar, dosanya yang banyak itu telah diampunkan, tetapi orang yang
telah diampuni sedikit sahaja, mengasihi sedikit juga.’

48 Isa berkata kepada perempuan itu, ‘Dosa-dosamu telah diampunkan.’

49 Mereka yang makan bersama Isa berkata sesama sendiri, ‘Siapakah orang ini yang
mengampunkan dosa pula?’

50 Isa berkata kepada perempuan itu, ‘Imanmu telah menyelamatkanmu. Pergilah dengan
sejahtera.’

8 *Beberapa orang perempuan menyertai Isa*

1 Tidak lama kemudian, Isa pergi dari bandar ke bandar dan dari kampung ke kampung untuk
memberitakan perkhabaran yang baik tentang kerajaan Allah. Dua belas pengikut itu pergi bersama-
Nya. 2 Begitu juga beberapa orang perempuan yang telah disembuhkan daripada kerasukan roh iblis
dan daripada berbagai-bagai penyakit, iaitu Maryam (yang disebut orang Magdala) yang daripadanya
telah diusir tujuh roh iblis; 3 Yoana, isteri Khuza, pegawai istana Raja Herodes; Susana dan ramai
perempuan lain yang menggunakan harta benda mereka untuk membantu Isa serta pengikut-
pengikut-Nya.

Ibarat seorang penabur

4 Ketika orang ramai sedang berkumpul, dan orang dari beberapa buah bandar terus-menerus
datang kepada-Nya, Dia menceritakan suatu ibarat: 5 ‘Seorang penabur pergi menabur benihnya.
Ketika dia menabur, ada yang jatuh di tepi jalan lalu dipijak orang dan dimakan burung. 6 Ada yang
jatuh di tempat berbatu, dan setelah tumbuh, tanaman itu menjadi layu kerana tanah kekurangan
air. 7 Ada pula jatuh di tengah-tengah semak duri lalu duri yang tumbuh bersama-sama
membantutkan pertumbuhannya. 8 Tetapi ada benih yang jatuh di tanah yang baik lalu tumbuh dan
mengeluarkan hasil seratus ganda banyaknya.’

Kemudian Isa berseru, ‘Orang yang bertelinga, baiklah dia mendengar.’

Maksud ibarat itu

9 Pengikut-pengikut Isa bertanya kepada-Nya, ‘Apakah erti ibarat ini?’ 10 Isa berkata,
‘Pengetahuan rahsia kerajaan Allah telah diberikan kepadamu, tetapi orang lain harus diberitahu
dengan menggunakan ibarat supaya,

‘ “mereka terus melihat tetapi tidak nampak,

mereka terus mendengar tetapi

tidak mengerti.”

Isa menerangkan maksud ibarat seorang penabur itu

11 ‘Inilah maksud ibarat tadi: Benih itu ialah firman Allah. 12 Benih yang jatuh di tepi jalan itu
menggambarkan mereka yang mendengar firman itu tetapi kemudian Iblis datang dan mengambil
firman itu daripada hati mereka supaya mereka tidak percaya dan diselamatkan. 13 Benih yang jatuh
di tempat berbatu itu menggambarkan mereka yang mendengar dan menyambut firman itu dengan
gembira tetapi firman itu tidak berakar dalam hati mereka. Mereka itu hanya percaya untuk sementara
waktu dan apabila waktu dicubai mereka akan meninggalkan kepercayaan mereka. 14 Benih yang
jatuh di tengah-tengah semak duri itu menggambarkan mereka yang telah mendengarnya, tetapi
dalam hidup mereka sehari-hari mereka terhimpit oleh kekhuatiran dan kekayaan serta kesenangan
hidup lalu mereka tidak mengeluarkan buah dengan sempurna. 15 Benih yang jatuh di tanah yang baik
menggambarkan mereka yang mendengar firman itu dan menyimpannya dalam hati yang tulus ikhlas
lalu dengan ketekunan mereka terus mengeluarkan buah.

Pelita di bawah pasu

16 ‘Tiada seorang pun memasang pelita lalu menudungnya dengan sebuah pasu atau
meletakkannya di bawah katil. Tetapi dia meletakkannya di atas kaki pelita supaya cahayanya
kelihatan kepada orang yang masuk ke ruang itu. 17 Tiada sesuatu pun yang tersembunyi yang tidak
didedahkan kelak; tiada sesuatu rahsia pun yang tidak diketahui kelak. 18 Oleh sebab itu, berhati-
hatilah bagaimana kamu mendengar. Sesiapa yang ada sesuatu akan diberi lebih banyak lagi; tetapi
sesiapa yang tidak ada, sedikit yang disangka ada padanya pun akan diambil daripadanya.’

Ibu Isa dan adik-beradik-Nya

19 Ibu Isa dan adik-beradik-Nya datang kepada-Nya tetapi mereka tidak dapat bertemu dengan-
Nya kerana kesesakan orang ramai. 20 Isa diberitahu, ‘Ibu dan adik-beradik-Mu berada di luar dan
hendak bertemu dengan-Mu.’

21 Isa menjawab kepada mereka, ‘Ibu-Ku dan adik-beradik-Ku ialah mereka yang mendengar
firman Allah dan melaksanakannya.’

Isa meredakan ribut

22 Pada suatu hari Isa bersama pengikut-pengikut-Nya menaiki sebuah perahu. Isa berkata
kepada mereka, ‘Marilah kita pergi ke seberang tasik.’ Lalu mereka bertolak. 23 Ketika mereka sedang
belayar, Isa tertidur. Angin ribut bertiup ke tasik itu dan perahu itu pun dimasuki air sehingga mereka
cemas.

24 Mereka pergi kepada Isa dan mengejutkan-Nya. Mereka berkata, ‘Tuan, Tuan, kita hampir
tenggelam!’

Isa bangun lalu memarahi angin dan ombak yang bergelora itu. Ribut itu pun berhenti dan
segalanya tenang. 25 Isa berkata kepada mereka, ‘Di manakah imanmu?’

Mereka pun takut dan hairan serta berkata sesama sendiri, ‘Siapakah orang ini sehingga angin
dan ombak pun menurut perintah-Nya?’

Isa menyembuhkan seorang yang dirasuk roh iblis

26 Mereka belayar ke wilayah Gerasa yang di seberang Galilea. 27 Setelah Isa mendarat, seorang
lelaki dari bandar itu datang menemui-Nya. Orang itu telah dirasuk roh-roh iblis dan sudah lama dia
tidak berpakaian. Dia tidak tinggal di rumahnya lagi tetapi di gua kubur. 28 Ketika dia melihat Isa, dia
berteriak lalu sujud di hadapan-Nya dan berkata dengan suara yang lantang, ‘Mengapakah Engkau
mengganggu aku, ya Isa, Putera Allah Yang Maha Tinggi? Aku minta janganlah seksa aku.’ 29 Dia
berkata demikian kerana Isa telah memerintah roh durjana itu keluar daripadanya. Dia seringkali
dikuasai oleh roh durjana itu. Oleh sebab itu, dia dikawal ketat dan tangan serta kakinya dirantai
orang. Tetapi dia dapat memutuskan rantai itu dan dibawa oleh roh durjana ke padang gurun.

30 Isa bertanya kepadanya, ‘Siapakah namamu?’

Dia menjawab, ‘Legion’ kerana dia telah dirasuk oleh ramai roh iblis. 31 Roh-roh iblis itu memohon
kepada Isa supaya tidak menghalau mereka ke neraka.

32 Kebetulannya, di bukit itu ada sekawan babi sedang makan. Roh-roh iblis itu memohon kepada
Isa supaya Dia membenarkan mereka masuk ke dalam babi-babi itu dan Isa
membenarkannya. 33 Roh-roh iblis itu keluar daripada orang tadi dan masuk ke dalam babi. Kemudian
kawanan babi itu menyerbu ke tempat curam dan terjun ke dalam tasik lalu mati lemas.

34 Setelah penjaga-penjaga babi itu menyaksikan apa yang telah terjadi, mereka berlari untuk
menyebarkan hal itu di bandar dan di kampung-kampung sekitarnya. 35 Orang ramai pun keluar untuk
melihat apa yang telah terjadi. Mereka datang kepada Isa dan mendapati orang yang telah
dibebaskan daripada roh-roh iblis itu duduk di kaki Isa. Orang itu berpakaian dan sudah siuman. Oleh
itu, mereka pun ketakutan. 36 Orang yang telah menyaksikan kejadian itu menceritakan kepada
mereka bagaimana orang yang kerasukan roh iblis itu telah disembuhkan. 37 Lalu semua penduduk
wilayah Gerasa meminta Isa supaya meninggalkan mereka kerana mereka ketakutan. Isa pun menaiki
perahu untuk pulang.

38 Orang yang telah dibebaskan daripada roh-roh iblis itu meminta Isa membenarkan dia mengikut
bersama-Nya tetapi Isa menyuruh dia pulang 39 dan berkata, ‘Pulanglah ke rumahmu dan

khabarkanlah segala yang dilakukan Allah untukmu.' Orang itu pergi menyebarkan segala yang
dilakukan Isa untuknya di seluruh bandar itu.

Anak perempuan Yairus dan perempuan yang menyentuh jubah Isa

40 Sekembalinya Isa ke seberang tasik, orang ramai pun menyambut-Nya kerana mereka
menanti-nantikan-Nya. 41 Seorang lelaki yang bernama Yairus, iaitu ketua saumaah datang kepada-
Nya. Dia sujud pada kaki Isa dan memohon kepada-Nya supaya datang ke rumahnya 42 kerana anak
perempuan tunggalnya yang berumur dua belas tahun hampir mati.

Semasa Isa berjalan, orang ramai itu mengasak-Nya dari semua sudut. 43 Terdapat seorang
perempuan yang mengidap penyakit pendarahan selama dua belas tahun dan walaupun dia telah
menghabiskan segala harta bendanya untuk mendapatkan rawatan daripada beberapa orang tabib,
dia tidak dapat disembuhkan oleh sesiapapun. 44 Perempuan itu datang dari belakang Isa dan
menyentuh kaki jubah-Nya. Seketika itu juga, penyakit pendarahannya sembuh.

45 Isa berkata, 'Siapakah yang menyentuh Aku?'

Apabila semua orang menafikannya, Petrus berkata, 'Tuan, orang ramai ini menghimpit dan
mengasak Tuan.'

46 Tetapi Isa berkata, 'Ada orang menyentuh Aku kerana Aku tahu bahawa kuasa telah keluar
daripada-Ku.' 47 Apabila perempuan itu mengetahui perbuatannya tidak dapat disembunyikan, dia
datang dengan gementar lalu sujud di hadapan Isa dan menceritakan kepada-Nya di hadapan orang
ramai itu sebabnya dia menyentuh Isa serta bagaimana dia sembuh seketika itu juga. 48 Isa berkata
kepadanya, 'Anak-Ku, imanmu telah menyembuhkanmu. Pergilah dengan sejahtera.'

49 Sementara Isa masih berkata-kata, seorang utusan datang dari rumah ketua saumaah dan
berkata kepada ketua itu, 'Anak perempuan tuan telah mati. Tidak usah menyusahkan Guru lagi.'

50 Isa mendengar ini dan berkata kepada ketua itu, 'Janganlah takut, percaya sahaja dan anakmu
akan dipulihkan.'

51 Apabila sampai ke rumah itu, Isa tidak membenarkan sesiapapun masuk bersama-sama selain
Petrus, Yahya dan Yakobus serta ibu bapa budak itu. 52 Semua orang menangis dan meratapi
kematian budak itu. Isa berkata, 'Janganlah menangis. Dia bukan mati, dia cuma tidur.'

53 Mereka mengetawakan Isa kerana mereka mengetahui anak itu telah mati. 54 Tetapi Isa
memegang tangan budak itu dan berseru, 'Anak-Ku, bangunlah!' 55 Nyawa budak itu kembali dan dia
bangun seketika itu juga. Lalu Isa menyuruh mereka memberi budak itu makanan. 56 Ibu bapanya
kagum tetapi Isa melarang mereka mengatakan apa-apa tentang kejadian itu kepada sesiapapun.

9 *Isa mengutus dua belas pengikut-Nya*

1 Isa memanggil dua belas pengikut-Nya itu lalu memberi mereka kuasa dan perintah untuk mengusir
segala roh iblis dan menyembuhkan berbagai-bagai penyakit. 2 Dia menyuruh mereka pergi
mengkhabarkan kerajaan Allah dan menyembuhkan orang sakit. 3 Isa berkata kepada mereka, 'Jangan
kamu bawa apa jua pun dalam perjalananmu, baik tongkat, baik beg sedekah, baik makanan, baik
wang atau lebih daripada sehelai pakaian. 4 Di rumah mana-mana pun kamu disambut, tinggallah di
situ sehingga kamu meninggalkan bandar tersebut. 5 Di mana-mana kamu tidak disambut, tinggalkan
bandar itu dan kebaskanlah debu daripada kakimu sebagai kesaksian terhadap mereka.' 6 Mereka pun
berangkat lalu pergi dari kampung ke kampung untuk memberitakan perkhabaran yang baik dan
menyembuhkan orang di mana-mana sahaja.

Kebingungan Herodes

7 Herodes, raja wilayah, mendengar segala perkara yang berlaku. Dia keliru kerana ada yang
mengatakan bahawa Yahya telah hidup semula, 8 ada yang berkata bahawa Ilyas telah muncul; ada
juga yang berkata bahawa salah seorang nabi pada zaman dahulu telah hidup kembali. 9 Herodes
berkata, 'Yahya itu telah kupancung kepalanya tetapi siapakah orang ini? Banyak perkara tentangnya
telah aku dengar.' Oleh yang demikian, dia mencari jalan untuk menemui Isa.

Isa memberikan makanan kepada lima ribu orang

10 Setelah rasul-rasul itu kembali, mereka menceritakan kepada Isa segala perkara yang telah

dilakukan mereka. Isa membawa mereka ke sebuah bandar yang bernama Betsaida. [11] Tetapi orang ramai mendapat tahu akan hal itu lalu mengikut-Nya. Isa menyambut mereka dan mengkhabarkan kerajaan Allah kepada mereka serta menyembuhkan orang yang memerlukan penyembuhan.

[12] Menjelang senja, dua belas pengikut itu datang kepada Isa. Mereka berkata, 'Suruhlah orang ramai ini pulang supaya mereka dapat pergi ke desa dan daerah di sekitar untuk mencari makanan dan penginapan kerana tempat ini terpencil.'

[13] Isa berkata kepada mereka, 'Kamulah memberi mereka makanan.'

Pengikut-pengikut itu berkata lagi, 'Kami hanya ada lima buku roti dan dua ekor ikan, melainkan kami pergi membeli makanan untuk orang ramai ini.' [14] Terdapat kira-kira lima ribu orang lelaki di situ.

Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, 'Suruh mereka duduk berkelompok-kelompok, kira-kira lima puluh orang sekelompok.' [15] Pengikut-pengikut itu melakukan suruhan Isa dan semua orang pun duduk. [16] Isa mengambil lima buku roti dan dua ekor ikan itu. Lalu Dia menengadah ke langit sambil mengucap syukur atas makanan itu dan membahagi-bahagikannya. Dia memberikan makanan itu kepada pengikut-pengikut-Nya untuk dihidangkan kepada orang ramai. [17] Semua orang makan hingga kenyang dan dua belas bakul lebihan makanan dipungut oleh pengikut-pengikut-Nya.

Pengakuan Petrus tentang Isa

[18] Pada suatu hari semasa Isa berdoa bersendirian, pengikut-pengikut-Nya datang kepada-Nya. Isa bertanya kepada mereka, 'Mengikut orang ramai, siapakah Aku?'

[19] Mereka menjawab, 'Ada yang mengatakan Yahya Pengimad; ada yang mengatakan Ilyas; dan ada pula yang berkata bahawa salah seorang daripada nabi telah hidup semula.'

[20] Isa berkata kepada mereka, 'Apa kata kamu: Siapakah Aku pula?'

Petrus menjawab, 'Al-Masih daripada Allah.'

Isa menceritakan kisah penderitaan dan kematian-Nya

[21] Dengan tegasnya Isa melarang mereka memaklumkan hal ini kepada sesiapapun; [22] dan menambah, 'Putera Insan mesti menderita banyak sengsara dan ditentang oleh tua-tua, ketua-ketua imam serta guru-guru Taurat. Dia akan dibunuh, dan bangkit semula pada hari yang ketiga.'

[23] Isa berkata kepada semua, 'Jikalau seseorang mahu mengikut-Ku, dia hendaklah melupakan kepentingan diri, memikul salibnya setiap hari dan mengikut-Ku. [24] Sesiapa yang mahu memelihara nyawanya akan kehilangannya. Tetapi sesiapa yang mengorbankan nyawanya kerana Aku akan memeliharanya. [25] Apakah untungnya kepada seseorang jikalau dia memiliki seluruh dunia tetapi dirinya sendiri kehilangan atau kerugian? [26] Jika sesiapa malu mengakui Aku dan ajaran-Ku, Putera Insan juga malu mengakui dia tatkala Dia datang kelak dengan kemuliaan-Nya sendiri, dan dengan kemuliaan Bapa-Nya serta segala malaikat suci. [27] Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa ada beberapa orang yang berdiri di sini yang tidak akan mengalami maut sebelum mereka melihat kerajaan Allah.'

Isa dipermulia

[28] Kira-kira lapan hari setelah Isa mengatakan perkara-perkara tersebut, Dia membawa Petrus, Yahya dan Yakobus menaiki bukit untuk berdoa. [29] Semasa Isa berdoa, wajah-Nya berubah dan pakaian-Nya menjadi putih berkilau-kilauan. [30] Tiba-tiba dua orang muncul dan bercakap dengan-Nya. [31] Mereka ialah Musa dan Ilyas yang kelihatan bersinar-sinar dengan kemuliaan dan mereka bercakap dengan Isa tentang kewafatan-Nya yang akan ditunaikan di Baitulmaqdis. [32] Petrus dan teman-temannya tidur lena tetapi setelah terjaga, mereka melihat kemuliaan Isa serta kedua-dua orang yang berdiri bersama-Nya. [33] Apabila kedua-dua orang itu hendak meninggalkan Isa, Petrus berkata kepada-Nya, 'Tuan, betapa bahagianya kami berada di sini. Biarlah kami membuat tiga buah khemah: sebuah untuk Tuan, sebuah untuk Musa dan sebuah lagi untuk Ilyas.' Sebenarnya, dia tidak mengetahui apa yang dikatakannya itu.

[34] Ketika Petrus berkata demikian, suatu awan meliputi mereka dan mereka ketakutan. [35] Lalu kedengaran suara dari dalam awan itu mengatakan, 'Inilah Putera-Ku yang Aku pilih. Dengarlah kata-kata-Nya!' [36] Setelah suara itu berhenti, Isa kelihatan seorang sahaja. Pengikut-pengikut itu berdiam

diri dan tidak menceritakan kepada sesiapa jua apa yang telah disaksikan oleh mereka itu.

Isa menyembuhkan budak yang dirasuk roh iblis

37 Pada keesokan harinya, mereka turun dari bukit itu dan orang ramai bertemu dengan
Isa. 38 Seorang antaranya berseru, ‘Tuan Guru, tolonglah anakku kerana dia anak tunggalku. 39 Dia
dirasuk sesuatu roh lalu tiba-tiba dia berteriak dan tersentak-sentak sehingga mulutnya berbuih-buih.
Roh itu mencederakannya dan tidak mahu melepaskannya. 40 Aku telah memohon pengikut-pengikut
Tuan supaya mengusir roh itu, tetapi mereka tidak dapat melakukannya.’

41 Isa menjawab, ‘Hai angkatan yang tidak percaya dan sesat ini! Berapa lamakah harus Aku
bersama kamu dan bersabar terhadap kamu? Bawalah anakmu itu ke mari.’

42 Semasa dia datang, roh durjana itu mencampakkannya ke tanah lalu membuatnya tersentak-
sentak. Tetapi Isa memarahi roh durjana itu, lalu menyembuhkan budak itu dan menyerahkannya
kepada bapanya. 43 Semua orang tercengang menyaksikan keagungan Allah.

Isa bercakap tentang kematian-Nya lagi

Sementara semua orang masih hairan akan segala yang dibuat oleh Isa, Dia berkata kepada
pengikut-pengikut-Nya, 44 ‘Jangan lupa akan apa yang Aku katakan kepadamu ini: Putera Insan akan
diserahkan ke tangan orang.’ 45 Mereka tidak mengetahui maksudnya kerana tersembunyi daripada
mereka supaya mereka tidak memahaminya. Mereka takut pula bertanya kepada Isa tentang perkara
itu.

Siapakah yang terbesar?

46 Mereka bertengkar sesama sendiri tentang siapa antara mereka yang terbesar. 47 Isa
mengetahui apa yang difikirkan mereka. Dia memanggil seorang kanak-kanak dan menyuruhnya
berdiri di sisi-Nya. 48 Isa berkata, ‘Sesiapa yang menerima kanak-kanak ini kerana Nama-Ku
menerima Aku; dan sesiapa yang menerima Aku menerima Dia yang mengutus Aku. Sesiapa yang
rendah sekali hatinya antara kamu semua — dialah yang terbesar!’

Yang tidak melawan kamu berpihak kepada kamu

49 Yahya berkata, ‘Tuan, kami telah melihat seorang yang mengusir roh-roh iblis dengan
menggunakan Nama-Mu, dan kami melarang dia kerana dia tidak termasuk dalam golongan kami.’

50 Isa berkata kepadanya, ‘Janganlah kamu larang dia. Orang yang tidak melawan kamu berpihak
kepada kamu.’

Penduduk di sebuah kampung Samaria tidak menerima Isa

51 Tatkala waktunya sudah dekat untuk Isa diangkat ke syurga, Dia menetapkan hati-Nya untuk
menuju ke Baitulmaqdis. 52 Dia menyuruh beberapa utusan mendahului-Nya. Mereka pun masuk ke
sebuah kampung orang Samaria untuk menyediakan tempat persinggahan bagi Isa. 53 Tetapi orang
Samaria tidak menerima Isa kerana Dia sedang menuju ke Baitulmaqdis. 54 Ketika Yakobus dan
Yahya, pengikut-pengikut Isa melihat perkara ini, mereka berkata, ‘Tuan, adakah Tuan mahu kami
menyuruhkan api turun dari langit untuk membinasakan orang Samaria ini?’ 55 Isa berpaling dan
memarahi mereka. 56 Lalu mereka pergi ke sebuah kampung yang lain.

Syarat-syarat menjadi pengikut Isa

57 Ketika mereka dalam perjalanan, seorang berkata kepada Isa, ‘Aku hendak mengikut Engkau
ke mana sahaja Engkau pergi.’

58 Isa berkata kepadanya, ‘Musang ada lubangnya dan burung ada sarangnya tetapi Putera Insan
tiada tempat untuk meletakkan kepalanya.’

59 Isa berkata kepada seorang yang lain, ‘Ikutlah Aku.’

Tetapi dia menjawab, ‘Biarlah aku pergi mengebumikan jenazah bapaku dahulu.’

60 Isa berkata kepadanya, ‘Biarlah orang mati mengebumikan orang mati mereka; tetapi engkau
pergilah menyampaikan perkhabaran tentang kerajaan Allah.’

61 Seorang lain pula berkata, ‘Aku hendak mengikut Tuan, tetapi biarlah aku pergi mengucapkan
selamat tinggal kepada kaum keluargaku terlebih dahulu.’

62 Isa berkata kepadanya, ‘Tiada seorang pun yang mula membajak dan asyik menoleh ke
belakang layak bagi kerajaan Allah.’

10 *Isa mengutus tujuh puluh orang pengikut*

1 Setelah itu Junjungan memilih tujuh puluh orang pengikut lain dan menyuruh mereka pergi berdua-
dua mendahului-Nya ke setiap bandar dan tempat yang akan dikunjungi-Nya. 2 Dia berkata kepada
mereka, ‘Hasil tuaian sungguh banyak tetapi penuai sedikit sahaja. Oleh itu, mintalah Tuan punya
tuaian menyuruh lebih ramai penuai ke tempat tuaiannya. 3 Pergilah kamu! Aku mengutus kamu pergi
seperti anak domba ke tengah-tengah serigala. 4 Janganlah bawa dompet atau beg sedekah atau
kasut dan jangan berhenti di jalan untuk bersalam dengan sesiapapun.

5 ‘Apabila kamu memasuki sesebuah rumah, kamu hendaklah terlebih dahulu mengucapkan
“Sejahteralah seisi rumah ini.” 6 Jikalau orang yang tinggal di rumah itu layak menerima sejahtera,
sejahteramu akan tetap padanya. Jika tidak, sejahteramu itu akan kembali kepadamu. 7 Tinggallah di
rumah yang sama, dan makan serta minum apa sahaja yang dihidangkan kerana orang yang bekerja
itu layak mendapat upah. Jangan berpindah dari rumah ke rumah.

8 ‘Apabila kamu pergi ke sesebuah bandar dan kamu disambut, makanlah apa sahaja yang
dihidangkan. 9 Sembuhkan orang sakit yang ada di situ dan berkata kepada mereka, “Kerajaan Allah
telah mendekati kamu.” 10 Apabila kamu pergi ke sesebuah bandar dan kamu tidak disambut, kamu
hendaklah keluar ke jalan dan berkata, 11 “Debu bandarmu yang terlekat di kaki kami pun kami
kebaskan sebagai bantahan terhadapmu. Tetapi ketahuilah bahawa kerajaan Allah telah mendekati
kamu.” 12 Aku berkata kepadamu bahawa pada hari pengadilan nanti, penduduk Sodom akan kurang
sengsaranya daripada penduduk bandar itu.

Malangnya bandar yang tidak percaya

13 ‘Malangnya kamu, penduduk Korazin! Malangnya kamu, penduduk Baitsaida! Jikalau mukjizat
yang dilakukan di kalangan kamu dilakukan di Tirus dan Sidon, sudah lama penduduk di situ
bertaubat daripada dosa mereka dengan memakai baju kabung dan menaruh abu pada
kepala. 14 Penduduk Tirus dan Sidon akan kurang sengsaranya daripada kamu pada hari pengadilan
nanti. 15 Hai penduduk Kapernaum, adakah kamu akan ditinggikan sampai ke langit? Tidak, kamu
akan dicampakkan ke dalam neraka!’

16 ‘Sesiapa yang mendengar kata-katamu mendengar kata-kata Aku; sesiapa yang menentangmu
menentang Aku; dan sesiapa yang menentang Aku juga menentang Dia yang mengutus Aku.’

Tujuh puluh orang pengikut itu kembali

17 Tujuh puluh orang pengikut itu kembali dengan sukacitanya dan berkata, ‘Ya Junjungan, demi
nama-Mu segala roh iblis pun menurut perintah kami.’

18 Isa berkata kepada mereka, ‘Aku melihat Iblis jatuh dari langit seperti kilat. 19 Aku telah
memberimu kuasa untuk memijak ular dan kala jengking serta kuasa atas segala kekuatan musuh.
Tiada apa-apa yang dapat mencederakan kamu. 20 Tetapi jangan kamu bersukacita kerana segala roh
iblis menurut perintahmu tetapi bersukacitalah kerana namamu tercatat di syurga.’

Isa bersukacita

21 Pada ketika itu, Isa bersukacita kerana dipenuhi dengan Roh Suci lalu berkata, ‘Ya Bapa yang
memerintah langit dan bumi, Aku bersyukur kerana Engkau telah menunjukkan kepada orang yang
seperti kanak-kanak apa yang Engkau sembunyikan daripada orang yang terpelajar dan pandai. Ya
Bapa, ini dilakukan kerana sedemikianlah yang Engkau berkenan.

22 ‘Bapa-Ku telah menyerahkan segala sesuatu kepada-Ku. Tiada sesiapa mengenal siapa Putera
kecuali Bapa; dan tiada sesiapa mengenal Bapa kecuali Putera serta mereka yang dipilih oleh Putera
untuk menyatakan Bapa.’

23 Isa berpaling kepada pengikut-pengikut-Nya lalu berkata secara sulit, ‘Diberkatilah mata yang
melihat segala perkara yang kamu lihat. 24 Aku memberitahumu bahawa ramai nabi dan raja dahulu
yang ingin melihat apa yang kamu lihat, tetapi tidak dapat melihatnya serta ingin mendengar apa yang

kamu dengar, tetapi tidak dapat mendengarnya.'

Ibarat seorang Samaria yang baik hati

25 Seorang ahli Taurat datang dan cuba memerangkap Isa. Dia bertanya, 'Tuan Guru, apakah
yang patut aku buat supaya memperoleh hidup yang kekal?'

26 Isa berkata, 'Apakah yang tercatat dalam Taurat? Bagaimanakah kamu mentafsirnya?'

27 Ahli Taurat itu menjawab, ' "Engkau hendaklah mengasihi Allah, Tuhanmu dengan sepenuh
hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh kekuatanmu dan dengan sepenuh fikiranmu serta
engkau hendaklah mengasihi sesama manusia seperti dirimu sendiri." '

28 Isa berkata kepadanya, 'Betullah jawapanmu. Berbuatlah demikian dan kamu akan hidup.'

29 Tetapi dia hendak membela dirinya lalu dia berkata kepada Isa, 'Siapakah sesama manusia
itu?'

30 Isa menjawab, 'Ada seorang dalam perjalanan dari Baitulmaqdis ke Yerikho. Dia diserang oleh
penyamun yang merompaknya dan membelasahnya sehingga setengah mati. 31 Kebetulannya,
seorang imam melalui jalan itu. Apabila dia melihat si malang itu, dia menyeberangi jalan dan
meneruskan perjalanannya. 32 Begitu juga seorang suku bangsa Lewi melalui tempat itu dan melihat si
malang itu. Dia juga menyeberangi jalan dan meneruskan perjalanannya. 33 Akan tetapi, seorang
bangsa Samaria juga lalu di tempat itu dalam perjalanannya. Dia melihat si malang itu dan hatinya
dipenuhi dengan belas kasihan. 34 Dia menghampiri si malang itu lalu membersihkan luka-lukanya
dengan air anggur dan minyak serta membalut luka itu. Kemudian, dia menaikkan si malang itu ke
atas keldai tunggangannya dan membawanya ke rumah tumpangan untuk terus merawatinya di
situ. 35 Pada keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan
rumah tumpangan untuk perbelanjaan si malang itu sambil berkata, "Jagalah dia dan sekiranya wang
ini tidak cukup untuknya, aku akan membayarnya apabila aku datang kembali."'

36 Isa berkata, 'Antara tiga orang itu, siapakah pada pandangan kamu menjadi sesama manusia
kepada orang yang dirompak oleh penyamun?'

37 Ahli Taurat itu menjawab, 'Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya.' Isa berkata,
'Pergi dan berbuatlah sedemikian.'

Isa melawat Marta dan Maryam

38 Isa dan pengikut-pengikut-Nya meneruskan perjalanan dan sampai di sebuah kampung.
Seorang perempuan yang bernama Marta menyambut Dia ke rumahnya. 39 Maryam, adik Marta,
duduk sahaja untuk mendengar pengajaran Junjungan 40 tetapi Marta pula sibuk melayani mereka.
Marta menghampiri Isa dan berkata, 'Junjungan, tidakkah Junjungan peduli bahawa adikku
membiarkan aku membuat semua kerja ini seorang diri? Suruhlah dia menolong aku.'

41 Junjungan menjawab, 'Marta, Marta, engkau khuatir dan bersusah payah tentang banyak
perkara. 42 Tetapi satu perkara sahaja yang diperlukan. Maryam telah memilih perkara baik itu yang
tidak akan diambil daripadanya.'

11 *Pengajaran Isa tentang doa*

1 Isa berdoa di suatu tempat dan setelah Dia berhenti, salah seorang daripada pengikut-Nya berkata,
'Junjungan, ajarlah kami berdoa seperti Yahya mengajar pengikut-pengikutnya.'

2 Isa berkata kepada mereka, 'Apabila kamu berdoa, katakanlah:

' "Ya Bapa, sucilah Namu-Mu;

Datanglah kerajaan-Mu;

3 Berilah kami makanan yang secukupnya setiap hari;

4 Ampunkanlah dosa-dosa kami,

sebagaimana kami mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap kami;

janganlah biarkan kami tergoda." '

5 Isa meneruskan kata-Nya, 'Siapakah antara kamu yang akan pergi kepada sahabatnya pada lewat
malam lalu berkata kepadanya, "Hai sahabat, pinjamilah aku tiga buku roti 6 kerana seorang sahabatku

telah singgah di rumahku dalam perjalanannya dan aku tiada makanan apa-apa untuk dihidangkan."

7 'Sahabat itu menjawab dari dalam rumahnya, "Janganlah ganggu aku kerana pintu sudah dikunci
dan kami semua telah pun masuk tidur. Aku tidak dapat bangun dan memberikan apa-apa." '8 Isa
berkata, 'Aku berkata kepadamu bahawa sungguhpun, dia tidak mahu bangun memberikan pinjaman
itu kepadamu kerana kamu sahabatnya, tetapi dia akan bangun juga dan memberikan pinjaman
seberapa banyak yang kamu perlukan kalau kamu tidak segan untuk terus meminta daripadanya.

9 'Oleh itu, Aku berkata kepadamu: Mintalah supaya kamu akan diberi; carilah supaya kamu akan
mendapat; ketuklah pintu supaya pintu akan dibuka untukmu. 10 Kerana setiap orang yang meminta
akan menerima; yang mencari akan mendapat; dan pintu akan dibuka kepada orang yang
mengetuknya.

11 'Bapa yang manakah di antara kamu akan memberikan ular kepada anaknya yang meminta
ikan, 12 atau memberikan kala jengking kalau dipintanya telur? 13 Jika kamu yang jahat tahu
memberikan barang yang baik kepada anak-anakmu, apatah lagi Bapamu yang di syurga akan
memberikan Roh Suci kepada orang yang meminta-Nya!'

Isa dan Beelzebul

14 Isa mengusir roh iblis daripada seorang yang bisu. Setelah roh itu keluar, orang bisu itu pun
mula bercakap. Orang ramai pun hairan. 15 Tetapi ada orang yang berkata, 'Dia mengusir roh-roh iblis
dengan kuasa Beelzebul, ketua semua roh iblis.' 16 Orang lain cuba memerangkap Isa dengan
meminta-Nya melakukan suatu mukjizat untuk menunjukkan Allah berkenan dengan-Nya.

17 Isa mengetahui fikiran mereka lalu berkata kepada mereka, 'Setiap negara yang berbelah
bahagi dan bermusuhan sesama rakyatnya tidak akan tahan lama dan setiap keluarga yang
bersengketa sesama sendiri akan hancur. 18 Jikalau kerajaan Iblis berlawan-lawanan sesama sendiri,
bagaimanakah kerajaannya dapat bertahan? Kamu berkata bahawa Aku mengusir roh-roh iblis
dengan kuasa Beelzebul. 19 Tetapi jikalau Aku mengusir roh-roh iblis dengan kuasa Beelzebul, maka
dengan kuasa siapakah pula pengikut-pengikutmu mengusir roh-roh iblis? Maka pengikut-pengikutmu
sendiri akan menghakimi kamu! 20 Tetapi jika Aku mengusir roh-roh iblis dengan kuasa Allah, maka ini
menunjukkan bahawa kerajaan Allah telah datang kepada kamu.

21 'Apabila seorang yang gagah dan bersenjata lengkap mengawal rumahnya, harta bendanya
selamat; 22 tetapi apabila seorang yang lebih gagah menyerang dan mengalahkannya, yang lebih
gagah itu akan merampas segala senjata yang diperlukan oleh tuan rumah itu lalu membahagikan
harta yang dirampasnya.

23 'Orang yang tidak berpihak kepada Aku menentang Aku; dan orang yang tidak bersama Aku
bercerai-berai.

Roh durjana kembali

24 'Apabila roh durjana keluar daripada seseorang, roh itu mengembara di tempat yang kering
untuk mencari tempat berehat. Jika tempat itu tidak dapat dicari, roh itu berkata, "Aku akan pulang ke
tempat kediamanku yang lama." 25 Roh itu kembali dan mendapati tempat kediamannya itu bersih dan
kemas. 26 Kemudian dia pergi membawa tujuh roh lain yang lebih durjana daripadanya lalu mereka
tinggal di situ. Keadaan orang itu pada akhirnya lebih teruk daripada dahulu.'

Kebahagiaan yang sejati

27 Setelah Isa berkata demikian, seorang perempuan antara orang ramai itu berkata, 'Diberkatilah
perempuan yang melahirkan dan menyusui Engkau.'

28 Tetapi Isa berkata, 'Bahkan lebih diberkati lagi orang yang mendengar firman Allah dan
mematuhinya.'

Meminta mukjizat dilakukan

29 Semasa orang ramai mengerumuni Isa, Dia berkata, 'Betapa durjananya orang zaman ini!
Mereka meminta mukjizat dilakukan sebagai alamat daripada Allah tetapi alamat tidak akan diberi
kecuali alamat Nabi Yunus 30 kerana seperti Yunus telah menjadi alamat kepada orang Niniwe,
demikian juga Putera Insan menjadi alamat kepada orang zaman ini. 31 Pada hari pengadilan ratu
negeri Selatan akan bangkit dan mencela mereka kerana ratu itu telah datang dari hujung bumi untuk

mendengar pengajaran Sulaiman yang bijak, dan di sini ada seorang yang lebih besar daripada
Sulaiman. 32 Orang Niniwe akan bangkit pada hari pengadilan dan mencela orang zaman ini kerana
orang Niniwe itu telah bertaubat daripada dosa mereka apabila mendengar khutbah Yunus; dan di sini
ada seorang yang lebih besar daripada Yunus.

Pelita bagi tubuh

33 'Tiada seorang pun yang memasang pelita lalu meletakkannya di tempat yang tersembunyi atau
di bawah pasu. Sebaliknya, dia meletakkannya di atas kaki pelita supaya orang yang masuk dapat
melihat cahayanya. 34 Matamu ialah pelita bagi tubuhmu. Jikalau matamu terang, seluruh tubuhmu
penuh dengan cahaya. Tetapi jika matamu kabur, seluruh tubuhmu pun menjadi gelap. 35 Oleh itu,
berjaga-jagalah supaya cahaya dalammu itu tidak menjadi gelap. 36 Jikalau seluruh tubuhmu itu terang
tanpa sebarang bahagian yang gelap, seluruh tubuhmu akan terang-benderang seperti sebuah pelita
menerangi kamu dengan cahayanya.'

Isa mengecam orang Farisi dan guru Taurat

37 Setelah Isa habis bercakap, seorang Farisi menjemput Dia makan di rumahnya. Isa pun pergi
lalu bertelekan di meja. 38 Orang Farisi itu kehairanan apabila melihat Isa tidak membasuh tangan-Nya
sebelum makan.

39 Oleh itu Junjungan berkata kepadanya, 'Kamu orang Farisi mencuci bahagian luar pinggan
mangkuk, tetapi kamu penuh dengan ketamakan dan kezaliman dalam hatimu. 40 Hai orang yang
bodoh! Bukankah Dia yang menjadikan bahagian luar juga menjadikan bahagian dalam? 41 Berikanlah
makanan yang ada di dalam pinggan mangkuk itu kepada orang miskin dan segala-galanya akan
menjadi bersih bagimu.

42 'Malangnya kamu, orang Farisi! Kamu membayar sepersepuluh daripada selasih, inggu dan
herba lain kepada Allah, tetapi kamu mengabaikan keadilan dan kasih kepada Allah. Kamu haruslah
membayar sepersepuluh itu tanpa mengabaikan perkara-perkara yang lebih penting.

43 'Malangnya kamu orang Farisi! Kamu suka duduk di kerusi khas di saumaah-saumaah dan
diberi salam dengan hormatnya di pasar-pasar.

44 'Malangnya kamu! Kamu umpama kubur-kubur yang tidak bernisan, yang dipijak-pijak tanpa
disedari oleh orang yang berjalan di atasnya.'

45 Seorang daripada guru Taurat berkata kepada Isa, 'Guru menghina kami juga apabila Guru
berkata sedemikian.'

46 Isa berkata, 'Malangnya kamu guru-guru Taurat, kerana kamu meletakkan beban yang berat ke
atas bahu orang lain, tetapi kamu sendiri tidak menghulurkan satu jari pun untuk menolong mereka
memikul beban itu.

47 'Malangnya kamu! Kamu membina makam untuk nabi-nabi yang telah dibunuh oleh nenek
moyangmu. 48 Oleh itu, kamu menyetujui perbuatan nenek moyangmu itu; kerana mereka telah
membunuh nabi-nabi itu tetapi kamu membina makam mereka pula. 49 Dengan itu, kebijaksanaan
Allah telah mengatakan, "Aku mengutus nabi-nabi dan rasul-rasul kepada mereka, yang
sesetengahnya akan dibunuh atau dianiayai oleh mereka." 50 Jadi, orang zaman ini akan dihukum
atas pembunuhan semua nabi sejak dunia dicipta, 51 iaitu, dari pembunuhan Habil hingga
pembunuhan Zekaria di antara tempat persembahan korban dengan rumah ibadat. Ya, Aku berkata
kepadamu bahawa orang zaman ini akan dihukum atas pembunuhan semua nabi itu.

52 'Malangnya kamu, ahli-ahli Taurat! Kunci ilmu telah kamu ambil; kamu sendiri tidak mahu
masuk tetapi kamu menghalang orang yang cuba hendak masuk.'

53 Setelah Isa keluar dari rumah itu, guru-guru Taurat dan orang Farisi mula mengecam Dia.
Mereka menanya-Nya tentang banyak perkara, 54 dan cuba memerangkap Dia dengan mencari
kesalahan dalam sesuatu yang dikatakan-Nya.

12 *Amaran tentang kepuraan*

1 Oleh sebab tidak terkira ramainya orang berkerumun, mereka pijak-memijak sesama sendiri. Isa pun
berkata, terutamanya kepada pengikut-pengikut-Nya, 'Jagalah dirimu daripada ragi orang Farisi, iaitu
sifat munafik. 2 Tiada sesuatu pun yang tersembunyi yang tidak akan dinyatakan, dan tiada sesuatu

rahsia pun yang tidak akan didedahkan.[3] Apa sahaja yang kamu katakan secara rahsia akan didengar secara terang-terang, dan apa sahaja yang kamu bisikkan di dalam bilik tertutup akan diumumkan.

Takut akan Allah

[4] 'Aku berkata kepadamu, hai sahabat-sahabat-Ku, janganlah kamu takut akan orang yang dapat membunuh tubuh sahaja dan kemudian tidak berkuasa lagi terhadapmu. [5] Aku menyatakan siapa yang harus kamu takuti: Takutlah akan Dia yang setelah mengambil nyawamu, berkuasa pula membuangmu ke dalam neraka. Aku berkata kepadamu supaya takut akan Dia! [6] Bukankah lima ekor burung pipit dijual orang dengan harga dua syiling sahaja? Namun tiada seekor pun dilupakan oleh Allah. [7] Malahan segala rambut di kepalamu telah dihitung. Janganlah kamu takut; kamu lebih bernilai daripada banyak burung pipit itu.

[8] 'Aku berkata kepadamu bahawa tiap-tiap orang yang mengakui Aku di hadapan manusia akan diakui oleh Putera Insan di hadapan malaikat-malaikat Allah. [9] Sesiapa yang tidak mengakui Aku di hadapan manusia tidak akan diakui oleh Putera Insan di hadapan malaikat-malaikat Allah. [10] Sesiapa yang mengeluarkan kata-kata menentang Putera Insan akan diampuni. Tetapi sesiapa yang mengkufuri Roh Suci tidak akan diampuni.

[11] 'Apabila orang membawa kamu untuk didakwa di majlis saumaah atau di hadapan gabenor atau pihak berkuasa, janganlah kamu khuatir bagaimana kamu harus membela diri atau apa yang harus kamu katakan, [12] kerana pada waktu itu Roh Suci akan mengajar kamu apa yang harus kamu katakan.'

Ibarat orang kaya yang bodoh

[13] Seorang daripada orang ramai itu berkata, 'Tuan Guru, suruh abang aku membahagikan warisan denganku.'

[14] Isa menjawab, 'Saudara, siapakah yang menjadikan Aku hakim atau pembahagi warisan kepada kamu?' [15] Isa terus menambah, 'Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.'

[16] Lalu Dia pun menceritakan kepada mereka satu ibarat: 'Seorang kaya mempunyai tanah yang mengeluarkan hasil yang banyak. [17] Dia berfikir dalam hatinya, "Apakah harus aku buat? Tiada lagi tempat untuk menyimpan hasil tanahku."

[18] 'Dia berkata, "Baiklah aku berbuat begini. Aku akan meruntuhkan gudang-gudangku dan membina yang lebih besar. Di situlah aku akan menyimpan segala hasil dan harta bendaku. [19] Aku akan berkata kepada diriku, engkau mempunyai harta yang banyak untuk keperluanmu selama bertahun-tahun. Nikmatilah hidup. Makan minum dan bersuka rialah."

[20] 'Tetapi Allah berfirman kepadanya, "Engkau bodoh! Pada malam ini juga, nyawamu akan dituntut kembali daripadamu. Lalu harta benda yang telah kaukumpulkan itu akan menjadi hak siapa? "

[21] 'Demikianlah halnya orang yang menyimpan harta benda untuk dirinya tetapi tidak kaya pada pandangan Allah.'

Kepercayaan kepada Allah

[22] Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya: 'Sebab itulah Aku berkata kepadamu supaya jangan khuatir tentang makanan untuk hidupmu dan pakaian untuk tubuhmu. [23] Hidupmu tidak hanya bergantung pada makanan, dan tubuhmu tidak hanya bergantung pada pakaian. [24] Perhatikanlah burung gagak yang tidak menabur atau menuai, tidak mempunyai gudang atau rengkiang, tetapi Allah memberikan makanan kepadanya. Kamu lebih bernilai daripada burung-burung itu! [25] Dapatkah sesiapa antaramu memanjangkan umur sedikit pun dengan menaruh khuatir? [26] Jikalau kamu tidak dapat membuat perkara yang sekecil ini, mengapakah kamu khuatir tentang hal-hal yang lain?

[27] 'Perhatikanlah bunga bakung. Bunga ini tidak menenun. Tetapi Aku berkata kepadamu bahawa Sulaiman dengan segala kemuliaannya pun tidak berpakaian seindah bunga-bunga ini. [28] Jikalau Allah menghiasi sedemikian rumput yang hari ini ada di padang tetapi esoknya dibakar, bukankah Dia apatah lagi akan memberikan pakaian kepada kamu! Alangkah lemahnya imanmu! [29] Jadi, janganlah kamu utamakan makanan dan minuman serta janganlah bimbang hati. [30] Orang yang tidak mengenal

Allah mengutamakan perkara-perkara ini, tetapi Bapamu mengetahui kamu memerlukan semua
ini. 31 Sebaliknya, utamakanlah kerajaan Allah dan segala perkara ini akan diberikan-Nya kepadamu.

32 'Janganlah takut, hai golongan kecil sahabat Aku, kerana Bapamu berkenan hendak
memberikan kerajaan-Nya kepadamu. 33 Juallah hartamu dan berikanlah wang itu kepada orang
miskin. Sediakanlah bagi dirimu dompet yang tidak akan usang dan simpanlah kekayaanmu di syurga
yang tidak dapat dimasuki oleh pencuri atau dirosakkan oleh gegat. 34 Kerana di mana hartamu
terkumpul, di situlah hatimu tertumpu.

Hamba yang berjaga-jaga

35 'Kamu hendaklah bersiap sedia dengan pelitamu terpasang. 36 Kamu hendaklah seperti orang
yang menantikan kepulangan tuan mereka dari jamuan perkahwinan. Apabila tuan mereka pulang
dan mengetuk pintu, mereka akan membuka pintu itu dengan serta-merta. 37 Diberkatilah hamba-
hamba yang didapati berjaga-jaga oleh tuan mereka ketika dia pulang. Sesungguhnya, Aku berkata
kepadamu bahawa tuan itu akan menyuruh mereka bertelekan di meja dan dia sendiri akan melayani
mereka. 38 Diberkatilah hamba-hamba itu jikalau tuan itu pulang baik pada tengah malam ataupun
sebelum fajar menyingsing dan mendapati mereka bersiap sedia. 39 Tetapi ketahuilah kamu bahawa
sekiranya tuan rumah mengetahui masa pencuri akan datang, dia tidak akan membiarkan rumahnya
dipecah masuk. 40 Oleh itu, kamu hendaklah bersedia kerana Putera Insan akan datang pada suatu
masa yang tidak kamu sangka.'

Hamba yang setia dan hamba yang derhaka

41 Petrus bertanya, 'Junjungan, adakah Engkau beritahu ibarat ini kepada kami atau kepada
semua orang?'

42 Junjungan menjawab, 'Siapakah hamba yang setia dan bijak? Dialah yang
dipertanggungjawabkan oleh tuannya untuk mengurus rumahtangganya dan memberikan makanan
kepada hamba-hamba yang lain pada waktunya. 43 Diberkatilah hamba yang didapati oleh tuannya
sedang berbuat demikian apabila tuannya pulang. 44 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa
tuan itu akan mempertanggungjawabkan hamba tersebut sebagai pengurus segala hartanya. 45 Tetapi
jikalau hamba itu berfikir dalam hatinya, "Tuan aku pulang lewat," lalu dia mula memukul hamba-
hamba yang lain baik lelaki ataupun perempuan dan makan minum sehingga mabuk, 46 maka tuannya
akan pulang pada hari yang tidak disangka-sangkanya serta pada waktu yang tidak diketahuinya.
Tuan itu akan membuangnya dan menempatkannya bersama orang yang tidak percaya.

47 'Seorang hamba yang mengetahui kehendak tuannya tetapi tidak bersedia serta tidak
melakukannya, akan disebat dengan teruk. 48 Tetapi hamba yang tidak mengetahui kehendak tuannya,
sekalipun melakukan perkara yang patut dihukum sebat, akan dihukum dengan ringan sahaja. Kerana
sesiapa yang diberikan banyak, banyak pula akan dituntut daripadanya. Semakin banyak yang
diamanahkan kepada seseorang, semakin banyak pula yang akan dituntut daripadanya.

Isa menyebabkan perpecahan

49 'Aku datang untuk melontarkan api ke bumi dan betapa inginnya Aku api itu telah
menyala! 50 Aku harus mengalami suatu pengimadan dan betapa resahnya hati-Ku selagi perkara itu
belum selesai. 51 Adakah pada sangkaanmu, Aku datang untuk membawa kedamaian di dunia? Aku
berkata kepadamu, bukan kedamaian melainkan perpecahan! 52 Mulai sekarang, lima orang dalam
sebuah keluarga akan berpecah, tiga melawan dua dan dua melawan tiga. 53 Bapa melawan anak
lelakinya dan anak lelaki melawan bapanya, ibu melawan anak perempuannya dan anak perempuan
melawan ibunya, ibu mertua melawan menantu perempuannya serta menantu perempuan melawan
ibu mertuanya.'

Memahami alamat zaman ini

54 Isa berkata kepada orang ramai itu, 'Apabila kamu melihat awan naik dari barat, kamu akan
berkata, "Hari mahu hujan," dan begitulah berlakunya. 55 Apabila kamu melihat adanya angin selatan
bertiup, kamu berkata, "Hari akan panas terik," dan begitulah berlakunya. 56 Hai munafik! Kamu tahu
mentafsir cuaca dengan melihat alamat di langit dan bumi, tetapi mengapakah kamu tidak memahami
alamat-alamat zaman ini?

Berdamailah dengan musuh

57 ‘Mengapakah kamu sendiri tidak dapat menentukan apa yang benar? 58 Apabila engkau
berjalan menuju ke mahkamah bersama orang yang mendakwamu, berusahalah untuk menyelesaikan
perkara itu dalam perjalanan agar dia tidak mengheretmu ke hadapan hakim dan hakim akan
menyerahkanmu kepada pegawai polis yang akan memasukkanmu ke dalam penjara. 59 Aku berkata
kepadamu bahawa engkau tidak dapat keluar dari situ sehingga engkau membayar seluruh dendamu.’

13 *Bertaubat atau binasa*

1 Pada masa itu beberapa orang datang memberitahu Isa tentang orang Galilea yang dibunuh oleh
Pilatus semasa mereka sedang mempersembahkan korban kepada Allah. 2 Isa berkata, ‘Adakah kamu
menganggap orang Galilea itu lebih berdosa daripada semua penduduk Galilea yang lain kerana
mereka menderita sengsara yang sedemikian? 3 Aku berkata kepadamu bukan begitu; tetapi jikalau
kamu tidak bertaubat daripada dosamu, kamu akan binasa sedemikian juga. 4 Bagaimanakah pula
dengan lapan belas orang yang mati ditimpa oleh menara di Siloam? Adakah mereka lebih bersalah
daripada semua penduduk lain di kota Baitulmaqdis? 5 Aku berkata kepadamu bukan begitu; tetapi
jikalau kamu tidak bertaubat, kamu semua akan binasa sedemikian juga.’

Ibarat tentang pokok ara yang tidak berbuah

6 Isa menceritakan suatu ibarat. ‘Seorang telah menanam pokok ara di kebun buah-buahannya.
Dia datang mencari buahnya, tetapi tidak dijumpai. 7 Dia berkata kepada tukang kebun, “Tengoklah,
sudah tiga tahun aku datang mencari buah daripada pokok ara ini, tetapi tidak juga didapati.
Tebangkanlah pokok ini! Apa gunanya terus menghabiskan kesuburan tanah?”

8 ‘Tukang kebun menjawab, “Tuan, biarkan pokok ini tumbuh setahun lagi. Aku akan mencangkul
tanah di sekelilingnya dan membubuh baja. 9 Kalau pokok ini berbuah, baiklah! Kalau tidak, tuan
boleh menebangnya.”’

Isa menyembuhkan seorang perempuan bongkok

10 Pada hari Sabat Isa mengajar di salah sebuah saumaah. 11 Di situ ada seorang perempuan
yang dirasuk oleh sesuatu roh yang melemahkannya selama lapan belas tahun. Belakangnya
bongkok lipat dua dan dia tidak dapat berdiri tegak. 12 Apabila Isa nampak perempuan itu, Dia
memanggilnya dan berkata, ‘Sembuhlah daripada penyakitmu.’ 13 Lalu Isa meletakkan tangan-Nya
pada perempuan itu. Seketika itu juga, dia berdiri tegak dan memuji Allah.

14 Tetapi ketua saumaah itu marah kerana Isa telah menyembuhkan orang pada hari Sabat. Lalu
dia berkata kepada orang ramai, ‘Dalam seminggu ada enam hari yang dibenarkan untuk bekerja.
Jadi, datanglah untuk disembuhkan pada salah satu hari itu dan bukannya pada hari Sabat.’

15 Junjungan menjawab, ‘Kamu munafik! Bukankah kamu masing-masing melepaskan lembu atau
keldaimu dari kandang untuk dibawa pergi minum pada hari Sabat? 16 Sekarang perempuan daripada
keturunan Ibrahim ini telah dibelenggu oleh Iblis selama lapan belas tahun, tidak haruskah dia
dibebaskan daripada belenggunya pada hari Sabat?’

17 Jawapan Isa memalukan semua musuh-Nya tetapi orang ramai bersukacita kerana segala
perkara menakjubkan yang dilakukan oleh Isa.

Ibarat biji sesawi dan ragi

18 Isa berkata, ‘Bagaimanakah keadaan kerajaan Allah dan dengan apakah dapat Aku
bandingkannya? 19 Keadaannya umpama biji sesawi yang ditanam orang di dalam kebunnya. Benih
itu tumbuh dan menjadi pokok lalu burung di udara membuat sarang pada cabang-cabangnya.’

20 Isa berkata lagi, ‘Dengan apakah dapat Aku bandingkan kerajaan Allah? 21 Keadaannya
umpama ragi dicampur oleh seorang perempuan dengan tiga gantang tepung sampai seluruh
adunannya naik.’

Pintu yang sempit

22 Dalam perjalanan ke Baitulmaqdis, Isa melalui beberapa buah kota dan kampung sambil
mengajar. 23 Seorang bertanya kepada-Nya, ‘Tuan, adakah segelintir sahaja yang akan diselamatkan?’

Isa menjawab, [24] ‘Berusahalah untuk memasuki pintu yang sempit. Aku berkata kepadamu bahawa ramai orang akan mencari jalan masuk, tetapi mereka tidak mendapatinya. [25] Tuan rumah akan bangun dan menguncikan pintu ketika kamu berdiri di luar mengetuk pintu sambil berkata, “Tuan, tuan, bukalah pintu.”

‘Tetapi dia akan menjawab, “Aku tidak tahu dari mana kamu datang.”

[26] ‘Kemudian kamu akan berkata, “Kami telah makan dan minum bersama tuan, dan tuan mengajar di kota kami.”

[27] ‘Tetapi tuan itu akan berkata, “Aku tidak tahu dari mana kamu datang. Nyahlah, kamu semua yang melakukan kejahatan!”

[28] ‘Di tempat itu akan terdapat ratapan dan kertakan gigi apabila kamu melihat Ibrahim, Ishak dan Yakub bersama semua nabi di dalam kerajaan Allah, tetapi kamu diusir keluar. [29] Orang akan datang dari timur dan barat, dari utara serta selatan untuk menikmati jamuan di dalam kerajaan Allah. [30] Sesungguhnya, orang yang terakhir akan menjadi yang terdahulu, dan orang yang terdahulu akan menjadi yang terakhir.’

Keluhan Isa terhadap Baitulmaqdis

[31] Pada masa itu beberapa orang Farisi datang kepada Isa dan berkata, ‘Pergilah dari sini ke tempat yang lain. Herodes hendak membunuh-Mu.’

[32] Isa menjawab, ‘Pergilah beritahu si musang, “Pada hari ini dan esok Aku mengusir roh-roh iblis serta menyembuhkan orang tetapi pada hari ketiga Aku akan menyelesaikan tugas-Ku.” [33] Namun, Aku harus meneruskan perjalanan pada hari ini, esok dan lusa. Seorang nabi tidak dibunuh di tempat lain kecuali di Baitulmaqdis.

[34] ‘Baitulmaqdis, Baitulmaqdis! Engkau membunuh nabi-nabi dan merejam utusan-utusan Allah. Sudah beberapa kali Aku ingin menaungi semua pendudukmu seperti seekor ibu ayam melindungi anak-anaknya di bawah kepaknya, tetapi engkau tidak mahu. [35] Sekarang rumahmu akan ditinggalkan sama sekali. Aku berkata kepadamu bahawa kamu tidak akan melihat Aku sehingga tiba masanya kamu berkata, “Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan!” ’

14 *Isa menyembuhkan seorang yang sakit*

[1] Pada hari Sabat Isa pergi makan di rumah seorang Farisi yang terkemuka. Orang terus memerhatikan Isa dengan teliti. [2] Dan di situ seorang lelaki yang sakit busung berada di hadapan Isa [3] Kemudian Isa bertanya kepada ahli-ahli Taurat dan orang Farisi, ‘Adakah Taurat membenarkan orang disembuhkan pada hari Sabat atau tidak?’ [4] Tetapi mereka diam sahaja. Lalu Isa memanggil orang itu dan menyembuhkannya serta menyuruhnya pulang.

[5] Kemudian Isa berkata kepada mereka, ‘Jikalau lembu atau keldaimu jatuh ke dalam perigi pada hari Sabat, siapakah antara kamu yang tidak menariknya keluar dengan serta-merta pada hari Sabat itu juga?’ [6] Mereka tidak dapat memberikan jawapan tentang perkara itu.

Murah hati dan rendah hati

[7] Ketika Isa melihat bagaimana tetamu memilih tempat duduk yang terbaik di jamuan itu, Dia mengatakan suatu ibarat kepada mereka: [8] ‘Apabila kamu dijemput orang ke majlis perkahwinan, janganlah duduk di tempat yang terbaik. Mungkin seorang yang lebih penting daripada kamu telah dijemput, [9] dan tuan rumah akan datang dan berkata kepadamu, “Berikanlah tempatmu kepada orang ini.” Lalu dengan malu sahaja kamu berpindah ke tempat yang paling belakang. [10] Oleh itu, apabila kamu dijemput orang, pergilah duduk di tempat yang paling belakang supaya tuan rumah datang dan berkata kepadamu, “Saudara, silakanlah ke tempat yang lebih baik.” Dengan itu, kamu mendapat penghormatan di hadapan semua orang jemputan itu. [11] Sesiapa yang memuliakan dirinya akan direndahkan dan yang merendahkan dirinya akan dimuliakan.’

[12] Kemudian Isa berkata kepada tuan rumah, ‘Apabila mengadakan suatu majlis makan tengah hari atau malam, janganlah jemput sahabat-sahabatmu atau adik-beradikmu atau sanak-saudaramu atau jiran tetanggamu yang kaya kerana mereka akan menjemputmu pula dan itulah sahaja balasan atas perbuatanmu. [13] Apabila mengadakan suatu jamuan, jemputlah orang miskin, orang kudung, orang tempang dan orang buta. [14] Diberkatilah kamu kelak kerana mereka tidak dapat membalas

jemputanmu, tetapi kamu akan dianugerahi Allah pada hari kebangkitan orang yang benar daripada kematian.'

Ibarat jamuan besar

15 Salah seorang jemputan itu mendengar kata-kata Isa lalu berkata, 'Diberkatilah orang yang
akan dijamu di dalam kerajaan Allah.'

16 Isa berkata kepadanya: 'Ada seorang yang mengadakan jamuan besar dan dia menjemput
ramai orang. 17 Apabila tiba masanya, dia menyuruh hambanya pergi memberitahu para jemputannya,
"Silakanlah, kerana semuanya siap sedia."

18 'Tetapi masing-masing mula berdalih. Yang pertama berkata, "Aku telah membeli sebuah
ladang dan aku harus pergi ke sana. Aku minta maaf."

19 'Seorang yang lain berkata, "Aku telah membeli lima pasang lembu dan harus pergi mencuba
lembu-lembu itu. Aku minta maaf."

20 'Seorang yang lain lagi berkata, "Aku baru berkahwin. Oleh itu, aku tidak dapat datang."

21 'Hamba itu pulang dan memberitahu tuannya hal ini. Tuan rumah itu sangat marah dan
menyuruh hambanya, "Pergilah dengan segera ke jalan-jalan dan lorong-lorong kota dan bawalah
orang miskin, orang kudung, orang buta dan orang tempang ke mari."

22 'Hamba itu berkata, "Tuan, apa yang tuan suruh telah dilakukan tetapi masih ada tempat lagi."

23 'Tuan rumah berkata kepada hambanya, "Pergilah ke jalan-jalan raya dan lorong-lorong di luar
kota serta suruh orang datang supaya rumahku penuh. 24 Aku berkata kepadamu bahawa tiada
seorang pun antara mereka yang telah dijemput itu, akan menikmati jamuanku ini." '

Pengorbanan menjadi pengikut Isa

25 Orang ramai sedang mengiringi Isa apabila Dia berpaling dan berkata kepada
mereka: 26 'Jikalau seseorang datang kepada-Ku dan dia lebih mengasihi ibu bapanya, isterinya,
anak-anaknya, adik-beradiknya dan dirinya, dia tidak boleh menjadi pengikut-Ku. 27 Sesiapa yang
tidak memikul salibnya dan mengikut-Ku tidak boleh menjadi pengikut-Ku.

28 'Jikalau seseorang antara kamu ingin membina sebuah menara, dia akan terlebih dahulu duduk
dan menganggarkan perbelanjaannya untuk memastikan sama ada dia mempunyai wang yang cukup
untuk menyiapkan pembinaan itu. 29 Jikalau dia sudah meletakkan asas menara itu, tetapi tidak dapat
menyiapkan pembinaannya, semua orang yang melihat hal itu akan mengejeknya. 30 "Orang ini telah
memulakan pembinaan itu, tetapi tidak dapat pula menyiapkannya."

31 'Jikalau seorang raja yang mempunyai sepuluh ribu orang askar hendak keluar berperang
dengan raja lain yang membawa dua puluh ribu orang askar untuk menyerangnya, dia akan
mempertimbangkan dahulu sama ada dia cukup kuat untuk menentang raja tersebut. 32 Kalau dia
tidak dapat berbuat demikian, dia akan memerintah utusan-utusannya untuk bertanyakan syarat-
syarat perdamaian semasa musuhnya masih jauh lagi. 33 Begitu juga sesiapa antara kamu yang tidak
meninggalkan segala miliknya, tidak boleh menjadi pengikut-Ku.

34 'Garam itu baik tetapi jikalau menjadi tawar, bagaimanakah garam itu dapat dimasinkan
semula? 35 Garam itu tidak berguna untuk menyuburkan tanah atau dijadikan baja kecuali dibuang
sahaja. Orang yang bertelinga, dengarlah.'

15 *Domba yang hilang*

1 Pada suatu hari semua pemungut cukai dan orang yang berdosa datang mendengar Isa. 2 Orang
Farisi dan guru-guru Taurat bersungut-sungut, 'Orang ini menyambut orang berdosa dan makan
bersama mereka.'

3 Isa pun mengatakan ibarat ini kepada mereka. 4 'Jikalau seorang antara kamu mempunyai
seratus ekor domba lalu kehilangan seekor, apakah yang akan dilakukannya? Dia akan meninggalkan
sembilan puluh sembilan ekor domba di padang lalu pergi mencari domba yang hilang itu sehingga
ditemukannya. 5 Setelah dia menemukannya, dia memikul domba itu di atas bahunya. 6 Setibanya di
rumah, dia memanggil sahabat-sahabat dan jiran tetangganya lalu berkata, "Bergembiralah dengan
aku kerana aku telah menemukan domba aku yang hilang itu." 7 Aku berkata kepadamu bahawa

begitu jugalah kegembiraan di syurga kerana seorang yang berdosa bertaubat lebih daripada kegembiraan ke atas sembilan puluh sembilan orang yang benar yang tidak perlu bertaubat.

Wang yang hilang

8 'Atau seandainya seorang perempuan yang mempunyai sepuluh keping wang perak kehilangan sekeping, apakah yang akan dilakukannya? Dia akan memasang pelita lalu menyapu rumah dan mencari dengan cermat sehingga dia menemukannya kembali. 9 Setelah itu, dia memanggil sahabat-sahabat dan jiran tetangganya dan berkata, "Bergembiralah dengan aku kerana aku telah menemukan sekeping wang yang hilang itu." 10 Aku berkata kepadamu bahawa malaikat-malaikat Allah bergembira kerana seorang yang berdosa bertaubat.'

Anak lelaki yang hilang

11 Isa berkata seterusnya: 'Ada seorang yang mempunyai dua orang anak lelaki. 12 Anak bongsu berkata kepada bapanya, "Ayah, berilah aku sekarang bahagian harta yang akan menjadi pusakaku." Lalu bapa itu membahagikan hartanya kepada kedua-dua anaknya itu.

13 'Tidak lama kemudian, yang bongsu itu menjual hartanya dan merantau ke negeri yang jauh. Di situ dia memboroskan wangnya dengan hidup berfoya-foya. 14 Setelah dia menghabiskan kesemua wangnya, suatu kebuluran yang teruk berlaku di negeri itu dan dia dalam keadaan serba kekurangan. 15 Dia pergi bekerja dengan seorang penduduk negeri itu dan disuruh menjaga babi di ladangnya. 16 Dia ingin mengisi perutnya dengan sekam kacang yang dimakan oleh babi tetapi tiada seorang pun yang memberikan apa-apa kepadanya.

17 'Akhirnya, dia sedar dan berkata, "Semua orang gaji bapaku dapat makan sehingga kenyang, tetapi aku ini hampir mati kelaparan! 18 Aku hendak kembali kepada bapaku, dan aku akan berkata kepadanya: Ayah, aku telah berbuat dosa kepada Allah dan kepada ayah. 19 Aku tidak layak disebut sebagai anak ayah. Jadikanlah aku ini sebagai salah seorang gaji ayah." 20 Dia pun kembali kepada bapanya.

'Semasa dia masih jauh lagi, bapanya nampak dia. Hatinya penuh dengan belas kasihan dan dia berlari menemuinya. Bapanya memeluk dan menciumnya.

21 'Anak itu berkata kepada bapanya, "Ayah, aku telah berbuat dosa kepada Allah dan kepada ayah. Aku tidak layak disebut anak ayah."

22 'Bapa itu menyuruh hamba-hambanya, "Segeralah ambil pakaian yang terbaik dan pakaikanlah kepada anakku. Sarungkan sebentuk cincin di jarinya dan pakaikan kasut pada kakinya. 23 Pilihlah dan sembelihlah anak lembu yang tambun, dan marilah kita mengadakan jamuan dan bersuka ria; 24 kerana anakku ini telah mati dan hidup kembali; dia telah sesat dan ditemui kembali." Lalu mereka mula bersuka ria.

25 'Pada masa itu anak sulung bekerja di ladang. Apabila dia pulang ke rumah, dia terdengar bunyi muzik dan orang menari-nari. 26 Dia memanggil seorang hamba lalu bertanya, "Apakah yang sedang berlaku ini?" 27 Hamba itu menjawab, "Adik tuan telah pulang dan bapa tuan telah menyembelih anak lembu yang tambun kerana adik tuan pulang dengan selamatnya."

28 'Anak sulung itu sangat marah sehingga dia tidak mahu masuk ke dalam rumah. Ayahnya keluar lalu memujuk dia. 29 Anak sulung itu berkata, "Tengoklah, bertahun-tahun aku bekerja untuk ayah. Aku tidak pernah melanggar perintah ayah. Tetapi ayah tidak pernah memberikan seekor anak kambing pun kepada aku supaya aku dapat bersuka ria dengan sahabat-sahabatku. 30 Namun sepulangnya anak ayah ini yang telah memboroskan harta ayah dengan perempuan-perempuan sundal, ayah menyembelih anak lembu yang tambun untuknya!"

31 'Bapa itu berkata kepadanya, "Anakku, engkau ini sentiasa bersama ayah, dan segala milik ayah ialah milikmu. 32 Kita patut bersuka ria kerana adikmu ini telah mati dan hidup kembali; dia telah sesat dan ditemui kembali." '

16 *Pengurus yang cerdik*

1 Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya: 'Seorang kaya mempunyai seorang pengurus untuk harta bendanya. Dia diberitahu bahawa pengurus itu memboroskan wang tuannya. 2 Tuan itu memanggil pengurus itu lalu berkata, "Apakah yang telah kudengar tentangmu? Serahkanlah kira-kira

yang lengkap bagi semua hartaku kerana kamu tidak boleh menjadi pengurus lagi.”

3 ‘Pengurus itu berkata kepada dirinya, “Apakah harus aku buat? Aku tidak kuat untuk mencangkul
dan aku malu meminta sedekah. 4 Aku tahu apa yang harus aku buat supaya apabila aku dipecat nanti
daripada jawatan pengurus itu, aku ada ramai sahabat yang akan menerimaku ke rumah mereka.”

5 ‘Dia pun memanggil semua orang yang berhutang kepada tuannya. Dia berkata kepada orang
yang pertama, “Berapakah hutangmu kepada tuan aku?”

6 ‘Orang itu menjawab, “Seratus tong minyak zaitun.”

Pengurus itu berkata, “Inilah kira-kiramu. Duduk dan tulislah lima puluh.”

7 ‘Dia berkata kepada seorang yang lain, “Berapakah hutangmu pula?”

‘Orang itu menjawab, “Seratus pikul gandum.”

‘Pengurus itu berkata, “Inilah kira-kiramu. Tulislah lapan puluh.”

8 ‘Tuan itu memuji pengurus yang tidak jujur itu kerana perbuatannya yang cerdik. Orang duniawi
lebih cerdik menguruskan pekerjaan mereka daripada orang yang hidup dalam nur. 9 Aku berkata
kepadamu supaya menggunakan kekayaan dunia untuk mendapat sahabat bagi dirimu. Apabila
kekayaanmu lenyap, kamu akan disambut ke tempat kediaman yang kekal.

10 ‘Orang yang setia dalam perkara yang kecil akan setia juga dalam perkara yang besar; dan
orang yang tidak setia dalam perkara yang kecil tidak akan setia dalam perkara yang besar. 11 Oleh
itu, jikalau kamu tidak setia dalam kekayaan dunia ini, siapakah yang akan mengamanahkan
kekayaan yang sejati kepadamu? 12 Dan jikalau kamu tidak setia dengan milik orang lain, siapakah
pula yang akan memberimu apa yang menjadi milik kamu sendiri?

13 ‘Tiada seorang hamba yang dapat menghambakan diri kepada dua orang tuan. Dia akan
membenci seorang dan mengasihi seorang lagi ataupun dia akan taat kepada seorang dan menghina
seorang lagi. Kamu tidak dapat bekerja untuk Allah dan untuk kekayaan.’

14 Orang Farisi yang mendengar kata-kata Isa mengejek-Nya kerana mereka loba akan
wang. 15 Isa berkata kepada mereka, ‘Kamulah orang yang berpura-pura bertakwa di hadapan
khalayak ramai, tetapi Allah mengetahui isi hatimu. Apa yang dianggap berharga oleh manusia tidak
ada nilainya di sisi Allah.

Beberapa ajaran Isa

16 ‘Sebenarnya, hukum Taurat dan kitab segala nabi berkuatkuasa sehingga zaman Yahya.
Semenjak itu, perkhabaran baik tentang kerajaan Allah diberitakan, dan orang berasak-asak hendak
memasukinya. 17 Tetapi lebih mudah lenyapnya langit dan bumi daripada hilangnya sepatah kata pun
hukum Taurat.

18 ‘Sesiapa yang menceraikan isterinya dan berkahwin dengan perempuan lain, berzina. Begitu
juga dengan lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya.

Orang kaya dan Lazarus

19 ‘Ada seorang kaya yang berpakaian mahal-mahal dan hidup dalam kemewahan setiap
hari. 20 Ada pula seorang peminta sedekah bernama Lazarus yang penuh dengan pekung. Dia selalu
dibawa ke muka pintu rumah orang kaya itu. 21 Dia ingin mendapat sisa-sisa makanan yang dibuang
dari meja orang kaya itu. Anjing pula datang menjilat pekung-pekungnya.

22 ‘Peminta sedekah itu mati dan malaikat-malaikat membawanya ke sisi Ibrahim di syurga. Orang
kaya itu pun mati lalu dikebumikan. 23 Dia menderita di alam maut. Apabila dia memandang ke atas,
dia nampak Ibrahim jauh di sana dan Lazarus di sisinya. 24 Dia berseru, “Bapa Ibrahim, kasihanilah
aku dan suruh Lazarus datang mencelupkan jarinya di dalam air untuk menyejukkan lidahku kerana
aku sengsara di dalam nyala api ini.”

25 ‘Tetapi Ibrahim berkata, “Anakku, ingatlah bahawa engkau telah menikmati kesenangan pada masa
hidupmu, tetapi Lazarus mengalami kesengsaraan. Sekarang Lazarus senang di sini tetapi engkau
menderita. 26 Selain itu, terdapat satu jurang yang dalam di antara kami dengan kamu supaya orang yang
hendak menyeberang dari sini kepada kamu tidak dapat berbuat demikian, dan orang dari sana tidak
dapat menyeberang kepada kami.”

27 ‘Orang kaya itu berkata, “Jikalau begitu, aku memohon, ya bapa, suruh Lazarus ke rumah
ayahku 28 kerana aku mempunyai lima adik-beradik lelaki. Biarlah Lazarus pergi memberikan amaran
kepada mereka supaya mereka tidak datang ke tempat sengsara ini.”

29 ‘Ibrahim berkata, “Mereka ada kitab Musa dan nabi-nabi. Biarlah mereka mendengar
pengajaran itu.”

30 ‘Orang kaya itu berkata, “Itu tidak cukup, Bapa Ibrahim. Jikalau seorang antara orang mati pergi
kepada mereka, tentu mereka akan bertaubat daripada dosa-dosa mereka.”

31 ‘Tetapi Ibrahim berkata, “Jikalau mereka tidak mahu mendengar pengajaran kitab Musa dan
nabi-nabi, mereka tidak akan percaya sekalipun seorang bangkit daripada kematian.” ’

17 *Dosa, iman dan kewajipan seorang hamba*

1 Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya: ‘Hal yang membuat orang melakukan dosa memang
ada, tetapi malangnya bagi orang yang menyebabkan hal-hal itu berlaku. 2 Lebih baik bagi dia jikalau
sebuah batu kisar diikat pada lehernya dan dia dibuang ke dalam laut, daripada dia menyebabkan
salah seorang yang lemah melakukan dosa. 3 Berwaspadalah!

‘Jikalau saudaramu telah berbuat salah terhadapmu, tegurlah dia dan jikalau dia bertaubat,
ampunilah dia. 4 Jikalau dia bersalah sebanyak tujuh kali terhadapmu dalam sehari dan setiap kali dia
datang kepadamu serta berkata, “Aku bertaubat,” kamu hendaklah mengampuninya.’

5 Rasul-rasul itu berkata kepada Junjungan, ‘Kuatkanlah iman kami.’

6 Junjungan menjawab, ‘Jikalau kamu mempunyai iman sebesar biji sawi, kamu akan dapat
berkata kepada pokok ara ini, “Tercabutlah akar-akarmu dan tertanamlah kamu di laut,” dan pokok ara
akan menurut perintahmu.

7 ‘Jikalau salah seorang kamu mempunyai hamba yang membajak atau menggembalakan domba,
siapakah antara kamu akan berkata kepadanya sewaktu dia pulang dari ladang, “Mari, lekas duduk
makan?” 8 Bukankah kamu akan berkata kepadanya, “Hidangkan makanan dan bersedia untuk
melayaniku semasa aku makan. Selepas itu, barulah kamu makan”? 9 Adakah kamu mengucapkan
terima kasih kepada hamba itu kerana dia menurut perintah? 10 Begitu juga dengan kamu. Apabila
kamu telah berbuat segala yang diperintahkan kepadamu, kamu hendaklah berkata, “Kami ini hamba
yang tidak layak menerima apa-apa; kami cuma menjalankan kewajipan kami.” ’

Isa menyembuhkan sepuluh orang berpenyakit kusta

11 Dalam perjalanan Isa ke Baitulmaqdis, Dia melalui sempadan Samaria dan Galilea. 12 Apabila
Dia memasuki sebuah kampung, sepuluh orang berpenyakit kusta datang bertemu dengan-Nya.
Mereka berdiri jauh sedikit daripada Isa 13 dan berseru kepada-Nya, ‘Ya Isa, ya Junjungan,
kasihanilah kami!’

14 Apabila Isa melihat mereka, Dia berkata kepada mereka, ‘Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada
imam-imam.’ Dalam perjalanan, mereka pun sembuh.

15 Salah seorang daripada mereka ketika melihat dirinya sembuh, kembali dan memuji Allah
dengan suara yang kuat. 16 Dia sujud pada kaki Isa dan mengucapkan terima kasih. Dia seorang
Samaria.

17 Isa bertanya, ‘Sepuluh orang disembuhkan. Di manakah sembilan orang lagi? 18 Tiadakah
seorang pun didapati kembali untuk bersyukur kepada Allah kecuali orang bangsa asing ini?’ 19 Isa
pun berkata kepadanya, ‘Bangunlah dan pergi. Imanmu telah menyembuhkan kamu.’

Kedatangan kerajaan Allah

20 Terdapat beberapa orang Farisi bertanya kepada Isa bila kerajaan Allah akan datang dan Isa
menjawab, ‘Kerajaan Allah tidak datang dengan alamat-alamat yang dapat dilihat. 21 Tiada orang akan
berkata, “Lihatlah di sini!” atau “Lihatlah di sana!” kerana kerajaan Allah sebenarnya ada di dalam
kamu.’

22 Kemudian Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya: ‘Masanya akan datang apabila kamu
ingin melihat salah satu hari Putera Insan, tetapi kamu tidak dapat melihatnya. 23 Orang akan berkata
kepadamu, “Lihat di situ!” atau “Lihat di sini!” Tetapi janganlah kamu pergi atau

mengikutnya. 24 Seperti kilat memancar dari sebelah kaki langit ke sebelah yang lain, demikianlah
juga halnya Putera Insan pada hari-Nya kelak. 25 Tetapi terlebih dahulu Dia akan mengalami banyak
penderitaan dan Dia tidak akan diterima oleh orang zaman ini.

26 'Sebagaimana yang berlaku pada zaman Nuh, demikian juga akan berlaku pada zaman Putera
Insan. 27 Mereka makan dan minum. Lelaki dan perempuan berkahwin sampai ke hari Nuh masuk ke
dalam bahtera. Lalu air bah melanda dan membinasakan mereka semua.

28 'Demikian juga yang berlaku pada zaman Lut. Mereka makan dan minum, berjual beli, bercucuk
tanam dan mendirikan rumah. 29 Pada hari Lut keluar dari Sodom, api dan belerang turun dari langit
dan membinasakan mereka semua.

30 'Begitulah keadaannya kelak pada hari Putera Insan menunjukkan diri-Nya. 31 Pada hari itu
jikalau seseorang ada di atas bumbung rumah, janganlah dia turun untuk mengambil barang di dalam
rumah. Demikian juga janganlah orang yang ada di ladang kembali ke rumahnya. 32 Ingatlah akan
isteri Lut! 33 Sesiapa yang cuba memelihara nyawanya akan kehilangannya, tetapi sesiapa yang
sanggup mengorbankan nyawanya akan menyelamatkannya. 34 Aku berkata kepadamu bahawa pada
malam itu dua orang berbaring di atas sebuah katil. Seorang akan dibawa dan seorang lagi akan
ditinggalkan. 35 Dua orang perempuan bersama-sama mengisar gandum. Seorang akan dibawa dan
seorang lagi ditinggalkan. 36 Dua orang lelaki bekerja di ladang. Seorang akan dibawa dan seorang
lagi ditinggalkan.'

37 Mereka bertanya kepada Isa, 'Di manakah, ya Junjungan?'

Isa menjawab, 'Di mana ada bangkai, di situ juga ada burung nasar.'

18 *Ibarat seorang balu dan seorang hakim*

1 Kemudian Isa menceritakan ibarat ini untuk mengajar mereka bahawa mereka harus sentiasa
berdoa dan tidak putus asa. 2 Isa berkata, 'Di dalam sebuah kota ada seorang hakim yang tidak takut
akan Allah atau mempedulikan sesiapa. 3 Di kota itu juga ada seorang balu yang kerapkali datang
kepada hakim itu untuk menuntut keadilan terhadap lawannya.

4 'Sekian lama hakim itu menolak tuntutannya, tetapi akhirnya dia berkata dalam hatinya,
'Walaupun aku tidak takut akan Allah dan tidak pedulikan sesiapapun, 5 tetapi disebabkan balu ini
terus mengganggu aku, biarlah aku mengadili tuntutannya. Jika tidak, dia akan terus-menerus datang
dan mengganggu aku!'

6 Junjungan menambah, 'Dengarlah apa yang dikatakan oleh hakim yang tidak adil itu. 7 Tidakkah
Allah akan membela umat-Nya yang berseru kepada-Nya siang dan malam? Adakah Dia akan
bertangguh untuk melaksanakan keadilan bagi mereka? 8 Aku berkata kepadamu bahawa Allah akan
melaksanakan keadilan bagi mereka dengan segera. Tetapi, apabila Putera Insan datang, adakah Dia
akan menjumpai iman di bumi ini?'

Ibarat seorang Farisi dan seorang pemungut cukai

9 Isa juga menceritakan ibarat ini kepada orang yang menganggap diri mereka sebagai orang
yang benar dan menghina orang lain: 10 'Dua orang masuk ke dalam rumah ibadat untuk berdoa.
Seorang daripadanya orang Farisi dan seorang lagi pemungut cukai. 11 Orang Farisi itu berdiri dan
berdoa dalam hatinya: "Ya Allah, aku mengucap syukur kepada-Mu kerana aku tidak tamak, menipu
atau tidak bermoral seperti orang lain. Aku bersyukur kepada-Mu kerana aku tidak seperti pemungut
cukai ini. 12 Aku berpuasa dua kali seminggu dan mempersembahkan sepersepuluh daripada semua
pendapatanku."

13 'Akan tetapi, pemungut cukai itu berdiri jauh sedikit, tidak berani menengadah ke langit
melainkan menebah dada sambil berkata, "Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini."

14 'Aku berkata kepadamu bahawa pemungut cukai ini pulang ke rumahnya dengan
diperkenankan Allah tetapi orang Farisi itu tidak. Sesiapa yang meninggikan dirinya akan direndahkan,
dan sesiapa yang merendahkan dirinya akan ditinggikan.'

Isa memberkati kanak-kanak

15 Orang membawa anak mereka kepada Isa supaya Dia memberkati mereka. Tetapi apabila
pengikut-pengikut Isa melihat hal ini, mereka menegur orang itu. 16 Namun Isa memanggil anak-anak

itu datang kepada-Nya lalu Dia berkata, ‘Biarlah anak-anak ini datang kepada-Ku. Janganlah melarang mereka kerana kerajaan Allah menjadi milik orang yang sedemikian. 17 Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa sesiapa yang tidak menyambut kerajaan Allah seperti seorang anak menerimanya, tidak dapat masuk ke dalam kerajaan itu.’

Seorang yang kaya

18 Seorang pemimpin bangsa Yahudi bertanya kepada Isa, ‘Ya Guru yang baik, apakah harus aku buat untuk beroleh hidup yang kekal?’

19 Isa menjawab, ‘Mengapakah engkau mengatakan Aku ini baik? Tiada sesiapapun yang baik kecuali Allah. 20 Engkau mengetahui hukum-hukum Allah, iaitu: “Jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan berdusta, hormati bapa dan ibumu.” ’

21 Pemimpin itu berkata, ‘Semua ini telah kuturuti sejak kecil.’

22 Apabila Isa mendengar ini, Dia berkata kepadanya, ‘Satu perkara sahaja yang perlu kaulakukan. Juallah segala hartamu dan dermakan wangnya kepada orang miskin. Engkau akan beroleh harta di syurga. Kemudian, ikutlah Aku.’

23 Tetapi apabila pemimpin itu mendengar demikian, dia menjadi sangat sedih kerana dia seorang yang amat kaya. 24 Isa nampak kesedihannya lalu berkata, ‘Alangkah sukar bagi orang kaya masuk ke dalam kerajaan Allah! 25 Lebih mudah seekor unta masuk ke lubang jarum daripada seorang kaya masuk ke dalam kerajaan Allah.’

26 Orang yang mendengar-Nya berkata, ‘Kalau begitu, siapakah yang dapat diselamatkan?’

27 Isa menjawab, ‘Apa yang mustahil bagi manusia itu tidak mustahil bagi Allah.’

28 Petrus berkata, ‘Kami telah meninggalkan rumah untuk mengikut-Mu.’

29 Isa berkata kepada mereka, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa sesiapa sahaja yang telah meninggalkan rumah, atau isteri, atau adik-beradik, atau ibu bapa, atau anak-anak demi kerajaan Allah 30 akan menerima ganjaran berkali-kali gandanya pada masa ini dan hidup yang kekal di akhirat.’

Kali ketiga Isa berkata tentang kematian-Nya

31 Isa membawa dua belas pengikut-Nya ke suatu tempat dan berkata kepada mereka, ‘Kita akan pergi ke Baitulmaqdis dan segala yang tersurat dalam kitab-kitab nabi tentang Putera Insan akan berlaku di sana. 32 Dia akan diserahkan ke tangan bangsa asing. Dia akan dicela dan dimaki serta diludahi orang. Mereka akan menyebat Dia dan membunuh-Nya. 33 Pada hari yang ketiga Dia akan bangkit semula.’

34 Tetapi pengikut-pengikut-Nya tidak mengerti sepatah kata pun. Maksud kata-kata ini dirahsiakan daripada mereka. Mereka tidak memahami apa yang dikatakan oleh Isa.

Isa menyembuhkan seorang pengemis yang buta

35 Ketika Isa menghampiri kota Yerikho, ada seorang buta yang duduk di tepi jalan meminta sedekah. 36 Apabila dia mendengar bunyi orang ramai lalu, dia bertanya, ‘Apakah yang sedang berlaku?’ 37 Orang memberitahu dia bahawa Isa, orang Nasaret, sedang lalu.

38 Dia pun berseru, ‘Isa, Anak Daud, kasihanilah aku!’

39 Orang yang di hadapannya memarahinya dan menyuruh dia diam, tetapi dia berseru dengan lebih kuat, ‘Ya Anak Daud, kasihanilah aku!’

40 Isa berhenti dan menyuruh orang membawa dia kepada-Nya. Apabila dia mendekati Isa, Isa bertanya, 41 ‘Apakah yang engkau hendak Aku buat bagimu?’

Dia berkata, ‘Junjungan, aku mahu melihat kembali.’

42 Isa berkata kepadanya, ‘Terimalah penglihatanmu kembali, imanmu telah menyembuhkanmu.’ 43 Seketika itu juga, dia dapat melihat lalu dia mengikut Isa sambil memuji Allah. Semua orang yang menyaksikan kejadian ini memuji Allah.

19 *Isa dengan Zakheus*

1 Isa meneruskan perjalanan ke Yerikho dan melalui kota itu. 2 Di situ ada seorang yang bernama
Zakheus. Dia ketua pemungut cukai dan sangat kaya. 3 Dia cuba hendak melihat siapa Isa itu, tetapi
tidak dapat berbuat demikian kerana orang terlalu ramai dan dia pendek orangnya. 4 Dia pun berlari
mendahului mereka lalu memanjat pokok ara untuk melihat Isa yang akan melalui jalan itu.

5 Apabila Isa sampai ke tempat itu, Dia mendongak ke atas lalu berkata kepadanya, 'Zakheus,
turunlah dengan segera kerana pada hari ini Aku harus menumpang di rumahmu.' 6 Zakheus turun
dengan segera dan menyambut Isa dengan sukacitanya.

7 Semua orang yang melihat hal ini bersungut-sungut, 'Dia hendak menumpang di rumah orang
yang berdosa pula!'

8 Tetapi Zakheus berdiri dan berkata kepada Junjungan, 'Tuan, sekarang ini juga aku hendak
memberikan separuh hartaku kepada orang miskin, dan jikalau aku telah menipu sesiapa, aku akan
membayarnya kembali empat kali ganda.'

9 Isa berkata kepadanya, 'Pada hari ini juga penyelamatan telah datang kepada seluruh keluarga
kamu kerana kamu juga seorang keturunan Ibrahim. 10 Putera Insan datang untuk mencari dan
menyelamatkan orang yang sesat.'

Ibarat tentang kepingan wang emas

11 Isa menceritakan sebuah ibarat kepada mereka yang mendengar-Nya. Dia kini telah hampir tiba
ke Baitulmaqdis dan mereka menyangka bahawa kerajaan Allah akan menjadi nyata tidak lama
lagi. 12 Jadi, Isa berkata: 'Seorang bangsawan telah berangkat ke negeri jauh untuk dilantik menjadi
raja dan akan kembali. 13 Terlebih dahulu dia memanggil sepuluh orang hambanya, lalu memberi
masing-masing sekeping wang emas dan berkata kepada mereka, "Uruskanlah wang ini sehingga aku
pulang."

14 'Tetapi rakyat negeri itu membencinya dan menyuruh utusan-utusan untuk memberitahunya,
"Kami tidak mahu orang ini menjadi raja kami."

15 'Setelah dia menjadi raja, dia kembali dan memerintah hamba-hamba yang telah diberi wang
emas datang menghadapnya dengan segera. Dia ingin mengetahui jumlah keuntungan dalam
perniagaan masing-masing.

16 'Yang pertama menghadap dan berkata, "Tuan, sekeping wang emas tuan itu telah menjadi
sepuluh kali lebih banyak."

17 'Tuan itu berkata kepadanya, "Bagus sekali, hamba yang baik. Oleh sebab engkau telah setia
dalam perkara kecil ini, aku akan menjadikan engkau penguasa sepuluh buah kota."

18 'Yang kedua menghadap dan berkata, "Tuan, sekeping wang emas tuan itu telah menjadi lima
kali lebih banyak."

19 'Tuan itu berkata kepadanya, "Engkau akan menjadi penguasa lima buah kota."

20 'Seorang hamba lagi menghadap dan berkata, "Tuan inilah wang emas tuan yang telah aku
simpan di dalam sehelai kain. 21 Aku takut akan tuan kerana tuan seorang yang keras hati. Tuan
mengambil apa yang bukan milik tuan, dan menuai apa yang tidak tuan taburkan."

22 'Tuan itu berkata, "Hamba yang tidak berguna! Aku akan menghukum engkau mengikut kata-
katamu sendiri. Engkau mengetahui aku ini seorang yang keras hati, mengambil barang yang bukan
milikku dan menuai apa yang tidak aku taburkan. 23 Jadi, mengapakah engkau tidak memasukkan
wang itu ke dalam tabung? Kemudian, setelah aku kembali, dapatlah aku ambil wang itu dengan
faedahnya."

24 'Lalu tuan itu berkata kepada orang yang berdiri di situ, "Ambillah keping wang itu daripadanya
dan berikannya kepada orang yang ada sepuluh keping wang emas itu."

25 'Mereka pun berkata kepadanya, "Tuan, dia sudah ada sepuluh keping."

26 'Tuan itu berkata, "Orang yang sedia ada akan diberi lebih banyak, dan orang yang tidak
mempunyai sesuatu akan diambil barang yang ada padanya. 27 Sekarang, bawalah ke mari seteru-
seteruku yang tidak mahu aku menjadi raja mereka. Bunuhlah mereka di hadapanku." '

Isa masuk ke Baitulmaqdis

[28] Setelah Isa berkata demikian, Dia pun berjalan mendahului mereka menuju ke
Baitulmaqdis. [29] Apabila Dia mendekati Baitfagi dan Baitani di Bukit Zaitun, Dia menyuruh dua orang
pengikut-Nya dengan berkata kepada mereka, [30] 'Pergilah ke kampung di hadapan itu. Apabila kamu
masuk ke kampung itu, kamu akan mendapati seekor anak keldai yang tertambat. Anak keldai itu
belum pernah ditunggangi orang. Lepaskan keldai itu dan bawa ke mari. [31] Jikalau ada orang bertanya
kepadamu, "Mengapakah kamu melepaskan keldai?" kamu hendaklah berkata kepadanya, "Junjungan
memerlukannya." '

[32] Kedua-dua pengikut itu pun pergi dan mendapati sebagaimana yang telah dikatakan Isa kepada
mereka. [33] Ketika mereka melepaskan anak keldai itu, tuan anak keldai itu berkata kepada mereka,
'Mengapakah kamu melepaskan anak keldai ini?'

[34] Pengikut-pengikut itu menjawab, 'Junjungan memerlukannya.'

[35] Lalu mereka membawanya kepada Isa. Kemudian, mereka menghamparkan jubah mereka di
atas anak keldai itu dan menolong Isa naik ke atasnya. [36] Ketika Isa menunggang keldai itu, orang
ramai pun membentangkan jubah mereka di jalan.

[37] Apabila Dia menghampiri jalan yang turun dari Bukit Zaitun, semua pengikut-Nya mula
bersukacita dan memuji Allah dengan suara yang kuat kerana semua mukjizat yang telah disaksikan
oleh mereka:

[38] 'Diberkatilah Raja yang datang
dengan nama Tuhan!'
'Kesejahteraan di syurga
dan kemuliaan di tempat yang maha tinggi!'

[39] Antara orang ramai itu ada beberapa orang Farisi yang berkata kepada Isa, 'Tuan Guru, suruh
pengikut-pengikut-Mu diam.'

[40] Isa menjawab, 'Aku berkata kepadamu bahawa jikalau mereka diam, batu-batu pula akan
bersorak.'

Tangisan Isa bagi Baitulmaqdis

[41] Ketika Isa menghampiri Baitulmaqdis dan melihat kota itu, Dia pun menangisinya, [42] lalu
berkata, 'Kalaulah kiranya pada hari ini engkau mengetahui perkara-perkara yang dapat membawa
sejahtera kepadamu! Tetapi sekarang semuanya dirahsiakan daripadamu. [43] Masanya akan datang
apabila musuh-musuhmu akan mengelilingimu dengan sekatan, mengepung dan mengasakmu dari
semua arah. [44] Mereka akan membinasakanmu dan semua pendudukmu. Mereka tidak akan
meninggalkan seketul batu pun di tempatnya kerana kamu tidak mengetahui masanya Allah datang
kepadamu.'

Isa pergi ke rumah ibadat

[45] Isa masuk ke dalam rumah ibadat lalu mengusir semua pedagang di situ. [46] Dia berkata kepada
mereka, 'Telah tersurat, "Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa"; tetapi kamu telah menjadikannya
"sarang pencuri." '

[47] Setiap hari Isa mengajar di dalam rumah ibadat. Ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan para
pemimpin mereka mencari jalan untuk membunuh-Nya [48] tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian
kerana orang ramai terus-menerus datang mendengar Isa dan mereka tidak mahu terlepas sepatah
kata Isa pun.

20 *Kekuasaan Isa dipersoalkan*

[1] Pada suatu hari ketika Isa mengajar orang ramai di dalam rumah ibadat dan memberitakan
perkhabaran yang baik, ketua-ketua imam, guru-guru Taurat dan para tua-tua datang kepada
Isa. [2] Mereka berkata kepada-Nya, 'Katakanlah kepada kami atas kuasa siapakah Engkau laksanakan
segala perkara ini. Siapakah yang memberikan kuasa ini kepada-Mu?'

[3] Isa menjawab, 'Aku juga hendak bertanya kepadamu suatu perkara. Katakanlah kepada-
Ku [4] pengimadan Yahya itu datang daripada siapa, syurga atau manusia?'

[5] Mereka berbincang sesama sendiri, ‘Jikalau kita katakan, “Daripada syurga,” Dia akan berkata,
“Jikalau begitu, mengapakah kamu tidak percaya kepadanya?” [6] Sebaliknya, jikalau kita katakan,
“Daripada manusia,” orang ramai sudah tentu akan merejam kita kerana mereka yakin bahawa Yahya
itu seorang nabi.’

[7] Mereka pun menjawab kepada Isa bahawa mereka tidak mengetahui dari mana asalnya
pengimadan Yahya itu.

[8] Oleh itu, Isa pun berkata kepada mereka, ‘Aku juga tidak akan memberitahu kamu atas kuasa
siapa Aku melakukan segala perkara ini.’

Ibarat tentang penyewa ladang

[9] Kemudian Isa menceritakan ibarat ini kepada orang ramai: ‘Seorang menanami ladang anggur.
Dia menyewakan ladang itu kepada beberapa orang petani lalu berangkat ke negeri lain dan tinggal
beberapa lama di situ. [10] Pada musim buah-buahan dia menyuruh seorang hamba pergi kepada
petani-petani itu untuk menerima hasil buah-buahan bahagiannya daripada mereka tetapi petani-
petani itu memukul hamba tersebut lalu mengusirnya balik dengan tangan kosong. [11] Pemilik ladang
itu menyuruh seorang hamba yang lain pula. Tetapi petani-petani itu memukulnya, mencercanya dan
mengusirnya dengan tangan kosong juga. [12] Pemilik ladang itu menyuruh hamba yang ketiga. Tetapi
petani-petani itu mencederakannya lalu mengusirnya.

[13] ‘Pemilik ladang itu berkata, “Apakah yang hendak kubuat? Baik kusuruh puteraku yang
kukasihi. Tentu petani-petani itu akan menghormatinya.”

[14] ‘Tetapi apabila petani-petani itu melihatnya, mereka berbincang sesama sendiri, “Inilah
warisnya. Marilah kita bunuh dia supaya ladang ini menjadi hak kita.” [15] Mereka pun mengusirnya
keluar dari ladang lalu membunuhnya.’

Isa bertanya, ‘Apakah yang akan dilakukan oleh pemilik ladang terhadap petani-petani
tersebut? [16] Sudah tentu dia akan datang dan membunuh petani-petani itu lalu menyewakan ladang
anggur itu kepada orang lain pula.’

Setelah orang ramai itu mendengar ibarat ini, mereka berkata, ‘Semoga tidak begitu!’

[17] Tetapi Isa memandang mereka dan bertanya, ‘Kalau begitu, apakah maksud ayat yang tersurat
ini:

‘ “Batu yang dibuang oleh pembina

telah menjadi batu penjuru?”

[18] ‘Sesiapa yang jatuh pada batu itu akan hancur luluh, dan sesiapa yang ditimpa batu itu akan
remuk-redam.’

Pertanyaan tentang pembayaran cukai

[19] Guru-guru Taurat dan ketua-ketua imam mencari jalan hendak menangkap Isa ketika itu juga
kerana mereka mengetahui Isa telah menujukan ibarat itu terhadap mereka. Tetapi mereka takut akan
orang ramai.

[20] Mereka menunggu peluang. Lalu mereka mengutus beberapa orang supaya berpura-pura ikhlas
untuk memerangkap Isa dengan mengemukakan pertanyaan tertentu supaya mereka dapat
menyerahkan Isa ke dalam kawalan dan bidang penghakiman gabenor. [21] Mereka bertanya kepada
Isa, ‘Tuan Guru, kami mengetahui apa yang Tuan Guru katakan dan ajarkan itu betul. Kami juga
mengetahui Tuan Guru tidak pilih kasih kepada seseorang tetapi dengan ikhlas mengajarkan jalan
Allah. [22] Beritahulah kami, mengikut Taurat patutkah kami membayar cukai kepada Kaisar?’

[23] Isa mengetahui niat muslihat mereka lalu berkata, [24] ‘Tunjukkanlah Aku sekeping mata wang.
Gambar dan nama siapakah ini?’

[25] Mereka menjawab, ‘Gambar dan nama Kaisar.’

Isa berkata kepada mereka, ‘Kalau begitu, berikan milik Kaisar kepada Kaisar, dan milik Allah
kepada Allah.’

[26] Oleh yang demikian, mereka tidak dapat memerangkap Isa di hadapan orang ramai itu. Mereka
diam sahaja kerana kagum akan jawapan-Nya.

Pertanyaan tentang kebangkitan daripada maut

[27] Beberapa orang Saduki, iaitu orang yang menafikan hal kebangkitan orang mati, datang
bertanya kepada Isa, [28] 'Tuan Guru, Musa telah memberi kita hukum berikut. Jikalau seseorang lelaki
meninggal tanpa mempunyai anak, adik lelakinya harus beristerikan balu itu untuk mendapatkan anak
bagi si abang yang telah meninggal itu. [29] Ada tujuh orang adik-beradik lelaki. Yang pertama mati
tanpa mempunyai anak. [30] Yang kedua beristerikan balunya, [31] kemudian yang ketiga dan seterusnya
kepada semua yang lain — mereka semua meninggal tanpa mempunyai anak. [32] Akhirnya,
perempuan itu pun meninggal. [33] Pada hari kebangkitan orang mati kelak, perempuan itu menjadi isteri
siapa kerana ketujuh-tujuh adik-beradik itu telah beristerikannya.'

[34] Isa menjawab, 'Lelaki dan perempuan yang hidup sekarang ini berkahwin [35] tetapi mereka yang
layak dibangkitkan daripada kematian dan hidup pada zaman yang akan datang tidak
berkahwin. [36] Mereka itu seperti malaikat dan tidak boleh mati lagi. Mereka menjadi anak Allah kerana
mereka telah dibangkitkan daripada kematian. [37] Musa telah menjelaskan bahawa orang mati akan
dibangkitkan. Dalam kisah belukar yang bernyala, Allah disebut sebagai Tuhan yang disembah oleh
Ibrahim, Ishak dan Yakub. [38] Allah bukannya Tuhan bagi orang mati tetapi bagi orang yang hidup.
Mereka itu semua hidup pada Allah.'

[39] Beberapa orang ahli Taurat berkata, 'Tuan Guru, betul jawapan-Mu.' [40] Mereka tidak berani
bertanya kepada Isa apa-apa lagi.

Pertanyaan tentang al-Masih

[41] Isa berkata kepada mereka, 'Bagaimana dikatakan bahawa al-Masih itu anak
Daud [42] sedangkan Daud sendiri berkata dalam kitab Zabur:

' "Tuhan berfirman kepada Junjunganku:

'Duduklah di sebelah kanan-Ku

[43] sehingga Aku menjadikan musuh-Mu

alas kaki-Mu.' "

[44] 'Jikalau Daud menyebut Dia "Junjungan," bagaimanakah pula Dia anak Daud?'

[45] Di hadapan orang ramai itu Isa berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, [46] 'Berhati-hatilah
dengan guru-guru Taurat yang suka berjalan-jalan berjubah labuh, suka dihormati di tempat orang
ramai, suka mendapatkan tempat terbaik di saumaah dan terhormat di majlis makan. [47] Mereka
memperdaya balu dan merampas harta mereka tetapi kemudian berpura-pura berdoa dengan
panjangnya! Mereka akan menerima hukuman yang paling berat.'

21 *Persembahan seorang balu*

[1] Isa memandang di sekeliling lalu nampak orang kaya memasukkan wang persembahan mereka ke
dalam peti persembahan di rumah ibadat. [2] Dia nampak juga seorang balu yang sangat miskin
memasukkan dua keping wang tembaga. [3] Lalu Isa berkata, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu
bahawa balu yang miskin ini telah memasukkan lebih banyak daripada semua yang lain, [4] kerana
yang lain memasukkan persembahan daripada kemewahan masing-masing tetapi perempuan ini
walaupun sangat miskin, telah memasukkan seluruh nafkahnya.'

Robohnya rumah ibadat

[5] Beberapa orang berkata-kata tentang rumah ibadat yang dihiasi dengan batu-batu permata yang
indah serta barang-barang yang dipersembahkan kepada Allah. [6] Isa pun berkata, 'Akan tiba masanya
apabila semua yang kamu lihat ini akan dirobohkan dan tiada satu batu pun akan tinggal tersusun
pada tempatnya.'

Kesusahan dan penganiayaan

[7] Mereka bertanya kepada Isa, 'Tuan Guru, bilakah semua perkara ini akan terjadi? Apakah
alamat-alamatnya bahawa masanya sudah tiba?'

[8] Isa berkata, 'Berjaga-jagalah supaya kamu tidak terpedaya oleh orang. Ramai orang akan datang
dengan nama-Ku dan berkata, "Akulah dia," dan "Masanya sudah tiba." Janganlah kamu ikut

mereka. [9] Apabila kamu mendengar tentang peperangan dan pemberontakan, janganlah kamu
ketakutan. Peristiwa-peristiwa ini akan berlaku terlebih dahulu tetapi ini tidaklah bererti bahawa akhir
zaman telah sampai.'

[10] Kemudian Isa berkata kepada mereka, 'Bangsa akan berperang dengan bangsa dan kerajaan
dengan kerajaan; [11] gempa bumi dan kebuluran serta wabak yang dahsyat akan terjadi di beberapa
tempat. Perkara-perkara dahsyat dan alamat-alamat yang hebat akan kelihatan di langit.

[12] 'Tetapi sebelum segala perkara yang disebut ini berlaku, kamu akan ditawan dan dianiayai.
Kamu akan didakwa di majlis saumaah-saumaah dan dipenjarakan. Kamu akan didakwa di hadapan
raja-raja dan gabenor-gabenor kerana nama-Ku. [13] Inilah peluang bagimu untuk memberitakan
perkhabaran baik. [14] Jadi, teguhkanlah hatimu supaya tidak bimbang bagaimana hendak membela
diri [15] kerana Aku akan memberimu kata-kata dan kebijaksanaan yang tidak dapat dinafikan oleh
seorang pun daripada musuh-musuhmu. [16] Kamu akan dikhianati oleh ibu bapamu, adik-beradikmu,
sanak saudaramu dan sahabat handaimu. Mereka akan membunuh beberapa orang di antara
kamu [17] dan kamu akan dibenci oleh semua kerana-Ku. [18] Tetapi sehelai rambutmu pun tidak akan
hilang. [19] Bertahanlah, keteguhan hatimu akan menyelamatkan kamu.

Isa memperkatakan keruntuhan Baitulmaqdis

[20] 'Apabila kamu melihat kota Baitulmaqdis terkepung oleh tentera-tentera, ketahuilah kamu
bahawa kebinasaannya telah hampir. [21] Pada masa itu mereka yang berada di jajahan Yudea
hendaklah melarikan diri ke gunung; mereka yang ada di dalam kota hendaklah meninggalkannya dan
mereka yang ada di luar kota janganlah masuk ke kota itu. [22] Inilah hari-hari hukuman apabila segala
perkara yang tersurat dalam Kitab Suci akan terjadi. [23] Malangnya bagi perempuan yang mengandung
atau ibu yang menyusui anak pada masa itu! Kesengsaraan yang teruk akan melanda bumi dan
kemurkaan akan menimpa bangsa ini. [24] Mereka akan dibunuh dengan pedang dan ada pula yang
akan dibawa ke negeri lain sebagai orang tawanan. Kota Baitulmaqdis akan diinjak-injak oleh bangsa-
bangsa asing sehingga tamat tempoh yang ditetapkan untuk mereka.

Kedatangan Putera Insan

[25] 'Alamat akan kelihatan pada matahari, bulan dan bintang-bintang. Di muka bumi ini semua
bangsa kelak sengsara dan bingung akan deru serta gelora lautan. [26] Sementara menantikan apa
yang akan datang ke muka bumi, manusia akan jatuh pengsan kerana takut dan bimbang terhadap
apa yang akan terjadi di dunia. Cakerawala di angkasa lepas akan terpesong daripada
peredarannya. [27] Lalu mereka akan melihat Putera Insan datang dikelilingi awan dengan kekuasaan
dan kemuliaan yang besar. [28] Apabila segala perkara ini mula terjadi, teguhkanlah hatimu dan angkat
kepalamu kerana masa penyelamatanmu telah hampir tiba.'

[29] Isa menceritakan suatu ibarat kepada mereka: 'Tengoklah pokok ara dan segala pokok kayu
yang lain! [30] Apabila pokok itu penuh menguntum, kamu tahu bahawa musim panas hampir
tiba. [31] Demikian juga apabila kamu melihat segala perkara ini terjadi, ketahuilah bahawa kerajaan
Allah hampir tiba.

[32] 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa sebelum orang zaman ini mati, segala perkara
itu akan terjadi. [33] Langit dan bumi akan lenyap, tetapi firman-Ku berkekalan.

Perlunya berjaga-jaga

[34] 'Berjaga-jagalah! Janganlah leka dengan kesia-siaan dan kemabukan serta kekhuatiran
terhadap kehidupan duniawi sehingga kamu tidak bersedia menghadapi hari itu yang datang dengan
tidak disangka-sangka. [35] Hari itu akan datang seperti perangkap bagi semua manusia di seluruh
muka bumi ini. [36] Kamu hendaklah sentiasa berjaga-jaga dan berdoa supaya kamu diteguhkan untuk
menghadapi segala perkara yang akan terjadi itu lalu dapat berdiri di hadirat Putera Insan.'

[37] Pada siang hari Isa mengajar di dalam rumah ibadat. Pada waktu malam Dia keluar dari kota
itu dan bermalam di udara lapang di Bukit Zaitun. [38] Pada pagi-pagi lagi orang ramai pergi ke rumah
ibadat untuk mendengar Dia.

22 *Komplot menentang Isa*

[1] Perayaan Roti Tidak Beragi, iaitu perayaan Paska telah menjelang. [2] Ketua-ketua imam dan guru-

guru Taurat sedang mencari jalan untuk membunuh Isa secara diam-diam kerana mereka takut akan
orang ramai itu. 3 Kemudian, Iblis memasuki Yudas Iskariot, salah seorang daripada dua belas
pengikut Isa. 4 Lalu Yudas pergi kepada ketua-ketua imam dan pengawal rumah ibadat untuk
membincangkan bagaimana dia dapat menyerahkan Isa kepada mereka. 5 Mereka gembira lalu
berjanji memberikan wang kepadanya. 6 Yudas pun bersetuju lalu dia mencari peluang yang baik
untuk menyerahkan Isa kepada mereka tanpa diketahui orang ramai.

Isa bersedia untuk makan jamuan Paska

7 Tibalah Perayaan Roti Tidak Beragi. Pada hari itu domba korban harus disembelih untuk jamuan
Paska. 8 Isa menyuruh Petrus dan Yahya, ‘Pergilah sediakan jamuan Paska untuk kita.’

9 Mereka bertanya kepada Isa, ‘Di manakah Engkau hendak kami sediakan jamuan itu?’

10 Isa menjawab, ‘Setibanya kamu ke dalam kota itu, seorang lelaki yang menjunjung sebuah
buyung air akan bertemu dengan kamu. Ikutlah dia ke rumah yang dimasukinya 11 lalu berkatalah
kepada tuan rumah itu, “Guru menyuruh kami bertanya: Di manakah bilik tempat Aku hendak makan
jamuan Paska bersama pengikut-pengikut-Ku?” 12 Tuan rumah itu akan menunjukkan kepadamu
sebuah bilik besar yang lengkap dengan perabot di tingkat atas. Di situlah kamu sediakan jamuan
Paska.’

13 Mereka pergi ke kota dan mendapati semua seperti yang telah dikatakan oleh Isa, lalu mereka
menyediakan jamuan Paska.

Perjamuan Tuhan

14 Apabila tiba masanya, Isa pun duduk bersama pengikut-pengikut yang dua belas itu. 15 Lalu Isa
berkata kepada mereka, ‘Sebenarnya, Aku telah lama ingin sekali makan jamuan Paska ini bersama
kamu sebelum Aku menderita. 16 Aku berkata kepadamu bahawa Aku tidak akan makan jamuan ini
lagi sehingga maksud sebenar Paska dinyatakan di dalam kerajaan Allah.’

17 Setelah itu, Isa mengambil sebiji cawan minuman. Dia mengucap syukur lalu berkata, ‘Ambillah
cawan ini dan bahagikan minumannya antara kamu. 18 Aku berkata kepadamu bahawa mulai
sekarang, Aku tidak akan minum air buah anggur lagi sehingga kerajaan Allah datang.’

19 Lalu Isa mengambil roti kemudian mengucap syukur kepada Allah. Setelah itu Dia memecah-
mecahkan roti itu lalu memberikannya kepada pengikut-pengikut-Nya, sambil berkata, ‘Inilah tubuh-Ku
yang diberikan untukmu. Berbuatlah sedemikian demi mengingati-Ku.’

20 Begitu juga setelah makan, Dia mengambil cawan minuman dan berkata, ‘Cawan ini ialah
perjanjian baru yang dimateraikan dengan darah-Ku yang dicurahkan untukmu. 21 Tengoklah! Orang
yang mengkhianati Aku ada bersama-sama di meja ini. 22 Putera Insan akan mati seperti yang
ditetapkan, tetapi malangnya orang yang mengkhianati-Nya!’ 23 Mereka mula bertanya-tanya sesama
sendiri siapakah di antara mereka yang akan berbuat demikian.

Perselisihan tentang kebesaran

24 Satu perselisihan timbul di kalangan pengikut itu tentang siapa antara mereka yang dianggap
terbesar. 25 Isa berkata kepada mereka, ‘Di dunia raja-raja berkuasa atas rakyat mereka, dan
golongan pemerintah digelar pembawa kebajikan kepada rakyat. 26 Tetapi kamu tidak sama seperti
mereka. Orang yang terbesar antara kamu hendaklah menjadi seperti yang terkecil, dan ketua harus
menjadi seperti hamba. 27 Siapakah yang lebih besar - orang yang duduk makan atau hamba yang
melayan? Bukankah orang yang duduk makan itu? Tetapi Aku ini antara kamu sebagai yang
melayan. 28 Kamu bersama Aku dalam segala penderitaan-Ku. 29 Aku memberikan hak kepadamu
untuk memerintah sebagaimana Bapa-Ku telah memberikan hak itu kepada-Ku. 30 Kamu akan makan
dan minum di meja-Ku dalam kerajaan-Ku dan kamu akan duduk di atas takhta untuk menghakimi
dua belas suku Israel.

Ramalan Isa tentang penyangkalan Petrus

31 ‘Simon, Simon, dengarlah! Iblis telah meminta izin untuk menguji kamu semua seperti petani
memisahkan gandum daripada sekam. 32 Tetapi Aku telah berdoa untukmu supaya imanmu tidak
goyah. Apabila kamu kembali kepada-Ku, kuatkanlah saudara-saudaramu.’

33 Petrus berkata kepada Isa, ‘Junjungan, hamba sedia ke penjara dengan-Mu dan mati bersama-

sama.'

34 Isa menjawab, 'Aku berkata kepadamu, Petrus, ayam tidak akan berkokok pada hari ini
sehingga kamu berkata bahawa kamu tidak mengenal-Ku sebanyak tiga kali.'

Dompet, beg dan pedang

35 Isa berkata kepada mereka, 'Ketika Aku mengutus kamu keluar tanpa dompet atau beg atau
kasut, adakah kamu kekurangan apa-apa?'

Mereka menjawab, 'Satu pun tidak.'

36 Isa berkata lagi, 'Tetapi sekarang, orang yang mempunyai dompet atau beg hendaklah
membawa barang-barang tersebut. Orang yang tidak berpedang hendaklah menjual bajunya untuk
membeli sebilah. 37 Aku berkata kepadamu bahawa apa yang tersurat ini akan berlaku pada diri-Ku:
"Dia tergolong bersama dengan penjahat." Ini kerana apa yang tersurat tentang Aku akan berlaku.'

38 Pengikut-pengikut itu berkata, 'Tengoklah Junjungan, di sini ada dua bilah pedang!'

Isa berkata, 'Cukuplah!'

Isa berdoa

39 Isa meninggalkan tempat itu lalu pergi ke Bukit Zaitun seperti kebiasaan-Nya. Pengikut-
pengikut-Nya pergi bersama Dia. 40 Sesampainya ke tempat itu, Dia berkata kepada mereka,
'Berdoalah kamu supaya kamu tidak tergoda.' 41 Isa pergi jauh sedikit daripada mereka, iaitu
sepelempar batu jauhnya lalu berlutut untuk berdoa. 42 'Ya Bapa, jikalau berkenan kepada-Mu,
jauhkanlah kiranya cawan penderitaan ini daripada-Ku. Tetapi bukannya kehendak-Ku melainkan
kehendak-Mu yang dilaksanakan.' 43 Malaikat dari syurga datang dan menguatkan-Nya. 44 Dalam
kesengsaraan Dia berdoa, peluh-Nya seperti darah menitik ke tanah.

45 Isa bangun daripada berdoa, dan balik kepada pengikut-pengikut-Nya. Didapati-Nya mereka
tertidur kerana sangat sedih. 46 Dia berkata kepada mereka, 'Mengapakah kamu tidur? Bangunlah dan
berdoa supaya kamu tidak tergoda.'

Isa ditangkap

47 Ketika Isa masih berkata-kata, sekumpulan orang datang. Yudas, salah seorang daripada dua
belas pengikut-Nya memimpin mereka. Dia menghampiri Isa untuk mencium-Nya. 48 Isa berkata
kepadanya, 'Yudas, adakah dengan ciuman engkau mengkhianati Putera Insan?'

49 Apabila pengikut-pengikut Isa melihat apa yang akan terjadi, mereka bertanya kepada Isa,
'Junjungan, haruskah kami serang mereka dengan pedang kami?' 50 Salah seorang daripada mereka
menyerang hamba imam agung dan memutuskan telinga kanannya.

51 Tetapi Isa berkata, 'Biarkanlah mereka.' Lalu Isa menyentuh telinga orang itu dan
menyembuhkannya.

52 Kemudian Isa berkata kepada ketua-ketua imam, ketua-ketua pengawal rumah ibadat dan tua-
tua yang telah datang untuk menangkap-Nya, 'Perlukah kamu datang dengan pedang dan belantan
untuk menangkap Aku seolah-olah Aku ini seorang penyamun? 53 Semasa Aku bersama kamu setiap
hari di dalam rumah ibadat, kamu tidak berani pula menangkap Aku. Tetapi inilah masa kamu dan
masa kuasa kegelapan.'

Petrus menyangkal Isa

54 Setelah menangkap Isa, mereka membawa Dia ke rumah imam agung. Petrus pun mengikut
dari jauh. 55 Mereka memasang api unggun di tengah-tengah halaman rumah itu lalu duduk di
sekeliling. Petrus juga duduk antara mereka. 56 Apabila seorang hamba perempuan melihat Petrus
duduk berdekatan dengan api unggun, dia memandang kepadanya dan berkata, 'Orang ini juga
bersama Dia.'

57 Tetapi Petrus menyangkal katanya, 'Perempuan, aku tidak mengenal Dia!'

58 Sejurus selepas itu, seorang lain pula melihat Petrus lalu berkata, 'Ya, engkau salah seorang
daripada mereka itu.'

Tetapi Petrus menjawab, 'Bukan, aku bukan!' 59 Kira-kira sejam kemudian, seorang lain pula

berkeras mengatakan, ‘Tentulah orang ini juga bersama Dia kerana dia juga seorang Galilea.’

60 Tetapi Petrus berkata, ‘Aku tidak memahami apa yang kaukatakan.’ Pada ketika itu juga,
sedang Petrus berkata-kata, ayam berkokok. 61 Junjungan berpaling dan memandang kepada Petrus
lalu Petrus pun teringat akan apa yang dikatakan Junjungan kepadanya bahawa, ‘Sebelum ayam
berkokok pada hari ini, engkau akan menyangkal Aku sebanyak tiga kali.’ 62 Petrus pun keluar lalu
menangis dengan sangat kesalnya.

Isa diejek dan dipukul

63 Orang yang mengawal Isa mengejek-ngejek dan memukul Dia. 64 Mereka menutupi mata Isa
dan bertanya, ‘Siapakah yang memukul Engkau? Buatlah nubuat!’ 65 Mereka mengatakan banyak lagi
perkara yang menghina kepada-Nya.

Isa di hadapan Majlis Agama

66 Pada pagi hari, tua-tua masyarakat, ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat bermesyuarat,
dan Isa dibawa ke hadapan Majlis Agama. Mereka berkata, 67 ‘Jikalau Engkau al-Masih, katakanlah
kepada kami.’

Isa berkata kepada mereka, ‘Jikalau Aku mengatakan kepadamu, kamu tidak percaya juga. 68 Dan
jikalau Aku bertanya kepadamu, kamu juga tidak menjawab. 69 Tetapi mulai sekarang, Putera Insan
akan duduk di sebelah kanan Allah Yang Maha Kuasa.’

70 Mereka semua bertanya, ‘Kalau begitu, Engkaulah Putera Allah?’

Isa berkata kepada mereka, ‘Benarlah katamu.’

71 Mereka berkata, ‘Apa perlunya saksi lagi? Kita sendiri telah mendengar apa yang dikatakan-
Nya!’

23 *Isa di hadapan Pilatus*

1 Semua anggota Majlis Agama bangun lalu membawa Isa menghadap Pilatus. 2 Mereka mula
menuduh Dia, ‘Kami telah mendapati orang ini menyesatkan bangsa kami, menghasut orang supaya
tidak membayar cukai kepada Kaisar dan mengaku diri-Nya al-Masih, seorang raja!’

3 Pilatus bertanya kepada Isa, ‘Engkaukah raja orang Yahudi?’ Isa menjawab, ‘Begitulah seperti
katamu.’

4 Pilatus berkata kepada ketua-ketua imam dan orang ramai itu, ‘Aku tidak mendapati-Nya
bersalah.’

5 Tetapi mereka semakin mendesak, ‘Dia menghasut orang di seluruh Yudea supaya
memberontak dengan ajaran-Nya. Dia memulakannya di Galilea dan sekarang telah sampai ke
tempat ini.’

Isa di hadapan Herodes

6 Setelah Pilatus mendengar hal ini, dia bertanya sama ada Isa seorang Galilea. 7 Ketika Pilatus
mengetahui Isa berasal dari jajahan pemerintahan Herodes, dia menyuruh supaya Isa dibawa kepada
Herodes kerana pada masa itu Herodes ada di kota Baitulmaqdis.

8 Apabila Isa dibawa kepada Herodes, dia sangat sukacita. Sudah lama dia hendak bertemu
dengan Isa kerana dia telah mendengar banyak hal tentang Isa. Lagi pun, dia berharap dapat
menyaksikan Isa melakukan mukjizat. 9 Jadi, Herodes mengemukakan banyak soalan kepada Isa
tetapi Isa tidak menjawab sepatah kata pun. 10 Ketua-ketua imam dan guru-guru Taurat tampil ke
hadapan dan melemparkan tuduhan terhadap Isa. 11 Herodes dan askar-askarnya menghina Isa dan
sebagai ejekan mengenakan pakaian indah pada-Nya lalu menghantar-Nya kembali kepada
Pilatus. 12 Semenjak hari itu, Herodes dan Pilatus bersahabat; mereka bermusuhan sebelum itu.

Isa dijatuhi hukuman mati

13 Pilatus memanggil ketua-ketua imam, para pemimpin masyarakat dan orang ramai 14 lalu
berkata kepada mereka, ‘Kamu telah membawa orang ini kepadaku dan mengatakan Dia
menyesatkan rakyat. Aku telah menyoal-Nya di hadapanmu dan aku tidak mendapati Dia bersalah

atas satu pun tuduhanmu.[15] Herodes pun tidak mendapati Dia bersalah, kerana Dia dihantar kembali
kepada kami. Tiada apa-apa yang dilakukan-Nya sehingga Dia patut dijatuhi hukuman mati. [16] Oleh
itu, aku akan menyebat-Nya, kemudian membebaskan-Nya.' [17] Pada setiap perayaan Paska Pilatus
akan membebaskan salah seorang tahanan bagi mereka.

[18] Tetapi semua orang berteriak, 'Bunuh Dia! Bebaskan Barabas bagi kami.' [19] (Barabas telah
dipenjarakan kerana terlibat dalam satu rusuhan yang berlaku di kota dan kerana pembunuhan.)

[20] Pilatus hendak membebaskan Isa. Oleh itu, dia berseru kepada orang ramai sekali
lagi. [21] Tetapi orang ramai itu berteriak-teriak lagi, 'Salibkan Dia! Salibkan Dia!'

[22] Pada kali ketiga Pilatus berkata kepada mereka: 'Apakah kesalahan-Nya? Aku tidak mendapati
Dia bersalah sehingga patut dikenakan hukuman mati. Oleh sebab itu, aku akan menyebat-Nya dan
kemudian membebaskan-Nya.'

[23] Tetapi orang ramai itu terus-menerus berteriak dengan kuat supaya Isa disalib. Akhirnya,
mereka berjaya. [24] Pilatus memutuskan supaya tuntutan orang ramai itu dilaksanakan. [25] Dia
membebaskan orang yang dikehendaki mereka, orang yang dipenjarakan kerana terlibat dalam
rusuhan dan pembunuhan, tetapi Isa diserahkannya untuk diperlakukan menurut kehendak mereka.

Isa disalib

[26] Ketika askar-askar membawa Isa ke tempat orang disalib, mereka berjumpa dengan seorang
lelaki yang bernama Simon. Dia berasal dari Kirene dan sedang dalam perjalanan ke kota. Askar-
askar menangkapnya, memaksanya memikul salib Isa dan berjalan di belakang-Nya. [27] Ramai orang
mengikut Isa; antara mereka beberapa orang perempuan yang menangisi dan meratapi-Nya. [28] Isa
berpaling kepada mereka lalu berkata, 'Kaum perempuan Baitulmaqdis, janganlah tangisi Aku
melainkan tangisilah dirimu dan anak-anakmu sendiri. [29] Masanya akan datang kelak apabila orang
akan berkata, "Diberkatilah perempuan yang tidak pernah mengandung, melahirkan dan menyusui
anak!" [30] Pada masa itulah

' "mereka akan berkata kepada gunung-gunung,

'Timpalah kami!' dan kepada bukit-bukit,

'Timbusi kami!' "

[31] 'Jikalau perbuatan begini dilakukan mereka terhadap pokok kayu yang masih hijau, apatah lagi
terhadap pokok yang kering?'

[32] Ada dua orang lain, iaitu kedua-duanya penjahat, yang akan dibunuh bersama Isa. [33] Setelah
mereka sampai ke tempat yang bernama, 'Tengkorak,' mereka pun menyalib Isa dan kedua-dua
orang penjahat itu, seorang di sebelah kanan dan seorang di sebelah kiri-Nya. [34] Isa berkata, 'Ya
Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan.' Mereka membahagi-
bahagikan pakaian-Nya dengan membuang undi.

[35] Orang ramai yang berdiri di situ memandang sahaja sementara para pemimpin masyarakat
mengejek-ngejek-Nya, 'Orang lain diselamatkan-Nya; biarlah Dia menyelamatkan diri-Nya sekarang
jikalau Dia sesungguhnya al-Masih yang dipilih oleh Allah.'

[36] Askar-askar juga mengejek-ngejek Isa. Mereka mendekati-Nya dan membawa air anggur
masam kepada-Nya [37] lalu berkata, 'Jika Engkau Raja orang Yahudi, selamatkanlah Diri-Mu.'

[38] Pada sebelah atas kayu salib Isa tertulis kata-kata: 'INILAH RAJA ORANG YAHUDI.'

[39] Seorang daripada penjahat yang disalib di situ mula menghina Isa. Dia berkata, 'Bukankah
Engkau al-Masih? Selamatkanlah Diri-Mu dan kami!'

[40] Tetapi seorang penjahat lagi menegurnya, 'Tidakkah kamu takut akan Allah? Kita sama-sama
dihukum mati. [41] Bagi kita, hukuman ini adil kerana kita menerima balasan yang setimpal; tetapi orang
ini tidak melakukan kesalahan apa-apa.'

[42] Dia berkata kepada Isa, 'Ya Isa, ingatilah aku ketika Engkau menaiki takhta kerajaan-Mu.'

[43] Isa menjawab, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu bahawa pada hari ini juga engkau akan
bersama-Ku dalam Firdaus.'

Kewafatan Isa

44 Ketika itu kira-kira pukul dua belas tengah hari, kegelapan menyelubungi seluruh negeri itu
sehingga pukul tiga petang kerana matahari gerhana. 45 Tirai yang tergantung di dalam rumah ibadat
pun koyak terbelah dua. 46 Isa berseru dengan suara yang kuat, ‘Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku
ke dalam tangan-Mu!’ Setelah Isa berkata demikian, Dia pun wafat.

47 Ketua tentera yang menyaksikan apa yang telah terjadi memuji Allah, ‘Sesungguhnya, orang ini
orang yang benar.’ 48 Orang ramai yang telah berkumpul untuk menyaksikan peristiwa itu, pulang
menebah dada mereka. 49 Semua sahabat Isa, termasuk perempuan-perempuan yang telah mengikut
Dia dari Galilea, berdiri dari jauh untuk menyaksikan segala perkara ini.

Isa dimakamkan

50 Terdapat seorang yang bernama Yusuf. Dia berasal dari kota Arimatea di negeri Yudea. Dia
seorang yang baik dan berakhlak tinggi. Dia juga sedang menantikan kerajaan Allah. 51 Walaupun
seorang anggota Majlis Agama, dia tidak bersetuju dengan keputusan dan tindakan majlis itu. 52 Dia
pergi menghadap Pilatus untuk meminta jenazah Isa. 53 Kemudian, Yusuf menurunkan jenazah itu
daripada salib, mengkafankannya lalu membaringkannya di dalam sebuah makam yang dipahat pada
bukit batu. Makam itu belum pernah digunakan. 54 Hari itu ialah hari Jumaat, dan hari Sabat hampir
bermula.

55 Perempuan-perempuan yang telah mengikut Isa dari Galilea pergi bersama Yusuf untuk melihat
makam itu dan bagaimana jenazah Isa diletakkan di dalamnya. 56 Kemudian, mereka pulang lalu
menyediakan rempah-rempah yang harum dan minyak wangi-wangian untuk jenazah Isa. Pada hari
Sabat mereka berehat mengikut hukum Taurat.

24 *Kebangkitan Isa*

1 Awal-awal lagi pada hari Ahad, perempuan-perempuan itu pun pergi ke makam dengan membawa
rempah-rempah harum yang telah disediakan mereka. 2 Mereka mendapati batu penutup makam itu
telah digulingkan dari makam. 3 Apabila mereka masuk ke dalam, jenazah Isa tiada lagi. 4 Mereka
berdiri di situ dan berasa kebingungan tentang perkara ini. Tiba-tiba ada dua orang yang berpakaian
berkilau-kilauan, berdiri di sisi mereka. 5 Perempuan-perempuan itu sangat takut lalu sujud. Kedua-
dua orang itu berkata kepada mereka, ‘Mengapakah kamu mencari Dia yang hidup di antara orang
mati? 6 Dia tiada di sini. Dia sudah bangkit! Ingatlah apa yang telah dikatakan oleh-Nya kepadamu
ketika Dia di Galilea: 7 “Putera Insan harus diserahkan kepada orang berdosa. Dia akan disalib dan
bangkit pada hari yang ketiga.” ’ 8 Mereka pun teringatlah akan kata-kata Isa.

9 Sekembali mereka dari makam itu, mereka memberitahu segala perkara ini kepada sebelas
orang rasul dan semua pengikut yang lain. 10 Mereka, iaitu Maryam orang Magdala, Yohanah,
Maryam, ibu Yakobus dan perempuan-perempuan yang lain mengatakan segala perkara itu kepada
rasul-rasul itu. 11 Tetapi mereka itu menganggap apa yang dikatakan oleh perempuan-perempuan itu
sebagai karut lalu tidak mempercayai mereka. 12 Tetapi Petrus bangun dan berlari ke makam itu. Dia
membongkok ke dalam lalu nampak kain kafan sahaja di situ. Dia pulang dengan hairan sambil
memikirkan apa yang telah berlaku.

Perjalanan ke kampung Emaus

13 Pada hari itu juga dua orang antara pengikut Isa sedang dalam perjalanan ke sebuah kampung
yang bernama Emaus, kira-kira tujuh batu jauhnya dari Baitulmaqdis. 14 Kedua-duanya berbual-bual
tentang segala yang telah berlaku itu. 15 Ketika mereka berbual-bual dan berbincang, Isa sendiri
menghampiri mereka lalu berjalan bersama-sama. 16 Mereka nampak Isa tetapi mereka tidak
mengenali Dia.

17 Isa berkata kepada mereka, ‘Apakah perkara-perkara yang sedang kamu bincangkan dalam
perjalanan kamu ini?’

Mereka pun berhenti di situ dengan berwajah murung.

18 Seorang daripadanya yang bernama Kleopas bertanya kepada Isa, ‘Engkaukah satu-satunya
orang di Baitulmaqdis yang belum mengetahui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam beberapa
hari ini?’

19 Isa berkata, ‘Apakah yang telah berlaku?’

Mereka menjawab, ‘Segala perkara yang berlaku kepada Isa, orang Nasaret. Dia seorang nabi. Di
sisi Allah dan pada pandangan orang, Dia berkuasa dalam apa yang dikatakan dan dilakukan-
Nya. 20 Ketua-ketua imam dan para pemimpin kita telah menyerahkan-Nya untuk dijatuhi hukuman
mati lalu mereka menyalib-Nya. 21 Kami telah berharap bahawa Dialah yang akan membebaskan
Israel. Tambahan lagi, hari ini ialah hari yang ketiga semenjak perkara-perkara itu telah
berlaku. 22 Beberapa orang perempuan daripada golongan kami telah menakjubkan kami. Mereka
telah siang-siang ke makam pada pagi tadi. 23 Akan tetapi, mereka tidak mendapati jenazah-Nya.
Mereka pulang menceritakan bahawa mereka nampak malaikat-malaikat yang memberitahu mereka
bahawa Dia hidup. 24 Beberapa orang daripada kumpulan kami telah pergi ke makam itu dan
mendapati sebagaimana yang dikatakan oleh perempuan-perempuan itu, tetapi mereka tidak nampak
Dia.’

25 Kemudian, Isa berkata kepada mereka, ‘Betapa bodohnya kamu! Betapa lambatnya kamu
percaya akan segala kata nabi-nabi! 26 Bukankah al-Masih harus menderita sedemikian untuk
mencapai kemuliaan-Nya?’ 27 Lalu Isa menerangkan kepada mereka apa yang tersurat tentang-Nya
dalam semua kitab mulai dari kitab-kitab Musa sehingga semua kitab para nabi yang lain.

28 Apabila mereka menghampiri kampung yang dituju mereka itu, Isa kelihatan seolah-olah Dia
hendak meneruskan perjalanan. 29 Tetapi kedua-dua orang itu menjemput-Nya dengan berkata,
‘Bermalamlah dengan kami kerana hari hampir senja dan mulai gelap.’ Dia pun masuk ke rumah dan
bermalam dengan mereka.

30 Ketika Dia duduk untuk makan bersama mereka, Dia mengambil roti dan mengucap syukur. Dia
membahagikan roti itu lalu memberikannya kepada mereka. 31 Pada ketika itu juga mata mereka
dicelikkan dan mereka pun mengenali Dia. Lalu Dia lenyap daripada pandangan mereka. 32 Mereka
berkata satu sama lain, ‘Bukankah hati kita meluap-luap ketika Dia berkata-kata kepada kita dalam
perjalanan tadi dan semasa Dia menerangkan Kitab Suci kepada kita?’

33 Mereka terus bangun dan kembali ke Baitulmaqdis. Mereka mendapati sebelas pengikut itu
berkumpul dengan pengikut yang lain. 34 Mereka berkata, ‘Sesungguhnya, Junjungan telah bangkit.
Dia menampakkan diri-Nya kepada Simon!’ 35 Lalu kedua-dua orang itu menceritakan apa yang telah
berlaku dalam perjalanan mereka dan bagaimana mereka telah mengenali Isa semasa Dia
membahagikan roti.

Isa menunjukkan diri-Nya kepada para pengikut-Nya

36 Semasa mereka berkata-kata tentang segala perkara ini, Isa sendiri berdiri di tengah-tengah
mereka dan berkata kepada mereka, ‘Sejahteralah kamu!’

37 Mereka terkejut dan berasa sangat takut kerana menyangka mereka melihat hantu. 38 Tetapi Isa
berkata kepada mereka, ‘Apakah sebabnya kamu takut? Mengapakah hatimu ragu-
ragu? 39 Tengoklah tangan dan kaki-Ku. Inilah Aku. Sentuhlah Aku dan tengok. Hantu tidak berdaging
dan bertulang sebagaimana yang kamu lihat ada pada-Ku.’

40 Setelah Dia berkata demikian, Dia menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada
mereka. 41 Mereka masih tidak dapat percaya kerana terlalu gembira dan takjub. Isa pun bertanya
kepada mereka, ‘Adakah kamu mempunyai makanan di sini?’ 42 Mereka memberi Dia sepotong ikan
yang telah dimasak, 43 lalu Dia mengambilnya dan makan di hadapan mereka semua.

44 Kemudian, Dia berkata kepada mereka, ‘Inilah perkara-perkara yang telah Aku katakan
kepadamu semasa Aku masih bersamamu dahulu: Segala perkara yang tersurat tentang Aku dalam
Taurat Musa, kitab-kitab nabi dan Kitab Zabur pasti akan berlaku.’

45 Lalu Dia membuka pintu pemahaman mereka supaya mereka mengerti maksud Kitab
Suci. 46 Dia berkata lagi, ‘Demikianlah yang tersurat: Bahawa al-Masih harus menderita lalu bangkit
semula daripada maut pada hari yang ketiga, 47 dan perkhabaran tentang pertaubatan dan
pengampunan dosa akan diisytiharkan demi nama-Nya kepada semua bangsa, mulai di
Baitulmaqdis. 48 Kamulah saksi segala perkara ini. 49 Dan Aku akan mengurniakan pemberian yang
dijanjikan oleh Bapa-Ku kepadamu. Tetapi, tunggulah di kota ini sehingga kamu diperlengkapi dengan
kuasa daripada Allah.’

Isa diangkat ke syurga

50 Kemudian Isa membawa pengikut-pengikut-Nya ke luar kota sehingga Baitani. Di situ Dia

mengangkat tangan-Nya lalu memberkati mereka. [51] Ketika Dia memberkati mereka, Dia diangkat ke
syurga lalu meninggalkan mereka. [52] Pengikut-pengikut-Nya menyembah-Nya dan kembali ke
Baitulmaqdis dengan penuh kegembiraan. [53] Mereka menumpukan masa di rumah ibadat untuk
memuji Allah.

Yahya

1 *Firman menjadi insan*

1 Pada permulaan sudah wujud Firman, dan Firman itu bersama Allah dan Firman itu adalah
Allah. 2 Dia bersama Allah pada permulaan.

3 Segala-galanya diciptakan melalui Dia. Dari segala yang wujud, tiada suatu pun yang dicipta
tanpa-Nya. 4 Hidup ada di dalam-Nya, dan hidup itu cahaya manusia. 5 Dan Cahaya itu bersinar dalam
kegelapan, dan kegelapan tidak menguasainya.

6 Allah mengutus seorang bernama Yahya. 7 Dia datang untuk memberi kesaksian tentang Cahaya
itu, supaya semua orang akan percaya melalui Dia. 8 Dia sendiri bukanlah Cahaya itu, dia datang
untuk memberi kesaksian tentang-Nya. 9 Itulah Cahaya yang benar, Cahaya yang menerangi setiap
manusia di dunia.

10 Dia berada di dunia, dan dunia telah dicipta melalui-Nya, namun manusia di dunia tidak
mengenal-Nya. 11 Dia datang kepada milik-Nya sendiri, tetapi milik-Nya tidak menerima-Nya. 12 Namun
demikian, Dia memberi hak menjadi anak Allah kepada mereka yang menerima-Nya dan percaya
dalam nama-Nya. 13 Kelahiran mereka bukan melalui darah keturunan, atau kehendak tabii manusia,
atau kemahuan seorang lelaki, tetapi kerana perbuatan Allah.

14 Firman itu menjadi manusia dan hidup di kalangan kita. Kita melihat kemuliaan-Nya sebagai
Putera tunggal yang datang daripada Allah Bapa, penuh dengan kasih kurnia dan kebenaran.

15 Yahya memberi kesaksian tentang-Nya. Dia berseru, ‘Inilah Dia yang kukatakan akan datang
selepasku, tetapi Dia lebih besar daripadaku, kerana Dia sudah ada sebelum aku.’ 16 Daripada limpah
kesempurnaan-Nya kita semua telah menerima kasih kurnia dan berkat. 17 Ini kerana hukum Taurat
disampaikan melalui Musa, tetapi kasih kurnia dan kebenaran dinyatakan melalui Isa al-
Masih. 18 Tiada siapa pernah melihat Allah, melainkan Yang Esa dan Ilahi yang ada di pangkuan
Bapa, telah menyerlahkan-Nya.

Kesaksian Yahya

19 Inilah kesaksian Yahya, apabila orang Yahudi di Baitulmaqdis mengutus para imam dan orang
Lewi untuk bertanya kepadanya, ‘Siapakah kamu?’ 20 Yahya mengaku, ‘Aku bukanlah al-Masih’.

21 Mereka bertanya, ‘Jadi, kamu ini siapa? Ilyas?’

‘Bukan,’ jawabnya.

‘Adakah kamu nabi?’

Dia menjawab, ‘Bukan.’

22 Kemudian mereka berkata, ‘Siapakah kamu? Katakanlah, supaya kami dapat menyampaikan
jawapan kepada orang yang mengutus kami. Menurut katamu sendiri, kau ini siapa?’

23 Yahya menjawab, ‘Aku ini satu suara yang berseru di gurun, “Luruskanlah jalan untuk Tuhan,”
sebagaimana kata Nabi Yasyaya.’

24 Di antara orang yang diutus itu ada beberapa orang Farisi. 25 Mereka terus menyoal,
‘Mengapakah kamu mengimadkan orang, kiranya kamu bukan al-Masih, bukan Ilyas dan bukan pula
nabi?’

26 Yahya menjawab, ‘Aku mengimadkan dengan air, tetapi di kalanganmu ada seorang yang tidak
kamu kenali, 27 iaitu Dia yang datang selepasku. Aku tidak layak mengurai tali kasut-Nya pun.’

28 Semua ini terjadi di Baitani, di seberang Sungai Yordan; di situlah Yahya mengimadkan orang.

Isa, Anak Domba Allah

29 Pada keesokan harinya, Yahya melihat Isa berjalan ke arahnya lalu berseru, ‘Lihatlah Anak
Domba Allah yang menghapuskan dosa umat manusia! 30 Dialah yang kukatakan akan datang

selepasku tetapi lebih besar daripadaku kerana Dia telah ada sebelumku. [31] Dahulu aku tidak
mengenal Dia. Tetapi untuk itulah aku datang dan mengimadkan orang dengan air, supaya Dia
dinyatakan kepada Israel.'

[32] Yahya memberi kesaksian: 'Aku melihat Roh seperti burung merpati turun dari langit lalu
hinggap di atas-Nya. [33] Dahulu aku sendiri pun tidak mengenal-Nya, tetapi Dia yang mengutusku
untuk mengimadkan orang dengan air telah berfirman kepadaku, "Engkau akan melihat Roh turun lalu
hinggap di atas seorang. Dialah yang akan mengimadkan orang dengan Roh Suci." [34] Hal itu telah
kulihat sendiri, maka aku berkata kepadamu, Dialah Putera Allah.'

Pengikut-pengikut Isa yang pertama

[35] Pada hari yang berikut, Yahya berada di situ lagi bersama dua orang pengikutnya. [36] Dia
melihat lagi Isa lalu di tempat itu dan dia berseru, 'Lihatlah Anak Domba Allah!'

[37] Apabila dua orang pengikut Yahya itu mendengar kata-kata demikian, mereka pun mengikut
Isa. [38] Isa menoleh dan melihat mereka mengikut-Nya lalu bertanya, 'Apa hajatmu?'

Mereka menjawab, 'Rabbi (ertinya Guru), di manakah Engkau tinggal?'

[39] 'Marilah lihat,' kata Isa.

Mereka terus mengikut-Nya dan melihat tempat tinggal-Nya. Waktu itu kira-kira pukul empat.
Mereka pun tinggal bersama Isa pada hari itu.

[40] Seorang daripada mereka ialah Andreas, saudara Simon Petrus. [41] Andreas segera mencari
Simon dan berkata, 'Kami telah bertemu dengan al-Masih!' [42] Selepas itu, Andreas membawa Simon
berjumpa dengan Isa.

Isa memandang Simon lalu berkata, 'Kamu Simon anak Yahya, tetapi kamu akan digelar Kefas.'
(Kefas sama ertinya dengan Petrus, yakni batu pejal.)

[43] Pada keesokan harinya, Isa membuat keputusan hendak pergi ke Galilea. Dia berjumpa dengan
Filipus dan berkata, 'Ikutlah Aku.'

[44] Seperti Andreas dan Petrus, Filipus juga warga kota Baitsaida. [45] Filipus pula mendapatkan
Natanael dan berkata, 'Kami telah bertemu dengan orang yang disebut oleh Musa dalam kitab Taurat
dan oleh nabi-nabi. Orang itu ialah Isa anak Yusuf dari Nasaret.'

[46] Tetapi Natanael berkata, 'Mungkinkah sesuatu yang baik datang dari Nasaret?'

'Marilah lihat,' balas Filipus.

[47] Ketika Isa melihat Natanael berjalan ke arah-Nya, Dia berkata, 'Ini orang Israel tulen, tiada
yang palsu pada dirinya.'

[48] Natanael bertanya, 'Bagaimana Engkau mengenal aku?'

Isa menjawab, 'Sebelum Filipus memanggilmu, Aku telah melihatmu di bawah pokok ara itu.'

[49] Natanael berseru, 'Tuan Guru, Engkau Putera Allah! Engkau Raja bangsa Israel!'

[50] Isa berkata, 'Adakah kamu beriman kepada-Ku kerana Aku berkata Aku nampak kamu di
bawah pokok ara itu? Kamu akan melihat hal-hal yang jauh lebih hebat daripada ini!' [51] Isa berkata
kepada mereka semua, 'Percayalah, kamu akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah
turun naik menemui Putera Insan.'

2 *Perkahwinan di Kana*

[1] Pada hari yang ketiga, suatu majlis perkahwinan diadakan di kota Kana di negeri Galilea. Ibu Isa
turut hadir. [2] Isa dan pengikut-pengikut-Nya juga dijemput ke majlis itu. [3] Apabila air anggur yang ada
habis diminum, ibu Isa berkata kepada-Nya, 'Mereka kehabisan air anggur.'

[4] Isa menjawab, 'Puan, usahlah suruh Aku. Saat-Ku belum tiba.'

[5] Namun, ibu Isa berkata kepada pelayan-pelayan di majlis itu, 'Buatlah apa saja yang disuruh-
Nya.'

[6] Di situ ada enam buah tempayan yang digunakan untuk istiadat penyucian orang Yahudi. Tiap-
tiap tempayan dapat memuat kira-kira seratus liter air.

7 Isa berkata kepada pelayan-pelayan, ‘Isilah tempayan-tempayan ini dengan air.’ Mereka pun
mengisi penuh keenam-enam tempayan itu.

8 Setelah itu Isa berkata pula, ‘Sekarang ambillah sedikit air itu, bawakan kepada ketua majlis.’
Mereka pun menghidangkan air itu kepada ketua majlis.

9 Setelah ketua majlis merasa air yang telah menjadi air anggur itu, dia pun memanggil pengantin
lelaki. Dia tidak tahu dari mana datangnya air anggur itu, tetapi para pelayan yang mengambil dan
membawa air itu mengetahuinya. 10 Dia berkata kepada pengantin lelaki, ‘Selalunya orang
menghidangkan air anggur yang terbaik di awal majlis. Setelah tetamu banyak minum, dihidangkan
pula air anggur yang biasa saja. Tetapi kamu menyimpan dulu air anggur yang terbaik, sekarang baru
dihidangkan!’

11 Itulah mukjizat Isa yang pertama, dilakukan di Kana, Galilea. Dia menyatakan kemuliaan-Nya,
maka para pengikut-Nya percaya kepada-Nya.

Isa menyucikan rumah ibadat

12 Setelah itu Isa bersama ibu-Nya, saudara-saudara-Nya dan pengikut-pengikut-Nya pergi ke
Kapernaum lalu tinggal di situ beberapa hari.

13 Ketika perayaan Paska orang Yahudi hampir tiba, Isa pergi ke Baitulmaqdis. 14 Di dalam rumah
ibadat Dia mendapati orang berjual-beli lembu, domba dan burung merpati, serta pengurup-pengurup
wang duduk di situ. 15 Isa membuat cemeti daripada tali lalu mengusir kesemua orang, domba dan
lembu dari rumah ibadat. Dia juga menghamburkan wang para pengurup wang itu dan menterbalikkan
meja mereka. 16 Dia berkata kepada penjual burung merpati, ‘Bawa keluar semuanya. Jangan jadikan
Rumah Bapa-Ku tempat berniaga!’

17 Para pengikut-Nya teringat bahawa telah tersurat: ‘Kasih-Ku terhadap Rumah-Mu membakar
hati-Ku!’

18 Orang Yahudi menyoal Isa, ‘Apakah mukjizat yang dapat Kamu lakukan sebagai bukti bahawa
Kamu berhak bertindak begini?’

19 Isa menjawab, ‘Robohkanlah rumah ibadat ini, akan Kubina semula dalam tiga hari.’

20 ‘Pembinaannya mengambil masa empat puluh enam tahun! Akan Kaubina semula dalam tiga
hari?’ tanya mereka. 21 Sebenarnya, rumah ibadat yang dimaksudkan oleh Isa itu ialah tubuh-Nya
sendiri. 22 Apabila Isa bangkit daripada kematian, para pengikut-Nya teringat kata-kata-Nya itu.
Dengan demikian percayalah mereka akan Kitab Suci dan kata-kata Isa.

23 Sewaktu Isa di Baitulmaqdis pada masa perayaan Paska, ramai orang yang percaya kepada-
Nya disebabkan mukjizat-mukjizat yang dilakukan-Nya. 24 Namun demikian, Isa tidaklah
mempercayakan diri-Nya kepada mereka, kerana Dia mengetahui isi hati manusia. 25 Dia tidak
memerlukan kesaksian sesiapa tentang manusia kerana Dia mengetahui niat dan perasaan setiap
orang.

3 *Isa mengajar Nikodemus*

1 Pada masa itu ada seorang pemimpin Yahudi dari golongan Farisi bernama Nikodemus. 2 Dia
mengunjungi Isa pada suatu malam lalu berkata, ‘Tuan Guru, kami tahu bahawa Engkau guru yang
datang daripada Allah. Tidak mungkin seseorang melakukan mukjizat seperti yang Kaulakukan kecuali
Allah menyertai-Nya.’

3 Isa menjawab, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali seseorang dilahirkan semula, dia
tidak dapat melihat kerajaan Allah.’

4 Nikodemus bertanya, ‘Bagaimana seorang dewasa mungkin dilahirkan semula? Tidak mungkin
dia masuk semula ke rahim ibunya lalu dilahirkan sekali lagi!’

5 Isa menjawab, ‘Apa yang Kukatakan ini benar. Tidak mungkin seseorang masuk ke dalam
kerajaan Allah kecuali dia dilahirkan daripada air dan Roh Suci. 6 Yang dilahirkan manusia adalah
manusia, dan yang dilahirkan Roh adalah roh. 7 Janganlah hairan akan kata-kata-Ku bahawa kamu
semua perlu dilahirkan semula. 8 Angin bertiup semahunya. Kita mendengar bunyinya, tetapi tidak tahu
dari mana datangnya dan ke mana perginya. Demikianlah juga dengan orang yang dilahirkan oleh
Roh Suci.’

[9] Nikodemus bertanya, ‘Bagaimana hal itu boleh berlaku?’

[10] Isa menjawab, ‘Kamu pengajar bangsa Israel dan kamu tidak mengetahui hal
ini? [11] Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, apa yang kami ketahui, itulah yang kami katakan, dan
apa yang telah kami lihat, itulah yang kami saksikan, tetapi kamu tidak mahu menerimanya. [12] Jika
kamu tidak percaya ketika Aku bercakap tentang hal-hal dunia, bagaimana mungkin kamu percaya
sekiranya Aku bercakap tentang hal-hal syurga? [13] Tiada seorang pun pernah naik ke syurga, kecuali
Putera Insan yang turun dari syurga. [14] Sebagaimana ular diangkat oleh Musa di gurun, begitulah
Putera Insan akan diangkat [15] supaya semua yang percaya kepada-Nya mendapat hidup yang kekal.

[16] ‘Allah begitu mengasihi umat manusia sehingga menganugerahkan Putera-Nya yang tunggal
supaya orang yang percaya kepada Putera itu tidak binasa tetapi mendapat hidup kekal. [17] Allah
mengutus Putera-Nya ke dunia bukan untuk menghakimi dunia tetapi supaya melalui Dia, dunia ini
diselamatkan. [18] Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak dijatuhi hukuman. Sebaliknya, sesiapa yang
tidak percaya sudahpun dijatuhi hukuman, kerana dia tidak percaya dalam nama Putera Allah yang
tunggal. [19] Penghakiman berdasarkan hal ini: Cahaya sudah datang ke dunia, tetapi manusia lebih
suka akan kegelapan kerana mereka berbuat jahat. [20] Orang yang berbuat jahat benci akan cahaya
dan tidak mahu mendekatinya kerana takut perbuatan jahatnya terdedah. [21] Tetapi orang yang
berbuat benar merapati cahaya, supaya jelas bahawa perbuatannya dilakukan melalui Allah.’

Kesaksian Yahya yang terakhir

[22] Selepas itu, Isa dan para pengikut-Nya pergi ke wilayah Yudea. Isa tinggal bersama mereka di
sana dan mengimadkan orang. [23] Yahya pula mengimadkan di Ainon, tidak berapa jauh dari Salim,
kerana di situ ada banyak air. Orang datang kepadanya dan dia mengimadkan mereka. [24] Pada masa
itu, Yahya belum lagi dimasukkan ke dalam penjara.

[25] Pada suatu hari tercetus pertengkaran antara sebilangan pengikut Yahya dan seorang Yahudi
tentang istiadat penyucian. [26] Mereka pergi kepada Yahya dan berkata, ‘Tuan Guru, seorang yang
bersama Tuan Guru di seberang Sungai Yordan dulu, orang yang Tuan Guru tunjukkan kepada kami,
Dia mengimadkan orang dan semua orang pergi kepada-Nya.’

[27] Yahya menjawab, ‘Seseorang tidak mungkin menerima sesuatu kecuali diberi kepadanya dari
syurga. [28] Kamu semua menjadi saksiku bahawa aku telah berkata, “Aku bukanlah al-Masih, tetapi
aku diutus sebelum-Nya.” [29] Yang mendapatkan pengantin perempuan adalah pengantin lelaki.
Sahabat pengantin lelaki yang cuma menanti dan mendengarkan ketibaan pengantin lelaki, berasa
bahagia ketika mendengar suara pengantin lelaki. Demikian juga aku. Sekarang sempurnalah
kebahagiaanku. [30] Memang sewajarnya Dia semakin utama dan aku semakin kecil.

[31] ‘Dia yang datang dari atas adalah di atas segala-galanya. Orang yang berasal dari dunia
datang dari dunia dan bercakap tentang hal-hal dunia. Tetapi Dia yang datang dari syurga adalah di
atas segala-galanya, [32] Dia menyampaikan apa yang dilihat dan didengar-Nya, tetapi tidak ada
seorang pun yang menerima kesaksian-Nya. [33] Namun begitu, mereka yang menerima kesaksian-Nya
mengaku bahawa Allah itu benar. [34] Dia yang diutus oleh Allah menyampaikan firman Allah, kerana
Allah mengurniakan-Nya Roh Suci sepenuhnya. [35] Bapa kasih akan Putera-Nya dan telah meletakkan
segala-galanya di bawah kuasa Putera-Nya. [36] Sesiapa yang percaya kepada Putera itu mendapat
hidup yang kekal. Sesiapa yang tidak taat kepada-Nya tidak akan mendapat hidup yang kekal itu dan
kemurkaan Allah kekal ke atasnya.’

4 *Isa bercakap dengan perempuan Samaria*

[1] Ketika Isa mengetahui orang Farisi telah mendengar berita bahawa Dia mendapat dan
mengimadkan lebih ramai pengikut berbanding Yahya, [2] (sebenarnya para pengikut Isa yang
mengimadkan, bukan Isa), [3] Dia pun meninggalkan Yudea lalu pulang ke Galilea semula.

[4] Dalam perjalanan-Nya itu, Isa semestinya melalui Samaria. [5] Di Samaria, Isa sampai di bandar
Sikhar, berdekatan dengan sebidang tanah yang dahulu diberikan oleh Yakub kepada anaknya
Yusuf. [6] Di situ ada sebuah perigi Yakub. Oleh sebab berasa letih setelah berjalan jauh, Isa duduk
berehat di tepi perigi itu. Waktu itu kira-kira jam yang keenam.

[7] Kemudian datanglah seorang perempuan Samaria untuk menimba air. Lalu Isa berkata
kepadanya, ‘Berilah Aku minum.’ [8] Pengikut-pengikut Isa telah pergi ke bandar untuk membeli
makanan.

[9] Perempuan Samaria itu menjawab, ‘Bagaimana Tuan seorang Yahudi meminta minum
daripadaku, seorang perempuan Samaria?’ (Orang Yahudi tidak berurusan dengan orang Samaria.)

[10] Isa menjawab, ‘Kalaulah kamu mengetahui pemberian Allah, dan siapakah Dia yang berkata
kepadamu, “Berilah Aku minum,” tentulah kamu pula akan meminta daripada-Nya dan Dia akan
mengurniaimu air hidup.’

[11] Perempuan itu berkata, ‘Tuan tidak ada timba. Perigi ini sangat dalam. Bagaimana mungkin
Tuan mendapatkan air hidup itu? [12] Adakah Tuan lebih besar daripada moyang kami, Yakub, yang
mewariskan perigi ini kepada kami? Dia, anak-anaknya dan binatang ternakannya minum air dari
perigi ini.’

[13] Isa berkata, ‘Sesiapa yang minum air dari perigi ini akan dahaga semula; [14] tetapi sesiapa
minum air yang Kuberikan kepadanya nanti tidak akan dahaga lagi selama-lamanya. Air yang akan
Kuberikan itu akan menjadi mata air di dalam dirinya dan memberinya hidup yang kekal.’

[15] Perempuan itu berkata, ‘Tuan, berikanlah air itu kepadaku, supaya aku tidak dahaga lagi dan
tidak perlu lagi datang ke perigi ini mengambil air.’

[16] Isa menjawab, ‘Pergilah dulu, bawa suamimu ke mari.’

[17] Perempuan itu berkata, ‘Aku tidak ada suami.’

Isa pun berkata, ‘Memang benar engkau tidak ada suami sekarang. [18] Kamu telah berkahwin lima
kali. Lelaki yang tinggal denganmu sekarang bukan suamimu. Benarlah katamu itu.’

[19] Perempuan itu berkata, ‘Tahulah aku sekarang, Tuan ini seorang nabi. [20] Nenek moyang kami
menyembah Allah di gunung ini, tetapi bangsa tuan berkata tempat orang menyembah Allah hanya di
Baitulmaqdis.’

[21] Isa berkata, ‘Hai perempuan, percayalah, akan sampai saatnya kamu menyembah Bapa bukan
lagi di gunung ini atau di Baitulmaqdis. [22] Kamu menyembah apa yang tidak kamu kenal; sebaliknya,
kami menyembah apa yang kami kenal kerana penyelamatan datang daripada orang Yahudi. [23] Akan
sampai saatnya, malah sudahpun sampai, penyembah sejati akan menyembah Bapa dalam roh dan
kebenaran; kerana Bapa menghendaki penyembah yang sedemikian. [24] Allah itu Roh, maka orang
yang menyembah Dia harus menyembah-Nya dalam roh dan kebenaran.’

[25] Perempuan itu berkata, ‘Aku tahu Mesias yang disebut al-Masih akan datang. Apabila Dia
datang, Dia akan memberitahu kami segala-galanya.’

[26] Isa berkata kepada perempuan itu, ‘Akulah Dia yang sekarang bercakap denganmu.’

[27] Pada ketika itu para pengikut Isa pulang ke situ. Mereka hairan melihat Isa bercakap dengan
seorang perempuan tetapi seorang pun tidak bertanya kepada perempuan itu, ‘Apa hajatmu?’ atau
kepada Isa, ‘Mengapa Engkau bercakap dengan perempuan ini?’

[28] Perempuan itu pun meninggalkan bekas airnya di situ lalu pergi ke bandar memberitahu orang
di sana apa yang telah berlaku. [29] Perempuan itu berkata, ‘Marilah lihat seorang yang menyebutkan
kepadaku segala yang telah kulakukan. Mungkinkah orang itu al-Masih?’ [30] Dengan demikian, orang
di bandar pun pergi mendapatkan Isa.

[31] Sementara itu, para pengikut Isa berkata kepada-Nya, ‘Tuan Guru, silalah makan.’

[32] Isa menjawab, ‘Aku ada makanan yang tidak kamu ketahui.’

[33] Lalu para pengikut Isa tertanya-tanya sesama sendiri, ‘Adakah sesiapa datang membawakan-
Nya makanan tadi?’

[34] Isa berkata, ‘Makanan-Ku itu melaksanakan kehendak Dia yang mengutus-Ku dan
menyelesaikan pekerjaan-Nya. [35] Bukankah kamu berkata, “Empat bulan lagi barulah tiba musim
menuai?” Tetapi Aku berkata kepadamu, lihatlah ladang yang sudah menguning, sedia untuk
dituai. [36] Orang yang menuai akan menerima upah dan mendapat hasil untuk hidup kekal. Dengan
demikian, penyemai benih dan penuai akan bergembira bersama-sama. [37] Dalam hal ini benarlah
pepatah, “Ada yang menyemai, ada pula yang menuai.” [38] Aku menyuruhmu menuai ladang yang
bukan hasil usahamu. Orang lain yang mengerjakannya, kamu yang mendapat hasilnya.’

[39] Pada masa itu ramai orang Samaria percaya kepada Isa setelah mendengar perempuan itu
berkata, ‘Dia menyebutkan kepadaku segala yang telah kulakukan.’ [40] Oleh yang demikian, ketika
mereka datang menemui Isa, mereka mengajak-Nya tinggal bersama mereka. Isa pun tinggal di situ

selama dua hari. 41 Lebih ramai lagi orang yang percaya kepada Isa kerana kata-kata-Nya.

42 Mereka berkata kepada perempuan itu, ‘Sekarang kami percaya bukanlah kerana kata-katamu
tetapi kerana kami telah mendengar kata-kata-Nya sendiri dan kami tahu Dialah al-Masih,
Penyelamat umat manusia di dunia.’

43 Selepas tinggal dua hari di Samaria, Isa ke Galilea pula, 44 kerana Isa sendiri bersaksi bahawa
seorang nabi tidak mendapat penghormatan di negerinya sendiri. 45 Setiba-Nya di Galilea, orang di
situ menyambut-Nya. Mereka telah melihat segala yang dilakukan-Nya di Baitulmaqdis pada masa
perayaan Paska dahulu. Pada ketika itu, mereka juga berada di sana.

Isa menyembuhkan anak pegawai kerajaan

46 Selepas itu Isa pulang ke Kana di Galilea, iaitu tempat Dia mengubah air menjadi air anggur.
Seorang pegawai kerajaan di situ mempunyai anak lelaki yang sedang sakit di Kapernaum. 47 Apabila
pegawai itu mendengar tentang kedatangan Isa ke Galilea dari Yudea, dia pun pergi berjumpa Isa.
Dia meminta Isa datang ke Kapernaum untuk menyembuhkan anaknya yang sakit tenat dan hampir
maut.

48 Tetapi Isa berkata, ‘Kalau kamu semua tidak melihat mukjizat dan hal-hal luar biasa, tidaklah
kamu percaya.’

49 Pegawai itu merayu, ‘Tuan, datanglah segera sebelum anakku mati.’

50 Isa pun berkata, ‘Pergilah, anakmu akan sembuh.’

Pegawai itu percaya akan kata-kata Isa lalu pergi. 51 Dalam perjalanannya ke rumah, hambanya
datang memberitahu bahawa anaknya itu telah sembuh. 52 Apabila pegawai itu bertanya bila anaknya
mula pulih, mereka menjawab, ‘Kelmarin, pada jam yang ketujuh, dia tidak demam lagi.’

53 Bapa anak itu teringat bahawa pada waktu itulah Isa telah berkata, ‘Anakmu akan sembuh.’
Dengan demikian, pegawai itu dan seluruh keluarganya percaya kepada Isa.

54 Itulah mukjizat Isa yang kedua dilakukan-Nya di Galilea setelah tiba di situ dari Yudea.

5 *Penyembuhan di Baithasda*

1 Setelah itu Isa pergi ke Baitulmaqdis pada masa suatu perayaan Yahudi. 2 Di sana, berdekatan Pintu
Domba, ada sebuah kolam yang dipanggil Baithasda dalam bahasa Ibrani. Kolam ini dikelilingi lima
buah serambi. 3 Di setiap serambi itu ramai orang sakit dan cacat berbaring — ada yang buta, ada
yang tempang dan ada yang lumpuh — menunggu air kolam itu berkocak. 4 Sekali-sekala malaikat
Tuhan akan turun mengocak air kolam itu. Sesiapa yang pertama masuk ke dalam kolam itu ketika
airnya berkocak akan sembuh daripada penyakitnya. 5 Di kalangan mereka ada seorang lelaki yang
telah sakit selama tiga puluh lapan tahun. 6 Isa melihatnya terbaring di situ dan mengetahui bahawa
dia telah sakit demikian lamanya. Isa bertanya kepadanya, ‘Inginkah kamu sembuh?’

7 Orang sakit itu menjawab, ‘Tuan, tiada siapapun di sini yang dapat memasukkan aku ke dalam
kolam itu ketika airnya berkocak. Setiap kali aku cuba masuk, orang lain telah masuk dulu.’

8 Isa berkata kepadanya, ‘Bangun, angkat tikarmu, dan berjalanlah.’ 9 Serta-merta orang itu
sembuh lalu mengangkat tikarnya dan berjalan. Perkara itu terjadi pada hari Sabat.

10 Oleh yang demikian, orang Yahudi berkata kepada orang itu, ‘Ini hari Sabat. Kamu melanggar
hukum kerana mengangkat tikar.’

11 Orang itu menjawab, ‘Orang yang menyembuhkanku tadi menyuruh aku mengangkat tikar dan
berjalan.’

12 Mereka pun bertanya, ‘Siapakah Dia yang menyuruhmu mengangkat tikar dan berjalan itu?’

13 Akan tetapi orang yang baru disembuhkan itu tidak dapat menunjukkan yang mana orangnya,
kerana Isa telah menghilang di antara orang ramai di situ.

14 Tidak lama selepas itu, Isa bertemu dengan orang itu di dalam rumah ibadat dan berkata
kepadanya, ‘Sekarang kamu sudah sembuh. Jangan berbuat dosa lagi, supaya kamu tidak menerima
padah yang lebih teruk.’ 15 Orang itu kemudiannya memberitahu orang Yahudi bahawa Isalah yang
telah menyembuhkannya.

16 Dengan demikian, mereka mula memusuhi Isa kerana menyembuhkan orang pada hari

Sabat. [17] Namun, Isa berkata kepada mereka, ‘Bapa-Ku masih bekerja hingga sekarang, maka
begitulah juga Aku.’ [18] Kata-kata-Nya ini mengukuhkan lagi niat orang Yahudi hendak membunuh-
Nya. Bukan sahaja Dia melanggar hukum hari Sabat, malah juga mengatakan Allah itu Bapa-Nya,
iaitu menyamakan diri-Nya dengan Allah.

Kesaksian Isa tentang diri-Nya

[19] Isa menjawab kata-kata mereka, ‘Sesungguhnya, aku berkata kepadamu, Putera tidak dapat
melakukan sesuatu oleh diri-Nya sendiri. Dia hanya melakukan apa yang dilihat-Nya dilakukan oleh
Bapa-Nya. Apa yang dilakukan oleh Bapa, itulah yang dilakukan oleh Putera, [20] kerana Bapa kasih
akan Putera dan menunjukkan segala yang dilakukan-Nya kepada Putera-Nya. Bapa akan
menyatakan hal-hal yang lebih besar lagi kepada Putera, sehingga kamu semua menjadi
hairan. [21] Bapa membangkitkan manusia daripada kematian dan memberi hidup, maka demikian
jugalah Putera-Nya memberi hidup kepada mereka yang dikehendaki-Nya. [22] Bapa tidak menghakimi
sesiapa. Dia telah menyerahkan kuasa menghakimi kepada Putera-Nya. [23] Dengan demikian, semua
orang menghormati Putera sebagaimana mereka menghormati Bapa. Jika sesiapa tidak menghormati
Putera, ertinya dia tidak menghormati Bapa yang mengutus-Nya.

[24] ‘Sesungguhnya aku berkata kepadamu, sesiapa yang mendengar kata-kata-Ku dan percaya
kepada Dia yang mengutus-Ku akan mendapat hidup yang kekal dan tidak akan dihukum. Dia telah
terlepas daripada kematian dan mendapat hidup sebenar.

Dua jenis kebangkitan

[25] ‘Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, akan tiba saatnya, malah sudahpun sampai, ketika
orang mati mendengar suara Putera Allah, dan orang yang mendengar suara-Nya akan
hidup. [26] Bapa sumber hidup, maka Dia menjadikan Putera-Nya juga sumber hidup. [27] Bapa telah
memberikan kuasa menghakimi kepada Putera-Nya, kerana Dia itu Putera Insan.

[28] ‘Janganlah hairan mendengar hal ini kerana akan sampai saatnya bagi semua orang mati
mendengar suara-Nya. [29] Mereka akan terus bangkit dari kubur. Orang yang berbuat baik akan
bangkit untuk mendapat hidup kekal dan orang yang berbuat jahat akan bangkit untuk dihukum. [30] Aku
tidak dapat melakukan sesuatu pun atas usaha-Ku sendiri. Aku menghakimi manusia menurut
perintah Allah. Penghakiman-Ku adil, kerana Aku tidak mengikut kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak
Dia yang mengutus-Ku.

[31] ‘Jika Aku memberi kesaksian tentang diri-Ku sendiri, itu tidaklah wajar diterima sebagai bukti
yang sah. [32] Ada lain yang memberi kesaksian tentang diri-Ku, dan Aku tahu kesaksian yang
disampaikan-Nya tentang-Ku itu benar.

Kesaksian Yahya

[33] ‘Kamu telah mengutus orang untuk berjumpa dengan Yahya, dan dia telah memberikan
kesaksian yang benar. [34] Sebenarnya Aku tidak memerlukan kesaksian manusia. Aku menyebutnya
supaya kamu percaya dan dapat diselamatkan. [35] Yahya ibarat pelita yang menyala dan bercahaya.
Bagi seketika lamanya, kamu memilih untuk menikmati cahayanya.

[36] ‘Tetapi kesaksian-Ku lebih besar daripada kesaksian Yahya. Aku melakukan apa yang
ditugaskan oleh Bapa-Ku, dan hal ini membuktikan bahawa Bapa telah mengutus-Ku. [37] Bapa yang
mengutus-Ku dan memberikan kesakian tentang diri-Ku ini belum pernah kamu dengar suara-Nya
atau lihat wajah-Nya. [38] Firman Tuhan tidak menetap dalam dirimu kerana kamu tidak percaya kepada
Dia yang diutus Bapa.

Kesaksian Kitab

[39] ‘Kamu mengkaji Kitab Suci dengan tekun kerana kamu percaya dalamnya kamu mendapat
hidup kekal. Sebenarnya Kitab Suci memberikan kesaksian tentang diri-Ku. [40] Tetapi kamu tidak mahu
datang kepada-Ku untuk mendapatkan hidup kekal.

[41] ‘Aku tidak mengharapkan pujian daripada manusia. [42] Aku mengenalmu. Aku tahu kamu
sebenarnya tidak mengasihi Allah. [43] Aku datang atas nama Bapa-Ku, tetapi kamu tidak menyambut-
Ku. Namun, ketika orang lain datang atas namanya sendiri, kamu menyambutnya. [44] Bagaimana kamu
mungkin percaya kepada-Ku, sedangkan kamu mencari pujian sesama sendiri? Kamu tidak berusaha

mendapatkan pujian daripada Allah Yang Esa.

45 ‘Jangan sangka Aku akan menuduhmu di hadapan Bapa. Musa yang kamu harapkan itulah
yang akan menuduhmu. 46 Sekiranya benar kamu percaya kepada Musa, tentulah kamu percaya
kepada-Ku, kerana Musa telah menulis tentang diri-Ku. 47 Kamu tidak percaya akan apa yang ditulis
oleh Musa, maka bagaimana kamu mungkin percaya akan apa yang Kukatakan?’

6 *Isa memberi lima ribu orang makanan*

1 Setelah itu Isa pergi ke seberang Laut Galilea yang juga dipanggil Tiberias. 2 Ramai orang mengikut-
Nya setelah melihat mukjizat-Nya menyembuhkan orang sakit. 3 Isa mendaki sebuah bukit lalu duduk
di situ bersama para pengikut-Nya. 4 Pada masa itu perayaan Paska orang Yahudi hampir tiba.

5 Apabila Isa memandang sekeliling dan melihat ramai orang datang ke arah-Nya, Dia berkata
kepada Filipus, ‘Dari manakah dapat kita beli makanan untuk semua mereka ini?’ 6 (Sebenarnya Isa
bertanya itu untuk menduga Filipus sahaja kerana Dia tahu apa yang akan dilakukan-Nya.)

7 Filipus menjawab, ‘Roti yang berharga dua ratus keping wang perak pun tidak cukup, meskipun
jika dibahagi secebis seorang.’

8 Seorang lagi pengikut Isa bernama Andreas, saudara Simon Petrus, berkata kepada-Nya, 9 ‘Ada
seorang budak di sini yang mempunyai lima buku roti barli dan dua ekor ikan. Tetapi tidak mungkin
akan cukup untuk orang seramai ini!’

10 Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Ajaklah mereka duduk.’ (Di situ ada banyak rumput.)
Mereka itu pun duduk, kira-kira lima ribu orang lelaki semuanya. 11 Isa mengambil roti itu lalu
mengucap syukur kepada Allah. Selepas itu Dia memecah-mecahkan roti itu antara orang ramai itu.
Kemudian Dia membahagi-bahagikan ikan itu pula. Semuanya makan sepuas-puasnya.

12 Setelah kenyang semuanya, Isa berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Kumpulkanlah baki
makanan, jangan ada yang terbuang.’ 13 Lalu mereka mengumpulkannya dan mengisi dua belas bakul
baki makanan daripada lima buku roti barli yang dimakan oleh orang ramai itu.

14 Apabila mereka melihat mukjizat yang dilakukan oleh Isa itu, mereka pun berkata, ‘Memang
Dialah Nabi yang dinanti-nantikan datang ke dunia!’ 15 Isa tahu bahawa mereka hendak datang dan
memaksa-Nya menjadi raja. Oleh itu Dia beredar sekali lagi ke bukit seorang diri.

Isa berjalan di atas air

16 Setelah senja hari, para pengikut Isa turun ke tasik. 17 Mereka menaiki perahu menyeberangi
tasik itu ke Kapernaum. Hari sudah gelap namun Isa belum pulang mendapatkan mereka. 18 Ketika itu
tasik mulai bergelombang kerana angin bertiup kencang. 19 Setelah para pengikut Isa berkayuh tiga
atau tiga setengah batu, mereka terpandang Dia berjalan di atas air ke arah perahu mereka, lalu
mereka pun ketakutan. 20 Tetapi Isa berkata kepada mereka, ‘Jangan takut, Aku Isa!’ 21 Barulah
mereka mahu menyambut-Nya naik ke perahu. Pada saat itu juga tibalah perahu itu ke tempat yang
dituju.

22 Pada keesokan harinya, orang ramai yang berada di seberang tasik sedar bahawa di situ
hanya ada sebuah perahu dan Isa tidak menaiki perahu itu. Mereka tahu bahawa para pengikut Isa
telah bertolak menaiki perahu itu tanpa-Nya. 23 Kemudian, beberapa buah perahu dari Tiberias
berlabuh dekat tempat orang ramai makan roti selepas Junjungan mengucap syukur. 24 Apabila
mereka tidak melihat Isa atau para pengikut-Nya, mereka pun menaiki perahu-perahu itu menuju ke
Kapernaum untuk mencari Isa.

Roti Hidup

25 Ketika mereka bertemu dengan Isa di seberang tasik, mereka bertanya kepada-Nya, ‘Tuan
Guru, bilakah Engkau sampai ke mari?’

26 Isa menjawab, ‘Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu mencari-Ku bukan kerana kamu
telah melihat tanda-tanda mukjizat, tetapi kerana kamu telah dapat makan sehingga
kenyang. 27 Janganlah berusaha mendapatkan makanan yang boleh basi. Berusahalah mendapatkan
makanan yang dapat bertahan sampai hidup kekal. Itulah makanan yang akan diberikan kepada-Mu
oleh Putera Insan, kerana Allah Bapa telah melantik-Nya.’

28 Mereka bertanya kepada-Nya, ‘Apakah yang mesti kami buat untuk melaksanakan pekerjaan

yang dikehendaki Allah?'

[29] Isa berkata, 'Inilah pekerjaan yang dikehendaki Allah iaitu supaya kamu percaya kepada Dia yang diutus-Nya.'

[30] Mereka bertanya kepada-Nya, 'Apakah tanda ajaib yang dapat Kautunjukkan supaya kami melihatnya lalu percaya kepada-Mu? Apakah yang dapat Kaulakukan? [31] Nenek moyang kami makan manna di gurun, sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci: "Dia memberikan roti dari syurga untuk dimakan oleh mereka." '

[32] Lalu Isa berkata, 'Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, bukanlah Musa yang memberimu roti dari syurga tetapi Bapa-Ku yang memberimu roti sebenar dari syurga. [33] Roti yang diberikan oleh Allah ialah Dia yang turun dari syurga dan memberi hidup kepada manusia di dunia.'

[34] Kemudian mereka berkata, 'Junjungan, berilah kami roti itu selalu.'

[35] Isa berkata kepada mereka, 'Akulah Roti Hidup itu. Sesiapa yang datang kepada-Ku tidak akan lapar lagi, dan sesiapa yang percaya kepada-Ku tidak akan dahaga lagi. [36] Telah Kukatakan kepadamu, bahawa kamu telah melihat-Ku, namun tidak percaya kepada-Ku. [37] Semua yang diberikan kepada-Ku oleh Bapa akan datang kepada-Ku. Aku tidak akan menolak seorang pun yang datang kepada-Ku. [38] Aku turun dari syurga bukanlah untuk melakukan kehendak-Ku sendiri tetapi kehendak Dia yang mengutus-Ku. [39] Inilah kehendak Dia yang mengutus-Ku: Daripada semua yang diberi kepada-Ku, tiada seorang pun yang keciciran tetapi akan Kubangkitkan kesemuanya pada hari akhir. [40] Demikianlah kehendak Bapa-Ku iaitu setiap orang yang melihat Putera-Nya dan percaya kepada-Nya akan mendapat hidup yang kekal, dan Aku akan membangkitkannya pada hari akhir.'

[41] Orang Yahudi di situ mula merungut sesama sendiri menentang Isa kerana kata-katanya, 'Akulah roti yang turun dari syurga.' [42] Mereka berkata, 'Bukankah Dia Isa, anak Yusuf, dan ibu bapa-Nya kita kenal? Bagaimana Dia boleh mengaku, "Aku turun dari syurga"?'

[43] Lalu Isa berkata kepada mereka, 'Janganlah merungut sesama sendiri. [44] Tiada seorang pun yang dapat datang kepada-Ku kecuali didorongkan oleh Bapa yang mengutus-Ku dan Aku akan membangkitkannya pada hari akhir. [45] Ada tersurat di dalam tulisan para nabi: "Semua manusia akan diajar oleh Allah." Dengan demikian, seorang yang mendengar dan belajar daripada Bapa akan datang kepada-Ku.' [46] Tidak seorang pun pernah melihat Bapa. Hanya Dia yang datang daripada Allah telah melihat Bapa. [47] Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, orang yang percaya mendapat hidup yang kekal. [48] Akulah roti hidup. [49] Nenek moyangmu makan manna di gurun, tetapi mereka mati juga. [50] Inilah roti yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini tidak akan mati. [51] Akulah Roti Hidup yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini akan hidup kekal. Roti yang akan Kuberikan untuk hidup manusia di dunia ini adalah tubuh-Ku.'

[52] Orang Yahudi yang mendengar kata-kata ini mula bertengkar sesama sendiri

'Bagaimanakah mungkin orang ini memberikan tubuh-Nya untuk kita makan?'

[53] Isa berkata kepada mereka, 'Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, jika kamu tidak makan tubuh Putera Insan dan minum darah-Nya, kamu tidak mempunyai hidup dalam dirimu. [54] Sesiapa yang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku mendapat hidup yang kekal, maka Aku akan membangkitkannya pada hari akhir. [55] Tubuh-Ku inilah makanan yang sebenar. Darah-Ku inilah minuman yang sebenar. [56] Apabila seorang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku, maka dia tetap di dalam-Ku dan Aku di dalamnya. [57] Seperti Bapa yang hidup mengutus Aku, dan Aku hidup kerana Bapa hidup. Demikianlah juga, orang yang makan tubuh-Ku akan hidup kerana Aku hidup. [58] Inilah roti yang turun dari syurga, bukan seperti roti yang dimakan oleh nenek moyangmu, yang kemudiannya mati juga walaupun telah memakannya. Sebaliknya, sesiapa yang makan roti ini akan hidup kekal.' [59] Demikianlah kata-kata Isa ketika mengajar di saumaah di Kapernaum.

Kata-kata untuk pengikut Isa

[60] Antara para pengikut yang mendengar kata-kata-Nya itu, ramai yang berkata, 'Ajaran ini terlalu susah difahami. Siapakah yang dapat menerimanya?'

[61] Isa tahu tanpa diberitahu akan rungutan para pengikut-Nya. Lalu Dia berkata kepada mereka, 'Adakah perkara ini menyebabkan kamu enggan percaya?' [62] Bagaimana nanti kalau kamu melihat Putera Insan naik semula ke tempat asal-Nya? [63] Hanya Roh Suci memberi hidup. Tubuh tidak ada faedahnya. Apa yang Kukatakan kepadamu ini datang daripada Roh Suci dan memberi

hidup. 64 Sungguhpun begitu, sebilangan daripadamu tidak percaya.' (Isa mengetahui dari mulanya
siapa yang enggan percaya dan siapa yang akan mengkhianati-Nya.) 65 Isa berkata lagi, 'Maka itulah
sebabnya Aku berkata kepadamu, tiada seorang pun dapat datang kepada-Ku kecuali dengan
keredaan Allah.'

Pengakuan Petrus

66 Selepas itu, ramai pengikut Isa menjauhkan diri dan tidak lagi mengikut-Nya.

67 Oleh yang demikian, Isa bertanya kepada pengikut-Nya yang dua belas itu, 'Adakah kamu juga
akan meninggalkan-Ku?'

68 Simon Petrus berkata kepada Isa, 'Junjungan, kepada siapa lagi akan kami pergi? Engkaulah
yang memiliki kata-kata hidup yang kekal. 69 Kami percaya sepenuh hati bahawa Engkaulah Yang
Suci daripada Allah.'

70 Isa berkata, 'Tidakkah kamu dua belas orang ini Kupilih, tetapi seorang daripadamu adalah
iblis?' 71 Yang dimaksudkan oleh Isa ialah Yudas anak Simon Iskariot. Meskipun Yudas salah seorang
pengikut Isa yang dua belas itu, dia akan mengkhianati-Nya.

7 *Isa mengajar di Perayaan Tabernakel*

1 Selepas itu, Isa pergi berjalan di Galilea. Dia tidak pergi ke daerah Yudea kerana orang Yahudi di
situ berniat hendak membunuh-Nya. 2 Ketika itu Perayaan Tabernakel orang Yahudi hampir
tiba. 3 Oleh itu, saudara-saudara Isa berkata kepada-Nya, 'Beredarlah dari sini ke Yudea, supaya
pengikut-pengikut-Mu dapat melihat perbuatan-Mu. 4 Orang tidak menyembunyikan perbuatannya
kalau ingin menjadi ternama. Kerana Kamu sudah melakukan perkara-perkara ini, biarlah diri-Mu
dikenal orang di dunia.' 5 (Saudara-saudara Isa sendiri tidak percaya kepada-Nya.)

6 Lalu Isa berkata kepada mereka, 'Saat-Ku belum sampai lagi. Saatmu bila-bila sahaja. 7 Dunia ini
tiada sebab untuk membencimu. Tetapi dunia membenci-Ku, kerana Aku memberikan kesaksian
tentangnya bahawa kerjanya durjana. 8 Pergilah menyambut perayaan itu. Aku tidak pergi kerana saat-
Ku belum sampai sepenuhnya.' 9 Setelah berkata demikian, Isa tetap tinggal di Galilea.

10 Apabila saudara-saudara-Nya telah bertolak untuk menghadiri perayaan itu, Isa pun pergi juga
secara diam-diam. 11 Pada masa perayaan itu orang Yahudi mencari Isa. Mereka bertanya, 'Di
manakah Dia?'

12 Orang ramai berbisik-bisik tentang-Nya. Ada yang berkata, 'Dia seorang yang baik.'

Ada pula yang berkata, 'Tidak! Dia membawa ajaran sesat!' 13 Tetapi semuanya tidak berani
bercakap secara terbuka tentang Isa, kerana takut akan orang Yahudi.

Kesaksian Isa tentang diri-Nya

14 Pada pertengahan masa perayaan itu, Isa masuk ke rumah ibadat lalu mengajar. 15 Orang
Yahudi tercengang mendengar kata-kata-Nya lalu berkata, 'Bagaimanakah orang ini begitu
berpengetahuan walaupun tidak dididik?'

16 Lalu Isa menjawab, 'Apa Kuajarkan bukanlah ajaran-Ku, tetapi ajaran Dia yang mengutus-
Ku. 17 Orang yang mahu melaksanakan kehendak Allah akan tahu sama ada ajaran ini datang
daripada diri-Ku atau daripada Allah. 18 Seseorang yang bercakap atas namanya sendiri mencari
kemuliaan bagi dirinya. Sebaliknya, seseorang yang mencari kemuliaan bagi Dia yang mengutusnya,
adalah jujur dan bersih daripada sebarang kepalsuan. 19 Tidakkah Musa menyampaikan hukum Taurat
kepadamu? Tetapi tidak seorang pun di antara kamu yang melaksanakan hukum Taurat itu.
Mengapakah kamu hendak membunuh-Ku?'

20 Orang ramai menjawab, 'Kamu dirasuk roh iblis! Siapa pula yang hendak membunuh-Mu?'

21 Isa berkata kepada mereka, 'Aku melakukan satu mukjizat, lalu kamu semua berasa
takjub. 22 Musa telah memberimu peraturan bersunat. Oleh itu, pada hari Sabat pun kamu hendak
menyunatkan anak lelakimu. (Sebenarnya peraturan bersunat itu bukanlah bermula daripada Musa,
tetapi daripada nenek moyangmu sebelumnya.) 23 Kiranya seorang anak lelaki boleh disunatkan pada
hari Sabat kerana tidak mahu melanggar hukum Musa, mengapakah kamu marah kepada-Ku kerana
menyembuhkan seluruh tubuh seseorang pada hari Sabat? 24 Janganlah hakimi seseorang
berdasarkan apa yang dilihat. Hakimilah dengan adil.'

[25] Sebilangan penduduk Baitulmaqdis berkata, ‘Bukankah orang ini yang dicari oleh mereka untuk dibunuh?’ [26] Lihatlah, Dia bercakap di hadapan orang ramai, tetapi mereka diam sahaja. Adakah para pemerintah itu benar-benar tahu bahawa Dia al-Masih? [27] Orang ini, kita tahu tempat asal-Nya.’ Tetapi, apabila al-Masih datang, tiada siapa yang tahu akan tempat asal-Nya.’ [28] Ketika Isa mengajar di rumah ibadat, Dia berseru dengan suara lantang, ‘Kamu tentu mengenal siapa Aku dan di mana tempat asal-Ku. Aku datang bukanlah dengan kehendak-Ku sendiri. Dia yang mengutus-Ku dapat dipercayai, tetapi kamu tidak mengenal-Nya. [29] Aku mengenal-Nya kerana Dialah yang mengutus-Ku dan Aku datang daripada-Nya.’

[30] Selepas itu, mereka cuba menangkap Isa. Tetapi tiada seorang pun memegang-Nya kerana saat-Nya belum sampai. [31] Sebilangan besar orang ramai itu percaya kepada Isa. Mereka berkata, ‘Apabila al-Masih datang, adakah dia akan melakukan lebih banyak mukjizat daripada orang ini?’

[32] Apabila bisikan orang ramai didengar oleh orang Farisi, mereka dan para ketua imam pun menyuruh beberapa orang pengawal rumah ibadat menangkap Isa.

[33] Namun, Isa berkata, ‘Aku akan bersamamu sebentar sahaja. Selepas itu Aku akan pulang kepada Dia yang mengutus-Ku. [34] Kamu akan mencari-Ku, tetapi tidak dapat menemui-Ku, kerana kamu tidak boleh datang ke tempat Aku berada.’

[35] Orang Yahudi berkata sesama sendiri, ‘Ke manakah Dia hendak pergi sehingga kita tidak dapat menemui-Nya? Adakah Dia hendak pergi kepada orang Yahudi yang tinggal di perantauan di kalangan orang Yunani untuk mengajar orang Yunani?’ [36] Apakah maksud kata-kata-Nya, “Kita akan mencari-Nya tetapi tidak dapat menemui-Nya kerana kita tidak boleh pergi ke tempat Dia berada”?’

[37] Pada hari terakhir perayaan itu, iaitu hari yang terutama, Isa berdiri lalu berkata dengan suara lantang, ‘Sesiapa yang dahaga, datanglah kepada-Ku untuk minum.’ [38] Sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci, “Sesiapa yang percaya kepada-Ku, dalam hatinya akan terpancar mata air yang memberi hidup.”’ [39] (Yang dimaksudkan oleh Isa ialah Roh Suci yang akan diterima kelak oleh orang yang percaya kepada-Nya. Pada masa itu Roh Suci belum dikurniakan, kerana Isa belum dimuliakan.)

Perbalahan tentang siapa Isa

[40] Sebilangan orang yang mendengar kata-kata Isa berkata, ‘Sudah tentu orang inilah Nabi itu!’

[41] Ada pula yang berkata, ‘Dialah al-Masih yang diutus oleh Allah.’

Sebaliknya, ada yang berkata, ‘Al-Masih yang diutus oleh Allah bukan dari Galilea. [42] Menurut Kitab Suci, al-Masih yang diutus Allah itu keturunan Raja Daud dan akan dilahirkan di kota Baitlahim, tempat asal Raja Daud.’ [43] Demikianlah mereka berbalah lalu berpihak-pihak kerana Isa. [44] Beberapa orang ingin menangkap-Nya, namun tiada siapapun menyentuh-Nya.

[45] Kemudian para pengawal rumah ibadat datang kepada para ketua imam dan orang Farisi. Lalu mereka bertanya kepada para pengawal rumah ibadat itu, ‘Mengapakah kamu tidak membawa Dia ke sini?’

[46] Para pengawal itu menjawab, ‘Belum pernah seseorang bercakap seperti-Nya!”

[47] Orang Farisi berkata, ‘Adakah kamu disesatkan juga? [48] Adakah mana-mana pemerintah atau orang Farisi percaya kepada-Nya? [49] Tetapi hanya orang ramai ini tidak mengenal hukum Taurat — terlaknatlah mereka ini!’

[50] Nikodemus, seorang Farisi yang pernah pergi menemui Isa, berkata, [51] ‘Bukankah mengikut hukum Taurat, kita tidak boleh menghukum seseorang tanpa perbicaraan dan penyiasatan terlebih dahulu?’

[52] Mereka berkata, ‘Adakah kamu juga berasal dari Galilea? Kajilah, dan kamu akan tahu tiada nabi yang datang dari Galilea.’

[53] Selepas itu semua orang pulang ke rumah.

8 *Perempuan yang berzina*

[1] Akan tetapi Isa pergi ke Bukit Zaitun. [2] Pada keesokan harinya, pagi-pagi lagi Dia masuk ke rumah ibadat. Semua orang di situ datang kepada-Nya. Dia duduk lalu mengajar mereka. [3] Guru Taurat dan orang Farisi membawa kepada Isa seorang perempuan yang didapati berzina. Mereka membuat

perempuan itu berdiri di hadapan semua orang di situ. 4 Mereka berkata kepada Isa, ‘Tuan Guru,
perempuan ini ditangkap ketika berzina.’ 5 Di dalam hukum Taurat, Musa memberi perintah supaya
perempuan demikian direjam sampai mati. Bagaimanakah pendapat-Mu?’ 6 Mereka bertanya demikian
untuk menduga Isa supaya mempunyai alasan untuk menuduh-Nya.

Tetapi Isa tunduk menulis di tanah dengan jari-Nya. 7 Mereka tetap mengulangi pertanyaan itu.
Oleh yang demikian, Isa meluruskan badan-Nya lalu berkata kepada mereka, ‘Sesiapa di antaramu
yang tidak berdosa, hendaklah dia yang pertama merejam batu kepadanya.’ 8 Kemudian Isa tunduk
menulis semula di tanah.

9 Setelah mendengar kata-kata Isa, seorang demi seorang, bermula dengan yang tertua, beredar
dari situ. Akhirnya hanya Isa dan perempuan itu yang tinggal. 10 Isa meluruskan badan-Nya lalu
berkata kepada perempuan itu, ‘Di manakah mereka? Tidak adakah orang yang mengutukmu?’

11 Perempuan itu menjawab, ‘Tidak ada, Junjungan.’

Isa berkata, ‘Aku pun tidak menghukummu. Pergilah, jangan berbuat dosa lagi.’

Isa cahaya dunia

12 Isa berkata lagi kepada mereka, ‘Akulah cahaya dunia. Orang yang mengikut-Ku tidak akan
berjalan dalam kegelapan tetapi akan mempunyai cahaya hidup.’

13 Lalu orang Farisi yang hadir berkata kepada Isa, ‘Kamu memberikan kesaksian tentang diri-Mu
sendiri. Kesaksian-Mu tidak sah.’

14 Isa menjawab, ‘Walaupun Aku memberi kesaksian tentang diri-Ku sendiri, kesaksian-Ku benar,
kerana Aku tahu dari mana Aku datang dan ke mana Aku pergi, sedangkan kamu tidak tahu dari
mana Aku datang dan ke mana Aku pergi. 15 Kamu menghakimi orang mengikut ukuran manusia. Aku
tidak menghakimi sesiapapun. 16 Tetapi sekiranya Aku menghakimi, penghakiman-Ku adil, kerana Aku
tidak menghakimi sendirian. Bapa yang mengutus-Ku menghakimi bersama-sama-Ku. 17 Ada tersurat
di dalam hukum Taurat kamu: Kesaksian dua orang adalah sah. 18 Aku memberi kesaksian tentang
diri-Ku. Bapa yang mengutus-Ku juga memberi kesaksian tentang diri-Ku.’

19 Oleh itu mereka bertanya, ‘Di manakah Bapa-Mu itu?’

Isa menjawab, ‘Kamu tidak mengenal-Ku atau Bapa-Ku. Kalaulah kamu mengenal-Ku, tentu kamu
mengenal Bapa-Ku juga.’ 20 Isa mengatakan segala ini di perbendaharaan ketika mengajar di rumah
ibadat. Tetapi tiada seorang pun menangkap-Nya, kerana saat-Nya belum sampai.

21 Isa berkata lagi kepada mereka, ‘Aku akan pergi dan kamu akan mencari-Ku, tetapi kamu akan
mati dalam dosamu. Kamu tidak boleh pergi ke tempat Aku pergi.’

22 Lalu orang Yahudi berkata, ‘Adakah Dia hendak membunuh diri?’ Kerana Dia berkata, ‘Kamu
tidak boleh pergi ke tempat Aku pergi.’

23 Isa berkata, ‘Kamu datang dari bawah; Aku datang dari atas. Kamu berasal dari dunia; Aku
tidak berasal dari dunia. 24 Itulah maka Kukatakan kepadamu, kamu akan mati dalam dosamu.
Memanglah kamu akan mati dalam dosamu jika kamu tidak percaya bahawa Akulah Dia yang
Kukatakan.’

25 ‘Siapa Kamu ini?’ tanya mereka.

Isa menjawab, ‘Akulah Dia yang telah Kukatakan kepadamu dari mula lagi. 26 Ada banyak lagi
yang perlu Kukatakan dan Kuadili tentangmu. Tetapi Dia yang mengutus-Ku dapat dipercayai. Aku
menyampaikan kepada dunia apa yang Kudengar daripada-Nya.’

27 Mereka tidak faham bahawa selama ini Isa bercakap tentang Bapa. 28 Lalu Isa berkata kepada
mereka, ‘Apabila kamu meninggikan Putera Insan, barulah kamu tahu bahawa Akulah Dia yang
Kukatakan, dan Aku tidak pernah melakukan sesuatu menurut kehendak-Ku. Aku hanya mengatakan
apa yang diajarkan oleh Bapa. 29 Dia yang mengutus-Ku ada di sisi-Ku. Dia tidak pernah membiarkan
Aku keseorangan, kerana Aku sentiasa melakukan apa yang diredai-Nya.’ 30 Setelah mendengar kata-
kata Isa, ramai orang percaya kepada-Nya.

Kebenaran yang membebaskanmu

31 Isa berkata kepada orang Yahudi yang percaya kepada-Nya, ‘Kalau kamu mengikut ajaran-Ku,
kamu pengikut-Ku yang sejati. 32 Maka kamu akan mengenal kebenaran dan kebenaran akan

membebaskanmu.'

33 Mereka berkata, 'Kami keturunan Ibrahim. Kami belum pernah diperhambakan. Apakah maksud
kata-kata-Mu, "Kamu akan dibebaskan"?'

34 Isa berkata kepada mereka, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, sesiapa yang melakukan
dosa menjadi hamba kepada dosa. 35 Seorang hamba tidak mempunyai kedudukan kekal dalam
sebuah keluarga, tidak seperti seorang anak yang selama-lamanya anggota keluarga itu. 36 Dengan
demikian, jika Putera membebaskanmu, kamu akan bebas sepenuhnya. 37 Aku tahu kamu keturunan
Ibrahim, tetapi kamu ingin membunuh-Ku kerana kata-kata-Ku tidak mendapat tempat dalam
dirimu. 38 Aku menyampaikan apa yang dinyatakan oleh Bapa-Ku. Demikian juga kamu melakukan
apa yang disampaikan oleh bapamu.'

39 Mereka menjawab, 'Bapa kami Ibrahim.'

Tetapi Isa berkata, 'Sekiranya kamu benar-benar anak Ibrahim, tentu kamu lakukan apa yang
telah dilakukan oleh Ibrahim. 40 Aku hanya memberitahumu apa yang difirmankan Allah kepada-Ku,
tetapi kamu hendak membunuh-Ku. Ini bukanlah perlakuan Ibrahim! 41 Kamu melakukan apa yang
dilakukan oleh bapamu.'

Mereka menjawab, 'Kami bukan anak luar nikah. Bapa kami satu, iaitu Allah.'

42 Isa berkata kepada mereka, 'Kalaulah benar Allah Bapamu, tentu kamu mengasihi-Ku, kerana
Aku datang daripada-Nya, bukan dengan kehendak-Ku sendiri, tetapi diutus-Nya. 43 Mengapa kamu
tidak mengerti kata-kata-Ku? Kerana kamu enggan mendengar kata-kata-Ku. 44 Bapamu Iblis dan
kamu anak-anaknya. Kamu lebih cenderung menurut kehendak bapamu. Dari mulanya lagi, Iblis
pembunuh. Dia tidak menyokong kebenaran, kerana dalam dirinya tidak ada kebenaran. Apabila dia
berdusta, dia bercakap dari sifat tabiinya sendiri, kerana dia pendusta dan bapa segala
dusta. 45 Sebaliknya aku menyampaikan kebenaran, maka itulah kamu tidak mahu percaya kepada-
Ku. 46 'Siapakah antaramu yang dapat membuktikan Aku berdosa? Jika Aku berkata benar, mengapa
kamu tidak mempercayai-Ku? 47 Orang yang daripada Allah mendengar firman Allah. Kamu tidak
mendengarnya, kerana kamu bukan daripada Allah.'

48 Orang Yahudi berkata, 'Tidakkah benar kami katakan, Kamu ini orang Samaria dan dirasuk roh
iblis?'

49 Isa menjawab, 'Aku tidak dirasuk roh iblis. Aku memuliakan Bapa-Ku, tetapi kamu menghina-
Ku. 50 Aku tidak mencari kemuliaan untuk diri-Ku, tetapi Dia yang mencarinya untuk-Ku, dan Dia akan
menghakimi. 51 Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, sesiapa yang menurut kata-Ku tidak akan
mati.'

52 Orang Yahudi berkata kepada-Nya, 'Sekarang tahulah kami bahawa Kamu dirasuk roh iblis!
Ibrahim sudah mati, begitu juga nabi-nabi. Tetapi Kamu berkata, "Sesiapa yang menurut kata-Ku
tidak akan mati." 53 Adakah Kamu lebih besar daripada bapa kami Ibrahim yang sudah mati? Nabi-
nabi juga sudah mati. Kamu sangka Kamu ini siapa?'

54 Isa menjawab, 'Sekiranya Aku memuliakan diri-Ku, kemuliaan itu tidak bererti. Bapa-Ku yang
memuliakan Aku. Kamu mengatakan Dia itu Tuhanmu. 55 Namun, kamu tidak mengenal-Nya, tetapi
Aku mengenal-Nya. Sekiranya Kukatakan Aku tidak mengenal-Nya, jadilah Aku pendusta sepertimu.
Aku mengenal-Nya dan taat akan firman-Nya. 56 Bapamu Ibrahim bersukacita melihat hari-Ku. Dia
melihatnya dan bergembira.'

57 Orang Yahudi berkata kepada-Nya, 'Usia-Mu belum sampai lima puluh tahun. Bagaimana Kamu
mungkin berjumpa dengan Ibrahim?'

58 Isa berkata kepada mereka, 'Apa yang Kukatakan ini benar, sebelum Ibrahim dilahirkan Aku
sudah ada.' 59 Setelah itu mereka memungut batu untuk merejam Isa, tetapi Isa menyembunyikan diri-
Nya lalu meninggalkan rumah ibadat.

9 *Penyembuhan seorang lelaki yang buta sejak lahir*

1 Ketika Isa sedang lalu di suatu tempat, Dia terpandang seorang lelaki yang buta sejak lahir. 2 Para
pengikut-Nya bertanya, 'Tuan Guru, siapakah yang berdosa, orang itu atau ibu bapanya, maka dia
dilahirkan buta?'

3 Isa menjawab, 'Bukan dia dan bukan juga ibu bapanya. Dia begitu supaya kuasa Allah dapat

dinyatakan melaluinya. 4 Selagi siang, kita mesti melakukan tugas Dia yang telah mengutus-Ku.
Malam akan tiba apabila seorang tidak dapat melakukan apa-apa lagi. 5 Selama Aku di dunia, Akulah
cahaya dunia.'

6 Selepas itu, Isa berludah ke tanah untuk membuat tanah liat lalu menyapukannya pada mata
orang itu. 7 Isa berkata kepadanya, 'Pergilah basuh mukamu di Kolam Siloam' (Siloam bererti 'diutus'
dalam bahasa Ibrani). Orang itu pun pergi membasuh muka. Apabila dia kembali, dia sudah dapat
melihat.

8 Jiran tetangga dan semua orang yang tahu dia buta bertanya, 'Bukankah orang ini yang selalu
duduk meminta sedekah?' 9 Ada yang berkata, 'Ya, dialah.' Ada pula yang berkata, 'Bukan, hanya
serupa dengannya.'

Tetapi orang itu sendiri mengaku, 'Akulah orang itu.'

10 Mereka bertanya kepadanya, 'Bagaimanakah sekarang kamu dapat melihat?'

11 Dia menjawab, 'Orang yang bernama Isa telah membuat secebis tanah liat, disapukan-Nya ke
mataku lalu berkata, "Pergilah basuh mukamu di Kolam Siloam." Sebaik-baik sahaja aku membasuh
muka di kolam itu, aku pun dapat melihat.'

12 Mereka bertanya, 'Di manakah orang itu?'

Dia menjawab, 'Aku tidak tahu.'

Perselisihan pendapat tentang Isa

13 Orang yang dahulunya buta itu dibawa mereka kepada orang Farisi. 14 Isa telah membuat tanah
liat dan menyembuhkan mata orang itu pada hari Sabat. 15 Orang Farisi menanya orang itu
bagaimana dia dapat melihat. Jawabnya, 'Dia menyapukan tanah liat pada mataku, lalu aku
membasuh muka, dan kemudian aku dapat melihat.' 16 Sebilangan orang Farisi itu berkata, 'Dia bukan
daripada Allah, kerana Dia melanggar peraturan hari Sabat.' Tetapi ada pula yang berkata, 'Kalau Dia
orang berdosa, bagaimana Dia dapat melakukan mukjizat begini?' Dengan demikian timbullah
perselisihan pendapat di kalangan mereka.

17 Orang Farisi bertanya lagi kepada orang yang dahulunya buta itu, 'Kamu berkata Dia
menyembuhkan matamu. Bagaimana pendapatmu tentang Dia?'

Orang itu menjawab, 'Dia seorang nabi.'

18 Orang Yahudi enggan percaya bahawa orang itu dahulu buta matanya. Oleh itu mereka
memanggil ibu bapanya. 19 Mereka bertanya, 'Benarkah dia anak kamu yang buta sejak lahir?
Bagaimana pula dia boleh celik?'

20 Ibu bapa orang itu menjawab, 'Ya, benar dia anak kami yang buta sejak lahir. 21 Tetapi kami
tidak tahu bagaimana dia dapat melihat sekarang dan siapa yang menyembuhkan matanya. Dia
sudah dewasa, tanyalah dia. Dia dapat menjawab sendiri.' 22 Ibu bapa orang itu berkata demikian
kerana takut akan orang Yahudi itu yang telah bersetuju bahawa sesiapa yang mengakui Isa itu al-
Masih akan disingkirkan dari saumaah. 23 Maka itulah ibu bapanya berkata, 'Dia sudah dewasa,
tanyalah dia.'

24 Mereka pun memanggil orang itu lagi dan berkata, 'Akuilah kemuliaan Allah! Kamu tahu Dia itu
orang berdosa.'

25 Dia menjawab, 'Sama ada Dia orang berdosa atau tidak, aku tidak tahu. Yang kutahu, dulu aku
buta, sekarang aku dapat melihat.'

26 Mereka bertanya lagi, 'Apa yang dibuat-Nya kepadamu? Bagaimana Dia mencelikkan matamu?'

27 Dia menjawab, 'Aku telah pun memberitahumu, tetapi kamu tidak mendengar. Mengapakah
kamu hendak mendengarnya lagi? Adakah kamu ingin menjadi pengikut-Nya juga?'

28 Mereka mencacinya dan berkata, 'Kamulah pengikut-Nya. Kami pengikut Musa. 29 Kami tahu
Allah berfirman kepada Musa. Orang itu, tiada siapa yang tahu dari mana Dia datang.'

30 'Hairan sekali,' kata orang yang dahulunya buta itu. 'Kamu tidak tahu dari mana Dia datang,
tetapi Dia telah mencelikkan mataku! 31 Kita tahu bahawa Allah tidak mendengar permintaan orang
berdosa. Tetapi jika seseorang takut akan Allah dan melakukan kehendak-Nya, Allah akan

mendengar permintaan-Nya. [32] Sejak permulaan dunia, belum pernah kedengaran kisah orang yang
dapat mencelikkan mata orang yang buta sejak lahir. [33] Jika orang itu bukan daripada Allah, tidaklah
dapat Dia melakukannya.'

[34] Mereka berkata kepadanya, 'Kamu orang berdosa sejak lahir. Kamu hendak cuba mengajar
kami?' Mereka pun menghalaunya keluar.

Kebutaan rohani

[35] Isa mendengar bahawa mereka telah menghalaunya keluar, dan selepas menemuinya, Dia
bertanya, 'Adakah kamu percaya kepada Putera Insan?

[36] Orang itu menjawab, 'Siapakah Dia, Junjungan? Katakanlah kepadaku, supaya aku dapat
percaya kepada-Nya.'

[37] Isa berkata, 'Kamu sudahpun melihat-Nya. Dialah yang sedang bercakap denganmu sekarang.'

[38] Orang itu berkata, 'Ya Junjungan, aku percaya.' Dia pun sujud kepada Isa.

[39] Isa berkata, 'Aku datang ke dunia ini untuk menghakimi manusia; supaya orang buta dapat
melihat, manakala orang yang dapat melihat pula buta.'

[40] Ketika orang Farisi di situ mendengar kata-kata Isa, mereka bertanya kepada-Nya, 'Adakah
Kaumaksudkan kami juga buta?'

[41] Isa menjawab, 'Kalaulah kamu buta, tidaklah kamu berdosa. Tetapi kamu berkata kamu dapat
melihat, maka kamu tetap berdosa.'

10 *Ibarat tentang seorang gembala yang baik*

[1] 'Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, jika seseorang memasuki kandang domba dengan cara lain,
bukan melalui pintu, orang itu pencuri dan perompak. [2] Orang yang masuk melalui pintu ialah gembala
domba. [3] Penjaga kandang membuka pintu untuknya, dan kawanan domba itu mendengar suaranya.
Dia memanggil nama setiap dombanya. Gembala itu pun memimpin domba-domba itu
keluar. [4] Setelah semua domba keluar, gembala itu berjalan di hadapan dan domba-domba
mengikutnya kerana mengenal suaranya. [5] Kawanan domba itu tidak akan mengikut orang lain, malah
akan lari daripadanya, kerana tidak mengenal suaranya.' [6] Isa bercerita secara kiasan, tetapi mereka
tidak faham akan maksud-Nya.

[7] Oleh yang demikian, Isa berkata, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, Akulah pintu bagi
kawanan domba itu. [8] Orang yang datang sebelumku adalah pencuri dan perompak, tetapi kawanan
domba tidak mengikut suara mereka. [9] Akulah pintu. Sesiapa yang masuk melalui-Ku akan
diselamatkan. Dia boleh keluar masuk, dan dia akan dapat mencari padang rumput. [10] Pencuri datang
untuk mencuri, membunuh dan membinasakan. Tetapi Aku datang supaya manusia mempunyai hidup
yang berlimpah-limpah.

[11] 'Akulah gembala yang baik, yang mengorbankan nyawa untuk kawanan dombanya. [12] Orang
upahan yang bukan gembala atau pemilik kawanan domba itu akan lari apabila melihat serigala
datang. Maka serigala menerkam domba itu dan menyebabkannya lari bertempiaran. [13] Orang upahan
itu lari kerana dia bekerja semata-mata untuk mendapat upah. Dia tidak peduli akan kawanan domba
itu.

[14] 'Akulah gembala yang baik. Aku mengenal domba-domba-Ku dan domba-domba-Ku mengenal-
Ku, [15] sebagaimana Bapa mengenal-Ku, dan Aku mengenal-Nya. Aku mengorbankan nyawa-Ku untuk
domba-domba-Ku. [16] Ada domba-domba lain diluar kawanan ini yang Kumiliki. Mereka juga mesti
Kupimpin, dan mereka akan mengikut suara-Ku. Kesemuanya akan menjadi satu kawanan dengan
satu gembala. [17] Bapa mengasihi-Ku kerana Aku sanggup menyerahkan nyawa-Ku agar dapat
mengambilnya semula nanti. [18] Sesiapapun tidak dapat meragut nyawa-Ku. Aku menyerahkannya
dengan rela. Aku berkuasa menyerahkan nyawa-Ku dan berkuasa mengambilnya semula. Inilah tugas
yang Kuterima daripada Bapa-Ku.'

[19] Setelah mendengar kata-kata Isa, orang Yahudi berselisih pendapat lagi. [20] Sebilangan besar
berkata, 'Dia dirasuk roh iblis! Dia tidak siuman! Mengapa kamu mendengar katanya?'

[21] Namun, ada yang berkata, 'Orang yang dirasuk roh iblis tidak akan dapat bercakap begini. Dan
bagaimanakah roh iblis dapat mencelikkan orang buta?'

Isa ditolak orang Israel

22 Di Baitulmaqdis, Perayaan Pentahbisan sedang disambut. 23 Ketika itu musim sejuk, dan Isa
sedang berjalan di serambi Sulaiman di dalam rumah ibadat. 24 Orang Yahudi pun berkumpul di
sekeliling-Nya lalu berkata, ‘Sampai bilakah Engkau membiarkan kami bertanya-tanya? Katakanlah
dengan jelas: Adakah Engkau ini al-Masih?’

25 Isa menjawab, ‘Aku sudahpun mengatakannya kepada kamu, tetapi kamu tidak mahu percaya.
Segala yang Kulakukan dengan kuasa Bapa-Ku memberi kesaksian tentang diri-Ku. 26 Kamu tidak
percaya kerana kamu bukan kawanan domba-Ku. 27 Domba-domba-Ku mendengar suara-Ku. Aku
mengenal mereka dan mereka mengikut-Ku. 28 Aku memberi mereka hidup yang kekal. Mereka tidak
akan binasa. Tiada siapa dapat merampas mereka daripada tangan-Ku. 29 Bapa-Ku yang
mengurniakan mereka kepada-Ku lebih besar daripada siapapun. Tiada siapa dapat merampas
mereka daripada Bapa. 30 Bapa dan Aku adalah satu.’

31 Selepas itu orang Yahudi yang hadir pun memungut batu sekali lagi untuk merejam
Isa. 32 Tetapi Isa berkata kepada mereka, ‘Aku telah banyak melakukan perbuatan baik yang
diserahkan Bapa kepada-Ku. Perbuatan manakah yang mendorong kamu merejam-Ku?’

33 Orang Yahudi itu menjawab, ‘Kami hendak merejam Kamu bukan kerana perbuatan-Mu yang
baik, tetapi kerana Kamu mengkufuri Allah. Kamu hanyalah seorang manusia, tetapi Kamu
menganggap diri-Mu Allah!’

34 Isa berkata kepada mereka, ‘Tidakkah tersurat di dalam hukum Taurat kamu: Allah berfirman,
“Kamu ilahi”? 35 Jika Allah menyebut orang sebagai “ilahi” kerana firman Allah ditujukan kepada
mereka, (apa yang tersurat di dalam kitab itu tidak dapat dibatalkan) 36 bagaimana dengan Dia yang
telah disucikan dan diutus ke dunia oleh Bapa? Wajarkah kamu katakan Aku mengkufuri Allah kerana
Aku berkata, “Aku Putera Allah”? 37 Andainya Aku tidak melakukan kehendak Bapa, janganlah
percaya kepada-Ku. 38 Tetapi jika Aku melakukannya, percayalah kepada apa yang Kulakukan,
kalaupun kamu tidak percaya kepada-Ku. Dengan demikian akan fahamlah kamu bahawa Bapa di
dalam Aku dan Aku di dalam Bapa.’ 39 Mereka mencuba lagi menangkap Isa, tetapi Isa dapat
melepaskan diri dari tangan mereka.

40 Isa kembali ke seberang Sungai Yordan lalu tinggal di tempat Yahya mengimadkan orang
dahulu. 41 Ramai orang datang kepada Isa. Mereka berkata, ‘Yahya tidak melakukan mukjizat, namun
kata-katanya tentang orang ini semuanya benar.’ 42 Ramai orang di kawasan itu percaya kepada Isa.

11 *Kematian dan kebangkitan Lazarus*

1 Pada suatu ketika, seorang lelaki bernama Lazarus jatuh sakit. Dia tinggal di Baitani bersama dua
orang saudara perempuannya bernama Maryam dan Marta. 2 Maryamlah, yang saudaranya Lazarus
sedang sakit, merupakan seorang perempuan yang dahulu pernah menuangkan minyak wangi ke kaki
Junjungan dan menyapunya dengan rambutnya. 3 Kedua-dua beradik perempuan itu mengirim khabar
kepada Isa, ‘Junjungan, dia yang Kaukasihi itu sakit.’

4 Apabila menerima berita itu, Isa berkata, ‘Sakit Lazarus tidak akan membawa maut. Hal ini
berlaku untuk memuliakan Allah. Disebabkan kejadian ini Putera Allah akan dimuliakan.’ 5 Isa
mengasihi Marta, Maryam dan Lazarus. 6 Tetapi apabila Dia mendapat berita Lazarus sakit, Dia
sengaja tinggal di tempat itu dua hari lagi.

7 Kemudian Dia berkata kepada para pengikut-Nya, ‘Marilah kita pulang ke Yudea.’

8 Para pengikut-Nya menjawab, ‘Tuan Guru, bukankah orang Yahudi di situ baru saja hendak
merejam-Mu? Sekarang Engkau hendak pulang ke situ?’

9 Isa berkata, ‘Bukankah waktu siang dua belas jam lamanya? Orang yang berjalan pada waktu
siang tidak akan tersandung kakinya, kerana masih ada cahaya di dunia ini. 10 Tetapi jika dia berjalan
pada waktu malam, kakinya akan tersandung kerana sudah tiada cahaya lagi.’

11 Kemudian Isa menambah, ‘Sahabat kita Lazarus sedang tidur. Aku akan pergi
membangunkannya.’

12 Para pengikut Isa berkata, ‘Junjungan, sekiranya Lazarus tidur, dia akan sembuh.’ 13 Yang
dimaksudkan oleh Isa ialah Lazarus sudah meninggal dunia, tetapi para pengikut-Nya mengambil erti

tidur yang biasa.

14 Oleh itu, Isa berkata kepada mereka dengan jelas, ‘Lazarus sudah meninggal. 15 Tetapi, untuk
kebaikanmu, Aku bersyukur Aku tidak bersamanya ketika itu. Dengan demikian kamu akan percaya
kepada-Ku. Marilah kita pergi kepadanya.’

16 Tomas yang disebut Didimus berkata kepada pengikut Isa yang lain. ‘Ya, marilah kita pergi juga
supaya kita mati bersama-Nya!’

17 Ketika Isa sampai, Dia mendapati Lazarus sudah empat hari di dalam makam. 18 Baitani terletak
kira-kira dua batu daripada Baitulmaqdis. 19 Oleh itu ramai orang Yahudi datang melawat Maryam dan
Marta untuk melipurkan hati mereka yang duka kerana kematian Lazarus. 20 Apabila Marta mendengar
Isa datang, dia terus pergi untuk menyambut-Nya, manakala Maryam tinggal di rumah.

21 Marta berkata kepada Isa, ‘Ya Junjungan, kalaulah Junjungan ada di sini pada waktu itu, tentu
saudaraku masih hidup! 22 Aku tahu, sekarang pun apa saja permintaan Junjungan akan dikabulkan
Allah.’

23 Isa berkata kepada Marta, ‘Saudaramu akan hidup kembali.’

24 Marta menjawab, ‘Aku tahu Lazarus akan hidup kembali pada hari akhir.’

25 Isa berkata kepada Marta, ‘Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku
akan hidup, meskipun dia sudah mati. 26 Orang hidup yang percaya kepada-Ku tidak akan mati
selama-lamanya. Percayakah kamu?’

27 Marta menjawab, ‘Ya Junjungan, aku percaya bahawa Junjungan adalah al-Masih, Putera Allah,
yang diutus oleh Allah, dan yang akan datang ke dunia ini.’

28 Setelah itu, Marta pergi memanggil saudaranya Maryam dan berbisik kepadanya, ‘Guru ada di
sini. Dia memanggilmu.’ 29 Maryam pun segera bangun lalu pergi untuk berjumpa Isa. 30 (Pada waktu
itu Isa belum sampai di kampung mereka. Dia masih di tempat Marta menyambut-Nya.) 31 Apabila
orang Yahudi yang ada di rumah Maryam untuk melipurkan hatinya itu melihat dia segera bangun lalu
keluar, mereka pun mengikutnya kerana menyangka dia hendak ke makam Lazarus untuk
menangisinya.

32 Setelah Maryam melihat Isa, dia berlutut di kaki-Nya lalu berkata, ‘Junjungan, kalaulah Engkau
ada di sini pada waktu itu, tentu saudaraku masih hidup!’

33 Ketika melihat Maryam menangis dan semua orang Yahudi yang bersamanya, turut
mengalirkan air mata, Isa sungguh hiba dan terharu. 34 Dia bertanya kepada mereka, ‘Di manakah
kamu letakkan dia?’

Mereka menjawab, ‘Marilah lihat, Ya Junjungan.’

35 Isa menangis.

36 Semua orang Yahudi yang hadir berkata, ‘Lihatlah! Dia sungguh kasih akan Lazarus.’

37 Namun, ada yang berkata, ‘Dia dapat mencelikkan orang buta. Tidakkah Dia dapat
mengelakkan kematian Lazarus?’

38 Isa yang masih terharu pergi ke makam Lazarus, iaitu sebuah gua yang ditutup dengan batu
besar. 39 Isa berkata, ‘Alihkan batu itu.’

Tetapi Marta berkata, ‘Junjungan, sudah empat hari dia dimakamkan, tentu berbau.’

40 Isa berkata kepada Marta, ‘Bukankah sudah Kukatakan kepadamu, kalau kamu percaya, kamu
dapat melihat kemuliaan Allah?’

41 Mereka mengalihkan batu itu. Isa menengadah ke langit lalu berkata, ‘Ya Bapa, Aku bersyukur
kepada-Mu kerana Engkau mendengar permintaan-Ku. 42 Aku tahu Engkau memang sentiasa
mendengar permintaan-Ku. Aku menyebutnya untuk kebaikan semua orang di sini, supaya mereka
percaya Engkau mengutus-Ku.’

43 Selepas itu, Isa berseru lantang, ‘Lazarus, keluar!’ 44 Lazarus pun keluar. Tangan dan kakinya
masih berbalut kain kafan, mukanya masih dilitupi kain penutup muka.

Isa berkata kepada orang ramai di situ, ‘Lucutkan kain kafannya dan lepaskan dia.’

45 Sebilangan besar orang yang datang melawat Maryam dan melihat apa yang dilakukan oleh Isa

terus percaya kepada-Nya. 46 Namun, ada yang pulang mendapatkan orang Farisi dan melaporkan hal itu.

Pakatan untuk membunuh Isa

47 Oleh yang demikian, orang Farisi dan ketua imam mengadakan mesyuarat Majlis Agama.

Mereka berkata, ‘Apakah yang patut kita buat? Lihatlah, orang itu banyak melakukan mukjizat! 48 Jika kita biarkan Dia terus melakukannya, semua orang akan percaya kepada-Nya. Nanti orang Rom akan datang memusnahkan kedudukan dan bangsa kita!’

49 Salah seorang daripada mereka bernama Kayafas, seorang imam besar pada tahun itu, berkata pula, ‘Kamu semua tidak tahu suatu apapun. 50 Kamu tidak faham bahawa lebih baik satu orang mati untuk bangsa kita, daripada seluruh bangsa kita dimusnahkan?’

51 Kayafas bukanlah melahirkan pendapatnya sendiri. Sebagai imam besar tahun itu, dia bernubuat bahawa Isa akan mati untuk bangsa Yahudi. 52 Sebenarnya Isa mati bukan untuk bangsa Yahudi sahaja, tetapi untuk menyatukan seluruh anak Allah yang berselerak di merata-rata tempat. 53 Sejak hari itu, orang Yahudi berpakat hendak membunuh Isa.

54 Isa tidak lagi pergi ke sana ke mari secara terbuka di antara orang Yahudi. Dia pergi ke bandar bernama Efraim dekat gurun, dan menetap di sana bersama para pengikut-Nya.

55 Menjelang perayaan Paska, ramai orang Yahudi dari kampung pergi ke Baitulmaqdis untuk menjalani upacara bersuci sebelum perayaan itu. 56 Mereka mencari Isa. Ketika di rumah ibadat, mereka bertanya sesama sendiri, ‘Bagaimana fikiranmu? Datangkah Dia ke perayaan ini?’ 57 Ketua imam dan orang Farisi telah mengeluarkan perintah bahawa sesiapa yang tahu di mana Isa berada mesti melaporkannya supaya Dia dapat ditangkap.

12 *Isa diurapi*

1 Enam hari sebelum perayaan Paska, Isa pergi ke Baitani, tempat tinggal Lazarus yang telah dibangkitkan-Nya daripada kematian. 2 Di situ Dia diperjamu. Marta menghidangkan makanan, dan Lazarus serta tetamu lain bertelekan di meja bersama Isa. 3 Kemudian Maria membawa sepaun minyak narwastu murni yang mahal, dan menuangkannya ke kaki Isa, lalu menyapu kaki Isa dengan rambutnya. Semerbaklah keharuman minyak itu di seluruh rumah.

4 Yudas Iskariot, salah seorang pengikut Isa yang mengkhianati-Nya kelak berkata, 5 ‘Mengapakah minyak wangi ini tidak dijual dengan harga tiga ratus keping wang perak, supaya wangnya dapat disedekahkan kepada orang miskin?’ 6 Yudas berkata demikian bukanlah kerana dia prihatin terhadap orang miskin, tetapi kerana dia yang diamanahkan menyimpan wang bagi mereka sering mencuri sedikit untuk keperluannya.

7 Isa berkata, ‘Jangan bantah perbuatan perempuan ini. Apa yang dilakukannya dimaksudkan untuk hari penguburan-Ku. 8 Orang miskin sentiasa ada di sekitarmu, tetapi Aku tidaklah sentiasa bersamamu.’

9 Apabila orang Yahudi mendengar Isa ada di Baitani, ramai yang ke situ bukan hanya untuk melihat-Nya tetapi juga Lazarus yang telah dibangkitkan-Nya daripada kematian. 10 Ketua imam merancang hendak membunuh Lazarus juga. 11 Ini disebabkan ramai orang Yahudi telah berpaling daripada mereka dan percaya kepada Isa.

Isa memasuki Baitulmaqdis

12 Pada keesokan harinya, orang ramai yang datang menyambut perayaan Paska mendengar bahawa Isa sedang dalam perjalanan ke Baitulmaqdis. 13 Mereka mengambil dahan-dahan pohon palma lalu pergi mengalu-alukan Isa sambil berseru,

‘Hosana!’

‘Diberkatilah Dia yang datang

dengan nama Tuhan, Raja Israel!’

14 Isa mendapatkan seekor keldai muda lalu menunggangnya. Maka berlakulah apa yang tersurat di dalam Kitab Suci,

15 ‘Janganlah takut. Wahai puteri Sion;

lihatlah Rajamu datang

menunggang seekor keldai muda!'

16 Sewaktu itu para pengikut Isa tidak memahami erti segala ini. Setelah Isa dimuliakan melalui
kematian dan kebangkitan-Nya, barulah mereka sedar bahawa segala yang dilakukan oleh orang
ramai terhadap-Nya telah tersurat di dalam Kitab Suci.

17 Orang yang mendengar Isa memanggil Lazarus keluar dari makam dan melihat Dia
membangkitkannya daripada kematian terus memberi kesaksian tentang kejadian itu. 18 Dengan
demikian, ramai orang datang berjumpa Isa kerana mendengar tentang mukjizat-Nya itu. 19 Orang
Farisi berkata sesama sendiri, 'Lihatlah, sia-sia segala usaha kita. Seluruh dunia telah mengikut-Nya.'

Isa memberitahu tentang kewafatan-Nya

20 Di antara orang ramai yang pergi ke Baitulmaqdis untuk beribadat pada waktu perayaan itu ada
sebilangan orang Yunani. 21 Mereka mendapatkan Filipus, yang berasal dari Betsaida di Galilea, lalu
berkata, 'Tuan, kami ingin bertemu dengan Isa.' 22 Filipus pun memberitahu Andreas lalu mereka
berdua pergi menyampaikan hal itu kepada Isa.

23 Isa berkata kepada mereka, 'Sudah sampai masanya Putera Insan dimuliakan. 24 Sesungguhnya
Aku berkata kepadamu: Jika benih gandum tidak jatuh di tanah lalu mati, benih gandum itu hanyalah
benih. Tetapi sekiranya benih itu mati, benih itu akan banyak menghasilkan buah. 25 Orang yang
sayangkan hidupnya akan kehilangan hidup itu. Tetapi orang yang tidak sayangkan hidupnya di dunia
ini akan mendapat hidup yang kekal. 26 Sesiapa yang ingin mengabdi kepada-Ku mesti mengikut-Ku,
dan di mana Aku berada, di situlah juga abdi-Ku. Orang yang mengabdi kepada-Ku akan dihormati
oleh Bapa.

27 'Hati-Ku resah. Apa yang akan Kukatakan? Patutkah Aku berkata, "Bapa, jauhkanlah aku
daripada saat penderitaan ini?" Namun, sebab itulah Aku datang menghadap saat ini. 28 Bapa,
tunjukkanlah kemuliaan-Mu!'

Ketika itu kedengaran suara dari langit berkata, 'Aku sudah menunjukkan kemuliaan-Ku dan Aku
akan menunjukkannya lagi.' 29 Antara orang ramai yang mendengar suara itu, ada yang berkata,
'Guruh.' Tetapi ada pula yang berkata, 'Bukan. Malaikat bercakap kepada-Nya.'

30 Isa berkata kepada mereka, 'Suara itu kedengaran bukan demi kepentingan-Ku tetapi demi
kepentinganmu. 31 Sudah sampailah masanya dunia ini dihakimi. Kini pemerintah dunia ini akan
digulingkan. 32 Apabila Aku diangkat tinggi di atas bumi, Aku akan menarik semua manusia kepada-
Ku.' 33 Kata-kata Isa ini membayangkan cara kematian-Nya kelak.

34 Orang ramai berkata kepada Isa, 'Di dalam hukum Taurat ada tersurat bahawa al-Masih yang
diutus Allah akan hidup selama-lamanya. Bagaimana kamu pula mengatakan bahawa Putera Insan
akan diangkat tinggi di atas bumi? Siapakah Putera Insan itu?'

35 Isa menjawab, 'Cahaya itu akan menyertaimu sebentar sahaja lagi. Teruslah berjalan selagi ada
cahaya itu sebelum kegelapan menyelubungimu. Seseorang yang berjalan dalam kegelapan tidak
tahu ke mana arah tujuannya. 36 Selagi ada cahaya itu menyertaimu, percayalah kepadanya, supaya
kamu menjadi anak-anak cahaya.' Setelah berkata-kata demikian, Isa meninggalkan tempat itu lalu
bersembunyi daripada mereka.

37 Mereka tetap tidak percaya kepada-Nya walaupun telah banyak melihat mukjizat-
Nya. 38 Dengan demikian berlakulah nubuat Nabi Yasyaya:

'Ya Tuhan, siapakah yang percaya akan perkhabaran kami?

Kepada siapakah tangan Tuhan ditunjukkan?'

39 Itulah maka mereka tidak percaya, sebagaimana kata Yasyaya lagi:

40 'Dia telah membutakan mata mereka

dan menjadikan mereka keras hati,

supaya mata mereka tidak dapat melihat,

dan hati mereka tidak dapat mengerti,

lalu mereka tidak berpaling kepada-Ku

untuk Kusembuhkan.'

41 Yasyaya berkata demikian kerana dia telah melihat kemuliaan-Nya serta berkata-kata tentang-Nya.

42 Sebenarnya banyak juga pemerintah yang percaya kepada Isa. Namun, disebabkan orang
Farisi itu, mereka tidak berani mengakui-Nya secara terbuka kerana takut disingkirkan daripada
saumaah. 43 Mereka lebih mencintai pujian manusia daripada pujian Allah.

44 Isa berseru, 'Sesiapa yang percaya kepada-Ku, juga percaya kepada Dia yang mengutus-
Ku. 45 Sesiapa yang melihat-Ku, juga melihat Dia yang mengutus-Ku. 46 Aku datang ke dunia ini
sebagai cahaya, supaya manusia yang percaya kepada-Ku tidak akan terus tinggal dalam kegelapan.

47 'Sekiranya seseorang mendengar kata-kata-Ku tetapi tidak mematuhinya, Aku tidak akan
menghukumnya. Aku datang bukan untuk menghukum dunia ini tetapi untuk
menyelamatkannya. 48 Ada hakim bagi sesiapa yang tidak menerima-Ku dan kata-kata-Ku. Kata-kata
yang Kusampaikan itulah yang akan menghakiminya pada hari akhir. 49 Aku bercakap bukan mengikut
kehendak-Ku sendiri. Bapa yang mengutus-Ku memerintahkan Aku tentang apa yang harus
Kukatakan dan bagaimana menyampaikannya. 50 Aku tahu bahawa perintah-Nya itu membawa hidup
kekal. Oleh itu apa yang Kukatakan, Kusampaikan sebagaimana disuruh oleh Bapa-Ku.'

13 *Isa membasuh kaki pengikut-pengikut-Nya*

1 Sebelum perayaan Paska, Isa tahu bahawa telah sampai masanya Dia meninggalkan dunia ini dan
pulang kepada Bapa. Setelah mengasihi sekalian orang yang menjadi milik-Nya di dunia ini, Isa
mengasihi mereka hingga ke saat akhir.

2 Semasa Isa dan pengikut-pengikut-Nya sedang makan malam, Iblis sudahpun menimbulkan niat
di hati Yudas anak Simon Iskariot untuk mengkhianati Isa. 3 Isa tahu bahawa Bapa telah menyerahkan
segala perkara kepada-Nya; bahawa Dia datang daripada Allah dan akan pulang kepada-
Nya. 4 Dengan demikian, Isa berdiri lalu melucutkan jubah-Nya dan mengikat sehelai tuala di
pinggang-Nya. 5 Kemudian Dia menuang air ke dalam sebuah besen lalu membasuh kaki para
pengikut-Nya dan mengeringkannya dengan tuala di pinggang-Nya.

6 Ketika Dia sampai kepada Simon Petrus, bertanyalah Simon kepada-Nya, 'Junjungan, wajarkah
Junjungan membasuh kakiku?'

7 Isa menjawab, 'Sekarang kamu tidak mengerti perbuatan-Ku ini tetapi pada kemudian hari kamu
akan mengerti.'

8 Petrus berkata kepada Isa, 'Tidak! Junjungan sekali-kali tidak boleh membasuh kakiku!'

Namun, Isa menjawab, 'Jika Aku tidak membasuhmu, kamu tidaklah lagi mempunyai bahagian
dalam apa yang Kulakukan.'

9 Simon Petrus berkata, 'Junjungan, kalau begitu janganlah basuh kakiku sahaja, basuhlah tangan
dan kepalaku juga!'

10 Isa berkata kepadanya, 'Orang yang sudah mandi telah bersih seluruh tubuhnya, cuma kakinya
yang perlu dibasuh. Kamu memang bersih tetapi bukan semua kamu.' 11 (Isa tahu siapa yang akan
mengkhianati-Nya. Itulah sebabnya Dia berkata, 'Bukan semua yang bersih.')

12 Setelah membasuh kaki para pengikut-Nya, Isa memakai semula jubah-Nya lalu bertelekan di
meja dan berkata kepada mereka, 'Fahamkah kamu apa yang Kulakukan untukmu? 13 Kamu
memanggil-Ku Guru dan Junjungan. Tepatlah panggilanmu itu, kerana Aku memang Guru dan
Junjungan. 14 Jika Aku sebagai Junjungan dan Gurumu sanggup membasuh kaki kamu, maka
haruslah kamu saling membasuh kaki sesama sendiri. 15 Aku telah memberi teladan kepada kamu
semua. Lakukanlah apa yang telah Kulakukan untukmu. 16 Sesungguhnya Aku berkata kepadamu,
seorang hamba tidak mungkin lebih besar daripada tuannya. Begitu jugalah, seorang yang diutus tidak
mungkin lebih besar daripada orang yang mengutusnya. 17 Sekiranya kamu mengerti hal ini dan
melakukannya, diberkatilah kamu.

18 'Apa yang Kukatakan itu bukanlah tentang kesemua kamu. Aku mengenal setiap orang yang
telah Kupilih. Tetapi apa yang tersurat di dalam Kitab Suci pasti terjadi, "Orang yang makan
bersama-Ku akan berpaling menentang-Ku."

19 'Aku memberitahumu hal ini sebelum berlaku supaya setelah terjadi nanti, kamu akan percaya

bahawa Akulah Dia. [20] Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, sesiapa yang menyambut orang yang
Kuutus, menyambut Aku. Sesiapa yang menyambut-Ku, menyambut Dia yang mengutus-Ku.'

Isa mengatakan tentang pengkhianatan-Nya

[21] Setelah melafazkan kata-kata itu, Isa berasa gundah. Dia pun berkata dengan terus-terang,
'Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, salah seorang daripadamu akan mengkhianati-Ku.'

[22] Para pengikut Isa berpandangan, tertanya-tanya dalam hati siapa agaknya yang dimaksudkan
oleh Isa. [23] Salah seorang pengikut yang dikasihi oleh Isa bertelekan di sisi-Nya. [24] Simon Petrus pun
memberi isyarat kepadanya, 'Tanyalah, siapa yang dimaksudkan-Nya itu.'

[25] Pengikut itu melayah dekat kepada Isa lalu bertanya, 'Siapakah dia, ya Junjungan?'

[26] Isa menjawab, 'Orang yang Kuberi roti yang telah Kucelupkan ke dalam mangkuk, dialah
orangnya.' Isa pun mengambil secebis roti, dicelupkannya lalu diberikannya kepada Yudas anak
Simon Iskariot. [27] Sebaik-baik Yudas menerima roti itu, masuklah Iblis ke dalam hatinya.

Isa pun berkata kepadanya, 'Apa yang hendak kaulakukan, segeralah lakukan.' [28] Tidak seorang
pun yang makan di situ tahu apa maksudnya Isa berkata demikian kepada Yudas. [29] Beberapa orang
pengikut Isa menyangka Isa menyuruh Yudas membeli bekalan yang diperlukan untuk perayaan
Paska, atau memberi sedekah kepada orang miskin kerana Yudas yang bertanggungjawab atas wang
mereka. [30] Yudas menyambut roti yang dihulurkan oleh Isa lalu segera pergi. Ketika itu hari sudah
malam.

[31] Setelah Yudas pergi, Isa berkata, 'Sekarang Putera Insan dimuliakan, dan Allah dimuliakan
melalui-Nya. [32] Jika Allah dimuliakan melalui Dia, Allah pun akan memuliakan Dia di dalam diri-Nya
segera.

[33] 'Anak-anak-Ku, Aku tidak akan lama lagi bersamamu. Kamu akan mencari-Ku, tetapi apa yang
telah Kukatakan kepada orang Yahudi kini Kukatakan kepadamu juga, "Ke mana Aku pergi, kamu
tidak dapat ikut."

[34] 'Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku
telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri. [35] Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, semua
orang akan tahu bahawa kamu pengikut-Ku.'

Isa memperingatkan Petrus

[36] Simon Petrus bertanya kepada Isa, 'Ke mana Junjungan hendak pergi?'

Isa menjawab, 'Ke mana Aku pergi, kamu tidak dapat mengikut-Ku sekarang, tetapi satu hari nanti
kamu akan mengikut-Ku ke situ.'

[37] Petrus bertanya lagi, 'Junjungan, mengapa aku tidak dapat mengikut Engkau sekarang? Aku
rela mati untuk-Mu, Junjungan!'

[38] Isa menjawab, 'Benarkah kamu rela mati untuk-Ku? Sesungguhnya Aku berkata kepadamu,
sebelum ayam berkokok, kamu akan menyangkal Aku tiga kali.

14 *Isa menghiburkan hati para pengikut*

[1] 'Janganlah kamu bimbang. Percayalah kepada Allah dan percayalah juga kepada-Ku. [2] Di dalam
rumah Bapa-Ku ada banyak tempat tinggal. Jika hal ini tidak benar, tidaklah Kukatakan kepadamu.
Aku akan pergi menyediakan tempat untukmu. [3] Jika Aku pergi dan menyediakan tempat untukmu,
Aku akan pulang dan membawamu ke tempat-Ku, supaya di tempat Aku berada di situ juga kamu
berada. [4] Kamu tahu jalan ke tempat Aku pergi.'

[5] Tomas berkata kepada Isa, 'Junjungan, kami tidak tahu ke mana Engkau pergi, bagaimana kami
mungkin tahu jalan ke sana?'

[6] Isa menjawab, 'Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tidak seorang pun datang kepada Bapa
kecuali melalui-Ku. [7] Dengan mengenal-Ku, kamu mengenal Bapa-Ku juga. Mulai sekarang kamu
mengenal-Nya, malah sudahpun melihat-Nya.'

Keesaan dengan Bapa

[8] Filipus berkata kepada Isa, 'Junjungan, tunjukkanlah Bapa kepada kami, supaya puaslah hati

kami.'

9 Isa menjawab, 'Sekian lama aku bersama kamu semua, belum lagi kau kenal Aku, Filipus?
Sesiapa yang telah melihat-Ku, telah melihat Bapa. Mengapa kamu berkata, "Tunjukkanlah Bapa
kepada kami?" 10 Filipus, tidakkah kamu percaya bahawa Aku di dalam Bapa, dan Bapa di dalam-Ku?
Segala yang Kukatakan kepadamu bukanlah daripada-Ku, tetapi daripada Bapa yang tinggal di
dalam-Ku yang melakukan semua pekerjaan itu. 11 Percayalah kepada-Ku, bahawa Aku di dalam
Bapa, dan Bapa di dalam-Ku. Kalaupun kamu tidak percaya akan apa yang Kukatakan, percayalah
kepada-Ku kerana apa yang telah Kulakukan. 12 Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, sesiapa yang
percaya kepada-Ku akan melakukan apa yang Kulakukan, malah pekerjaan lebih besar lagi, kerana
Aku pergi kepada Bapa. 13 Apa sahaja yang kamu minta dengan nama-Ku, Aku akan melakukannya
supaya kemuliaan Bapa ternyata melalui Putera-Nya. 14 Apa sahaja yang kamu minta daripada-Ku
dengan nama-Ku akan Kulakukan.

Isa menjanjikan Roh Kebenaran

15 'Jika kamu mengasihi-Ku, kamu akan mematuhi perintah-perintah-Ku. 16 Aku akan memohon
kepada Bapa dan Bapa akan mengurniaimu Penolong yang akan menyertaimu selama-
lamanya. 17 Penolong itu Roh Kebenaran. Dunia tidak dapat menerima-Nya kerana tidak dapat melihat
atau mengenal-Nya. Tetapi kamu mengenal-Nya kerana Dia tetap dalammu dan akan ada dalam
dirimu. 18 Aku tidak akan meninggalkanmu seperti anak yatim piatu. Aku akan datang lagi
mendapatkanmu. 19 Tidak lama lagi, dunia tidak akan melihat-Ku lagi, tetapi kamu akan melihat-Ku.
Oleh sebab aku hidup, kamu juga akan hidup. 20 Setelah tiba hari itu, kamu akan tahu bahawa Aku di
dalam Bapa, kamu di dalam-Ku, dan Aku juga di dalammu. 21 Sesiapa yang menerima dan mematuhi
perintah-perintah-Ku, mengasihi-Ku. Sesiapa yang mengasihi-Ku akan dikasihi oleh Bapa-Ku, dan
Aku juga akan mengasihinya serta memperlihatkan diri-Ku kepadanya.'

22 Yudas (bukan Yudas Iskariot) berkata kepada Isa, 'Junjungan, mengapa Engkau
memperlihatkan diri kepada kami tetapi tidak kepada dunia?'

23 Isa menjawab, 'Sesiapa yang mengasihi-Ku akan menurut ajaran-Ku. Bapa-Ku akan
mengasihinya. Dan Kami akan datang kepadanya serta tinggal bersamanya. 24 Orang yang tidak
mengasihi-Ku tidak menurut ajaran-Ku, pada hal ajaran itu bukan daripada-Ku, tetapi daripada Bapa
yang mengutus-Ku.

25 'Aku memberitahumu semua ini ketika Aku masih tinggal bersamamu. 26 Namun, Penolong, iaitu
Roh Suci yang akan diutus Allah dalam nama-Ku, akan mengajarmu segala-galanya dan
mengingatkanmu tentang apa yang telah Kukatakan kepadamu. 27 Sejahtera Kutinggalkan bagimu.
Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang
disogokkan oleh dunia. Usah risau dan janganlah takut.

28 'Kamu telah mendengar Aku berkata, "Aku akan pergi, tetapi Aku akan datang lagi
mendapatkanmu." Sekiranya kamu mengasihi-Ku, kamu akan gembira bahawa Aku pergi kepada
Bapa kerana Bapa lebih besar daripada-Ku. 29 Semua ini Kukatakan kepadamu sebelum terjadi,
supaya ketika berlaku nanti, kamu akan percaya kepada-Ku. 30 Aku tidak dapat bercakap lama lagi
denganmu, kerana sudah tiba waktunya pemerintah dunia ini datang. Sebenarnya dia tidak berkuasa
ke atas diri-Ku. 31 Namun, Aku menjalankan semua perintah Bapa, supaya dunia tahu bahawa Aku
mengasihi Bapa.

'Bangkitlah, marilah kita beredar dari sini.

15 *Pokok anggur yang benar*

1 'Aku ini pokok anggur yang benar, dan Bapa-Ku peladang anggur. 2 Dia mengerat setiap ranting-Ku
yang tidak berbuah, dan mencantas setiap ranting-Ku yang berbuah supaya bersih dan berbuah lebih
lebat lagi. 3 Kamu sudah dibersihkan dengan ajaran yang Kusampaikan kepadamu. 4 Tetaplah dalam-
Ku seperti Aku dalammu. Ranting tidak dapat berbuah jika terpisah dari pokok. Demikian jugalah
kamu: Kamu dapat berbuah hanya jika kamu tetap dalam-Ku.

5 'Aku pokok anggur dan kamu ranting-rantingnya. Jika kamu tetap dalam-Ku dan Aku dalam-Mu,
kamu akan berbuah lebat. Tanpa-Ku, kamu tidak dapat menghasilkan apa-apa. 6 Sesiapa yang tidak
tetap dalam-Ku adalah seperti ranting yang dikerat lalu dibiarkan kering, kemudian dikumpulkan, dan
dibuang ke dalam api lalu dibakar. 7 Sekiranya kamu tetap dalam-Ku, dan kata-kata-Ku tetap

dalammu, mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki, permohonan itu akan dikabulkan.[8] Kemuliaan
Bapa ternyata apabila kamu berbuah lebat. Itulah tanda kamu benar-benar pengikut-Ku.

Perintah supaya saling mengasihi

[9] 'Sebagaimana Bapa mengasihi-Ku, demikianlah juga Aku mengasihimu. Tetaplah dalam kasih-
Ku. [10] Jika kamu menurut perintah-Ku, kamu akan tetap dalam kasih-Ku; sebagaimana Aku menurut
perintah Bapa dan tetap dalam kasih-Nya. [11] Aku berkata demikian kepadamu supaya kebahagiaan-
Ku ada dalam dirimu dan sempurnalah kebahagiaanmu. [12] Inilah perintah-Ku: Kasihilah sesama
sendiri, seperti Aku mengasihimu. [13] Tiada kasih yang lebih besar daripada kasih seorang yang
mengorbankan nyawanya untuk sahabatnya. [14] Kamu sahabat-sahabat-Ku jika kamu melaksanakan
perintah yang telah Kuberikan. [15] Aku tidak lagi memanggilmu hamba, kerana hamba tidak tahu apa
yang dilakukan oleh tuannya. Aku memanggilmu sahabat-sahabat-Ku, kerana segala perkara yang
Kudengar daripada Bapa-Ku telah Kuberitahu kepadamu. [16] Bukan kamu yang memilih-Ku tetapi Aku
yang memilihmu dan menyuruhmu berbuah lebat, dan buahmu itu haruslah kekal, maka Bapa akan
mengabulkan apa sahaja permohonanmu dalam nama-Ku. [17] Inilah perintah-Ku kepadamu: Kasihilah
sesama sendiri.

Dunia membenci Isa dan pengikut-Nya

[18] 'Jika dunia membencimu, ketahuilah, dunia telah membenci-Ku terlebih dahulu. [19] Andainya
kamu milik dunia, dunia akan mengasihimu seperti anak-anaknya sendiri. Tetapi aku telah memilihmu
dan kamu bukan lagi milik dunia. Maka itulah dunia membencimu. [20] Ingatlah apa yang telah
Kukatakan kepadamu, "Seorang hamba tidaklah lebih besar daripada tuannya." Jika mereka
menganiaya-Ku, mereka akan menganiayamu juga. Jika mereka menurut kata-kata-Ku, mereka akan
menurut kata-katamu juga. [21] Semua itu akan dilakukan mereka terhadapmu, kerana nama-Ku, dan
mereka tidak mengenal Dia yang mengutus-Ku. [22] Kalaulah Aku tidak datang dan bercakap kepada
mereka, tidaklah mereka berdosa. Tetapi sekarang mereka tidak mempunyai alasan bagi dosa
mereka. [23] Sesiapa yang membenci-Ku, membenci Bapa-Ku juga. [24] Sekiranya Aku tidak melakukan
perkara-perkara yang belum pernah dilakukan orang di hadapan mata mereka, mereka tidaklah
berdosa. Tetapi mereka telah melihat sendiri apa yang Kulakukan dan mereka tetap membenci-Ku
dan Bapa-Ku. [25] Hal ini semestinya begitu, supaya berlaku apa yang tersurat di dalam Taurat mereka:
"Mereka membenci-Ku tanpa alasan."

[26] 'Apabila Penolong, Roh Kebenaran daripada Bapa, yang Kuutus kepadamu datang, Dia akan
bersaksi tentang-Ku. [27] Kamu juga akan bersaksi tentang-Ku, kerana kamu semua bersama-Ku dari
mula lagi.

16 *Peringatan Isa*

[1] 'Semua ini Kukatakan kepadamu supaya kamu tidak sesat. [2] Mereka akan menyingkirkanmu
daripada saumaah. Masanya akan tiba ketika semua orang yang membunuhmu menganggap bahawa
dengan berbuat demikian dia mengabdi kepada Allah. [3] Perkara ini akan dilakukan oleh mereka,
kerana mereka belum mengenal Bapa mahupun Aku. [4] Semua ini Kukatakan kepadamu supaya ketika
berlaku nanti, kamu akan ingat bahawa Aku sudahpun memberitahumu. Aku tidak memberitahumu
dari mulanya lagi kerana Aku masih bersamamu.

Pekerjaan Roh Suci

[5] 'Tetapi sekarang Aku akan pergi kepada Dia yang mengutus-Ku. Tidak seorang pun antaramu
bertanya, "Ke mana Aku hendak pergi?" [6] Sekarang kamu bersedih, kerana Aku telah memberitahu
perkara ini kepadamu. [7] Apa yang Kukatakan kepadamu ini benar; untuk kepentinganmu, baiklah Aku
pergi. Selagi Aku tidak pergi, Penolong itu tidak akan datang kepadamu. Jika Aku pergi, Aku akan
mengutus-Nya kepadamu. [8] Setelah Dia datang nanti, Dia akan menginsafkan dunia tentang dosa,
kebenaran, dan penghakiman; [9] tentang dosa kerana mereka tidak percaya kepada-Ku; [10] tentang
kebenaran kerana Aku akan pergi kepada Bapa dan kamu tidak akan melihat-Ku lagi; [11] dan tentang
penghakiman kerana pemerintah dunia ini telah dihakimi.

[12] 'Ada banyak lagi yang ingin Kukatakan kepadamu, tetapi kamu belum berupaya
menerimanya. [13] Tetapi apabila Dia, iaitu Roh Kebenaran, datang Dia akan membimbingmu ke arah
segala kebenaran. Roh itu tidak akan mengatakan sesuatu menurut kehendak-Nya sendiri. Dia akan

menyampaikan apa yang didengar-Nya dan memberitahumu apa yang akan terjadi. 14 Roh itu akan
memuliakan-Ku, kerana Dia akan menerima apa yang berasal daripada-Ku dan menyatakannya
kepadamu. 15 Segala milik Bapa-Ku milik-Ku juga. Maka itulah Kukatakan bahawa Dia akan menerima
apa yang berasal daripada-Ku dan menyatakannya kepadamu.'

16 Isa berkata, 'Tidak lama lagi, kamu tidak akan melihat-Ku dan tidak lama kemudian, kamu akan
melihat-Ku.'

Kedukaan dan kegembiraan

17 Sebilangan pengikut Isa tertanya-tanya sesama sendiri, 'Apakah maksud kata-Nya, "Tidak lama
lagi kamu tidak akan melihat-Ku, dan tidak lama kemudian kamu akan melihat-Ku"? Dia juga berkata,
"Aku akan pergi kepada Bapa." ' 18 Mereka berkata, 'Apakah maksud "tidak lama lagi"? Kami tidak
faham erti kata-kata-Nya!'

19 Isa tahu bahawa mereka ingin bertanya kepada-Nya. Lalu kata-Nya kepada mereka, 'Tadi Aku
berkata, "Tidak lama lagi kamu tidak akan melihat-Ku, dan tidak lama kemudian kamu akan melihat-
Ku." Adakah kamu mempersoalkan kata-Ku itu? 20 Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, kamu akan
menangis dan meratap, tetapi dunia akan bersuka ria. Kamu akan bersedih, namun kesedihanmu
akan berubah menjadi kegembiraan. 21 Apabila seorang perempuan hendak melahirkan anak, dia
menderita kesakitan kerana masanya sudah tiba. Tetapi sebaik sahaja anak itu lahir, dia lupa akan
penderitaannya. Dia bersukacita kerana seorang anak telah lahir ke dunia. 22 Begitulah juga kamu
bersedih sekarang, tetapi Aku akan menemui kamu lagi. Hatimu akan dipenuhi kegembiraan, yang
tidak dapat diragut oleh sesiapapun. 23 Pada ketika itu, kamu tidak akan bertanya apa-apa lagi
kepada-Ku. Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, apa sahaja yang kamu minta dalam nama-Ku,
Bapa akan mengurniakannya kepadamu. 24 Hingga saat ini belum pernah kamu minta sesuatu dalam
nama-Ku. Mintalah, kamu akan menerimanya dan sempurnalah kegembiraanmu.

25 'Aku telah mengatakan semua ini kepadamu secara kiasan. Tetapi akan sampai ketikanya Aku
tidak lagi menggunakan kiasan; Aku akan berterus-terang kepadamu tentang Bapa. 26 Pada hari itu,
kamu akan meminta dalam nama-Ku. Aku tidak berkata Aku akan meminta kepada Bapa bagi
pihakmu. 27 Bapa sendiri mengasihimu, kerana kamu mengasihi-Ku dan percaya Aku datang daripada
Bapa. 28 Aku memang berasal daripada Bapa dan datang ke dunia. Tetapi sekarang Aku
meninggalkan dunia ini dan pulang semula kepada Bapa.'

29 Para pengikut-Nya berkata, 'Sekarang barulah Junjungan bercakap terus-terang, tanpa
menggunakan kiasan. 30 Sekarang kami faham bahawa Junjungan mengetahui segala-galanya dan
sesiapapun tidak perlu lagi bertanya apa-apa kepada-Mu. Oleh itu kami percaya bahawa Junjungan
datang daripada Allah.'

31 Isa berkata kepada mereka, 'Percayakah kamu sekarang? 32 Saatnya akan datang, malah
sudahpun sampai, ketika kamu akan bertempiaran. Kamu akan menjaga diri masing-masing, dan
meninggalkan Aku keseorangan. Tetapi sebenarnya Aku tidaklah keseorangan, kerana Bapa
bersama-Ku.

33 'Segala ini Kukatakan kepadamu supaya kamu beroleh sejahtera di dalam Aku. Di dalam dunia
kamu akan menghadapi pancaroba; tetapi tabahkanlah hatimu, kerana Aku telah menewaskan dunia.'

17 *Doa Isa untuk pengikut-Nya*

1 Setelah itu, Isa menengadah ke langit lalu berkata,

'Bapa, sudah sampailah saatnya. Muliakanlah Putera-Mu, supaya Putera-Mu dapat memuliakan
Bapa. 2 Engkau telah memberi Putera-Mu kekuasaan ke atas umat manusia, supaya Dia pun
memberikan hidup kekal kepada setiap orang yang telah Kauserahkan kepada-Nya. 3 Inilah hidup
kekal, iaitu mereka mengenal-Mu sebagai satu-satunya Tuhan Yang Benar, dan mengenal Isa al-
Masih yang Kauutus. 4 Aku telah memuliakan-Mu di bumi ini dengan menyempurnakan kerja yang
Kauamanahkan kepada-Ku. 5 Bapa, muliakanlah Aku sekarang dengan kemuliaan yang Kumiliki
bersamamu sebelum dunia ini diwujudkan.

6 'Aku telah menyatakan nama-Mu kepada semua orang di dunia ini yang telah Kauserahkan
kepada-Ku. Mereka semua milik-Mu. Engkau telah mengamanahkan mereka kepada-Ku. Kini mereka
taat akan firman-Mu. 7 Sekarang mereka tahu bahawa segala yang Kauberikan kepada-Ku itu
sebenarnya berasal daripada-Mu. 8 Firman yang Kauberikan kepada-Ku telah Kusampaikan kepada

mereka dan mereka menerimanya. Mereka benar-benar tahu bahawa Aku sesungguhnya berasal
daripada-Mu, dan percaya bahawa Engkau telah mengutus-Ku. 9 Aku berdoa untuk mereka. Aku tidak
berdoa untuk dunia. Aku berdoa untuk orang yang telah Kauserahkan kepada-Ku, kerana mereka
milik-Mu. 10 Semua milik-Ku, milik-Mu juga. Semua milik-Mu, milik-Ku juga. Aku dimuliakan melalui
mereka. 11 Aku tidak lagi tinggal di dunia, sedangkan mereka masih di dunia. Aku datang kepada-Mu.
Bapa Yang Maha Suci, peliharalah mereka dengan nama-Mu, nama yang telah Kauberikan kepada-
Ku, supaya mereka menjadi satu sebagaimana Engkau dan Aku adalah satu. 12 Sepanjang waktu Aku
bersama mereka, Aku memelihara mereka dengan nama-Mu, nama yang Kauberikan kepada-Ku. Aku
melindungi mereka dan tiada seorang pun binasa, kecuali anak kebinasaan itu supaya berlaku apa
yang tersurat di dalam Kitab Suci.

13 'Sekarang Aku akan datang kepada-Mu. Semua ini Kukatakan ketika Aku masih di dunia,
supaya kebahagiaan-Ku dapat dialami mereka sepenuhnya. 14 Setelah Kusampaikan firman-Mu
kepada mereka, dunia membenci mereka kerana mereka bukan dari dunia ini, seperti Aku juga bukan
daripada dunia ini. 15 Aku tidak memohon-Mu untuk mengeluarkan mereka dari dunia ini. Aku
memohon semoga Engkau melindungi mereka daripada Si Durjana. 16 Sebagaimana Aku bukan dari
dunia ini, begitu jugalah mereka. 17 Sucikanlah mereka dengan kebenaran-Mu; firman-Mu adalah
kebenaran. 18 Aku mengutus mereka ke dunia sebagaimana Engkau mengutus-Ku ke dunia. 19 Demi
kebaikan mereka Aku menyucikan diri-Ku supaya mereka juga disucikan dalam kebenaran.

20 'Aku bukan berdoa untuk mereka saja tetapi juga untuk semua orang yang percaya kepada-Ku
melalui kata-kata mereka. 21 Bapa, Aku berdoa supaya mereka semua menjadi satu sebagaimana
Engkau di dalam-Ku dan Aku di dalam-Mu dan supaya mereka juga ada di dalam Kita. Dengan
demikian dunia dapat percaya bahawa Engkaulah yang telah mengutus-Ku. 22 Aku memberi mereka
kemuliaan yang Kauberikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu sebagaimana Kita adalah
satu. 23 Aku di dalam mereka dan Engkau di dalam-Ku, supaya mereka bersatu sepenuhnya. Dengan
demikian dunia akan tahu bahawa Engkau sebenarnya telah mengutus-Ku, dan Engkau mengasihi
mereka sebagaimana Engkau mengasihi-Ku.

24 'Bapa, Aku menghendaki mereka yang Kauserahkan kepada-Ku ada bersama-Ku di mana Aku
berada, supaya mereka dapat melihat kemuliaan yang Kauberikan kepada-Ku, kerana Engkau
mengasihi-Ku ketika dunia ini belum diwujudkan lagi.

25 'Bapa Yang Maha Benar! Dunia tidak mengenal-Mu, namun Aku mengenal-Mu, dan kesemua
mereka ini tahu bahawa Engkaulah yang telah mengutus-Ku. 26 Aku telah menyatakan nama-Mu
kepada mereka. Aku akan terus berbuat demikian, supaya kasih-Mu kepada-Ku bertapak kukuh di
hati mereka dan supaya Aku di dalam mereka.'

18 *Yudas mengkhianati Isa*

1 Setelah berdoa demikian, Isa pergi diiringi para pengikut-Nya ke seberang Sungai Kidron. Di sana
ada sebuah taman. Isa dan para pengikut-Nya masuk ke taman itu.

2 Yudas, yang mengkhianati Isa, mengetahui tempat itu juga kerana Isa kerap ke situ dengan para
pengikut-Nya. 3 Dengan demikian, Yudas pergi ke situ membawa sepasukan askar dan sebilangan
pegawai, ketua imam serta orang Farisi. Mereka membawa senjata, lentera, dan suluh.

4 Isa mengetahui segala yang akan terjadi ke atas-Nya. Dia pun mendekati mereka lalu bertanya,
'Siapakah yang kamu cari?'

5 Mereka menjawab, 'Isa orang Nasaret.'

Isa berkata kepada mereka, 'Akulah Dia.' Yudas, yang mengkhianati Isa, berdiri bersama mereka
di situ. 6 Apabila Isa berkata kepada mereka, 'Akulah Dia,' mereka semua undur lalu rebah ke tanah.

7 Isa bertanya lagi kepada mereka, 'Siapakah yang kamu cari?'

Mereka menjawab, 'Isa orang Nasaret.'

8 Isa berkata, 'Aku sudah berkata bahawa Akulah Dia. Kalau Aku yang kamu cari, biarkanlah
mereka ini pergi.' 9 (Dengan demikian berlakulah apa yang pernah dikatakan-Nya, 'Tidak seorang pun
yang Kauserahkan pada-Ku sesat.')

10 Simon Petrus yang memiliki sebilah pedang menghunusnya lalu menetak telinga kanan hamba
imam besar itu sehingga putus. Nama hamba itu Malkus.

11 Isa berkata kepada Petrus, ‘Sarungkan semula pedangmu! Bukankah Aku mesti minum dari
cawan penderitaan yang diberikan kepada-Ku oleh Bapa?’

Isa di hadapan imam

12 Setelah itu, askar-askar dengan ketua mereka dan pegawai-pegawai Yahudi menangkap dan
mengikat Isa. 13 Mula-mula mereka membawa-Nya ke hadapan Hanas, bapa mertua Kayafas, Imam
Besar pada tahun itu. 14 Kayafaslah yang dahulunya berkata kepada orang Yahudi bahawa lebih baik
satu orang mati demi seluruh bangsa.

15 Simon Petrus dan seorang pengikut lain ikut serta apabila Isa dibawa pergi. Oleh sebab
pengikut lain ini dikenali oleh imam besar, dia masuk bersama Isa ke halaman rumah imam
besar. 16 Petrus menanti di luar, di hadapan pintu. Sejurus kemudian, pengikut lain itu keluar semula,
bercakap dengan hamba perempuan yang menjaga pintu, lalu membawa Petrus masuk.

17 Kemudian hamba perempuan itu berkata kepada Petrus, ‘Bukankah kamu seorang daripada
pengikut orang itu?’

Petrus menjawab, ‘Bukan.’

18 Hamba dan pegawai berdiri di situ setelah menyalakan api kerana pada masa itu hawa sejuk.
Mereka sedang berdiang di situ. Petrus pun berdiri disitu dan berdiang bersama mereka.

19 Imam besar menyoal Isa tentang pengikut-pengikut-Nya dan ajaran-Nya.

20 Isa menjawab, ‘Aku sentiasa bercakap terang-terangan di hadapan orang ramai. Aku sering
mengajar di saumaah dan di rumah ibadat, tempat semua orang Yahudi berhimpun. Tidak pernah
Kukatakan apa-apa secara rahsia. 21 Mengapakah kamu menyoal-Ku? Tanyalah mereka yang pernah
mendengar apa yang Kukatakan kepada mereka. Mereka tahu apa yang Kukatakan itu.’

22 Seorang pegawai di situ menampar Isa sambil berkata, ‘Begitukah kamu bercakap kepada
seorang imam besar?’

23 Isa berkata kepadanya, ‘Sekiranya yang Kukatakan itu salah, tunjukkanlah kepada semua orang
di sini apa kesalahan itu. Tetapi kalau kata-kata-Ku benar, mengapa kamu menampar-Ku?
’ 24 Selepas itu Hanas menyuruh orang membawa Isa yang masih dalam keadaan terikat ke hadapan
Imam Besar Kayafas.

Petrus menyangkal Isa

25 Simon Petrus masih berdiri berdiang. Maka orang di situ bertanya kepadanya, ‘Bukankah kamu
seorang daripada pengikut orang itu?’

Petrus menjawab, ‘Bukan!’

26 Seorang daripada hamba imam besar ada di situ. Dia saudara kepada hamba yang ditetak
putus telinganya oleh Petrus. Dia berkata kepada Petrus, ‘Bukankah kamu yang kulihat di taman itu
bersama-Nya?’ 27 Petrus menyangkal-Nya lagi, dan sejurus selepas itu ayam berkokok.

Isa di hadapan Pilatus

28 Kemudian mereka membawa Isa dari rumah Kayafas ke istana pemerintah Rom. Tetapi orang
Yahudi tidak turut masuk ke dalam istana itu kerana pagi masih awal. Mereka tidak mahu terkena
najis, kerana mereka hendak menyertai jamuan Paska. 29 Oleh yang demikian, Pilatus keluar
menemui mereka. Dia bertanya, ‘Apakah tuduhanmu terhadap orang ini?’

30 Mereka menjawab, ‘Jika orang ini tidak melakukan perbuatan jahat, sudah tentu kami tidak
akan membawa-Nya ke hadapanmu.’

31 Kemudian Pilatus berkata kepada mereka, ‘Ambillah Dia, adili mengikut undang-undangmu.’

Orang Yahudi menjawab, ‘Kami tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk menjatuhkan
hukum mati ke atas seseorang.’ 32 Dengan demikian akan terjadilah apa yang telah dikatakan oleh Isa
tentang cara kematian-Nya.

33 Selepas itu Pilatus masuk semula ke istana dan memanggil Isa lalu bertanya, ‘Adakah kamu
Raja orang Yahudi?’

34 Isa menjawab, ‘Adakah kata-kata ini daripada dirimu sendiri, atau adakah orang lain

mengatakannya kepadamu tentang diri-Ku?'

35 Pilatus menjawab, 'Adakah aku seorang Yahudi? Bangsa-Mu sendiri dan ketua-ketua imam
telah membawa-Mu kepadaku. Apakah yang telah Kaulakukan?'

36 Isa menjawab, 'Kerajaan-Ku bukanlah daripada dunia ini. Kiranya kerajaan-Ku dari dunia ini,
tentulah para pengikut-Ku berjuang mempertahan-Ku daripada diserahkan kepada orang Yahudi.
Tetapi kerajaan-Ku bukanlah dari sini.'

37 Dengan demikian Pilatus pun berkata kepada-Nya, 'Jadi, adakah kamu seorang raja?' Isa
menjawab, 'Betul katamu. Aku seorang raja. Aku dilahirkan ke dunia untuk memberi kesaksian tentang
kebenaran. Setiap orang yang memihak kepada kebenaran mendengar suara-Ku.'

38 Pilatus berkata kepada-Nya, 'Apakah itu kebenaran?' Kemudian dia keluar mendapatkan orang
Yahudi lalu berkata, 'Aku mendapatinya tidak bersalah sama sekali. 39 Tetapi kamu ada satu adat, iaitu
aku harus membebaskan seorang daripada bangsamu pada perayaan Paska. Mahukah kamu
kubebaskan Raja orang Yahudi?'

40 Mereka semua berteriak lagi, 'Jangan bebaskan orang itu. Bebaskan Barabas.' Barabas itu
seorang perompak.

19 1 Setelah itu, Pilatus pun membawa Isa dan mengarahkan supaya Isa disesah. 2 Askar-askar
menganyam mahkota daripada duri, dan mengenakannya pada kepala Isa. Kemudian mereka
menyarungkan jubah berwarna ungu ke tubuh-Nya. 3 Mereka datang kepada-Nya dan berkata, 'Daulat
Raja orang Yahudi!' lalu menampar-Nya.

4 Pilatus keluar lagi dan berkata kepada mereka, 'Lihat, aku bawakan Dia kepadamu, supaya
kamu tahu aku mendapati Dia tidak bersalah sama sekali.' 5 Isa pun keluar dengan memakai mahkota
duri dan jubah ungu itu. Pilatus berkata kepada mereka, 'Lihatlah orang ini!'

6 Apabila ketua-ketua imam dan pegawai-pegawai melihat-Nya, mereka berteriak, 'Salibkan Dia!
Salibkan Dia!'

Pilatus berkata kepada mereka, 'Kamu ambil dan saliblah Dia; kerana aku mendapati-Nya tidak
bersalah sama sekali.'

7 Orang Yahudi itu menjawab, 'Kami ada undang-undang, dan menurut undang-undang itu Dia
patut dihukum mati, kerana Dia mengaku diri-Nya Putera Allah.'

8 Apabila mendengar kata-kata itu, Pilatus semakin takut. 9 Dia masuk semula ke istana dan
bertanya kepada Isa, 'Dari manakah Kamu ini?' Tetapi Isa tidak menjawab. 10 Kemudian Pilatus
berkata kepada-Nya, 'Kamu tidak menjawab soalanku? Tidakkah kamu tahu aku berkuasa untuk
menyalib-Mu atau membebaskan-Mu?'

11 Isa menjawab, 'Kamu tidak mungkin mempunyai kuasa langsung ke atas-Ku kecuali diberikan
kepadamu dari atas; maka yang menyerahkan-Ku kepadamu itu lebih besar dosanya.'

12 Selepas itu Pilatus cuba membebaskan-Nya, tetapi orang Yahudi berseru, 'Jika kamu
membebaskan orang ini, kamu bukanlah penyokong Kaisar; kerana sesiapa yang mengaku dirinya
raja bercakap menentang Kaisar.'

13 Ketika Pilatus mendengar kata-kata demikian, dia pun membawa Isa, lalu duduk di kerusi
pengadilan di tempat yang disebut 'Laman Batu', dalam bahasa Ibrani Gabbatha. 14 Pada waktu itu
persediaan sedang dibuat untuk perayaan Paska, kira-kira jam keenam.

Pilatus berkata kepada orang Yahudi, 'Lihatlah Raja kamu!'

15 Tetapi mereka berseru, 'Bawa Dia pergi! Bawa Dia pergi! Salibkan Dia!'

Pilatus berkata kepada mereka, 'Adakah kamu mahu aku salib Rajamu?'

Ketua-ketua imam menjawab, 'Kami tidak ada raja selain Kaisar.'

Isa disalib

16 Oleh itu Pilatus pun menyerahkan Isa kepada mereka untuk disalib. 17 Lalu mereka mengambil-
Nya dan membawa-Nya pergi. Isa pun mengangkat salib-Nya dan pergi ke suatu tempat yang
dipanggil Tempat Tengkorak, yang dalam bahasa Ibrani disebut Golgota. 18 Di situ mereka menyalib-
Nya, bersama dua orang lain di kiri kanan-Nya.

[19] Pilatus memerintahkan supaya satu catatan ditulis dan diletakkannya di atas salib itu. Tulisan itu berbunyi: Isa Orang Nasaret, Raja Orang Yahudi. [20] Ramai orang Yahudi membaca tulisan itu, kerana tempat Isa disalib itu dekat dengan kota, dan tulisan itu dalam bahasa Ibrani, Yunani dan Latin. [21] Ketua-ketua imam Yahudi pula berkata kepada Pilatus, 'Janganlah tulis: "Raja Orang Yahudi." Tetapi, tulislah: "Dia berkata Dia raja orang Yahudi." '

[22] Pilatus menjawab, 'Apa yang sudah kutulis itu sudah kutulis.'

[23] Setelah menyalib Isa, askar-askar mengambil pakaian-Nya, dibahagi empat, sebahagian untuk setiap askar. Mereka mengambil jubah-Nya juga. Jubah itu tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas.

[24] Oleh itu mereka berkata-kata sesama sendiri, 'Janganlah kita koyakkan. Kita buang undi untuk menentukan siapa yang dapat.'

Dengan demikian berlakulah apa yang tersurat di dalam Kitab Suci:

'Mereka membahagikan pakaian-Ku

antara mereka,

dan untuk mendapat jubah-Ku mereka membuang undi.'

Begitulah yang dilakukan oleh askar-askar itu.

[25] Di tepi salib Isa berdiri ibu-Nya, dan saudara perempuan ibu-Nya, Maryam isteri Klopas, dan Maryam Magdalena. [26] Apabila Isa melihat ibu-Nya dan pengikut-Nya yang dikasihi berdiri di situ, Dia pun berkata kepada ibu-Nya, 'Lihat, itulah anakmu.' [27] Kepada pengikut-Nya Dia berkata, 'Lihatlah ibumu.' Sejak itu pengikut tersebut mengambil ibu Isa sebagai ibunya dan membawanya tinggal di rumahnya.

Kematian Isa

[28] Selepas itu, Isa yang mengetahui bahawa segala-galanya telah berlaku sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci, lalu berkata, 'Aku dahaga.' [29] Di situ ada sebuah bekas berisi air anggur masam. Lalu mereka memenuhkan sebuah sepan dengan air anggur masam itu, meletakkannya di atas sebuah batang zufa dan mencecahkannya ke mulut Isa. [30] Setelah Isa menerima air anggur masam itu, Dia berkata, 'Sudah selesai'. Dia menundukkan kepala lalu menyerahkan nyawa-Nya.

Isa ditikam

[31] Oleh sebab hari itu hari persediaan dan mayat-mayat itu tidak sewajarnya masih ada di atas salib pada hari Sabat (kerana hari Sabat itu hari mulia), orang Yahudi meminta kepada Pilatus agar mayat-mayat itu dipatahkan kakinya dan dibawa pergi. [32] Askar-askar pun datang mematahkan kaki orang yang disalib bersama Isa itu, seorang demi seorang. [33] Tetapi apabila mereka sampai kepada Isa dan melihat Dia sudah tidak bernyawa lagi, mereka pun tidak mematahkan kaki-Nya. [34] Tetapi seorang askar itu menikam rusuk-Nya dengan lembing, lalu keluarlah darah dan air. [35] Maka dia yang melihatnya merakamkan sebagai kesaksian, dan rakamannya itu benar. Dia tahu bahawa dia bercakap benar, supaya kamu percaya. [36] Semua ini dilakukan supaya berlakulah yang tersurat di dalam Kitab Suci, 'Tidak satu pun tulang-Nya akan dipatahkan'. [37] Juga tersurat di dalam Kitab Suci, 'Mereka akan memandang Dia yang telah ditikam oleh mereka.'

Isa dimakamkan

[38] Selepas itu, Yusuf yang berasal dari Arimatea meminta izin daripada Pilatus untuk mengambil jenazah Isa. Yusuf ialah seorang pengikut Isa secara diam-diam kerana takut akan ketua orang Yahudi. Dengan izin Pilatus, maka dia datang dan mengambil jenazah Isa. [39] Nikodemus, yang pernah mendapatkan Isa pada suatu malam dahulu, pergi bersama Yusuf membawa ramuan mur dan gaharu sebanyak kira-kira seratus paun. [40] Mereka mengambil jenazah Isa lalu mengkafankannya dengan kain kafan dan ramuan mengikut adat pengebumian orang Yahudi. [41] Di sebuah taman di tempat Isa disalib terdapat sebuah makam yang belum pernah digunakan. [42] Oleh sebab makam itu dekat dan hari itu hari persediaan orang Yahudi, mereka pun memasukkan jenazah Isa ke dalamnya.

20 *Kebangkitan Isa al-Masih*

[1] Pada awal pagi hari pertama minggu itu, ketika masih gelap lagi, Maryam Magdalena pergi ke

makam itu. Dia mendapati batu penutup telah digulingkan dari lubang makam itu. [2] Dia pun berlari mencari Simon Petrus dan pengikut lain yang dikasihi oleh Isa lalu berkata, ‘Jenazah Junjungan telah diambil dari makam, entah ke mana dialihkan.’

[3] Petrus dan pengikut lain itu pun pergi ke makam. [4] Kedua-duanya berlari, tetapi pengikut lain itu berlari mendahului Petrus dan tiba di makam itu lebih dahulu. [5] Dia menjenguk ke dalam dan melihat kain linen di situ tetapi tidak masuk ke makam itu. [6] Apabila Simon Petrus yang menyusul pengikut lain itu tiba, dia terus masuk ke dalam makam itu dan nampak kain linen terletak di situ. [7] Dia juga melihat kain yang diikatkan pada kepala Isa, terlipat berasingan. [8] Kemudian, pengikut lain yang sampai dahulu itu pun masuk. Dia melihat segala-galanya lalu percaya. [9] Setakat itu mereka belum memahami apa yang tersurat di dalam Kitab Suci, iaitu Dia harus bangkit daripada kematian.

[10] Selepas itu, pengikut-pengikut Isa itu pun pulang ke rumah mereka.

Isa menampakkan diri kepada Maryam

[11] Tetapi Maryam berdiri di hadapan makam itu sambil menangis. Kemudian sambil menangis dia menjenguk ke dalam. [12] Dia melihat dua malaikat berpakaian putih duduk di tempat jenazah Isa dibaringkan dahulu, satu malaikat di sebelah kepala dan satu di sebelah kaki.

[13] Malaikat-malaikat itu bertanya kepada Maryam, ‘Puan, mengapa menangis?’

Maryam menyahut, ‘Jenazah Junjunganku telah diambil, entah ke mana dialihkan!’ [14] Kemudian Maryam menoleh lalu melihat Isa berdiri di situ, tetapi Maryam tidak mengenal-Nya.

[15] Isa berkata kepada Maryam, ‘Puan, mengapa menangis? Siapakah yang kamu cari?’

Pada sangkaan Maryam, Dia tukang kebun di taman itu. Dengan demikian Maryam berkata, ‘Tuan, jika kamu telah mengalihkan jenazah Isa, beritahulah aku di mana kamu letakkan-Nya, supaya dapat kuambil jenazah-Nya.’

[16] Isa berkata kepadanya, ‘Maryam!’

Maryam berpaling kepada Isa lalu berseru dalam bahasa Ibrani, ‘Rabboni!’ (ertinya ‘Guru’).

[17] Isa berkata kepadanya, ‘Jangan berpaut pada-Ku, kerana Aku belum lagi kembali kepada Bapa. Pergilah kepada pengikut-pengikut-Ku, katakan kepada mereka bahawa sekarang Aku akan kembali kepada Bapa-Ku dan Bapamu, Allah Tuhan-Ku dan Allah Tuhanmu.’

[18] Maryam pun pergi mendapatkan para pengikut Isa lalu memberitahu bahawa Dia telah melihat Junjungan dan Dia telah menuturkan kata-kata itu kepadanya.

Isa menampakkan diri kepada para pengikut-Nya

[19] Pada hari minggu itu, setelah petang, para pengikut Isa berhimpun di sebuah rumah dengan pintu terkunci kerana takut akan orang Yahudi. Isa muncul di kalangan mereka lalu berkata, ‘Sejahtera ke atas kamu!’ [20] Selepas itu Dia menunjukkan tangan dan rusuk-Nya kepada mereka, maka mereka pun bersukacita melihat Junjungan.

[21] Isa berkata lagi kepada mereka, ‘Salam sejahtera kepadamu! Sebagaimana Bapa mengutus-Ku, begitulah Aku mengutusmu.’ [22] Kemudian Dia menghembuskan nafas-Nya ke atas mereka lalu berkata, ‘Terimalah Roh Suci. [23] Sesiapa yang kamu ampunkan dosanya, dosanya diampunkan. Sesiapa yang tidak kamu ampunkan dosanya, dosanya tidak akan diampunkan.’

Isa menampakkan diri kepada Tomas

[24] Tomas yang digelar Didimus, seorang daripada pengikut Isa yang dua belas itu, tidak ada bersama mereka apabila Isa datang. [25] Oleh itu, pengikut-pengikut lain memberitahu Tomas, ‘Kami telah melihat Junjungan!’

Tetapi Tomas berkata, ‘Selagi aku tidak melihat sendiri bekas paku di tangan-Nya, dan memasukkan jariku ke dalam bekas luka itu, juga memasukkan tanganku ke dalam rusuk-Nya, aku tidak mahu percaya.’

[26] Seminggu selepas itu, para pengikut Isa termasuk Tomas berhimpun lagi di situ. Sungguhpun pintu terkunci seperti dahulu, Isa muncul di kalangan mereka lalu berkata, ‘Salam sejahtera kepadamu!’ [27] Setelah itu Dia berkata kepada Tomas, ‘Hulurkan jarimu di sini, dan lihatlah tangan-Ku. Hulurkan tanganmu dan masukkannya ke dalam rusuk-Ku. Jangan ragu-ragu lagi. Percayalah.’

28 Tomas pun berkata kepada Isa, ‘Ya Junjunganku! Ya Tuhanku!’

29 Isa berkata kepadanya, ‘Tomas, oleh sebab kamu telah melihat-Ku maka kamu percaya.
Diberkatilah orang yang percaya walaupun tidak melihat-Ku!’

Tujuan kitab ini ditulis

30 Isa telah melakukan banyak lagi mukjizat di hadapan para pengikut-Nya, tetapi tidak dituliskan
di dalam kitab ini. 31 Tetapi segala yang telah dituliskan di sini bertujuan supaya kamu percaya
bahawa Isa adalah al-Masih, Putera Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu akan
memperoleh hidup dalam nama-Nya.

21 *Isa menampakkan diri di Tasik Tiberias*

1 Setelah itu, Isa menampakkan diri sekali lagi kepada para pengikut-Nya, di Tasik Tiberias.
Demikianlah kejadian itu berlaku: 2 Simon Petrus, Tomas yang disebut Didimus, Natanael (yang
berasal dari Kana di Galilea), anak-anak Zebedeus, dan dua orang pengikut Isa yang lain, sedang
berhimpun di situ. 3 Simon Petrus berkata kepada mereka, ‘Aku hendak pergi menangkap ikan.’
Mereka berkata kepadanya, ‘Kami hendak pergi bersama-sama.’ Mereka pun pergi menaiki perahu.
Tetapi semalaman tiada seekor ikan pun dapat ditangkap oleh mereka.

4 Ketika matahari terbit, Isa berdiri di pantai, tetapi mereka tidak mengenal-Nya.

5 Isa bertanya kepada mereka, ‘Anak-anak, kamu ada ikan?’

‘Tidak, kami tidak mendapat seekor ikan pun,’ jawab mereka.

6 Isa berkata kepada mereka ‘Tebarkanlah jalamu di sebelah kanan perahu, kamu akan mendapat
ikan.’ Mereka pun berbuat demikian, maka begitu sarat jala mereka dengan ikan sehingga tidak
terdaya mereka menariknya kembali.

7 Oleh itu pengikut yang dikasihi oleh Isa berkata kepada Petrus, ‘Itu Junjungan!’ Setelah
mendengar bahawa Junjungan yang berdiri di situ, Petrus terus memakai baju luarnya (yang telah
ditanggalkannya untuk bekerja) lalu terjun ke dalam air. 8 Para pengikut lain menuju ke pantai dengan
perahu sambil menarik jala yang sarat dengan ikan. Mereka tidak berapa jauh dari darat, hanya kira-
kira seratus meter (dua ratus ‘cubits’). 9 Setelah sampai di pantai, mereka melihat ikan dibakar di atas
bara api, dan roti pun ada.

10 Isa berkata kepada mereka, ‘Bawalah sedikit ikan yang baru kamu tangkap itu.’

11 Simon Petrus pergi ke perahu lalu menyeret jala ke darat. Walaupun sarat dengan ikan yang
besar-besar, 153 ekor semuanya, namun jala itu tidak koyak. 12 Isa berkata kepada mereka, ‘Marilah
bersarapan.’ Tiada seorang pun yang berani bertanya, ‘Siapakah Tuan?’ kerana mereka tahu bahawa
Dia ialah Junjungan. 13 Isa pun merapati mereka, mengambil roti lalu memberikannya kepada mereka.
Begitu juga dilakukan-Nya dengan ikan. 14 Itulah kali ketiga Isa menampakkan diri kepada para
pengikut-Nya setelah Dia dibangkitkan daripada kematian.

Isa meneguhkan hati Petrus

15 Selepas sarapan bersama-sama, Isa bertanya kepada Simon Petrus, ‘Simon anak Yahya,
adakah kamu benar-benar mengasihi-Ku lebih daripada mereka ini?’

Petrus menjawab, ‘Ya Junjungan, Engkau tahu bahawa aku mengasihi-Mu.’

Isa berkata kepadanya, ‘Berilah anak-anak domba-Ku makan.’

16 Bagi kali kedua Isa bertanya, ‘Simon anak Yahya, adakah kamu benar-benar mengasihi-Ku?’

Petrus menjawab, ‘Ya Junjungan, Engkau tahu bahawa aku mengasihi-Mu.’

Isa berkata kepadanya, ‘Peliharalah domba-domba-Ku.’

17 Bagi kali ketiga Isa bertanya kepadanya, ‘Simon anak Yahya, adakah kamu mengasihi-Ku?’ Petrus
sedih kerana Isa bertanya kepadanya bagi kali ketiga, ‘Adakah kamu mengasihi-Ku?’ Lalu dia
menjawab, ‘Junjungan, Engkau mengetahui segala-galanya. Engkau tahu bahawa aku mengasihi- Mu!’

Isa berkata kepadanya, ‘Berilah domba-domba-Ku makan.’ [18] Sesungguhnya, Aku berkata
kepadamu, sewaktu muda kamu mengikat tali pinggangmu lalu pergi ke mana-mana yang kamu
mahu. Tetapi semasa tua nanti, kamu akan menghulurkan tangan dan orang akan mengikat lalu
membawamu ke tempat yang kamu tidak mahu pergi.’ [19] Kata-kata Isa ini membayangkan bagaimana
Petrus akan mati untuk memuliakan Allah. Isa pun berkata kepada Petrus, ‘Ikutlah Aku!’

Pengikut yang dikasihi Isa

[20] Petrus menoleh lalu melihat pengikut yang dikasihi oleh Isa sedang mengikut mereka. Pengikut
itulah yang duduk dekat dengan Isa ketika makan malam dahulu dan bertanya kepada-Nya,
‘Junjungan, siapakah yang akan mengkhianati-Mu?’ [21] Ketika melihatnya, Petrus bertanya kepada Isa,
‘Junjungan, bagaimana dengan orang ini?’

[22] Isa menjawab, ‘Sekiranya Aku mahu dia tetap ada hingga Aku datang kembali, apa kena-
mengenanya denganmu? Kamu ikutlah Aku.’ [23] Oleh itu tersebarlah di kalangan pengikut Isa bahawa
pengikut tersebut tidak akan mati. Tetapi Isa tidak berkata bahawa pengikut itu tidak akan mati. Isa
berkata, ‘Sekiranya Aku mahu dia tetap ada hingga Aku datang kembali, apa kena-mengenanya
denganmu?’

Kata penutup

[24] Pengikut itulah yang memberikan kesaksian tentang hal-hal ini. Dialah yang menuliskan semua
ini dan kita tahu kesaksiannya itu benar. [25] Ada banyak lagi perkara lain yang dilakukan oleh Isa.
Andainya dituliskan segala-galanya, aku rasa seluruh dunia ini pun tidak cukup untuk memuatkan
semua kitab itu.

Kisah Para Rasul

1 *Isa dinaikkan ke syurga*

1 Kepada Teofilus, dahulu di dalam kitabku yang pertama aku telah menceritakan segala yang
dilakukan dan diajarkan oleh Isa, 2 dari awal pelayanan-Nya hingga ke hari Dia diangkat ke syurga.
Sebelumnya, Dia telah memberikan perintah melalui Roh Suci kepada para rasul yang telah dipilih-
Nya. 3 Dia telah menampakkan diri-Nya dalam keadaan hidup kepada mereka selepas kesengsaraan-
Nya dengan banyak keterangan sahih. Mereka melihat-Nya selama empat puluh hari dan dalam
berbagai-bagai cara dan Dia bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan
Allah. 4 Pada suatu hari ketika Isa bersama mereka, Dia berpesan supaya mereka jangan
meninggalkan Baitulmaqdis. Kata-Nya, 'Haruslah kamu menantikan apa yang dijanjikan Bapa, dan
yang telah kamu dengar daripada-Ku; 5 kerana Yahya telah mengimadkan orang dengan air, tetapi
kamu akan diimadkan dengan Roh Suci tidak berapa lama lagi.'

6 Oleh itu, ketika mereka berhimpun, mereka pun bertanya kepada Isa, 'Ya Junjungan, pada masa
inikah Junjungan mengembalikan kerajaan ini kepada bangsa Israel?'

7 Dia berkata kepada mereka, 'Tidaklah diberi bagi kamu mengetahui waktu atau saat yang sudah
ditetapkan oleh Bapa dalam kekuasaan-Nya sendiri. 8 Tetapi kamu akan menerima kuasa apabila Roh
Suci datang ke atasmu; dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Baitulmaqdis, di seluruh Yudea dan
Samaria, bahkan sampai ke hujung bumi.'

9 Setelah Dia berkata demikian, di hadapan mata mereka Dia diangkat lalu disambut awan dan
lenyap daripada pandangan mereka.

10 Sedang mereka merenung ke langit ketika Dia diangkat, tiba-tiba dua orang yang berpakaian
putih berdiri dekat mereka. 11 Orang itu berkata, 'Wahai orang Galilea, mengapa kamu berdiri
memandang ke langit? Sebagaimana Isa telah diangkat ke syurga dari kalanganmu, begitu jugalah
Dia datang kelak.'

Matias dipilih menggantikan Yudas

12 Setelah itu para rasul pun kembali ke Baitulmaqdis dari bukit bernama Zaitun yang dekat
dengan kota itu, jaraknya sehari Sabat perjalanan. 13 Setibanya mereka di Baitulmaqdis, mereka naik
ke bilik atas tempat mereka menumpang. Mereka ialah Petrus, Yahya, Yakobus, Andreas; Filipus dan
Tomas, Bartolomeus, Matius, Yakobus anak Alfeus, dan Simon, orang Patriot; serta Yudas anak
Yakobus. 14 Mereka semuanya dengan sehati terus-menerus berdoa, bersama orang perempuan dan
Maryam ibu Isa, serta saudara-saudara-Nya.

15 Pada masa itu Petrus berdiri di kalangan para pengikut Isa (kesemuanya yang berhimpun kira-
kira seratus dua puluh orang) lalu berkata, 16 'Saudara-saudara, pastilah berlaku firman yang dahulu
disampaikan oleh Roh Suci melalui lidah Daud tentang Yudas, yang menjadi pandu kepada orang
yang menangkap Isa. 17 Dia telah dianggap sebahagian daripada kita dan diberi jawatan dalam
pekerjaan kita ini.'

18 (Dia memperoleh sekeping tanah dengan upah durjananya; dia jatuh terjerumus, bahagian
pertengahan tubuhnya pecah dan segala isi perutnya terburai. 19 Seluruh penduduk Baitulmaqdis
mendapat tahu hal itu lalu menamakan tanah itu Hakal Dama dalam bahasa mereka, iaitu Tanah
Darah.)

20 'Sudah tersurat dalam kitab Zabur,

' "Biarlah tempat kediamannya menjadi sepi;

Dan jangan sesiapapun tinggal di situ," dan,

' "Biarlah orang lain mengambil jawatannya."

21 Oleh itu, di antara orang yang telah berserta dengan kita sepanjang masa Junjungan Isa, keluar
masuk bersama kita, 22 dari masa Isa diimadkan oleh Yahya sampailah ke hari Dia diangkat naik dari
kalangan kita, seorang daripada mereka haruslah menjadi saksi di samping kita tentang kebangkitan-

Nya.'

23 Mereka mencadangkan dua orang: Yusuf yang juga dipanggil Barsabas (juga dikenali sebagai
Yustus), dan Matias. 24 Mereka pun berdoa, 'Ya Tuhan yang mengetahui hati sekalian manusia,
tunjukkanlah yang mana antara dua orang ini Engkau pilih 25 untuk memegang jawatan ini serta
menjalankan kerja kerasulan bagi menggantikan Yudas. Ini kerana Yudas telah meninggalkan jawatan
dan pekerjaan ini untuk pergi ke tempat yang wajar baginya.' 26 Mereka membuang undi lalu terkena
kepada Matias. Dia pun diambil menyertai sebelas rasul itu.

2 *Kedatangan Roh Suci*

1 Apabila tiba Hari Pentakosta, mereka semuanya bersama-sama di suatu tempat. 2 Tiba-tiba
kedengaran bunyi dari langit seperti angin kencang menderu, memenuhi seluruh rumah tempat
mereka sedang duduk. 3 Kemudian kelihatan lidah-lidah yang berbelah-belah, seperti api rupanya,
dan setiap satu hinggap di atas setiap orang daripada mereka. 4 Mereka semuanya dipenuhi Roh Suci
lalu mulai bertutur dalam pelbagai bahasa asing, seperti yang diberi oleh Roh itu.

5 Pada waktu itu terdapat orang Yahudi yang salih daripada segala bangsa di dunia tinggal di
Baitulmaqdis. 6 Apabila mendengar bunyi itu, mereka datang beramai-ramai lalu tercengang kerana
masing-masing mendengar orang bertutur dalam bahasanya. 7 Mereka hairan dan takjub lalu berkata
sesama sendiri, 'Bukankah semuanya yang berkata-kata ini orang Galilea? 8 Bagaimanakah mungkin
masing-masing kita mendengar bahasa ibunda sendiri? 9 Orang Partia, Media, dan Elam, orang yang
tinggal di Mesopotamia, Yudea dan Kapadokia, Pontus dan Asia Kecil. 10 Frigia dan Pamfilia, Mesir
dan kawasan-kawasan Libya yang bersempadan dengan Kirene, pengunjung dari Rom, 11 baik
berbangsa Yahudi mahupun mualaf, orang Kreta dan orang Arab, kita mendengar mereka bercakap
dalam bahasa kita masing-masing tentang perbuatan Allah yang menakjubkan.' 12 Oleh itu mereka
hairan dan bingung lalu bertanya sesama sendiri, 'Apakah ertinya semua ini?'

13 Ada pula yang mengejek,'Semua orang ini mabuk air anggur manis.'

Khutbah Petrus

14 Petrus berdiri bersama sebelas rasul lagi lalu berkata dengan suara yang lantang, 'Saudara-
saudara orang Yahudi dan semua penduduk di Baitulmaqdis, ketahuilah hal ini serta dengarlah baik-
baik kata-kataku. 15 Mereka ini bukanlah mabuk seperti saudara-saudara sangka, kerana hari baru
pukul sembilan pagi sekarang. 16 Tetapi inilah yang dikatakan oleh Nabi Yoel:

17 ' "Bahawa akan berlaku pada akhir
zaman, firman Allah,
Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas
semua manusia.
Anakmu lelaki perempuan akan bernubuat,
Orang mudamu akan melihat
penglihatan,
Orang tuamu akan bermimpi.
18 Dan ke atas hamba-Ku lelaki perempuan,
Aku akan mencurahkan Roh-Ku
ketika itu, lalu mereka bernubuat.
19 Aku akan menunjukkan keajaiban di langit
dan alamat di bumi,
darah dan api serta
kepulan-kepulan asap.
20 Matahari akan menjadi gelap,
dan bulan menjadi seperti darah,
sebelum tiba hari Tuhan yang besar

dan syahdu.

21 Dan berlakulah kelak,

bahawa sesiapa yang menyeru nama Tuhan akan diselamatkan.”

22 ‘Saudara-saudara orang Israel, dengarlah kata-kata ini: Isa orang Nasaret itu seorang Manusia
yang dipersaksikan oleh Allah kepadamu dengan mukjizat, keajaiban dan alamat yang dilakukan Allah
melalui-Nya di kalangan kamu. Kamu sendiri tahu tentang hal itu. 23 Dia, yang diserahkan kepadamu
seperti yang telah dirancangkan dan ditentukan oleh Allah, telah kamu salib dan bunuh dengan
bantuan orang durjana. 24 Allah telah membangkitkan-Nya, setelah membebaskan-Nya daripada
kesengsaraan maut, kerana tidak mungkin maut dapat menahan-Nya. 25 Kerana Daud telah berkata
tentang-Nya:

‘ “Bahawa aku telah melihat Tuhan

sentiasa di hadapanku.

Dia ada di sisi kananku,

aku tidak akan goyah.

26 Maka hatiku bersukacita,

dan lidahku bergembira;

dan jasadku juga akan bersandar

pada harapan.

27 Kerana Kau tidak akan meninggalkan rohku di alam maut,

serta Kau tidak akan membiarkan jasad Orang Suci-Mu reput.

28 Kau telah memberitahuku jalan hidup,

dan Engkau akan memenuhiku dengan kebahagiaan di hadirat-Mu.”

29 ‘Saudara-saudaraku, aku akan bercakap terus terang kepadamu tentang moyang kita Daud,
bahawa dia telah wafat dan dimakamkan, dan makamnya ada di tanah kita sampai hari ini. 30 Oleh
sebab dia seorang nabi dan sedar bahawa Allah telah berjanji kepadanya dengan bersumpah bahawa
Dia akan mengangkat daripada benih keturunan jasadnya dan mendudukkannya di atas takhta
kerajaan-Nya. 31 Dia telah melihat terdahulu hal ini, maka dia bercakap tentang kebangkitan al-Masih,
bahawa roh-Nya tidak akan ditinggalkan di alam maut, dan jasad-Nya tidak akan reput. 32 Allah telah
membangkitkan Isa ini dan kami semua menyaksikannya. 33 Dia telah dinaikkan ke syurga ke sebelah
kanan Allah, dan daripada Allah Bapa dia telah menerima Roh Suci yang telah dijanjikan-Nya. Lalu
Dia mencurahkan Roh itu seperti yang kamu lihat dan dengar sekarang. 34 Daud tidak naik ke syurga,
tetapi dia sendiri berkata demikian,

‘ “Tuhan berfirman kepada Junjunganku:

‘Duduklah di sebelah kanan-Ku,

35 sehingga Kujadikan musuh-musuh-Mu

alas kaki-Mu.’ ”

36 ‘Oleh itu, hendaklah seluruh orang Israel tahu dengan pastinya, bahawa Allah telah menjadikan
Isa, yang kamu salib itu, Junjungan dan al-Masih.’ 37 Apabila mereka mendengar ini, hati mereka pun
berasa tertusuk, lalu mereka berkata kepada Petrus dan para rasul yang lain, ‘Saudara-saudara,
apakah yang patut kami perbuat?’

38 Petrus pun berkata kepada mereka, ‘Bertaubatlah, dan hendaklah setiap orang daripada kamu
diimadkan atas nama Isa al-Masih supaya dosa-dosamu diampunkan; dan kamu akan menerima
pemberian Roh Suci daripada Allah; 39 kerana janji itu telah dibuat kepada kamu dan anak-anakmu,
dan kepada semua yang jauh-jauh, seberapa ramai yang akan dipanggil oleh Allah Tuhan kita.’

40 Petrus bersaksi dengan banyak perkataan lain lagi, dan menyeru mereka, ‘Selamatkanlah dirimu
daripada angkatan yang ingkar ini.’ 41 Kemudian semua orang yang menerima kata-katanya dengan
rela hati diimadkan; pada hari itu bilangan mereka bertambah kira-kira tiga ribu orang.

Jemaah yang pertama

42 Mereka berpegang teguh kepada pengajaran para rasul, dan kepada perpaduan, pembahagian
roti dan doa. 43 Rasa takut memenuhi setiap hati dan banyak keajaiban serta alamat dilakukan melalui
para rasul itu. 44 Ketika itu semua yang beriman tetap bersatu dan berkongsi segala yang ada pada
mereka, 45 serta menjual semua harta benda mereka lalu membahagikan antara mereka menurut
keperluan seseorang. 46 Demikianlah setiap hari mereka di rumah ibadat dengan satu hati, dan
membahagi roti dari rumah ke rumah, lalu memakan rezeki mereka dengan sukacita dan tulus
hati, 47 sambil memuji Allah dan menerima rasa muhibah daripada semua orang. Setiap hari Tuhan
menambah bilangan jemaah mereka itu dengan orang yang diselamatkan.

3 *Orang lumpuh disembuhkan*

1 Petrus dan Yahya naik ke rumah ibadat bersama-sama pada waktu sembahyang, iaitu pukul tiga
petang. 2 Ada seorang lumpuh sejak dari rahim ibunya. Setiap hari dia diangkat orang dan diletakkan
di pintu rumah ibadat itu yang dinamakan Pintu Indah, untuk meminta sedekah daripada orang yang
masuk ke rumah ibadat itu. 3 Apabila dia melihat Petrus dan Yahya sedang hendak masuk ke rumah
ibadat itu, dia pun meminta sedekah. 4 Petrus merenungnya, bersama Yahya, lalu berkata,
'Pandanglah kami.' 5 Orang itu pun menatap mereka, dengan harapan mendapat sesuatu daripada
mereka.

6 Kemudian Petrus berkata, 'Emas perak tiada padaku, tetapi apa yang ada padaku kuberikan
kepadamu: Dalam nama Isa al-Masih, orang Nasaret, bangkit dan berjalanlah.' 7 Petrus memegang
tangan kanannya dan menolongnya berdiri, lalu serta-merta tulang kaki dan buku lalinya mendapat
kekuatan. 8 Orang itu melompat bangun, berdiri lalu berjalan. Kemudian dia masuk ke rumah ibadat itu
mengikut Petrus dan Yahya sambil berjalan, melompat dan memuji Allah. 9 Semua orang melihatnya
berjalan sambil memuji Allah. 10 Ketika itu mereka pun mengetahui dia itu orang yang duduk meminta
sedekah di Pintu Indah rumah ibadat itu. Mereka pun dipenuhi rasa hairan dan ajaib akan apa yang
telah berlaku kepadanya.

Petrus berkhutbah di rumah ibadat

11 Sementara orang lumpuh yang telah disembuhkan itu berpegang kepada Petrus dan Yahya,
semua orang yang tersangat hairan itu berlari mengerumuni mereka di serambi yang dinamakan
Serambi Sulaiman. 12 Apabila Petrus melihat keadaan ini, dia terus berkata kepada orang yang
berhimpun itu, 'Saudara-saudara orang Israel, mengapa kamu takjub melihat kejadian ini? Mengapa
pula kamu merenung kami, seolah-olah dengan kuasa atau kewarakan kami sendiri kami telah
membolehkan orang ini berjalan? 13 Tuhan Ibrahim, Ishak dan Yakub, Tuhan nenek moyang kita, telah
memuliakan Hamba-Nya Isa yang telah kamu serahkan dan sangkal di hadapan Pilatus walaupun dia
membuat keputusan hendak melepaskan-Nya. 14 Kamu menyangkal Yang Suci dan Benar itu, serta
meminta seorang pembunuh diserahkan kepadamu, 15 lalu kamu membunuh sumber hayat itu; Allah
membangkitkan-Nya daripada kematian, dan kami ini menjadi saksinya. 16 Iman pada nama Isa telah
menguatkan orang ini, yang kamu lihat dan kenali. Ya, iman yang datang daripada-Nya telah
memberi orang ini kesihatan yang sempurna di hadapan kamu sekalian.

17 'Namun, saudara-saudara, aku tahu bahawa kamu berbuat demikian dalam kejahilan, begitu
juga para pemimpinmu. 18 Tetapi dengan cara demikianlah segala yang dinyatakan Allah melalui lidah
nabi-nabi-Nya, bahawa al-Masih akan menderita, telah ditunaikan-Nya. 19 Oleh itu bertaubatlah dan
berpalinglah kepada Allah, supaya dosa-dosamu dihapuskan, dan supaya masa yang memberikan
kesegaran datang kelak daripada Tuhan. 20 Dan juga supaya Dia menghantar Isa al-Masih yang telah
ditentukan-Nya menjadi al-Masih bagimu. 21 Al-Masih mesti tetap di syurga hingga sampai masa Allah
memulihkan segala-galanya, seperti yang difirmankan-Nya dahulu kala melalui lidah nabi-nabi-Nya
yang suci. 22 Musa sesungguhnya telah berkata kepada nenek moyang kita, "Allah Tuhanmu akan
membangkitkan untukmu seorang Nabi sepertiku dari kalangan saudara-saudaramu. Dengarlah segala
kata-Nya kepadamu dalam semua hal. 23 Setiap jiwa yang tidak mendengar kata Nabi itu akan
dibinasakan sama sekali dari kalangan kaumnya."

24 'Ya, semua nabi, dari Samuel dan selepasnya, semua yang telah bersuara, juga telah
bernubuat tentang zaman ini. 25 Kamu adalah anak cucu nabi-nabi itu, dan waris perjanjian yang
dibuat Allah dengan nenek moyang kita melalui firman-Nya kepada Ibrahim, "Melalui benihmu semua
kaum di dunia akan diberkati." 26 Pertama sekali kepada kamu, Allah telah membangkitkan Hamba-

Nya Isa dan menghantar-Nya untuk memberkatimu dengan memalingkan kamu sekalian daripada
kejahatanmu.'

4 *Petrus dan Yahya di hadapan Majlis Agama*

1 Sementara Petrus dan Yahya itu bercakap kepada orang ramai, para imam dan ketua pengawal
rumah ibadat serta orang Saduki datang kepada mereka. 2 Mereka sangat gelisah bahawa rasul itu
mengajar orang ramai dan memberitakan kebangkitan daripada kematian melalui Isa. 3 Mereka
menangkap Petrus dan Yahya lalu memasukkan mereka ke dalam penjara sampai esok kerana hari
sudah malam. 4 Namun demikian, ramai orang yang telah mendengar apa yang diajarkan itu percaya,
dan jumlah laki-laki telah bertambah kira-kira lima ribu.

5 Pada esoknya, para pemimpin masyarakat Yahudi, tua-tua dan guru-guru Taurat berhimpun di
Baitulmaqdis, 6 dan juga imam besar Hanas, Kayafas, Yahya, Iskandar dan seluruh keluarga imam
besar. 7 Mereka membawa Petrus dan Yahya untuk dihadapkan kepada mereka. Kemudian mereka
pun bertanya, 'Dengan kuasa apa dan dengan nama siapakah kamu telah melakukan perkara itu?'

8 Petrus yang dipenuhi Roh Suci berkata kepada mereka, 'Para pemimpin masyarakat
Israel! 9 Sekiranya hari ini kami dihakimi atas perbuatan baik kepada seorang yang lumpuh, sehingga
dia dipulihkan, 10 maka ketahuilah kamu sekalian dan seluruh bangsa Israel, bahawa dengan nama
Isa al-Masih dari Nasaret, yang telah kamu salib dan telah dibangkitkan Allah daripada kematian,
dengan nama Dialah orang ini berdiri di sini di hadapanmu dalam keadaan sihat sempurna. 11 Inilah

' "batu yang dibuang oleh kamu
sebagai pembina,
kini telah menjadi batu penjuru."

12 Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini
diberikan di kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita.'

13 Apabila mereka melihat keberanian Petrus dan Yahya sedangkan kedua-duanya ternyata orang
yang tidak berpelajaran serta tidak terlatih, mereka pun hairan. Mereka sedar bahawa kedua-duanya
telah bersama dengan Isa. 14 Apabila mereka melihat orang yang sudah disembuhkan itu berdiri di sisi
kedua-duanya, mereka tidaklah dapat menyangkal lagi. 15 Tetapi setelah mereka menyuruh kedua-
duanya keluar dari majlis itu, mereka pun bermesyuarat sesama sendiri, 16 'Apakah yang akan kita
lakukan kepada mereka itu? Sesungguhnya sudah nyata kepada semua orang Baitulmaqdis bahawa
satu mukjizat yang mengagumkan telah dilakukan melalui mereka, dan kita tidak dapat
menafikannya. 17 Tetapi supaya berita ini tidak tersebar lebih luas di kalangan bangsa kita, eloklah kita
melarang mereka berkata-kata lagi kepada sesiapapun dengan menggunakan nama itu.'

18 Dengan demikian mereka pun memanggil kedua-duanya itu dan mengeluarkan perintah jangan
sekali-kali bercakap atau mengajar dengan nama Isa. 19 Tetapi Petrus dan Yahya menjawab,
'Wajarkah pada pandangan Allah jika kami mendengar katamu lebih daripada mendengar kata Allah?
Timbangkanlah, 20 kerana kami mesti bercakap tentang segala yang telah kami lihat dan dengar itu.'

21 Setelah membuat beberapa ugutan lagi, mereka melepaskan kedua-dua rasul itu kerana tidak
tahu bagaimana hendak menghukum mereka, memandangkan seluruh masyarakat memuji Allah atas
apa yang telah dilakukan itu; 22 padahal orang yang disembuhkan melalui mukjizat itu sudah berumur
lebih daripada empat puluh tahun.

Doa orang beriman

23 Setelah dilepaskan, Petrus dan Yahya segera pergi mendapatkan rakan-rakannya lalu
menceritakan segala yang dikatakan oleh imam-imam besar dan para pemimpin masyarakat itu
kepada mereka. 24 Apabila mendengar segalanya, mereka semua berseru dengan satu hati, 'Ya Allah,
Engkaulah Tuhan yang menjadikan langit dan bumi serta laut dengan segala isinya, 25 yang melalui
lidah hamba-Mu Daud telah berfirman:

' "Mengapa bangsa-bangsa asing naik
berang dan kaum-kaum berkomplot dengan sia-sia?
26 Raja-raja bumi ini menegakkan pendirian,
dan para pemimpin bermuafakat

untuk melawan Tuhan

dan melawan Dia yang diurapi-Nya."

27 Sesungguhnya Herodes dan Pontius Pilatus, bersama orang asing dan bangsa Israel telah
berhimpun dalam negeri ini melawan Hamba Suci-Mu Isa yang telah Kauurapi, 28 untuk melakukan
segala yang sudah ditentukan oleh kuasa dan tujuan-Mu. 29 Ya Tuhan, lihatlah ugutan mereka dan
kurniakanlah kepada hamba-hamba-Mu ini, sepenuh keberanian untuk menyampaikan firman-
Mu. 30 Hulurkan tangan-Mu untuk menyembuhkan, dan melakukan tanda-tanda ajaib serta mukjizat
dengan nama Hamba Suci-Mu Isa.'

31 Setelah mereka berdoa, tempat mereka berhimpun itu bergoncang. Mereka semua dipenuhi
dengan Roh Suci dan mengucap firman Allah dengan berani.

Orang beriman berkongsi segalanya

32 Semua orang yang sudah percaya itu sehati sejiwa. Tiada seorang pun yang mengatakan
sesuatu itu miliknya; mereka berkongsi segalanya. 33 Dengan kuasa yang hebat rasul-rasul itu
bersaksi tentang kebangkitan Junjungan Isa. Kasih kurnia besar melimpahi mereka sekalian. 34 Tiada
seorang pun di antara mereka yang kekurangan; kerana semua yang memiliki harta atau rumah telah
menjualnya, membawa wang jualan itu 35 dan meletakkannya di kaki para rasul; lalu dibahagikanlah di
antara mereka menurut keperluan masing-masing.

36 Yusuf yang digelar para rasul Barnabas (yang diterjemahkan sebagai Anak Pendorong), orang
Lewi dari Kuprus, 37 ada mempunyai tanah. Dia menjualnya lalu membawa wang jualan itu, dan
meletakkannya di kaki para rasul.

5 *Ananias dan Safira*

1 Seorang yang bernama Ananias, serta isterinya Safira, telah menjual sebidang tanah milik
mereka. 2 Dia menyimpan sebahagian wang jualan itu dengan pengetahuan isterinya dan membawa
sebahagian lagi untuk diletakkan di kaki para rasul.

3 Petrus berkata, 'Ananias, mengapakah Iblis memenuhi hatimu sehingga kau berdusta kepada
Roh Suci dengan menyimpan sebahagian wang jualan tanah itu untuk dirimu? 4 Ketika tanah itu masih
ada, bukankah tanah itu milikmu? Setelah dijual, bukankah wangnya dalam kawalanmu juga?
Mengapakah kamu membentuk niat ini dalam hatimu? Kamu bukan berdusta kepada manusia tetapi
kepada Allah.'

5 Apabila Ananias mendengar kata-kata itu, dia pun rebah lalu meninggal dunia. Oleh yang
demikian semua orang yang mendengar hal itu amat ketakutan. 6 Orang muda-muda bangun lalu
mengkafankannya, mengangkatnya keluar dan menguburkannya.

7 Kira-kira tiga jam kemudian, isterinya masuk tanpa mengetahui apa yang telah terjadi. 8 Petrus
berkata kepadanya, 'Katakanlah kepadaku, adakah kamu menjual tanah itu dengan harga sekian?'
Perempuan itu menjawab, 'Ya, dengan harga sekian.'

9 Petrus berkata kepadanya, 'Bagaimana pula kamu berdua telah bermuafakat untuk mencubai
Roh Tuhan? Lihatlah, kaki orang yang telah menguburkan suamimu ada di muka pintu, dan mereka
akan mengangkatmu pula keluar.'

10 Perempuan itu serta-merta rebah di kakinya lalu meninggal dunia. Orang muda-muda itu
masuk dan mendapati perempuan itu sudah mati lalu mengangkatnya keluar dan menguburkannya di
sisi suaminya. 11 Oleh yang demikian, seluruh masyarakat yang beriman amat ketakutan, begitu juga
semua yang mendengar hal itu.

Tanda-tanda ajaib dan mukjizat

12 Melalui rasul-rasul itu banyak alamat ajaib dan mukjizat dilakukan di kalangan masyarakat itu.
Semuanya berhimpun dengan sehati di Serambi Sulaiman. 13 Walaupun orang lain tidak berani
menyertai mereka, namun orang ramai sangat menghormati mereka. 14 Semakin lama semakinlah
bertambah bilangan orang yang mempercayai Tuhan, baik lelaki mahupun perempuan. 15 Orang
membawa orang sakit keluar ke tengah jalan, membaringkan mereka di atas katil dan kaus, dengan
harapan sekurang-kurangnya bayang-bayang Petrus akan menyentuh sesetengahnya apabila dia lalu
kelak. 16 Ramai pula orang dari kota-kota sekeliling Baitulmaqdis datang berhimpun, membawa orang

yang sakit dan yang dirasuk roh-roh durjana, lalu semuanya disembuhkan.

Para rasul dianiaya

17 Imam besar dan semua yang bersamanya (iaitu dari mazhab orang Saduki) amat iri hati 18 lalu
menangkap rasul-rasul itu dan memasukkan mereka ke penjara umum. 19 Tetapi pada malam itu
malaikat Tuhan membuka pintu penjara lalu membawa rasul-rasul itu keluar sambil
berkata, 20 'Pergilah berdiri di rumah ibadat dan nyatakan segalanya tentang hidup baru ini kepada
orang ramai.'

21 Setelah mendengar kata-kata itu, ketika fajar menyingsing, mereka pergi ke rumah ibadat dan
mula mengajar.

Kemudian tibalah imam besar dan pengikut-pengikutnya. Mereka memanggil para tua-tua bani
Israel berkumpul untuk mengadakan mesyuarat Majlis Agama, lalu memerintahkan rasul-rasul itu
dibawa dari penjara untuk dihadapkan kepada mereka. 22 Apabila pegawai-pegawai itu sampai di
penjara dan mendapati rasul-rasul itu tidak ada di situ, mereka pun pulang melaporkan hal
itu, 23 'Kami dapati pintu penjara tetap berkunci dan pengawal-pengawal berjaga di situ, tetapi apabila
kami membuka pintu, kami dapati tiada seorang pun di dalam penjara itu.' 24 Apabila ketua rumah
ibadat dan ketua-ketua imam mendengar laporan itu, mereka kebingungan tentang apa yang mungkin
terjadi kelak.

25 Kemudian seorang lelaki masuk dan berkata kepada mereka, 'Orang yang tuan-tuan
penjarakan itu sedang mengajar orang ramai di dalam rumah ibadat!' 26 Dengan demikian, ketua
rumah ibadat pergi diiringi pegawai-pegawai lalu membawa rasul-rasul itu beredar dari situ tanpa
menggunakan kekerasan, kerana takut direjam oleh orang ramai.

27 Mereka membawa para rasul ke hadapan Majlis Agama. Imam besar berkata, 28 'Bukankah
kami telah melarang keras kamu mengajar atas nama itu? Tetapi lihatlah, kamu telah menyebarkan
ajaran itu ke serata Baitulmaqdis dan berniat mempertanggungjawabkan kami atas kematian-Nya!'

29 Petrus dan rasul yang lain menjawab, 'Kami harus taat akan Allah, bukan manusia! 30 Allah
Tuhan yang disembah oleh nenek moyang kita telah membangkitkan Isa yang telah kamu bunuh
dengan menyalib-Nya. 31 Allah mengangkat Isa kepada kedudukan mulia di sebelah kanan-Nya,
sebagai Anak Raja dan Penyelamat, supaya umat Israel dapat bertaubat dan dosa-dosa mereka
diampuni. 32 Kami menjadi saksi dalam semua hal ini, begitu juga Roh Suci yang dikurniai Allah
kepada semua yang taat akan perintah-Nya.'

33 Apabila anggota-anggota Majlis Agama mendengar kata-kata itu, mereka sangat marah
sehingga berura-ura hendak membunuh para rasul. 34 Akan tetapi di kalangan anggota Majlis Agama
itu ada seorang Farisi bernama Gamaliel, seorang guru Taurat yang sangat disegani. Dia bangkit lalu
mengarahkan orang membawa para rasul keluar sejurus. 35 Kemudian dia berkata kepada Majlis
Agama, 'Saudara-saudara orang Israel! Timbangkan halus-halus apa yang hendak saudara semua
lakukan terhadap orang itu. 36 Suatu masa dulu, Teudas telah bangkit dan mengaku dirinya pemimpin
besar. Kira-kira empat ratus orang menjadi pengikutnya. Tetapi dia dibunuh, lalu semua pengikutnya
kucar-kacir dan pergerakannya hilang begitu saja. 37 Selepas itu muncul pula Yudas, orang Galilea,
pada masa pembancian. Dia mempengaruhi ramai orang untuk memberontak, namun dia juga
dibunuh, lantas semua pengikutnya kucar-kacir. 38 Dengan demikian, dalam hal ini, aku cadangkan
jangan ambil apa-apa tindakan terhadap orang itu. Bebaskan mereka. Kalau rancangan atau usaha
ini daripada manusia, segalanya akan hilang begitu saja. 39 Sebaliknya, kalau segalanya itu datang
daripada Allah, saudara-saudara tidak mungkin menumpaskannya, malah mungkin akan ternyata
bahawa saudara-saudara melawan Allah.'

40 Majlis Agama menerima nasihat Gamaliel. Para rasul dipanggil, dipukul, dilarang lagi bercakap
dengan nama Isa, lalu dibebaskan.

41 Ketika beredar pergi dari Majlis Agama, para rasul bersukacita kerana dianggap layak
menanggung aib atas nama Isa. 42 Setiap hari, di rumah ibadat dan di setiap rumah orang, mereka
terus-menerus mengajarkan dan menyebarkan bahawa Isa itulah al-Masih, Penyelamat yang diutus
Allah.

6 *Tujuh orang dipilih untuk berkhidmat*

1 Tidak berapa lama selepas itu, ketika pengikut Isa kian meningkat bilangannya, timbullah aduan

daripada orang Yahudi peranakan Yunani terhadap orang Yahudi Ibrani. Orang Yahudi peranakan
Yunani berkata bahawa balu di kalangan mereka diabaikan dalam pengagihan bantuan
harian. 2 Dengan demikian, dua belas rasul itu menghimpunkan semua pengikut Isa lalu berkata,
'Kami ini tidaklah wajar mengetepikan kewajipan menyebarkan firman Allah untuk melayan di meja
makan. 3 Oleh itu, pilihlah tujuh orang di kalangan saudara-saudara yang mempunyai nama baik dan
dipenuhi Roh Suci serta kebijaksanaan, supaya kami tugaskan mereka mengendalikan hal itu. 4 Kami
akan memenuhi masa kami dengan berdoa dan menyampaikan firman Allah.'

5 Semua bersetuju dengan cadangan para rasul. Mereka memilih Stefanus, seorang yang sangat
teguh imannya serta dikuasai oleh Roh Suci. Di samping itu mereka memilih Filipus, Prokhorus,
Nikanor, Timon, Parmenas, dan Nikolaus dari Antiokhia, seorang penganut agama Yahudi. 6 Tujuh
orang itu dibawa ke hadapan para rasul. Para rasul pun berdoa dan meletakkan tangan ke atas
mereka.

7 Dengan demikian firman Allah semakin tersebar dan bilangan pengikut Isa di Baitulmaqdis kian
meningkat, dan ramai imam menjadi orang beriman.

Stefanus ditangkap

8 Stefanus, yang dipenuhi iman dan kuasa rohani, banyak melakukan keajaiban dan alamat di
kalangan orang ramai. 9 Tetapi ada beberapa orang yang bangkit menentangnya, iaitu anggota
saumaah yang disebut Saumaah Orang Yang Dibebaskan (terdiri daripada orang Yahudi dari Kirene,
Iskandaria, Kilikia dan Asia). Mereka mulai berbahas dengan Stefanus. 10 Namun, mereka tidak dapat
menewaskan kebijaksanaan dan Roh Suci yang mengilhamkan kata-katanya.

11 Setelah itu mereka senyap-senyap mendorong beberapa orang berkata, 'Kami telah mendengar
dia melafazkan kata-kata kufur terhadap Musa dan Allah.'

12 Mereka menghasut orang ramai, tua-tua dan guru-guru Taurat sehingga Stefanus ditangkap
dan dihadapkan ke Majlis Agama. 13 Mereka membawa saksi-saksi palsu yang berkata tentang
Stefanus, 'Orang ini tidak putus-putus meluahkan kata-kata kufur tentang tempat suci ini dan hukum
agama kita. 14 Kami mendengar dia berkata bahawa Isa orang Nasaret itu akan membinasakan
tempat ini dan mengubah segala adat yang telah disampaikan kepada kita oleh Musa.'

15 Ketika itu semua orang yang duduk di Majlis Agama merenung Stefanus dan melihat mukanya
seperti wajah malaikat.

7 *Pembicaraan Stefanus*

1 Kemudian imam besar bertanya kepada Stefanus, 'Benarkah segala tuduhan ini?' 2 Stefanus
menjawab, 'Bapa-bapa dan saudara-saudara! Dengarlah: Sebelum moyang kita Ibrahim berpindah ke
Haran, Allah Yang Maha Tinggi telah menampakkan diri kepadanya di Mesopotamia. 3 Allah berfirman
kepadanya, "Tinggalkanlah negerimu dan keluargamu. Pergilah ke negeri yang akan Kutunjukkan
kepadamu."

4 'Ibrahim pun terus meninggalkan negeri Kasdim dan tinggal di Haran. Setelah bapa Ibrahim
meninggal dunia, Allah memindahkan pula Ibrahim ke negeri tempat saudara-saudara dan bapa-bapa
tinggal sekarang ini. 5 Ketika itu Allah tidak memberikan warisan apapun kepada Ibrahim sebagai
miliknya, secebis tanah pun tidak. Namun begitu, Allah berjanji akan mengurniakan tanah ini kepada
Ibrahim sebagai miliknya dan milik keturunannya, walaupun pada masa itu Ibrahim tidak mempunyai
anak. 6 Namun Allah berfirman kepadanya bahawa keturunannya akan tinggal di negeri orang, dan
akan diperhamba serta ditindas selama empat ratus tahun. 7 "Aku akan menghukum bangsa yang
memperhamba mereka," Allah berfirman. "Kemudian mereka akan keluar dari negeri itu dan
menyembah-Ku di sini." 8 Kemudian Allah membuat perjanjian sunat dengan Ibrahim; maka Ibrahim
mendapat anak lelaki bernama Ishak dan menyunatkannya pada hari kelapan; Ishak mendapat Yakub
dan Yakub mendapat dua belas orang anak lelaki yang menjadi nenek moyang bangsa kita.

9 'Nenek moyang bangsa kita itu menaruh hasad dengki terhadap Yusuf lalu menjualnya sebagai
hamba di Mesir. Tetapi Allah menyertainya 10 dan menyelamatkannya daripada segala kesusahannya.
Apabila Yusuf mengadap Firaun raja Mesir, Allah mengurniainya budi dan kebijaksanaan, sehingga
raja Mesir melantiknya menjadi gabenor yang berkuasa ke atas seluruh negeri itu dan istananya.

11 'Kemudian seluruh Mesir dan Kanaan dilanda kebuluran, dan nenek moyang kita tidak dapat

mencari makanan. [12] Apabila Yakub mendengar bahawa di Mesir ada gandum, dia menyuruh anak-
anaknya, nenek moyang kita, pergi ke situ bagi kali pertama. [13] Ketika mereka ke sana bagi kali
kedua, Yusuf diperkenalkan kepada saudara-saudaranya itu dan keluarga Yusuf diketahui oleh
Firaun. [14] Lalu Yusuf mengirim khabar dan meminta bapanya, Yakub, serta seluruh keluarganya
berpindah ke Mesir; tujuh puluh lima orang semuanya. [15] Yakub sekeluarga pun berpindah ke Mesir.
Di situlah dia dan nenek moyang kita meninggal dunia. [16] Jenazah mereka dibawa ke Sikhem dan
dikebumikan di kuburan yang telah dibeli oleh Ibrahim dengan sejumlah wang daripada suku Hamor,
bapa Sikhem.

[17] 'Apabila masa bagi Allah menunaikan janji-Nya kepada Ibrahim semakin hampir, bilangan
bangsa kita di Mesir telah meningkat banyak sekali. [18] Kemudian seorang raja lain yang tidak kenal
akan Yusuf naik takhta kerajaan Mesir. [19] Raja itu memperdaya bangsa kita dan menindas nenek
moyang kita, dengan memaksa mereka membuang bayi yang baru lahir dan membiarkannya mati.

[20] 'Pada masa itulah Musa dilahirkan, seorang bayi yang elok di mata Allah. Dia dipelihara di
rumah bapanya selama tiga bulan. [21] Apabila dia terpaksa dibuang, puteri Raja Mesir mengambilnya
dan memeliharanya sebagai anak sendiri. [22] Musa menjadi arif dalam segala ilmu pengetahuan serta
kebijaksanaan orang Mesir dan menjadi seorang yang sangat handal, baik dari segi perkataan
mahupun perbuatan.

[23] 'Sewaktu Musa berusia empat puluh tahun, hatinya tergerak hendak mengunjungi saudara-
saudaranya bani Israel. [24] Dia terpandang salah seorang daripada mereka sedang dianiaya oleh
seorang Mesir. Dia pun membela orang yang dianiaya itu dan membunuh orang Mesir itu; [25] kerana
Musa menyangka saudara-saudara sebangsanya mengerti bahawa Allah akan membebaskan mereka
melaluinya, tetapi mereka tidak mengerti. [26] Esoknya, dia terlihat pula dua orang Israel sedang
bergaduh lalu cuba mendamaikan mereka, katanya, "Kamu bersaudara. Mengapa kamu saling
menganiaya?"

[27] 'Tetapi orang yang menganiaya saudara sebangsanya itu menolak Musa ke tepi sambil
bertanya, "Siapa yang menjadikan kamu pemerintah dan hakim kami? [28] Adakah kamu ingin
membunuhku seperti kamu membunuh orang Mesir itu kelmarin?" [29] Ketika Musa mendengar kata-
kata itu, dia lari dari Mesir lalu menetap di negeri Midian. Di situ dia mendapat dua orang anak lelaki.

[30] 'Empat puluh tahun kemudian, malaikat menampakkan diri kepada Musa di dalam api belukar
yang bernyala, di tanah gurun dekat Gunung Sinai. [31] Musa kehairanan melihatnya lalu
menghampirinya. Dia mendengar suara Tuhan berfirman, [32] "Akulah Tuhan nenek moyangmu; Tuhan
Ibrahim, Ishak dan Yakub." Musa gementar ketakutan dan tidak berani memandang lagi.

[33] 'Tuhan berfirman seterusnya, "Tanggalkan kasutmu, kerana tempat kamu berdiri itu tanah
suci. [34] Aku telah melihat penindasan umat-Ku di Mesir. Aku telah mendengar rintihan mereka, dan
telah turun untuk membebaskan mereka. Sekarang marilah, Aku akan mengutusmu ke Mesir."

[35] 'Musa inilah yang telah ditolak oleh umat Israel dengan kata-kata, "Siapa yang menjadikan
kamu pemerintah dan hakim kami?" Justeru dialah yang diutus Allah sebagai pemerintah dan
pembebas, melalui malaikat yang menampakkan diri kepadanya di belukar itu. [36] Musa memimpin
orang Israel keluar dari Mesir setelah melakukan pelbagai mukjizat dan keajaiban di Mesir, di Laut
Merah dan kemudian di tanah gurun selama empat puluh tahun.

[37] 'Musa inilah yang berkata kepada bangsa Israel, "Allah akan mengutus seorang Nabi
kepadamu, sebagaimana Dia telah mengutusku dari kalangan bangsamu." [38] Musa inilah yang
bersama bangsa Israel berhimpun di tanah gurun. Dia di sana berserta nenek moyang kita dan
malaikat yang berkata-kata kepadanya di Gunung Sinai. Dialah yang menerima firman hidup, untuk
disampaikan kepada kita.

[39] 'Tetapi nenek moyang kita enggan taat kepadanya. Mereka menolaknya dan dalam hati mereka
berpaling semula ke Mesir. [40] Mereka berkata kepada Harun, "Buatkan kami patung pujaan yang
dapat memimpin kami, kerana kami tidak tahu apa yang telah terjadi kepada Musa yang membawa
kami keluar dari Mesir." [41] Setelah itu mereka membuat berhala berbentuk anak lembu dan
mempersembahkan korban kepada berhala itu. Mereka bersuka ria meraikan buatan tangan mereka
sendiri. [42] Oleh itu Allah berpaling daripada mereka dan membiarkan mereka menyembah segala yang
di langit. Demikianlah yang tersurat di dalam kitab nabi-nabi:

' "Adakah kamu mempersembahkan

kepada-Ku

binatang sembelihan dan korban
selama empat puluh tahun di tanah gurun, hai orang Israel?
43 Malah kamu mengusung khemah Molokh
dan bintang berhalamu Refan,
patung-patung yang kamu buat untuk kamu sembah;
maka Aku akan membuangmu
jauh ke seberang Babel."
44 'Nenek moyang kita mempunyai Khemah Kesaksian di tanah gurun. Khemah ini dibuat
sebagaimana yang diperintahkan kepada Musa menurut contoh yang telah dilihatnya. 45 Nenek
moyang kita, setelah menerimanya, bersama Yusak telah membawanya masuk ke negeri kita yang
dikuasai oleh bangsa-bangsa asing. Allah telah mengusir bangsa-bangsa asing itu di hadapan
mereka, dan khemah itu tetap di tanah tersebut hingga zaman Daud. 46 Daud mendapat keredaan
Allah dan memohon izin-Nya untuk membina sebuah rumah untuk Tuhan yang disembah oleh
Yakub. 47 Tetapi Sulaiman yang membina rumah untuk-Nya.

48 'Namun, Tuhan Yang Maha Tinggi tidak tinggal di dalam rumah buatan tangan manusia, seperti
kata nabi:
49 ' "Syurga arasy-Ku,
dan bumi alas kaki-Ku.
Rumah apakah yang hendak
kamu bina untuk-Ku,
dan dimanakah tempat
rehat-Ku?" firman Tuhan.
50 ' "Bukankah Aku sendiri yang telah mencipta semuanya?"
51 'Hai yang keras kepala dan tidak bersunat hati dan telingamu! Kamu sentiasa melawan Roh
Suci sebagaimana yang dilakukan oleh nenek moyangmu. 52 Nabi manakah yang tidak dianiaya oleh
nenek moyangmu? Mereka membunuh nabi-nabi yang telah menubuatkan kedatangan Yang Benar
itu, yang kamu khianati dan bunuh. 53 Kamu telah menerima Taurat Allah yang disampaikan oleh
malaikat, tetapi kamu tidak mematuhinya.'

Stefanus direjam

54 Apabila mendengar kata-kata ini, mereka tersangat sakit hati dan berang terhadap
Stefanus. 55 Akan tetapi dia dipenuhi Roh Suci lalu merenung ke langit dan melihat kemuliaan Allah
serta Isa berdiri di sebelah kanan Allah. 56 Dia berkata, 'Lihatlah! Aku nampak syurga terbuka dan
Putera Insan berdiri di sebelah kanan Allah!'

57 Mereka pun bertempik sambil menutup telinga lalu menyerang Stefanus serentak. 58 Mereka
menyeret dia ke luar kota lalu merejamnya. Orang yang menyaksikan segalanya itu meletakkan jubah
mereka di kaki seorang muda bernama Saul.

59 Ketika mereka merejam Stefanus, dia berseru,'Junjungan Isa, terimalah rohku.' 60 Kemudian dia
berlutut dan berteriak dengan suara yang kuat, 'Junjungan, jangan tanggungkan dosa ini atas
mereka.' Setelah berkata demikian, dia pun meninggal dunia.

8 *Penganiayaan terhadap jemaah di Baitulmaqdis*

1 Saul menyetujui kematian Stefanus. Pada masa itu penganiayaan yang dahsyat dilakukan terhadap
jemaah di Baitulmaqdis; dan mereka pun bercerai-berai di serata Yudea dan Samaria, kecuali para
rasul. 2 Beberapa orang yang salih mengebumikan Stefanus dan amat meratapi kematiannya. 3 Saul
berusaha untuk menghapuskan jemaah; dia memasuki setiap rumah dan menyeret keluar lelaki
perempuan lalu memasukkan mereka ke dalam penjara.

Filipus di Samaria

4 Mereka yang bercerai-berai pergi merata-rata mengajarkan firman Allah. 5 Kemudian Filipus pergi ke
sebuah kota di Samaria dan memberitakan al-Masih kepada orang di situ. 6 Apabila orang ramai
mendengar apa yang dikatakan Filipus dan melihat segala keajaiban yang dilakukannya, mereka
semua memperhatikan dengan sepenuh hati apa yang dikatakannya; 7 kerana roh-roh durjana keluar
sambil melolong daripada ramai orang yang kerasukan, manakala sebilangan besar yang lumpuh dan
tempang telah disembuhkan. 8 Seluruh kota itu amat bersukacita.

Simon ahli sihir

9 Akan tetapi ada seorang lelaki bernama Simon, yang dahulunya mengamalkan sihir di situ dan
mengagumkan orang Samaria serta mengaku dirinya seorang yang hebat. 10 Mereka semua, daripada
yang paling rendah tarafnya hinggalah kepada yang tertinggi, mendengar katanya. Mereka berkata,
'Orang ini dikenal sebagai Kuasa Besar Allah.' 11 Mereka mendengar katanya kerana dia telah lama
mengagumkan mereka dengan sihirnya. 12 Namun apabila mereka mempercayai Filipus ketika dia
bercakap tentang hal-hal berkaitan dengan kerajaan Allah dan nama Isa al-Masih, mereka pun
diimadkan, baik lelaki mahupun perempuan. 13 Kemudian Simon sendiri percaya; dan setelah
diimadkan dia terus menyertai Filipus dan amat kagum melihat keajaiban serta alamat yang dilakukan.

14 Apabila para rasul di Baitulmaqdis mendengar bahawa orang Samaria telah menerima firman
Allah, mereka mengutus Petrus dan Yahya ke sana. 15 Setelah sampai di situ, kedua-duanya berdoa
semoga mereka menerima Roh Suci, 16 kerana mereka belum lagi dipenuhi oleh-Nya. Mereka baru
diimadkan sahaja dengan nama Junjungan Isa. 17 Kemudian Petrus dan Yahya meletakkan tangan
atas mereka lalu mereka menerima Roh Suci.

18 Setelah Simon melihat betapa Roh Suci diberi ketika para rasul meletakkan tangan, dia
menawarkan wang kepada mereka 19 sambil berkata, 'Berilah aku kuasa itu juga, supaya sesiapa
yang kuletakkan tangan atasnya akan menerima Roh Suci.'

20 Tetapi Petrus berkata kepadanya, 'Punahlah wangmu bersamamu, kerana kamu menyangka
kurnia Allah dapat dibeli dengan wang! 21 Kamu tidak ada bahagian dalam pekerjaan kami, kerana
hatimu tidak ikhlas di sisi Allah. 22 Oleh itu bertaubatlah daripada kejahatanmu itu, dan berdoalah
kepada Tuhan semoga kamu dapat diampuni kerana niat di hatimu itu; 23 kerana kulihat kamu diracuni
perasaan kepahitan dan dibelenggu dosa.'

24 Simon menjawab, 'Berdoalah kepada Tuhan untukku, supaya apa yang kamu sebutkan tadi
tidak menimpaku.'

25 Setelah mereka memberi kesaksian dan menyampaikan firman Tuhan, mereka pun pulang ke
Baitulmaqdis, sambil menyebarkan perkhabaran baik tentang Isa di banyak kampung orang Samaria.

Filipus dan sida-sida dari negeri Habsyah

26 Malaikat Tuhan berkata kepada Filipus, 'Bangkit dan pergilah ke arah selatan di jalan antara
Baitulmaqdis dengan Gaza. Sekarang tempat itu lengang.' 27 Dia pun bangkit lalu pergi. Ada seorang
Habsyi, seorang sida-sida yang besar pangkatnya di bawah perintah Kandake, ratu negeri Habsyah,
dan ditugaskan menjaga seluruh perbendaharaannya. Dia telah pergi ke Baitulmaqdis untuk
sembahyang. 28 Ketika dia sedang dalam perjalanan pulang dan sambil duduk di dalam kereta
kudanya, dia membaca kitab Nabi Yasyaya. 29 Roh Suci berkata kepada Filipus, 'Pergi dekati kereta
kuda itu.'

30 Filipus pun berlari mendapatkannya lalu mendengarnya membaca kitab Nabi Yasyaya. Filipus
berkata, 'Fahamkah apa yang kamu baca itu?'

31 Jawabnya, 'Bagaimana aku dapat memahaminya, kecuali ada orang yang membimbingku?' Dia
pun mengajak Filipus naik duduk di sisinya.

32 Bahagian Kitab Suci yang dibacanya ialah:

'Dia dibawa seperti domba untuk disembelih
seperti anak domba yang senyap ketika bulunya digunting.
Demikianlah Dia tidak membuka mulut.

33 Dia dihina dan keadilan direntap

daripada-Nya,

maka siapa akan mengisahkan

keturunan-Nya?

Nyawa-Nya direnggut dari muka bumi.'

34 Sida-sida itu berkata, 'Aku bertanya kepadamu, tentang siapakah nabi itu bercakap, tentang dirinya
atau seseorang lain?' 35 Filipus pun membuka mulutnya: bermula dari bahagian Kitab Suci itu, dia
mengajar berita baik tentang Isa kepada sida-sida itu.

36 Sedang mereka meneruskan perjalanan, mereka sampai ke suatu tempat yang berair. Sida-sida
itu berkata, 'Lihat, di sini ada air. Apa yang menghalang aku daripada diimadkan?' 37 Filipus berkata,
'Jika kamu percaya sepenuh hati, kamu boleh diimadkan.' Sida-sida itu menjawab, 'Aku percaya
bahawa Isa al-Masih itu Putera Allah.' 38 Lalu dia mengarahkan kereta kuda itu dihentikan. Dia
bersama Filipus turun ke dalam air, lalu Filipus mengimadkannya. 39 Setelah mereka keluar dari air,
Roh Suci mengambil Filipus dari situ. Sida-sida itu tidak melihatnya lagi, lalu meneruskan perjalanan
dengan sukacita. 40 Filipus mendapati dirinya di Asdod. Dia meneruskan perjalanan sambil
mengkhabarkan Injil di segala kota hingga sampai di Kaisarea.

9 *Saul bertaubat*

1 Saul, yang terus-menerus mengancam hendak membunuh pengikut-pengikut Junjungan Isa, pergi
mendapatkan imam besar 2 dan meminta surat untuk ditunjukkan kepada saumaah di Damsyik, supaya
sekiranya dia menjumpai sesiapa yang mengikut Jalan Isa, baik lelaki mahupun perempuan, dia boleh
memberkas dan membawa mereka ke Baitulmaqdis. 3 Dalam perjalanannya, apabila dia hampir
sampai di Damsyik, tiba-tiba cahaya dari langit bersinar sekelilingnya. 4 Dia rebah ke bumi lalu
mendengar suara berkata, 'Saul, Saul, mengapa kauaniaya Aku?'

5 Saul bertanya, 'Siapakah Engkau, Tuan?' Suara itu menjawab, 'Akulah Isa yang
kauaniaya. 6 Bangkitlah, masuklah ke kota. Di sana engkau akan diberitahu apa yang harus kaubuat.'

7 Orang seperjalanan Saul terpegun kerana mendengar suara itu tanpa melihat sesiapapun. 8 Saul
bangkit sambil membuka mata tetapi tidak dapat melihat suatu apa. Oleh demikian mereka
memegang tangannya dan memimpinnya masuk ke Damsyik. 9 Selama tiga hari dia tidak dapat
melihat dan tidak makan atau minum.

10 Ada seorang pengikut Isa yang bernama Ananias tinggal di Damsyik. Dalam suatu penglihatan
dia mendengar Junjungan berkata, 'Ananias!'

'Ya, Junjungan,' sahut Ananias.

11 Junjungan berkata kepadanya, 'Bersiaplah dan pergilah ke rumah Yudas di Jalan Lurus.
Tanyakanlah seorang yang bernama Saul dari kota Tarsus. Dia sedang berdoa, 12 dan melihat
seorang bernama Ananias meletakkan tangan di atasnya supaya dia dapat melihat semula.'

13 Ananias menjawab, 'Ya Junjunganku, aku telah mendengar ramai orang mengatakan hal orang
itu. Dia telah banyak menganiaya umat-Mu yang salih di Baitulmaqdis. 14 Sekarang dia datang ke
Damsyik membawa kuasa daripada ketua-ketua imam untuk menangkap semua orang yang
menyebut nama-Mu.'

15 Namun, Junjungan berkata, 'Pergilah, kerana Aku telah memilihnya sebagai alat pilihan-Ku
untuk mengkhabarkan nama-Ku kepada bangsa-bangsa asing, raja-raja, dan umat Israel. 16 Aku akan
menunjukkan kepadanya segala kesengsaraan yang akan ditanggungnya kerana-Ku.'

17 Dengan demikian Ananias pun pergi lalu masuk ke rumah itu dan meletakkan tangannya ke
atas Saul sambil berkata, 'Saudaraku Saul, Junjungan telah mengutusku. Isa yang menampakkan diri-
Nya kepadamu dalam perjalanan ke sini telah mengutusku supaya engkau dapat melihat semula dan
dipenuhi Roh Suci.' 18 Serta-merta sesuatu seperti sisik gugur daripada mata Saul dan dia dapat
melihat semula. Dia pun bangun lalu diimadkan. 19 Kemudian dia makan dan kekuatannya pun pulih.

Saul di Damsyik dan Baitulmaqdis

Saul tinggal beberapa hari di Damsyik bersama para pengikut Isa. 20 Dia terus mengkhabarkan di
saumaah-saumaah tentang Isa, bahawa Dia Putera Allah. 21 Semua yang mendengarnya tercengang
lalu berkata, 'Bukankah dia ini yang menganiaya semua yang menyebut nama itu di Baitulmaqdis?

Malah dia datang ke mari untuk menangkap semua orang yang demikian di sini dan menyeret
mereka ke hadapan ketua-ketua imam.' 22 Makin sehari makin bertambah kuasa yang diberi Allah
kepada Saul. Semua orang Yahudi di Damsyik tercengang apabila dia menyatakan bahawa Isa itu al-
Masih.

23 Selepas beberapa hari, orang Yahudi berpakat hendak membunuh Saul 24 tetapi dia mendapat
tahu tentang pakatan itu. Orang yang hendak membunuhnya itu menunggu di pintu gerbang siang
malam; 25 tetapi pengikut-pengikut Saul mengambilnya pada waktu malam dan menurunkannya
melalui tingkap ke kaki tembok di dalam sebuah keranjang.

26 Apabila Saul sampai di Baitulmaqdis, dia cuba menghubungi para pengikut Isa tetapi mereka
takut dan tidak percaya bahawa dia benar-benar pengikut Isa. 27 Barnabas membawa Saul ke
hadapan para rasul dan menceritakan bagaimana dia telah melihat Junjungan ketika dalam
perjalanan, kata-kata Junjungan kepadanya dan keberanian Saul menyebarkan nama Isa di
Damsyik. 28 Selepas itu Saul keluar masuk di Baitulmaqdis bersama para rasul 29 serta menyebarkan
nama Junjungan dengan berani. Dia bercakap dan berhujah dengan orang Yahudi peranakan Yunani;
mereka pun hendak membunuhnya. 30 Apabila para pengikut Isa yang lain mengetahui hal itu, mereka
membawa Saul ke Kaisarea dan menghantarnya ke Tarsus.

31 Dengan demikian sejahteralah jemaah di seluruh tanah Yudea, Galilea dan Samaria. Jemaah
itu diberi kekuatan dan hidup bertakwa kepada Allah. Dengan pertolongan Roh Suci bilangan mereka
semakin besar.

Petrus di Lida dan Yope

32 Ketika Petrus melawat daerah-daerah, dia mengunjungi orang salih yang tinggal di Lida. 33 Di
situ dia menemui seorang bernama Eneas yang sudah lapan tahun lumpuh terlantar di tempat
tidur. 34 Petrus berkata kepadanya, 'Eneas, Isa al-Masih menyembuhkanmu. Bangunlah, kemaskan
tempat tidurmu.' Pada saat itu juga Eneas bangun. 35 Semua penduduk Lida dan Saron melihatnya
lalu beriman kepada Tuhan.

36 Di Yope ada seorang perempuan pengikut Isa bernama Tabita (dalam bahasa Yahudi disebut
Dorkas); dia sentiasa membuat kebajikan dan memberi sedekah. 37 Pada masa itu dia jatuh sakit lalu
meninggal dunia. Setelah dimandikan, jenazahnya dibaringkan di dalam bilik di tingkat atas. 38 Oleh
sebab Lida berdekatan dengan Yope, para pengikut Isa di Yope mendapat tahu Petrus ada di Lida
lalu menghantar dua orang berjumpa dengannya dan memintanya datang secepat mungkin.

39 Petrus segera pergi bersama mereka. Setibanya di situ, dia dibawa naik ke bilik di tingkat atas
itu. Semua balu di situ berdiri di sisinya sambil menangis dan menunjukkan pelbagai pakaian yang
telah dijahit oleh Dorkas untuk mereka sewaktu hidupnya.

40 Petrus menyuruh semuanya keluar; kemudian dia bertelut dan berdoa. Selepas itu dia berpaling
kepada jenazah itu lalu berkata, 'Hai Tabita, bangunlah.' Tabita membuka matanya dan apabila dia
melihat Petrus, dia pun duduk. 41 Petrus memegang tangannya dan membantunya berdiri. Seterusnya
Petrus memanggil semua pengikut Isa termasuk balu-balu itu dan menunjukkan kepada mereka
perempuan yang sudah hidup itu. 42 Berita itu tersebar di seluruh Yope dan ramai orang beriman
kepada Tuhan. 43 Petrus tinggal beberapa hari di Yope di rumah Simon, seorang penyamak kulit.

10 *Petrus dan Kornelius*

1 Di Kaisarea ada seorang bernama Kornelius, ketua tentera yang disebut pasukan Itali. 2 Dia seorang
yang bertakwa dan takut akan Allah, begitu juga seisi rumahnya. Dia banyak bersedekah kepada
orang yang miskin dan sentiasa berdoa kepada Allah. 3 Pada suatu hari kira-kira pukul tiga petang,
dalam suatu penglihatan dia melihat dengan nyata malaikat Allah mendapatkannya dan berkata
kepadanya, 'Hai Kornelius!'

4 Dia merenung dengan ketakutan sambil bertanya,

'Ya tuan, ada apa tuan?'

Malaikat itu berkata, 'Segala doa dan sedekahmu telah diredai Allah. 5 Suruhlah orang pergi ke
Yope memanggil seorang bernama Simon bergelar Petrus. 6 Dia menumpang di rumah Simon
penyamak kulit, di tepi laut.'

7 Setelah malaikat itu pergi, Kornelius memanggil dua orang hambanya dan seorang askar yang

takut akan Allah dari kalangan orang yang bertugas melayaninya. [8] Dia menceritakan segala yang
berlaku itu kepada mereka dan menyuruh mereka pergi ke Yope.

Penglihatan Petrus

[9] Esoknya, ketika mereka dalam perjalanan dan hampir sampai ke Yope, Petrus naik ke atas
bumbung rumah untuk berdoa, kira-kira pukul dua belas tengah hari. [10] Kemudian dia berasa lapar
dan hendak makan, tetapi sementara makanan sedang disediakan, dia diliputi kuasa ilahi. [11] Dia
melihat langit terbuka dan sesuatu seperti kain yang amat lebar, terikat keempat-empat penjurunya,
diturunkan ke arahnya lalu ke bumi. [12] Di dalamnya ada segala jenis binatang, yang berkaki empat
dan yang melata, juga burung-burung. [13] Dia terdengar suara berkata, 'Hai Petrus, bangunlah,
sembelih dan makanlah.'

[14] Petrus berkata, 'Ya Tuhan, jangan demikian, aku belum pernah makan barang yang haram atau
najis.'

[15] Suara itu berkata pula kepadanya, 'Barang yang dihalalkan oleh Allah, jangan

kauharamkan.'

[16] Ini berulang tiga kali, kemudian kain itu terangkat naik ke langit.

[17] Sedang Petrus bertanya-tanya apa agaknya erti penglihatan itu, orang yang disuruhkan oleh
Kornelius itu telah bertanyakan rumah Simon. [18] Mereka berdiri di muka pintu sambil berseru bertanya
sama ada Simon bergelar Petrus ada menumpang di situ.

[19] Petrus masih lagi memikirkan penglihatannya itu. Roh Suci berkata kepadanya, 'Ada tiga orang
mencarimu. [20] Bangunlah, turun dan pergi bersama mereka tanpa ragu-ragu, kerana Aku yang
menyuruh mereka datang.'

[21] Petrus pun turun mendapatkan orang itu lalu berkata, 'Aku inilah orang yang kamu cari itu; apa
hajatmu datang ke mari?'

[22] Mereka berkata, 'Kornelius, seorang ketua tentera yang benar dan takut akan Allah serta
disegani oleh seluruh bangsa Yahudi, telah menerima pesan Allah melalui malaikat yang suci bahawa
dia hendaklah menjemput tuan datang ke rumahnya untuk mendengar apa yang akan tuan
katakan.' [23] Petrus mengajak ketiga-tiga orang itu masuk dan menumpang bermalam di rumah itu.

Petrus di rumah Kornelius

Esoknya dia bangun lalu pergi bersama mereka; beberapa orang saudara seiman di Yope turut
serta. [24] Keesokan harinya mereka sampai di Kaisarea. Kornelius sedang menantikan kedatangan
mereka, bersama semua kaum keluarga dan sahabat handai yang diajaknya berhimpun di
situ. [25] Apabila Petrus masuk, Kornelius mendapatkannya lalu sujud menyembah di kakinya; [26] tetapi
Petrus menariknya bangkit berdiri sambil berkata, 'Bangkitlah; aku in pun seorang manusia juga.'

[27] Sambil bercakap dengan Kornelius, Petrus masuk ke dalam rumah itu dan melihat betapa
ramainya orang yang berhimpun di situ. [28] Petrus berkata kepada mereka, 'Saudara-saudara sedia
maklum bahawa orang Yahudi dilarang berhubung dengan orang bangsa lain atau mengunjungi
mereka; tetapi Allah telah menyatakan kepadaku supaya jangan memandang sesiapapun sebagai
haram atau najis. [29] Oleh itu apabila aku dipanggil, aku terus datang tanpa teragak-agak. Sekarang
aku bertanya kepadamu, apakah sebabnya aku dipanggil datang ke sini?'

[30] Kornelius berkata, 'Empat hari lalu, kira-kira pukul tiga petang, aku sedang berdoa di rumah;
tiba-tiba seorang berdiri di hadapanku, pakaiannya bersinar-sinar. [31] Dia berkata, "Hai Kornelius!
Segala doa dan sedekahmu telah diredai Allah. [32] Suruhlah orang pergi ke Yope memanggil seorang
bernama Simon bergelar Petrus. Dia menumpang di rumah Simon penyamak kulit, di tepi laut." [33] Aku
terus menyuruhkan orang mendapatkanmu; kamu sungguh baik hati datang ke mari. Sekarang kami
semua hadir di sini di hadapan Allah untuk mendengar segala perkara yang diperintahkan Tuhan
kepadamu untuk disampaikan kepada kami.'

[34] Petrus pun berkata, 'Sesungguhnya aku mengerti sekarang bahawa Allah tidak memilih
kasih. [35] Sesiapa yang takut akan Allah dan mengerjakan yang benar, tidak kira apa bangsanya,
dialah yang diredai-Nya. [36] Firman yang disampaikan Allah kepada bangsa Israel adalah firman yang
mengkhabarkan kesejahteraan melalui Isa al-Masih, Junjungan semua manusia. [37] Saudara-saudara
tahu akan apa yang berlaku di seluruh tanah Yudea mulai dari Galilea, selepas pengimadan yang

dikhabarkan oleh Yahya. 38 Perkhabaran itu tentang Isa orang Nasaret, betapa Allah telah memilih-
Nya sebagai al-Masih dan memberi-Nya Roh Suci serta kuasa. Dia telah pergi merata-rata membuat
kebajikan dan menyembuhkan orang yang diseksa oleh Iblis, kerana Allah menyertai Isa.

39 'Kami ini menjadi saksi akan segala yang dilakukan-Nya di tanah orang Yahudi malah juga di
Baitulmaqdis. Dia telah dibunuh dengan disalib; 40 tetapi Allah membangkitkan-Nya pada hari yang
ketiga serta memperlihatkan Dia; 41 bukan kepada semua orang tetapi kepada kami yang telah dipilih
oleh Allah sebagai saksi, kami yang semakan seminum dengan-Nya setelah Dia bangkit dari kalangan
orang mati. 42 Dia memerintah kami mengkhabarkan kepada semua orang dan memberikan kesaksian
bahawa Dialah yang dijadikan Allah hakim ke atas orang hidup dan orang mati. 43 Semua nabi
bersaksi tentang-Nya bahawa setiap orang yang percaya kepada Isa akan diampunkan dosanya
dengan nama-Nya.'

44 Ketika Petrus sedang bercakap, Roh Suci turun dan memenuhi semua yang mendengar
perkhabaran itu. 45 Beberapa orang Yahudi yang percaya kepada Isa dan datang bersama Petrus dari
Yope berasa hairan melihat Allah mencurahkan Roh Suci kepada orang bukan bani Israel
juga. 46 Mereka mendengar orang itu bertutur dalam aneka bahasa memuji Allah. Kemudian Petrus
berkata, 47 'Lihatlah, mereka telah menerima Roh Suci seperti kita. Dapatkah sesiapa menghalang
mereka diimadkan dengan air?' 48 Petrus pun menyuruh mereka diimadkan dengan nama Isa al-
Masih. Selepas itu mereka meminta Petrus tinggal dengan mereka beberapa hari.

11 *Petrus menjelaskan tindakannya*

1 Para rasul dan saudara-saudara di seluruh Yudea mendengar khabar bahawa orang bukan bani
Israel juga telah menerima firman Allah. 2 Apabila Petrus pergi ke Baitulmaqdis, orang Yahudi yang
percaya kepada Isa dan masih berpegang kepada upacara sunat, membantah perbuatannya. 3 Mereka
berkata, 'Kamu telah menumpang di rumah orang bangsa asing yang tidak bersunat; malah kamu
telah makan bersama mereka!'

4 Oleh yang demikian, Petrus menerangkan segala yang telah berlaku, satu persatu: 5 'Ketika aku
sedang berdoa di Yope, aku telah melihat satu penglihatan. Aku melihat sesuatu seperti kain yang
amat lebar, terikat keempat-empat penjurunya, diturunkan dari langit lalu terletak dekat
denganku. 6 Aku memerhatikannya lalu melihat binatang yang berkaki empat, yang liar dan yang
melata, juga burung-burung. 7 Aku mendengar suara berkata, "Hai Petrus, bangunlah, sembelih dan
makanlah."

8 'Aku berkata, "Ya Tuhan, jangan demikian, aku belum pernah makan barang yang haram atau
najis."

9 'Suara itu berkata pula kepadaku, "Barang yang dihalalkan oleh Allah, jangan kau
haramkan." 10 Ini berulang tiga kali, kemudian semuanya terangkat naik semula ke langit.

11 'Pada ketika itu tiga orang yang diutus dari Kaisarea kepadaku berdiri di hadapan rumah yang
kami tumpang. 12 Roh Suci menyuruh aku pergi bersama mereka tanpa ragu-ragu. Enam orang
saudara seiman di Yope menyertaiku ke Kaisarea lalu kami masuk ke rumah Kornelius. 13 Kornelius
bercerita kepada kami bahawa dia telah melihat malaikat berdiri di hadapannya di rumahnya dan
berkata kepadanya, "Suruhlah orang pergi ke Yope memanggil seorang bernama Simon bergelar
Petrus. 14 Dia akan menyampaikan perkhabaran yang menyelamatkan kamu sekeluarga."

15 'Apabila aku mula bercakap, Roh Suci memenuhi mereka, seperti yang terjadi kepada kita
dahulu. 16 Ketika itu aku teringat kata-kata Junjungan: "Yahya mengimadkan dengan air, tetapi kamu
akan diimadkan dengan Roh Suci." 17 Jelaslah bahawa Allah telah memberi orang asing itu kurnia
yang sama seperti yang kita terima ketika kita beriman kepada Junjungan Isa al-Masih. Siapakah aku
untuk cuba menghalang kuasa Allah?'

18 Setelah mendengar penjelasan Petrus, mereka tidak membantah perbuatannya lagi, lantas
mereka memuji Allah dan berkata, 'Kalau begitu, Allah memberikan peluang kepada orang bukan bani
Israel juga untuk bertaubat dan mendapat hidup.'

Jemaah di Antiokhia

19 Setelah Stefanus dibunuh, orang yang tercerai-berai kerana dianiaya sampai ke Finisia, Siprus
dan Antiokhia. Mereka menyampaikan firman hanya kepada orang Yahudi; 20 tetapi sesetengah

daripada mereka dari Siprus dan Kirene datang ke Antiokhia lalu menyampaikan berita baik tentang
Junjungan Isa kepada orang bukan bani Israel. 21 Melalui kuasa Tuhan yang menyertai mereka, ramai
orang percaya dan berpaling kepada-Nya.

22 Jemaah di Baitulmaqdis mendengar hal itu lalu menyuruh Barnabas pergi ke
Antiokhia. 23 Setelah dia sampai dan melihat kasih kurnia Allah itu, dia amat sukacita dan
menggalakkan mereka semua supaya meneguhkan azam untuk tetap setia kepada
Tuhan. 24 Barnabas orang baik, penuh dengan Roh Suci dan iman. Semakin bertambahlah bilangan
orang yang percaya akan Tuhan.

25 Kemudian Barnabas pergi ke Tarsus mencari Saul; 26 setelah menemuinya, dibawanya ke
Antiokhia. Selama setahun kedua-duanya berserta dengan jemaah dan mengajar ramai orang. Di
Antiokhialah para pengikut mula-mula disebut Masihi.

27 Pada masa itu beberapa orang nabi turun dari Baitulmaqdis ke Antiokhia. 28 Seorang yang
bernama Agabus bernubuat dengan ilham Roh Suci bahawa bencana kebuluran akan melanda
seluruh dunia; ini sesungguhnya terjadi pada zaman Klaudius. 29 Para pengikut Isa membuat
keputusan hendak menghantar bantuan, menurut kemampuan masing-masing, kepada saudara-
saudara di Yudea. 30 Mereka mengirimkannya kepada tua-tua melalui Barnabas dan Saul.

12 *Petrus dipenjarakan*

1 Pada masa itu Raja Herodes pula turut menganiaya beberapa orang daripada jemaah. 2 Yakobus
saudara Yahya dibunuhnya dengan pedang. 3 Apabila dilihatnya orang Yahudi sukacita dengan
tindakannya, dia menangkap Petrus pula, pada Perayaan Roti Tidak Beragi. 4 Dia memasukkan Petrus
ke dalam penjara dan menyerahkannya kepada enam belas orang askar yang bertugas menjaganya
bergilir-gilir, empat orang segiliran. Niatnya hendak membawa Petrus ke hadapan orang Yahudi
selepas perayaan Paska.

5 Sementara itu Petrus dikawal rapi di dalam penjara; tetapi jemaah berdoa dengan sungguh-
sungguh kepada Allah untuknya.

6 Pada malam sebelum hari perbicaraan yang ditetapkan oleh Herodes itu, Petrus tidur antara dua
orang askar, terikat dengan dua rantai; di samping itu para pengawal berjaga di hadapan pintu
penjara itu. 7 Tiba-tiba malaikat Tuhan terdiri di situ dan cahaya menyinari bilik itu. Malaikat itu
menepuk Petrus dan membangunkannya lalu berkata, ‘Cepat bangun.’ Dalam sekelip mata gugurlah
rantai dari tangan Petrus.

8 Malaikat itu berkata lagi, ‘Ikatlah tali pinggang dan pakailah kasutmu.’ Setelah Petrus berbuat
demikian, malaikat itu berkata lagi, ‘Pakailah jubahmu dan ikutlah aku.’ 9 Petrus mengikut malaikat itu
keluar dari penjara tanpa mengetahui sama ada segalanya itu benar-benar terjadi atau hanya suatu
penglihatan. 10 Mereka melalui tempat pengawal berjaga yang pertama dan yang kedua. Akhirnya
mereka sampai di pintu besi yang menghala ke kota lalu pintu itu terbuka dengan sendirinya dan
mereka pun keluar. Ketika mereka berjalan di suatu lorong, malaikat itu pun tiba-tiba meninggalkan
Petrus.

11 Pada saat itu barulah Petrus sedar apa yang telah terjadi. Dia berkata, ‘Sekarang tahulah aku
bahawa segalanya benar-benar berlaku. Tuhan telah mengutus malaikat-Nya untuk menyelamatkan
aku daripada Raja Herodes dan segala yang hendak dilakukan oleh orang Yahudi kepadaku.’

12 Setelah itu, Petrus pergi ke rumah Maryam, ibu kepada Yahya yang bergelar Markus. Di situ
ramai orang berhimpun dan sedang berdoa. 13 Apabila Petrus mengetuk pintu, seorang perempuan
bernama Rode datang ke pintu. 14 Dia mengenali suara Petrus. Akan tetapi dia begitu sukacita
hinggakan terus masuk semula tanpa membukakan pintu. Dia memberitahu bahawa Petrus ada di
luar.

15 ‘Kamu gila!’ seru mereka, namun Rode beria-ia mengatakan orang yang di luar itu Petrus.
Mereka berkata, ‘Tentu itu rohnya!’ 16 Petrus mengetuk pintu lagi berulang-ulang. Akhirnya mereka
membukakan pintu dan tercengang apabila melihat Petrus. 17 Petrus memberikan isyarat meminta
mereka bertenang lalu mengisahkan betapa Tuhan telah mengeluarkannya dari penjara. Selepas itu
Petrus berkata, ‘Khabarkanlah hal ini kepada Yakobus dan saudara-saudara lain.’ Kemudian dia pun
pergi ke tempat lain.

18 Setelah hari siang, askar-askar yang berkawal itu gempar, tertanya-tanya apakah yang telah

terjadi kepada Petrus. [19] Raja Herodes menyuruh orang mencari Petrus tetapi tidak berjaya. Lantas
Raja Herodes mengeluarkan perintah supaya askar-askar yang berkawal itu disoal siasat dan
kemudiannya dihukum bunuh.

Kematian Raja Herodes

Selepas itu Raja Herodes berpindah dari Yudea ke Kaisarea lalu tinggal di sana. [20] Raja Herodes
amat murka terhadap orang Tirus dan Sidon. Oleh yang demikian, mereka datang bersama-sama
untuk menghadap Raja Herodes. Pertama sekali mereka mendapatkan sokongan Blastus, ketua
istana Raja Herodes. Selepas itu mereka menghadap Raja Herodes dan meminta berdamai, kerana
bekalan makanan negeri mereka bergantung kepada negeri Raja Herodes.

[21] Pada hari yang telah ditetapkan, Raja Herodes mengenakan pakaian kebesaran diraja, duduk
di atas singgahsana lalu berkata kepada rakyat. [22] Mereka berseru, ‘Itu suara seorang dewa, bukan
manusia.’ [23] Pada saat itu malaikat Tuhan memukul Raja Herodes kerana tidak menghormati Allah.
Raja Herodes pun mati dimakan ulat.

[24] Firman Allah semakin luas tersebar dan kian ramai orang percaya kepada Isa.

[25] Setelah Barnabas dan Saul menjalankan tugas mereka pulang dari Baitulmaqdis dan membawa
Yahya yang bergelar Markus itu bersama mereka.

13 *Paulus dan Barnabas dihantar kepada bangsa asing*

[1] Di antara jemaah di Antiokhia ada beberapa orang nabi dan guru: Barnabas, Simeon yang bergelar
Niger, Lukius dari Kirene, Menahem, yang dibesarkan bersama raja Herodes, dan Saul. [2] Sedang
mereka beribadat dan berpuasa, Roh Suci berkata kepada mereka, ‘Khaskan Barnabas dan Saul
untuk-Ku, bagi melaksanakan tugas yang telah Kutetapkan untuk mereka.’ [3] Setelah berpuasa dan
berdoa, mereka meletakkan tangan ke atas Barnabas dan Saul lalu melepaskan mereka pergi.

Di Siprus

[4] Barnabas dan Saul diutus ke Seleukia oleh Roh Suci. Dari situ mereka belayar ke pulau
Siprus. [5] Apabila sampai di Salamis, mereka menyampaikan firman Allah di saumaah-saumaah,
dibantu oleh Yahya.

[6] Mereka pergi ke serata pulau itu hingga sampai di Pafos. Di situ mereka bertemu dengan
seorang ahli sihir bernama Bar-Yusha, seorang nabi palsu Yahudi. [7] Dia berkawan baik dengan
Sergius Paulus, pemerintah pulau itu, seorang yang bijaksana. Sergius Paulus memanggil Barnabas
dan Saul kerana ingin mendengar firman Allah. [8] Akan tetapi Elimas ahli sihir itu (ini namanya dalam
bahasa Yunani) cuba menghalang pemerintah itu daripada percaya kepada Isa. [9] Saul, yang juga
disebut Paulus, dipenuhi oleh Roh Suci lalu merenung ahli sihir itu dan [10] berkata, ‘Hai kamu anak
Iblis, seteru segala yang benar, kamu yang penuh dengan tipu daya! Tiadakah kamu mahu berhenti
memesongkan jalan Tuhan yang betul? [11] Tuhan akan menghukum kamu pada saat ini juga. Kamu
akan buta, tidak dapat melihat cahaya matahari buat beberapa waktu.’

Dalam sekelip mata Elimas merasa kabus gelap menyelaputi matanya. Dia pun berjalan teraba-
raba mencari orang yang dapat memimpinnya. [12] Apabila pemerintah itu melihat apa yang terjadi, dia
pun mempercayai Isa dan amat kagum akan pengajaran Tuhan.

Di Pisidia

[13] Paulus dan rakan-rakannya belayar dari Pafos ke kota Perga di tanah Pamfilia. Dari situ Yahya
meninggalkan mereka lalu pulang ke Baitulmaqdis. [14] Yang lain meneruskan perjalanan dari Perga ke
kota Antiokhia di Pisidia. Pada hari Sabat mereka masuk ke rumah ibadat lalu duduk di
situ. [15] Selepas pembacaan Taurat Musa dan Surah Nabi-nabi, ketua-ketua saumaah itu menghantar
orang berkata kepada kedua-dua rasul itu, ‘Saudara-saudara, sekiranya ada sesuatu nasihat untuk
menggalakkan orang di sini, silalah sampaikan.’

[16] Paulus bangkit, memberikan isyarat lalu berkata, ‘Saudara-saudara orang Israel dan sekalian
yang taat kepada Allah, dengarlah! [17] Allah, Tuhan umat Israel, telah memilih nenek moyang kita
untuk dijadikan bangsa besar, ketika mereka tinggal menumpang di Mesir. Allah membawa mereka
keluar dari Mesir dengan kuasa-Nya. [18] Selama empat puluh tahun di gurun, Dia bersabar dengan
kelakuan mereka. [19] Dia membinasakan tujuh bangsa di tanah Kanaan dan menjadikan kawasan itu

kepunyaan umat-Nya. [20] Segala ini berlaku selama 450 tahun.

‘Selepas itu Allah mengurniai mereka hakim-hakim sampai ke zaman Nabi Samuel. [21] Kemudian mereka memohonkan seorang Raja lalu Allah memberi mereka Saul anak Kis daripada suku Benyamin sebagai raja mereka selama empat puluh tahun. [22] Setelah Allah memecatnya daripada takhtanya, Allah memberi mereka Daud pula sebagai raja. Allah berfirman tentang Daud, “Aku mendapati Daud, anak Isai, seorang yang menyenangkan hati-Ku; dia akan melakukan segala yang Kuingini.”

[23] ‘Dari keturunan Daud inilah Allah membangkitkan Isa, seorang Penyelamat bagi umat Israel sebagaimana telah dijanjikan-Nya. [24] Sebelum Isa memulakan tugas-Nya, Yahya menyeru supaya semua orang Israel bertaubat daripada dosa dan diimadkan. [25] Ketika tugas Yahya hampir selesai, dia berkata kepada orang ramai, “Siapakah aku ini pada sangkaanmu? Aku bukanlah Dia yang kamu nanti-nantikan itu. Dia akan datang kemudian, dan aku ini tidak layak membuka kasut-Nya pun.”

[26] ‘Hai saudara-saudara keturunan Ibrahim, dan semua yang takut akan Allah! Kepada kitalah Allah telah menyampaikan berita penyelamatan itu. [27] Penduduk Baitulmaqdis dan ketua-ketua mereka tidak sedar bahawa Penyelamat itu ialah Isa. Mereka tidak memahami ajaran nabi-nabi yang dibacakan setiap hari Sabat, maka mereka menghukum Isa. Dengan tindakan mereka itu, segala yang telah dinubuatkan oleh nabi-nabi menjadi kenyataan. [28] Walaupun mereka tidak ada apa-apa asas untuk menjatuhkan hukuman bunuh kepada Isa, mereka mendesak Pilatus menjatuhkan hukuman itu ke atas-Nya. [29] Setelah mereka melakukan segala yang tersurat di dalam Kitab Suci tentang-Nya, mereka menurunkan jenazah-Nya dari salib dan meletakkannya di dalam makam. [30] Akan tetapi Allah membangkitkan-Nya daripada kematian. [31] Selepas itu selama beberapa hari Dia menampakkan diri-Nya kepada mereka yang dahulu mengiringi-Nya dalam perjalanan dari Galilea ke Baitulmaqdis. Kini mereka itu menjadi saksi bagi-Nya kepada umat Israel.

[32] ‘Dengan demikian kami datang ke sini untuk menyampaikan berita baik ini kepada kamu. [33] Allah telah melaksanakan untuk kita apa yang dijanjikan-Nya kepada nenek moyang kita, dengan membangkitkan Isa daripada kematian, sebagaimana yang tersurat di dalam Zabur bab dua:

‘ “Engkaulah Putera-Ku;

pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.”

[34] Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian. Dia tidak akan mati lagi. Tentang ini Allah berfirman:

‘ “Aku akan memberkati-Mu

dengan berkat yang suci,

sebagaimana telah Kujanjikan

kepada Daud.”

[35] Dalam suatu ayat lagi firman-Nya:

‘ “Engkau tidak akan membiarkan

Hamba-Mu yang setia itu reput di

dalam kubur.”

[36] ‘Daud melakukan suruhan Allah ketika dia hidup. Apabila dia wafat dia dimakamkan di sisi nenek moyangnya dan jasadnya reput. [37] Namun, ini tidak terjadi kepada Dia yang dibangkitkan Allah daripada kematian.

[38] ‘Oleh itu, ketahuilah saudara-saudara, melalui Isa berita pengampunan dosa disampaikan kepada saudara sekalian. [39] Setiap orang yang percaya kepada-Nya diampunkan segala dosanya yang tidak dapat diampunkan melalui Taurat Musa. [40] Berhati-hatilah, supaya apa yang telah disebutkan oleh nabi-nabi tidak menimpa saudara sekalian:

[41] ‘ “Dengarlah hai orang yang

menghina Allah!

Kamu akan terkejut dan punah!

Apa yang Kulakukan kini

tidak akan kamu percayai,

walaupun diterangkan kepadamu!” ’

42 Apabila Paulus dan Barnabas hendak meninggalkan rumah ibadat itu, orang Yahudi meminta
mereka datang lagi pada hari Sabat berikutnya untuk meneruskan penerangan mereka tentang hal-hal
tersebut. 43 Setelah bersurai perhimpunan di rumah ibadat itu, ramai orang Yahudi mahupun orang
bangsa lain yang telah memeluk agama Yahudi mengikut Paulus dan Barnabas. Kedua-dua rasul itu
menasihati mereka supaya sentiasa hidup berpegang teguh kepada kasih kurnia Allah.

44 Pada hari Sabat berikutnya, hampir seluruh penduduk kota itu berhimpun mendengar firman
Allah. 45 Setelah dilihat oleh orang Yahudi betapa ramainya orang datang itu, timbullah hasad dengki
dalam hati mereka lalu mereka membangkang kata-kata Paulus serta mencelanya.

46 Namun demikian, Paulus dan Barnabas bercakap dengan berani. Mereka berkata, ‘Memang
seharusnya firman Allah disampaikan kepada kamu terlebih dahulu. Akan tetapi disebabkan kamu
menolak firman-Nya dan menganggap dirimu tidak layak menerima hidup kekal, kami berpaling
daripadamu dan pergi kepada bangsa asing. 47 Inilah perintah Tuhan kepada kami:

‘ “Aku telah menetapkan bahawa

kamu menjadi cahaya kepada semua bangsa asing,

dan melalui-Mu Allah akan menyelamatkan

seluruh dunia.” ’

48 Orang bangsa asing bersukacita dan memuji firman Allah setelah mendengar kata-kata itu. Mereka
yang dipilih Allah untuk menerima hidup kekal pun percayalah kepada Isa.

49 Firman Tuhan tersebar di serata daerah itu. 50 Orang Yahudi menghasut orang yang berkuasa
di kota itu dan wanita-wanita terkemuka bangsa asing yang takut akan Allah. Mereka mula
menganiaya Paulus dan Barnabas lalu mengusir kedua-duanya dari daerah tersebut. 51 Rasul-rasul itu
pun mengebaskan debu dari kaki mereka sebagai bantahan terhadap orang di situ lalu pergi ke
Ikonium. 52 Bagaimanapun, para pengikut Isa amat bergembira dan dipenuhi Roh Suci.

14 *Penganiayaan terhadap Paulus dan Barnabas*

1 Di Ikonium, Paulus dan Barnabas juga masuk ke saumaah dan kata-kata mereka begitu berkesan
sehingga ramai orang Yahudi dan orang Yunani percaya kepada Isa. 2 Akan tetapi orang Yahudi yang
tidak mahu percaya kepada Isa menghasut orang bangsa lain sehingga mereka marah dan
menentang pengikut Isa. 3 Rasul-rasul itu tinggal lama di situ dan berkata-kata dengan berani tentang
Tuhan. Tuhan pun menunjukkan kebenaran kata-kata mereka tentang kasih kurnia-Nya dengan
memberi mereka kuasa melakukan pelbagai alamat dan mukjizat. 4 Penduduk bandar itu terbahagi
dua: sebahagian memihak kepada orang Yahudi dan yang sebahagian lagi kepada rasul-rasul
itu. 5 Kemudian orang Yahudi dan bangsa lain serta ketua-ketua mereka berpakat untuk menganiaya
dan merejam rasul-rasul itu. 6 Apabila rasul-rasul itu mendapat tahu tentang hal itu, mereka lari ke
Listra dan Derbe, kota-kota di Likaonia, serta daerah sekitarnya. 7 Di situ mereka menyampaikan
berita baik.

Di Listra dan Derbe

8 Di Listra ada seorang lelaki yang lumpuh kakinya sejak lahir dan tidak pernah berjalan. 9 Dia
duduk mendengar kata-kata Paulus. Pada pandangan Paulus orang itu dapat disembuhkan kerana
dia mempunyai iman. 10 Oleh yang demikian Paulus merenungnya sambil bersuara lantang,
‘Bangunlah berdiri tegak!’ Lalu orang itu melompat berdiri dan mula berjalan.

11 Orang ramai melihat apa yang dilakukan oleh Paulus itu lalu berseru dalam bahasa Likaonia,
‘Lihatlah, dewa-dewa telah menjelma sebagai manusia dan turun ke dunia.’ 12 Dengan demikian
Barnabas dipanggil mereka ‘Zeus’ dan Paulus disebut ‘Hermes’ kerana dia yang terutama
bercakap. 13 Imam Dewa Zeus, yang rumah berhalanya di luar kota, datang membawa lembu jantan
dan kalungan bunga ke pintu gerbang untuk dijadikan korban persembahannya dan orang ramai
kepada rasul-rasul itu.

14 Apabila Barnabas dan Paulus mendengar apa yang hendak dilakukan oleh orang di situ,
mereka mengoyak-ngoyakkan pakaian dan berlari ke tengah-tengah orang ramai sambil

berseru, [15] ‘Mengapa kamu berbuat begini? Kami manusia biasa seperti kamu sekalian! Kami datang membawa berita baik supaya kamu berhenti daripada pemujaan yang sia-sia ini dan datang kepada Allah yang hidup, yang menjadikan langit, bumi dan laut serta segala yang di dalamnya. [16] Pada zaman silam, Allah membiarkan manusia mengikut jalan masing-masing. [17] Namun, Allah sentiasa memberikan kesaksian tentang diri-Nya dengan kebaikan yang dilakukan-Nya. Dia mengurniaimu hujan dari langit dan hasil dari bumi menurut musimnya. Dia mengurniaimu makanan dan kegembiraan.’ [18] Sungguhpun rasul-rasul itu berkata begitu, sukar juga mereka menghalang orang ramai mempersembahkan korban kepada mereka.

[19] Setelah itu beberapa orang Yahudi dari Antiokhia dan Ikonium mempengaruhi orang ramai sehingga berpihak kepada mereka. Mereka merejam Paulus, kemudian menyeretnya ke luar kota, dengan sangkaan dia sudah mati. [20] Akan tetapi apabila pengikut Isa mengelilinginya, dia bangun lalu masuk semula ke dalam kota. Esoknya dia keluar pergi ke Derbe bersama Barnabas.

Kembali ke Antiokhia

[21] Setelah menyebarkan berita baik kepada semua penduduk dan membawa beberapa orang menjadi pengikut Isa, kedua-duanya kembali ke Listra, ke Ikonium dan Antiokhia. [22] Di sana mereka menguatkan hati para pengikut Isa dan mengingatkan mereka supaya berpegang teguh kepada kepercayaan mereka, katanya, ‘Memang tidak dapat dielakkan bahawa kita masuk ke dalam kerajaan Allah dengan menanggung banyak kesusahan.’ [23] Setelah menetapkan para tua-tua bagi setiap jemaah dan berdoa serta berpuasa, mereka menyerahkan mereka kepada Tuhan yang sudahpun dipercayai oleh mereka. [24] Setelah melalui tanah Pisidia, rasul-rasul itu sampai ke tanah Pamfilia. [25] Mereka menyampaikan firman Allah di Perga, kemudian pergi ke Atalia.

[26] Dari sana mereka belayar ke Antiokhia, tempat mereka dahulunya menyerahkan tugas yang baru mereka selesaikan kepada kasih kurnia Allah. [27] Setelah sampai di sana, mereka menghimpunkan jemaah lalu menceritakan segala yang telah dilakukan Allah melalui mereka dan bagaimana Allah telah membukakan pintu kepercayaan bagi orang bangsa asing. [28] Mereka tinggal di situ beberapa lama bersama pengikut Isa yang lain.

15 *Persidangan di Baitulmaqdis*

[1] Kemudian, beberapa orang datang dari Yudea dan mengajar pengikut Isa di Antiokhia, ‘Jika kamu tidak disunat menurut adat Musa, kamu tidak akan mendapat penyelamatan.’ [2] Ini menyebabkan Paulus dan Barnabas banyak berbahas dan berbantah dengan orang dari Yudea itu. Akhirnya diputuskan bahawa Paulus dan Barnabas serta beberapa orang lain pergi ke Baitulmaqdis berjumpa dengan para rasul dan tua-tua untuk bertanyakan persoalan tersebut. [3] Jemaah menghantar mereka sampai ke luar kota. Semasa mereka meneruskan perjalanan melalui Fenisia dan Samaria, mereka memberitahu bagaimana orang bangsa asing telah percaya kepada Isa. Pengikut-pengikut Isa di situ amat sukacita mendengarnya. [4] Setelah sampai ke Baitulmaqdis, jemaah dan para rasul serta tua-tua menyambut mereka. Mereka pun menceritakan segala perkara yang telah dilakukan Allah melalui mereka.

[5] Akan tetapi beberapa orang daripada mazhab Farisi yang telah mempercayai Isa bangkit lalu berkata, ‘Orang bangsa asing itu haruslah disunat dan wajib menurut Taurat Musa.’

[6] Para rasul dan tua-tua berkumpul untuk menyelidik serta membincangkan perkara itu. [7] Setelah perkara itu banyak dibincangkan, Petrus berdiri lalu berkata, ‘Saudara-saudara semuanya tahu bahawa Allah telah memilihku sejak dahulu kala dari kalangan kita semua untuk menyampaikan firman-Nya tentang berita baik kepada bangsa asing, lalu mereka percaya. [8] Allah yang mengetahui hati manusia telah bersaksi akan mereka itu dan memberi mereka Roh Suci sebagaimana diberi-Nya kepada kita. [9] Allah tidak membezakan mereka dengan kita sedikit pun. Dia menyucikan hati mereka kerana iman mereka. [10] Sekarang ini mengapa saudara-saudara menduga Allah dengan meletakkan ke atas mereka suatu beban yang tidak dapat ditanggung oleh nenek moyang kita, malah oleh kita ini juga? [11] Kami percaya hanya dengan kasih kurnia Junjungan Isa dapat kita berharap untuk diselamatkan, samalah seperti orang bangsa asing itu.’

[12] Orang ramai pun diam lalu mendengar Barnabas dan Paulus menceritakan segala alamat dan mukjizat yang dilakukan Allah di kalangan bangsa asing melalui mereka berdua. [13] Setelah mereka habis bercerita, Yakobus pula berkata, ‘Saudara-saudara, dengarlah. [14] Simon telah menceritakan

bagaimana Allah pada mulanya menunjukkan kasih-Nya kepada orang bangsa asing dan memilih dari kalangan mereka suatu kaum untuk menjadi umat-Nya. 15 Hal ini selaras dengan nubuat nabi-nabi yang tersurat:

16 ‘ “Setelah itu Aku akan kembali
dan membina semula khemah Daud yang roboh;
dan segala keruntuhannya akan Kubangunkan,
lalu Kutegakkan semula,
17 supaya semua bangsa yang lain akan mencari Tuhan,
bangsa asing yang Kupanggil
menjadi umat-Ku.”
18 Demikianlah firman Tuhan yang telah melakukan semua ini dan
yang telah menyatakannya sejak
dahulu kala.

19 ‘Oleh itu pada fikiranku janganlah kita menyusahkan orang bangsa asing yang telah mempercayai Allah; 20 tetapi hendaklah kita berkirim surat kepada mereka dan menasihati mereka supaya menjauhkan diri daripada memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, binatang yang mati dicekik, dan darah; dan daripada melakukan zina. 21 Sejak dahulu kala dalam setiap negara ada orang yang menyebarkan berita tentang Musa dan membaca Tauratnya di saumaah-saumaah pada hari Sabat.’

Surat kepada jemaah bukan Yahudi

22 Selepas itu, para rasul dan tua-tua serta seluruh jemaah bersetuju memilih beberapa orang di antara mereka untuk ke Antiokhia bersama Paulus dan Barnabas. Orang yang dipilih itu ialah Yudas yang bergelar Barsabas, dan juga Silas, yang mengetuai saudara-saudara itu. 23 Mereka diamanahkan membawa sepucuk surat yang berbunyi:

‘Salam daripada para rasul, tua-tua jemaah dan saudara-saudaramu kepada saudara-saudara bukan Yahudi yang tinggal di Antiokhia, Siria dan Kilikia.

24 Kami telah mendengar khabar bahawa ada beberapa orang daripada bangsa kami telah mengganggu saudara-saudara dengan kata-kata yang bukan daripada kami. 25 Oleh itu kami bermuafakat hendak memilih orang untuk pergi bertemu dengan saudara-saudara bersama Barnabas dan Paulus yang kami kasihi, 26 iaitu orang yang telah mempertaruhkan nyawa kerana nama Junjungan kita Isa al-Masih. 27 Kami telah memilih Yudas dan Silas untuk pergi menyampaikan kepada saudara-saudara 28 pesan daripada Roh Suci dan daripada kami: iaitu janganlah diletakkan ke atas saudara-saudara beban yang lebih berat daripada yang perlu. 29 Cuma, jauhkanlah diri daripada memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, binatang yang mati dicekik, dan darah; dan daripada melakukan zina. Jika saudara-saudara memeliharakan diri daripada segala ini, saudara-saudara melakukan hal yang betul.

Sekian, selamat sejahtera.’

30 Mereka yang diutus itu bertolak ke Antiokhia. Di sana mereka menghimpunkan jemaah dan menyampaikan surat. 31 Apabila jemaah membaca surat itu, mereka bersukacita kerana surat itu memberi perangsang kepada mereka. 32 Yudas dan Silas itu kedua-duanya nabi. Mereka menasihati dan menetapkan hati saudara-saudara seiman di situ. 33 Setelah Yudas dan Silas tinggal di situ, jemaah melepaskan mereka untuk pulang dengan sejahtera kepada orang yang mengutus mereka. 34 Akan tetapi Silas memutuskan untuk tetap tinggal di Antiokhia. 35 Paulus dan Barnabas tinggal di situ beberapa lama sambil mengajar dan menyampaikan firman Tuhan bersama ramai orang lain.

Paulus dan Barnabas berpisah

36 Kemudian, Paulus berkata kepada Barnabas, ‘Sekarang baiklah kita melawat semula saudara-saudara yang percaya kepada Isa di semua kota yang telah kita sampaikan firman Tuhan, untuk melihat bagaimana hal mereka.’ 37 Barnabas hendak membawa Yahya yang juga bergelar

Markus [38] tetapi Paulus tidak bersetuju kerana Markus telah meninggalkan mereka di Pamfilia dan
tidak ikut serta menjalankan tugas. [39] Oleh itu timbul perselisihan sengit dan mereka berpisah:
Barnabas membawa Markus belayar ke Siprus [40] manakala Paulus memilih Silas sebagai teman
seperjalanannya. Setelah jemaah menyerahkan mereka kepada kasih kurnia Tuhan, mereka pun
berangkat. [41] Mereka menjelajahi Siria dan Kilikia sambil menetapkan hati jemaah di situ.

16 *Timotius menyertai Paulus dan Silas*

[1] Paulus meneruskan perjalanan ke Derbe dan dari situ ke Listra. Di situ ada seorang pengikut Isa
bernama Timotius, ibunya orang Yahudi yang percaya kepada Isa tetapi bapanya orang
Yunani. [2] Timotius dipandang tinggi oleh para pengikut Isa di Listra dan di Ikonium. [3] Paulus hendak
membawa Timotius bersamanya. Dia pun menyunatkan Timotius kerana semua orang Yahudi di
daerah itu tahu bapanya orang Yunani. [4] Di setiap kota yang dikunjungi, mereka menyampaikan
peraturan yang telah ditetapkan oleh para rasul dan ketua-ketua di Baitulmaqdis kepada jemaah di
situ untuk dipatuhi. [5] Dengan demikian setiap jemaah semakin teguh imannya dan setiap hari bilangan
mereka meningkat.

Paulus melihat suatu penglihatan

[6] Mereka menjelajahi pula Frigia dan Galatia, kerana Roh Suci melarang mereka menyampaikan
firman Allah di Asia. [7] Setelah sampai di sempadan Misia, mereka mencuba masuk ke Bitinia, tetapi
dilarang oleh Roh Isa. [8] Oleh itu mereka terus ke Troas melalui Misia. [9] Pada malam itu Paulus
mendapat suatu penglihatan: seorang Makedonia berdiri di hadapannya sambil memohon, ‘Marilah ke
Makedonia menolong kami.’ [10] Setelah Paulus melihat penglihatan itu, kami pun hendak segera
bertolak ke Makedonia, kerana pada hemat kami Allah memerintahkan kami menyampaikan berita
baik kepada orang di situ.

Paulus di Filipi

[11] Oleh yang demikian, kami belayar dari Troas terus ke Samotrake dan esoknya ke
Neapolis; [12] dan dari situ ke Filipi, sebuah kota di Makedonia, yang termasuk jajahan Empayar Rom;
kami tinggal beberapa hari di situ.

[13] Pada hari Sabat kami pergi ke luar pintu gerbang kota ke tepi sungai, kerana di situ kami
jangka ada tempat orang berdoa. Kami duduk bercakap dengan perempuan yang berhimpun di
situ. [14] Salah seorang yang mendengar kami bercakap ialah seorang perempuan bernama Lidia, yang
berjual kain ungu dan berasal dari Tiatira. Dia penyembah Allah. Tuhan membukakan hatinya lalu dia
menerima segala yang dikatakan oleh Paulus. [15] Setelah dia dan seisi rumahnya diimadkan, dia
berkata, ‘Jika pada hemat kamu, aku ini benar-benar percaya akan Junjungan, marilah tinggal di
rumahku.’ Demikian dia bersungguh-sungguh mengajak kami ke rumahnya.

Paulus dan Silas di penjara

[16] Di tempat orang berdoa itu juga ada seorang hamba perempuan yang dirasuk roh penilik; dia
membawa keuntungan yang besar kepada tuan-tuannya dengan tilikannya itu. [17] Hamba perempuan
itu mengikut Paulus dan kami sambil berseru-seru, ‘Orang ini hamba Allah Yang Maha Tinggi; mereka
memberitahu kamu bagaimana Allah dapat menyelamatkan kamu!’ [18] Demikianlah dilakukannya
selama beberapa hari. Akhirnya Paulus gusar dan berpaling sambil berkata kepada roh itu, ‘Dengan
nama Isa al-Masih aku perintahkan kamu keluar daripadanya!’ Roh itu pun keluar serta-merta.

[19] Apabila tuan-tuan budak perempuan itu sedar bahawa sumber keuntungan mereka telah
dihapuskan, mereka menangkap Paulus dan Silas lalu menyeret mereka ke hadapan pihak berkuasa
di medan kota. [20] Mereka menghadapkan Paulus dan Silas kepada pegawai-pegawai kerajaan Rom
dan berkata, ‘Mereka berdua ini membuat kacau di kota kita. Mereka orang Yahudi [21] dan mereka
menyebarkan ajaran yang tidak patut kita terima atau ikut kerana kita ini orang Rom.’

[22] Orang ramai pun bangkit menentang Paulus dan Silas. Pegawai-pegawai melucutkan pakaian
kedua-duanya dan mengarahkan supaya mereka disebat. [23] Setelah disebat beberapa kali, kedua-
duanya dimasukkan ke dalam penjara; ketua penjara itu diberi arahan mengawal mereka dengan
ketat. [24] Oleh itu, ketua penjara memasukkan Paulus dan Silas ke bahagian penjara yang di dalam
sekali serta membelenggu kaki mereka.

[25] Namun demikian, pada waktu tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan memuji Allah.

Sekalian yang terpenjara itu mendengar doa dan pujian mereka. [26] Tiba-tiba berlaku gempa bumi yang besar, sehingga bergoncang asas penjara itu. Serta-merta semua pintu penjara terbuka dan belenggu semua orang yang terpenjara itu terlucut. [27] Apabila ketua penjara terjaga daripada tidur dan melihat semua pintu penjara itu terbuka, dia menghunus pedang hendak membunuh diri, kerana sangkanya semua orang yang terpenjara telah lepas lari. [28] Akan tetapi Paulus berseru dengan lantang, 'Jangan apa-apakan dirimu, kami semua ada di sini.'

[29] Ketua penjara meminta pelita lalu berlari masuk serta sujud dengan gementar di hadapan Paulus dan Silas. [30] Kemudian dia membawa mereka keluar lalu berkata, 'Tuan-tuan, apakah yang patut aku lakukan supaya diselamatkan?'

[31] Mereka menjawab, 'Percayalah kepada Junjungan Isa, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan seisi rumahmu.' [32] Mereka pun menyampaikan firman Tuhan kepadanya dan seisi rumahnya. [33] Pada malam itu juga ketua penjara membasuhkan luka-luka Paulus dan Silas. Dia dan seisi rumahnya diimadkan. [34] Selepas itu dia membawa Paulus dan Silas naik ke rumahnya serta menghidangkan makanan untuk mereka dengan amat sukacita kerana dia sekeluarga telah percaya kepada Allah.

[35] Setelah hari siang, pegawai-pegawai kerajaan Rom menghantar anggota polis untuk menyampaikan perintah membebaskan Paulus dan Silas. [36] Ketua penjara memberitahu mereka tentang perintah itu, 'Pegawai-pegawai menyuruh tuan-tuan dibebaskan. Oleh itu keluarlah dan pergilah dengan sejahtera.'

[37] Akan tetapi Paulus berkata, 'Mereka telah menyebat kami di hadapan orang ramai tanpa menyiasat, sungguhpun kami orang Rom. Mereka telah memasukkan kami ke dalam penjara. Sekarang mereka hendak membebaskan kami senyap-senyap? Tidak boleh begitu! Hendaklah mereka sendiri datang membawa kami keluar.'

[38] Kata-kata Paulus itu disampaikan oleh anggota polis kepada pegawai-pegawai itu. Apabila mendengar bahawa Paulus dan Silas orang Rom, pegawai-pegawai itu pun takut [39] lalu datang memujuk mereka, membawa mereka keluar dan meminta mereka meninggalkan kota itu. [40] Paulus dan Silas keluar dari penjara lalu pergi ke rumah Lidia. Setelah bertemu dengan pengikut-pengikut Isa di situ dan menetapkan hati mereka, Paulus dan Silas pun meneruskan perjalanan.

17 *Paulus di Tesalonika*

[1] Paulus dan Silas melalui Amfipolis dan Apolonia lalu sampai di Tesalonika. Di situ ada saumaah. [2] Seperti biasa, Paulus masuk dan berbincang dengan orang di situ tiga hari Sabat berturut-turut tentang ayat-ayat Kitab Suci. [3] Dia menyatakan dan menunjukkan bahawa al-Masih mengalami kematian dan kemudian bangkit daripada kematian; juga katanya, 'Isa yang kusebutkan kepadamu inilah al-Masih.' [4] Beberapa orang di situ percaya lalu bersahabat dengan Paulus dan Silas; antara mereka terdapat sebilangan besar orang Yunani yang taat akan Allah serta cukup ramai wanita yang terkemuka.

[5] Tetapi orang Yahudi berasa dengki lalu mengumpulkan orang jahat dan memulakan huru-hara di kota itu; mereka menyerang rumah Yason untuk membawa keluar rasul-rasul itu menghadap orang ramai. [6] Apabila mereka tidak menemui Paulus dan Silas, mereka menyeret Yason dan beberapa orang lagi pengikut Isa ke hadapan pegawai-pegawai yang berkuasa sambil berseru, 'Orang ini telah menimbulkan kekacauan di merata-rata dan sekarang mereka datang pula ke sini [7] lalu dialu-alukan oleh Yason ke rumahnya. Mereka ini melanggar undang-undang Kaisar Rom dengan mengatakan ada orang lain yang menjadi raja, bernama Isa.' [8] Apabila orang ramai dan pegawai kerajaan mendengar kata-kata itu, mereka pun gempar. [9] Mereka menerima ikat jamin untuk Yason dan yang lain lalu membenarkan mereka pergi.

Di Beria

[10] Para pengikut Isa itu segera menyuruh Paulus dan Silas bertolak ke Beria pada waktu malam. Setelah sampai di sana, mereka masuk ke saumaah. [11] Orang Yahudi di situ lebih mulia rohaninya daripada yang di Tesalonika kerana mereka menerima firman Allah dengan amat sukacita dan menyelidik Kitab Suci untuk memastikan setiap kebenaran yang dikatakan Paulus. [12] Oleh yang demikian ramailah di antara mereka yang percaya, baik wanita-wanita Yunani yang berkedudukan tinggi mahupun kaum lelaki.

[13] Akan tetapi apabila orang Yahudi di Tesalonika mendapat tahu bahawa Paulus menyebarkan

firman Allah di Beria juga, mereka pergi menghasut dan mengapi-apikan orang di situ supaya
merusuh. 14 Para pengikut Isa di Beria segera menyuruh hantar Paulus ke pantai manakala Silas dan
Timotius masih di Beria. 15 Orang yang menghantar Paulus itu membawanya hingga ke Atena; setelah
menerima pesan Paulus menyuruh Silas dan Timotius segera menyertainya, orang itu pun pulang ke
Beria.

Di Atena

16 Sementara Paulus menantikan kedua-duanya di Atena, dia berasa amat sedih melihat kota itu
penuh dengan berhala. 17 Oleh itu, dia berhujah di saumaah dengan orang Yahudi dan orang Yunani
yang taat akan Allah; dan di medan kota juga dia berbincang dengan siapa sahaja yang
ditemuinya. 18 Beberapa orang yang berpegang kepada ajaran Epikuros dan Stoa berhujah
dengannya. Ada yang berkata, 'Apa yang dibebelkannya itu?' Yang lain berkata, 'Nampaknya orang
ini menyebarkan berita tentang dewa-dewa orang bangsa asing.' Demikianlah kata mereka kerana
Paulus menyebarkan berita baik tentang Isa dan kebangkitan daripada kematian. 19 Mereka
membawanya ke Areopagus sambil berkata, 'Bolehkah kami mengetahui apakah ajaran baru yang
kamu katakan ini? 20 Kamu menyampaikan ke telinga kami perkara-perkara yang aneh; oleh itu kami
hendak mengetahui ertinya segala perkara ini.' 21 (Semua orang Atena dan orang asing di situ asyik
sekali membincangkan atau mendengar tentang perkara-perkara terbaru).

22 Paulus berdiri di tengah Areopagus itu lalu berkata, 'Saudara-saudara orang Atena, aku lihat
dalam semua hal saudara-saudara sentiasa ingat menyembah tuhan. 23 Sedang aku berjalan-jalan
sambil memerhatikan apa yang saudara-saudara sembah, di suatu tempat aku dapati suatu tempat
korban yang ditulis begini: "Kepada Tuhan yang tidak diketahui." Tuhan yang saudara-saudara
sembah tanpa mengetahui-Nya itulah yang hendak aku nyatakan kepada saudara-saudara.

24 'Allah yang menjadikan dunia dengan segala isinya serta memerintah langit dan bumi tidak
tinggal di tempat sembahyang buatan manusia, 25 dan tidak dilayani oleh manusia kerana Dia tidak
kekurangan apa-apa. Malah Dialah yang memberi manusia hidup dan nafas serta segala-
galanya. 26 Daripada seorang manusia Dia menjadikan semua bangsa manusia yang menduduki
seluruh muka bumi; Dia juga menetapkan masa dan tempat mereka hidup. 27 Masing-masing diharap
mencari Tuhan, mudah-mudahan mereka menemui-Nya. Dia tidaklah jauh daripada kita. 28 "Kerana-
Nya kita bergerak serta ada di dunia ini." Sebagaimana kata penyair bangsamu, "Kita adalah anak-
Nya."

29 'Oleh sebab kita anak-Nya, tidak patut kita sangka Dia serupa dengan emas, perak atau batu
yang diukir dengan kepandaian dan akal manusia. 30 Allah membiarkan manusia melalui zaman
kejahilan itu; tetapi sekarang Dia menyuruh manusia di seluruh dunia ini bertaubat; 31 kerana Dia telah
menetapkan bahawa pada suatu hari seisi dunia ini akan dihakimkan dengan adil oleh seorang yang
ditentukan-Nya. Allah bersaksi akan hal ini kepada semua manusia dengan membangkitkan-Nya
daripada kematian.'

32 Apabila mendengar 'membangkitkan-Nya daripada kematian', ada yang mengejek-ejek; tetapi
ada yang berkata, 'Kami mahu mendengar lagi kamu bercakap tentang perkara itu.' 33 Selepas itu
Paulus keluar daripada perhimpunan itu. 34 Namun, ada beberapa orang yang menjadi pengikut
Paulus dan percaya akan kata-katanya; di antaranya ialah Dionisius anggota Areopagus, dan seorang
wanita bernama Damaris, serta beberapa orang lagi.

18 *Paulus di Korintus*

1 Seterusnya, Paulus berangkat dari Atena ke Korintus. 2 Apabila tiba di situ, dia bertemu dengan
seorang Yahudi bernama Akwila, yang lahir di kota Pontus. Dia baru datang dari Itali dengan isterinya
Priskila, kerana Klaudius telah menitahkan semua orang Yahudi keluar dari Rom. Paulus pergi
menemui mereka 3 lalu tinggal dan bekerja bersama mereka kerana mata pencarian mereka sama
iaitu sebagai tukang khemah. 4 Pada setiap hari Sabat, Paulus berhujah di saumaah untuk
meyakinkan orang Yahudi dan juga orang Yunani menjadi pengikut Isa.

5 Setelah Silas dan Timotius sampai di situ dari Makedonia, Paulus menumpukan masa kepada
usaha menyampaikan firman Allah serta memberikan kesaksian kepada orang Yahudi bahawa Isa
itulah al-Masih. 6 Akan tetapi mereka menentang dan mencelanya; maka Paulus mengebaskan debu
daripada pakaiannya lalu berkata, 'Jika kamu musnah, kamu sendirilah yang bertanggungjawab, aku
tidak salah, aku bersih. Dari sekarang aku hendak pergi kepada orang bangsa asing.'

[7] Paulus pun berpindah ke rumah Titus Yustus, seorang yang menyembah Allah; rumahnya
bersebelahan dengan saumaah. [8] Krispus, ketua saumaah itu, serta seisi rumahnya, percaya kepada
Junjungan Isa; ramai lagi orang Korintus turut mendengar dan percaya lalu diimadkan.

[9] Pada suatu malam Tuhan berfirman kepada Paulus dalam satu penglihatan, ‘Jangan takut,
berkata-katalah terus dan jangan berhenti, [10] kerana Aku menyertaimu. Tiada seorang pun akan dapat
mencederakanmu, kerana ramai orang di kota ini umat-Ku.’ [11] Paulus tinggal di situ setahun setengah
sambil menyebarkan firman Allah kepada orang di situ.

[12] Semasa Galio menjadi pemerintah negeri Akhaya, orang Yahudi bangkit dengan sehati
melawan Paulus lalu membawanya ke muka keadilan. [13] Mereka berkata, ‘Orang ini cuba
mempengaruhi orang ramai supaya menyembah Allah dengan cara yang bercanggah dengan hukum
Taurat.’

[14] Apabila Paulus hendak menjawab, Galio berkata, ‘Hai orang Yahudi, jikalau perkara ini tentang
kesalahan atau jenayah, patutlah aku bersabar mendengarnya; [15] tetapi jikalau pertikaianmu tentang
perkataan, nama dan hukummu hendaklah kamu menyelesaikannya sendiri; aku tidak mahu mengadili
perkara yang demikian.’ [16] Lalu Galio mengusir mereka keluar dari tempat pengadilan itu. [17] Kemudian
mereka menangkap Sostenes, ketua saumaah, lalu memukulnya di hadapan tempat pengadilan itu,
tetapi Galio tidak menghiraukannya.

Paulus kembali ke Antiokhia

[18] Paulus tinggal dengan para pengikut Isa di Korintus beberapa hari lagi. Selepas itu dia
meninggalkan mereka lalu belayar bersama Priskila dan Akwila ke Siria. Sebelum bertolak, Paulus
mencukur rambutnya di Kengkrea sebagai menunaikan nazarnya. [19] Apabila mereka sampai di
Efesus, Paulus meninggalkan Priskila dan Akwila di situ. Dia masuk seorang ke saumaah lalu
berbincang dengan orang Yahudi. [20] Ketika mereka memintanya tinggal lebih lama lagi di sana, dia
menolak permintaan itu [21] lalu bermohon diri sambil berkata, ‘Insya-Allah, aku akan kembali bertemu
denganmu.’ Selepas itu dia belayar meninggalkan Efesus. [22] Setelah sampai di Kaisarea, dia naik
memberi salam kepada jemaah, lalu turun ke Antiokhia.

[23] Di sana dia tinggal beberapa lama, kemudian berangkat melawat seluruh daerah Galatia dan
Frigia serta mengukuhkan iman para pengikut Isa di situ.

Apolos di Efesus

[24] Pada masa itu seorang Yahudi bernama Apolos, yang lahir di Iskandaria, pandai berpidato dan
amat memahami Kitab Suci, datang ke Efesus. [25] Dia telah diajar tentang jalan Tuhan, dan dengan
bersungguh-sungguh dia berkata-kata dan mengajarkan ajaran Isa dengan betul, walaupun dia hanya
mengetahui pengimadan Yahya. [26] Dia mula bercakap dengan berani di saumaah. Priskila dan Akwila
mendengar dia bercakap lalu membawanya ke tempat tinggal mereka dan menerangkan jalan Allah
kepadanya dengan lebih betul lagi.

[27] Apabila dia hendak menyeberang ke Akhaya, para pengikut Isa di Efesus membantunya
dengan menulis surat kepada saudara-saudara seiman di Akhaya, supaya mereka menyambut
Apolos. Setibanya di Akhaya, dia banyak menolong orang yang dengan kasih kurnia Allah telah
beriman. [28] Dengan wibawa yang penuh Apolos mengalahkan orang Yahudi dalam perbahasan di
hadapan orang ramai. Dengan memetik ayat-ayat Kitab Suci, dia membuktikan bahawa Isa itu al-
Masih.

19 *Paulus di Efesus*

[1] Sementara Apolos berada di Korintus, Paulus menjelajahi kawasan pedalaman lalu sampai di
Efesus. Di situ dia bertemu dengan beberapa orang pengikut Isa [2] lalu berkata, ‘Adakah kamu
menerima Roh Suci pada waktu kamu percaya kepada Isa?’

Mereka menjawab, ‘Kami belum pernah mendengar pun tentang adanya Roh Suci.’

[3] Paulus bertanya, ‘Kalau begitu, dalam pengimadan apakah kamu diimadkan?’

Kata mereka, ‘Dalam pengimadan Yahya.’

[4] Paulus berkata, ‘Yahya telah mengimadkan orang dengan pengimadan taubat dan berkata
kepada mereka bahawa mereka hendaklah mempercayai Dia yang akan datang selepasnya, iaitu

Isa.' [5] Setelah mereka mendengar penerangan itu, mereka diimadkan dengan nama Junjungan
Isa. [6] Paulus meletakkan tangan di atas mereka lalu datanglah Roh Suci menguasai mereka dan
mereka semuanya bercakap dalam berbagai-bagai bahasa serta bernubuat. [7] Semuanya ada kira-kira
dua belas orang.

[8] Paulus masuk ke saumaah dan bercakap di situ dengan beraninya selama tiga bulan. Dia
berbincang dengan orang di situ dan berusaha meyakinkan mereka tentang kerajaan Allah. [9] Akan
tetapi beberapa orang berkeras hati dan tidak mahu percaya malah memburuk-burukkan Jalan Tuhan
di hadapan orang ramai. Oleh itu Paulus meninggalkan mereka lalu membawa pengikut-pengikut Isa
bersamanya ke dewan syarahan Tiranus dan di situlah dia mengadakan perbincangan. [10] Hal itu
berlaku selama dua tahun, hingga semua penduduk Asia, baik orang Yahudi mahupun orang Yunani,
telah mendengar firman Tuhan.

[11] Allah melakukan mukjizat yang luar biasa melalui Paulus. [12] Sesetengah mereka membawa
pulang sapu tangan atau kain yang pernah dipakai Paulus kepada orang yang sakit lalu mereka
sembuh dan roh-roh iblis yang merasuk mereka keluar dari tubuh mereka.

[13] Beberapa orang Yahudi yang mengamalkan ilmu sihir turut serta menyebut nama Junjungan Isa
untuk mengubat orang yang dirasuk roh-roh iblis, dengan berkata, 'Aku menyumpahi kamu demi Isa
yang dikhabarkan oleh Paulus.' [14] Ada tujuh orang anak Skewa, imam besar orang Yahudi, yang
berbuat demikian. [15] Akan tetapi roh durjana itu menjawab, 'Aku kenal akan Isa, dan tahu akan
Paulus, tetapi kamu ini siapa?' [16] Lalu orang yang dirasuk roh durjana itu menerkam dan mengerjakan
mereka. Mereka pun lari dari dalam rumah itu dalam keadaan telanjang dan luka.

[17] Berita itu tersebar di kalangan orang Yahudi mahupun Yunani di Efesus; mereka ketakutan lalu
nama Junjungan Isa semakin dimuliakan. [18] Ramai orang yang mempercayai Isa datang sambil
mengakui segala perbuatan jahat mereka yang lalu. [19] Beberapa orang yang mengamalkan ilmu sihir
mengumpulkan semua buku sihirnya dan membakarnya di hadapan orang ramai. Semua buku sihir
itu dianggar nilainya kira-kira lima puluh ribu keping wang perak. [20] Demikianlah, firman Tuhan
tersebar luas dan semakin berkuasa.

Rusuhan di Efesus

[21] Setelah selesai peristiwa itu, Paulus berniat dalam hatinya hendak menjelajahi Makedonia dan
Akhaya dan kemudian ke Baitulmaqdis. Dia berkata, 'Selepas itu, aku mesti pergi ke Rom pula.' [22] Dia
pun menyuruh Timotius dan Erastus, dua orang daripada pembantu-pembantunya, pergi dahulu ke
Makedonia, manakala dia tinggal lebih lama di Asia.

[23] Pada masa itu berlaku huru-hara di Efesus kerana ajaran tentang Jalan Tuhan. [24] Seorang
tukang perak bernama Demetrius membuat balai-balai berhala Dewi Artemis daripada perak.
Pekerjaan ini membawa hasil lumayan kepada pekerja-pekerjanya. [25] Dia menghimpunkan para
pekerja serta tukang-tukang yang sama mata pencariannya lalu berkata, 'Saudara-saudara sekalian
tahu bahawa daripada pekerjaan inilah kita mendapat keuntungan. [26] Saudara-saudara juga melihat
dan mendengar bahawa di Efesus ini malah hampir di seluruh Asia, Paulus itu telah mempengaruhi
ramai orang dengan berkata bahawa barang yang diperbuat oleh manusia bukannya dewa. [27] Dengan
demikian, apa yang dikhuatiri bukan saja mata pencarian kita ini dihina, bahkan rumah Artemis, dewi
yang besar itu pun tidak akan diindahkan lagi, lalu hilanglah kebesaran dewi yang disembah orang di
seluruh Asia malah di serata dunia.'

[28] Setelah mendengar kata-kata itu, semua yang hadir naik berang dan berseru, 'Maha besar
Artemis, dewi orang Efesus!' [29] Dengan demikian orang ramai merusuh di kota itu. Mereka
menangkap Gayus dan Aristarkhus, orang Makedonia yang menemani Paulus dalam perjalanannya,
lalu menyeret mereka ke stadium kota itu. [30] Paulus hendak pergi bercakap kepada orang ramai tetapi
para pengikut Isa tidak membenarkannya. [31] Beberapa orang pegawai kerajaan yang bersahabat
dengan Paulus berpesan kepadanya supaya jangan masuk ke stadium itu.

[32] Orang yang berkumpul di situ berseru-seru, sesetengah berkata begini dan sesetengah begitu;
kerana semuanya dalam keadaan kelam-kabut dan sebilangan besar daripada mereka tidak tahu
mengapa mereka berhimpun. [33] Orang Yahudi menolak Iskandar ke hadapan untuk menghadapi orang
ramai. Iskandar memberikan isyarat dengan tangannya kerana dia hendak menjelaskan
segalanya kepada mereka. [34] Akan tetapi apabila mereka mengenalinya sebagai orang Yahudi,
semuanya berseru serentak selama kira-kira dua jam, 'Maha besar Artemis, dewi orang Efesus!'

35 Ketika itu setiausaha kota menyuruh mereka diam lalu berkata, ‘Hai orang Efesus, siapa yang
tidak tahu bahawa orang kota Efesuslah yang memelihara kuil dewi besar Artemis dan patung
sucinya yang turun dari langit? 36 Ini tidak dapat dinafikan. Oleh itu kamu patut bertenang dan jangan
bertindak gopoh-gapah. 37 Kedua-dua orang ini tidak merampas harta tempat berhala dan tidak pula
menghina dewi kita, tetapi kamu membawa mereka ke mari. 38 Jika Demetrius dan tukang-tukang
yang menyertainya itu ada sesuatu yang hendak diadukan tentang sesiapa, kita mempunyai
mahkamah perbicaraan dan hakim; hendaklah mereka mendakwa orang berkenaan di
mahkamah. 39 Jika kamu menuntut perkara lain, hendaklah diselesaikan dalam majlis yang
berpatutan. 40 Oleh sebab apa yang berlaku hari ini, kita akan didakwa menimbulkan huru-hara tanpa
sebab; dan kita tidak dapat memberikan alasan yang wajar untuk membenarkan perhimpunan
ini.’ 41 Selepas itu, setiausaha kota menyuruh perhimpunan itu bersurai.

20 *Paulus melalui Makedonia dan Yunani*

1 Setelah kota itu aman semula, Paulus memanggil para pengikut Isa dan menasihatkan mereka,
kemudian memohon diri lalu bertolak ke Makedonia. 2 Dia menjelajahi seluruh Makedonia sambil
memberi nasihat kepada orang di situ. Kemudian dia tiba di Yunani dan 3 tinggal di sana selama tiga
bulan. Apabila dia hendak belayar ke Siria, dia mendengar bahawa orang Yahudi berpakat hendak
membunuhnya. Oleh itu dia membuat keputusan hendak berangkat melalui Makedonia. 4 Dia diiringi
hingga ke Asia oleh Sopater anak Purrus orang Beria, oleh Aristarkhus dan Sekundus orang
Tesalonika, oleh Gayus orang Derbe, Timotius, dan dua orang dari Asia, Tikhikus dan
Trofimus. 5 Mereka berjalan dahulu, menantikan kami di Troas. 6 Kami belayar dari Filipi selepas
Perayaan Roti Tidak Beragi, lalu menemui mereka di Troas lima hari kemudian. Kami tinggal di situ
selama tujuh hari.

Paulus di Troas

7 Pada hari pertama minggu itu, kami berkumpul untuk memecah-mecahkan roti. Paulus yang
akan belayar esoknya bercakap dengan orang di situ sampai tengah malam. 8 Di dalam bilik atas,
tempat kami berhimpun itu, ada beberapa pelita. 9 Seorang pemuda bernama Eutikhus duduk di
jendela. Dia tertidur sementara Paulus masih bercakap. Oleh sebab lena tidurnya, pemuda itu jatuh
dari tingkat ketiga itu sampai ke bawah. Orang mengangkatnya dan mendapatinya sudah
mati. 10 Paulus turun lalu merebahkan diri ke atas pemuda itu serta memeluknya sambil berkata,
‘Jangan bimbang, kerana ada lagi nyawanya.’ 11 Selepas itu dia naik, membahagikan roti, makan lalu
bertutur sampai dinihari. Kemudian dia pun berangkat. 12 Pemuda itu didapati hidup dan dibawa
pulang ke rumahnya. Mereka semua amat terhibur.

Dari Troas ke Miletus

13 Kami berjalan dulu naik ke kapal lalu belayar ke Asos untuk menyambut Paulus di sana;
demikianlah yang telah dirancangnya, kerana dia sendiri hendak berjalan kaki. 14 Setelah
menyambutnya di Asos, kami mengiringinya ke Metilene. 15 Kami belayar dari sana: Esoknya kami
bertentangan dengan pulau Khios; lusanya kami singgah di Samos; dan tulatnya kami sampai di
Miletus. 16 Paulus telah membuat keputusan untuk belayar melalui Efesus, supaya jangan berlarutan
di Asia; dia hendak cepat, dengan harapan sampai di Baitulmaqdis pada Perayaan Pentakosta.

Perpisahan dengan para tua-tua jemaah di Efesus

17 Dari Miletus Paulus menyuruh orang pergi ke Efesus memanggil tua-tua jemaah di
situ. 18 Apabila mereka datang menemuinya, Paulus berkata, ‘Kamu semua tahu cara hidupku sejak
aku bersamamu, dari hari pertama aku datang ke Asia. 19 Aku telah memperhambakan diri kepada
Tuhan dengan sehabis-habis rendah hati dan dengan air mata. Sudah beberapa cubaan menimpa
diriku akibat pakatan orang Yahudi. 20 Aku tidak pernah menyembunyikan daripadamu sesuatu yang
berfaedah kepadamu. Aku menyatakan segalanya kepadamu dan mengajarmu di khalayak ramai
mahupun di rumah masing-masing, 21 sambil memberikan kesaksian kepada orang Yahudi dan orang
Yunani tentang pertaubatan kepada Allah dan iman akan Junjungan Isa.

22 ‘Sekarang aku pergi ke Baitulmaqdis mentaati perintah Roh Suci sedangkan aku tidak tahu apa
yang akan berlaku kepadaku. 23 Yang kuketahui hanyalah ini: Dari kota ke kota Roh Suci telah
memberikan kesaksian kepadaku dan berkata bahawa penjara dan penderitaan ada lagi menantikan

aku. [24] Tetapi sekali-kali aku tidak mengindahkan soal nyawaku, asalkan aku dapat menyempurnakan
tanggungjawab dan tugas yang kuterima daripada Junjungan Isa iaitu memberikan kesaksian akan
berita baik tentang kasih kurnia Allah.

[25] 'Sekarang ingatlah. Aku tahu bahawa kamu tidak akan memandang mukaku lagi, setelah sekian
lama aku bersamamu dan mengajarmu tentang kerajaan Allah. [26] Oleh itu pada hari ini aku bersaksi
bahawa aku tidak bersalah terhadap penumpahan darah manusia. [27] Aku telah menyatakan kepadamu
seluruh kehendak Allah dengan sepenuh kerelaan. [28] Jagalah dirimu dan semua orang yang telah
diamanahkan oleh Roh Suci kepada kamu untuk memeliharanya seperti gembala memelihara domba,
iaitu jemaah Tuhan yang telah ditebus-Nya dengan darah-Nya sendiri. [29] Aku tahu bahawa
sepeninggalanku nanti, beberapa serigala garang akan masuk menyerang jemaah ini; [30] malah dari
antara kamu sendiri akan bangkit beberapa orang yang memesongkan ajaran yang benar dan
berusaha menarik ahli-ahli jemaah mengikut mereka. [31] Oleh itu berjaga-jagalah, serta ingatlah
bagaimana selama tiga tahun aku tidak berhenti-henti siang malam menasihatkan setiap orang
dengan air mataku.

[32] 'Sekarang aku menyerahkan kamu kepada Allah dan kepada perkhabaran tentang kasih kurnia
Allah, yang berkuasa meneguhkan imanmu dan memberimu warisan yang diperuntukkan bagi seluruh
umat Allah. [33] Aku tidak pernah ingin memiliki emas perak atau pakaian orang. [34] Kamu tahu bahawa
kedua belah tanganku ini telah bekerja untuk mencukupkan sara hidupku dan orang yang
bersamaku. [35] Dalam semua perkara aku telah menunjukkan teladan kepadamu iaitu bagaimana kamu
juga patut bekerja demikian untuk menolong orang yang lemah; dan ingatlah firman Junjungan Isa,
"Memberi itu lebih berkatnya daripada menerima." '

[36] Setelah berkata demikian, Paulus berlutut dan berdoa-doa bersama semua yang
hadir. [37] Semuanya menangis seraya memeluk dan mencium Paulus. [38] Mereka berdukacita
terutamanya kerana dia berkata bahawa mereka tidak akan memandang mukanya lagi. Kemudian
mereka menghantarkannya ke kapal.

21 *Paulus pergi ke Baitulmaqdis*

[1] Setelah berpisah dengan mereka, kami belayar ke Kos, dan esoknya ke Rodos, dan dari sana ke
Patara. [2] Kami mendapati ada sebuah kapal yang hendak menyeberang ke Fenesia. Kami menaikinya
lalu belayar. [3] Setelah kelihatan Kiprus di sebelah kiri, kami terus belayar ke Siria lalu turun di kota
Tirus kerana kapal itu hendak memunggah muatannya di situ. [4] Kami menemui para pengikut Isa lalu
tinggal di kota itu selama tujuh hari. Melalui pimpinan Roh Suci mereka menggesa Paulus supaya
jangan pergi ke Baitulmaqdis. [5] Setelah sampai waktu yang dirancang, kami bertolak dari situ. Semua
pengikut Isa bersama anak isteri menghantarkan kami sampai ke luar kota. Kami semua berlutut di
pantai lalu berdoa dan bersalam-salaman. [6] Selepas itu kami naik ke kapal dan mereka pulang ke
rumah masing-masing.

[7] Dari Tirus kami meneruskan pelayaran ke Ptolemais. Di situ kami memberi salam kepada
saudara-saudara seiman lalu tinggal dengan mereka selama sehari. [8] Esoknya kami pergi ke Kaisarea
lalu masuk ke rumah Filipus, pemberita Injil yang menjadi salah seorang daripada tujuh pembantu
para rasul, lalu kami tinggal dengannya. [9] Dia mempunyai empat orang anak gadis yang belum
berkahwin dan mereka bernubuat.

[10] Setelah kami tinggal di situ beberapa hari, seorang nabi bernama Agabus datang dari
Yudea. [11] Dia mendapatkan kami lalu mengambil tali pinggang Paulus dan mengikat kaki tangannya
sendiri sambil berkata, 'Demikianlah kata Roh Suci, bahawa orang yang mempunyai tali pinggang ini
akan diikat demikian di Baitulmaqdis oleh orang Yahudi dan diserahkan ke tangan orang bangsa
asing.'

[12] Apabila mendengar kata-kata itu, kami dan penduduk kota itu meminta Paulus supaya jangan
pergi ke Baitulmaqdis. [13] Paulus menjawab, 'Mengapa kamu menangis dan menyedihkan hatiku? Aku
bersedia bukan sahaja untuk diikat, malah untuk mati di Baitulmaqdis demi Junjungan Isa.' [14] Oleh
sebab dia tidak mahu mendengar kata kami, kami pun berhenti memujuknya lalu berkata, 'Berlakulah
kehendak Tuhan.'

[15] Selepas itu kami berkemas lalu pergi ke Baitulmaqdis. [16] Beberapa orang pengikut Isa dari
Kaisarea menyertai kami lalu membawa kami berjumpa Menason, orang Siprus, yang sudah lama
percaya akan Isa; di rumahnyalah kami menumpang.

Paulus melawat Yakobus

17 Setelah sampai di Baitulmaqdis, kami disambut oleh saudara-saudara seiman dengan
sukacita. 18 Pada esoknya Paulus bersama kami masuk berjumpa dengan Yakobus; ketua-ketua yang
lain pun ada di situ. 19 Setelah memberi salam kepada mereka, Paulus menceritakan segala yang
telah dilakukannya secara terperinci di kalangan bangsa asing dengan kehendak Allah.

20 Apabila mendengar kisah itu mereka memuji Allah dan berkata kepada Paulus, ‘Saudara,
sebagaimana kamu lihat, ada berpuluh ribu orang Yahudi yang sudah percaya akan Isa dan mereka
itu berpegang teguh kepada Taurat. 21 Ada orang memberitahu mereka bahawa kamu mengajar orang
Yahudi yang tinggal di kalangan orang bangsa asing supaya berpaling daripada Musa, jangan
menyunatkan anak-anak dan jangan menurut adat orang Yahudi. 22 Sekarang bagaimana? Mereka
tentu mendengar berita kedatanganmu ke sini. 23 Oleh itu, ikutlah seperti kata kami. Di antara kami
ada empat orang yang telah bernazar. 24 Bawalah mereka bersamamu dan sucikan dirimu bersama
mereka serta tanggung belanja mencukur kepala mereka. Dengan demikian semua orang akan tahu
bahawa apa yang dikatakan tentangmu itu tidak benar, sebaliknya kamu mengikut Taurat. 25 Namun,
tentang orang bangsa asing yang percaya akan Isa, kami telah berkirim surat memberikan hukum
bahawa mereka hendaklah memeliharakan diri daripada makanan yang dipersembahkan kepada
berhala, daripada darah dan binatang yang mati dicekik, dan daripada zina.’

26 Paulus pun membawa empat orang itu bersamanya dan pada esoknya dia menyucikan diri
bersama mereka. Kemudian dia masuk ke rumah ibadat dan memberitahu orang di situ bilangan
harinya upacara penyucian itu akan selesai dan korban akan dipersembahkan bagi setiap mereka.

Paulus ditangkap

27 Apabila hampir genap tujuh hari, beberapa orang Yahudi dari Asia terpandang Paulus di dalam
rumah ibadat. Mereka menghasut orang ramai lalu menangkap Paulus 28 sambil berseru, ‘Hai orang
Israel, marilah tolong kami! Inilah dia orang yang menyebarkan merata-rata ajaran yang menghina
kaum kita, Taurat dan rumah ibadat. Dia juga telah membawa orang Yunani ke dalam rumah ibadat,
menajiskan tempat suci ini.’ 29 Mereka berkata begitu kerana pernah melihat Trofimus orang Efesus
bersama Paulus di kota itu lalu mereka menyangka bahawa Paulus telah membawanya ke dalam
rumah ibadat.

30 Ini menggemparkan semua orang Yahudi di kota itu lalu mereka berlari dan berhimpun
mengerumuni Paulus. Mereka menangkapnya dan menyeretnya ke luar rumah ibadat. Semua pintu
rumah ibadat pun segera ditutup. 31 Ketika mereka hendak membunuhnya, ketua pasukan tentera
Rom mendengar bahawa seisi kota Baitulmaqdis sedang merusuh. 32 Dia segera membawa beberapa
orang ketua tentera dan askar-askar untuk mendapatkan perusuh-perusuh itu. Apabila melihat mereka
datang, perusuh-perusuh itu berhenti memukul Paulus.

33 Ketua pasukan tentera itu datang menangkap Paulus, disuruhnya ikat dengan dua rantai. Dia
bertanya siapakah itu dan apakah yang telah dilakukannya. 34 Di antara orang ramai itu sesetengah
menjawab begini dan sesetengahnya begitu. Oleh sebab ketua pasukan tentera itu tidak dapat
memastikan punca huru-hara itu, dia menyuruh orangnya membawa Paulus ke dalam
kubu. 35 Setelah sampai ke tangga, askar-askar mengangkat Paulus kerana orang ramai
mengganas. 36 Mereka mengikut sambil berseru-seru, ‘Hapuskan dia!’

Paulus berucap kepada orang ramai

37 Ketika Paulus hendak dibawa masuk ke dalam kubu, dia berkata kepada ketua pasukan tentera
itu, ‘Bolehkah aku menyatakan sesuatu kepadamu?’

Ketua pasukan tentera itu berkata, ‘Kamu tahu bahasa Yunani? 38 Bukankah kamu ini orang Mesir
yang dulu mencetuskan pemberontakan dan memimpin empat ribu orang pengganas ke gurun?’

39 Paulus berkata, ‘Aku ini orang Yahudi dari kota Tarsus di tanah Kilikia iaitu kota yang agak
terkenal, dan aku meminta kamu benarkan aku bercakap kepada orang ramai itu.’

40 Setelah mendapat kebenaran daripada ketua pasukan tentera, Paulus berdiri di atas tangga
dan memberikan isyarat dengan tangannya supaya mereka diam. Setelah orang ramai itu senyap,
Paulus berucap dalam bahasa Ibrani,

22 *Paulus membela diri di Baitulmaqdis*

1 'Bapa-bapa dan saudara-saudara sekalian. Dengarlah peneranganku.'

2 Setelah mereka mendengar Paulus bertutur dalam bahasa Ibrani, mereka terus senyap.

Paulus berkata, 3 'Aku ini orang Yahudi, dilahirkan di Tarsus di tanah Kilikia, tetapi dibesarkan di kota ini, berguru kepada Gamaliel. Aku diajar hukum nenek moyang kita dengan betul, dan aku pula tekun beribadat kepada Allah, sama seperti saudara-saudara sekalian pada hari ini. 4 Aku pernah menganiaya pengikut Jalan Tuhan malah membunuh mereka di samping mengikat dan memenjarakan mereka, baik lelaki mahupun perempuan. 5 Imam besar dan seluruh anggota Majlis Agama boleh bersaksi akan perbuatanku itu. Aku telah mendapatkan beberapa surat daripada mereka lalu pergi ke Damsyik untuk menangkap dan mengikat para pengikut Isa di sana dan membawa mereka ke Baitulmaqdis ini untuk diseksa.

6 'Dalam perjalanan, ketika hampir sampai di Damsyik, sekitar tengah hari, tiba-tiba suatu cahaya yang besar bersinar dari langit mengelilingiku. 7 Aku rebah ke tanah lalu mendengar suara berkata kepadaku, "Saul, Saul, mengapa engkau aniayakan Aku?"

8 'Aku berkata, "Siapakah Engkau, Tuan?"

'Jawab-Nya, "Akulah Isa orang Nasaret yang kauaniayakan." 9 Semua orang yang bersamaku turut melihat cahaya itu tetapi tidak mendengar suara yang berkata-kata denganku itu.

10 'Aku berkata, "Tuan, apakah yang harus kulakukan?"

'Dia menjawab, "Bangunlah, pergi ke Damsyik. Di sana engkau akan diberitahu segala yang sudah ditetapkan untukmu melakukannya." 11 Aku tidak dapat melihat langsung akibat cahaya yang terang itu. Teman seperjalananku memimpin tanganku masuk ke Damsyik.

12 'Ada seorang bernama Ananias yang kuat beribadat menurut hukum Taurat. Dia dipandang tinggi oleh orang Yahudi di Damsyik. 13 Dia datang berdiri di sisiku lalu berkata, "Saudaraku Saul, kamu dapat melihat semula!" Pada saat itu juga aku dapat melihat semula lalu memandangnya.

14 'Dia berkata, "Allah, Tuhan nenek moyang kita, telah menetapkan bahawa kamu akan mengetahui kehendak-Nya, dan melihat Isa serta mendengar suara-Nya. 15 Kamu akan menjadi saksi tentang-Nya kepada semua manusia, termasuk segala yang telah kamu lihat dan dengar itu. 16 Sekarang mengapa kamu berlengah-lengah lagi? Bangunlah untuk diimadkan dan minta dihapuskan segala dosamu sambil menyeru nama-Nya."

17 'Setelah aku pulang ke Baitulmaqdis, sedang aku berdoa di rumah ibadat, aku terlalai 18 lalu melihat Dia dan mendengar kata-kata-Nya kepadaku, "Segeralah keluar dari Baitulmaqdis, kerana mereka tidak akan menerima kesaksian daripadamu tentang-Ku."

19 'Aku berkata, "Ya Junjungan, mereka tahu bahawa aku pernah memenjarakan dan memukul orang yang mempercayai-Mu dalam semua saumaah; 20 dan apabila darah Stefanus saksi-Mu itu ditumpahkan, aku turut berdiri berdekatan dan menyetujui pembunuhan itu, serta menjaga pakaian orang yang membunuhnya."

21 'Kata-Nya kepadaku, "Keluarlah dari sini, kerana Aku hendak mengutusmu jauh-jauh kepada orang bangsa asing."'

Paulus warganegara Rom

22 Orang ramai mendengar ucapan Paulus setakat itu, kemudian berseru lantang, 'Hapuskan orang begini dari muka bumi, tidak patut dia dibiarkan hidup!'

23 Mereka berteriak-teriak sambil mengebas-ngebas pakaian sehingga debu berterbangan. 24 Ketua pasukan tentera itu menyuruh orangnya membawa Paulus ke dalam kubu. Dia mengarahkan mereka menyebat dan menyoalnya untuk mengetahui mengapa orang ramai berseru-seru demikian tentangnya. 25 Paulus diikat dengan tali kulit lalu dia berkata kepada ketua tentera yang berdiri di situ, 'Jikalau seorang warganegara Rom belum diadili dan didapati bersalah, berkuasakah kamu menyebatnya?'

26 Apabila ketua tentera itu mendengar kata-kata Paulus, dia pergi memberitahu ketuanya tentang perkara itu. Katanya, 'Apa kamu hendak buat? Orang ini warganegara Rom.'

27 Ketua pasukan tentera itu mendapatkan Paulus lalu berkata, 'Katakanlah kepadaku, adakah

engkau ini warganegara Rom?'

Paulus menjawab, 'Ya.'

28 Ketua pasukan tentera itu berkata, 'Aku dapat menjadi warganegara dengan bayaran yang tinggi.'

Paulus menjawab, 'Tetapi aku dilahirkan sebagai warganegara Rom.'

29 Semua orang yang hendak menyoalnya itu berundur, dan ketua pasukan tentera itu ketakutan kerana telah mengikat warganegara Rom.

Paulus di hadapan Majlis Agama

30 Esoknya, untuk mengetahui dengan pasti apa sebabnya Paulus dituduh oleh orang Yahudi, ketua tentera itu meminta imam besar dan semua ahli Majlis Agama berhimpun. Kemudian dia melepaskan Paulus daripada ikatan dan menghadapkannya kepada perhimpunan itu.

23 1 Paulus merenung perhimpunan itu lalu berkata, 'Saudara-saudara, dengan setulus hati aku telah melakukan segalanya di sisi Allah sampai hari ini.' 2 Ananias, imam besar, menyuruh orang yang berdiri di sisi Paulus menampar mulutnya. 3 Paulus berkata kepadanya, 'Allah akan menampar mulutmu nanti. Kamu seperti tembok yang dicat putih! Kamu sekarang duduk untuk mengadiliku menurut hukum tetapi kamu sendiri melanggar hukum itu dengan menyuruh orang menamparku!'

4 Orang yang berdiri di sisi Paulus berkata, 'Beranikah kamu mencela imam besar Tuhan?'

5 Paulus menjawab, 'Saudara-saudara, aku tidak tahu dia itu imam besar. Memang tersurat di dalam Kitab Suci, "Jangan hinakan pemimpin bangsamu."'

6 Paulus mengetahui bahawa dalam perhimpunan itu separuhnya orang Saduki dan separuhnya orang Farisi. Dia pun berkata, 'Saudara-saudara, aku ini orang Farisi dan anak orang Farisi. Aku didakwa kerana percaya akan kebangkitan daripada kematian.' 7 Dengan demikian orang Farisi dan orang Saduki mula berbahas. Seluruh perhimpunan berpecah kepada dua pihak. 8 Orang Saduki mengatakan bahawa tiada kebangkitan daripada kematian, tiada malaikat dan tiada roh; tetapi orang Farisi percaya akan semuanya.

9 Pertengkaran besar tercetus. Beberapa orang guru Taurat dari pihak orang Farisi bangkit dan menegaskan dengan penuh kesungguhan, 'Kami dapati orang ini tidak bersalah langsung. Mungkin sekali roh atau malaikat telah bercakap dengannya.' 10 Perkelahian menjadi begitu sengit sehingga ketua pasukan tentera itu takut kalau-kalau Paulus diserang. Dia menyuruh askar-askar segera mengambil Paulus dengan paksaan dari tengah-tengah orang itu dan membawanya ke dalam kubu.

11 Pada malam berikut itu Tuhan berdiri di sisinya dan berkata, 'Tetapkanlah hatimu; kerana sebagaimana kamu telah bersaksi tentang-Ku dengan sungguh-sungguh di Baitulmaqdis ini, begitulah kamu akan bersaksi di Rom pula.'

Pakatan Yahudi Baitulmaqdis untuk membunuh Paulus

12 Setelah hari siang, orang Yahudi membuat pakatan. Mereka bersumpah tidak akan makan dan minum hingga mereka membunuh Paulus. 13 Lebih empat puluh orang sepakat mengangkat sumpah itu. 14 Mereka semua menghadap ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat mereka lalu berkata, 'Kami telah bersumpah tidak akan makan dan minum hingga kami membunuh Paulus itu. 15 Kamu dan ahli-ahli Majlis Agama tolonglah minta ketua pasukan tentera itu hadapkan Paulus kepada kamu esok, seolah-olah kerana kamu hendak meneliti perkara itu dengan lebih halus lagi. Kami akan bersedia untuk membunuhnya sebelum dia sampai ke sini.'

16 Anak saudara Paulus mendengar tentang pakatan itu lalu masuk ke kubu memberitahunya.

17 Paulus memanggil dan berkata kepada seorang ketua tentera, 'Bawalah pemuda ini kepada ketua pasukan tentera kerana ada suatu perkara yang hendak dikatakan kepadanya.' 18 Pegawai itu membawa pemuda itu berjumpa ketuanya lalu berkata, 'Paulus, orang yang terpenjara itu, memanggilku dan meminta pemuda ini dibawa berjumpa tuan kerana ada suatu perkara yang hendak dikatakannya kepada tuan.'

19 Ketua pasukan tentera memegang tangan pemuda itu dan membawanya ke tempat yang sunyi lalu bertanya, 'Apa hal yang hendak kaukatakan kepadaku itu?'

[20] Pemuda itu berkata, ‘Orang Yahudi telah berpakat hendak meminta tuan membawa Paulus
menghadap Majlis Agama esok, seolah-olah hendak meneliti halnya lebih halus lagi. [21] Janganlah
tuan terpedaya oleh kata-kata mereka, kerana lebih empat puluh orang daripada mereka telah
bersumpah tidak akan makan dan minum hingga mereka membunuh Paulus. Mereka akan
membunuhnya sebelum dia sampai ke hadapan Majlis Agama itu. Sekarang pun mereka semua
sudah sedia menantikan tuan berjanji demikian.’

[22] Ketua pasukan tentera itu menyuruh pemuda itu pulang setelah berpesan, ‘Jangan beritahu
sesiapapun bahawa kamu telah menyatakan hal ini kepadaku.’

Paulus dibawa ke Kaisarea

[23] Kemudian dia memanggil dua orang ketua tentera lalu berkata, ‘Lengkapkan dua ratus orang
askar untuk pergi ke Kaisarea; askar bertombak dua ratus orang dan askar berkuda tujuh puluh.
Mereka mesti bertolak pada pukul sembilan malam ini.’ [24] Ketua tentera itu juga menyuruh
melengkapkan kenderaan dan menaikkan Paulus ke atasnya untuk dibawa kepada Feliks, pemerintah
negeri, dengan selamat.

[25] Ketua tentera itu menulis surat seperti berikut:

> [26] ‘Salam daripadaku, Klaudius Lisias,
>
> kepada Feliks, pemerintah yang
>
> amat mulia.
>
> [27] ‘Orang ini telah ditangkap oleh orang Yahudi. Mereka hendak membunuhnya, lalu aku
> datang dengan askar-askar dan menyelamatkannya. Aku mendapat tahu dia warganegara
> Rom. [28] Aku ingin mengetahui apa sebabnya dia dituduh oleh bangsanya. Oleh itu aku
> membawanya untuk menghadap Majlis Agama mereka. [29] Aku mendapati dia tertuduh atas
> beberapa pertikaian tentang hukum agama; tetapi tiada suatu tuduhan pun yang patut dihukum
> bunuh atau penjara. [30] Apabila aku diberitahu tentang suatu pakatan hendak membunuh orang
> ini, aku segera menghantarkannya kepada tuan. Aku berpesan kepada mereka yang
> menuduhnya supaya mendakwanya di hadapan tuan.’

[31] Askar-askar mengambil Paulus sebagaimana diarahkan lalu membawanya pada waktu malam
ke Antipatris. [32] Esoknya askar berkuda sahaja meneruskan perjalanan bersama Paulus manakala
askar yang lain pulang ke Baitulmaqdis. [33] Setelah sampai ke Kaisarea, surat itu dipersembahkan
kepada pemerintah dan Paulus pun dihadapkan kepadanya. [34] Selepas membaca surat itu,
pemerintah itu bertanya kepada Paulus di mana negeri asalnya. Apabila dia mendengar bahawa
Paulus orang Kilikia, [35] dia berkata, ‘Aku akan mengadili perkara ini setelah pendakwa-pendakwa
kamu sampai.’ Kemudian dia mengarahkan supaya Paulus ditahan di dalam istana yang dulu dibina
oleh Herodes.

24 *Paulus di hadapan Feliks*

[1] Selepas lima hari, Ananias imam besar datang ke Kaisarea dengan beberapa orang pemimpin
masyarakat Yahudi dan seorang peguam bernama Tertulus. Mereka menuduh Paulus di hadapan
pemerintah itu. [2] Setelah Paulus dipanggil hadir, Tertulus memulakan dakwaannya: ‘Feliks yang mulia,
dengan limpah kurnia dan kebijaksanaanmu, kami hidup sejahtera dan menikmati perubahan yang
baik di negeri ini. [3] Kami amat berterima kasih atas segala yang telah kamu lakukan. [4] Kerana tidak
ingin mengambil terlalu banyak masamu, aku memohon kamu mendengar dakwaanku yang ringkas
ini.

[5] ‘Kami telah mendapati orang ini pengacau dan menimbulkan huru-hara di kalangan orang
Yahudi di serata dunia. Dialah pemimpin mazhab ajaran orang Nasaret itu. [6] Malah dia cuba
menajiskan rumah ibadat tetapi kami menangkapnya dan hendak mengadilinya menurut hukum
kami. [7] Akan tetapi ketua pasukan tentera Lisias datang lalu merampasnya daripada kami. [8] Dia
mengarahkan kami, pendakwa-pendakwa orang ini, supaya menghadapmu. Jika kamu menyoal orang
ini, kamu akan mendapati bahawa segala tuduhan kami ini benar.’

[9] Orang Yahudi turut serta menuduh Paulus, dan mengatakan bahawa segala yang dikatakan itu
benar.

[10] Setelah menerima isyarat daripada pemerintah itu menyuruhnya bercakap, Paulus menjawab

dakwaan itu demikian: ‘Aku tahu kamu telah lama menjadi hakim di negeri ini. Oleh itu aku dengan
senang hati mengadukan hal kepadamu. 11 Hanya dua belas hari yang lalu aku telah pergi ke
Baitulmaqdis untuk beribadat. 12 Aku tidak didapati berbincang dengan sesiapa atau menghimpunkan
orang ramai itu untuk menimbulkan huru-hara, baik di rumah ibadat, saumaah, atau di mana-mana di
kota itu. 13 Para pendakwa juga tidak dapat membuktikan kepadamu segala tuduhan mereka
terhadapku. 14 Aku mengaku di hadapanmu bahawa aku menyembah Allah, Tuhan nenek moyangku,
menurut Jalan Tuhan yang dianggap salah oleh mereka. Aku juga percaya dan berpegang kepada
hukum Taurat, dan segala yang tersurat di dalam kitab nabi-nabi. 15 Seperti mereka juga, aku
berharap kepada Allah bahawa semua orang akan dibangkitkan daripada kematian kelak, sama ada
orang benar ataupun orang jahat. 16 Oleh itu aku sentiasa berusaha supaya hatiku bersih daripada
kesalahan kepada Allah dan kepada manusia.

17 ‘Selepas beberapa tahun di tempat-tempat lain, aku ke Baitulmaqdis membawa derma untuk
bangsaku, dan mempersembahkan korban. 18 Mereka mendapati aku di dalam rumah ibadat setelah
aku menyucikan diri; aku tidak membawa kumpulan yang besar dan tidak mencetuskan huru-
hara. 19 Ketika itu ada beberapa orang Yahudi dari Asia. Merekalah yang patut menghadap kamu di
sini untuk mendakwa, kalaulah ada sesuatu yang patut didakwa tentang aku. 20 Ataupun biarlah orang
ini menyatakan apa kesalahan yang didapatinya pada diriku ketika aku berdiri di hadapan majlis
mereka itu. 21 Pada waktu itu aku hanya melafazkan kata-kata yang sama, iaitu, “Tentang kebangkitan
daripada kematianlah aku didakwa di hadapanmu pada hari ini.” ’

22 Feliks menangguhkan perbicaraan walaupun dia memahami selok-belok agama berkenaan. Dia
berkata, ‘Apabila Lisias, ketua pasukan tentera itu, datang nanti, aku akan menyelesaikan perkara
ini.’ 23 Dia mengarahkan ketua tentera menahan Paulus tetapi secara longgar, dan membenarkan
sahabat-sahabatnya membawa apa-apa untuknya.

24 Beberapa hari kemudian, Feliks datang bersama isterinya Drusila, seorang Yahudi. Dia
menyuruh orang memanggil Paulus lalu mendengar penerangannya tentang iman terhadap Isa al-
Masih. 25 Apabila Paulus bercakap tentang kebenaran, tentang penguasaan diri, dan tentang hukuman
yang akan datang pada hari kemudian, Feliks ketakutan lalu berkata, ‘Pergilah sekarang. Apabila ada
kesempatan nanti, aku akan memanggilmu lagi.’ 26 Dalam pada itu dia berharap Paulus akan
memberikan wang kepadanya. Oleh itu dia kerapkali menyuruh orang memanggil Paulus lalu
bercakap dengannya.

27 Dua tahun kemudian, Feliks digantikan oleh Perkius Festus. Feliks membiarkan Paulus
terpenjara kerana hendak mengambil hati orang Yahudi.

25 *Penghakiman Paulus di hadapan Festus*

1 Tiga hari selepas Festus menjadi pemerintah negeri itu, dia berangkat dari Kaisarea ke
Baitulmaqdis. 2 Ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi menuduh Paulus di
hadapan Festus. 3 Mereka memohon jasa baik Festus menghantar Paulus ke Baitulmaqdis kerana
mereka telah berpakat hendak membunuhnya di pertengahan jalan. 4 Akan tetapi Festus menjawab
bahawa Paulus terpenjara di Kaisarea dan dia sendiri pun hendak segera ke sana. 5 Dia berkata,
‘Oleh itu hendaklah orang yang berkuasa di antara kamu berangkat ke sana bersamaku dan
mendakwa orang itu, jika dia telah melakukannya.’

6 Setelah tinggal di Baitulmaqdis kira-kira lapan atau sepuluh hari lagi, Festus pun berangkat ke
Kaisarea. Pada esoknya dia duduk sebagai hakim di mahkamah lalu menyuruh orang membawa
Paulus menghadapnya. 7 Setelah Paulus masuk, semua orang Yahudi yang datang dari Baitulmaqdis
itu berdiri mengelilinginya serta menuduhnya atas beberapa kesalahan yang berat, yang tidak dapat
dibuktikan oleh mereka.

8 Kemudian Paulus membela dirinya sendiri dan berkata ‘Satu pun tiada kesalahanku, terhadap
hukum orang Yahudi, atau terhadap rumah ibadat, atau terhadap Kaisar.’

9 Akan tetapi Festus hendak mengambil hati orang Yahudi lalu bertanya kepada Paulus, ‘Mahukah
kamu pergi ke Baitulmaqdis supaya aku mengadili perkaramu ini di sana?’

10 Paulus menjawab, ‘Aku sekarang berdiri di mahkamah Kaisar, dan di sinilah aku patut
dibicarakan. Aku tidak pernah melakukan sesuatu yang buruk terhadap orang Yahudi, sebagaimana
kamu terlebih maklum. 11 Kalaulah aku bersalah, atau telah melakukan sesuatu yang patut aku
dibunuh, aku tidaklah enggan mati; tetapi jika segala tuduhan mereka ke atas aku itu tidak benar,

tiada seorang pun yang boleh menyerahkanku kepada mereka. Aku hendak mengadu kepada Kaisar.'

12 Setelah berbincang dengan semua penasihatnya, Festus menjawab, 'Kamu hendak mengadu
kepada Kaisar; pergilah menghadap Kaisar!'

Festus berbincang dengan Raja Agripa

13 Beberapa hari kemudian, Raja Agripa berangkat bersama Bernike ke Kaisarea untuk meraikan
kedatangan Festus. 14 Dalam beberapa hari raja itu tinggal di sana, Festus menceritakan hal Paulus
kepadanya, 'Di sini ada seorang yang ditinggalkan oleh Feliks di dalam penjara. 15 Ketika aku di
Baitulmaqdis, ketua-ketua imam dan para pemimpin masyarakat Yahudi menuduh orang itu dan
meminta supaya dia dihukum.

16 'Tetapi aku menjawab bahawa menurut adat orang Rom, seseorang itu tidak boleh diserahkan
sebelum berhadapan dengan pendakwanya dan diberi peluang membela diri. 17 Apabila mereka
datang ke sini, esoknya tanpa berlengah-lengah aku duduk sebagai hakim dan mengarahkan supaya
orang itu dibawa masuk ke mahkamah. 18 Para pendakwanya mengemukakan tuduhan tetapi tiada
satu pun merupakan perbuatan jahat sebagaimana aku jangkakan. 19 Semua tuduhan itu berlegar
sekitar perselisihan tentang agama, tentang seorang bernama Isa yang sudah mati dan dikatakan
hidup semula oleh Paulus. 20 Aku pun tidak tahu bagaimana hendak mengadili hal itu, lalu bertanya
kalau dia mahu ke Baitulmaqdis supaya dibicarakan di sana. 21 Tetapi Paulus meminta tangguh,
hendak mengadukan halnya supaya dibicarakan di hadapan yang maha mulia Kaisar; lalu aku
menyuruh dia dipenjarakan hingga aku menghantarnya kepada Kaisar.'

22 Agripa berkata, 'Aku pun ingin mendengar orang itu.'

Festus menjawab, 'Esok dapatlah kamu mendengarnya.'

Paulus di hadapan Agripa

23 Pada esoknya Agripa dan Bernike berangkat dengan selengkap kebesarannya, masuk ke
dalam balai mahkamah bersama para panglima dan orang yang terkemuka di kota itu. Dengan
perintah Festus, Paulus dibawa masuk. 24 Festus berkata, 'Tuanku Raja Agripa dan sidang hadirin.
Orang ini didakwa oleh semua orang Yahudi, baik yang di Baitulmaqdis mahupun yang di sini.
Mereka berteriak-teriak bahawa dia tidak patut dibiarkan hidup lagi. 25 Tetapi pada pandangan aku, dia
tidak melakukan apa-apa kesalahan yang patut dijatuhkan hukuman mati. Oleh sebab dia sendiri
hendak mengadukan halnya kepada yang maha mulia Kaisar, aku telah memutuskan akan
menghantarnya kepada Kaisar. 26 Namun, tiada suatu pun yang pasti untuk aku tuliskan tentangnya
kepada Kaisar. Itulah sebabnya aku membawanya menghadapmu, dan terutamanya Raja Agripa.
Setelah dia disoal nanti, bolehlah didapati sesuatu untuk aku tuliskan. 27 Pada pandanganku, tidaklah
wajar menghantarkan seseorang untuk diadili tanpa menyatakan tuduhan ke atasnya dengan jelas.'

26 *Paulus membela diri di hadapan Agripa*

1 Setelah itu Agripa berkata kepada Paulus, 'Sekarang kamu diberi izin untuk membela dirimu.'

Paulus pun memberikan isyarat dengan tangannya lalu membela dirinya demikian, 2 'Tuanku Raja
Agripa, aku berasa bahagia kerana dapat menjawab tuduhan orang Yahudi ke atasku di hadapan
kamu pada hari ini; 3 lebih-lebih lagi kerana kamu memahami adat dan perselisihan yang berlaku di
kalangan orang Yahudi. Oleh itu aku memohon kamu mendengarku dengan sabar.

4 'Semua orang Yahudi telah maklum tentang diriku dari muda lagi, ketika di negeriku dan
kemudiannya di Baitulmaqdis. 5 Dari mulanya mereka telah mengenaliku, kalaulah mereka mahu
bersaksi. Mereka tahu bahawa aku menurut ajaran yang paling keras dalam agama kami kerana aku
orang Farisi. 6 Sekarang pun aku berdiri di sini dan didakwa kerana aku berharap akan janji Allah
kepada nenek moyang kami. 7 Dua belas suku bangsa kami tekun menyembah Allah siang malam
dan berharap akan janji itu juga. Oleh sebab harapan inilah, aku dituduh oleh orang Yahudi. 8 Jika
benar Allah membangkitkan orang daripada kematian, mengapakah pada hematmu hal itu tidak dapat
dipercayai orang?

9 'Satu masa dulu, pada perasaan hatiku, wajar sekali aku mengambil pelbagai tindakan terhadap
pengikut Isa orang Nasaret itu; 10 dan aku sudahpun berbuat demikian di Baitulmaqdis. Setelah
mendapatkan kuasa daripada ketua-ketua imam, aku telah memenjarakan ramai orang yang salih;

dan apabila mereka dibunuh, aku menyetujui pembunuhan itu. [11] Kerapkali di saumaah-saumaah aku menyeksa mereka dalam usaha memaksa mereka berpaling daripada Isa; dan oleh sebab terlalu berang terhadap mereka, aku memburu mereka hingga ke negeri asing.

[12] 'Pada suatu hari sedang aku dalam perjalanan ke Damsyik, dengan membawa surat kuasa daripada ketua-ketua imam, [13] pada waktu tengah hari, aku melihat di tengah jalan suatu cahaya datang dari langit, lebih terang daripada sinar matahari, bersinar mengelilingiku dan semua orang yang berjalan bersamaku. [14] Aku rebah ke bumi, lalu aku mendengar suatu suara berkata dalam bahasa Ibrani kepadaku, "Saul, Saul, mengapakah engkau menganiaya Aku? Sukarlah bagimu, seperti menendang sesuatu yang tajam."

[15] 'Aku bertanya, "Siapakah Engkau, Tuan?"

'Dia menjawab, "Akulah Isa yang kauaniayakan. [16] Tetapi bangunlah, berdirilah. Aku menampakkan diri kepadamu untuk memberitahumu bahawa engkau akan membuat kerja-Ku, dan bersaksi tentang engkau melihat-Ku ini, dan tentang apa yang akan Kutunjukkan lagi kepadamu. [17] Aku akan menyelamatkanmu daripada orang Yahudi dan bangsa lain juga. Aku akan mengutusmu kepada mereka, [18] untuk mencelikkan mata mereka dan membawa mereka daripada kegelapan kepada cahaya, daripada kuasa Iblis kepada kuasa Allah. Dengan demikian dosa mereka akan diampunkan dan mereka akan menjadi umat yang dipilih oleh Allah kerana mereka percaya akan Aku."

[19] 'Oleh itu, Tuanku Raja Agripa, aku dengan sepenuh rela menurut perintah dari penglihatan yang datang dari syurga itu. [20] Aku telah menyampaikan kepada semua orang Damsyik, Baitulmaqdis dan seluruh tanah Yudea, juga kepada orang bangsa asing, bahawa mereka hendaklah bertaubat dan berpaling kepada Allah serta berkelakuan selaras dengan pertaubatan itu. [21] Itulah sebabnya orang Yahudi menangkapku di dalam rumah ibadat, serta mencari jalan hendak membunuhku. [22] Tetapi hingga saat ini Allah telah menolongku dan aku berdiri di sini sambil bersaksi kepada orang besar dan orang biasa, dengan mengatakan perkara yang telah dinubuatkan oleh nabi-nabi dan oleh Musa: [23] iaitu al-Masih pasti mengalami kematian dan menjadi orang yang pertama bangkit daripada kematian. Dengan demikian Dia mengisytiharkan penyelamatan kepada orang Yahudi dan bangsa lain, penyelamatan yang seperti cahaya bagi semua.'

[24] Sedang Paulus menegakkan pembelaannya demikian, Festus berkata dengan suara nyaring, 'Kamu gila, Paulus; ilmu yang terlalu banyak menjadikan kamu gila.'

[25] Paulus menjawab, 'Aku bukannya gila, Festus yang mulia. Aku mengatakan perkara yang benar dan bijaksana. [26] Tuanku Raja Agripa, aku berani berkata-kata di hadapanmu dengan bebas kerana aku tahu di dalam hati bahawa kamu faham akan perkara-perkara ini, memandangkan segalanya tidaklah berlaku di tempat yang tersembunyi. [27] Tuanku Raja Agripa, percayakah kamu akan kata nabi-nabi itu? Aku tahu bahawa kamu percaya.'

[28] Agripa berkata kepada Paulus, 'Dengan sepatah dua katamu, kausangka dapat menjadikanku orang Masihi?'

[29] Paulus menjawab, 'Sepatah dua atau banyak, aku berdoa kepada Allah, mudah-mudahan kamu dan sekalian yang mendengar kata-kataku hari ini akan menjadi sama sepertiku, cuma tidak diikat dengan rantai.'

[30] Raja Agripa, Festus pemerintah Kaisarea, Bernike dan semua yang bersama mereka, [31] berangkat keluar dari mahkamah sambil berbincang. Seorang daripada mereka berkata, 'Orang itu tidak melakukan apa-apa yang menyebabkan dia patut dibunuh atau dipenjara.'

[32] Agripa berkata kepada Festus, 'Orang ini boleh dibebaskan, kalau tidak kerana dia hendak mengadukan halnya kepada Kaisar.'

27 *Pelayaran Paulus ke Rom*

[1] Setelah diputuskan bahawa kami akan belayar ke Itali, Paulus dan beberapa orang tahanan diserahkan kepada seorang ketua tentera dari Rejimen Kaisar, bernama Yulius. [2] Kami menaiki sebuah kapal yang datang dari Adramitium dan hendak menyusur teluk rantau tanah Asia. Aristarkhus, orang Makedonia dari Tesalonika, menyertai kami.

[3] Esoknya kami singgah di Sidon. Yulius berasa kasihan dan melayani Paulus dengan baik serta membenarkannya bertemu dengan sahabat-sahabatnya untuk mendapatkan apa-apa yang

diperlukannya. 4 Kemudian kami belayar menyusur Siprus di sebelah bawah angin, kerana ketika itu
angin bertiup ke arah yang bertentangan dengan hala tujuan kami. 5 Setelah menyeberang laut Kilikia
dan Pamfilia, kami sampai ke Mira di tanah Likia. 6 Di sana ketua tentera Kaisar itu mendapati sebuah
kapal dari Iskandaria yang hendak belayar ke Itali, lalu dia menumpangkan kami dalam kapal
itu. 7 Kami belayar dengan lambat dan susah payah kerana melawan arah tiupan angin. Selepas
beberapa hari, kami tiba di kota Knidus. Oleh sebab masalah angin itu, kami belayar ke selatan pulau
Kreta, melalui Salmone. 8 Dengan susah payah juga kami menyusur pulau itu, lalu sampai ke tempat
yang bernama Lindungan Indah, berdekatan Lasea.

9 Beberapa hari kemudian, keadaan kian berbahaya untuk meneruskan pelayaran. Hari Raya
Puasa orang Yahudi pun sudah berlalu. Paulus mengingatkan ketua tentera itu, 10 'Saudara-saudara,
pada pandanganku, jika kita belayar, banyak bencana dan kerugian akan menimpa, bukan sahaja
kapal ini dan muatannya malah nyawa kita juga.' 11 Tetapi ketua tentera itu lebih mempercayai kata
kapten dan tuan punya kapal itu daripada kata Paulus. 12 Pelabuhan itu memang tidak selesa untuk
tinggal sepanjang musim dingin. Oleh itu kebanyakan mereka hendak meneruskan pelayaran dengan
harapan akan sampai ke Feniks lalu tinggal di situ, di pelabuhan di pulau Kreta yang menghadap
barat daya dan barat laut.

Kapal terkandas

13 Apabila bertiup angin selatan sepoi-sepoi bahasa, sangka mereka telah tercapailah hasrat
mereka. Mereka pun membongkar sauh lalu menyusur pulau Kreta. 14 Tidak berapa lama kemudian,
angin ribut yang bergelar Timur Laut membadai dari arah pulau itu. 15 Kapal kami dipukul ribut dan
tidak terdaya belayar melawan arah angin. Kami pun membiarkannya berhanyut, 16 sampai ke selatan
sebuah pulau kecil bernama Kauda. Dengan susah payah kami menyelamatkan sekoci kapal
itu. 17 Setelah dinaikkan sekoci itu ke kapal, diusahakan memperkukuh kapal itu dengan ikatan tali.
Oleh sebab takut terdampar ke tebing Sirtis, layar diturunkan dan kapal itu dibiarkan mengikut
angin. 18 Kami begitu teruk dipukul ribut sehingga esoknya muatan kapal mula dibuang ke laut; 19 dan
lusanya sebahagian alat kapal itu pula dibuangkan. 20 Beberapa hari kami tidak melihat matahari dan
bintang serta dipukul ribut yang dahsyat; akhirnya putuslah harapan kami diselamatkan.

21 Sekian lama orang di dalam kapal itu tidak makan, lalu Paulus berdiri dan berkata, 'Saudara-
saudara, sepatutnya dulu saudara-saudara menurut kataku, jangan belayar meninggalkan Kreta, nanti
ditimpa bencana dan kerugian demikian. 22 Sekarang aku berkata kepada saudara-saudara, tetapkan
hati masing-masing, kerana seorang pun tidak akan kehilangan hidup, hanya kapal ini tidak dapat
diselamatkan. 23 Malam tadi, di sisi aku terdiri malaikat daripada Allah, Tuhan yang memiliki seluruh
diriku dan yang aku sembah. 24 Malaikat itu berkata, "Paulus, jangan takut. Kau pasti akan berdiri di
hadapan Kaisar. Semua yang belayar bersamamu akan diselamatkan juga sebagai kurnia Allah
kepadamu." 25 Oleh itu, saudara-saudara, tetapkanlah hati masing-masing. Aku percaya akan Allah
dan janji-Nya yang disampaikan kepadaku itu. 26 Tetapi tidak dapat dielakkan, kita akan terdampar di
sebuah pulau.'

27 Sampai ke malam yang keempat belas kami masih berhanyut dalam Laut Adria. Kira-kira
tengah malam, anak kapal merasakan kami sudah hampir ke darat. 28 Mereka membuang batu duga
untuk mengukur dalamnya laut, didapatinya dua puluh depa; kemudian, apabila diduga lagi,
didapatinya lima belas depa dalamnya. 29 Mereka takut kalau-kalau terdampar pada batu karang, lalu
mereka menurunkan empat sauh dari buritan kapal serta menanti hari siang. 30 Ketika itu anak kapal
hendak menyelamatkan diri sendiri. Mereka menurunkan sekoci ke laut dengan berpura-pura hendak
menurunkan sauh di haluan kapal. 31 Paulus pun berkata kepada ketua tentera dan askar-askar, 'Jika
mereka itu meninggalkan kapal, saudara-saudara tidak akan selamat.' 32 Oleh itu askar mengerat tali
sekoci dan membiarkannya hanyut.

33 Sementara menunggu hari siang, Paulus meminta semua orang makan. Dia berkata, 'Sekarang
sudah empat belas hari saudara-saudara berlapar. 34 Aku meminta kepada sekalian, makanlah
sesuatu, kerana itulah yang akan membuat saudara-saudara selamat. Tiada seorang pun di antara
kita yang akan binasa sehelai rambutnya pun.' 35 Setelah berkata demikian, Paulus mengambil roti
lalu mengucapkan syukur kepada Allah di hadapan semua. Kemudian dia membahagi roti itu lalu
makan. 36 Masing-masing pun berasa bersemangat lagi lalu makan bersama-sama. 37 Bilangan kami
yang di dalam kapal itu dua ratus tujuh puluh enam orang. 38 Setelah kenyang sekaliannya, kapal itu
diringankan lagi dengan membuang gandum ke laut.

39 Apabila hari siang, mereka melihat daratan yang tidak dikenali; di situ ada teluk yang berpantai
rata lalu mereka bercadang hendak mengandaskan kapal itu ke situ. 40 Mereka memotong tali sauh
dan membiarkannya tenggelam di laut. Selepas itu mereka melucutkan tali kemudi lalu menaikkan
layar di haluan supaya angin meniup kapal itu menuju ke pantai. 41 Kapal itu terlanggar busung pasir
lalu terkandas haluannya, dan tidak dapat bergerak manakala buritannya pecah dipukul
gelombang. 42 Askar-askar mula berura-ura hendak membunuh semua orang tahanan supaya tidak
seorang pun berenang melarikan diri.

43 Tetapi ketua tentera itu hendak menyelamatkan Paulus lalu melarang askar-askarnya berbuat
demikian. Dia menyuruh mereka yang tahu berenang terjun dahulu dan berenang ke darat. 44 Yang
lain berpegang pada papan atau pecahan-pecahan kapal. Dengan demikian semuanya selamat naik
ke darat.

28 *Paulus di Pulau Malta*

1 Setelah selesai segalanya, barulah kami mendapat tahu bahawa pulau itu bernama
Malta. 2 Penduduk pulau itu bersikap ramah mesra kepada kami. Mereka menyalakan api dan
menyambut kami sekalian masuk berlindung daripada hujan dan kesejukan. 3 Paulus memungut
ranting dan apabila dia meletakkannya di atas api, seekor ular keluar melarikan diri dari kepanasan
lalu memagut tangan Paulus. 4 Apabila penduduk pulau itu melihat ular tersebut pada tangan Paulus,
mereka berkata sama sendiri, ‘Tentu dia ini seorang pembunuh; sungguhpun dia selamat daripada
bahaya laut, tetapi Dewi Keadilan tidak membiarkan dia hidup.’ 5 Paulus mengebaskan ular itu ke
dalam api tanpa mengalami sebarang kecederaan. 6 Semuanya menantikan kalau-kalau dia naik
bengkak atau rebah mati; tetapi lama mereka menanti-nanti, tidak juga mereka melihat apa-apa
bencana menimpanya. Sangkaan mereka pun berubah, mengatakan Paulus itu seorang dewa.

7 Di daerah itu ada tanah yang dipunyai oleh Publius, pemerintah pulau itu. Dia menyambut kami
dan melayani kami selama tiga hari dengan budi bahasa yang baik. 8 Ketika itu bapa Publius terlantar
mengidap demam dan mengalami cirit-birit. Paulus masuk menghampirinya lalu berdoa sambil
meletakkan tangan ke atasnya dan menyembuhkannya. 9 Selepas itu, beberapa orang yang mengidap
penyakit di pulau itu datang berjumpa Paulus, lalu dia menyembuhkan mereka. 10 Mereka
menunjukkan penghargaan yang tinggi kepada kami; dan apabila kami hendak belayar, mereka
membawa pelbagai barang yang berguna ke dalam kapal sebagai bekalan untuk kami.

Paulus tiba di Rom

11 Tiga bulan kemudian, kami belayar dalam sebuah kapal bernama Dioskuri yang telah datang
dari Iskandaria dan tinggal di pulau itu sepanjang musim dingin. 12 Kami singgah di Sirakusa lalu
tinggal di sana tiga hari, 13 kemudian belayar ke kota Regium. Esoknya angin mula bertiup dari selatan
dan lusanya kami sampai ke Putioli. 14 Di sana kami bertemu saudara-saudara seiman lalu menerima
ajakan tinggal bersama mereka selama tujuh hari. Kemudian sampailah kami ke Rom. 15 Para
pengikut Isa di Rom mendengar khabar tentang kami lalu datang dari sana sampai ke Pasar Apius
dan Kedai Tiga untuk bertemu dengan kami. Apabila Paulus melihat mereka, dia mengucapkan
syukur kepada Allah dan menjadi tabah. 16 Di Rom Paulus dibenarkan tinggal seorang diri, hanya
dijaga oleh seorang askar.

Khutbah Paulus di Rom

17 Tiga hari kemudian, Paulus meminta para pemimpin masyarakat Yahudi datang berjumpa
dengannya. Dia berkata kepada mereka, ‘Saudara-saudara, sungguhpun aku tidak melakukan
sebarang kesalahan terhadap bangsa kita atau melanggar adat nenek moyang kita, namun aku
ditahan di Baitulmaqdis lalu diserahkan ke tangan orang Rom. 18 Mereka memeriksa perkaraku dan
hendak membebaskanku kerana mereka mendapati aku tidak melakukan satu kesalahan pun yang
patut dihukum mati. 19 Apabila orang Yahudi menentang keputusan itu, terpaksalah aku meminta
hendak mengadu kepada Kaisar; tetapi bukanlah kerana hendak mengajukan apa-apa dakwaan
terhadap bangsa kita. 20 Itulah sebabnya aku meminta saudara-saudara bertemu dan bercakap
dengan aku. Aku dibelenggu begini kerana Dia yang diharapkan oleh orang Israel.’

21 Mereka berkata kepada Paulus, ‘Kami belum mendapat surat dari Yudea tentang saudara.
Tiada seorang pun yang datang ke sini menyebutkan apa-apa kesalahan saudara. 22 Tetapi kami ingin
mendengar pendapat saudara, kerana kami tahu orang di serata tempat mencela ajaran yang

saudara anuti.’

23 Mereka menetapkan hari untuk bertemu lagi dengan Paulus. Pada hari itu lebih ramai lagi yang
datang ke tempat dia menumpang itu. Dia menerangkan segala-galanya, bersaksi tentang kerajaan
Allah dan berusaha meyakinkan mereka tentang Isa dengan menunjukkan bukti dalam Taurat Musa
dan tulisan para nabi, dari pagi hingga ke malam. 24 Ada yang percaya akan katanya itu dan ada
yang tidak. 25 Mereka pergi dari situ dengan pendapat yang bercanggah sesama sendiri, setelah
Paulus berkata, ‘Benarlah apa yang dikatakan oleh Roh Suci melalui Nabi Yasyaya kepada nenek
moyang kita,

26 ‘ “Pergilah kepada bangsa ini dan katakan:

‘Kamu akan mendengar

tetapi tidak mengerti;

Kamu terus melihat

tetapi tidak mengetahui.’

27 Kerana hati umat ini telah buntu,

mereka pekakkan telinga,

dan pejamkan mata.

Kalau tidak demikian, mereka tentu melihat

dengan mata,

mendengar dengan telinga,

dan mengerti dengan hati,

lalu berpaling kepada-Ku

dan Aku menyembuhkan mereka. ” ’

28 Paulus berkata, ‘Saudara-saudara, ketahuilah: perkhabaran tentang penyelamatan yang
dikurniakan Allah sekarang telah disampaikan kepada orang bangsa asing. Merekalah yang akan
menerimanya.’ 29 Setelah Paulus berkata demikian, orang Yahudi meninggalkan tempat itu sambil
bertengkar hebat sesama mereka.

30 Paulus tinggal selama dua tahun di rumah yang disewanya sendiri. Dia menyambut semua
yang mengunjunginya 31 dan menyampaikan ajaran tentang kerajaan Allah serta Junjungan Isa al-
Masih dengan berani dan bebas, tiada siapa yang menghalangnya.

Rom

1 [1] Daripada Paulus, hamba Isa al-Masih yang dipanggil untuk menjadi rasul, dan dipilih khas untuk menyebarkan Injil daripada Allah. [2] Injil ini telah dijanjikan-Nya dahulu melalui nabi-nabi-Nya, sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci, [3] iaitu tentang Putera-Nya. Sebagai manusia Dia telah dilahirkan dari keturunan Daud, [4] namun dengan Roh Suci, Dia telah diisytiharkan melalui kuasa yang besar sebagai Putera Allah, iaitu dengan kebangkitan-Nya daripada kematian. Dialah Isa al-Masih, Junjungan kita. [5] Melalui Isa al-Masih dan demi nama-Nya, kami diberi kasih kurnia dan jawatan rasul untuk menyeru manusia dari segala suku bangsa supaya taat dalam iman kepada-Nya. [6] Kamu juga termasuk dalam golongan itu, kerana Allah telah memanggilmu menjadi umat Isa al-Masih.

[7] Aku menulis kepada kamu sekalian di Rom, yang dikasihi oleh Allah dan dipanggil menjadi orang salih.

Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih memberimu kasih kurnia dan kesejahteraan.

Paulus ingin pergi ke Rom

[8] Pertama sekali, aku bersyukur kepada Allah Tuhanku melalui Isa al-Masih kerana kamu sekalian, disebabkan seluruh dunia memperkatakan imanmu. [9] Allah, yang kusembah sepenuh hati dalam menyebarkan Injil Putera-Nya, menjadi saksiku bahawa aku sentiasa mengingatimu [10] dalam doaku, dan memohon semoga dengan izin Allah aku dapat mengunjungimu.

[11] Aku sungguh ingin berjumpa dengan kamu untuk menyampaikan sesuatu pemberian rohani bagi menguatkanmu; [12] maksudku, supaya kita saling meneguhkan semangat: aku mendapat keteguhan daripada imanmu, dan kamu daripada imanku. [13] Ketahuilah wahai saudara-saudaraku, aku telah merancang berkali-kali untuk mengunjungimu, namun hingga kini ada saja aral melintang. Aku ingin agar pelayananku di kalanganmu membuahkan hasil, seperti di kalangan bangsa-bangsa asing yang lain.

[14] Aku memikul kewajipan terhadap orang Yunani dan yang bukan orang Yunani, yang bertamadun dan yang tidak bertamadun, yang berpendidikan dan yang tidak berpendidikan. [15] Inilah sebabnya aku amat ingin dan bersedia menyebarkan Injil di kalanganmu yang di Rom juga.

[16] Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana ia adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada bangsa asing. [17] Kerana di dalamnya kebenaran Allah dinyatakan dari iman ke iman, sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci: ‘Orang benar akan hidup dengan iman.’

Murka Allah terhadap manusia

[18] Kemurkaan Allah ternyata dari syurga terhadap segala kefasiqan dan kedurjanaan yang dilakukan oleh manusia, yang menyembunyikan kebenaran dengan kedurjanaan, [19] kerana segala yang mungkin diketahui oleh manusia tentang Allah telah nyata bagi mereka; Allah sendiri telah menyatakannya kepada mereka. [20] Sejak wujudnya alam semesta, sifat-sifat Allah yang tidak dapat dilihat dengan mata, iaitu kuasa-Nya yang kekal dan ketuhanan-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu tiada alasan bagi memaafkan mereka.

[21] Walaupun mereka telah mengenal Allah, tetapi mereka tidak memuliakan-Nya dan tidak memuji-Nya dengan syukur, sebaliknya mereka memikirkan yang sia-sia dan jiwa mereka yang tolol diliputi kegelapan. [22] Mereka mengaku bijaksana, tetapi sebenarnya mereka tolol. [23] Mereka berpaling daripada kemuliaan Allah yang kekal lalu menyembah patung-patung yang diperbuat seperti bentuk manusia yang fana, burung, haiwan berkaki empat dan binatang yang menjalar.

[24] Oleh itu Allah membiarkan mereka menurut nafsu melakukan pelbagai noda, maka mereka mencemari tubuh sesama sendiri. [25] Mereka merangkul yang palsu dan berpaling daripada yang benar daripada Allah. Mereka menyembah makhluk ciptaan dan berpaling daripada Allah Pencipta Yang Maha Suci dan Maha Tinggi selama-lamanya. Amin.

[26] Itulah sebabnya Allah membiarkan mereka didorong hawa nafsu yang keji. Kaum wanita

mereka pun berpaling daripada yang tabii kepada yang di luar tabii. [27] Demikian juga kaum lelaki.
Mereka berpaling daripada hubungan tabii dengan wanita dan dibakar syahwat terhadap sama
sejenis. Lelaki dengan lelaki melakukan perkara yang aib, lalu menerima di dalam diri mereka
hukuman yang setimpal.

[28] Oleh sebab mereka enggan mengenal Allah, maka Allah membiarkan mereka dikuasai fikiran
yang hina, sehingga mereka melakukan perkara-perkara yang tidak wajar. [29] Mereka dipenuhi segala
kemungkaran, kedurjanaan, ketamakan dan kecabulan. Mereka diselubungi hasad dengki,
pembunuhan, persengketaan, penipuan dan niat durjana. Mereka pengumpat, penyebar
fitnah, [30] pembenci Allah, biadab, angkuh, bercakap besar, pereka perkara durjana, ingkar kepada ibu
bapa, [31] tidak tahu membezakan buruk dan baik, tidak boleh dipercayai, tidak mengasihi, tidak berhati
perut, tidak mempunyai belas kasihan. [32] Mereka mengetahui hukuman Allah yang adil, iaitu sesiapa
yang melakukan perkara demikian wajar dihukum mati. Namun, mereka bukan sahaja melakukannya
malah juga menyokong orang lain yang mengamalkannya.

2 *Hukuman Allah yang adil*

[1] Oleh itu kamu tidak boleh berdalih hai manusia, walau siapapun kamu, apabila kamu menghakimi
orang. Pada waktu kamu hakimi orang lain, kamu juga menjatuhkan hukuman kepada dirimu sendiri;
kerana kamu yang menghakimi juga melakukan perkara yang sama. [2] Tetapi kita tahu bahawa
hukuman Allah berdasarkan kebenaran dan dijatuhkan ke atas mereka yang mengamalkan perkara
demikian. [3] Wahai manusia, apabila kamu menghakimi orang yang mengamalkan perkara demikian
sedangkan kamu sendiri melakukannya juga, adakah kamu sangka kamu akan terlepas daripada
hukuman Allah? [4] Atau adakah kamu memperkecil kebaikan, kemurahan serta kesabaran Allah yang
amat besar, dan tidak tahu bahawa kebaikan Allah membawamu ke pintu taubat?

[5] Dengan hati batumu yang tidak bertaubat, kamu mengumpul musibah kemurkaan Allah yang
akan menimpamu pada hari kemurkaan dan ternyatanya hukuman Allah yang adil. [6] Allah akan
'membalas kepada setiap orang setimpal dengan perbuatannya'. [7] Bagi mereka yang terus berbuat
baik dengan sabar demi mendapatkan kemuliaan, kehormatan dan keabadian, Dia akan memberikan
hidup yang kekal; [8] manakala bagi mereka yang mementingkan diri dan tidak taat akan kebenaran
tetapi menjunjung kedurjanaan, maka kemarahan dan kemurkaan Allah akan menimpa
mereka. [9] Kesusahan dan kesengsaraan akan menimpa diri setiap orang yang melakukan
kedurjanaan: mula-mula kepada orang Yahudi, kemudian kepada orang bukan bani Israel
juga; [10] tetapi kemuliaan, kehormatan dan kesejahteraan akan dicurahkan kepada setiap orang yang
berbuat baik: mula-mula orang Yahudi, kemudian bangsa asing juga. [11] Allah tidak menghakimi berat
sebelah.

[12] Sekalian yang telah melakukan dosa tanpa mengenal hukum Taurat akan binasa tanpa hukum
Taurat. Sekalian yang melakukan dosa sedangkan mereka mengenal hukum Taurat akan dihakimi
menurut hukum Taurat. [13] Ini kerana orang yang benar di sisi Allah bukanlah mereka yang mendengar
hukum Taurat, tetapi mereka yang mengamalkan ajarannya. [14] Apabila orang bukan bani Israel, yang
tidak mempunyai hukum Taurat, secara tabii melakukan perkara-perkara yang terkandung di dalam
hukum Taurat, maka mereka ini adalah hukum bagi diri mereka sendiri. [15] Hukum itu tersurat di hati
mereka dan hati nurani mereka juga naik saksi. Fikiran mereka menuduh atau membela
mereka, [16] pada hari Allah menghakimi segala rahsia manusia melalui Isa al-Masih, menurut Injil yang
kuberitakan.

Orang Yahudi dan Taurat Musa

[17] Kamu memanggil dirimu orang Yahudi, dan bergantung kepada hukum Taurat serta berbangga
kerana hubunganmu dengan Allah. [18] Kamu mengetahui kehendak-Nya, dan menyokong segala yang
baik, kerana kamu telah diajarkan hukum Taurat. [19] Kamu yakin bahawa kamulah yang memimpin
orang buta, yang menerangi orang dalam kegelapan, [20] yang mengajar orang bodoh, yang mengasuh
anak kecil, kerana kamu mempunyai garis-garis ilmu dan kebenaran dalam hukum Taurat. [21] Dengan
demikian, kamu yang mengajar orang lain, tidakkah kamu mengajar diri sendiri? Kamu yang
berkhutbah melarang orang mencuri, adakah kamu sendiri mencuri? [22] Kamu yang berkata, 'Jangan
berzina,' adakah kamu melakukan zina? Kamu yang membenci berhala, adakah kamu merompak
tempat ibadat? [23] Kamu yang berbangga dengan hukum Taurat, adakah kamu menghina Allah
dengan melanggar hukum itu? [24] 'Nama Allah dikufuri di kalangan orang bukan bani Israel akibat

perbuatanmu' — demikianlah yang telah tersurat.

[25] Persunatan memang bermanfaat jika kamu taat akan hukum Taurat; tetapi sekiranya kamu melanggar hukum Taurat, batallah persunatan itu. [26] Oleh yang demikian, jika seorang yang tidak bersunat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam hukum Taurat, tidakkah dia dikira sebagai telah bersunat? [27] Jika orang tidak bersunat mematuhi hukum Taurat, tidakkah dia menghakimi kamu kerana walaupun kamu mempunyai hukum bertulis dan persunatan namun kamu melanggar hukum itu?

[28] Seseorang dikira Yahudi bukanlah berasaskan keadaan lahiriah; dan persunatan bukanlah bergantung pada keadaan jasmani. [29] Seseorang dikira orang Yahudi berasaskan keadaan batiniah; dan persunatan adalah di hati dan bersifat rohani bukan mengikut hukum yang tersurat dalam Taurat. Orang sedemikian mendapat pujian bukan daripada manusia tetapi daripada Allah.

3 *Kesetiaan Allah*

[1] Oleh itu apakah kelebihan seorang Yahudi, dan apakah manfaat persunatan? [2] Sungguh banyak dalam segala hal! Terutamanya kerana Firman Allah dipercayakan kepada mereka.

[3] Jika sesetengah mereka tidak beriman, adakah ini menjadikan kesetiaan Allah tidak berkesan? [4] Sama sekali tidak! Allah tetap benar biarpun setiap manusia itu pembohong. Sebagaimana tersurat:

'Supaya Engkau didapati benar dalam
kata-kata-Mu,
dan akan menang apabila
Engkau dihakimi.'

[5] Tetapi jika kemungkaran kita menunjukkan kebenaran Allah, apa yang harus kita katakan? Adakah Allah tidak adil menimpakan kemurkaan-Nya? (Aku bercakap sebagai seorang manusia.) [6] Sama sekali tidak! Kerana jika demikian, bagaimana Allah dapat menghakimi dunia! [7] Jika kebenaran Allah bertambah kerana aku mendustai kemuliaan-Nya, mengapa aku tetap dihakimi sebagai orang berdosa? [8] Dan mengapa tidak dikatakan, 'Mari kita berbuat jahat supaya hasilnya baik.' Demikian orang memfitnahkan kita berkata dan sesetengahnya menegaskan bahawa kita berkata begitu. Hukuman atas mereka itu memang wajar.

Semua manusia berdosa

[9] Jadi bagaimana? Adakah kita lebih baik daripada mereka? Tidak sekali-kali. Kerana dahulu kita telah mengatakan bahawa baik orang Yahudi mahupun bukan Yahudi semuanya berada di bawah kuasa dosa. [10] Sebagaimana tersurat:

'Tiada yang benar,
seorang pun tidak.
[11] Tiada yang mengerti,
tiada yang mencari Allah.
[12] Semua telah menyeleweng
semuanya tidak berguna;
Tiada yang berbuat baik,
seorang pun tidak.
[13] Kerongkong mereka seperti
kubur terbuka;
tipu daya mengalir
dari lidah mereka;
dan fitnah seperti bisa ular tersembur
dari bibir mereka.

[14] Mulut mereka penuh sumpah seranah
dan kepahitan.
[15] Kaki mereka cepat menumpahkan darah.
[16] Kemusnahan dan kesengsaraan
mereka timbulkan merata-rata,
[17] sedangkan jalan damai
tidak mereka kenal.
[18] Rasa takut terhadap Allah
tiada di jiwa mereka.'

[19] Kita tahu bahawa segala yang tersurat di dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Oleh itu tiada siapapun dapat berdalih dan seluruh umat manusia akan dihakimi oleh Allah. [20] Oleh itu tiada siapapun akan diperakui benar di sisi Allah kerana mengamalkan hukum Taurat. Sebaliknya hukum Taurat hanya menyedarkan manusia bahawa mereka berdosa.

Manusia diperbenar kerana iman

[21] Tetapi sekarang, tanpa hukum Taurat, kebenaran Allah telah dinyatakan. Hukum Taurat dan para nabi telah memberikan kesaksian tentang hal itu. [22] Kebenaran Allah hanya melalui iman kepada Isa al-Masih. Hal ini berlaku kepada semua orang tanpa membezakan sesiapapun. [23] Kerana semua manusia berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. [24] Namun, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Isa al-Masih. [25] Allah menjadikan Isa al-Masih korban pendamaian supaya dengan kematian Isa, dosa orang yang beriman kepada-Nya diampunkan. Allah berbuat demikian untuk memperlihatkan keadilan-Nya kerana pada masa silam, Allah bersabar terhadap dosa manusia dan tidak menghukum mereka. [26] Tetapi sekarang Dia bertindak terhadap dosa untuk menyatakan kebenaran-Nya. Allah menunjukkan bahawa Dia benar dan memperbenar semua mereka yang beriman kepada Isa.

[27] Dengan demikian, apakah yang dapat dibanggakan? Tidak ada sama sekali! Adakah melalui ketaatan akan hukum Taurat? Tidak, tetapi melalui iman. [28] Kerana kami yakin bahawa manusia diperbenar atas iman kepada Isa al-Masih, bukan kerana dia mengamalkan apa yang diwajibkan oleh hukum Taurat. [29] Atau adakah Allah itu Tuhan orang Yahudi sahaja? Pasti tidak. Dia Tuhan bangsa-bangsa lain juga. [30] Allah itu Esa. Dia memperbenar orang yang bersunat melalui iman mereka. Demikian juga Dia memperbenar orang yang tidak bersunat melalui iman mereka. [31] Maka adakah kita memansuhkan hukum Taurat dengan iman? Sama sekali tidak! Malah kita menegakkan Taurat.

4 *Ibrahim diperbenar melalui iman*

[1] Oleh demikian, apakah yang akan kita katakan tentang Ibrahim, nenek moyang jasmaniah kita? [2] Jika Ibrahim telah diperbenar kerana kerja amalnya dapatlah dia berbangga tetapi bukan di sisi Allah. [3] Apakah yang tersurat di dalam Kitab Suci? 'Ibrahim beriman kepada Allah, dan oleh itu dia diiktiraf sebagai seorang yang benar.'

[4] Bagi seseorang yang membuat kerja, gajinya tidak dikira sebagai anugerah tetapi sebagai haknya. [5] Sebaliknya, bagi seseorang yang tidak membuat kerja amal tetapi percaya kepada Allah yang telah memperbenar orang yang mungkar, imannya diterima sebagai kebenaran. [6] Demikianlah Daud berkata tentang berkat ke atas orang yang diperbenar Allah tanpa mengira kerja amalnya. Kata Daud:

[7] 'Diberkatilah orang yang kemungkarannya diampunkan dan dosanya dihapuskan.
[8] Diberkatilah orang yang dosanya
tidak diperhitungkan Tuhan.'

[9] Maka adakah berkat ini untuk orang yang bersunat, atau untuk orang yang tidak bersunat juga? Kerana kita berkata, 'Iman Ibrahim telah diterima sebagai kebenaran.' [10] Jadi, bagaimana iman itu diterima? Semasa dia sudah bersunat, atau sebelum bersunat? Bukan semasa dia sudah bersunat, tetapi ketika dia belum bersunat; [11] lalu dia menerima tanda persunatan, materai kebenaran yang

didapatinya melalui iman semasa dia masih belum bersunat. Dengan demikian, dia menjadi bapa
kepada semua orang yang beriman tanpa bersunat, supaya mereka diterima sebagai orang yang
benar [12] dan dia juga menjadi bapa kepada orang bersunat yang bukan sahaja bersunat tetapi juga
mengikut jejak langkah moyang bangsa kita, Ibrahim yang beriman sebelum dia bersunat.

[13] Kerana janji kepada Ibrahim dan keturunannya bahawa mereka akan menjadi waris dunia ini
bukanlah melalui hukum Taurat tetapi melalui kebenaran yang diperoleh dengan iman. [14] Kerana jika
orang yang mengamalkan hukum Taurat menjadi waris, maka iman tidak bernilai dan janji itu
mansuh. [15] Kerana hukum Taurat membawa kemurkaan Allah dan tanpa hukum Taurat, tiadalah
kemungkaran.

[16] Oleh demikian janji itu melalui iman, supaya datangnya melalui kasih kurnia dan dapat
dipastikan bagi semua keturunan Ibrahim; bukan hanya yang mengamalkan hukum Taurat tetapi juga
yang mempunyai iman Ibrahim, bapa kepada kita semua. [17] Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci,
'Aku telah menjadikanmu bapa kepada beberapa banyak bangsa.' Ibrahim bapa kita di sisi Allah. Dia
beriman kepada Allah yang memberikan nyawa kepada yang mati dan menyeru yang tidak wujud
menjadi wujud.

[18] Meski bagaikan tiada harapan, Ibrahim berharap dan beriman, maka dia menjadi bapa kepada
beberapa banyak bangsa, sebagaimana telah dikatakan kepadanya, 'Demikian jugalah keturunanmu
kelak.' [19] Tanpa terjejas imannya, dia menghadapi kenyataan bahawa tubuhnya samalah seperti sudah
mati — kerana dia sudah berusia kira-kira seratus tahun — dan rahim Sarah juga sudah
mati. [20] Namun, Ibrahim tidak digugat kesangsian terhadap janji Allah, tetapi telah diteguhkan lagi
dalam imannya lalu memuliakan Allah. [21] Dia yakin sepenuhnya bahawa Allah berkuasa melakukan
apa yang telah dijanjikan-Nya. [22] Maka 'dengan imannya itu dia telah diterima sebagai orang yang
benar.' [23] Kata-kata 'dengan imannya itu dia telah diterima sebagai orang yang benar' telah tersurat
bukan untuknya sahaja, [24] tetapi juga untuk kita: Allah akan menerima kita sebagai orang yang benar,
kita yang beriman terhadap Dia yang telah membangkitkan Junjungan Isa daripada kematian. [25] Dia
telah diserahkan kepada kematian kerana dosa kita dan dibangkitkan semula kepada kehidupan untuk
pembenaran kita.

5 *Damai dan sukacita*

[1] Oleh demikian, kerana kita telah diperbenar melalui iman, kita telah berdamai dengan Allah melalui
Junjungan kita Isa al-Masih. [2] Melalui-Nya kita telah mencapai dengan iman kasih kurnia yang
meliputi kita sekarang. Dan kita bersukacita dengan harapan akan kemuliaan Allah. [3] Bukan itu sahaja,
tetapi kita juga bersukacita dengan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan membina
ketabahan. [4] Ketabahan membina budi pekerti; dan budi pekerti membina harapan. [5] Dan harapan
tidak mengecewakan kita, kerana Allah telah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita melalui Roh
Suci, yang telah dikurniakan-Nya kepada kita.

[6] Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, al-Masih telah mati untuk orang
yang fasiq. [7] Jarang sekali seseorang mahu mati untuk orang yang benar, meski untuk orang yang
baik mungkin ada yang sanggup mati. [8] Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap
kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, al-Masih telah mati untuk kita.

[9] Oleh sebab sekarang kita telah diperbenar dengan darah-Nya,lebih-lebih lagilah kita akan
diselamatkan daripada kemurkaan Allah melalui-Nya. [10] Kerana jika semasa kita seteru Tuhan kita
telah didamaikan dengan-Nya melalui kematian Putera-Nya, lebih-lebih lagilah, setelah didamaikan,
kita akan diselamatkan melalui kehidupan-Nya! [11] Bukan ini sahaja, tetapi kita juga bersukacita dalam
Allah melalui Junjungan kita Isa al-Masih yang melalui-Nya kita telah menerima pendamaian.

Mati kerana Adam, hidup kerana al-Masih

[12] Oleh itu, sebagaimana dosa memasuki dunia ini melalui seorang manusia, dan dengan
demikian kematian menimpa semua manusia, kerana semuanya berdosa. [13] Kerana sebelum hukum
diberikan, dosa sudah ada di dunia. Tetapi dosa tidak diperhitungkan apabila hukum tidak
ada. [14] Namun demikian, kematian telah bertakhta dari zaman Adam hinggalah zaman Musa, dan
merajai semua orang termasuklah yang tidak melakukan pelanggaran sebagaimana yang telah
dilakukan oleh Adam, yang merupakan gambaran Dia yang akan datang.

[15] Tetapi pemberian tidaklah seperti pelanggaran. Kerana jika ramai manusia mati akibat
pelanggaran seorang manusia, lebih-lebih lagilah kasih kurnia Allah dan pemberian melalui kasih

kurnia seorang manusia, Isa al-Masih, melimpahi manusia yang banyak! [16] Demikian juga, pemberian
Allah tidaklah seperti dosa seseorang manusia: Penghakiman datang selepas satu dosa dan
membawa hukuman, tetapi pemberian itu datang selepas beberapa banyak pelanggaran yang
membawa pembenaran. [17] Kerana jika dengan dosa seorang manusia, kematian telah bertakhta
melalui seorang manusia itu, maka lebih-lebih lagilah orang yang menerima peruntukan kasih kurnia
dan pemberian kebenaran Allah yang melimpah-limpah akan bertakhta dalam kehidupan melalui
seorang manusia, Isa al-Masih.

[18] Oleh demikian, sebagaimana satu pelanggaran itu membawa hukuman bagi semua manusia,
maka satu perbuatan yang benar membawa pembenaran yang memberikan kehidupan bagi semua
manusia. [19] Kerana sebagaimana melalui pelanggaran oleh seorang manusia, ramai telah menjadi
berdosa, maka melalui ketaatan seorang Manusia, ramai akan diperbenar.

[20] Hukum Taurat telah diadakan supaya pelanggaran bertambah. Tetapi dengan bertambahnya
dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia. [21] Oleh itu, sebagaimana dosa telah bertakhta dalam
kematian, maka kasih kurnia akan bertakhta melalui kebenaran untuk membawakan kehidupan kekal
melalui Isa al-Masih, Junjungan kita.

6 *Mati kepada dosa, hidup dalam al-Masih*

[1] Oleh yang demikian, apa akan kita katakan? Patutkah kita terus melakukan dosa supaya kasih
kurnia bertambah [2] Sama sekali tidak! Kita telah mati kepada dosa; betapa mungkin kita terus hidup
dalamnya? [3] Atau tidakkah kamu tahu bahawa semua kita yang diimadkan dalam al-Masih telah
diimadkan ke dalam kematian-Nya? [4] Melalui pengimadan itu, kita dikuburkan dengan al-Masih dan
ikut mati bersama-Nya. Demikian juga, sebagaimana al-Masih dibangkitkan daripada kematian
melalui kemuliaan Allah Bapa, kita juga dapat menikmati kehidupan yang baru.

[5] Jika kita telah disatukan dengan al-Masih kerana kita turut mati bersama-Nya, maka tentulah
kita akan disatukan juga dengan-Nya dalam kebangkitan semula-Nya. [6] Kerana kita tahu bahawa diri
kita yang dahulu telah disalib bersama-Nya supaya tubuh dosa itu dapat dihapuskan, dan kita tidak
lagi diperhamba oleh dosa. [7] Kerana sesiapa yang telah mati, dia dibebaskan daripada dosa.

[8] Jika kita telah mati bersama al-Masih, kita percaya bahawa kita akan hidup dengan-Nya
juga. [9] Kerana kita tahu bahawa oleh sebab al-Masih telah dibangkitkan daripada kematian, Dia tidak
mungkin mati lagi; kematian tidak berkuasa atas-Nya lagi. [10] Dengan kematian-Nya, Dia telah mati
kepada dosa sekali untuk selama-lamanya; tetapi dengan kehidupan-Nya, Dia hidup kepada Allah.

[11] Demikian juga, anggaplah dirimu telah mati kepada dosa tetapi hidup kepada Allah dalam al-
Masih Isa. [12] Oleh itu jangan biarkan dosa bertakhta dalam tubuhmu yang fana sehingga kamu
menurut kemahuannya yang durjana. [13] Janganlah persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu
kepada dosa, sebagai alat-alat kedurjanaan; sebaliknya persembahkanlah dirimu kepada Allah,
sebagai orang yang telah dibawa daripada kematian kepada kehidupan; dan persembahkan
bahagian-bahagian tubuhmu kepada-Nya sebagai alat-alat kebenaran. [14] Kerana dosa tidak akan
menjadi tuanmu, disebabkan kamu bukan di bawah hukum, tetapi di bawah kasih kurnia.

Abdi kepada kebenaran

[15] Jadi bagaimana? Patutkah kita melakukan dosa kerana kita bukan di bawah hukum tetapi di
bawah kasih kurnia? Sama sekali tidak! [16] Tidakkah kamu tahu bahawa jika kamu mempersembahkan
dirimu kepada seseorang dan mentaatinya sebagai hamba, maka kamu menjadi hamba kepada orang
yang kamu taati — sama ada kamu hamba kepada dosa, yang membawa kepada kematian, atau
kamu hamba kepada ketaatan, yang membawa kepada kebenaran. [17] Tetapi bersyukurlah kepada
Allah! Dahulu kamu diperhamba oleh dosa, tetapi kini kamu telah taat sepenuh hati akan bentuk
ajaran yang telah diamanahkan kepadamu. [18] Kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi
hamba kepada kebenaran.

[19] Aku menyampaikan perkara ini melalui istilah kehidupan manusia kerana kamu lemah dalam
diri tabiimu. Sebagaimana dahulu kamu telah mempersembahkan bahagian-bahagian tubuhmu
sebagai hamba kepada kekejian dan kedurjanaan yang sentiasa meningkat, maka sekarang kamu
hendaklah mempersembahkan dirimu sebagai hamba kepada kebenaran yang membawa kepada
kesucian. [20] Sewaktu kamu diperhambakan dosa dahulu, kamu tidaklah dikuasai oleh kawalan
kebenaran. [21] Tetapi apakah manfaat yang kamu dapati daripada perkara-perkara yang kini
membuatmu berasa malu? Perkara-perkara itu membawa kematian. [22] Kini kamu telah dibebaskan

daripada dosa dan menjadi hamba Allah, manfaat yang kamu dapati membawa kepada kesucian, dan hasilnya ialah kehidupan kekal. 23 Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam al-Masih Isa, Junjungan kita.

7 *Suatu contoh perkahwinan*

1 Tidakkah kamu tahu, saudara-saudaraku — kerana aku sedang berkata-kata kepada orang yang mengetahui hukum Taurat — bahawa hukum itu berkuasa ke atas seseorang hanya selagi dia masih hidup? 2 Misalnya, menurut hukum, seorang perempuan yang berkahwin terikat kepada suaminya hanya selagi suaminya itu masih hidup, tetapi jika suaminya mati, perempuan itu dibebaskan daripada hukum perkahwinan. 3 Oleh itu, jika dia berkahwin dengan lelaki lain ketika suaminya masih hidup, perempuan itu dipanggil penzina. Tetapi jika suaminya mati, perempuan itu bebas daripada hukum tersebut dan bukanlah penzina sekiranya dia berkahwin dengan lelaki lain.

4 Oleh itu saudara-saudaraku, kamu juga telah mati kepada hukum Taurat melalui tubuh al-Masih, supaya kamu menjadi milik kepada yang lain, iaitu kepada Dia yang telah dibangkitkan daripada kematian, dan dengan demikian kita dapat menghasilkan buah kepada Allah. 5 Kerana dahulu ketika kita dikawal oleh sifat tabii yang berdosa, hawa nafsu berdosa yang ditimbulkan oleh hukum telah bekerja dalam tubuh kita, sehingga kita menghasilkan buah untuk kematian. 6 Tetapi sekarang, kita telah mati kepada apa yang membelenggu kita dahulu, maka kita telah dibebaskan daripada hukum untuk berkhidmat dalam cara baru Roh, tidak lagi dalam cara lama yang berasaskan peraturan bersurat.

Menentang dosa

7 Jadi, apakah yang akan kita katakan? Adakah hukum itu dosa? Sama sekali tidak! Memang aku tidak mungkin tahu apa itu dosa kecuali melalui hukum. Kerana aku tidak mungkin tahu apa sebenarnya keinginan jahat jika hukum tidak mengatakan, ‘Jangan ingini milik orang’. 8 Tetapi dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu menimbulkan dalam diriku segala jenis keinginan jahat. Kerana tanpa hukum, dosa tidak wujud. 9 Satu masa dahulu, aku hidup tanpa hukum; tetapi apabila datang perintah itu, hiduplah dosa dan matilah aku. 10 Aku mendapati bahawa perintah yang dimaksudkan membawa kehidupan itu telah membawa kematian. 11 Kerana dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu memperdayaku, dan melalui perintah itu telah menjerumuskanku ke dalam kematian. 12 Jadi, hukum itu suci, dan perintah itu suci, benar serta baik.

13 Maka adakah sesuatu yang baik itu menjadi kematian kepadaku? Sama sekali tidak! Tetapi, supaya dosa dikenal sebagai dosa, dosa telah menimbulkan kematian dalam diriku melalui sesuatu yang baik; dengan demikian, melalui perintah itu, dosa dapat menjadi dosa sepenuhnya.

14 Kita tahu bahawa hukum bersifat rohani; tetapi aku tidak bersifat rohani, aku telah dijual sebagai hamba kepada dosa. 15 Aku tidak mengerti apa yang kulakukan. Apa yang kuhendaki, tidak kulakukan, sebaliknya aku melakukan apa yang kubenci. 16 Dan jika aku melakukan apa yang tidak mahu kulakukan, aku setuju bahawa hukum itu baik. 17 Nyatalah bahawa bukan aku yang melakukannya, tetapi dosa yang hidup dalam diriku. 18 Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu yang baik hidup dalam diriku, iaitu dalam sifat tabiiku yang berdosa. Kerana aku hendak melakukan apa yang baik, tetapi aku tidak mampu melaksanakannya. 19 Kerana yang kulakukan bukanlah kebaikan yang hendak kulakukan; tidak, kejahatan yang tidak hendak kulakukan — itulah yang kulakukan terus-menerus. 20 Jika aku melakukan sesuatu yang tidak ingin kulakukan, bukanlah lagi aku yang melakukannya tetapi dosa yang hidup dalam dirikulah yang melakukan.

21 Oleh itu aku mendapati hukum ini berlangsung; apabila aku hendak melakukan kebaikan, kejahatan bertapak di sisiku. 22 Kerana dalam jiwaku aku suka akan hukum Allah

23 tetapi aku melihat hukum lain bertindak dalam anggota-anggota tubuhku, memerangi hukum jiwaku dan membuat aku terpenjara dalam hukum dosa yang bertindak dalam anggota-anggota tubuhku. 24 Alangkah sengsaranya aku! Siapa yang akan menyelamatkanku daripada tubuh kematian ini? 25 Syukur kepada Allah melalui Isa al-Masih, Junjungan kita!

Oleh itu, dalam jiwaku aku mengabdi kepada hukum Allah, tetapi dalam sifat tabii yang berdosa aku mengabdi kepada hukum dosa.

8 *Kehidupan melalui Roh*

1 Dengan demikian, sekarang tidak ada hukuman bagi orang yang ada dalam al-Masih Isa.

2 Kerana melalui al-Masih Isa hukum Roh kehidupan telah membebaskanku daripada hukum dosa
dan kematian. 3 Apa yang tidak dapat dilakukan oleh Taurat kerana lemahnya tabii manusia, telah
dilakukan oleh Allah dengan menghantar Putera-Nya dalam bentuk manusia berdosa untuk menjadi
persembahan menebus dosa. Dengan demikian Dia menghukum dosa dalam diri manusia
berdosa. 4 Allah berbuat demikian supaya kita dapat menunaikan kehendak-kehendak hukum dalam
diri kita dengan sepenuhnya, mengikut kehendak Roh dan bukan mengikut kehendak sifat tabii.

5 Bagi orang yang hidup menurut sifat tabii yang berdosa, jiwanya tertumpu kepada apa yang
diingini oleh sifat tabii itu; tetapi bagi orang yang hidup menurut Roh, jiwanya tertumpu kepada apa
yang diingini oleh Roh. 6 Fikiran yang dikuasai oleh sifat tabii yang berdosa, adalah kematian. Tetapi
fikiran yang dikuasai oleh Roh, adalah kehidupan dan kesejahteraan. 7 Fikiran sifat tabii yang berdosa
memusuhi Allah kerana fikiran demikian tidak tunduk kepada hukum Allah dan tidak dapat berbuat
demikian 8 Orang yang dikawal oleh sifat tabii yang berdosa tidak berupaya mendapat keredaan Allah.

9 Tetapi kamu dikawal bukan oleh sifat tabii yang berdosa tetapi oleh Roh, jika Roh Allah hidup
dalam dirimu. Dan jika seseorang tidak ada Roh al-Masih, dia bukanlah milik al-Masih. 10 Sebaliknya
jika al-Masih ada dalam dirimu, tubuhmu mati kerana dosa, namun rohmu hidup kerana
kebenaran. 11 Dan jika Roh Dia yang telah membangkitkan Isa daripada kematian hidup dalam dirimu,
maka Dia yang telah membangkitkan Isa al-Masih daripada kematian akan juga memberikan
kehidupan kepada tubuhmu yang fana melalui Roh-Nya, yang hidup dalam dirimu.

12 Dengan demikian, saudara-saudaraku, kita ada kewajipan tetapi bukan terhadap sifat tabii yang
berdosa dan hidup menurut sifat tabii itu. 13 Kerana jika kamu hidup menurut sifat tabii yang berdosa,
kamu akan mati; tetapi jika dengan Roh itu kamu mematikan perbuatan-perbuatan salah tubuhmu,
kamu akan hidup, 14 kerana orang yang dipimpin oleh Roh Allah adalah anak-anak Allah. 15 Kerana
kamu bukanlah menerima Roh yang menyebabkan kamu diperhamba lagi oleh ketakutan, tetapi telah
menerima Roh yang menjadikanmu anak Allah. Dan dengannya kita berseru, ‘Abba, Bapa.’ 16 Roh itu
sendiri memberikan kesaksian dengan roh kita bahawa kita anak Allah. 17 Jika kita anak, maka kita
waris-waris Allah, waris bersama dengan al-Masih, jika kita benar-benar berkongsi penderitaan-Nya
supaya dapat berkongsi kemuliaan-Nya kelak.

Kemuliaan akan datang

18 Aku menganggap bahawa penderitaan kita sekarang terlalu kecil untuk dibandingkan dengan
kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita. 19 Seluruh ciptaan menanti-nantikan saatnya Allah
menyerlahkan anak-anak-Nya. 20 Kerana seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan, bukan
dengan pilihannya sendiri, tetapi dengan kehendak Dia yang telah menundukkannya, dengan
harapan 21 bahawa ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada belenggu kemusnahan dan dibawa
ke dalam kebebasan penuh kemuliaan anak-anak Allah.

22 Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan
anak. 23 Lebih daripada itu, kita sendiri yang mendapat buah pertama Roh Allah, turut mengerang
dalam batin sambil menanti-nantikan pengangkatan sebagai anak Allah, iaitu penebusan tubuh
kita. 24 Melalui harapan ini, kita telah diselamatkan. Tetapi harapan yang dilihat bukanlah harapan.
Siapa yang mengharapkan apa yang sudah ada padanya? 25 Sebaliknya, jika kita mengharapkan apa
yang belum ada pada kita, maka kita menantikannya dengan sabar.

26 Demikian jugalah, Roh menolong kita dalam kelemahan kita. Kita tidak tahu apa yang patut kita
doakan, tetapi Roh itu sendiri berdoa syafaat untuk kita dengan rintihan yang tidak dapat disampaikan
melalui kata-kata. 27 Dan Dia yang menyoroti hati kita tahu akan fikiran Roh, kerana Roh berdoa
syafaat bagi pihak orang yang salih menurut kehendak Allah.

Lebih daripada penakluk

28 Dan kita tahu bahawa dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-
Nya, yang telah dipanggil menurut kehendak-Nya. 29 Kerana dari mulanya dahulu Allah telah
menentukan mereka yang dipilih-Nya supaya menjadi selaras dengan rupa Putera-Nya, Isa al-Masih,
maka Putera itu merupakan yang sulung di antara saudara-saudara yang ramai. 30 Dan orang yang
ditentukan Allah dari mulanya dahulu dipanggil-Nya; orang yang dipanggil-Nya itu diperbenar-Nya;

orang yang diperbenar-Nya itu dipermuliakan-Nya pula.

31 Jadi, apakah yang akan kita katakan sebagai sambutan kepada hal ini? Jika Allah memihak
kepada kita, siapa dapat melawan kita? 32 Dia yang tidak mengecualikan Putera-Nya sendiri, tetapi
menyerahkan-Nya untuk kita semua — tentulah Dia, bersama Putera-Nya itu, akan memberikan
segala-galanya kepada kita dengan rela! 33 Siapa yang akan mendakwa orang pilihan Allah? Allah
yang memperbenar. 34 Siapakah yang dapat mempersalahkan kita? Al-Masih Isa, yang telah mati,
bahkan lebih daripada itu, yang telah dibangkitkan, berada di sebelah kanan Allah dan juga berdoa
syafaat bagi pihak kita. 35 Siapa yang akan memisahkan kita daripada kasih al-Masih? Kekacauan
atau kesusahan atau penganiayaan atau kebuluran atau ketelanjangan atau bahaya atau
pedang? 36 Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci:

‘Kerana-Mu kami menghadapi maut sepanjang hari;

Kami dianggap sebagai domba untuk disembelih.’

37 Tidak! dalam semua hal ini kita lebih daripada para penakluk melalui Dia yang mengasihi
kita. 38 Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para malaikat mahupun para
penguasa, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apapun, 39 ketinggian mahupun kedalaman,
baik apapun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah
yang di dalam al-Masih Isa, Junjungan kita.

9 *Pilihan Allah yang utama*

1 Aku berkata benar dalam al-Masih. Aku tidak berdusta, hati nuraniku mengesahkannya dalam Roh
Suci. 2 Aku teramat sedih dan gundah dalam hatiku. 3 Kerana aku rela terkutuk dan terpisah daripada
al-Masih untuk kepentingan saudara-saudara sebangsaku. 4 Mereka itu orang Israel. Untuk mereka
pengangkatan sebagai anak Allah; untuk mereka kemuliaan ilahi; perjanjian-perjanjian; penerimaan
hukum, ibadat di rumah ibadat, dan janji-janji. 5 Mereka adalah keturunan nenek moyang yang
termasyhur. Bahkan dari antara mereka jugalah al-Masih lahir sebagai manusia. Dialah yang terutama
dari segala sesuatu. Terpujilah Allah selama-lamanya. Amin.

6 Ini tidaklah bererti Firman Allah telah gagal. Kerana bukan semua keturunan Israel itu diterima
sebagai Israel. 7 Juga bukan semua keturunan Ibrahim diterima sebagai anak-anak Ibrahim.
Sebaliknya, ‘Melalui Ishak anak-anakmu akan diperhitungkan.’ 8 Ini bererti, anak-anak Allah bukanlah
keturunan tabii Ibrahim tetapi anak-anak janji Allah. 9 Kerana demikianlah kata-kata janji itu: ‘Pada
masa yang ditetapkan Aku akan kembali, dan Sarah akan mendapat seorang anak lelaki.’

10 Bukan itu sahaja, malah kedua-dua anak lelaki Ribkah mempunyai bapa yang sama, iaitu Ishak,
bapa kita. 11 Namun, sebelum anak kembar itu dilahirkan dan sempat berbuat baik atau jahat — untuk
menegakkan kehendak Allah dalam pemilihan: 12 bukan dengan kerja amal tetapi dengan Dia yang
memanggil — Ribkah telah diberitahu: ‘Yang tua akan melayan yang muda.’ 13 Sebagaimana tersurat
di dalam kitab suci: ‘Yakub Kukasihi, tetapi Esau Kubenci.’

14 Jadi, apa yang akan kita katakan? Adakah Allah tidak adil? Sama sekali tidak!

15 Kerana Dia telah berkata kepada Musa,

‘Aku akan kasihani sesiapa yang Kukasihani.

Dan Aku akan berbelas kasihan kepada

sesiapa yang Kubelaskasihi.’

16 Oleh itu hal demikian bergantung bukan kepada keinginan atau usaha manusia tetapi kepada belas
kasihan Allah. 17 Kerana kitab suci berkata kepada Firaun: Aku telah mengangkatmu untuk tujuan ini,
iaitu menunjukkan kekuasaan-Ku melaluimu dan supaya nama-Ku termasyhur di seluruh
bumi. 18 Dengan demikian Allah mengasihani sesiapa yang hendak dikasihani-Nya, dan mengeraskan
hati sesiapa yang hendak dikeraskan-Nya hati.

19 Seorang daripadamu akan berkata kepadaku, ‘Kalau begitu, mengapa masih menyalahkan
kita? Kerana siapa yang dapat menentang kehendak-Nya?’ 20 Tetapi siapakah engkau, hai manusia,
maka engkau menghujahi Allah? ‘Adakah ciptaan berkata kepada penciptanya, “Mengapa kaubuat aku
begini?” ’ 21 Tidakkah tukang tembikar berhak membuat daripada segumpal tanah liat yang sama,
beberapa bekas tembikar untuk tujuan mulia dan yang lain untuk kegunaan biasa?

22 Bagaimana jika Allah, untuk menunjukkan kemurkaan-Nya dan menyatakan kekuasaan-Nya,

setelah begitu bersabar terhadap orang yang dimurkai-Nya, membuat persediaan untuk
membinasakan? [23] Bagaimana jika Dia berbuat demikian untuk memperlihatkan betapa besar
kemuliaan-Nya kepada orang yang dikasihi-Nya, yang telah disediakan-Nya terlebih dahulu untuk
kemuliaan, [24] justeru kita, yang telah dipanggil-Nya, bukan hanya dari kalangan orang Yahudi tetapi
juga dari kalangan bangsa asing? [25] Sebagaimana telah disampaikan-Nya melalui Hosea:

‘Aku akan memanggil mereka “umat-Ku”
sedangkan mereka bukan umat-Ku;
dan Aku akan memanggil dia “orang yang Kukasihi”
sedangkan dia bukan orang
yang Kukasihi.’

[26] dan,

‘akan terjadi bahawa di mana
telah dikatakan kepada mereka,
‘Kamu bukan umat-Ku,’
di situlah mereka akan dipanggil
‘anak-anak Allah yang hidup.” ’

[27] Yasyaya juga telah berseru tentang umat Israel:

‘Walaupun bilangan anak Israel
seperti pasir di tepi laut,
hanya segelintir baki akan diselamatkan.
[28] Kerana Tuhan akan menjalankan
hukumannya di atas bumi dengan segera
dan muktamad.’

[29] Samalah seperti kata Yasyaya sebelum itu:

‘Sekiranya Tuhan Maha Kuasa
tidak membiarkan keturunan kita hidup,
kita tentu telah menjadi seperti Sodom,
tentu kita seperti Gomora.’

Israel yang tidak beriman

[30] Jadi, apa yang akan kita katakan? Bahawa bangsa-bangsa asing, yang tidak mengejar
kebenaran, telah mendapatinya, iaitu kebenaran berasaskan iman. [31] Sebaliknya orang Israel, yang
mengejar kebenaran berasaskan hukum kebenaran, tidak dapat mencapainya. [32] Mengapa tidak?
Kerana mereka mengejarnya bukan dengan iman, tetapi seolah-olah dengan mengamalkan kerja
amal. Mereka tersandung pada batu sandungan.

[33] Sebagaimana telah tersurat:

‘Aku telah meletakkan di Sion seketul batu
yang menyebabkan orang tersandung
dan sebuah batu pejal yang membuat mereka terjatuh,
dan orang yang percaya kepada-Nya
tidak akan diaibkan.’

10 [1] Saudara-saudaraku, hasrat hatiku dan doaku kepada Allah tentang orang Israel ialah semoga
mereka akan diselamatkan. [2] Aku dapat memberi kesaksian bahawa mereka bersungguh-sungguh
dalam ibadat kepada Allah, tetapi kesungguhan mereka tidak berasaskan pengetahuan yang

benar. [3] Oleh sebab mereka tidak mengetahui kebenaran yang datang daripada Allah dan mereka
berusaha menegakkan kebenaran mereka sendiri, maka mereka tidak tunduk kepada kebenaran
Allah. Kebenaran kerana iman [4] al-Masih adalah titik tamat hukum supaya kebenaran didapati oleh
setiap orang yang beriman.

[5] Musa telah menulis tentang kebenaran berasaskan hukum Taurat, 'Sesiapa yang melakukan hal-
hal ini akan hidup mengikutnya.' [6] Tetapi kebenaran berasaskan iman berkata demikian, 'Jangan
bertanya dalam hatimu, "Siapa yang akan naik ke syurga?" (untuk membawa al-Masih turun) [7] atau,
"Siapa yang akan turun ke alam kubur?" (untuk membawa al-Masih naik daripada
kematian). [8] Apakah yang dikatakan? 'Firman itu begitu dekat denganmu, di mulutmu dan di hatimu
(iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): [9] Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Isa
adalah Junjungan Yang Esa dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya
daripada kematian, kamu akan diselamatkan; [10] kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar,
dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan. [11] Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci,
'Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan.' [12] Kerana tidak ada perbezaan antara orang
Israel dengan bangsa lain, kerana Tuhan yang sama berkuasa ke atas semuanya dan melimpahkan
berkat ke atas semua yang menyeru kepada-Nya. [13] Kerana 'Sesiapa yang menyeru nama Tuhan
akan diselamatkan.'

[14] Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-
Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak pernah
mendengar tentang-Nya? Dan bagaimana mereka dapat mendengar sedangkan tiada sesiapapun
yang mengajar mereka tentang-Nya? [15] Dan bagaimana orang dapat mengajar kecuali dihantar?
Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci, 'Alangkah indahnya kaki mereka yang membawa berita
baik!'

[16] Sebagaimana kata Yasyaya, 'Tuhan, siapa yang percaya akan perkhabaran yang kami
sampaikan?' [17] Oleh itu iman datang daripada mendengar perkhabaran itu, dan perkhabaran itu
didengar melalui sabda al-Masih. [18] Tetapi aku bertanya, 'Tidakkah mereka mendengar?' Tentu sekali:

'Suara mereka telah tersebar ke serata bumi,
dan kata-kata mereka telah sampai ke seluruh pelosok dunia.'

[19] Sekali lagi aku bertanya, 'Tidakkah orang Israel mengerti?' Pertama, Musa berkata:

'Aku akan membuatmu iri hati
dengan orang yang bukan satu bangsa;
Aku akan membuatmu marah dengan satu bangsa
yang tidak mengerti.'

[20] Kemudian Yasyaya lantang berkata,

'Aku telah ditemui oleh mereka
yang tidak mencari-Ku;
Aku menyatakan diri-Ku kepada orang
yang tidak memohon kehadiran-Ku.

[21] Tetapi kepada orang Israel dia berkata,

'Sepanjang hari telah Kuhulurkan tangan-Ku
kepada bangsa yang ingkar dan
keras kepala.'

11 *Bani Israel*

[1] Oleh itu aku bertanya, 'Adakah Allah telah menyingkirkan umat-Nya?' Sama sekali tidak! Aku sendiri
seorang berbangsa Israel, keturunan Ibrahim, daripada suku Benyamin. [2] Allah tidak menyingkirkan
umat-Nya yang telah dipilih-Nya dari dahulu. Tidakkah kamu tahu apa yang telah tersurat di dalam
kitab suci, di dalam petikan tentang Ilyas, betapa dia mengadu kepada Allah tentang Israel: [3] 'Ya
Tuhan, mereka telah membunuh nabi-nabi-Mu dan meruntuhkan tempat penyembahan-Mu; dan
hanya aku yang tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk membunuhku'? [4] Dan apakah jawapan

Allah kepadanya? ‘Aku telah menyimpan untuk diri-Ku tujuh ribu orang yang tidak tunduk kepada
Baal.’ [5] Begitu jugalah, pada zaman ini, ada baki yang dipilih berasaskan kasih kurnia. [6] Jika dengan
kasih kurnia, maka tidaklah lagi dengan kerja amal; sekiranya masih dengan kerja amal, kasih kurnia
bukanlah kasih kurnia lagi.

[7] Jadi, bagaimana? Apa yang dicari Israel dengan begitu bersungguh-sungguh tidak didapati oleh
mereka, tetapi orang pilihan mendapatinya. Yang lain telah dikeraskan hatinya, [8] sebagaimana telah
tersurat:

‘Allah telah membuat mereka tidak sedar,
mata tidak melihat,
telinga tidak mendengar,
sampailah hari ini.’

[9] Dan Daud berkata:

‘Semoga meja perjamuan mereka
menjadi jerat dan perangkap,
batu sandungan dan
balasan kepada mereka;
[10] Kelamkan mata mereka agar tidak
dapat melihat,
dan bongkokkan belakang mereka
selama-lamanya!

Cabang-cabang yang dicantumkan

[11] Oleh itu aku bertanya, ‘Adakah mereka tersandung dan tidak dapat bangun semula?’ Sama
sekali tidak! Sebaliknya, kerana pelanggaran yang dilakukan oleh mereka, penyelamatan telah datang
kepada bangsa-bangsa lain untuk membuat Israel iri hati. [12] Tetapi jika pelanggaran Israel bermakna
kekayaan bagi dunia, dan kerugian mereka bermakna kekayaan bagi orang bukan bani Israel, betapa
bergandanya lagi kekayaan yang akan dibawa oleh ketaatan mereka!

[13] Sekarang aku berkata kepadamu, wahai bangsa asing: Oleh sebab aku ini rasul kepada orang
bukan bani Israel, aku membesarkan pelayananku [14] dengan harapan dapat menimbulkan iri hati
bangsaku sendiri dan menyelamatkan sesetengah mereka. [15] Jika penyingkiran mereka
mendatangkan perdamaian bagi seisi dunia, lebih-lebih lagilah kalau mereka diterima semula oleh
Allah! Bukankah hal ini seperti hidup kembali selepas mati? [16] Sekiranya gumpalan pertama suci,
maka sucilah seluruh adunan. Jika suci akar pohon, maka demikian jugalah cabang-cabangnya.

[17] Andainya beberapa cabang itu dipatahkan dan kamu, walaupun pucuk zaitun liar, dicantumkan
lalu berkongsi akar dengan pohon zaitun yang subur itu, [18] janganlah bercakap besar kepada cabang-
cabang lain. Kalau kamu bermegah juga, ingatlah bahawa bukan kamu yang menyokong akar tetapi
akar yang menyokong kamu. [19] Ketika itu kamu akan berkata:’Cabang-cabang itu dipatahkan supaya
aku dapat dicantumkan.’ [20] Memang benar. Oleh sebab tidak beriman, cabang-cabang itu dipatahkan,
dan kamu dapat berada di situ kerana iman! Janganlah angkuh; sebaliknya takutlah. [21] Kerana jika
Allah tidak mengampuni cabang-cabang tabii itu, Dia tidak akan mengampunimu juga.

[22] Oleh itu, fikirkanlah belas ihsan dan juga kekerasan-Nya; kekerasan kepada mereka yang
terjerumus; belas ihsan kepada kamu, asalkan kamu berterusan dalam belas ihsan-Nya. Jika tidak,
kamu juga akan dibuangkan. [23] Mereka juga, jika mengubah sikap tidak percaya, akan dicantumkan
semula, kerana Allah berupaya berbuat demikian. [24] Kalau kamu yang telah dipotong dari pokok zaitun
liar dapat dicantumkan ke pohon zaitun yang baik dan berbeza tabiinya, lebih-lebih lagilah cabang-
cabang tabii itu dapat dicantumkan ke pokok zaitunnya sendiri!

Seluruh Israel akan diselamatkan

[25] Saudara-saudaraku, aku tidak mahu kamu jahil tentang rahsia ini, supaya kamu tidak berasa
megah: Sebahagian daripada orang Israel telah menjadi keras hati sehingga genap jumlah orang
bukan bani Israel telah masuk. [26] Kemudian seluruh orang Israel akan diselamatkan, sebagaimana

yang telah tersurat:

‘Penyelamat akan datang dari Sion,

dan Dia akan menjauhkan kemungkaran daripada Yakub;

27 Kerana inilah perjanjian-Ku

dengan mereka

ketika Aku menghapuskan

dosa-dosa mereka.’

28 Dari segi Injil, orang Israel dimusuhi keranamu, tetapi dari segi pilihan, mereka dikasihi kerana
nenek moyang mereka; 29 kerana kurnia dan panggilan Allah tidak akan ditarik kembali selama-
lamanya. 30 Sebagaimana kamu dahulu ingkar kepada Allah namun kini telah mendapat belas kasihan
kerana keingkaran mereka, 31 demikian jugalah mereka yang kini telah ingkar, melalui belas kasihan
yang kamu peroleh, mereka juga mungkin mendapat belas kasihan. 32 Allah telah mengeraskan hati
mereka dalam keingkaran, supaya Dia dapat mengasihani semuanya.

Pemberkatan

33 Oh, betapa kaya kebijaksanaan

dan pengetahuan Allah!

Penghakiman-Nya tidak terduga,

dan jalan-jalan-Nya tidak mungkin diselami!

34 ‘Kerana siapakah yang mengetahui

fikiran Tuhan?

Siapa yang menjadi penasihat-Nya?

35 Atau siapakah yang pernah memberi-

Nya sesuatu,

maka Dia harus membalasnya?’

36 Segala-galanya daripada Dia, melalui

Dia dan kepada Dia.

Bagi Allah kemuliaan selama-lamanya. Amin.

12 *Persembahan yang benar*

1 Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya
mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, dalam keadaan suci dan dapat
diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar. 2 Janganlah ikut cara hidup duniawi, sebaliknya
berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa
kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.

3 Aku berkata kepada setiap orang daripadamu, melalui kasih kurnia yang diberikan kepadaku:
Janganlah nilai dirimu lebih tinggi daripada sepatutnya, sebaliknya nilailah dirimu sewajarnya, selaras
dengan kadar iman yang telah diberikan Allah kepada setiap orang. 4 Sebagaimana tubuh manusia
terdiri daripada beberapa anggota yang berbagai-bagai tugasnya dan bukan semua anggota itu
mempunyai tugas yang sama, 5 begitu jugalah kita yang ramai ini, semuanya anggota satu tubuh
dalam al-Masih, dan saling memiliki. 6 Kita mempunyai kurnia yang berlainan menurut kasih kurnia
yang diberikan kepada kita. Sekiranya kita dianugerahi kurnia untuk bernubuat, maka bernubuatlah
menurut kadar iman kita; 7 kalau untuk melayani, gunakanlah dalam pelayanan kita; jika untuk
mengajar, gunakanlah dalam pengajaran. 8 Orang yang dianugerahi kurnia untuk menasihati,
hendaklah dia menggunakannya dalam memberikan nasihat; kalau untuk memberi, lakukanlah
dengan murah hati; kiranya untuk memimpin, berilah pimpinan dengan bersungguh-sungguh; dan jika
untuk menunjukkan belas kasihan, lakukanlah dengan sukacita.

Hidup dalam kasih

[9] Kasih hendaklah bersih daripada pura-pura. Bencilah kejahatan. Berpeganglah kepada
kebaikan. [10] Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih
persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan; [11] jangan biarkan kerajinanmu
berkurangan; hendaklah semangatmu tetap berkobar-kobar; sentiasa abdikan diri kepada
Tuhan. [12] Bergembiralah dalam harapan, tabah menghadapi kesusahan, dan terus-menerus
berdoa. [13] Berilah bantuan untuk memenuhi keperluan orang salih, dan berikan tempat menumpang.

[14] Pohonlah berkat bagi orang yang menganiayai kamu, dan jangan kutuk
mereka. [15] Bergembiralah dengan orang yang bergembira, dan menangislah dengan orang yang
menangis. [16] Bersatu hatilah sesama kamu. Jangan tinggi hati, sebaliknya bergaullah dengan
golongan yang sederhana. Jangan anggap dirimu bijaksana.

[17] Jangan balas kejahatan dengan kejahatan. Perhatikan apa yang baik di mata semua
orang. [18] Setakat yang mungkin, jika dalam keupayaanmu, hiduplah dalam damai dengan semua
manusia. [19] Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah berusaha membalas dendam, serahkanlah
kepada kemurkaan Allah, kerana telah tersurat: 'Pembalasan adalah hak-Ku. Akulah yang akan
membalas,' demikian firman Tuhan. [20] Oleh itu:

'Jika musuhmu lapar, berilah dia makan;

jika dia dahaga, beri dia minum;

Kerana dengan berbuat demikian,

kamu menimbunkan bara api

ke atas kepalanya.'

[21] Jangan ditewaskan oleh kejahatan, tetapi tewaskanlah kejahatan dengan kebaikan.

13 *Tunduk kepada pemerintah*

[1] Setiap orang harus tunduk kepada pihak berkuasa, kerana tidak ada kekuasaan yang tidak datang
daripada Allah, dan pihak berkuasa yang ada telah ditetapkan oleh Allah. [2] Oleh itu sesiapa yang
menentang pihak berkuasa menentang peraturan Allah, dan sesiapa yang menentang membawa
hukuman ke atas dirinya. [3] Pemerintah tidak menakutkan orang yang berbuat baik, hanya mereka
yang berbuat jahat. Inginkah kamu bebas daripada rasa takut terhadap pemerintah? Lakukan
kebajikan, pasti kamu akan dipujinya. [4] Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk
membawa kebaikan kepadamu. Tetapi jika kamu melakukan kejahatan, wajarlah kamu takut, kerana
pedang yang dibawanya tentu sekali untuk digunakan. Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan
oleh Allah untuk menjalankan pembalasan dengan menimpakan kemurkaan Allah ke atas orang yang
berbuat jahat. [5] Oleh itu tunduklah, bukan hanya kerana takut dimurkai Allah tetapi juga kerana
menurut hati nuranimu sendiri.

[6] Dengan sebab itu jugalah kamu harus membayar cukai. Pemerintah adalah pegawai-pegawai
yang ditugaskan oleh Allah untuk mengendalikan hal itu. [7] Oleh itu bayarlah apa yang wajar dibayar
kepada setiap pihak: Sekiranya cukai, bayarlah cukai; sekiranya hasil, bayarlah hasil. Dan takutilah
orang yang patut ditakuti, dan hormatilah orang yang patut dihormati.

Kasih-mengasihi

[8] Jangan merasa terhutang apa-apa kepada sesiapapun kecuali kasih-mengasihi, kerana
seseorang yang mengasihi sesama manusia telah memenuhi hukum; [9] kerana perintah-perintah,
'Jangan berzina', 'Jangan membunuh', 'Jangan mencuri', 'Jangan bersaksi bohong', 'Jangan ingini
milik orang lain' dan perintah-perintah yang lain adalah terangkum dalam perintah ini, 'Kasihilah
sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri'. [10] Kasih tidak berbuat jahat kepada
sesama manusia. Oleh itu kasih memenuhi hukum.

[11] Kamu tahu bahawa sudah sampai waktunya kamu bangun dari tidur, kerana kini penyelamatan
lebih dekat lagi kepada kita daripada dahulu, ketika kita baru beriman. [12] Malam sudah hampir berlalu,
dan siang hampir tiba. Oleh itu lucutkanlah segala kerja kegelapan dan kenakan kelengkapan senjata
cahaya. [13] Ikutlah tingkah laku yang wajar, sebagaimana orang berjalan pada siang hari. Jangan
berpesta liar dan mabuk, jauhi noda dan kelucahan, singkirkan pergaduhan dan iri hati. [14] Kenakan
Junjungan Isa al-Masih sebagai kelengkapan senjata dan jangan hidup secara duniawi untuk

memuaskan hawa nafsu.

14 *Yang lemah dan yang kuat*

[1] Terimalah orang yang lemah imannya, tanpa menghakimi hal-hal yang boleh dipertikaikan. [2] Ada orang yang yakin dia boleh makan semua jenis makanan, tetapi ada juga orang yang lemah imannya dan hanya makan sayur-sayuran. [3] Namun demikian, orang yang makan semua jenis makanan janganlah menghina orang yang tidak makan sesuatu; dan orang yang tidak makan sesuatu janganlah menghakimi orang yang makan semua jenis makanan, kerana Allah telah menerima dia. [4] Siapakah kamu maka berani menghakimi hamba orang lain? Sama ada dia tetap berdiri atau jatuh, terpulanglah kepada tuannya. Malah dia akan tetap berdiri kerana Tuhan berkuasa membuatnya tetap berdiri.

[5] Ada orang yang mengutamakan hari tertentu daripada yang lain, dan ada pula yang menganggap semua hari sama baiknya. Setiap orang harus membuat keputusan bagi dirinya sendiri, selaras dengan keyakinannya. [6] Mereka yang mengutamakan hari-hari tertentu berbuat demikian untuk menghormati Tuhan. Mereka yang makan semua jenis makanan melakukannya untuk menghormati Tuhan, kerana mereka mengucap syukur kepada Allah; manakala mereka yang tidak makan beberapa jenis makanan juga melakukannya untuk menghormati Tuhan, dan mengucap syukur kepada Allah. [7] Tiada seorang pun di kalangan kita yang hidup bagi diri sendiri, dan tiada seorang pun di kalangan kita yang mati bagi diri sendiri. [8] Jika kita hidup, kita hidup bagi Tuhan; dan jika kita mati, kita mati bagi Tuhan. Oleh itu, baik kita hidup mahupun mati, kita adalah milik Tuhan.

[9] Al-Masih mati dan bangkit lalu hidup semula untuk menjadi Tuhan kepada yang mati dan yang hidup. [10] Mengapakah kamu menghakimi saudaramu? Dan mengapa kamu menghina saudaramu? Kita semua akan berdiri di hadapan takhta penghakiman al-Masih. [11] Kerana telah tersurat:

‘ “Demi hidup-Ku,” Tuhan berfirman,

“Setiap orang akan bertekuk lutut di hadapan-Ku;

dan setiap lidah akan mengaku

kepada Allah.” ’

[12] Nyatalah bahawa setiap seorang daripada kita akan dipertanggungjawabkan memberi pernyataan tentang dirinya kepada Allah.

[13] Oleh itu janganlah lagi kita menghakimi sesama sendiri. Sebaliknya bertekadlah tidak akan membuat saudaramu tersandung atau terjatuh. [14] Dalam Junjungan Isa, aku tahu dan percaya bahawa tiada sesuatu pun yang najis. Namun, sesuatu menjadi najis bagi seseorang yang menganggapnya najis. [15] Sekiranya saudaramu bersedih kerana sesuatu yang kamu makan, maka kamu tidaklah lagi hidup berasaskan kasih. Jangan mudaratkan sesiapa disebabkan makananmu, kerana al-Masih telah berkorban nyawa untuk dia juga. [16] Jangan sampai sesuatu yang kamu anggap baik disebut sebagai kejahatan. [17] Kerajaan Allah bukanlah soal makan minum, tetapi menjalankan segala yang benar dan membawa kesejahteraan serta kegembiraan dalam Roh Suci. [18] Orang yang mengabdikan diri kepada al-Masih dengan cara ini akan diredai Allah dan disukai manusia.

[19] Oleh itu marilah kita mengejar hal-hal yang membawa kesejahteraan dan yang membina kebaikan sesama sendiri. [20] Jangan rosakkan rancangan Allah semata-mata kerana makanan! Semua makanan adalah suci, tetapi seseorang dianggap bersalah sekiranya sesuatu yang dimakannya menyebabkan orang lain tersandung. [21] Sebaik-baiknya jauhilah makan daging atau minum anggur atau apa sahaja yang dapat melemahkan saudaramu.

[22] Apa yang kamu percayai, percayailah sendirian di hadapan Allah. Berbahagialah orang yang tidak perlu menyalahkan dirinya tentang sesuatu yang dipercayainya benar. [23] Sebaliknya, seseorang yang makan sesuatu dengan perasaan waswas adalah bersalah kerana perbuatannya itu tidak berasaskan iman. Segala yang tidak berasaskan iman itu adalah dosa.

15 *Menerima satu sama lain*

[1] Yang kuat di kalangan kita hendaklah menampung kelemahan orang yang tidak kuat, dan jangan hanya menyukakan hati sendiri. [2] Setiap orang haruslah menyukakan hati saudaranya sesama manusia untuk kebaikannya supaya dia menjadi teguh. [3] Al-Masih tidak menyukakan hati-Nya sendiri; sebaliknya telah tersurat: ‘Segala celaan daripada mereka yang mencela-Mu telah menimpa-

Ku.' [4] Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penglipuran daripada tulisan-tulisan suci itu kita mendapat harapan.

[5] Semoga Allah yang memberikan kesabaran dan galakan, mengurniaimu perpaduan yang sama terhadap satu sama lain, menurut Isa al-Masih. [6] Dengan demikian dapatlah kamu dengan sebulat hati dan suara memuliakan Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih.

[7] Terimalah satu sama lain, sebagaimana al-Masih telah menerima kita, demi kemuliaan Allah. [8] Sekarang aku berkata kepadamu bahawa Isa al-Masih telah menjadi hamba kepada umat yang bersunat demi kebenaran Allah, untuk meneguhkan janji yang telah dibuat kepada nenek moyang kita, [9] dan supaya bangsa-bangsa lain juga memuliakan Allah kerana belas kasihan-Nya, sebagaimana telah tersurat:

'Kerana itulah Aku akan memuliakan-Mu
dalam kalangan bangsa-bangsa lain,
menyanyikan pujian bagi nama-Mu.'

[10] Seterusnya dikatakan lagi:

'Bergembiralah, semua bangsa,
bersama umat-Nya!'

[11] Kemudian,

'Pujilah Tuhan, hai semua bangsa!
Pujilah Dia, hai kamu semua manusia!'

[12] Yasyaya menyampaikan juga:

'Akan ada tunas dari Isai,
Dialah yang bangkit memerintah
semua bangsa,
kepada-Nyalah semua bangsa akan
menaruh harapan.'

[13] Semoga Allah, sumber harapan, memenuhi hatimu dengan kegembiraan dan kesejahteraan dalam iman, supaya kamu dilimpahi harapan dengan kuasa Roh Suci.

Pelayanan Paulus

[14] Sekarang aku yakin tentangmu, saudara-saudaraku, bahawa kamu juga penuh dengan kebaikan dan pengetahuan serta dapat saling menasihati. [15] Namun begitu, saudara-saudaraku, aku telah menulis kepadamu dengan lebih tegas tentang hal-hal tertentu kerana kasih kurnia yang telah dikurniakan Allah kepadaku, [16] menjadikan aku hamba Isa al-Masih bagi bangsa-bangsa lain, menyampaikan berita baik daripada Allah, supaya persembahan bangsa-bangsa lain itu diterima Allah, disucikan oleh Roh Suci.

[17] Dengan demikian aku dapat berbangga dalam Isa al-Masih tentang hal-hal berkaitan Allah. [18] Aku tidak akan berani bercakap tentang sesuatu selain yang telah dilakukan oleh al-Masih melaluiku, dengan kata-kata dan perbuatan, untuk menjadikan bangsa-bangsa lain itu taat, [19] dalam bentuk alamat dan keajaiban besar, dengan kuasa Roh Allah. Dari Baitulmaqdis dan sekitarnya sampai ke Ilirikum aku telah menyampaikan berita baik al-Masih. [20] Aku ingin menyampaikan berita baik ini ke tempat-tempat nama al-Masih belum disebut orang. Dengan demikian aku tidak membina di atas tapak yang telah diletakkan oleh orang lain. [21] Sebagaimana yang telah tersurat:

'Mereka yang belum pernah mendapat
khabar tentang-Nya akan melihat,
dan mereka yang belum pernah mendengar
akan mengerti.'

[22] Itulah sebabnya selalu sahaja tergendala hasratku hendak mengunjungimu.

Rancangan Paulus mengunjungi Rom

23 Namun sekarang, kerana tiada lagi tempat bagiku di sini, dan sudah bertahun-tahun aku ingin
melawatmu, 24 aku berharap dapat singgah di tempatmu ketika aku ke Sepanyol dan dapat bertemu
denganmu. Aku juga berharap kamu akan membantuku meneruskan perjalanan ke sana setelah
sejenak aku bergembira bersamamu. 25 Tetapi kini aku sedang dalam perjalanan ke Baitulmaqdis
untuk membawakan bantuan kepada orang salih. 26 Orang Makedonia dan Akhaya telah membuat
keputusan turut membantu orang salih yang miskin di Baitulmaqdis. 27 Ini dilakukan mereka dengan
rela hati, malah mereka menganggapnya suatu kewajipan; kerana jika bangsa-bangsa lain telah
mendapat bahagian bersama orang Israel dalam hal-hal rohani, maka seharusnyalah mereka
membantu orang Israel dalam hal-hal lahiriah. 28 Setelah menjalankan tugas ini dan menyerahkan apa
yang telah dikumpulkan, aku akan belayar ke Sepanyol dan singgah di tempatmu. 29 Aku yakin
bahawa apabila ke tempatmu, aku akan datang dengan berkat al-Masih yang melimpah.

30 Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, demi Junjungan Isa al-Masih dan demi kasih
daripada Roh Suci, berdoalah bersungguh-sungguh bersamaku kepada Allah bagi diriku, 31 supaya
aku terhindar daripada orang yang tidak beriman di Yudea dan supaya bantuan yang kubawakan ke
Baitulmaqdis ini disambut baik oleh orang salih di situ; 32 supaya dengan izin Allah aku sampai di
tempatmu dengan gembira dan dapat berehat bersamamu. 33 Semoga Allah, sumber kesejahteraan,
menyertai kamu semua. Amin.

16 *Salam*

1 Aku amanahkan kepadamu Febe, saudari kita, seorang yang mengabdikan diri kepada jemaah di
Kengkrea, 2 supaya kamu menyambutnya dalam Tuhan sebagaimana yang wajar di antara orang
salih, serta membantunya apabila dia memerlukan pertolonganmu, kerana dia telah menolong ramai
orang, termasuklah aku.

3 Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, rakan-rakan seperjuanganku dalam Isa al-
Masih. 4 Mereka telah bergadai nyawa untukku. Bukan aku saja yang terhutang budi kepada mereka,
malah seluruh jemaah dari bangsa-bangsa lain.

5 Salam kepada jemaah yang berhimpun di rumah mereka.

Salam kepada Epenetus, saudara yang kukasihi, orang yang pertama beriman kepada al-Masih di
Asia.

6 Salam kepada Maryam, yang telah bertungkus-lumus untukmu.

7 Salam kepada Andronikus dan Yunias, saudara-saudara sebangsaku dan teman-temanku dalam
penjara. Mereka adalah orang terkemuka di antara para rasul, dan yang telah menerima al-Masih
sebelumku.

8 Salam kepada Ampliatus yang kukasihi dalam Tuhan.

9 Salam kepada Urbanus, rakan seperjuangan kamu dalam al-Masih, dan juga kepada Stakhis
yang kukasihi.

10 Salam kepada Apeles, yang terbukti setia dalam al-Masih. Salam kepada Aristobulus dan seisi
rumahnya.

11 Salam kepada Herodion, saudara sebangsaku.

Salam kepada Narkisus sekeluarga, yang hidup dalam Tuhan.

12 Sampaikan salamku kepada Trifena dan Trifosa, yang telah berpenat-lelah dalam Tuhan.

Salam kepada Persis yang kukasihi, yang juga telah bertungkus-lumus dalam Tuhan.

13 Salam kepada Rufus, hamba yang terpilih dalam Tuhan, dan kepada ibunya, yang telah
menjadi ibu juga kepadaku.

14 Salam kepada Asinkritus, Flegon, Hermes, Patrobas, Hermas dan saudara-saudara yang
bersama mereka.

15 Salam kepada Filologus dan Yulia, Nereus dan saudara perempuannya Olimpas, serta semua
orang salih yang bersama mereka.

16 Bersalam-salamanlah dengan ciuman suci.

Jemaah-jemaah al-Masih berkirim salam kepadamu.

[17] Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, berwaspadalah terhadap mereka yang menimbulkan perpecahan dan menyesatkan orang daripada ajaran yang telah kamu terima. Berpalinglah daripada mereka. [18] Orang demikian bukanlah hamba Junjungan al-Masih tetapi hamba kepada hawa nafsu mereka sendiri. Mereka memperdaya orang yang lurus dengan kata-kata yang manis. [19] Semua orang telah mengetahui ketaatanmu. Oleh itu aku bergembira tentangmu. Aku mahu kamu bijak dalam kebaikan serta bersih daripada kejahatan.

[20] Allah, sumber kesejahteraan, akan segera membuat Iblis hancur di bawah kakimu. Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kamu semua.

[21] Timotius, rakan seperjuanganku, berkirim salam kepadamu; begitu juga Lukius, Yason dan Sosipater, kawan-kawan sebangsaku.

[22] Aku, Tertius, yang menulis surat ini, juga berkirim salam kepadamu dalam Tuhan.

[23] Gayus, yang memberiku tempat menumpang serta semua jemaah yang berhimpun di rumahnya, berkirim salam kepadamu.

Salam juga daripada Erastus, bendahara kota, dan Kuartus, saudara kita.

[24] Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kamu semua.

[25] Sekarang, kepada Dia yang berkuasa meneguhkan kamu menurut berita baik yang kusampaikan dan ajaran Isa al-Masih, menurut pernyataan rahsia yang tersembunyi sejak permulaan dunia [26] tetapi kini telah dinyatakan, dan melalui nubuat-nubuat dalam kitab suci telah disampaikan kepada semua bangsa, menurut perintah Allah yang kekal, supaya mereka dibawa mentaati iman; [27] kepada Allah, yang satu-satunya bijaksana, segala kemuliaan melalui Isa al-Masih selama-lamanya. Amin.

1 Korintus

1 *Salam*

1 Daripada Paulus yang dengan kehendak Allah telah dilantik sebagai Rasul Isa al-Masih, dan
daripada Sostenes, saudara kita;

2 Kepada jemaah di Korintus, yang telah disucikan dalam Isa al-Masih, dan yang telah dipanggil
untuk menjadi orang salih bersama semua orang di mana jua, yang berseru kepada Junjungan kita
Isa al-Masih, Junjungan mereka dan Junjungan kita juga.

3 Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera.

Ucapan syukur

4 Aku sentiasa bersyukur kepada Allah kerana kamu, sebab Dia telah menganugerahimu kasih
kurnia dalam Isa al-Masih. 5 Oleh sebab di dalam Isa al-Masih, kamu telah diperkayakan dalam
segala hal: dalam segala perkataan dan dalam segala pengetahuan; 6 bahkan kesaksian tentang al-
Masih telah diperkukuh dalam dirimu, 7 sehingga kamu tidak kekurangan satu kurnia pun sementara
menunggu Junjungan kita Isa al-Masih dinyatakan. 8 Dia akan menguatkanmu hingga akhir supaya
kamu tidak bercela pada hari Junjungan kita Isa al-Masih. 9 Allah setia. Allah telah memanggilmu
hidup dalam keakraban dengan Putera-Nya, Isa al-Masih, Junjungan kita.

Perpecahan di kalangan Jemaah

10 Saudara-saudaraku! Demi nama Junjungan kita Isa al-Masih aku berseru kepada kamu semua
supaya seia sekata dan tidak wujud perpecahan. Dengan demikian, kamu bersatu hati dan fikiran
sepenuhnya. 11 Saudara-saudaraku, beberapa orang anggota keluarga Kloe telah menyatakan
kepadaku bahawa berlaku sengketa antara kamu. 12 Inilah yang kumaksudkan: Ada orang yang
berkata, ‘Aku mengikut Paulus’; ada yang berkata, ‘Aku mengikut Apolos’; ada yang berkata, ‘Aku
mengikut Petrus’; dan ada pula yang berkata, ‘Aku mengikut al-Masih.’

13 Adakah al-Masih berbelah-bahagi? Bukannya Paulus yang mati di kayu salib untukmu!
Bukanlah sebagai pengikut Paulus kamu telah diimadkan! 14 Aku bersyukur kepada Allah kerana aku
tidak mengimadkan kamu, kecuali Krispus dan Gayus. 15 Oleh itu tiada siapapun dapat mengatakan
kamu diimadkan dalam namaku. 16 (Sebenarnya, aku juga mengimadkan Stefanus sekeluarga. Selain
itu, aku tidak ingat siapakah lagi yang kuimadkan.) 17 Al-Masih mengutusku bukan untuk
mengimadkan orang, tetapi untuk menyebarkan Injil. Aku menyampaikannya bukan dengan kata-kata
kebijaksanaan manusia. Dengan demikian salib al-Masih tidak menjadi sia-sia.

Kebijaksanaan Allah dan kebijaksanaan manusia

18 Bagi mereka yang akan binasa, berita tentang salib dianggap suatu kebodohan. Namun, bagi
kita yang diselamatkan Allah, berita itu menunjukkan kekuasaan-Nya. 19 Telah tersurat:

‘Allah berfirman,

“Aku akan memusnahkan
kebijaksanaan orang yang bijak.
Dan kepandaian orang yang pandai
Aku akan ketepikan.” ’

20 Jadi, di manakah orang yang bijak? Di manakah ahli Taurat? Di manakah orang berilmu zaman
ini? Bukankah Allah telah menunjukkan bahawa kebijaksanaan dunia sebenarnya kebodohan semata-
mata? 21 Oleh sebab kebijaksanaan Allah, Dia telah menetapkan bahawa manusia tidak mungkin
mengenal-Nya dengan kebijaksanaan sendiri. Allah berkenan menyelamatkan mereka yang beriman
kepada-Nya melalui berita yang kami sampaikan, yang dianggap sebagai kebodohan. 22 Orang
Yahudi menuntut tanda berbentuk mukjizat, manakala orang Yunani menuntut
kebijaksanaan. 23 Sebaliknya kami memberitakan al-Masih yang disalib. Hal ini menjadi batu

sandungan kepada orang Yahudi dan dipandang bodoh oleh bangsa-bangsa lain. [24] Namun, bagi
mereka yang dipanggil Allah, baik Yahudi mahupun Yunani, al-Masih kuasa Allah dan kebijaksanaan
Allah. [25] Kebodohan Allah lebih bijak daripada kebijaksanaan manusia. Kelemahan Allah lebih kuat
daripada kekuatan manusia.

[26] Saudara-saudara! Fikirkan keadaanmu ketika Allah memanggilmu. Di mata manusia, tidak ramai
daripadamu yang bijak, atau berkuasa, atau bangsawan. [27] Sememangnya Allah memilih orang yang
bodoh di dunia untuk memalukan orang yang bijak. Allah memilih orang yang lemah di dunia, untuk
memalukan orang yang kuat. [28] Allah memilih yang rendah dan dihina di dunia bahkan yang tidak ada
untuk meniadakan yang ada. [29] Oleh itu, tiada siapapun dapat bermegah di hadapan Allah. [30] Oleh
sebab Allah, kamu berada dalam Isa al-Masih. Allah telah membuat Dia menjadi kebijaksanaan bagi
kita, dan melalui Dia, Allah memperbenar, menyucikan, serta menebus kita. [31] Dengan demikian,
sebagaimana telah tersurat, ‘Jika sesiapa bermegah, maka hendaklah dia bermegah di dalam Tuhan.’

2 [1] Saudara-saudaraku! Ketika aku datang kepadamu untuk menyampaikan rahsia Allah, aku tidak
datang dengan kata-kata indah atau kebijaksanaan. [2] Ini kerana sewaktu aku bersamamu, aku telah
bertekad untuk menyampaikan berita tentang Isa al-Masih semata-mata, khususnya tentang
kewafatan-Nya di kayu salib. [3] Oleh itu, ketika aku mendekatimu, aku daif dan gementar
ketakutan. [4] Dan perkhabaran serta pengajaranku tidak disampaikan dengan kata-kata hikmat yang
meyakinkan. Sebaliknya aku menyampaikannya secara menunjukkan kuasa Roh. [5] Dengan demikian,
imanmu bukanlah berasaskan kebijaksanaan manusia, tetapi berasaskan kuasa Allah.

Kebijaksanaan yang benar

[6] Namun begitu, aku berkata juga tentang kebijaksanaan kepada mereka yang sudah matang
kehidupan rohaninya. Kebijaksanaan itu bukanlah kebijaksanaan dunia, atau kebijaksanaan para
penguasa dunia ini, kerana kuasa mereka akan punah. [7] Kebijaksanaan yang kusampaikan itu
kebijaksanaan daripada Allah, di luar pengetahuan manusia, yang telah diwujudkan-Nya untuk
kemuliaan kita sebelum Dia mencipta dunia ini. [8] Para penguasa dunia ini tidak mengetahui
kebijaksanaan itu. Kalaulah mereka tahu, mereka tidak akan menyalib Junjungan Yang
Mulia. [9] Sebagaimana telah tersurat:

‘Apa yang belum pernah dilihat oleh mata
atau didengar oleh telinga,
atau timbul dalam hati manusia,
itulah yang disediakan Allah
untuk mereka yang mengasihi-Nya.’

[10] Akan tetapi kepada kita, Allah menyatakannya melalui Roh-Nya, kerana Roh itu yang menyoroti
segala-galanya, termasuk rahsia Allah yang paling dalam. [11] Siapakah di antara kita yang mengetahui
apa yang terdapat dalam diri seseorang selain roh orang itu sendiri yang berada dalam dirinya?
Begitulah juga tidak ada seorang pun yang mengetahui apa yang terdapat dalam diri Allah selain Roh
Allah. [12] Kita tidak menerima roh dunia ini. Kita menerima Roh daripada Allah agar mengetahui segala
kurnia Allah kepada kita. [13] Jadi, segala perkara ini kami sampaikan bukan dengan kata-kata daripada
kebijaksanaan manusia tetapi daripada ajaran Roh yang menggabungkan fikiran rohani dengan kata-
kata rohani. [14] Orang yang tidak mempunyai Roh Suci tidak dapat menerima kurnia daripada Roh
Allah, kerana mereka tidak mungkin mengertinya malah menganggapnya kebodohan semata-mata,
dan mereka tidak dapat memahaminya, disebabkan perkara-perkara itu hanya dapat dinilai secara
rohani. [15] Orang yang mempunyai Roh Suci dapat menilai segala-galanya tetapi tiada siapa dapat
menilai orang itu. [16] Ini kerana:

‘Siapakah yang mengetahui fikiran Tuhan?
Siapakah yang berupaya menasihati-Nya?’

Namun demikian, kita mempunyai fikiran al-Masih!

3 *Perselisihan*

[1] Saudara-saudaraku! Aku tidak dapat bercakap denganmu seperti dengan orang yang mempunyai
Roh Suci. Aku terpaksa bercakap denganmu seperti dengan orang yang masih hidup secara duniawi

atau yang masih mentah dalam iman terhadap al-Masih. [2] Dulu aku memberimu susu kerana kamu
belum sedia menerima makanan keras. Tetapi sekarang pun kamu masih belum bersedia
menerimanya. [3] Kerana kamu masih hidup secara duniawi. Kamu berdengki-dengkian dan berbalah;
bukankah itu tanda kamu masih hidup secara duniawi, sama seperti manusia biasa? [4] Apabila
seorang daripadamu berkata, 'Aku mengikut Paulus' dan seorang lagi berkata, 'Aku mengikut Apolos',
bukankah kelakuanmu sama seperti kelakuan orang dunia ini?

[5] Siapakah Apolos? Siapakah Paulus? Kami hanyalah hamba Allah yang memimpinmu ke arah
iman terhadap al-Masih. Kami sekadar menjalankan tugas yang ditetapkan oleh Tuhan. [6] Aku
menyemaikan benih manakala Apolos menyiram, tetapi Allah yang membolehkan tanaman itu
tumbuh. [7] Yang menyemaikan benih dan yang menyiram tidak penting. Hanya Allah yang penting,
kerana Dialah yang membolehkan tanaman itu tumbuh. [8] Yang menyemaikan benih dan yang
menyiram mempunyai kedudukan yang sama. Allah akan mengurniakan ganjaran berdasarkan kerja
masing-masing.

[9] Kami sama-sama pekerja Allah, dan kamu ibarat ladang Allah. Kamu juga boleh diumpamakan
sebagai bangunan Allah.

[10] Dengan kasih kurnia Allah, aku sebagai pembina yang mahir telah meletakkan asas bangunan
itu, lalu orang lain membina bangunan di atas asas itu. Setiap orang yang membina perlu berhati-
hati. [11] Kerana tiada siapa yang dapat meletakkan asas selain asas yang telah tersedia, iaitu Isa al-
Masih. [12] Ada orang yang menggunakan emas, perak atau permata untuk membina bangunan di atas
asas itu. Ada pula yang menggunakan kayu, rumput kering atau jerami. [13] Mutu kerja setiap orang
akan terserlah pada hari Tuhan datang kembali, kerana ia akan diuji dengan api. [14] Sekiranya
bangunan yang didirikan di atas asas itu tahan api, pembinanya akan mendapat
ganjaran. [15] Sebaliknya, jika bangunan yang dibina oleh seseorang itu dimakan api, dia akan kerugian,
walaupun dirinya terselamat seperti orang yang terlepas daripada kebakaran.

[16] Kamu tentu tahu bahawa kamu tempat kediaman Allah, kerana Roh Suci tinggal di dalam
dirimu. [17] Oleh itu, sekiranya seseorang memusnahkan tempat kediaman Allah, Allah akan
memusnahkan orang itu, kerana tempat kediaman Allah itu suci dan kamulah tempat kediaman Allah
itu.

[18] Janganlah menipu diri. Jika sesiapa di kalanganmu menganggap dirinya bijak berdasarkan
penilaian dunia, dia harus menjadikan dirinya bodoh di mata dunia supaya dia benar-benar
bijak; [19] kerana apa yang dipandang dunia sebagai kebijaksanaan sebenarnya kebodohan di sisi Allah.
Telah tersurat: 'Allah memerangkap orang bijak dengan kecerdikan mereka sendiri.' [20] Juga tersurat:
'Tuhan mengetahui fikiran orang bijak itu sia-sia.' [21] Jadi, janganlah bermegah dengan perbuatan
manusia, kerana segala-galanya telah dikurniakan kepadamu. [22] Paulus, Apolos, Kefas, dunia ini,
hidup dan mati, zaman ini dan zaman akan datang, segala-galanya milikmu, [23] dan kamu milik al-
Masih, dan al-Masih milik Allah.

4 *Hamba al-Masih*

[1] Kamu hendaklah memandang kami sebagai hamba al-Masih yang diamanahkan dengan rahsia-
rahsia Allah. [2] Setelah dipertanggungjawabkan dengan amanah, hamba demikian itu wajib
membuktikan bahawa dia dapat dipercayai. [3] Aku tidak peduli apa pandanganmu dan orang lain
terhadapku; malah pandanganku terhadap diriku sendiri pun tidak penting. [4] Aku tidak berasa
bersalah, tetapi ini tidak bererti aku tidak bersalah. Hanya Tuhan yang berhak menentukan sama ada
aku bersalah atau tidak. [5] Oleh itu janganlah putuskan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak
sebelum sampai waktunya. Tunggulah hingga Junjungan datang kembali dan mendedahkan segala
rahsia yang diselubungi kegelapan, segala niat yang terpendam di hati manusia. Ketika itulah setiap
orang akan mendapat penilaian yang sewajarnya daripada Allah.

[6] Saudara-saudaraku! Untuk kebaikanmu, segala ini telah kukerjakan dalam diriku dan Apolos
supaya dengan mengikut teladan kami, kamu dapat mengerti kata-kata hikmat ini: 'Janganlah
melampaui apa yang telah tersurat'. Dengan demikian, kamu tidak memegahkan seseorang daripada
yang lain. [7] Siapakah yang menjadikan dirimu lebih baik daripada yang lain? Apakah yang ada
padamu yang tidak kamu terima? Jadi, jika kamu memang menerimanya, mengapakah kamu
bermegah, seolah-olah apa yang ada padamu itu bukan kurnia-Nya?

[8] Ya, kamu tidak memerlukan apa-apa lagi! Kamu memang sudah kaya-raya! Tanpa kami pun
kamu sudah menjadi raja! Namun, kamu tidak begitu. Alangkah baiknya jika kamu benar-benar raja.

Dapatlah kami memerintah bersamamu. [9] Pada pandanganku, Allah memberikan kedudukan paling
rendah kepada kami para rasul; tak ubah seperti orang yang dijatuhi hukum mati di hadapan orang
ramai, dijadikan tontonan para malaikat dan manusia. [10] Kerana al-Masih, kami menjadi orang yang
bodoh; tetapi kerana al-Masih, kamu menjadi orang bijak. Kami lemah, namun kamu kuat! Kami
dihina, sedangkan kamu dimuliakan! [11] Hingga saat ini kami lapar dan dahaga, berpakaian lusuh,
didera, tiada tempat tinggal yang tetap. [12] Kami bertungkus-lumus menyara hidup. Kami membalas
sumpah seranah dengan berkat restu, dan bersabar ketika dianiaya. [13] Kami membalas caci maki
dengan kata-kata yang baik. Kami dianggap sampah masyarakat, sampah dunia hingga sekarang.

[14] Aku menulis demikian kepadamu bukanlah untuk memalukanmu, tetapi untuk menasihatimu
sebagai anak-anakku yang kusayangi. [15] Walaupun kamu mungkin mempunyai sepuluh ribu orang
pengasuh dalam Isa al-Masih, bapamu tidaklah ramai. Ini kerana dalam al-Masih, aku seperti bapamu
yang telah membawa Injil kepadamu. [16] Oleh itu aku menyeru kamu, ikutlah teladanku. [17] Bagi tujuan
itu aku mengutus Timotius, anakku yang dikasihi dan setia dalam Tuhan. Dia akan mengingatkan
kamu tentang jalan hidup yang kuikut sejak beriman kepada al-Masih, iaitu jalan hidup yang telah
kuajarkan kepada jemaah di serata tempat.

[18] Ada di antara kamu yang bersikap angkuh kerana menyangka aku tidak akan
mengunjungimu. [19] Kiranya diizinkan Tuhan, aku akan mengunjungimu tidak lama lagi dan melihat
bukan hanya apa yang dikatakan oleh orang yang angkuh itu tetapi apa kuasa mereka. [20] Kerana
kerajaan Allah bukan sekadar kata-kata sahaja tetapi terdiri daripada kuasa. [21] Mana yang kamu pilih?
Agar aku datang kepadamu dengan rotan, atau dengan kasih sayang dan lemah lembut?

5 *Dosa dalam Jemaah*

[1] Aku dimaklumkan bahawa di kalanganmu ada perbuatan cabul yang tidak pernah dilakukan oleh
orang yang tidak mengenal Tuhan pun: Seorang lelaki berzina dengan isteri ayahnya. [2] Namun begitu,
kamu masih bermegah. Sewajarnya kamu bersedih dan bertindak menyingkirkan orang yang
melakukan perbuatan itu. [3] Walaupun pada lahirnya aku jauh daripadamu, namun pada batinnya aku
bersamamu. Aku pun sudah menjatuhkan hukuman atas orang yang melakukan perbuatan itu seolah-
olah aku berada di tengah-tengah kamu. [4] Apabila kamu berhimpun demi nama Junjungan kita Isa,
sifatkanlah aku ada di kalanganmu pada batinnya dan dengan kuasa Junjungan kita Isa [5] serahkanlah
orang itu kepada Iblis supaya tubuhnya dimusnahkan tetapi rohnya dapatlah diselamatkan pada hari
Junjungan datang kembali.

[6] Kamu tidak harus bermegah. Tentu kamu mengenal pepatah ini: ‘Sedikit ragi mencemari seluruh
adunan.’ [7] Buanglah ragi lama supaya kamu menjadi adunan baru tanpa ragi. Aku tahu bahawa kamu
sebenarnya begitu. Kerana al-Masih, domba Paska kita telah dikorbankan. [8] Marilah kita sambut
perayaan Paska bukan dengan ragi yang lama, ragi lambang kejahatan dan kezaliman, melainkan
dengan roti yang tidak beragi, iaitu ketulusan hati dan keikhlasan.

[9] Dalam suratku yang lalu, aku telah menyerumu supaya menjauhkan diri daripada orang yang
cabul. [10] Orang cabul yang kumaksudkan bukanlah yang tidak mengenal Allah maka berkelakuan
cabul, tamak, menipu dan menyembah berhala. Untuk menjauhkan diri daripada mereka ini,
terpaksalah kamu keluar dari dunia ini. [11] Maksudku ialah kamu tidak harus bergaul dengan orang
yang mengaku dirinya sebagai saudara tetapi pada hakikatnya orang yang cabul, tamak, penyembah
berhala, pengumpat, pemabuk atau penipu. Janganlah makan bersama mereka.

[12] Apakah urusanku sehingga aku harus mengadili orang di luar jemaah? Bukankah kamu hanya
mengadili orang di dalam jemaah saja? [13] Tetapi bagi yang di luar jemaah, Allah sendiri akan
mengadili mereka. Oleh itu, kamu harus singkirkan orang yang durjana dari kalanganmu.

6 *Tuntutan mahkamah tidak digalakkan*

[1] Sekiranya salah seorang antara kamu bertikai dengan yang lain, wajarkah dia bawa perkara itu ke
hadapan hakim yang tidak mengenal Allah dan bukan kepada orang salih? [2] Tidakkah kamu tahu
bahawa orang salih akan mengadili dunia ini? Jika kamu mengadili dunia ini, tidak sanggupkah kamu
mengadili perkara yang kecil? [3] Tidakkah kamu tahu bahawa kita akan mengadili para malaikat?
Apatah lagi hal ehwal hidup sehari-hari? [4] Adakah kamu akan membawa perkara begitu ke hadapan
orang yang langsung tidak ada kedudukan di kalangan jemaah? [5] Alangkah memalukan! Tentu ada
seorang daripada kamu yang cukup bijaksana untuk menyelesaikan pertikaian antara saudara
seiman. [6] Tetapi tidak, seorang saudara tergamak mendakwa saudara yang lain, justeru di hadapan

orang yang tidak percaya!

[7] Dengan adanya pendakwaan sesama kamu, jelaslah bahawa kamu sudah ditewaskan. Daripada yang demikian, bukankah lebih baik kamu dipersalahkan? Bukankah lebih baik kamu dirugikan. [8] Sebaliknya kamu sendiri yang bersalah dan merugikan saudara seimanmu sendiri!

[9] Kamu tentu tahu bahawa orang yang tidak taat akan perintah Allah tidak akan menikmati kerajaan Allah. Janganlah menipu diri. Orang yang berkelakuan cabul, menyembah berhala, berzina, melakukan liwat, [10] mencuri, bersikap tamak, sering mabuk, mengumpat atau merompak - semuanya tidak akan menikmati kerajaan Allah. [11] Begitulah kelakuan sebilangan daripadamu dahulu. Tetapi kamu telah dibersihkan, dikuduskan dan diperbenarkan dalam nama Junjungan Isa al-Masih dan dengan Roh Allah Tuhan kita.

Percabulan

[12] Segala-galanya halal bagiku, tetapi bukan segala-galanya berfaedah. Segala-galanya halal bagiku, tetapi aku tidak membiarkan sesuatu memperhamba diriku. [13] Makanan untuk perut dan perut untuk makanan. Ya, tetapi Allah akan menghapuskan kedua-duanya. Tubuh kita bukan untuk melakukan perbuatan cabul, tetapi untuk Tuhan, dan Tuhan untuk tubuh kita. [14] Allah telah membangkitkan Junjungan daripada kematian. Begitu jugalah Allah akan membangkitkan kita daripada kematian dengan kuasa-Nya. [15] Kamu tahu bahawa tubuh kamu itu sebahagian tubuh al-Masih; maka wajarkah kamu menjadikannya sebahagian tubuh seorang pelacur? Tidak sekali-kali! [16] Atau tidakkah kamu tahu bahawa seseorang yang bersetubuh dengan seorang pelacur itu menjadi satu tubuh dengan pelacur itu? Di dalam kitab suci jelas tersurat, ‘Mereka berdua menjadi satu.’ [17] Apabila seseorang menyatukan diri dengan Tuhan, rohnya akan menjadi satu dengan Roh Tuhan.

[18] Jauhilah perbuatan cabul. Dosa lain tidak dilakukan terhadap tubuh sendiri; tetapi seseorang yang melakukan perbuatan cabul berdosa terhadap tubuhnya sendiri. [19] Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Suci yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. [20] Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.

7 *Tentang perkahwinan*

[1] Sekarang aku akan membincangkan masalah yang kamu kemukakan di dalam suratmu. Jika seorang lelaki tidak berkahwin, itu memang baik. [2] Namun demikian, supaya tidak tergoda melakukan perbuatan yang cabul, lebih baiklah setiap lelaki itu beristeri dan setiap perempuan bersuami. [3] Seorang suami harus menunaikan kewajipan kepada isterinya, begitu juga seorang isteri kepada suaminya. [4] Seorang isteri tidak berkuasa ke atas tubuhnya sendiri; suaminya berkuasa ke atas tubuhnya. Demikianlah juga, seorang suami tidak berkuasa ke atas tubuhnya sendiri; isterinya yang berkuasa ke atas tubuhnya. [5] Jangan renggangkan hubungan sebagai suami isteri, kecuali sementara waktu dengan persetujuan bersama untuk bertumpu kepada ibadat. Tetapi setelah itu teruskan hubungan sebagai suami isteri, supaya Iblis tidak berjaya menggodamu kerana kamu tidak dapat menahan nafsu. [6] Aku menyampaikan ini bukanlah sebagai perintah tetapi sebagai nasihat. [7] Memanglah aku lebih suka sekiranya kamu semua sepertiku. Tetapi Allah memberikan kurnia yang khusus; yang seorang kurnia ini, yang lain kurnia itu.

[8] Kepada yang belum berkahwin dan kepada wanita yang telah menjadi balu. Inilah nasihatku: Memang baik kamu terus hidup sendirian seperti aku. [9] Tetapi sekiranya kamu tidak dapat menahan nafsu, berkahwinlah. Ini lebih baik daripada membiarkan hawa nafsu bergelora.

[10] Kepada yang sudah berkahwin, inilah perintahku, yang sebenarnya bukan perintah aku tetapi perintah Tuhan. Seorang isteri tidak boleh meninggalkan suaminya. [11] Tetapi jika seorang isteri telah meninggalkan suaminya, dia mesti terus hidup bersendirian, atau dia boleh balik kepada suaminya. Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya.

[12] Kepada yang lain aku memberikan nasihat ini, iaitu nasihatku sendiri, bukan perintah Allah: Jika seorang lelaki beriman mempunyai isteri yang tidak beriman dan isteri itu bersetuju terus hidup bersamanya, maka lelaki itu tidak boleh menceraikan isterinya. [13] Jika seorang wanita beriman mempunyai suami yang tidak beriman dan suami itu bersetuju untuk terus hidup bersamanya, maka wanita itu tidak boleh menceraikan suaminya. [14] Seorang suami yang tidak beriman menjadi suci kerana isterinya. Demikian juga, seorang isteri yang tidak beriman menjadi suci kerana suami. Jika

tidak, anak-anakmu akan menjadi anak-anak yang tercela. Tetapi dengan demikian mereka adalah anak-anak yang suci.

15 Namun demikian, jika seseorang yang tidak beriman hendak meninggalkan isteri atau suaminya yang beriman, biarkanlah dia berbuat demikian. Jika ini terjadi, suami atau isteri yang beriman itu bebas membuat pilihan. Allah mahu kamu semua hidup aman damai. 16 Wahai isteri yang beriman, bagaimana kamu boleh pasti bahawa kamu tidak akan dapat menyelamatkan suamimu? Demikian juga, wahai suami yang beriman, bagaimana kamu boleh pasti bahawa kamu tidak akan dapat menyelamatkan isterimu?

Hidup dalam keadaan seperti waktu dipanggil Allah

17 Setiap orang harus hidup dalam keadaan yang ditetapkan Tuhan untuknya ketika memanggilnya. Demikianlah ajaran yang telah kusampaikan kepada semua jemaah. 18 Contohnya, jika seseorang itu sudahpun bersunat sewaktu Allah memanggilnya, janganlah pula dia cuba menghilangkan tanda sunat itu. Demikian juga, sekiranya seseorang itu tidak bersunat semasa Allah memanggilnya, janganlah dia meminta disunat. 19 Bersunat atau tidak bersunat bukan perkara yang terpenting. Yang terpenting ialah taat akan perintah Allah. 20 Setiap orang harus terus hidup dalam keadaannya ketika dia telah dipanggil Allah. 21 Jika kamu hamba ketika dipanggil Allah, janganlah bersusah hati kerana itu; tetapi jika kamu mendapat peluang untuk menjadi orang merdeka, ambillah peluang itu. 22 Hamba yang beriman kepada Tuhan menjadi orang merdeka di sisi Tuhan. Begitu juga orang merdeka yang beriman kepada al-Masih menjadi hamba kepada al-Masih. 23 Kamu telah dibeli dengan harga yang dibayar sepenuhnya; maka janganlah kamu menjadi hamba manusia. 24 Saudara-saudaraku, masing-masing hiduplah bersama Allah dalam keadaan yang sama seperti ketika dipanggil Allah.

25 Tuhan tidak memberiku perintah tentang orang yang belum kahwin; tetapi aku menasihatimu, kerana dengan belas kasihan Tuhan aku boleh dipercayai. 26 Oleh sebab kini kita diancam pelbagai pancaroba, aku yakin bahawa setiap lelaki baiklah meneruskan hidup dalam keadaannya sekarang. 27 Sekiranya kamu sudah beristeri, janganlah cuba menceraikan isterimu. Jika kamu belum beristeri, usahlah berkahwin. 28 Namun, kalau kamu berkahwin, kamu tidaklah berdosa. Demikian juga, jika seorang gadis berkahwin, dia tidak berdosa. Tetapi orang yang berkahwin banyak menghadapi masalah; aku mahu kamu bebas daripada masalah itu.

29 Saudara-saudaraku, maksudku demikian: Masa kita sudah semakin suntuk. Mulai sekarang, setiap lelaki yang beristeri, hiduplah seolah-olah tidak beristeri; 30 orang yang menangis, hiduplah seolah-olah tidak bersedih; orang yang tertawa, hiduplah seolah-olah tidak gembira; orang yang membeli barang, sifatkanlah seolah-olah barang yang dibeli itu tidak dimiliknya; 31 Orang yang menggunakan barang-barang yang ada di dunia seolah-olah tidak menggunakannya kerana dunia dalam keadaan sekarang sedang lenyap.

32 Aku mahu kamu bebas daripada kerunsingan. Seorang yang tidak beristeri akan menumpukan minat kepada hal-hal ketuhanan untuk mendapat keredaan-Nya. 33 Sebaliknya, seorang yang mempunyai isteri akan menumpukan perhatian kepada hal-hal duniawi untuk menggembirakan isterinya. 34 Dengan demikian perasaannya berbelah-bagi. Seorang wanita atau gadis yang tidak bersuami menumpukan minatnya kepada hal-hal ketuhanan kerana ingin mengabdikan seluruh dirinya kepada Tuhan. Tetapi seorang wanita yang telah bersuami akan memusatkan perhatian kepada hal-hal duniawi untuk menyukakan hati suaminya. 35 Aku menasihati kamu demikian untuk menolongmu. Aku tidak mahu melarangmu membuat itu dan ini. Aku ingin kamu melakukan apa yang wajar dan mengabdikan diri sepenuh hati kepada Tuhan.

36 Sekiranya seorang lelaki merasa dia tidak adil terhadap tunangnya, dan jika gadis itu semakin meningkat usianya, dan dia merasa dia patut berkahwin dengan gadis itu, maka dia harus bertindak menurut hasratnya. Dia tidaklah berdosa jika berkahwin. 37 Tetapi jika seorang lelaki dengan kerelaannya sendiri mengambil keputusan tidak akan berkahwin dengan gadis tunangnya itu, dan dia dapat mengawal nafsunya, serta tahu apa yang akan dilakukannya, maka lebih baiklah dia tidak berkahwin. 38 Tegasnya, berkahwin itu baik, tetapi tidak berkahwin lebih baik lagi.

39 Seorang wanita yang telah berkahwin terikat kepada suaminya hanya sepanjang hayat suaminya itu. Setelah suaminya meninggal dunia, wanita itu bebas berkahwin lagi dengan sesiapa sahaja lelaki pilihannya asalkan dia seorang beriman. 40 Tetapi wanita itu akan lebih berbahagia jika tidak berkahwin lagi. Ini fikiranku sendiri, tetapi aku yakin aku mendapat panduan daripada Roh Allah.

8 *Makanan yang dipersembahkan kepada berhala*

[1] Sekarang tentang soal makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala: Kita tahu bahawa kita semua mempunyai ilmu pengetahuan. Tetapi ilmu pengetahuan boleh membuat orang angkuh manakala kasih membina hidup. [2] Seseorang yang menyangka dirinya serba tahu, sebenarnya tidak mengetahui apa yang patut diketahui. [3] Tetapi seseorang yang mengasihi Allah, dikenal oleh Allah.

[4] Tentang makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala: Kita tahu bahawa berhala menggambarkan sesuatu yang tidak ada. Kita tahu bahawa Allah itu Esa, tiada tuhan selain Allah. [5] Walaupun ramai yang dipanggil dewa dan junjungan, di syurga dan di bumi, [6] namun bagi kita Allah adalah Esa, Bapa yang mencipta segala-galanya, dan untuk Dialah kita hidup. Junjungan kita juga Esa, iaitu Isa al-Masih. Segala-galanya dicipta melalui-Nya, dan kerana Dialah kita hidup.

[7] Tetapi tidak semua orang yang mengetahui hakikat ini. Ada orang yang hingga sekarang ini sudah biasa menyembah berhala, dan apabila mereka makan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, mereka merasakan bahawa makanan itu makanan berhala. Oleh itu, hati nurani mereka yang lemah menjadi ternoda. [8] Sebenarnya makanan tidak dapat mengeratkan hubungan kita dengan Allah. Kita tidak akan rugi jika kita tidak makan makanan itu, dan tidak pula untung jika memakannya.

[9] Namun demikian, berhati-hatilah, jangan sampai kebebasanmu melakukan apa sahaja menjadi batu sandungan kepada orang yang lemah. [10] Sekiranya seseorang yang hati nuraninya lemah melihat kamu yang dianggap lebih berpengetahuan makan di kuil berhala, tidakkah ini akan menggalakkannya makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala? [11] Dengan demikian pengetahuan kamu itu membawa kebinasaan kepada saudaramu yang lemah itu, sedangkan al-Masih telah mati untuknya juga. [12] Jika kamu secara demikian berdosa terhadap saudara-saudaramu dan melukai hati nurani mereka yang lemah, kamu sebenarnya berdosa terhadap al-Masih. [13] Jadi, jika makanan menyebabkan saudaraku berdosa, aku tidak akan makan daging lagi, supaya jangan sampai aku membuat saudaraku tersandung.

9 *Hak dan kewajipan rasul*

[1] Bukankah aku seorang yang ‘merdeka’? Bukankah aku seorang rasul? Tidakkah aku pernah melihat Isa, Junjungan kita? Bukankah kamu hasil kerjaku untuk Tuhan? [2] Mungkin orang lain enggan mengakuiku sebagai rasul, tetapi kamu pasti mengakuiku! Hidupmu bersatu dengan Tuhan membuktikan kerasulanku.

[3] Apabila orang mengecamku, kujawab demikian. [4] Tidak berhakkah kami menerima makanan dan minuman untuk kerja kami? [5] Tidakkah kami berhak membawa isteri yang beriman, sebagaimana yang dilakukan oleh saudara-saudara Junjungan dan oleh rasul-rasul lain termasuk Kefas? [6] Wajarkah aku dan Barnabas sahaja mencari nafkah sendiri?

[7] Tiada askar yang menyara diri sendiri dalam angkatan perang. Tiada peladang yang tidak makan buah anggur dari ladang sendiri. Tiada gembala yang tidak minum susu dari domba sendiri. [8] Adakah aku mengatakan semua ini hanya dari segi pandangan manusia? Tidakkah hukum Taurat juga menyuarakan perkara ini? [9] Telah tersurat dalam Taurat Musa, ‘Jangan berangus mulut lembu yang sedang mengirik bijirin.’ Tentulah Allah tidak menumpukan perhatian kepada lembu sahaja. [10] Bukankah kita yang dimaksudkan oleh Allah dalam firman itu? Tentu sekali. Orang yang membajak dan menuai memang wajar bekerja dengan harapan menerima sebahagian daripada tuaian. [11] Kami telah menyemai benih rohani dalam hidupmu. Memang patutlah kami menuai sedikit hasil daripadamu. [12] Jika orang lain berhak mengharapkannya daripadamu, bukankah kami lebih berhak lagi?

Namun, kami tidak menggunakan hak itu. Kami lebih suka menanggung segala-galanya supaya tidak tergendala penyebaran Injil tentang al-Masih. [13] Kamu tentu tahu bahawa orang yang bekerja dalam rumah ibadat menerima makanan dari rumah ibadat. Orang yang bertugas mempersembahkan korban di atas mazbah menerima sebahagian daripada korban itu. [14] Begitu jugalah Tuhan telah menetapkan, bahawa orang yang menyampaikan Injil harus menerima nafkah daripada kerja itu.

[15] Tetapi aku belum menggunakan satu pun hak itu. Aku menulis demikian bukanlah untuk menuntut hak-hak itu bagi diriku. Biarlah aku mati daripada kehilangan apa yang kumegahkan. [16] Namun, aku tidak berhak untuk bermegah dengan mengkhabarkan Injil kerana kerja ini telah menjadi kewajipanku. Malanglah aku jika tidak menjalankannya. [17] Andainya aku

melakukannya mengikut kehendakku sendiri, patutlah aku mengharapkan upah. Tetapi aku melakukannya sebagai kewajipan, kerana Allah telah memberiku tugas itu. [18] Jadi, apakah upahku? Upahku ialah mendapat hak istimewa untuk mengkhabarkan Injil tanpa meminta bayaran atau menuntut hakku sebagai penyebarnya.

[19] Aku orang merdeka, bukan hamba sesiapa. Tetapi aku memperhambakan diri kepada semua orang supaya aku dapat menawan hati ramai orang. [20] Bagi orang Yahudi, aku berlaku seperti orang Yahudi supaya aku dapat menawan hati orang Yahudi. Bagi orang yang terikat kepada Taurat, aku berlaku seperti orang yang terikat kepada Taurat, padahal aku tidak terikat kepada Taurat. Aku berbuat demikian supaya aku dapat menawan hati mereka. [21] Bagi orang yang tidak terikat kepada Taurat, aku berlaku seperti orang yang tidak terikat kepada Taurat. Aku berbuat demikian supaya aku dapat menawan hati mereka. Ini tidaklah bermakna aku tidak taat akan hukum Allah. Sebenarnya aku dikuasai oleh hukum al-Masih. [22] Bagi mereka yang lemah, aku berlaku lemah untuk menawan hati mereka. Aku menjadi segala-galanya kepada semua orang supaya dengan sedaya upaya aku dapat menyelamatkan seramai mungkin. [23] Aku melakukan semua ini untuk Injil, semoga aku juga mendapat berkatnya.

[24] Sebagaimana kamu tahu, dalam lumba lari, semua peserta mengambil bahagian tetapi hanya seorang yang mendapat hadiah. Oleh yang demikian, berlarilah, hingga menerima hadiah. [25] Setiap ahli sukan yang bertanding dalam sukan berlatih dengan gigih, kerana ingin mendapat mahkota, walaupun mahkota itu tidak kekal. Tetapi kita menjalani latihan yang ketat untuk mendapat mahkota yang kekal. [26] Oleh itu aku terus-menerus lari ke garis penamat. Juga seperti ahli tinju, aku tidak mahu mensia-siakan tumbukanku. [27] Aku bersungguh-sungguh melatih diri, untuk menguasai diri, supaya aku tidak ditolak setelah mengkhabarkan Injil kepada orang lain.

10 *Peringatan dari sejarah Israel*

[1] Saudara-saudaraku, aku ingin mengingatkan kamu bahawa nenek moyang kita berada di bawah awan, dan semuanya menyeberangi Laut Merah. [2] Mereka semua diimadkan di dalam awan dan laut itu untuk menjadi pengikut Musa. [3] Mereka makan makanan rohani yang sama [4] dan minum minuman rohani yang sama dari batu rohani yang menyertai mereka, dan batu rohani itu adalah al-Masih sendiri. [5] Namun demikian, Allah tidak meredai kebanyakan daripada mereka, maka mayat mereka bergelimpangan di gurun.

[6] Semua ini menjadi contoh kepada kita supaya kita tidak ingin akan kejahatan seperti mereka dahulu; [7] dan supaya kita tidak menyembah berhala seperti sebilangan daripada mereka. Telah tersurat, ‘Umat itu mula makan minum dan menari untuk menyembah berhala.’ [8] Janganlah kita berkelakuan cabul seperti sesetengah mereka. Akibat perbuatan itu, dua puluh tiga ribu orang mati dalam sehari. [9] Janganlah kita cubai Tuhan seperti yang dilakukan oleh sebilangan daripada mereka. Akibatnya mereka mati dipagut ular berbisa. [10] Janganlah kita bersungut seperti sesetengah mereka, sehingga nyawa mereka dicabut Malaikat Maut.

[11] Semua yang terjadi kepada mereka merupakan suatu iktibar, dan telah ditulis untuk menjadi amaran kepada kita yang hidup pada akhir zaman. [12] Sesiapa yang menyangka dirinya berdiri tegap, berhati-hatilah supaya tidak jatuh. [13] Setiap cubaan yang kamu alami memang biasa dihadapi orang. Tetapi Allah setia menepati janji-Nya. Dia tidak akan membiarkan kamu dicubai melebihi kekuatanmu. Sewaktu kamu dicubai, Allah akan memberimu jalan keluar supaya kamu mendapat kekuatan menanggungnya.

[14] Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, jauhkanlah diri daripada penyembahan berhala. [15] Aku berkata-kata kepadamu seperti kepada orang bijaksana. Fikirkanlah masak-masak. [16] Bukankah cawan kesyukuran yang kita berkati itu menunjukkan kita sama-sama mengambil bahagian dalam darah al-Masih? Bukankah roti yang kita pecah-pecahkan itu menunjukkan kita sama-sama mengambil bahagian dalam tubuh al-Masih? [17] Walaupun kita ramai, kita semua merupakan satu tubuh, kerana kita makan roti yang satu itu bersama-sama.

[18] Perhatikan orang Yahudi: Bukankah mereka yang makan makanan yang dipersembahkan di atas mazbah itu bersama-sama mengambil bahagian dalam penyembahan? [19] Adakah maksudku bahawa berhala, atau makanan yang dipersembahkan kepada berhala, tidak bererti apa-apa? [20] Tidak! Apa yang dipersembahkan di atas mazbah berhala bukanlah persembahan kepada

Allah tetapi kepada roh-roh iblis. Aku tidak mahu kamu terlibat dengan roh-roh iblis. 21 Kamu yang
tidak dapat minum daripada cawan Tuhan, minum pula daripada cawan roh iblis. Kamu yang tidak
dapat makan di meja Tuhan, makan pula di meja roh iblis. 22 Bukankah kita yang membuat Tuhan
cemburu sekiranya kita berbuat demikian? Adakah kita lebih kuat daripada Tuhan?

Kebebasan orang beriman

23 Kita dibenarkan berbuat segala sesuatu tetapi tidak semuanya berfaedah; kita dibenarkan
berbuat segala sesuatu tetapi tidak semuanya membina hidup. 24 Janganlah lakukan sesuatu untuk
kepentingan diri sendiri saja. Lakukanlah untuk kepentingan orang lain juga.

25 Kamu boleh makan apa saja yang dijual di pasar daging. Jangan tanyakan apa-apa, supaya
hati nuranimu tidak terganggu; 26 kerana 'Bumi ini dan segala yang di dalamnya milik Tuhan.'

27 Jika kamu diajak makan oleh seorang yang tidak beriman dan kamu menerima, makanlah apa-
apa yang dihidangkan. Usah tanyakan apa-apa, supaya hati nuranimu tidak terganggu. 28 Tetapi jika
seseorang memberitahumu, 'Makanan ini telah dipersembahkan kepada berhala', janganlah makan
makanan itu, demi kebaikan orang itu, dan demi hati nurani. 29 Maksudku bukan hati nuranimu, tetapi
hati nurani orang itu. Mungkin ada yang bertanya, 'Mengapa pula kebebasanku harus kubatasi untuk
hati nurani orang lain? 30 Jika aku telah mengucap syukur kepada Allah atas makanan itu, mengapa
orang harus mengecamku?'

31 Setiap yang kamu lakukan, baik makan mahupun minum, lakukanlah untuk memuliakan
Allah. 32 Jagalah tingkah lakumu, jangan sampai menyebabkan orang lain berdosa, baik orang Yahudi,
bukan Yahudi, mahupun jemaah Allah. 33 Ikutlah teladanku. Dalam setiap yang kubuat, aku cuba
menyukakan hati semua orang. Aku tidak melebihkan kepentingan diriku. Aku mengutamakan
kepentingan orang lain, untuk menyelamatkan mereka.

11 *Peraturan bagi jemaah*

1 Teladani aku, sebagaimana aku meneladani al-Masih.

2 Sekarang aku memujimu, saudara-saudaraku, kerana kamu mengingatiku dalam semua hal dan
memelihara segala ajaran yang telah kusampaikan kepadamu.

3 Tetapi aku mahu kamu tahu bahawa ketua setiap lelaki ialah al-Masih, ketua wanita ialah lelaki
dan ketua al-Masih ialah Allah. 4 Jika seorang lelaki berdoa atau bernubuat dengan kepala bertudung,
dia mengaibkan kepalanya. 5 Sebaliknya, jika seorang wanita berdoa atau bernubuat dengan kepala
tidak bertudung, dia mengaibkan kepalanya, samalah seperti dia membotakkan kepalanya. 6 Jika
seseorang wanita tidak bertudung kepala, baiklah rambutnya dicukur. Jika satu keaiban bagi wanita
dicukur atau dibotakkan kepalanya, hendaklah dia bertudung kepala. 7 Seorang lelaki tidak patut
menudung kepalanya, kerana dia mencerminkan dan memuliakan Allah; tetapi wanita adalah
kemuliaan lelaki. 8 Lelaki tidak berasal daripada wanita, tetapi wanita berasal daripada lelaki. 9 Begitu
juga, lelaki tidak dicipta untuk wanita, tetapi wanita dicipta untuk lelaki. 10 Oleh itu, dan oleh sebab
para malaikat, wanita harus memakai satu lambang kewibawaan di atas kepalanya.

11 Walau bagaimanapun, lelaki dan wanita saling bergantung, di bawah kuasa
Tuhan. 12 Sebagaimana wanita berasal daripada lelaki, maka lelaki pula lahir melalui wanita; segala-
galanya daripada Allah. 13 Timbangkanlah sendiri. Wajarkah seorang wanita berdoa kepada Allah
dengan tidak bertudung kepala? 14 Tidakkah alam tabii sendiri mengajar kamu bahawa jika seorang
lelaki menyimpan rambut panjang, itu suatu keaiban baginya? 15 Tetapi jika seorang wanita
mempunyai rambut panjang, itu suatu kemuliaan baginya; kerana rambut dikurniakan kepadanya
sebagai penudung. 16 Namun demikian, jika sesiapa kelihatan ingin membantah, maka jawablah
bahawa kita tidak mempunyai adat yang lain, begitu juga semua jemaah Allah.

Perjamuan Tuhan

17 Dalam memberimu petunjuk-petunjuk berikut, aku tidak memujimu kerana apabila kamu
berhimpun, bukan kebaikan tetapi keburukan yang timbul. 18 Pertama sekali, apabila kamu berhimpun
sebagai satu jemaah, aku dengar kamu berkelompok-kelompok, dan aku percaya sebahagian yang
kudengar. 19 Sememangnya di kalanganmu pasti terbentuk beberapa kelompok, sehingga mereka
yang diperkenan Allah menjadi nyata. 20 Apabila kamu berhimpun di suatu tempat, bukanlah
Perjamuan Tuhan yang kamu makan 21 kerana semua berebut hendak makan dahulu; sehingga ada

yang lapar dan ada pula yang mabuk. 22 Apa! Tidakkah kamu mempunyai rumah untuk makan minum
di dalamnya? Atau adakah kamu memandang hina jemaah Allah dan hendak memperkecil orang
yang tidak mempunyai apa-apa? Apakah akan kukatakan kepadamu? Akan kupujikah kamu dalam
hal ini? Tentunya tidak!

23 Aku telah menerima daripada Junjungan apa yang telah kusampaikan kepadamu: Bahawa pada
malam Dia dikhianati, Junjungan Isa telah mengambil roti; 24 dan selepas mengucap syukur, Dia telah
memecah-mecahkan roti itu lalu berkata, ‘Ambil, dan makanlah; ini tubuh-Ku yang diserahkan
untukmu; lakukanlah ini sebagai peringatan kepada-Ku.’ 25 Demikian juga, Dia mengambil cawan
makan malam itu sambil berkata, ‘Cawan Perjanjian Baru dengan darah-Ku. Setiap kali kamu
meminumnya, lakukan ini sebagai peringatan kepada-Ku,’ 26 Kerana setiap kali kamu makan roti dan
minum dari cawan dengan cara demikian, kamu memberitakan kematian Junjungan hingga
kedatangan-Nya.

27 Jika sesiapa makan roti atau minum dari cawan Tuhan ini secara yang tidak wajar, dia akan
menanggung dosa terhadap tubuh dan darah Junjungan. 28 Hendaklah setiap orang memeriksa
dirinya, dan kemudian makan roti itu dan minum dari cawan itu; 29 kerana jika seseorang
memakannya dan meminumnya secara yang tidak wajar, dia makan dan minum akan penghukuman
kepada dirinya, kerana tidak mengenal dan menghargai tubuh Tuhan. 30 Oleh sebab itu ada
sebilangan besar yang lemah dan yang sakit di kalanganmu, malah ada yang meninggal dunia. 31 Jika
kita menghakimi diri sendiri, tidaklah kita dihakimi. 32 Tetapi apabila kita dihakimi, kita dihukum oleh
Tuhan supaya kita insaf, agar kita tidak dibinasakan bersama-sama dunia.

33 Oleh itu, saudara-saudaraku, apabila kamu berhimpun untuk makan, tunggulah satu sama lain
sebelum bermula. 34 Tetapi jika ada sesiapa yang lapar, makanlah dahulu di rumah, supaya
perhimpunanmu tidak mendatangkan hukuman. Hal-hal lain akan kuatur ketika aku datang kelak.

12 *Kurnia rohani*

1 Aku tidak mahu kamu jahil, saudara-saudaraku, tentang kurnia-kurnia rohani: 2 Kamu tahu bahawa
dulu, sebelum kamu menjadi umat Allah, kamu telah terpedaya dalam pelbagai cara untuk menjadi
pengikut berhala-berhala yang bisu. 3 Oleh itu aku menyatakan kepadamu, tiada siapapun yang
bersuara di bawah pimpinan Roh Allah akan berkata: ‘Isa terkutuk’; dan tiada siapapun dapat
mengakui, ‘Isa adalah Junjungan Yang Esa,’ kecuali di bawah bimbingan Roh Suci.

4 Terdapat berbagai-bagai kurnia, tetapi semuanya berpunca daripada satu Roh. 5 Ada berbagai-
bagai pelayanan, tetapi hanya satu Tuhan. 6 Ada berbagai-bagai kerja, tetapi Allah Yang Esa
mengerjakan semuanya.

7 Tetapi Roh Suci memberi seseorang kurnia tertentu untuk kebaikan semua. 8 Ada yang diberi
kurnia oleh Roh Suci untuk berbicara dengan penuh hikmat, dan ada pula yang dikurniakan Roh Suci
untuk berbicara tentang pengetahuan. 9 Ada juga yang dikurniai dengan keteguhan iman, ada yang
diberi kurnia kebolehan untuk menyembuhkan orang sakit daripada Roh yang sama. 10 Kepada yang
lain diberi kurnia untuk mengerjakan mukjizat, ada yang diberi kebolehan bernubuat dan
menyampaikan perkhabaran daripada Allah. Juga ada mereka yang dikurniai kebolehan untuk
membezakan di antara roh-roh. Ada juga mereka yang diberi kurnia untuk bertutur dalam pelbagai
lidah, dan ada pula yang diberi kurnia untuk mentafsirkan lidah-lidah itu. 11 Namun Roh yang satu dan
sama mengerjakan semua ini, Roh Sucilah yang mengagih-agihkan kurnia yang berlainan menurut
kehendak-Nya.

Banyak anggota tetapi satu tubuh

12 Sebagaimana tubuh yang satu mempunyai banyak anggota, tetapi semua anggota itu
merupakan satu tubuh, demikian juga al-Masih. 13 Oleh satu Roh kita semua telah diimadkan ke
dalam satu tubuh — baik Yahudi atau Yunani, baik hamba atau orang merdeka — dan semua telah
disuruh minum ke dalam satu Roh yang sama.

14 Tubuh bukan hanya terdiri daripada satu anggota tetapi banyak anggota. 15 Kalaulah kaki
berkata, ‘Oleh sebab aku bukan tangan, aku bukanlah sebahagian tubuh,’ maka benarkah kaki itu
bukan sebahagian tubuh? 16 Dan kalaulah telinga berkata, ‘Oleh sebab aku bukan mata, aku bukanlah
sebahagian tubuh,’ maka benarkah telinga itu bukan sebahagian tubuh? 17 Andainya seluruh tubuh itu
satu mata, di manakah pendengaran? Sekiranya seluruh tubuh itu pendengaran, di manakah pula
penghiduan? 18 Tetapi Allah telah meletakkan setiap anggota di tubuh menurut kehendak-

Nya. [19] Kalaulah semuanya hanya satu anggota, di manakah tubuh? [20] Tetapi sekarang ada banyak
anggota, namun kesemuanya dalam satu tubuh.

[21] Mata tidak boleh berkata kepada tangan, ‘Aku tidak memerlukanmu,’; kepala tidak boleh berkata
kepada kaki, ‘Aku tidak memerlukanmu.’ [22] Malah, anggota-anggota tubuh yang kelihatan lebih lemah
itulah yang amat kita perlukan. [23] Kepada anggota-anggota yang kita anggap kurang terhormat, kita
berikan lebih banyak penghormatan; dan bahagian-bahagian tubuh kita yang tidak layak ditunjukkan
mempunyai lebih banyak kesopanan. [24] Sedangkan bahagian-bahagian yang layak ditunjukkan tidak
memerlukannya. Dalam mencipta tubuh, Allah telah memberikan lebih banyak penghormatan kepada
bahagian yang kurang memilikinya, [25] supaya tidak ada perpecahan dalam tubuh, tetapi semua
anggota sama-sama prihatin antara satu sama lain. [26] Jika satu anggota menderita, semuanya turut
menderita; sebaliknya jika satu diberi penghormatan, semua turut bersukacita.

[27] Kamu adalah tubuh al-Masih, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu. [28] Allah telah
menentukan tempat masing-masing anggota jemaah: Pertama sebagai rasul-rasul, kedua nabi-nabi,
ketiga guru-guru; seterusnya mereka yang diamanahkan untuk melakukan pelbagai mukjizat, mereka
yang diberi kurnia untuk menyembuhkan, untuk memberikan pertolongan, untuk memimpin dan untuk
bertutur dalam aneka lidah. [29] Adakah semua menjadi rasul? Adakah semua menjadi guru? Adakah
semua melakukan mukjizat? [30] Adakah semua diberi kurnia untuk menyembuhkan? Adakah semua
dapat bertutur dalam pelbagai lidah? Adakah semua diberi kurnia untuk mentafsirkan bahasa-bahasa
itu? [31] Oleh itu, berusahalah kamu bersungguh-sungguh untuk mendapat kurnia-kurnia yang lebih
besar. Aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lebih baik.

13 *Kasih*

[1] Kalaupun aku dapat bertutur dalam semua lidah manusia, malah bahasa malaikat juga, tetapi tidak
mempunyai kasih, maka aku tak ubah seperti gong tembaga atau genta yang berbunyi. [2] Kalaupun
aku diberi kurnia untuk bernubuat, dan mengetahui semua rahsia serta ilmu, malah memiliki kekuatan
iman yang dapat mengalih gunung-ganang, tetapi tidak mempunyai kasih, maka aku langsung tidak
bererti. [3] Begitu juga, kalaupun aku memberikan segala milikku untuk memberi makan kepada orang
miskin, atau menyerahkan tubuhku untuk dibakar, tetapi tidak mempunyai kasih, maka aku langsung
tidak berguna.

[4] Kasih bersifat penyabar dan penyayang. Kasih tidak iri hati, tidak membanggakan diri, dan tidak
angkuh. [5] Kasih tidak berkelakuan biadab, tidak memburu kepentingan sendiri, tidak cepat meradang,
tidak memperhitungkan kesalahan orang lain. [6] Kasih tidak gembira dengan kejahatan, tetapi gembira
meraikan kebenaran. [7] Kasih tahan menderita segala-galanya, percaya akan segala-galanya,
berharap akan segala-galanya, terus-menerus menanggung segala-galanya.

[8] Kasih tidak akan luput. Nubuat-nubuat akan berakhir, bahasa-bahasa akan berhenti, dan ilmu
pengetahuan akan lenyap [9] kerana pengetahuan dan nubuat kita tidak sempurna. [10] Setelah yang
sempurna datang, maka yang tidak sempurna akan disingkirkan. [11] Pada zaman kanak-kanak, aku
bercakap secara kanak-kanak, mengerti secara kanak-kanak. Tetapi setelah aku dewasa, segala sifat
kanak-kanak itu kutinggalkan. [12] Sekarang kita hanya melihat samar-samar melalui cermin, tetapi
akan tiba saatnya kita melihat dengan jelas berpandang muka. Demikianlah, sekarang aku hanya
mengetahui sebahagian, tetapi akan tiba masanya aku mengetahui sepenuhnya, sebagaimana aku
diketahui.

[13] Hanya tiga yang tinggal: iman, harapan dan kasih. Antara ketiga-tiga ini, yang paling utama
ialah kasih.

14 *Kurnia bernubuat dan bertutur dalam lidah*

[1] Usahakanlah memperoleh kasih dan cubalah sungguh-sungguh untuk mendapatkan kurnia-kurnia
rohani, terutamanya kurnia untuk bernubuat. [2] Apabila seseorang bertutur dalam lidah, dia bukanlah
bercakap kepada sesama manusia tetapi kepada Allah; dia bertutur tentang hal-hal rahsia dengan
rohnya. [3] Sebaliknya, apabila seseorang bernubuat, dia bercakap kepada sesama manusia dengan
kata-kata yang membina, menasihati dan menghibur. [4] Orang yang bertutur dalam lidah membina diri
sendiri, manakala orang yang bernubuat membina jemaah. [5] Aku suka jika kamu bertutur dalam lidah,
tetapi aku lebih suka jika kamu bernubuat; kerana orang yang bernubuat lebih membawa manfaat
daripada orang yang bertutur dalam lidah, kecuali jika dia mentafsirkan apa yang dituturkannya itu
untuk membina jemaah.

[6] Saudara-saudaraku, bermanfaatkah bagimu sekiranya aku datang bertutur kepadamu dalam
lidah? Tidakkah lebih bermanfaat jika aku bertutur dalam bahasa yang kamu fahami, baik dalam
penyampaian wahyu, ilmu pengetahuan, nubuat mahupun pengajaran? [7] Samalah dengan benda-
benda tidak bernyawa yang mengeluarkan bunyi; seperti suling atau kecapi, jika bunyinya tidak
terang, bagaimana orang dapat mengetahui lagu apa yang dimainkan? [8] Sekiranya nafiri
mengeluarkan bunyi yang tidak menentu, siapa yang akan bersiap untuk berperang? [9] Demikianlah
juga, jika kamu tidak bertutur dengan bahasa yang jelas, bagaimanakah orang dapat mengetahui apa
yang kamu katakan? Kamu seolah-olah bercakap kepada angin. [10] Bahasa dunia entah berapa
banyaknya, tetapi tiada satu pun yang tidak bererti. [11] Namun, jika aku tidak mengetahui erti sesuatu
bahasa, maka bagi orang yang menggunakannya aku orang asing, dan bagiku orang yang
menggunakannya itu orang asing. [12] Begitu jugalah kamu. Dalam berusaha untuk mendapat kurnia-
kurnia rohani, berusahalah untuk memperoleh yang utama, iaitu yang dapat membina jemaah.

[13] Oleh itu, seseorang yang bertutur dalam lidah harus berdoa agar dia dapat mentafsirkannya
juga. [14] Kalaulah aku berdoa dalam lidah, maka hanya rohku yang berdoa, sedangkan akalku tidak
menghasilkan apa-apa. [15] Oleh itu, apa yang harus kulakukan? Aku akan berdoa dengan rohku dan
akalku juga. Aku akan menyanyi dengan rohku dan akalku juga. [16] Sekiranya kamu mengucap syukur
hanya dengan rohmu, bagaimana orang yang tidak memahami dapat mengaminkan ucap syukurmu?
Mereka tidak tahu apa yang kamu ucapkan! [17] Oleh itu, walaupun ucap syukurmu itu baik, orang lain
tidak dapat dibina.

[18] Aku mengucap syukur kepada Allah kerana aku dapat bertutur dalam lidah, lebih daripada kamu
semua. [19] Tetapi dalam perhimpunan jemaah, aku lebih suka mengucapkan lima patah kata dari
akalku daripada sepuluh ribu patah dalam lidah; dengan demikian aku dapat menyampaikan
pengajaran kepada orang lain.

[20] Saudara-saudaraku! Janganlah kamu menjadi kanak-kanak dalam akal fikiranmu. Berhubungan
hal kejahatan, memang kamu harus menjadi kanak-kanak, tetapi akal fikiranmu hendaklah
matang. [21] Dalam Kitab Taurat telah tersurat:

‘Dengan bahasa-bahasa asing

dan dari mulut orang asing

Aku akan bersuara kepada bangsa ini;

Namun demikian, mereka tidak akan mendengar-Ku,’

Tuhan berfirman.

[22] Oleh itu, bertutur dalam lidah adalah tanda, bukan bagi orang yang percaya, tetapi bagi orang
yang tidak percaya; manakala nubuat adalah tanda, bukan bagi orang yang tidak percaya, tetapi bagi
orang yang percaya. [23] Sekiranya seluruh jemaah berhimpun di suatu tempat dan semuanya bertutur
dalam lidah, lantas masuk orang yang tidak tahu atau orang yang tidak percaya, tidakkah mereka
menyangka kamu semua gila? [24] Tetapi jika semuanya bernubuat, lalu masuk seorang yang tidak
tahu atau yang tidak percaya, dia akan merasa diyakinkan dan dihakimi oleh segala yang
didengarinya. [25] Dengan demikian, segala rahsia hatinya akan ternyata, lalu dia sujud menyembah
Allah serta mengakui bahawa Allah sesungguhnya ada bersamamu.

Peraturan dalam jemaah

[26] Jadi bagaimana, saudara-saudaraku? Apabila kamu berhimpun, hendaklah masing-masing
menyampaikan mazmur, atau pengajaran, atau wahyu, atau sesuatu dalam lidah, ataupun
pentafsirannya. Tetapi hendaklah semuanya bertujuan untuk membina jemaah. [27] Jika ada orang yang
bertutur dalam lidah, biarlah dua atau tiga orang saja, seorang lepas seorang, dan hendaklah ada
orang yang mentafsirkannya. [28] Sekiranya tiada yang dapat mentafsirkannya, janganlah dituturkan di
perhimpunan itu. Tuturkanlah bagi diri sendiri dan kepada Allah.

[29] Bagi orang yang diberi kurnia sebagai nabi, biarlah dua atau tiga orang sahaja yang bernubuat,
dan yang lain menilainya. [30] Tetapi sekiranya ternyata Allah mewahyukan sesuatu melalui seorang lain
yang turut hadir, hendaklah orang pertama itu berhenti bernubuat. [31] Kamu semua boleh bernubuat,
seorang demi seorang, agar semua mendapat pengajaran dan kekuatan. [32] Kurnia untuk bernubuat
tertakluk kepada nabi yang memilikinya, [33] kerana Allah tidak menghendaki kekeliruan, tetapi
kesejahteraan. Sebagaimana dalam semua jemaah orang salih, [34] wanita-wanita hendaklah berdiam
diri dalam perhimpunan jemaah. Mereka tidak dibenarkan bercakap. Hendaklah mereka menurut

perintah, sebagaimana tersurat dalam Taurat. [35] Jika mereka ingin mempelajari sesuatu, hendaklah
mereka bertanya kepada suami mereka di rumah. Sungguh memalukan jika seorang wanita bersuara
dalam perhimpunan jemaah.

[36] Adakah firman Allah datang daripadamu? Atau adakah datangnya kepada kamu
sahaja? [37] Sekiranya seseorang menyangka dirinya mendapat kurnia untuk bernubuat atau kurnia
rohani yang lain, dia hendaklah mengakui bahawa yang kutuliskan kepadamu ini adalah perintah
Tuhan. [38] Tetapi jika sesiapa tidak tahu, biarlah dia demikian.

[39] Oleh itu, saudara-saudaraku, berusahalah untuk dapat bernubuat, dan jangan larang orang
bertutur dalam lidah. [40] Tetapi hendaklah segalanya dilakukan dengan sopan dan teratur.

15 *Kebangkitan al-Masih*

[1] Aku menyatakan kepadamu, saudara-saudaraku, tentang Injil yang telah kusampaikan kepadamu,
telah kamu terima dan pegang hingga sekarang. [2] Melalui Injil itu kamu diselamatkan, jika kamu tetap
berpegang kepada Firman yang telah kusampaikan, dan imanmu bukan kosong semata-mata.

[3] Aku telah menyampaikan kepadamu hal-hal utama, yang telah kuterima sendiri: Bahawa al-
Masih telah mati untuk menebus dosa kita, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci; [4] bahawa Dia
telah dikuburkan, dan telah dibangkitkan pada hari yang ketiga, sebagaimana tersurat dalam Kitab
Suci; [5] dan bahawa Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepada Kefas, kemudian kepada kedua-dua
belas pengikut-Nya. [6] Selepas itu Dia memperlihatkan diri-Nya kepada saudara-saudara kita, lebih
daripada lima ratus orang pada satu masa. Kebanyakan mereka masih hidup, dan ada yang sudah
meninggal dunia. [7] Seterusnya Dia memperlihatkan diri-Nya kepada Yakobus, kemudian kepada
semua rasul-Nya. [8] Akhir sekali Dia telah memperlihatkan diri-Nya kepadaku, yang seperti bayi yang
dilahirkan sebelum masa;

[9] kerana akulah yang paling rendah antara rasul-rasul, malah aku tidak layak disebut rasul, kerana
aku telah menganiaya jemaah Allah. [10] Tetapi dengan kasih kurnia Allah, aku telah menjadi seperti
diriku sekarang. Kasih kurnia-Nya yang telah dianugerahkan-Nya kepadaku tidaklah sia-sia, kerana
aku telah bekerja lebih keras daripada mereka semua; sesungguhnya bukan aku yang melakukannya,
tetapi kasih kurnia Allah yang bersamaku. [11] Dengan demikian, baik aku mahupun mereka, begitulah
yang kami khabarkan, dan begitulah yang kamu percaya.

Kebangkitan orang mati

[12] Setelah kami khabarkan kepadamu tentang al-Masih yang dibangkitkan daripada kematian,
mengapakah ada di kalanganmu yang berkata bahawa tiada kebangkitan selepas mati? [13] Jika tiada
kebangkitan selepas mati, maka al-Masih juga tidak dibangkitkan. [14] Jika al-Masih tidak dibangkitkan,
maka sia-sialah perkhabaran kami dan sia-sialah imanmu. [15] Kami juga ternyata sebagai saksi dusta
kepada Allah, kerana kami telah membuat kesaksian bahawa Allah telah membangkitkan al-Masih,
sedangkan Allah tidak membangkitkan-Nya, kalaulah benar tiada kebangkitan selepas mati; [16] kerana
jika tiada kebangkitan selepas mati, maka al-Masih tidaklah dibangkitkan. [17] Dan jika al-Masih tidak
dibangkitkan, sia-sialah imanmu; dan kamu masih bergelumang dosa! [18] Orang yang mati dalam iman
kepada al-Masih juga tetap binasa. [19] Sekiranya dalam hidup ini sahaja kita mempunyai harapan
dalam al-Masih, kitalah yang paling malang antara manusia!

[20] Tetapi al-Masih memang telah dibangkitkan daripada kematian. Dialah yang pertama dari
kalangan orang yang telah mati. [21] Oleh sebab satu orang, kematian berlaku; dan oleh sebab satu
orang juga, kebangkitan orang mati berlaku; [22] kerana sebagaimana dalam Adam semua manusia
mati, demikian juga dalam al-Masih semua manusia akan dihidupkan semula; [23] masing-masing
mengikut aturannya: Pertama al-Masih, kemudian mereka yang telah menjadi milik-Nya, pada saat
kedatangan-Nya kelak. [24] Selepas itu datanglah pengakhiran, ketika Dia menyerahkan kerajaan
kepada Allah Bapa, ketika dia melenyapkan semua pemerintahan, semua kewibawaan dan semua
kekuasaan; [25] kerana Dia harus memerintah sehingga semua musuh telah diletakkan-Nya di bawah
kaki-Nya. [26] Musuh terakhir yang akan dilenyapkan ialah Maut. [27] Semua perkara telah ditaklukkan
oleh Allah di bawah kaki al-Masih. Jelaslah bahawa Allah tidak turut ditaklukkan. [28] Oleh itu setelah
semua perkara ditaklukkan kepada al-Masih, Dia sebagai Putera akan menaklukkan diri-Nya juga
kepada Allah, maka Allah menjadi segala-galanya dalam semua perkara.

[29] Apakah akan dilakukan oleh mereka yang telah diimadkan bagi pihak orang mati? Sekiranya
orang mati tidak dibangkitkan, mengapa orang diimadkan untuk orang mati? [30] Begitu juga kami,

mengapa sepanjang masa kami rela menghadapi bahaya? [31] Setiap hari aku menghadapi kematian.
Aku mengakui ini, saudara-saudaraku, demi kebanggaanku denganmu yang kumiliki dalam Isa al-
Masih, Junjungan kita. [32] Jika menurut pertimbangan manusia, apa faedahnya bagiku berjuang seperti
dengan binatang buas di Efesus? Juga, sekiranya orang mati tidak dibangkitkan,

‘marilah kita makan dan minum,

kerana esok kita mati.’

[33] Jangan kamu biarkan dirimu disesatkan orang. ‘Kebiasaan yang baik musnah kerana pergaulan
yang buruk.’ [34] Insaflah sepenuhnya dan jangan berbuat dosa lagi, kerana di kalanganmu ada
sebilangan yang tidak mengenal Allah. Aku berkata demikian supaya kamu berasa malu.

Kebangkitan tubuh

[35] Mungkin ada yang menyoal, ‘Bagaimana caranya orang mati dibangkitkan? Dengan tubuh yang
bagaimanakah mereka akan hidup?’ [36] Hai orang yang tidak berakal, sesuatu yang kamu semaikan
tidak mungkin tumbuh jika tidak mati terlebih dahulu. [37] Tambahan pula, yang kamu semaikan
bukanlah seluruh tubuh tanaman, tetapi bijinya sahaja, contohnya biji gandum atau biji-bijiran
lain. [38] Tetapi kemudian Allah memberikan biji itu suatu tubuh, menurut kehendak-Nya. Setiap biji
mempunyai tubuhnya yang tersendiri. [39] Semua yang bernyawa tidak serupa. Rupa manusia berbeza
dengan rupa binatang, rupa burung berlainan dengan rupa ikan. [40] Ada benda di langit dan ada
benda di bumi. Kemuliaan benda di langit berbeza dengan kemuliaan benda di bumi. [41] Kemuliaan
matahari berbeza dengan kemuliaan bulan, dan berlainan pula dengan kemuliaan bintang-bintang;
manakala kemuliaan bintang-bintang berbeza antara satu sama lain.

[42] Demikianlah dengan kebangkitan orang mati: Tubuh disemaikan dalam kebinasaan, dan
dibangkitkan dalam ketidakbinasaan; [43] disemaikan dalam kehinaan, dibangkitkan dalam kemuliaan;
disemaikan dalam kelemahan, dibangkitkan dalam kekuatan; [44] disemaikan dalam tubuh jasmani,
dibangkitkan dalam tubuh rohani.

Jika ada tubuh jasmani, maka adalah juga tubuh rohani. [45] Sebagaimana telah tersurat, ‘Adam,
manusia yang pertama, menjadi makhluk yang hidup,’ manakala Adam yang terakhir menjadi roh
yang menghidupkan. [46] Yang pertama bukan rohani tetapi jasmani, dan yang kemudian adalah yang
rohani; [47] kerana manusia yang pertama berasal daripada debu bumi, tetapi manusia yang kedua
berasal daripada syurga. [48] Seperti manusia yang berasal daripada debu bumi itu, begitulah semua
orang yang berasal daripada debu bumi. Dan seperti manusia dari syurga itu, begitulah semua orang
yang syurgawi. [49] Sebagaimana kita telah memakai rupa yang berasal daripada debu bumi itu, kita
akan memakai rupa manusia yang berasal daripada syurga.

[50] Saudara-saudaraku, aku ingin mengatakan kepadamu, daging dan darah tidak akan mendapat
tempat dalam kerajaan Allah, dan sesuatu yang boleh binasa tidak akan mendapat tempat dalam
ketidakbinasaan. [51] Dengarlah, aku memberitahumu suatu rahsia: Tidak semua kita akan mati, tetapi
semua akan diubah [52] serta-merta, dalam sekelip mata, ketika berbunyinya sangkakala yang terakhir.
Pada saat itu orang mati akan dibangkitkan dalam ketidakbinasaan, dan kita yang masih hidup akan
diubah, [53] kerana yang boleh binasa ini mesti mengenakan bentuk yang tidak boleh binasa, dan yang
boleh mati ini mesti mengenakan bentuk yang tidak boleh mati. [54] Setelah ini berlaku, terbuktilah
firman:

‘Maut telah ditelan dalam kemenangan.’

[55] ‘Hai Maut, di manakah kemenanganmu?

Hai Maut, di manakah sengatmu?’

[56] Sengat maut ialah dosa, manakala kuasa dosa ialah Taurat. [57] Tetapi syukurlah kepada Allah yang
telah memberi kita kemenangan melalui Junjungan kita Isa al-Masih.

[58] Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, teguhkan pendirian, jangan berganjak, dan
bersungguh-sungguhlah dalam pengabdianmu kepada Tuhan. Kamu tahu bahawa dalam Tuhan, jerih
lelahmu tidak akan sia-sia.

16 *Bantuan untuk jemaah di Baitulmaqdis*

[1] Sekarang aku menyentuh tentang pengumpulan bantuan bagi orang salih. Lakukanlah sebagaimana
yang telah kutentukan bagi semua jemaah di Galatia. [2] Pada hari pertama setiap minggu, setiap orang

daripada kamu hendaklah mengasingkan wang menurut kemampuan masing-masing dan
menyimpannya. Janganlah setelah aku datang baru kamu mula mengumpulnya. [3] Setelah aku tiba,
aku akan menghantar sesiapa yang kamu anggap sesuai untuk membawa pemberianmu itu bersama
surat ke Baitulmaqdis. [4] Sekiranya aku perlu pergi juga, mereka akan pergi bersamaku.

Permintaan Paulus

[5] Aku akan datang ke tempatmu selepas Makedonia kerana aku akan datang melalui
Makedonia. [6] Mungkin aku akan tinggal beberapa waktu denganmu, malah mungkin sepanjang musim
dingin; kemudian kamu boleh menolongku meneruskan perjalanan. [7] Kali ini aku tidak mahu singgah
sahaja; aku berharap akan dapat tinggal agak lama denganmu jika diizinkan Tuhan. [8] Namun, aku
akan tetap berada di Efesus sampai hari Pentakosta, [9] kerana pintu untuk melakukan pekerjaan besar
telah terbuka luas bagiku walaupun ramai orang yang menentang.

[10] Jika Timotius datang ke tempatmu, jangan biarkan dia berasa takut tinggal di kalanganmu,
kerana dia juga melakukan pekerjaan untuk Tuhan, sama sepertiku. [11] Oleh itu jangan sesiapa
memandang ringan kepadanya. Setiap orang hendaklah menolongnya, supaya dia dapat meneruskan
perjalanan dengan sejahtera dan datang menemuiku, kerana aku dan beberapa orang saudara lain
menunggu kedatangannya.

[12] Tentang saudara kita Apolos, aku telah mendesaknya mengunjungimu bersama saudara-
saudara yang lain, tetapi dia enggan pergi sekarang ini. Jika ada kesempatan, dia akan datang juga.

[13] Berhati-hatilah, berdiri teguh dalam iman, sentiasa berani dan gigih. [14] Lakukan segala-galanya
dalam kasih.

[15] Saudara-saudaraku, ada satu permintaanku kepadamu. Kamu sedia maklum bahawa Stefanus
sekeluarga merupakan hasil pertama pelayananku di Akhaya, dan mereka telah bertekad untuk
mengabdikan diri kepada orang salih. [16] Aku meminta supaya kamu tunduk kepada orang yang
demikian, dan kepada semua yang turut berusaha dengan kami. [17] Aku gembira bahawa Stefanas,
Fortunatus dan Akhaikus telah datang, kerana apa-apa kekuranganku telah dilengkapkan oleh
mereka. [18] Mereka telah menyenangkan hatiku dan hatimu. Oleh itu, hargailah orang yang demikian.

Salam

[19] Jemaah-jemaah di Asia berkirim salam kepadamu. Akwila dan Priskila, serta jemaah di rumah
mereka, berkirim salam mesra kepadamu dalam Tuhan. [20] Semua saudara seiman juga berkirim
salam kepadamu. Bersalamanlah dengan mesra.

[21] Aku juga menyampaikan salam yang kutulis dengan tanganku sendiri — Paulus.

[22] Jika ada yang tidak mengasihi Junjungan, terkutuklah dia. Ya Tuhan, datanglah segera!

[23] Kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih menyertaimu.

[24] Kasihku menyertai kamu semua dalam Isa al-Masih. Amin.

2 Korintus

1 *Pendahuluan*

[1] Daripada Paulus yang dengan kehendak Allah telah dilantik sebagai Rasul Isa al-Masih, dan
daripada saudara kita, Timotius,

Kepada jemaah di Korintus dan kepada semua orang salih yang tinggal di Akhaya:

[2] Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera.

Allah sumber segala penghiburan

[3] Segala puji bagi Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih, Bapa Yang Maha Pemurah dan Allah
sumber segala penghiburan. [4] Dia menghibur kami dalam pelbagai kesusahan, supaya kami pula
dapat menghibur orang yang mengalami kesusahan dengan penghiburan yang kita terima sendiri
daripada Allah. [5] Sebagaimana banyaknya penderitaan al-Masih yang telah kami alami, begitulah
banyaknya penghiburan yang kami terima daripada-Nya. [6] Jika kami menanggung kesusahan, itu
adalah untuk menghibur kamu dan untuk penyelamatanmu. Jika kami dihibur, itu akan menghibur
kamu juga, supaya kamu tetap tabah menanggung penderitaan yang telah kami alami juga. [7] Kami
tetap menaruh harapan tentang kamu, kerana kami tahu, jika kamu mengalami penderitaan seperti
yang kami alami, maka kamu juga akan menerima penghiburan seperti yang kami terima.

[8] Kami juga hendak memberitahumu, saudara-saudara, tentang kesusahan yang telah menimpa
kami di Asia Kecil. Beban kami sungguh berat, lebih daripada yang terdaya kami tanggung, sehingga
kami putus asa untuk terus hidup. [9] Kami merasa bagaikan telah dijatuhi hukum mati. Namun, itu telah
berlaku supaya kami tidak lagi berharap kepada diri sendiri tetapi kepada Allah yang menghidupkan
semula orang mati. [10] Dialah yang telah melepaskan kami daripada bahaya yang amat dahsyat, dan
Dialah yang akan melepaskan kami. Kami menaruh harapan kepada-Nya, bahawa Dia akan
melepaskan kami. [11] Kamu juga harus menolong kami dengan doa, sehingga ramai orang bersyukur
kepada Allah atas kurnia yang diberikan kepada kami kerana doa ramai orang.

Perubahan rancangan Paulus

[12] Inilah kebanggaan kami, dan hati nurani kami bersaksi demikian, iaitu dalam kalangan semua
orang, terutamanya di kalanganmu, kami hidup dalam kesucian dan keikhlasan yang datang daripada
Allah. Kami melakukan ini bukan dengan kebijaksanaan kami sebagai manusia, tetapi dengan kasih
kurnia Allah. [13] Segala yang kami tuliskan kepadamu dalam surat ini tidak mengandungi erti yang lain
daripada yang kamu baca dan fahami. [14] Aku berharap bahawa walaupun kamu baru memahami
sebahagian tentang diri kami, kamu akan memahami kami sepenuhnya nanti, dan kamu akan
berbangga dengan kami sebagaimana kami berbangga dengan kamu pada hari kedatangan
Junjungan kita Isa.

[15] Oleh sebab keyakinan itulah maka aku pernah berniat ke tempatmu lebih dahulu, supaya kamu
mendapat berkat dua kali. [16] Niatku dahulu ialah singgah di tempatmu dalam perjalanan ke
Makedonia, dan dari Makedonia datang ke tempatmu lagi untuk meminta kamu menolongku
meneruskan perjalanan ke Yudea. [17] Jika aku merancang begitu, adakah ini menunjukkan aku tidak
berpendirian tetap? Atau adakah aku merancang seperti orang duniawi, demikian mudah berkata ‘ya’
dan ‘tidak’ pada saat yang sama?

[18] Demi Allah Yang Maha Setia, apa yang kami katakan kepadamu bukanlah ‘ya’ atau ‘tidak.’ [19] Ini
kerana Isa al-Masih, Putera Allah yang telah disampaikan berita-Nya kepadamu oleh aku, Silwanus
dan Timotius, bukanlah ‘ya’ dan ‘tidak,’ tetapi pada-Nya ada ‘ya’ semata-mata. [20] Isa adalah ‘ya’ bagi
semua janji Allah. Oleh itulah melalui-Nya kita menyebut ‘Amin’ demi kemuliaan Allah. [21] Allah telah
menentukan kami bersama kamu dalam al-Masih. Dia telah melantik kita, [22] menandakan kita dengan
materai-Nya, dan mengurniakan Roh-Nya untuk masuk ke hati kita sebagai jaminan.

[23] Aku berseru kepada Allah untuk menjadi Saksi bagiku, bahawa sebabnya aku belum juga ke

Korintus ialah kerana kasihku kepadamu. [24] Kami bukanlah berhasrat memberikan perintah tentang
apa yang harus kamu percayai; kamu sudah berdiri teguh dalam keyakinanmu. Kami mahu bekerja
bersama kamu demi kebahagiaanmu.

2 [1] Aku telah membuat keputusan sendiri, bahawa aku tidak akan datang lagi ke tempatmu dalam
kesedihan; [2] kerana jika aku mendatangkan kesedihan kepadamu, siapa lagi yang dapat
memberikan kegembiraan kepadaku selain kamu yang telah kusedihkan? [3] Oleh itulah aku
menuliskannya dalam suratku, supaya jangan nanti aku bersedih kerana mereka yang sepatutnya
memberikan kegembiraan kepadaku. Aku percaya bahawa jika aku gembira, kamu akan turut
gembira. [4] Aku menulis kepadamu dengan air mata bercucuran kerana hatiku sungguh sedih dan
cemas. Aku bukanlah berniat hendak menyedihkan kamu, tetapi aku mahu kamu tahu bahawa aku
amat mengasihimu.

Mengampuni orang bersalah

[5] Jika seseorang telah mendatangkan kesedihan maka bukan aku yang ditimpa kesedihan itu,
tetapi kamu semua, atau sekurang-kurangnya — supaya aku tidak terlalu keras — sebilangan
daripadamu. [6] Bagi orang itu, hukuman yang dijatuhkan oleh sebilangan besar sudah cukup. [7] Oleh itu,
baiklah kamu mengampuni dan menghiburnya, supaya dia tidak ditenggelami kesedihan. [8] Dengan
demikian, aku meminta kamu menunjukkan bahawa kamu benar-benar mengasihinya. [9] Aku
menuliskan hal ini untuk mendapat bukti sama ada kamu mahu menurut petunjukku dalam semua
perkara. [10] Siapa saja yang telah kamu ampuni, aku pun telah mengampuninya. Kesalahan apapun
yang kuampuni — jika memang ada yang harus kuampuni — kuampuni di hadapan al-Masih
untukmu [11] supaya Iblis tidak mendapat keuntungan, kerana kita mengetahui tujuan-tujuannya.

Kebimbangan Paulus di Troas

[12] Apabila aku pergi ke Troas untuk menyebarkan Injil al-Masih, ternyata Tuhan telah
membukakan pintu untukku. [13] Namun demikian, hatiku tidak tenang juga kerana aku tidak menjumpai
saudaraku Titus. Oleh itulah aku meminta diri kepada mereka lalu pergi ke Makedonia.

[14] Tetapi syukur kepada Allah yang sentiasa memimpin kami ke arah kemenangan dalam al-
Masih, dan melalui kami menyebarkan keharuman pengenalan-Nya merata-rata; [15] kerana kepada
Allah kami adalah keharuman al-Masih di kalangan mereka yang berada di jalan keselamatan dan
mereka yang berada di jalan kebinasaan. [16] Bagi yang berada di jalan kebinasaan, kami seperti bau
daripada maut yang membawa maut, manakala bagi yang berada di jalan keselamatan, kami seperti
bau daripada hidup yang membawa hidup. Siapakah yang sanggup melaksanakan tugas
sedemikian? [17] Kami tidak seperti sebilangan besar orang yang mencari keuntungan daripada firman
Allah; sebaliknya, kami berhati ikhlas. Sebagai utusan Allah, kami berkata-kata atas nama al-Masih
dengan penuh tanggungjawab di hadapan Allah.

3 [1] Adakah kami memuji diri? Atau perlukah kami menunjukkan surat pujian kepadamu atau yang
datang daripadamu, seperti dilakukan oleh sebilangan orang? [2] Kamulah surat pujian kami, yang
tersurat di hati kami, dan yang dapat diketahui serta dibaca oleh semua orang. [3] Kamu adalah surat
kiriman al-Masih yang kami hantarkan. Surat itu ditulis bukan dengan dakwat, tetapi dengan Roh
Allah yang hidup; bukan di loh batu tetapi di loh daging iaitu hati manusia.

[4] Demikianlah keyakinan kami kepada Allah melalui al-Masih. [5] Kami tidak menganggap
kesanggupan kami bekerja datang daripada diri kami sendiri. Kesanggupan itu datang daripada
Allah. [6] Dialah yang telah menjadikan kami sanggup mengabdi diri kepada umat perjanjian baru yang
tidak lagi berasaskan perintah-perintah tersurat tetapi berasaskan Roh; kerana perintah-perintah
tersurat itu membawa kematian sedangkan Roh membawa kehidupan.

Kemuliaan perjanjian baru

[7] Jika perjanjian yang membawa kepada kematian, iaitu yang terukir di loh-loh batu, diturunkan
dari kemuliaan wajah Musa sehingga bangsa Israel tidak dapat memandang wajahnya, walaupun
ketika itu sinarnya sudah mulai malap; [8] maka tentulah perjanjian yang datang daripada Roh lebih
besar lagi kemuliaannya. [9] Jika perjanjian yang membawa manusia kepada penghakiman begitu
mulianya, maka perjanjian yang membawa manusia kepada kebenaran tentulah jauh lebih mulia
lagi! [10] Sesuatu yang dahulu dipandang mulia tidak mulia lagi berbanding sesuatu yang jauh lebih

mulia. [11] Jika sesuatu yang sementara telah diturunkan dengan kemuliaan, maka sesuatu yang kekal
haruslah diturunkan dengan kemuliaan yang lebih besar.

[12] Oleh sebab kami menaruh harapan demikian, maka kami lebih berani, [13] berbeza dengan Musa
yang menutup wajahnya dengan selubung supaya bangsa Israel tidak dapat memandang kemuliaan
yang beransur malap. [14] Fikiran mereka menjadi tumpul, kerana hingga hari ini, apabila mereka
membaca Kitab-kitab Suci yang mengandungi perjanjian lama, selubung itu masih tetap menghalang
pandangan mereka. Selubung tidak akan terbuka kecuali dalam al-Masih. [15] Malah hingga sekarang,
ketika mereka membaca Kitab Suci yang disampaikan melalui Musa, selubung itu masih menutupi hati
mereka. [16] Apabila hati mereka kembali kepada Tuhan, selubung itu akan disingkapkan. [17] Tuhan
adalah Roh; dan di mana ada Roh Tuhan, di situlah ada kebebasan. [18] Kita semua melihat kemuliaan
Tuhan tercermin dengan wajah yang tidak berselubung, dan kita diubah menjadi serupa dengan-Nya
dalam kemuliaan yang kian besar, oleh Roh Tuhan.

4 *Harta rohani dalam bejana tanah*

[1] Dengan belas kasihan-Nya, Allah telah mengamanahkan pengabdian ini kepada kami. Oleh itu kami
tidak tawar hati. [2] Kami menolak semua perbuatan rahsia yang memalukan. Kami juga tidak
melakukan tipu daya atau menyalahertikan firman Allah, tetapi dengan menyatakan kebenaran, kami
mengizinkan semua orang menilai kami dalam hati nurani mereka di hadapan Allah. [3] Namun,
sekiranya Injil yang kami sampaikan itu tetap terselubung juga, maka memanglah Injil itu terselubung
bagi mereka yang berada di jalan kebinasaan. [4] Fikiran orang yang tidak beriman itu telah dibutakan
oleh tuhan pujaan dunia, maka mereka tidak dapat melihat terang cahaya Injil tentang kemuliaan al-
Masih yang merupakan gambaran Allah. [5] Kami tidak menyebarkan berita tentang diri kami, tetapi
tentang Isa al-Masih sebagai Junjungan Yang Esa. Diri kami mengabdi kepadamu kerana Isa. [6] Allah
telah berfirman, 'Hendaklah cahaya bersinar dari dalam gelap'. Allah juga yang telah membuat cahaya
itu bersinar dalam hati kita, sehingga kita dapat mengenal kemuliaan Allah di wajah Isa al-Masih.

[7] Tetapi kami memiliki harta yang ada dalam bejana tanah liat supaya jelaslah bahawa kuasa
yang melebihi segala-galanya berasal daripada Allah, bukan daripada diri sendiri. [8] Dalam segala hal
kami dihimpit, tetapi tidak hancur. Kami bingung, tetapi tidak putus asa. [9] Kami dianiaya, tetapi tidak
ditinggalkan. Kami dijatuhkan, tetapi tidak dimusnahkan. [10] Ke mana pun kami pergi, kami sentiasa
membawa kematian Isa dalam tubuh kami, supaya kehidupan-Nya nyata dalam tubuh kami. [11] Kami
yang masih hidup ini sentiasa diserahkan ke tangan maut demi Isa, supaya kehidupan-Nya nyata
dalam tubuh kami yang fana. [12] Oleh itu, maut bekerja dalam diri kami, sebaliknya hidup bekerja
dalam dirimu.

[13] Namun, oleh sebab kami mempunyai roh iman seperti yang tersurat, 'Aku percaya, maka aku
bersuara', kami pun berkata, 'Kami percaya, maka kami bersuara.' [14] Kami tahu bahawa Dia yang
telah membangkitkan Isa, Junjungan kita, akan membangkitkan kami juga bersama Isa, lalu
menghadapkan kami bersama kamu kepada-Nya. [15] Semuanya berlaku untukmu; dengan
melimpahnya kasih kurnia kepada orang yang kian ramai, melimpah pulalah ucap syukur bagi
kemuliaan Allah.

[16] Dengan demikian, kami tidak tawar hati. Walaupun manusia lahiriah kami kian merosot, namun
manusia batiniah kami diperbaharui setiap hari. [17] Kesusahan yang ringan dan hanya sedetik ini
membawa bagi kami kemuliaan yang kekal tanpa bandingan. [18] Kami tidak mementingkan hal-hal
yang kelihatan, tetapi hal-hal yang tidak kelihatan; kerana yang kelihatan itu cuma sedetik, manakala
yang tidak kelihatan itu kekal.

5 *Tempat tinggal di syurga*

[1] Kami tahu bahawa apabila khemah tempat kami tinggal di bumi ini roboh, Allah telah menyediakan
tempat kediaman bagi kami di syurga, yang tidak diperbuat oleh tangan manusia, dan yang bersifat
kekal. [2] Dalam khemah yang kita diami kini, kita merintih dan merindui tempat tinggal kita di syurga,
yang akan kita terima. [3] Setelah kita menerimanya, kita tidaklah akan tinggal terdedah. [4] Selagi kita
masih mendiami khemah yang sekarang, kita merintih kerana terbeban, kerana kita tidak mahu
terdedah; kita ingin dilindungi oleh yang kekal, ingin agar yang fana digantikan dengan yang
hidup. [5] Inilah yang telah disediakan Allah untuk kita; dan Dia telah mengurniakan Roh-Nya kepada
kita sebagai jaminan.

[6] Oleh itu kami sentiasa yakin. Kami tahu bahawa selagi kami mendiami tubuh ini, kami masih

jauh daripada Tuhan; 7 Kerana kami hidup dengan iman, bukan dengan penglihatan. 8 Kami sentiasa
yakin. Sebenarnya kami lebih suka jika dipisahkan dari tubuh ini dan tinggal bersama
Tuhan. 9 Dengan demikian, baik ketika masih mendiami tubuh ini mahupun ketika dipisahkan darinya,
kami berusaha supaya tetap diredai-Nya. 10 Kita semua akan dihadapkan ke pengadilan al-Masih, dan
setiap orang akan menerima balasan yang setimpal dengan perbuatannya, baik ataupun jahat.

Mengusahakan pendamaian

11 Kami tahu apa yang dimaksudkan dengan takut kepada Tuhan. Oleh itu kami berusaha
meyakinkan orang. Allah mengenal kami dengan jelas, dan aku berharap dalam hati nuranimu kamu
juga mengenal kami dengan jelas. 12 Kami bukanlah cuba memuji diri lagi di hadapanmu, tetapi kami
memberimu alasan untuk berbangga dengan kami, supaya kamu dapat memberikan jawapan kepada
mereka yang membanggakan hal-hal lahiriah dan bukan hal-hal batiniah. 13 Sekiranya kami kelihatan
seperti orang yang kehilangan akal, itu adalah demi kepentingan Allah. Jika kami kelihatan seperti
orang yang berakal, itu adalah demi kepentinganmu. 14 Kasih al-Masih menguasai hidup kami, dan
kami yakin bahawa apabila seseorang telah mati bagi semua orang, maka semua orang itu pun telah
mati. 15 Dia telah mati bagi semua orang, supaya mereka yang hidup tidak lagi hidup untuk diri sendiri
tetapi untuk Dia yang telah mati dan telah dibangkitkan bagi mereka.

16 Oleh itu dari saat itu kami tidak memandang orang berdasarkan keadaan lahiriah semata-mata.
Memang kami pernah memandang al-Masih secara lahiriah tetapi kini tidak lagi. 17 Sesiapa yang ada
dalam al-Masih adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya
baru. 18 Semuanya datang daripada Allah, yang telah mendamaikan kita dengan diri-Nya melalui al-
Masih, dan mengamanahkan kepada kami tugas mulia untuk mengusahakan pendamaian
itu. 19 Dalam al-Masih, Allah telah mendamaikan isi dunia ini dengan diri-Nya dan tidak lagi
memperhitungkan kesalahan-kesalahan mereka. Berita pendamaian itu telah diamanahkannya kepada
kami. 20 Kami adalah para duta al-Masih. Melalui kami, Allah menyampaikan apa yang dikehendaki-
Nya. Oleh itu demi al-Masih, kami meminta kepadamu: Berdamailah semula dengan Allah! 21 Allah
menjadikan al-Masih yang tidak mengenal dosa menjadi penanggung dosa untuk kita, supaya dalam
al-Masih kita menjadi benar di hadapan Allah.

6 1 Sebagai rakan-rakan sekerja, kami meminta kepadamu, janganlah sia-siakan kasih kurnia Allah
yang telah kamu terima, 2 kerana demikianlah firman-Nya,

‘Aku telah mendengar kata-katamu ketika
Aku berkenan
dan pada hari penyelamatan,
Aku telah menolongmu.’

Sekaranglah waktunya Allah berkenan dan sekaranglah hari penyelamatan itu.

Penderitaan Paulus

3 Dalam hal apa jua, kami tidak menyebabkan orang tersandung, supaya pengabdian kami tidak
dicela. 4 Sebaliknya, dalam semua hal, kami telah membuktikan bahawa kami bersikap secara yang
wajar bagi hamba-hamba Allah. Kami cukup tabah menghadapi kesusahan, kesulitan dan
kesempitan, 5 sebatan, pemenjaraan, huru-hara, penat lelah, bercekang mata, dan keadaan
lapar. 6 Kami hidup dalam kesucian, pengetahuan, kesabaran, baik budi, dalam Roh Suci, dan dalam
kasih sejati. 7 Kami menyampaikan kebenaran, dan hidup dalam kuasa Allah. Kami bersenjatakan
kebenaran, di tangan kanan dan kiri. 8 Kami dimuliakan dan dihina, dikeji dan dipuji. Kami dipanggil
penipu sedangkan kami benar. 9 Kami dianggap tidak dikenali, padahal terkenal. Kami disangka sudah
hampir mati, tetapi ternyata masih hidup. Kami dibelasah, namun tidak dibunuh. 10 Kami disedihkan,
tetapi sentiasa gembira. Kami miskin, namun ramai yang kami perkaya. Kami tidak memiliki apa-apa,
tetapi kami mempunyai segala-galanya.

11 Wahai orang Korintus! Kami telah bercakap terus-terang kepadamu, hati kami terbuka
luas. 12 Kamu terbatas bukanlah oleh kami tetapi oleh perasaanmu sendiri.

Jangan berpasangan dengan orang yang tidak beriman.

13 Oleh itu aku berkata seperti kepada anak-anak, bukalah hatimu supaya antara kita saling

berterus-terang.

[14] Janganlah berpasangan dengan orang yang tidak beriman. Pasangan begitu tidak sepadan;
kerana adakah persamaan antara yang baik dengan yang jahat? Dapatkah terang bersatu dengan
gelap? [15] Adakah muafakat antara al-Masih dengan Belial? Adakah kesamaan antara orang yang
beriman dengan orang yang tidak beriman? [16] Adakah hubungan antara rumah Allah dengan berhala-
berhala? Kita adalah rumah Allah Yang Hidup, seperti dalam firman-Nya, 'Aku akan tinggal dalam
mereka dan berjalan di antara mereka. Aku akan menjadi Allah Tuhan mereka dan mereka akan
menjadi umat-Ku.'

[17] Oleh itu,

'Keluarlah dari kalangan mereka,

dan asingkanlah dirimu daripada mereka,' demikianlah firman Tuhan.

'Jangan sentuh yang najis,

maka Aku akan menerimamu'

[18] 'Aku akan menjadi Bapamu,

dan kamu, anak-anak-Ku lelaki perempuan,'demikianlah firman Tuhan Yang Maha Kuasa.

7 [1] Oleh sebab kita telah mendapat janji-janji itu, saudara-saudara yang kukasihi, sucikanlah diri
daripada segala yang menajiskan tubuh atau roh, dan sempurnakan kesucian kita dengan rasa
takut kepada Allah.

Sukacita Paulus

[2] Berikanlah tempat bagi kami di hatimu. Kami tidak pernah berbuat salah kepada sesiapa. Kami
tidak pernah merosakkan iman atau memperalatkan sesiapa. [3] Aku berkata demikian bukan untuk
menyalahkan kamu, kerana tadi aku menyatakan bahawa kamu telah mendapat tempat di hati kami,
maka kita sehidup semati. [4] Aku sangat mempercayaimu dan berbangga denganmu. Aku sangat
terhibur, dan dalam segala kesusahan kami, hatiku dipenuhi kegembiraan.

[5] Setelah sampai di Makedonia, ternyata kami langsung tidak mengalami ketenangan. Kami
menanggung pelbagai kesusahan: persengketaan dari luar, dan ketakutan dalam diri sendiri. [6] Tetapi
Allah, yang menghibur orang yang putus asa, menghibur kami dengan kedatangan Titus. [7] Bukan
kedatangannya sahaja yang menghibur, malah juga penghiburan yang didapatinya keranamu. Dia
bercerita kepada kami tentang kerinduanmu, penyesalanmu, dan kehebatan semangatmu
menyokongku, yang lebih menggembirakan lagi hatiku.

[8] Walaupun aku telah menyedihkanmu dengan surat yang kukirim, aku tidak menyesal. Pada
suatu ketika memang aku menyesal, kerana jelas sekali surat itu telah menyedihkanmu, biarpun untuk
beberapa detik. [9] Tetapi kini aku gembira, bukan kerana kamu bersedih, tetapi kerana kesedihanmu itu
membawa taubat. Ertinya, memanglah kamu bersedih, tetapi hal itu selaras dengan kehendak Allah,
maka kami tidaklah merugikanmu. [10] Kesedihan yang selaras dengan kehendak Allah membawa
taubat dan penyelamatan, maka tidak harus disesali. Sebaliknya, kesedihan dari dunia ini membawa
maut. [11] Perhatikan bahawa kesedihanmu itu selaras dengan kehendak Allah. Betapa hebatnya yang
dicetuskan dalam dirimu: kesungguhan, keinginan membersihkan diri daripada tuduhan, kemarahan,
ketakutan, kerinduan, semangat, dan usaha menegakkan keadilan. Dari segala segi kamu telah
membuktikan dirimu suci dalam hal ini. [12] Kutulis surat itu kepadamu bukan untuk orang yang
melakukan kesalahan itu, dan bukan pula untuk orang yang menjadi mangsa kesalahan itu, tetapi
supaya perhatian kami terhadapmu di hadapan Allah ternyata kepadamu. [13] Oleh sebab itulah kami
merasa terhibur. Tetapi selain itu, kami merasa lebih gembira lagi melihat kegembiraan Titus, kerana
kamu telah menenteramkan hatinya.

[14] Aku telah berbangga denganmu di hadapan Titus dan aku tidak malu berbuat demikian.
Sebagaimana dalam hal-hal lain kami bercakap benar kepadamu, kata-kata bangga kami terhadapmu
di hadapan Titus juga ternyata benar. [15] Kasihnya kepadamu kian mendalam apabila dia mengingati
ketaatanmu, dan betapa kamu telah menyambutnya dengan takut dan gementar. [16] Aku gembira
kerana aku dapat mempercayaimu dalam segala hal.

8 *Kemurahan hati*

[1] Kami ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, tentang kasih kurnia Allah kepada jemaah-jemaah
di Makedonia. [2] Sungguhpun mereka banyak diuji dengan kesusahan, namun kegembiraan mereka
melimpah. Walaupun mereka sangat miskin, mereka kaya dalam kemurahan hati. [3] Aku dapat
memberi kesaksian bahawa dengan rela hati mereka telah memberi setakat termampu, malah lebih
daripada itu. [4] Mereka telah meminta bersungguh-sungguh kepada kami agar mereka diberi hak
istimewa untuk menyumbang kepada keperluan orang salih. [5] Hal in benar-benar di luar jangkaan
kami. Mereka mempersembahkan diri pertama kepada Tuhan, kemudian kepada kami juga dengan
kehendak Allah. [6] Oleh itu kami meminta bersungguh-sungguh kepada Titus, yang telah memulakan
usaha itu, supaya melanjutkan pekerjaan yang mulia itu di kalanganmu. [7] Jadi, sebagaimana kamu
kaya dalam segala hal dalam iman, kata-kata, pengetahuan, pelbagai usaha, dan dalam kasihmu
kepada kami hendaklah kamu kaya juga dalam pekerjaan yang mulia itu.

[8] Ini bukanlah satu perintah, tetapi aku menguji keikhlasan kasihmu berbanding kesungguhan
orang lain. [9] Kamu tahu tentang kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih. Dia kaya, tetapi kerana
kamu Dia telah menjadikan diri-Nya miskin supaya melalui kemiskinannya kamu menjadi kaya.

[10] Dalam hal ini, aku menasihatimu: Sudah sewajarnya kamu meneruskan apa yang kamu
mulakan setahun lalu. Pada masa itu, kamulah yang mula-mula berhasrat memberi, dan kamulah
yang mula-mula bertindak. [11] Sekarang, hendaklah kamu menyempurnakannya. Dahulu kamu telah
membuat keputusan memberi, maka sekarang buktikanlah bahawa kamu bersedia melaksanakannya
menurut kemampuanmu. [12] Jika seseorang sanggup memberi, Allah reda menerima pemberiannya
menurut apa yang dia ada, bukan apa yang dia tidak ada.

[13] Maksudku bukanlah supaya orang lain dimudahkan manakala kamu disusahkan, tetapi agar
terdapat persamaan. [14] Kini, kelebihanmu dapat menampung kekurangan mereka. Satu hari nanti,
kelebihan mereka dapat menampung kekuranganmu pula, maka terdapatlah persamaan, [15] seperti
telah tersurat, ‘Orang yang memperoleh banyak tidak berlebihan, orang yang memperoleh sedikit
tidak kekurangan.’

Titus diutus ke Korintus

[16] Segala puji dan syukur kepada Allah kerana telah meletakkan ke dalam hati Titus keprihatinan
yang sama terhadapmu. [17] Titus menerima permintaan kami, malah dengan kehendaknya sendiri pergi
mengunjungimu. [18] Kami mengutus seorang lagi saudara kita bagi menyertai Titus: Seorang yang
terpuji di kalangan semua jemaah kerana pelayanannya dalam hal-hal Injil. [19] Malah dia juga telah
dipilih oleh semua jemaah untuk menemani kami dalam perjalanan kami, yang bertujuan
menyampaikan pemberian itu, agar Tuhan dimuliakan dan kesediaanmu menolong menjadi
nyata. [20] Kami juga ingin mengelakkan daripada dicela berkaitan tindakan kami membawa pemberian
yang begitu besar. [21] Kami berusaha melakukan apa yang benar bukan sahaja di sisi Allah tetapi juga
di mata manusia.

[22] Oleh yang demikian, bersama Titus dan saudara kita itu, kami mengutus seorang lagi saudara
kita. Kami telah mengujinya beberapa kali dan mendapatinya amat bersungguh-sungguh. Malah
sekarang dia lebih bersungguh-sungguh lagi disebabkan kepercayaan yang sangat besar
kepadamu. [23] Titus adalah temanku dan rakan sekerjaku untuk kepentinganmu. Saudara-saudara kita
yang lain itu adalah utusan jemaah-jemaah, dan kemuliaan al-Masih. [24] Oleh itu, tunjukkanlah kepada
mereka dan di hadapan semua jemaah bukti kasihmu serta kebanggaan kami terhadapmu.

9 [1] Tentang pemberian bantuan kepada orang salih, aku tidak perlu menulis kepadamu, [2] kerana aku
tahu kesediaanmu. Malah aku berbangga tentangmu di hadapan orang Makedonia dengan berkata
bahawa Akhaya sudah siap memberi sejak tahun lalu; semangatmu telah banyak memberikan
perangsang. [3] Aku mengutus saudara-saudara kita itu supaya kebanggaan kami terhadapmu dalam
hal ini tidak sia-sia. Oleh itu, kamu hendaklah benar-benar siap sedia, seperti yang telah kukatakan
kepada mereka. [4] Kalau ada orang Makedonia yang datang bersama aku dan mereka mendapati
kamu belum siap, maka kami (tentulah juga kamu!) akan berasa malu, kerana kami begitu
yakin. [5] Dengan demikian aku telah meminta saudara-saudara kita pergi terlebih dahulu menemui
kamu dan mengatur pemberian yang telah kamu janjikan itu; biar pemberian itu terkumpul dari
kemurahan hatimu, bukan kerana terpaksa.

Menyemai banyak

[6] Ingatlah firman ini: Orang yang menyemai sedikit akan menuai sedikit, dan orang yang
menyemai banyak akan menuai banyak. [7] Masing-masing hendaklah memberi setulus hati, jangan
dengan rasa enggan atau terpaksa, kerana Allah meredai orang yang memberi dengan
gembira. [8] Allah berkuasa melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadamu, supaya kamu dapat memenuhi
segala keperluanmu dan berlebihan pula untuk amal kebajikan. [9] Sebagaimana tersurat,

‘Dia telah menaburkan kurnia-Nya

merata-rata di kalangan orang miskin,

Kebenaran-Nya kekal selama-lamanya.’

[10] Allah telah menyediakan benih untuk disemai dan roti untuk dimakan. Semoga Allah
melipatgandakan benih yang telah kamu semai dan memperbanyak buah hasil kebenaran, [11] serta
memperkaya kamu dalam segala hal, sehingga kamu dapat terus-menerus bermurah hati.
Pemberianmu yang disampaikan melalui kami akan menimbulkan rasa syukur kepada Allah.

[12] Kerana pekerjaan mulia yang sedang kita usahakan ini bukan sahaja akan menampung
kekurangan orang salih, tetapi juga menyebabkan banyak orang mengucap syukur kepada
Allah. [13] Melalui pekerjaan mulia ini, kamu membuktikan imanmu dan mereka memuliakan Allah
kerana melihat kesetiaan pengakuanmu terhadap Injil al-Masih serta kemurahan hati yang kamu
tunjukkan dengan pemberian kepada mereka dan semua orang. [14] Mereka berdoa untukmu dan ingin
berdamping denganmu kerana kasih kurnia Allah yang melebihi segala-galanya memenuhi
dirimu. [15] Segala puji dan syukur kepada Allah kerana kurnia-Nya yang tidak terperikan.

10 *Paulus mempertahankan diri*

[1] Sekarang aku, Paulus, yang gementar ketika berhadapan denganmu tetapi berani ketika berjauhan,
memohon sesuatu kepadamu atas sifat al-Masih yang lemah lembut dan rendah hati. [2] Aku memohon
kepadamu, apabila aku datang nanti, janganlah sampai aku terpaksa menunjukkan keberanian di
hadapanmu. Aku memang berniat untuk bertindak begitu terhadap beberapa orang yang menyangka
bahawa kami hidup seperti orang duniawi. [3] Walaupun kami hidup di dunia, kami tidaklah berjuang
secara duniawi. [4] Senjata-senjata kami bukanlah benda-benda duniawi tetapi kekuatan Ilahi untuk
meruntuhkan benteng-benteng, [5] mematahkan hujah-hujah dan segala yang meninggikan diri
menentang pengenalan Allah, menundukkan semua fikiran supaya mematuhi al-Masih, [6] serta
bersedia menghukum segala keingkaran terhadap Allah apabila ketaatanmu disempurnakan.

[7] Kamu hanya melihat sesuatu berdasarkan lahiriahnya. Jika seseorang yakin dalam hatinya
bahawa dia milik al-Masih, hendaklah dia memikirkan pula, bahawa sebagaimana dia milik al-Masih,
begitu jugalah kita ini milik al-Masih. [8] Kalaupun aku berbangga lebih sedikit tentang kewibawaan
kami, yang diberikan oleh Tuhan kepada kami untuk membangunkan dan bukan membinasakan
kamu, aku tidak akan berasa malu. [9] Ini kerana aku tidak mahu kamu menyangka bahawa aku hendak
menakut-nakutkanmu dengan surat-suratku. [10] Ada yang berkata, ‘Surat-suratnya bernas dan tegas,
tetapi apabila berhadapan muka, dia kelihatan daif dan pertuturannya pun tidak memberikan
kesan.’ [11] Orang yang berkata demikian haruslah menimbangkan hal ini: Bahawa sebagaimana kata-
kata kami dalam surat ketika berjauhan, begitulah juga tindakan kami apabila berhadapan kelak.

[12] Kami tidak berani menggolongkan atau membandingkan diri kami dengan mereka yang memuji
diri sendiri. Apabila mereka menilai diri sendiri dan membandingkan diri sama sendiri, mereka tidaklah
bertindak dengan bijaksana. [13] Sebaliknya, kami tidak akan berbangga berlebih-lebihan, tetapi dalam
batas-batas lingkungan yang ditetapkan Allah untuk kami — lingkungan yang khususnya merangkum
kamu. [14] Kami tidaklah melampaui batas-batas yang ditetapkan Allah, seolah-olah kami belum sampai
ke tempatmu. Kamilah yang pertama datang membawa Injil al-Masih kepadamu. [15] Kami tidak
berbangga di luar batas, iaitu tentang usaha orang lain; tetapi kami berharap bahawa dengan
bertambahnya imanmu, kamu akan memperluas lingkungan kami. [16] Dengan demikian kami akan
mengajarkan Injil di kawasan-kawasan yang lebih jauh lagi daripada tempatmu, dan tidak berbangga
dalam lingkungan kerja orang lain. [17] ‘Tetapi seseorang yang bermegah, hendaklah bermegah di
dalam Tuhan.’ [18] Kerana yang dianggap mulia bukanlah orang yang memuji diri sendiri tetapi orang
yang dipuji oleh Tuhan.

11 *Paulus tentang rasul-rasul palsu*

[1] Aku harap kamu akan bersabar dengan satu kebodohan kecilku. Sememangnya kamu bersabar
denganku. [2] Aku cemburu terhadapmu dengan cemburu ilahi; kerana aku telah menunangkan kamu
dengan al-Masih dan ingin menyerahkanmu kepada-Nya sebagai anak dara yang suci. [3] Tetapi aku
takut kalau-kalau fikiranmu akan dicemari sebagaimana Hawa telah diperdaya oleh ular dengan
kepintarannya, sehingga kamu berpaling daripada kesetiaanmu yang murni kepada al-Masih. [4] Jika
seseorang datang mengajar tentang Isa yang lain daripada yang kami ajarkan; atau kamu
memperoleh roh yang lain daripada yang telah kamu peroleh, atau Injil yang lain daripada yang telah
kamu terima; mungkin sekali kamu bersabar sahaja terhadapnya. [5] Aku rasa aku tidaklah kurang
berbanding rasul-rasul yang unggul itu. [6] Sungguhpun aku tidak terlatih dalam bertutur kata, namun
aku tidaklah kekurangan dalam pengetahuan. Kami telah ternyata sepenuhnya kepadamu dalam
segala hal.

[7] Berdosakah aku merendahkan diriku supaya kamu ditinggikan, kerana aku mengajarkan Injil
Allah kepadamu tanpa mengenakan bayaran? [8] Aku telah 'merompak' jemaah-jemaah lain dengan
menerima ganjaran daripada mereka untuk melayanimu. [9] Apabila aku berada di kalanganmu, dalam
keadaanku yang serba kurang, aku tidak membebani sesiapapun di antaramu; kerana segala
keperluanku dipenuhi oleh saudara-saudara kita dari Makedonia. Dalam segala hal aku memastikan
bahawa aku tidak menjadi beban kepadamu; dan demikianlah akan terus kulakukan. [10] Sebagaimana
kebenaran al-Masih tetap ada dalam diriku, tiada siapapun akan menghalangku daripada berbangga
dalam hal ini di wilayah Akhaya. [11] Mengapa? Kerana aku tidak mengasihimu? Allah yang
tahu! [12] Tetapi aku akan terus melakukan apa yang kulakukan sekarang, untuk menutup peluang bagi
mereka yang mencari peluang supaya dianggap sama dengan kami dalam hal-hal yang mereka
banggakan.

[13] Mereka adalah rasul palsu. Mereka berusaha dengan tipu daya dan menyamar sebagai rasul
al-Masih. [14] Ini tidaklah menghairankan, kerana Iblis sendiri menyamar sebagai malaikat
cahaya. [15] Oleh itu bukanlah suatu hal yang menakjubkan jika pelayan-pelayannya menyamar sebagai
pelayan-pelayan yang benar. Akhirnya mereka akan menerima balasan setimpal dengan apa yang
mereka kerjakan.

Paulus berbangga dengan penderitaan-Nya

[16] Sekali lagi aku berkata, janganlah sesiapa menyangka aku bodoh. Tetapi sekiranya aku
disangka begitu, terimalah aku sebagai orang bodoh, agar aku dapat berbangga sedikit. [17] Apa yang
kukatakan ini bukanlah menurut al-Masih tetapi selaku orang bodoh dalam keyakinan
berbangga. [18] Memandangkan ramai orang yang berbangga secara lahiriah, maka aku akan
berbangga juga; [19] kerana kamu begitu senang hati bersabar dengan orang bodoh, sedangkan kamu
bijak. [20] Kamu bersabar dengan orang yang memperhamba kamu, yang menelanmu, yang
memerangkapmu dengan tipu helah, yang meninggikan dirinya, yang menampar mukamu. [21] Dalam
hal demikian, dengan rasa malu aku mengaku, kami memang lemah.

Tetapi jika orang lain berani berbangga tentang sesuatu sebagai orang bodoh aku berkata, aku
juga berani. [22] Adakah mereka berbangga kerana mereka orang Ibrani? Aku juga begitu. Kerana
mereka bangsa Israel? Aku juga begitu. Kerana mereka keturunan Ibrahim? Aku juga
begitu. [23] Kerana mereka para pelayan al-Masih? Aku berkata sebagai orang bodoh: Aku lebih lagi!
Aku lebih banyak bertungkus-lumus, lebih kerap disebat, lebih sering dipenjarakan, selalu sahaja
diancam maut. [24] Lima kali, sebanyak empat puluh kurang satu sebatan setiap kalinya, aku disebat
oleh orang Yahudi. [25] Tiga kali aku dipukul dengan tongkat, sekali direjam, tiga kali ditimpa kejadian
kapal karam, dan sehari semalam terkatung-katung di laut. [26] Dalam perjalanan, seringkali aku
menghadapi bahaya; bahaya dari sungai, bahaya daripada penyamun, bahaya daripada bangsaku
sendiri orang Yahudi, bahaya daripada bangsa-bangsa lain, bahaya di kota, bahaya di gurun, bahaya
di laut, dan bahaya daripada orang yang berpura-pura sebagai saudara seiman. [27] Aku sering
keletihan bekerja keras, kurang tidur, kelaparan dan kehausan. Kerapkali aku terpaksa mengikat
perut, menanggung kesejukan, kekurangan pakaian. [28] Di samping itu, setiap hari aku dibebani rasa
runsing dan prihatin terhadap semua jemaah. [29] Jika seseorang lemah, tidakkah aku turut merasakan
kelemahannya? Jika seseorang tersandung, masakan hatiku tidak sengsara kerananya!

[30] Sekiranya aku hendak berbangga, aku akan berbangga tentang kelemahan-
kelemahanku. [31] Allah, Bapa Junjungan Isa yang terpuji selama-lamanya, tahu bahawa aku tidak

berdusta. [32] Gabenor kota Damsyik, di bawah pemerintahan Raja Aretas, menyuruh agar kota itu
dijaga oleh tentera, untuk menangkapku. [33] Tetapi aku diturunkan dalam sebuah bakul melalui sebuah
jendela di tembok kota itu, lalu aku terlepas dari tangannya.

12 *Penglihatan Paulus*

[1] Tentu sekali tiada faedahnya aku berbangga. Aku akan menceritakan penglihatan dan wahyu yang
kudapati daripada Tuhan. [2] Aku mengenal seorang dalam al-Masih. Empat belas tahun lalu, orang itu
dibawa ke langit yang ketiga (sama ada di dalam tubuh atau di luar tubuh aku tidak tahu, Allah yang
mengetahuinya). [3] Aku tahu orang itu (sama ada di dalam tubuh atau di luar tubuh aku tidak tahu,
Allah yang mengetahuinya) [4] dibawa ke Firdaus lalu mendengar kata-kata yang tidak terperikan, yang
tidak boleh dituturkan oleh manusia. [5] Aku berbangga dengan orang itu, tetapi aku tidak akan
berbangga dengan diriku, kecuali kelemahan-kelemahanku. [6] Walaupun jikanya aku ingin berbangga,
aku bukanlah bodoh, kerana aku menyatakan yang benar. Tetapi aku tidak akan melakukannya,
supaya jangan ada orang yang menilaiku lebih tinggi daripada yang dilihatnya tentangku dan yang
didengarnya daripadaku.

[7] Supaya aku tidak terasa terlalu tinggi kerana begitu dilimpahi wahyu, aku telah diberi duri dalam
daging, utusan Iblis, untuk menyakitiku. [8] Sudah tiga kali aku memohon kepada Tuhan supaya seksa
ini disisihkan daripadaku. [9] Tetapi firman-Nya, 'Cukuplah kasih kurnia-Ku bagimu, kerana kekuatan-Ku
menjadi sempurna dalam kelemahan.' Oleh itu aku paling rela berbangga tentang kelemahan-
kelemahanku, supaya kuasa al-Masih menaungiku. [10] Oleh itu, aku rela menanggung pelbagai
kelemahan, celaan, kesempitan, penganiayaan dan kesusahan untuk al-Masih; kerana apabila aku
lemah, ketika itulah aku kuat.

Prihatian Paulus terhadap jemaah di Korintus

[11] Aku telah berbangga selaku orang bodoh. Kamu telah memaksaku berbuat demikian.
Sepatutnya kamu memberiku penghargaan; kerana aku tidak kurang daripada rasul-rasul terunggul
itu, walaupun aku orang yang tidak penting. [12] Tanda-tanda kerasulanku telah ditunjukkan kepadamu
dengan sepenuhnya, iaitu pelbagai tanda ajaib dan mukjizat. [13] Dari segi apakah kamu kurang
daripada jemaah-jemaah lain, kecuali aku tidak membebanimu? Maafkan kesalahanku itu!

[14] Kini, bagi kali ketiga, aku bersedia mengunjungi kamu. Aku tidak akan membebani kamu,
kerana aku menghendaki kamu, bukan hartamu. Tidaklah wajar anak-anak mengumpulkan harta
untuk ibu bapa. Ibu bapalah yang patut mengumpulkan harta untuk anak-anak. [15] Aku rela berbelanja
malah berhabis untukmu. Oleh itu jika kasihku semakin kulimpahkan kepadamu, wajarkah aku
semakin kurang dikasihi? [16] Walau bagaimanapun, aku tidak membebanimu. Namun demikian, aku
dikatakan pandai memperdaya dan menawanmu dengan tipu helah! [17] Pernahkah aku memperdayamu
melalui orang yang telah kuutus kepadamu? [18] Aku telah meminta Titus pergi mengunjungimu,
bersama seorang lagi saudara kita. Adakah Titus memperdayamu? Tidakkah kami hidup menurut roh
yang sama? Tidakkah kami bertindak dengan langkah-langkah yang sama?

[19] Adakah kamu menyangka kami membela diri di hadapanmu? Kami bersuara di hadapan Allah
dalam al-Masih. Kami melakukan segala-galanya untuk menguatkanmu, saudara-saudara yang
kukasihi. [20] Aku takut kalau-kalau ketika aku datang nanti, aku mendapatimu tidak seperti yang
kuharapkan dan kamu mendapatiku tidak seperti yang kamu harapkan. Janganlah hendaknya ketika
itu aku menemui pertengkaran, hasad dengki, kemarahan, sikap mementingkan diri, umpat-
mengumpat, desas-desus, keangkuhan, dan huru-hara. [21] Aku harap, ketika aku datang kelak,
janganlah aku dipermalukan oleh Allah Tuhanku di hadapanmu dan bersedih kerana ramai yang
dahulu berbuat dosa tetap tidak bertaubat daripada kekejian, pencabulan dan keliaran hawa nafsu
dalam kehidupan mereka.

13 *Peringatan terakhir*

[1] Kunjunganku kepadamu nanti adalah bagi kali yang ketiga. 'Melalui dua atau tiga orang saksi,
setiap perkataan akan diteguhkan.' [2] Dahulu, sewaktu aku tinggal bersamamu dalam kunjunganku
yang kedua, aku telah memperingatkan mereka yang berbuat dosa itu serta orang lain. Sekarang,
dari jauh aku menulis memperingatkan mereka, bahawa apabila aku datang nanti aku tidak akan
menunjukkan belas kasihan kepada mereka. [3] Kamu menuntut bukti bahawa al-Masih bersuara
melaluiku. Al-Masih tidaklah lemah menghadapimu; Dia bertindak dengan penuh kuasa dalam

dirimu. 4 Al-Masih disalib kerana kelemahan, tetapi Dia hidup kerana kuasa Allah. Kami juga lemah
dalam Dia, namun dengan kuasa Allah akan hidup bersama Dia untuk melayanimu.

5 Ujilah keteguhan imanmu; periksalah dirimu sendiri. Tidakkah kamu tahu al-Masih ada di dalam
dirimu? Kecuali kamu gagal. 6 Kami yakin kamu tahu bahawa kami bukanlah orang yang tidak tahan
diuji. 7 Sekarang aku berdoa kepada Allah semoga kamu tidak melakukan kejahatan bukan kerana
kami ingin kelihatan diperkenan sebagai rasul, tetapi supaya kamu melakukan perbuatan yang mulia,
meskipun kiranya kami kelihatan seolah-olah tidak layak menjadi rasul. 8 Kami tidak mungkin
melakukan sesuatu menentang apa yang benar. Setiap yang kami lakukan adalah untuk menegakkan
yang benar. 9 Kami senang hati apabila kami lemah sedangkan kamu kuat. Kami juga mendoakan
semoga kamu disempurnakan. 10 Oleh sebab itulah aku menulis segala ini sebelum aku berada di
hadapanmu. Dengan demikian, apabila aku berhadapan denganmu kelak, tidaklah perlu aku berkeras
terhadapmu melalui kekuasaan yang telah diberi Tuhan kepadaku untuk mengajarmu, bukan
merosakkanmu.

11 Akhir kata, saudara-saudara seimanku, kuucapkan salam perpisahan dulu. Berusahalah menjadi
sempurna. Senangkan hati, bulatkan muafakat, hidup rukun damai; maka Allah Pengurnia kasih dan
kesejahteraan akan bersamamu.

12 Bersalamlah dengan mesra sebagai saudara-saudara seiman. 13 Semua orang salih di sini
berkirim salam kepadamu.

14 Semoga kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih, kasih Allah dan keakraban Roh Suci menyertai
kamu semua. Amin.

Galatia

1 [1] Daripada Paulus, seorang rasul — bukan daripada manusia atau melalui manusia, tetapi melalui
Isa al-Masih dan Allah Bapa, yang telah membangkitkan-Nya daripada kematian —[2] dan daripada
semua saudara yang bersamaku,

Kepada semua jemaah di Galatia:

[3] Kasih kurnia dan sejahtera kepadamu daripada Allah Bapa dan daripada Junjungan Isa al-
Masih [4] yang telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa kita agar Dia melepaskan kita
daripada zaman durjana ini, menurut kehendak Bapa kita Allah. [5] Bagi-Nyalah kemuliaan selama-
lamanya. Amin.

Hanya satu Injil

[6] Aku hairan bahawa kamu telah berpaling begitu cepat daripada Dia yang telah memanggilmu
dalam kasih kurnia al-Masih, kepada suatu injil lain —[7] yang bukannya injil. Tetapi ada orang yang
mengacau kamu dan hendak memesongkan Injil al-Masih. [8] Tetapi jikalau kami atau malaikat dari
syurga sekalipun kelak mengkhabarkan kepadamu suatu injil yang lain daripada Injil yang telah kami
khabarkan kepadamu, maka terlaknatlah orang yang mengkhabarkan itu! [9] Sebagaimana aku sudah
berkata dulu, sekarang kukatakan lagi: Jika sesiapa mengkhabarkan injil kepadamu lain daripada
yang telah kamu terima, terlaknatlah orang itu!

[10] Adakah aku hendak membuktikan diri kepada manusia atau kepada Allah? Adakah aku
berusaha mendapatkan keredaan manusia atau keredaan Allah? Jika aku masih cuba mendapatkan
keredaan manusia, aku bukanlah hamba al-Masih.

Bagaimana Paulus menjadi rasul

[11] Aku memberitahu kepadamu, saudara-saudara, Injil yang kuajarkan bukanlah menurut
manusia. [12] Aku tidak menerimanya daripada manusia, dan aku tidak pula mempelajarinya; tetapi Injil
itu datang melalui wahyu daripada Isa al-Masih.

[13] Kamu telah mendengar tentang kelakuanku dulu ketika dalam agama Yahudi, betapa aku telah
menganiaya jemaah Allah habis-habisan dan cuba membinasakannya. [14] Aku jauh lebih maju dalam
agama Yahudi daripada orang sebayaku di kalangan bangsaku, kerana aku teramat kuat berpegang
kepada segala adat nenek moyangku. [15] Tetapi apabila Allah, yang telah mengasingkanku daripada
rahim ibuku dan memanggilku, melalui kasih kurnia-Nya [16] untuk menyatakan Putera-Nya dalamku,
berkenan agar aku mengajar tentang-Nya di kalangan bangsa lain, aku tidaklah bermesyuarat dengan
sesama manusia. [17] Aku tidak juga pergi ke Baitulmaqdis untuk menemui mereka yang telah menjadi
rasul terdahulu daripadaku, tetapi aku ke tanah Arab, lalu pulang semula ke Damsyik.

[18] Tiga tahun kemudian, aku ke Baitulmaqdis bertemu dengan Petrus lalu tinggal dengannya lima
belas hari. [19] Tetapi aku tidak melihat para rasul yang lain — kecuali Yakobus, saudara
Junjungan. [20] Sesungguhnya, di hadapan Allah, perkara-perkara yang kutuliskan kepadamu ini benar,
aku tidak berbohong. [21] Selepas itu aku pergi ke rantau Siria dan Kilikia. [22] Mukaku masih belum
dikenali oleh jemaah di tanah Yudea yang mempercayai al-Masih. [23] Mereka hanya mendengar:
'Orang yang dulu menganiaya kita sekarang mengajarkan iman yang hendak dibinasakannya
dulu.' [24] Lalu mereka memuji Allah keranaku.

2 *Paulus diakui oleh para rasul*

[1] Kemudian, selepas empat belas tahun, aku naik lagi ke Baitulmaqdis dengan Barnabas, serta
membawa Titus bersama. [2] Aku pergi ke sana untuk mematuhi wahyu yang diterima daripada Allah,
dan membentangkan kepada mereka Injil yang kukhabarkan di kalangan bangsa asing. Tetapi aku
melakukan ini secara persendirian kepada orang yang terkemuka, takut kalau-kalau pekerjaanku sia-
sia, baik pada masa itu mahupun sebelum itu. [3] Namun demikian, walaupun Titus yang bersamaku itu
seorang Yunani, dia pun tidak dipaksa bersunat. [4] Ini disebabkan beberapa orang yang pura-pura
beriman telah dibawa masuk. Mereka mencuri-curi masuk untuk mengintip kebebasan yang kami

miliki dalam Isa al-Masih agar mereka dapat memperhambakan kami. [5] Namun, seketika pun kami
tidak tunduk menyerah kepada mereka, supaya kebenaran Injil tetap bersamamu.

[6] Tetapi daripada orang yang kelihatan berwibawa — walau apapun mereka, sama sahaja bagiku;
Allah tidak bersikap pilih kasih kepada sesiapa — mereka tidak menambah apa-apa kepada
pengajaranku. [7] Sebaliknya, mereka sedar bahawa penyampaian Injil kepada orang yang tidak
bersunat telah diamanahkan kepadaku, sebagaimana penyampaian Injil kepada orang yang bersunat
telah diamanahkan kepada Petrus. [8] Kerana Dia yang telah bekerja dengan berkesan dalam Petrus
bagi pengutusan kepada orang yang bersunat, telah bekerja dengan berkesan juga dalamku bagi
pengutusan kepada orang yang tidak bersunat. [9] Dan apabila Yakobus, Petrus dan Yahya, yang
dipandang sebagai asas yang kukuh, menyedari kasih kurnia yang telah diberikan kepadaku, mereka
berjabat tangan denganku dan Barnabas sebagai tanda persahabatan, supaya kami pergi kepada
bangsa asing manakala mereka pergi kepada orang yang bersunat. [10] Mereka hanya meminta agar
kami ingat akan orang miskin, sesuatu yang sememangnya hendak kulakukan.

Paulus bertentangan dengan Petrus

[11] Tetapi apabila Petrus datang ke Antiokhia, aku bersemuka dengannya dan membantah
perbuatannya, kerana dia bersalah. [12] Sebelum beberapa orang datang daripada Yakobus, Petrus
makan bersama bangsa asing. Akan tetapi apabila mereka datang, dia berundur dan mengasingkan
diri, disebabkan takut akan orang yang berpegang kepada persunatan. [13] Orang Yahudi yang lain
turut bersikap munafik, sehingga Barnabas pun tersesat kerana kemunafikan itu.

[14] Aku lihat kelakuan mereka itu tidak menepati kebenaran Injil, lalu aku berkata kepada Petrus di
hadapan semuanya, ‘Jika kamu, orang Yahudi, hidup seperti orang bangsa asing dan tidak seperti
orang Yahudi, mengapakah kamu memaksa orang bangsa asing menurut adat orang Yahudi?

[15] ‘Kita yang memang asal orang Yahudi, bukan “orang berdosa daripada bangsa
asing” [16] mengetahui bahawa seseorang itu diperbenar bukanlah kerana mengerjakan hukum Taurat
tetapi kerana beriman akan al-Masih. Oleh itu kita pun mempercayai al-Masih, supaya kita diperbenar
kerana beriman akan al-Masih, bukan kerana mengerjakan hukum Taurat. Tiada seorang pun
manusia yang diperbenar kerana mengerjakan hukum Taurat.

[17] ‘Tetapi, ketika kita berusaha untuk diperbenar melalui al-Masih, ternyata kita sendiri didapati
berdosa, adakah ini bermakna al-Masih mengajar kita berdosa? Tidak sekali-kali! [18] Kalaulah kubina
semula apa yang pernah kuruntuhkan, nyatalah aku seorang pelanggar hukum. [19] Melalui hukum
Taurat, aku telah mati kepada hukum itu untuk hidup kepada Allah. [20] Aku telah disalib bersama al-
Masih, bukanlah aku lagi yang hidup, tetapi al-Masih yang hidup dalam aku. Dalam hidup jasadku
sekarang aku hidup dengan iman kepada Putera Allah, yang mengasihiku dan menyerahkan diri-Nya
untukku. [21] Aku tidak mengetepikan kasih kurnia Allah, kerana jika kebenaran datang daripada hukum
Taurat, sia-sialah kematian al-Masih!’

3 *Diperbenar melalui iman*

[1] Wahai orang Galatia yang tidak berakal! Siapakah yang telah menyihirkan kamu sedangkan di
hadapan matamu Isa al-Masih telah jelas ditunjukkan tersalib? [2] Hanya ini yang ingin kuketahui
daripadamu: Adakah kamu menerima Roh Suci kerana mengerjakan hukum Taurat, atau kerana
percaya kepada Injil yang dikhabarkan? [3] Di manakah akalmu? Setelah bermula dengan Roh,
sekarang kamu hendak menyempurnakan diri dengan kekuatan jasmani? [4] Adakah segala yang kamu
deritai itu sia-sia sahaja — kalaulah sebenarnya sia-sia? [5] Tuhan yang mengurniakan Roh-Nya
kepadamu dan mengerjakan mukjizat di kalanganmu, adakah Dia melakukannya kerana kamu
mengerjakan hukum Taurat, atau kerana kamu percaya Injil yang dikhabarkan?

[6] Samalah sebagaimana Ibrahim: ‘Dia mempercayai Allah, dan hal itu diperhitungkan baginya
sebagai kebenaran.’ [7] Oleh itu ketahuilah, hanya mereka yang beriman dianggap anak cucu
Ibrahim. [8] Oleh sebab telah diketahui bahawa Allah akan memperbenar bangsa asing melalui iman,
Kitab Suci telah menyampaikan Injil itu kepada Ibrahim terlebih dahulu: ‘Melalui engkau, semua
bangsa akan diberkati.’ [9] Dengan demikian, semua orang yang beriman diberkati bersama Ibrahim
yang beriman.

[10] Setiap orang yang bergantung kepada usahanya sendiri mengerjakan hukum Taurat adalah
terlaknat, kerana sudah tersurat: ‘Terlaknatlah mereka yang tidak terus-menurus melakukan segala

yang tersurat dalam Hukum Kitab Taurat.' [11] Jelaslah bahawa tiada siapapun diperbenar di sisi Allah
dengan mengerjakan hukum Taurat, kerana, 'Orang yang benar akan hidup dengan iman.' [12] Hukum
Taurat tidak berdasarkan iman; tetapi, 'Orang yang melakukan hal-hal ini akan hidup
dengannya.' [13] Al-Masih telah menebus kita daripada laknat hukum Taurat itu dengan menanggung
laknat itu untuk kita, kerana telah tersurat: 'Terlaknatlah setiap orang yang tergantung pada kayu
salib.' [14] Dia menebus kita supaya berkat Ibrahim datang kepada bangsa asing melalui Isa al-Masih,
dan kita menerima Roh yang dijanjikan itu melalui iman.

Hukum Taurat atau perjanjian

[15] Saudara-saudara, aku hendak menggunakan contoh daripada hidup sehari-hari. Walaupun
suatu perjanjian hanya antara manusia, namun setelah ditetapkan, tiada siapa harus
memansuhkannya atau menolak-tambah padanya, begitulah juga hal ini. [16] Janji Allah telah dibuat
kepada Ibrahim dan benihnya. Kitab Suci tidak menyebut 'dan kepada benih-benih,' dengan erti ramai
orang, tetapi 'dan kepada Benihmu,' yang bererti seorang sahaja, iaitu al-Masih. [17] Aku berkata
bahawa hukum Taurat, yang datang 430 tahun kemudian, tidak dapat memansuhkan perjanjian yang
telah ditetapkan dahulu oleh Allah atau menjadikan janji itu tidak sah lagi. [18] Jika warisan itu daripada
hukum Taurat, itu bukanlah lagi berdasarkan janji; tetapi Allah dalam kasih kurnia-Nya telah
memberikannya kepada Ibrahim melalui janji.

[19] Kalau begitu, apakah tujuan hukum Taurat? Hukum itu ditambahkan kerana pelanggaran
manusia. Hukum itu berterusan sehingga datangnya Benih yang dijanjikan itu, dan hukum itu
diberikan melalui malaikat oleh seorang pengantara. [20] Pengantara tidaklah menjadi pengantara bagi
satu pihak sahaja; tetapi Allah itu Esa.

[21] Jadi, adakah hukum Taurat itu berselisih dengan janji-janji Allah? Tidak sekali-kali! Kerana
kalaulah ada hukum yang dapat memberikan kehidupan, tentulah kebenaran didapati melalui hukum
itu. [22] Namun, Kitab Suci telah menentukan bahawa semuanya terbelenggu oleh dosa, supaya apa
yang dijanjikan melalui iman dalam Isa al-Masih dapat diberikan kepada mereka yang percaya.

[23] Sebelum datangnya iman, kita dikawal oleh hukum Taurat, dikurung sementara menantikan
iman yang akan dinyatakan kelak. [24] Oleh itu, hukum Taurat adalah guru kita, yang membawa kita
kepada al-Masih untuk dibenarkan oleh iman. [25] Tetapi selepas datangnya iman, kita tidak lagi di
bawah pengawasan hukum Taurat.

Anak dan waris melalui al-Masih

[26] Kamu semua telah menjadi anak Allah melalui iman terhadap Isa al-Masih. [27] Dan semua di
antara kamu yang telah diimadkan dalam al-Masih telah meliputi dirimu dengan al-Masih. [28] Tiadalah
lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu
semua menjadi satu dalam Isa al-Masih. [29] Dan jika kamu milik al-Masih, kamu adalah benih Ibrahim,
dan menjadi waris menurut janji itu.

4 *Tiada lagi perhambaan*

[1] Sekarang aku berkata bahawa waris, selagi dia masih kanak-kanak, tidak berbeza daripada hamba,
walaupun dia tuan kepada segala miliknya. [2] Dia di bawah kawalan para penjaga dan pengurus
sehingga masa yang ditetapkan oleh bapanya. [3] Demikianlah kita, ketika masih kanak-kanak,
diperhamba menurut pelajaran peringkat awal dunia. [4] Tetapi apabila sampai waktunya, Allah telah
menghantar Putera-Nya, yang dilahirkan melalui seorang perempuan, di bawah hukum Taurat, [5] untuk
menebus mereka yang di bawah hukum itu, supaya kita mendapat hak sepenuh sebagai anak. [6] Dan
kerana kamu anak-anak-Nya, Allah telah menghantar Roh Putera-Nya ke dalam hatimu, Roh yang
berseru, 'Abba, Bapa.' [7] Dengan demikian kamu bukan lagi hamba tetapi anak; dan sebagai anak,
Allah telah menjadikan kamu waris-Nya.

Paulus bimbang tentang orang Galatia

[8] Dulu, ketika kamu belum mengenal Allah, kamu telah memperhambakan diri kepada dewa-dewa
yang sebenarnya bukan tuhan. [9] Tetapi sekarang, setelah kamu mengenal Allah — atau lebih tepat,
dikenali Allah — mengapakah kamu berpaling semula kepada ajaran peringkat awal yang lemah dan
serba kurang itu, dan ingin terbelenggu semula sebagai hamba kepadanya? [10] Kamu mematuhi
hukum tentang hari, bulan, musim dan tahun! [11] Aku bimbang tentangmu, takut kalau-kalau aku

berusaha untukmu dengan sia-sia.

12 Saudara-saudara, aku meminta supaya kamu menjadi sepertiku, kerana dulu aku pun seperti
kamu. Kamu tidak pernah menganiayaku. 13 Kamu tahu bahawa kerana kedaifan jasmani, aku mula-
mula mengajarkan Injil kepadamu. 14 Dan kamu tidak menghina atau menyingkirkan aku kerana
cubaan jasmani yang kutanggung. Sebaliknya kamu telah menyambutku seperti malaikat Allah, malah
seperti Isa al-Masih. 15 Betapakah berkat yang kamu nikmati ketika itu? Kerana aku bersaksi bahawa,
kalau boleh, kamu rela mencungkil matamu sendiri dan memberikannya kepadaku. 16 Adakah aku
telah menjadi seterumu kerana aku menyatakan yang benar kepadamu?

17 Mereka bersungguh-sungguh menawan hatimu, tetapi bukan dengan niat yang baik. Mereka
hendak mengasingkan kamu, supaya kamu bersungguh-sungguh hendak menawan hati
mereka. 18 Memang elok bersungguh-sungguh dalam perkara yang baik, dan bukan hanya ketika aku
ada bersamamu. 19 Hai anak-anak kecilku, aku mengalami sengsara seperti hendak melahirkan kamu
sekali lagi sehingga al-Masih terbentuk dalam dirimu. 20 Aku rindu hendak bersama kamu sekarang
dan mengubah nada suaraku, kerana aku amat bimbang tentangmu!

Hagar dan Sarah

21 Katakan kepadaku, kamu yang ingin hidup di bawah hukum Taurat, tidakkah kamu dengar kata-
kata hukum itu? 22 Tersurat bahawa Ibrahim mempunyai dua orang anak lelaki, seorang dengan
hamba perempuan dan seorang lagi dengan perempuan merdeka. 23 Anak dengan hamba perempuan
itu dilahirkan sebagaimana kebiasaan manusia; tetapi anak dengan perempuan merdeka itu dilahirkan
kerana janji.

24 Ini adalah ibarat kerana dua perempuan itu mewakili dua perjanjian — satu daripada Gunung
Sinai yang melahirkan anak-anak perhambaan, iaitu Hagar, 25 kerana Hagar adalah Gunung Sinai di
tanah Arab, melambangkan Baitulmaqdis yang ada sekarang, dan berada dalam perhambaan
bersama anak-anaknya. 26 Tetapi Baitulmaqdis yang di atas adalah merdeka, dan ia ibu kepada kita
semua. 27 Kerana telah tersurat:

‘Bergembiralah, hai perempuan mandul,
kamu yang tidak melahirkan anak;
bersorak-sorailah,
kamu yang tidak pernah merasa sakit
melahirkan anak;
kerana perempuan yang sepi lara mempunyai
lebih ramai anak
daripada yang bersuami.’

28 Saudara-saudaraku, kita seperti Ishak, iaitu anak perjanjian. 29 Tetapi, sebagaimana anak yang
dilahirkan menurut jasad telah menganiaya anak yang dilahirkan menurut Roh, begitulah yang berlaku
sekarang. 30 Walau bagaimanapun, apakah yang dikatakan dalam Kitab Suci? ‘Singkirkan hamba
perempuan itu dengan anaknya, kerana anak kepada hamba perempuan itu tidak akan menjadi waris
bersama anak kepada perempuan merdeka.’ 31 Dengan demikian, saudara-saudara, kita bukanlah
anak kepada hamba perempuan, tetapi kepada perempuan yang merdeka.

5 *Kemerdekaan dalam al-Masih*

1 Demi kemerdekaan al-Masih telah memerdekakan kita. Oleh itu berpegang teguhlah kepada
kemerdekaan yang telah diberikan oleh al-Masih kepada kita, dan jangan biarkan diri diperhambakan
semula.

2 Dengarlah kata-kataku! Aku, Paulus, bersaksi kepadamu bahawa jika kamu bersunat kelak, tiada
berfaedahlah al-Masih kepadamu. 3 Dan aku bersaksi lagi kepada setiap orang yang bersunat,
bahawa dia berhutang dan mesti mengerjakan seluruh hukum Taurat. 4 Kamu yang berusaha untuk
diperbenar melalui hukum Taurat telah terpisah daripada al-Masih. Kamu telah terkeluar daripada
kasih kurnia Allah. 5 Kita, melalui Roh, bersungguh-sungguh menantikan harapan mendapat
kebenaran dengan iman. 6 Kerana dalam Isa al-Masih, baik bersunat mahupun tidak bersunat tidak
menghasilkan apa-apa, melainkan iman bekerja melalui kasih.

7 Dahulu perjalananmu baik. Siapakah yang telah menghalangmu sehingga kamu tidak lagi
menurut yang benar? 8 Pujukan ini bukannya daripada Tuhan yang memanggilmu. 9 'Sedikit ragi pun
akan meragikan tepung segumpal.' 10 Aku yakin padamu, dalam Tuhan, bahawa fikiranmu tidak akan
bercabang; tetapi orang yang mengacau fikiranmu itu akan menerima hukumannya, walau siapapun
dia. 11 Saudara-saudara, jika aku masih mengajar supaya orang bersunat, mengapakah aku masih
dianiaya? Kalau begitu, salib itu tidak lagi menjadi penghalang. 12 Ingin kuminta agar orang yang
mengacau fikiranmu itu mengasingkan diri mereka sendiri!

13 Kerana kamu, saudara-saudara, telah dipanggil untuk mendapat kebebasan. Cuma, janganlah
gunakan kebebasan sebagai kesempatan memuaskan hawa nafsu; tetapi berkhidmatlah untuk satu
sama lain dengan kasih. 14 Kerana seluruh hukum Taurat terlaksana dalam satu ayat: 'Kasihilah
sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.' 15 Tetapi jika kamu gigit-menggigit dan
makan-memakan sesama sendiri, hati-hatilah, jangan sampai kamu saling membinasakan.

Hidup menurut Roh

16 Aku berkata, melangkahlah menurut Roh, maka kamu tidak akan memuaskan hawa nafsu
dunia. 17 Kerana hawa nafsu dunia menentang Roh, dan Roh menentang hawa nafsu dunia. Kedua-
duanya berlawanan, supaya kamu tidak melakukan apa yang hendak kamu lakukan. 18 Tetapi jika
kamu dipimpin oleh Roh, kamu tidaklah di bawah hukum Taurat.

19 Kelakuan hawa nafsu dunia adalah nyata: zina, kecemaran dan kelucahan; 20 menyembah
berhala dan sihir; kebencian, perbalahan, hasad dengki, letusan kemarahan, cita-cita untuk kebesaran
diri, perselisihan, berpuak-puak 21 dan iri hati; kemabukan, berpesta keterlaluan, dan sebagainya.
Tentang ini aku berkata kepadamu, sebagaimana sudah kukatakan kepadamu dulu, bahawa orang
yang mengamalkan perkara-perkara demikian tidak akan mewarisi kerajaan Allah.

22 Sebaliknya, buah Roh ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan,
kesetiaan, 23 lemah lembut dan penguasaan diri. Tiada hukum yang menentang segala ini. 24 Mereka
yang menjadi milik al-Masih telah menyalib hawa nafsu dunia berserta keghairahan dan
keinginan. 25 Jika kita hidup dalam Roh, marilah kita berbuat segalanya dalam Roh juga. 26 Janganlah
kita menjadi bongkak, saling menyakitkan hati, dan berdengki-dengkian sama sendiri.

6 *Saling membantu*

1 Saudara-saudara, jika seseorang didapati melakukan sesuatu kesalahan, kamu yang bersifat rohani
pimpinlah dia ke jalan baik dengan lemah lembut, sambil menjaga dirimu, jangan sampai kamu turut
tergoda. 2 Tanggung-menanggunglah beban satu sama lain, dan dengan demikian laksanakan hukum
al-Masih. 3 Jika seseorang menyangka dirinya mempunyai kelebihan sedangkan dia sebenarnya tidak
mempunyainya, maka dia menipu dirinya sendiri. 4 Setiap orang harus meneliti kerjanya sendiri,
supaya dia dapat bermegah atas apa yang ada pada dirinya sahaja, bukan berbanding dengan apa
yang ada pada orang lain. 5 Ini kerana setiap orang akan menanggung bebannya sendiri.

6 Orang yang diajari firman hendaklah berkongsi segala yang baik dengan pengajarnya.

7 Janganlah tertipu: Allah tidak dapat dipermainkan, kerana apa yang disemai oleh seseorang,
itulah yang akan dituainya. 8 Orang yang menyemai bagi hawa nafsu dunia akan menuai kebinasaan
daripadanya; manakala orang yang menyemai bagi Roh akan menuai hidup yang kekal. 9 Janganlah
kita jemu berbuat baik, kerana pada musimnya nanti kita akan menuai jika kita tidak berputus
asa. 10 Oleh itu, apabila ada peluang, kita haruslah berbuat baik kepada semua orang, lebih-lebih lagi
saudara-saudara kita yang seiman.

Bukan persunatan tetapi satu ciptaan baru

11 Lihatlah betapa besarnya huruf-huruf yang kutulis kepadamu dengan tanganku sendiri!

12 Mereka yang ingin menunjukkan diri baik dalam hal dunia, merekalah yang ingin memaksa
kamu bersunat, semata-mata untuk mengelakkan diri mereka dianiaya kerana salib al-Masih. 13 Orang
yang bersunat itu pun tidak memegang hukum Taurat, tetapi mereka mahu kamu disunatkan supaya
mereka dapat bermegah dengan keadaan jasmanimu. 14 Tetapi aku sekali-kali tidak mahu bermegah
dengan apapun kecuali salib Junjungan kita Isa al-Masih yang melalui-Nya dunia telah disalib
kepadaku dan aku juga kepada dunia. 15 Ini kerana sama ada bersunat ataupun tidak tiada ertinya;
menjadi satu ciptaan baru, itulah yang penting. 16 Bagi mereka yang hidup menurut hukum ini,

sejahtera dan belas kasihan di atas mereka, dan di atas Israel Allah.

[17] Akhir kata, janganlah sesiapa menyusahkan aku, kerana pada tubuhku ada parut-parut Isa.

[18] Saudara-saudara, semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertaimu. Amin.

Efesus

1 [1] Daripada Paulus, rasul Isa al-Masih dengan kehendak Allah,

Kepada semua orang salih di Efesus, iaitu orang yang beriman kepada Isa al-Masih:

[2] Kasih kurnia dan sejahtera kepadamu daripada Bapa kita Allah dan daripada Junjungan Isa al-Masih.

Berkat rohani dalam al-Masih

[3] Segala puji bagi Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih, yang telah memberkati kita dengan segala berkat rohani di syurga dalam al-Masih. [4] Ini kerana Dia telah memilih kita dalam al-Masih sebelum dunia ini dijadikan, supaya kita suci dan tidak bercela di hadapan-Nya. Dalam kasih, [5] Dia telah menentukan kita dari mulanya untuk diangkat sebagai anak oleh Isa al-Masih kepada diri-Nya, menurut keredaan dan kehendak-Nya — [6] supaya terpujilah kemuliaan kasih kurnia-Nya, yang dianugerahkan-Nya kepada kita dalam Dia yang dikasihi-Nya. [7] Dalam-Nya kita mendapat penebusan melalui darah-Nya, pengampunan dosa, menurut limpah kasih kurnia-Nya [8] yang dilimpahkan-Nya kepada kita dengan segala kebijaksanaan dan pengertian. [9] Dia memberitahu kita rahsia kehendak-Nya, menurut keredaan-Nya yang sudah ditentukan-Nya dalam al-Masih, [10] bahawa setelah sampai masa pelaksanaannya — Dia akan menyatukan segala sesuatu di bawah al-Masih sebagai kepala, baik yang di syurga mahupun yang di bumi.

[11] Dalam-Nya juga kita telah mendapat warisan, kerana telah ditentukan dari mulanya menurut maksud Allah yang melakukan segalanya seperti pertimbangan kehendak-Nya, [12] bahawa kami yang mula-mula menaruh harapan pada al-Masih akan mendatangkan puji bagi kemuliaan-Nya. [13] Kamu juga dalam al-Masih setelah mendengar kata kebenaran, iaitu Injil tentang penyelamatanmu. Dan dalam-Nya, setelah mempercayai-Nya, kamu telah dimaterai dengan Roh Suci yang dijanjikan-Nya, [14] yang menjadi jaminan bagi warisan kita hingga penebusan orang yang dimiliki Allah — segala puji bagi kemuliaan-Nya.

Syukur dan doa

[15] Oleh itu aku juga, setelah mendengar bahawa kamu beriman kepada Junjungan Isa dan mengasihi semua orang yang salih, [16] tidak putus-putus bersyukur tentangmu dan menyebutmu dalam doaku. [17] Aku berdoa semoga Allah Tuhan Junjungan kita Isa al-Masih, Bapa kemuliaan, memberimu roh kebijaksanaan dan wahyu untuk mengenali-Nya. [18] Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih, [19] dan betapa besar kuasa-Nya bagi kita yang beriman. Demikianlah pelaksanaan kuasa-Nya yang agung itu [20] dalam al-Masih apabila membangkitkan-Nya daripada kematian dan mendudukkan-Nya di sebelah kanan-Nya di syurga. [21] Allah meletakkan al-Masih jauh di atas segala penguasa dan kekuasaan, kuasa dan pemerintahan, dan setiap nama yang dinamakan, bukan sahaja pada zaman ini tetapi juga pada zaman akan datang. [22] Allah meletakkan segalanya di bawah kaki-Nya dan menjadikan-Nya kepala semua hal ehwal jemaah, [23] yang merupakan tubuh-Nya, disempurnakan oleh Dia yang menyempurnakan segala-galanya.

2 *Dihidupkan dalam al-Masih*

[1] Kamu telah mati akibat kesalahan dan dosa [2] yang dahulu kamu lakukan menurut jalan dunia, menurut raja segala kuasa di udara, roh yang sekarang bertindak dalam diri anak-anak derhaka. [3] Kami semua juga pernah hidup sedemikian, memuaskan hawa nafsu, menunaikan kehendak tubuh dan fikiran, dan secara tabii merupakan anak-anak yang dimurkai, seperti yang lain juga. [4] Namun Allah, yang kaya dengan belas kasihan, kerana kasih-Nya yang amat besar kepada kita, [5] walaupun ketika kita telah mati disebabkan kesalahan kita, telah menghidupkan kita bersama al-Masih — kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya. [6] Allah telah membangkitkan kita bersama al-Masih, serta mendudukkan kita bersama-Nya di syurga, [7] supaya pada zaman-zaman akan datang Allah dapat menunjukkan limpah kekayaan kasih kurnia-Nya dalam keihsanan-Nya

kepada kita dalam Isa al-Masih. [8] Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman —
ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah — [9] bukan kerana usaha amalmu supaya
tiada seorangpun yang dapat bermegah. [10] Kerana kita ini buatan-Nya, dicipta dalam Isa al-Masih
untuk melakukan perbuatan baik, yang telah disediakan terdahulu oleh Allah untuk kita lakukan.

Dipersatukan dalam al-Masih

[11] Oleh itu ingatlah bahawa dari segi tubuhmu kamu ini dahulu orang bangsa asing, disebut 'orang
tidak bersunat' oleh mereka yang disebut 'orang bersunat' (iaitu sunat yang dibuat dengan tangan
orang pada tubuh). [12] Pada masa itu kamu tanpa al-Masih, terasing daripada perhimpunan orang
Israel dan daripada perjanjian Allah, tanpa harapan dan tanpa Tuhan di dunia ini. [13] Tetapi sekarang
dalam Isa al-Masih, kamu yang dahulu jauh sudah dibawa dekat oleh darah al-Masih.

[14] Kerana Dia sendiri adalah perdamaian kita, Dia menyatukan kedua-dua pihak dan meruntuhkan
dinding pemisah, iaitu perseteruan. [15] Dia menghapuskan dengan tubuh-Nya perseteruan itu, iaitu
Taurat dengan hukum-hukum yang diperintahkan di dalamnya, untuk mencipta dalam diri-Nya
seorang yang baru daripada dua, dan mengadakan perdamaian demikian, [16] serta untuk
mendamaikan kedua-duanya dengan Allah dalam satu tubuh melalui salib, dengan itu mematikan
perseteruan itu. [17] Dan Dia datang membawa ajaran perdamaian kepada kamu yang jauh dan kepada
mereka yang dekat. [18] Kerana melalui-Nya kita, kedua-dua pihak, dapat menghampiri Allah Bapa
dengan satu Roh.

[19] Oleh itu, sekarang, kamu bukan lagi orang asing dan pendatang, tetapi sesama warganegara
dengan orang yang salih dan ahli-ahli keluarga Allah, [20] yang telah dibina atas asas para rasul dan
para nabi, dengan Isa al-Masih sendiri sebagai batu penjuru utama. [21] Dalam al-Masih seluruh
bangunan itu disatukan lalu menjadi tempat ibadat suci dalam Tuhan, [22] maka dalam-Nya kamu pun
dibina bersama menjadi tempat kediaman Allah dalam Roh.

3 *Paulus penginjil kepada orang bukan bani Israel*

[1] Dengan demikian aku, Paulus, yang terpenjara kerana Isa al-Masih untuk kamu, orang bukan bani
Israel.

[2] Tentu kamu telah mendengar, bahawa aku diberi tugas melaksanakan kasih kurnia Allah
untukmu. [3] Melalui wahyu, Allah telah memberitahuku rahsia itu sebagaimana sudah kutuliskan secara
ringkas. [4] Apabila kamu membacanya kamu akan mengerti pengetahuanku dalam rahsia al-
Masih. [5] Pada zaman-zaman silam rahsia itu tidak diberitahu kepada anak Adam, sebagaimana
sekarang telah dinyatakan oleh Roh kepada para rasul dan para nabi-Nya yang suci — [6] bahawa
orang bukan bani Israel sama-sama menjadi waris, satu tubuh, dan sama-sama mendapat bahagian
daripada perjanjian Allah dalam al-Masih melalui Injil.

[7] Aku telah menjadi seorang hamba Injil dengan kasih kurnia Allah yang telah diberikan-Nya
kepadaku melalui pelaksanaan kuasa-Nya. [8] Kepadaku, yang lebih rendah daripada orang salih yang
paling rendah, kasih kurnia ini telah diberikan supaya aku pergi mengajar orang bukan bani Israel
tentang kekayaan al-Masih yang tidak mungkin dapat dicari itu, [9] dan menjelaskan kepada semua
orang pelaksanaan rahsia itu, yang dari permulaan zaman telah terselindung dalam hati Allah yang
menjadikan segala-galanya. [10] Dengan demikian sekarang pelbagai kebijaksanaan Allah diberitahu
oleh jemaah kepada segala pemerintah dan kuasa di syurga. [11] Ini adalah menurut maksud-Nya yang
kekal yang telah ditunaikan-Nya dalam Isa al-Masih, Junjungan kita; [12] yang dalam-Nya kita
mendapat kebebasan dan keyakinan menghampiri Allah melalui iman. [13] Oleh itu aku meminta
kepadamu, janganlah tawar hati akibat kesusahan yang kutanggung keranamu, ini adalah
kemuliaanmu.

Doa Paulus untuk orang Efesus

[14] Dengan sebab itulah aku bertelut kepada Bapa, [15] yang daripada-Nya seluruh bangsa di syurga
dan di bumi telah dinamakan. [16] Aku berdoa semoga Dia mengurniakan kepadamu, menurut limpah
kemuliaan-Nya, kekuatan melalui Roh-Nya dalam dirimu. [17] Semoga al-Masih mendiami hatimu
melalui iman. Dan kamu, setelah berakar umbi dalam kasih, [18] akan mengerti bersama semua orang
salih berapa lebarnya, panjangnya, tingginya dan dalamnya kasih al-Masih, [19] dan mengetahui kasih
ini yang tidak terjangkau oleh pengetahuan manusia — supaya kamu dipenuhi dalam seluruh
kepenuhan Allah.

[20] Kepada Allah yang berkuasa melakukan segala-galanya dengan limpah kurnia melebihi
permintaan dan sangkaan kita, menurut kuasa-Nya yang bertindak dalam diri kita, [21] kepada-Nya
kemuliaan dalam jemaah melalui Isa al-Masih zaman-berzaman selama-lamanya! Amin.

4 *Kesatuan dalam tubuh al-Masih*

[1] Oleh itu aku, yang terpenjara kerana Tuhan, merayu agar kamu, sebagai orang yang telah
dipanggil, hiduplah berpadanan dengan panggilan itu. [2] Kamu haruslah selalu rendah hati dan lemah
lembut; sabar, bertolak-ansur satu sama lain dalam kasih, [3] dan berusaha memelihara perpaduan
dalam Roh dengan ikatan sejahtera. [4] Kamu hendaklah satu tubuh dan satu Roh — sebagaimana
kamu telah dipanggil dengan satu harapan panggilan itu — [5] satu Junjungan, satu iman, satu
pengimadan; [6] satu Allah iaitu Bapa sekalian, yang di atas sekalian, melalui sekalian, dan dalam kamu
sekalian.

[7] Tetapi masing-masing diberi kasih kurnia sekadar pemberian al-Masih. [8] Oleh itu firman-Nya:

‘Apabila Dia naik ke atas,

Dia menawan tawanan,

dan memberi pemberian

kepada manusia.’

[9] (Apakah maksud ‘Dia naik ke atas’? Tentulah ertinya bahawa sebelum itu Dia telah turun ke
bahagian terbawah di bumi. [10] Dia yang telah turun itu adalah juga Dia yang naik jauh ke atas semua
lapisan langit, untuk memenuhi segala-galanya.) [11] Dan Dialah yang memberi sesetengah orang
menjadi rasul, nabi, penyebar Injil, pembimbing jemaah dan pengajar, [12] untuk menyediakan orang
yang salih bagi kerja melayani, untuk meneguhkan tubuh al-Masih. [13] Dengan itu kita semua
mencapai kesatuan dalam iman dan pengetahuan akan Putera Allah, agar menjadi dewasa, dan
memiliki pertumbuhan yang sesuai dengan kadar kesempurnaan al-Masih.

[14] Maka, kita tidaklah lagi berupa kanak-kanak, dipukul ombak dan ditiup ke sana ke mari oleh
setiap angin pengajaran orang, tipu daya manusia, dan putar belit muslihat jahat. [15] Sebaliknya, kita
sentiasa bercakap benar dalam kasih, dan bertumbuh dalam segala hal ke arah Dia yang menjadi
Kepala, iaitu al-Masih. [16] Daripada-Nya, seluruh tubuh yang dihubungkan dan dijalin erat oleh setiap
sendi dalam kelengkapannya manakala setiap bahagian menjalankan peranan masing- masing,
bertumbuh untuk meneguhkan dirinya dalam kasih.

Hidup sebagai anak cahaya

[17] Oleh itu aku berkata demikian dan bersaksi demi Tuhan, janganlah lagi kamu hidup seperti
orang yang tidak mengenal Allah, menurut pemikiran yang sia-sia. [18] Akibatnya, daya pengertian
mereka dimalapkan, dan diri mereka tersisih daripada kehidupan Allah, kerana kejahilan mereka,
kerana kedegilan hati mereka. [19] Oleh sebab sudah hilang perasaan, mereka telah menceburkan diri
dalam kancah maksiat, bergelumang dalam segala noda dengan rakus.

[20] Tetapi bukan demikian yang kamu pelajari tentang al-Masih, [21] jika kamu telah mendengar-Nya
dan diajar oleh-Nya, sebagaimana kebenaran itu dalam Isa. [22] Berkenaan kelakuanmu yang dahulu,
kamu menyingkirkan dirimu yang lama, yang dirosakkan oleh hawa nafsu tipu daya; [23] dan kamu
dibaharui dalam roh pemikiranmu; [24] serta berubah kepada diri baru yang dicipta menurut teladan
Allah dalam kebenaran dan kesucian sejati.

[25] Oleh itu, janganlah lagi berdusta. Hendaklah setiap orang daripada kamu bercakap benar
sesama manusia kerana kita adalah sesama anggota. [26] ‘Apabila kamu marah, janganlah sampai
melakukan dosa.’ Jangan kekalkan kemarahanmu hingga matahari terbenam, [27] dan jangan beri
tempat kepada iblis. [28] Orang yang mencuri hendaklah berhenti mencuri dan mula bekerja, membuat
sesuatu yang baik dengan tangannya, supaya dapat memberi kepada orang yang kekurangan.

[29] Janganlah biarkan kata-kata yang kesat keluar dari mulutmu, tetapi lafazkanlah teguran yang
membina, mengikut keperluannya, supaya membawa berkat kepada yang mendengar. [30] Dan
janganlah kamu menyedihkan Roh Suci Allah yang telah mematerai kamu bagi hari
penebusan. [31] Singkirkanlah segala kepahitan, keberangan dan kemarahan, pergaduhan dan umpatan,
bersama segala niat jahat. [32] Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan,
sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam al-Masih.

5 [1] Oleh itu ikutlah teladan Allah seperti anak-anak yang dikasihi. [2] Hiduplah dalam kasih,
sebagaimana al-Masih mengasihi kita dan menyerahkan diri-Nya untuk kita sebagai persembahan
dan korban yang harum bagi Allah.

[3] Tetapi perzinaan dan segala kecemaran atau tamak haloba, jangan disebut pun di kalanganmu,
kerana demikianlah sepatutnya bagi orang salih. [4] Jauhi kekotoran, percakapan tidak berakal dan
lawak jenaka lucah, kerana segala ini tidak wajar, sebaliknya eloklah kamu mengucapkan kata-kata
kesyukuran. [5] Kerana kamu tahu bahawa orang yang berzina, melakukan kecemaran, atau tamak
haloba — yang sama dengan penyembah berhala tidak akan mewarisi kerajaan al-Masih dan
Allah. [6] Jangan tertipu dengan kata-kata kosong, kerana itulah sebabnya kemurkaan Allah menimpa
anak-anak derhaka. [7] Oleh itu, janganlah kamu sepakat dengan mereka.

[8] Kerana dahulu kamu gelap tetapi sekarang sudah menjadi cahaya dalam Tuhan kita. Hiduplah
sebagai anak-anak cahaya [9] (kerana yang dihasilkan oleh cahaya terdapat dalam segala yang baik,
wajar dan benar), [10] maka kajilah apa yang diredai oleh Tuhan. [11] Jangan bersubahat dengan
perbuatan gelap yang tidak berfaedah, sebaliknya dedahkan perbuatan itu. [12] Ini kerana perkara-
perkara yang dilakukan oleh mereka secara rahsia itu, jika disebut pun adalah memalukan. [13] Tetapi
segala yang didedahkan itu dinyatakan oleh cahaya, kerana yang menyatakan adalah cahaya. [14] Oleh
itu firman Tuhan:

‘Bangunlah, hai kamu yang tidur,
bangkit daripada kematian,
dan al-Masih akan memberimu cahaya.’

[15] Hiduplah dengan hati-hati — bukan seperti orang tidak arif tetapi sebagai orang bijaksana, [16] dan
pergunakan setiap peluang dengan sebaiknya kerana ini zaman durjana. [17] Dengan demikian
janganlah bodoh, tetapi mengertilah kehendak Tuhan. [18] Dan janganlah mabuk anggur, yang berupa
maksiat. Sebaliknya, penuhi diri dengan Roh. [19] Berkata-katalah sesama sendiri dengan mazmur, lagu
pujian serta nyanyian rohani, menyanyi dan berlagu untuk Tuhan dalam hatimu. [20] Sentiasalah
bersyukur atas segala-galanya kepada Allah Bapa dengan nama Junjungan kita Isa al-Masih.

[21] Tunduklah kepada satu sama lain dengan takut akan Tuhan.

Suami dan isteri

[22] Isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan. [23] Kerana suami adalah kepala kepada
isteri sebagaimana al-Masih kepala jemaah dan Penyelamat tubuh itu. [24] Oleh itu, sebagaimana
jemaah tunduk kepada al-Masih, begitulah juga isteri terhadap suaminya dalam segala hal.

[25] Suami, kasihilah isterimu, sebagaimana al-Masih mengasihi jemaah dan menyerahkan diri-Nya
untuk jemaah. [26] Dengan demikian Dia dapat menyucikan dan membersihkan jemaah dengan air
melalui firman, [27] dan menghadapkannya kepada diri-Nya sebagai jemaah yang mulia, tanpa cela atau
kerut, tetapi suci dan sempurna. [28] Demikian juga, suami harus mengasihi isterinya seperti tubuhnya,
lelaki yang mengasihi isterinya itu mengasihi dirinya sendiri. [29] Tiada siapapun pernah membenci
tubuhnya sendiri, tetapi memelihara dan menyayanginya, seperti dilakukan oleh al-Masih kepada
jemaah — [30] kerana kita adalah anggota tubuh-Nya. [31] ‘Oleh sebab itu seorang lelaki meninggalkan
ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka berdua menjadi satu.’ [32] Ini adalah suatu
rahsia besar — tetapi aku bercakap tentang al-Masih dan jemaah. [33] Walau bagaimanapun, setiap
orang daripada kamu hendaklah mengasihi isterinya seperti dirinya sendiri, dan isteri hendaklah
menghormati suaminya.

6 *Anak dan ibu bapa*

[1] Anak-anak, turutlah perintah ibu bapamu dalam Tuhan, kerana ini adalah wajar. [2] ‘Hormatilah ibu
bapamu’ — iaitu perintah pertama yang disertai dengan janji — [3] ‘supaya kamu mendapat kebaikan
dan umurmu panjang di bumi ini.’

[4] Kamu, bapa, janganlah sakitkan hati anak-anak; tetapi peliharalah mereka dalam didikan dan
nasihat Tuhan.

Hamba dan tuan

[5] Hamba sahaya, taatlah kepada tuanmu di dunia ini, dengan takut dan hormat, dengan hati yang
ikhlas, seperti kepada al-Masih. [6] Janganlah lakukan secara bermuka-muka, sekadar menyukakan hati
orang, tetapi sebagai hamba al-Masih, melakukan kehendak Allah setulus hati. [7] Bekerjalah dengan
niat bersih, seperti untuk Tuhan, bukan untuk manusia. [8] Ketahuilah bahawa apa sahaja kebaikan
yang dilakukan oleh seseorang akan dibalas sewajarnya oleh Tuhan, baik hamba mahupun orang
merdeka.

[9] Kamu, tuan kepada hamba, hendaklah juga berbuat baik kepada mereka, dan jangan lagi
mengugut mereka, kerana kamu tahu bahawa Tuan mereka dan Tuanmu sendiri ada di syurga, dan
Dia memandang semuanya sama rata.

Senjata Allah

[10] Akhir kata, saudara-saudaraku, hendaklah kamu kuat dalam Tuhan dan dalam kekuatan kuasa-
Nya. [11] Pakailah selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan terhadap tipu daya iblis. [12] Ini
kerana kita berlawan bukan dengan manusia tetapi dengan para penghulu dunia daripada kegelapan
zaman ini, para pemerintah dan penguasanya, dan tentera roh iblis di langit. [13] Oleh itu pakailah
selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan pada masa yang penuh kejahatan, dan berdiri
tegap setelah kamu melakukan segalanya. [14] Dengan demikian, berdirilah dengan tegap setelah
mengikat pinggangmu dengan kebenaran, memakai keadilan sebagai perisai dada, [15] menyarungkan
ke kakimu persediaan menyebarkan Injil perdamaian. [16] Paling utama, memakai perisai iman, untuk
memadamkan segala anak panah berapi si durjana, [17] dan ketopong penyelamatan serta pedang Roh,
iaitu firman Allah. [18] Sambil itu, pohonlah sentiasa dengan segala doa dan rayuan dalam Roh, serta
berjaga-jaga dengan segala ketekunan dan permohonan untuk semua orang yang salih.

[19] Berdoalah juga untukku, supaya aku dikurniai daya pengucapan dan aku membuka mulut
dengan berani untuk memberitahu rahsia Injil, [20] sedangkan aku adalah utusan yang terpenjara,
supaya dengannya aku dapat bertutur dengan berani, sebagaimana sepatutnya aku bertutur.

Salam penutup

[21] Tetapi supaya kamu tahu hal ehwalku dan bagaimana keadaanku, maka Tikhikus, seorang
saudara yang dikasihi dan hamba yang beriman kepada Tuhan, akan memberitahu segalanya
kepadamu. [22] Aku menghantarnya kepadamu untuk tujuan ini, supaya kamu mengetahui hal ehwal
kami dan dia dapat menetapkan hatimu.

[23] Salam sejahtera kepada saudara-saudara kita, dan kasih dengan iman daripada Allah Bapa dan
Junjungan Isa al-Masih. [24] Kasih kurnia Allah bagi semua yang mengasihi Junjungan kita Isa al-Masih
dengan kasih yang kekal.

Filipi

1 [1] Daripada Paulus dan Timotius, hamba-hamba Isa al-Masih,

Kepada semua orang salih dalam Isa al-Masih di Filipi, serta para pengurus dan penolong jemaah:

[2] Kasih kurnia dan sejahtera kepadamu daripada Bapa kita Allah dan daripada Junjungan Isa al-Masih.

Ucapan syukur dan doa

[3] Aku bersyukur kepada Tuhan setiap kali aku teringat akan kamu [4] dan aku sentiasa mendoakanmu dengan sukacita dalam setiap permohonanku, [5] kerana persahabatanmu dalam Injil dari mulanya hingga sekarang. [6] Aku yakin bahawa Allah yang telah memulakan suatu pekerjaan yang baik dalam dirimu akan menyudahkannya hingga hari Isa al-Masih.

[7] Wajarlah aku memikirkan demikian tentang kamu semua kerana kamu sentiasa dalam hatiku. Kamu telah mendapat kasih kurnia Allah bersamaku, baik dalam hal aku dipenjarakan ini mahupun dalam mempertahankan dan meneguhkan Injil. [8] Allah menjadi saksiku bahawa aku amat merindui kamu dengan kasih Isa al-Masih.

[9] Inilah doaku: Semoga kasihmu bertambah-tambah dengan pengetahuan dan pengertian, [10] supaya kamu dapat mengetahui perkara-perkara yang baik, sentiasa tulus ikhlas dan tidak bersalah hingga hari al-Masih, [11] serta dipenuhi dengan segala yang dibuahi oleh kebenaran yang datang melalui Isa al-Masih, untuk memuji dan memuliakan Allah.

Kesaksian Paulus dalam penjara

[12] Aku ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, bahawa segala yang telah berlaku kepadaku sebenarnya semakin memajukan penyebaran Injil. [13] Dengan demikian, nyatalah di kalangan seluruh pengawal istana dan orang ramai bahawa aku dipenjarakan kerana al-Masih. [14] Juga, kebanyakan saudara kita dalam Tuhan menjadi yakin kerana aku dipenjarakan, mereka semakin berani menyebarkan firman Allah tanpa ketakutan.

[15] Ada orang yang mengajarkan firman Allah kerana hasad dengki dan persaingan, manakala ada juga dengan niat baik. [16] Mereka ini melakukannya dengan kasih, kerana tahu bahawa aku telah ditugaskan untuk mempertahankan Injil. [17] Sebaliknya, golongan yang pertama itu mengajar tentang al-Masih untuk kepentingan diri sendiri, bukan dengan ikhlas, kerana mereka menyangka dengan berbuat demikian mereka dapat menyusahkan lagi aku yang terpenjara. [18] Oleh itu, bagaimana pula? Hal itu, bagiku tidak penting. Walau dengan apa cara sekalipun, baik berpura-pura mahupun ikhlas, al-Masih sedang diberitakan. Dan kerana ini aku bersukacita dan akan terus bersukacita.

[19] Kerana aku tahu bahawa ini akan membawa kepada penyelamatanku melalui doamu dan pertolongan Roh Isa al-Masih. [20] Adalah jangkaan dan harapanku yang bersungguh-sungguh bahawa dalam apa hal pun aku tidak dipermalukan, melainkan dengan segala keberanianku seperti biasa, maka sekarang juga al-Masih akan ditinggikan dalam diriku, baik melalui hidup mahupun mati. [21] Kerana bagiku, hidup adalah al-Masih, dan mati adalah keuntungan. [22] Tetapi jika aku terus hidup dari segi jasmani, ini akan bermakna usahaku membuahkan hasil. Namun yang mana akan kupilih? Aku tidak tahu! [23] Aku sukar memilih antara dua: Aku ingin pergi dan bersama dengan al-Masih, itu jauh lebih baik, [24] tetapi kerana kamu, aku merasa perlu terus hidup dari segi jasmani. [25] Dengan keyakinan ini, aku tahu bahawa aku akan terus bersama kamu semua untuk kemajuan dan kebahagiaanmu dalam iman, [26] supaya rasa sukacitamu dalam Isa al-Masih akan melimpah-limpah kerana aku, apabila aku menemuimu sekali lagi.

[27] Cuma pastikanlah kelakuanmu selaras dengan Injil al-Masih. Dengan demikian, sama ada aku datang menemuimu ataupun tidak, aku akan dapat mendengar tentangmu, bahawa kamu berdiri teguh dalam satu roh, berjuang bersama dengan satu hati untuk iman berdasarkan Injil, [28] dan sama sekali tidak takut akan musuh-musuhmu. Bagi mereka, ini adalah tanda kebinasaan tetapi bagimu

adalah tanda penyelamatan daripada Allah. [29] Kerana kepadamu telah dikurniakan bagi pihak al-
Masih, bukan sahaja untuk beriman kepada-Nya tetapi juga untuk menderita kerana-Nya. [30] Dan
kerana kamu juga menghadapi pertarungan yang kualami dahulu, perjuangan yang masih ada
padaku.

2 *Mencontohi kerendahan hati al-Masih*

[1] Oleh itu, jika ada galakan kerana bersatu dengan al-Masih, jika ada penghiburan hati kerana kasih-
Nya, jika ada keakraban dalam Roh, jika ada lemah lembut dan belas kasih, [2] sempurnakanlah
kebahagiaanku dengan berkeadaan sejiwa, mempunyai kasih yang sama, sepakat dan bersatu
hati. [3] Janganlah lakukan apapun kerana kepentingan diri sendiri atau keangkuhan. Dalam kerendahan
hati biarlah setiap orang menganggap yang lain lebih tinggi daripada dirinya. [4] Tiap seorang daripada
kamu janganlah menjaga kepentingan diri sahaja, jagalah juga kepentingan orang lain.

[5] Hendaklah ada dalam dirimu pemikiran yang ada dalam diri Isa al-Masih:

[6] Dia yang sekalipun dalam bentuk Allah,
tidak menganggap kesetaraan dengan
Allah sesuatu yang harus
dipertahankan,
[7] tetapi Dia telah mengetepikan
martabat diri-Nya,
mengambil bentuk seorang hamba,
dan datang dengan rupa manusia.
[8] Dalam keadaan sebagai manusia,
Dia telah merendahkan diri-Nya
dan taat hingga kepada kematian —
bahkan kematian di salib!
[9] Itulah sebabnya Allah sangat
meninggikan-Nya
dan menganugerahkan kepada-Nya
nama yang di atas segala nama,
[10] supaya kepada nama Isa
segala-galanya bertelut,
segala isi langit, bumi dan yang
di bawah bumi,
[11] dan semua lidah mengaku bahawa Isa
al-Masih adalah Junjungan Yang Esa,
untuk mendatangkan kemuliaan
kepada Allah Bapa.

Menyerlah seperti bintang

[12] Oleh itu, saudara-saudara yang dikasihi, sebagaimana kamu sentiasa taat, hendaklah kamu
mengerjakan penyelamatanmu sendiri dengan takut dan gementar, bukan sahaja ketika aku ada
bersamamu malah lebih-lebih lagi sekarang sewaktu aku jauh daripadamu. [13] Kerana Allah yang
bekerja dalam dirimu, menyebabkan kamu berkehendak dan menjalankan kerja untuk keredaan-Nya.

[14] Dalam segala perbuatanmu janganlah bersungut-sungut dan berbantah-bantah, [15] supaya
dirimu suci dan tidak bersalah, dan kamu menjadi anak-anak Allah yang tidak bercela antara
manusia. Dalam zaman yang penuh tipu daya dan perbuatan songsang, maka terserlahlah kamu

seperti bintang dalam dunia,[16] berpegang teguh kepada firman yang memberikan kehidupan. Dengan demikian aku dapat bersukacita pada hari al-Masih kerana hidup dan usahaku tidak sia-
sia. [17] Walaupun sekiranya aku dicurahkan seperti minuman yang dipersembahkan sebagai korban dan khidmat imanmu, aku berbahagia dan bersukacita bersama kamu semua. [18] Demikian jugalah kamu harus bahagia dan bersukacita bersamaku.

Timotius dan Epafroditus

[19] Dalam Junjungan Isa aku berharap akan dapat mengutus Timotius kepadamu dengan segera, supaya hatiku dihiburkan apabila mengetahui segala hal ehwalmu. [20] Kerana tiada seorang bersamaku yang sama sepertinya dan bersungguh-sungguh mengambil berat tentang hal ehwalmu. [21] Ini kerana semua orang mementingkan hal sendiri, tetapi bukan mereka yang kepunyaan al-Masih. [22] Tetapi kamu mengetahui kelakuannya yang sudah teruji, seperti anak dengan bapa dia berkhidmat bersamaku dalam penyebaran Injil. [23] Oleh itu aku berharap akan mengutusnya dengan segera, sebaik-baik aku mengetahui bagaimana keadaanku. [24] Tetapi aku yakin dalam Tuhan bahawa aku pun akan datang tidak lama lagi.

[25] Namun, aku merasakan perlu menghantar kepadamu Epafroditus, saudaraku, rakan sekerja dan seperjuanganku, pesuruhmu yang telah melayaniku dalam keadaanku yang serba kekurangan. [26] Ini kerana dia merindui kamu semua, dan berasa susah hati disebabkan kamu telah mendengar bahawa dia sakit. [27] Memang benar dia sakit, hampir mati, tetapi Allah berbelas kasihan kepadanya, bukan hanya dia tetapi aku juga, supaya kesedihanku tidak bertimpa-timpa. [28] Oleh itu aku menghantarnya dengan rela dan segera, supaya kamu bersukacita dapat bertemu lagi dengannya, dan supaya aku juga kurang khuatir. [29] Sambutlah dia dalam Tuhan dengan sepenuh sukacita, dan hormatilah orang yang sedemikian. [30] Kerana untuk pekerjaan al-Masih dia hampir mati, mempertaruhkan nyawanya untuk menyempurnakan apa-apa yang kurang dalam layananmu kepadaku.

3 *Segalanya untuk al-Masih*

[1] Akhir kata, saudara-saudaraku, bersukacitalah dalam Tuhan! Bagiku menuliskan perkara yang sama kepadamu tidaklah menjemukan, dan ini memastikan keselamatanmu.

[2] Awas orang yang bersikap seperti anjing, awas orang yang berbuat jahat, awas tukang sunat yang palsu. [3] Kerana kita ini orang bersunat, yang menyembah Allah dalam Roh, bermegah dalam Isa al-Masih, dan tidak mengharapkan hal lahiriah —[4] walaupun aku sendiri ada alasan untuk mengharapkan hal lahiriah.

Jika sesiapa menyangka dia ada alasan untuk mengharapkan hal lahiriah, aku lebih lagi. [5] Aku disunatkan ketika berumur lapan hari, berbangsa Israel, daripada suku Benyamin, seorang Ibrani keturunan orang Ibrani; dalam hal Taurat aku orang Farisi; [6] dari segi kesungguhan, aku telah menganiaya jemaah; tentang kebenaran dalam mentaati Taurat, aku tiada cacat cela.

[7] Tetapi segala yang dahulu merupakan untung bagiku, sekarang kukira rugi kerana al-
Masih. [8] Bahkan segala perkara kukira rugi berbanding keagungan mengenal Isa al-Masih, Junjungan kita Yang Esa. Oleh sebab Dialah aku telah kerugian segalanya, yang kukira sampah sarap belaka, supaya aku mendapat untung iaitu al-Masih, [9] dan didapati di dalam-Nya, bukan dengan kebenaran sendiri yang datang dari Taurat, melainkan yang datang melalui iman kepada al-Masih, kebenaran daripada Allah melalui iman. [10] Aku hendak mengenal-Nya dan kuasa kebangkitan-Nya, dan turut merasai penderitaan-Nya, serta menjadi seperti Dia dalam kematian-Nya, [11] supaya pada akhirnya aku dapat mencapai kebangkitan daripada kematian.

Terus berusaha ke arah matlamat

[12] Bukanlah aku telah mencapainya, atau telah disempurnakan, tetapi aku terus berusaha, semoga aku dapat mengambil sesuatu yang kerananya aku telah diambil oleh Isa al-Masih. [13] Saudara-
saudara, aku tidak menganggap diriku telah dapat mengambilnya, tetapi satu perkara kulakukan: Melupakan segala yang di belakang dan cuba mendapatkan segala yang di hadapan, [14] aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Isa al-
Masih.

[15] Oleh itu semua yang matang antara kita hendaklah berfikiran sedemikian, dan jika berbeza fikiranmu dalam apapun, Allah akan menyatakan hal itu juga kepadamu. [16] Tetapi setakat yang telah kita capai, marilah kita menempuhnya demikian juga.

17 Saudara-saudara, bersatulah menurut teladanku, dan perhatikan mereka yang hidup selaras
dengan teladan yang kami berikan. 18 Kerana, seperti yang sudah sering kukatakan kepadamu, dan
sekarang kukatakan lagi dengan tangisku, ramai orang hidup sebagai seteru kepada salib al-
Masih. 19 Kesudahan mereka adalah kebinasaan, tuhan mereka adalah perut mereka, kemuliaan
mereka adalah dalam keaiban mereka. Mereka menumpukan perhatian kepada perkara
dunia. 20 Tetapi kewargaan kita adalah di syurga, dari situ kita menanti-nantikan Penyelamat,
Junjungan Isa al-Masih. 21 Dia akan mengubah tubuh kita yang hina ini supaya serupa dengan tubuh-
Nya yang mulia, melalui kuasa-Nya yang dapat menaklukkan segalanya kepada diri-Nya.

4 1 Oleh itu, saudara-saudaraku yang dikasihi dan dirindui, yang menjadi kebahagiaanku dan
mahkotaku, berdirilah dengan teguh dalam Tuhan, wahai sekalian yang kusayangi!

Nasihat-nasihat terakhir

2 Aku merayu kepada Euodia dan Sintikhe supaya bersatu hati dalam Tuhan. 3 Dan aku meminta
kepadamu juga, teman sejati, bantulah perempuan-perempuan ini yang telah berusaha bersamaku
untuk Injil, juga dengan Klemen serta teman sekerjaku yang lain, yang nama-nama mereka ada
dalam Kitab Hidup.

4 Bersukacitalah dalam Tuhan sentiasa. Kukatakan lagi: Bersukacitalah! 5 Biar sikapmu yang lemah
lembut diketahui oleh semua orang. Tuhan ada berhampiran. 6 Jangan bimbangkan apapun. Dalam
segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu
kepada Allah. 7 Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan
fikiranmu dalam Isa al-Masih.

8 Akhir sekali, saudara-saudaraku, apa sahaja yang benar, apa sahaja yang mulia, apa sahaja
yang adil, apa sahaja yang suci, apa sahaja yang indah, apa sahaja yang dipandang tinggi — jika
ada sesuatu yang baik dan jika ada sesuatu yang terpuji — tumpukan fikiran kepadanya. 9 Segala
yang kamu pelajari, terima, dengar dan lihat dalam diriku — lakukanlah. Maka Allah yang memberikan
segala sejahtera akan bersertamu.

Bersyukur kerana pemberian jemaah

10 Tetapi aku amat bersukacita dalam Tuhan kerana akhirnya sekarang prihatinmu terhadapku
telah semarak semula. Sebenarnya dahulu pun kamu sudah mengambil berat terhadapku, tetapi tidak
ada kesempatan bagimu. 11 Aku tidak bercakap disebabkan kekurangan, kerana dalam keadaan
apapun aku telah belajar merasa cukup. 12 Aku tahu bagaimana hidup miskin hina dan bagaimana
hidup mewah mulia. Di mana-mana dan dalam apa sahaja, aku telah belajar merasa cukup, baik
kenyang atau lapar, senang atau susah. 13 Aku dapat melakukan segalanya melalui al-Masih yang
memberiku kekuatan.

14 Namun demikian kamu telah berbuat baik dengan mengambil bahagian dalam
kesusahanku. 15 Kamu orang Filipi juga tahu bahawa apabila Injil mula dikhabarkan, ketika aku baru
keluar dari Makedonia, tiada jemaah yang memberikan layanan kepadaku dalam memberi dan
menerima kecuali kamu. 16 Ketika aku di Tesalonika pun kamu telah mengirimkan bantuan untuk
menampung kekuranganku. 17 Bukanlah aku hendakkan pemberian itu, tetapi aku hendakkan kebaikan
itu menambahkan jumlah perbuatan baik dalam kira-kiramu. 18 Sebenarnya aku ada segalanya,
bahkan berlebihan; sudah cukuplah bagiku, setelah menerima kirimanmu dari tangan Epafroditus, bau
yang harum dan persembahan yang diterima serta diredai Allah. 19 Allah Tuhanku akan membekalkan
segala keperluanmu daripada kekayaan-Nya dalam kemuliaan melalui Isa al-Masih.

20 Segala kemuliaan bagi Bapa kita Allah selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

21 Sampaikan salamku kepada setiap orang yang salih dalam Isa al-Masih. Saudara-saudara
yang bersamaku mengirim salam kepadamu. 22 Semua orang salih di sini mengirim salam kepadamu,
terutamanya isi istana Kaisar.

23 Semoga kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih menyertai rohmu. Amin.

Kolose

1 [1] Daripada Paulus, rasul Isa al-Masih dengan kehendak Allah dan daripada saudara kita Timotius,
[2] Kepada semua orang salih dan saudara-saudara yang beriman kepada al-Masih di Kolose:
Kasih kurnia dan sejahtera daripada Bapa kita Allah.

Ucapan syukur dan doa

[3] Kami mengucapkan syukur kepada Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih, dan kami sentiasa mendoakan kamu, [4] sejak kami mendengar bahawa kamu beriman kepada Isa al-Masih dan mengasihi semua orang salih — [5] kerana harapan yang ada bagimu di syurga, yang telah kamu dengar dalam kata kebenaran, iaitu Injil, [6] yang telah datang kepadamu. Di seluruh dunia, Injil ini sedang membuahkan manfaat dan tersebar luas, seperti di kalanganmu sejak kamu mendengar dan mengetahui kasih kurnia Allah dalam segala kebenarannya. [7] Kamu telah mendengar juga daripada teman sekerja kami yang dikasihi, Epafras, yang menjadi hamba al-Masih yang beriman bagi kami, [8] yang juga telah menceritakan kepada kami kasihmu dalam Roh.

[9] Oleh itu, sejak kami mendengarnya, kami juga tidak putus-putus mendoakan kamu, dan memohon supaya kamu dipenuhi pengetahuan tentang kehendak-Nya dalam segala kebijaksanaan dan pengertian rohani. [10] Kami mendoakan demikian supaya hidupmu layak di hadapan Tuhan, dan kamu mendapat sepenuh keredaan-Nya dalam segala hal: membuahkan manfaat dalam setiap pekerjaan yang baik, bertambah-tambah mengenal Allah, [11] diteguhkan dengan segala kekuatan berdasarkan kuasa-Nya yang mulia, yang mendatangkan kesabaran dan kebahagiaan. [12] Kita mengucapkan syukur kepada Bapa kita yang telah melayakkan kita menerima sebahagian warisan orang yang salih dalam cahaya. [13] Dia telah melepaskan kita daripada kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam kerajaan Putera yang dikasihi-Nya, [14] melalui Dialah kita ditebus dan mendapat pengampunan dosa.

Keulungan al-Masih

[15] Dia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan, Dialah anak sulung antara segala yang diciptakan. [16] Kerana melalui Dia segala sesuatu diciptakan: yang wujud di bumi dan di syurga, yang kelihatan dan tidak kelihatan, baik semua roh yang berkuasa mahupun yang memerintah; segala-galanya telah dicipta melalui-Nya dan untuk-Nya. [17] Dia terdahulu daripada segalanya, dan setiap yang wujud ada dalam-Nya. [18] Dan Dia adalah kepala kepada tubuh iaitu jemaah; Dia adalah permulaan, anak sulung yang bangkit daripada kematian, supaya dalam segalanya Dialah yang terutama. [19] Kerana Allah berkenan bahawa seluruh diri-Nya berada dalam Dia. [20] Juga melalui Dia, Allah mendamaikan segalanya dengan diri-Nya, baik yang di bumi mahupun di syurga, dengan mengadakan perdamaian melalui pencurahan darah-Nya di atas salib.

[21] Kamu dahulu tersisih daripada Allah dan merupakan seteru dalam pemikiranmu kerana perbuatanmu yang jahat. [22] Akan tetapi, sekarang Allah telah mendamaikan kamu dengan diri-Nya melalui kematian tubuh-Nya, supaya Dia dapat memperhadapkan kamu sebagai orang suci, yang tidak bercela dan tidak bersalah di hadapan-Nya — [23] jika kamu tetap beriman, mantap dan berdiri teguh, tidak berganjak daripada harapan Injil yang kamu dengar. Inilah Injil yang diajarkan kepada seluruh ciptaan di bawah langit, dan yang aku, Paulus, menjadi hambanya.

Pengabdian Paulus untuk jemaah

[24] Aku sekarang bersukacita atas penderitaanku untukmu, dan aku menyempurnakan dengan tubuhku apa yang kurang dalam kesengsaraan al-Masih, untuk tubuh-Nya yang suci, iaitu jemaah. [25] Aku sudah dijadikan hamba jemaah, menurut amanat Allah yang telah diberikan kepadaku untuk kamu, bagi menyampaikan firman Allah dengan sepenuhnya— [26] iaitu rahsia yang telah tersembunyi daripada segala zaman dan keturunan tetapi sekarang telah dinyatakan kepada orang salih-Nya. [27] Kepada mereka Allah berkehendak supaya diberitahu betapa kayanya kemuliaan rahsia itu di kalangan orang bukan bani Israel, iaitu al-Masih dalam kamu, harapan untuk mendapat

kemuliaan.

[28] Al-Masihlah yang kami ajarkan. Kami menasihati dan mengajar setiap orang dengan sepenuh
bijaksana, supaya dapat kami hadapkan setiap orang dalam keadaan sempurna dalam Isa al-
Masih. [29] Untuk tujuan inilah juga aku berusaha, berjuang dengan segala kekuatan kuasa-Nya yang
bertindak hebat dalam diriku.

2 [1] Aku mahu kamu tahu betapa perasaanku bergolak keranamu dan orang Laodikia, juga semua
yang belum lagi bertemu muka denganku. [2] Aku ingin hati mereka terhibur, terjalin rapat dalam
kasih, dan mereka mencapai pengertian penuh dalam segala kekayaan serta kepastiannya, supaya
mereka mengetahui rahsia Allah Bapa dan al-Masih, [3] yang dalam-Nya tersembunyi seluruh
kebijaksanaan dan pengetahuan. [4] Aku mengatakan ini supaya kamu tidak tertipu dengan
hujah. [5] Sungguhpun tubuhku tiada di sisimu, namun rohku tetap bersamamu, dan aku sukacita
kerana melihat keadaanmu yang teratur rapi dan imanmu yang kukuh dalam al-Masih.

Kemerdekaan dalam al-Masih

[6] Oleh sebab kamu telah menerima Isa al-Masih sebagai Junjungan, melangkahlah sewajarnya
dalam Dia, [7] berasas dan terbina dalam-Nya serta bertapak teguh dalam iman, sebagaimana kamu
telah diajar, penuh melimpah dengan kesyukuran. [8] Awaslah, jangan tertipu oleh orang yang
menggunakan falsafah dan tipu daya yang sia-sia, menurut adat manusia, menurut prinsip-prinsip
asas dunia, bukan menurut al-Masih.

[9] Dalam-Nya terhimpun seluruh ketuhanan berbentuk jasmani, [10] dan kamu sempurna dalam-Nya,
yang merupakan kepala segala perintah dan kuasa. [11] Dalam-Nya juga kamu telah disunatkan dengan
persunatan tanpa menggunakan tangan, iaitu dengan membuangkan segala dosa hawa nafsu dunia
daripada tubuhmu, melalui persunatan al-Masih. [12] Kamu telah dikuburkan bersama-Nya dengan
pengimadan, dan telah dibangkitkan bersama-Nya melalui iman dalam kuasa Allah yang telah
membangkitkan-Nya daripada kematian.

[13] Kamu dahulu mati kerana melakukan kesalahan dan menurut kebiasaan dunia yang tidak
bersunat. Allah telah menghidupkan kamu bersama Tuhan dan mengampunkan segala
kesalahanmu. [14] Dia telah memansuhkan hukum-hukum bertulis yang menghimpit dan menghalang
kita; Dia telah mencabutnya dan memakukannya pada salib. [15] Setelah menumpaskan segala roh
yang berkuasa dan memerintah, Dia mendedahkan mereka di hadapan orang ramai dan
menunjukkan bahawa Dia telah menakluki mereka dalam salib.

[16] Oleh itu, janganlah siapapun menyalahkan kamu tentang makanan atau minuman, hari raya,
bulan baru atau hari Sabat. [17] Segala ini hanya bayang-bayang perkara akan datang, sedangkan
yang nyata adalah al-Masih. [18] Janganlah ganjaranmu dikurangkan oleh seseorang yang pura-pura
bersikap rendah diri dan menyembah malaikat. Orang seperti itu berpaut pada penglihatan-
penglihatannya dan tanpa alasan menyombongkan dirinya dengan fikiran-fikirannya yang
duniawi, [19] dan tidak berpegang teguh kepada al-Masih sebagai Kepala. Daripada-Nya seluruh tubuh,
yang dibesarkan dan dijalin rapat dengan sendi urat, bertumbuh seperti yang dikehendaki oleh Allah.

[20] Oleh itu, jika kamu telah mati bersama al-Masih daripada prinsip-prinsip asas dunia,
mengapakah kamu berkelakuan seolah-olah kamu hidup berpandukan kebiasaan dunia, dengan
mematuhi peraturan-peraturannya, iaitu: [21] ‘Jangan sentuh! Jangan kecap! Jangan
pegang!’? [22] Peraturan sedemikian melibatkan perkara-perkara yang lenyap setelah dipakai. Mengapa
kamu masih menurut hukum-hukum dan pengajaran manusia? [23] Peraturan-peraturan begini memang
kelihatan seolah-olah bijaksana, dalam pegangan agama yang dikenakan pada diri sendiri, sikap
merendah diri yang palsu, dan pengabaian tubuh, tetapi segalanya tidak menolong kamu melawan
hawa nafsu dunia.

3 *Peraturan untuk hidup suci*

[1] Dengan demikian, jika kamu telah dibangkitkan bersama al-Masih, carilah perkara-perkara yang
berkaitan dengan syurga, tempat al-Masih duduk di sebelah kanan Allah. [2] Tumpukan pemikiranmu
kepada hal-hal di syurga, bukan hal-hal di bumi. [3] Kerana kamu telah mati, dan kehidupanmu
tersembunyi bersama al-Masih dalam Allah. [4] Apabila al-Masih yang merupakan kehidupan kamu itu
muncul, kamu akan muncul bersama-Nya dalam kemuliaan.

[5] Oleh itu matikanlah dalam dirimu segala yang bersifat dunia: perzinaan, kecemaran, hawa nafsu,

keinginan jahat dan tamak haloba, yang sama dengan menyembah berhala. 6 Disebabkan semua
inilah kemurkaan Allah akan menimpa anak-anak derhaka. 7 Dulu kamu pun berkelakuan demikian,
pada masa kamu masih dalam kehidupan itu. 8 Tetapi sekarang kamu haruslah menyingkirkan
segalanya seperti: marah, geram, niat jahat, menghina Allah, mengeluarkan kata-kata kotor dari
mulutmu. 9 Jangan bercakap bohong satu sama lain, kerana kamu sudah melucutkan dirimu yang
lama itu dengan segala kelakuannya 10 dan mengenakan diri yang baru, yang terus-menerus
dibaharui dengan pengetahuan menurut rupa Allah yang menjadikannya. 11 Dengan demikian tiada
lagi orang Yunani atau orang Yahudi, orang bersunat atau orang tidak bersunat, orang gasar, orang
Skit, hamba atau merdeka. Al-Masih segala-galanya dan dalam segala-galanya.

12 Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas
kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar. 13 Bersabarlah terhadap satu sama lain, maaf-
memaafi, jika seseorang ada sesuatu aduan terhadap yang lain. Sebagaimana Tuhan telah
mengampuni kamu, demikianlah kamu harus mengampuni sesama sendiri. 14 Paling utama
amalkanlah kasih, ikatan yang sempurna.

15 Biarlah damai al-Masih menguasai hatimu. Kamu telah dipanggil untuk mendapat damai itu
dalam satu tubuh. Kamu haruslah bersyukur. 16 Biarlah sabda al-Masih menetap dalam dirimu dengan
segala kekayaan dan kebijaksanaannya. Ajar dan nasihati satu sama lain dengan mazmur, lagu puji-
pujian dan nyanyian rohani, serta nyanyikanlah lagu rohani dengan rasa syukur kepada Allah dalam
hatimu. 17 Segala yang kamu katakan dan lakukan haruslah dengan nama Junjungan Isa sambil
mengucap syukur kepada Bapa kita Allah melalui-Nya.

Corak kehidupan dan rumah tangga

18 Isteri, tunduklah kepada suamimu, sebagaimana yang patut dalam Tuhan.

19 Suami, kasihilah isterimu dan jangan berlaku keras terhadapnya.

20 Anak-anak, turutlah perintah ibu bapamu dalam segala perkara, kerana demikianlah yang
diredai Tuhan.

21 Bapa, jangan sakitkan hati anak-anakmu, supaya mereka tidak tawar hati.

22 Hamba sahaya, dalam segala hal turutlah perintah orang yang menjadi tuanmu dalam perkara
dunia; bukan secara bermuka-muka, untuk menyukakan hati manusia, tetapi dengan tulus ikhlas dan
takut akan Allah. 23 Lakukan segala kerja dengan sebulat hatimu untuk Tuhan, bukan untuk
manusia, 24 kerana kamu tahu bahawa daripada Tuhan kamu akan menerima warisan sebagai
ganjaranmu. Junjungan al-Masih adalah Tuanmu dan kamu hamba-Nya. 25 Orang yang melakukan
kesalahan akan mendapat balasan yang setimpal, tidak kira siapa dia.

4 1 Kamu sekalian yang menjadi tuan, berilah apa yang adil dan wajar kepada hamba-hambamu,
kerana kamu tahu bahawa kamu pun mempunyai Tuan di syurga.

Arahan-arahan lain

2 Bertekunlah dalam doa dan berjaga-jaga serta mengucap syukur. 3 Doakan kami juga, semoga
Allah membukakan kami suatu pintu bagi firman-Nya, supaya kami bercakap tentang rahsia al-Masih.
Oleh sebab rahsia itulah aku terpenjara ini, 4 semoga aku dapat menyatakannya dengan jelas,
sebagaimana yang sewajarnya. 5 Dekatilah orang luar dengan bijaksana, dan pergunakanlah peluang
dengan baik. 6 Perkataanmu hendaklah sentiasa penuh dengan kasih kurnia, digarami kebijaksanaan,
supaya kamu tahu menjawab setiap orang dengan sewajarnya.

Salam akhir

7 Saudara kita Tikhikus yang dikasihi akan memberitahumu segala hal ehwalku. Dia seorang
hamba yang beriman, dan teman sekerjaku dalam pekerjaan Tuhan. 8 Aku mengutusnya kepadamu
supaya dia mengetahui hal ehwal kamu dan menggalakkan hatimu. 9 Bersamanya ialah saudara kita
Onesimus yang beriman dan dikasihi, dia orang kamu. Mereka berdua akan memberitahu kamu
segala yang berlaku di sini.

10 Aristarkhus, temanku dalam penjara, berkirim salam kepadamu. Demikian juga Markus, saudara
sepupu kepada Barnabas. (Kamu telah mendapat arahan tentangnya; kamu harus menyambut jika dia
datang mengunjungimu.) 11 Yesua, yang dipanggil Yustus, juga berkirim salam kepadamu. Mereka

inilah sahaja orang bersunat yang bekerja bersamaku untuk kerajaan Allah, dan mereka menjadi
penghibur hatiku. [12] Epafras, saleh seorang daripada kamu, juga berkirim salam kepadamu. Dia
hamba Isa al-Masih dan sentiasa mendoakanmu bersungguh-sungguh, supaya kamu berdiri teguh
dalam segala yang dikehendaki Allah. [13] Aku bersaksi bahawa dia amat berusaha untuk kamu dan
orang di Laodikia serta di Hierapolis. [14] Lukas, tabib yang dikasihi itu, pun berkirim salam kepadamu,
begitu juga Demas. [15] Sampaikan salamku kepada saudara-saudara di Laodikia, dan kepada Nimfa
serta jemaah di rumahnya itu.

[16] Apabila surat ini dibacakan di kalanganmu, pastikan bahawa surat ini dibacakan pula dalam
jemaah orang Laodikia. Kamu pula bacalah surat dari sana.

[17] Katakan kepada Arkhipus, ‘Berilah perhatian kepada kerja yang telah kamu terima dalam
Tuhan, supaya kamu dapat melaksanakannya.’

[18] Salam daripadaku, Paulus, dengan tulisan tanganku sendiri. Ingatlah bahawa aku terpenjara.
Semoga kasih kurnia Allah menyertaimu.

1 Tesalonika

1 [1] Surat ini daripada Paulus, Silwanus dan Timotius,
Kepada jemaah di Tesalonika dalam Allah Bapa dan Junjungan Isa al-Masih:
Kasih kurnia dan sejahtera menyertai kamu.

Ucapan syukur

[2] Kami sentiasa bersyukur kepada Allah kerana kamu semua dan menyebut nama-namamu dalam doa kami. [3] Kami sentiasa ingat betapa kamu telah bekerja dalam iman, berusaha dengan kasih dan bersabar dengan sepenuh harapan kepada Junjungan Isa al-Masih kita di hadapan Allah Bapa kita.

[4] Saudara-saudara yang dikasihi, kami tahu bahawa Allah telah memilihmu. [5] Kerana Injil yang kami beritakan itu telah sampai kepadamu bukan hanya dengan kata-kata tetapi juga dengan kuasa, dengan Roh Suci dan dengan keyakinan kukuh. Kamu tahu akan sifat dan kehidupan kami sewaktu bersamamu demi kebaikanmu. [6] Kamu mengikut teladan kami dan teladan Junjungan. Walaupun kamu banyak menanggung kesengsaraan, namun kamu menyambut khabar itu dengan sukacita yang datang daripada Roh Suci. [7] Oleh yang demikian kamu menjadi teladan kepada semua orang beriman di Makedonia dan Akhaya. [8] Firman Tuhan tersebar bukan sahaja di Makedonia dan Akhaya malah di serata tempat. Mereka telah mendengar tentang imanmu kepada Allah, maka kami tidak perlu berkata apa-apa lagi. [9] Mereka sendiri menceritakan bahawa kamu telah menyambut kami dengan baik apabila kami mengunjungimu dulu, bahawa kamu berpaling daripada menyembah berhala untuk menyembah Allah Yang Hidup dan Benar, [10] dan untuk menantikan kedatangan Putera-Nya dari syurga, yang telah dibangkitkan Allah daripada kematian — Isa yang akan menyelamatkan kita daripada kemurkaan yang akan datang.

2 ***Kerja Paulus di Tesalonika***

[1] Saudara-saudaraku, kamu tahu bahawa kunjungan kami kepadamu tidak sia-sia. [2] Kamu tahu bahawa kami telah dianiaya dan telah dihina di Filipi. Walaupun kami telah ditentang tetapi dengan pertolongan Allah Tuhan kita, kami beroleh keberanian untuk menyampaikan Injil-Nya kepadamu. [3] Seruan kami kepadamu tidak berasaskan kesilapan atau niat yang jahat mahupun percubaan memperdayamu. [4] Sebaliknya, kami sentiasa berkata-kata sebagai orang yang dipandang layak oleh-Nya untuk memegang amanah menyampaikan Injil itu. Kami tidaklah berusaha hanya sekadar menyukakan hati manusia tetapi semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah yang menguji hati kami. [5] Kamu tahu bahawa kami tidak mendekatimu dengan kata-kata sanjungan atau dengan niat tersembunyi untuk mendapatkan keuntungan daripadamu. Allah menjadi saksi kami. [6] Kami juga tidak berusaha mendapatkan pujian manusia baik daripada kamu mahupun orang lain.

Walaupun sebagai rasul al-Masih kami memang boleh menuntut sesuatu daripadamu, [7] namun ketika kami bersamamu, kami bersikap lemah lembut seperti ibu menjaga anak-anaknya. [8] Kami amat mengasihimu sehingga kami bukan sahaja berasa sukacita menyampaikan Injil daripada Allah kepadamu malah sanggup memberikan kehidupan dan nyawa kami untukmu kerana kamu amat dekat dengan kami. [9] Saudara-saudaraku, tentu kamu ingat betapa kami bertungkus-lumus siang malam agar tidak membebankan kamu ketika kami menyebarkan Injil daripada Allah.

[10] Kamu menjadi saksi kami, di samping Allah, bahawa setiap perbuatan kami suci,benar dan tiada cacat celanya di kalangan kamu yang beriman. [11] Kamu tahu betapa kami menasihati, menggalakkan dan menyeru kamu seperti bapa terhadap anak-anaknya, [12] supaya kamu hidup dengan cara yang diredai Allah yang memanggilmu ke dalam kerajaan-Nya serta kemuliaan-Nya.

[13] Di samping itu, kami sentiasa bersyukur kepada Allah kerana apabila kami menyampaikan perkhabaran Allah kepadamu, kamu telah mendengar dan menyambutnya bukan sebagai perutusan daripada manusia tetapi sebagai firman Allah. Memang benar perkhabaran itu daripada Allah yang bekerja dalam dirimu yang beriman. [14] Saudara-saudaraku, kamu telah mengikut teladan jemaah Allah di Yudea yang beriman kepada Isa al-Masih. Kamu dianiaya oleh bangsamu sendiri, sebagaimana

jemaah di Yudea dianiaya oleh orang Yahudi. [15] Orang Yahudi telah membunuh Junjungan Isa dan
nabi-nabi mereka sendiri serta mengusir kami keluar. Mereka menyakitkan hati Allah, memusuhi
semua manusia, [16] serta menghalang kami daripada menyebarkan perkhabaran kepada orang bukan
bani Israel supaya mereka beroleh penyelamatan. Demikianlah orang Yahudi berterusan melakukan
dosa sehingga sampai hadnya. Kini seluruh kemurkaan Allah menimpa mereka.

Kerinduan Paulus

[17] Saudara-saudara, meskipun kami terpisah jauh daripadamu bagi sementara waktu, namun hati
kami tetap dekat denganmu dan amat merinduimu. Kami berusaha sedaya upaya untuk bertemu lagi
denganmu. [18] Kami berhasrat mengunjungimu lagi. Aku sendiri telah berusaha berkali-kali untuk
melawatmu, tetapi kami telah dihalang oleh Iblis. [19] Siapakah harapan, kesukaan, atau mahkota yang
akan kami megahkan kelak di hadapan Junjungan kita Isa ketika Dia datang nanti? Bukankah
kamu? [20] Memang kamulah kemuliaan dan kegembiraan kami.

3 [1] Apabila kami tidak tertahan lagi, kami membuat keputusan untuk tinggal seorang diri di
Atena. [2] Sementara itu kami mengutus Timotius, saudara kami dan rakan sekerja Allah dalam Injil
al-Masih, untuk menetapkan hatimu dan meneguhkan imanmu, [3] supaya tiada seorang pun
daripadamu goyah pendirian akibat penganiayaan itu. Kamu tahu bahawa ini sudah ditentukan untuk
kita. [4] Sewaktu kami bersamamu dulu, kami telah pun menyatakan bahawa kita akan dianiaya. Kini
kamu telah melihat bahawa penganiayaan itu benar-benar berlaku. [5] Aku telah mengutus Timotius
kepadamu kerana terlalu ingin mengetahui bagaimana keadaan imanmu. Aku bimbang kalau-kalau si
penggoda telah menggodamu sehingga usaha kami sia-sia belaka.

Laporan Timotius

[6] Sekarang Timotius telah pulang membawa khabar baik tentang iman dan kasihmu. Dia
memberitahu bahawa kamu sentiasa mengenang mesra terhadap kami serta ingin menemui kami
sebagaimana kami ingin menemuimu. [7] Oleh itu, saudara-saudara, di tengah-tengah kesusahan dan
kesengsaraan, hati kami terhibur oleh berita tentang imanmu. [8] Kerana kini kami benar-benar hidup,
memandangkan kamu tetap berdiri teguh di dalam Junjungan. [9] Bagaimanakah kami harus bersyukur
kepada Allah atas segala kegembiraan yang kami rasakan kerana kamu di hadapan Allah Tuhan
kita? [10] Siang malam kami berdoa sepenuh hati semoga kami dapat menemuimu dan melengkapkan
apa yang masih kurang dalam imanmu.

[11] Semoga Allah Bapa kita dan Isa, Junjungan kita melorongkan pertemuan kita. [12] Semoga Tuhan
menjadikanmu semakin kasih-mengasihi dan semakin mengasihi sesama manusia sebagaimana kami
mengasihimu. [13] Dengan demikian Tuhan akan memperteguhkan hatimu sehingga kamu menjadi suci,
tiada cacat cela di hadapan Allah Bapa kita semasa Junjungan kita Isa datang dengan semua
pengikutnya yang salih.

4 *Nasihat supaya hidup suci*

[1] Akhirnya, saudara-saudaraku, dengan nama Junjungan Isa, kami meminta dan menyeru kamu
sebagaimana yang kamu pelajari daripada kami supaya kamu menegakkan cara hidup yang diredai
Allah. Sebagaimana yang telah kamu lakukan sedemikian, lakukannya dengan lebih bersungguh-
sungguh. [2] Kamu mengetahui petunjuk-petunjuk yang telah kami berikan kepadamu melalui Junjungan
Isa.

[3] Allah menghendakimu hidup suci dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang
cabul. [4] Hendaklah kamu masing-masing tahu bagaimana mengawal tubuh badan sendiri dan hidup
dalam kesucian dan kehormatan, [5] serta tidak menurut hawa nafsu seperti yang dilakukan oleh orang
yang tidak mengenal Allah. [6] Janganlah sesiapa berbuat salah kepada saudaranya atau
memperdayanya dalam hal ini. Kami telah menyatakan ini kepadamu dulu dan memberikan amaran
keras bahawa Tuhan akan menimpakan pembalasan kepada orang yang melakukan kesalahan
demikian. [7] Allah tidak memanggil kita supaya hidup cabul tetapi agar hidup dalam kesucian. [8] Oleh
yang demikian, sesiapa yang menolak ajaran ini bukanlah sekadar menolak manusia tetapi menolak
Allah yang mengurniai kita Roh Suci-Nya.

[9] Kami tidak perlu menuliskan betapa kamu harus kasih-mengasihi sebagai saudara. Allah telah
mengajarmu supaya kasih-mengasihi. [10] Kamu telah pun mengamalkannya terhadap saudara-saudara

seiman di serata Makedonia. Namun, saudara-saudaraku, kami menyerumu supaya lebih kasih-
mengasihi lagi.

11 Berusahalah untuk hidup tenang, usah campuri hal orang dan carilah nafkah sendiri,
sebagaimana yang kami katakan kepadamu dulu. 12 Dengan demikian kamu akan dihormati oleh
mereka yang bukan pengikut al-Masih dan kamu tidak akan kekurangan apa-apa.

Kedatangan Isa al-Masih

13 Saudara-saudaraku, kami mahu kamu mengetahui kebenaran tentang orang yang telah mati,
agar kamu tidak bersedih seperti orang yang tidak mempunyai harapan. 14 Kita percaya bahawa Isa
telah mati dan hidup semula. Kita juga percaya bahawa mereka yang beriman kepada Isa dan
kemudiannya mati akan dihidupkan semula oleh Allah untuk hidup bersama-Nya. 15 Inilah ajaran
Tuhan yang kami sampaikan kepadamu — pada hari kedatangan Junjungan yang masih hidup tidak
akan mendahului mereka yang sudah mati. 16 Pada waktu itu, Junjungan akan turun dari syurga
dengan satu seruan yang kuat, dengan suara malaikat agung, dan dengan sangkakala Allah. Mereka
yang beriman kepada al-Masih dan telah mati akan dibangkitkan terlebih dahulu. 17 Kemudian kita
yang masih hidup ketika itu akan diangkat bersama mereka ke awan untuk bertemu dengan
Junjungan di angkasa. Lantas kita akan bersama Junjungan selama-lamanya. 18 Oleh itu, hendaklah
kamu menyenangkan hati sesama sendiri dengan kata-kata ini.

5 1 Saudara-saudara, soal tentang masa dan detiknya tidaklah perlu kami tulis kepadamu. 2 Kamu
cukup mengetahui hari kedatangan Tuhan akan tiba seperti datangnya pencuri pada malam
hari. 3 Ketika orang berkata, ‘Segalanya aman tenteram,’ maka ketika itulah mereka akan ditimpa
kebinasaan dalam sekelip mata dan tiada siapapun dapat melepaskan diri. Berlakunya kelak dengan
mengejut, seperti rasa sakit perempuan yang akan melahirkan anak.

4 Tetapi, saudara-saudara, kamu tidak hidup dalam kegelapan. Hari itu tidak seharusnya
mengejutkan kamu seperti datangnya pencuri. 5 Kamu semua anak cahaya, anak siang. Kita bukanlah
makhluk malam atau kegelapan. 6 Oleh yang demikian, janganlah kita tidur seperti orang lain. Marilah
kita berjaga dan berkeadaan siuman. 7 Orang yang tidur, tidur pada waktu malam. Orang yang mabuk,
mabuk pada waktu malam. 8 Tetapi kita anak-anak siang, hendaklah sentiasa waras dan waspada.
Jadikan iman dan kasih perisai dada kita, serta harapan diselamatkan sebagai topi besi pelindung
kepala. 9 Allah memilih kita bukannya untuk menanggung kemurkaan-Nya, tetapi untuk diselamatkan
melalui Junjungan kita Isa al-Masih. 10 Isa telah mati untuk kita supaya kita dapat hidup bersama-Nya
sewaktu Dia datang nanti, sama ada kita terjaga atau tertidur mati pada masa itu. 11 Oleh yang
demikian, hendaklah kamu saling menggalakkan dan meneguhkan, sebagaimana yang kamu lakukan
sekarang.

Petunjuk-petunjuk akhir

12 Saudara-saudaraku, kami menyeru kamu supaya menghormati orang yang berjerih payah di
kalanganmu, membimbing dan menasihatimu dalam kehidupanmu dalam Tuhan. 13 Layanilah mereka
dengan sepenuh hormat dan kasihilah mereka kerana segala yang diusahakan oleh mereka. Hiduplah
bersama-sama dalam aman damai. 14 Saudara-saudaraku, kami menyeru kamu, berilah amaran
kepada orang yang melanggar peraturan, tetapkan hati orang yang takut, tolong orang yang lemah,
dan bersabar terhadap semua. 15 Pastikan jangan sesiapa membalas kejahatan dengan kejahatan.
Berusahalah ke arah kebaikan bagi dirimu dan semua orang.

16 Bersukacitalah sentiasa. 17 Berdoalah sepanjang masa. 18 Bersyukurlah dalam segala keadaan
kerana inilah yang dikehendaki Allah daripadamu dalam Isa al-Masih.

19 Janganlah padamkan kemarakan api Roh Suci. 20 Janganlah hinakan nubuat. 21 Uji setiap
perkara. Berpegang teguh kepada yang baik. 22 Jauhilah segala bentuk kejahatan.

23 Semoga Allah damai sejahtera menyucikanmu dengan sempurna dan memelihara roh, jiwa dan
jasadmu, agar tidak ada cacat cela ketika Junjungan kita Isa al-Masih datang kembali. 24 Dia yang
memanggil kamu itu setia, dan Dia akan melakukannya.

25 Saudara-saudara, doakanlah kami. 26 Bersalamanlah dengan mesra apabila bertemu saudara-
saudara seiman. 27 Dengan nama Junjungan aku menyeru kamu supaya membacakan surat ini
kepada semua saudara seiman.

[28] Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kam

2 Tesalonika

1 [1] Daripada Paulus, Silwanus dan Timotius,

Kepada jemaah di Tesalonika dalam Allah, Bapa kita dan dalam Isa al-Masih:

[2] Semoga kasih kurnia dan kesejahteraan Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menyertaimu.

Ucapan syukur dan doa

[3] Kami mesti sentiasa bersyukur kepada Allah keranamu, saudara-saudaraku. Ini memang sepatutnya, kerana imanmu bertambah teguh dan kamu semakin kasih-mengasihi. [4] Dengan demikian kami berbangga denganmu di antara jemaah-jemaah Allah kerana kesabaran dan imanmu menanggung segala penganiayaan serta kesengsaraan.

[5] Segala ini bukti nyata penghakiman yang adil daripada Allah, supaya kamu dikira layak memasuki kerajaan Allah, yang untuknya kamu telah menderita. [6] Allah akan melakukan keadilan, membalas dengan kesengsaraan terhadap mereka yang menyebabkan kamu sengsara, dan [7] Dia akan memberikan kelegaan kepadamu yang menderita dan juga kepada kami apabila Junjungan Isa muncul dari syurga diiringi malaikat-malaikat perkasa-Nya dengan api yang menyala. [8] Dia mengenakan hukuman kepada mereka yang tidak mengenal Allah, dan mereka yang tidak taat akan Injil Junjungan kita Isa al-Masih. [9] Mereka akan dihukum dengan kebinasaan selama-lamanya, tersingkir daripada hadirat Tuhan kita dan kemuliaan kuasa-Nya. [10] Semua itu akan berlaku apabila Dia datang, pada hari itu, untuk dimuliakan oleh para pengikut-Nya yang salih dan untuk diberi penghormatan oleh semua orang beriman. Ini termasuk kamu kerana kamu percaya kepada kesaksian kami di antara kamu.

[11] Oleh itu kami sentiasa berdoa untukmu supaya Allah Tuhan kita menganggapmu layak dipanggil, dan supaya Dia memenuhi segala hasratmu berbuat kebajikan untuk-Nya serta menyempurnakan segala usaha imanmu dengan kuasa-Nya. [12] Dengan demikian, nama Isa, Junjungan kita, akan kamu muliakan dan kamu akan dimuliakan oleh-Nya, dengan kasih kurnia Allah Tuhan kita dan Junjungan Isa al-Masih.

2 *Manusia keleluasaan*

[1] Sekarang, saudara-saudaraku, tentang kedatangan Junjungan kita Isa al-Masih dan betapa kita akan dikumpulkan bersama-Nya kelak, kami menyerumu, [2] janganlah kamu mudah keliru atau goyah jika orang berkata hari Tuhan sudah tiba kerana kononnya kami yang mengatakan begitu melalui nubuat, ajaran atau surat. [3] Jangan sekali-kali biarkan sesiapa memperdayamu kerana hari itu tidak akan datang sebelum berlakunya kemurtadan dan manusia keleluasaan, iaitu anak kebinasaan menampilkan diri. [4] Dia akan menentang dan meninggikan dirinya daripada semua yang disembah manusia. Dia akan duduk di dalam rumah ibadat Allah dan mengisytiharkan dirinya sebagai Allah.

[5] Ingatkah kamu ketika aku masih bersamamu dahulu, aku telah memberitahumu segala ini? [6] Kini kamu tahu apa yang menahannya sekarang, iaitu manusia itu akan tampil pada waktu yang telah ditentukan baginya. [7] Kuasa rahsia keleluasaan sudahpun mula bertindak. Hanya yang menahannya sekarang akan terus berbuat demikian sehingga disingkirkan. [8] Kemudian manusia leluasa itu akan ternyata dan Junjungan Isa akan membunuhnya dengan hembusan nafas dari mulut-Nya dan membinasakannya dengan sinar gemilang kedatangan-Nya. [9] Datangnya manusia leluasa itu adalah hasil usaha Iblis, dengan membawa kuasa, alamat dan keajaiban palsu, [10] serta tipu helah durjana untuk menyesatkan orang yang binasa kerana mereka enggan menerima dan mengasihi kebenaran yang dapat menyelamatkan mereka. [11] Oleh yang demikian Allah menghantar pengaruh yang akan menyesatkan mereka sehingga mereka mempercayai apa yang tidak benar. [12] Dengan itu semua yang tidak mempercayai apa yang benar dan gembira melakukan perkara yang salah akan dihukum.

Berdiri dengan kukuh

[13] Tetapi kami mesti sentiasa bersyukur kepada Allah kerana kamu, saudara-saudara yang

dikasihi oleh Tuhan, kerana dari mulanya Allah telah memilih kamu untuk diselamatkan melalui
penyucian dengan Roh Suci dan kepercayaan terhadap apa yang benar. 14 Allah memanggil kamu
melalui Injil yang kami sampaikan kepadamu, supaya mendapat kemuliaan Junjungan kita Isa al-
Masih. 15 Oleh itu, saudara-saudaraku, berdirilah dengan kukuh dan berpegang teguh kepada segala
ajaran yang telah kami sampaikan secara lisan atau melalui surat.

16 Semoga Junjungan kita Isa al-Masih sendiri dan Allah Bapa kita, yang mengasihi kita dan
menetapkan hati serta meneguhkan harapan kita selama-lamanya dengan kasih kurnia-
Nya, 17 memberimu perangsang dan kekuatan untuk berbuat dan mengatakan yang baik.

3 *Berdoa*

1 Akhirnya, saudara-saudaraku, doakanlah kami, semoga Firman Tuhan segera tersebar dan
dimuliakan, seperti di kalanganmu dahulu. 2 Doakan semoga Allah menyelamatkan kami daripada
orang yang mungkar dan durjana, kerana bukan semua orang mempunyai iman. 3 Tetapi Tuhan setia
dan akan menguatkan kamu serta melindungimu daripada si durjana. 4 Kami mempunyai keyakinan
dalam Tuhan tentang kamu, bahawa kamu sedang dan akan terus mengamalkan apa yang telah kami
ajarkan kepadamu. 5 Semoga Tuhan membimbing hatimu ke arah kasih Allah dan ketabahan al-
Masih.

Amaran terhadap sikap malas

6 Tetapi, saudara-saudaraku, kami memerintahkan kamu dengan nama Junjungan Isa al-Masih
supaya menjauhkan diri daripada setiap saudara yang hidup malas dan tidak menurut ajaran yang
telah kami berikan. 7 Kamu tahu bahawa kamu harus mengikut teladan kami. Kami tidak hidup malas
ketika bersamamu dahulu. 8 Kami juga tidak mendapatkan makanan daripada orang lain dengan
percuma. Sebaliknya, kami bertungkus-lumus siang malam supaya tidak membebankan sesiapapun
antara kamu. 9 Bukan kerana kami tidak berhak menuntut bantuanmu, tetapi untuk menjadi teladan
kepadamu. 10 Sewaktu kami bersamamu, kami telah memberikan perintah ini: ‘Sesiapa yang tidak
mahu bekerja, tidak boleh makan.’

11 Kami mendengar ada di antaramu orang yang hidup malas, langsung tidak bekerja tetapi
mencampuri urusan orang. 12 Dengan nama Junjungan Isa al-Masih kami memerintahkan dan
menyeru orang begitu supaya bekerja sewajarnya, menjaga hal masing-masing dan mencari nafkah
sendiri. 13 Tetapi kamu, saudara-saudaraku, janganlah jemu berbuat baik.

14 Jika sesiapa tidak mengikut apa yang kami tuliskan di dalam surat ini, perhatikan dia dan
jangan bergaul dengannya, supaya dia berasa malu. 15 Namun, jangan pula anggap dia sebagai
musuh. Sebaliknya nasihatilah dia sebagai saudaramu.

Salam akhir

16 Semoga Tuhan, sumber segala kesejahteraan, sentiasa mengurniaimu kesejahteraan dalam
segala hal. Tuhan bersama kamu semua.

17 Salam daripada Paulus, kutulis dengan tanganku sendiri dalam setiap surat, demikianlah kutulis.

18 Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kamu semua.

1 Timotius

1 [1] Surat ini daripada Paulus, rasul Isa al-Masih, dengan perintah Allah Penyelamat kita dan Isa al-Masih, harapan kita,

[2] Kepada Timotius, anak sejatiku dalam iman:

Semoga Allah Bapa dan Isa al-Masih Junjungan kita menganugerahimu kasih kurnia, belas kasihan dan kesejahteraan.

Peringatan terhadap guru sesat

[3] Sebagaimana telah kutegaskan kepadamu ketika aku bertolak ke Makedonia, supaya kamu tinggal di Efesus untuk memerintahkan beberapa orang berhenti daripada menyebarkan ajaran sesat, [4] mendengar cerita dongeng dan salasilah yang panjang. Semua itu hanya menimbulkan pertengkaran dan tidak membawa ke jalan Allah yang berasaskan iman. [5] Tujuan perintah ini ialah kasih yang datang daripada hati yang suci, hati nurani yang bersih dan iman yang ikhlas. [6] Sesetengah mereka telah menyimpang daripadanya dan berpaling kepada perbincangan yang sia-sia. [7] Mereka hendak menjadi guru Hukum, tetapi mereka tidak memahami apa yang mereka katakan dan hal-hal yang mereka tegaskan dengan begitu yakin.

[8] Tetapi kita tahu bahawa hukum adalah baik jika digunakan dengan betul. [9] Kita tahu bahawa hukum diadakan bukan untuk orang yang benar, tetapi untuk orang yang hidup berleluasa dan ingkar, untuk orang yang tidak taat akan Allah dan yang berbuat dosa, untuk orang yang tidak salih dan yang mengutamakan dunia, untuk pembunuh ibu bapa sendiri, serta untuk semua pembunuh. [10] Selain itu juga untuk penzina, untuk peliwat, untuk penculik, untuk pendusta, untuk saksi palsu, dan untuk orang yang melakukan apa sahaja yang bertentangan dengan ajaran benar yang [11] berasaskan Injil mulia Allah Yang Terpuji. Injil inilah yang diamanahkan kepadaku untuk disampaikan.

Kasih kurnia Allah terhadap Paulus

[12] Aku bersyukur kepada Isa al-Masih, Junjungan kita, yang telah menguatkanku, kerana Dia menganggapku setia, lalu memberiku tugas itu, [13] walaupun dahulu aku seorang yang kufur, menganiaya dan ganas. Namun, aku dikasihani-Nya kerana aku telah melakukan semuanya itu ketika aku jahil dan tidak beriman. [14] Tuhan kita melimpahkan kasih kurnia-Nya kepadaku, dengan iman dan kasih dalam Isa al-Masih.

[15] Pernyataan ini benar dan harus diterima sepenuhnya: Isa al-Masih datang ke dunia untuk menyelamatkan orang yang berdosa — akulah orang yang paling berdosa. [16] Namun demikian, justeru itulah aku dikasihani, supaya Isa al-Masih dapat menunjukkan kesabaran-Nya yang tidak terhingga, sebagai contoh kepada orang yang akan beriman kepada-Nya untuk hidup kekal. [17] Penghormatan dan kemuliaan selama-lamanya kepada Raja yang kekal, yang baqa, yang tidak dapat dilihat, Allah Yang Maha Esa. Amin.

[18] Perintah ini kuamanahkan kepadamu, anakku Timotius, menurut apa yang telah dinubuatkan tentangmu, supaya dengan mematuhinya, kamu akan perjuangkan perjuangan mulia ini, [19] sambil berpegang kepada iman dan hati nurani yang bersih. Ada yang membelakanginya lalu memusnahkan iman mereka. [20] Antaranya ialah Himeneus dan Iskandar, yang kuserahkan kepada Iblis supaya mereka insaf daripada mengkufuri Allah.

2 *Doa jemaah*

[1] Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dirafakkan untuk semua manusia — [2] untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. [3] Inilah yang baik dan diredai oleh Allah Penyelamat kita [4] yang berkehendakkan semua manusia diselamatkan dan mengetahui apa yang benar. [5] Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara di antara Allah dan manusia iaitu Isa al-Masih. [6] Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia yang akan dipersaksikan pada masanya. [7] Itulah sebabnya aku dijadikan pemberita Injil dan rasul — aku berkata benar, aku tidak

berdusta — dan sebagai pengajar kepada bangsa asing dalam iman dan kebenaran.

8 Oleh itu aku menyeru kaum lelaki di mana-mana sahaja supaya berdoa serta menadahkan
tangan yang suci, tanpa kemarahan atau perselisihan. 9 Aku juga menyeru kaum perempuan supaya
berpakaian serta menghias diri dengan sopan santun dan sederhana. Jangan berhias dengan jalinan
rambut yang berlebihan atau dengan emas ataupun mutiara mahupun pakaian yang mahal-
mahal. 10 Hiasi diri dengan perbuatan baik, yang sepatutnya bagi perempuan yang mengaku taat akan
Allah.

11 Perempuan hendaklah belajar dengan senyap dan rendah hati. 12 Aku tidak membenarkan
perempuan mengajar atau memerintah lelaki; dia harus berdiam diri 13 kerana Adam telah dicipta
dahulu, kemudian barulah Hawa. 14 Dan bukan Adam yang terpedaya, tetapi perempuan itu yang
terpedaya, lalu melakukan dosa. 15 Walaupun demikian, perempuan akan diselamatkan dengan
melahirkan anak jika mereka tetap dalam iman, kasih, dan kesucian dengan penguasaan diri.

3 *Syarat-syarat bagi penyelia jemaah*

1 Kata-kata ini benar: Jika seseorang ingin menjadi penyelia jemaah, maka dia ingin akan pekerjaan
yang baik. 2 Seorang penyelia jemaah haruslah tidak bercela. Dia harus beristeri seorang sahaja,
mengamalkan kesederhanaan dan penguasaan diri, dihormati, meraikan tetamu dengan tangan
terbuka, dan berkebolehan mengajar. 3 Dia seharusnya bukan pemabuk, tidak melakukan kekerasan,
lemah lembut, bukan kaki gaduh, dan tidak tamak akan wang. 4 Dia mesti tahu mengurus rumah
tangganya dengan baik dan mendidik anak-anaknya supaya bersikap taat dan hormat. 5 (Jika
seseorang tidak tahu mengurus rumah tangganya sendiri, bagaimanakah dia hendak mengurus
jemaah Allah?) 6 Dia seharusnya bukan seorang yang baru beriman, takut kalau-kalau dia menjadi
sombong dan dikutuk seperti Iblis dahulu. 7 Dia mestilah mempunyai nama yang baik dan dihormati
oleh orang di luar jemaah, supaya dia tidak dicela dan terjerumus ke dalam perangkap Iblis.

8 Penolong jemaah juga haruslah orang yang dihormati, bukan orang yang lidah bercabang,
pemabuk atau mengejar keuntungan secara haram. 9 Mereka hendaklah berpegang teguh kepada
rahsia iman dengan hati nurani yang suci. 10 Tetapi mereka harus diuji terlebih dahulu dan jika
didapati mereka tidak bercela, barulah dijadikan penolong jemaah.

11 Begitu juga isteri mereka, mestilah orang yang dihormati, tidak memfitnah orang, mengamalkan
kesederhanaan dan penguasaan diri, dan jujur dalam semua hal.

12 Setiap penolong jemaah haruslah orang yang hanya beristeri satu dan mendidik anak-anak
serta mengurus rumah tangga dengan baik. 13 Penolong jemaah yang telah menjalankan tugas
dengan baik akan dihormati dan menjadi amat yakin dalam iman dalam Isa al-Masih.

14 Aku menuliskan hal-hal ini kepadamu, sungguhpun aku berharap akan dapat mengunjungimu
tidak lama lagi. 15 Namun, kalau-kalau aku tidak dapat datang dengan cepat, aku menuliskannya
supaya engkau tahu bagaimana seharusnya berkelakuan dalam rumah Allah, iaitu jemaah Allah Yang
Hidup, tiang dan asas kebenaran. 16 Tidak dapat dinafikan betapa mulianya rahsia iman kepada Allah:

Ia telah menampakkan diri sebagai manusia,
dinyatakan benar oleh Roh Suci,
dilihat oleh para malaikat,
diajarkan kepada bangsa-bangsa,
dipercayai di seluruh dunia,
dinaikkan dengan kemuliaan.

4 *Arahan Paulus untuk Timotius*

1 Roh Suci menyatakan dengan jelas bahawa pada akhir zaman sesetengah orang akan berpaling
daripada iman, mengikut roh-roh yang memperdayakan dan ajaran roh-roh iblis. 2 Ajaran ini
disampaikan oleh pendusta yang munafik yang hati nuraninya bagaikan diselar besi panas. 3 Mereka
melarang orang berkahwin dan menegah orang memakan makanan yang telah dijadikan Allah untuk
diterima dengan syukur oleh orang yang beriman dan mengetahui ajaran yang benar. 4 Setiap ciptaan
Allah itu baik, dan tiada suatu apapun yang harus ditolak, asalkan diterima dengan syukur, 5 kerana
segalanya telah disucikan dengan firman Allah dan doa.

[6] Jika engkau mengajarkan hal-hal ini kepada saudara-saudara seiman, engkau akan menjadi hamba Isa al-Masih yang baik, yang dipupuk dengan kata-kata iman dan ajaran baik yang telah kauikut dengan teliti. [7] Jauhilah cerita-cerita yang bercorak duniawi dan karut, serta latihlah diri menjadi orang yang salih. [8] Latihan jasmani ada faedahnya, tetapi kesalihan berfaedah dalam segala hal, bagi kehidupan sekarang mahupun kehidupan akan datang.

[9] Kata-kata ini benar dan harus diterima sepenuhnya. [10] Kita bekerja keras dan berjuang, kerana kita yakin kepada Allah Yang Hidup, Penyelamat semua manusia, terutamanya mereka yang beriman.

[11] Perintahkan dan ajarkanlah semua ini. [12] Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian. [13] Hingga aku datang nanti, tumpukan perhatian kepada membaca Kitab Suci di khalayak ramai, menyampaikan firman dan mengajar orang. [14] Jangan lalai dalam menggunakan kurnia yang diberikan kepadamu melalui nubuat ketika sekumpulan tua-tua jemaah meletakkan tangan ke atasmu.

[15] Lakukanlah hal-hal ini dengan rajin. Curahkan seluruh keupayaan dirimu kepadanya, supaya kemajuanmu jelas di mata semua orang. [16] Berhematlah tentang dirimu dan ajaranmu. Lakukan terus-menerus, kerana dengan demikian engkau akan menyelamatkan dirimu dan mereka yang mendengar kata-katamu.

5 *Petunjuk dan nasihat*

[1] Jangan marahi orang yang lebih tua daripadamu, tetapi nasihati dia seolah-olah dia bapamu. Nasihati lelaki yang lebih muda daripadamu seperti saudara lelakimu, [2] perempuan yang lebih tua seperti ibumu, perempuan yang lebih muda seperti adik perempuanmu, dengan hati yang suci.

[3] Hormati balu yang benar-benar hidup sebagai balu. [4] Tetapi jika seorang balu mempunyai anak cucu, mereka terlebih dahulu mengamalkan kesalihan di rumah dan membalas budi orang tua mereka, kerana ini baik dan diredai Allah. [5] Seorang balu yang benar-benar hidup sendirian tanpa tempat bergantung hanya berharap kepada Allah dan berdoa siang malam. [6] Sebaliknya, seorang balu yang hidup berpelesiran sudahpun mati walaupun masih hidup. [7] Suruhlah mereka taati segala ini supaya mereka tidak bercela. [8] Sekiranya seseorang tidak menjaga sanak saudaranya, apatah lagi seisi rumahnya sendiri, maka dia menyangkal iman dan lebih buruk daripada orang yang tidak beriman.

[9] Jangan masukkan ke dalam golongan balu mereka yang berusia di bawah enam puluh tahun. Seseorang boleh digolongkan sebagai balu hanya jika dia bersuami cuma sekali, [10] dan terkenal berbuat baik, seperti mengasuh anak-anak, menumpangkan orang luar di rumahnya, melayani orang salih dengan hormat, membantu orang dalam kesusahan, serta sentiasa membuat kebajikan.

[11] Jangan masukkan balu muda ke dalam golongan ini kerana apabila nafsu mengatasi tumpuan mereka kepada al-Masih, mereka hendak berkahwin lagi [12] dan dengan demikian dicela kerana mereka telah melanggar ikrar mereka yang pertama. [13] Tambahan pula mereka belajar membuang masa merayau dari rumah ke rumah. Bukan itu sahaja, mereka mengumpat dan menjaga tepi kain orang, mengatakan apa yang tidak patut disebutkan. [14] Oleh yang demikian aku mahu balu muda berkahwin lagi, mendapat anak dan mengurus rumah tangga, supaya musuh tidak dapat memburukkan nama kita; [15] kerana ada yang telah berpaling menurut Iblis.

[16] Sekiranya seseorang perempuan yang beriman mempunyai ahli keluarga yang kematian suami, dia harus menjaga mereka dan tidak membebani jemaah dengan tanggungjawab itu. Dengan demikian jemaah dapat membantu balu yang tidak ada tempat untuk bergantung.

[17] Tua-tua yang melaksanakan kewajipannya dengan sempurna layak menerima penghormatan tinggi, terutamanya yang giat menyampaikan firman dan ajaran. [18] Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, ‘Jangan berangus mulut lembu yang sedang mengirik biji-bijian,’ dan ‘Orang yang bekerja layak menerima upah.’ [19] Jangan percaya tuduhan terhadap seorang tua-tua jemaah melainkan diperkukuh oleh dua tiga orang saksi. [20] Apabila orang berbuat dosa, tegurlah mereka di hadapan jemaah supaya yang lain gentar melakukan perbuatan demikian.

[21] Di hadapan Allah, Isa al-Masih dan malaikat-malaikat yang terpilih, aku mengarahkanmu mematuhi perintah-perintah ini tanpa prasangka atau pilih kasih.

[22] Jangan terburu-buru meletakkan tangan ke atas seseorang dan jangan turut serta membuat dosa dengan orang. Jaga kesucianmu.

23 Jangan minum air sahaja, minumlah sedikit air anggur demi perutmu dan badanmu yang kerap sakit.

24 Dosa sesetengah orang ketara lalu dihakimi, manakala dosa sesetengahnya akan ternyata kemudian. 25 Demikian juga, sesetengah perbuatan baik terserlah di mata orang, namun yang tidak kelihatan pun tidaklah tersembunyi.

6 1 Semua orang yang menjadi hamba harus menganggap tuan mereka wajar mendapat segala penghormatan supaya orang tidak dapat memburukkan nama Allah dan ajaran kita. 2 Apabila tuan mereka seorang beriman, mereka tidak harus memandang ringan kepadanya malah harus melayannya dengan lebih baik lagi, kerana yang mendapat manfaat layanan mereka itu saudara seiman yang dikasihi. Hal-hal ini harus kamu ajarkan dan sampaikan sebagai nasihat.

Tamak akan wang

3 Jika sesiapa mengajarkan sesuatu yang berlainan dan tidak menerima kata-kata yang benar iaitu kata-kata Isa al-Masih, Junjungan kita, dan ajaran yang selaras dengan kesalihan; 4 dia bersifat angkuh dan jahil, asyik bertikai dan berbahas tentang kata-kata, sehingga menimbulkan iri hati, perkelahian, pencacian, syak wasangka yang buruk, 5 pertengkaran sia-sia orang yang berfikiran keji dan tidak mengenal kebenaran. Sangkanya kesalihan itu satu cara mendapat keuntungan.

6 Kesalihan yang disertai dengan rasa puas dengan apa yang dimiliki, itulah keuntungan besar. 7 Kita tidak membawa apa-apa ke dalam dunia ini, dan pasti sekali kita tidak dapat membawa apa-apa apabila kita meninggalkannya. 8 Oleh itu, jika kita ada pakaian dan makanan, kita harus berasa puas. 9 Orang yang mahu kaya tergoda dan terperangkap oleh pelbagai keinginan yang sia-sia dan berbahaya, yang menjerumuskannya ke dalam kerosakan dan kemusnahan. 10 Cinta akan wang punca segala kejahatan. Sesetengah orang memburu wang dengan begitu tamaknya sampaikan tersesat daripada iman dan akhirnya menanggung berbagai-bagai kesengsaraan jiwa.

Perintah Paulus untuk Timotius

11 Tetapi kamu, wahai hamba Allah, jauhilah segala ini. Amalkanlah kebenaran, kesalihan, iman, kasih, kesabaran dan sikap lemah lembut. 12 Berjuanglah dalam perjuangan iman yang benar. Berpegang teguhlah kepada hidup kekal; kepada hidup itulah kamu telah dipanggil ketika kamu membuat pengakuan yang benar di hadapan saksi yang ramai. 13 Di hadapan Allah yang memberi nyawa kepada segala sesuatu, dan di hadapan Isa al-Masih yang memberi kesaksian akan pengakuan yang benar kepada Pontius Pilatus, aku berpesan kepadamu, 14 taatilah perintah ini dengan sempurna tanpa cela hingga hari Isa al-Masih, Junjungan kita, datang kembali, 15 yang akan ditunjukkan Tuhan pada masa yang ditentukan oleh-Nya sendiri. Dia Pemerintah yang suci dan satu-satunya Raja sekalian raja dan Junjungan sekalian junjungan. 16 Hanya Dia yang hidup selama-lamanya, wujud dalam cahaya yang tidak dapat didekati, tidak pernah dan tidak dapat dilihat manusia. Bagi-Nya penghormatan dan kuasa selama-lamanya. Amin.

17 Perintahkan orang yang kaya pada masa ini supaya jangan angkuh, jangan berharapkan kekayaan yang sebenarnya tidak kekal, tetapi bergantunglah kepada Allah yang hidup, yang melimpahkan segala sesuatu kepada kita untuk kita nikmati. 18 Hendaklah mereka berbuat baik, supaya mereka kaya dengan amal kebajikan, sedia memberi, rela berkongsi. 19 Dengan demikian mereka meletakkan asas yang teguh bagi diri mereka untuk hari kemudian supaya mereka dapat hidup kekal kelak.

20 Wahai Timotius, jagalah apa yang telah diamanahkan kepadamu. Jauhi bebelan dan pertengkaran yang bercorak duniawi serta sia-sia, kononnya atas nama ilmu pengetahuan; 21 dengan menyuarakannya sesetengah orang telah sesat dalam hal iman.

Semoga Allah memberkatimu.

2 Timotius

1 [1] Surat ini daripada Paulus, rasul Isa al-Masih, dengan kehendak Allah, menurut apa yang telah dijanjikan, iaitu hidup di dalam Isa al-Masih,

[2] Kepada Timotius, anakku yang dikasihi:

Semoga Allah Bapa dan Isa al-Masih, Junjungan kita, menganugerahimu kasih kurnia, belas kasihan dan kesejahteraan.

Kesetiaan dalam iman

[3] Aku bersyukur kepada Allah yang kusembah dengan hati nurani yang suci sebagaimana telah dilakukan oleh nenek moyangku. Aku sentiasa mengingatimu dalam doaku siang malam. [4] Apabila aku mengenang air matamu, aku sungguh ingin bertemu kembali denganmu supaya hatiku dipenuhi rasa bahagia. [5] Aku juga mengingati imanmu yang tulus ikhlas, yang mula tersemai di jiwa nenekmu Lois dan ibumu Eunike, dan aku yakin bertapak dalam dirimu juga. [6] Oleh itu aku mengingatkanmu supaya menggerakkan kurnia Allah yang berada dalam dirimu sejak aku meletakkan tangan ke atasmu. [7] Allah tidak memberi kita semangat ketakutan, tetapi kuasa, kasih dan tatatertib.

[8] Oleh yang demikian, janganlah berasa malu untuk memberikan kesaksian tentang Junjungan kita atau malu bahawa aku terpenjara kerana-Nya, tetapi bersamalah denganku menanggung penderitaan kerana Injil menurut kuasa Allah. [9] Allah menyelamatkan kita dan memanggil kita untuk hidup suci, bukanlah kerana amalan yang telah kita lakukan, tetapi kerana tujuan dan kasih kurnia-Nya yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita dalam Isa al-Masih sebelum permulaan zaman. [10] Sekarang segala ini telah dinyatakan dengan kedatangan Penyelamat kita Isa al-Masih, yang melenyapkan kematian dan memberikan penerangan tentang hidup kekal selama-lamanya melalui Injil. [11] Aku telah ditugaskan menjadi seorang daripada pemberita Injil, rasul, dan guru. [12] Oleh itu aku menanggung segala penderitaan ini. Namun, aku tidak berasa malu, kerana aku tahu akan Tuhan yang kupercayai dan aku yakin Dia dapat memelihara apa yang kuserahkan kepada-Nya hingga pada Hari itu.

[13] Berpegang teguhlah kepada rangkaian kata-kata benar yang telah kamu dengar daripadaku, dengan iman dan kasih dalam Isa al-Masih. [14] Peliharalah perkara baik yang diamanahkan kepadamu dengan Roh Suci yang berada dalam diri kita.

[15] Kamu tahu bahawa semua yang di Asia telah berpaling daripadaku, termasuk Figelus dan Hermogenes.

[16] Semoga Tuhan menunjukkan kasihan kepada Onesiforus sekeluarga, kerana dia sering menyegarkan tubuh dan jiwaku, serta tidak malu bahawa aku dipenjarakan, [17] malah apabila dia tiba di Rom, dia telah mencariku sedaya upaya sehingga bertemu. [18] Semoga Tuhan mengurniainya supaya mendapat belas kasihan daripada-Nya pada Hari itu! Engkau cukup mengetahui pelbagai cara dia telah menolongku di Efesus.

2 [1] Anakku, kuatkan dirimu dengan kasih kurnia yang ada dalam Isa al-Masih. [2] Segala yang telah kaudengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula. [3] Kamu mestilah ikut serta menanggung kesusahan sebagai seorang askar yang baik di bawah Isa al-Masih. [4] Seseorang yang memegang tugas dalam peperangan tidak akan melibatkan dirinya dengan hal ehwal kehidupan ini, supaya dia mendapat keredaan orang yang mengambilnya sebagai askar. [5] Demikian juga jika seseorang menyertai pertandingan olahraga, dia tidak akan mendapat mahkota kemenangan melainkan dia bertanding mengikut semua peraturan. [6] Petani yang telah bertungkus-lumus, pasti dialah yang pertama menikmati hasil tanaman. [7] Fikirkan kata-kataku kerana Tuhan akan mengurniaimu pengertian dalam semua perkara.

[8] Ingatlah bahawa Isa al-Masih, keturunan Daud, telah dibangkitkan daripada kematian menurut Injil yang kusampaikan, [9] yang kerananya aku menderita seolah-olah aku seorang penjahat, sehingga dipenjarakan. Tetapi firman Allah tidak mungkin dipenjarakan. [10] Oleh itu aku menanggung segalanya untuk mereka yang terpilih, supaya mereka juga mendapat penyelamatan dalam Isa al-Masih dengan

kemuliaan yang kekal.

11 Kata-kata ini benar:

Jika kita mati bersama-Nya,

kita juga akan hidup bersama-Nya;

12 jika kita tabah,

kita juga akan memerintah bersama-Nya.

Jika kita menyangkal-Nya,

Dia juga akan menyangkal kita;

13 jika kita tidak setia,

Dia tetap setia,

Dia tidak boleh menyangkal diri-Nya.

Pekerja yang diredai Allah

14 Ingatkan mereka tentang segala ini. Pesan kepada mereka di hadapan Allah supaya jangan bertengkar sia-sia tentang kata-kata, sehingga membinasakan orang yang mendengar. 15 Berusahalah supaya ternyata kamu diredai Allah, seorang pekerja yang tidak perlu berasa malu, yang menyebarkan kebenaran dengan sewajarnya. 16 Jauhi percakapan yang bercorak duniawi dan sia-sia, kerana ini akan menambah kemungkaran. 17 Kata-kata mereka akan merebak seperti penyakit barah, Himeneus dan Filetus termasuk orang begini. 18 Mereka telah sesat dalam hal kebenaran. Mereka berkata bahawa kebangkitan daripada kematian telah berlalu, dan mereka merosakkan iman sesetengah orang. 19 Namun demikian, asas kukuh Allah tetap bertapak, diteguhkan oleh: ‘Tuhan mengenal siapa milik-Nya,’ dan ‘Setiap orang yang menyebut nama Tuhan hendaklah meninggalkan kejahatan.’

20 Tetapi di dalam rumah yang besar bukan hanya ada bekas daripada emas dan perak tetapi juga daripada kayu dan tanah liat, sesetengahnya untuk kegunaan mulia dan sesetengahnya untuk kegunaan cemar. 21 Dengan demikian, jika seseorang membersihkan dirinya daripada kecemaran, dia akan menjadi bekas untuk kegunaan mulia, berguna kepada Tuannya, dan bersedia untuk melakukan kerja yang baik.

22 Singkirkan hawa nafsu muda. Berusaha mengamalkan kebenaran, iman, kasih dan kesejahteraan bersama mereka yang menyeru Tuhan dengan hati yang suci. 23 Jauhi perbahasan yang sia-sia dan jahil, sebab kamu tahu semua ini mencetuskan perkelahian. 24 Hamba Tuhan tidak harus berkelahi. Sebaliknya, mereka mestilah lemah lembut kepada semua orang, pandai mengajar, sabar, dan 25 dengan rendah hati menegur orang yang menentang, semoga Allah membukakan hati mereka untuk bertaubat supaya mereka mengenal kebenaran, 26 lalu mereka menjadi waras semula dan terlepas daripada cengkaman Iblis yang telah memerangkap mereka untuk melakukan kehendaknya.

3 *Kemungkaran pada akhir zaman*

1 Ketahuilah, bahawa pada akhir zaman, akan datang suatu masa yang sukar. 2 Manusia akan menjadi pencinta diri, pencinta wang, bercakap besar, berlagak bongkak, mencaci-maki, ingkar terhadap ibu bapa, tidak bersyukur, tidak suci, 3 tidak mengasihi, tidak mengampuni, suka memfitnah, tidak menguasai diri, buas dan pembenci kebaikan, 4 khianat, gopoh, angkuh, serta lebih mencintai keseronokan daripada mengasihi Allah. 5 Mereka menjalankan kewajipan agama tetapi menyangkal kuasanya. Jauhilah orang demikian.

6 Di kalangan mereka ada yang masuk secara rahsia ke rumah orang dan memerangkap perempuan lemah, yang dibebani dosa serta dipengaruhi pelbagai keinginan. 7 Perempuan-perempuan ini sentiasa belajar tetapi tidak menerima kebenaran. 8 Sebagaimana Yanes dan Yambres melawan Nabi Musa dahulu, demikianlah orang ini menentang ajaran yang benar — mereka tidak berfikiran waras dan telah menyeleweng daripada iman sebenar. 9 Namun mereka tidak akan berjaya lebih jauh lagi, kerana semua orang akan menyedari kebodohan mereka, seperti halnya dengan Yanes dan Yambres dahulu.

Perintah Paulus untuk Timotius

[10] Tetapi kamu telah mengikut dengan penuh hemat segala ajaranku, cara hidupku, tujuan
hidupku, imanku, kesabaranku, kasihku dan ketabahanku. [11] Kau telah melihat penganiayaan dan
kesengsaraan serta segala yang menimpaku di Antiokhia, Ikonium dan Listra — betapa penganiayaan
yang kutanggung. Akan tetapi Tuhan telah menyelamatkanku daripada semuanya itu. [12] Memang,
semua orang yang ingin hidup warak dalam Isa al-Masih akan dianiaya. [13] Orang durjana dan penipu
akan bertambah durjana, memperdaya serta diperdaya. [14] Tetapi kamu mestilah terus berpegang
kepada segala yang telah kamu pelajari dan yakini, kerana kamu tahu daripada siapa segalanya telah
kamu pelajari, [15] dan sejak kecil kamu telah mengenal Kitab Suci yang dapat memberimu
kebijaksanaan untuk diselamatkan melalui iman dalam Isa al-Masih. [16] Seluruh Kitab Suci diwahyukan
oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah
kebenaran. [17] Dengan demikian, tiap-tiap orang yang mengabdikan diri kepada Allah akan dilengkapi
sepenuhnya untuk melakukan segala kerja yang baik.

4 [1] Di hadapan Allah dan Isa al-Masih yang akan menghakimi mereka yang hidup dan yang mati,
dan demi kedatangan-Nya serta kerajaan-Nya, aku menyerumu: [2] Beritakanlah firman Allah,
bersedialah pada setiap masa, baik masanya sesuai mahupun tidak. Tunjukkan apa yang salah, tegur
dan nasihati mereka dengan seluruh kesabaran dan ajaran, [3] kerana akan sampai masanya mereka
tidak menerima ajaran yang benar, tetapi mengumpulkan ramai guru mengikut kehendak mereka
sendiri untuk mengajar apa yang ingin didengar oleh mereka. [4] Mereka enggan mendengar ajaran
yang benar tetapi menumpukan perhatian kepada cerita-cerita dongeng. [5] Tetapi kamu, waspadalah
dalam segala hal, tabah menanggung kesusahan, jalankan kerja menyebarkan Injil dan laksanakan
tugas yang diamanahkan kepadamu dengan sempurna.

[6] Tentang diriku, kini aku laksana minuman yang sedang dituangkan sebagai persembahan
kepada Allah, dan sudah hampir masanya aku pergi menghadap-Nya. [7] Aku telah berjuang dalam
perjuangan mulia ini, aku telah sampai ke garis akhir, aku telah setia dalam iman. [8] Sekarang mahkota
kebenaran telah disediakan untukku. Junjungan, hakim yang adil itu, akan mengurniakannya
kepadaku pada Hari itu, bukan kepadaku sahaja, tetapi kepada semua orang yang telah menunggu
kedatangan-Nya dengan penuh rindu.

Nasihat akhir

[9] Berusahalah untuk mengunjungiku dengan segera. [10] Demas telah meninggalkanku kerana dia
mencintai dunia ini, dia telah bertolak ke Tesalonika. Kreskes pula telah pergi ke Galatia dan Titus ke
Dalmatia. [11] Hanya Lukas ada bersamaku. Dapatkan Markus dan bawa dia denganmu, kerana dia
dapat membantuku dalam tugasku. [12] Aku telah mengutus Tikhikus ke Efesus. [13] Apabila kamu datang
kelak, bawa baju kot yang kutinggalkan dengan Karpus di Troas dan juga kitab-kitabku, terutamanya
gulungan kulit.

[14] Iskandar, tukang tembaga itu, telah banyak melakukan kejahatan terhadapku. Semoga Tuhan
membalasnya setimpal dengan perbuatannya. [15] Kamu juga harus waspada dengannya, kerana dia
menentang keras perkhabaran kita.

[16] Ketika aku membela diriku pada kali pertama, tiada seorang pun berdiri di sisiku, semuanya
meninggalkanku. Semoga Allah tidak menyalahkan mereka kerananya. [17] Tetapi Tuhan menyertaiku
dan memberiku kekuatan, supaya berita baik dapat disebarkan sepenuhnya melaluiku, dan semua
orang bukan bani Israel dapat mendengarnya. Juga aku telah diselamatkan daripada mulut
singa. [18] Tuhan akan menyelamatkanku daripada segala perbuatan durjana dan memeliharaku untuk
kerajaan-Nya di syurga. Segala kemuliaan bagi-Nya untuk selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

[19] Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, serta keluarga Onesiforus. [20] Erastus tinggal di
Korintus, tetapi Trofimus kutinggalkan di Miletus kerana dia sakit. [21] Cubalah sedaya upayamu untuk
datang sebelum musim dingin. Ebulus berkirim salam kepadamu, demikian juga Pudens, Linus,
Klaudia dan semua saudara seiman yang lain.

[22] Semoga Tuhan bersama rohmu. Semoga kasih kurnia Allah menyertaimu.

Titus

1 [1] Surat ini daripada Paulus, sebagai hamba Allah dan rasul Isa al-Masih demi iman semua orang
pilihan Allah dan pengetahuan akan kebenaran yang menghasilkan kesalihan. [2] Iman dan
pengetahuan itu berasaskan harapan untuk memperoleh hidup yang kekal. Allah tidak berdusta, Dia
telah menjanjikan hidup ini sebelum permulaan zaman. [3] Pada masa yang telah ditentukan, Allah
menyatakan janji itu melalui perkhabaran-Nya yang diamanahkan kepadaku. Aku menyebarkan
perkhabaran ini dengan perintah Allah Penyelamat kita,

[4] Kepada Titus, kamu seperti anakku sendiri dalam iman kita yang sama:

Semoga Allah Bapa dan Isa al-Masih Penyelamat kita menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera.

Tugas Titus di Kreta

[5] Aku telah meninggalkanmu di Kreta supaya kamu dapat melaksanakan segala hal yang masih
perlu diselesaikan serta melantik tua-tua di setiap kota seperti telah kuarahkan kepadamu. [6] Seorang
tua-tua hendaklah tidak bercela, dan beristeri seorang sahaja, manakala anak-anaknya haruslah
hidup beriman dan tidak dapat dituduh berkelakuan liar serta ingkar. [7] Ini perlu kerana seorang
penyelia jemaah memegang tugas mengendalikan pekerjaan Allah. Oleh yang demikian, dia mestilah
tidak bercela — tidak menindas orang lain, tidak pemarah, tidak pemabuk, tidak ganas, dan tidak
rakus. [8] Dia haruslah bersifat mesra, mencintai kebaikan, pandai menguasai diri, tulus, suci dan
berdisiplin. [9] Dia mesti berpegang teguh kepada perkhabaran yang layak dipercayai serta selaras
dengan asas iman. Dengan demikian dapatlah dia menggalakkan orang menerima ajaran yang benar
dan menunjukkan kesilapan mereka yang menentang ajaran itu.

[10] Ini kerana adanya ramai pemberontak, orang yang bercakap kosong dan penipu, terutamanya
orang yang dahulunya daripada mazhab persunatan. [11] Mulut mereka mesti ditutupkan kerana mereka
telah memesongkan seisi keluarga orang dengan mengajar ajaran yang tidak patut — untuk
mendapat keuntungan yang haram. [12] Seorang nabi mereka dari Kreta pernah berkata, ‘Orang Kreta
pembohong. Mereka rakus dan malas laksana binatang buas.’ [13] Kata-kata itu memang benar. Oleh itu
tegurlah dengan tegas sesiapa yang menyebarkan ajaran palsu, supaya mereka tetap berpegang
teguh kepada ajaran yang benar, [14] dan tidak terpengaruh dengan cerita karut orang Yahudi atau
perintah-perintah yang dikenakan oleh orang yang menolak ajaran yang benar. [15] Bagi orang yang
suci, segala-galanya suci. Sebaliknya bagi orang yang fikirannya dinodai dosa dan tidak percaya akan
kebenaran, tiada suatu pun yang suci, kerana jiwa dan hati nuraninya sudah tercemar. [16] Mereka
mendakwa mereka mengenal Allah, tetapi perbuatan mereka tidak membuktikan dakwaan ini. Mereka
terkutuk, ingkar kepada Allah, dan tidak dapat melakukan sesuatu yang baik.

2 *Tanggungjawab orang tua dan muda*

[1] Kamu harus sampaikan ajaran yang selaras dengan asas kepercayaan yang benar. [2] Nasihatilah
lelaki yang lebih tua supaya hidup sederhana, dihormati orang, mempunyai penguasaan diri, kuat
beriman, penuh dengan kasih dan kegigihan.

[3] Seterusnya, nasihatilah perempuan yang lebih tua supaya berkelakuan santun: jangan menjadi
pengumpat, peminum, sebaliknya ajarkanlah kebaikan. [4] Dengan demikian dapatlah perempuan yang
lebih tua membimbing perempuan muda supaya mengasihi suami dan anak-anak, [5] pandai mengawal
diri, suci, menjadi suri rumah yang rajin, baik hati, dan taat kepada suami. Maka tidaklah dapat orang
mencela perkhabaran Allah.

[6] Orang lelaki muda pula, nasihatilah mereka supaya mengawal diri. [7] Jadilah teladan kepada
mereka dengan melakukan perbuatan yang baik. Ajarlah mereka dengan ikhlas dan bersungguh-
sungguh [8] dan gunakan kata-kata bijak yang tidak dapat dicela, supaya musuhmu malu kerana gagal
mencari kesalahan kita.

[9] Ajarkan hamba supaya mematuhi perintah dan menyenangkan hati tuannya dalam semua
perkara. Hamba tidak harus membantah [10] atau mencuri, sebaliknya hendaklah sentiasa amanah
sehingga dalam segala hal mereka menjadikan ajaran tentang Allah Penyelamat kita itu menarik.

11 Hal ini demikian kerana kasih kurnia Allah yang menyelamatkan seluruh umat manusia telah
nyata. 12 Kita diajar supaya hidup warak, tidak memburu hal-hal duniawi, mengawal diri, ikhlas, dan
menghormati Allah pada zaman ini. 13 Kita sedang menunggu Hari yang kita harap-harapkan, ketika
kemuliaan Allah Maha Besar dan Isa al-Masih Penyelamat kita akan terserlah. 14 Al-Masih telah
mengorbankan nyawa-Nya untuk membebaskan kita daripada segala kejahatan, menyucikan kita,
menjadikan kita milik-Nya serta mendorong kita berbuat baik.

15 Ajarkanlah segala ini, dan galakkan serta tegur semua yang mendengar kata-katamu dengan
penuh wibawa. Jangan biarkan sesiapa memandang rendah kepadamu.

3 *Melakukan apa yang baik*

1 Nasihati jemaahmu supaya taat akan pemerintah dan penguasa, serta sentiasa bersedia melakukan
kebaikan. 2 Larang mereka mengumpat atau bertengkar, dan dorong mereka bersikap ramah-tamah
serta lemah lembut kepada semua orang.

3 Dahulu kita juga bodoh, ingkar dan sesat. Kita dikuasai pelbagai nafsu dan keinginan. Kita hidup
dengki-mendengki dan benci-membenci. 4 Tetapi Allah Penyelamat kita menunjukkan kasih dan ihsan-
Nya kepada kita. 5 Allah menyelamatkan kita, bukan kerana kebenaran yang kita lakukan, tetapi
kerana belas kasihan-Nya. Dia menyelamatkan kita melalui pentahiran kelahiran semula dan melalui
pembaharuan yang dilakukan Roh Suci. 6 Allah melimpahkan Roh Suci itu kepada kita melalui Isa al-
Masih, Penyelamat kita. 7 Maka dengan kasih kurnia-Nya kita sudah dibenarkan untuk menjadi anak
waris yang mendapat hidup kekal yang kita harapkan. 8 Kata-kata ini benar. Berikanlah perhatian
terhadap hal-hal tersebut, supaya orang yang beriman kepada Allah berusaha sepenuhnya untuk
melakukan segala yang baik serta bermanfaat kepada semua orang.

9 Sebaliknya, jauhilah perbahasan yang sia-sia, perbuatan menyusur-galur nenek moyang,
pertengkaran dan pertikaian tentang hukum Taurat. Segala ini tidak membawa faedah. 10 Berikan
amaran kepada sesiapa yang menyebabkan perpecahan di kalangan jemaah. Nasihati dia sekurang-
kurangnya dua kali; jika dia tidak berubah, jauhilah dia. 11 Kamu tahu bahawa orang yang demikian itu
sesat dan berdosa; dia menjatuhkan hukuman atas dirinya sendiri.

Salam akhir

12 Apabila aku mengutus Artemas atau Tikhikus kepadamu, cubalah seberapa daya
mengunjungiku di Nikopolis, kerana aku telah membuat keputusan akan berada di situ pada musim
dingin. 13 Berikanlah sepenuh bantuan kepada peguam yang bernama Zenas dan kepada Apolos,
supaya mereka dapat memulakan perjalanan tanpa kekurangan apa-apa. 14 Jemaah kita haruslah
mengamalkan kebajikan untuk membantu orang yang memerlukan pertolongan. Dengan demikian
bergunalah hidup mereka.

15 Semua saudara yang bersamaku berkirim salam kepada sahabat-sahabat seiman.

Semoga kasih kurnia Allah menyertai kamu semua.

Filemon

1 [1] Surat ini daripada Paulus yang dipenjarakan kerana Isa al-Masih, juga daripada saudara kita
Timotius,

Surat ini ditujukan kepada Filemon, sahabat kami dan teman sekerja, [2] kepada saudari kita Apfia, dan
kepada rakan seperjuangan kita Arkhipus, serta kepada jemaah yang berhimpun di rumahmu:

[3] Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera.

Ucapan syukur

[4] Saudaraku Filemon, aku sentiasa bersyukur kepada Allah Tuhanku dan menyebut namamu di
dalam doaku, [5] kerana aku mendengar tentang imanmu kepada Junjungan Isa, dan kasihmu terhadap
semua orang salih. [6] Aku berdoa semoga persaudaraan kita sebagai orang yang beriman kepada al-
Masih akan membawa pengertian yang lebih mendalam tentang segala yang baik yang kita miliki di
dalam al-Masih. [7] Saudaraku Filemon, kasihmu sungguh menggembirakan dan menggalakkan hatiku
kerana kamu telah menyegarkan hati sekalian orang salih.

Rayuan Paulus bagi pihak Onesimus

[8] Oleh itu, aku boleh memerintahkan kamu dengan nama al-Masih membuat sesuatu yang harus
dilakukan. [9] Namun demikian, kerana aku mengasihimu, aku hanya meminta kamu membuatnya. Aku
Paulus, seorang yang sudah tua dan kini dipenjarakan kerana Isa al-Masih. [10] Aku membuat
permintaan ini bagi pihak Onesimus, yang telah kujadikan sebagai anakku sendiri sewaktu aku di
dalam penjara. [11] Dahulu dia tidak berguna bagimu, tetapi sekarang dia berguna bukan sahaja bagimu
malah juga bagiku.

[12] Aku menghantar kembali kepadamu Onesimus yang amat kukasihi. [13] Sebenarnya aku mahu
dia tetap bersamaku di sini untuk membantuku bagi pihakmu sepanjang tempoh aku dipenjarakan
kerana menyebarkan Injil. [14] Namun demikian, aku tidak mahu memaksa kamu membantuku. Biarlah
bantuan itu kamu hulurkan dengan rela hati. Oleh itu aku tidak mahu berbuat apa-apa tanpa
persetujuanmu. [15] Mungkin Onesimus meninggalkanmu untuk sementara waktu supaya kamu
mendapatnya kembali untuk selama-lamanya. [16] Kini dia bukan hanya seorang hamba, dia saudara
yang dikasihi. Dia amat bererti bagiku, dan tentulah lebih bererti bagimu, baik sebagai hamba
mahupun sebagai saudara dalam Tuhan.

[17] Oleh itu, sekirannya kamu menganggapku sebagai rakan sekerja, sambutlah dia kembali seperti
kamu menyambutku. [18] Jika ada kesalahannya atau hutangnya kepadamu, biarlah aku yang
menanggungnya. [19] Lihatlah, kata-kata berikut kuterakan dengan tulisanku sendiri: Aku, Paulus, akan
menyelesaikan segala-galanya — Aku tidak perlu mengingatkan kamu bahawa kamu berhutang
kepadaku dirimu sendiri. [20] Oleh itu, demi Tuhan tolonglah aku dan gembirakan hatiku sebagai
saudara seiman dalam al-Masih. [21] Ketika menulis surat ini, aku yakin bahawa kamu akan
menunaikan permintaanku. Malah sebenarnya aku tahu bahawa lebih daripada yang kuminta itu pun
akan kamu lakukan.

[22] Sementara itu, sediakanlah bilik untukku di rumahmu, kerana aku berharap Allah akan
mengabulkan doa kamu semua semoga aku kembali kepadamu.

Ucapan akhir Paulus

[23] Epafras, yang dipenjarakan bersamaku kerana Isa al-Masih, berkirim salam kepadamu. [24] Juga
sambutlah salam rakan-rakan seperjuanganku: Markus, Aristarkhus, Demas dan Lukas.

[25] Semoga kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih menyertai roh kamu semua.

Ibrani

1 *Allah berfirman melalui Putera-Nya*

1 Allah telah berfirman pada pelbagai zaman dan dengan aneka cara kepada nenek moyang kita
melalui nabi-nabi. 2 Tetapi pada akhir zaman ini Allah telah berfirman kepada kita melalui Putera-Nya,
yang telah dijadikan-Nya pewaris kepada segala-galanya; melalui Putera-Nya itu Allah telah mencipta
alam semesta. 3 Putera itu adalah sinar gemilang kemuliaan Allah dan gambaran sempurna
kewujudan-Nya. Dia memelihara segala-segalanya dengan kekuasaan firman-Nya. Setelah
menghapuskan dosa kita melalui diri-Nya sendiri, Dia duduk di sebelah kanan Yang Maha Mulia yang
bertakhta di syurga. 4 Diri-Nya jauh lebih baik daripada para malaikat; kerana melalui warisan, Dia
telah mendapat nama yang lebih cemerlang daripada mereka.

5 Kepada malaikat manakah Allah pernah berfirman:
‘Engkau Putera-Ku,
pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu’?
Dan juga:
‘Aku akan menjadi Bapa-Nya,
dan Dia akan menjadi Putera-Ku’?
6 Selanjutnya, apabila Allah menghantar semula putera sulung-Nya ke dalam dunia maka firman-Nya:
‘Hendaklah semua malaikat Allah menyembah-Nya.’
7 Dan tentang para malaikat, Dia berfirman:
‘Dia menjadikan para malaikat-Nya angin,
dan para pelayan-Nya nyala api.’
8 Tetapi tentang Putera itu Dia berfirman:
‘Takhta-Mu, Ya Allah,
kekal selama-lamanya;
Tongkat kebenaran adalah tongkat
kerajaan-Mu.
9 Engkau telah mencintai kebenaran dan
membenci kejahatan;
Oleh itu Allah, Tuhan-Mu,
telah mengurapi-Mu
dengan minyak kebahagiaan lebih
daripada teman-teman-Mu.’
10 Dan:
‘Pada mulanya, Engkau, Tuhanku,
yang meletakkan asas bumi,
dan seluruh langit adalah hasil
kerja tangan-Mu;
11 Bumi dan langit akan binasa,
tetapi Engkau kekal;
dan segalanya akan menjadi

usang seperti pakaian;
[12] Seperti jubah, Engkau akan
menggulungnya;
seperti baju yang ditukar,
semuanya akan diubah.
Tetapi Engkau tetap sama,
dan zaman-Mu tidak berkesudahan.'
[13] Tetapi kepada malaikat manakah Allah pernah berfirman:
'Duduklah di sebelah kanan-Ku,
sehingga Aku menjadikan
musuh-Mu alas kaki-Mu'?
[14] Bukankah semua malaikat itu roh-roh pelayan yang dihantar untuk melayani manusia yang akan mewarisi penyelamatan?

2 *Amaran supaya berwaspada*

[1] Oleh itu kita harus memberikan perhatian yang lebih kepada segala yang telah kita dengar; takut kita hanyut kelak. [2] Jika firman yang disampaikan melalui para malaikat terbukti benar, dan setiap pelanggaran serta keingkaran mendapat balasan yang setimpal, [3] bagaimana kita mungkin terlepas daripadanya jika kita mengabaikan penyelamatan yang sedemikian besar? Pada mulanya Junjungan telah menyebutkannya, dan kemudian orang yang telah mendengar kata-kata-Nya itu turut mengesahkannya. [4] Allah juga telah memberikan kesaksian dengan pelbagai tanda, keajaiban, mukjizat dan pengurniaan Roh Suci, menurut kehendak-Nya sendiri.

[5] Dia tidak meletakkan dunia akan datang, yang kita perkatakan ini, di bawah takluk para malaikat. [6] Tetapi terdapat seorang yang telah memberikan kesaksian di suatu tempat:
'Apakah manusia maka Engkau
memberinya perhatian,
Apakah putera insan maka Engkau
memeliharanya?
[7] Engkau telah menjadikannya rendah
sedikit daripada malaikat;
Engkau memahkotakannya dengan
kemuliaan dan kehormatan,
[8] dan Engkau meletakkan segala-galanya
tertakluk di bawah kakinya.'
Dengan meletakkan segalanya tertakluk di bawahnya, Allah tidak meninggalkan suatu apapun di luar kekuasaannya. Tetapi sekarang kita masih belum melihat segala-galanya diletakkan di bawahnya.

Isa dijadikan rendah seketika

[9] Tetapi kita melihat Isa, yang dijadikan rendah sedikit daripada malaikat, dimahkotakan dengan kemuliaan dan kehormatan kerana telah menderita kematian; supaya Dia, dengan kasih kurnia Allah, mengalami kematian untuk setiap manusia.

[10] Allah, yang segala-galanya adalah untuk-Nya dan segala-galanya dicipta oleh-Nya, membawa beberapa ramai anak-Nya kepada kemuliaan. Memang wajarlah Dia menjadikan Perintis penyelamatan mereka itu sempurna melalui penderitaan. [11] Dia yang menyucikan dan mereka yang disucikan adalah satu asalnya. Oleh itu Dia tidak malu memanggil mereka saudara-saudara. [12] Dia berkata:

'Aku akan mengisytiharkan nama-Mu

kepada saudara-saudaraku;
Di tengah-tengah perhimpunan
Aku akan menyanyikan pujian
untuk-Mu.'

[13] Dan juga:

'Aku akan meletakkan kepercayaan-Ku kepada-Nya.'

Seterusnya:

'Lihatlah, ini Aku dan anak-anak yang telah diberikan Allah kepada-Ku.'

[14] Oleh sebab anak-anak itu telah mendapat tubuh manusia, Dia sendiri pun mendapatkannya, supaya melalui kematian Dia dapat memusnahkan Iblis yang berkuasa ke atas kematian, [15] dan membebaskan mereka yang tertakluk kepada belenggunya seumur hidup kerana takut mati. [16] Dia tidak memberi pertolongan kepada para malaikat, tetapi Dia memberi pertolongan kepada keturunan Ibrahim. [17] Dengan demikian, dalam segala hal Dia harus disamakan dengan saudara-saudaranya, supaya Dia menjadi Imam Besar yang pengasihan dan setia dalam segala yang berkenaan dengan Allah, untuk menebus dosa umat manusia. [18] Oleh sebab Dia Sendiri telah menderita, menghadapi godaan, maka Dia dapat menolong orang yang menghadapi godaan.

3 *Isa lebih tinggi daripada Musa*

[1] Dengan demikian, saudara-saudara yang salih, yang juga mendapat panggilan dari syurga, fikirkanlah Rasul dan Imam Besar yang kita akui, Isa al-Masih. [2] Dia setia kepada Allah yang melantik-Nya, sebagaimana Musa juga setia dalam seisi rumah Allah. [3] Dia dikira layak menerima lebih banyak kemuliaan daripada Musa, sebagaimana pembina rumah lebih dimuliakan daripada rumah. [4] Setiap rumah ada pembinanya, tetapi Dia yang membina segalanya ialah Allah. [5] Musa memang setia dalam seisi rumah Allah sebagai seorang khadam, untuk kesaksian terhadap segala perkara yang akan dikatakan kemudian. [6] Tetapi al-Masih setia sebagai Putera ke atas seisi rumah-Nya. Kita adalah isi rumah-Nya jika kita berpegang teguh kepada kebahagiaan harapan ini hingga ke akhir.

Amaran terhadap murtad

[7] Oleh itu, sebagaimana dikatakan oleh Roh Suci:

'Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya,
[8] Jangan keraskan hatimu seperti
dalam pemberontakan dahulu
pada masa cubaan di gurun,
[9] Ketika nenek moyangmu menguji-Ku, menduga-Ku,
meskipun mereka telah melihat perbuatan-Ku selama empat puluh tahun.
[10] Oleh itu Aku murka dengan keturunan itu,
dan Aku berkata, "Hati mereka sentiasa sesat, dan mereka tidak mengenal
jalan-Ku."
[11] Maka Aku bersumpah dalam
kemurkaan-Ku,
"Mereka tidak akan masuk ke
dalam rehat-Ku." '

[12] Awaslah, saudara-saudara, jangan ada dalam diri seorang pun daripadamu hati durjana yang tidak beriman lalu berpaling daripada Allah yang hidup. [13] Nasihatilah sesama sendiri setiap hari, selagi masih disebut 'Hari ini', jangan sampai sesiapa di antaramu menjadi keras hatinya akibat dosa yang memperdaya. [14] Kita telah menyertai al-Masih jika kita berpegang kepada keyakinan kita yang kita

miliki dari mula-mulanya hingga ke akhir,[15] seperti mana dikatakan:

‘Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya,

Jangan keraskan hatimu

seperti dalam pemberontakan dahulu.’

[16] Siapa yang memberontak setelah mendengar? Bukankah semua mereka yang telah dibawa oleh Musa keluar dari Mesir? [17] Dengan siapakah Allah murka empat puluh tahun? Bukankah dengan mereka yang melakukan dosa, yang bergelimpangan mayatnya di gurun? [18] Dan kepada siapakah Allah bersumpah bahawa mereka tidak akan masuk ke dalam rehat-Nya? Tak lain tak bukan kepada mereka yang tidak taat. [19] Oleh itu nyatalah kepada kita bahawa mereka tidak dapat masuk kerana tidak beriman.

4 *Hari rehat yang disediakan Allah*

[1] Dengan demikian, oleh sebab janji untuk masuk ke dalam rehat-Nya tetap wujud, kita haruslah bimbang kalau-kalau ada di antaramu yang dikira tidak layak. [2] Injil telah disampaikan kepada kita dan kepada mereka; tetapi firman yang mereka dengar tidak menguntungkan mereka kerana tidak berpadu dengan iman. [3] Kita yang telah beriman memang masuk ke dalam rehat itu, sebagaimana firman-Nya:

‘Maka Aku bersumpah dalam

kemurkaan-Ku,

“mereka tidak akan masuk ke

dalam rehat-Ku,” ’

walaupun pekerjaan-Nya telah selesai sejak dunia diasaskan. [4] Allah telah berfirman demikian di suatu tempat tentang hari ketujuh: ‘Dan Allah berehat pada hari ketujuh daripada segala pekerjaan-Nya.’; [5] Kemudian di sini

pula: ‘Mereka tidak akan masuk ke dalam rehat-Ku.’ [6] Memandangkan sebilangan manusia pasti masuk ke dalam rehat itu, dan mereka yang terlebih dahulu mendengar Injil tidak masuk disebabkan mereka ingkar, [7] maka Dia menetapkan satu hari lain, dalam firman-Nya kepada Daud, ‘Hari ini,’ setelah sekian lama, iaitu:

‘Hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya,

jangan keraskan hatimu.’

[8] Andainya Yusak telah memberikan rehat kepada mereka, Dia tidak akan berfirman kemudian tentang satu hari lain. [9] Oleh itu masih ada rehat-Sabat untuk umat Allah. [10] Orang yang telah masuk ke dalam rehat-Nya juga telah berhenti daripada pekerjaannya, sebagaimana Allah telah berhenti daripada pekerjaan-Nya. [11] Jadi, marilah kita berusaha untuk masuk ke dalam rehat itu, supaya jangan ada yang gagal kerana mengikut contoh mereka yang ingkar.

[12] Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum, serta mengenal antara fikiran dan niat di hati. [13] Tidak ada makhluk yang terlindung daripada penglihatan-Nya. Segala-galanya terdedah dan terbuka kepada mata Allah; kepada-Nya nanti kita dipertanggungkan tentang segala perlakuan kita.

Isa Imam Besar

[14] Memandangkan kita mempunyai Imam Besar yang agung yang telah melalui syurga, iaitu Isa Putera Allah, marilah kita berpegang teguh kepada pengakuan kita. [15] Kita tidaklah mempunyai Imam Besar yang tidak dapat merasakan kelemahan kita. Sebaliknya dalam segala hal Dia telah menghadapi godaan seperti yang kita hadapi, tetapi Dia tidak melakukan dosa. [16] Oleh itu marilah kita tampil dengan berani ke hadapan takhta kasih kurnia, supaya kita mendapat belas kasihan dan kasih kurnia untuk menolong kita ketika kita memerlukannya.

5 [1] Setiap Imam Besar dari kalangan manusia dilantik untuk mewakili manusia dalam hal-hal yang berkaitan dengan Allah, supaya dia dapat memberikan persembahan dan korban untuk menghapuskan dosa. [2] Dia dapat merasakan belas kasih kepada mereka yang jahil dan sesat, kerana dia sendiri menghadapi kelemahan diri. [3] Oleh itu dia dikehendaki membuat persembahan bukan

sahaja untuk menghapuskan dosa orang lain tetapi juga dosanya sendiri.

4 Tiada sesiapapun mengambil kehormatan ini untuk dirinya, kecuali yang dipanggil oleh Allah,
seperti Harun. 5 Demikian jugalah al-Masih, Dia tidak memuliakan diri-Nya untuk menjadi Imam Besar,
tetapi Allah telah berfirman kepada-Nya:

‘Engkau Putera-Ku,

pada hari ini Aku menjadi Bapa-Mu.’

6 Allah berfirman juga di suatu tempat lagi:

‘Engkau menjadi imam untuk

selama-lamanya

menurut peraturan Melkisedek.’

7 Ketika Isa hidup sebagai manusia, Dia telah berdoa dan merayu dengan ratap tangis kepada Allah
yang berkuasa menyelamatkan-Nya daripada kematian, dan Allah telah mendengar-Nya kerana
kewarakan-Nya. 8 Sungguhpun Dia Putera, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-
Nya. 9 Setelah Dia dijadikan sempurna, Dia menjadi sumber penyelamatan yang kekal bagi semua
yang mematuhi-Nya. 10 Dia dipanggil Allah menjadi Imam Besar menurut peraturan Melkisedek.

Amaran supaya jangan menjadi murtad

11 Tentang ini kami ada banyak untuk dikatakan, namun sukar hendak diterangkan, kerana
pendengaranmu sudah tumpul. 12 Sepatutnya sekarang ini kamu sudah boleh mengajar, tetapi kamu
masih perlu diajar lagi tentang prinsip-prinsip asas firman Allah; seolah-olah kamu masih perlu minum
susu sahaja, belum boleh menerima makanan pepejal. 13 Orang yang hanya boleh minum susu itu
tidak mahir dalam ajaran tentang kebenaran, kerana dia masih bayi. 14 Makanan pepejal adalah untuk
orang yang sudah dewasa, iaitu mereka yang telah membiasakan akalnya membezakan baik dengan
buruk.

6 1 Dengan demikian, marilah kita tinggalkan perbincangan asas ajaran tentang al-Masih dan terus
beralih kepada kesempurnaan. Usahlah kita letakkan asas lagi, iaitu taubat daripada perbuatan
yang sia-sia, dan beriman kepada Allah, 2 ajaran tentang pengimadan, meletakkan tangan,
kebangkitan daripada kematian, dan hukuman yang kekal. 3 Kita akan melakukannya jika Allah
mengizinkan.

4 Bagi orang yang pernah mengenal kebenaran, telah mengecap pemberian dari syurga, telah
menerima Roh Suci, 5 telah merasakan kebaikan firman Allah dan kuasa zaman akan datang, 6 jika
mereka berpaling, mustahil untuk membawa mereka bertaubat semula, kerana mereka telah menyalib
Putera Allah sekali lagi bagi diri mereka serta memalukan-Nya di mata orang ramai.

7 Tanah yang menghirup air hujan yang sering menimpanya, lalu mengeluarkan tanam-tanaman
yang berguna bagi orang, adalah diberkati Allah. 8 Sebaliknya, jika tanah itu mengeluarkan duri dan
lalang, maka ia disingkirkan serta hampir dilaknat, dan akhirnya dibakar.

Berdiri teguh dalam iman

9 Namun, saudara-saudara yang dikasihi, sungguhpun kami berkata demikian, kami yakin bahawa
perkara yang lebih baik akan berlaku kepadamu, ya, perkara yang mengiringi penyelamatan. 10 Allah
sentiasa adil dan tidak akan melupakan kerja serta usaha kasih yang telah kamu tunjukkan untuk
nama-Nya, iaitu kamu telah dan sedang melayan orang yang salih. 11 Kami mahu setiap seorang
daripada kamu menunjukkan kesungguhan usaha yang sama untuk memberi sepenuh keyakinan
terhadap harapan kita hingga ke akhir. 12 Janganlah kamu menjadi lembap; teladani mereka yang
mewarisi janji itu melalui iman dan kesabaran.

13 Apabila Allah berjanji kepada Ibrahim, Dia tidak mungkin bersumpah dengan nama lain kerana
tiada siapa lebih besar daripada-Nya, lalu Dia bersumpah dengan nama-Nya sendiri. 14 Allah
berfirman: ‘Sesungguhnya Aku akan memberkatimu dan memperbanyak keturunanmu.’ 15 Dengan
demikian, setelah Ibrahim menanggung kesusahan dengan sabar, dia mendapat janji itu.

16 Orang memang bersumpah dengan nama yang lebih besar daripada dirinya, dan suatu sumpah
sebagai pengesahan mengakhiri segala pertikaian. 17 Dengan demikian Allah, untuk menunjukkan

kepada waris-waris janji itu bahawa kehendak-Nya tidak mungkin berubah, telah mengesahkannya
dengan sumpah. 18 Dengan adanya dua perkara yang tidak mungkin berubah, sedangkan Allah tidak
mungkin berdusta, maka hati kita tetap. Kita telah lari mencari tempat berlindung untuk berpegang
kepada harapan yang dihulurkan kepada kita. 19 Kita mempunyai harapan ini sebagai sauh kepada
jiwa kita, tetap dan teguh, dan masuk sampai ke balik tirai. 20 Di situ perintis jalan telah masuk untuk
kita, iaitu Isa, yang telah menjadi Imam Besar untuk selama-lamanya menurut peraturan Melkisedek.

7 *Imam Melkisedek*

1 Melkisedek ini raja Salem, Imam Allah Yang Maha Tinggi. Dia telah bertemu dengan Ibrahim yang
dalam perjalanan pulang setelah menewaskan raja-raja, lalu dia memberkati Ibrahim. 2 Kepadanya
juga Ibrahim menyerahkan sepersepuluh daripada segala yang dibawanya. Melkisedek mula-mula
diterjemahkan sebagai 'raja kebenaran'; kemudian dia dipanggil juga sebagai 'raja Salem', bermakna
'raja kesejahteraan'. 3 Dia tidak mempunyai ibu bapa, tidak bersalasilah, tiada tarikh permulaan atau
penghabisan hayatnya, tetapi seperti Putera Allah, dia terus-menerus menjadi Imam.

4 Sekarang fikirkanlah betapa besarnya orang itu, hinggakan moyang kita Ibrahim menyerahkan
kepadanya sepersepuluh daripada rampasan perangnya. 5 Keturunan Lewi yang menerima jawatan
imam dikehendaki memungut sepersepuluh hasil daripada kaum itu menurut hukum Taurat, iaitu
daripada saudara-saudara mereka, walaupun dari benih Ibrahim. 6 Tetapi seorang yang bukan
daripada keturunan mereka telah menerima bayaran sepersepuluh hasil daripada Ibrahim dan telah
memberkati Ibrahim, penerima janji-janji Allah. 7 Tidak boleh dinafikan bahawa orang yang lebih
rendah kedudukannya diberkati oleh orang yang lebih tinggi. 8 Di sini manusia biasa yang akan mati
menerima bayaran sepersepuluh hasil, tetapi di sana dia menerimanya, yang telah disaksikan hidup
berterusan. 9 Lewi yang menerima bayaran sepersepuluh hasil pun boleh dikatakan membayarnya
melalui Ibrahim, 10 kerana dia masih dalam sulbi moyangnya apabila Melkisedek berjumpa dengannya.

Isa al-Masih sama seperti Melkisedek

11 Oleh itu, kalaulah kesempurnaan didapati daripada keimaman Lewi (kerana di bawahnya orang
menerima hukum Taurat), mengapakah perlu bangkitnya seorang imam lagi menurut peraturan
Melkisedek, yang tidak dipanggil menurut peraturan Harun? 12 Dengan berubahnya keimaman,
semestinya berubahlah hukum Taurat. 13 Dia yang disebut berkaitan segala ini datang dari suku lain,
yang belum pernah menghasilkan imam untuk bertugas di tempat persembahan. 14 Jelas bahawa
Junjungan kita keturunan Yahuda, tetapi tentang suku ini Musa tidak pernah mengatakan sesuatu
berkaitan imam-imam. 15 Jauh lebih jelas lagi jika, seperti Melkisedek, bangkit seorang imam
lagi, 16 yang datang bukan menurut perintah berkenaan hal jasmani, tetapi menurut kuasa hidup yang
tidak berkesudahan. 17 Tentang Dia, telah disaksikan:

'Engkau menjadi imam untuk
selama-lamanya
menurut peraturan Melkisedek.'

18 Perintah dahulu telah terbatal disebabkan lemah dan tidak berguna, 19 kerana hukum Taurat tidak
menyempurnakan apa-apapun. Di samping itu, telah dibawa masuk harapan yang lebih baik, yang
membawa kita lebih dekat kepada Allah.

20 Dan semua ini tidaklah dilakukan tanpa sumpah. 21 Imam-imam lain telah diangkat tanpa
sumpah, tetapi Isa al-Masih telah menjadi imam dengan sumpah daripada Allah yang berfirman
kepada-Nya:

'Tuhan telah bersumpah
dan tidak akan mengubah ketetapan:
"Engkau menjadi imam selama-lamanya." '

22 Dengan demikian Isa menjadi jaminan yang lebih kukuh bagi perjanjian yang lebih baik.

23 Ramai yang telah menjadi imam itu, kerana kematian menghalang mereka daripada berterusan
dalam jawatan. 24 Tetapi Isa, kerana Dia berterusan selama-lamanya, mempunyai keimaman yang
tidak mungkin berubah. 25 Oleh itu Dia dapat menyelamatkan sepenuhnya mereka yang datang
kepada Allah melalui-Nya, kerana Dia hidup selama-lamanya untuk berdoa syafaat bagi mereka.

[26] Demikianlah Imam Besar yang sesuai bagi kita. Dia suci, tidak bercela, tidak tercemar, terasing daripada orang berdosa, dan telah dijadikan lebih tinggi daripada isi syurga; [27] Imam Besar yang dahulu perlu mempersembahkan korban setiap hari, mula-mula untuk menghapuskan dosa mereka sendiri dan kemudian dosa orang lain. Tetapi Dia tidak perlu berbuat demikian. Dia telah melakukannya sekali untuk selama-lamanya ketika Dia mempersembahkan diri-Nya. [28] Hukum melantik manusia biasa dengan segala kelemahannya untuk menjadi Imam Besar. Tetapi firman dan sumpah Allah, yang datang selepas hukum Taurat, melantik Putera yang telah disempurnakan untuk selama-lamanya.

8 *Imam Besar perjanjian baru*

[1] Pokok segala yang kami katakan: Kita mempunyai Imam Besar yang duduk di sebelah kanan takhta Allah Yang Maha Mulia di syurga. [2] Dia adalah Penjawat di tempat suci dan di khemah sejati, yang dibina oleh Tuhan, bukan oleh manusia.

[3] Setiap Imam Besar dilantik untuk membuat persembahan dan korban. Oleh itu Imam Besar ini juga mesti ada sesuatu untuk dipersembahkan. [4] Sekiranya Dia di bumi, Dia tidaklah menjadi imam, kerana ada imam yang membuat persembahan menurut hukum Taurat. [5] Imam di dunia mempersembahkan salinan dan bayang-bayang perkara di syurga. Demikianlah arahan kepada Musa tatkala dia bersedia untuk membuat khemah itu. Allah berfirman, ‘Pastikan bahawa engkau membuat segalanya menurut contoh yang ditunjukkan kepadamu di atas gunung itu.’ [6] Tetapi sekarang Dia telah mendapat jawatan yang lebih tinggi, kerana Dia juga menjadi Pengantara bagi perjanjian yang lebih baik, yang diasaskan pada janji-janji yang lebih baik.

[7] Andainya perjanjian pertama itu tidak bercela, tidaklah perlu diadakan perjanjian lagi. [8] Tetapi Allah telah mendapati mereka bercela lalu berfirman:

‘Lihatlah, akan tiba harinya, firman Tuhan,
apabila Aku membuat perjanjian baru
dengan kaum Israel
dan dengan kaum Yahuda —
[9] tidak seperti perjanjian
yang telah Kubuat dengan nenek
moyang mereka
ketika Aku membimbing tangan mereka
untuk membawa mereka keluar dari
tanah Mesir,
kerana mereka tidak terus-menerus
memegang janji-Ku,
lalu Aku berpaling daripada mereka;
demikian firman Tuhan.
[10] Inilah perjanjian yang akan Kubuat
dengan kaum Israel
selepas zaman itu, Tuhan berfirman.
Aku akan meletakkan hukum-Ku di dalam
fikiran mereka
dan menuliskannya di hati mereka;
Aku akan menjadi Allah Tuhan mereka,
dan mereka akan menjadi umat-Ku.
[11] Tiada seorang pun daripada mereka
akan mengajar jirannya atau

saudaranya dengan berkata,
“Kenalilah Tuhan,”
kerana semuanya akan mengenal-Ku,
daripada yang terkecil kepada yang
terbesar antara mereka.
12 Aku akan berbelas kasihan terhadap
kesalahan mereka;
dan dosa serta perbuatan mereka
yang ingkar tidak akan
Kuingati lagi.’

13 Dengan menyebut ‘perjanjian baru,’ Tuhan telah menjadikan perjanjian pertama dahulu tidak terpakai lagi. Sesuatu yang kian tidak terpakai dan usang sudah sampai masanya untuk lenyap.

9 *Ibadat di bumi dan di syurga*

1 Perjanjian pertama itu mempunyai rukun-rukun ibadat dan tempat suci di bumi. 2 Suatu khemah telah disediakan: di bahagian pertama terdapat kaki pelita, meja dan persembahan roti; ini disebut Tempat Suci. 3 Di balik tirai kedua ialah bahagian khemah yang disebut Tempat Paling Suci. 4 Di situ terdapat perasapan emas, peti perjanjian yang bersalut emas, bokor emas yang berisi manna, tongkat Harun yang bertunas, dan loh-loh perjanjian. 5 Di atasnya kerub kemuliaan yang menaungi tempat belas kasihan. Perkara ini tidak dapat diperkatakan satu persatu sekarang.

6 Setelah segala ini disediakan, imam-imam sentiasa masuk ke bahagian pertama khemah itu dan menyempurnakan ibadatnya. 7 Tetapi ke bahagian kedua, Imam Besar masuk seorang diri setahun sekali sahaja, tidak boleh tidak membawa darah, yang dipersembahkannya untuk dosa dirinya dan untuk dosa orang lain yang dilakukan akibat kejahilan. 8 Roh Suci membayangkan bahawa jalan masuk ke Tempat Paling Suci tidak dinyatakan selagi bahagian pertama khemah masih tetap berdiri. 9 Ini melambangkan zaman ini, ketika persembahan dan korban dipersembahkan tetapi tidak menjadikan orang yang menjalankan ibadat itu sempurna dari segi hati nurani. 10 Semua ini hanya soal makanan dan minuman, pelbagai upacara pembasuhan iaitu peraturan-peraturan lahiriah yang dikenakan hingga sampai masa pembaharuan.

Al-Masih Pengantara manusia

11 Tetapi al-Masih datang sebagai Imam Besar bagi perkara-perkara baik yang akan datang, dengan khemah yang lebih besar dan lebih sempurna, yang bukan buatan manusia, bukan sebahagian daripada kejadian alam. 12 Bukan dengan darah kambing atau anak lembu, tetapi dengan darah-Nya sendiri, Dia masuk ke dalam Tempat Paling Suci, sekali untuk selama-lamanya, kerana Dia mendapatkan penebusan yang kekal. 13 Jika darah lembu jantan dan kambing serta abu lembu betina muda yang direnjiskan ke atas orang bernajis dapat menyucikan badannya, 14 lebih-lebih lagilah darah al-Masih, yang melalui Roh kekal mempersembahkan diri-Nya tanpa cela kepada Allah, menyucikan hati nuranimu daripada perbuatan yang mati supaya kamu dapat beribadat kepada Allah yang hidup.

15 Itulah sebabnya Dia menjadi Pengantara bagi perjanjian baru, melalui kematian, untuk menebus kesalahan di bawah perjanjian pertama, supaya mereka yang dipanggil dapat menerima janji warisan yang kekal.

16 Apabila ada wasiat, semestinya ada kematian pewasiat. 17 Wasiat berkuatkuasa selepas kematian seseorang, kerana langsung tiada kuasanya selagi pewasiat masih hidup. 18 Perjanjian pertama itupun tidaklah ditentukan tanpa darah. 19 Setelah Musa menyampaikan segala ajaran kepada semua orang menurut hukum Taurat, dia mengambil darah anak lembu dan kambing, dengan air, bulu domba berwarna merah dan zufa, lalu merenjiskan ke atas kitab serta semua orang, 20 sambil berkata: ‘Ini darah bagi perjanjian yang telah diperintahkan Allah kepadamu.’ 21 Selepas itu dia merenjiskan juga darah ke atas khemah dan segala alat ibadat. 22 Menurut hukum Taurat hampir segala-galanya disucikan dengan darah, dan tanpa darah tidak ada pengampunan.

23 Salinan segala yang terdapat di syurga perlu disucikan dengan ini, tetapi segala yang di syurga

itu sendiri memerlukan korban yang lebih mulia. [24] Al-Masih tidaklah masuk ke tempat suci yang
dibuat dengan tangan manusia, iaitu salinan tempat suci sejati. Dia telah masuk ke syurga itu sendiri,
ke hadirat Allah untuk kita. [25] Dia tidak perlu mempersembahkan diri-Nya berkali-kali, sebagaimana
Imam Besar masuk ke Tempat Paling Suci setiap tahun dengan membawa darah makhluk
lain. [26] Andainya demikian, terpaksalah Dia menderita berkali-kali sejak permulaan dunia. Dia tampil
sekali sahaja, sewaktu akhir zaman ini, untuk menghapuskan dosa dengan mengorbankan diri-
Nya. [27] Sebagaimana manusia ditentukan mati sekali, dan selepas itu dihakimkan, [28] begitulah al-
Masih telah dikorbankan sekali untuk dosa semua manusia. Kepada mereka yang menunggu-Nya
dengan penuh pengharapan, Dia akan datang bagi kali kedua, bukan untuk menanggung dosa tetapi
untuk menyelamatkan mereka.

10 *Korban al-Masih yang sempurna*

[1] Hukum hanya bayang-bayang perkara baik yang akan datang, bukan hakikat perkara itu sendiri.
Dengan demikian hukum itu sekali-kali tidak akan dapat menyempurnakan orang yang
mempersembahkan korban-korban yang demikian itu tahun demi tahun. [2] Andainya dapat, tidakkah
persembahan itu dihentikan? Sekiranya orang yang beribadat itu telah disucikan, mereka tidaklah
merasa diri mereka berdosa lagi. [3] Tetapi segala korban itu mengingatkan tentang adanya dosa setiap
tahun. [4] Tidaklah mungkin darah lembu jantan dan kambing dapat menghapuskan dosa.

[5] Oleh itu, apabila al-Masih datang ke dunia, Dia berkata:

‘Korban dan persembahan tidak Kauingini,

tetapi Engkau telah menyediakan

tubuh bagi-Ku.

[6] Persembahan dan korban bakaran penghapus dosa tidak Kauredai.

[7] Kemudian Aku berkata, “Lihatlah,

Aku telah datang —

dalam naskhah kitab tersurat

tentang-Ku —

untuk melakukan kehendak-Mu,

Ya Allah.” ’

[8] Mula-mula Dia berkata, ‘Korban dan persembahan bakaran, dan persembahan untuk menebus
dosa, tidak Kauingini dan tidak Kauredai,’ (iaitu yang dipersembahkan menurut Hukum). [9] Kemudian
Dia berkata, ‘Lihatlah, Aku telah datang untuk melakukan kehendak-Mu, Ya Allah.’ Dia menyingkirkan
yang pertama untuk mengasaskan yang kedua. [10] Dengan kehendak Allah itu kita telah disucikan
melalui persembahan tubuh Isa al-Masih, sekali untuk selama-lamanya. [11] Setiap imam berdiri dan
beribadat setiap hari serta mempersembahkan berkali-kali korban yang serupa, yang sampai bila-bila
pun tidak akan dapat menghapuskan dosa. [12] Tetapi Imam ini, setelah Dia mempersembahkan satu
korban untuk menebus dosa selama-lamanya, duduk di sebelah kanan Allah. [13] Dari saat itu Dia
menanti hingga musuh-musuh-Nya dijadikan alas kaki-Nya. [14] Dengan satu persembahan Dia telah
menyempurnakan untuk selama-lamanya semua orang yang disucikan.

[15] Roh Suci juga memberi kesaksian kepada kita; kerana setelah Dia berfirman,

[16] ‘Inilah perjanjian yang akan Kubuat

dengan mereka selepas zaman itu,

Tuhan berfirman:

Aku akan meletakkan hukum-Ku

di hati mereka

dan menuliskannya di dalam

fikiran mereka.’

[17] Dia menambah,

‘Dosa dan perbuatan mereka yang ingkar
tidak akan Kuingati lagi.’
18 Setelah ada pengampunan, tidaklah ada lagi persembahan untuk menebus dosa.

Bertekun selalu

19 Oleh itu, saudara-saudara, kita telah mempunyai keberanian untuk masuk ke Tempat Paling
Suci melalui darah Isa, 20 melalui jalan yang baru dan hidup, yang dibukakan-Nya untuk kita,
menerusi tirai, iaitu tubuh-Nya. 21 Kita mempunyai Imam Besar di atas isi rumah Allah. 22 Maka marilah
kita hampir dengan hati yang tulus dan iman yang teguh sepenuhnya. Hati kita telah direnjis sehingga
suci daripada kejahatan dan tubuh kita telah dibasuh dengan air yang bersih. 23 Marilah kita
berpegang teguh kepada pengakuan harapan kita tanpa berganjak, kerana Dia yang berjanji sentiasa
setia. 24 Marilah kita saling perhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang
baik. 25 Jangan berhenti daripada berhimpun, seperti yang dilakukan oleh setengah-setengah orang.
Nasihatilah sesama sendiri, terutamanya setelah kamu sedar Hari Tuhan itu kian hampir.

26 Jika kita sengaja melakukan dosa setelah kita mengenal kebenaran, tiada lagi korban untuk
menebus dosa. 27 Yang ada hanyalah ketakutan menanti hukuman, dan api kemurkaan yang akan
memusnahkan semua yang ingkar. 28 Sesiapa yang menolak hukum Musa mati tanpa belas kasihan
atas kesaksian dua atau tiga orang saksi. 29 Pada hematmu, betapakah lebih dahsyatnya hukuman
yang dianggap setimpal bagi orang yang telah melanyak Putera Allah di bawah kakinya, memandang
ringan kepada darah perjanjian yang telah menyucikannya, dan menghina Roh kasih kurnia? 30 Kita
mengenal Dia yang berfirman, ‘Pembalasan adalah hak-Ku, Aku akan membalas, demikian firman
Tuhan.’ Dan juga, ‘Tuhan akan menghakimi umat-Nya.’ 31 Sungguh dahsyatnya jatuh ke tangan Allah
yang hidup.

32 Tetapi ingatlah masa silam, ketika kamu diberi cahaya kebenaran, kemudian kamu dengan
ketetapan yang gigih menanggung penderitaan yang hebat; 33 sebahagiannya apabila kamu sendiri
diaibkan di khalayak ramai dengan celaan serta seksaan, dan sebahagiannya apabila kamu menjadi
teman mereka yang diperlakukan demikian. 34 Kamu telah merasakan belas kasih terhadap mereka
yang terpenjara. Kamu telah menerima dengan sukacita apabila hartamu dirampas, kerana kamu tahu
bahawa kamu mempunyai milik yang lebih baik dan kekal di syurga.

35 Oleh itu janganlah buangkan keyakinanmu, yang akan diberi ganjaran besar. 36 Kamu perlu
tabah menderita. Dengan demikian, setelah kamu melakukan kehendak Allah, kamu dapat menerima
janji itu:

37 ‘Seketika sahaja lagi, Dia yang akan datang itu akan sampai tanpa berlengah-lengah.
38 Sekarang orang yang benar akan hidup dengan iman;
Tetapi jika sesiapa undur,
jiwa-Ku tidak meredainya.’
39 Tetapi kita bukanlah antara mereka yang undur ke arah kebinasaan, tetapi antara mereka yang
beriman dan diselamatkan.

11 *Berasaskan iman*

1 Iman adalah kepastian akan perkara-perkara yang diharapkan, keyakinan akan perkara-perkara
yang tidak dilihat. 2 Melaluinya nenek moyang kita telah dipuji.

3 Melalui iman kita mengerti bahawa seluruh alam dibentuk dengan firman Allah. Nyatalah bahawa
segala yang dilihat sekarang tidak dicipta daripada benda yang dapat dilihat.

4 Melalui iman Habil telah mempersembahkan kepada Allah korban yang lebih baik daripada yang
dipersembahkan oleh Kabil. Dengan demikian dia mendapat kesaksian bahawa dia seorang yang
warak; Allah memberikan kesaksian tentang persembahannya. Oleh itu setelah Habil mati pun, dia
masih berkata-kata.

5 Melalui iman Henokh (juga disebut Idris) dipindahkan supaya dia tidak mengalami kematian, ‘dan
tidak dapat dijumpai kerana Allah telah memindahkannya’; kerana sebelum dia dipindahkan, dia telah
menerima kesaksian, bahawa dia mendapat keredaan Allah. 6 Tetapi tanpa iman, mustahil didapati
keredaan-Nya. Sesiapa yang datang kepada Allah mestilah beriman bahawa Allah wujud dan Dia

memberikan ganjaran kepada mereka yang berusaha untuk mencari-Nya.

[7] Melalui iman, Nuh yang diberi amaran tentang perkara-perkara yang belum dilihat telah
bertindak dengan rasa takut akan Allah. Nuh telah menyediakan bahtera untuk menyelamatkan seisi
rumahnya. Dengan demikian dia telah mempersalahkan dunia dan mewarisi kebenaran menurut iman.

[8] Melalui iman Ibrahim taat apabila disuruh pergi ke tempat yang kemudian diterimanya sebagai
warisannya. Dia pergi tanpa mengetahui ke mana dia pergi. [9] Melalui iman dia tinggal di tanah yang
dijanjikan itu seperti di negara asing. Dia tinggal di khemah-khemah dengan Ishak dan Yakub, yang
bersamanya menjadi waris janji itu; [10] kerana dia menanti kota yang berasas, yang dibina dan dicipta
oleh Allah.

[11] Melalui iman Sarah juga mendapat kekuatan untuk mengandungkan benih lalu melahirkan anak
padahal usianya sudah lanjut; kerana dia yakin bahawa Dia yang berjanji itu setia. [12] Oleh itu daripada
seorang lelaki yang dianggap hampir dengan maut, telah lahir keturunan sebanyak bintang-bintang di
langit, tidak terkira bilangannya seperti butir-butir pasir di pantai.

[13] Semua mereka ini telah mati dalam iman. Mereka belum menerima janji itu. Akan tetapi setelah
melihatnya pada masa yang akan datang mereka yakin terhadapnya, dan mengakui mereka orang
asing dan musafir di muka bumi ini. [14] Mereka yang berkata demikian menyatakan terang-terang
bahawa mereka sedang mencari tempat untuk dijadikan tanah air mereka. [15] Sesungguhnya, kalaulah
mereka teringat akan negara yang telah mereka tinggalkan dahulu, mereka akan mendapat peluang
untuk kembali. [16] Tetapi kini mereka inginkan tempat yang lebih baik, iaitu di syurga. Oleh itu Allah
tidak malu disebut sebagai Allah Tuhan mereka; Dia telah menyediakan sebuah kota untuk mereka.

[17] Melalui iman Ibrahim, apabila diuji, menyerahkan Ishak sebagai korban; dia yang menerima
janji-janji itu mempersembahkan anak lelakinya yang tunggal. [18] Tentang anak itu telah disebutkan,
'Dalam Ishak, benih keturunanmu akan dipanggil.' [19] Allah berkuasa membangkitkannya daripada
kematian; dan secara perlambangan dia telah menerimanya semula daripada kematian.

[20] Melalui iman, Ishak telah memberkati Yakub dan Esau berkenaan perkara-perkara yang akan
datang.

[21] Melalui iman, Yakub ketika akan mati telah memberkati setiap orang anak lelaki Yusuf lalu
menyembah sambil bersandar kepada kepala tongkatnya.

[22] Melalui iman Yusuf, apabila hampir sampai ajalnya, telah menyebut pemergian kaum Israel dan
berpesan tentang tulang-tulangnya.

[23] Melalui iman Musa telah disembunyikan oleh ibu bapanya selama tiga bulan sejak lahirnya,
kerana mereka melihat bahawa dia seorang bayi yang berparas istimewa dan mereka tidak takut akan
perintah raja.

[24] Melalui iman Musa, setelah besar, tidak mahu disebut anak kepada puteri Firaun. [25] Dia memilih
untuk menanggung kesusahan bersama umat Allah daripada menikmati nikmat sementara melakukan
dosa. [26] Baginya celaan yang ditanggung al-Masih lebih berharga daripada seluruh kekayaan Mesir;
kerana dia berharap mendapat ganjaran. [27] Melalui iman dia meninggalkan Mesir, tanpa takut akan
kemurkaan raja; kerana hatinya teguh seolah-olah dia melihat Allah yang tidak mungkin
dilihat. [28] Melalui iman dia mengadakan perayaan Paska dan perenjisan darah, supaya pembunuh
anak-anak sulung tidak menyentuh anak-anak sulung Israel.

[29] Melalui iman mereka menyeberangi Laut Merah seolah-olah berjalan di darat, sedangkan orang
Mesir yang cuba berbuat demikian mati lemas.

[30] Melalui iman tembok Yerikho telah roboh setelah dikepung tujuh hari.

[31] Melalui iman wanita pelacur yang bernama Rahab tidak musnah bersama orang yang tidak
beriman, setelah dia menyambut para perisik dalam sejahtera.

[32] Apa lagi yang harus kukatakan? Aku kesuntukan waktu untuk bercerita tentang Gideon, Barak,
Simson, Yefta, Daud, Samuel dan nabi-nabi, [33] yang melalui iman telah menaklukkan kerajaan,
menegakkan keadilan, mendapatkan janji, menutup mulut singa, [34] memadamkan api yang ganas,
terselamat daripada mata pedang, menjadi berani dalam peperangan, mengusir tentera-tentera
asing. [35] Ada wanita yang mendapat kembali ahli keluarganya yang telah mati dan dihidupkan semula.
Ada orang yang diseksa tetapi tidak mahu diselamatkan kerana mereka ingin mendapat kebangkitan
yang lebih baik. [36] Setengah-setengahnya pula menghadapi dugaan dengan diejek, dipukul, dirantai

dan dipenjarakan. [37] Mereka direjam dengan batu, digergaji putus dua; mereka digoda, dan dibunuh
dengan pedang. Mereka merayau-rayau berpakaian kulit kambing dalam keadaan papa, menderita,
terseksa — [38] dunia tidak layak menampung mereka. Mereka merayau-rayau di gurun dan gunung-
ganang, di gua-gua serta lubang-lubang di tanah.

[39] Semua mereka ini, sungguhpun mendapat kesaksian yang baik melalui iman, tidak menerima
janji itu. [40] Allah telah menyediakan sesuatu yang lebih baik untuk kita, supaya mereka tidak
disempurnakan tanpa kita.

12 *Teguh dalam iman*

[1] Oleh itu kita juga, yang dikelilingi dengan sebegitu ramainya saksi, hendaklah menjauhi beban dan
dosa yang amat mudah menjerat kita, dan berlari dengan gigih dalam perlumbaan yang ditentukan
bagi kita. [2] Kita harus meneladani Isa, yang mewujudkan dan menyempurnakan iman kita. Untuk
kebahagiaan yang ditentukan bagi-Nya, Dia telah menanggung seksa salib, tanpa menghiraukan
pengaiban itu, dan sekarang Dia duduk di sebelah kanan takhta Allah. [3] Fikirkanlah Dia yang tabah
menderita apabila orang berdosa memusuhi-Nya, supaya kamu tidak berasa bosan dan tawar hati.

[4] Dalam perjuangan melawan dosa, kamu belum lagi bertahan sehingga tumpah darahmu. [5] Kamu
telah melupakan nasihat yang disampaikan kepadamu seperti kepada anak-anak sendiri:

‘Anakku, jangan pandang ringan
pengajaran Tuhan,
dan jangan tawar hati apabila
Dia menegurmu,
[6] Kerana Tuhan mengajari orang yang dikasihi-Nya,
Dan menghukum sesiapa yang
diterima-Nya sebagai anak.’

[7] Jika kamu tahan diajari, Allah memperlakukan kamu sebagai anak; kerana anak manakah yang
tidak diajari oleh bapanya? [8] Tetapi jika kamu tidak diajari, sedangkan orang lain menerima
pengajaran, maka kamu adalah anak haram dan bukanlah anak yang sah. [9] Tambahan pula, kita
mempunyai bapa di dunia yang mengajari kita dan kita menghormati mereka. Tidakkah sepatutnya
kita lebih rela lagi tunduk kepada Bapa segala roh untuk hidup? [10] Bapa kita di dunia mengajari kita
beberapa waktu menurut apa yang terasa baik bagi mereka. Tetapi Tuhan mengajari kita untuk
menguntungkan kita, supaya kita mendapat sebahagian kesucian-Nya. [11] Tiada pengajaran yang
menggembirakan ketika dilaksanakan; semuanya terasa teruk. Tetapi kemudiannya pengajaran itu
menghasilkan kebenaran yang mendatangkan rasa aman kepada mereka yang telah dididik
dengannya.

[12] Oleh itu, kuatkanlah tangan yang lesu dan lutut yang lemah, [13] serta buatkan lorong yang lurus
bagi kakimu, supaya yang tempang tidak terpelecok tetapi sembuh.

Amaran terhadap mereka yang menolak Tuhan

[14] Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada
sesiapapun dapat melihat Tuhan. [15] Awaslah, jangan sampai ada sesiapapun yang tidak mendapat
kasih kurnia Allah. Jangan biarkan kepahitan menimbulkan kekacauan, sehingga ramai yang
tercemar. [16] Janganlah ada di antaramu penzina atau pencinta dunia seperti Esau, yang menjualkan
hak warisannya untuk sesuap makanan. [17] Kamu ketahui bahawa kemudiannya, apabila dia hendak
mewarisi berkat itu, dia ditolak, kerana dia tidak mendapat ruang untuk bertaubat, walaupun dia
memohon berkat itu dengan air mata.

[18] Kamu tidak pernah datang ke gunung yang dapat disentuh dan menyala dengan api, ke dalam
gelap-gelita serta ribut taufan, [19] dan bunyi sangkakala bersama suara yang menuturkan kata-kata,
sehingga sekalian yang mendengarnya merayu supaya kata-kata itu tidak dilafazkan lagi kepada
mereka. [20] Mereka tidak tahan mendengar apa yang diperintahkan: ‘Jika seekor binatang pun
menyentuh gunung ini, ia mesti direjam dengan batu atau ditembusi dengan anak
panah.’ [21] Penglihatan itu begitu menggerunkan sehingga Musa berkata, ‘Aku amat ketakutan dan
menggeletar.’

22 Tetapi kamu telah datang ke Gunung Sion dan ke kota Allah yang hidup, Baitulmaqdis yang di
syurga, kepada para malaikat yang tidak terkira banyaknya, 23 ke perhimpunan besar dan ke jemaah
anak sulung yang didaftarkan di syurga, kepada Allah Hakim ke atas sekaliannya, kepada roh-roh
orang benar yang telah disempurnakan, 24 kepada Isa, Pengantara perjanjian baru, dan kepada darah
renjisan yang menuturkan perkara-perkara yang lebih baik daripada darah Habil.

Kerajaan yang tidak dapat diruntuhkan

25 Jangan sekali-kali kamu ingkar kepada Dia yang bersuara. Mereka yang ingkar kepada Dia
yang bersuara di bumi tidak dapat lari daripada kebinasaan. Lebih-lebih lagi dengan kita, jika kita
berpaling daripada Dia yang bersuara dari syurga. 26 Dulu suara-Nya menggoncang bumi. Tetapi
sekarang Dia telah berjanji: 'Sekali lagi Aku menggoncang bukan sahaja bumi tetapi juga
syurga.' 27 'Sekali lagi' ini bermaksud bahawa segala yang digoncang, iaitu semua benda buatan akan
dihapuskan manakala segala yang tidak dapat digoncang akan tetap wujud.

28 Oleh sebab kita menerima sebuah kerajaan yang tidak dapat digoncang, biarlah kita mendapat
kasih kurnia, kerana dengannya kita dapat menjalankan kehendak Allah secara yang diredai-Nya,
dengan penuh hormat dan takut akan Dia. 29 Allah Tuhan kita adalah api yang menghanguskan.

13 *Nasihat akhir*

1 Pastikan kasih persaudaraan berpanjangan. 2 Jangan lupa meraikan orang asing, kerana dengan
berbuat demikian ada orang yang telah meraikan para malaikat tanpa mengetahuinya. 3 Ingatlah
kepada orang yang terpenjara seolah-olah kamu terantai bersama mereka; kenanglah orang yang
dianiaya seolah-olah kamu juga dianiaya, kerana kamu dan mereka adalah satu.

4 Hendaklah perkahwinan dianggap mulia oleh semua, dan tempat tidur dijaga supaya tidak
tercemar kerana Allah akan menghukum penzina baik yang bujang mahupun yang sudah berkahwin
dan mengkhianati pasangannya. 5 Jaga kelakuanmu supaya jangan mengejar kebendaan; kamu harus
merasa cukup dengan apa yang ada padamu. Dia Sendiri telah berjanji:

'Aku tidak sekali-kali akan meninggalkanmu
Aku tidak sekali-kali akan
membiarkanmu.'

6 Oleh itu kita boleh berkata dengan bersemangat:

'Tuhan Penolongku; Aku tidak akan takut.
Apa yang dapat dilakukan manusia
kepadaku?'

7 Ingatlah mereka yang menjadi ketuamu yang telah menyampaikan firman Allah kepadamu.
Teladani iman mereka, perhatikan hasil jalan hidup mereka. 8 Isa al-Masih tetap sama kelmarin, hari
ini dan selama-lamanya.

9 Jangan terikut-ikut pelbagai ajaran yang berlainan daripada ajaran yang benar. Tetapkan hati
dengan kasih kurnia Allah, bukan dengan makanan yang tidak menguntungkan mereka yang asyik
dengannya. 10 Kita mempunyai tempat persembahan di mana orang yang menjalankan ibadat khemah
tidak berhak makan sesuatu daripadanya.

11 Bangkai semua binatang, yang darahnya dibawa masuk ke tempat suci oleh Imam Besar untuk
menebus dosa, dibakar di luar perkhemahan. 12 Oleh itu Isa juga, untuk menyucikan umat manusia
dengan darah-Nya sendiri, menderita di luar pintu gerbang. 13 Dengan demikian marilah kita pergi
mendapatkan-Nya, di luar perkhemahan, dan menanggung celaan yang dideritai-Nya. 14 Di sini kita
tidak ada kota kekal, tetapi kita berusaha mendapatkan kota yang akan datang.

Korban yang diredai Allah

15 Oleh itu melalui-Nya marilah kita terus-menerus mempersembahkan korban iaitu pujian kepada
Allah, sebagai buah-buahan hasil bibir kita, sambil bersyukur kepada nama-Nya. 16 Tetapi jangan lupa
berbuat baik dan berkongsi, kerana korban demikianlah yang diredai Allah.

17 Taati ketua-ketuamu, dan hendaklah kamu bersikap patuh, kerana mereka mengawasi
keselamatan rohanimu, sebagai orang yang dipertanggungjawabkan kelak atas perlakuanmu.

Pastikanlah bahawa mereka melakukannya dengan sukacita, bukan dengan dukacita kerana itu tidak akan membawa keuntungan kepadamu.

18 Doakanlah kami; kerana kami yakin hati nurani kami bersih, ingin hidup bermaruah dalam segala hal. 19 Tetapi aku terutamanya mendesakmu berbuat demikian, supaya aku dikembalikan ke kalanganmu lebih awal.

Doa berkat

20 Semoga Allah Tuhan kesejahteraan yang telah membangkitkan Junjungan kita Isa daripada kematian, Gembala yang mulia itu, melalui darah perjanjian kekal, 21 melengkapkan kamu dalam setiap kerja kebajikan untuk melakukan kehendak-Nya, mengusahakan dalam dirimu apa yang diredai-Nya, melalui Isa al-Masih, bagi-Nya kemuliaan selama-lamanya. Amin.

22 Aku merayu kepadamu, saudara-saudara, dengarlah nasihatku ini dengan sabar, kerana aku menulis ringkas sahaja kepadamu.

23 Ketahuilah bahawa saudara kita Timotius telah dibebaskan. Aku akan menemui kamu bersamanya jika dia datang segera.

24 Sampaikan salamku kepada semua ketuamu dan saudara seiman kita. Saudara-saudara dari Itali berkirim salam kepadamu.

25 Semoga kasih kurnia Allah menyertai kamu sekalian. Amin.

Yakobus

1 [1] Surat ini daripada Yakobus, hamba Allah dan hamba Junjungan Isa al-Masih,
Kepada dua belas suku yang tersebar di serata dunia:
Sambutlah salam daripadaku.

Cubaan dan godaan

[2] Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, [3] kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan. [4] Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun. [5] Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka. [6] Akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. [7] Orang seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; [8] pendiriannya tidak tetap dan dia sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu;

[9] Saudara yang hidup dalam keadaan sederhana patut bermegah dengan kedudukannya yang tinggi. [10] Orang yang kaya pula patut bermegah dengan kedudukannya yang rendah, kerana dia boleh lenyap laksana bunga rumput. [11] Sewaktu matahari meninggi, sinarnya yang panas menyebabkan bunga itu layu dan gugur lalu musnah keindahannya. Begitulah halnya dengan orang kaya yang akan lenyap ketika mengurus perniagaannya.

[12] Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya.

[13] Sekiranya seseorang tergoda ketika menghadapi cubaan demikian, tidaklah wajar dia berkata, ‘Godaan ini datang daripada Allah.’ Allah tidak dapat digoda oleh kejahatan dan Allah tidak menggoda sesiapa. [14] Seseorang tergoda kerana terjerat oleh nafsu jahatnya sendiri. [15] Apabila dia menurutkan nafsu jahatnya itu, wujudlah dosa; dan dosa yang matang akan membawa kepada kematian.

[16] Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah terpedaya. [17] Segala pemberian yang baik dan sempurna diturunkan dari syurga oleh Bapa, sumber segala cahaya. Dia tidak berubah dan tidak seperti bayangan yang berubah-ubah bentuknya. [18] Dengan kehendak-Nya Dia mencipta kita melalui firman-Nya yang benar. Dengan demikian kita menjadi yang sulung antara semua makhluk-Nya.

Pendengar dan pelaku

[19] Saudara-saudara yang kukasihi, sebagaimana kamu tahu, seseorang haruslah cepat mendengar, lambat bercakap, dan lambat menjadi marah. [20] Orang yang marah tidak dapat melakukan perbuatan yang benar dan diredai Allah. [21] Oleh itu, kikislah segala tabiat buruk dan kelakuan jahat. Kemudian terimalah firman yang disemaikan-Nya ke dalam hatimu dengan rendah hati, kerana firman itu dapat menyelamatkanmu.

[22] Namun, jangan tipu dirimu dengan hanya mendengar firman; lakukanlah firman itu. [23] Seseorang yang mendengar firman tetapi tidak melakukannya adalah ibarat orang yang berdiri di hadapan cermin, [24] meneliti dirinya, kemudian pergi dari situ dan terus lupa akan rupanya. [25] Namun, orang yang meneliti hukum yang sempurna, iaitu hukum yang dapat membebaskan manusia, dan melakukannya, akan diberkati dalam segala tindakannya, kerana dia tidak hanya mendengar lalu melupakannya.

[26] Jika seseorang menganggap dirinya taat beribadat tetapi tidak mengekang lidahnya, maka ibadatnya sia-sia dan dia menipu diri sendiri. [27] Allah Bapa berfirman bahawa ibadat yang murni dan tulen ialah: menolong anak yatim piatu dan balu yang menanggung kesusahan, serta menjaga diri daripada dicemari kejahatan dunia.

2 *Pilih kasih dilarang*

1 Saudara-saudaraku, sebagai orang yang beriman kepada Junjungan kita Isa al-Masih yang mulia
itu, janganlah amalkan sikap pilih kasih. 2 Andaikan dua orang datang ke tempat pertemuanmu, yang
seorang kaya, berpakaian indah, bercincin emas; yang seorang lagi miskin, berpakaian buruk. 3 Kamu
menyambut orang kaya itu dengan hormat sambil berkata, ‘Silakan duduk di tempat terbaik ini.’
Sebaliknya, kepada orang miskin itu kamu berkata, ‘Berdiri di sana’ atau ‘Duduk di atas lantai dekat
kakiku.’ 4 Dengan demikian, kamu membeza-bezakan orang dan menjadi hakim yang berfikiran jahat.

5 Ketahuilah, saudara-saudara yang kukasihi, Allah telah memilih orang miskin di dunia ini menjadi
orang yang kaya dalam iman. Mereka akan menikmati kerajaan Allah sebagaimana telah dijanjikan-
Nya kepada orang yang mengasihi-Nya. 6 Kamu menghina orang miskin, sedangkan orang kayalah
yang menindasmu, menyeretmu ke mahkamah, 7 dan menghina nama mulia yang kamu terima
daripada Tuhan.

8 Kamu melakukan apa yang benar jika kamu mematuhi hukum kerajaan Allah yang tersurat di
dalam Kitab Suci, ‘Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu
sendiri.’ 9 Sebaliknya, jika kamu memperlakukan orang berasaskan keadaan lahir, kamu berdosa, dan
menurut hukum, kamu melanggar hukum. 10 Melanggar satu perintah Taurat bererti melanggar seluruh
hukum, 11 kerana Allah yang berfirman, ‘Jangan berzina,’ juga berfirman, ‘Jangan membunuh.’ Dengan
demikian, walaupun kamu tidak berzina, namun sekiranya kamu membunuh, maka kamu telah
melanggar hukum.

12 Dalam perkataan dan tindakanmu, ingatlah bahawa kamu akan diadili berdasarkan hukum-
hukum yang membebaskan manusia. 13 Orang yang tidak mengamalkan belas kasihan akan dihukum
tanpa diberi belas kasihan, tetapi mereka yang mengamalkan belas kasihan tidak akan takut diadili.

Iman dan perbuatan

14 Saudara-saudaraku, apa gunanya seorang berkata, ‘Aku beriman,’ jika dia tidak membuktikan
imannya melalui perbuatannya? Iman sedemikian tidak dapat menyelamatkannya. 15 Katakanlah
seorang saudara lelaki atau saudara perempuan memerlukan pakaian dan kekurangan
makanan. 16 Apakah gunanya kamu berkata kepadanya, ‘Selamat jalan, pakailah baju panas dan
makanlah secukupnya,’ jika kamu tidak menghulurkan keperluan sehari-hari itu
kepadanya? 17 Demikian juga dengan iman, jika tidak dinyatakan melalui perbuatan, maka sia-sialah
iman itu.

18 Mungkin ada orang yang berkata, ‘Kamu mempunyai iman; aku mempunyai perbuatan.’

Tunjukkan kepadaku seorang yang beriman tetapi tidak mengamalkan perbuatan baik, maka
dengan perbuatan baikku akan kutunjukkan bahawa aku beriman. 19 Kamu beriman kepada Allah
Yang Esa. Bagus! Roh-roh iblis juga beriman demikian dan gementar ketakutan.

20 Alangkah tumpul fikiranmu, mengapakah kamu memerlukan bukti bahawa iman tanpa
perbuatan baik itu sia-sia sahaja? 21 Apakah sebabnya Allah meredai moyang kita Ibrahim? Allah
meredainya kerana perbuatannya, iaitu mempersembahkan anaknya Ishak sebagai korban kepada
Allah. 22 Tidak jelaskah kepadamu bahawa Ibrahim menunjukkan imannya melalui perbuatannya?
Dengan demikian, sempurnalah iman Ibrahim. 23 Hal itu selaras dengan ayat di dalam Kitab Suci:
‘Ibrahim percaya kepada Allah, maka hal itu diperhitungkan kepadanya sebagai kebenaran.’ Oleh itu
Ibrahim dipanggil sahabat Allah. 24 Nyatalah bahawa Allah meredai seseorang itu kerana
perbuatannya, bukan imannya semata-mata.

25 Demikian juga dengan Rahab, wanita pelacur itu. Allah meredai Rahab kerana perbuatannya:
Rahab menyambut pengintip-pengintip Israel dan membantu mereka melarikan diri melalui jalan
lain. 26 Tubuh tanpa roh, tubuh yang mati. Begitu jugalah, iman tanpa perbuatan, iman yang mati.

3 *Mengawal lidah*

1 Saudara-saudaraku, seharusnya hanya segelintir daripadamu berusaha untuk menjadi guru. Kamu
tahu bahawa kita yang menjadi guru akan diadili dengan lebih keras daripada orang lain. 2 Kita semua
selalu melakukan kesalahan. Sekiranya seseorang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan
melalui tutur katanya, maka dia itu seorang yang sempurna. Dia dapat menguasai seluruh dirinya.

3 Kita memasang kekang pada mulut kuda supaya kuda menurut kemahuan kita. Dengan kekang,
kita dapat mengendalikan kuda. 4 Begitu juga dengan kapal, walaupun besar dan digerakkan oleh

angin kencang, tetapi kapal hanya dikendalikan oleh kemudi yang amat kecil. Kapal bergerak ke arah
yang ditentukan oleh jurumudi. [5] Demikianlah dengan lidah kita, walaupun kecil, namun dapat
bermegah tentang hal-hal yang besar. Betapa luasnya hutan yang dapat dibakar oleh api yang amat
kecil. [6] Lidah laksana api. Lidah kita ibarat dunia yang dikuasai kejahatan dan memenuhi seluruh diri
kita dengan kejahatan. Lidah menghanguskan hidup kita dengan api dari neraka.

[7] Manusia dapat dan sudahpun menjinakkan makhluk lain — binatang buas, burung, haiwan
menjalar, dan binatang-binatang di laut. [8] Akan tetapi tiada sesiapapun dapat menjinakkan lidah
manusia. Lidah itu jahat, tidak dapat dikuasai, dan penuh dengan racun yang membunuh.

[9] Kita menggunakan lidah untuk memuji Tuhan dan Bapa kita, tetapi juga untuk mengutuk sesama
manusia yang telah dicipta menurut gambaran Allah. [10] Kata-kata berkat dan kata-kata kutukan lahir
daripada mulut yang sama. Ini tidak sepatutnya berlaku, saudara-saudaraku. [11] Dapatkah air tawar
dan air masin dikeluarkan daripada mata air yang sama? [12] Saudara-saudaraku, pokok ara tidak
mungkin menghasilkan buah zaitun, manakala pokok anggur tidak mungkin mengeluarkan buah ara.
Mata air yang masin tidak mungkin memancarkan air tawar.

Kebijaksanaan dari syurga

[13] Adakah wujud di kalanganmu seorang yang bijak bestari? Sifat ini terbukti melalui kelakuan
baik dan kebajikan yang diamalkan dengan rendah hati serta bijaksana. [14] Akan tetapi, sekiranya
kamu bersikap hasad dengki dan mementingkan diri, janganlah bermegah dengan kebijaksanaan itu
atau menafikan yang benar. [15] Kebijaksanaan demikian tidak berasal dari syurga tetapi dari dunia,
tabiat manusia yang berdosa, dan roh iblis. [16] Sikap hasad dengki dan mementingkan diri akan
menimbulkan kekacauan serta pelbagai kejahatan.

[17] Sebaliknya, apabila seseorang memiliki kebijaksanaan yang berasal dari syurga, maka dia
bersifat murni, mencintai kedamaian, lemah lembut dan ramah-tamah. Dia juga bersikap belas
kasihan serta mengamalkan segala jenis perbuatan baik. Dia tidak bersikap berat sebelah dan tidak
munafik atau bertalam dua muka. [18] Kebenaran adalah hasil daripada benih kedamaian yang
disemaikan oleh orang yang mencintai kedamaian.

4 *Tunduk kepada Allah*

[1] Apakah punca segala pergaduhan dan pertengkaran di kalanganmu? Puncanya ialah keinginan
hawa nafsu yang sentiasa bergolak dalam dirimu. [2] Kamu berhasrat akan sesuatu tetapi tidak
mendapatnya, maka kamu ingin membunuh. Kamu ingin memiliki sesuatu tetapi tidak berjaya, lalu
kamu bertengkar dan bergaduh. Kamu tidak mendapat apa yang kamu ingini kerana kamu tidak
memohonnya daripada Allah. [3] Kalau kamu memohonnya sekalipun, kamu tidak mendapatnya, kerana
tujuanmu jahat. Kamu memintanya untuk kesenangan diri sendiri.

[4] Kamu tidak setia. Tidakkah kamu tahu bahawa sesiapa yang bersahabat dengan dunia menjadi
musuh Allah? Oleh itu, sesiapa yang mahu bersahabat dengan dunia menjadikan dirinya musuh
Allah. [5] Atau kamu menganggap Kitab Suci mengatakan tanpa sebab bahawa Roh yang ditempatkan
di dalam diri kita oleh Allah amat mengingini kita. [6] Walaupun demikian, kasih kurnia yang
dianugerahkan oleh Allah lebih kuat, maka tersurat di dalam Kitab Suci:

‘Allah menentang orang yang angkuh
tetapi menganugerahi orang yang
rendah hati.’

[7] Oleh yang demikian, taatlah kepada Allah. Lawanlah Iblis, maka Iblis akan lari
daripadamu. [8] Dampingi Allah, Allah akan mendampingimu. Basuh bersih tanganmu, wahai kamu yang
berdosa. Sucikan hatimu, wahai kamu yang munafik. [9] Menyesallah, menangis dan merataplah kamu.
Biar ketawamu menjadi tangisan, kerianganmu menjadi kesedihan. [10] Rendahkan dirimu di hadapan
Tuhan, maka Dia akan meninggikanmu.

[11] Saudara-saudaraku, janganlah fitnah-memfitnah. Sesiapa yang memfitnah atau menghakimi
saudara seimannya, maka dia memfitnah atau menghakimi hukum. Jika dia menghakimi hukum, maka
dia tidak lagi mematuhi hukum. [12] Hanya ada seorang Pemberi hukum dan Hakim. Hanya Dia yang
dapat menyelamatkan atau membinasakan seseorang. Siapakah kamu maka ingin menghakimi
sesama manusia?

Jangan memegahkan hari esok

13 Sekarang, dengarlah nasihatku, wahai kamu yang berkata, ‘Hari ini atau esok kami akan
bertolak ke sebuah negeri dan tinggal di situ selama setahun untuk berniaga dan mencari
wang.’ 14 Tetapi kamu tidak tahu apa yang akan terjadi dengan kehidupan esok. Kamu umpama wap,
yang kelihatan sejurus lantas lenyap. 15 Sepatutnya kamu berkata demikian, ‘Kalau diizinkan Tuhan,
kami akan terus hidup dan melakukan sekian-sekian.’ 16 Sebaliknya kamu angkuh dan bercakap
besar. Bercakap besar demikian itu adalah salah. 17 Apabila seseorang tidak melakukan sesuatu yang
baik dan sepatutnya dilakukan, maka orang itu berdosa.

5 *Amaran kepada orang kaya*

1 Dengarlah nasihatku, wahai orang kaya. Menangis dan merataplah, kerana kesusahan akan
menimpamu. 2 Kekayaanmu akan reput dan pakaianmu dimakan gegat. 3 Emas perakmu akan
berkarat, karatnya akan menjadi saksi menuduhmu dan akan menghanguskan tubuhmu seperti api.
Kamu telah mengumpulkan harta pada akhir zaman ini. 4 Kamu tidak membayar upah orang yang
bekerja di ladangmu. Dengarlah rintihan mereka! Orang yang menuai hasil ladangmu berseru minta
dibela nasibnya dan suara mereka telah sampai ke telinga Tuhan Maha Kuasa. 5 Hidupmu di dunia ini
senang-lenang dalam kemewahan melimpah-limpah. Kamu bagaikan menggemukkan diri untuk hari
penyembelihan. 6 Kamu menghukum dan membunuh orang yang tidak bersalah, dan mereka tidak
melawanmu.

Tabah menanggung kesengsaraan

7 Saudara-saudaraku, bersabarlah menanti kedatangan Tuhan. Lihatlah betapa sabarnya seorang
peladang menunggu tanahnya mengeluarkan hasil yang bernilai. Dengan sabar dia menanti hujan
musim luruh dan hujan musim bunga. 8 Demikian jugalah kamu harus bersabar. Tabahkan hatimu,
kerana hari kedatangan Tuhan sudah hampir tiba. 9 Saudara-saudaraku, janganlah bersungut-sungut,
supaya kamu tidak dihukum. Hakim kian dekat dan akan segera sampai.

10 Saudara-saudaraku, ingatlah nabi-nabi yang bersabda dengan nama Tuhan. Teladanilah
kesabaran dan ketabahan mereka menanggung kesengsaraan. 11 Kami mengatakan mereka orang
yang diberkati kerana mereka tabah menanggung kesengsaraan. Kamu telah mendengar kisah
kesabaran Ayub, dan kamu tahu pada akhirnya Tuhan memberkatinya. Tuhan amat berbelas kasih
dan penuh belas kasihan.

12 Saudara-saudaraku, ini sangat penting—janganlah bersumpah ketika mengikat janji. Jangan
bersumpah demi langit, bumi atau apa-apapun. Katakan ‘ya’ apabila maksudmu ya, dan ‘tidak’ apabila
maksudmu tidak. Dengan demikian tidaklah kamu dihukum Allah.

Doa orang yang benar

13 Adakah sesiapa di kalanganmu yang sedang mengalami kesusahan? Berdoalah. Adakah
sesiapa yang sedang bergembira? Nyanyikanlah lagu pujian kepada Allah. 14 Adakah sesiapa yang
sakit? Panggillah para tua-tua jemaah untuk mendoakannya dan menyapukan minyak padanya
dengan nama Tuhan. 15 Doa yang dilafazkan dengan iman akan menyembuhkan orang sakit itu.
Tuhan akan memulihkan kesihatannya, dan dosanya akan diampunkan. 16 Oleh itu, hendaklah kamu
saling mengakui kesalahan serta mendoakan satu sama lain, supaya kamu disembuhkan. Doa orang
yang benar mempunyai kuasa yang hebat.

17 Ilyas seorang manusia biasa seperti kita. Dia berdoa bersungguh-sungguh supaya hujan tidak
turun, maka selama tiga tahun setengah hujan tidak turun. 18 Selepas itu dia berdoa lagi, lalu langit
menurunkan hujan mencurah-curah dan tanah mengeluarkan hasil.

19 Saudara-saudaraku, jika seorang di kalanganmu sesat, lalu yang lain memimpinnya kembali
kepada Allah, 20 ingatlah ayat ini: Sesiapa memimpin seorang yang berdosa kembali daripada jalan
yang salah, maka dia menyelamatkan roh orang yang berdosa itu daripada kematian dan menutupi
banyak dosa.

1 Petrus

1 [1] Daripada Petrus, rasul Isa al-Masih,

Kepada umat pilihan Allah yang tinggal merata-rata di Pontus, Galatia, Kapadokia, Asia dan Bitinia. [2] Kamu terpilih menurut rancangan Allah Bapa, dijadikan umat-Nya dengan Roh Suci, supaya taat akan Isa al-Masih dan disucikan dengan darah-Nya:

Semoga kamu dilimpahi kasih kurnia dan damai sejahtera daripada Allah.

Harapan dan iman

[3] Puji bagi Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih! Kerana belas kasihan-Nya yang amat besar Dia telah mengurniai kita kelahiran baru dengan membangkitkan Isa al-Masih daripada kematian. Dengan demikian, kita hidup dengan harapan yang tidak akan binasa, dan [4] kita mengharapkan warisan yang tidak mungkin reput, tercemar atau lenyap — disimpan untukmu di syurga. [5] Kamu dipelihara dengan kuasa Allah, melalui iman untuk penyelamatan yang akan ternyata sepenuhnya pada akhir zaman. [6] Oleh yang demikian bersukacitalah, meskipun sekarang untuk seketika mungkin kamu berdukacita kerana menghadapi pelbagai cubaan. [7] Segalanya ini untuk menguji imanmu yang lebih berharga daripada emas, kerana emas tetap musnah walaupun telah diuji dengan api. Imanmu kelak ternyata tulen dan akan mendapat puji, penghormatan serta kemuliaan apabila Isa al-Masih datang kembali. [8] Kamu mengasihi-Nya walaupun belum pernah melihat-Nya. Kamu percaya kepada-Nya tanpa melihat-Nya. Oleh itu, kamu merasa kebahagiaan yang tidak terkata dan penuh dengan kemuliaan [9] kerana kamu akan mencapai matlamat imanmu, iaitu penyelamatan jiwamu.

[10] Nabi-nabi telah mengkaji penyelamatan ini dan bernubuat tentang kasih kurnia Allah kepadamu. [11] Roh al-Masih yang ada pada nabi-nabi bernubuat tentang penderitaan al-Masih dan kemuliaan-Nya kelak. Mereka berusaha untuk mengetahui bila dan bagaimana perkara itu akan terjadi. [12] Allah telah menyatakan kepada nabi-nabi bahawa segala yang dilakukan oleh mereka itu bukan untuk mereka tetapi untuk kita. Sekarang perkara yang disampaikan oleh nabi-nabi itu telah kamu dengar melalui Injil yang diisytiharkan dengan kuasa Roh Suci dari syurga. Para malaikat juga ingin mengerti perkara itu.

Hendaklah kamu suci

[13] Oleh yang demikian, bersedialah, berjaga-jaga dan sandarkanlah harapan kepada kasih kurnia yang akan kamu terima apabila Isa al-Masih datang kembali. [14] Jadilah anak-anak yang taat akan Allah, dan janganlah hidup mengikut nafsumu seperti dahulu, sebelum kamu mengenal-Nya. [15] Pastikanlah segala perbuatanmu suci, sebagaimana Tuhan yang memanggilmu itu suci. [16] Ada tersurat di dalam Kitab Suci, ‘Hendaklah kamu suci, kerana Aku suci.’

[17] Jika kamu berdoa kepada Allah Bapa, yang menghakimi manusia dengan adil menurut perbuatan masing-masing, maka sepanjang hayatmu di dunia ini takuti dan patuhilah Dia. [18] Kamu mengetahui bahawa untuk membebaskanmu daripada hidup sia-sia warisan nenek moyangmu, tebusannya bukanlah sesuatu yang dapat dibinasakan seperti perak atau emas [19] tetapi darah al-Masih yang amat berharga, darah anak domba yang tiada cacat celanya. [20] Dia telah ditetapkan sebelum dunia dicipta, tetapi dinyatakan pada akhir zaman ini untukmu. [21] Melalui-Nya kamu percaya kepada Allah, yang telah membangkitkan-Nya daripada kematian dan memberi-Nya kemuliaan, supaya kamu beriman dan berharap kepada Allah.

[22] Oleh sebab kamu telah menyucikan rohmu dalam mematuhi kebenaran supaya mempunyai kasih yang ikhlas kepada saudara-saudara seimanmu, maka kasihilah satu sama lain dengan sepenuh perasaan dan suci hati; [23] kerana kamu telah dilahirkan semula, bukan daripada benih yang dapat dibinasakan tetapi daripada yang tidak mungkin dimusnahkan, melalui firman Allah yang hidup kekal selama-lamanya. [24] Kerana,

‘Semua jasad umpama rumput,

dan semua kemuliaan manusia bak

bunga di padang;
rumput akan layu, dan bunganya akan gugur,
[25] tetapi firman Tuhan kekal
selama-lamanya.'
Inilah firman yang disampaikan kepadamu.

2 [1] Oleh itu, singkirkan segala niat jahat, penipuan, kepura-puraan, iri hati dan semua fitnah. [2] Seperti bayi yang baru lahir, hendaklah kamu selalu haus akan air susu suci firman Allah, supaya kamu bertumbuh subur sehingga beroleh penyelamatan. [3] Kamu sendiri telah mengalami kebaikan Tuhan.

Isa al-Masih batu penjuru

[4] Datanglah kepada Dia yang seperti batu hidup, yang dibuang oleh manusia tetapi dipilih oleh Allah dan berharga di hadirat-Nya. [5] Kamu juga umpama batu hidup, yang digunakan untuk membina rumah rohani bagi para imam yang suci, untuk mempersembahkan korban rohani yang diredai Allah melalui Isa al-Masih. [6] Ada tersurat di dalam Kitab Suci:

'Lihatlah, Kuletakkan di Sion,
batu penjuru yang terpilih, berharga,
dan sesiapa yang percaya kepada-Nya
tidak akan diaibkan.'

[7] Bagi kamu yang percaya, batu itu berharga, tetapi bagi mereka yang tidak percaya,

'Batu yang dibuang oleh pembina
telah menjadi batu penjuru,'

[8] dan,

'Batu tempat orang tersandung
dan sebuah batu pejal yang membuat
mereka terjatuh.'

Mereka tersandung kerana mereka ingkar akan firman Allah, yang telah ditetapkan bagi mereka.

[9] Tetapi kamu umat terpilih, para imam Raja, bangsa suci, umat-Nya sendiri, yang dipilih untuk mengisytiharkan puji-pujian bagi Dia yang telah memanggilmu daripada kegelapan kepada cahaya-Nya yang gemilang. [10] Dahulu kamu bukan suatu umat tetapi sekarang kamu umat Allah. Dahulu kamu tidak mendapat belas kasihan Allah tetapi sekarang kamu telah mendapat belas kasihan-Nya.

[11] Saudara-saudara yang kukasihi, aku merayu padamu sebagai orang asing dan pendatang di dunia, jauhilah hawa nafsu yang sentiasa menyerang jiwa. [12] Amalkan kelakuan yang mulia, maka apabila orang di kelilingmu yang tidak mengenal Allah mengata kamu berbuat jahat, mereka tetap melihat perbuatanmu yang baik lalu memuliakan Allah pada waktu Tuhan datang kembali.

Berserah kepada pemerintah

[13] Demi Tuhan berserahlah kepada pemerintah dalam kerajaan manusia, baik raja sebagai pemerintah tertinggi [14] mahupun para gabenor yang dilantiknya untuk menghukum orang yang berbuat jahat dan menghargai orang yang berbuat baik. [15] Inilah kehendak Allah, bahawa dengan berbuat baik kamu menutup mulut orang jahil dan bodoh yang hendak mengatamu. [16] Hiduplah dengan bebas, tetapi jangan gunakan kebebasan untuk menutup maksiat. Hiduplah sebagai hamba Allah. [17] Hormati semua orang: Kasihi saudara-saudara seimanmu, takuti Allah, dan hormati raja.

[18] Hamba, berserahlah kepada tuanmu dengan penuh hormat, bukan tuan yang baik dan lemah lembut sahaja, tetapi yang kejam juga. [19] Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil. [20] Apakah istimewanya jika kamu menerima dengan sabar apabila dipukul kerana kesalahanmu? Tetapi apabila kamu berbuat baik lalu menderita, jika kamu menerimanya dengan sabar, maka kamu terpuji di sisi Allah. [21] Justeru inilah kamu telah dipanggil, kerana al-Masih juga menderita untuk kita, memberi kita teladan, supaya kita menurut jejak langkah-Nya.

22 ‘Dia tidak melakukan dosa,
dan lidah-Nya tidak pernah berdusta.’
23 Apabila Dia dicela, Dia tidak mencela kembali. Apabila Dia menderita, Dia tidak mengugut, tetapi
menyerahkan diri-Nya kepada Allah yang menghakimi dengan adil. 24 Dia menanggung dosa kita
dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran.
Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu. 25 Dahulu kamu seperti domba yang sesat, tetapi
sekarang kamu telah kembali kepada Gembala dan Pemelihara jiwamu.

3 *Isteri dan suami*

1 Demikian juga kamu, isteri, berserahlah kepada suamimu. Dengan demikian, suami yang tidak
percaya kepada firman Allah dapat ditarik untuk percaya tanpa sepatah kata, hanya dengan kelakuan
isterinya 2 ketika mereka melihat betapa murni dan salihnya hidupmu. 3 Janganlah hiasi dirimu di luar
sahaja — mendandan rambut, memakai emas atau pakaian indah. 4 Hiasilah batinmu, dengan
keindahan yang tidak dapat dimusnahkan, iaitu bersikap lembut dan tenang, yang sangat berharga di
sisi Allah. 5 Demikianlah hiasan perempuan zaman dahulu yang salih dan berharap pada Allah.
Mereka berserah kepada suami, 6 seperti Sarah yang taat kepada Ibrahim dan memanggilnya tuan.
Kamu adalah anak-anak perempuan Sarah jika kamu berbuat baik dan tidak takut apa-apa.

7 Suami, kamu juga hendaklah hidup bersama isterimu dengan sikap mengerti. Berilah
penghormatan kepada isteri sebagai kaum yang lebih lemah dan sebagai rakan pewarismu yang
sama-sama menerima kasih kurnia hidup. Dengan demikian doamu kepada Allah tidak akan
terhalang.

Menderita kerana berbuat baik

8 Sebagai kesimpulan, bersatu hatilah kamu semua, dan amalkan belas ihsan antara satu sama
lain. Jalinkanlah kasih persaudaraan antaramu, dengan hati yang lembut dan adab sopan yang
baik. 9 Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah
dengan memohon Allah memberkati mereka. Kamu mengetahui bahawa Allah telah memanggilmu
supaya kamu mendapat berkat kelak. 10 Kerana,

‘Sesiapa yang ingin menikmati hidup
dan mengalami masa yang baik
hendaklah menjaga lidahnya
daripada kejahatan
dan bibirnya daripada kata-kata
yang palsu.
11 Hendaklah dia tinggalkan kejahatan
dan lakukan kebaikan;
hendaklah dia cari dan buru kedamaian.
12 Kerana mata Tuhan tertuju kepada
orang yang benar
dan telinga-Nya mendengar doa mereka,
tetapi wajah Tuhan menentang mereka
yang berbuat jahat.’

13 Siapakah yang akan menyakitimu jika kamu berbuat kebaikan dengan penuh semangat? 14 Namun,
kalaupun kamu menderita kerana melakukan yang benar, kamu akan diberkati. ‘Jangan takut akan
ugutan mereka dan janganlah bimbang.’ 15 Hormatilah al-Masih sebagai Junjungan Yang Esa dalam
hatimu dan sentiasa bersedia memberi jawapan yang meyakinkan apabila seseorang bertanyakan
asas harapan di hatimu. Jawab dengan lembut dan hormat, 16 serta dengan suara hati yang murni.
Dengan demikian mereka yang mencela kelakuan baikmu sebagai pengikut al-Masih akan berasa
malu. 17 Jika dikehendaki Allah kamu menderita kerana melakukan kebaikan, itu lebih baik daripada
menderita kerana melakukan kejahatan. 18 Al-Masih juga telah mati sekali untuk selama-lamanya

kerana dosa kita. Dia yang tidak bersalah telah menderita untuk kita yang bersalah supaya Dia dapat membawa kita kepada Allah. Dia telah dibunuh secara jasmani tetapi dihidupkan semula sebagai Roh. [19] Dalam keadaan demikian, Dia pergi menyampaikan perkhabaran kepada roh-roh yang dipenjarakan. [20] Roh-roh itu tidak taat akan Allah yang menantikan mereka dengan sabar sepanjang masa Nuh membina bahteranya. Hanya lapan orang menaiki bahtera itu dan diselamatkan melalui air. [21] Air bah itu melambangkan pengimadan yang sekarang menyelamatkan kita, pengimadan — bukan pembersihan kotoran badan tetapi sambutan hati nurani yang suci terhadap Allah — melalui pembangkitan Isa al-Masih daripada kematian. [22] Dia telah pergi ke syurga dan sekarang berada di kanan Allah. Para malaikat, penguasa dan pemerintah telah diletakkan di bawah-Nya.

4 *Hidup demi Allah*

[1] Oleh sebab al-Masih telah menderita secara jasmani untuk kita, teguhkanlah dirimu untuk menghadapi penderitaan demikian. Dia yang telah menderita secara jasmani itu telah mengatasi dosa. [2] Dia tidak meneruskan hidupnya secara jasmani untuk memuaskan nafsu insani tetapi untuk melakukan kehendak Allah. [3] Sudah cukuplah waktu hidup silam yang kita habiskan dengan melakukan kehendak orang yang tidak mengenal Allah — hidup cabul, memuaskan nafsu, mabuk-mabuk bersuka ria, minum arak di majlis, dan melakukan kerja terkutuk menyembah berhala. [4] Dalam hal ini, mereka hairan kerana kamu tidak lagi menyertai mereka dalam kancah maksiat itu, lalu mereka mencela kamu. [5] Mereka kelak harus mempertanggungjawabkan perbuatan mereka kepada Allah yang sedia menghakimi orang hidup dan orang mati. [6] Itulah sebabnya Injil juga disampaikan kepada orang yang telah mati, supaya mereka yang dihakimi sebagai manusia secara jasmani, dapat hidup secara rohani menurut kehendak Allah.

[7] Sudah hampir waktunya bagi segala-galanya berakhir. Oleh itu berdoalah dengan bersungguh-sungguh dan berjaga-jaga. [8] Paling utama, kasihilah satu sama lain kerana kasih akan menutup banyak dosa. [9] Raikan satu sama lain tanpa bersungut. [10] Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Allah. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua. [11] Jika sesiapa menyampaikan perkhabaran, sampaikanlah berita daripada Allah. Jika sesiapa memberi pertolongan, berilah dengan keupayaan yang dibekalkan oleh Allah. Dengan demikian, dalam semua hal Allah akan dimuliakan melalui Isa al-Masih yang memiliki kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

Menderita kerana menjadi pengikut al-Masih

[12] Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah hairan bahawa kamu diuji dengan penderitaan yang berat, jangan anggap perkara itu luar biasa. [13] Sebaliknya, bergembiralah bahawa kamu turut mengalami penderitaan al-Masih. Dengan demikian, apabila kemuliaan-Nya ternyata, kamu juga dapat berasa sukacita yang tidak terhingga. [14] Sekiranya kamu dicela kerana menjadi pengikut dan mengambil nama al-Masih, diberkatilah kamu kerana Roh yang mulia iaitu Roh Allah ada bersamamu. [15] Namun, janganlah seorang pun di antara kamu menderita kerana kesalahan membunuh, mencuri, berbuat jahat atau mencampuri hal orang. [16] Tetapi jika sesiapa menderita sebagai seorang Masihi, janganlah berasa malu, malah muliakanlah Allah kerananya. [17] Sudah tiba masanya penghakiman dimulai, dan pertama-tama dihakimi adalah umat Allah sendiri. Jika penghakiman itu dimulai dengan kita, bagaimanakah kesudahannya orang yang tidak mentaati Injil daripada Allah? [18] Dan,

‘Jika orang benar pun sukar diselamatkan,
apa jadinya orang yang ingkar dan
yang berdosa?’

[19] Oleh itu, mereka yang menderita menurut kehendak Allah hendaklah berbuat baik sambil berserah kepada Allah, Pencipta yang setia.

5 *Jemaah umat Allah*

[1] Kepada tua-tua jemaah di kalanganmu, kutujukan pesanan ini. Aku, sebagai seorang tua-tua juga yang telah menyaksikan penderitaan al-Masih dan yang akan turut dimuliakan apabila kemuliaan-Nya ternyata, menyerumu: [2] Jagalah jemaah Allah sekitarmu seperti gembala menjaga kawanan domba. Awasi mereka — bukan secara terpaksa tetapi dengan rela; bukan untuk mendapat keuntungan yang tidak wajar, tetapi dengan sepenuh hati; [3] bukan sebagai tuan bagi mereka yang diamanahkan

kepadamu, tetapi sebagai teladan untuk mereka. [4] Apabila Gembala Agung datang kelak, kamu akan
menerima mahkota kemuliaan yang kekal.

[5] Demikian juga kamu, orang muda, tunduklah kepada orang tua yang memimpinmu. Ya, kamu
semua hendaklah saling menghormati dan merendah diri, kerana,

‘Allah menentang orang yang angkuh
tetapi menganugerahi orang yang
rendah hati.’

[6] Oleh itu, rendahkan dirimu di bawah kuasa Allah, supaya kamu ditinggikan-Nya pada waktu yang
telah ditetapkan. [7] Serahkan segala kerunsinganmu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat
tentangmu.

[8] Kawallah dirimu dan berwaspadalah, kerana musuhmu Iblis merayau seperti singa yang
mengaum mencari mangsa. [9] Lawanlah Iblis dengan iman yang teguh. Kamu tahu bahawa
penderitaan yang sama sedang ditanggung oleh saudara-saudara seimanmu serata dunia.

[10] Tetapi setelah kamu menderita beberapa waktu, Allah, sumber segala kasih kurnia, yang telah
memanggil kamu untuk turut menikmati kemuliaan-Nya yang kekal, akan menyempurnakan,
menegakkan, mengukuhkan dan menenteramkan kamu. [11] Bagi Allah segala kemuliaan dan
kekuasaan selama-lamanya. Amin.

Salam akhir

[12] Aku menulis surat ringkas ini kepadamu dengan pertolongan Silwanus, yang kuanggap saudara
kita yang setia. Tujuanku ialah menasihatimu dan memberi ringkasan kesaksianku bahawa inilah
kasih kurnia sejati daripada Allah untukmu. Berdiri teguhlah di dalamnya.

[13] Jemaah di Babel, yang sepertimu juga dipilih Allah, berkirim salam kepadamu, begitu juga
anakku Markus. [14] Bersalamanlah dengan kasih sayang.

Selamat sejahtera kepada kamu semua milik al-Masih.

2 Petrus

1 [1] Daripada Simon Petrus, hamba dan rasul Isa al-Masih,

Kepada mereka yang seiman dengan kami melalui kebenaran Allah Tuhan dan Penyelamat kita Isa al-Masih:

[2] Semoga kamu dilimpahi berkat dan damai sejahtera daripada Allah, kerana kamu mengenal Allah dan Junjungan Isa.

Panggilan dan pilihan Allah

[3] Dengan kuasa-Nya Allah telah mengurniai kita segala yang diperlukan untuk hidup dan kesalihan, melalui apa yang kita ketahui tentang Dia yang memanggil kita dengan kemuliaan dan kebaikan-Nya. [4] Allah telah menganugerahi kita janji yang besar dan berharga. Melaluinya kamu akan mengambil bahagian dalam sifat keilahian Allah setelah menjauhi kebinasaan akibat hawa nafsu di dunia.

[5] Oleh itu, berusahalah untuk membekalkan imanmu dengan kebaikan; dan kebaikan dengan pengetahuan; [6] dan pengetahuan dengan penguasaan diri; dan penguasaan diri dengan ketabahan; dan ketabahan dengan kesalihan; [7] dan kesalihan dengan belas ihsan persaudaraan; dan belas ihsan persaudaraan dengan kasih. [8] Jika kamu semakin kaya dengan segala ini, tidaklah kamu sia-sia dan hampa dalam mengenal Junjungan kita Isa al-Masih. [9] Seseorang yang tidak memiliki sifat-sifat ini adalah rabun, malah buta, dan lupa bahawa dia telah disucikan daripada dosa-dosanya dahulu.

[10] Oleh itu, saudara-saudaraku, berusahalah lebih keras lagi untuk memastikan kekalnya panggilan dan pilihan Allah akan dirimu. Jika kamu melakukan segala ini, kamu tidak akan tersandung. [11] Kamu akan diberi sepenuh hak untuk menikmati kerajaan kekal Junjungan dan Penyelamat kita Isa al-Masih.

Nubuat tentang Kitab Suci

[12] Oleh itu, aku tidak akan lalai daripada mengingatkan kamu tentang segala ini, walaupun kamu sudah mengetahuinya dan berpegang teguh pada ajaran benar yang kamu terima. [13] Selagi ada hayatku, wajarlah aku mengingatkan kamu tentang hal-hal itu. [14] Aku tahu tidak lama lagi aku akan meninggalkan dunia ini, sebagaimana telah dinyatakan jelas kepadaku oleh Junjungan kita Isa al-Masih. [15] Aku akan mengusahakan supaya kamu tetap diingatkan tentang hal-hal itu setelah aku tiada lagi.

[16] Kami tidaklah bercerita dongeng kepadamu apabila kami memberitahumu tentang kekuasaan Junjungan kita Isa al-Masih dan kedatangan-Nya. Kami telah menyaksikan kemuliaan-Nya dengan mata kami sendiri. [17] Dia telah menerima penghormatan dan kemuliaan daripada Allah Bapa. Suatu suara daripada Yang Maha Tinggi berfirman, ‘Inilah Putera-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan.’ [18] Kami telah mendengar suara yang datang dari syurga ketika kami bersama-Nya di puncak gunung suci.

[19] Dengan demikian, kata-kata nubuat yang ada pada kami menjadi lebih jelas. Terimalah kata-kata nubuat ini seperti lampu yang bersinar di tempat gelap, hingga fajar menyingsing dan bintang pagi terbit di dalam hatimu. [20] Hal terutama yang harus kamu ketahui ialah bahwa tidak ada satu nubuat pun dalam Kitab Suci yang berasal dari pentafsiran sendiri, [21] kerana nubuat bukanlah lahir dengan kehendak manusia, tetapi diungkapkan oleh orang ketika didorong oleh Roh Suci untuk menyampaikan firman daripada Allah.

2 *Nabi dan guru palsu*

[1] Namun demikian, ada nabi-nabi palsu di kalangan umat Allah pada zaman dahulu. Di antaramu juga akan muncul guru-guru palsu yang secara rahsia membawa masuk ajaran sesat yang memusnahkan. Mereka tergamak menyangkal Tuhan yang telah menyelamatkan mereka, lalu mereka ditimpa kemusnahan dalam sekelip mata. [2] Ramai orang akan mengikut cara mereka yang memalukan itu.

Oleh itu, jalan yang benar akan dikufuri. [3] Dengan tamak haloba, mereka akan memperalatkan kamu
melalui kata-kata dusta. Hukuman untuk mereka sudah ditetapkan dan akan menimpa mereka.

[4] Allah tidak melepaskan malaikat yang berdosa daripada hukuman, tetapi menghumbankan
mereka ke neraka dan membelenggu mereka dalam kegelapan untuk dihakimi kelak. [5] Dan Allah juga
tidak melepaskan dunia purba daripada hukuman. Allah hanya menyelamatkan Nuh, penyampai
kebenaran dengan tujuh orang yang lain, ketika Dia mendatangkan air bah kepada semua manusia
yang ingkar. [6] Allah telah memusnahkan kota Sodom dan Gomora sehingga menjadi abu,
membinasakan penduduknya sebagai contoh hukuman terhadap orang yang ingkar. [7] Tetapi Allah
menyelamatkan Lut, seorang yang benar, yang berdukacita kerana kelakuan cabul orang
durjana [8] (jiwa Lut yang benar terseksa dari hari ke hari melihat dan mendengar perlakuan liar orang
di kelilingnya). [9] Nyatalah bahawa Tuhan mengetahui cara membebaskan orang yang warak daripada
godaan dan mengasingkan orang durjana untuk dihukum pada hari penghakiman, [10] terutamanya
mereka yang menurut hawa nafsu cabul dan menghina kekuasaan Allah.

Mereka menganggap diri mereka besar dan mengikut kehendak sendiri semata-mata. Mereka
tidak takut mencela makhluk yang adikudrati. [11] Sedangkan para malaikat yang lebih kuat dan
berkuasa tidak pernah mencela dan menuduh makhluk yang adikudrati itu di hadapan
Tuhan. [12] Tetapi mereka ini, seperti binatang buas yang dijadikan untuk ditangkap dan dibunuh,
mencela hal-hal yang tidak difahaminya, maka mereka akan dibinasakan.

[13] Mereka akan menerima balasan perbuatan maksiat mereka seperti bersuka ria pada siang hari
untuk memuaskan hawa nafsu. Mereka dipenuhi cacat cela dan bergembira memperdayamu sambil
berjamu bersamamu. [14] Mata mereka dipenuhi nafsu cabul dan sentiasa berdosa, menggoda orang
yang goyah imannya, hati mereka dikuasai tamak haloba dan mereka anak-anak yang
terlaknat. [15] Mereka telah meninggalkan jalan yang benar lalu sesat mengikut jalan Bileam anak Bior,
yang suka mendapat upah daripada kejahatan. [16] Tetapi dia telah ditegur kerana perbuatan jahatnya
oleh seekor keldai yang bercakap dengan suara manusia lalu menjadikan Bileam waras semula.

[17] Mereka ini ibarat mata air yang kering dan kabus yang ditiup ribut. Kegelapan yang hitam pekat
tersedia untuk mereka. [18] Apabila mereka mengeluarkan kata-kata yang hebat tetapi kosong, mereka
menggunakan hawa nafsu dan keinginan cabul untuk menggoda orang yang baru terlepas daripada
golongan yang hidup sesat. [19] Mereka menjanjikan kebebasan, sedangkan mereka sendiri hamba
kebinasaan — kerana seseorang yang dikalahkan itu menjadi hamba kepada yang
mengalahkannya. [20] Sekiranya, seseorang telah terlepas daripada noda dunia dengan mengenal
Junjungan dan Penyelamat kita Isa al-Masih, kemudian terjebak semula lalu tewas, maka keadaannya
lebih buruk daripada sebelum dia mengenal al-Masih. [21] Lebih baiklah jika dia tidak mengenal jalan
yang benar, daripada mengenalnya, dan kemudian membelakangi perintah suci yang telah
disampaikan kepadanya. [22] Yang terjadi kepadanya itu seperti kata pepatah yang terbukti tepat:
'Anjing akan menjilat muntahnya kembali,' dan 'Babi yang dimandikan akan berkubang semula di
lumpur.'

3 *Hari Tuhan*

[1] Saudara-saudara yang kukasihi, aku menulis surat yang kedua ini kepadamu. Aku menulis kedua-
dua suratku untuk merangsang pemikiran murnimu untuk mengingatkanmu [2] supaya kamu ingat akan
nubuat para nabi yang suci dan perintah Junjungan dan Penyelamat kita sebagaimana yang
disampaikan oleh para rasulmu.

[3] Pertama, kamu harus tahu bahawa para pencemuh akan muncul pada akhir zaman. Sambil
berbuat sesuka hati memuaskan nafsu, [4] mereka akan berkata, 'Manakah "kedatangan-Nya" yang
dijanjikan itu? Nenek moyang kita sudah tiada, tetapi segala-galanya berterusan seperti sejak alam
mula dicipta.' [5] Mereka sengaja melupakan bahawa dahulu Allah telah mencipta langit dan bumi
dengan firman-Nya dan bumi dibentuk daripada air dan dengan air, [6] dan dengan air itu juga dunia
yang wujud dahulu dimusnahkan dengan air bah. [7] Tetapi langit dan bumi yang sekarang dipelihara
dengan firman itu juga akan dimusnahkan dengan api, menjelang harinya orang ingkar dihukum dan
dibinasakan.

[8] Tetapi, saudara-saudara yang kukasihi, jangan lupa satu perkara: Di sisi Tuhan satu hari serupa
seribu tahun, dan seribu tahun serupa satu hari. [9] Tuhan bukannya lengah menepati janji, seperti
sangkaan sesetengah orang, tetapi amat bersabar dengan kita, kerana Dia tidak mahu seorang pun
binasa dan Dia ingin semuanya bertaubat.

[10] Namun, hari Tuhan akan tiba seperti datangnya pencuri pada malam hari. Langit akan lenyap
dengan bunyi gemuruh dan segala anasir akan lebur oleh kepanasan yang dahsyat, bumi serta
segala yang wujud di dalamnya akan hangus terbakar.

[11] Oleh sebab segala-galanya akan musnah, bagaimanakah sewajarnya kamu hidup? Kamu harus
hidup suci dan taat akan Allah, [12] sementara menanti dan mempercepat menjelangnya hari
penghakiman Allah. Pada hari itu langit akan musnah terbakar dan segala anasir lebur oleh
kepanasan yang dahsyat. [13] Tetapi kita berpegang kepada apa yang telah dijanjikan-Nya, iaitu langit
baru dan bumi baru yang dipenuhi dengan segala yang baik.

[14] Oleh itu, saudara-saudara yang kukasihi, sementara menantikan semua itu, berusahalah untuk
hidup suci dan tidak bercela di sisi Allah. [15] Anggaplah kesabaran Tuhan kita sebagai penyelamatan,
sebagaimana saudara kita yang dikasihi, Paulus, telah mengatakan dalam suratnya untukmu, dengan
kebijaksanaan yang telah dikurniakan kepadanya. [16] Paulus menulis tentang hal-hal demikian dalam
semua suratnya. Sesetengahnya sukar difahami, lalu orang yang jahil dan tipis iman memesongkan
ertinya ke arah kebinasaan diri mereka sendiri. Demikian juga dilakukan oleh mereka terhadap
tulisan-tulisan lain dalam Kitab Suci.

[17] Saudara-saudara yang kukasihi, oleh sebab kamu telah mengetahui hal ini, berjaga-jagalah,
jangan tergelincir daripada pendirianmu yang teguh akibat disesatkan oleh kesilapan orang
durjana. [18] Hendaklah kamu semakin kukuh dalam kasih kurnia Junjungan dan Penyelamat kita Isa al-
Masih dan semakin mengenal-Nya. Bagi-Nya kemuliaan, sekarang dan selama-lamanya! Amin.

1 Yahya

1 *Firman Tuhan yang hidup*

[1] Apa yang telah wujud sejak dari mulanya, yang telah kami dengar, yang telah kami lihat, dan yang
telah kami sentuh dengan tangan — itulah yang kami beritakan tentang Firman yang memberi
hidup. [2] Hidup itu telah ditunjukkan; kami telah melihat, dan memberikan kesaksian, serta
memberitahumu tentang hidup kekal bersama Bapa yang telah ditunjukkan kepada kami. [3] Kami
memberitahumu apa yang telah kami lihat dan dengar, supaya kamu juga dapat bersaudara dengan
kami. Sesungguhnya kami hidup dalam keakraban dengan Bapa dan Putera-Nya Isa al-Masih. [4] Kami
menulis tentang segala ini kepadamu supaya kebahagiaanmu sempurna.

Allah itu cahaya

[5] Inilah perutusan yang telah kami dengar daripada-Nya dan sampaikan kepadamu: Allah itu
cahaya; dan sama sekali tiada kegelapan dalam-Nya. [6] Sekiranya kita mengatakan bahawa kita hidup
dalam keakraban dengan-Nya sedangkan kita melangkah dalam kegelapan, maka kita berdusta dan
tidak mengamalkan kebenaran. [7] Tetapi jika kita melangkah dalam cahaya, sebagaimana Allah wujud
dalam cahaya, maka benar-benarlah kita hidup dalam persaudaraan satu sama lain, dan darah Isa,
Putera-Nya, menyucikan kita daripada segala dosa.

[8] Sekiranya kita mengatakan bahawa kita tidak berdosa, ertinya kita menipu diri kita sendiri dan
kebenaran tidak ada di dalam diri kita. [9] Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan
menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita
daripada segala kesalahan. [10] Namun sekiranya kita mengatakan bahawa kita tidak pernah berdosa,
kita menuduh Allah itu pendusta, dan firman-Nya tiada di dalam diri kita.

2

[1] Anak-anakku, aku menuliskan hal-hal ini kepadamu supaya kamu tidak berbuat dosa. Dan jika
sesiapa berbuat dosa, kita mempunyai seorang Pembela ke hadirat Allah Bapa, iaitu Isa al-Masih
Yang Benar itu. [2] Dialah korban pendamaian bagi dosa kita, malah bukan dosa kita sahaja tetapi dosa
seluruh umat manusia.

[3] Jika kita taat akan perintah Allah, benarlah kita mengenal-Nya. [4] Sekiranya seseorang berkata,
‘Aku mengenal Allah,’ tetapi tidak taat akan perintah-Nya, maka dia seorang pendusta dan kebenaran
tidak ada di dalam dirinya. [5] Tetapi jika sesiapa taat akan firman Allah, maka sempurnalah kasih Allah
di dalam orang itu. Dengan demikian kita ketahui kita ada di dalam Dia: [6] Sesiapa berkata bahawa dia
tetap di dalam Allah, hendaklah dia menurut jejak langkah al-Masih.

[7] Sahabat-sahabat yang kukasihi, perintah yang kutulis ini bukanlah perintah baru. Perintah ini
perintah lama, yang telah kamu terima dari mulanya. Perintah lama ini firman Allah yang telah kamu
dengar. [8] Namun demikian, perintah yang kutulis ini tetap baru: Kebenarannya ternyata pada diri al-
Masih dan dirimu. Ini disebabkan kegelapan hampir berlalu dan cahaya yang benar telah pun
bersinar.

[9] Sesiapa yang berkata bahawa dia hidup dalam cahaya tetapi dia benci akan saudaranya, maka
dia tetap berada dalam kegelapan hingga sekarang. [10] Sesiapa yang kasih akan saudaranya hidup di
dalam cahaya dan dalam dirinya tidak ada sesuatu pun yang dapat membuatnya kecundang. [11] Tetapi
sesiapa yang benci akan saudaranya hidup dalam kegelapan. Dia melangkah dalam kegelapan dan
tidak tahu ke mana hala tujunya, kerana kegelapan telah membutakannya.

[12] Anak-anakku, aku menulis kepadamu,
kerana dosamu telah diampunkan
atas nama al-Masih.

[13] Bapa-bapa, aku menulis kepadamu,
kerana kamu mengenal Dia yang
telah wujud dari mulanya.

Orang muda, aku menulis kepadamu,
kerana kamu telah menewaskan
si durjana.
Anak-anakku, aku menulis kepadamu,
kerana kamu mengenal Allah Bapa.
14 Aku menulis kepadamu, bapa-bapa,
kerana kamu mengenal Dia
yang telah wujud dari mulanya.
Aku menulis kepadamu, orang muda,
kerana imanmu kukuh,
kamu menaruh firman Allah
di dalam dirimu,
dan kamu telah menewaskan si durjana.

Jangan kasihi dunia

15 Jangan kasihi dunia ini atau sesuatu di dalamnya. Jika kamu mengasihi dunia ini, kamu tidak mengasihi Allah Bapa. 16 Segala yang ada di dunia ini — keinginan nafsu dan mata, serta segala keangkuhan hidup — bukanlah daripada Allah Bapa tetapi daripada dunia. 17 Dunia dan segala hawa nafsu yang ada di dalamnya sedang lenyap, tetapi orang yang melakukan kehendak Allah akan kekal selama-lamanya.

Penentang al-Masih

18 Anak-anakku, akhir zaman sudah hampir menjelang. Kamu telah diberitahu bahawa dajal, penentang al-Masih itu, akan muncul. Sekarang pun telah muncul ramai orang yang menentang al-Masih. Dengan demikian kita tahu bahawa akhir zaman sudah hampir menjelang. 19 Mereka telah memisahkan diri daripada kita. Tetapi mereka sebenarnya bukanlah sebahagian daripada kita. Jika mereka benar-benar sebahagian daripada kita, tentulah mereka tetap bersama kita. Oleh itu, tindakan mereka memisahkan diri daripada kita menunjukkan kesemua mereka itu bukanlah benar-benar sebahagian daripada kita.

20 Kamu telah menerima pengurapan Roh Suci, maka kamu mengenal kebenaran. 21 Aku menulis kepadamu bukan kerana kamu tidak mengenal kebenaran tetapi kerana kamu mengenalnya. Kamu juga tahu bahawa yang dusta tidak berasal daripada yang benar. 22 Sesiapa yang mengatakan bahawa Isa bukan al-Masih, dialah pendusta. Orang itu tidak mengakui Bapa dan Putera-Nya, dan dialah dajal, penentang al-Masih. 23 Sesiapa yang tidak mengakui Putera, maka dia juga tidak mengakui Bapa. Sesiapa yang menerima Putera, maka dia juga menerima Bapa.

24 Oleh yang demikian, pastikan perkhabaran yang kamu dengar dari mulanya tetap ada dalam dirimu. Jika perkhabaran itu tetap ada dalam dirimu, kamu akan sentiasa tetap di dalam Putera dan juga di dalam Bapa. 25 Inilah yang dijanjikan kepada kita, iaitu hidup yang kekal.

26 Aku menulis kepadamu tentang mereka yang hendak menyesatkanmu. 27 Tetapi bagi kamu, kurnia Roh yang kamu terima daripada-Nya itu tetap ada dalam dirimu. Kamu tidak memerlukan ajaran daripada sesiapapun, kerana Roh-Nya telah mengajar segalanya kepadamu, dan segalanya benar, tidak ada yang dusta. Oleh itu, tetaplah kamu di dalam Dia.

Anak-anak Allah

28 Sekarang pun, hai anak-anakku, kamu harus tetap di dalam-Nya, supaya apabila Dia datang kelak, kita dapat menghadapi-Nya dengan berani, tanpa rasa malu.

29 Jika kamu tahu bahawa Dia itu benar, maka kamu harus tahu bahawa orang yang melakukan kebenaran telah menerima hidup baru daripada Allah.

3 1 Ketahuilah betapa kasihnya Allah Bapa kepada kita sehingga kita disebut anak-anak Allah! Dan sememanglah begitu! Itulah sebabnya dunia ini tidak mengenal kita, dunia ini tidak mengenal

Allah. [2] Sahabat-sahabat yang kukasihi, sekarang ini kita anak-anak Allah, tetapi belum nyata
bagaimana keadaan kita kelak. Tetapi kita tahu bahawa apabila al-Masih datang, kita akan menjadi
seperti-Nya, kerana kita akan melihat-Nya dalam keadaan-Nya yang sebenar. [3] Sesiapa yang
menaruh harapan ini kepada al-Masih akan memelihara dirinya supaya suci, sebagaimana al-Masih
itu suci.

[4] Sesiapa yang berbuat dosa, dia melakukan keleluasaan kerana dosa itu perbuatan
keleluasaan. [5] Kamu tahu bahawa al-Masih dihantar untuk menghapuskan dosa umat manusia, di
dalam diri-Nya tiada dosa. [6] Oleh itu, sesiapa yang tetap di dalam al-Masih tidak akan berbuat dosa
berterusan. Sesiapa yang terus berbuat dosa belum melihat dan mengenal Dia.

[7] Anak-anakku, jangan biarkan sesiapapun menyesatkanmu. Sesiapa yang melakukan apa yang
benar adalah orang yang benar, seperti al-Masih. [8] Orang yang terus berbuat dosa itu berasal
daripada Iblis, kerana dari mulanya lagi Iblis telah berbuat dosa. Itulah sebabnya Putera Allah datang
untuk membinasakan pekerjaan Iblis. [9] Sesiapa yang menjadi anak Allah tidak akan berbuat dosa
berterusan kerana benih Allah ada di dalam dirinya. Oleh sebab Allah itu Bapanya, dia tidak mungkin
berbuat dosa berterusan. [10] Dengan demikian nyatalah perbezaan antara anak-anak Allah dengan
anak-anak Iblis. Orang yang tidak melakukan apa yang benar bukanlah anak Allah, demikian juga
orang yang tidak mengasihi saudaranya.

Saling mengasihi

[11] Kamu telah mendengar perkhabaran ini dari mulanya: Kita harus kasih-mengasihi. [12] Janganlah
kita bertindak seperti Kabil yang asalnya daripada Iblis dan membunuh adiknya sendiri. Mengapakah
dia membunuh adiknya? Semata-mata kerana perbuatannya salah sedangkan perbuatan adiknya
benar. [13] Oleh itu, saudara-saudaraku, janganlah hairan jika kamu dibenci oleh orang di dunia
ini. [14] Kita tahu bahawa kita terus hidup dan tidak akan binasa kerana kita mengasihi saudara-saudara
kita. Sesiapa yang tidak mengasihi saudaranya akan tetap dikuasai oleh maut. [15] Sesiapa yang benci
akan saudaranya adalah pembunuh. Kamu tahu bahawa seorang pembunuh tidak mempunyai hidup
yang kekal di dalam dirinya.

[16] Dengan demikian kita tahu bagaimana cara mengasihi seseorang: Isa al-Masih telah
menyerahkan nyawa-Nya untuk kita. Oleh itu kita harus menyerahkan nyawa kita untuk saudara-
saudara kita. [17] Jika seorang yang berharta melihat saudaranya yang miskin memerlukan bantuan
tetapi tidak mahu menolongnya, bagaimanakah kasih Allah dapat hidup dalam dirinya? [18] Anak-
anakku, janganlah kasih kita di mulut sahaja. Kita hendaklah kasih-mengasihi melalui perbuatan dan
kebenaran yang sejati. [19] Dengan demikian kita tahu bahawa kita anak-anak Allah yang benar dan
hati kita tetap damai di hadirat Allah [20] sekiranya hati nurani kita menyalahkan kita. Ini kerana kita tahu
bahawa Allah lebih besar daripada hati kita dan Allah Maha Mengetahui.

[21] Oleh yang demikian, saudara-saudara yang kukasihi, jika hati nurani kita tidak menyalahkan
kita, kita dapat menghadap Allah dengan tetap hati. [22] Kita menerima apa yang kita minta daripada-
Nya kerana kita taat akan perintah-Nya dan melakukan apa yang diredai-Nya. [23] Perintah-Nya adalah:
kita harus percaya akan nama Putera-Nya, Isa al-Masih, dan kasih-mengasihi seperti suruhan al-
Masih. [24] Sesiapa yang taat akan perintah-Nya tetap ada di dalam Allah dan Allah ada di dalamnya.
Kita tahu bahawa Allah tetap ada di dalam kita kerana Dia telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita.

4 *Ujilah setiap roh*

[1] Saudara-saudara yang kukasihi, jangan percayai setiap roh. Sebaliknya ujilah setiap roh itu sama
ada datang daripada Allah kerana terdapat ramai nabi palsu di merata-rata. [2] Untuk memastikan sama
ada roh itu Roh Allah, inilah caranya: Jika roh itu mengakui bahawa Isa al-Masih telah datang ke
dunia sebagai manusia, maka roh itu datang daripada Allah. [3] Tetapi jika roh itu menolak hakikat
tentang al-Masih ini, nyatalah roh itu bukan daripada Allah tetapi daripada dajal, penentang al-Masih.
Kamu sudah mendengar bahawa roh itu akan muncul. Sekarang roh itu sudahpun ada di dunia ini.

[4] Namun demikian, anak-anakku, kamu milik Allah. Kamu telah menewaskan nabi-nabi palsu itu,
kerana roh yang ada padamu lebih berkuasa daripada roh yang ada di dalam dunia. [5] Nabi-nabi palsu
itu berkata tentang hal ehwal daripada pandangan dunia dan orang dunia ini mendengar kata-kata
mereka kerana mereka milik dunia ini. [6] Tetapi kita milik Allah. Sesiapa yang mengenal Allah
mendengar kata-kata kita dan sesiapa yang bukan milik Allah tidaklah mahu mendengar kata-kata
kita. Demikianlah caranya kita mengenal pasti Roh yang membawa kebenaran dan roh yang

menyesatkan.

Kasih Allah

[7] Saudara-saudara yang kukasihi, marilah kita kasih-mengasihi kerana kasih itu datang daripada
Allah. Sesiapa yang kasih-mengasihi mengenal Allah dan mereka anak Allah. [8] Sesiapa yang tidak
mengasihi sesama manusia tidak mengenal Allah kerana Allah itu kasih. [9] Begitu kasihnya Allah
kepada kita sehingga Dia menghantar Putera-Nya yang tunggal ke dunia supaya melalui-Nya kita
mendapat hidup yang kekal. [10] Demikianlah kasih: bukannya kita mengasihi Allah tetapi Allah
mengasihi kita lalu menghantar Putera-Nya sebagai korban pendamaian bagi dosa kita. [11] Saudara-
saudara yang kukasihi, Allah amat mengasihi kita, maka haruslah kita kasih-mengasihi. [12] Tiada siapa
pernah melihat Allah tetapi jika kita kasih-mengasihi, Allah tetap ada di dalam kita dan kasih-Nya
disempurnakan dalam diri kita.

[13] Oleh sebab Allah telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita, tahulah kita bahawa kita tetap ada
di dalam Allah dan Allah di dalam kita. [14] Kami telah melihat Putera dan menyebarkan berita bahawa
Bapa telah menghantar Putera-Nya sebagai al-Masih, Penyelamat dunia ini. [15] Sesiapa yang
mengakui Isa itu Putera Allah, nescaya Allah tetap di dalam orang itu dan dia pun di dalam
Allah. [16] Kita tahu dan yakin sepenuh hati bahawa Allah mengasihi kita.

Allah itu kasih. Sesiapa yang sentiasa mengasihi sesama manusia tetap ada di dalam Allah, dan
Allah tetap di dalam dia. [17] Dengan cara ini, kasih disempurnakan dalam diri kita supaya kita berani
pada Hari Penghakiman nanti kerana hidup kita di dunia ini sama seperti hidup al-Masih di
dunia. [18] Dalam kasih tidak ada ketakutan. Kasih yang sempurna menghilangkan segala rasa takut
kerana ketakutan ada kaitan dengan hukuman. Dengan demikian, orang yang takut belum mengenal
kasih yang sempurna.

[19] Kita mengasihi sesama manusia kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kita. [20] Jika sesiapa
berkata, ‘Aku mengasihi Allah,’ tetapi dia benci akan saudaranya, dia seorang pendusta. Jika dia tidak
mengasihi saudaranya yang dapat dilihatnya, betapa dia mengasihi Allah yang tidak dapat
dilihatnya? [21] Al-Masih telah memberi kita perintah ini: Sesiapa yang mengasihi Allah mesti mengasihi
saudaranya juga.

5 *Beriman pada al-Masih*

[1] Sesiapa percaya bahawa Isa iaitu al-Masih, maka orang itu anak Allah. Sesiapa mengasihi bapa
mengasihi anaknya juga. [2] Dengan demikianlah kita tahu bahawa kita mengasihi anak-anak Allah
apabila kita mengasihi Allah dan mentaati perintah-Nya. [3] Jika kita mengasihi Allah, maka kita taat
akan perintah Allah. Tidak sukar bagi kita untuk taat akan perintah-Nya, [4] kerana setiap anak Allah
dapat menewaskan dunia. Inilah kemenangan yang mengalahkan dunia, iaitu iman kita. [5] Siapakah
yang dapat menewaskan dunia? Hanya orang yang percaya bahawa Isa Putera Allah.

[6] Isa al-Masih telah datang ke dunia dengan air dan darah. Dia datang bukan dengan air sahaja
tetapi dengan air dan darah. Roh adalah saksi dan Roh adalah benar. [7] Ada tiga yang memberi
kesaksian: [8] Roh Suci, air dan darah, ketiga-tiganya memberi kesaksian yang sama. [9] Jika kita percaya
akan kesaksian manusia, maka kesaksian Allah lebih kuat lagi kerana inilah kesaksian yang diberikan
Allah tentang Putera-Nya. [10] Oleh yang demikian, sesiapa yang percaya kepada Putera Allah
menyimpan kesaksian itu di dalam dirinya. Sebaliknya, sesiapa yang tidak percaya kepada Allah,
maka dia menuduh Allah itu pendusta kerana dia tidak percaya akan kesaksian-Nya tentang Putera-
Nya. [11] Kesaksian itu ialah: Allah memberi kita hidup yang kekal dan hidup ini ada di dalam Putera-
Nya. [12] Sesiapa yang memperoleh Putera itu, memperoleh hidup itu. Dan sesiapa yang tidak
memperoleh Putera Allah, tidak memperoleh hidup itu.

Pengetahuan tentang hidup yang kekal

[13] Aku menulis surat ini kepada kamu yang percaya kepada nama Putera Allah agar kamu
mengetahui bahawa kamu memperoleh hidup yang kekal. [14] Kita dapat menghadap Allah dengan
keyakinan bahawa Dia mengabulkan segala doa kita yang selaras dengan kehendak-Nya. [15] Kita tahu
bahawa dia sentiasa mendengar permohonan kita ke hadirat-Nya. Kita tahu juga bahawa Dia
mengurniakan apa yang kita minta daripada-Nya.

[16] Sekiranya kamu melihat saudara seimanmu melakukan dosa, dan dosa itu tidaklah

mengakibatkan kematian, berdoalah semoga Allah memberinya hidup. Tetapi ada dosa yang
mengakibatkan kematian. Aku tidak mengatakan bahawa dia harus berdoa tentang hal itu. [17] Setiap
perbuatan salah itu dosa, tetapi sesetengah dosa tidaklah mengakibatkan kematian.

[18] Kita tahu bahawa anak-anak Allah tidak melakukan dosa berterusan; Dia yang datang daripada
Allah melindungi dirinya lantas Iblis tidak berupaya menyesatkannya. [19] Kita tahu bahawa kita milik
Allah walaupun dunia diperintah oleh Iblis. [20] Kita tahu bahawa Putera Allah telah datang dan memberi
kita pengertian, supaya kita mengenal Dia yang benar. Kita ada di dalam Dia yang benar bahkan di
dalam Putera-Nya, Isa al-Masih. Inilah Allah, Tuhan yang benar dan hidup yang kekal.

[21] Anak-anakku, jauhkanlah dirimu daripada berhala.

2 Yahya

1 [1] Daripadaku, seorang tua-tua,

Kepada puan yang terpilih dan kepada anak-anaknya, yang kukasihi di dalam kebenaran. Bukan aku sahaja yang mengasihimu malah sekalian yang mengenal kebenaran— [2] kerana kebenaran ada dalam diri kita dan akan kekal dalam diri kita selama-lamanya:

[3] Semoga kasih kurnia, belas kasihan dan damai sejahtera daripada Allah Bapa dan Isa al-Masih, Putera daripada Bapa, menyertai kita dalam kebenaran dan kasih.

[4] Aku sungguh sukacita mengetahui bahawa sebilangan anak puan hidup mengikut kebenaran, sebagaimana yang diperintahkan kepada kita oleh Bapa. [5] Sekarang, puan yang dikasihi, aku memohon agar kita kasih-mengasihi. Aku bukannya mengemukakan perintah baru. Perintah ini telah disampaikan dari mula-mulanya lagi. [6] Inilah kasih iaitu mengasihi bermakna hidup mengikut perintah Allah. Inilah perintah yang kamu dengar dari mulanya: Kamu haruslah kasih-mengasihi.

[7] Ramai penipu telah menjelajah ke seluruh dunia. Mereka itu tidak mengakui bahawa Isa al-Masih telah datang ke dunia sebagai manusia. Orang sedemikian adalah penipu dan dajal, penentang al-Masih. [8] Oleh yang demikian, berhati-hatilah supaya apa yang telah kami usahakan tidak lenyap begitu sahaja, melainkan kamu mendapat ganjaranmu sepenuhnya. [9] Sesiapa yang tidak mengikut ajaran al-Masih dan melanggarnya, maka Allah tidak ada dalam dirinya. Sesiapa yang mengikut ajaran itu maka Bapa dan Putera ada dalam dirinya. [10] Oleh itu, jika sesiapa datang menyebarkan ajaran selain ajaran al-Masih, janganlah alu-alukan dia ke dalam rumahmu. Janganlah berikan salam kepadanya. [11] Sesungguhnya, jika sesiapa memberi salam kepada orang sedemikian, berertilah dia bersubahat dengannya melakukan perbuatan yang durjana.

[12] Ada banyak lagi yang ingin kusebutkan, namun lebih eloklah tidak melalui surat. Aku berharap akan bertemu dan berbincang denganmu agar kita benar-benar gembira.

[13] Anak-anak kepada saudara perempuan puan yang telah dipilih oleh Allah juga berkirim salam kepada puan.

3 Yahya

1 [1] Daripadaku, seorang tua-tua,

Kepada Gayus, sahabat yang dikasihi, yang kukasihi di dalam kebenaran. [2] Aku berdoa semoga kamu berada dalam keadaan sejahtera serta sihat jasmanimu sebagaimana rohanimu berbahagia. [3] Aku sungguh bersukacita apabila beberapa orang saudara seiman datang berkunjung dan memberi kesaksian tentang kesetiaanmu kepada kebenaran, kerana memang kamu hidup dalam kebenaran. [4] Tiada yang lebih membahagiakanku daripada berita bahawa anak-anakku hidup mengikut kebenaran.

[5] Sahabat yang kukasihi, kamu sungguh setia dalam usahamu untuk saudara-saudara seiman, termasuklah yang belum kamu kenali. [6] Mereka telah memberitahu jemaah di sini tentang kasihmu terhadap mereka. Baik juga perbuatanmu jika engkau dapat membantu mereka dalam perjalanan mereka dengan cara yang berkenan kepada Allah. [7] Mereka berangkat demi nama Tuhan tanpa menerima sebarang bantuan daripada orang yang belum mengenal Allah. [8] Oleh itu, kita mestilah membantu orang seperti ini. Dengan demikian kita menjadi rakan sekerja dalam usaha menyebarkan kebenaran.

[9] Aku telah menulis surat ringkas kepada jemaah, tetapi Diotrefes yang berhasrat memimpin jemaah enggan menurut kataku. [10] Ketika aku ke sana nanti, aku akan mendedahkan segala yang telah dilakukannya, iaitu memfitnahkan kami dengan pelbagai perkara jahat yang dusta sama sekali. Bukan itu sahaja, dia tidak mahu menerima saudara-saudara seiman apabila mereka datang. Malah dia menghalang orang yang hendak menyambut saudara-saudara itu, dan dia cuba mengusir mereka keluar daripada jemaah.

[11] Sahabat yang kukasihi, janganlah contohi kelakuan yang buruk. Teladanilah kelakuan yang baik. Sesiapa berbuat baik, maka dia milik Allah. Sesiapa berbuat jahat, maka dia belum mengenal Allah. [12] Demetrius menerima kesaksian baik daripada setiap orang, malah daripada kebenaran itu sendiri. Kami juga memberinya kesaksian baik, dan kamu tahu bahawa kami menyatakan apa yang benar.

[13] Ada banyak lagi yang hendak kusebutkan kepadamu, tetapi lebih eloklah tidak melalui surat. [14] Aku berharap akan dapat segera bertemu dan berbincang denganmu.

[15] Damai sejahtera Tuhan menyertaimu. Semua sahabatmu di sini berkirim salam. Sampaikan salamku kepada setiap sahabat di sana dengan menyebut nama mereka masing-masing.

Yuda

1 [1] Surat ini daripada Yuda, hamba Isa al-Masih dan saudara Yakobus,

Untuk tatapan mereka yang telah dipanggil dan dikasihi oleh Allah Bapa serta dilindungi oleh Isa al-Masih:

[2] Semoga belas kasihan, damai sejahtera dan kasih melimpahimu.

Hukuman untuk guru palsu

[3] Saudara-saudara yang kukasihi, ketika aku cuba menulis kepadamu tentang penyelamatan yang telah kita terima bersama, hatiku tergerak hendak memberikan perangsang kepadamu supaya terus berjuang untuk iman yang telah dikurniakan Allah kepada orang salih-Nya cuma sekali untuk selama-lamanya. [4] Beberapa orang telah menyusup masuk ke dalam golongan kamu tanpa disedari. Merekalah yang dari dahulu lagi telah disebutkan hukumannya di dalam Kitab Suci. Merekalah orang mungkar yang menyalahgunakan kasih kurnia Allah Tuhan kita untuk melakukan maksiat. Mereka tidak mengakui Isa al-Masih sebagai satu-satunya Raja dan Junjungan kita Yang Esa.

[5] Sungguhpun kamu sudah maklum segalanya, aku ingin mengingatkanmu bahawa Tuhan telah menyelamatkan umat Israel dari negeri Mesir dan kemudiannya memusnahkan mereka yang tidak percaya. [6] Dan para malaikat yang telah melampaui batas kekuasaan yang dikurniakan Allah hinggakan tergamak meninggalkan tempat yang ditetapkan bagi mereka — Allah telah membelenggu mereka dengan rantai yang kekal dan mengurung mereka dalam kegelapan hingga Hari Penghakiman yang besar itu. [7] Begitu juga halnya dengan para penghuni kota Sodom, Gomora dan bandar-bandar di sekitarnya yang telah melakukan percabulan dan perbuatan sumbang. Mereka menjadi contoh orang yang mengalami seksaan hukuman api yang kekal.

[8] Demikian jugalah sekalian orang itu yang berangan-angan hinggakan mereka melakukan dosa terhadap tubuh badan sendiri. Mereka menghina kekuasaan Allah dan menista para makhluk yang adikudrati. [9] Namun ketua malaikat, Mikail, tidak berani melafazkan sepatah pun kata nista ketika berbalah dengan Iblis tentang jenazah Musa. Mikail hanya berkata, ‘Tuhan murkai kamu!’ [10] Sebaliknya, orang itu mencaci hal-hal yang langsung tidak difahami oleh mereka. Ada beberapa perkara yang mereka ketahui, tetapi seperti haiwan yang tidak berakal, mereka hanya mengetahui secara naluri, maka kerana itulah mereka binasa.

[11] Malangnya mereka ini! Mereka telah menurut jejak langkah Kabil. Seperti Bileam, mereka telah melibatkan diri dengan perbuatan yang sesat, semata-mata untuk mengejar wang. Mereka telah memberontak seperti Korah, maka mereka dimusnahkan.

[12] Mereka ini mencemarkan majlis perjamuan kasihmu, kerana mereka seperti gembala yang mencari makanan bagi diri mereka sendiri tanpa segan silu. Mereka seperti awan yang ditiup angin, maka tidak membawa hujan. Mereka ibarat pokok yang tidak berbuah meskipun pada musim buah. Mereka umpama pohon yang telah dicabut dengan akar umbinya dan mengalami dua kali kematian. [13] Mereka laksana ombak ganas di lautan yang membuihkan perbuatan aib. Mereka seperti bintang beredar yang telah ditentukan tempatnya dalam kegelapan yang hitam pekat untuk selama-lamanya.

[14] Henokh (juga disebut Idris), keturunan ketujuh daripada Adam, pernah bernubuat tentang mereka: ‘Lihatlah, Tuhan akan datang dengan ribuan malaikat-Nya yang suci. [15] Dia akan menghakimi seluruh umat manusia. Dia akan menghukum orang derhaka kerana perbuatan durjana mereka dan caci nista mereka terhadap-Nya.’ [16] Orang sedemikian sentiasa bersungut dan menyalahkan orang lain. Mereka menurut hawa nafsu durjana. Mereka memuji diri sendiri dan mengampu orang tertentu untuk mendapat keuntungan.

Panggilan untuk bertahan

[17] Namun, saudara-saudaraku yang dikasihi, ingatlah kata-kata para rasul Junjungan kita Isa al-Masih. [18] Mereka telah berkata kepadamu, ‘Pada akhir zaman nanti, orang akan tampil dan

mengejek-ejekmu. Mereka itu orang yang menurut hawa nafsu yang mungkar.' [19] Merekalah yang menjadikan jemaah porak-peranda. Mereka tidak dipimpin oleh Roh Suci tetapi dikuasai oleh hawa nafsu sendiri.

[20] Tetapi kamu, saudara-saudaraku, teruskanlah usaha membina hidup yang berasaskan iman yang paling murni. Berdoalah dengan bimbingan Roh Suci. [21] Hiduplah di bawah naungan kasih Allah sementara menunggu belas kasihan Junjungan kita Isa al-Masih yang akan menganugerahimu hidup kekal.

[22] Amalkan sikap belas kasihan kepada orang yang kurang yakin. [23] Berusahalah menyelamatkan orang daripada api. Namun, sambil berbelas kasihan sesama manusia, berhati-hatilah. Bahkan bencilah pakaian mereka yang dinodai oleh hawa nafsu duniawi.

Pemberkatan

[24] Allah yang berkuasa memeliharamu supaya kamu tidak tersandung, dan membawamu ke hadirat-Nya yang mulia dengan sukacita dan suci murni. [25] Dialah Allah Yang Esa, Penyelamat kita melalui Isa al-Masih, Junjungan kita Yang Esa. Bagi Dialah kemuliaan, keagungan, kekuasaan dan kuasa sejak dahulu hingga sekarang dan untuk selama-lamanya. Amin.

Wahyu

1 *Pendahuluan*

[1] Inilah wahyu Isa al-Masih yang dinyatakan Allah kepada-Nya supaya Dia menyampaikan kepada
hamba-hamba-Nya segala yang pasti segera terjadi. Al-Masih menghantarkan malaikat-Nya untuk
memberitahu perkara-perkara itu kepada hamba-Nya Yahya. [2] Maka Yahya pun bersaksi tentang
semua yang telah dilihatnya iaitu Firman Allah dan kesaksian Isa al-Masih. [3] Diberkatilah orang yang
membaca kata-kata nubuat ini dan mendengarnya serta mematuhi apa yang tersurat di dalamnya,
kerana masanya sudah dekat.

Salam kepada tujuh jemaah

[4] Daripada Yahya kepada tujuh jemaah di Asia Kecil:

Kasih kurnia dan kesejahteraan kepadamu daripada Allah, iaitu Dia yang ada sekarang, yang ada
dahulu dan yang akan datang, juga daripada tujuh roh yang di hadapan takhta-Nya, [5] dan daripada
Isa al-Masih, Saksi Setia. Dialah yang pertama dibangkitkan dari kalangan orang mati dan Dialah
Raja kepada sekalian raja dunia.

Isa mengasihi kita, maka Dia membebaskan kita daripada segala dosa kita dengan darah-Nya [6] serta
menjadikan kita suatu kerajaan, dan imam-imam bagi Allah Tuhan-Nya dan Bapa-Nya. Bagi-Nyalah
kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin.

[7] Lihatlah, Dia datang dalam awan! Seluruh umat manusia akan melihat-Nya, termasuk mereka yang
telah menikam Dia. Semua bangsa di bumi akan berkabung kerana Dia. Ya, tentu sekali. Amin.

[8] ‘Akulah Alif dan Ya, yang pertama dan yang terakhir,’ demikian firman Allah, Tuhan Yang Maha
Kuasa, yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang.

Penglihatan di Patmos

[9] Aku, Yahya, saudara dan teman senasibmu dalam kesengsaraan, kerajaan dan ketabahan
dalam Isa, berada di pulau Patmos kerana firman Allah dan kesaksian Isa. [10] Pada hari Tuhan, Roh
menguasaiku, lalu aku mendengar suara yang lantang, seperti bunyi sangkakala, berkata-kata di
belakangku. [11] Suara itu berkata, ‘Tuliskanlah apa yang kaulihat dan hantarkan kitab itu kepada tujuh
jemaah: Efesus, Smirna, Pergamus, Tiatira, Sardis, Filadelfia dan Laodikia.

[12] Aku menoleh ke belakang untuk melihat siapa yang berkata-kata itu. Kulihat tujuh kaki pelita
daripada emas. [13] Di tengah-tengah kaki pelita itu kelihatan suatu lembaga seakan-akan putera insan,
berjubah labuh sampai ke kaki dan memakai seutas pending emas yang meliliti dada-Nya. [14] Rambut-
Nya putih seperti kapas dan mata-Nya menyala-nyala laksana api. [15] Kaki-Nya bersinar umpama
gangsa digilap dan suara-Nya ibarat deru air terjun yang hebat. [16] Tangan kanan-Nya memegang
tujuh bintang dan dari mulut-Nya keluar sebilah pedang mata dua yang tajam. Wajah-Nya bersinar-
sinar laksana matahari pada waktu tengah hari.

[17] Apabila aku melihat-Nya, rebahlah aku di kaki-Nya seolah-olah tidak bernyawa lagi. Dia
meletakkan tangan kanan-Nya ke atasku lalu berfirman, ‘Janganlah takut! Akulah yang pertama dan
yang terakhir. [18] Akulah Dia yang hidup. Aku pernah mati, tetapi lihatlah, Aku hidup selama-lamanya.
Aku memegang anak kunci kematian dan alam maut.

[19] ‘Oleh itu, tuliskanlah segala yang kaulihat, baik yang ada sekarang mahupun yang akan
terjadi. [20] Inilah maksud perlambangan tujuh bintang yang kaulihat di tangan kanan-Ku dan tujuh kaki
pelita daripada emas itu. Tujuh bintang itu melambangkan para malaikat jemaah di tujuh tempat itu
manakala tujuh kaki pelita itu melambangkan jemaah di situ.’

2 *Surat kepada jemaah di Efesus*

[1] ‘Kepada malaikat jemaah di Efesus, tulislah:

Inilah firman daripada Dia yang memegang tujuh bintang di tangan kanan-Nya dan yang

melangkah di antara tujuh kaki pelita daripada emas: [2] Aku tahu perbuatanmu, jerih payahmu dan
ketabahanmu. Aku tahu bahawa kamu tidak tahan lagi dengan kejahatan orang durjana. Kamu telah
menguji orang yang membuat pengakuan palsu bahawa mereka rasul padahal mereka bukan, dan
kamu telah mendapati mereka itu pendusta. [3] Kamu tetap tabah dan tetap menderita kerana nama-Ku
tanpa berputus asa.

[4] Namun demikian, Aku mencelamu kerana satu perkara: Kamu telah meninggalkan kasihmu yang
pertama. [5] Sedarilah betapa dalamnya kamu telah terjerumus. Bertaubatlah dan lakukanlah apa yang
kamu lakukan mula-mula lagi. Jika tidak, Aku akan datang dan mengalihkan kaki pelitamu dari
tempatnya. [6] Namun, ada sesuatu yang baik padamu: Kamu benci akan perbuatan pengikut Nikolaus
yang juga Kubenci.

[7] Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah. Kepada yang
menang akan Kuizinkan makan buah dari pohon hidup di taman Firdaus Allah.

Surat kepada jemaah di Smirna

[8] 'Kepada malaikat jemaah di Smirna, tulislah:

Inilah firman daripada Dia yang pertama dan yang terakhir, yang telah mati dan hidup semula. [9] Aku
tahu akan kesengsaraanmu. Aku tahu kamu miskin, tetapi sebenarnya kamu kaya. Aku tahu akan
fitnah yang dilemparkan kepadamu oleh orang yang mengaku dirinya orang Yahudi tetapi sebenarnya
mereka bukan. Mereka jemaah Iblis. [10] Janganlah takut terhadap apa yang akan kamu deritai kelak.
Ketahuilah, Iblis akan menghumbankan sebilangan daripadamu ke dalam penjara untuk mengujimu.
Kamu akan menanggung kesengsaraan selama sepuluh hari. Setialah sampai mati, maka aku akan
menganugerahimu mahkota hidup sebagai ganjaran untuk kemenangan.

[11] Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah. Mereka yang
menang tidak akan mengalami sengsara kematian yang kedua.

Surat kepada jemaah di Pergamus

[12] 'Kepada malaikat jemaah di Pergamus, tulislah:

Inilah firman daripada Dia yang memiliki sebilah pedang mata dua yang tajam. [13] Aku tahu akan
tempat kediamanmu. Di situlah Iblis bertakhta. Namun, kamu setia berpegang kepada nama-Ku.
Malah kamu tidak menyangkal imanmu kepada-Ku ketika Antipas, saksi-Ku yang setia, dibunuh di
tempat kediaman Iblis.

[14] Tetapi aku mencelamu kerana beberapa perkara: Ada di antaramu yang menganut ajaran
Bileam. Bileam telah mengajak Balak untuk memujuk umat Israel supaya berdosa dengan makan
makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala serta melakukan pencabulan. [15] Secara itu juga
ada sebilangan daripadamu yang mengikut ajaran Nikolaus. [16] Bertaubatlah. Jika tidak, Aku akan
datang segera kepadamu dan menyerang mereka dengan pedang yang keluar dari mulut-Ku.

[17] Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah. Aku akan
memberikan sebahagian manna yang tersembunyi kepada mereka yang menang. Juga aku akan
memberinya batu putih yang bertulis nama baru, yang tidak diketahui oleh sesiapa selain
penerimanya.

Kepada jemaah di Tiatira

[18] 'Kepada malaikat jemaah di Tiatira, tulislah:

Inilah kata-kata daripada Putera Allah, yang mata-Nya menyala-nyala seperti api, dan kaki-Nya
laksana gangsa digilap. [19] Aku tahu perbuatanmu, kasihmu, imanmu, pelayananmu dan ketabahanmu.
Aku juga tahu bahawa kamu sekarang lebih banyak berusaha daripada dahulu.

[20] Namun, Aku mencelamu kerana satu perkara: Kamu membenarkan perempuan bernama Izebel
yang mengaku dirinya nabiah Allah itu mengajar umat-Ku. Dia mengajar dan menyesatkan hamba-
hamba-Ku sehingga mereka melakukan pencabulan dan makan makanan yang telah dipersembahkan
kepada berhala. [21] Aku telah memberinya peluang untuk bertaubat tetapi dia enggan menghentikan
perbuatannya yang cabul. [22] Ketahuilah, Aku akan menghukumnya dengan sakit terlantar dan mereka
yang berzina dengannya akan menanggung kesengsaraan yang dahsyat melainkan mereka bertaubat
daripada perbuatan mereka dengannya. [23] Aku juga akan meragut nyawa anak-anaknya, supaya

seluruh jemaah tahu bahawa Akulah yang menyelami hati dan fikiran manusia. Aku akan memberikan
balasan yang setimpal dengan perbuatan setiap orang. 24 Tetapi sesetengah daripada kamu di Tiatira
tidak mengikut ajaran durjana itu. Kamu tidak menuntut ilmu daripada Iblis. Aku berkata kepadamu
bahawa aku tidak akan menambahkan bebanmu dengan kewajipan baru. 25 Namun, kamu haruslah
memelihara apa yang sudah ada padamu, hingga saat Aku datang nanti.

26 Kepada yang menang dan melakukan kehendak-Ku sampai akhir akan Kuanugerahi kekuasaan
ke atas bangsa-bangsa.

27 "Dia akan memerintah mereka dengan

tongkat besi kerajaan

dan meremukkan mereka seperti

tembikar" —

seiring dengan kekuasaan yang telah Kuterima daripada Bapa-Ku. 28 Aku akan menganugerahi
mereka bintang fajar. 29 Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada
jemaah.

3 *Surat kepada jemaah di Sardis*

1 'Kepada malaikat jemaah di Sardis, tulislah:

Inilah kata-kata daripada Dia yang memiliki tujuh Roh Allah dan tujuh bintang. Aku tahu perbuatanmu.
Nama sahaja kamu hidup tetapi sebenarnya mati. 2 Bangunlah dan teguhkanlah apa yang masih ada
padamu dan yang hampir mati kerana Kudapati apa yang kamu lakukan belum lagi sempurna di sisi
Allah Tuhanku. 3 Ingatlah semula segala yang telah diajarkan kepadamu dan segala yang telah kamu
dengar. Patuhilah segalanya dan bertaubatlah. Jika tidak, Aku akan datang kepadamu laksana
pencuri. Kamu tidak mungkin tahu saatnya Aku datang.

4 Namun, ada sebilangan daripadamu di Sardis yang tidak mencemarkan pakaian mereka. Mereka
akan berjalan bersama-Ku dengan berpakaian putih kerana mereka layak mendapat kemuliaan
sedemikian. 5 Kepada yang menang akan dapat berpakaian putih seperti itu dan Aku tidak akan
memadamkan nama mereka dari Kitab Hidup. Aku akan mengakui mereka sebagai milik-Ku di hadirat
Bapa-Ku dan di hadapan para malaikat-Nya. 6 Sesiapa yang bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan
oleh Roh kepada jemaah.

Surat kepada jemaah di Filadelfia

7 'Kepada malaikat jemaah di Filadelfia, tulislah:

Inilah kata-kata daripada Dia yang suci dan setia dan yang memegang kunci milik Daud. Apabila Dia
membuka pintu, tiada siapa yang dapat menutupnya, dan apabila Dia menutupnya, tiada siapa yang
dapat membukanya. 8 Aku tahu perbuatanmu. Lihatlah Aku telah membukakan sebuah pintu untukmu,
dan tiada siapa yang dapat menutupnya. Aku tahu bahawa kamu tidaklah begitu kuat, tetapi kamu
taat kepada firman-Ku dan tidak sekali-kali menyangkal nama-Ku. 9 Orang yang menyokong Iblis,
para pendusta yang bukan Yahudi tetapi mengaku dirinya Yahudi, akan Kubawa kepadamu. Mereka
akan Kupaksa datang dan sujud kepadamu dan mereka akan tahu bahawa Aku mengasihimu. 10 Oleh
sebab kamu taat akan perintah-Ku supaya tabah menanggung kesengsaraan, Aku akan
menyelamatkanmu daripada masa pancaroba yang akan menimpa seluruh dunia sebagai dugaan
kepada umat manusia.

11 Aku akan datang segera. Peliharalah apa yang ada padamu dengan sempurna, supaya
ganjaran kemenanganmu tidak diragut orang. 12 Aku akan menjadikan mereka yang menang seperti
tiang di rumah Allah Tuhanku dan dia akan tetap tinggal di situ. Aku akan menulis pada dirinya nama
Allah dan Kota Allah, iaitu Baitulmaqdis baru yang akan diturunkan Allah dari syurga, juga nama-Ku
yang baru. 13 Jika kamu bertelinga, dengarlah apa yang dikatakan oleh Roh kepada jemaah.

Surat kepada jemaah di Laodikia

14 'Kepada malaikat jemaah di Laodikia, tulislah:

Inilah perkhabaran daripada Dia yang disebut Amin, Saksi yang setia dan benar, Permulaan segala

ciptaan Allah. [15] Aku tahu apa yang kamu lakukan. Aku tahu bahawa kamu ini sejuk tidak, panas pun
tidak. Betapa baiknya jika kamu mengambil salah satu daripada dua sikap itu. [16] Tetapi oleh sebab
kamu suam-suam sahaja, Aku akan meludahkan kamu. [17] Kamu berkata, “Aku kaya dan cukup
segala-galanya, tiada kekurangan apa-apa.” Tetapi kamu tidak tahu bahawa kamu sebenarnya dalam
keadaan yang serba kekurangan dan amat menyedihkan. Kamu miskin, telanjang dan buta. [18] Dengan
demikian Kunasihati kamu: Belilah emas daripada-Ku, emas tulen, supaya kamu kaya. Belilah
pakaian putih untuk menutup tubuhmu yang telanjang lagi mengaibkan. Belilah ubat untuk matamu
supaya dapat melihat.

[19] Aku menegur dan menghukum orang yang Kukasihi. Oleh itu, amalkanlah sikap bersungguh-
sungguh dan bertaubatlah. [20] Dengarlah! Aku berdiri di hadapan pintu sambil mengetuk. Jika
seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke rumahnya. Aku akan
makan bersamanya dan dia bersama-Ku.

[21] Aku akan membenarkan mereka yang menang duduk di atas takhta-Ku, seperti Aku yang telah
menang kini duduk di sisi Bapa-Ku di atas takhta-Nya. [22] Jika kamu bertelinga; dengarlah apa yang
dikatakan oleh Roh kepada jemaah.’

4 *Takhta di syurga*

[1] Selepas itu, aku melihat sebuah pintu terbuka di syurga. Suara seperti bunyi sangkakala yang
pernah kudengar dahulu berkata kepadaku, ‘Marilah naik ke sini. Aku akan memperlihatkan apa yang
pasti terjadi kemudian kelak.’ [2] Serta-merta Roh menguasaiku. Kulihat sebuah takhta di syurga dan
seorang bersemayam di atasnya.

[3] Dia yang bersemayam itu berwajah gilang-gemilang seperti batu yaspis dan akik. Takhta itu
dikelilingi pelangi yang bersinar laksana zamrud. [4] Di sekeliling takhta itu kelihatan dua puluh empat
buah takhta lain. Di atasnya duduk dua puluh empat tua-tua yang berpakaian putih dan bermahkota
emas. [5] Dari takhta itu kulihat kilat memancar dan kudengar guruh berbunyi. Di hadapan takhta itu
terdapat tujuh pelita yang menyala, iaitu tujuh Roh Allah. [6] Di hadapan takhta itu juga kelihatan
sesuatu yang seperti lautan kaca, jernih seperti hablur.

Di sekeliling takhta itu terdapat empat makhluk, satu di setiap sisi. Bahagian depan dan belakang
makhluk itu penuh dengan mata. [7] Makhluk yang pertama rupanya seperti singa; yang kedua seperti
anak lembu; yang ketiga mukanya seperti muka manusia; dan yang keempat rupanya seperti burung
helang sedang terbang. [8] Setiap makhluk itu bersayap enam. Di bawah sayapnya pun penuh dengan
mata. Siang malam mereka tidak henti-henti menyanyi:

‘Suci, suci, sucilah Allah,
Tuhan Yang Maha Kuasa,
yang ada dahulu, yang ada sekarang dan
yang akan datang.’

[9] Keempat-empat makhluk itu menyanyikan pelbagai nyanyian yang memuliakan, menyanjung dan
menyatakan syukur kepada Dia yang sedang bersemayam di atas takhta, Dia yang hidup selama-
lamanya. [10] Sambil itu, dua puluh empat tua-tua sujud kepada Dia yang bersemayam di atas takhta,
menyembah Dia yang hidup selama-lamanya. Mereka mencampakkan mahkota mereka di hadapan
takhta itu lalu berkata,

[11] ‘Ya Allah, Ya Tuhan kami! Hanya Engkau
yang layak menerima kemuliaan, kehormatan dan kuasa,
kerana Engkaulah yang mencipta
segala-galanya,
dan dengan kehendak-Mu
segala-galanya wujud dan dicipta.’

5 *Gulungan naskhah dan Anak Domba*

[1] Kemudian aku melihat segulungan naskhah di tangan kanan Dia yang bersemayam di atas takhta
itu. Gulungan itu bertulis kedua-dua belah dan dimaterai dengan tujuh materai. [2] Setelah itu kulihat

dan kudengar malaikat yang gagah perkasa bertanya dengan suara lantang, ‘Siapakah yang layak
memecahkan materai dan membuka gulungan naskhah ini?’ [3] Namun, tiada seorang pun, baik di
syurga, di bumi, mahupun di bawah bumi, yang terdaya membuka gulungan naskhah itu dan melihat
kandungannya.

[4] Oleh itu aku pun menangis teresak-esak kerana tiada seorang pun yang layak membuka dan
membaca naskhah atau melihat kandungannya. [5] Kemudian salah seorang tua-tua itu berkata
kepadaku, ‘Jangan menangis. Lihatlah! Singa daripada suku Yahuda, zuriat keturunan yang mulia
daripada Daud, telah menang. Dia dapat membuka gulungan naskhah itu dan memecahkan tujuh
materai dan membuka gulungan naskhah itu.’

[6] Selepas itu kulihat Anak Domba berdiri di tengah-tengah takhta itu, dikelilingi oleh keempat-
empat makhluk dan para tua-tua. Anak Domba itu, yang kelihatan sudah disembelih, mempunyai
tujuh tanduk dan tujuh mata, iaitu tujuh Roh Allah yang telah dihantar ke seluruh dunia. [7] Anak Domba
itu pergi mengambil gulungan naskhah dari tangan kanan Dia yang bersemayam di atas
takhta. [8] Empat makhluk dan dua puluh empat orang tua-tua sujud kepada Anak Domba itu. Masing-
masing memegang sebuah kecapi dan sebuah batil emas berisi setanggi, iaitu segala doa orang
salih. [9] Mereka menyanyikan lagu baru:

‘Engkau layak mengambil gulungan
naskhah itu
dan membuka materainya
kerana Engkau telah dibunuh,
dan dengan darah kematian-Mu
Engkau telah menebus untuk Allah
manusia daripada segala suku,
bahasa, kaum, negara dan bangsa.
[10] Engkau telah menjadikan mereka
suatu kerajaan dan imam-imam Allah
untuk menyembah Allah Tuhan kita
dan memerintah di bumi.’

[11] Aku melihat lagi. Aku mendengar suara ribuan dan jutaan malaikat. Mereka berdiri mengelilingi
takhta, empat makhluk dan para tua-tua. [12] Mereka menyanyi dengan suara yang lantang:

‘Anak Domba yang telah disembelih
layak menerima kekuasaan,
kekayaan, kebijaksanaan, kekuatan,
kehormatan, kemuliaan
dan puji-pujian.’

[13] Aku mendengar semua makhluk - di syurga, di bumi, di bawah bumi, di dalam laut, dan semua
yang ada di dalamnya, menyanyi:

‘Segala puji, kemuliaan dan kuasa kepada
Dia yang duduk di atas takhta
dan kepada Anak Domba untuk
selama-lamanya.’

[14] Keempat-empat makhluk itu menyahut, ‘Amin!’ Para tua-tua itu pun sujud menyembah Allah
dan Anak Domba itu.

6 *Materai dibuka*

[1] Seterusnya aku melihat Anak Domba itu memecahkan materai pertama daripada ketujuh-tujuh
materai itu. Lantas kudengar salah satu daripada empat makhluk itu berkata dengan suara seperti
guruh, ‘Marilah, lihat!’ [2] Aku melihat seekor kuda putih ditunggang oleh seorang yang memegang

busur panah. Dia diberi sebuah mahkota dan tampil sebagai seorang penakluk yang sedia untuk menakluk.

3 Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai kedua dan kudengar makhluk kedua berkata, ‘Marilah, lihat!’ 4 Seekor kuda merah pula muncul. Penunggangnya diberi kuasa untuk mencetuskan peperangan di bumi dan menyebabkan manusia berbunuh-bunuhan. Dia diberi sebilah pedang yang besar.

5 Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai ketiga lalu kudengar makhluk ketiga berkata, ‘Marilah, lihat!’ Aku melihat seekor kuda hitam. Penunggangnya memegang dacing. 6 Aku mendengar sesuatu seperti suara dari tengah-tengah makhluk berempat itu, berkata, ‘Secupak gandum sedinar harganya, dan tiga cupak barli juga sedinar harganya, tetapi minyak dan air anggur itu jangan kaurosakkan.’

7 Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai keempat. Kudengar makhluk keempat berkata, ‘Mari!’ 8 Aku melihat seekor kuda berwarna pucat. Penunggangnya bernama Maut, dan Alam Maut mengekorinya. Mereka diberi kuasa membunuh seperempat penghuni bumi melalui peperangan, kebuluran, wabak penyakit dan serangan binatang buas.

9 Kemudian Anak Domba itu memecahkan materai kelima. Di bawah mazbah aku melihat roh-roh orang yang telah dibunuh kerana firman Allah dan kerana kesaksian yang mereka pegang dengan setia. 10 Mereka berseru dengan suara lantang, ‘Ya Tuhan yang suci dan benar! Berapa lama lagi sebelum Engkau menghakimi penghuni bumi dan membalas perbuatan mereka yang telah menumpahkan darah dan meragut nyawa kami?’ 11 Setiap roh itu diberi sehelai jubah putih dan disuruh berehat sebentar lagi hingga cukup bilangan hamba-hamba sepengabdian dan orang yang menjadi saudara seiman, yang akan dibunuh seperti mereka.

12 Kemudian aku melihat Anak Domba itu memecahkan materai keenam. Seketika itu terjadilah gempa bunyi yang dahsyat. Matahari menjadi seperti kain hitam dan bulan merah seperti darah. 13 Bintang-bintang gugur ke bumi seperti buah ara luruh ditiup angin kencang. 14 Langit lenyap tergulung seperti gulungan naskhah manakala gunung dan pulau teralih dari tempatnya.

15 Seluruh umat manusia, baik raja, pegawai, panglima, orang berharta dan berkuasa, orang bebas mahupun hamba abdi, lari bersembunyi di dalam gua dan di celah-celah batu di gunung. 16 Mereka berseru kepada gunung dan batu itu, ‘Hempaplah kami! Sembunyikan kami daripada pandangan Dia yang bersemayam di atas takhta dan daripada kemurkaan Anak Domba! 17 Hari besar yang dahsyat, hari kemurkaan mereka telah tiba. Allah dan Anak Domba akan menghukum kami. Siapa yang dapat bertahan?’

7 *144,000 dimateraikan*

1 Selepas itu, kulihat empat malaikat berdiri di empat penjuru bumi dan menahan keempat-empat angin di bumi supaya tidak ada angin yang bertiup di darat, di laut, atau di pohon-pohon. 2 Kemudian kulihat malaikat lain datang dari timur membawa materai yang digunakan oleh Allah yang hidup. Dengan suara lantang malaikat itu berseru kepada empat malaikat yang telah diberi kuasa untuk merosakkan darat dan laut. 3 Malaikat itu berkata, ‘Janganlah rosakkan darat, laut atau pohon-pohon hingga kami telah mematerai dahi hamba-hamba Allah Tuhan kita.’ 4 Lalu aku mendengar bahawa seratus empat puluh empat ribu dari semua suku Israel dimateraikan.

5 Dari suku Yahuda dua belas ribu,
dari suku Ruben dua belas ribu,
dari suku Gad dua belas ribu,
6 dari suku Asyer dua belas ribu
dari suku Naftali dua belas ribu,
dari suku Manasye dua belas ribu,
7 dari suku Simeon dua belas ribu,
dari suku Lewi dua belas ribu,
dari suku Isakhar dua belas ribu,
8 dari suku Zabulon dua belas ribu,

dari suku Yusuf dua belas ribu,
dari suku Benyamin dua belas ribu.

Orang ramai berjubah putih

9 Selepas itu aku melihat lagi. Kulihat lautan manusia, tidak terkira banyaknya, dari segala bangsa,
suku, kaum, dan bahasa, berjubah putih dan memegang daun palma. Mereka semua berdiri di
hadapan takhta dan Anak Domba. 10 Mereka berseru dengan lantang,

‘Penyelamatan ada pada Allah Tuhan kami
yang bersemayam di atas takhta dan pada
Anak Domba!’

11 Semua malaikat berdiri mengelilingi takhta, empat makhluk dan para tua-tua, lalu semuanya
sujud di hadapan takhta menyembah Allah. 12 Mereka berkata,

‘Amin!
Segala pujian, kemuliaan,
kebijaksanaan, kesyukuran, kehormatan,
kuasa dan kebesaran
bagi Allah Tuhan kami selama-lamanya!
Amin.’

13 Salah seorang tua-tua itu bertanya kepadaku, ‘Siapakah yang berjubah putih itu dan dari manakah
mereka itu?’

14 ‘Aku tidak tahu, tetapi tuan tahu,’ sahutku. Dia berkata, ‘Merekalah orang yang berjaya
menempuh kesengsaraan yang dahsyat. Mereka telah membasuh jubah mereka menjadi putih bersih
dengan darah Anak Domba. 15 Maka sekarang,

‘mereka berdiri di hadapan takhta Allah
dan menyembah-Nya siang malam
di dalam rumah ibadat-Nya.
Dia yang bersemayam di atas takhta
akan membentangkan khemah-
Nya di atas mereka.
16 Mereka tidak akan lapar atau dahaga lagi.
Terik matahari atau sesuatu yang amat
panas pun tidak akan dapat
membakar mereka lagi
17 kerana Anak Domba di tengah-tengah takhta itu akan menjadi gembala mereka.
Dia akan membimbing mereka ke mata air
yang membawa hidup,
dan Allah akan menghapuskan setiap
titik air mata mereka.’

8 *Materai ketujuh*

1 Apabila Anak Domba memecahkan materai ketujuh, syurga menjadi senyap sunyi kira-kira setengah
jam.

2 Kemudian aku melihat tujuh malaikat menghadap Allah. Mereka diberi tujuh sangkakala.

3 Satu lagi malaikat datang berdiri di hadapan mazbah sambil membawa tempat bara diperbuat

daripada emas. Dia diberi banyak setanggi untuk ditambahkan kepada doa semua orang salih dan
untuk dipersembahkan di atas mazbah emas di hadapan takhta. [4] Doa orang salih bersama asap
setanggi yang dibakar itu naik berkepul-kepul dari tangan malaikat yang menghadap
Allah. [5] Kemudian malaikat itu mengisi tempat bara dengan bara api dari mazbah lalu melontarkannya
ke bumi. Dalam sekelip mata kedengaran guruh petir dan kelihatan kilat sabung-menyabung lalu
seluruh bumi gempa.

Empat sangkakala yang pertama

[6] Kemudian tujuh malaikat yang memegang tujuh sangkakala itu bersedia untuk meniupnya.

[7] Malaikat pertama meniup sangkakalanya. Hujan batu dan api bercampur darah terus
dilemparkan ke bumi. Lalu sepertiga bumi, dan sepertiga pohon-pohon serta segala tumbuh-
tumbuhan yang hijau hangus dibakar.

[8] Kemudian malaikat kedua meniup sangkakalanya. Sesuatu yang kelihatan seperti gunung besar
yang menyala dicampakkan ke dalam laut. Sepertiga air laut menjadi darah. [9] Sepertiga makhluk di
laut mati dan sepertiga kapal musnah.

[10] Kemudian malaikat ketiga meniup sangkakalanya. Sebuah bintang besar yang menyala-nyala
seperti suluh gugur menimpa sepertiga sungai dan mata air di bumi. [11] (Bintang itu bernama 'Apsintus'
iaitu 'Pahit'.) Sepertiga air menjadi pahit dan ramai orang mati kerana meminumnya.

[12] Kemudian malaikat keempat meniup sangkakalanya. Sepertiga matahari, bulan dan bintang
terpukul, sehingga tidak dapat bersinar sepertiga waktu. Matahari tidak memancar sepertiga siang,
manakala bulan dan bintang tidak bercahaya sepertiga malam.

[13] Kemudian aku melihat dan mendengar seekor burung helang yang terbang tinggi berseru
nyaring, 'Sengsara! Sengsara! Sengsaralah sekalian penghuni bumi kerana tiga malaikat lagi yang
akan meniup sangkakalanya.'

9 *Sangkakala yang kelima*

[1] Kemudian malaikat kelima meniup sangkakalanya. Kulihat sebuah bintang gugur ke bumi. Bintang
itu diberi kunci jurang yang tidak terduga dalamnya. [2] Bintang itu membuka jurang itu lalu asap keluar
seperti dari relau yang amat besar. Matahari dan seluruh angkasa gelap diselubungi asap itu. [3] Dari
dalam asap itu keluarlah sekawan belalang lantas turun ke bumi. Belalang itu diberi kuasa seperti kala
jengking di bumi. [4] Belalang itu ditegah merosakkan rumput, pokok atau tumbuh-tumbuhan lain;
tugasnya menyerang manusia yang tidak mempunyai tanda materai Allah di dahinya. [5] Belalang itu
tidak dibenarkan membunuh mereka tetapi hanya menyeksa mereka selama lima bulan. Sakitnya
diseksa belalang itu samalah seperti disengat kala jengking. [6] Pada masa itu manusia yang diseksa
itu mencari maut tetapi tidak menemukannya. Mereka ingin mati, namun kematian terlepas daripada
mereka.

[7] Belalang itu kelihatan seperti kuda yang siap sedia untuk berperang. Di kepalanya ada sesuatu
seperti mahkota emas dan mukanya mirip muka manusia. [8] Rambutnya seperti rambut wanita dan
giginya serupa gigi singa. [9] Dadanya kelihatan seperti berperisai. Bunyi sayapnya seperti bunyi
kereta-kereta kuda mara ke medan perang. [10] Ekor dan sengatnya seperti kala jengking. Dengan
ekornya yang bersengat, belalang itu mempunyai kuasa untuk menyeksa manusia selama lima
bulan. [11] Raja kepada belalang itu ialah malaikat yang menjaga jurang yang tidak terduga dalamnya.
Namanya Abadon dalam bahasa Ibrani dan Apolion (bermakna 'Pemusnah') dalam bahasa Yunani.

[12] Bencana pertama telah berlalu. Dua bencana lagi akan menyusul.

[13] Kemudian malaikat keenam meniup sangkakalanya. Aku mendengar suara dari keempat-empat
tanduk mazbah emas di hadapan Allah. [14] Suara itu berkata kepada malaikat keenam yang
memegang sangkakala itu, 'Lepaskanlah empat malaikat yang terikat di sungai yang besar, iaitu
Sungai Efrat itu!' [15] Keempat-empat malaikat itu pun dilepaskan. Mereka telah disediakan khas untuk
membunuh sepertiga umat manusia pada jam, hari, bulan dan tahun itu. [16] Aku diberitahu bahawa
pasukan berkuda itu terdiri daripada dua ratus juta askar.

[17] Dalam penglihatan aku nampak banyak kuda dan penunggangnya. Perisai dada penunggang-
penunggang itu merah seperti api, biru seperti nilam dan kuning seperti belerang. Kepala kuda itu
seperti kepala singa dan dari mulutnya keluar api, asap dan belerang. [18] Api, asap dan belerang dari
mulut kuda itu merupakan tiga bencana yang membunuh sepertiga umat manusia. [19] Kuasa kuda itu

pada mulut dan ekornya. Kuda itu menyeksa manusia dengan ekornya yang seperti ular berkepala.

[20] Manusia yang tidak terbunuh oleh bencana itu tidak berpaling daripada berhala buatan tangan mereka. Mereka meneruskan amalan menyembah roh-roh iblis dan berhala yang dibuat daripada emas, perak, gangsa, batu dan kayu yang tidak dapat melihat, mendengar atau berjalan. [21] Mereka juga tidak berhenti daripada membunuh, menggunakan sihir, melakukan pencabulan dan mencuri.

10 *Malaikat dan gulungan naskhah*

[1] Setelah itu aku melihat satu lagi malaikat yang gagah perkasa turun dari syurga, tubuhnya diliputi awan dan kepalanya dilingkari pelangi. Wajahnya bersinar seperti matahari, dan kakinya seperti tiang api. [2] Tangannya memegang segulungan naskhah kecil yang terbuka. Kaki kanannya di laut, kaki kirinya di darat. [3] Dia berseru dengan suara seperti bunyi sekawan singa mengaum, disahut oleh tujuh guruh dengan gemuruh. [4] Sebaik-baik tujuh guruh itu berkata-kata, aku hendak mencatat kata-katanya. Tetapi kudengar suara dari syurga berkata kepadaku, ‘Materaikan segala yang dikatakan oleh tujuh guruh itu, jangan dituliskan.’

[5] Malaikat yang kulihat berdiri antara laut dengan darat itu mengangkat tangannya ke langit. [6] Dia bersumpah demi Dia yang hidup selama-lamanya, yang telah mencipta syurga dan segala isinya, bumi dan segala isinya serta laut dan segala isinya, bahawa segalanya tidak harus dilengah-lengahkan lagi. [7] Tetapi pada masa malaikat ketujuh hendak meniup sangkakalanya, rahsia Allah akan selesai, sebagaimana firman-Nya kepada hamba-Nya, para nabi.

[8] Kemudian suara yang kudengar dari syurga itu berkata lagi kepadaku, ‘Pergilah ambil naskhah kecil yang terbuka dari tangan malaikat yang berdiri di antara laut dengan darat itu.’

[9] Aku pun mendapatkan malaikat itu dan berkata, ‘Berilah aku naskhah kecil itu.’ Katanya kepadaku, ‘Ambil dan makanlah naskhah ini. Perutmu akan terasa pahit tetapi di mulutmu akan terasa semanis madu.’ [10] Lantas kuambil naskhah kecil itu dari tangannya lalu kumakan, maka di mulutku terasa semanis madu.

Tetapi setelah habis kumakan, perutku terasa pahit. [11] Dia berkata kepadaku, ‘Kamu harus bernubuat lagi tentang pelbagai kaum, bangsa, bahasa dan raja.’

11 *Dua saksi Allah*

[1] Kemudian aku diberi sebatang tongkat yang kelihatan seperti kayu pengukur. Lalu, seorang berkata, ‘Bangkitlah, ukur rumah ibadat Allah dan mazbah, serta hitunglah orang yang beribadat di situ. [2] Tetapi jangan ukur halaman di luar, kerana bahagian itu telah diberikan kepada orang bangsa asing. Mereka akan melanyak kota suci selama empat puluh dua bulan. [3] Aku akan memberikan kuasa kepada dua orang saksi-Ku dan mereka akan bernubuat selama seribu dua ratus enam puluh hari dengan memakai kain kabung.’ [4] Inilah dua pokok zaitun dan dua kaki pelita yang berdiri di hadapan Tuhan bumi ini. [5] Jika sesiapa hendak mencederakan mereka, api akan keluar dari mulut mereka dan menghanguskan musuh mereka itu. Orang yang hendak mencederakan mereka itu mesti dibunuh sedemikian. [6] Mereka mempunyai kuasa menutup langit, supaya hujan tidak turun sepanjang masa mereka bernubuat. Mereka berkuasa ke atas air dan dapat menukarkannya menjadi darah. Mereka juga berupaya menimpakan pelbagai wabak penyakit ke atas bumi sekerap yang mereka kehendaki.

[7] Setelah mereka selesai membuat kesaksian, binatang buas dari dalam jurang itu akan memerangi, menewaskan dan membunuh mereka. [8] Mayat mereka akan bergelimpangan di jalan raya kota agung yang dari segi rohani disebut Sodom dan Mesir, iaitu kota tempat Junjungan mereka disalib. [9] Orang dari pelbagai kaum, suku, bahasa dan bangsa akan melihat mayat mereka selama tiga hari setengah dan tidak membenarkan mereka dikuburkan. [10] Penghuni bumi ini akan bergembira, berpesta dan berkirim-kiriman hadiah, kerana kedua-dua nabi itu telah menyeksa mereka yang tinggal di bumi.

[11] Selepas tiga hari setengah, roh hayat daripada Allah memasuki mereka lalu mereka bangkit berdiri. Sekalian yang melihatnya amat ketakutan. [12] Kedua-dua nabi itu mendengar suara lantang dari langit berkata, ‘Naiklah ke sini.’ Lalu mereka naik ke langit di dalam awan, di hadapan mata musuh mereka.

[13] Pada ketika itu berlakulah gempa bumi yang dahsyat, memusnahkan sepersepuluh kota itu. Tujuh ribu orang terbunuh dalam gempa itu. Mereka yang masih hidup sungguh takut lalu

memuliakan Allah yang berada di syurga.

[14] Bencana kedua telah berlalu. Ketahuilah, bencana ketiga akan segera menyusul.

[15] Kemudian malaikat ketujuh meniup sangkakalanya. Suara-suara lantang di syurga berkata,

‘Segala kerajaan di dunia ini telah
menjadi kerajaan Tuhan kita dan
kerajaan al-Masih-Nya,
dan Dia akan memerintah selama-lamanya!’

[16] Dua puluh empat tua-tua yang mengadap Allah yang bersemayam di atas takhta itu sujud menyembah Allah [17] sambil berkata:

‘Kami bersyukur kepada-Mu,
Ya Allah Tuhan Maha Kuasa;
yang ada sekarang, yang ada dahulu dan
yang akan datang.
Kerana Engkau telah melaksanakan
kuasa-Mu yang besar lalu memerintah.
[18] Bangsa-bangsa asing marah,
maka datanglah kemurkaan-Mu,
dan masanya untuk orang mati dihakimi,
dan Engkau memberi ganjaran
kepada hamba-hamba-Mu,
para nabi dan orang salih,
serta manusia kecil dan besar
yang takut akan Nama-Mu.
Dan Engkau membinasakan mereka
yang membinasakan bumi.’

[19] Kemudian rumah ibadat Allah dibuka di syurga, dan kelihatanlah tabut perjanjian-Nya, diiringi kilat, pelbagai suara, guruh, gempa dan hujan batu yang dahsyat.

12 *Perempuan dan naga*

[1] Suatu alamat besar kelihatan di langit: Seorang perempuan yang berpakaian matahari, bulan di bawah kakinya dan dua belas bintang terkalung menghiasi kepalanya. [2] Dia sedang hamil dan sudah sampai waktunya untuk melahirkan anak, maka dia berteriak kesakitan. [3] Lantas suatu alamat muncul di langit: seekor naga merah yang amat besar, berkepala tujuh bertanduk sepuluh, setiap kepalanya bermahkota. [4] Naga itu mengheret sepertiga bintang di langit dengan ekornya dan menghumbankannya ke bumi. Ia menunggu di hadapan perempuan yang hendak bersalin untuk menelan anaknya sebaik-baik dia lahir. [5] Kemudian perempuan itu melahirkan seorang anak lelaki yang akan memerintah segala bangsa dengan perkasa. Dan anak itu dibawa ke hadirat Allah dan takhta-Nya. [6] Perempuan itu lari ke gurun, ke tempat yang memang ditentukan Allah untuknya. Dia dijaga di situ selama seribu dua ratus enam puluh hari.

Naga dikalahkan

[7] Kemudian perang tercetus di syurga. Mikail dengan malaikat-malaikatnya berperang dengan naga dan malaikat-malaikatnya. [8] Naga itu tewas dalam peperangan. Ia dan malaikat-malaikatnya tidak dibenarkan tinggal di syurga lagi. [9] Dengan demikian tersingkirlah naga besar itu, ular purba yang bernama Iblis atau Syaitan, yang memperdaya umat manusia. Ia dan semua malaikatnya dibuang ke bumi.

Nyanyian kemenangan

[10] Kemudian aku mendengar suara lantang berkata di syurga,
‘Sekarang penyelamatan, kekuatan, kerajaan
Allah Tuhan kita,
dan kuasa al-Masih-Nya telah tiba;
kerana penuduh saudara-saudara kita,
yang telah menuduh mereka siang
malam di hadapan Allah Tuhan kita
telah disingkirkan.
[11] Mereka telah menumpaskannya dengan
darah Anak Domba
dan dengan kata-kata kesaksian mereka,
dan mereka tidak menyayangi nyawa
sendiri hingga mati.
[12] Oleh itu bergembiralah wahai syurga
dan kamu semua yang tinggal
di dalamnya!
Tetapi malanglah penduduk bumi dan laut!
Iblis telah turun kepadamu,
dalam keadaan sangat berang,
kerana ia tahu masanya sudah singkat.’

Naga memburu perempuan

[13] Apabila naga itu sedar ia telah dibuang ke bumi, ia pun menganiayai perempuan yang melahirkan anak lelaki itu. [14] Tetapi perempuan itu diberi sepasang sayap helang besar untuk terbang ke tempatnya di gurun. Di situ dia dijaga selama tiga tahun setengah jauh dari mata naga itu. [15] Naga itu menyemburkan air dari mulutnya seperti air bah untuk menghanyutkan perempuan itu. [16] Tetapi bumi membantu perempuan itu dengan membuka mulutnya dan menelan air bah yang disemburkan oleh naga itu. [17] Naga itu amat marah terhadap perempuan itu lalu pergi memerangi anak-anaknya yang lain, yang taat kepada perintah Allah dan mempunyai kesaksian Isa al-Masih.

13 [1] Kemudian aku berdiri di atas pasir di tepi laut. Aku melihat seekor binatang keluar dari dalam laut, bertanduk sepuluh berkepala tujuh. Di setiap tanduk terletak mahkota dan di setiap kepala tertulis nama kufur. [2] Binatang itu kelihatan seperti harimau bintang tetapi kakinya seperti kaki beruang dan mulutnya seperti mulut singa. Naga itu memberi binatang itu kuasa dan takhtanya serta kekuasaan yang besar. [3] Di salah satu kepala binatang itu terdapat seolah-olah pernah luka parah yang membawa maut tetapi telah sembuh. Seluruh penghuni dunia mengagumi dan mengikut binatang itu. [4] Mereka menyembah naga yang telah memberikan kekuasaannya kepada binatang itu, dan mereka menyembah binatang itu sambil berkata, ‘Siapakah yang setanding dengan binatang ini? Siapakah yang dapat memeranginya?’

[5] Binatang itu diberi mulut untuk melafazkan hal-hal besar dan kufur, serta diberi kekuasaan melakukannya selama empat puluh dua bulan. [6] Ia pun membuka mulutnya lalu mengkufuri Allah, nama Allah, tempat Allah bersemayam dan semua penghuni syurga.

[7] Binatang itu dibenarkan memerangi dan menewaskan orang salih, serta diberi kekuasaan ke atas semua suku, kaum, bahasa dan bangsa. [8] Binatang itu akan disembah oleh semua di bumi yang sejak dunia dicipta namanya tidak tersenarai di dalam Kitab Hidup milik Anak Domba yang telah disembelih.

[9] Sesiapa yang bertelinga, dengarlah.

[10] Orang yang harus ditawan
pasti akan ditawan kelak.
Orang yang harus dibunuh dengan
pedang pasti akan dibunuh
dengan pedang juga.
Oleh itu orang salih harus tabah dan beriman.

Binatang yang keluar dari dalam bumi

[11] Kemudian aku melihat seekor lagi binatang buas muncul dari bumi, bertanduk dua seperti anak domba dan bertutur seperti naga. [12] Binatang kedua itu menjalankan segala kekuasaan binatang pertama di hadapannya, dan menyuruh bumi serta semua penghuninya menyembah binatang yang telah sembuh daripada luka parah yang membawa maut itu. [13] Binatang kedua itu mengadakan beberapa alamat yang hebat, termasuk menurunkan api dari langit ke atas bumi di hadapan umat manusia. [14] Dengan alamat-alamat yang dapat diadakannya di hadapan binatang pertama itu, binatang kedua memperdaya sekalian penghuni bumi, dan menyuruh mereka membuat patung binatang yang dilukai pedang tetapi lukanya itu pulih. [15] Binatang kedua itu diberi kuasa untuk meniupkan nyawa ke dalam patung binatang pertama itu, supaya patung itu dapat berkata-kata dan menyebabkan semua yang enggan menyembahnya dibunuh. [16] Ia memaksa semua manusia, kecil besar, kaya miskin, orang merdeka dan hamba abdi, menerima suatu tanda pada tangan kanannya atau dahinya, [17] dan seorang pun tidak dibenarkan berjual beli kecuali ada padanya tanda atau nama binatang buas itu, atau angka namanya.

[18] Di sini terletak kebijaksanaan. Sesiapa yang mengerti, kirakanlah angka binatang itu, kerana angka itu angka seorang manusia, dan angka itu 666.

14 *Anak Domba dan pengikut-Nya*

[1] Kemudian tiba-tiba aku melihat Anak Domba berdiri di puncak Gunung Sion, dan bersamanya seratus empat puluh empat ribu orang dengan nama-Nya dan nama Bapa-Nya tertulis di atas dahi mereka. [2] Aku mendengar suara dari syurga, seperti bunyi air menderu, dan seperti bunyi guruh yang kuat, dan suara yang kudengar itu seperti bunyi daripada pemain-pemain memetik kecapi. [3] Mereka menyanyikan suatu nyanyian yang terasa baru di hadapan takhta, empat makhluk dan para tua-tua. Tiada siapapun dapat mempelajari nyanyian itu kecuali seratus empat puluh empat ribu orang yang ditebus dari bumi. [4] Mereka ini tidak pernah menajiskan diri dengan perempuan kerana mereka menjaga kesucian mereka. Mereka mengikut Anak Domba ke mana-mana Dia pergi. Mereka telah ditebus dari kalangan manusia, sebagai persembahan hasil pertama bagi Allah dan Anak Domba. [5] Mulut mereka tiada kata-kata bohong, dan mereka tiada cacat cela.

Tiga malaikat

[6] Kemudian aku melihat satu lagi malaikat terbang di tengah langit, membawa Injil yang kekal untuk diajarkan kepada penghuni bumi dan kepada setiap bangsa, suku, bahasa dan kaum. [7] Katanya dengan suara lantang, ‘Takutilah Allah dan muliakan Dia, kerana sudahlah sampai saat penghakiman-Nya; dan sembahlah Dia yang menjadikan langit dan bumi, laut dan mata air.’

[8] Satu lagi malaikat mengikutnya, sambil berkata, ‘Babel telah runtuh, telah runtuh, kota yang besar itu telah memberi semua bangsa minum air anggur kemurkaan Allah terhadap pencabulan mereka.’

[9] Mereka diikut oleh satu lagi malaikat yang berkata dengan suara lantang, ‘Jika sesiapa menyembah binatang itu dan patungnya, dan menerima tandanya di atas dahi atau tangan, [10] dia juga akan minum air anggur kemurkaan Allah, yang dituangkan tanpa ditambah air ke dalam cawan murka-Nya itu. Dia akan dikenakan azab api dan belerang di hadapan para malaikat yang suci dan di hadapan Anak Domba.’ [11] Asap api yang menyeksanya itu akan naik berkepul-kepul selama-lamanya. Mereka tidak akan berehat siang malam, kerana mereka menyembah binatang itu dan patungnya serta menerima tanda namanya.’ [12] Di sinilah terletak kesabaran dan keyakinan orang salih yang mengikut perintah Allah serta beriman kepada Isa.

[13] Aku mendengar suara dari syurga berkata, ‘Tuliskanlah: Dari saat ini diberkatilah semua orang

yang mati dalam Tuhan.'

'Ya,' kata Roh, 'supaya mereka dapat berehat daripada penat lelah, dan hasil usaha mereka menyertai mereka.'

Tuaian di bumi

14 Tiba-tiba aku melihat awan putih dan di atasnya duduk seorang yang rupanya seperti putera
insan, bermahkota emas dan memegang sabit yang tajam. 15 Muncul satu lagi malaikat dari rumah
ibadat sambil berseru lantang kepada Dia yang duduk di atas awan, 'Gunakanlah sabitmu, tuailah,
kerana sudah sampai waktunya Engkau menuai; tuaian dunia sudah masak.' 16 Lalu Dia yang duduk
di atas awan itu mengayunkan sabit-Nya ke atas bumi, dan bumi pun dituai.

17 Kemudian satu lagi malaikat keluar dari rumah ibadat yang di syurga, juga membawa sabit
tajam. 18 Menyusul pula malaikat lain yang keluar dari mazbah dan menguasai api, sambil berseru
nyaring kepada yang memegang sabit tajam, 'Gunakanlah sabit-Mu yang tajam itu, kumpulkan segala
gugusan anggur di bumi, kerana anggurnya sudah cukup masak.' 19 Maka malaikat itu menggunakan
sabitnya untuk mengumpulkan gugusan anggur di bumi, dimasukkannya ke dalam irikan besar
kemurkaan Allah. 20 Irikan itu diinjak di luar kota, lalu darah mengalir keluar, setinggi kekang kuda dan
sejauh dua ratus batu.

15 *Nyanyian mereka yang menang*

1 Aku melihat pula di langit suatu alamat lagi, yang besar dan ajaib, iaitu tujuh malaikat membawa
tujuh wabak terakhir, maka dengannya selesailah kemurkaan Allah. 2 Kulihat seakan-akan laut kaca
bercampur api. Mereka yang menang menghadapi dugaan binatang itu, patungnya, tandanya dan
angka namanya, berdiri di atas laut kaca itu memegang kecapi Allah. 3 Mereka menyanyikan nyanyian
Musa, hamba Allah, dan nyanyian Anak Domba:

'Agung dan ajaib pekerjaan-Mu,
Allah Tuhan Maha Kuasa!
Benar dan adil setiap jalan-Mu,
Ya Raja segala bangsa!
4 Siapakah yang tidak takut kepada-Mu,
Ya Tuhan,
dan memuliakan nama-Mu?
Kerana hanya Engkaulah Yang Maha Suci.
Semua bangsa akan datang
dan sujud menyembah-Mu,
kerana penghakiman-Mu telah ternyata.'

5 Setelah itu aku melihat pula dan ternampak tempat suci dalam khemah kesaksian di syurga
terbuka. 6 Dari tempat suci itu keluarlah tujuh malaikat yang membawa tujuh wabak itu, berpakaian
suci murni berseri-seri, dada mereka dililiti pending emas. 7 Kemudian salah satu daripada empat
makhluk itu memberi tujuh malaikat itu tujuh mangkuk emas dipenuhi kemurkaan Allah yang hidup
selama-lamanya. 8 Rumah ibadat Allah dipenuhi asap daripada kemuliaan dan kuasa-Nya dan tiada
siapa dapat memasukinya hingga tujuh wabak yang dibawa oleh tujuh malaikat itu selesai.

16 *Tujuh mangkuk kemurkaan Allah*

1 Kemudian aku mendengar suara lantang dari dalam rumah ibadat Allah,

berkata kepada tujuh malaikat itu, 'Pergi tuangkan kemurkaan Allah di dalam mangkuk itu ke
bumi.'

2 Oleh itu malaikat pertama pergi, mencurahkan isi mangkuknya ke tanah, lalu tumbuh pekung
yang busuk dan menjijikkan pada orang yang mempunyai tanda binatang itu dan orang yang
menyembah patungnya.

3 Kemudian malaikat kedua mencurahkan isi mangkuknya ke laut lalu menjadi darah seperti darah

orang mati, maka setiap makhluk di laut itu mati.

[4] Kemudian malaikat ketiga mencurahkan isi mangkuknya ke sungai dan mata air, lalu bertukar
airnya menjadi darah. [5] Aku mendengar malaikat perairan itu berkata:

‘Engkau adil, Ya Tuhan,

kerana Engkau telah menghakimi

hal-hal ini,

Engkau yang suci,

yang ada sekarang, dan ada dahulu,

dan yang akan datang,

[6] Mereka telah menumpahkan darah

orang salih dan nabi-nabi,

maka Engkau memberi mereka

minum darah,

suatu hukuman yang setimpal.’

[7] Aku mendengar suatu suara lagi dari mazbah berkata,

‘Sememangnya, Allah Tuhan Maha Kuasa,

penghakiman-Mu benar dan adil.’

[8] Kemudian malaikat keempat mencurahkan isi mangkuknya ke atas matahari, dan dia diberi kuasa
menghanguskan manusia dengan api. [9] Manusia dihanguskan dengan darjah kepanasan yang amat
tinggi, lalu mereka mengkufuri nama Allah yang menguasai wabak-wabak itu. Mereka tidak bertaubat
dan tidak memuliakan-Nya.

[10] Kemudian malaikat kelima mencurahkan isi mangkuknya ke atas takhta binatang itu, lalu
kerajaannya diselaputi kegelapan, dan mereka menggigit lidah kerana kesakitan. [11] Mereka mengkufuri
Allah yang memerintah syurga kerana kesakitan dan pekung di tubuh mereka. Mereka tidak bertaubat
daripada perbuatan mereka.

[12] Kemudian malaikat keenam mencurahkan isi mangkuknya ke dalam sebatang sungai besar,
iaitu Efrat, lantas airnya kering kontang, untuk menyediakan jalan bagi raja-raja dari Timur. [13] Aku
melihat tiga roh durjana seperti rupa katak keluar dari mulut naga itu, dari mulut binatang itu, dan dari
mulut nabi palsu. [14] Mereka itu roh-roh iblis, dan mereka melakukan pelbagai alamat, yang sampai
kepada raja-raja di seluruh dunia untuk menghimpunkan mereka bagi peperangan pada hari Allah
Yang Maha Kuasa.

[15] Lihatlah, aku datang seperti pencuri tidak disedari. Diberkatilah orang yang berwaspada, dan
menjaga pakaiannya, supaya dia tidak berjalan dan dilihat orang dalam keadaan telanjang lalu
mendapat malu.

[16] Dia menghimpunkan raja-raja itu ke tempat yang disebut Harmagedon dalam bahasa Ibrani.

[17] Kemudian malaikat yang ketujuh mencurahkan isi mangkuknya ke udara, lalu kedengaran suara
lantang dari rumah ibadat Allah di syurga, dari takhta, berkata, ‘Telah selesai!’ [18] Kedengaran pelbagai
bunyi serta guruh dan kilat sabung-menyabung. Juga berlaku gempa bumi yang paling dahsyat dalam
sejarah manusia zaman-berzaman. [19] Ketika itu kota besar itu terbelah tiga, dan kota bangsa asing
habis runtuh. Babel yang agung juga tidak ketinggalan menerima mangkuk air anggur kemurkaan
Allah. [20] Kemudian setiap pulau lenyap dan gunung tidak ditemui lagi. [21] Hujan batu besar yang
seratus paun beratnya turun dari langit menimpa manusia. Mereka mengkufuri Allah kerana bencana
hujan batu yang dahsyat itu.

17 *Penghakiman atas Babel*

[1] Kemudian salah satu daripada tujuh malaikat yang membawa tujuh mangkuk emas itu datang
kepadaku dan berkata, ‘Mari, kutunjukkan hukuman ke atas pelacur besar yang duduk di atas air
yang banyak, [2] dan yang berzina dengan raja-raja dunia; penghuni bumi mabuk dengan air anggur
pencabulannya.’

[3] Malaikat itu membawaku dalam Roh ke gurun. Aku melihat seorang wanita duduk di atas seekor binatang buas yang berwarna merah dan penuh dengan nama-nama kufur. Binatang itu berkepala tujuh dan bertanduk sepuluh. [4] Perempuan itu berpakaian ungu dan merah, dihiasi emas permata serta mutiara, tangannya memegang cawan emas yang penuh dengan kelucahan dan kecemaran perzinaannya. [5] Di atas dahinya tertulis:

'Rahsia,
Babel Yang Agung,
Ibu Segala Pelacur Dan Kelucahan Di Bumi.'

[6] Aku melihat perempuan itu, mabuk dengan darah orang salih dan darah saksi Isa.

Apabila aku melihat perempuan itu, aku hairan tercengang. [7] Tetapi malaikat itu berkata kepadaku, 'Mengapa kamu hairan tercengang? Aku akan menceritakan rahsia di sebalik perempuan itu dan binatang yang ditunggangnya, yang berkepala tujuh dan bertanduk lapan. [8] Binatang yang kamu lihat itu pernah wujud tetapi tidak wujud lagi dan akan keluar dari jurang yang tidak terduga dalamnya lalu menuju kebinasaan. Penghuni bumi yang tidak tersenarai namanya di Kitab Hidup dari permulaan dunia akan tercengang melihat binatang yang pernah wujud dan sekarang tidak wujud lagi tetapi kemudian akan muncul lagi.

[9] 'Inilah fikiran yang mempunyai kebijaksanaan. Tujuh kepala itu adalah tujuh gunung tempat perempuan itu tinggal. [10] Juga ada tujuh orang raja. Lima orang telah runtuh kerajaannya, satu masih bertakhta dan seorang lagi belum muncul. Datangnya nanti hanya untuk seketika. [11] Binatang yang pernah wujud dan yang tidak wujud lagi itu adalah raja yang kelapan, dan asalnya daripada yang ketujuh. Ia juga akan menuju kebinasaan.

[12] 'Sepuluh tanduk yang kamu lihat itu bererti sepuluh orang raja yang belum mendapat kerajaan lagi, tetapi mereka menerima kekuasaan sebagai raja bersama dengan binatang itu selama sejam. [13] Mereka sepakat dan akan menyerahkan kuasa dan kekuasaan mereka kepada binatang itu. [14] Mereka akan memerangi Anak Domba, dan Anak Domba akan menumpaskan mereka, kerana Dialah Junjungan segala junjungan dan Raja segala raja. Orang yang dipanggil, dipilih serta setia ada bersama Dia.'

[15] Malaikat itu berkata kepadaku, 'Air yang kamu lihat di tempat pelacur itu duduk adalah kaum, orang ramai, bangsa dan bahasa. [16] Binatang dan sepuluh tanduknya yang kamu lihat itu akan membenci pelacur itu, dan membuatnya terlantar serta telanjang, lalu memakan dagingnya dan membakarnya dengan api. [17] Allah telah menggerakkan hati mereka, untuk menunaikan kehendak-Nya, supaya sepakat dan menyerahkan kerajaan mereka kepada binatang itu hingga berlaku segala firman Allah. [18] Perempuan yang kamu lihat itu adalah kota agung yang menguasai semua raja di bumi ini.'

18 *Kejatuhan Babel*

[1] Selepas segala ini, aku melihat satu lagi malaikat turun dari syurga, dengan kekuasaan besar, dan bumi diterangi oleh kemuliaannya. [2] Dia berseru dengan suara yang lantang dan hebat,

'Babel yang agung telah runtuh, telah runtuh,
dan telah menjadi tempat kediaman
roh-roh durjana,
penjara bagi setiap roh durjana,
sangkar bagi setiap burung yang jijik
dan dibenci!
[3] Semua bangsa telah minum air anggur
hawa nafsunya yang cabul.
Raja-raja dunia telah berzina dengannya,
dan saudagar-saudagar dunia telah

menjadi kaya-raya
dari kemewahannya yang
melimpah-limpah.'
4 Aku mendengar satu suara lagi dari syurga berkata,
'Keluarlah daripadanya, hai kaumku,
supaya kamu tidak bersubahat
dengan dosanya
dan tidak ditimpa wabaknya.
5 Segala dosanya telah sampai ke syurga
dan Allah ingat akan kejahatannya.
6 Perlakukan dia sebagaimana dia telah memperlakukanmu,
dan balas perbuatannya dua kali ganda.
Dalam cawan yang telah dibancuhnya,
bancuh dua kali ganda.
7 Sebagaimana dia telah memuliakan dirinya dan hidup mewah,
sebanyak itulah diberikan dia kesengsaraan dan kesedihan;
kerana dalam hatinya dia berkata,
"Aku bersemayam sebagai ratu,
aku bukan balu,
dan tidak akan mengalami kesedihan."
8 Oleh itu pelbagai bencana akan menimpanya dalam satu hari sahaja,
kematian dan ratapan serta kebuluran.
Dia akan hangus dibakar dengan api,
kerana Allah Tuhan yang menghakiminya amat perkasa.
9 'Raja-raja dunia yang berzina dan hidup mewah dengannya akan menangis dan meratapinya
apabila mereka melihat asap api yang membakarnya. 10 Sambil berdiri jauh kerana takut akan
kesengsaraannya, mereka berkata,
' "Aduhai, sengsaranya,
kota Babel yang agung!
Dalam sejam sahaja hukuman telah menimpamu."
11 'Saudagar-saudagar dunia akan menangis dan meratapinya, kerana tiada siapa membeli dagangan
mereka lagi— 12 dagangan emas, perak, permata dan mutiara, kain khasah, kain ungu, kain sutera
dan kain kesumba, setiap jenis kayu yang harum baunya, segala bekas daripada gading, kayu indah,
tembaga, besi dan batu marmar, 13 juga kayu manis, rempah-ratus, setanggi, minyak wangi, dupa, air
anggur, minyak zaitun, tepung halus, gandum, dan lembu, domba, kuda, kenderaan abdi, serta
manusia.
14 'Mereka akan berkata, "Buah-buahan yang diidami oleh hati jiwamu telah lenyap dari matamu,
dan segala benda yang mewah serta hebat telah terlepas dari tanganmu, dan kamu tidak akan
mendapatkannya lagi." 15 Saudagar-saudagar yang menjual segala dagangan itu, yang telah menjadi
kaya-raya kerananya, akan berdiri jauh kerana takut akan kesengsaraannya, sambil menangis dan
meratap. 16 Mereka akan berkata,
' "Aduhai, sengsaranya,
kota yang agung itu,
yang memakai kain khasah,
kain ungu dan kain kesumba,

serta dihiasi emas permata dan mutiara!

17 Dalam sejam sahaja segala kemewahan itu lenyap sama sekali.”

‘Setiap nakhoda, pelayar, kelasi dan saudagar di laut, berdiri jauh. 18 Mereka menangis melihat asap api yang membakarnya, sambil berkata, “Kota manakah yang setanding dengan kota agung ini?” 19 Mereka meletakkan debu ke atas kepala mereka sambil berseru dengan ratap tangisnya,

‘ “Aduhai, sengsaranya, kota yang

agung itu,

yang kekayaannya telah memperkaya setiap penduduknya

yang memiliki kapal di laut!

Dalam sejam sahaja ia telah kehilangan

segala-galanya.

20 Bergembiralah melihat keadaannya,

wahai syurga dan sekalian orang salih,

para rasul serta nabi yang suci,

kerana Allah telah menghukumnya

kerana perbuatannya terhadapmu!” ’

21 Kemudian malaikat yang gagah perkasa mengangkat batu yang besarnya seperti batu kisar rupanya lalu melontarkannya ke dalam laut sambil berkata,

‘Demikianlah, dengan dahsyatnya,

kota Babel yang agung akan dilenyapkan,

dan tidak akan ditemui lagi.

22 Bunyi orang bermain kecapi,

suling, serunai dan pelbagai alat muzik

tidak akan kedengaran lagi di dalammu.

Ahli-ahli seni pertukangan tidak akan

terdapat lagi di dalammu.

Bunyi batu kisar tidak akan didengar lagi

di dalammu.

23 Cahaya lampu tidak akan bersinar lagi di dalammu.

Suara pasangan pengantin tidak akan kedengaran lagi

di dalammu.

Saudagar-saudagarmu dahulu orang besar-besar di dunia,

kerana dengan kuasa sihirmu semua bangsa telah terpedaya.

24 Di dalamnya telah didapati darah

para nabi dan orang salih,

serta semua yang telah dibunuh

di bumi ini.’

19 *Nyanyian segala puji bagi Allah*

1 Setelah itu aku mendengar suara orang yang amat banyak di syurga berseru lantang,

‘Segala puji bagi Allah!

Penyelamatan dan kemuliaan

dan kuasa bagi Allah Tuhan kita!

[2] Kerana segala penghakiman-Nya benar dan adil,
kerana Dia telah menghakimi pelacur besar
yang telah mencemarkan dunia
dengan perzinaannya;
dan Dia telah menghukumnya kerana menumpahkan darah
hamba-hamba-Nya!'
[3] Mereka berkata lagi,
'Segala puji bagi Allah!
Asap api yang membakarnya naik menjulang
selama-lamanya!'
[4] Dua puluh empat orang tua-tua dan empat makhluk itu pun sujud menyembah Allah yang bersemayam di atas takhta sambil berkata,
'Amin! Segala puji bagi Allah!'
[5] Kemudian kedengaran suara dari takhta berkata,
'Pujilah Allah Tuhan kita,
hai kamu sekalian hamba-Nya
dan orang yang takut akan Dia,
baik yang kecil mahupun yang besar!'
[6] Kemudian aku mendengar bunyi seperti suara orang yang sangat banyaknya, seperti deru air dan bunyi guruh yang amat hebat, berkata,
'Segala puji bagi Allah!
Kerana Allah Tuhan Yang Maha Kuasa sedang bertakhta!
[7] Bergembira dan bersukacitalah serta muliakan Dia,
kerana saat perkahwinan Anak Domba
telah tiba,
dan isteri-Nya sudah menyediakan dirinya.
[8] Isterinya diberi kain khasah yang halus,
suci berseri-seri untuk dipakai.'
(Kain khasah yang halus melambangkan segala perbuatan benar yang dilakukan oleh orang salih.)
[9] Kemudian dia berkata kepadaku, 'Tulislah: Berbahagialah mereka yang dijemput ke jamuan kahwin Anak Domba!' Katanya lagi kepadaku, 'Inilah firman Allah yang benar.'
[10] Aku sujud di kakinya untuk menyembahnya, tetapi dia berkata, 'Jangan buat begitu! Aku hamba Allah sepertimu, dan seperti saudara-saudaramu yang memiliki kesaksian Isa. Sembahlah Allah! Kesaksian Isa itu roh nubuat.'

Kedatangan al-Masih

[11] Kemudian aku melihat syurga terbuka, dan kelihatan seekor kuda putih. Dia yang menunggangnya dipanggil Setia dan Benar, dan dengan keadilan Dia menghakimi serta memerangi. [12] Mata-Nya seperti nyala api, dan di atas kepala-Nya terletak mahkota yang banyak. Ada satu nama tertulis padanya, yang tidak diketahui oleh sesiapapun selain Dia. [13] Dia memakai jubah berpercikan darah dan nama-Nya Firman Allah. [14] Segala tentera syurga, berpakaian kain khasah halus yang putih bersih, menunggang kuda putih mengiringi-Nya. [15] Sekarang dari mulut-Nya keluar pedang yang tajam untuk diparangkan kepada segala bangsa. Dia sendiri akan memerintah mereka dengan tongkat besi. Dia sendiri menginjak irikan kemurkaan Allah Maha Kuasa. [16] Pada jubah dan paha-Nya tertulis nama:

'RAJA SEGALA RAJA, JUNJUNGAN SEGALA JUNJUNGAN'.

17 Kemudian aku melihat malaikat berdiri di matahari, berseru lantang kepada burung-burung yang
terbang di udara, ‘Marilah berhimpun untuk makan malam Allah Yang Maha Besar! 18 Kamu akan
makan daging raja, panglima, orang berkuasa, kuda dan penunggangnya, dan semua orang, baik
hamba mahupun merdeka, baik kecil mahupun besar.’

19 Aku melihat binatang itu, raja-raja dunia dan tentera mereka berhimpun untuk memerangi Dia
yang berkuda itu serta tentera-Nya. 20 Kemudian binatang itu ditawan, dan bersamanya nabi palsu
yang mengadakan pelbagai alamat di hadapannya dan dengan demikian memperdaya orang yang
telah menerima tanda binatang itu serta orang yang menyembah patungnya. Kedua-duanya
dihumbankan hidup-hidup ke dalam lautan api yang menyala dengan belerangnya. 21 Yang lain
dibunuh dengan pedang yang keluar daripada Dia yang berkuda. Burung-burung kenyang makan
daging mereka.

20 *Kerajaan seribu tahun*

1 Kemudian aku melihat malaikat turun dari syurga, tangannya memegang kunci jurang serta rantai
yang besar. 2 Dia menangkap naga, ular purba itu, iaitu Iblis atau Syaitan, lalu mengikatnya selama
seribu tahun. 3 Dia menghumbankannya ke dalam jurang itu, dan menutupnya serta memateraikannya,
supaya ia tidak dapat lagi memperdaya umat manusia hingga tamat tempoh seribu tahun. Selepas itu
ia akan dilepaskan seketika.

4 Aku melihat beberapa takhta, lantas orang duduk di atasnya dan diberi kuasa sebagai hakim.
Aku melihat roh-roh orang yang telah dipancung kepala kerana memberikan kesaksian tentang Isa al-
Masih dan firman Allah, yang tidak menyembah binatang itu atau patungnya, dan tidak menerima
tandanya di dahi atau di tangan. Mereka itu hidup dan memerintah bersama al-Masih selama seribu
tahun. 5 Tetapi orang mati yang lain tidak hidup semula hingga genap masa seribu tahun itu. Inilah
kebangkitan yang pertama. 6 Diberkatilah dan sucilah mereka yang dapat menyertai kebangkitan
pertama. Kematian kedua tiada kuasa atas mereka. Mereka akan menjadi imam Allah dan al-Masih,
dan akan memerintah di sisi-Nya selama seribu tahun.

Iblis ditewaskan

7 Setelah tamat tempoh seribu tahun itu, Iblis akan dibebaskan dari kurungan. 8 Dia akan keluar
untuk menipu bangsa-bangsa di empat penjuru bumi, Gog dan Magog, dan mengumpulkan mereka
untuk berperang. Bilangan mereka seperti pasir di tepi laut. 9 Mereka naik ke seluruh bumi dan
mengepung khemah orang salih serta kota yang dikasihi itu. Lalu Allah menurunkan api dari syurga
serta menghanguskan mereka. 10 Iblis yang telah memperdaya mereka itu terus dihumbankan ke
dalam lautan api dan belerang, tempat binatang dan nabi palsu telah dicampakkan. Mereka akan
diseksa siang malam selama-lamanya.

Orang mati dihakimi

11 Kemudian aku melihat sebuah takhta yang besar berwarna putih dan Dia yang bersemayam di
atasnya. Bumi dan langit lenyap menghilang dari hadirat-Nya dan tiada lagi tempat bagi kedua-
duanya. 12 Aku melihat orang mati, kecil dan besar, berdiri di hadapan Allah, dan kitab-kitab dibuka.
Sebuah kitab lagi dibuka, iaitu Kitab Hidup. Orang mati itu dihakimi menurut perbuatan mereka,
berdasarkan segala yang tersurat di dalam kitab-kitab itu. 13 Laut menyerahkan orang mati yang di
dalamnya; Maut dan Alam Maut menyerahkan orang mati yang di dalamnya. Semuanya dihakimi,
menurut perbuatan masing-masing. 14 Kemudian Maut dan Alam Maut dihumbankan ke dalam lautan
api. Inilah kematian kedua iaitu kematian di lautan api. 15 Semua manusia yang tidak tertulis namanya
di dalam Kitab Hidup dicampakkan ke dalam lautan api.

21 *Langit baru dan bumi baru*

1 Aku melihat langit baru dan bumi baru, kerana langit dan bumi yang lama telah lenyap, dan laut pun
tiada lagi. 2 Kemudian aku, Yahya, melihat kota suci, Baitulmaqdis Baru, diturunkan Allah dari syurga,
seperti pengantin yang terhias untuk suaminya. 3 Aku mendengar suara lantang dari syurga berkata,
‘Lihatlah, tempat kediaman Allah sekarang berserta manusia, dan Dia akan tinggal bersama mereka,
dan mereka akan menjadi umat-Nya, dan Allah Sendiri akan bersama mereka sebagai Allah Tuhan
mereka. 4 Allah akan menghapuskan setiap titik air mata mereka. Tiadalah lagi kematian, kesedihan

dan tangisan. Tiada lagi kesakitan, kerana segala yang lama telah lenyap.

5 Kemudian Dia yang bersemayam di atas takhta berkata, ‘Lihatlah, Aku telah mencipta segalanya
baru.’ Dia berfirman kepadaku, ‘Tuliskanlah, kerana kata-kata ini benar dan tepat.’

6 Firman-Nya lagi, ‘Segalanya telah selesai! Akulah Alif dan Ya, Yang Pertama dan Yang
Terakhir. Aku akan memberikan mata air hidup kepada sesiapa yang dahaga. 7 Sesiapa yang menang
akan mewarisi segala-galanya. Aku Allah Tuhannya dan dia anak-Ku. 8 Tetapi mereka yang pengecut,
tidak beriman, durjana, pembunuh, melakukan pencabulan, ahli sihir, penyembah berhala dan semua
pendusta akan dimasukkan ke dalam lautan yang menyala dengan api dan belerang. Inilah kematian
kedua.

9 Kemudian salah satu daripada tujuh malaikat yang membawa tujuh mangkuk berisi tujuh wabak
datang kepadaku dan berkata, ‘Marilah, aku akan menunjukkan kepadamu pengantin, isteri Anak
Domba.’

Baitulmaqdis yang baru

10 Dia membawaku dalam Roh ke sebuah gunung yang besar dan tinggi, lalu menunjukkan
kepadaku kota yang agung, Baitulmaqdis Yang Suci, diturunkan Allah dari syurga, 11 dipenuhi
kemuliaan Allah. Cahayanya seperti batu yang amat berharga, batu yaspis, jernih seperti
hablur. 12 Kota itu besar dan tinggi, dan berpintu dua belas, maka pada kedua-dua belas pintu itu ada
dua belas malaikat. Di pintu itu tersurat nama kedua-dua belas suku Israel. 13 Di timur ada tiga pintu,
di utara tiga pintu, di selatan tiga pintu, dan di barat tiga pintu. 14 Tembok kota itu beralas dua belas,
dan di atasnya ada dua belas nama, iaitu nama dua belas rasul Anak Domba.

15 Malaikat yang bertutur denganku itu memegang batang pengukur emas, untuk mengukur kota
itu termasuk pintu dan temboknya. 16 Kota itu empat persegi, panjangnya sama dengan lebarnya. Dia
mengukur kota itu dengan batang pengukur, seribu empat ratus batu; panjang, lebar dan tingginya
sama. 17 Temboknya seratus empat puluh empat hasta, menurut ukuran manusia, juga ukuran
malaikat. 18 Tembok itu diperbuat daripada batu yaspis. Kota itu daripada emas tulen, seperti kaca
yang jernih. 19 Segala alas tembok kota itu dihiasi dengan pelbagai permata. Alas yang pertama
yaspis, yang kedua batu nilam, yang ketiga batu akik putih, yang keempat zamrud, 20 yang kelima
batu unam, yang keenam akik merah, yang ketujuh ratna cempaka, yang kelapan firuz, yang
kesembilan yakut kuning, yang kesepuluh akik hijau, yang kesebelas nilam, dan yang kedua belas
batu kecubung. 21 Dua belas pintu itu diperbuat daripada dua belas mutiara, iaitu setiap pintu itu
sebutir mutiara yang sangat besar. Jalan di kota itu diperbuat daripada emas tulen, seperti kaca yang
bening.

22 Aku tidak melihat rumah ibadat di dalamnya, kerana Allah, Tuhan Yang Maha Kuasa dan Anak
Domba ialah rumah ibadatnya. 23 Kota itu tidak memerlukan sinaran matahari dan bulan, kerana
kemuliaan Allah meneranginya dan Anak Domba itu pelitanya. 24 Semua bangsa berjalan dalam
cahayanya, dan raja-raja di bumi membawa kemuliaan mereka ke dalamnya. 25 Pintu gerbangnya
tidak pernah ditutup pada siang hari kerana malam tiada lagi. 26 Kemuliaan dan kehormatan segala
bangsa akan dibawa ke dalamnya. 27 Tiada sekali-kali masuk ke dalamnya sesuatu yang najis atau
sesiapa yang melakukan perbuatan keji atau berdusta. Manusia yang masuk ke dalamnya hanyalah
yang tersurat namanya di dalam Kitab Hidup Anak Domba.

22 *Sungai air hidup*

1 Dia menunjukkan kepadaku sebatang sungai air hidup, jernih seperti hablur, mengalir dari takhta
Allah dan Anak Domba 2 di tengah-tengah kota itu. Di kiri kanan sungai itu terdapat pohon hidup, yang
berbuah dua belas jenis setiap bulan; daun-daunnya menyembuhkan umat manusia. 3 Segala yang
terlaknat tiada lagi. Takhta Allah dan Anak Domba ada di dalam kota itu, dan hamba-hamba-Nya
berbuat ibadat kepada-Nya. 4 Mereka melihat wajah-Nya, dan nama-Nya tersurat pada dahi
mereka. 5 Malam tiada lagi, dan cahaya pelita serta cahaya matahari tidak diperlukan lagi. Kerana
Allah Tuhan akan menerangi mereka dan sekaliannya bertakhta selama-lamanya.

6 Katanya kepadaku, ‘Ini kata-kata yang dapat dipercayai dan benar. Allah, Tuhan segala roh nabi-
nabi, telah menyuruh malaikat-malaikat-Nya menunjukkan dengan segera kepada hamba-hamba-Nya
apa yang akan terjadi.’

7 ‘Ingatlah, Aku akan datang dengan segera. Diberkatilah orang yang memeliharakan segala nubuat
di dalam kitab ini.’

8 Aku, Yahya, telah mendengar dan melihat segala hal itu. Apabila aku mendengar dan melihatnya,
aku sujud hendak menyembah malaikat yang menunjukkannya kepadaku. 9 Tetapi dia berkata
kepadaku, ‘Jangan buat begitu! Aku ini sesama hamba Allah sepertimu dan saudara-saudaramu, iaitu
nabi-nabi dan sekalian yang memeliharakan kata-kata di dalam kitab ini. Hanya Allah yang harus
kamu sembah.’

Berita yang terakhir

10 Katanya lagi kepadaku, ‘Janganlah kamu materaikan nubuat di dalam kitab ini, kerana masanya
sudah hampir tiba. 11 ‘Orang yang berbuat jahat, biarlah dia terus berbuat jahat. Orang yang cemar,
biarlah dia terus cemar. Orang yang benar, biarlah dia terus benar. Orang yang suci, biarlah dia terus
suci.’

12 ‘Ingatlah, aku akan datang dengan segera, dan ganjaran-Ku bersama-Ku, supaya setiap orang
mendapat balasan setimpal dengan perbuatannya. 13 Akulah Alif dan Ya, Yang Pertama dan Yang
Terakhir.

14 ‘Diberkatilah sekalian yang menyucikan pakaiannya, kerana mereka akan dapat menghampiri
pohon hidup dan masuk ke dalam kota itu melalui pintu gerbangnya. 15 Di luar terdapat anjing, ahli
sihir, orang yang cabul, pembunuh, penyembah berhala, dan semua yang menyukai dusta serta
menuturkannya.

16 ‘Aku, Isa, telah menyuruh malaikat-Ku memperlihatkan segala hal ini kepadamu untuk semua
jemaah. Akulah zuriat dan keturunan Daud, dan bintang fajar yang bersinar.’

17 Roh dan pengantin perempuan itu berkata, ‘Marilah’. Orang yang mendengar haruslah berkata,
‘Marilah.’ Orang yang dahaga haruslah datang. Sesiapa yang suka boleh mengambil air hidup itu
dengan percuma.

18 Aku bersaksi kepada setiap orang yang mendengar nubuat di dalam kitab ini, bahawa jika
sesiapa menambahkan apa-apa kepadanya, Allah akan menambahkan baginya segala wabak yang
tersurat di dalam kitab ini. 19 Dan jika sesiapa menggugurkan sepatah kata pun daripada nubuat ini,
Allah akan menggugurkan bahagiannya daripada pohon hidup dan kota suci seperti yang tersurat di
dalam kitab ini. 20 Yang bersaksi atas segala perkara ini berfirman, ‘Ya, Aku akan datang segera.’
Sesungguhnya, marilah Engkau, Ya Junjungan Isa. 21 Semoga kasih kurnia Junjungan Isa menyertai
sekalian orang salih. Amin.